JUZU' KE-21

SURAH AL-AHZAB

SURAH KE

33

سُورَةُ الأَحْزَاب

SURAH AL-AHZAB

Surah Tentera-tentera Gabungan

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT

73

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 8)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ ٱتَّقِ ٱللَّهَ وَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ
وَٱلْمُنَٰفِقِينَ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١﴾
وَٱتَّبِعْ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿٢﴾
وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿٣﴾

"Wahai Nabi! Bertaqwalah kepada Allah dan janganlah engkau ta'at kepada kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(1). Dan ikutilah segala apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(2). Dan berserahlah kepada Allah, dan cukuplah Allah menjadi Penjaga (kamu)."(3).

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِى جَوْفِهِۦ ۚ وَمَا جَعَلَ
أَزْوَٰجَكُمُ ٱلَّٰٓـِٔى تُظَٰهِرُونَ مِنْهُنَّ أُمَّهَٰتِكُمْ ۚ وَمَا
جَعَلَ أَدْعِيَآءَكُمْ أَبْنَآءَكُمْ ۚ ذَٰلِكُمْ قَوْلُكُم بِأَفْوَٰهِكُمْ ۖ
وَٱللَّهُ يَقُولُ ٱلْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِى ٱلسَّبِيلَ ﴿٤﴾
ٱدْعُوهُمْ لِءَابَآئِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِندَ ٱللَّهِ ۚ فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوٓا۟
ءَابَآءَهُمْ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَمَوَٰلِيكُمْ ۚ وَلَيْسَ
عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَآ أَخْطَأْتُم بِهِۦ وَلَٰكِن مَّا
تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥﴾

"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam rongga dadanya, dan Dia tidak menjadikan isteri-isteri kamu yang didziharkan kamu itu sebagai ibu-ibu kamu, dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkat kamu itu sebagai anak-anak kandung kamu sendiri. (Dakwaan-dakwaan itu) hanyalah perkataan-perkataan kamu yang keluar dari mulut kamu sahaja, sedangkan Allah menerangkan hakikat yang benar dan Dialah yang memberi hidayat ke jalan yang betul(4). Panggillah mereka (anak-anak angkat) dengan 'bin' bapa-bapa mereka yang sebenar. Itulah yang lebih adil di sisi Allah. Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, (maka panggillah mereka) sebagai saudara-saudara seagama kamu dan sebagai maula-maula kamu. Dan tiada apa-apa dosa di atas kamu dalam perkara yang kamu tersalah melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa) ialah perbuatan-perbuatan yang disengajakan hati kamu, dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Penyayang." (5).

ٱلنَّبِىُّ أَوْلَىٰ بِٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ ۖ وَأَزْوَٰجُهُۥٓ
أُمَّهَٰتُهُمْ ۗ وَأُو۟لُوا۟ ٱلْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ
فِى كِتَٰبِ ٱللَّهِ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُهَٰجِرِينَ إِلَّآ أَن
تَفْعَلُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَوْلِيَآئِكُم مَّعْرُوفًا ۚ كَانَ ذَٰلِكَ فِى
ٱلْكِتَٰبِ مَسْطُورًا ﴿٦﴾
وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ ٱلنَّبِيِّۦنَ مِيثَٰقَهُمْ وَمِنكَ وَمِن نُّوحٍ
وَإِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ۖ وَأَخَذْنَا مِنْهُم
مِّيثَٰقًا غَلِيظًا ﴿٧﴾
لِّيَسْـَٔلَ ٱلصَّٰدِقِينَ عَن صِدْقِهِمْ ۚ وَأَعَدَّ لِلْكَٰفِرِينَ
عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٨﴾

"Nabi itu lebih menjaga (kebaikan) orang-orang yang beriman dari diri mereka sendiri, dan para isterinya adalah menjadi ibu mereka. Dan orang-orang yang mempunyai hubungan rahim lebih berhak mewarisi satu sama lain menurut (hukum) kitab Allah daripada orang-orang yang beriman dan orang-orang Muhajirin (yang bukan kerabat mereka) kecuali kamu hendak membuat kebaikan kepada sahabat-sahabat seagama kamu. Hukum yang sedemikian adalah tertulis di dalam kitab Allah(6). Dan (kenangilah) ketika Kami mengambil perjanjian dari para Nabi dan dari engkau sendiri, juga dari Nuh, Ibrahim, Musa dan 'Isa putera Maryam. Kami telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh(7). Agar Dia (Allah) menyoalkan orang-orang yang benar itu tentang kebenaran (iman) mereka, dan Dia telah menyediakan untuk orang-orang kafir 'azab yang amat pedih(8)".

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini memperkatakan sektor kehidupan sebenar yang berlaku di dalam kehidupan jama'ah Muslimin di Madinah di sepanjang tempoh yang bermula selepas Peperangan Besar Badar sehingga masa sebelum diadakan Perjanjian Hudaybiyah. Ia menggambarkan kehidupan orang-orang Islam di Madinah di masa itu dengan gambaran secara langsung dan berdasarkan kenyataan. Kehidupan mereka penuh dengan berbagai-bagai peristiwa yang berlaku dan berbagai-bagai peraturan yang diadakan di dalam masyarakat Islam yang baru itu.

Arahan-arahan dan ulasan-ulasan mengenai peristiwa-peristiwa dan peraturan-peraturan itu boleh dikatakan sedikit, hanya mengambil ruang yang terbatas sahaja di dalam surah ini. Ulasan-ulasan itu dituju untuk menghubungkan peristiwa-peristiwa dan peraturan-peraturan itu dengan dasar pokok iaitu dasar kepercayaan terhadap Allah dan dasar berserah kepada taqdir-Nya seperti yang terkandung di dalam pembukaan surah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ ٱتَّقِ ٱللَّهَ وَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ
وَٱلْمُنَٰفِقِينَ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١﴾
وَٱتَّبِعْ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿٢﴾
وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿٣﴾

"Wahai Nabi! Bertaqwalah kepada Allah dan janganlah engkau ta'at kepada kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(1). Dan ikutilah segala apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(2). Dan berserahlah kepada Allah, dan cukuplah Allah menjadi Penjaga (kamu)."(3)

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِى جَوْفِهِۦ ۚ

"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam rongga dadanya......"(4)

Juga seperti ulasan mengenai peraturan-peraturan kemasyarakatan yang disebut di awal surah:

كَانَ ذَٰلِكَ فِى ٱلْكِتَٰبِ مَسْطُورًا ﴿٦﴾

"Hukum yang sedemikian adalah tertulis di dalam kitab Allah."(6)

وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ مِيثَٰقَهُمْ وَمِنكَ وَمِن نُّوحٍ
وَإِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ۖ وَأَخَذْنَا مِنْهُم
مِّيثَٰقًا غَلِيظًا ﴿٧﴾
لِّيَسْـَٔلَ ٱلصَّٰدِقِينَ عَن صِدْقِهِمْ ۚ وَأَعَدَّ لِلْكَٰفِرِينَ
عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٨﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami mengambil perjanjian dari para nabi dan dari engkau sendiri, juga dari Nuh, Ibrahim, Musa dan 'Isa putera Maryam. Kami telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh(7). Agar Dia (Allah) menyoalkan orang-orang yang benar itu tentang kebenaran (iman) mereka, dan Dia telah menyediakan untuk orang-orang kafir 'azab yang amat pedih."(8)

Juga seperti ulasan mengenai orang-orang yang menyebarkan khabar-khabar angin pada hari "Peperangan Ahzab" iaitu nama peperangan yang dinamakan surah ini dengannya.

قُل لَّن يَنفَعَكُمُ ٱلْفِرَارُ إِن فَرَرْتُم مِّنَ ٱلْمَوْتِ
أَوِ ٱلْقَتْلِ وَإِذًا لَّا تُمَتَّعُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٦﴾
قُلْ مَن ذَا ٱلَّذِى يَعْصِمُكُم مِّنَ ٱللَّهِ إِنْ أَرَادَ بِكُمْ
سُوٓءًا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ رَحْمَةً ۚ وَلَا يَجِدُونَ لَهُم مِّن دُونِ
ٱللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٧﴾

"(Wahai Muhammad) katakanlah: Pelarian itu tidak akan berguna kepada kamu jika kamu melarikan diri dari maut atau terbunuh (dan jika kamu berjaya melarikan diri), maka kamu tidak juga dapat menikmati kesenangan hidup melainkan hanya sebentar sahaja (16). (Wahai Muhammad) katakanlah: Siapakah yang dapat melindungkan kamu dari keputusan Allah jika Dia hendak membinasakan kamu atau jika Dia hendak memberi rahmat kepada kamu? Dan mereka tidak akan memperolehi pelindung dan penolong selain dari Allah."(17)

Juga seperti ulasan mengenai salah satu peraturan kemasyarakatan yang baru yang bertentangan dengan kebiasaan yang lumrah di zaman Jahiliyah:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا
أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara - membuat pilihan sendiri mengenai urusan mereka."(36)

Dan pengumuman akhir yang agung dan mendalam:

إِنَّا عَرَضْنَا ٱلْأَمَانَةَ عَلَى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ
وَٱلْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَن يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا
ٱلْإِنسَٰنُ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah menawarkan amanah Kami kepada langit, bumi dan gunung-ganang (tetapi) mereka

semua enggan memikulnya dan takut kepadanya dan hanya manusia yang sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia adalah amat zalim dan amat jahil."(72)

Masa yang diperkatakan oleh surah ini mengenai kehidupan kaum Muslimin pada masa itu adalah mempunyai satu ciri yang istimewa, kerana pada masa itulah permulaan munculnya watak-watak keperibadian Muslim di dalam kehidupan kaum Muslimin dan di dalam kegiatan kerajaan yang belum lagi mantap dan berkuasa penuh seperti selepas penaklukan Makkah, di mana orang ramai berduyun-duyun memeluk agama Islam dan segala-galanya tunduk kepada kerajaan dan peraturan Islam.

Surah ini memperkatakan sebahagian dari usaha-usaha mengatur semula masyarakat Islam dan menonjolkan ciri-ciri Muslim serta menegakkannya dalam kehidupan keluarga dan masyarakat, di samping menerangkan dasar-dasar perundangan dan 'aqidah, juga memperkatakan tentang perubahan peraturan-peraturan adat resam atau penghapusannya dan menundukkan seluruhnya kepada persepsi Islam yang baru.

Di celah-celah pembicaraan mengenai peraturan-peraturan itulah dikemukakan penceritaan tentang Peperangan Ahzab, Peperangan Bani Qurayzah dan sikap orang-orang kafir, orang-orang Munafiq dan orang-orang Yahudi di dalam kedua-dua peperangan itu, juga pakatan-pakatan jahat mereka di tengah-tengah masyarakat Islam itu dan akibat-akibatnya yang telah menimbulkan kekecohan dan kekacauan. Setelah itu surah ini menyebut pula pakatan-pakatan jahat dan tipu daya mereka untuk menggugatkan akhlak, rumahtangga dan perempuan-perempuan Islam.

Yang menjadi titik hubungan di dalam penerangan surah ini di antara pembicaraan mengenai peraturan-peraturan itu dengan dua peperangan ini ialah hubungan kedua-duanya dengan sikap orang-orang kafir, orang-orang Munafiq dan orang-orang Yahudi yang berusaha untuk menimbulkan kekacauan di dalam barisan kaum Muslimin sama ada dengan melancarkan peperangan atau menyebarkan khabar-khabar angin dan seruan-seruan yang melemahkan semangat mereka, atau dengan menggugatkan peraturan-peraturan kemasyarakatan dan adab-adab kesusilaan. Di samping itu kesan-kesan dari peperangan dan harta-harta rampasan perang yang mempengaruhi kehidupan kaum Muslimin itu memerlukan kepada perubahan setengah-setengah peraturan kemasyarakatan dan tanggapan-tanggapan perasaan agar masyarakat Islam dapat ditegakkan di atas satu lunas yang kukuh yang sesuai dengan kesan-kesan itu.

Dari sudut-sudut inilah dapat dilihat kesepaduan surah ini dan keselarasan penerangan dan maudhu'-maudhu' yang dibicarakannya di samping persamaan zaman yang mengikatkan peristiwa-peristiwa dan peraturan-peraturan baru yang diperkatakan oleh surah ini.

* * * * * *

Surah ini dimulai dengan mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya bertaqwa kepada Allah dan tidak mengikut kehendak orang-orang kafir dan Munafiq, juga supaya hanya mengikut apa yang diwahyukan Allah dan berserah kepada Allah Yang Tunggal sahaja. Inilah permulaan yang mengikatkan semua peristiwa dan peraturan yang disebut di dalam surah ini dengan dasar pokok yang agung yang menjadi asas peraturan-peraturan dan bimbingan-bimbingan agama Islam, iaitu dasar kesedaran hati terhadap kebesaran Allah dan penyerahan mutlak kepada kehendak iradat-Nya, juga mengikut sistem hidup yang dipilih Allah, bertawakkal dan percaya penuh kepada naungan dan pertolongan-Nya.

Kemudian Al-Qur'an memberi kata pemutus terhadap setengah-setengah adat resam dan peraturan-peraturan kemasyarakatan dengan mengumumkan satu hakikat yang wujud dalam dunia kenyataan:

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِى جَوْفِهِۦ

"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam rongga, dadanya."(4)

Hakikat ini dituju untuk menyatakan bahawa seseorang itu tidak boleh menuju kepada lebih dari satu hala dan tidak boleh mengikut lebih dari satu sistem hidup, jika tidak, dia akan menjadi Munafiq dan langkah perjalanannya akan menjadi tidak menentu.

Selama seseorang itu tidak mempunyai dua hati, maka pastilah dia bertawajjuh kepada satu Tuhan Yang Esa sahaja dan mengikut satu sistem hidup sahaja dengan meninggalkan segala adat kebiasaan dan peraturan-peraturan yang lain darinya.

Oleh sebab itu Al-Qur'an mula-mula menghapuskan adat dzihar iaitu satu adat, di mana si suami bersumpah bahawa isterinya sama seperti belakang ibunya dan dengan sumpah itu haramlah isterinya kepadanya sebagaimana haram ibunya kepadanya:

وَمَا جَعَلَ أَزْوَٰجَكُمُ ٱلَّٰٓـِٔى تُظَٰهِرُونَ مِنْهُنَّ أُمَّهَٰتِكُمْ

"Dan Dia tidak menjadikan isteri-isteri kamu yang didziharkan kamu itu sebagai ibu-ibu kamu"(4)

kemudian Al-Qur'an menjelaskah bahawa perkataan seperti itu adalah cakap-cakap lidah mereka sahaja bukannya hakikat yang sebenar, malah si isteri yang didziharkan itu tetap menjadi seorang isteri dan tidak akan menjadi seorang ibu dengan semata-mata perkataan seperti itu. Kemudian langkah

yang kedua ialah menghapuskan adat mengambil anak angkat dan implikasi-implikasinya:

وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَآءَكُمْ أَبْنَآءَكُمْ

"Dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkat kamu itu sebagai anak-anak kandung kamu sendiri."(4)

Selepas hari ini anak-anak angkat itu tidak boleh lagi mewarisi harta pusaka, dan pengambilan anak angkat itu juga tidak membawa implikasi-implikasi yang lain lagi (yang akan dijelaskan kemudian).

Selepas itu Al-Qur'an mengekal dan menegakkan dasar wilayah am (hak penjagaan dan kepimpinan - Penterjemah) kepada Rasulullah s.a.w. terhadap seluruh orang-orang Mu'minin. Al-Qur'an mengutamakan wilayah beliau dari wilayah mereka terhadap diri mereka sendiri. Begitu juga Al-Qur'an menegakkan hubungan keibuan di antara para isteri Rasulullah s.a.w. dengan sekalian orang-orang Mu'minin:

ٱلنَّبِىُّ أَوْلَىٰ بِٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ ۖ وَأَزْوَٰجُهُۥٓ
أُمَّهَـٰتُهُمْ ۗ

"Nabi itu lebih menjaga (kebaikan) orang-orang yang beriman dari diri mereka sendiri, dan para isterinya adalah menjadi ibu mereka."(6)

Kemudian Al-Qur'an menghapuskan implikasi-implikasi ikatan mu'akhah (persaudaraan) yang telah ditetapkan di permulaan Hijrah dan kembali semula kepada hubungan kekeluargaan dalam hak warisan harta pusaka, bayaran diat dan sebagainya.

وَأُو۟لُوا۟ ٱلْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِى كِتَـٰبِ
ٱللَّهِ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُهَـٰجِرِينَ

"Dan orang-orang yang mempunyai hubungan rahim lebih berhak mewarisi satu sama lain menurut (hukum) kitab Allah daripada orang-orang yang beriman dan orang-orang Muhajirin (yang bukan kerabat mereka)."(6)

Dengan langkah-langkah itu, Al-Qur'an menyusun semula masyarakat Islam di atas landasan-landasan yang tabi'i dan menghapuskan peraturan-peraturan sementara.

Kemudian Al-Qur'an membuat ulasan terhadap peraturan yang baru yang diambil dari sistem hidup Islam dan dari hukum Allah dengan menyebut bahawa peraturan-peraturan itu adalah tercatat di dalam kitab Allah yang qadim dan menyebut perjanjian yang diambil dari para Anbia' terutama para rasul Ulul-'Azmi. Itulah cara Al-Qur'an mengulas peraturan-peraturan, undang-undang, dasar-dasar dan bimbingan-bimbingan supaya tertanam kukuh di dalam hati manusia.

Inilah intisari pusingan pertama surah ini.

* * * * * *

Pusingan yang kedua surah ini menerangkan nikmat yang dikurniakan Allah kepada orang-orang Mu'minin iaitu Allah telah menyelamatkan mereka dari pakatan jahat tentera-tentera gabungan yang menyerang mereka, kemudian Al-Qur'an menggambarkan Peperangan Ahzab dan Peperangan Bani Qurayzah dengan gambaran yang hidup dan pemandangan-pemandangan yang bersilih ganti. Ia melukiskan perasaan-perasaan, pergerakan-pergerakan lahir dan dialog-dialog di antara kumpulan-kumpulan dan individu-individu. Di tengah-tengah cerita peperangan dan perkembangan-perkembangannya itu Al-Qur'an mengemukakan arahan-arahan yang sesuai dengan tempatnya dan membuat ulasan-ulasan di atas peristiwa-peristiwa itu selaras dengan cara yang diambil oleh Al-Qur'an dalam menegakkan nilai-nilai hidup yang kukuh melalui peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dan perasaan-perasaan yang berkecamuk di dalam hati.

Dalam peristiwa-peristiwa yang seperti ini Al-Qur'an selalu menggunakannya sebagai sarana untuk menegakkan nilai-nilai, menetapkan ukuran-ukuran dan menegakkan kefahaman-kefahaman yang dikehendakinya. Cara Al-Qur'an mempergunakan peristiwa-peristiwa ini ialah ia melukiskan segala pergerakan yang telah berlaku dan melukiskan segala perasaan lahir dan batin. Ia menyorotkan cahaya yang terang ke atas pergerakan-pergerakan itu untuk menerangi sudut-sudut dan liku-likunya yang tersembunyi. Kemudian ia menerangkan hukumnya terhadap perkara yang telah berlaku itu kepada para Mu'minin atau ia mengkritikkan kesalahan dan penyelewengan yang wujud di dalam kejadian-kejadian yang telah berlaku itu atau memuji kelurusan dan kejujuran mereka atau mengarahkan mereka supaya membetulkan kesalahan dan penyelewengan itu atau menyuburkan lagi sifat yang betul dan jujur itu. Kemudian semuanya dihubungkan dengan taqdir Allah dan iradat-Nya, dengan agama-Nya yang lurus, dengan fitrah manusia dan dengan undang-undang alam buana.

Peperangan itu mula diceritakan dengan firman Allah:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ
جَآءَتْكُمْ جُنُودٌ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا وَجُنُودًا لَّمْ
تَرَوْهَا ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا ﴿٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Kenangilah nikmat Allah yang dikurniakan kepada kamu ketika kamu diserang tentera-tentera (gabungan) lalu Kami hantarkan kepada mereka ribut yang kencang dan tentera-tentera (malaikat) yang tidak dapat dilihat kamu, dan Allah sentiasa melihat segala apa yang dilakukan kamu."(9)

Dan di tengah peperangan itu diterangkan:

قُل لَّن يَنفَعَكُمُ ٱلْفِرَارُ إِن فَرَرْتُم مِّنَ ٱلْمَوْتِ

أَوِ ٱلۡقَتۡلِ وَإِذٗا لَّا تُمَتَّعُونَ إِلَّا قَلِيلٗا ١٦
قُلۡ مَن ذَا ٱلَّذِي يَعۡصِمُكُم مِّنَ ٱللَّهِ إِنۡ أَرَادَ بِكُمۡ
سُوٓءًا أَوۡ أَرَادَ بِكُمۡ رَحۡمَةٗۚ وَلَا يَجِدُونَ لَهُم مِّن دُونِ
ٱللَّهِ وَلِيّٗا وَلَا نَصِيرٗا ١٧

"(Wahai Muhammad) katakanlah: Pelarian itu tidak akan berguna kepada kamu jika kamu melarikan diri dari maut atau terbunuh (dan jika kamu berjaya melarikan diri), maka kamu tidak juga dapat menikmati kesenangan hidup melainkan hanya sebentar sahaja(16). (Wahai Muhammad) katakanlah: Siapakah yang dapat melindungkan kamu dari keputusan Allah jika Dia hendak membinasakan kamu atau jika Dia hendak memberi rahmat kepada kamu? Dan mereka tidak akan memperolehi pelindung dan penolong selain dari Allah."(17)

Dan firman-Nya:

لَّقَدۡ كَانَ لَكُمۡ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسۡوَةٌ حَسَنَةٞ لِّمَن كَانَ
يَرۡجُواْ ٱللَّهَ وَٱلۡيَوۡمَ ٱلۡأٓخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرٗا ٢١

"Sesungguhnya pada akhlak Rasulullah terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu, iaitu bagi mereka yang mengharapkan keredhaan Allah dan keselamatan pada hari Akhirat dan banyak mengingati Allah."(21)

Kemudian ditamatkan dengan firman-Nya:

لِّيَجۡزِيَ ٱللَّهُ ٱلصَّٰدِقِينَ بِصِدۡقِهِمۡ وَيُعَذِّبَ
ٱلۡمُنَٰفِقِينَ إِن شَآءَ أَوۡ يَتُوبَ عَلَيۡهِمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
غَفُورٗا رَّحِيمٗا ٢٤

"Agar Allah memberi balasan kepada orang-orang yang benar kerana kebenaran janji mereka dan menyeksakan orang-orang Munafiqin jika dikehendakinya atau menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(24)

Selain dari ini, Al-Qur'an menyebut tanggapan-tanggapan orang-orang Mu'minin terhadap situasi yang sedang berlaku, juga tanggapan-tanggapan orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mengidap penyakit di dalam hati mereka dengan memberi gambaran yang mendedahkan nilai-nilai yang betul dan nilai-nilai palsu dalam tanggapan-tanggapan itu:

وَإِذۡ يَقُولُ ٱلۡمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٞ مَّا
وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ إِلَّا غُرُورٗا ١٢

"Dan (kenangilah) ketika orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya berkata: Tiada yang dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kita melainkan palsu belaka."(12)

وَلَمَّا رَءَا ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٱلۡأَحۡزَابَ قَالُواْ هَٰذَا مَا وَعَدَنَا
ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَصَدَقَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥۚ وَمَا زَادَهُمۡ إِلَّآ
إِيمَٰنٗا وَتَسۡلِيمٗا ٢٢

"Dan ketika orang-orang yang beriman melihat tentera-tentera gabungan, mereka berkata: Inilah apa yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya, dan benarlah Allah dan Rasul-Nya, dan pemandangan itu tidak menambahkan mereka melainkan keimanan dan penyerahan diri (kepada Allah)."(22)

Kemudian pada akhirnya disampaikan kata penamat dan berita yang yakin:

وَرَدَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِغَيۡظِهِمۡ لَمۡ يَنَالُواْ خَيۡرٗاۚ
وَكَفَى ٱللَّهُ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٱلۡقِتَالَۚ وَكَانَ ٱللَّهُ قَوِيًّا
عَزِيزٗا ٢٥

"Dan Allah telah menghalaukan kembali orang-orang yang kafir (tentera tentera gabungan) dengan membawa dendam kesumat mereka. Mereka tidak mendapat sebarang kejayaan, dan Allah telah menghindarkan orang-orang Mu'minin dari bencana peperangan, dan Allah adalah Maha Kuat dan Maha Perkasa."(25)

* * * * * *

Setelah itu tiba pula keputusan memberi pilihan kepada isteri-isteri Nabi s.a.w. yang menuntut nafkah yang lebih lumayan dari beliau setelah beliau dan kaum Muslimin dikurniakan kesenangan hasil dari harta fai' Bani Qurayzah yang banyak dan harta-harta rampasan perang sebelumnya. Mereka diberi pilih di antara kesenangan hidup dunia dengan Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat, tetapi mereka telah memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat. Mereka berpuas hati dengan kedudukan mereka yang terhormat di sisi Allah dan di sisi Rasulullah s.a.w. Mereka lebih mengutamakannya dari kesenangan hidup dunia. Oleh kerana itu Al-Qur'an menerangkan bahawa mereka akan memperolehi balasan pahala yang berganda-ganda jika mereka bertaqwa, dan akan mendapat balasan 'azab yang berganda-ganda jika mereka melakukan kejahatan yang nyata. Al-Qur'an menjelaskan bahawa sebab penggandaan balasan itu ialah kerana kedudukan mereka yang tinggi dan kerana hubungan mereka yang rapat dengan Rasulullah s.a.w., juga kerana Al-Qur'an itu diturun dan dibaca di rumah-rumah mereka, juga kerana kata-kata hikmat yang mereka dengar dari Nabi s.a.w. Kemudian Al-Qur'an beralih pula kepada menerangkan balasan yang akan diterima oleh sekalian Mu'minin dan Mu'minat.

Inilah intisari pusingan yang ketiga.

* * * * * *

Dalam pusingan yang keempat Al-Qur'an memberi isyarat secara tidak langsung kepada perkahwinan Zainab binti Jahsy dari suku Quraysy keturunan Hasyim, puteri ibu saudara Rasulullah s.a.w. dengan Zayd ibn Harithah bekas hamba Rasulullah s.a.w., juga penerangan-penerangan yang diturunkan mengenai perkahwinan itu iaitu mula-mula dengan menjelaskan dasar memulangkan urusan seluruh kaum Muslimin lelaki dan perempuan kepada keputusan Allah, mereka tidak mempunyai apa-apa saham dan tidak mempunyai apa-apa pilihan. Segala-galanya mengikut iradat dan keputusan Allah yang menjalankan segala sesuatu kerana seseorang Mu'min adalah berserah mutlak kepada Allah:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٖ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا
أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ
فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ٣٦

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara - membuat pilihan sendiri mengenai urusan mereka, dan barang siapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat nyata."(36)

Kemudian kisah perkahwinan itu diiringi pula dengan kisah perceraian dan implikasinya yang menghapuskan kesan-kesan kedudukan anak angkat yang diterangkan pada permulaan surah. Ia dihapuskan dengan satu contoh amali, di mana Rasulullah s.a.w. sendiri telah dipilih Allah untuk melaksanakan contoh itu kerana terlalu mendalamnya adat anak angkat itu bertapak di dalam masyarakat Arab dan terlalu sukar untuk melanggarnya. Di sini berlakulah ujian Allah terhadap Rasulullah s.a.w. supaya memikul sendiri tugas ini sebagai tugas-tugas da'wah dan menegakkannya di dalam realiti hidup masyarakat setelah ditegakkannya di dalam hati:

فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَٰكَهَا لِكَيْ لَا يَكُونَ
عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِيٓ أَزْوَٰجِ أَدْعِيَآئِهِمْ إِذَا قَضَوْا۟
مِنْهُنَّ وَطَرًاۚ وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ مَفْعُولًا ٣٧

"Dan apabila Zayd telah mengakhiri keperluannya terhadap isterinya (menceraikan), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan bagi orang-orang Mu'minin untuk mengahwini isteri anak-anak angkat mereka apabila mereka telah mengakhiri keperluan mereka terhadap isteri-isteri mereka, dan keputusan Allah adalah keputusan yang wajib dilaksanakan."(37)

Sesuai dengan kejadian ini, diterangkan hakikat hubungan di antara Rasulullah s.a.w. dengan sekalian orang-orang yang beriman:

مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَآ أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَٰكِن رَّسُولَ ٱللَّهِ وَخَاتَمَ ٱلنَّبِيِّـۧنَۗ

"Muhammad itu bukanlah bapa kepada mana-mana lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penamat para Nabi."(40)

Pusingan ini ditamatkan dengan beberapa arahan yang ditujukan kepada Rasulullah dan orang-orang Mu'minin yang ada bersama beliau:

وَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَٱلْمُنَٰفِقِينَ وَدَعْ أَذَىٰهُمْ وَتَوَكَّلْ
عَلَى ٱللَّهِۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ٤٨

"Dan janganlah engkau turut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Dan janganlah engkau hiraukan gangguan-gangguan mereka serta berserahlah kepada Allah, dan cukuplah Allah sendiri menjadi penjaga (kamu)."(48)

* * * * * *

Pusingan yang kelima dimulakan dengan penerangan tentang hukum isteri-isteri yang ditalaq sebelum disetubuhi, kemudian menyentuh peraturan kehidupan rumahtangga Rasulullah s.a.w. dengan menerangkan siapakah di antara perempuan-perempuan yang Mu'min itu yang halal kepada beliau dan siapakah pula di antara mereka yang haram kepadanya, kemudian beralih kepada peraturan perhubungan orang-orang Islam dengan rumah-rumah Nabi s.a.w. dan para isterinya sama ada semasa hayatnya atau selepas wafatnya, juga menjelaskan bahawa isteri-isteri beliau wajib melindungkan diri mereka melainkan kepada bapa-bapa atau anak-anak mereka atau saudara-saudara lelaki mereka atau anak-anak lelaki kepada saudara-saudara lelaki mereka atau isteri-isteri mereka dan hamba-hamba yang dimiliki mereka, juga menjelaskan balasan yang akan diterima oleh orang-orang yang menyakiti Rasulullah s.a.w., isteri-isterinya, rumahtangga dan perasaannya. Allah mengutukkan mereka di dunia dan di Akhirat. Ini menunjukkan bahawa kaum Munafiqin dan lainnya telah banyak melakukan gangguan-gangguan itu.

Kemudian diiringi dengan menyuruh isteri-isteri nabi, puteri-puterinya dan wanita-wanita Mu'min seluruhnya supaya melabuhkan baju mereka ke seluruh tubuh mereka:

ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَن يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَۗ

"Cara yang demikian lebih mudah mereka dikenali dan kerana itu mereka tidak diganggu."(59)

Juga mengancamkan orang-orang Munafiqin, orang-orang yang berpenyakit di dalam hati dan orang-orang yang menyebarkan berita-berita angin di Madinah dengan ancaman bahawa mereka akan dikuasai dan diusirkan oleh Nabi s.a.w. dari Madinah sebagaimana terusirnya sebelum ini orang-orang Yahudi dari Bani Qaynuqa' dan Bani an-Nadhir, atau mereka akan dihapuskan sebagaimana yang telah berlaku kepada Bani Qurayzah baru-baru ini. Semuanya menunjukkan bagaimana kumpulan-

kumpulan ini telah melakukan gangguan-gangguan yang berat dengan berbagai-bagai cara yang jahat terhadap masyarakat Islam di Madinah.

* * * * * *

Pusingan yang keenam dan terakhir dari surah ini memuatkan pertanyaan orang ramai tentang hari Qiamat, dan pertanyaan itu dijawab bahawa ilmu Qiamat itu hanya di sisi Allah sahaja di samping membayangkan bahawa Qiamat itu mungkin sudah dekat. Kemudian kenyataan ini diikuti dengan satu pemandangan Qiamat:

يَوْمَ تُقَلَّبُ وُجُوهُهُمْ فِي ٱلنَّارِ يَقُولُونَ يَٰلَيْتَنَآ أَطَعْنَا ٱللَّهَ وَأَطَعْنَا ٱلرَّسُولَا۠ ﴿٦٦﴾

"Pada hari muka mereka dibalik-balikkan di dalam api Neraka, mereka berkata (menyesal): Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul."(66)

Kemudian diceritakan pula bagaimana mereka marahkan pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar yang dipatuhi mereka kerana telah menyesatkan mereka:

وَقَالُوا۟ رَبَّنَآ إِنَّآ أَطَعْنَا سَادَتَنَا وَكُبَرَآءَنَا فَأَضَلُّونَا ٱلسَّبِيلَا۠ ﴿٦٧﴾

رَبَّنَآ ءَاتِهِمْ ضِعْفَيْنِ مِنَ ٱلْعَذَابِ وَٱلْعَنْهُمْ لَعْنًا كَبِيرًا ﴿٦٨﴾

"Dan mereka berkata lagi: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua-ketua dan pembesar-pembesar kami lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar (67). Wahai Tuhan kami! Kenakan mereka 'azab seksa dua kali ganda dan laknatkan mereka dengan sebesar-besar laknat."(68)

Kemudian surah ini ditamatkan dengan satu pengumuman yang agung dan mempunyai makna yang amat mendalam:

إِنَّا عَرَضْنَا ٱلْأَمَانَةَ عَلَى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱلْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَن يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا ٱلْإِنسَٰنُ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

لِّيُعَذِّبَ ٱللَّهُ ٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱلْمُنَٰفِقَٰتِ وَٱلْمُشْرِكِينَ وَٱلْمُشْرِكَٰتِ وَيَتُوبَ ٱللَّهُ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٧٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah menawarkan amanah Kami kepada langit, bumi dan gunung-ganang (tetapi) mereka enggan memikulnya dan takut kepadanya dan hanya manusia yang sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat jahil(72). Agar Allah mengazabkan orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan dan orang-orang Musyrikin lelaki dan perempuan, juga agar Allah menerima taubat dari orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(73)

Itulah satu pengumuman yang menunjukkan betapa besarnya tanggungjawab yang diletakkan di atas bahu umat manusia terutama di atas bahu umat Islam khususnya, kerana merekalah satu-satunya umat yang memikul amanah Allah yang agung ini, iaitu amanah 'aqidah dan berdiri teguh di atasnya, amanah da'wah dan sabar menjunjung komitmennya, amanah syari'at dan kesanggupan melaksanakannya ke atas diri mereka sendiri dan di bumi sekeliling mereka. Pengumuman ini sesuai dengan maudhu' dan suasana surah, juga sesuai dengan tabi'at sistem hidup Ilahi yang dibicarakan surah ini, iaitu surah yang mengatur masyarakat Islam di atas landasan sistem itu.

Sekarang marilah kita tafsirkan surah ini dengan terperinci setelah kita menerangkan intisarinya secara sepintas lalu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ ٱتَّقِ ٱللَّهَ وَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَٱلْمُنَٰفِقِينَ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١﴾

وَٱتَّبِعْ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿٢﴾

وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿٣﴾

"Wahai Nabi! Bertaqwalah kepada Allah dan janganlah engkau ta'at kepada kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (1). Dan ikutilah segala apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (2). Dan berserahlah kepada Allah dan cukuplah Allah menjadi penjaga (kamu)."(3)

Pengertian Islam

Inilah permulaan surah yang mengaturkan beberapa peraturan kemasyarakatan dan akhlak bagi masyarakat Islam yang baru lahir itu, iaitu satu permulaan yang menjelaskan tabi'at sistem hidup Islam dan dasar-dasar yang menjadi tapak tegaknya di alam kenyataan dan di alam dhamir.

Islam bukannya himpunan bimbingan-bimbingan dan nasihat-nasihat, bukannya himpunan adab-adab

susila dan akhlak, bukannya himpunan undang-undang dan bukannya himpunan peraturan-peraturan dan adat resam sahaja. Islam adalah merangkumi semuanya, tetapi semuanya itu bukannya pengertian Islam, malah Islam ialah berserah kepada kehendak dan perencanaan Allah, dan kesediaan dari awal-awal lagi untuk mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya dan kesediaan untuk mengikuti sistem hidup yang digaris Allah tanpa menoleh kepada bimbingan dan arah tujuan yang lain dan tanpa bergantung kepada yang lain dari-Nya. Islam ialah kesedaran dari awal-awal bahawa manusia di bumi ini harus tunduk kepada undang-undang Ilahi Yang Tunggal yang mengendali mereka dan mengendali bumi, juga mengendali planet-planet dan bintang-bintang. Undang-undang itulah yang mentadbirkan seluruh urusan alam lahir dan batin, yang nampak dan yang tidak nampak, yang dapat ditanggap akal manusia dan yang tidak dapat ditanggap daya kefahamannya. Islam ialah keyakinan bahawa manusia tidak mempunyai apa-apa kuasa dalam agama ini selain dari menjunjung perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya, dan selain dari menggunakan sarana-sarana yang dikurniakan Allah kepada mereka dan menunggu natijah-natijah yang telah ditetapkan Allah. Inilah asas yang menjadi landasan undang-undang, peraturan, adat resam, adab-adab susila dan akhlak yang merupakan sebagai terjemahan secara amali dari kehendak-kehendak 'aqidah yang tersemat di hati dan dari kesan-kesan yang nyata dari semangat penyerahan diri kepada Allah dan dari kepatuhan mengikuti sistem hidup Ilahi dalam kehidupan. Islam ialah 'aqidah yang melahirkan syari'at iaitu satu syari'at yang menegakkan satu sistem hidup. Ketiga-tiga unsur itu berkumpul sepadu dan saling bertindak. Itulah Islam.

Arahan pertama surah yang mengaturkan peraturan-peraturan baru bagi masyarakat Islam ini ialah bertaqwa kepada Allah. Arahan itu ditujukan kepada Nabi s.a.w. yang memang patuh kepada undang-undang dan peraturan itu:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ ٱتَّقِ ٱللَّهَ

"Wahai Nabi! Bertaqwalah kepada Allah."(1)

Taqwa Sebagai Asas Islam Yang Pertama

Taqwa kepada Allah dan perasaan yang merasakan adanya perhatian Allah dan kebesaran-Nya merupakan asas yang pertama. Ia bertugas sebagai penjaga di hati yang mengawal perundangan dan perlaksanaan undang-undang. Di atas asas inilah diletakkan segala tugas dan segala bimbingan di dalam Islam.

Arahan yang kedua ialah melarang dari mematuhi kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin, juga dari mengikuti bimbingan dan cadangan mereka dan dari mendengar fikiran dan hasutan mereka.

وَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَٱلْمُنَٰفِقِينَ ۗ

"Dan janganlah engkau ta'at kepada kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin."(1)

Penampilan larangan yang didahulukan dari suruhan mengikut wahyu itu menunjukkan bahawa tekanan orang-orang kafir dan kaum Munafiqin di Madinah dan di sekitarnya adalah terlalu hebat. Inilah yang memerlukan larangan dari mengikut fikiran-fikiran dan bimbingan-bimbingan mereka dan larangan dari tunduk kepada desakan dan tekanan mereka. Kemudian larangan ini tetap berkuatkuasa di segala masyarakat dan segala zaman. Larangan ini mengingatkan orang-orang Mu'min supaya jangan sekali-kali mengikut fikiran-fikiran orang-orang kafir dan kaum Munafiqin terutama dalam perkara-perkara 'aqidah, perundangan dan peraturan kemasyarakatan khususnya agar mereka hanya ta'at kepada sistem hidup Ilahi sahaja dan tidak bercampuraduk dengan bimbingan-bimbingan dari yang lain dari sistem itu.

Jangan ada seorang pun yang tertipu kerana melihat ketinggian ilmu pengetahuan dan pengalaman yang ada pada orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin sebagaimana yang dilakukan oleh setengah-setengah kaum Muslimin di masa-masa kelemahan dan penyelewengan mereka kerana Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana. Dialah yang telah memilih satu sistem hidup untuk mereka mengikut ilmu dan hikmat-Nya:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(1)

Segala ilmu pengetahuan yang ada pada manusia hanya kulit luar dan sekelumit sahaja.

Arahan yang ketiga ialah:

وَٱتَّبِعْ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿٢﴾

"Dan ikutilah segala apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(2)

Wahyu itulah punca arahan-arahan dan sumber haqiqi yang wajib diikuti. Ungkapan:

وَٱتَّبِعْ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۚ

"Ikutilah segala apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu"(2)

menyarankan bahawa wahyu yang disampaikan kepadamu itu adalah benar-benar dari Allah. Saranan ini sahaja sudah cukup agar wahyu itu wajib diikuti, apatah lagi dengan adanya perintah dari Allah sendiri supaya mengikuti wahyu itu. Ulasan:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا تَعۡمَلُونَ خَبِيرٗا ﴿٢﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(1)

menyarankan bahawa Allah mengetahui hakikat kamu dan apa yang dilakukan kamu. Allah mengetahui hakikat amalan yang dilakukan kamu dan mengetahui segala niat dan tujuan yang tersemat di hati kamu.

Arahan yang akhir ialah:

وَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلٗا ﴿٣﴾

"Dan berserahlah kepada Allah dan cukuplah Allah menjadi penjaga (kamu)."(3)

Tidak penting kepadamu sama ada orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin itu menyokongmu atau menentangmu. Jangan hiraukan tipu daya mereka yang jahat, malah serahkan seluruh urusanmu kepada Allah agar dia mengendalikannya dengan ilmu dan hikmat-Nya. Dasar memulangkan urusan kepada Allah dan bertawakkal kepada-Nya sahaja pada peringkat akhir merupakan asas yang teguh yang memberi ketenteraman kepada hati. Ia membuat seorang itu tahu di mana batasnya dan ke mana dia harus berakhir, dan menyerahkan hal-hal selanjutnya kepada Allah yang menerajui urusan dan pentadbiran dengan penuh keyakinan dan ketenangan.

Ketiga-ketiga unsur-unsur ini, iaitu taqwa, mengikut wahyu, berserah kepada Allah serta tidak mengikut orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin merupakan unsur-unsur yang menjadi bekalan dan modal pokok bagi penda'wah. Inilah unsur-unsur yang menegakkan da'wah di atas jalannya yang jelas dan bersih, iaitu da'wah dari Allah, kepada Allah dan berserah kepada Allah:

وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلٗا ﴿٣﴾

"Dan cukuplah Allah menjadi penjaga (kamu)."(3)

Kemudian arahan-arahan itu ditamatkan dengan sebuah kenyataan yang tegas yang diambil dari bukti yang disaksikan pancaindera:

Sebuah Hati Dan Satu Jalan Hidup

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٖ مِّن قَلۡبَيۡنِ فِي جَوۡفِهِۦۚ

"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam rongga dadanya."(4)

Manusia cuma mempunyai sebuah hati sahaja. Oleh kerana itu dia pasti mempunyai satu jalan hidup sahaja untuk dijalinnya. Dia pasti mempunyai satu persepsi yang global sahaja terhadap hidup dan alam sebagai sumber pemikirannya. Dia pasti mempunyai satu neraca sahaja untuk menimbangkan nilai-nilai dan untuk menilaikan peristiwa-peristiwa dan segala sesuatu. Jika tidak dia akan berbelah bagi, menjadi talam dua muka, menyeleweng dan tidak tetap menjurus ke satu hala.

Seseorang itu tidak boleh mengambil adab-adab dan akhlak-akhlaknya dari satu sumber kemudian mengambil undang-undang dan peraturannya dari satu sumber yang lain dan mengambil pula peraturan-peraturan kemasyarakatan dan ekonomi dari sumber yang ketiga, kemudian mengambil kesenian-kesenian dan kefahaman-kefahamannya dari sumber yang keempat. Campuraduk yang seperti ini tidak dapat membentukkan seorang insan yang mempunyai sebuah hati yang kukuh, malah ia akan menjadi hati yang tercincang dan berkecai-kecai tanpa satu pendirian yang mantap.

Seseorang yang menganut 'aqidah Islam tidak mungkin memiliki 'aqidah itu dengan sebenarnya apabila dia melepaskan dirinya dari kehendak-kehendak dan nilai-nilai 'aqidah itu di dalam mana-mana pendirian hidupnya sama ada kecil atau besar. Dia tidak boleh mengeluarkan sesuatu perkataan atau melakukan sesuatu gerakan atau menetapkan sesuatu niat atau memikirkan sesuatu perkara tanpa berhakimkan kepada 'aqidahnya, jika benar 'aqidah itu menjadi hakikat yang tertanam di dalam jiwanya, kerana Allah hanya menciptakan sebuah hati sahaja pada seseorang manusia, iaitu sebuah hati yang hanya dapat tunduk kepada satu undang-undang sahaja dan mengambil fikirannya dari satu kefahaman sahaja dan membuat pertimbangan dengan satu neraca sahaja.

Seseorang yang menganut 'aqidah Islam tidak mungkin mengatakan terhadap sesuatu tindakan yang telah dilakukannya bahawa "aku buat begini atas sifat peribadiku sahaja dan aku buat begitu atas sifat-sifatku sebagai seorang Islam" sebagaimana yang pernah diucapkan oleh tokoh-tokoh politik atau tokoh-tokoh syarikat perniagaan atau tokoh-tokoh persatuan-persatuan sosial atau persatuan-persatuan ilmiah atau sebagainya. Sebenarnya dia hanya seorang manusia yang mempunyai sebuah hati sahaja, mempunyai satu 'aqidah sahaja, mempunyai satu kefahaman sahaja terhadap hidup ini, dan mempunyai satu neraca sahaja untuk menimbangkan nilai-nilai. Seluruh kefahamannya yang diambil dari 'aqidahnya itu melibatkan segala apa yang terbit darinya dalam semua keadaannya.

Dengan sebuah hati inilah dia hidup sebagai individu, hidup sebagai anggota dalam keluarga, hidup sebagai anggota dalam masyarakat, hidup, sebagai warganegara dalam kerajaan, hidup sebagai penghuni di alam, hidup secara rahsia dan secara terbuka, hidup sebagai pekerja dan sebagai majikan, hidup sebagai rakyat yang diperintah dan sebagai perintah yang memerintah, hidup di dalam kesenangan dan kesusahan, di mana pertimbangan-pertimbangan dan nilainya tidak berubah dan kefahaman-kefahamannya juga tidak berubah-ubah.

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِى جَوْفِهِۦۚ

"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam rongga dadanya."(4)

Oleh kerana itu Islam hanya merupakan satu sistem, satu jalan, satu wahyu dan satu arah aliran iaitu berserah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, kerana sebuah hati tidak mungkin menyembah dua tuhan, tidak boleh berkhidmat kepada dua tuan, tidak boleh mengikut dua jalan dan tidak boleh menuju kepada dua hala. Andainya hati berbuat demikian ia akan berbelah bagi dan berubah menjadi potongan-potongan yang berkecai dan berlonggok-longgok tercaing.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 5)

Selepas membuat kenyataan yang tegas dalam menentukan sistem dan jalan hidup Islam, Al-Qur'an membatalkan adat dzihar dan adat mengambil anak angkat untuk membangun masyarakat di atas landasan hubungan keluarga yang jelas, bersih dan lurus:

Pemansuhan Adat Dzihar Dapat Mengambil Anak Angkat

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِى جَوْفِهِۦۚ وَمَا جَعَلَ
أَزْوَٰجَكُمُ ٱلَّٰٓـِٔى تُظَٰهِرُونَ مِنْهُنَّ أُمَّهَٰتِكُمْۚ وَمَا
جَعَلَ أَدْعِيَآءَكُمْ أَبْنَآءَكُمْۚ ذَٰلِكُمْ قَوْلُكُم بِأَفْوَٰهِكُمْۖ
وَٱللَّهُ يَقُولُ ٱلْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِى ٱلسَّبِيلَ ﴿٤﴾
ٱدْعُوهُمْ لِءَابَآئِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِندَ ٱللَّهِۚ فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوٓا۟
ءَابَآءَهُمْ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَمَوَٰلِيكُمْۚ وَلَيْسَ
عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَآ أَخْطَأْتُم بِهِۦ وَلَٰكِن مَّا
تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥﴾

"..... Dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkat kamu itu sebagai anak-anak kandung kamu sendiri. (Dakwaan-dakwaan itu) hanyalah perkataan-perkataan kamu yang keluar dari mulut kamu sahaja, sedangkan Allah menerangkan hakikat yang benar dan Dialah yang memberi hidayat ke jalan yang betul (4). Panggillah mereka (anak-anak angkat) dengan 'bin' bapa-bapa mereka yang sebenar. Itulah yang lebih adil di sisi Allah. Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, (maka panggillah mereka) sebagai saudara-saudara seagama kamu dan sebagai maula-maula kamu. Dan tiada apa apa dosa di atas kamu dalam perkara yang kamu tersalah melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa) ialah perbuatan-perbuatan yang disengajakan hati kamu, dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(5)

Di zaman Jahiliyah apabila seorang suami berkata kepada isterinya "kamu kepadaku adalah seperti belakang ibuku" yakni kamu haram kepadaku sebagaimana haramnya ibuku kepadaku. Ketika itu haramlah kepadanya bersetubuh dengannya dan si perempuan itu akan tinggal tergantung-gantung. Dia tidak disifatkan sebagai isteri yang telah dicerai yang dapat berkahwin dengan lelaki yang lain dan tidak pula disifatkan sebagai isteri yang halal kepadanya. Perbuatan dzihar ini mengandungi kekejaman dan kezaliman dan ia merupakan sebahagian dari layanan-layanan yang buruk dan sewenang-wenang terhadap kaum wanita di zaman Jahiliyah, di mana mereka diseksa dengan berbagai kesusahan dan kesulitan.

Apabila Islam mulai mengatur semula peraturan hubungan kemasyarakatan dalam lingkungan keluarga dan menganggap keluarga sebagai unit masyarakat yang utama serta memberi perhatian yang berat kepadanya sesuai dengan fungsi keluarga sebagai tapak semaian yang melahirkan generasi-generasi manusia, maka Islam bertindak menghapuskan kezaliman-kezaliman itu dari kaum wanita dan menyusun semula perhubungan-perhubungan itu dengan adil dan selesa. Di antara peraturan-peraturan yang disyari'atkan mengikut dasar ini ialah:

وَمَا جَعَلَ أَزْوَٰجَكُمُ ٱلَّٰٓـِٔى تُظَٰهِرُونَ مِنْهُنَّ
أُمَّهَٰتِكُمْ

"Dan Dia tidak menjadikan isteri-isteri kamu yang didziharkan kamu itu sebagai ibu-ibu kamu."(4)

Perkataan yang diucapkan lidah itu tidak dapat mengubahkan hakikat yang wujud di alam kenyataan iaitu ibu tetap ibu, isteri tetap isteri. Tabi'at hubungan ini tidak dapat diubahkan oleh sepatah kata. Oleh sebab itu dzihar tidak lagi dapat mengenakan pengharaman yang abadi sama seperti pengharaman ibu sebagaimana yang berlaku di zaman Jahiliyah.

Menurut riwayat, penghapusan adat dzihar ini telah disyari'atkan apabila turunnya ayat-ayat di dalam Surah al-Mujadalah ketika 'Aus ibn as-Samit mendziharkan isterinya Khaulah binti Tha'labah. Dia datang mengadu kepada Rasulullah s.a.w. katanya, Wahai Rasulullah! Dia ('Aus) telah makan hartaku, dia menghabiskan mudaku dan aku telah melahirkan anak-anak kepadanya, tetapi apabila umurku sudah tua dan anak-anakku terpisah dari ku dia pun mendziharkanku". Ujar Nabi s.a.w. "Aku tidak nampak melainkan engkau telah menjadi haram kepadanya." Kemudian Khaulah mengulangi rayuannya berkali-kali, lalu Allah menurunkan ayat:

قَدْ سَمِعَ ٱللَّهُ قَوْلَ ٱلَّتِى تُجَٰدِلُكَ فِى زَوْجِهَا وَتَشْتَكِىٓ
إِلَى ٱللَّهِ وَٱللَّهُ يَسْمَعُ تَحَاوُرَكُمَآۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌۢ
بَصِيرٌ ﴿١﴾

ٱلَّذِينَ يُظَٰهِرُونَ مِنكُم مِّن نِّسَآئِهِم مَّا هُنَّ أُمَّهَٰتِهِمْ ۖ
إِنْ أُمَّهَٰتُهُمْ إِلَّا ٱلَّٰٓـِٔى وَلَدْنَهُمْ ۚ وَإِنَّهُمْ لَيَقُولُونَ
مُنكَرًا مِّنَ ٱلْقَوْلِ وَزُورًا ۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَعَفُوٌّ غَفُورٌ ﴿٢﴾
وَٱلَّذِينَ يُظَٰهِرُونَ مِن نِّسَآئِهِمْ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَالُوا۟
فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مِّن قَبْلِ أَن يَتَمَآسَّا ۚ ذَٰلِكُمْ تُوعَظُونَ
بِهِۦ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٣﴾
فَمَن لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ مِن قَبْلِ أَن
يَتَمَآسَّا ۖ فَمَن لَّمْ يَسْتَطِعْ فَإِطْعَامُ سِتِّينَ مِسْكِينًا ۚ ذَٰلِكَ
لِتُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۚ وَتِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ ۗ
وَلِلْكَٰفِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan wanita yang bersoal jawab dengan engkau mengenai suaminya dan ia mengadukan (halnya) kepada Allah dan Allah memang mendengar pembicaraan kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat (1). Orang-orang yang mendziharkan[1] isteri mereka dari kalangan kamu itu, maka sebenarnya isteri-isteri mereka bukanlah ibu-ibu mereka. Ibu mereka yang sebenar tidak lain melainkan ibu-ibu yang melahirkan mereka. Sesungguhnya mereka mengucapkan kata-kata yang keji dan dusta. Dan sesungguhnya Allah Maha Pema'af dan Maha Pengampun(2). Orang-orang yang mendziharkan isteri-isteri mereka kemudian mereka menarik balik perkataan mereka, maka wajiblah ia memerdekakan seorang hamba sebelum kedua-duanya melakukan hubungan kelamin. Demikianlah hukum yang diajarkan kepada kamu dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(3). Barang siapa yang tidak mendapat hamba, maka wajiblah ia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum kedua-duanya melakukan hubungan kelamin. Dan barang siapa yang tidak kuasa berpuasa, maka wajiblah ia memberi makan enam puluh orang miskin. Demikianlah (hukum dzihar) supaya kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, dan itulah batasan-batasan Allah, dan untuk orang-orang yang kafir ialah 'azab yang amat pedih."(4)

(Surah al-Mujadalah : 1 - 4)

Dengan ayat ini Allah telah menjadikan dzihar itu suatu pengharaman sementara bagi persetubuhan bukan pengharaman yang berkekalan dan bukan pula sebagai talaq. Denda kifaratnya ialah membebaskan seorang hamba atau berpuasa selama dua bulan berturut-turut atau memberi makanan kepada enam puluh orang miskin. Dengan menunaikan pembayaran ini, maka si isteri kembali menjadi halal kepada suami dan rumahtangga mereka kembali semula seperti dahulu. Demikianlah hukum yang kukuh dan lurus itu dilandaskan di atas hakikat yang wujud di alam kenyataan.

وَمَا جَعَلَ أَزْوَٰجَكُمُ ٱلَّٰٓـِٔى تُظَٰهِرُونَ مِنْهُنَّ
أُمَّهَٰتِكُمْ ۚ

"Dan Dia tidak menjadikan isteri-isteri kamu yang didziharkan kamu itu sebagai ibu-ibu kamu."(4)

Dengan ini terselamatlah keluarga dari kehancuran dengan sebab adat Jahiliyah yang menggambarkan sebahagian dari keseksaan, kezaliman dan kesulitan yang dialami oleh kaum wanita, juga terselamatlah keluarga dari kekacauan hubungan kekeluargaan akibat hawa nafsu kaum lelaki dan keangkuhan mereka di dalam masyarakat Jahiliyah.

Inilah masalah dzihar. Ada pun masalah anak angkat dan memanggil mereka dengan "bin" kepada yang bukan bapa mereka yang sebenar itu juga menimbulkan kegoyahan di dalam binaan keluarga dan masyarakat seluruhnya.

Walaupun masyarakat Arab terkenal dengan sifat berbangga dengan kebersihan dan keturunan namun di sana terdapat gejala-gejala yang bertentangan di dalam masyarakat itu yang berlaku di rumahtangga-rumahtangga yang bukan dari keturunan yang terbilang dan masyhur.

Di dalam masyarakat itu terdapat anak-anak yang tidak dikenali bapa-bapa mereka. Apabila ada lelaki yang tertarik kepada mana-mana anak itu, maka dia akan mengambilnya sebagai anak angkatnya dan memanggilnya sebagai anak kandungnya serta menghubungkan anak itu dengan keturunannya, dan dengan itu kedua-duanya mempunyai hak saling mewarisi seperti hak saling mewarisi dalam keturunan yang sebenar.

Di sana juga terdapat anak-anak yang memang dikenali bapa-bapa mereka, tetapi apabila ada lelaki yang sukakan salah seorang dari anak-anak itu, maka dia akan mengambilnya sebagai anak angkatnya serta menghubungkannya dengan keturunannya. Lalu si anak angkat itupun dikenali di kalangan orang ramai sebagai anak kepada lelaki itu dan dia termasuk di dalam keluarganya. Hal ini berlaku terutamanya di kalangan orang-orang tawanan perang, di mana kanak-kanak dan anak-anak muda ditangkap di dalam peperangan-peperangan dan serangan-serangan. Mana-mana orang yang suka hendak menghubungkan salah seorang dari anak-anak tawanan dengan keturunannya, maka bolehlah dia memanggilnya sebagai anaknya dengan ber"bin" kepadanya. Lalu si anak ini pun terkenal sebagai anak

---

[1] *Dzihar ialah mengatakan kepada isteri, "Kamu seperti punggung ibuku" dengan tujuan ia tidak mahu lagi melakukan hubungan kelamin dengan isterinya. Kata-kata itu menurut adat Jahiliyah sama dengan menceraikan isterinya.*

orang itu serta mempunyai hak-hak dan kewajipan-kewajipan sebagai seorang anak.

Di antara mereka yang seperti ini ialah Zayd bin Harithah al-Kalbi yang berasal dari satu suku Arab. Dia ditawan semasa kecil dalam satu pertempuran yang berlaku di zaman Jahiliyah, lalu dia dibeli oleh Hakim ibn Hizam untuk ibu saudaranya Siti Khadijah r.a. Apabila Rasulullah s.a.w. berkahwin dengan Siti Khadijah, dia menghadiahkan Zayd kepada beliau. Kemudian bapa Zayd dan ayah saudaranya datang memintanya, lalu Rasulullah s.a.w. pun memberi pilihan kepada Zayd dan dia telah memilih beliau. Lalu beliau memerdekakannya dan mengambilnya sebagai anak angkat. Orang ramai memanggilnya Zayd bin Muhammad dan dialah orang yang pertama beriman kepada beliau di antara maula-maula (bekas hamba).

Apabila Islam mulai menyusun peraturan hubungan-hubungan keluarga di atas asasnya yang tabi'i dan mengukuhkan hubungan kekeluargaan itu dengan menjadikannya satu hubungan yang terang dan tidak bercampuraduk, maka Allah menghapuskan adat anak angkat ini dan memulangkan hubungan keturunan kepada punca-puncanya yang sebenar, iaitu hubungan darah daging, hubungan bapa dan anak yang sebenar. Firman-Nya:

وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَآءَكُمْ أَبْنَآءَكُمْ ذَٰلِكُمْ قَوْلُكُم بِأَفْوَٰهِكُمْ

"Dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkat kamu itu sebagai anak-anak kandung kamu sendiri. (Dakwaan-dakwaan itu) hanyalah perkataan-perkataan kamu yang keluar dari mulut kamu sahaja."(4)

Perkataan sahaja tidak dapat mengubahkan kenyataan dan tidak dapat mewujudkan satu hubungan selain dari hubungan darah dan hubungan keturunan yang mewarisi sifat-sifat keturunan yang dibawa oleh nutfah, juga hubungan jiwa atau perasaan semulajadi yang lahir dari hakikat si anak itu sebagai sepotong daging hidup dari tubuh bapanya yang hidup.

وَٱللَّهُ يَقُولُ ٱلْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِى ٱلسَّبِيلَ ﴿٤﴾

"Sedangkan Allah menerangkan hakikat yang benar dan Dialah yang memberi hidayat ke jalan yang betul."(4)

Allah menerangkan hakikat yang benar, yang mutlak dan tidak bercampur dengan kebatilan, dan di antara hakikat yang benar ialah menegakkan hubungan kekeluargaan di atas asas hubungan darah daging yang sebenar bukan di atas asas kata-kata yang dikeluarkan oleh mulut mereka, dan Allah:

وَهُوَ يَهْدِى ٱلسَّبِيلَ ﴿٤﴾

"Memberi hidayat ke jalan yang betul"(4)

yakni jalan yang lurus yang bersambung dengan undang-undang fitrah yang tidak boleh diganti oleh mana-mana peraturan lain yang diciptakan mulut manusia yang mengeluarkan kata-kata yang tidak ada maknanya di dalam kenyataan.

ٱدْعُوهُمْ لِءَابَآئِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِندَ ٱللَّهِ

"Panggillah mereka (anak-anak angkat) dengan bin bapa-bapa mereka yang sebenar. Itulah yang lebih adil di sisi Allah."(5)

Memanglah satu perkara yang adil apabila seorang anak itu dibinkan kepada bapanya yang sebenar. Ia merupakan satu keadilan kepada si bapa kerana dari darah dagingnya lahirnya si anak itu, dan merupakan satu keadilan kepada si anak yang menyandang nama bapanya, yang saling mewarisi satu sama lain dan saling membantu. Ia merupakan kesinambungan dari bapanya dengan warisan-warisannya yang terpendam dalam dirinya, di samping mewakili ciri-cirinya dan ciri-ciri datuk neneknya. Ia merupakan keadilan kepada dasar kebenaran itu sendiri yang meletakkan segala sesuatu di tempatnya yang sebenar dan menegakkan segala hubungan di atas asas fitrah semulajadi. Ia tidak menghilangkan kelebihan seorang bapa dan tidak pula menghilangkan kelebihan seorang anak. Ia tidak membebankan tanggung-jawab anak ke atas yang lain dari bapa yang sebenar dan tidak pula memberi kepadanya hak-hak keistimewaannya sebagaimana ia tidak membebankan tanggungjawab anak ke atas yang lain dari anak yang sebenar dan tidak memberi pilih kasih kepadanya.

Inilah sistem hidup yang memperseimbangkan tanggungjawab-tanggungjawab di dalam keluarga dan menegakkan keluarga di atas asas yang teguh dan halus yang diambil dari alam kenyataan. Serentak itu juga sistem ini membangunkan binaan masyarakat di atas asas haqiqi yang amat kuat, benar dan sesuai dengan fitrah. Segala sistem hidup yang tidak melayani hakikat keluarga yang tabi'i adalah satu sistem hidup yang gagal, lemah, mempunyai asas-asas yang palsu yang tidak dapat bertahan lama.[2]

Memandang kepada kekacauan dalam hubungan-hubungan keluarga dan dalam hubungan seks di zaman Jahiliyah yang mengakibatkan lahirnya campuraduk keturunan hingga kadang-kadang tidak diketahui siapakah bapa mereka yang sebenar, maka Islam telah memberi kemudahan dalam usahanya untuk mengatur semula peraturan keluarga dan menegakkan peraturan kemasyarakatan di atas asasnya yang sebenar, iaitu Islam telah menetapkan satu kedudukan yang terhormat kepada anak-anak angkat yang tidak diketahui bapa-bapa mereka yang sebenar iaitu kedudukan sebagai "saudara seagama" dan sebagai "maula":

---

[2] *Sistem komunisme cuba menafikan asas keluarga di dalam pembinaan masyarakat. Sistem ini hanya meraba-raba dan masih terus meraba-raba. Walaupun wujudnya asas sistem ideologi komunisme secara falsafah, namun fitrah mulai berjuang di Russia dan ia perlahan-lahan muncul menegakkan pengaruhnya.*

فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوٓا۟ ءَابَآءَهُمْ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَمَوَٰلِيكُمْ ۚ

"Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka (maka panggillah mereka) sebagai saudara-saudara seagama kamu dan sebagai maula-maula kamu."(5)

Ini adalah satu hubungan moral dan perasaan yang tidak mempunyai iltizam-iltizam tertentu seperti iltizam saling mewarisi dan iltizam takaful dalam pembayaran diat, iaitu iltizam-iltizam keturunan darah, juga merupakan iltizam-iltizam adat mengambil anak angkat. Hubungan moral ini bertujuan supaya anak-anak peliharaan itu tidak ditinggal tanpa sesuatu hubungan di dalam masyarakat Islam setelah dihapuskan hubungan anak angkat.

Nas yang berbunyi:

فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوٓا۟ ءَابَآءَهُمْ

"Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka"(5)

menggambarkan hakikat kekacauan yang berlaku di dalam masyarakat Jahiliyah dan hakikat kekacauan dalam hubungan-hubungan seks. Kekacauan inilah yang mahu diatasi Islam dengan menegakkan peraturan keluarga di atas asas kebapaan yang sebenar dan menegakkan peraturan masyarakat di atas asas keluarga yang bersih.

Dalam usaha memulangkan keturunan kepada bapa-bapa yang sebenar, maka orang-orang Mu'minin tidak dipersalahkan apabila mereka gagal menemui atau mengenal pasti bapa-bapa yang sebenar.

وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَآ أَخْطَأْتُم بِهِۦ وَلَٰكِن مَّا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥﴾

"Dan tiada apa-apa dosa di atas kamu dalam perkara yang kamu tersalah melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa) ialah perbuatan-perbuatan yang disengajakan hati kamu, dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(5)

Kema'afan dan kemudahan ini adalah terbit dari sifat Allah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih. Dia tidak memberatkan manusia melakukan perkara-perkara yang tidak mampu dilakukan mereka.

Rasulullah s.a.w. telah memberi tekanan yang berat supaya keturunan itu diselidik dan dipastikan dengan cermat untuk menunjukkan kesungguhan peraturan yang baru itu demi menghapuskan segala kesan dari kegoyahan masyarakat Jahiliyah itu. Beliau mengancam orang-orang yang menyembunyikan hakikat keturunan yang sebenar dengan mengecap mereka sebagai kufur. Ujar Ibn Jarir kami telah diceritakan oleh Ya'kub bin Ibrahim, kami telah diceritakan oleh Ibn 'Aaliyah dari 'Uyainah ibn Abdul Rahman dari bapanya katanya: Kata Abu Bakr r.a. firman Allah:

ٱدْعُوهُمْ لِءَابَآئِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِندَ ٱللَّهِ ۚ فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوٓا۟ ءَابَآءَهُمْ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَمَوَٰلِيكُمْ ۚ

"Panggillah mereka (anak-anak angkat) dengan 'bin' bapa-bapa mereka yang sebenar. Itulah yang lebih adil di sisi Allah. Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka (maka panggillah mereka) sebagai saudara-saudara seagama kamu dan sebagai maula-maula kamu"(5)

dan aku juga dari orang-orang yang tidak dikenali bapanya yang sebenar dan aku adalah saudara seagama dengan kamu. Kata bapaku (dari percakapan 'Uyainah ibn Abdul Rahman): Demi Allah, aku fikir jika dia (Abu Bakr) tahu bapanya keldai sekalipun dia sanggup hubungkan keturunannya kepadanya. Dalam sebuah hadith Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

من ادّعى إلى غير أبيه — وهو يعلم — إلا كفر

"Barang siapa yang mendakwa keturunannya kepada yang lain dari bapanya yang sebenar - sedangkan dia tahu (orang itu bukan bapanya) - nescaya kafirlah dia."

Amaran yang berat ini sesuai dengan perhatian Islam yang berat untuk memelihara keluarga dan hubungan-hubungannya dari segala campuraduk dan orang-orang asing yang tidak sebenar. Islam menjaga keluarga dengan segala wasilah keselamatan, kejujuran, kekuatan dan keteguhan agar dapat ditegakkan sebuah masyarakat yang padu, sejahtera, bersih dan jujur.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 6)

Setelah itu ayat yang berikut menjelaskan pula penghapusan peraturan mu'akhah (persaudaraan) di samping penghapusan peraturan mengambil anak angkat. Peraturan mu'akhah bukanlah peraturan Jahiliyah, malah ia adalah satu peraturan yang diadakan oleh Islam untuk mengatasi masalah orang-orang Muhajirin yang telah meninggal harta benda dan keluarga mereka di Makkah, juga untuk mengatasi masalah yang berlaku di dalam kalangan orang-orang Islam di Madinah yang telah terputus hubungan dengan keluarga mereka kerana menganut agama Islam. Penjelasan itu disertakan pula dengan menetapkan hak wilayah umum (hak penjagaan dan kepimpinan) kepada Nabi s.a.w. dan mengutamakannya di atas segala wilayah keturunan, juga menetapkan hubungan keibuan di antara para isteri Rasulullah s.a.w. dengan sekalian kaum Mu'minin:

ٱلنَّبِىُّ أَوْلَىٰ بِٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ ۖ وَأَزْوَٰجُهُۥٓ أُمَّهَٰتُهُمْ ۗ وَأُو۟لُوا۟ ٱلْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ

فِي كِتَٰبِ ٱللَّهِ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ وَٱلۡمُهَٰجِرِينَ إِلَّآ أَن
تَفۡعَلُوٓاْ إِلَىٰٓ أَوۡلِيَآئِكُم مَّعۡرُوفٗاۚ كَانَ ذَٰلِكَ فِي
ٱلۡكِتَٰبِ مَسۡطُورٗا ٦

"Nabi itu lebih menjaga (kebaikan) orang-orang yang beriman dari diri mereka sendiri, dan para isterinya adalah menjadi ibu mereka. Dan orang-orang yang mempunyai hubungan rahim lebih berhak mewarisi satu sama lain menurut (hukum) kitab Allah daripada orang-orang yang beriman dan orang-orang Muhajirin (yang bukan kerabat mereka) kecuali kamu hendak membuat kebaikan kepada sahabat-sahabat seagama kamu. Hukum yang sedemikian adalah tertulis di dalam kitab Allah."(6)

Di Sebalik Peristiwa Hijrah

Orang-orang Muhajirin telah berpindah dari Makkah ke Madinah. Mereka meninggalkan segala-galanya kerana melarikan diri menuju kepada Allah demi menyelamatkan agama mereka. Mereka lebih mengutamakan 'aqidah mereka dari hubungan kekeluargaan, dari harta benda, dari punca-punca kehidupan, dari kenangan-kenangan zaman kecil dan zaman muda dan dari hubuhgan sahabat teman. Demi menyelamatkan 'aqidah, mereka sanggup meninggalkan segala-galanya. Hijrah mereka dengan keadaan yang sedemikian rupa, yang sanggup meninggalkan segala yang disayangi hati termasuk keluarga, suami, isteri dan anak, merupakan satu contoh yang hidup di bumi ini, di mana 'aqidah Islam yang sempurna yang mempengaruhi sepenuhnya hati seseorang telah menjadi kenyataan, di mana tiada ruang lagi dalam hatinya untuk yang lain dari 'aqidah Islam. Hijrah yang sedemikian itu juga membuktikan terlaksananya kesatuan syakhsiyah insaniyah tepat seperti firman Allah Ta'ala:

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٖ مِّن قَلۡبَيۡنِ فِي جَوۡفِهِۦۚ

"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam rongga dadanya."(4)

Hal yang seperti ini juga telah berlaku di Madinah dalam satu bentuk yang lain. Ramai orang dari berbagai-bagai keluarga telah memeluk Islam dan di antara anggota-anggota keluarga itu ramai pula yang tetap dengan kepercayaan syirik mereka. Ini menyebabkan putusnya hubungan kekeluargaan di antara mereka dengan kaum kerabat mereka dan berlakulah kegoyahan dalam hubungan-hubungan keluarga lebih-lebih lagi di dalam hubungan-hubungan kemasyarakatan.

Masyarakat Islam di waktu itu masih baru dan kerajaan Islam yang baru itu lebih merupakan suatu wawasan yang bersemayam di dalam hati dari merupakan sebuah sistem pemerintahan yang mempunyai undang-undang dan peraturan yang lengkap.

Di sini 'aqidah Islam yang baru itu telah mencetuskan gelombang perasaan dan semangat kesedaran yang mengatasi segala sentimen dan perasaan yang lain, mengatasi segala peraturan dan tradisi dan mengatasi segala hubungan dan pertalian yang lain agar 'aqidah Islam sahaja menjadi satu-satunya tali perhubungan yang mengikatkan hati para penganutnya, dan dalam waktu yang sama mengikatkan kumpulan-kumpulan Muslimin yang terpisah dari akar-akar hubungan asal mereka yang berasaskan keluarga dan suku di mana tali hubungan 'aqidah ini menggantikan tali hubungan darah, hubungan kepentingan, persahabatan, bangsa dan bahasa. Hubungan 'aqidah inilah yang menyatupadukan semua kumpulan yang memeluk Islam. Ia menjadikan mereka satu kelompok Muslimin yang benar-benar padu dan satu, benar-benar hidup saling membantu dan bertafakul. Ia wujud bukan dengan nas-nas dari syari'at dan bukan pula dari perintah-perintah kerajaan tetapi ia diwujudkan oleh motif dalaman dan semangat kesedaran yang kuat dan luar biasa dalam kehidupan mereka, dan di atas asas perasaan dan semangat inilah tegaknya masyarakat Islam, sedangkan di masa itu masyarakat Islam belum lagi mampu dibangunkan di atas asas peraturan-peraturan kerajaan dan kekuatan undang-undang.

Orang-orang Muhajirin menjadi tetamu saudara-saudara mereka kaum Ansar yang beriman dan menjadi penduduk-penduduk Madinah. Mereka menyambut orang-orang Muhajirin di rumah mereka dan di dalam hati mereka serta berkongsi harta dengan mereka. Mereka berlumba-lumba memberi tempat tinggal kepada orang-orang Muhajirin sehingga tiada seorang Muhajirin yang akan tinggal di rumah mana-mana orang Ansar melainkan dengan undi, kerana bilangan orang-orang Muhajirin lebih kecil dari bilangan orang-orang Ansar yang ingin memberi tempat kediaman kepada mereka. Mereka berkongsi segala-galanya dengan penuh kerelaan hati, bersih dari tabi'at kedekut dan bersih dari tujuan menunjuk-nunjuk.

Ikatan Persaudaraan Yang Unik

Rasulullah s.a.w. telah mengikatkan tali persaudaraan di antara orang-orang Muhajirin dengan orang-orang Ansar. Persaudaraan ini merupakan satu hubungan yang unik di dalam sejarah perpaduan dan setiakawan di antara penganut-penganut 'aqidah. Persaudaraan ini telah mengambil tempat persaudaraan darah. Ia melibatkan waris mewarisi harta pusaka dan lain-lain komitmen yang terbit dari hubungan keturunan seperti membayar diat dan sebagainya.

Perasaan dan semangat kesedaran ini telah memuncak tinggi dan orang-orang Islam telah menghormati perhubungan ini dengan serius sebagaimana mereka menghormati segala ajaran yang lain yang dibawa Islam. Perasaan dan semangat inilah yang telah mengambil tempat dan berfungsi sebagai kerajaan yang berdaulat dan sebagai undang-undang yang kukuh yang diterima umum dalam mewujudkan masyarakat Islam dan melindungi

keselamatannya. Perasaan dan semangat yang seperti ini adalah perlu untuk memelihara keselamatan dan perpaduan masyarakat Islam yang baru itu di dalam suasana-suasana yang luar biasa yang dihadapinya.

Perasaan dan semangat yang seperti ini adalah perlu bagi pertumbuhan setiap kumpulan yang menghadapi suasana-suasana yang seperti itu sehingga wujudnya sebuah kerajaan yang kukuh dengan undang-undang dan peraturan yang mantap yang dapat menjaminkan kehidupan, perkembangan dan keselamatan kumpulan itu. Perasaan dan semangat yang seperti ini adalah perlu sehingga lahirnya keadaan-keadaan yang normal.

Tetapi walaupun Islam sangat menghormati perasaan dan semangat yang seperti itu supaya sentiasa bersemarak di dalam hati kaum Muslimin, namun Islam berusaha dengan sungguh-sungguh agar masyarakat Islam dapat dibangunkan di atas asas tenaga kemampuan jiwa manusia yang biasa bukan di atas perasaan dan semangat yang luar biasa yang memainkan peranannya di dalam suasana-suasana yang luar biasa agar tempatnya dapat diambil alih oleh perasaan dan semangat yang biasa dan oleh undang-undang dan peraturan yang biasa apabila tamatnya keadaan darurat yang dihadapi masyarakat Islam.

Justeru itu sebaik sahaja keadaan kota Madinah itu agak mantap selepas berlakunya Peperangan Badar dan sebaik sahaja kerajaan Islam di Madinah dapat mengukuhkan sedikit kedudukannya dan peraturan-peraturan kemasyarakatannya, dan sebaik sahaja terbuka peluang-peluang mencari makan dan sebaik sahaja semua orang mendapat habuan kehidupan yang cukup setelah diwujudkan pasukan-pasukan tentera penggempur selepas Peperangan Badar terutama selepas kaum Muslimin mendapat harta rampasan perang dari Bani Qaynuqa' yang diusir dari Madinah...... sebaik sahaja wujudnya jaminan-jaminan yang seperti ini, maka Al-Qur'anul-Karim pun kembali menghapuskan peraturan mu'akhah itu, iaitu menghapuskan tanggungan-tanggungan yang terbit dari hubungan darah dan keturunan dan mengekalkan hubungan sentimen dan perasaan persaudaraan Islam supaya ia dapat berfungsi kembali apabila wujudnya keadaan yang memerlukannya. Dengan penghapusan peraturan mu'akhah itu, maka segala hubungan di dalam masyarakat Islam kembali kepada keadaannya yang biasa, di mana hak mewarisi harta pusaka dan tanggungan membayar diat dikembalikan kepada hubungan darah daging dan keturunan yang merupakan peraturan asal yang tercatat di dalam kitab Allah yang qadim dan di dalam undang-undangnya yang biasa:

Wilayah Umum Rasulullah s.a.w. Ke Atas Orang-orang Yang beriman

ٱلنَّبِيُّ أَوۡلَىٰ بِٱلۡمُؤۡمِنِينَ مِنۡ أَنفُسِهِمۡۖ وَأَزۡوَٰجُهُۥٓ
أُمَّهَٰتُهُمۡۗ وَأُوْلُواْ ٱلۡأَرۡحَامِ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلَىٰ بِبَعۡضٖ
فِي كِتَٰبِ ٱللَّهِ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ وَٱلۡمُهَٰجِرِينَ إِلَّآ أَن
تَفۡعَلُوٓاْ إِلَىٰٓ أَوۡلِيَآئِكُم مَّعۡرُوفٗاۚ كَانَ ذَٰلِكَ فِي
ٱلۡكِتَٰبِ مَسۡطُورٗا ٦

"Dan orang-orang yang mempunyai hubungan rahim lebih berhak mewarisi satu sama lain menurut (hukum) kitab Allah daripada orang-orang yang beriman dan orang-orang Muhajirin (yang bukan kerabat mereka) kecuali kamu hendak membuat kebaikan kepada sahabat-sahabat seagama kamu. Hukum yang sedemikian adalah tertulis di dalam kitab Allah."(6)

Dan sekaligus itu juga Al-Qur'an menetapkan hak wilayah umum kepada Nabi s.a.w. iaitu hak wilayah yang mengatasi wilayah darah dan wilayah terhadap diri sendiri:

ٱلنَّبِيُّ أَوۡلَىٰ بِٱلۡمُؤۡمِنِينَ مِنۡ أَنفُسِهِمۡۖ

"Nabi itu lebih menjaga (kebaikan) orang-orang yang beriman dari diri mereka sendiri."(6)

Juga menetapkan hak keibuan kepada para isteri Rasulullah s.a.w. dalam hubungan mereka dengan orang-orang yang beriman:

وَأَزۡوَٰجُهُۥٓ أُمَّهَٰتُهُمۡۗ

"Dan para isterinya adalah menjadi ibu mereka."(6)

Taraf Keibuan Para Isteri Rasulullah s.a.w.

Hak wilayah Rasulullah s.a.w. ialah wilayah umum yang meliputi hak mengatur seluruh peraturan hidup, di mana sekalian orang yang beriman pastilah menyerahkan urusan ini kepada beliau. Tiada pilihan kepada mereka melainkan apa yang dipilih, beliau kepada mereka berdasarkan wahyu Allah:

لا يؤمن أحدكم حتّى يكون هوهه تبعاً لما جئت به

"Tidak beriman seseorang kamu sehingga hawa nafsunya tunduk kepada peraturan yang telah dibawa olehku."

Hak wilayah umum juga meliputi perasaan mereka iaitu mereka pasti kasihkan Rasulullah s.a.w. lebih dari mengasihi diri sendiri. Tidak seharusnya ada di dalam hati mereka seseorang yang lain atau sesuatu yang lain yang lebih diutamakan dari Rasulullah s.a.w. Mengikut sebuah hadith yang sahih:

والذي نفسي بيده لا يؤمن أحدكم حتى أكون أحب إليه
من نفسه وماله وولده والناس أجمعين

"Demi Allah yang nyawaku berada di tangan kekuasaan-Nya, tidak beriman seorang kamu sehingga aku lebih dikasihinya dari dirinya sendiri, dari harta dan anaknya dan dari seluruh manusia yang lain."

Kekuatan Perasaan Cinta Kepada diri Sendiri

Tersebut di dalam sebuah hadith yang sahih lagi:

أن عمر – رضي الله عنه – قال : يا رسول الله ، والله لأنت أحب إليّ من كل شيء إلا من نفسي. فقال – صلى الله عليه وسلم – : لا يا عمر حتى أكون أحب إليك من نفسك . فقال : يا رسول الله و الله لأنت أحب إليّ من كل شيء حتى من نفسي. فقال – صلى الله عليه وسلم – : الآن يا عمر.

Bahawa 'Umar r.a. telah berkata: 'Wahai Rasulullah, demi Allah sesungguhnya engkau lebih dikasihi kepadaku dari segala sesuatu kecuali diriku." Maka jawab Rasulullah s.a.w.: "Tidak begitu, wahai 'Umar, sehingga aku lebih dikasihi kepadamu dari dirimu sendiri". 'Umar pun berkata: 'Wahai Rasul, demi Allah sesungguhnya engkau lebih dikasihi kepadaku dari segala sesuatu sehingga dari diriku sendiri". Lalu jawab Rasulullah s.a.w.: "Sekarang (barulah tepat), wahai Umar."

Kasih yang sedemikian ini bukannya kata-kata dihujung lidah sahaja, tetapi ia adalah satu maqam yang amat tinggi yang tidak dapat dicapai oleh hati melainkan dengan taufiq Allah yang bebas dari tarikan cinta kepada diri sendiri, kerana seseorang itu amat menyintai dirinya sendiri dan sesuatu yang berhubung dengannya sehingga melebihi batas yang dapat dikhayal dan difaham. Kadang-kadang seorang itu merasa bahawa dia dapat menundukkan perasaannya, dapat mengendalikan hatinya dan dapat mengawalkan rasa keterlaluan cinta, kepada diri sendiri, tetapi apabila terjadi sesuatu yang menyentuh kehormatan peribadinya dia akan melenting laksana seorang yang dipatuk ular hingga ia tidak dapat lagi mengawal emosinya, kerana kesannya meresap begitu mendalam di lubuk hatinya. Seorang itu mungkin dapat melatihkan dirinya untuk mengorbankan seluruh jiwa raganya, tetapi memang sukar kepadanya untuk melatihkan diri menerima sesuatu penghinaan yang menyentuh kehormatan diri yang dianggap menghinakannya atau mengaibkan ciri-ciri istimewanya atau mengkritik atau menjatuhkan mana-mana sifat keperibadiannya walaupun dia pernah mendakwa perkara itu tidak menjadi apa-apa kepadanya. Kebolehan untuk mengatasi rasa kecintaan yang mendalam terhadap diri sendiri itu bukanlah merupakan kata-kata di hujung lidah sahaja, malah seperti yang telah kami tegaskan tadi ia adalah satu maqam yang amat tinggi yang tidak dicapai oleh hati melainkan dengan taufiq dari Allah atau dengan usaha yang lama, latihan dan kesedaran yang berterusan dan keinginan yang ikhlas yang sentiasa memohon pertolongan dari Allah. Ia merupakan jihad yang paling besar seperti yang pernah dinamakannya oleh Rasulullah s.a.w. Cukuplah kepada kita melihat bagaimana 'Umar yang kita memang kenalinya itu masih memerlukan kepada teguran Rasulullah s.a.w. yang telah membuka pintu hatinya yang bersih itu.

Hak wilayah umum Rasulullah s.a.w. juga meliputi tanggungan-tanggungan mereka. Tersebut dalam sebuah hadith yang sahih.

ما من مؤمن إلا وأنا أولى الناس به في الدنيا والآخرة. إقرأوا إن شئتم (النبي أولى بالمؤمنين من أنفسهم) فإيما مؤمن ترك مالاً فليرثه عصبته من كانوا. وإن ترك ديناً أو ضياعاً فليأتني فأنا مولاه.

"Tiada seorang Mu'min melainkan akulah orang yang paling banyak menjaga kebaikannya di dunia dan akhirat. Bacalah jika kamu suka (Nabi itu lebih menjaga kebaikan orang-orang Mu'min dari diri mereka sendiri) oleh itu mana-mana orang Mu'min yang meninggalkan harta, maka hendaklah harta itu diwarisi oleh warisan-warisannya yang ada, dan jika dia meninggalkan hutang atau orang-orang tanggungan, maka hendaklah dia datang kepadaku kerana akulah penjaganya."

Maksudnya, beliaulah yang akan membayarkan hutangnya jika ia mati tanpa meninggalkan harta yang dapat menjelaskan hutangnya dan dapat menyarakan keluarganya yang masih kecil selepas matinya.

Selain dari ini, maka urusan hidup ditegakkan di atas asas-asasnya yang biasa sahaja yang tidak memerlukan kepada perasaan yang tinggi dan semangat berkobar-kobar yang luar biasa kecuali mengekalkan perasaan kasih mesra di antara sahabat-sahabat seagama setelah dihapuskan peraturan mu'akhah. Oleh itu tidaklah dilarang seorang sahabat meninggalkan wasiat untuk sahabat-sahabat seagamanya selepas matinya atau memberikan sesuatu kepadanya semasa hayatnya:

إِلَّآ أَن تَفۡعَلُوٓاْ إِلَىٰٓ أَوۡلِيَآئِكُم مَّعۡرُوفٗاۚ كَانَ ذَٰلِكَ فِي ٱلۡكِتَٰبِ مَسۡطُورٗا ٦

"Kecuali kamu hendak membuat kebaikan kepada sahabat-sahabat seagama kamu. Hukum yang sedemikian adalah tertulis di dalam kitab Allah."(6)

Semua peraturan ini diikatkan pada tali pertama 'aqidah di samping merupakan kehendak Allah yang tercatat dalam kitab azali-Nya. Penjelasan ini meyakinkan hati yang berpegang dengan dasar 'aqidah yang agung, di mana segala undang-undang dan peraturan dirujukkan kepadanya.

Dengan perubahan peraturan-peraturan ini kehidupan kaum Muslimin berlangsung dengan selesa mengikut asas-asasnya yang biasa dan tidak lagi terus tergantung-gantung di puncak yang tinggi yang biasanya tidak dapat dicapai melainkan dalam waktu-waktu yang luar biasa yang memang terbatas dalam kehidupan masyarakat dan individu-individu.

Kemudian Islam mengekalkan sumber semangat dan perasaan yang berkobar-kobar itu supaya dapat bersemarak dan berkobar-kobar kembali apabila diperlukan oleh keadaan dharurat yang dihadapi oleh masyarakat Islam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 8)

Sesuai dengan kehendak Allah dan dengan peraturan-peraturan yang dicatatkan dalam kitab Allah supaya menjadi undang-undang yang kekal dan sistem hidup yang berterusan, maka Al-Qur'an menyebut perjanjian Allah dengan para Nabi, dengan Nabi s.a.w. dan terutama dengan para rasul Ulul-'Azmi, untuk memikul amanah sistem ini dan berdiri teguh di atasnya serta menyampaikannya kepada manusia dan menegakkannya di kalangan umat-umat, di mana mereka diutuskan kepadanya supaya mereka bertanggungjawab terhadap hidayat dan kesesatan mereka dan terhadap keimanan dan kekufuran mereka, kerana mereka tidak mempunyai apa-apa alasan lagi setelah agama ini disampaikan kepada mereka oleh para rasul 'alaihimus-salam:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ مِيثَٰقَهُمْ وَمِنكَ وَمِن نُّوحٍ وَإِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ۖ وَأَخَذْنَا مِنْهُم مِّيثَٰقًا غَلِيظًا ﴿٧﴾

لِّيَسْـَٔلَ ٱلصَّٰدِقِينَ عَن صِدْقِهِمْ ۚ وَأَعَدَّ لِلْكَٰفِرِينَ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٨﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami mengambil perjanjian dari para Nabi dan dari engkau sendiri, juga dari Nuh, Ibrahim, Musa dan 'Isa putera Maryam. Kami telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh(7). Agar Dia (Allah) menyoalkan orang-orang yang benar itu tentang kebenaran (iman) mereka, dan Dia telah menyediakan untuk orang-orang kafir 'azab yang amat pedih."(8)

Perjanjian Di Antara Allah Dan Para Rasul-Nya

Intisari perjanjian-perjanjian itu satu sahaja dari sejak Nuh a.s. hingga kepada Khatamun-Nabiyin Muhammad s.a.w. Semuanya merupakan satu perjanjian, satu sistem hidup dan satu amanah sahaja yang diterima oleh setiap Rasul untuk disampaikannya kepada manusia.

Mula-mula Al-Qur'an menyebut secara umum iaitu

ٱلنَّبِيِّـۧنَ مِيثَٰقَهُمْ

"Kami mengambil perjanjian dari para Nabi"(7)

kemudian secara khusus ia menyebut Nabi Muhammad pembawa Al-Qur'an dan da'wah umum untuk semesta alam iaitu:

وَمِنكَ

"Dan dari engkau sendiri"(7)

kemudian ia kembali menyebut para rasul Ulul-'Azmi selaku pembawa-pembawa risalah terbesar sebelum risalah Muhammad yang terakhir iaitu:

وَمِن نُّوحٍ وَإِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ۖ

"Dari Nuh, Ibrahim, Musa dan 'Isa putera Maryam."(7)

Selepas menerangkan para rasul yang mengikat perjanjian-perjanjian itu, Al-Qur'an kembali pula membicarakan tentang perjanjian itu sendiri:

وَأَخَذْنَا مِنْهُم مِّيثَٰقًا غَلِيظًا ﴿٧﴾

"Kami telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh."(7)

Perjanjian itu disifatkan dengan "teguh" kerana asal makna "mithaq" (ميثاق - perjanjian) itu ialah "tali yang disimpul", kemudian dipinjam untuk mengertikan perjanjian dan perikatan. Sifat itu memberi makna yang lebih besar dan menambahkan lagi kekuatan sarananannya kepada perasaan manusia iaitu ia adalah satu perjanjian yang amat teguh dan kuat yang terjalin di antara Allah dengan para rasul-Nya yang terpilih supaya mereka menerima wahyu-Nya dan menyampaikannya kepada manusia, juga supaya mereka berdiri teguh di atas agamanya dengan penuh amanah dan jujur.

لِّيَسْـَٔلَ ٱلصَّٰدِقِينَ عَن صِدْقِهِمْ ۚ

"Agar Dia (Allah) menyoalkan orang-orang yang benar itu tentang kebenaran (iman) mereka."(8)

Orang-orang yang benar ialah orang-orang yang beriman yang mengucap kalimat yang benar dan menganut 'aqidah yang benar. Selain dari mereka adalah pembohong belaka, kerana mereka percaya kepada 'aqidah yang batil dan mengucapkan kalimat yang batil. Demikianlah makna dan saranan dari kata-kata sifat:

ٱلصَّٰدِقِينَ

"Orang-orang yang benar."(8)

Kebenaran iman mereka akan ditanya pada hari Qiamat sebagaimana guru menanya murid yang cerdik dan berjaya di hadapan para jemputan di majlis pengumuman natijah peperiksaan, iaitu pertanyaan untuk memberi penghormatan dan mengumumkan kejayaannya kepada khalayak yang ramai. Tegasnya pertanyaan yang dihadapkan kepada mereka pada hari perhimpunan raksasa di Akhirat itu adalah bertujuan untuk menyatakan kewajaran mereka menerima balasan dan kepujian.

Adapun orang-orang yang tidak benar yang menganut 'aqidah yang batil dan mengucapkan kalimat yang dusta dalam persoalan yang paling besar iaitu persoalan 'aqidah, maka untuk mereka telah disediakan satu balasan yang lain iaitu:

وَأَعَدَّ لِلْكَٰفِرِينَ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٨﴾

"Dia telah menyediakan untuk orang-orang kafir 'azab yang amat pedih."(8)

(Kumpulan ayat-ayat 9 - 27)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ
جَآءَتْكُمْ جُنُودٌ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا وَجُنُودًا لَّمْ
تَرَوْهَا ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا ﴿٩﴾
إِذْ جَآءُوكُم مِّن فَوْقِكُمْ وَمِنْ أَسْفَلَ مِنكُمْ وَإِذْ
زَاغَتِ ٱلْأَبْصَٰرُ وَبَلَغَتِ ٱلْقُلُوبُ ٱلْحَنَاجِرَ وَتَظُنُّونَ
بِٱللَّهِ ٱلظُّنُونَا۠ ﴿١٠﴾
هُنَالِكَ ٱبْتُلِىَ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَزُلْزِلُوا۟ زِلْزَالًا شَدِيدًا ﴿١١﴾
وَإِذْ يَقُولُ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ مَّا
وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢﴾
وَإِذْ قَالَت طَّآئِفَةٌ مِّنْهُمْ يَٰٓأَهْلَ يَثْرِبَ لَا مُقَامَ لَكُمْ
فَٱرْجِعُوا۟ ۚ وَيَسْتَـْٔذِنُ فَرِيقٌ مِّنْهُمُ ٱلنَّبِىَّ يَقُولُونَ إِنَّ
بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ وَمَا هِىَ بِعَوْرَةٍ ۖ إِن يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارًا ﴿١٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Kenangilah ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kamu ketika kamu diserang tentera-tentera (gabungan) lalu Kami hantarkan kepada mereka ribut yang kencang dan tentera-tentera (malaikat) yang tidak dapat dilihat kamu, dan Allah sentiasa melihat segala apa yang dilakukan kamu(9). Iaitu ketika mereka menyerang kamu dari atas dan dari bawah kamu dan ketika mata (kamu) memandang liar dan hati (kamu) sebak hingga ke kerongkong (kerana cemas) dan kamu menaruh berbagai-bagai sangkaan terhadap Allah(10). Di sanalah orang-orang Mu'min diuji dan digoncangkan (hati mereka) dengan goncangan yang amat kuat(11). Dan (kenangilah) ketika orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya berkata: Tiada yang dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kita melainkan palsu belaka (12). Dan (kenangilah) ketika segolongan dari mereka berkata: Wahai penduduk Yathrib! Bukan tempatnya bagi kamu (berjuang di sini) oleh itu baliklah! Dan segolongan yang lain dari mereka pula meminta izin (hendak balik) dari nabi sambil berkata: Sesungguhnya rumah-rumah kami terdedah (kepada serangan musuh-musuh) sedangkan sebenarnya rumah-rumah itu tidak terdedah. Mereka hanya bertujuan hendak melarikan diri sahaja." (13).

وَلَوْ دُخِلَتْ عَلَيْهِم مِّنْ أَقْطَارِهَا ثُمَّ سُئِلُوا۟ ٱلْفِتْنَةَ
لَءَاتَوْهَا وَمَا تَلَبَّثُوا۟ بِهَآ إِلَّا يَسِيرًا ﴿١٤﴾
وَلَقَدْ كَانُوا۟ عَٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ مِن قَبْلُ لَا يُوَلُّونَ
ٱلْأَدْبَٰرَ ۚ وَكَانَ عَهْدُ ٱللَّهِ مَسْـُٔولًا ﴿١٥﴾

قُل لَّن يَنفَعَكُمُ ٱلْفِرَارُ إِن فَرَرْتُم مِّنَ ٱلْمَوْتِ
أَوِ ٱلْقَتْلِ وَإِذًا لَّا تُمَتَّعُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٦﴾
قُلْ مَن ذَا ٱلَّذِى يَعْصِمُكُم مِّنَ ٱللَّهِ إِنْ أَرَادَ بِكُمْ
سُوٓءًا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ رَحْمَةً ۚ وَلَا يَجِدُونَ لَهُم مِّن دُونِ
ٱللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٧﴾
قَدْ يَعْلَمُ ٱللَّهُ ٱلْمُعَوِّقِينَ مِنكُمْ وَٱلْقَآئِلِينَ لِإِخْوَٰنِهِمْ هَلُمَّ
إِلَيْنَا ۖ وَلَا يَأْتُونَ ٱلْبَأْسَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٨﴾
أَشِحَّةً عَلَيْكُمْ ۖ فَإِذَا جَآءَ ٱلْخَوْفُ رَأَيْتَهُمْ يَنظُرُونَ إِلَيْكَ
تَدُورُ أَعْيُنُهُمْ كَٱلَّذِى يُغْشَىٰ عَلَيْهِ مِنَ ٱلْمَوْتِ ۖ فَإِذَا
ذَهَبَ ٱلْخَوْفُ سَلَقُوكُم بِأَلْسِنَةٍ حِدَادٍ أَشِحَّةً عَلَى
ٱلْخَيْرِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ لَمْ يُؤْمِنُوا۟ فَأَحْبَطَ ٱللَّهُ أَعْمَٰلَهُمْ ۚ
وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿١٩﴾
يَحْسَبُونَ ٱلْأَحْزَابَ لَمْ يَذْهَبُوا۟ ۖ وَإِن يَأْتِ
ٱلْأَحْزَابُ يَوَدُّوا۟ لَوْ أَنَّهُم بَادُونَ فِى ٱلْأَعْرَابِ
يَسْـَٔلُونَ عَنْ أَنۢبَآئِكُمْ ۖ وَلَوْ كَانُوا۟ فِيكُم مَّا قَٰتَلُوٓا۟
إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢٠﴾
لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِى رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ
يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْءَاخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾
وَلَمَّا رَءَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلْأَحْزَابَ قَالُوا۟ هَٰذَا مَا وَعَدَنَا
ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَصَدَقَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ ۚ وَمَا زَادَهُمْ إِلَّآ
إِيمَٰنًا وَتَسْلِيمًا ﴿٢٢﴾

"Dan andainya Madinah itu dimasuki musuh yang menyerang mereka dari segala sudutnya kemudian mereka diajak murtad dari agama mereka sudah tentu mereka akan melakukannya dan mereka tidak akan teragak-agak melainkan hanya sebentar sahaja(14). Sedangkan dahulunya mereka telah berjanji dengan Allah iaitu mereka tidak akan berpaling undur, dan janji Allah tetap akan disoal(15). (Wahai Muhammad katakanlah: Pelarian itu tidak akan berguna kepada kamu jika kamu melarikan diri dari maut

atau terbunuh, (dan jika kamu berjaya melarikan diri), maka kamu tidak juga dapat meni'mati kesenangan, hidup melainkan hanya sebentar sahaja(16). (Wahai Muhammad) katakanlah: Siapakah yang dapat melindungkan kamu dari keputusan Allah jika Dia hendak membinasakan kamu atau jika Dia hendak memberi rahmat kepada kamu? Dan mereka tidak akan memperolehi pelindung dan penolong selain dari Allah(17). Sesungguhnya Allah mengetahui golongan penghalang di antara kamu dan golongan yang berkata kepada saudara-saudara mereka: Marilah bersatu dengan kami, sedangkan mereka tidak ikut berperang melainkan sedikit sahaja(18). Mereka bersikap bakhil terhadap kamu, dan apabila ketakutan melanda, engkau melihat mereka memandang kepadamu (mengharapkan pertolongan) dengan mata mereka yang terbeliak seperti orang yang pengsan semasa hampir mati, tetapi apabila ketakutan itu telah hilang, mereka mencaci kamu dengan lidah yang tajam. Mereka bakhil berbuat kebaikan. Mereka sebenarnya tidak beriman lalu Allah menggugurkan amalan-amalan mereka. Dan pengguguran itu adalah mudah sahaja kepada Allah(19). Mereka (orang-orang Munafiqin) menyangka tentera-tentera gabungan itu belum lagi pergi (meninggalkan mereka), dan jika tentera-tentera gabungan itu datang menyerang (sekali lagi) mereka bercita-cita semoga mereka berada bersama-sama orang-orang Arab Badwi sambil menanya-nanyakan berita-berita mengenai kamu. Dan andainya mereka berada di dalam kalangan kamu, mereka tidak akan ikut berperang melainkan sedikit sahaja(20). Sesungguhnya pada akhlak Rasulullah itu terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu, iaitu bagi mereka yang mengharapkan keredhaan Allah dan keselamatan pada Hari Akhirat dan banyak mengingati Allah(21). Dan ketika orang-orang yang beriman melihat tentera-tentera gabungan, mereka berkata: Inilah apa yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya, dan benarlah Allah dan Rasul-Nya, dan pemandangan itu tidak menambahkan mereka melainkan keimanan dan penyerahan diri (kepada Allah)."(22).

مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا۟ مَا عَٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ عَلَيْهِ ۖ
فَمِنْهُم مَّن قَضَىٰ نَحْبَهُۥ وَمِنْهُم مَّن يَنتَظِرُ ۖ وَمَا بَدَّلُوا۟
تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾

لِّيَجْزِىَ ٱللَّهُ ٱلصَّٰدِقِينَ بِصِدْقِهِمْ وَيُعَذِّبَ
ٱلْمُنَٰفِقِينَ إِن شَآءَ أَوْ يَتُوبَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ
غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٢٤﴾

وَرَدَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِغَيْظِهِمْ لَمْ يَنَالُوا۟ خَيْرًا ۚ
وَكَفَى ٱللَّهُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلْقِتَالَ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ قَوِيًّا
عَزِيزًا ﴿٢٥﴾

وَأَنزَلَ ٱلَّذِينَ ظَٰهَرُوهُم مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ مِن
صَيَاصِيهِمْ وَقَذَفَ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلرُّعْبَ فَرِيقًا
تَقْتُلُونَ وَتَأْسِرُونَ فَرِيقًا ﴿٢٦﴾

وَأَوْرَثَكُمْ أَرْضَهُمْ وَدِيَٰرَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُمْ وَأَرْضًا لَّمْ
تَطَـُٔوهَا ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرًا ﴿٢٧﴾

"Di antara orang-orang yang beriman itu ada orang-orang yang benar-benar menunaikan apa yang telah mereka janjikannya kepada Allah. Di antara mereka ada yang gugur syahid dan di antara mereka pula ada yang menunggu (mati syahid). Dan mereka tidak mengubahkan janji mereka sedikit pun (23). Agar Allah memberi balasan kepada orang-orang yang benar kerana janji mereka dan menyeksakan orang-orang Munafiqin jika dikehendaki-Nya atau menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(24). Dan Allah telah menghalaukan kembali orang-orang kafir (tentera-tentera gabungan) dengan membawa dendam kesumat mereka. Mereka tidak mendapat sebarang kejayaan dan Allah telah menghindarkan orang-orang Mu'minin dari bencana peperangan, dan Allah adalah Maha Kuat dan Maha Perkasa(25). Dan Allah telah menurunkan golongan Ahlil-Kitab (Bani Qurayzah) yang telah membantu mereka (angkatan musuh) dari kubu-kubu mereka dan mencampakkan perasaan takut ke dalam hati mereka. Sebahagian dari mereka kamu bunuh dan sebahagian lagi kamu tawan(26). Dan Allah telah mewariskan kepada kamu tanah-tanah mereka, rumah-rumah dan harta benda mereka, juga tanah-tanah yang belum kamu memijaknya dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(27)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Keperibadian Muslim adalah ditempa dalam kancah perjuangan-perjuangan dan peristiwa-peristiwa. Keperibadian ini matang dan subur sehari demi sehari, peristiwa demi peristiwa, dan jama'ah Muslimin yang terdiri dari orang-orang yang mempunyai keperibadian ini muncul ke alam al-wujud dengan lunas-lunas, nilai-nilai dan ciri-ciri istimewanya yang membezakannya dari lain-lain kelompok manusia.

Peristiwa-peristiwa telah bertindak keras dan kasar terhadap jama'ah Muslimin yang muda ini hingga kadang-kadang sampai kepada darjat peleburan laksana emas yang dileburkan untuk memisahkan logam yang tulen itu dari buih-buihnya yang palsu. Peristiwa-peristiwa itu telah mendedahkan hakikat dan kualiti jiwa mereka yang tulen tidak bercampuraduk.

Al-Qur'an terus diturunkan semasa berlaku peristiwa-peristiwa ujian itu atau selepasnya. Ia menggambarkan peristiwa-peristiwa itu dan menyorotkan cahaya di segenap liku dan sudutnya, di mana terdedahnya sikap-sikap, perasaan-perasaan, niat-niat dan hati nurani (mereka yang terlibat dalam peristiwa itu), kemudian ia berbicara dengan hati mereka yang terdedah di dalam cahaya tanpa dilindungi sebarang tabir itu. Ia menyentuh hati mereka pada tempat-tempat yang merangsangkan

keinsafan dan sambutan mereka. Ia mendidik hati mereka hari demi hari, peristiwa demi peristiwa dan mengaturkan keinsafan-keinsafan dan sambutan-sambutan mereka mengikut program yang dikehendakinya.

Al-Qur'an tidak diturunkan kepada orang-orang Islam sekaligus dengan segala suruhan-suruhan, larangan-larangan, segala undang-undang dan bimbingan-bimbingan, malah Allah menguji mereka dengan berbagai-bagai ujian dan dugaan, kerana Allah tahu bahawa makhluk manusia ini tidak dapat dibentuk dengan sempurna, tidak menjadi matang dengan baik dan tidak dapat berjalan dengan betul dan lurus melainkan dengan perantaraan didikan secara ujian-ujian di alam kenyataan. Didikan yang berasaskan ujian inilah yang dapat menanamkan kesan yang kuat di dalam hati dan saraf mereka. Ia mengambil dan memberi kepada jiwa mereka dalam kancah perjuangan hidup dan dalam pergolakan peristiwa-peristiwa, sedangkan Al-Qur'an adalah diturunkan untuk menjelaskan kepada mereka hakikat dan makna peristiwa-peristiwa yang telah berlaku itu dan memberi bimbingan kepada mereka semasa hati mereka sedang cair dilebur dengan api ujian itu dan sedang panas untuk ditukul dan ditempa.

Zaman yang dilalui kaum Muslimin semasa hayat Rasulullah s.a.w. itu merupakan satu zaman yang amat menakjubkan, kerana ia merupakan zaman perhubungan secara langsung di antara langit (Allah) dengan bumi (manusia) yang diterangkan dengan peristiwa-peristiwa dan kalimat-kalimat (ayat-ayat). Di zaman itu setiap orang Islam merasa bahawa Allah benar-benar melihatnya dan benar-benar mendengar percakapannya. Setiap perkataannya dan setiap geraknya mungkin terdedah kepada orang ramai apabila ayat-ayat Al-Qur'an mengenainya diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. Di zaman itu setiap Muslim benar-benar merasa mempunyai hubungan secara langsung di antara dia dengan Allah. Apabila dia menghadapi masalah dia menunggu semoga terbukanya pintu langit besok atau lusa menurunkan ayat-ayat atau fatwa atau keputusan yang dapat menyelesaikan masalah yang dihadapinya itu. Di zaman itu Allah S.W.T. dengan zat-Nya Yang Maha Tinggi berfirman secara langsung. Wahai si anu engkau telah berkata begini, engkau telah berbuat begini, engkau telah berniat begini, engkau telah menyatakan begini atau buatlah begini dan jangan buat begitu dan sebagainya. Ini adalah satu zaman yang sungguh hebat dan menarik, di mana Allah hadapkan firman-Nya kepada seseorang yang tertentu, sedangkan orang ini dengan segala penghuni dan isi bumi tidak lebih dari sebiji debu di dalam kerajaan Allah Yang Maha Besar.

Itulah satu zaman yang sungguh menarik apabila peristiwa-peristiwanya dihayati dan difikirkan oleh manusia hari ini dan hampir-hampir ia tidak dapat mengerti, bagaimana peristiwa yang lebih besar dari segala khayal itu berlaku.

Tetapi Allah tidak hanya meninggalkan kaum Muslimin dididik dan dimatangkan dengan perasaan-perasaan yang seperti itu sahaja, malah Allah mendidik mereka dengan ujian-ujian di alam kenyataan. Ujian-ujian inilah yang mengambil dan memberi kepada mereka dan semuanya kerana sesuatu hikmat yang diketahui Allah Yang Maha Mengetahui rahsia-rahsia makhluk-makhluk-Nya. Dialah Yang Maha Halus dan Maha Mengerti (اللطيف الخبير).

Hikmat inilah yang wajar direnungi dan difikirkan dengan teliti agar kita menerima ujian-ujian dari peristiwa-peristiwa hidup itu berdasarkan kefahaman dan hasil renungan ini.

* * * * * *

Bahagian Surah al-Ahzab ini menerangkan satu persitiwa dari peristiwa-peristiwa agung di dalam sejarah da'wah Islamiyah dan di dalam sejarah masyarakat Islam. Ia memerikan satu situasi dari situasi-situasi ujian yang amat sukar, iaitu ujian Peperangan al-Ahzab yang berlaku di dalam tahun yang keempat atau yang kelima Hijrah. Peperangan ini telah menguji masyarakat Islam yang muda itu, iaitu menguji nilai-nilai dan kefahaman-kefahaman mereka. Apabila diperhatikan penerangan Al-Qur'an dan cara-cara ia menayangkan peristiwa perang itu, juga uslub penceritaan dan ulasannya, juga penekanannya kepada beberapa pemandangan-pemandangan,kejadian-kejadian, pergerakan-pergerakan dan lintasan-lintasan fikiran, juga cara ia menonjolkan nilai-nilai dan undang-undang, nescaya dapat-lah kita memahami bagaimana cara Allah mendidik umat Islam ini dengan peristiwa-peristiwa dan dengan Al-Qur'an.

Untuk membolehkan kita memahami cara istimewa Al-Qur'an menayangkan kisah peperangan ini, eloklah kita lebih dahulu bentangkan kisah itu secara ringkas sebagaimana yang diceritakan di dalam buku-buku sejarah sebelum kita menghuraikan ayat-ayat Al-Qur'an mengenai kisah itu supaya jelas kepada kita perbezaan di antara penceritaan Allah S.W.T. dengan penceritaan manusia.

* * * * * *

Daripada Muhammad ibn Ishaq katanya - dengan sanad-sanadnya dari sekumpulan rawi:

Peristiwa Peperangan Al-Khandaq

Setengah dari cerita Peperangan al-Khandaq ialah ada sekumpulan orang-orang Yahudi termasuk Salam ibn Abul-Haqiq an-Nadhri, Huyai ibn Akhtab an-Nadhri, Kinanah ibn Abul-Haqiq an-Nadhri, Hauzah ibn Qais al-Wa'eli dan Abu 'Ammar al-Wa'eli bersama-sama dengan sekumpulan Bani an-Nadhir dan sekumpulan Bani Wa'eli. Merekalah orang-orang yang mengemblengkan tentera-tentera gabungan untuk menyerang Rasulullah s.a.w. Mereka keluar menemui orang-orang Quraysy di Makkah dan menyeru mereka memerangi Rasulullah s.a.w. Kata

mereka: "Kami tetap bersama-sama kamu untuk memerangi Muhammad sehingga kita menghapuskannya". Kata orang-orang Quraysy: "Wahai orang-orang Yahudi! Kamulah Ahlil-Kitab yang pertama dan kamu tentulah tahu pertikaian di antara kami dengan Muhammad. Oleh itu manakah yang lebih baik agama kami atau agama dia?" Jawab mereka: "Bahkan agama kamulah yang lebih baik dari agama dia dan kamulah yang lebih utama dengan agama yang benar daripada dia". Merekalah orang-orang yang telah dikecam oleh Allah di dalam firman-Nya:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ نَصِيبًا مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ
يُؤْمِنُونَ بِٱلْجِبْتِ وَٱلطَّٰغُوتِ وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ هَٰٓؤُلَآءِ أَهْدَىٰ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ سَبِيلًا ﴿٥١﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَعَنَهُمُ ٱللَّهُ ۖ وَمَن يَلْعَنِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ
نَصِيرًا ﴿٥٢﴾
أَمْ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّنَ ٱلْمُلْكِ فَإِذًا لَّا يُؤْتُونَ ٱلنَّاسَ
نَقِيرًا ﴿٥٣﴾
أَمْ يَحْسُدُونَ ٱلنَّاسَ عَلَىٰ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۖ
فَقَدْ ءَاتَيْنَآ ءَالَ إِبْرَٰهِيمَ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ
وَءَاتَيْنَٰهُم مُّلْكًا عَظِيمًا ﴿٥٤﴾
فَمِنْهُم مَّنْ ءَامَنَ بِهِۦ وَمِنْهُم مَّن صَدَّ عَنْهُ ۚ وَكَفَىٰ بِجَهَنَّمَ
سَعِيرًا ﴿٥٥﴾

"Tidakkah engkau lihat orang-orang (Yahudi) yang telah dikurniakan sebahagian dari kitab suci itu mempercayai Jibti dan Taghut[3] dan mereka telah berkata kepada orang-orang yang kafir bahawa jalan agama mereka adalah lebih benar dari jalan agama orang-orang Mu'minin. Merekalah orang-orang yang dikutuk Allah, dan barang siapa yang dikutuk Allah, maka engkau tidak akan menemui sebarang penolong baginya. Atau adakah mereka mempunyai apa-apa peranan di dalam kerajaan Allah? Andainya ada, mereka tidak juga akan memberikannya sedikit pun kepada manusia. Atau adakah mereka dengkikan orang lain (Muhammad dan pengikutnya) kerana Allah telah memberikan limpah kurnianya kepada mereka? Sesungguhnya Allah telah mengurniakan kitab dan hikmat kepada keluarga Ibrahim dan kami telah mengurniakan kepada mereka kerajaan yang besar. Di antara mereka ada yang beriman kepadanya dan di antara mereka pula ada yang menghalangi (orang lain) dari beriman kepadanya. Dan cukuplah untuk mereka Neraka Jahannam yang bernyala."

(Surah an-Nisa': 51-55)

Apabila rombongan ini berkata begitu kepada orang-orang Quraysy, mereka pun bergembira dan terus bergiat menyahut seruan mereka untuk memerangi Rasulullah s.a.w. dan mengadakan persediaan-persediaan untuk berperang.

Kemudian rombongan Yahudi itu keluar pula menemui suku Ghatafan, dari Qais 'Ailan, lalu mengajak mereka memerangi Rasulullah s.a.w. Mereka memberitahu suku itu bahawa mereka akan turut berperang bersama-sama mereka dan orang-orang Quraysy juga telah bersetuju menyertai peperangan itu. Lalu suku Ghatafan bersetuju untuk turut serta berperang bersama mereka.

Lalu keluarlah angkatan tentera Quraysy di bawah pimpinan Abu Sufyan ibn Harb. Angkatan tentera suku Ghatafan juga keluar di bawah pimpinan 'Uyainah ibn Hisn dari suku Bani Fazarah, al-Harith ibn 'Auf dari Bani Murrah dan Mas'ar ibn Rukhailah mengetuai pengikut-pengikutnya dari kaumnya suku Asyja'.

Apabila berita kedatangan dan tujuan tentera-tentera itu sampai kepada Rasulullah s.a.w. beliau pun menggali parit pertahanan untuk menghalangkan serangan ke atas kota Madinah. Rasulullah s.a.w. bersama-sama kaum Muslimin telah bekerja keras untuk menyiapkan parit itu, kecuali orang-orang Munafiqin sahaja yang tidak ikut bekerja keras bersama-sama Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin dalam kerja penggalian parit itu. Mereka secara sembunyi-sembunyi pulang ke rumah keluarga mereka tanpa diketahui Rasulullah s.a.w. dan tanpa diizin beliau, sedangkan setiap orang Islam yang lain apabila dihalangi oleh sesuatu urusan yang perlu, dia akan memberitahu Rasulullah s.a.w. dan memohon keizinannya untuk menyelesaikan urusan itu. Lalu dia diizinkan beliau dan apabila selesai urusannya dia terus kembali balik bekerja menggali parit kerana gemar membuat kebajikan dan mencari pahala di sisi Allah. Allah S.W.T. telah menurunkan ayat memuji orang-orang Islam yang seperti ini:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَإِذَا
كَانُوا۟ مَعَهُۥ عَلَىٰٓ أَمْرٍ جَامِعٍ لَّمْ يَذْهَبُوا۟ حَتَّىٰ يَسْتَـْٔذِنُوهُ ۚ
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسْتَـْٔذِنُونَكَ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ
وَرَسُولِهِۦ ۚ فَإِذَا ٱسْتَـْٔذَنُوكَ لِبَعْضِ شَأْنِهِمْ فَأْذَن
لِّمَن شِئْتَ مِنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمُ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٢﴾

---

[3] *Pawang-pawang, tukang sihir, syaitan dan sembahan-sembahan yang lain dari Allah.*

"Sesungguhnya orang-orang Mu'minin yang sebenar ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan apabila mereka bersama beliau kerana sesuatu urusan yang besar mereka tidak pergi (meninggalkan beliau) sehingga mereka meminta kebenarannya. Sesungguhnya orang-orang yang meminta kebenaranmu merekalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Oleh itu apabila mereka meminta kebenaranmu kerana beberapa urusan mereka, maka berilah keizinan kepada siapa yang engkau suka dari mereka dan pohonlah keampunan untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."

(Surah an-Nur: 62)

Kemudian Allah berfirman, mengenai orang-orang Munafiqin yang melarikan diri secara sembunyi-sembunyi dari tugas menggali parit. Mereka meninggalkan kerja mereka tanpa mendapat kebenaran dari Rasulullah s.a.w.:

لَّا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُم بَعْضًا ۚ قَدْ يَعْلَمُ اللَّهُ الَّذِينَ يَتَسَلَّلُونَ مِنكُمْ لِوَاذًا ۚ فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَن تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

"Janganlah kamu jadikan panggilan kepada Rasul itu seperti panggilan di antara sesama kamu. Sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang ponteng dari kamu secara sembunyi-sembunyi. Oleh itu hendaklah orang-orang yang melanggar perintah Allah itu takut akan ditimpa ke atas mereka cubaan atau ditimpa 'azab yang amat pedih."

(Surah al-Nur: 63)

Apabila Rasulullah s.a.w. selesai mengali parit pertahanan itu, maka angkatan tentera Quraysy pun tiba. Mereka berhenti di suatu tempat bernama Mujtama'ul-Asyal di kampung Romah. Jumlah mereka ialah sepuluh ribu orang terdiri dari berbagai-bagai suku dan pengikut-pengikut dari Bani Kinanah dan penduduk Tihamah. Angkatan tentera Ghatafan dan pengikut-pengikutnya dari penduduk Najd juga turut tiba. Mereka berhenti di Zanab Naqma di sebelah bukit Uhud. Rasulullah s.a.w. keluar bersama-sama angkatan tentera Islam seramai tiga ribu orang membelakangi bukit Sali'. Di sinilah beliau berkubu dan di sinilah terletaknya parit pertahanan yang memisahkan beliau dengan musuh mereka. Beliau memerintah supaya menempatkan kanak-kanak dan perempuan-perempuan di dalam kubu-kubu.

Kemudian musuh Allah Huyai ibn Akhtab an-Nadhri keluar menemui Ka'ab ibn Asad al-Qurazi ketua Bani Qurayzah yang telah mengikatkan perjanjian damai dengan Rasulullah s.a.w. bagi pihak kaumnya. Dia memujuk Asad dengan menggunakan berbagai-bagai cara kebijaksanaannya supaya Asad dan kaumnya turut berperang menentang Rasulullah s.a.w. hingga pada akhirnya Asad memberi persetujuannya dengan syarat Huyai berjanji jika angkatan tentera Quraysy dan Ghatafan balik tanpa berjaya mengalahkan Muhammad, maka hendaklah dia masuk di dalam kubu Asad untuk bersama-sama menerima nasib yang akan menimpa mereka. Dengan persetujuan ini Asad terus memansuhkan perjanjiannya dengan Rasulullah s.a.w. dan melepaskan segala komitmen di antaranya dengan Rasulullah s.a.w.

Peristiwa ini telah menimbulkan kesulitan dan kebimbingan yang amat besar di kalangan kaum Muslimin ketika mereka sedang dikepung dari hulu dan hilir sehingga mereka menaruh berbagai-bagai sangkaan terhadap Allah, dan setengah-setengah kaum Munafiqin menunjukkan sikap talam dua muka mereka dengan terus terang sehingga Mu'tib ibn Qusyair saudara Bani 'Amr ibn 'Auf sanggup berkata: "Muhammad berjanji dengan kita bahawa kita akan mendapat harta kekayaan kerajaan Kisra dan Qaysar, tetapi hari ini tiada seorang dari kita yang merasa aman di atas keselamatan dirinya apabila ia hendak keluar membuang air besar". Begitu juga Aus ibn Qayzi salah seorang dari Bani Harithah ibn al-Harith sanggup berkata di hadapan kumpulan kaumnya: "Wahai Rasulullah! Rumah-rumah kami terdedah kepada sarangan musuh. Oleh itu izinkan kami keluar untuk pulang ke rumah-rumah kami kerana ia terletak di luar kota Madinah".

Angkatan Rasulullah s.a.w. dan angkatan kaum Musyrikin berada di perkubuan masing-masing selama dua puluh malam lebih, iaitu hampir sebulan. Tidak ada pertempuran yang berlaku di antara kedua belah pihak itu kecuali panah memanah dan kepung mengepung sahaja.

Apabila keadaan kaum Muslimin bertambah susah dan sulit, Rasulullah s.a.w. mengirim utusannya kepada 'Uyainah ibn Hisn dan kepada al-Harith ibn 'Auf, kedua-duanya memimpin angkatan tentera Ghatafan untuk menawarkan kepada mereka satu pertiga[4] hasil buah-buahan Madinah dengan syarat mereka pulang bersama-sama pengikut mereka meninggalkan Rasulullah dan para sahabatnya. Lalu rundingan damai pun diadakan di antara kedua belah pihak dan mereka telah menulis perjanjian itu, tetapi belum ditandatangani kerana masih ada lagi rundingan-rundingan mengenai perjanjian itu. Apabila Rasulullah s.a.w. mahu meneruskan rundingan itu, beliau memanggil Sa'ad ibn Mu'az ketua suku Aus dan Sa'ad ibn 'Ubbadah ketua suku Khazraj dan mencerita perkara itu kepada mereka dan meminta fikiran mereka. Lalu kedua-duanya berkata kepada beliau, "Wahai Rasulullah! Adakah ini pendapat dan cadangan dari anda sahaja? Atau ini sesuatu perintah Allah yang pasti kami junjung? Adakah ini cadangan anda untuk kebaikan kami?" Jawab beliau: "Ini hanya cadangan aku sahaja untuk kebaikan kamu. Demi Allah! Aku tidak mengeluarkan cadangan ini melainkan kerana aku melihat semua orang-orang

---

4 *Orang-orang Yahudi telah berjanji untuk memberi kepada mereka hasil setahun buah-buahan Khaybar jika mereka menolong mereka (dari kitab "إمتاع الأسماع" oleh al-Maqrizy).*

Arab telah bersatu untuk memerangi kamu dan mereka sekarang telah mengepung kamu dari segenap sudut. Oleh itu aku mahu melemahkan kekuatan mereka sekadar yang boleh," Jawab Sa'ad ibn Mu'az: "Wahai Rasulullah, dahulu kami dan kaum ini (suku Ghatafan) sama-sama berada dalam agama yang mempersekutukan Allah dan menyembah berhala. Kami tidak pernah menyembah Allah dan tidak pernah mengenal-Nya, dan mereka tidak pernah bercita-cita mendapatkan sebiji buah-buahan kami melainkan melalui hidangan tamu atau jual beli sahaja, tetapi kini sesudah Allah memuliakan kami dengan agama Islam dan sesudah Allah memberi hidayat kepada kami memeluk agama ini dan sesudah Allah memuliakan kami dengan anda dan agama Islam, adakah patut kami memberi harta kami kepada mereka? Demi Allah! Kami tidak perlu berbuat begitu. Demi Allah! Kami tidak akan memberi apa-apa kepada mereka selain mata pedang sehingga Allah menentukan keputusannya di antara kami dengan mereka." Jawab Rasulullah s.a.w.: "Cadangan engkau baik." Lalu Sa'ad ibn Mu'az pun mengambil lembaran surat itu dan menghapuskan segala apa yang tertulis, kemudian berkata, "Biarlah mereka menyerang kita."

Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya terus berada dalam kebimbangan dan kesusahan sebagaimana diperikan Allah, kerana dikepung oleh musuh dari hulu dan hilir.[5]

Kemudian Nu'aim ibn Mas'ud ibn 'Aamir dari suku Ghatafan datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya saya ini telah memeluk agama Islam dan keislaman saya tidak diketahui kaum saya. Oleh itu suruhlah saya apa yang anda suka." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: "Engkau telah menjadi salah seorang dari golongan kami. Oleh itu buatlah apa sahaja yang boleh menggagalkan pihak musuh menyerang kami jika engkau dapat buat, kerana peperangan itu ialah tipu helah."

(Nu'aim telah berjaya menghilangkan kepercayaan di antara pasukan-pasukan tentera gabungan itu dengan Bani Qurayzah sebagaimana diceritakan dengan panjang lebar di dalam buku-buku sejarah. Kami hanya meringkaskannya sahaja di sini kerana bimbang terlalu panjang).....

Allah telah menggagalkan rancangan mereka dan melepaskan angin ribut yang kencang melanda mereka pada malam yang amat dingin menyebabkan periuk-periuk mereka terbalik dan khemah-khemah mereka roboh.

Apabila berita perselisihan di antara pasukan-pasukan tentera gabungan itu sampai kepada Rasulullah s.a.w., beliau memanggil Huzayfah ibn al-Yaman dan mengutuskannya untuk meninjau tentera-tentera gabungan itu di waktu malam.

Ujar ibn Ishaq: Zaid ibn Ziyad telah menceritakan kepada aku dari Muhammad ibn Ka'b al-Qurazi katanya:

Ada seorang lelaki dari penduduk Kufah telah bertanya kepada Huzayfah ibn al-Yaman: "Wahai Abu Abdullah! Adakah anda melihat Rasulullah s.a.w. dan bersahabat dengannya?" Jawab Abu Huzayfah, "Ya, wahai anak saudaraku." Dia bertanya lagi: "Bagaimana anda buat kepada beliau?" Jawab Abu Huzayfah: "Kami bekerja untuknya." Kata lelaki itu: "Demi Allah, jika kami sempat dengan beliau, tentu kami tidak akan membiarkan beliau berjalan di atas tanah, malah kami akan memikul beliau di atas leher kami." Kata Huzayfah: "Wahai anak saudaraku! Demi Allah, kami berada bersama-sama Rasulullah s.a.w. di dalam Peperangan Khandaq. Beliau bersembahyang sejurus di suatu malam kemudian beliau berpaling kepada kami sambil berkata: Siapakah orang yang sanggup keluar meninjau keadaan musuh kemudian balik semula ke sini nescaya aku pohon kepada Allah supaya Dia jadikannya temanku di dalam Syurga? Di sini walaupun Rasulullah s.a.w. membuat syarat supaya orang yang keluar meninjau itu balik menemuinya pula, tetapi tiada seorang pun yang tampil ke muka kerana terlalu cemas, lapar dan dingin. Oleh kerana tiada seorang pun yang tampil berdiri, maka Rasulullah s.a.w. pun memanggilku menyebabkan aku tidak dapat mengelak lagi dari tampil berdiri sebaik sahaja beliau memanggilku. Lalu beliau bersabda: Wahai Huzayfah! Pergilah keluar menyusup ke dalam barisan musuh untuk meninjau apakah yang sedang dibuat mereka dan janganlah engkau melakukan sesuatu sehingga engkau balik menemui kami." Kata Abu Huzayfah, "Aku pun keluar memasuki ke dalam kumpulan musuh dan ketika itu angin ribut telah melanda mereka, membalikkan periuk-periuk, memadamkan api dan meruntuhkan khemah-khemah mereka. Lalu Abu Sufyan berdiri sambil berkata: Wahai orang-orang Quraysy! Hendaklah setiap orang memerhatikan teman yang duduk bersama dengannya." Kata Huzayfah: "Lalu aku pun memegang lelaki yang berada di sampingku dan bertanya kepadanya: Awak siapa? Jawabnya: Saya si anu bin si anu! Kemudian Abu Sufyan berucap lagi: Wahai orang-orang Quraysy! Demi Allah kamu telah berada di negeri yang tidak wajar diduduki lagi. Kuda-kuda dan unta-unta telah binasa, Bani Qurayzah telah memungkiri janji mereka dan berita-berita mereka yang tidak

---

[5] *Ujar Ummu Salamah r.a.: Aku pernah menyaksi berbagai-bagai peperangan dan kecemasan bersama-sama beliau seperti Muraysi'i, Khaybar, peristiwa Hudaybiyah, penaklukan Makkah dan Hunayn. Semuanya tidaklah lebih memenatkan Rasulullah s.a.w. dan lebih mencemaskan kami dari Peperangan Khandaq, di mana kaum Muslimin berada dalam keadaan yang serba salah. Kanak-kanak kami tidak terjamin keselamatan mereka dalam serangan Qurayzah dan kota Madinah dikawal sehingga ke pagi. Di sepanjang malam kami mendengar kaum Muslimin bertakbir hingga ke pagi kerana bimbang sehingga Allah menghalau musuh balik membawa dendam kesumat mereka dan tanpa mendapat sebarang kejayaan.*

menyenangkan kita telah sampai kepada kita, dan kita pula sedang dilanda ribut sebagaimana kamu sendiri dapat menyaksikannya hingga periuk-periuk terbalik, api padam dan khemah-khemah runtuh. Oleh itu berangkatlah meninggalkan tempat ini kerana aku mahu berangkat sekarang! Kemudian dia pergi mendapatkan untanya yang sedang tertambat dan terus menungganginya dan memukulnya menyebabkan unta itu melompat di atas tiga kakinya dan terus bangkit sebaik sahaja dilepaskan tali ikatannya. Jika tidak kerana berjanji dengan Rasulullah, s.a.w. bahawa aku tidak akan melakukan sesuatu sehingga lebih dahulu menemui beliau tentulah aku bunuhkannya (Abu Sufyan) dengan anak panah".

Kata Huzaifah: "Aku pun pulang mendapatkan Rasulullah s.a.w., dan ketika itu beliau sedang sembahyang dengan berselimut kain lepas isterinya yang berbunga dari tekatan Yaman. Apabila beliau melihatku, dia pun memautku duduk di antara dua kakinya dan mencampakkan hujung kain lepas itu kepadaku. Kemudian beliau ruku' dan sujud sedangkan aku berada di dalam kain itu. Apabila beliau selesai memberi salam aku pun melaporkan keadaan mereka kepada beliau. Setelah angkatan tentera Ghatafan mendengar berita keberangkatan pulang angkatan tentera Quraysy itu mereka pun terus berlepas balik ke negeri mereka.

* * * * * *

Penceritaaan Al-Qur'an

Nas-nas penceritaan Al-Qur'an tidak menyebut nama-nama orang. Ia hanya menggambarkan contoh-contoh manusia dan tabi'at mereka. Ia juga tidak menyebut butir-butir kejadian itu dengan terperinci kerana ia hanya menjelaskan nilai-nilai yang teguh dan undang-undang yang tetap, yang tidak tamat dengan tamatnya kejadian dan tidak putus dengan hilangnya tokoh-tokoh dan tidak berakhir dengan berakhirnya suasana-suasana dan keadaan-keadaan. Oleh sebab itu nilai-nilai dan undang-undang itu kekal menjadi asas dan contoh kepada setiap generasi. Penceritaan Al-Qur'an menghubungkan keadaan-keadaan dan peristiwa-peristiwa itu dengan perencanaan Allah yang menguasai kejadian-kejadian dan tokoh-tokoh. Ia memperlihatkan tangan kudrat Allah Yang Maha Kuasa dan tadbir-Nya Yang Maha Halus. Ia berhenti pada setiap peringkat perkembangan peperangan itu untuk memberi bimbingan dan ulasan di samping menghubungkannya dengan dasar yang agung (perencanaan Allah).

Walaupun Al-Qur'an menceritakan kisah yang dihayati dan disaksikan mereka sendiri, namun ia menambahkan berita yang lebih banyak kepada mereka. Ia mendedahkan segala liku-likunya yang tidak dapat ditanggap mereka selaku pelakon-pelakon dan pahlawan-pahlawan kisah itu sendiri. Ia menyorotkan cahaya ke dalam lubuk-lubuk jiwa dan hati mereka yang tersembunyi. Ia mendedahkan rahsia-rahsia, niat-niat dan fikiran-fikiran yang tersembunyi di dalam dada mereka.

Semuanya dibuat dengan penggambaran yang indah, kuat dan panas serta dengan ejekan yang tajam ketika menggambarkan perasaan pengecut, takut, sikap dua muka dan perangai-perangai yang buruk. Keindahan dan kehebatan penggambaran itu menimbulkan keimanan, keberanian, kesabaran dan kepercayaan di dalam hati orang-orang Mu'minin.

Nas-nas penceritaan Al-Qur'an adalah disediakan untuk bertindak bukan sahaja di alam sekitar mereka yang menghayati dan menyaksi peristiwa itu, malah untuk bertindak di semua alam sekitar dan semua sejarah selepas kejadian ini. Ia disediakan untuk bertindak di dalam jiwa manusia di setiap waktu apabila mereka menghadapi keadaan yang serupa dengan kejadian itu di sepanjang zaman dan di dalam semua masyarakat, iaitu bertindak sekuat kekuatan yang ada pada angkatan kaum Muslimin yang pertama itu.

Nas-nas penceritaan Al-Qur'an itu tidak dapat difahami dengan sempurna melainkan oleh mereka yang menghadapi keadaan dan suasana yang sama yang dihadapi oleh angkatan Muslimin itu bagi kali yang pertama. Di sini sahaja penceritaan-penceritaan Al-Qur'an itu dapat mendedahkan isi kandungannya yang tersembunyi dan membuka pintu hati untuk memahami maksud-maksudnya yang sempurna. Di sinilah penceritaan-penceritaan itu berubah dari kalimat-kalimat dan barisan-barisan kepada kekuatan-kekuatan dan tenaga, dan segala kejadiannya berubah menjadi makhluk-makhluk hidup yang memberansang, mendorong, menggerak dan bertindak di alam kenyataan dan di alam hati nurani.

Al-Qur'an bukannya kitab untuk tilawah dan pendidikan sahaja, malah Al-Qur'an adalah dana tenaga pendorong dan dana saranan yang sentiasa membaru di dalam keadaan-keadaan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku. Nas-nas Al-Qur'an adalah disediakan untuk bertindak di setiap sa'at sebaik sahaja ia bersua dengan hati yang bermesra dengannya. Dan bersua dengan suasana yang melepaskan tenaga yang tersembunyi di dalam nas-nas yang penuh rahsia dan menakjubkan itu.

Seorang yang membaca nas Al-Qur'an beratus-ratus kali kemudian apabila ia menghadapi keadaan atau kejadian yang sama (yang disebut oleh nas itu) maka nas Al-Qur'an yang sering dibacanya itu akan menjadi satu nas yang baru kepadanya. Nas itu menyarankan pengertian-pengertiannya yang belum pernah disarankan sebelum ini. Ia memberi jawapan kepada persoalan-persoalan yang membingungkannya. Ia memberi fatwa di dalam kemusykilannya yang rumit. Ia membuka jalan yang tersembunyi. Ia menggariskan yang terang dan membawa hatinya kembali kepada keyakinan dan ketenangan yang mendalam dalam menghadapi masalah yang sedang dihadapinya.

Hal yang seperti ini tidak wujud pada kitab yang lain dari Al-Qur'an sama ada dahulu atau sekarang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 13)

Sa'at-sa'at Gawat Menghadapi Serangan Tentera Gabungan

Ayat-ayat Al-Qur'an yang baru ini memulakan penerangannya mengenai peristiwa Peperangan Ahzab dengan mengingatkan orang-orang yang beriman supaya mengenangkan ni'mat Allah yang telah menghalaukan tentera-tentera gabungan yang berniat untuk menghapuskan mereka, jika tidak kerana pertolongan Allah dan tadbir-Nya yang halus. Justeru itu di dalam ayat-ayat yang pertama ini Al-Qur'an hanya menerangkan tabi'at, permulaan dan penghabisan peristiwa itu dengan ringkas sahaja dengan tujuan untuk menonjolkan ni'mat yang besar itu sebelum menceritakannya dengan terperinci. Ia mengingatkan mereka dengan ni'mat itu dan meminta mereka mengingatkan ni'mat itu, juga untuk menunjukkan bahawa Allah yang menyuruh orang-orang yang beriman supaya menurut wahyu-Nya, berserah kepada-Nya sahaja dan jangan mengikut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin itulah juga yang melindungi orang-orang yang bertugas mengembangkan da'wah dan agama-Nya dari pencerobohan orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ
جَآءَتْكُمْ جُنُودٌ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا وَجُنُودًا لَّمْ
تَرَوْهَا ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا ﴿٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Kenangilah ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kamu ketika kamu diserang tentera-tentera (gabungan), lalu Kami hantarkan kepada mereka ribut yang kencang dan tentera-tentera (malaikat) yang tidak dapat dilihat kamu, dan Allah sentiasa melihat segala apa yang dilakukan kamu."(9)

Demikianlah dalam ayat permulaan yang ringkas ini Al-Qur'an menyebut permulaan dan penghabisan peperangan itu, iaitu kedatangan pasukan-pasukan tentera musuh dan bagaimana Allah melepaskan angin ribut dan tentera-tentera yang tidak dapat dilihat oleh orang-orang yang beriman, juga pertolongan Allah yang ada kaitan dengan ilmu-Nya yang mengetahui keadaan mereka dan dengan penglihatan-Nya yang memandang perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka.

Kemudian selepas penerangan secara umum itu barulah ia memulakan penceritaan yang terperinci:

إِذْ جَآءُوكُم مِّن فَوْقِكُمْ وَمِنْ أَسْفَلَ مِنكُمْ وَإِذْ
زَاغَتِ ٱلْأَبْصَٰرُ وَبَلَغَتِ ٱلْقُلُوبُ ٱلْحَنَاجِرَ وَتَظُنُّونَ
بِٱللَّهِ ٱلظُّنُونَا۠ ﴿١٠﴾
هُنَالِكَ ٱبْتُلِىَ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَزُلْزِلُوا۟ زِلْزَالًا شَدِيدًا ﴿١١﴾
وَإِذْ يَقُولُ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ مَّا
وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢﴾
وَإِذْ قَالَت طَّآئِفَةٌ مِّنْهُمْ يَٰٓأَهْلَ يَثْرِبَ لَا مُقَامَ لَكُمْ
فَٱرْجِعُوا۟ ۚ وَيَسْتَـْٔذِنُ فَرِيقٌ مِّنْهُمُ ٱلنَّبِىَّ يَقُولُونَ إِنَّ
بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ وَمَا هِىَ بِعَوْرَةٍ ۖ إِن يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارًا ﴿١٣﴾

"Iaitu ketika mereka menyerang kamu dari atas dan dari bawah kamu dan ketika mata (kamu) memandang liar dan hati (kamu) sebak hingga ke kerongkong (kerana cemas) dan kamu menaruh berbagai-bagai sangkaan terhadap Allah(10). Di sanalah orang-orang Mu'minin diuji dan digoncangkan (hati mereka) dengan goncangan yang amat kuat(11). Dan (kenangilah) ketika orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya berkata: Tiada yang dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kita melainkan palsu belaka (12). Dan (kenangilah) ketika segolongan dari mereka berkata: Wahai penduduk Yathrib! Bukan tempatnya bagi kamu (berjuang di sini) oleh itu baliklah! Dan segolongan yang lain dari mereka pula meminta izin (hendak balik) dari nabi sambil berkata: Sesungguhnya rumah-rumah kami terdedah (kepada serangan musuh-musuh) sedangkan sebenarnya rumah-rumah itu tidak terdedah. Mereka hanya bertujuan hendak melarikan diri sahaja."(13)

Itulah gambaran ketakutan dan kesusahan yang menyelubungi kota Madinah. Tiada seorang pun dari penduduknya yang terselamat dari ketakutan itu, kerana ia dikepung dari segenap sudutnya oleh tentera-tentera Musyrikin Quraysy, Ghatafan dan orang-orang, Yahudi Bani Qurayzah dari hulu dan hilirnya. Rasa cemas dan takut ini tidak berbeza-beza dari satu hati ke satu hati, cuma yang berbeza ialah cara hati-hati itu menyebut peristiwa itu, sangkaan masing-masing terhadap Allah dan tingkahlakunya dalam menghadapi kesusahan dan tanggapan masing-masing terhadap nilai-nilai, sebab-sebab dan natijah-natijah peristiwa. Justeru itu ujian itu merupakan satu ujian yang sempurna dan halus. Ia dapat membezakan di antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang Munafiqin dengan pembezaan yang tegas dan tidak diragui.

Pada hari itu kita dapat melihat situasi peperangan itu dengan segala ciri-cirinya, segala emosi lintasan-lintasan fikiran dan segala gerak-geri mereka dan semuanya terbentang di hadapan kita seolah-olah kita nampak segala-galanya dari celah-celah ayat-ayat yang pendek ini.

Dari luar kita nampak situasi gawat:

جَآءُوكُم مِّن فَوۡقِكُمۡ وَمِنۡ أَسۡفَلَ مِنكُمۡ

"Mereka menyerang kamu dari atas dan dari bawah kamu"(10)

dan dari dalam kita melihat kesannya di dalam jiwa mereka:

زَاغَتِ ٱلۡأَبۡصَٰرُ وَبَلَغَتِ ٱلۡقُلُوبُ

"Mata (kamu) memandang liar dan hati (kamu) sebak hingga ke kerongkong"(10)

inilah gambaran ketakutan, kecemasan dan kesusahan yang dilukiskan dengan paras-paras muka dan debaran-debaran jantung.

ٱلۡحَنَاجِرَ وَتَظُنُّونَ بِٱللَّهِ ٱلظُّنُونَا۠ ۝١٠

"Dan kamu menaruh berbagai-bagai sangkaan terhadap Allah."(10)

Al-Qur'an tidak menjelaskan ragam-ragam sangkaan itu, malah meninggalkannya secara umum begitu untuk menggambarkan perasaan-perasaan, fikiran-fikiran dan tanggapan-tanggapan mereka yang berada dalam keadaan yang nanar, kacau-bilau, tidak tentu arah dan tanggapan-tanggapan berbagai-bagai hati yang celaru.

Ciri-ciri suasana cemas dan takut itu semakin bertambah jelas.

هُنَالِكَ ٱبۡتُلِيَ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ وَزُلۡزِلُواْ زِلۡزَالٗا شَدِيدٗا ۝١١

"Di sanalah orang-orang Mu'minin diuji dan digoncangkan (hati mereka) dengan goncangan yang amat kuat."(11)

Ketakutan yang menggoncangkan orang-orang yang beriman itu pastilah suatu ketakutan yang amat mencemaskan mereka.

Ujar Muhammad ibn Maslamah dan lainnya: "Malam kami ketika mengawal parit pertahanan itu sama seperti siang. Panglima-panglima perang tentera-tentera kaum Musyrikin bergilir-gilir di antara mereka; sehari dipimpin oleh Abu Sufyan ibn Harb, sehari lagi dipimpin oleh Khalid ibn al-Walid, sehari yang lain dipimpin oleh 'Amr ibn al-'Aas, sehari pula dipimpin oleh 'Ikrimah ibn Abu Jahl, sehari yang lain dipimpin oleh Hubayrah ibn Abu Wahb dan sehari yang lain dipimpin oleh Dhirar ibn al-Khattab hingga menjadikan suasana semakin gawat dan orang ramai semakin bertambah cemas.

Al-Maqrizi dalam bukunya "إمتاع الأسماع" telah menggambarkan keadaan kaum Muslimin di waktu itu katanya:

Angkatan tentera Musyrikin telah melakukan serangan mengejut pada waktu dinihari, lalu Rasulullah s.a.w. menyediakan para sahabatnya berperang hingga ke malam. Rasulullah s.a.w. dan setiap orang dari tentera Islam tidak dapat meninggalkan tempat masing-masing sehingga beliau sendiri tidak sempat menunaikan sembahyang Zohor, 'Asar, Maghrib dan Isya' lalu sahabat-sahabatnya berkata, kepada beliau: "Wahai Rasulullah! Kami tidak dapat menunaikan sembahyang." Jawab beliau, Demi Allah, aku juga tidak sempat menunaikan sembahyang". Sehingga Allah mengundurkan tentera-tentera Musyrikin dan kedua-dua belah pihak pulang ke tempat kediaman masing-masing. Kemudian Usayd ibn Hudhayr mengetuai satu angkatan dua ratus orang berkawal di tepi parit pertahanan itu, lalu diserang oleh pasukan berkuda tentera Musyrikin di bawah pimpinan Khalid ibn Al-Walid yang sentiasa mencari kesempatan dari kelalaian tentera Muslimin. Mereka pun berperang seketika. Dalam pertempuran itu Wahsyi telah membunuh at-Tufail ibnu an-Nu'man ibn Khansa' al-Ansari as-Salami dengan lontaran lembingnya sebagaimana dia telah membunuh Hamzah r.a. di dalam Peperangan Uhud. Pada hari pertempuran inilah Rasulullah s.a.w. bersabda (kepada sahabat-sahabatnya): "Kaum Musyrikin telah membuat kita begitu sibuk hingga tidak sempat kita mendirikan sembahyang 'Asar. Ya Allah! Penuhkan perut dan hati mereka dengan api Neraka."[6]

Pada suatu malam dua pasukan peninjau dari tentera Islam telah keluar meronda. Kedua-duanya telah bertembung dan tidak mengenal satu sama lain. Mereka menyangka mereka bersua dengan tentera musuh, lalu mereka bertempur menyebabkan di antara mereka ada yang terbunuh dan ada yang luka-luka, kemudian mereka meneriakkan slogan Islam!:

حم. لا ينصرون

barulah mereka berhenti bertempur. Rasulullah s.a.w. telah bersabda kepada mereka:

جراحكم في سبيل الله ومن قتل منكم فإنه شهيد

"Luka-luka yang dialami kamu itu adalah dikira kerana Sabilullah dan mana-mana orang yang terbunuh di antara kamu adalah dikira mati syahid."

Kesulitan yang paling besar yang dialami kaum Muslimin ketika mereka dikepung tentera-tentera Musyrikin di dalam kawasan parit itu ialah kebimbangan mereka diserang dari belakang oleh orang-orang Yahudi Bani Qurayzah. Pada setiap sa'at mereka terancam oleh serangan kaum Musyrikin dari parit pertahanan dan serangan Yahudi dari belakang, sedangkan bilangan kaum Muslimin sangat kecil dibandingkan dengan kumpulan pasukan-pasukan musuh yang datang dengan tujuan untuk menghapuskan mereka di dalam satu peperangan akhir yang muktamad itu.

Di samping itu kaum Muslimin menghadapi pula tipu daya kaum Munafiqin dan penyebar-penyebar khabar angin di kota Madinah dan di dalam barisan-barisan bala tentera Islam:

---

[6] *Di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Jabir, Rasulullah s.a.w. tidak sempat menunaikan solat 'Asar pada hari itu. Nampaknya kejadian yang seperti ini telah berulang-ulang. Sekali beliau tidak sempat mengerjakan solat 'Asar lalu beliau berdo'a dengan do'a tersebut dan sekali pula tidak sempat mengerjakan semua sembahyang.*

وَإِذْ يَقُولُ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ مَّا
وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢﴾

"Dan (kenangilah) ketika orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya berkata: Tiada yang dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kita melainkan palsu belaka."(12)

Di dalam suasana kesusahan dan kecemasan yang menggoncangkan hati itu, orang-orang Munafiqin mendapat peluang mendedahkan rahsia jiwa mereka yang keji tanpa kebimbangan dikecam oleh sesiapa pun. Mereka juga memperolehi kesempatan untuk melemahkan semangat orang-orang Islam dan menaburkan keraguan terhadap janji Allah dan Rasul-Nya. Mereka merasa aman bahawa tiada seorang pun yang akan menyalahkan apa sahaja yang dikatakan mereka. Keadaan yang gawat yang wujud dalam realiti juga membenarkan kata-kata mereka yang melemahkan semangat dan menimbulkan keraguan itu, kerana itu mereka kelihatan begitu logik dengan diri mereka dan perasaan-perasaan mereka. Suasana yang mencemaskan itu telah menanggalkan dari mereka tabir budi bahasa mereka yang halus dan membuat mereka begitu takut hingga menggugatkan iman mereka yang rapuh itu. Oleh sebab itu mereka tanpa silu malu lagi telah meluahkan hakikat perasaan mereka dengan terus terang.

Golongan Munafiqin dan penyebar-penyebar khabar angin seperti mereka ini, memang terdapat di dalam semua kumpulan, dan sikap mereka dalam menghadapi keadaan yang gawat adalah sama dengan sikap saudara-saudara mereka tadi. Mereka merupakan contoh golongan manusia yang berulang-ulang di dalam generasi-generasi dan kumpulan manusia di sepanjang zaman.

وَإِذْ قَالَت طَّآئِفَةٌ مِّنْهُمْ يَٰٓأَهْلَ يَثْرِبَ لَا مُقَامَ لَكُمْ
فَٱرْجِعُوا۟ ۚ وَيَسْتَـْٔذِنُ فَرِيقٌ مِّنْهُمُ ٱلنَّبِىَّ يَقُولُونَ إِنَّ
بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ وَمَا هِىَ بِعَوْرَةٍ ۖ إِن يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارًا ﴿١٣﴾

"Dan (kenangilah) ketika segolongan dari mereka berkata: Wahai penduduk Yathrib! Bukan tempatnya bagi kamu (berjuang di sini) oleh itu baliklah! Dan segolongan yang lain dari mereka pula meminta izin (hendak balik) dari nabi sambil berkata: Sesungguhnya rumah-rumah kami terdedah (kepada serangan musuh-musuh) sedangkan sebenarnya rumah-rumah itu tidak terdedah. Mereka hanya bertujuan hendak melarikan diri sahaja."(13)

Mereka menghasut penduduk Madinah supaya meninggalkan barisan-barisan dan pulang ke rumah-rumah mereka dengan alasan bahawa kedudukan mereka bertahan di hadapan parit seperti ini adalah tidak bermakna, sedangkan rumah-rumah mereka terdedah kepada bahaya serangan dari belakang mereka. Ini adalah satu dia'ayah yang jahat yang boleh masuk ke dalam hati orang ramai dari lubangnya yang lemah, iaitu dari lubang kebimbangan mereka terhadap keselamatan anak isteri mereka ketika dikepung bahaya dan fikiran-fikiran mereka tidak menentu.

مِّنْهُمُ ٱلنَّبِىَّ يَقُولُونَ إِنَّ بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ

"Dan segolongan yang lain dari mereka meminta izin (hendak balik) dari nabi sambil berkata: Sesungguhnya rumah-rumah kami terdedah (kepada serangan musuh)."(13)

Yakni mereka memohon kebenaran pulang dengan alasan kerana rumah-rumah mereka terdedah kepada serangan musuh dan tidak mempunyai apa-apa perlindungan. Di sini Al-Qur'an mendedahkan hakikat mereka yang sebenar, mematahkan alasan mereka dan menangkap mereka ketika mereka sedang berbohong dan menipu untuk melarikan diri (dari perjuangan).

وَمَا هِىَ بِعَوْرَةٍ ۖ إِن يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارًا ﴿١٣﴾

"Sebenarnya rumah-rumah itu tidak terdedah. Mereka hanya bertujuan hendak melarikan diri sahaja."(13)

Menurut riwayat, Bani Harithah telah mengirim Aus ibn Qayzi sebagai utusan mereka kepada Rasulullah s.a.w. untuk mengatakan kepada beliau bahawa "rumah-rumah kami sedang terdedah kepada serangan musuh, sedangkan tiada sebuah rumah dari rumah-rumah orang-orang Ansar sama seperti rumah-rumah kami, juga tiada seorang pun di antara kami dan suku Ghatfan yang dapat mempertahankan kami dari serangan mereka. Oleh itu izinkanlah kami pulang ke rumah-rumah kami untuk mempertahankan anak isteri kami." Lalu Rasulullah s.a.w. memberi keizinan kepada mereka. Apabila berita ini sampai kepada Sa'ad Ibn Mu'az, dia berkata kepada beliau: "Wahai Rasulullah! Jangan benar mereka pulang. Demi Allah (inilah sifat mereka di masa-masa dulu), apabila kami dan mereka ditimpa sesuatu kesusahan, maka beginilah mereka selalunya bertindak. Oleh itu panggillah mereka balik semula".

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 15)

Sikap Golongan Munafiqin Dalam Sa'at-sa'at Gawat

Penceritaan Al-Qur'an berhenti setakat adegan yang seni ini sahaja, iaitu satu adegan yang menggambarkan suasana nanar, cemas dan tipu daya. Ia berhenti sebentar untuk menggambarkan keadaan jiwa orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai hati yang berpenyakit, iaitu keadaan jiwa mereka yang lemah 'aqidahnya dan lemah semangatnya dan bersedia untuk meninggalkan barisan perjuangan secara serampangan tanpa alasan dan tanpa silu malu lagi:

وَلَوْ دُخِلَتْ عَلَيْهِم مِّنْ أَقْطَارِهَا ثُمَّ سُئِلُوا۟ ٱلْفِتْنَةَ

لَأَتَوْهَا وَمَا تَلَبَّثُوا۟ بِهَآ إِلَّا يَسِيرًا ﴿١٤﴾

"Dan andainya Madinah itu dimasuki musuh yang menyerang mereka dari segala sudutnya, kemudian mereka diajak murtad dari agama mereka sudah tentu mereka akan melakukannya dan mereka tidak akan teragak-agak melainkan hanya sebentar sahaja."(14)

Beginilah keadaan jiwa mereka, sedangkan musuh masih berada di luar kota Madinah dan belum lagi menyerang mereka. Walau bagaimana hebatnya ketakutan dan kecemasan itu, namun bahaya yang diduga tidak sama dengan bahaya yang berlaku. Andainya bahaya yang sebenar berlaku dan kota Madinah diserang dari segenap penjuru, ... *"kemudian mereka diajak murtad dari agama mereka"*. Sudah tentu mereka akan melakukannya dengan segera tanpa teragak-agak lagi: *"Melainkan sebentar sahaja"* atau melainkan "sedikit sahaja" dari mereka yang teragak-agak untuk balik menjadi kafir. Itulah sifat 'aqidah yang lemah yang tidak teguh dan itulah sifat pengecut yang tidak mempunyai daya tahan.

Demikianlah Al-Qur'an mendedahkan rahsia jiwa mereka. Kemudian Al-Qur'an mengecap mereka sebagai orang-orang yang suka memungkiri janji. Dengan siapa? Dengan Allah yang pernah mereka berjanji dengan-Nya sebelum peristiwa ini, kemudian mereka mungkiri:

وَلَقَدْ كَانُوا۟ عَـٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ مِن قَبْلُ لَا يُوَلُّونَ
ٱلْأَدْبَـٰرَ ۚ وَكَانَ عَهْدُ ٱللَّهِ مَسْـُٔولًا ﴿١٥﴾

"Sedangkan dahulunya mereka telah berjanji dengan Allah iaitu mereka tidak akan berpaling undur dan janji Allah tetap akan disoal."(15)

Ujar Ibn Hisyam dari riwayat Ibn Ishaq di dalam "As-Sirah": (Yang dimaksudkan dengan mereka yang disebut dalam ayat ini) ialah Bani Harithah. Merekalah yang memperlihatkan sikap yang lemah dan pengecut pada hari peperangan Uhud bersama-sama dengan Bani Salamah kemudian mereka telah berjanji dengan Allah bahawa mereka tidak akan mengulangi lagi perbuatan itu selama-lamanya. Jadi (dalam ayat ini) Allah mengingatkan mereka dengan janji yang telah diberikan mereka.

Di dalam Peperangan Uhud, Allah telah memelihara mereka dengan limpah rahmat-Nya dari akibat-akibat lemah dan pengecut. Ini merupakan satu pelajaran dari pelajaran-pelajaran asuhan di permulaan masa berjihad, tetapi sekarang setelah dilalui masa yang panjang dan pengalaman yang cukup, maka Al-Qur'an menghadapi mereka dengan sikap yang keras.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 17)

Tiada Gunanya Lari Dari Maut Di Medan Perang

Ketika berada pada bahagian ini, iaitu ketika mereka berada di hadapan perjanjian yang hendak dilingkari mereka kerana menyelamatkan diri dari bahaya dan ketakutan itu, Al-Qur'an menjelaskan salah satu dari nilai-nilai yang kekal, yang dijelaskan tepat pada waktunya dan membetulkan tanggapan yang mendorong mereka memungkiri perjanjian itu dan melarikan diri (dari medan perjuangan) itu:

قُل لَّن يَنفَعَكُمُ ٱلْفِرَارُ إِن فَرَرْتُم مِّنَ ٱلْمَوْتِ
أَوِ ٱلْقَتْلِ وَإِذًا لَّا تُمَتَّعُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٦﴾
قُلْ مَن ذَا ٱلَّذِى يَعْصِمُكُم مِّنَ ٱللَّهِ إِنْ أَرَادَ بِكُمْ
سُوٓءًا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ رَحْمَةً ۚ وَلَا يَجِدُونَ لَهُم مِّن دُونِ
ٱللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٧﴾

"(Wahai Muhammad) katakanlah: Pelarian itu tidak akan berguna kepada kamu jika kamu melarikan diri dari maut atau terbunuh, (dan jika kamu berjaya melarikan diri), maka kamu tidak juga dapat meni'mati kesenangan hidup melainkan hanya sebentar sahaja(16). (Wahai Muhammad) katakanlah: Siapakah yang dapat melindungkan kamu dari keputusan Allah jika Dia hendak membinasakan kamu atau jika Dia hendak memberi rahmat kepada kamu? Dan mereka tidak akan memperolehi pelindung dan penolong selain dari Allah."(17)

Taqdir Allah itulah yang menguasai peristiwa-peristiwa dan nasib-nasib kesudahan (manusia). Taqdir Allah itulah yang menolak peristiwa-peristiwa dan nasib-nasib itu ke jalannya yang telah ditentukan dan akan membawanya kepada penghabisan yang telah ditetapkan. Mati dan terbunuh merupakan taqdir-taqdir yang tidak dapat dielak dari menemuinya. Apabila tiba waktunya, tiada sesa'at pun dapat didahului dan ditangguh. Perbuatan melarikan diri tidak akan berguna untuk menolakkan taqdir yang telah ditentukan ke atas seorang yang ingin melarikan diri. Apabila mereka lari, mereka tetap akan menemui ajal mereka yang telah ditetapkan dalam waktu yang dekat. Seluruh masa di dunia ini adalah dekat belaka dan seluruh keni'matan di dunia ini adalah sebentar belaka. Tiada sesuatu yang dapat melindungkan seseorang dari taqdir Allah dan tiada siapa yang dapat menghalang kehendak iradat Allah sama ada berupa bencana atau rahmat kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Tiada siapa - selain dari Allah - yang dapat menjadi pelindung dan penolong yang boleh mempertahankan mereka dari taqdir-Nya.

(Kewajipan manusia) ialah berserah kepada Allah, mematuhi segala perintah-Nya memenuhi segala janjinya dengan Allah sama ada pada masa senang atau susah, memulangkan segala-segalanya kepada Allah dan bertawakkal dengan sempurna kepada-Nya

kemudian terserahlah kepada Allah melakukan apa yang dikehendaki-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 20)

Kemudian Al-Qur'an beralih pula menjelaskan bahawa Allah mengetahui golongan penghalang yang enggan berjihad dan menghasut orang lain supaya enggan berjihad. Golongan ini berkata kepada mereka: **"Bukan tempatnya bagi kamu (berjuang di sini) oleh itu baliklah!"** (لا مقام لكم فار جعوا). Al-Qur'an melukiskan keadaan jiwa mereka dengan satu gambaran yang indah. Gambaran itu di samping tepat dan benar ia menimbulkan pula kelucuan dan ejekan terhadap contoh golongan manusia yang berulang-ulang ini. Ia merupakan gambaran dari sikap pengecut, kecut, takut dan cemas di sa'at-sa'at yang genting dan sikap sombong dan sikap lepas mulut dan lancang di masa kesenangan, bakhil membuat kebaikan, resah gelisah ketika memikirkan bahaya-bahaya yang masih jauh. Gambaran ini diungkapkan Al-Qur'an dengan gaya yang amat seni, yang tidak dapat ditukar atau diterjemahkan dengan yang lain dari ungkapan Al-Qur'an yang berdaya mu'jizat:

قَدْ يَعْلَمُ ٱللَّهُ ٱلْمُعَوِّقِينَ مِنكُمْ وَٱلْقَآئِلِينَ لِإِخْوَٰنِهِمْ هَلُمَّ إِلَيْنَا ۖ وَلَا يَأْتُونَ ٱلْبَأْسَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٨﴾
أَشِحَّةً عَلَيْكُمْ ۖ فَإِذَا جَآءَ ٱلْخَوْفُ رَأَيْتَهُمْ يَنظُرُونَ إِلَيْكَ تَدُورُ أَعْيُنُهُمْ كَٱلَّذِى يُغْشَىٰ عَلَيْهِ مِنَ ٱلْمَوْتِ ۖ فَإِذَا ذَهَبَ ٱلْخَوْفُ سَلَقُوكُم بِأَلْسِنَةٍ حِدَادٍ أَشِحَّةً عَلَى ٱلْخَيْرِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ لَمْ يُؤْمِنُوا۟ فَأَحْبَطَ ٱللَّهُ أَعْمَٰلَهُمْ ۚ وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿١٩﴾
يَحْسَبُونَ ٱلْأَحْزَابَ لَمْ يَذْهَبُوا۟ ۖ وَإِن يَأْتِ ٱلْأَحْزَابُ يَوَدُّوا۟ لَوْ أَنَّهُم بَادُونَ فِى ٱلْأَعْرَابِ يَسْـَٔلُونَ عَنْ أَنۢبَآئِكُمْ ۖ وَلَوْ كَانُوا۟ فِيكُم مَّا قَٰتَلُوٓا۟ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya Allah mengetahui golongan penghalang di antara kamu dan golongan yang berkata kepada saudara-saudara mereka: Marilah bersatu dengan kami, sedangkan mereka tidak ikut berperang melainkan sedikit sahaja(18). Mereka bersikap bakhil terhadap kamu, dan apabila ketakutan melanda, engkau melihat mereka memandang kepadamu (mengharapkan pertolongan) dengan mata mereka yang terbeliak seperti orang yang pengsan semasa hampir mati, tetapi apabila ketakutan itu telah hilang, mereka mencaci kamu dengan lidah yang tajam. Mereka bakhil berbuat kebaikan. Mereka sebenarnya tidak beriman lalu Allah menggugurkan amalan-amalan mereka. Dan pengguguran itu adalah mudah sahaja kepada Allah(19). Mereka (orang Munafiqin) menyangka tentera-tentera gabungan itu belum lagi pergi (meninggalkan mereka) dan jika tentera-tentera gabungan itu datang menyerang (sekali lagi) mereka bercita-cita semoga mereka berada bersama-sama orang-orang Arab Badwi sambil menanya-nanyakan berita-berita mengenai kamu. Dan andainya mereka berada di dalam kalangan kamu, mereka tidak akan ikut berperang melainkan sedikit sahaja."(20)

Golongan Penghalang Dalam Perjuangan

Ayat ini mula-mula menerangkan tentang ilmu Allah yang mengetahui tindak-tanduk golongan penghalang yang sedang berusaha melemahkan semangat di dalam barisan kaum Muslimin. Mereka menghasut mereka supaya enggan berjuang. Mereka sendiri:

وَلَا يَأْتُونَ ٱلْبَأْسَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٨﴾

"Tidak ikut berperang melainkan sedikit sahaja"(18)

yakni mereka tidak ikut berjihad melainkan sebentar-bentar sahaja. Segala tindak-tanduk dan tipu helah mereka tetap terdedah kepada ilmu Allah.

Kemudian pena mu'jizat itu mulai melukiskan sifat-sifat golongan ini:

أَشِحَّةً عَلَيْكُمْ

"Mereka bersikap bakhil terhadap kamu."(19)

Mereka bersikap kikir dan kedekut terhadap kaum Muslimin, iaitu kikir tenaga dan harta, kikir simpati dan kasih mesra.

فَإِذَا جَآءَ ٱلْخَوْفُ رَأَيْتَهُمْ يَنظُرُونَ إِلَيْكَ تَدُورُ أَعْيُنُهُمْ كَٱلَّذِى يُغْشَىٰ عَلَيْهِ مِنَ ٱلْمَوْتِ

"Apabila ketakutan melanda, engkau melihat mereka memandang kepadamu (mengharapkan pertolongan) dengan mata mereka yang terbeliak seperti orang yang pengsan semasa hampir mati"(19)

Ini adalah satu gambaran yang sungguh jelas dan hidup dan sekaligus itu juga menimbulkan kelucuan dan ejekan terhadap golongan manusia yang pengecut ini, yang mana seluruh anggota mereka memperlihatkan tanda-tanda pengecut dan cemas di sa'at-sa'at ketakutan.

Gambaran mereka lebih mencemuhkan lagi apabila ketakutan itu hilang dan keadaan menjadi aman:

فَإِذَا ذَهَبَ ٱلْخَوْفُ سَلَقُوكُم بِأَلْسِنَةٍ حِدَادٍ

"Tetapi apabila ketakutan itu telah hilang, mereka mencaci kamu dengan lidah yang tajam."(19)

Apabila ketakutan itu hilang barulah mereka keluar dari lubang persembunyian mereka, suara mereka yang menggelentar takut tiba-tiba menjadi kuat dan lantang, mereka memperlihatkan tanda-tanda sombong dan takbur setelah selama ini kecut ketakutan.

Mereka membuat dakwaan-dakwaan yang bukan-bukan tanpa silu malu bahawa mereka telah berjuang dengan gagah berani.

Di samping itu pula:

أَشِحَّةً عَلَى ٱلْخَيْرِ

"Mereka bakhil berbuat kebaikan."(19)

Mereka tidak pernah mengorbankan tenaga, harta dan jiwa mereka walaupun mereka membuat dakwaan-dakwaan yang besar dan bercakap selantang itu.

أُوْلَٰٓئِكَ لَمْ يُؤْمِنُوا۟ فَأَحْبَطَ ٱللَّهُ أَعْمَٰلَهُمْ

"Mereka sebenarnya tidak beriman lalu Allah menggugurkan amalan-amalan mereka."(19)

Inilah sebab utama (yang membuat mereka jadi begitu), iaitu hati mereka belum mengecapi kemanisan iman, belum bersuluhkan cahaya iman dan belum menjalani jalan iman...

فَأَحْبَطَ ٱللَّهُ أَعْمَٰلَهُمْ

"Lalu Allah menggugurkan amalan-amalan mereka."(19)

Mereka tidak berjaya kerana unsur kejayaan asasi tidak ada pada mereka.

وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿١٩﴾

"Pengguguran itu adalah mudah sahaja kepada Allah."(19)

Di sana tidak ada sesuatu yang payah kepada Allah dan segala urusana-Nya terlaksana dengan sempurna.

Kemudian Al-Qur'an menggambarkan pula keadaan mereka dalam masa Peperangan al-Ahzab dengan suatu gambaran yang lucu:

يَحْسَبُونَ ٱلْأَحْزَابَ لَمْ يَذْهَبُوا۟ وَإِن يَأْتِ ٱلْأَحْزَابُ يَوَدُّوا۟ لَوْ أَنَّهُم بَادُونَ فِى ٱلْأَعْرَابِ يَسْـَٔلُونَ عَنْ أَنۢبَآئِكُمْ وَلَوْ كَانُوا۟ فِيكُم مَّا قَٰتَلُوٓا۟ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢٠﴾

"Mereka (orang-orang Munafiqin) menyangka tentera-tentera gabungan itu belum lagi pergi (meninggalkan mereka), dan jika tentera-tentera gabungan itu datang menyerang (sekali lagi) mereka bercita-cita semoga mereka berada bersama-sama orang-orang Arab Badwi sambil menanya-nanyakan berita-berita mengenai kamu. Dan andainya mereka berada di dalam kalangan kamu, mereka tidak akan ikut berperang melainkan sedikit sahaja."(20)

Mereka masih dalam keadaan gentar dan lemah semangat hingga mereka enggan percaya bahawa tentera-tentera gabungan itu telah bertolak meninggalkan Madinah dan bahawa keadaan ketakutan telah pun bertukar kepada keamanan.

وَإِن يَأْتِ ٱلْأَحْزَابُ يَوَدُّوا۟ لَوْ أَنَّهُم بَادُونَ فِى ٱلْأَعْرَابِ يَسْـَٔلُونَ عَنْ أَنۢبَآئِكُمْ

"Dan jika tentera-tentera gabungan itu datang menyerang (sekali lagi) mereka, bercita-cita semoga mereka berada bersama-sama orang-orang Arab Badwi sambil menanya-nanyakan berita-berita mengenai kamu."(20)

Alangkah hina dan lucunya gambaran ini. Jika tentera-tentera gabungan itu datang menyerang sekali lagi, maka golongan yang pengecut ini bercita-cita tidak mahu lagi menjadi penduduk Madinah dan mahu menjadi orang-orang Arab Badwi yang tinggal di desa padang gurun, di mana mereka tidak lagi terlibat sama dalam keadaan dan nasib hidup penduduk Madinah dan mereka tidak mengetahui apa yang sedang berlaku kepada penduduk Madinah itu hingga mereka terpaksa menanyakan hati mereka pada orang lain sebagaimana seorang asing menanyakan hati seorang asing yang lain kerana mereka benar-benar berhasrat hendak menjauhkan diri dari penduduk Madinah dan menyelamatkan diri mereka dari malapetaka peperangan itu.

Mereka memasang angan-angan yang lucu ini, sedangkan mereka tidak ikut berjuang dan jauh dari medan pertempuran. Mereka hanya takut dan cemas dari jauh sahaja:

وَلَوْ كَانُوا۟ فِيكُم مَّا قَٰتَلُوٓا۟ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢٠﴾

"Dan andainya mereka berada di dalam kalangan kamu, mereka tidak akan ikut berperang melainkan sedikit sahaja."(20)

Demikianlah berakhirnya gambaran contoh golongan Munafiqin yang hidup di dalam masyarakat Islam yang masih muda di Madinah. Golongan ini akan terus berulang-ulang pada setiap generasi dengan membawa sifat-sifat dan ciri-ciri yang sama. Gambaran ini meninggalkan di dalam hati kita perasaan memandang hina terhadap golongan ini dan keinginan untuk menjauhi diri dari mereka, juga kesedaran betapa hinanya kedudukan mereka di sisi Allah dan manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 21)

Itulah keadaan orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka, juga gambaran penyebar-penyebar khabar angin. Itulah gambaran mereka yang buruk, tetapi malapetaka kesusahan dan ketakutan tidak mengubahkan semua manusia kepada gambaran yang buruk itu, malah di sana ada golongan yang berseri-seri gemilang di tengah suasana yang gelap

itu, hati mereka begitu tenang di tengah-tengah kemelut itu. Mereka penuh percaya kepada Allah dan redha dengan qadha-Nya. Mereka yakin mendapat kemenangan dari Allah selepas melalui segala keadaan yang cemas dan nanar ini.

Al-Qur'an memulakan gambaran golongan yang berseri-seri gemilang itu dengan menyebut Rasulullah s.a.w.:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْءَاخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya pada akhlak Rasulullah itu terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu, iaitu bagi mereka yang mengharapkan keredhaan Allah dan keselamatan pada hari Akhirat dan banyak mengingati Allah."(21)

Rasulullah s.a.w. Merupakan Contoh Unggul Kepada Setiap Mu'min

Walaupun di dalam suasana yang amat mencemas, susah dan letih lesu itu, namun Rasulullah s.a.w. tetap merupakan sumber keamanan, keyakinan, harapan dan ketenangan kepada kaum Muslimin. Pengkajian terhadap sikap Rasulullah s.a.w. di dalam menghadapi peristiwa Peperangan al-Ahzab yang besar ini boleh memberi pedoman dan panduan kepada para pemimpin jama'ah dan pergerakan (da'wah Islamiyah). Ia memberi contoh tauladan yang baik kepada mereka yang mengharapkan keredhaan Allah dan balasan yang baik pada hari Akhirat, juga kepada mereka yang mencari contoh yang baik dan mengingati Allah tanpa melupakan-Nya.

Eloklah kita mengetahui serba sedikit tentang sikap Rasulullah s.a.w. itu sebagai contoh, kerana kita tidak dapat menghuraikannya dengan terperinci di sini.

Rasulullah s.a.w. keluar menggali parit pertahanan bersama-sama kaum Muslimin. Beliau memotong dengan kapak, menyodok tanah dengan penyodok dan mengangkut tanah dengan keranjang-keranjang. Beliau turut menyanyikan sajak bersama mereka dengan suara yang tinggi semasa bekerja. Mereka menyanyikan sajak-sajak yang bersahaja yang digubah dari kejadian-kejadian yang berlaku. Misalnya ketika itu ada seorang Islam bernama Ju'ayl. Rasulullah s.a.w. tidak sukakan nama itu, lalu mengubahkannya kepada nama 'Amr. Lalu orang-orang Muslimin yang bekerja menggali parit itu mendendangkan beramai-ramai sebuah sajak mengenainya yang bersahaja:

سماه من جعيل عمراً * وكان للبائس يوماً ظهراً

Beliau menukar namanya
Dari Ju'ayl kepada 'Amr
Setiap hari ada sahaja
Beliau menolong si malang derita

Apabila mereka mendendangkan kata-kata "Amr"(عمر), Rasulullah s.a.w. turut meningkah "Amran"(عمراً). Begitu juga apabila mereka mendendangkan kata-kata "Zahr"(ظهر) beliau turut meningkah "Zahran"(ظهرا).

Di sini dapatlah kita gambarkan betapa mesranya suasana ketika itu, di mana kaum Muslimin bekerja keras (menggali parit) dan Rasulullah s.a.w. turut serta memotong dengan kapak, menyodok tanah dengan penyodok-penyodok, mengangkut tanah dengan keranjang-keranjang dan menyanyikan sajak ini bersama-sama mereka. Di sini juga dapat kita gambarkan bagaimana hebatnya suasana mesra ini melepaskan tenaga dan semangat di dalam jiwa mereka, mencurahkan perasaan sukarela, keghairahan, keyakinan dan kebanggaan di dalam hati mereka.

Ketika itu Zaid ibn Thabit berada dalam kumpulan yang bertugas mengangkut tanah. Rasulullah s.a.w. telah memujinya, "Dia seorang belia yang amat bagus". (Pada suatu hari) dia mengantuk dan terus tertidur di dalam parit. Udara ketika itu sangat dingin, lalu 'Umarah mengambil senjatanya tanpa disedarinya apabila dia terjaga dia terkejut, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Wahai Abu Ruqad! (pak tidur) Engkau tidur hingga senjata engkau hilang entah ke mana." Kemudian beliau bertanya: "Siapa tahu di mana senjata anak muda ini?" Jawab 'Umarah, "Wahai Rasulullah s.a.w.! Senjatanya ada pada saya." Ujar beliau: "Pulangkan senjata itu kepadanya." Kemudian beliau melarang mereka supaya jangan menakut-nakutkan orang-orang Islam dan bergurau dengan mengambil barang-barang kepunyaan mereka.

Peristiwa ini menggambarkan betapa mata dan hati Rasulullah s.a.w. sentiasa waspada dan ingat kepada setiap orang yang ada di dalam barisan perjuangan sama ada muda atau tua, juga menggambarkan semangat gurau senda yang manis dan mesra (sebagaimana tersemat dalam kata-kata beliau kepada Zaid ibn Thabit): "Wahai Abu Ruqad! (pak tidur) Engkau tidur hingga senjata engkau hilang entah ke mana". Pada akhirnya peristiwa ini juga menggambarkan keadaan suasana mesra, di mana kaum Muslimin hidup di bawah naungan Nabi mereka dalam masa yang amat genting itu.

Di samping itu semangat perjuangan Rasulullah s.a.w. sentiasa melihat kemenangan dari jauh hingga beliau nampak kemenangan itu di dalam cahaya-cahaya api yang tercetus dari batu-batu yang terkena hayunan cangkul, kemudian beliau ceritakannya kepada kaum Muslimin untuk membangkitkan keyakinan dan kepercayaan di dalam hati mereka.

Ujar Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan dari Salman al-Farisi katanya, "Aku sedang mencangkul di suatu sudut parit itu, tiba-tiba satu batu yang keras menyusahkan cangkulku. Rasulullah s.a.w. berada berhampiran denganku. Apabila beliau melihat aku mencangkul dan melihat tempat itu amat keras dan sukar kepada aku, beliau pun turun dan mengambil cangkul dari tanganku lalu beliau cangkulkan tempat

itu dengan cangkulan yang kuat hingga terpercik cahaya api, kemudian beliau mencangkul sekali lagi dan cahaya api terpercik pula sekali lagi. Kemudian beliau mencangkul bagi kali yang ketiga dan sekali pula cahaya api itu terpercik". Ujar Salman: Aku pun berkata: "Demi ayah bondaku, apakah cahaya yang aku nampak terpancar ketika anda mencangkul itu?" Sabda beliau "Engkau nampak cahaya itu, wahai Salman? Jawab dia, "Ya, saya nampak". Sabda beliau: "Cahaya api pertama itu mengalamatkan bahawa Allah akan memberi kemenangan kepadaku mena'luk negeri Yaman, cahaya yang kedua pula mengalamatkan bahawa Allah akan memberi kemenangan kepada aku mena'luk negeri Syam dan negeri sebelah Barat dan cahaya yang ketiga mengalamatkan bahawa Allah akan memberi kemenangan kepada aku mena'luk negeri sebelah Timur".

Tersebut di dalam kitab "إمتاع الأسماع" karangan al-Maqrizi bahawa peristiwa ini adalah berlaku kepada Umar ibn al-Khattab dengan disaksikan oleh Salman al-Farisi r.a.

Pada hari ini dapatlah kita gambarkan betapa hebatnya pengaruh kata-kata beliau itu di dalam hati kaum Muslimin yang sedang dikepung bahaya serangan musuh itu.

Di samping cerita-cerita Rasulullah s.a.w. yang gemilang itu dapatlah pula kita tokokkan dengan cerita Huzayfah yang pulang dari tugas meninjau keadaan bala tentera gabungan. Dia sedang dalam keadaan yang amat sangat sejuk, sedangkan Rasulullah s.a.w. ketika itu sedang mendirikan solat dengan berselimutkan kain lepas panjang salah seorang isterinya. Tetapi walaupun beliau sedang bersembahyang dan berhubung dengan Allah, namun beliau tidak membiarkan Huzayfah menggelentar kesejukan hingga beliau selesai sembahyang, malah beliau menarik Huzayfah di antara dua kakinya dan campakkan hujung kain lepas itu kepada Huzayfah supaya dia berselimut dengannya sementara beliau meneruskan sembahyangnya hingga selesai, lalu Huzayfah pun menyampaikan berita (pergerakan angkatan musuh) itu kepada beliau. Dia menyampaikan berita gembira itu kepada beliau yang telah pun mengetahui berita itu dengan hatinya. Kemudian beliau mengirim Huzayfah untuk menghebohkan berita itu kepada kaum Muslimin.

Cerita-cerita mengenai keberanian Rasulullah s.a.w. ketabahan dan kecekalan beliau dalam menghadapi keadaan yang gawat itu adalah jelas di sepanjang kisah peperangan itu. Kita tidak perlu lagi menyalinkan cerita-cerita itu di sini kerana ia sangat masyhur.

Amatlah tepat firman Allah S.W.T.:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ
يَرْجُواْ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْآخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya pada akhlak Rasulullah itu terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu, iaitu bagi mereka yang mengharapkan keredhaan Allah dan keselamatan pada Hari Akhirat dan banyak mengingati Allah."(21)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 25)

Kemudian dikemukakan pula gambaran iman yang kukuh dan tenang dan gambaran cemerlang kaum Mu'minin dalam menghadapi kemelut dan bahaya serangan musuh yang menggoncangkan hati mereka itu. Peristiwa yang menggoncangkan hati itu telah diambil mereka sebagai bahan untuk menambahkan ketenteraman, kepercayaan, keceriaan dan keyakinan mereka:

وَلَمَّا رَءَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلْأَحْزَابَ قَالُواْ هَٰذَا مَا وَعَدَنَا
ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَصَدَقَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ ۚ وَمَا زَادَهُمْ إِلَّآ
إِيمَٰنًا وَتَسْلِيمًا ﴿٢٢﴾

"Dan ketika orang-orang yang beriman melihat tentera-tentera gabungan, mereka berkata: Inilah apa yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya, dan benarlah Allah dan Rasul-Nya, dan pemandangan itu tidak menambahkan mereka melainkan keimanan dan penyerahan diri (kepada Allah)."(22)

Kemelut dan kesusahan yang dihadapi kaum Muslimin di dalam Peperangan Ahzab ini amatlah besar. Ia benar-benar menggoncangkan hati mereka sebagaimana digambarkan Allah Yang Maha Benar:

هُنَالِكَ ٱبْتُلِىَ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَزُلْزِلُواْ زِلْزَالًا شَدِيدًا ﴿١١﴾

"Di sanalah orang-orang Mu'min diuji dan digoncangkan (hati mereka) dengan goncangan yang amat kuat."(11)

Gambar Keimanan Yang Gemilang

Mereka semua adalah manusia yang mempunyai tenaga yang terbatas dan Allah tidak mentaklifkan mereka lebih dari keupayaan mereka. Walaupun mereka yakin akan mendapat pertolongan Allah pada akhirnya dan walaupun Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan berita gembira kepada mereka tentang kemenangan dan pena'lukan negeri-negeri Yaman, Syam dan negeri di sebelah Barat dan Timur pada masa-masa depan, namun kegawatan situasi itu yang sedang menghadapi kemelut yang hebat itu tetap menggoncang, mencemas dan menyebakkan pernafasan mereka.

Di antara cerita-cerita yang lebih menggambarkan keadaan ini ialah cerita Huzayfah. Rasulullah s.a.w. memang menyedari keadaan para sahabatnya. Beliau melihat mereka dari dalam jiwa mereka sendiri. Oleh kerana itu beliau bersabda: "Siapakah orang yang sanggup keluar meninjau keadaan musuh kemudian balik semula ke sini nescaya akan kupohon kepada Allah supaya Dia jadikannya temanku di dalam Syurga?".

Walaupun permintaan beliau itu disertakan dengan syarat kembali pulang dan dengan do'a mendapat ni'mat bersahabat dengan Rasulullah s.a.w. di dalam Syurga, namun tiada seorang pun yang tampil menyahut seruan beliau. Apabila beliau menyebut nama Huzayfah, dia berkata: "Aku tidak dapat mengelak lagi dari tampil berdiri sebaik sahaja beliau memanggilku." Situasi yang seperti ini tentulah tidak berlaku melainkan dalam keadaan yang paling cemas.

Tetapi walaupun mereka berada di dalam ketakutan, di mana mata mereka meliar dan nanar, pernafasan mereka sebak, namun hubungan mereka dengan Allah tidak pernah putus, kefahaman mereka tidak menyimpang dari Sunnatullah dan mereka yakin kepada keteguhan Sunnatullah yang tidak pernah bergoyang. Mereka yakin bahawa titik akhir Sunnatullah itu akan terlaksana apabila titik awalnya telah terlaksana. Oleh kerana itulah mereka jadikan kecemasan yang dialami mereka itu sebagai landasan untuk menunggu pertolongan dari Allah. Ini adalah kerana mereka percaya kepada firman Allah S.W.T. sebelum ini:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُم مَّثَلُ ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلِكُم ۖ مَّسَّتْهُمُ ٱلْبَأْسَآءُ وَٱلضَّرَّآءُ وَزُلْزِلُوا۟ حَتَّىٰ يَقُولَ ٱلرَّسُولُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ مَتَىٰ نَصْرُ ٱللَّهِ ۗ أَلَآ إِنَّ نَصْرَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ ﴿٢١٤﴾

"Adakah kamu mengira bahawa kamu akan memasuki Syurga, sedangkan kamu belum menerima dugaan seperti orang-orang Mu'min yang terdahulu dari kamu? Mereka telah ditimpa malapetaka dan kesusahan dan mereka telah digoncangkan ketakutan sehingga Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Mu'minin yang ada bersamanya pernah bersungut bilakah tibanya pertolongan dari Allah? (Lalu dijawab): Sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat."

(Surah al-Baqarah : 214)

Kini mereka sedang digoncangkan ketakutan dan kerana itu pertolongan dari Allah sudah dekat kepada mereka. Justeru itu mereka berkata:

قَالُوا۟ هَٰذَا مَا وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَصَدَقَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ ۚ وَمَا زَادَهُمْ إِلَّآ إِيمَٰنًا وَتَسْلِيمًا ﴿٢٢﴾

"Mereka berkata: Inilah apa yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya, dan benarlah Allah itu Rasul-Nya dan pemandangan itu tidak menambahkan mereka melainkan keimanan dan penyerahan diri (kepada Allah)."(22)

"Inilah apa yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya"... Ketakutan, kesusahan, kegoncangan dan kesulitan ini adalah semuanya telah dijanjikan Allab bahawa Dia akan memberi pertolongan. Oleh itu pertolongan itu pasti datang. *"Dan benarlah Allah dan Rasul-Nya"...* yakni benarlah Allah dan Rasul-Nya yang telah menunjukkan alamat (kedatangan pertolongan itu) dan kerana itu hati mereka tetap yakin kepada pertolongan dan janji Allah:

وَمَا زَادَهُمْ إِلَّآ إِيمَٰنًا وَتَسْلِيمًا ﴿٢٢﴾

"Dan pemandangan itu tidak menambahkan mereka melainkan keimanan dan penyerahan diri (kepada Allah)."(22)

Mereka adalah segolongan manusia belaka. Mereka tidak mampu membersihkan diri mereka dari perasaan-perasaan manusia dan kelemahan-kelemahannya. Mereka tidak dituntut menjangkau batas-batas jenis mereka sebagai manusia dan tidak pula disuruh keluar dari lingkungan jenis manusia sehingga hilang segala sifat-sifat dan ciri-ciri mereka sebagai manusia. Oleh kerana itulah Allah jadikan mereka sedemikian rupa supaya mereka tetap dengan sifat-sifat manusia dan tidak berubah kepada jenis makhluk yang lain tidak berubah kepada malaikat-malaikat tidak pula kepada syaitan-syaitan dan tidak pula kepada binatang dan batu batan. Sebagai manusia mereka tetap mengalami rasa takut dan cemas apabila dilanda kesusahan. Hati mereka akan bergoncang apabila menghadapi suasana bahaya yang melewati keupayaan mereka. Namun demikian, hati mereka tetap tertambat pada tali yang kukuh yang menghubungkan mereka dengan Allah. Tali inilah yang menghalangkan mereka dari gugur dan tali inilah yang membaharui harapan mereka dan mengawal mereka dari rasa putus asa. Dengan sifat-sifat inilah mereka menjadi contoh yang unik dan tiada tolak bandingnya di dalam sejarah manusia.

Kita harus memahami hakikat ini supaya kita dapat memahami contoh golongan manusia yang unik ini. Kita harus memahami bahawa mereka hanya manusia. Mereka tidak terlepas dari tabi'at manusia termasuk sifat-sifat yang kuat dan sifat yang lemah. Punca keistimewaan mereka ialah kerana mereka dengan sifat-sifat manusia mereka telah berjaya mendaki setinggi-tinggi kemuncak yang disediakan Allah untuk makhluk manusia, iaitu mereka telah memperlihatkan kebolehan mereka memelihara ciri-ciri makhluk manusia di bumi dan berpegang kukuh dengan tali pèrhubungan dengan langit (Allah).

Apabila kita melihat kelemahan kita sekali sekala atau kegoncangan dan ketakutan kita sekali sekala atau melihat sekali sekala kecemasan kita dalam menghadapi kesusahan dan bahaya, maka janganlah kita berputus asa dari diri kita dan janganlah kita terlalu terharu hingga menganggapkan diri kita sudah habis atau tidak layak buat selama-lamanya untuk memikul tugas yang besar, tetapi di samping itu janganlah pula kita menyokong kelemahan kita dan menyanjungnya sebagai sifat semulajadi manusia dan janganlah pula kita mempertahankan kelemahan itu dengan alasan ia juga telah dialami oleh orang-orang yang lebih baik dari kita. Yang perlu kepada kita ialah

berpegang teguh dengan tali Allah untuk bangun kembali dari rebah dan memulihkan semula keyakinan dan ketenteraman kita serta menjadikan kemelut yang menggoncangkan hati kita itu sebagai alamat bahawa kita akan mendapat pertolongan dari Allah. Dengan demikian kita kembali menjadi kuat, teguh dan tenang untuk meneruskan perjalanan.

Inilah imbangan yang telah membentuk golongan Muslimin yang menjadi contoh yang unik di dalam zaman permulaan Islam itu. Merekalah contoh yang disebut-sebut Al-Qur'an, di mana diceritakan kisah-kisah perjuangan mereka yang gemilang dan keteguhan mereka memegang janji mereka dengan Allah. Di antara mereka ada yang gugur syahid dan ada pula yang menunggu untuk gugur syahid:

مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا۟ مَا عَٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ عَلَيْهِ ۖ فَمِنْهُم مَّن قَضَىٰ نَحْبَهُۥ وَمِنْهُم مَّن يَنتَظِرُ ۖ وَمَا بَدَّلُوا۟ تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾

"Di antara orang-orang yang beriman itu ada orang-orang yang benar-benar menunaikan apa yang telah mereka janjikannya kepada Allah. Di antara mereka ada yang gugur syahid dan di antara mereka pula ada yang menunggu (mati syahid). Dan mereka tidak mengubahkan janji mereka sedikit pun."(23)

Mereka merupakan contoh golongan yang bertentangan dengan golongan yang keji yang berjanji dengan Allah bahawa mereka tidak akan berundur lari dari perjuangan kemudian mereka tidak menepati janji itu:

وَلَقَدْ كَانُوا۟ عَٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ مِن قَبْلُ لَا يُوَلُّونَ ٱلْأَدْبَٰرَ ۚ وَكَانَ عَهْدُ ٱللَّهِ مَسْـُٔولًا ﴿١٥﴾

"Sedangkan dahulunya mereka telah berjanji dengan Allah iaitu mereka, tidak akan berpaling undur dan janji Allah tetap akan disoal."(15)

Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Thabit katanya: Bapa saudaraku Anas ibn an-Nadhr r.a. sangat terkilan kerana tidak dapat ikut bersama Rasulullah s.a.w. di dalam Peperangan Badar. Dia berkata "Aku tidak ikut berjuang di dalam peperangan pertama yang diceburi Rasulullah s.a.w. Demi sesungguhnya jika Allah memberi kesempatan kepadaku berjuang dalam peperangan selepas ini, nescaya Allah dapat melihat bagaimana aku berjuang." Ujar Thabit: Dia bimbang mengeluarkan perkataan yang lain. Kemudian dia turut berjuang bersama-sama Rasulullah s.a.w. di dalam Peperangan Uhud. Di sana dia bertemu dengan Sa'ad ibn Mu'az r.a., lalu dia berkata kepadanya, "Aku tercium bau Syurga di Bukit Uhud." Kata Thabit: Lalu dia bertempur hingga gugur syahid. Di badannya terdapat lebih lapan puluh luka-luka ditetak, ditikam dan dipanah. Kata saudara perempuannya iaitu ibu saudaraku ar-Rubaiyi' binti an-Nadhr: "Aku dapat mengenal mayat saudaraku itu dari jari-jarinya". Ujar Thabit: Lalu turunlah ayat ini:

مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا۟ مَا عَٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ عَلَيْهِ ۖ فَمِنْهُم مَّن قَضَىٰ نَحْبَهُۥ وَمِنْهُم مَّن يَنتَظِرُ ۖ وَمَا بَدَّلُوا۟ تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾

"Di antara orang-orang yang beriman itu ada orang-orang yang benar-benar menunaikan apa yang telah mereka janjikannya kepada Allah. Di antara mereka ada yang gugur syahid dan di antara mereka pula ada yang menunggu (mati syahid). Dan mereka tidak mengubahkan janji mereka sedikit."(23)

(Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim, at-Tirmizi dan an-Nasa'i dari hadith Sulaiman ibn al-Mughirah).

Gambaran gemilang bagi contoh golongan Mu'minin ini adalah disebut di sini dengan tujuan untuk menyempurnakan gambaran iman berbanding dengan gambaran nifaq, keimanan yang lemah dan kemungkiran janji dari golongan lawannya supaya perbandingan itu dapat ditunjukkan dengan sempurna dalam rangka tarbiyah melalui peristiwa dan Al-Qur'an.

Gambaran itu diulaskan pula dengan menerangkan hikmat ujian dan akibat kemungkiran janji dan menyerahkan hal ini semuanya kepada kehendak iradat Allah:

لِّيَجْزِىَ ٱللَّهُ ٱلصَّٰدِقِينَ بِصِدْقِهِمْ وَيُعَذِّبَ ٱلْمُنَٰفِقِينَ إِن شَآءَ أَوْ يَتُوبَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٢٤﴾

"Agar Allah memberi balasan kepada orang-orang yang benar kerana janji mereka dan menyeksakan orang-orang Munafiqin jika dikehendaki-Nya atau menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(24)

Ulasan sedemikian dibuat di tengah-tengah tayangan peristiwa-peristiwa dan pemandangan-pemandangan dengan tujuan untuk memulangkan segala urusan kepada Allah dan untuk menjelaskan hikmat peristiwa-peristiwa itu, kerana tiada peristiwa yang sia-sia dan tiada pula yang berlaku secara kebetulan sahaja, malah peristiwa-peristiwa itu adalah berlaku mengikut hikmat dan tadbir yang telah ditentukan Allah dan berakhir dengan kesudahan-kesudahan yang dikehendaki Allah, di mana rahmat Allah terhadap para hamba-Nya dapat dilihat dengan jelas. Rahmat dan keampunan Allah selama-lamanya lebih dekat dan lebih besar:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(24)

Kemudian cerita peristiwa yang besar itu ditamatkan dengan kesudahan yang membenarkan tanggapan orang-orang Mu'minin terhadap Allah, mengesahkan kesesatan orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang menyebar khabar-khabar angin dan salahnya tanggapan dan kefahaman mereka, juga menjelaskan nilai-nilai keimanan pada penghabisan peristiwa itu:

وَرَدَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِغَيْظِهِمْ لَمْ يَنَالُوا۟ خَيْرًا ۚ
وَكَفَى ٱللَّهُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلْقِتَالَ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ قَوِيًّا
عَزِيزًا ﴿٢٥﴾

"Dan Allah telah menghalaukan kembali orang-orang kafir (tentera-tentera gabungan) dengan membawa dendam kesumat mereka. Mereka tidak mendapat sebarang kejayaan dan Allah telah menghindarkan orang-orang Mu'minin dari bencana peperangan dan Allah adalah Maha Kuat dan Maha Perkasa."(25)

Peperangan Ahzab itu telah bermula kemudian terus berlangsung dan akhirnya tamat. Allahlah yang memegang teraju peperangan itu. Dialah yang mengendalikannya mengikut kehendak iradat-Nya. Hakikat ini telah diterangkan oleh ayat Al-Qur'an yang tersebut dengan gaya pengungkapannya yang tersendiri, di mana segala peristiwa dan akibat telah disandarkan secara langsung kepada Allah Ta'ala untuk menjelaskan hakikat ini dan menyematkannya di dalam hati dan menerangkan kefahaman Islam yang betul.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 27)

Kekalahan itu bukan sahaja menimpa kaum Musyrikin Quraysy dan Ghatafan, malah turut menimpa Bani Qurayzah juga, iaitu kaum Yahudi yang menjadi sekutu kaum Musyrikin:

وَأَنزَلَ ٱلَّذِينَ ظَٰهَرُوهُم مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ مِن
صَيَاصِيهِمْ وَقَذَفَ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلرُّعْبَ فَرِيقًا
تَقْتُلُونَ وَتَأْسِرُونَ فَرِيقًا ﴿٢٦﴾
وَأَوْرَثَكُمْ أَرْضَهُمْ وَدِيَٰرَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُمْ وَأَرْضًا لَّمْ
تَطَـُٔوهَا ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرًا ﴿٢٧﴾

"Dan Allah telah menurunkan golongan Ahlil-Kitab (Bani Qurayzah) yang telah membantu mereka (angkatan musuh) dari kubu-kubu mereka dan mencampakkan perasaan takut ke dalam hati mereka. Sebahagian dari mereka kamu bunuh dan sebahagian lagi kamu tawan (26). Dan Allah telah mewariskan kepada kamu tanah-tanah mereka, rumah-rumah dan harta benda mereka, juga tanah-tanah yang belum kamu memijaknya dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(27)

Cerita (kekalahan Bani Qurayzah) ini memerlukan sedikit penjelasan mengenai kisah kaum Yahudi dengan kaum Muslimin.

Sikap Kaum Yahudi Di Madinah Terhadap Kaum Muslimin

Orang-orang Yahudi di Madinah tidak pernah berdamai dengan Islam sejak kedatangannya kepada mereka kecuali dalam masa yang pendek sahaja. Rasulullah s.a.w. telah mengadakan perjanjian damai dengan mereka pada permulaan kedatangan beliau ke Madinah. Dalam perjanjian itu beliau mewajibkan mereka bekerjasama dan membantu untuk menjaga keselamatan Madinah serta mengenakan syarat supaya mereka jangan melakukan pengkhianatan, perbuatan-perbuatan yang jahat, pengintipan dan supaya mereka jangan membantu musuh dan melakukan perbuatan-perbuatan yang menyakiti.

Tetapi tidak lama kemudian kaum Yahudi merasa bahawa agama yang baru ini mengancam kedudukan tradisional mereka selaku Ahlil-Kitab yang pertama kerana dengan sifat inilah membolehkan mereka meni'mati kedudukan yang tinggi selama ini di kalangan penduduk Madinah. Mereka juga merasa terancam dengan peraturan baru masyarakat Madinah yang dibawa oleh Islam di bawah pimpinan Rasulullah s.a.w. Sebelum ini mereka dapat mempergunakan keadaan permusuhan yang wujud di antara suku Aus dan Khazraj itu untuk mendapat kedudukan yang tinggi di Madinah, tetapi sekarang apabila Islam telah berjaya menyatupadukan Aus dan Khazraj di bawah pimpinan Nabi mereka yang mulia, maka kaum Yahudi tidak lagi berpeluang mendapat air yang keruh untuk mereka menangguk keuntungan di antara dua puak itu.

Yang menjadi pukulan yang amat hebat kepada kaum Yahudi ialah apabila Abdullah ibn Salam pendeta dan ahli agama mereka yang terkenal itu memeluk Islam. Allah telah membuka pintu hatinya kepada agama Islam lalu dia memeluknya kemudian dia menyuruh semua ahli rumahnya supaya memeluk Islam dan mereka semua telah menganut Islam bersamanya. Tetapi apabila dia bimbang jika dia mengumumkan keislamannya tentulah orang-orang Yahudi akan membuat berbagai-bagai tuduhan terhadapnya, maka kerana itu dia telah meminta Rasulullah s.a.w. supaya beliau bertanya kepada orang-orang Yahudi tentang peribadinya sebelum dia mengumumkan keislamannya kepada mereka. Apabila ditanya, mereka menjawab: Dia (Abdullah) itu penghulu kami dan anak penghulu kami, juga pendeta kami dan orang alim kami. Ketika inilah Abdullah ibn Salam keluar mendapatkan mereka dan meminta mereka supaya beriman sepertinya. Di sinilah mereka terperangkap. Lalu mereka melemparkan kata-kata yang buruk kepada Abdullah ibn Salam dan mengingatkan suku-suku Yahudi supaya berwaspada

terhadapnya. Kini mereka merasa kedudukan keagamaan dan politik mereka benar-benar terancam. Oleh itu mereka mengambil keputusan untuk melancarkan tentangan yang tidak mengenal damai terhadap Muhammad s.a.w.

Sejak itu bermulalah peperangan yang tidak pernah damai di antara kaum Yahudi dan Islam sehingga hari ini.

Ia bermula dengan perang dingin menurut istilah sekarang, iaitu peperangan propaganda terhadap Muhammad s.a.w. dan terhadap Islam. Di dalam peperangan ini orang-orang Yahudi telah menggunakan berbagai-bagai cara yang terkenal di dalam sejarah mereka. Mereka menggunakan cara menaburkan keraguan terhadap kerasulan Muhammad s.a.w. dan melemparkan kekeliruan-kekeliruan di sekitar agama yang baru itu. Mereka menggunakan cara melaga-lagakan di antara orang-orang Islam, sekali di antara Aus dan Khazraj dan sekali pula di antara orang-orang Ansar dan Muhajirin. Mereka menggunakan cara mengintip orang-orang Islam untuk kepentingan musuh-musuh mereka dari kaum Musyrikin. Mereka menggunakan orang-orang dalam yang diambil dari orang-orang Munafiqin yang berpura-pura Islam untuk mencetuskan fitnah di dalam barisan orang-orang Islam. Akhir sekali mereka menunjukkan tembelang diri mereka yang sebenar dan menggunakan cara mengemblengkan tenaga untuk menyerang kaum Muslimin sebagaimana yang telah berlaku di dalam Peperangan Al-Ahzab.

Suku-suku kaum Yahudi yang terpenting ialah Bani Qaynuqa', Bani an-Nadhir dan Bani Qurayzah dan setia suku itu masing-masing mempunyai masalah dengan Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam.

Suku Bani Qaynuqa' merupakan satu suku Yahudi yang paling berani. Mereka menaruh dendam terhadap kaum Muslimin apabila mereka mendapat kemenangan di dalam Peperangan Badar. Mereka bertindak mengganggu orang-orang Islam dan memungkiri perjanjian yang wujud di antara mereka dengan Rasulullah s.a.w. kerana bimbangkan kedudukan beliau akan menjadi begitu kuat hingga tidak mampu lagi ditentang mereka apatah lagi setelah beliau berjaya mengalahkan kaum Quraysy dalam peperangan pertama di antara beliau dengan mereka.

Ibn Hisyam telah menceritakan hal mereka di dalam as-Sirah melalui saluran Ibn Ishaq katanya:

Di antara cerita Bani Qaynuqa' ialah Rasulullah s.a.w. telah mengumpul mereka di pasar Bani Qaynuqa' lalu bersabda kepada mereka: "Wahai sekalian orang-orang Yahudi! Takutilah kepada kemurkaan Allah sebagaimana yang telah menimpa kaum Quraysy, peluklah agama Islam kerana kamu telah pun mengetahui bahawa saya adalah seorang Nabi yang diutuskan Allah. Semua ini terdapat di dalam kitab suci kamu dan dalam janji Allah kepada kamu." Jawab mereka:" Wahai Muhammad, janganlah engkau tertipu apabila engkau mendapat kesempatan mengalahkan kaum (Quraysy) yang tidak tahu berperang itu. Kami, demi Allah, jika kami memerangi engkau, nescaya tahulah engkau bahawa kamilah orang-orang yang sebenar handal".

Ibn Hisyam juga telah menceritakan hal mereka melalui saluran Abdullah ibn Ja'far katanya:

Di antara cerita Bani Qaynuqa' ialah ada seorang perempuan Arab datang menjual barangnya di pasar Bani Qaynuqa'. Kemudian perempuan itu duduk bersama seorang tukang emas di pasar itu. Orang-orang Yahudi di situ mahu dia membuka mukanya, tetapi dia enggan lalu tukang emas itu mengambil hujung kain perempuan itu dan mengikatkannya di belakangnya. Apabila perempuan itu bangkit berdiri maka kainnya terus terselak mendedahkan auratnya. Mereka pun ketawa lalu perempuan itu menjerit menyebabkan seorang Islam menyerbu ke arah tukang emas itu dan membunuhnya, lalu orang-orang Yahudi menyerang orang Islam itu dan membunuhnya. Kemudian keluarga, orang Islam itu menyeru kaum Muslimin melawan orang-orang Yahudi itu menyebabkan mereka marah, lalu terjadilah suatu pergaduhan di antara mereka dengan kaum Yahudi Bani Qaynuqa'.

Ibn Ishaq telah menyambungkan cerita ini katanya:

Lalu Rasulullah s.a.w. mengepung Bani Qaynuqa' sehingga mereka bersetuju menerima pengadilannya. Ketika inilah Abdullah ibn Ubay ibn Salul tampil menemui beliau seraya berkata: "Wahai Muhammad, tolonglah layan sekutu-sekutu saya dengan baik" (ketika itu Bani Qaynuqa' menjadi sekutu orang-orang Khazraj), tetapi Rasulullah s.a.w. tidak menghirau permintaannya, lalu dia merayu lagi, ("Wahai Muhammad, tolonglah layan sekutu-sekutu saya dengan baik"). Rasulullah s.a.w. (sekali lagi) berpaling darinya, lalu dia memasukkan tangannya ke dalam saku baju besi Rasulullah s.a.w. Dan beliau pun bersabda kepadanya: "Lepaskan aku". Rasulullah s.a.w. kelihatan sangat marah hingga wajahnya berubah dan bersabda lagi: "Lepaskan aku". Jawab Abdullah: "Tidak, demi Allah saya tidak lepaskan anda sehingga anda berjanji memberi layanan yang baik kepada suku-suku saya. Mereka terdiri dari empat ratus orang yang tidak berbaju besi dan tiga ratus orang yang berbaju besi. Mereka telah mempertahankan saya dari orang-orang Arab dan bukan Arab. Anda boleh membunuh mereka dalam satu pagi sahaja. Sesungguhnya, demi Allah, saya takut ditimpa malapetaka". Kemudian Rasulullah s.a.w. menjawab: "Baiklah aku serahkan mereka kepada engkau".

Abdullah ibn Ubay ibn Salul pada masa itu masih mempunyai kedudukan di kalangan kaumnya. Oleh kerana itu Rasulullah s.a.w. berkenan menerima permintaannya mengenai Bani Qaynuqa' dengan syarat mereka meninggalkan negeri Madinah. Mereka dibolehkan mengambil harta benda mereka bersama

mereka kecuali senjata. Dengan ini terselamatlah negeri Madinah dari satu masyarakat Yahudi yang mempunyai kekuatan yang penting.

Adapun kaum Yahudi Bani an-Nadhir pula, Rasulullah s.a.w. telah keluar untuk menemui mereka di dalam tahun yang Keempat Hijrah selepas Peperangan Uhud dengan tujuan menuntut mereka supaya bersama-sama membayar diyat dua orang yang terbunuh mengikut perjanjian yang telah dimeteraikan di antara beliau dengan mereka. Apabila beliau menemui mereka, mereka pun berkata: "Baiklah, wahai Abul-Qasim, kami boleh menolong anda memenuhi permintaan yang dipinta anda itu." Tetapi apabila mereka berkumpul sesama mereka secara diam-diam mereka berkata: Kamu tidak akan menemui lelaki ini (Muhammad) dalam keadaannya yang seperti sekarang. Oleh itu siapa di antara kamu yang sanggup naik ke atas rumah ini dan menggugur batu ke atasnya supaya kita terselamat darinya? Ketika itu Rasulullah s.a.w. sedang duduk di tepi dinding rumah mereka.

Apabila mereka hendak bertindak melaksanakan rancangan mereka yang jahat itu, Allah mengilhamkan kepada Rasulullah s.a.w. dan mendedahkan rancangan mereka terhadap beliau, lalu beliau pun bangkit dari tempat ini dan terus keluar pulang ke Madinah. Beliau memerintah kaum Muslimin supaya bersiap sedia untuk memerangi Bani an-Nadhir itu. Mereka berkubu di dalam kubu-kubu mereka dan Abdullah ibn Ubay ibn Salul kepala Munafiqin telah mengirim utusannya kepada mereka meminta mereka supaya bertahan dengan gagah berani dan gigih. Katanya: "Kami tidak akan menyerahkan kamu (kepada Muhammad) jika kamu diserang, kami akan berperang bersama-sama kamu dan jika kamu diusir keluar, kami akan keluar bersama-sama kamu". Tetapi orang-orang Munafiqin tidak memenuhi janji mereka dan Allah telah mencampakkan perasaan takut ke dalam hati Bani an-Nadhir, lalu mereka menyerah diri tanpa perang dan pertempuran. Mereka meminta Rasulullah s.a.w. supaya bersetuju melepaskan mereka keluar (dari Madinah) dan memelihara darah mereka dengan syarat mereka dapat membawa harta benda mereka sekadar yang dapat dibawa oleh unta-unta mereka kecuali senjata. Rasulullah s.a.w. telah bersetuju dengan permintaan mereka. Mereka pun keluar menuju Khaybar dan setengahnya menuju ke Syam. Di antara pembesar-pembesar mereka yang menuju Khaybar ialah Salam ibn Abul-Haqiq, Kinanah ibn Ar-Rabi' ibn Abul-Haqiq dan Huyai bin Akhtab. Merekalah tokoh-tokoh yang disebut-sebut sebagai orang-orang yang berusaha mengemblengkan kaum Musyrikin Quraysy dan suku Ghatafan (untuk memerangi kaum Muslimin) di dalam Peperangan Ahzab.

* * * * * *

Sekarang tibalah kita kepada kisah peperangan Bani Qurayzah. Di dalam Peperangan Ahzab. Dahulu telah pun diceritakan tentang pendirian mereka yang telah berpaling tadah menyebelahi kaum Musyrikin untuk memerangi kaum Muslimin dengan hasutan pemimpin-pemimpin Bani an-Nadhir terutama Huyai ibn Akhtab. Tindakan Bani Qurayzah membatalkan perjanjian yang dimeteraikan dengan Rasulullah s.a.w. di masa itu lebih menyulitkan kaum Muslimin dari menghadapi serangan tentera-tentera gabungan dari luar Madinah.

Di antara cerita yang dapat menggambarkan betapa besarnya ancaman yang dihadapi kaum Muslimin dan betapa besarnya kebimbangan yang ditimbulkan oleh tindakan Bani Qurayzah yang membatalkan perjanjian itu ialah cerita yang menerangkan apabila berita pembatalan perjanjian itu sampai kepada Rasulullah s.a.w., beliau pun mengutus Sa'd ibn Mu'az ketua suku Aus, Sa'd ibn 'Ubbadah ketua suku Khazraj bersama-sama Abdullah ibn Rawahah dan Khawwat ibn Jubayr r.a. Sabda beliau: "Pergilah tengok apakah benar berita tindakan kaum Yahudi itu atau tidak? Jika benar berilah satu isyarat yang dapat aku memahaminya dan janganlah kamu menimbulkan keadaan pecah belah pada orang ramai (dengan menghebohkan berita itu), dan jika mereka masih lagi menghormati perjanjian di antara kita dengan mereka, maka hendaklah kamu hebohkan berita kepada mereka.", Cerita ini menggambarkan bagaimana Rasulullah s.a.w. menduga kesan berita itu kepada orang ramai Muslimin.

Lalu rombongan itu pun keluar menemui Bani Qurayzah dan mereka dapati keadaan mereka lebih buruk dari berita yang sampai kepada mereka. Mereka mencaci Rasulullah s.a.w. Mereka berkata: Siapakah Rasulullah? Tiada perjanjian dan tiada persetujuan di antara kami dengan Muhammad. Kemudian rombongan itu pulang menyampaikan berita itu kepada Rasulullah s.a.w. secara sindiran bukannya secara terus terang, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Wahai kaum Muslimin! Bergembiralah!" (Beliau berkata begitu dengan tujuan menguatkan semangat kaum Muslimin dari kesan berita yang buruk itu menjalar di dalam barisan mereka).

Ujar Ibn Ishaq: Pada masa inilah kaum Muslimin mengalami kesusahan dan kecemasan yang amat berat. Mereka dikepung musuh dari hulu dan hilir sehingga mereka menaruh berbagai-bagai sangkaan dan setengah-setengah orang Munafiqin memperlihatkan sikap talam dua muka...... hingga akhir.

Demikianlah suasana di dalam masa Peperangan Ahzab:

Hukuman Ke Atas Bani Qurayzah

Apabila Allah S.W.T. menolong Nabi-Nya dengan memberi kemenangan kepada beliau dan mengusir musuh-musuhnya balik membawa dendam kesumat

mereka, maka beliau pun pulang ke Madinah dan kaum Muslimin pun meletakkan senjata-senjata mereka. Ketika Rasulullah s.a.w. sedang bermandi manda membersihkan dirinya dari debu-debu perjuangan di rumah Ummu Salamah r.a., tiba-tiba Jibril a.s. menjelma dan berkata kepadanya: "Adakah anda telah meletakkan senjata, wahai Rasulullah?" Jawab Rasulullah s.a.w.: 'Ya.' Kata Jibril: "Tetapi para malaikat belum lagi meletakkan senjata mereka dan inilah masa kembali memburu musuh." Kemudian Jibril berkata: "Sesungguhnya Allah memerintah anda bangkit menyerang Bani Qurayzah". Mereka tinggal beberapa batu dari Madinah. Peristiwa ini berlaku selepas sembahyang Zohor. Rasulullah s.a.w. telah berpesan (kepada kaum Muslimin). "Jangan sesiapa pun sembahyang 'Asar melainkan di tempat Bani Qurayzah." Apabila mereka berada di tengah perjalanan, waktu 'Asar pun masuk lalu setengah mereka menunaikan sembahyang dengan memberi alasan bahawa tujuan pesanan Rasulullah s.a.w. tadi ialah untuk mempercepatkan perjalanan sahaja, sementara yang lain berkata: Kami tidak akan menunaikan solat 'Asar melainkan di tempat Bani Qurayzah. Tiada seorang pun dari dua puak itu mencela satu sama lain.

Pemergian mereka diikuti oleh Rasulullah s.a.w. Beliau telah melantik Abdullah ibn Ummi Maktum sebagai pemangku pemerintah Madinah dan menyerahkan panji-panji angkatan tentera kepada Ali ibn Abu Talib r.a. Beliau telah memerangi Bani Qurayzah dan mengepung mereka selama dua puluh lima malam. Setelah dikepung sebegitu lama, maka pada akhirnya mereka bersetuju untuk menerima apa sahaja keputusan yang akan dibuat terhadap mereka oleh Sa'd ibn Mu'az. ketua suku Aus r.a. kerana Bani Qurayzah merupakan sekutu suku Aus di zaman jahiliah. Mereka percaya bahawa Sa'd ibn Mu'az akan memberi keputusan yang baik kepada mereka sebagaimana yang telah dilakukan oleh Abdullah ibn Ubay ibn Salul terhadap sekutunya kaum Yahudi Bani Qaynuqa' sehingga dia dapat meminta Rasulullah s.a.w. membebaskan Bani Qaynuqa'. Oleh itu mereka fikir bahawa Sa'd juga akan berbuat seperti Abdullah ibn Ubay terhadap mereka. Mereka tidak tahu bahawa Sa'd r.a. telah mendapat kecederaan akibat terkena anak panah di dalam Peperangan Ahzab menyebabkan urat nadi lengannya terputus dan darah keluar tidak berhenti. Rasulullah s.a.w. telah membakarkan luka itu dengan besi panas untuk memberhentikan darahnya dan menempatkannya di sebuah khemah rawatan di dalam masjid agar beliau dapat melawatnya dari dekat. Sa'd telah berdo'a kepada Allah: 'Ya Allah, jika Engkau telah menetapkan ada lagi peperangan dengan kaum Quraysy, maka panjangkanlah umur kami untuk menghadapi peperangan itu, dan jika Engkau telah memberhentikan peperangan di antara kami dengan mereka, maka hindarkannya, dan janganlah Engkau matikan daku sehingga hatiku puas membalas perbuatan Bani Qurayzah." Do'anya telah diperkenankan Allah S.W.T. Mereka telah ditaqdirkan bersetuju untuk menerima apa sahaja keputusan Sa'd terhadap mereka dengan pilihan dan permintaan mereka sendiri.

Ketika itulah Rasulullah s.a.w. menjemput Sa'd dari Madinah supaya datang mengadili Bani Qurayzah. Apabila dia datang dengan menunggang keldai yang khusus disediakan untuknya, maka orang-orang Aus pun datang merayu kepadanya. Mereka berkata: "Wahai Sa'd! Mereka (Bani Qurayzah) itu adalah bekas sekutu-sekutu engkau. Adililah mereka dengan baik." Orang-orang Aus terus memujuk Sa'd supaya kasihan belas kepada Bani Qurayzah, tetapi Sa'd mendiamkan diri dan apabila mereka terus mendesaknya, diapun berkata: "Sekarang sampailah masa kepada Sa'd membuat keputusan yang tegas kerana Allah tanpa mengindahkan celaan siapa pun." Mendengar jawapan ini mereka pun faham bahawa Sa'd tidak akan membiarkan Bani Qurayzah itu hidup.

Apabila Sa'd menghampiri khemah Rasulullah s.a.w., beliau bersabda (kepada perajurit-perajurit Islam): "Berdirilah kamu sekalian menyambut ketua kamu". Mereka sekalian berdiri dan menurunkan Sa'd dari kenderaannya kerana menghormati kedudukannya agar ia lebih berwibawa mengenakan hukuman terhadap Bani Qurayzah.

Apabila Sa'd duduk, Rasulullah s.a.w. pun bersabda kepadanya: "Mereka ini", beliau menunjuk kepada Bani Qurayzah, "telah bersetuju untuk menerima sebarang hukuman engkau. Oleh itu hukumkan mereka dengan apa sahaja hukuman yang disukai engkau." Lalu Sa'd r.a. bertanya: "Adakah hukuman saya akan diluluskan ke atas mereka?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Ya." Tanya Sa'd lagi: "Adakah hukuman saya akan diluluskan ke atas orang-orang yang ada di dalam khemah ini?" Jawab beliau: "Ya." Tanya Sa'd lagi: "Adakah hukuman saya juga akan diluluskan oleh orang yang berada di sebelah ini?" (Dia menunjukkan ke pihak Rasulullah s.a.w. sambil memalingkan mukanya dari beliau kerana menghormatinya). Jawab beliau: "Ya". Kemudian Sa'd r.a. pun berkata: "Saya membuat keputusan semua perajurit mereka dibunuh, zuriat mereka ditawan dan harta benda mereka dirampas." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Engkau telah menghukumkan dengan hukuman Allah dari atas tujuh petala langit".

Kemudian Rasulullah s.a.w. memerintah supaya digalikan parit dan apabila parit-parit itu siap digali, mereka pun dibawa ke sana dengan tangan yang terikat ke belakang dan dipancung jumlah mereka ialah di antara tujuh dan lapan ratus orang. Kanak-kanak mereka yang belum baligh dan wanita-wanita mereka dijadikan tawanan dan harta benda mereka dirampas, termasuk dalam kumpulan yang dibunuh itu ialah Huyai ibn Akhtab (pemimpin Bani an-Nadhir) yang turut masuk ke dalam kubu Bani Qurayzah sebagai menepati janjinya dengan mereka.

Sejak hari itu lemahlah pengaruh Yahudi dan gerakan talam dua muka di Madinah. Kaum

Munafiqin menundukkan kepala mereka dan merasa gentar terhadap perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka. Selepas peristiwa-peristiwa ini kaum Musyrikin tidak lagi berfikir dan merancang untuk memerangi kaum Muslimin, malah sebaliknya kaum Musliminlah yang memerangi mereka sehingga sampai kepada masa pena'lukan Makkah dan Ta'if. Dapatlah dikatakan bahawa di sana ada hubungan yang rapat di antara gerakan Yahudi dengan gerakan orang-orang Munafiqin dan kaum Musyrikin. Pengusiran Yahudi dari negeri Madinah telah menamatkan hubungan itu. Di sini dapatlah dilihat satu perbezaan yang amat jelas di antara dua zaman itu di dalam sejarah pertumbuhan dan kemantapan kerajaan Islam.

* * * * * *

Tepatlah seperti firman Allah:

وَأَنزَلَ ٱلَّذِينَ ظَٰهَرُوهُم مِّنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ مِن
صَيَاصِيهِمْ وَقَذَفَ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلرُّعْبَ فَرِيقًا
تَقْتُلُونَ وَتَأْسِرُونَ فَرِيقًا ﴿٢٦﴾
وَأَوْرَثَكُمْ أَرْضَهُمْ وَدِيَٰرَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُمْ وَأَرْضًا لَّمْ
تَطَـُٔوهَا ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرًا ﴿٢٧﴾

"Dan Allah telah menurunkan golongan Ahlil-Kitab (Bani Qurayzah) yang telah membantu mereka (angkatan musuh) dari kubu-kubu mereka dan mencampakkan perasaan takut ke dalam hati mereka. Sebahagian dari mereka kamu bunuh dan sebahagian lagi kamu tawan(26). Dan Allah telah mewariskan kepada kamu tanah-tanah mereka, rumah-rumah dan harta benda mereka, juga tanah-tanah yang belum kamu memijaknya dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(27)

Yang dimaksudkan dengan tanah-tanah yang diwarisi oleh kaum Muslimin yang belum dipijak mereka mungkin tanah-tanah kepunyaan Bani Qurayzah yang berada di luar perkampungan mereka, kerana harta-harta itu semua termasuk di dalam harta benda mereka yang menjadi milik kaum Muslimin, mungkin juga ungkapan itu merupakan isyarat bahawa Bani Qurayzah akan menyerah tanah-tanah mereka tanpa perang. Jadi maksud "pijak" di dalam ayat ini ialah "perang".

وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرًا ﴿٢٧﴾

"Dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(27)

Ayat ini merupakan ulasan yang diambil dari alam kenyataan. Ulasan ini mengembalikan segala perkara kepada Allah. Ayat yang telah lepas juga, iaitu ketika menceritakan kisah peperangan ini telah mengembalikan segala urusan kepada Allah. Ia menyandarkan tindakan-tindakan di dalam peperangan itu secara langsung kepada Allah untuk menegakkan hakikat yang agung ini, iaitu hakikat yang telah ditanamkan Allah di dalam hati kaum Muslimin dengan perantaraan peristiwa-peristiwa yang berlaku dan dengan penerangan Al-Qur'an selepas berlakunya peristiwa-peristiwa itu supaya menjadi asas kefahaman Islam di dalam jiwa mereka.

* * * * * *

Demikianlah tamatnya tayangan peristiwa yang amat besar, iaitu satu peristiwa yang mengandungi peraturan-peraturan, nilai-nilai, arahan-arahan dan dasar-dasar yang dibawa oleh Al-Qur'an untuk diterapkan ke dalam hati kaum Muslimin dan kehidupan mereka.

Demikianlah peristiwa-peristiwa yang berlaku itu menjadi bahan tarbiyah dan Al-Qur'an menjadi pemandu dan penterjemah kehidupan dan peristiwa-peristiwanya, juga penterjemah arah aliran dan kefahaman-kefahamannya. Kini nilai-nilai telah mantap dan hati menjadi tenang dan yakin melalui ujian-ujian Ilahi dan bimbingan Al-Qur'an.

(Tamat Juzu' Yang Kedua Puluh Satu)

JUZU' KE-22

SURAH AL-AHZAB

JUZU' YANG KEDUA PULUH DUA

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَـٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

SURAH AL-AHZAB (SAMBUNGAN)

(Kumpulan ayat-ayat 28 - 35)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ قُل لِّأَزْوَٰجِكَ إِن كُنتُنَّ تُرِدْنَ ٱلْحَيَوٰةَ
ٱلدُّنْيَا وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيْنَ أُمَتِّعْكُنَّ وَأُسَرِّحْكُنَّ
سَرَاحًا جَمِيلًا ﴿٢٨﴾
وَإِن كُنتُنَّ تُرِدْنَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَٱلدَّارَ ٱلْـَٔاخِرَةَ
فَإِنَّ ٱللَّهَ أَعَدَّ لِلْمُحْسِنَـٰتِ مِنكُنَّ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٩﴾
يَـٰنِسَآءَ ٱلنَّبِىِّ مَن يَأْتِ مِنكُنَّ بِفَـٰحِشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ
يُضَـٰعَفْ لَهَا ٱلْعَذَابُ ضِعْفَيْنِ ۚ وَكَانَ ذَٰلِكَ
عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣٠﴾
وَمَن يَقْنُتْ مِنكُنَّ لِلَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتَعْمَلْ صَـٰلِحًا
نُّؤْتِهَآ أَجْرَهَا مَرَّتَيْنِ وَأَعْتَدْنَا لَهَا رِزْقًا كَرِيمًا ﴿٣١﴾
يَـٰنِسَآءَ ٱلنَّبِىِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ ٱلنِّسَآءِ ۚ إِنِ ٱتَّقَيْتُنَّ
فَلَا تَخْضَعْنَ بِٱلْقَوْلِ فَيَطْمَعَ ٱلَّذِى فِى قَلْبِهِۦ مَرَضٌ
وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٣٢﴾
وَقَرْنَ فِى بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ ٱلْجَـٰهِلِيَّةِ
ٱلْأُولَىٰ ۖ وَأَقِمْنَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتِينَ ٱلزَّكَوٰةَ
وَأَطِعْنَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُذْهِبَ
عَنكُمُ ٱلرِّجْسَ أَهْلَ ٱلْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾
وَٱذْكُرْنَ مَا يُتْلَىٰ فِى بُيُوتِكُنَّ مِنْ ءَايَـٰتِ
ٱللَّهِ وَٱلْحِكْمَةِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ لَطِيفًا خَبِيرًا ﴿٣٤﴾

إِنَّ ٱلْمُسْلِمِينَ وَٱلْمُسْلِمَـٰتِ وَٱلْمُؤْمِنِينَ
وَٱلْمُؤْمِنَـٰتِ وَٱلْقَـٰنِتِينَ وَٱلْقَـٰنِتَـٰتِ وَٱلصَّـٰدِقِينَ
وَٱلصَّـٰدِقَـٰتِ وَٱلصَّـٰبِرِينَ وَٱلصَّـٰبِرَٰتِ وَٱلْخَـٰشِعِينَ
وَٱلْخَـٰشِعَـٰتِ وَٱلْمُتَصَدِّقِينَ وَٱلْمُتَصَدِّقَـٰتِ
وَٱلصَّـٰٓئِمِينَ وَٱلصَّـٰٓئِمَـٰتِ وَٱلْحَـٰفِظِينَ فُرُوجَهُمْ
وَٱلْحَـٰفِظَـٰتِ وَٱلذَّٰكِرِينَ ٱللَّهَ كَثِيرًا
وَٱلذَّٰكِرَٰتِ أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا
عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

"Wahai Nabi! Katakanlah kepada isteri-isterimu: Jika kamu mengingini kehidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah supaya aku berikan kepada kamu bayaran mut'ah dan menceraikan kamu dengan cara yang baik (28). Dan jika kamu menghendaki (keredhaan) Allah dan Rasul-Nya serta negeri Akhirat, maka sesungguhnya Allah telah menyediakan pahala yang amat besar kepada mereka yang membuat amalan yang baik di antara kamu (29). Wahai isteri-isteri Nabi! Barang siapa di antara kamu yang melakukan perbuatan keji yang nyata, nescaya akan digandakan 'azab balasannya dua kali ganda, dan perkara itu adalah amat mudah kepada Allah (30). Dan barang siapa di antara kamu yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya dan beramal salih Kami akan kurniakan kepadanya pahala amalannya dua kali ganda dan Kami sediakan untuknya rezeki yang amat mulia (31). Wahai isteri-isteri Nabi! Kamu bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain, jika kamu bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu bersikap tunduk berlembut semasa bercakap-cakap (dengan lelaki-lelaki asing) hingga menimbulkan keinginan orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya, dan bercakaplah di dalam perkara yang baik (32). Dan hendaklah kamu menetap di rumah kamu dan janganlah kamu mendedahkan diri seperti pendedahan (wanita-wanita) di zaman jahiliyah pertama. Dan dirikanlah solat serta keluarkan zakat dan ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya. Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil-Bait, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya (33). Dan ingatlah apa yang dibacakan di rumah-rumah kamu dari ayat-ayat Allah dan hikmat (hadith-hadith rasul), sesungguhnya Allah adalah Maha Halus (tadbir-Nya) dan Maha Pakar (34). Sesungguhnya lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang Muslim, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang Mu'min, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang ta'at, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang bercakap benar, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang sabar, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang khusyu', lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang bersedekah, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang berpuasa, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang memelihara anggota kelamin dan lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang banyak mengingati Allah itu adalah telah disediakan Allah untuk mereka keampunan dan pahala yang amat besar."(35)

Pelajaran yang ketiga dari Surah al-Ahzab ini adalah khusus untuk para isteri Nabi s.a.w., selain dari ayat selingan akhir yang menjelaskan pahala kepada seluruh lelaki dan perempuan Islam. Di dalam ayat-ayat awal surah ini telah disebut bahawa para isteri Nabi itu telah digelarkan sebagai "Ibu-ibu para Mu'minin". Taraf keibuan yang tinggi ini mempunyai kewajipan-kewajipannya, dan kedudukan mereka sebagai isteri Nabi itu juga mempunyai tanggungjawab-tanggungjawabnya. Di dalam pelajaran ini disebut sebahagian dari kewajipan-kewajipan itu dan dijelaskan nilai-nilai yang dikehendaki Allah sebagai gambaran dan asas rumahtangga Nabi yang menjadi contoh teladan dan pedoman kepada orang-orang yang menuju jalan Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 29)

Cara Hidup Berpada-pada Rasulullah s.a.w. Telah Menimbulkan Rungutan Para Isterinya Yang Mahukan Nafkah Yang Lebih

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّأَزۡوَٰجِكَ إِن كُنتُنَّ تُرِدۡنَ ٱلۡحَيَوٰةَ ٱلدُّنۡيَا وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيۡنَ أُمَتِّعۡكُنَّ وَأُسَرِّحۡكُنَّ سَرَاحٗا جَمِيلٗا ٢٨

وَإِن كُنتُنَّ تُرِدۡنَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَٱلدَّارَ ٱلۡأٓخِرَةَ فَإِنَّ ٱللَّهَ أَعَدَّ لِلۡمُحۡسِنَٰتِ مِنكُنَّ أَجۡرًا عَظِيمٗا ٢٩

"Wahai Nabi! Katakanlah kepada isteri-isterimu: Jika kamu mengingini kehidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah supaya aku berikan kepada kamu bayaran mut'ah dan menceraikan kamu dengan cara yang baik (28). Dan jika kamu menghendaki (keredhaan) Allah dan Rasul-Nya serta negeri Akhirat, maka sesungguhnya Allah telah menyediakan pahala yang amat besar kepada mereka yang membuat amalan yang baik di antara kamu."(29)

Nabi s.a.w. telah memilih cara hidup berpada-pada untuk dirinya dan keluarganya. Ini bukan kerana beliau tidak mampu untuk hidup mewah, kerana beliau telah hidup hingga ke zaman mewah, di mana banyak negeri-negeri terta'luk kepadanya dan banyak harta-harta rampasan perang diperolehinya dan di mana orang-orang Islam yang dahulunya tidak mempunyai harta dan bekalan makanan telah menjadi senang. Namun begitu dalam sebulan kadang-kadang dapur rumahnya tidak juga berasap walaupun beliau begitu murah bersedekah, memberi dan menghadiah. Tetapi itulah pilihan beliau yang meletakkan dirinya lebih tinggi dari kemewahan hidup dunia, dan itulah keinginan beliau yang tulus mencari keredhaan di sisi Allah, iaitu keinginan seorang yang mampu hidup mewah tetapi dia sengaja tidak mahu, dan meletakkan dirinya lebih tinggi darinya dan sengaja memilih (cara hidup yang seperti itu). Rasulullah s.a.w. bukanlah diwajibkan oleh 'aqidah dan syari'at supaya beliau dan keluarganya hidup seperti itu. Keni'matan-keni'matan dan kesenangan-kesenangan hidup itu bukanlah diharamkan kepadanya mengikut 'aqidah dan syari'at dan beliau tidak sekali-kali mengharamkan keni'matan-keni'matan itu kepada dirinya apabila keni'matan itu datang kepadanya secara spontan tanpa berusaha dengan susah payah, atau keni'matan itu berada di hadapannya secara kebetulan, tetapi beliau tidak mengejar dan mengingini keni'matan-keni'matan, tidak berpoya-poya di dalamnya dan tidak sibuk memikirkannya. Beliau tidak mentaklifkan umatnya supaya hidup seperti beliau kecuali mereka yang suka hidup begitu kerana meletakkan dirinya dimaqam yang mengatasi keni'matan-keni'matan hidup dan kerana mahu membebaskan dirinya dari belenggu keni'matan agar hidup merdeka dari keinginan dan kehendak-kehendak nafsu.

Tetapi para isteri Nabi s.a.w. adalah perempuan-perempuan dari manusia biasa. Mereka mempunyai perasaan-perasaan manusia. Walaupun mereka mempunyai kelebihan, kehormatan dan kedudukan yang amat dekat dengan sumber nubuwwah yang mulia, namun keinginan semulajadi mereka kepada keni'matan hidup itu tetap bersemarak di dalam hati mereka. Apabila mereka melihat keadaan hidup yang senang dan mewah yang dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya dan kepada orang-orang Mu'minin, mereka pun bersungut kepada Rasulullah s.a.w. tentang habuan nafkah mereka. Beliau tidak menyambut baik tuntutan mereka, malah beliau menyambutnya dengan dukacita dan dengan perasaan yang tidak senang, kerana beliau ingin mereka hidup dengan cara hidup yang telah dipilihnya, iaitu hidup bebas, luhur dan redha, sunyi dari kesibukan memikirkan urusan-urusan keni'matan hidup. Beliau mahu kehidupannya dan kehidupan mereka yang berada di dalam naungannya supaya tetap hidup di atas kemuncak yang gemilang itu, yang bersih dari pengaruh dan campuraduk hidup dunia ini bukan memandang dari segi halal dan haram, kerana perkara-perkara yang halal dan haram itu memang telah jelas, tetapi memandang dari segi kebebasan dari godaan-godaan kehidupan dunia yang murah.

Beliau amat dukacita dengan runtutan nafkah yang dikemukakan oleh para isterinya sehingga beliau mengasingkan diri dari para sahabatnya. Hal ini amatlah menyusahkan mereka. Mereka datang untuk menemui beliau, tetapi tidak diizinkan masuk.

Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Jabir r.a. katanya: Abu Bakr r.a. telah datang meminta izin untuk menemui. Rasulullah s.a.w. dan ramai orang duduk di pintunya, Rasulullah s.a.w. ketika itu sedang duduk, tetapi dia tidak diizin masuk. Kemudian datang pula 'Umar r.a. lalu meminta izin, tetapi tidak juga diizinkan. Setelah itu barulah beliau memberi izin kepada Abu Bakr dan 'Umar r.a., lalu

kedua-duanya masuk. Ketika itu Rasulullah s.a.w. sedang duduk dan dikelilingi oleh isteri-isterinya. Rasulullah s.a.w. diam tidak bercakap. 'Umar r.a. berkata: Aku pasti bercakap dengan Nabi s.a.w. semoga beliau ketawa. Lalu 'Umar r.a. pun berkata: "Wahai Rasulullah! Tahukah anda anak perempuan Zaid (isteri 'Umar) tadi telah menuntut nafkah (yang lebih) dari saya, lalu saya pukul lehernya?" Nabi s.a.w. terus ketawa hingga ternampak geraham-gerahamnya dan bersabda: "Mereka yang ada di sekelilingku ini juga menuntut nafkah dariku". Lalu Abu Bakr r.a. bangun menuju kepada 'Aisyah untuk memukulnya, dan 'Umar r.a. juga bangun menuju kepada Hafsah. Kedua-duanya berkata: "Apakah engkau berdua mahu menuntut sesuatu yang tidak ada pada beliau?" Lalu ditahan oleh Rasulullah s.a.w. Kemudian para isteri Nabi s.a.w. pun berkata: "Demi Allah selepas majlis ini, kami tidak akan menuntut kepada Nabi s.a.w. sesuatu yang tidak ada pada beliau." Ujar rawi, di sini Allah 'Azzawajalla menurunkan ayat yang memberi pilihan kepada mereka, lalu beliau pun menyampaikan pilihan itu mula-mula kepada "Aisyah r.a. seraya bersabda: "Abang hendak menyampaikan satu perintah kepada engkau (untuk diputuskan oleh engkau), tetapi abang tidak suka engkau mengambil keputusan yang terburu-buru sehingga engkau (lebih dahulu) berunding dengan dua orang tua engkau". Lalu 'Aisyah r.a. bertanya: "Apa dia?" Kata rawi, beliau pun membaca ayat:

يأيها النبي قل لأزوجك إن كنتن تردن الحيوة الدنيا... وزينتها فتعالين أمتعكن وأسرحكن سراحاً جميلاً ﴿٢٨﴾ وإن كنتن تردن الله ورسوله والدار الأخرة فإن الله... أعدللمحسنت منكن أجراً عظيماً ﴿٢٩﴾

Lalu 'Aisyah r.a. berkata: "Adakah dalam perkara hendak memilih abang, hamba patut berunding dengan orang tua hamba? Bahkah hamba tetap memilih Allah dan Rasul-Nya, tetapi hamba harap abang tidak menceritakan pilihan hamba ini kepada mana-mana isteri abang yang lain". Jawab Rasulullah s.a.w.:[7]

إن الله تعالى لم يبعثني معنفاً، ولكن بعثني معلماً ميسراً، لا تسألني امرأة منهن عما اخترت إلا أخبرتها

"Sesungguhnya Allah tidak mengutuskan abang untuk memberi kepayahan, tetapi Dia mengutuskan abang untuk memberi kemudahan. Oleh itu tiada seorang pun dari isteri-isteri (abang yang lain) yang menanyakan abang tentang keputusan yang telah dipilih engkau melainkan abang akan ceritakannya kepada dia."

Mengikut riwayat al-Bukhari dengan sanadnya dari Abu Salamah ibn Abdul Rahman bahawa 'Aisyah r.a. isteri Nabi s.a.w. telah menceritakan kepadanya bahawa Rasulullah s.a.w. telah datang mendapatkannya apabila Allah Ta'ala menyuruh beliau memberi pilihan kepada para isterinya. Kata 'Aisyah: Rasulullah s.a.w. telah mulakan dengan aku dengan sabdanya, "Abang hendak menyampaikan satu perintah kepada engkau (untuk diputuskan engkau), oleh itu janganlah engkau terburu-buru mengambil keputusan sehingga engkau berunding dengan dua orang tua engkau". Sedangkan beliau memang tahu bahawa orang tuaku tidak akan menyuruhku bercerai dengan beliau. Kata 'Aisyah: Kemudian beliau bersabda: Sesungguhnya Allah Ta'ala berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّأَزْوَٰجِكَ إِن كُنتُنَّ تُرِدْنَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيْنَ أُمَتِّعْكُنَّ وَأُسَرِّحْكُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا ﴿٢٨﴾

Lalu aku pun berkata: Adakah kerana ini hamba patut berunding dengan orang tua hamba? Sesungguhnya hamba tetap mahukan Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat.

Kedatangan Al-Qur'anul-Karim ialah untuk menggariskan nilai-nilai asasi dalam persepsi Islam terhadap hidup dunia. Nilai-nilai ini pastilah mempunyai terjemahannya yang hidup di dalam rumahtangga Nabi s.a.w. dan kehidupan peribadinya. Nilai-nilai ini pastilah dilaksanakan dengan gambaran yang sejelas-jelasnya di dalam rumahtangga beliau yang selama-lamanya menjadi pedoman kepada umat Muslimin dan agama Islam sehingga Qiamat.

Kedua-dua ayat yang menawarkan pilihan itu telah diturunkan untuk menggariskan jalan yang betul sama ada memilih hidup dunia dan hiasan-hiasannya yang indah atau memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat, kerana hati yang satu itu tidak dapat mengisi dua persepsi terhadap hidup dunia dan Allah tidak menjadikan dua hati di dalam dada seseorang.

Para isteri Nabi s.a.w. telah pun mengambil keputusan: "Demi Allah, selepas majlis ini kami tidak akan menuntut kepada Rasulullah s.a.w. sesuatu yang tidak ada padanya": Ayat Al-Qur'an itu telah diturunkan untuk menjelaskan lunas persoalan ini. Masalah di sini bukannya masalah ada atau tidak ada pada Rasulullah s.a.w., tetapi masalahnya ialah membuat pilihan yang mutlak di antara memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat dengan memilih keni'matan dan kesenangan hidup dunia sama ada khazanah kekayaan bumi berada di dalam tangan mereka atau rumah mereka kosong dari bekalan-bekalan makanan. Mereka telah membuat pilihan yang mutlak iaitu mereka tetap memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat setelah ditawarkan pilihan yang tegas ini. Kedudukan mereka yang tinggi di sisi Rasulullah s.a.w. melayakkan mereka berada di kemuncak yang tinggi yang sesuai dengan rumah

---

[7] *Muslim mengeluarkan hadith ini dari hadith Zakaria bin Ishaq.*

seorang Rasul yang agung. Menurut setengah-setengah riwayat, Nabi s.a.w. amat bergembira dengan keputusan ini.

Eloklah kita berhenti sebentar merenungi peristiwa ini dari beberapa sudutnya.

Peristiwa ini menggariskan persepsi Islam yang jelas terhadap nilai-nilai. Ia menggariskan jalan kesedaran dan perasaan terhadap dunia dan Akhirat. Ia menghapuskan di dalam hati Muslim segala rasa teragak-agak dan terumbang-ambing di antara memilih nilai-nilai dunia dengan memilih nilai-nilai Akhirat, di antara menuju ke hala bumi dengan menuju ke hala langit. Ia membersihkan hati dari segala hubungan yang asing yang menjadi penghalang di antaranya dengan ketulusannya terhadap Allah Yang Tunggal.

Dalam satu segi yang lain pula, peristiwa ini menggambarkan kepada kita hakikat kehidupan Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang hidup bersamanya dan berhubung dengannya. Yang paling indah dari hakikat ini ialah kehidupan mereka adalah satu kehidupan seorang manusia biasa, iaitu manusia yang tidak terlepas dari sifat-sifat, perasaan-perasaan dan ciri-ciri mereka sebagai manusia di samping sifat-sifat keagungan mereka yang unik dan ketulusan mereka kepada Allah Yang Tunggal. Perasaan-perasaan dan sentimen-sentimen manusia tidak mati di dalam hati mereka, malah meningkat ketahap yang luhur dan bersih dari noda-noda campuraduk. Tabi'at manusia yang manis tetap ada pada mereka, dan tabi'at ini tidak menghalangi jiwa mereka dari meningkat ke darjat yang paling sempurna yang disediakan kepada manusia.

Para Rasul Mempunyai Perasaan Dan Sentimen Yang Sama Dengan Manusia Lain

Kita sering kali tersilap apabila kita menggambarkan Nabi s.a.w. dan para sahabatnya dengan gambaran yang tidak sebenar dan tidak lengkap, iaitu gambaran di mana kita membersihkan mereka dari segala perasaan dan sentimen manusia dengan anggapan bahawa dengan gambaran ini kita menaikkan darjat mereka dan membersihkan diri mereka dari segala sesuatu yang kita fikirkannya sebagai cacat dan lemah.

Kesilapan itu melukiskan gambaran yang tidak berpijak di alam kenyataan, iaitu gambaran yang disalutkan dengan lingkaran-lingkaran cahaya kehebatan yang kabur menyebabkan sifat-sifat mereka sebagai manusia tidak ketara lagi, dan kerana itu terputuslah hubungan manusia di antara kita dengan mereka. Rupa mereka di dalam hati kita di tengah-tengah lingkaran-lingkaran cahaya kehebatan itu kelihatan lebih dekat kepada, bayang-bayang yang tidak dapat disentuh dan dipegang dengan tangan hingga kita merasakan mereka seolah-olah satu makhluk yang berlainan dari kita atau mereka seolah-olah malaikat atau makhluk lain seumpamanya yang sama sekali tidak mempunyai perasaan dan sentimen manusia. Walaupun gambaran khayal ini begitu indah dan berkaca-kaca, namun ia menjauhkan mereka dari lingkungan kita hingga kita tidak dapat lagi mencontohi dan mengikut jejak mereka kerana berputus asa dari kemungkinan dapat meniru mereka secara amali di dalam kehidupan kita di alam kenyataan. Dengan gambaran sedemikian, hilanglah sepenting-penting unsur penggerak di dalam pelajaran sirah, iaitu unsur yang merangsangkan perasaan kita untuk meniru dan mengambil contoh teladan, kerana yang mengambil tempat unsur ini ialah perasaan kekaguman dan keta'juban yang tidak menghasilkan apa-apa selain dari satu perasaan yang kabur dan tidak jelas, walaupun perasaan ini menarik tetapi ia tidak melahirkan kesan amali di dalam kehidupan kita di alam kenyataan. Kemudian kita juga kehilangan hubungan harmoni yang saling berinteraksi yang hidup di antara kita dengan tokoh-tokoh yang agung itu, kerana hubungan yang saling berinteraksi itu hanya wujud sebagai hasil dari perasaan kita bahawa mereka adalah manusia yang sebenar, yang hidup dengan sentimen-sentimen, perasaan-perasaan dan emosi-emosi yang sama dengan jenis perasaan-perasaan, sentimen-sentimen dan emosi-emosi yang ada pada kita, tetapi mereka telah meningkat ke taraf yang luhur dan bersih dari noda-noda yang bercampur dengan perasaan-perasaan kita.

Hikmat kebijaksanaan Allah amat jelas apabila Dia memilih para rasul-Nya dari jenis manusia juga bukan dari jenis malaikat atau dari jenis makhluk yang lain dari manusia, supaya hubungan yang sebenar tetap wujud di antara kehidupan para rasul dengan kehidupan para pengikut mereka, dan supaya pengikut-pengikut mereka merasa bahawa hati mereka diselubungi perasaan-perasaan dan sentimen-sentimen dari jenis perasaan-perasaan dan sentimen-sentimen seperti mereka juga, walaupun perasaan-perasaan dan sentimen-sentimen para rasul itu telah meningkat ke tahap yang luhur dan bersih. Dengan demikian dapatlah mereka menyintai mereka dengan kecintaan seorang manusia terhadap seorang manusia yang lain dan timbullah keinginan mereka untuk meniru mereka sebagai seorang manusia yang kecil meniru seorang manusia yang agung.

Dalam peristiwa yang menawar pilihan, itu kita berdepan dengan keinginan tabi'at semula jadi para isteri Nabi s.a.w. sebagai perempuan yang memang mengingini keni'matan. Di sini juga kita berdepan dengan gambaran kehidupan rumahtangga Nabi s.a.w. dengan para isterinya yang merungut dan mempersoalkan perkara nafkah kepada beliau. Perbuatan itu mengganggu ketenangan beliau, namun begitu beliau tidak menerima kehendak Abu Bakr dan 'Umar r.a. hendak memukul 'Aisyah dan Hafsah kerana perbuatan itu. Persoalan di sini ialah persoalan perasaan dan keinginan manusia yang bersih dan meningkat ke tahap yang luhur, tetapi

perasaan-perasaan itu tetap tidak padam dan terpendam. Demikianlah keadaan mereka sehingga datang perintah Allah menawarkan pilihan kepada mereka. Lalu mereka tetap memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat, dan pilihan itu dibuat mereka tanpa sebarang paksaan dan tekanan. Oleh kerana itu hati Rasulullah s.a.w. amat bergembira apabila beliau dapati hati para isterinya juga telah berjaya meningkat ke puncak yang luhur, bersih dan gemilang itu.

Kita juga berdepan dengan sentimen manusia yang manis pada hati Rasulullah s.a.w. Beliau amat kasih kepada 'Aisyah dan mahukan dia meningkat ke taraf nilai-nilai yang dikehendaki Allah untuk beliau dan ahli rumahnya. Oleh kerana itu beliau mulakan dengan 'Aisyah apabila menawarkan pilihan Allah itu. Beliau mahu menolongnya untuk meningkat ke tahap yang luhur dan bersih itu. Beliau meminta kepadanya supaya jangan mengambil keputusan yang terburu-buru sehingga dia berunding dengan dua orang tuanya sedangkan beliau memang tahu bahawa kedua-dua orang tuanya tidak akan menyuruh dia bercerai dengan beliau sebagaimana telah diterangkan olehnya sendiri. Sentimen yang manis di hati Nabi s.a.w. dapat ditangkap oleh daya kefahaman 'Aisyah, dan kerana itu dia dengan sukacita merakamkannya di dalam percakapannya. Di dalam percakapan ini juga dapat dilihat dengan jelas bahawa Rasulullah s.a.w. amat sayangkan isterinya yang muda itu dan kerana itu beliau mahukannya supaya meningkatkan dirinya ke tahap hidup yang dihayati beliau dan kekal bersama-sama beliau pada tahap itu, iaitu bersama-sama berkongsi nilai-nilai yang asasi itu di dalam hatinya sebagai nilai-nilai yang dikehendaki Allah untuk beliau dan ahli rumahnya. Begitu juga dapat dilihat dengan jelas bahawa 'Aisyah r.a. adalah seorang isteri yang amat bergembira kerana mendapat tempat yang teguh di dalam hati Rasulullah s.a.w., kerana itu dia dengan sukacita merakamkan kasih sayang beliau terhadap dirinya dan kehendak beliau supaya dia berunding dengan dua orang tuanya untuk memilih puncak yang tinggi dan kekal bersama beliau di puncak yang gemilang itu. Kemudian di sini juga kita dapat perhatikan perasaan-perasaan keperempuanannya apabila dia meminta Rasulullah s.a.w. supaya beliau jangan menceritakan kepada isteri-isterinya yang lain bahawa dia telah memilih beliau apabila ditawarkan pilihan itu. Permintaan ini membayangkan keinginan 'Aisyah r.a. untuk memperlihatkan bahawa dia telah membuat pilihan yang unik dan berbeza di antara pilihan para isteri beliau yang lain atau dengan setengah-setengah isteri beliau yang lain, malah di sini juga kita dapat perhatikan dari satu sudut yang lain keagungan nubuwwah yang terkandung dalam jawapan Rasulullah s.a.w. apabila beliau bersabda kepada 'Aisyah r.a.: "Sesungguhnya Allah tidak mengutuskan abang untuk memberi kepayahan, tetapi Dia mengutuskan abang untuk memberi kemudahan. Oleh itu tiada seorang pun dari isteri-isteri (abang yang lain) yang menanyakan abang tentang keputusan yang telah dipilih oleh engkau melainkan abang akan ceritakan kepada dia." Yakni beliau tidak suka menyembunyikan dari mana-mana isterinya sesuatu yang dapat menolong mereka ke arah kebaikan, begitu juga beliau tidak suka mengujikan dengan ujian yang menyukarkan mereka, malah beliau memberi pertolongan kepada setiap isteri yang berkehendakkan pertolongan supaya dia dapat meningkatkan dirinya ke tahap yang luhur dan dapat membebaskannya dari godaan-godaan kesenangan hidup dunia.

Inilah sifat-sifat manusia yang baik yang sayugia kepada kita - ketika menceritakan sirah - jangan menghapuskannya dan jangan mengabaikannya dan seterusnya jangan memperkecilkan nilai-nilainya, kerana dengan memahami hakikat sifat-sifat inilah dapat menjalinkan satu hubungan yang hidup di antara kita dengan syakhsiyah Rasulullah s.a.w. dan syakhsiyah para sahabatnya r.a., iaitu hubungan yang mengandungi rasa saling simpati dan saling mengerti yang merangsangkan hati untuk mencontohi dan meniru mereka di alam kenyataan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 31)

Tanggungjawab Isteri-isteri Rasulullah s.a.w.

Sekarang marilah kita kembali semula kepada nas Al-Qur'an setelah membuat selingan ini dan setelah menggariskan nilai-nilai dunia dan Akhirat dan membuktikan hikmat firman Allah: **"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam dadanya"** dalam satu gambaran amali yang berlaku di dalam kehidupan Nabi s.a.w. dan ahli rumahnya. Di dalam nas Al-Qur'an itu kita dapati ia mula menerangkan balasan khusus yang disediakan kepada para isteri Nabi s.a.w. sesuai dengan kedudukan mereka yang tinggi di sisi Rasulullah yang terpilih:

يَٰنِسَآءَ ٱلنَّبِيِّ مَن يَأۡتِ مِنكُنَّ بِفَٰحِشَةٖ مُّبَيِّنَةٖ
يُضَٰعَفۡ لَهَا ٱلۡعَذَابُ ضِعۡفَيۡنِۚ وَكَانَ ذَٰلِكَ
عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٗا ٣٠
وَمَن يَقۡنُتۡ مِنكُنَّ لِلَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتَعۡمَلۡ صَٰلِحٗا
نُّؤۡتِهَآ أَجۡرَهَا مَرَّتَيۡنِ وَأَعۡتَدۡنَا لَهَا رِزۡقٗا كَرِيمٗا ٣١

"Wahai isteri-isteri Nabi! Barang siapa di antara kamu yang melakukan perbuatan keji yang nyata, nescaya akan digandakan 'azab balasannya dua kali ganda, dan perkara itu adalah amat mudah kepada Allah (30). Dan barang siapa di antara kamu yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya dan beramal salih Kami akan kurniakan kepadanya pahala amalannya dua kali ganda dan Kami sediakan untuknya rezeki yang amat mulia."(31)

Itulah tanggungjawab kedudukan mereka yang tinggi selaku para isteri Rasulullah s.a.w. dan selaku ibu-ibu para Mu'minin. Sifat dan kedudukan inilah yang meletakkan kewajipan-kewajipan yang berat ke atas mereka dan memelihara mereka dari melakukan perbuatan yang keji. Andainya seorang dari mereka melakukan perbuatan yang keji secara terbuka, maka dia akan menerima hukuman 'azab dua kali ganda. Andaian itu bertujuan untuk menjelaskan tanggungjawab kedudukan mereka yang tinggi itu:

وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣٠﴾

"Dan perkara itu adalah amat mudah kepada Allah."(30)

Kedudukan mereka yang tinggi di sisi Rasulullah s.a.w. yang terpilih itu tidak menyukar Allah (untuk menghukum mereka) sebagaimana yang mungkin difikirkan oleh orang-orang yang tertentu.

وَمَن يَقْنُتْ مِنكُنَّ لِلَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتَعْمَلْ صَٰلِحًا
نُّؤْتِهَآ أَجْرَهَا مَرَّتَيْنِ وَأَعْتَدْنَا لَهَا رِزْقًا كَرِيمًا ﴿٣١﴾

"Dan barang siapa di antara kamu yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya dan beramal salih Kami akan kurniakan kepadanya pahala amalannya dua kali ganda, dan Kami sediakan untuknya rezeki yang amat mulia."(31)

Amalan-amalan yang salih itu merupakan terjemahan amali dari keta'atan dan kerendahan diri kepada Allah:

وَتَعْمَلْ صَٰلِحًا نُّؤْتِهَآ أَجْرَهَا مَرَّتَيْنِ

"Kami akan kurniakan kepadanya pahala amalannya dua kali ganda"(31)

sebagaimana balasan 'azab terhadap mereka digandakan dua kali ganda.

وَأَعْتَدْنَا لَهَا رِزْقًا كَرِيمًا ﴿٣١﴾

"Dan Kami sediakan untuknya rezeki yang amat mulia."(31)

Dan rezeki itu telah pun disediakan untuknya di samping pahala yang berlipat ganda sebagai limpah kurnia dari Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 34)

Kemudian Al-Qur'an menerangkan kedudukan istimewa para isteri Rasulullah s.a.w. yang tidak ada pada perempuan-perempuan yang lain dan kewajipan-kewajipan mereka dalam melayani orang ramai, juga kewajipan-kewajipan mereka di dalam amal ibadat. Kemudian Al-Qur'an menerangkan kepada mereka bagaimana Allah memberi ri'ayah istimewa kepada rumahtangga Nabi yang mulia itu dan menjaganya dari segala noda-noda dan dosa dan mengingatkan mereka agar mengingatkan ayat-ayat Al-Qur'an dan hikmat yang dibaca di rumah-rumah mereka yang menjadikan mereka mempunyai tanggungjawab yang khusus dan meletakkan mereka pada kedudukan yang unik di antara seluruh perempuan-perempuan yang lain:

Kedudukan Para Isteri Rasulullah s.a.w. Sebagai Contoh Kepada Umat

يَٰنِسَآءَ ٱلنَّبِىِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ ٱلنِّسَآءِ ۚ إِنِ ٱتَّقَيْتُنَّ
فَلَا تَخْضَعْنَ بِٱلْقَوْلِ فَيَطْمَعَ ٱلَّذِى فِى قَلْبِهِۦ مَرَضٌ
وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٣٢﴾
وَقَرْنَ فِى بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ
ٱلْأُولَىٰ ۖ وَأَقِمْنَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتِينَ ٱلزَّكَوٰةَ
وَأَطِعْنَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُذْهِبَ
عَنكُمُ ٱلرِّجْسَ أَهْلَ ٱلْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾
وَٱذْكُرْنَ مَا يُتْلَىٰ فِى بُيُوتِكُنَّ مِنْ ءَايَٰتِ
ٱللَّهِ وَٱلْحِكْمَةِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ لَطِيفًا خَبِيرًا ﴿٣٤﴾

"Wahai isteri-isteri Nabi! Kamu bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain, jika kamu bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu bersikap tunduk berlembut semasa bercakap-cakap (dengan lelaki-lelaki asing) hingga menimbulkan keinginan orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya, dan bercakaplah di dalam perkara yang baik (32). Dan hendaklah kamu menetap di rumah kamu dan janganlah kamu mendedahkan diri seperti pendedahan (wanita-wanita) di zaman jahiliyah pertama. Dan dirikanlah solat serta keluarkan zakat dan ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya. Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil-Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya (33). Dan ingatlah apa yang dibacakan di rumah-rumah kamu dari ayat-ayat Allah dan hikmat (hadith-hadith Rasul), sesungguhnya Allah adalah Maha Halus (tadbir-Nya) dan Maha Pakar."(34)

Ketika Islam datang, ia dapati masyarakat Arab sama seperti masyarakat-masyarakat yang lain yang wujud pada masa itu iaitu masyarakat yang memandang perempuan hanya sebagai alat keni'matan dan pemuasan-pemuasan hawa nafsu. Oleh kerana itu, dari segi insaniyah, masyarakat itu memandang kaum perempuan dengan pandangan yang rendah.

Begitu juga Islam dapati dalam masyarakat Arab semacam kekacauan di dalam hubungan-hubungan seks dan dapati peraturan kekeluargaannya tidak kukuh sebagaimana telah diterangkan di dalam surah ini.

Hal yang sedemikian ditambah pula dengan pandangannya yang rendah terhadap seks, kejatuhan

adirasa kecantikan, pemusatan minatnya kepada nafsu fizikal yang kuat dan tidak memberi perhatian kepada kecantikan yang luhur, tenang dan bersih. Semuanya dapat dilihat dengan jelas di dalam sajak-sajak jahiliyah yang berkisar di sekitar tubuh perempuan dan menekankan perhatiannya di sekitar anggota-anggota dan makna-makna yang paling kasar dari tubuh perempuan.

Apabila Islam datang, ia mulai meninggikan pandangan masyarakat terhadap seks dan menekankan sudut insaniyah di dalam hubungan di antara lelaki dan perempuan, kerana hubungan itu bukanlah semata-mata bertujuan untuk memenuhi kelaparan jasad dan memadamkan keinginan nafsu daging dan darah yang kuat, malah hubungan itu merupakan pertalian di antara dua makhluk manusia yang diikatkan dengan kasih sayang. Pertalian itu melahirkan ketenangan dan kesenangan. Pertalian ini mempunyai matlamat yang berhubung kait dengan iradat Allah dalam penciptaan manusia, pembangunan di bumi dan pemerintahan manusia selaku khalifah di bumi dengan Sunnatullah.

Demikian Islam mulai memberi perhatian yang berat kepada pertalian-pertalian keluarga dan menjadikannya sebagai asas peraturan dan penyusunan masyarakat dan mengirakannya sebagai tapak semaian bagi pertumbuhan dan perkembangan generasi-generasi baru manusia. Islam mengadakan jaminan-jaminan untuk melindungi tapak semaian ini dan membersihkannya dari segala perasaan dan tanggapan yang mengotori udaranya.

Undang-undang keluarga mengambil ruang yang besar di dalam undang-undang Islam dan ruang yang amat nyata di dalam ayat-ayat Al-Qur'an. Di samping mengadakan undang-undang itu, Islam juga sentiasa memberi bimbingan untuk menguatkan asas yang pokok yang menjadi tapak tegak masyarakat itu terutama mengenai kebersihan jiwa, kebersihan perhubungan di antara lelaki dan perempuan dan memeliharakannya dari segala perbuatan yang tidak senonoh serta membersihkannya dari kerakusan nafsu walaupun di dalam hubungan jasad semata-mata.

Di dalam surah ini, peraturan masyarakat dan urusan keluarga telah mengambil ruang yang besar. Di dalam ayat-ayat yang sedang kita bicarakan sekarang ini terdapat firman-firman yang ditujukan kepada para isteri Nabi s.a.w. ia memberi arahan dan bimbingan kepada mereka mengenai hubungan mereka dengan orang ramai terutama mengenai diri mereka sendiri dan hubungan mereka dengan Allah. Allah berfirman kepada mereka:

إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنكُمُ ٱلرِّجْسَ أَهْلَ ٱلْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

"Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil-Bait, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya."(33)

Sekarang marilah kita perhatikan sarana-sarana untuk menghapuskan dosa dan sarana-sarana untuk membersihkan diri yang diterangkan Allah kepada mereka, sedangkan mereka adalah ahli rumah dan para isteri Nabi s.a.w. yang merupakan wanita-wanita yang paling bersih di antara seluruh wanita-wanita di muka bumi ini dan sedangkan wanita-wanita lain lebih memerlukan kepada sarana-sarana ini dari mereka yang hidup di bawah lindungan dan rumahtangga Rasulullah s.a.w.

Ia dimulai dengan menyedarkan mereka terhadap kedudukan mereka yang tinggi dan kelebihan mereka di atas seluruh wanita yang lain. Ia menerangkan bahawa kedudukan mereka adalah satu kedudukan yang unik di antara seturuh wanita di muka bumi ini dengan syarat mereka memenuhi hak-hak tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh kedudukan itu.

يَٰنِسَآءَ ٱلنَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ ٱلنِّسَآءِ إِنِ ٱتَّقَيْتُنَّ

"Wahai isteri-isteri Nabi! Kamu bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain jika kamu bertaqwa."(32)

Kamu berada pada kedudukan yang tidak dikongsi oleh mana-mana perempuan pun, tetapi kedudukan ini hanya dicapai dengan taqwa. Persoalan di sini bukannya persoalan semata-mata wujudnya hubungan yang dekat dengan Rasulullah s.a.w., malah pastilah dilaksanakan hak-hak tanggungjawab hubungan yang dekat itu pada diri mereka sendiri.

Itulah hak tanggungjawab yang berat yang menjadi landasan agama ini. Hak tanggungjawab ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. ketika beliau berseru kepada ahli rumahnya supaya jangan tertipu dengan kedudukan mereka yang dekat dengan beliau, kerana kedudukan itu tidak dapat menyelamatkan mereka dari 'azab Allah. Sabda beliau:

يا فاطمة ابنة محمد. يا صفية ابنة عبد المطلب. يا بني عبد المطلب. لا أملك لكم من الله شيئاً. سلوني من مالي ما شئتم

"Wahai Fatimah anak Muhammad! Wahai Safiyah anak Abdul Muttalib! Wahai kaum keluarga Muttalib! Aku tidak memiliki apa-apa untuk menyelamatkan kamu dari 'azab Allah. Mintalah dari hartaku apa yang kamu suka." [8]

Di dalam satu riwayat yang lain.

يا معشر قريش أنقذوا أنفسكم من النار. يا معشر بني كعب أنقذوا أنفسكم من النار. يا معشر بني هاشم أنقذوا أنفسكم من النار. يا معشر بني عبد المطلب أنقذوا أنفسكم من النار. يا فاطمة بنت محمد أنقذي

[8] *Diriwayatkan oleh Muslim.*

نفسك من النار. فإني والله لا أملك لكم من الله شيأً، إلا أن لكم رحماً سأبلها ببلالها

"Wahai sekalian kaum Quraysy Selamatkan diri kamu dari api Neraka. Wahai kaum keluarga Abdul Muttalib! Selamatkan diri kamu dari api Neraka. Wahai Fatimah binti Muhammad! Selamatkan dirimu dari api Neraka, kerana sesungguhnya aku tidak milik apa-apa untuk menyelamatkan kamu dari 'azab Allah, kecuali aku hanya mempunyai hubungan rahim dengan kamu yang aku akan basahkannya (peliharakannya di dunia) dengan sewajarnya." [9]

Setelah menjelaskan kepada mereka tentang kedudukan yang dicapai oleh mereka dengan taqwa itu, maka Allah mulakan dengan menerangkan sarana-sarana yang dikehendaki Allah untuk membersihkan dosa dari ahli rumah Rasulullah s.a.w.:

فَلَا تَخْضَعْنَ بِٱلْقَوْلِ فَيَطْمَعَ ٱلَّذِى فِى قَلْبِهِۦ مَرَضٌ

"Oleh itu janganlah kamu bersikap tunduk berlembut semasa bercakap-cakap (dengan lelaki-lelaki asing) hingga menimbulkan keinginan orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya."(32)

Allah melarang mereka apabila mereka bercakap dengan lelaki-lelaki yang asing supaya jangan ada di dalam nada suara mereka sikap tunduk berlemah-lembut yang boleh menimbulkan nafsu berahi pada kaum lelaki dan pada orang-orang yang berniat serong di dalam hati mereka. Siapakah wanita-wanita yang diperingatkan Allah itu? Mereka ialah para isteri Nabi s.a.w. dan ibu-ibu para. Mu'minin yang tiada siapa pun berniat serong terhadap mereka sekali imbas pada hemat akal. Di zaman manakah peringatan itu? Di zaman Nabi s.a.w., iaitu zaman angkatan manusia pilihan dari seluruh zaman, tetapi Allah yang menciptakan lelaki dan perempuan itu mengetahui bahawa di dalam suara perempuan apabila dia bercakap dengan sikap tunduk dan dengan kata-kata yang lemah-lembut ada tarikan yang boleh menimbulkan nafsu keinginan dan niat yang serong pada hati. Kaum lelaki yang berpenyakit (berniat jahat) memang wujud di semua zaman dan di semua masyarakat terhadap semua perempuan walaupun dia isteri Nabi dan ibu para Mu'minin. Oleh itu kaum perempuan tidak dapat membersihkan diri mereka dari kecemaran dan dosa sehingga mereka menjauhi dari awal-awal lagi segala sebab-sebab yang merangsangkan nafsu yang jahat itu.

Bagaimana pula dengan masyarakat yang kita hayati sekarang ini, iaitu masyarakat di zaman kita yang sakit, kotor dan rendah ini, di mana nafsu keinginan dan niat-niat yang serong (terhadap perempuan) bermaharajalela dan subur? Bagaimana pula dengan kita yang berada di dalam suasana (sekarang), di mana segala sesuatu merangsangkan nafsu keinginan dan menggerakkan syahwat seks? Bagaimana dengan kita yang berada dalam masyarakat dan suasana sekarang, di mana kaum wanita bercakap dengan nada-nada yang manja dan lembut gemalai. Mereka mengumpulkan segala daya tarikan wanita, segala daya tarikan seks dan segala yang merangsangkan nafsu kemudian mereka lepaskannya di dalam nada-nada dan nyanyian-nyanyian mereka? Di manakah duduknya mereka dari kebersihan dan kesucian? Bagaimanakah kesucian dan kebersihan dapat subur di dalam udara yang kotor itu, di mana tubuh mereka, lenggang-lenggok mereka dan suara mereka merupakan kekotoran dan dosa dan noda yang hendak dibersihkan Allah dari para hamba-Nya yang terpilih?

وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٣٢﴾

"Dan bercakaplah dalam perkara yang baik."(32)

Allah melarangkan mereka bercakap dengan nada-nada yang lemah-lembut dan dengan gaya yang tunduk, dan di dalam ayat ini pula menyuruh mereka supaya mereka bercakap di dalam perkara-perkara yang baik, kerana maudhu' percakapan juga boleh menimbulkan nafsu sama seperti nada dan gaya bercakap. Oleh itu tidak seharusnya ada di dalam percakapan di antara lelaki dan perempuan isyarat-isyarat sulit, sindir menyindir dan senda gurau supaya tidak membuka pintu ke arah tujuan yang lain sama ada dekat atau jauh.

Allah S.W.T. selaku Pencipta Yang Maha Mengetahui dengan tabi'at-tabi'at makhluk-Nya telah menyampaikan bimbingan ini kepada para ibu Mu'minin yang bersih itu supaya mereka berhati-hati dalam percakapan mereka dengan kaum lelaki di zaman mereka, sedangkan zaman itu merupakan zaman terbaik dari segala zaman.

وَقَرْنَ فِى بُيُوتِكُنَّ

"Dan hendaklah kamu menetap di rumah kamu."(33)

Perintah ini bukanlah bermakna menyuruh mereka supaya tinggal di rumah sahaja tanpa meninggalkannya langsung, malah ia merupakan satu isyarat yang halus agar mereka menjadikan rumah itu tempat yang pokok di dalam kehidupan mereka dan bidang yang lain dari rumah hanya merupakan satu bidang kecuali dan darurat sahaja, tanpa menetap dan bertungkus lumus. Bidang itu hanya dipenuhi sekadar perlu sahaja.

Rumahtangga itulah tempat perempuan. Di sinilah tempat dia mendapati dirinya berada di tempat yang sebenar seperti yang dikehendaki Allah, iaitu berada dalam keadaan yang tidak terpesong, menyeleweng, kotor dan tidak dibebankan dengan tugas-tugas yang bukan tugas-tugas mereka yang sebenar yang telah disediakan Allah mengikut fitrah mereka.

"Oleh kerana Islam mahu mengadakan suasana yang wajar bagi rumahtangga untuk membela dan memelihara kanak-kanak yang dilahirkan di dalamnya, maka Islam telah mewajibkan tanggungan nafkah ke

---

[9] *Diriwayatkan oleh Muslim dan at-Tirmizi.*

atas lelaki supaya si ibu mendapat tenaga, waktu dan ketenangan yang membolehkannya untuk mengendalikan urusan membela kanak-kanak yang sedang subur itu, juga untuk membolehkannya mewujudkan peraturan, keharuman dan kemanisan rumahtangga. Ibu yang penat bekerja kerana mencari makan, ibu yang penat dengan tugas-tugas pekerjaan, ibu yang terikat dengan waktu-waktu kerja dan ibu yang menghabiskan daya tenaganya di dalam pekerjaan, tidak dapat memberikan suasana yang selesa dan harum kepada rumahtangga, juga tidak dapat memberikan hak-hak pembelaan yang wajar kepada kanak-kanak yang sedang subur itu. Rumah-rumah pegawai-pegawai wanita dan isteri yang bekerja hanya dapat memberikan suasana hotel dan kedai sahaja kepada rumahtangga. Di sana tidak ada bau suasana rumahtangga yang harum. Hakikat rumahtangga tidak wujud melainkan apabila diwujudkan oleh wanita, dan keharuman bau rumahtangga juga tidak wujud kecuali bau itu dilepaskan oleh isteri. Kemesraan rumahtangga juga tidak wujud kecuali rumahtangga itu dikendalikan oleh ibu. Oleh itu perempuan atau isteri atau ibu yang menghabiskan daya tenaga jiwanya di dalam pekerjaan tidak akan dapat mencetuskan suasana di dalam rumahtangga kecuali suasana penat, jemu dan bosan.

"Keluarnya kaum wanita untuk bekerja merupakan satu malapetaka kepada rumahtangga. Mereka hanya boleh berbuat demikian kerana dharurat sahaja, tetapi jika mereka melakukannya dengan sukarela, sedangkan mereka boleh menjauhkannya, maka itu merupakan bala yang akan mengganggu jiwa, hati dan akal di zaman-zaman keruntuhan akhlak, kejahatan dan kesesatan."[10]

Apabila kaum wanita keluar bukan dengan tujuan bekerja, malah dengan tujuan bercampurgaul melakukan pekerjaan-pekerjaan hiburan, membuang masa di kelab dan perhimpunan-perhimpunan sosial, maka ia merupakan suatu kejatuhan di dalam lumpur yang mengembalikan manusia ke padang-padang ragut binatang.

Perempuan di zaman Rasulullah s.a.w. keluar ke masjid menunaikan solat tanpa dilarang oleh syara', tetapi zaman itu adalah zaman kesucian dan taqwa. Mereka keluar sembahyang dengan berkelubung. Tiada seorang pun yang mengenali mereka dan tiada sesuatu pun yang menampakkan kecantikan-kecantikan tubuh badan mereka, namun demikian Siti 'Aisyah r.a. tidak berkenan mereka keluar menunaikan solat selepas kewafatan Rasulullah s.a.w.

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim dari 'Aisyah r.a. katanya: Dahulu perempuan-perempuan Mu'minat hadir bersembahyang Subuh bersama-sama Rasulullah s.a.w. kemudian mereka pulang berkelubung dengan kain-kain panjang mereka tanpa dikenali kerana gelap.

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim lagi bahawa 'Aisyah telah berkata: Jika Rasulullah s.a.w. mengetahui apa yang dilakukan oleh, perempuan-perempuan (sekarang) tentulah beliau melarang mereka keluar ke masjid-masjid sebagaimana dilarangkan perempuan-perempuan Israel.

Apakah yang telah dilakukan oleh perempuan-perempuan semasa hidup Siti 'Aisyah r.a. itu? Apakah yang mungkin dilakukan mereka sehingga dia berpendapat bahawa Rasulullah s.a.w. akan melarang mereka keluar bersembahyang? Apakah yang dilakukan mereka dibandingkan dengan apa yang dilakukan oleh perempuan-perempuan yang kita lihat pada hari ini?

وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ ٱلْأُولَىٰ

"Dan janganlah kamu mendedahkan diri seperti pendedahan (wanita-wanita) di zaman jahiliyah pertama."(33)

Mereka jangan berbuat begitu apabila mereka terpaksa keluar setelah diperintah supaya mereka tinggal di tumah itu sahaja. Di zaman jahiliyah dahulu perempuan mendedahkan diri mereka, tetapi semua gambaran yang diceritakan mengenai pendedahan perempuan di zaman jahiliyah itu masih kelihatan bersahaja atau sopan jika dibandingkan dengan pendedahan perempuan di zaman ini iaitu zaman jahiliyah kita sekarang.

Ujar Mujahid: Dahulu perempuan keluar berjalan di antara kaum lelaki. Itulah pendedahan perempuan di zaman jahiliyah.

Ujar Qatadah: Dahulu perempuan berjalan berlenggang-lenggok untuk menarik perhatian lelaki, lalu Allah Ta'ala melarang mereka berbuat demikian.

Ujar Muqatil ibn Hayan: Pendedahan atau Tabarruj ialah meletakkan kain kelubung di atas kepala tanpa mengikatkannya, lalu menampakkan rantai lehernya, subangnya dan bahagian lehernya. Semuanya nampak belaka. Itulah pendedahan.

Ujar Ibn Kathir di dalam tafsirnya: Dahulu perempuan lalu di antara kaum lelaki dengan mendedahkan dadanya tanpa dilindungi sesuatu apa. Kadang-kadang dia menampakkah lehernya, rambut di hadapan kepalanya dan subang-subang telinganya, lalu Allah menyuruh perempuan-perempuan yang beriman supaya melindungkan diri mereka dalam semua keadaan.

Itulah gambaran-gambaran pendedahan atau tabarruj di zaman jahiliyah yang dibicarakan Al-Qur'anul-Karim untuk membersihkan masyarakat Islam dari kesan-kesannya dan untuk menghindarkannya dari segala faktor tarikan dan godaan wanita, juga untuk meninggikan adab

---

[10] *Dipetik dari buku "السلام العالمي والإسلام" bab "سلام البيت" m.s. 54 - 55.*

sopannya, kefahaman-kefahamannya, perasaannya dan adirasanya.

Kami katakan: Mengenai adirasanya kerana adirasa manusia yang hanya tertarik kepada kecantikan badan yang bogel adalah adirasa yang primitif dan kasar dan adirasa ini tidak syak lagi lebih rendah dari adirasa yang tertarik dengan kecantikan yang sopan dan tenang iaitu kecantikan yang membayangkan kecantikan jiwa, kecantikan kesucian diri dan kecantikan perasaan.

Ukuran ini adalah satu ukuran yang tepat tidak meleset untuk mengetahui ketinggian dan kemajuan taraf insaniyah. Kesopanan merupakan kecantikan haqiqi yang luhur, tetapi kecantikan yang luhur ini tidak dapat difahami orang-orang yang mempunyai adirasa jahiliyah yang kasar, yang hanya melihat kecantikan pada daging yang bogel dan hanya dapat mendengar panggilan keinginan daging yang kasar.

Ayat ini memberi isyarat kepada pendedahan perempuan di zaman jahiliyah. Ia menyarankan bahawa pendedahan wanita itu adalah dari sisa-sisa peninggalan jahiliyah yang sepatutnya bagi orang yang telah melewati zaman jahiliyah itu meningkatkan kefahaman-kefahamannya, cita-citanya dan perasaan-perasaannya lebih tinggi dari kefahaman-kefahaman, cita-cita dan perasaan-perasaan jahiliyah itu.

Jahiliyah bukanlah satu masa yang tertentu dari sesuatu zaman, malah ia adalah satu keadaan sosial yang tertentu yang mempunyai kefahaman-kefahaman yang tertentu terhadap hidup. Keadaan dan kefahaman ini mungkin terdapat pada mana-mana zaman dan tempat, kerana itu ia menjadi penunjuk atau bukti jahiliyah di mana sahaja ia didapati.

Dengan ukuran ini kita dapati bahawa kita sekarang sedang hidup dalam satu masa jahiliyah yang buta, berhati kasar, berkefahaman haiwaniyah dan terjerumus ke lembah kehinaan. Dengan ukuran ini kita dapat memahami bahawa kesucian diri dan keberkatan tidak mungkin wujud di dalam masyarakat yang hidup seperti ini, yang tidak mengamalkan sarana-sarana pembersihan diri yang dijadikan Allah sebagai alat untuk manusia membersihkan diri mereka dari kekotoran dan pendedahan zaman jahiliyah. Mereka yang mula-mula mengambilkan sarana-sarana ini ialah ahli rumah Nabi s.a.w. yang sememangnya suci dan bersih belaka.

Al-Qur'anul-Karim mengarah para isteri Nabi s.a.w. supaya mengamalkan sarana-sarana itu kemudian ia mengikatkan hati mereka dengan Allah dan mengangkatkan pandangan mereka ke arah kemuncak yang bersih dan gemilang untuk mengambil nur hidayat dan pertolongan Ilahi untuk mendaki kemuncak yang bersih dan gemilang itu:

وَأَقِمْنَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتِينَ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَطِعْنَ ٱللَّهَ
وَرَسُولَهُۥٓ ۚ

"Dan dirikanlah solat serta keluarkan zakat dan ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya."(33)

Ibadat kepada Allah tidak terpisah dari tatalaku sosial atau akhlak di dalam kehidupan, malah ibadat merupakan jalan untuk meningkatkan diri ke taraf yang gemilang itu. Ia merupakan bekalan bagi orang yang berjalan menuju jalan Allah. Seseorang itu pastilah mempunyai hubungan dengan Allah untuk mendapat pertolongan Ilahi dan bekalan dan untuk membersihkan hatinya. Dia pasti mempunyai hubungan dengan Allah supaya ia dapat meningkatkan dirinya ke taraf yang mengatasi adat kebiasaan manusia, tradisi-tradisi masyarakat dan tekanan alam sekitar, dan supaya dia merasa bahawa dia lebih mendapat hidayat dan lebih tinggi dari manusia dan masyarakat, juga supaya dia merasa benar-benar layak untuk memimpin orang-orang lain menuju nur hidayat bukannya dipimpin oleh orang-orang lain menuju kepada kegelapan dan jahiliyah yang akan menenggelamkan kehidupan manusia apabila mereka menyimpang dari jalan Allah.

Islam merupakan satu kesatuan yang mengumpul syi'ar-syi'ar ibadat, adab-adab cara dan akhlak, undang-undang dan peraturan. Seluruhnya berada di dalam 'aqidah dan tiap-tiap satunya berperanan untuk merealisasikan 'aqidah dan semuanya selaras menuju satu haluan. Dari kesatuan dan keselarasan inilah tegaknya entiti agama dan tanpa kedua-duanya entiti Islam tidak akan wujud.

Oleh sebab itulah perintah mendirikan solat, mengeluarkan zakat, ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya itu merupakan penamat arahan-arahan membentuk kesedaran, akhlak dan tatalaku yang ditujukan kepada ahli rumah Rasulullah s.a.w. yang mulia itu, kerana arahan-arahan itu tidak dapat ditegakkan tanpa amalan ibadat dan keta'atan. Semuanya itu untuk merealisasikan hikmat, tujuan dan matlamat iaitu:

إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنكُمُ ٱلرِّجْسَ أَهْلَ
ٱلْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

"Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil-Bait, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya."(33)

Pembersihan Rabbani Terhadap Ahlil-Bait

Ungkapan ini mengandungi berbagai-bagai saranan yang membayangkan kasih mesra Ilahi (terhadap Ahlil-Bait).

Allah menamakan mereka Ahlil-Bait (ahli rumah) tanpa sifat dan tambahan yang lain kepada rumah itu seolah-olah rumah itu hanya sebuah rumah sahaja di alam ini yang mempunyai sifat ini. Apabila disebut sahaja bait maka semua orang mengenalinya sama

seperti mereka mengenali Ka'bah apabila dipanggil Baitullah, Baitul al-Haram dan al-Bait. Oleh itu ungkapan Ahlil-Bait itu merupakan suatu penghormatan dan keistimewaan yang amat besar kepada Rasulullah s.a.w.

Allah berfirman:

إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنكُمُ ٱلرِّجْسَ أَهْلَ
ٱلْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

"Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil-Bait, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya"(33)

Dalam ungkapan ini terselit kemesraan Ilahi yang menjelaskan sebab dan tujuan perintah-perintah itu, iaitu kemesraan Ilahi yang membuat Ahlil-Bait itu merasa bahawa Allah Yang Maha Tinggi sendiri yang mengendalikan pembersihan diri mereka dan menghapuskan segala noda dan dosa dari mereka. Itulah ri'ayah Ilahi secara langsung terhadap Ahlil-Bait. Apabila kita mengetahui bahawa yang mengeluarkan kenyataan itu ialah Allah Pencipta alam buana Yang Maha Mulia, Maha Perkasa, Maha Gagah dan Maha Agung, maka tahulah kita betapa tingginya penghormatan Ilahi itu.

Allah S.W.T. membuat kenyataan ini dalam kitab suci-Nya yang dibaca di alam Al-Mala'ul-A'la dan dibaca di bumi di setiap tempat dan waktu, di mana berjuta-juta manusia, yang beribadat dengannya dan bejuta-juta bibir yang menyebutnya.

Akhirnya Allah jadikan perintah-perintah dan arahan-arahan itu sebagai sarana untuk menghapuskan noda dan dosa yang boleh mencemarkan rumahtangga Rasulullah s.a.w. Pembersihan itu merupakan usaha membersih dan menghapuskan kekotoran dan kecemaran yang dilakukan dengan sarana-sarana yang diamal dan dilaksanakan manusia dalam kehidupan mereka di alam kenyataan. Inilah jalan Islam iaitu mewujudkan kesedaran dan taqwa di dalam hati, tingkahlaku dan amalan di dalam kehidupan. Hanya dengan kedua-dua inilah sahaja sempurnanya keislaman seorang dan terlaksananya matlamat dan tujuan Islam di dalam hidup manusia.

Arahan-arahan kepada para isteri Rasulullah s.a.w. itu ditamatkan dengan mengingatkan mereka terhadap kedudukan mereka yang tinggi dan istimewa di sisi Rasulullah s.a.w., iaitu menjadikan rumah mereka sebagai tempat turunnya Al-Qur'an, tempat lahirnya hikmat (hadith), tempat terbitnya nur hidayat dan iman:

وَٱذْكُرْنَ مَا يُتْلَىٰ فِى بُيُوتِكُنَّ مِنْ ءَايَٰتِ
ٱللَّهِ وَٱلْحِكْمَةِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ لَطِيفًا خَبِيرًا ﴿٣٤﴾

"Dan ingatlah apa yang dibacakan di rumah-rumah kamu dari ayat-ayat Allah dan hikmat (hadith-hadith Rasul), sesungguhnya Allah adalah Maha Halus (tadbir-Nya) dan Maha Pakar."(34)

Itulah limpah kurnia Ilahi yang amat besar dan cukuplah bagi seorang merasakan kebesaran ni'mat itu dan kehalusan ciptaan Allah pada ni'mat dan kelimpahan ni'mat yang tiada tolok bandingnya itu.

Peringatan yang seperti ini juga terdapat pada akhir firman Allah yang menawarkan pilihan kepada para isteri Nabi s.a.w. di antara keni'matan hidup dunia dan hiasannya dengan memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat. Di sini ketaralah betapa besarnya ni'mat Allah terhadap mereka dan betapa kerdilnya keni'matan hidup dunia dengan segala kemewahan dan hiasannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 35)

Ciri-ciri Kaum Lelaki Dan Kaum Wanita Yang Menjadi Tonggak Masyarakat Islam

Dalam rangka usaha membersihkan masyarakat Islam dan menegakkan kehidupannya di atas landasan nilai-nilai yang dibawa Islam yang mencakupi lelaki dan perempuan, maka Al-Qur'an menyebut sifat-sifat yang dapat menegakkan nilai-nilai itu dengan terperinci:

إِنَّ ٱلْمُسْلِمِينَ وَٱلْمُسْلِمَٰتِ وَٱلْمُؤْمِنِينَ
وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ وَٱلْقَٰنِتِينَ وَٱلْقَٰنِتَٰتِ وَٱلصَّٰدِقِينَ
وَٱلصَّٰدِقَٰتِ وَٱلصَّٰبِرِينَ وَٱلصَّٰبِرَٰتِ وَٱلْخَٰشِعِينَ
وَٱلْخَٰشِعَٰتِ وَٱلْمُتَصَدِّقِينَ وَٱلْمُتَصَدِّقَٰتِ
وَٱلصَّٰٓئِمِينَ وَٱلصَّٰٓئِمَٰتِ وَٱلْحَٰفِظِينَ فُرُوجَهُمْ
وَٱلْحَٰفِظَٰتِ وَٱلذَّٰكِرِينَ ٱللَّهَ كَثِيرًا
وَٱلذَّٰكِرَٰتِ أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا
عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

"Sesungguhnya lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang Muslim, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang Mu'min, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang ta'at, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang bercakap benar, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang sabar, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang khusyu', lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang bersedekah, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang berpuasa, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang memelihara anggota kelamin dan lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang banyak mengingati Allah itu adalah telah disediakan Allah untuk mereka keampunan dan pahala yang amat besar."(35)

Sifat-sifat yang terkumpul di dalam ayat ini adalah sifat-sifat yang bekerjasama dalam membentukkan jiwa Muslim iaitu Islam, iman, ta'at, bercakap benar, sabar, khusyu', bersedekah, berpuasa, memelihara anggota kelamin dan banyak menyebut Allah. Tiap-tiap sifat ini mempunyai nilainya masing-masing dalam pembentukan syakhsiyah Muslim.

Ciri keislaman ialah menyerah diri, ciri keimanan ialah tasdiq, dan di antara keduanya terdapat hubungan yang rapat atau salah satunya merupakan muka yang kedua kepada muka yang satu lagi. Penyerahan diri adalah hasil tasdiq kerana tasdiq yang sebenar melahirkan penyerahan diri kepada Allah.

Ciri keta'atan adalah hasil dari keislaman dan keimanan yang lahir dari hati yang redha bukannya dari paksaan luar.

Ciri bercakap benar ialah sifat yang mengeluarkan orang-orang yang tidak bersifat dengannya dari barisan umat Muslimin kerana firman Allah:

إِنَّمَا يَفْتَرِي ٱلْكَذِبَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِـَٔايَـٰتِ ٱللَّهِ

"Orang yang mengada-adakan pembohongan itu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah."

(Surah an-Nahl: 105)

Oleh itu pembohong adalah dibuang dari barisan umat Muslimin yang bercakap benar.

Sabar ialah sifat (yang perlu kepada seorang Muslim) kerana tanpa sifat ini dia tidak berdaya menjunjung 'aqidahnya dan melaksanakan komitmen-komitmennya. 'Aqidah Islam memerlukan seorang itu sabar di dalam setiap langkahnya, sabar menahan hawa nafsunya, sabar menempuh kesulitan-kesulitan da'wah dan penindasan manusia, sabar menghadapi kecurangan, kelemahan, penyelewengan dan keragaman manusia, sabar menghadapi ujian, dugaan dan fitnah dan sabar menghadapi kesenangan dan kesusahan, kerana kesabaran ketika mendapat kesenangan dan kesusahan itu amat sulit dan sukar.

Ciri khusyu' ialah sifat hati dan anggota yang menunjukkan hati itu tunduk kepada kebesaran Allah, merasakan kehebatan-Nya dan bertaqwa kepada-Nya.

Ciri bersedekah ialah tanda kebersihan diri dari kebakhilan, tanda adanya kasihan belas terhadap manusia, tanda adanya semangat perpaduan dan saling membantu di dalam kelompok Muslimin. Ia juga merupakan penunaian terhadap hak tanggungjawab harta dan pernyataan kesyukuran kepada Allah yang mengurniakan ni'mat.

Ciri berpuasa: Ayat ini telah menjadikan ibadat puasa sebagai salah satu sifat-sifat asasi. Ini menunjukkan puasa itu adalah satu kesanggupan yang berterusan dan tetap, iaitu kesanggupan mengatasi kehendak-kehendak keperluan dan kesabaran menahankan diri dari keperluan-keperluan hidup yang utama. Ia juga merupakan pernyataan iradat (yang gigih) dan pernyataan bahawa sifat insaniyah pada makhluk manusia ini mengatasi sifat haiwaniyahnya.

Ciri memelihara anggota kelamin termasuk membersih dan mengawal diri dari dorongan nafsu keinginan yang paling kuat dan mendalam dalam struktur kejadian manusia. Hanya orang yang bertaqwa sahaja yang dapat mengawal desakan keinginan ini. Ia juga mencakupi usaha mengatur hubungan lelaki dan perempuan dan meningkatkan matlamat yang lebih tinggi dari kepuasan nafsu semata-mata dalam hubungan lelaki dan perempuan serta menundukkan hubungan itu kepada kehendak syari'at Allah dan kepada hikmat dan tujuan yang tinggi dari penciptaan lelaki dan perempuan, iaitu hikmat dan tujuan untuk mengimarahkan bumi dan meninggikan kehidupan manusia.

Ciri banyak menyebut Allah merupakan rantai hubungan di antara seluruh kegiatan seorang dengan 'aqidah dan kepercayaannya kepada Allah. Ia membuat hati terkenang kepada Allah di setiap sa'at. Fikiran dan gerak-gerinya tidak pernah putus dari rantai hubungan yang kukuh dengan Allah. Hatinya disinari kemanisan zikir yang mencurahkan nur hidayat dan membangkitkan hayat padanya.

Orang-orang yang terkumpul pada diri mereka sifat-sifat ini iaitu sifat-sifat yang berkerjasama membentuk syakhsiyah Muslim yang sempurna itu maka untuk mereka:

أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ٣٥

"Disediakan Allah untuk mereka keampunan dan pahala yang amat besar."(35)

Demikianlah ayat ini menyebut sifat-sifat 'am Muslimin dan Muslimat dan asas-asas syakhsiyah mereka setelah ia menyebut sifat-sifat khusus para isteri Nabi s.a.w. pada awal pusingan surah ini. Di dalam ayat ini petempuan disebut di samping lelaki sebagai sebahagian dari usaha Islam untuk meningkatkan nilai kaum perempuan dan meninggikan pandangan terhadap mereka di dalam masyarakat serta memberikan kepada mereka tempat yang sama di samping lelaki dalam hubungan mereka dengan Allah dan dalam tugas-tugas kewajipan agama, iaitu tugas-tugas membersihkan diri, membuat amal ibadat dan berkelakuan yang baik dan lurus di dalam kehidupan.

(Kumpulan ayat-ayat 36 - 48)

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا
أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ

فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾
وَإِذْ تَقُولُ لِلَّذِىٓ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَأَنْعَمْتَ عَلَيْهِ
أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَٱتَّقِ ٱللَّهَ وَتُخْفِى فِى نَفْسِكَ
مَا ٱللَّهُ مُبْدِيهِ وَتَخْشَى ٱلنَّاسَ وَٱللَّهُ أَحَقُّ أَن تَخْشَىٰهُ ۖ
فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَٰكَهَا لِكَىْ لَا يَكُونَ
عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِىٓ أَزْوَٰجِ أَدْعِيَآئِهِمْ إِذَا قَضَوْا۟
مِنْهُنَّ وَطَرًا ۚ وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٣٧﴾
مَّا كَانَ عَلَى ٱلنَّبِىِّ مِنْ حَرَجٍ فِيمَا فَرَضَ ٱللَّهُ لَهُۥ ۖ سُنَّةَ
ٱللَّهِ فِى ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلُ ۚ وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ قَدَرًا
مَّقْدُورًا ﴿٣٨﴾
ٱلَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسَٰلَٰتِ ٱللَّهِ وَيَخْشَوْنَهُۥ وَلَا يَخْشَوْنَ
أَحَدًا إِلَّا ٱللَّهَ ۗ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا ﴿٣٩﴾
مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَآ أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَٰكِن رَّسُولَ
ٱللَّهِ وَخَاتَمَ ٱلنَّبِيِّۦنَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمًا ﴿٤٠﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾
وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾
هُوَ ٱلَّذِى يُصَلِّى عَلَيْكُمْ وَمَلَٰٓئِكَتُهُۥ لِيُخْرِجَكُم
مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ ۚ وَكَانَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ﴿٤٣﴾
تَحِيَّتُهُمْ يَوْمَ يَلْقَوْنَهُۥ سَلَٰمٌ ۚ وَأَعَدَّ لَهُمْ أَجْرًا كَرِيمًا ﴿٤٤﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ إِنَّآ أَرْسَلْنَٰكَ شَٰهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾
وَدَاعِيًا إِلَى ٱللَّهِ بِإِذْنِهِۦ وَسِرَاجًا مُّنِيرًا ﴿٤٦﴾
وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ بِأَنَّ لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ فَضْلًا كَبِيرًا ﴿٤٧﴾
وَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَٱلْمُنَٰفِقِينَ وَدَعْ أَذَىٰهُمْ وَتَوَكَّلْ
عَلَى ٱللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿٤٨﴾

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara - membuat pilihan sendiri mengenai urusan mereka, dan barang siapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat nyata (36). Dan (kenangilah) ketika engkau berkata kepada orang yang telah dikurniakan Allah ni'mat (Islam) kepadanya dan engkau juga telah memberi ni'mat (kemerdekaan) kepadanya: Peganglah (jangan cerai) isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah! Sedangkan engkau menyembunyikan di dalam hatimu rahsia yang telah dinyatakan Allah (kepadamu) dan engkau takut kepada manusia, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar ditakuti engkau. Dan apabila Zaid telah mengakhiri kehendaknya terhadap isterinya (menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan bagi orang-orang Mu'minin untuk mengahwini isteri anak-anak angkat mereka apabila mereka telah mengakhiri kehendak mereka terhadap isteri-isteri mereka, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana (37). Tidak ada sebarang keberatan kepada Nabi dalam melaksanakan perintah yang telah ditetapkan Allah kepadanya sebagai Sunnatullah yang telah berlaku kepada nabi-nabi yang telah berlalu, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana (38). Iaitu nabi-nabi yang menyampaikan risalah-risalah Allah serta takut kepada-Nya dan mereka tidak takut kepada seorang pun melainkan hanya kepada Allah, dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penghisab (39). Muhammad itu bukanlah bapa kepada mana-mana lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penamat sekalian nabi, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu (40). Wahai orang-orang yang beriman! Sebutlah Allah dengan sebutan yang banyak (41). Dan bertasbihlah kepada-Nya pagi dan petang (42). Dialah yang mencucurkan rahmat ke atas kamu dan malaikat-malaikat-Nya (juga turut mendo'akan rahmat ke atas kamu) kerana Dia hendak, mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada nur, dan Allah adalah Maha Pengasih terhadap para Mu'minin (43). Ucapan penghormatan untuk mereka pada hari mereka menemui-Nya ialah "selamat sejahtera", dan Allah telah menyediakan untuk mereka pahala yang melimpah-ruah (44). Wahai Nabi! Sesungguhnya Kami telah mengutuskan engkau sebagai saksi, sebagai penyampai berita gembira dan sebagai penyampai amaran (45). Juga sebagai penda'wah kepada Allah dengan perintah-Nya dan sebagai lampu yang terang (46). Dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin bahawa mereka akan memperolehi dari Allah limpah kurnia yang amat besar (47). Dan janganlah engkau turut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Dan janganlah engkau hiraukan gangguan-gangguan mereka serta berserahlah kepada Allah dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penjaga (kamu)."(48)

Pelajaran ini merupakan satu pusingan yang baru dalam usaha mengatur semula peraturan masyarakat Islam di atas asas kefahaman Islam, iaitu peraturan yang berkaitan dengan penghapusan peraturan anak angkat yang telah diterangkan di permulaan surah. Kehendak Allah telah menugaskan Rasulullah s.a.w. sendiri untuk menghapuskan peraturan ini dari segi amali. Dahulu adat orang-orang Arab mengharamkan perkahwinan dengan bekas isteri anak angkat sama dengan pengharaman berkahwin dengan bekas isteri anak kandung. Orang-orang Arab tidak sanggup menghalalkan perkahwinan dengan bekas-bekas isteri

anak angkat kecuali ada sesuatu contoh yang membenarkan peraturan yang baru ini. Kita akan melihat dari kedudukan Nabi s.a.w. yang menghadapi ujian ini, di mana selain beliau tiada seorang pun yang sanggup memikut tugas yang amat berat ini dan menghadapi masyarakat dengan tindakan yang luar biasa dari adat masyarakat itu. Kita juga akan melihat ulasan-ulasan terhadap peristiwa itu adalah ulasan yang panjang untuk mengikatkan hati kepada Allah dan untuk menerangkan hubungan kaum Muslimin dengan Allah dan Rasulullah serta tugasnya di kalangan mereka. Semuanya ini untuk memudahkan proses perubahan peraturan itu diterima oleh mereka dan untuk memujuk hati mereka, supaya menerima perintah dan penyusunan semula peraturan masyarakat itu dengan sukarela dan patuh.

Sebelum peristiwa ini telah pun dijelaskan dasar bahawa segala keputusan adalah terserah kepada Allah dan Rasul-Nya dan tidak seharusnya kepada orang yang beriman lelaki dan perempuan membuat keputusan sendiri apabila Allah telah menetapkan keputusan mengenai urusan-urusan mereka. Ini menunjukkan betapa sukarnya perubahan peraturan ini kerana ia bertentangan dengan adat orang Arab yang kuat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 36)

Peristiwa-peristiwa Yang Menjadi Sebab Nuzul Ayat Ini

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَـٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara - membuat pilihan sendiri mengenai urusan mereka, dan barang siapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat nyata."(36)

Menurut riwayat ayat ini diturun mengenai peristiwa Zainab binti Jahsy apabila Nabi s.a.w, hendak merobohkan perbezaan kelas yang diwarisi turun-temurun di dalam masyarakat Islam dan mengembalikan mereka menjadi sama rata seperti gigi-gigi sisir, di mana tiada kelebihan bagi seorang ke atas orang yang lain melainkan dengan taqwa. Golongan maula[11] iaitu golongan hamba-hamba yang telah dibebaskan merupakan golongan yang lebih rendah dari golongan tuanmas. Di dalam golongan ini termasuk Zaid ibn Harithah bekas hamba Rasulullah s.a.w. yang telah dijadikannya sebagai anak angkat beliau. Rasulullah s.a.w. mahu mewujudkan persamaan taraf yang sempurna dengan mengahwinkan Zaid dengan seorang wanita bangsawan dari Bani Hasyim dari keluarga beliau sendiri iaitu Zainab binti Jahsy. Beliau mahu menghapuskan perbezaan kelas itu di dalam keluarga beliau sendiri, kerana perbezaan ini begitu mendalam dan kuat (dalam masyarakat Arab) hingga tidak dapat dihapuskan melainkan dengan tindakan dari Rasulullah s.a.w. sendiri agar menjadi contoh dan teladan kepada kaum Muslimin dan agar umat manusia mengikut jejaknya dalam persoalan ini.

Ibn Kathir telah meriwayatkan di dalam tafsirnya katanya: Ujar al-'Aufi dari Ibn Abbas r.a.: Firman Allah Ta'ala:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَـٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

cerita itu begini, Rasulullah s.a.w. keluar meminang untuk anak muda (peliharaannya) Zaid ibn Harithah r.a., lalu beliau masuk menemui Zainab binti Jahsy al-Asadiyah lalu meminangnya. Jawab Zainab: "Saya tidak mahu berkahwin dengannya!" Ujar Rasulullah s.a.w.: "Bahkan hendaklah engkau berkahwin dengannya."Jawab Zainab: 'Wahai Rasulullah! Adakah saya diperintah mengenai diri saya?" Semasa kedua-duanya sedang bercakap tiba-tiba Allah menurunkan (ayat tadi) kepada Rasulullah s.a.w. Lalu Zainab berkata: "Adakah anda redhakan perkahwinan ini untuk saya, wahai Rasulullah? Jawab Rasulullah: "Ya". Ujar Zainab: "Jika begitu, saya tidak akan melanggar kehendak Rasulullah. Sesungguhnya saya nikahkan diri saya dengannya."

Ujar Ibn Lahi'ah dari Abu 'Umrah dari 'Ikramah dari Ibn 'Abbas r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. telah meminang Zainab binti Jahsy untuk Zaid ibn Harithah r.a., lalu dia menolak dan berkata: "Saya lebih baik dari dia." Dia adalah seorang perempuan yang mudah tersinggung lalu Allah menurunkan (ayat tadi).

Demikianlah kata Mujahid, Qatadah dan Muqatil ibn Hayan bahawa ayat tadi adalah turun mengenai Zainab binti Jahsy r.a. apabila dia dipinang oleh Rasulullah untuk maulanya Zaid ibn Harithah r.a. Pada mulanya dia menolak kemudian akhirnya dia menerimanya.

Ibn Kathir juga telah meriwayat satu riwayat yang lain katanya: Ujar Abdul Rahman ibn Zaid ibn Aslam. Ayat (tadi) diturun mengenai Ummu Kalthum binti' Aqabah ibn Abu Mu'ayt r.a. Dia adalah wanita pertama yang berhijrah selepas Perjanjian al-

---

[11] *Istilah "maula" ini juga dipakai dengan erti yang lain iaitu dengan erti qabilah yang menjadi sekutu kepada qabilah lain yang berjanji membantu dan bekerjasama dengannya dalam membayar diat dan pampasan-pampasan yang lain.*

Hudaybiyah, lalu dia memberikan dirinya kepada Rasulullah s.a.w., lalu beliau berkata: "Aku terima." Lalu beliau kahwinkannya dengan Zaid ibn Harithah r.a. (yakni - Wallahu a'alam - selepas dia berpisah dengan Zainab), lalu dia dan saudaranya marah dan berkata: "Kami mahukan Rasulullah s.a.w. sendiri, tetapi kami dikahwinkan dengan hambanya! Kata rawi: Lalu turunlah (ayat tadi) hingga akhirnya. Katanya lagi: Satu perintah yang lebih umum dari ini telah pun datang iaitu:

ٱلنَّبِيُّ أَوْلَىٰ بِٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ

"Nabi itu lebih menjaga (kebaikan) orang-orang yang beriman dari diri mereka sendiri."(6)

Katanya ayat tadi khusus dan ayat ini lebih umum.

Di dalam riwayat yang ketiga, ujar Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Abdur-Razzaq, kami telah dikhabarkan oleh Ma'mar dari Thabit Al-Bannani dari Anas r.a. katanya: Nabi s.a.w. telah meminang untuk Julaybib[12] seorang wanita dari kaum Ansar. Beliau membuat pinangan kepada bapanya, lalu dia berkata: "Nanti saya berunding dengan ibunya." Jawab Nabi s.a.w. "Baiklah.' Kata rawi, lelaki itu pun pergi menemui isterinya dan menyebut perkara pinangan itu kepadanya, lalu isterinya berkata: "Tidak, ya Allah, jadi." Rasulullah s.a.w. tidak mendapat orang lain melainkan hanya Julaybib, sedangkan sebelum ini kami telah menolak pinangan si anu dan si anu. Kata rawi: Anak gadisnya yang sedang bersembunyi itu mendengar pembicaraan itu. Lalu lelaki itu hendak keluar untuk memberitahu kepada Rasulullah s.a.w. mengenai keputusan itu, tiba-tiba anak gadis itu berkata: Adakah bapa dan ibu hendak menolak pinangan Rasulullah s.a.w.? Jika beliau redhakan orang itu (Julaybib) untuk bapa dan ibu, maka kahwinkanlah saya dengannya. Kata rawi: Seolah-olah gadis itu berlepas diri dari keputusan dua orang tuanya. Lalu kedua-duanya berkata: "Katamu itu benar". Lalu bapanya pergi menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata kepadanya: "Jika anda redhakan orang itu, maka kami juga redhakannya." Jawab Rasulullah s.a.w. "Sesungguhnya aku telah redhakannya." Kata rawi: Lalu beliau pun mengahwinkannya." Kemudian penduduk Madinah diminta pertolongan (kerana menghadapi satu peperangan), lalu Julaybib pun menunggang (keluar berjuang), dan akhirnya mereka dapatinya gugur syahid dan di sekelilingnya terdapat mayat-mayat orang Musyrikin yang telah dibunuh olehnya. Kata Anas r.a.: "Aku telah melihat isteri Julaybib dan sesungguhnya rumahnya adalah rumah yang paling banyak menerima pinangan di Madinah."

Riwayat-riwayat ini - jika sahih - telah menghubungkan ayat ini dengan peristiwa perkahwinan Zainab dengan Zaid r.a. atau dengan peristiwa perkahwinan Zaid dengan Ummu Kalthum binti 'Aqabah ibn Abu Mu'ait.

Kami telah mengemukakan riwayat yang ketiga mengenai Julaybib kerana ia menunjukkan cara pemikiran masyarakat (di zaman itu) yang mahu dihancurkan oleh Islam, dan Rasulullah s.a.w. sendiri telah bertindak mengubahkan cara pemikiran itu dengan perbuatan dan Sunnahnya sebagai sebahagian dari rangka usaha menyusun semula peraturan masyarakat Islam di atas asas pemikiran Islam yang baru dan kefahamannya terhadap nilai-nilai di bumi ini, juga untuk mencetuskan semangat kemerdekaan yang dilandaskan di atas sistem hidup Islam yang diambil dari semangatnya yang agung.

Tetapi ayat ini merupakan satu nas yang lebih umum dari mana-mana peristiwa yang tertentu. Mungkin juga ia mempunyai hubungan dengan tindakan menghapuskan kesan-kesan mengambil anak angkat dan menghalalkan isteri-isteri anak angkat yang telah dicerai, juga dengan peristiwa perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan Zainab r.a. setelah dia bercerai dengan Zaid, iaitu peristiwa yang menimbulkan satu kegemparan yang besar pada masa itu dan masih terus digunakan oleh musuh-musuh Islam sebagai alasan untuk memburuk-burukan Rasulullah s.a.w. Mereka telah mengadakan berbagai-bagai kisah dongeng yang karut di sekitar peristiwa itu.

Sama ada yang menjadi sebab turunnya ayat ini ialah peristiwa-peristiwa yang disebut oleh riwayat-riwayat tadi atau peristiwa perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan Zainab r.a., namun dasar yang dijelaskan oleh ayat tadi adalah lebih umum, lebih mencakupi dan lebih mendalam di dalam jiwa kaum Muslimin, kehidupan mereka dan pemikiran mereka yang tulen.

Dasar Penyerahan Diri Kepada Keputusan Allah

Inilah satu asas dari asas-asas 'aqidah Islam yang telah tertanam di dalam hati angkatan kaum Muslimin yang pertama. Ia tertanam dengan amat kukuh. Ia diyakinkan oleh jiwa mereka dan ia mempengaruhi perasaan-perasaan mereka. Intisari dari asas ini ialah mereka tidak mempunyai apa-apa kuasa pun di atas diri mereka dan urusan mereka, malah mereka dan segala apa yang ada di dalam milik mereka adalah di bawah kekuasaan Allah. Allah memilih dan mengendalikan mereka mengikut kehendak Iradat-Nya. Mereka tidak lebih dari merupakan sebahagian dari alam buana yang berjalan mengikut undang-undang yang umum, sedangkan Allah Pencipta dan Pentadbir alam buana inilah yang menggerakkan mereka bersama-sama pergerakan alam buana yang besar. Dialah yang membahagikan peranan-peranan kepada mereka masing-masing di dalam cerita alam buana yang besar ini. Dialah yang menentukan gerak langkah mereka di atas pentas alam al-wujud yang besar ini. Mereka tidak mempunyai kuasa memilih

---

[12] *Dari golongan bekas hamba (maula).*

peranan yang dilakonkan mereka kerana mereka tidak mengetahui cerita itu dengan sepenuhnya. Mereka juga tidak mempunyai kuasa untuk memilih gerak langkah yang disukai mereka kerana apa yang disukai mereka mungkin tidak sesuai dengan peranan yang ditentukan untuk mereka, kerana mereka bukannya pengarang cerita itu dan bukan pula tuan punya panggung itu. Mereka hanya para pengambil upah yang mendapat upah dari kerja-kerja mereka. Mereka tidak mempunyai apa-apa kuasa dalam hasil natijah cerita itu.

Ketika itu barulah mereka menyerahkan diri mereka kepada Allah dengan penyerahan yang sebenar-benarnya. Mereka menyerahkannya dengan segala apa yang ada pada diri mereka. Mereka tidak mempunyai apa-apa kuasa pun terhadap diri mereka. Ketika itulah jiwa mereka menjadi betul dan selaras dengan fitrah seluruh alam buana. Ketika itu barulah gerak-geri mereka menjadi betul dan selaras dengan pergerakan umum alam buana. Mereka berjalan mengikut jalan peredaran mereka masing-masing sebagaimana planet-planet dan bintang-bintang berjalan mengikut jalan peredaran masing-masing tiada satu pun yang cuba menyimpang dari jalan itu atau cuba berjalan lebih cepat atau lambat dalam peredarannya bersama pergerakan seluruh alam buana itu.

Ketika itu barulah hati mereka redha dengan apa sahaja qadha' qadar yang ditentukan Allah kepadanya, kerana perasaan batin mereka benar-benar merasa bahawa taqdir Allah itulah yang mengendalikan segala sesuatu, segala manusia, segala peristiwa dan segala keadaan. Mereka menerima taqdir Allah terhadap mereka dengan ma'rifat yang memberi kefahaman, kerehatan, kepercayaan dan ketenteraman.

Sedikit demi sedikit mereka tidak lagi merasa terkejut dengan taqdir Allah apabila menimpa mereka. Mereka tidak lagi merasa terperanjat dan sedih yang boleh diubati dengan kesabaran. Malah mereka menyambut taqdir Allah dengan sambutan orang yang arif dan orang yang menunggu sesuatu yang biasa dan diketahui di dalam hatinya tanpa menimbulkan rasa terperanjat, gentar dan ta'jub.

Oleh kerana itu mereka tidak lagi menuntut supaya dipercepatkan perjalanan cakerawala kerana mereka hendak melakukan sesuatu yang dikehendakinya dan tidak pula menuntut peristiwa-peristiwa itu diperlambatkan kerana mereka mempunyai hajat untuk mendapatkan sesuatu walaupun hajat itu ialah untuk menolong da'wah mereka dan menegakkannya, malah mereka meneruskan perjalanan mereka bersama ketetapan-ketetapan Allah yang menyampaikan ke tempat yang ditetapkannya. Mereka menerima ketetapan-ketetapan itu dengan redha dan tenang. Mereka mengorbankan apa sahaja yang ada pada mereka; nyawa, tenaga dan harta benda tanpa tergopoh-gapah, tanpa merasa bosan, tanpa membangkit-bangkit, tanpa berbangga-bangga, tanpa menyesal dan bersedih. Mereka yakin bahawa mereka sedang melakukan sesuatu yang telah ditetapkan Allah supaya mereka melakukannya dan bahawa apa yang dikehendaki Allah itulah yang tetap berlaku dan bahawa segala sesuatu itu bergantung dengan waktu yang telah ditentukan Allah.

Itulah penyerahan diri yang mutlak kepada tangan kekuasaan Allah agar memimpin langkah-langkahnya dan mengaturkan pergerakannya, sedangkan mereka penuh yakin kepada kepimpinan dan merasa begitu aman, percaya dan tenteram dan berjalan bersamanya dengan selesa, mudah dan lemah lembut.

Namun demikian, mereka melakukan apa sahaja yang terdaya oleh mereka dan mengorbankan apa sahaja yang ada pada mereka. Mereka tidak membuang waktu dan daya tenaga mereka. Mereka tidak meninggalkan segala ikhtiar dan wasilah. Kemudian mereka tidak memberatkan diri mereka dengan perkara-perkara yang tidak mampu dilakukan mereka. Mereka tidak keluar dari sifat-sifat mereka sebagai manusia, iaitu sifat-sifat biasa manusia dan ciri-ciri lemah dan kuat yang ada pada mereka. Mereka tidak mendakwa mempunyai perasaan-perasaan dan daya tenaga yang tidak ada pada diri mereka. Mereka tidak suka dipuji kerana kerja-kerja yang tidak dilakukan mereka dan tidak mereka berkata berlainan dari apa yang dibuat mereka.

Inilah imbangan di antara penyerahan diri yang mutlak kepada taqdir Allah dan bekerja keras dengan menggunakan segata daya tenaga dan berhenti dengan tenang pada tahap usaha yang mampu dilakukan mereka. Itulah imbangan yang menjadi sifat istimewa yang terterap di dalam kehidupan angkatan Muslimin yang pertama, inilah inilah sifat yang melayakkan mereka untuk memikul amanah 'aqidah Islam yang agung yang tidak sanggup dipikul oleh gunung-ganang.

Kemantapan asas ini di dalam hati mereka itulah yang telah membolehkan angkatan Muslimin yang pertama melakukan kejayaan-kejayaan yang luar biasa di dalam kehidupan peribadi mereka dan dalam kehidupan masyarakat manusia di zaman itu. Asas inilah yang menjadikan segala jejak langkah dan pergerakan mereka selaras dengan peredaran cakerawala dan selaras dengan langkah-langkah zaman, tidak bercanggah dan berlanggar dengannya hingga menyebabkan mereka terhalang atau terlambat. Asas inilah yang memberkati segala usaha perjuangan mereka hingga dapat menghasilkan buah-buah manis yang amat banyak, dan amat besar dalam masa yang pendek sahaja.

Sesungguhnya perubahan yang berlaku di dalam jiwa mereka, di mana gerak langkah mereka selaras dengan harakat alam buana, sesuai dengan perencanaan Ilahi yang mengendalikan seluruh alam

buana ini .... sesungguhnya perubahan itu merupakan satu mu'jizat yang amat besar yang tidak dapat dilaksanakan oleh manusia, malah ia terlaksana dengan iradat Allah yang telah menciptakan bumi dan langit, bintang-bintang dan planet-planet dan menyelaraskan gerak langkah mereka dengan peredaran cakerawala itu sesuai dengan penyelarasan Ilahi yang istimewa.

Hakikat ini ditunjukkan oleh berbagai-bagai ayat Al-Qur'an, di mana Allah S.W.T. berfirman:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَٰكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي
مَن يَشَاءُ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

"Sesungguhnya engkau tidak dapat memberi hidayat kepada mereka yang engkau kasihi, tetapi Allahlah yang memberi hidayat kepada mereka yang dikehendaki-Nya."

(Surah al-Qasas: 56)

لَّيْسَ عَلَيْكَ هُدَاهُمْ وَلَٰكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي
مَن يَشَاءُ ۗ

"Bukanlah kewajipan engkau menjadikan mereka mendapat hidayat, tetapi Allahlah yang memberi hidayat kepada mereka yang dikehendaki-Nya."

(Surah al-Baqarah: 272)

قُلْ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ ۗ

"Katakanlah bahawa hidayat Allah itulah hidayat yang sebenar."

(Surah al-Baqarah: 120)

Itulah hidayat dengan hakikatnya yang agung dan maknanya yang luas. Allah memberi hidayat dan memimpin manusia ke tempatnya yang sebenar di dalam rangka alam buana dan menyelaraskan gerak langkahnya dengan gerakan alam buana.

Usaha perjuangan itu tidak akan mendapat hasilnya yang sempurna melainkan apabila hati seseorang itu tegak di atas hidayat Allah dalam ertikatanya yang sebenar dan gerak langkahnya selaras dengan peredaran alam buana dan hatinya yakin kepada taqdir Allah yang meliputi segala-galanya, iaitu tiada sesuatu pun di alam buana ini melainkan mengikut kehendak taqdir-Nya.

Dari penjelasan ini ternyatalah bahawa nas Al-Qur'an:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا
أَن يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara - membuat pilihan sendiri mengenai urusan mereka"(36)

adalah mempunyai pengertian yang lebih syumul, lebih luas dan lebih jauh dari mana-mana peristiwa khusus yang berlaku dan diturunkan ayat ini kerananya. Ayat ini menjelaskan satu dasar umum yang pokok di dalam sistem hidup Islam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 40)

Kemudian Al-Qur'an menceritakan tentang peristiwa perkahwinan Nabi s.a.w. dengan Zainab binti Jahsy serta pendahuluan dan ekorannya yang mengandungi hukum-hukum dan arahan-arahan:

وَإِذْ تَقُولُ لِلَّذِي أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَنْعَمْتَ عَلَيْهِ
أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَاتَّقِ اللَّهَ وَتُخْفِي فِي نَفْسِكَ
مَا اللَّهُ مُبْدِيهِ وَتَخْشَى النَّاسَ وَاللَّهُ أَحَقُّ أَن تَخْشَاهُ ۖ
فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَاكَهَا لِكَيْ لَا يَكُونَ
عَلَى الْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِي أَزْوَاجِ أَدْعِيَائِهِمْ إِذَا قَضَوْا
مِنْهُنَّ وَطَرًا ۚ وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٣٧﴾
مَّا كَانَ عَلَى النَّبِيِّ مِنْ حَرَجٍ فِيمَا فَرَضَ اللَّهُ لَهُ ۖ سُنَّةَ
اللَّهِ فِي الَّذِينَ خَلَوْا مِن قَبْلُ ۚ وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ قَدَرًا
مَّقْدُورًا ﴿٣٨﴾
الَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسَالَاتِ اللَّهِ وَيَخْشَوْنَهُ وَلَا يَخْشَوْنَ
أَحَدًا إِلَّا اللَّهَ ۗ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ حَسِيبًا ﴿٣٩﴾
مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَٰكِن رَّسُولَ
اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٤٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika engkau berkata kepada orang yang telah dikurniakan Allah ni'mat (Islam) kepadanya dan engkau juga telah memberi ni'mat (kemerdekaan) kepadanya: Peganglah (jangan cerai) isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah! Sedangkan engkau menyembunyikan di dalam hatimu rahsia yang telah dinyatakan Allah (kepadamu) dan engkau takut kepada manusia, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar ditakuti engkau. Dan apabila Zaid telah mengakhiri kehendaknya terhadap isterinya (menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan bagi orang-orang Mu'minin untuk mengahwini isteri anak-anak angkat mereka apabila mereka telah mengakhiri kehendak mereka terhadap isteri-isteri mereka, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana (37). Tidak ada sebarang keberatan kepada Nabi dalam melaksanakan perintah yang telah

ditetapkan Allah kepadanya sebagai Sunnatullah yang telah berlaku kepada nabi-nabi yang telah berlalu, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana (38). Iaitu nabi-nabi yang menyampaikan risalah-risalah Allah serta takut kepada-Nya dan mereka tidak takut kepada seorang pun melainkan hanya kepada Allah, dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penghisab (39). Muhammad itu bukanlah bapa kepada mana-mana lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penamat sekalian nabi, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(40)

Pada awal surah ini telah pun dijelaskan tentang penghapusan adat mengambil anak angkat dan memulangkan bin mereka kepada bapa-bapa mereka yang sebenar serta menegakkan hubungan kekeluargaan itu di atas asasnya yang semulajadi.

وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَآءَكُمْ أَبْنَآءَكُمْ ذَٰلِكُمْ قَوْلُكُم بِأَفْوَٰهِكُمْ
وَٱللَّهُ يَقُولُ ٱلْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِى ٱلسَّبِيلَ ﴿٤﴾
ٱدْعُوهُمْ لِءَابَآئِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِندَ ٱللَّهِ فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوٓا۟
ءَابَآءَهُمْ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَمَوَٰلِيكُمْ وَلَيْسَ
عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَآ أَخْطَأْتُم بِهِۦ وَلَٰكِن مَّا
تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥﴾

"Dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkat kamu itu sebagai anak-anak kandung kamu sendiri. (Dakwaan-dakwaan itu) hanya perkataan-perkataan kamu yang keluar dari mulut kamu sahaja, sedangkan Allah menerangkan hakikat yang benar dan Dialah jua yang memberi hidayat ke jalan yang betul (4). Panggillah mereka (anak-anak angkat) dengan 'bin' bapa-bapa mereka yang sebenar. Itulah yang lebih adil di sisi Allah. Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka (maka panggillah mereka) sebagai saudara-saudara seagama kamu dan sebagai maula kamu. Dan tiada apa-apa dosa di atas kamu dalam perkara yang kamu tersalah melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa) ialah perbuatan-perbuatan yang disengajakan hati kamu, dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(5)

Tetapi peraturan anak angkat ini masih mempunyai kesan-kesannya yang kuat di alam kehidupan masyarakat Arab dan kesan-kesan ini tidak terhapus semudah terhapusnya peraturan anak angkat itu sendiri, kerana adat resam dalam sebuah masyarakat itu mempunyai pengaruh dan kesan yang amat mendalam di dalam hati penduduk-penduduknya. Oleh sebab itu penghapusan kesan-kesan adat itu pastilah didahulukan dengan contoh-contoh amali yang menentang adat itu, dan contoh-contoh ini pula pastilah pada permulaannya menghadapi kecaman-kecaman dan tentulah kesannya diterima dengan berat oleh orang yang ramai.

Dahulu telah pun dinyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengahwinkan anak angkatnya Zaid ibn Harithah yang pernah dipanggil Zaid ibn Muhammad kemudian diubah kepada "bin" bapanya yang sebenar dengan Zainab binti Jahsy anak perempuan ibu saudara beliau sendiri. Tujuan perkahwinan ini ialah untuk memecahkan perbezaan kelas yang turun-temurun dan untuk merealisasikan tujuan firman Allah Ta'ala:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

"Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu."

(Surah al-Hujurat: 13)

Seterusnya tujuan perkahwinan itu ialah untuk menegakkan nilai Islamiyah yang baru dengan mengemukakan contoh amali di alam kenyataan.

Kemudian selepas itu Allah berkehendak pula menyerahkan kepada Nabi-Nya - di samping tugas-tugas kerasulan yang lain - tugas menghapuskan sendiri kesan-kesan peraturan anak angkat itu dengan mengahwini bekas isteri anak angkatnya Zaid ibn Harithah yang telah diceraikan itu dan menghadapi masyarakat dengan tindakan ini, iaitu satu tindakan yang tidak terdaya dilakukan oleh seorang yang lain untuk menghadapi masyarakat (zaman itu) walaupun peraturan anak angkat itu sendiri telah dibatalkan.

Allah Ta'ala telah mengilhamkan kepada Nabi s.a.w. bahawa Zaid akan menceraikan isterinya. Dan beliau sendiri pula akan mengahwininya kerana sesuatu hikmat yang telah diputuskan Allah. Pada masa itu hubungan di antara Zaid dan Zainab berada dalam keadaan huru-hara yang membayangkan bahawa perkongsian hidup mereka tidak akan berpanjangan.

Zaid berkali-kali datang menemui Rasulullah s.a.w. dan mengadu bahawa dia tidak senang hidup dengan Zainab dan tidak sanggup lagi untuk terus hidup dengannya. Rasulullah s.a.w. walaupun beliau terkenal berani menghadapi kaumnya di dalam urusan 'aqidah dengan tegas tanpa teragak-agak dan takut, namun beliau merasa berat dengan ilham yang diterima dari Allah mengenai Zainab. Beliau teragak-agak hendak menghadapi kaumnya dengan memecahkan adat yang telah bertunjang begitu mendalam itu. Lalu beliau berkata kepada Zaid (seorang yang telah dikurniakan Allah dengan ni'mat Islam dan ni'mat hubungan yang dekat dengan Rasulullah, juga ni'mat kasih Rasulullah s.a.w. terhadap dirinya, iaitu kasih yang diutamakan beliau di dalam hatinya di atas sekalian yang lain tanpa kecuali, dia juga seorang yang mendapat ni'mat kemerdekaan, asuhan dan kasih sayang dari Rasulullah s.a.w.) Beliau bersabda kepada Zaid:

أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَٱتَّقِ ٱللَّهَ

"Peganglah (jangan cerai) isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah."(37)

Dengan jawapan ini beliau melambatkan tindakan menghadapi persoalan yang amat besar ini, di mana beliau masih teragak-agak untuk mengumumkannya kepada orang ramai sebagaimana diterangkan Allah:

وَتُخْفِي فِي نَفْسِكَ مَا ٱللَّهُ مُبْدِيهِ وَتَخْشَى ٱلنَّاسَ وَٱللَّهُ أَحَقُّ أَن تَخْشَىٰهُ

"Sedangkan engkau menyembunyikan di dalam hatimu rahsia yang telah dinyatakan Allah (kepadamu) dan engkau takut kepada manusia, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar ditakuti engkau."(37)

Rahsia yang disembunyikan Nabi s.a,w. di dalam hatinya, sedangkan beliau tahu bahawa Allah akan mendedahkannya ialah ilham Allah yang menyarankan bahawa beliau akan berkahwin dengan Zainab, tetapi ilham itu bukanlah merupakan satu perintah yang berterus terang dari Allah, kerana jika ilham itu bersifat demikian tentulah beliau tidak akan teragak-agak dan melambat-lambatkannya atau cuba menangguh-nangguhkannya, malah beliau akan mengumumkannya dengan terus terang biar bagaimana pun akibatnya, tetapi Rasulullah s.a.w. hanya di peringkat berhadapan dengan ilham di dalam hatinya dan di waktu itu beliau merasa bimbang menghadapinya dan menghadapi orang ramai sehingga diizinkan Allah. Pada akhirnya Zaid menceraikan isterinya, sedangkan Zaid dan Zainab sendiri tidak berfikir apakah yang akan berlaku selepas itu, kerana menurut adat, Zainab tetap dianggap sebagai bekas isteri anak Muhammad yang tidak halal kepadanya walaupun selepas dihapuskan adat anak angkat itu kerana perintah menghalalkan bekas-bekas isteri anak angkat yang diceraikan itu belum lagi diturunkan pada masa itu. Hanya peristiwa perkahwinan Nabi s.a.w. dengan Zainab selepas itu sahaja yang menjelaskan hukum ini iaitu setelah peristiwa itu diterima dengan rasa hairan, terkejut dan membantah.

Inilah cerita sebenar yang meruntuhkan segala cerita-cerita lain mengenai peristiwa ini, iaitu cerita-cerita karut yang digunakan oleh musuh-musuh Islam dahulu dan sekarang. Mereka telah merekakan berbagai-bagai dongeng dan cerita-cerita dusta di sekitar peristiwa ini.

Cerita yang sebenarnya ialah seperti yang diterangkan Allah Ta'ala:

فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَٰكَهَا لِكَيْ لَا يَكُونَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِيٓ أَزْوَٰجِ أَدْعِيَآئِهِمْ إِذَا قَضَوْا۟ مِنْهُنَّ وَطَرًا ۚ وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٣٧﴾

"Dan apabila Zaid telah mengakhiri keperluannya terhadap isterinya (menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan bagi orang-orang Mu'minin untuk mengahwini isteri anak-anak angkat mereka apabila mereka telah mengakhiri keperluan mereka terhadap isteri-isteri mereka, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana."(37)

Ini adalah salah satu tugas risalah yang amat berat yang ditanggung oleh Rasulullah s.a.w. untuk menghadapi masyarakat yang sangat bencikannya sehingga beliau teragak-agak untuk mengemukakan kepada masyarakat, sedangkan beliau tidak pernah teragak-agak menghadapi masyarakat untuk menegakkan 'aqidah tauhid, mengancam tuhan-tuhan dan sembahan-sembahan mereka yang karut dan menyalahkan datuk nenek mereka.

وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٣٧﴾

"Dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana."(37)

Keputusan Allah adalah satu keputusan yang tidak dapat ditolak dan dielak. Ia tetap berkuatkuasa dan terlaksana dan tidak ada jalan yang lain lagi untuk menghindarinya.

Perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan Zainab r.a. dilangsungkan selepas habis iddahnya. Beliau telah mengirim Zaid bekas suaminya selaku seorang yang paling disayangi supaya melamarkan Zainab untuknya.

Dari Anas r.a. kata: Apabila selesai iddah Zainab r.a., sabda Rasulullah s.a.w. kepada Zaid ibn Harithah: Pergilah (berjumpa dengan Zainab) dan sebutkan kepadanya bahawa aku melamarnya." Lalu Zaid pun pergi menemui Zainab yang sedang menguli gandumnya. Kata Zaid: Apabila aku melihatnya sebaklah dadaku hingga aku tidak berdaya melihatnya, lalu aku berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah melamarnya. Kemudian aku palingkan belakangku kepadanya dan memusingkan tumitku sambil berkata lagi: "Wahai Zainab!

Bergembiralah engkau! Rasulullah s.a.w. telah mngutuskan aku supaya melamar mu jawab Zainab: "Aku tidak akan berbuat apa-apa sehingga aku diperintahkan Tuhanku 'Azzawajalla." Lalu dia pun bangun menuju ke masjidnya. Kemudian turun ayat itu dan Rasulullah s.a.w. masuk ke rumahnya tanpa meminta izin lagi.[13]

Al-Bukhari r.a. telah meriwayatkan dari Anas ibn Malik r.a. katanya: Sesungguhnya Zainab binti Jahsy r.a. menyatakan rasa bangganya terhadap isteri-isteri Nabi s.a.w. yang lain dengan katanya: "Anda semua dikahwinkan oleh keluarga-keluarga anda, sedangkan saya dikahwinkan oleh Allah Ta'ala dari atas tujuh petala langit".

Tetapi persoalan ini tidak berlalu dengan mudah, malah seluruh masyarakat Islam gempar dan orang-orang Munafiqin terus membuat heboh dengan mengatakan Muhammad telah berkahwin dengan isteri anaknya!

---

[13] *Hadith ini diriwayatkan oleh Iman Ahmad dan dikeluarkan oleh Muslim dan an-Nasai'i dari beberapa saluran dari Sulaiman ibn al-Mughirah.*

Oleh kerana persoalan ini persoalan menegakkan satu dasar yang baru, maka Al-Qur'an telah menguatkannya dan menghapuskan unsur keganjilannya dengan memulangkan persoalan ini kepada lunas-lunasnya yang mudah, logikal yang bersejarah:

مَّا كَانَ عَلَى ٱلنَّبِيِّ مِنْ حَرَجٍ فِيمَا فَرَضَ ٱللَّهُ لَهُۥ ۖ سُنَّةَ ٱللَّهِ فِى ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلُ ۚ وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ قَدَرًا مَّقْدُورًا ﴿٣٨﴾

"Tidak ada sebarang keberatan kepada Nabi dalam melaksanakan perintah yang telah ditetapkan Allah kepadanya sebagai Sunnatullah yang telah berlaku kepada nabi-nabi yang telah berlalu, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana."(38)

Persoalan itu berlangsung mengikut Sunnatullah yang tidak berubah-ubah, iaitu undang-undang yang bergantung dengan hakikat-hakikat segala sesuatu bukannya bergantung dengan tanggapan-tanggapan dan adat-adat yang dibuat oleh manusia tanpa berlandaskan asas.

وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ قَدَرًا مَّقْدُورًا ﴿٣٨﴾

"Dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana."(38)

Yakni lulus dan berkuatkuasa. Tiada apa dan siapa pun yang dapat menahankannya. Keputusan itu telah dibuat dengan penuh kebijaksanaan dan pertimbangan. Ia dibuat kerana sesuatu tujuan yang dikehendaki Allah yang mengetahui sejauh mana keperluan dan kepentingannya di samping mengetahui masa dan tempat mana patut dilaksanakannya. Allah Ta'ala telah memerintah asul-Nya supaya membatalkan adat itu dan menghapuskan kesannya secara amali, juga supaya menjelaskan penghapusan itu dengan menjadikan diri beliau sebagai contoh pertama di alam kenyataan, kerana perintah Allah itu pasti dilaksanakan.

Sunnatullah ini telah berlangsung di katangan para rasul yang telah lalu:

ٱلَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسَٰلَٰتِ ٱللَّهِ وَيَخْشَوْنَهُۥ وَلَا يَخْشَوْنَ أَحَدًا إِلَّا ٱللَّهَ ۗ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا ﴿٣٩﴾

"Iaitu nabi-nabi yang menyampaikan risalah-risalah Allah serta takut kepada-Nya dan mereka tidak takut kepada seorang pun melainkan hanya kepada Allah, dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penghisab."(39)

Mereka tidak membuat apa-apa perhitungan terhadap makhluk di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan risalah yang ditugaskan kepada mereka dan mereka tidak takut kepadasesiapapun kecuali Allah yang mengutuskan mereka untuk menyampaikan da'wah-Nya, untuk bertindak dan melaksanakan hukumnya.

وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا ﴿٣٩﴾

"Dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penghisab."(39)

Hanya Allah sendiri sahaja yang menghisab mereka, sedangkan manusia tidak berkuasa menghisabkan mereka.

مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَآ أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ

"Muhammad itu bukanlah bapa kepada mana-mana lelaki di antara kamu."(40)

Yakni Zainab itu bukanlah isteri anaknya dan Zaid juga bukan anak kandung Muhammad, kerana dia adalah anak Harithah. Jadi, tidak ada sesuatu yang menghalangkan dalam persoalan ini apabila dilihat dengan kacamata hakikat yang wujud di alam kenyataan.

Hubungan di antara Nabi Muhammad s.a.w. dengan seluruh orang-orang Islam termasuk Zaid ibn Harithah ialah hubungan seorang Nabi dengan kaumnya, bukannya hubungan seorang bapa dengan seseorang dari mereka:

وَلَٰكِن رَّسُولَ ٱللَّهِ وَخَاتَمَ ٱلنَّبِيِّۦنَ ۗ

"Tetapi dia adalah seorang Rasul dan penamat sekalian nabi."(40)

Oleh kerana itu tugasnya ialah menyampaikan undang-undang yang kekal supaya diamalkan oleh umat manusia mengikut kehendak risalah Allah yang terakhir yang tidak akan berubah lagi selepas itu.

وَكَانَ ٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمًا ﴿٤٠﴾

"Dan Allah itu Maha Mengetahui segala sesuatu."(40)

Allah mengetahui segala sesuatu yang mendatangkan kebaikan kepada manusia. Dialah yang menentu dan memilih peraturan yang menghalalkan pernikahan dengan bekas isteri anak-anak angkat apabila mereka telah menceraikan isteri-isteri itu. Keputusan ini telah ditetapkan Allah mengikut ilmu-Nya yang mengetahui segala-galanya dan mengetahui manakah peraturan-peraturan dan undang-undang yang lebih baik dan sesuai mengikut pertimbangan rahmat dan pilihan-Nya terhadap orang-orang Mu'minin.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 44)

Kemudian Al-Qur'an mengikatkan hati mereka dengan tujuan yang akhir ini dan menghubungkan mereka dengan Allah yang menetapkan tugas-tugas Rasul dan memilih undang-undang dan peraturan-peraturan kepada umat Islam dengan tujuan untuk memberi kebaikan kepada mereka dan mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada nur yang terang:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾
وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾
هُوَ ٱلَّذِى يُصَلِّى عَلَيْكُمْ وَمَلَٰٓئِكَتُهُۥ لِيُخْرِجَكُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ ۚ وَكَانَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ﴿٤٣﴾
تَحِيَّتُهُمْ يَوْمَ يَلْقَوْنَهُۥ سَلَٰمٌ ۚ وَأَعَدَّ لَهُمْ أَجْرًا كَرِيمًا ﴿٤٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Sebutlah Allah dengan sebutan yang banyak (41). Dan bertasbihlah kepada-Nya pagi dan petang (42). Dialah yang mencucurkan rahmat ke atas kamu dan malaikat-malaikat-Nya (juga turut mendo'akan rahmat ke atas kamu) kerana Dia hendak mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada nur, dan Allah adalah Maha Pengasih terhadap para Mu'minin (43). Ucapan penghormatan untuk mereka pada hari mereka menemui-Nya ialah 'selamat sejahtera' dan Allah telah menyediakan untuk mereka pahala yang melimpah-ruah."(44)

Zikrullah ialah perhubungan hati dengan Allah dan sentiasa bermurakabah dengan-Nya, bukannya semata-mata berzikir dengan menggerak-gerakkan lidah sahaja. Mendirikan solat ialah Zikrullah, malah banyak hadith yang hampir-hampir mengkhususkan Zikrullah itu dengan solat.

Abu Daud, an-Nasa'i dan Ibn Majah telah meriwayatkan hadith al-A'masy daripada al-Agharr Abu Muslim daripada Abu Sa'id al-Khudry dan Abu Hurayrah daripada Nabi s.a.w. sabdanya:

إذا أيقظ الرجل امرأته من الليل فصليا ركعتين، كانا تلك الليلة من الذاكرين الله كثيراً والذاكرات

"Apabila suami menggerakkan isterinya di waktu malam lalu kedua-duanya bersembahyang dua rakaat nescaya kedua-duanya pada malam itu termasuk di dalam golongan lelaki dan perempuan yang banyak mengingati Allah."

Zikrullah itu lebih umum dari solat kerana Zikrullah meliputi segala bentuk pergerakan hamba yang mengingati Allah dan hatinya yang berhubung dengan Allah sama ada dia menyebutkan Zikrullah itu dengan lidah secara lantang atau tidak. Maksud pokok dari Zikrullah ialah adanya hubungan dengan Allah yang menggerak dan menyarankan ingatan kepada Allah dalam setiap keadaan.

Hati seseorang itu akan terus kosong, lalai dan terumbang-ambing sehingga dia berhubung dengan Allah, mengingati-Nya dan bermesra dengannya. Ketika itu barulah hatinya penuh, serius dan mantap dan tahu jalan mana yang hendak ditujunya dan tahu dari mana dan ke mana ia hendak melangkah.

Oleh sebab inilah Al-Qur'an dan as-Sunnah begitu banyak sekali menggalakkan manusia supaya mengingati Allah. Al-Qur'an mengikatkan di antara Zikrullah dengan waktu-waktu dan keadaan-keadaan yang dilalui manusia agar waktu-waktu dan keadaan-keadaan itu sentiasa mengingatkan manusia supaya mengingati dan berhubung dengan Allah agar hati mereka tidak lalai dan lupa:

وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾

"Dan bertasbihlah kepada-Nya pagi dan petang."(42)

Waktu pagi dan petang mempunyai suasana istimewa yang merangsangkan hati kita berhubung dengan Allah yang mengubahkan keadaan-keadaan dan bayang-bayang alam, sedangkan Dia sendiri bersifat kekal tidak berubah, tidak bertukar-tukar dan tidak binasa dan hilang. Seluruh yang lain darinya adalah berubah, bertukar, hilang dan binasa.

Di samping mengingati Allah dan bertasbih kepada-Nya, Al-Qur'an menyedarkan hati kita supaya mengenangkan rahmat, ri'ayah dan iradat Allah terhadap segala kepentingan dan kebajikan makhluk, sedangkan Allah terkaya dari mereka dan seluruh makhluk-Nya sentiasa berkehendak kepada limpah kurnia-Nya:

هُوَ ٱلَّذِى يُصَلِّى عَلَيْكُمْ وَمَلَٰٓئِكَتُهُۥ لِيُخْرِجَكُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ ۚ وَكَانَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ﴿٤٣﴾

"Dialah yang mencucurkan rahmat ke atas kamu dan malaikat-malaikat-Nya (juga turut mendo'akan rahmat ke atas kamu) kerana Dia hendak mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada nur, dan Allah adalah Maha Pengasih terhadap para Mu'minin."(43)

Maha Tinggilah Allah, dan amatlah besar ni'mat dan limpah kurnia-Nya yang sentiasa ingat kepada hamba-hamba-Nya yang lemah, yang berkehendak kepada-Nya, yang fana, yang tidak mempunyai sebarang kekuatan dan tidak kekal dan tetap. Allah sentiasa ingat kepada mereka, mengambil berat tentang mereka, mencucurkan rahmat ke atas mereka, dan para malaikat-Nya sentiasa mendo'akan agar Allah melimpahkan rahmat-Nya ke atas mereka. Allah menyebut mereka dengan sebutan yang baik di alam al-Mala'ul-A'la dan seluruh alam al-wujud turut bersahut-sahutan menyebut mereka. Sabda Rasulullah s.a.w.:

يقول الله تعالى: من ذكرني في نفسه ذكرته في نفسي، ومن ذكرني في ملأ ذكرته في ملأخير منه

"Firman Allah Ta'ala: Barang siapa yang mengingati Aku di dalam hatinya nescaya Aku mengingatinya di dalam diri-Ku, dan barang siapa yang menyebut-Ku di tengah kumpulan yang ramai nescaya Aku menyebut mereka di tengah kumpulan ramai yang lebih baik dari kumpulan itu." [14]

Itulah limpah rahmat Allah yang amat besar (terhadap manusia) yang hampir-hampir tidak tergambar di dalam minda kita, sedangkan Allah mengetahui bahawa bumi dengan segala penghuni

---

[14] *Dikeluarkan oleh al-Bukhari.*

dan isinya tidak lebih dari sebiji debu yang kecil dan kerdil dibandingkan cakerawala-cakerawala besar yang lain dan cakerawala-cakerawala ini pula hanya merupakan sebahagian dari milik Allah yang diciptakan-Nya dengan "Kun fayakun" (كن فيكون).

هُوَ ٱلَّذِى يُصَلِّى عَلَيْكُمْ وَمَلَـٰٓئِكَتُهُۥ لِيُخْرِجَكُم
مِّنَ ٱلظُّلُمَـٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ ۚ

"Dialah yang mencucurkan rahmat ke atas kamu dan malaikat-malaikat-Nya (juga turut mendo'akan rahmat ke atas kamu) kerana dia hendak mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada nur."(43)

Nur Allah itu hanya satu, bersambung padu dan syumul. Dan selain dari nur-Nya ialah berbagai-bagai kegelapan yang berbeza-berbeza. Apabila manusia keluar dari nur Allah nescaya dia akan hidup dalam salah satu dari kegelapan itu atau hidup dalam semua kegelapan itu. Tiada sesuatu yang dapat menyelamatkan mereka dari kegelapan melainkan nur Allah yang menerangi hati mereka, menyelubungi roh mereka dan membimbing mereka kepada fitrah mereka (yang suci), iaitu fitrah alam al-wujud (yang sentiasa beriman kepada Allah). Limpah rahmat Allah terhadap mereka dan do'a rahmat dari para malaikat kepada mereka itulah yang dapat mengeluarkan mereka dari berbagai-bagai kegelapan kepada nur apabila hati mereka terbuka kepada iman:

وَكَانَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ﴿٤٣﴾

"Dan Allah adalah Maha Pengasih terhadap para Mu'minin."(43)

Itulah kedudukan mereka di dunia selaku negeri tempat membuat amal. Ada pun kedudukan mereka di Akhirat selaku negeri balasan, maka limpah kurnia dan rahmat Allah tidak akan terpisah dari mereka. Mereka akan dikurniakan kemuliaan, penghormatan, aluan-aluan dan pahala yang melimpah-ruah:

تَحِيَّتُهُمْ يَوْمَ يَلْقَوْنَهُۥ سَلَـٰمٌ ۚ وَأَعَدَّ لَهُمْ أَجْرًا كَرِيمًا ﴿٤٤﴾

"Ucapan penghormatan untuk mereka pada hari mereka menemui-Nya ialah 'selamat sejahtera' dan Allah telah menyediakan untuk mereka pahala yang melimpah-ruah."(44)

Yakni selamat sejahtera dari segala ketakutan dan dari segala kepenatan, itulah ucapan selamat sejahtera dari Allah yang dibawa kepada mereka oleh para malaikat. Mereka masuk menemui mereka dari segala pintu Syurga untuk menyampaikan salam Ilahi yang maha tinggi, di samping pahala yang melimpah-ruah yang disediakan untuk mereka. Alangkah besarnya penghormatan itu!

Inilah rahmat Tuhan mereka yang mengatur dan memilih undang-undang dan peraturan-peraturan untuk mereka. Oleh itu siapakah yang tidak sukakan pemilihan Allah ini?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 48)

Nabi s.a.w. telah menyampaikan kepada mereka peraturan-peraturan yang telah dipilih oleh Allah untuk mereka dan beliau telah melaksanakan peraturan-peraturan yang telah dipilih Allah itu dengan contoh teladannya yang amali. Kemudian Al-Qur'an beralih menerangkan tugas Nabi dan kelebihannya di atas sekalian para Mu'minin:

Tugas-tugas Utama Rasulullah s.a.w.

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ إِنَّآ أَرْسَلْنَـٰكَ شَـٰهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾
وَدَاعِيًا إِلَى ٱللَّهِ بِإِذْنِهِۦ وَسِرَاجًا مُّنِيرًا ﴿٤٦﴾
وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ بِأَنَّ لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ فَضْلًا كَبِيرًا ﴿٤٧﴾
وَلَا تُطِعِ ٱلْكَـٰفِرِينَ وَٱلْمُنَـٰفِقِينَ وَدَعْ أَذَىٰهُمْ وَتَوَكَّلْ
عَلَى ٱللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿٤٨﴾

"Wahai Nabi! Sesungguhnya Kami telah mengutuskan engkau sebagai saksi, sebagai penyampai berita gembira dan sebagai penyampai amaran (45). Juga sebagai penda'wah kepada Allah dengan perintah-Nya dan sebagai lampu yang terang (46). Dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin bahawa mereka akan memperolehi dari Allah limpah kurnia yang amat besar (47). Dan janganlah engkau turut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Dan janganlah engkau hiraukan gangguan-gangguan mereka serta berserahlah kepada Allah, dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penjaga (kamu)."(48)

Tugas Nabi s.a.w. di dalam kalangan mereka ialah menjadi saksi di atas mereka. Oleh itu hendaklah mereka mengerjakan amalan-amalan yang boleh mengelakkan penyaksian Nabi terhadap mereka, iaitu satu penyaksian benar yang tidak berdusta dan tidak mengubah dan meminda. Tugas Nabi lagi ialah **"penyampai berita gembira"** iaitu berita balasan rahmat, keampunan, limpah kurnia dan penghormatan dari Allah yang menunggu orang-orang yang mengerjakan amalan yang salih. Tugasnya lagi ialah **"penyampai amaran"** iaitu menyampaikan amaran 'azab seksa yang menunggu orang-orang yang melakukan amalan-amalan yang jahat. Mereka tidak ditangkap secara mengejut dan tidak di 'azab melainkan setelah diberi amaran. Tugasnya lagi ialah **"penda'wah kepada Allah"** (وداعياً إلى الله) bukan penda'wah kepada dunia, bukan da'wah kepada keagungan, bukan da'wah kepada kekuatan perkauman dan bukan kepada 'asabiyah jahiliyah, bukan da'wah kepada keuntungan (kebendaan) dan bukan da'wah kepada kekuasaan atau kebesaran, malah beliau adalah penda'wah kepada Allah iaitu melalui satu jalan yang menyampaikan kepada Allah **"Dengan perintah-Nya"** yakni beliau bukannya mengada-ngada, bukannya bertindak secara sukarela, bukannya mengeluarkan buah fikiran dari dirinya

sendiri, malah da'wah itu adalah perintah dari Allah dan perintah Allah tidak mungkin dilampaui. Tugasnya lagi ialah menjadi **"lampu yang terang"**(سراجا منيرا) yang menghapuskan berbagai-bagai kegelapan, menghilangkan kekeliruan-kekeliruan dan menerangi jalan dengan cahaya yang tenang dan terang laksana lampu yang terang di tengah-tengah gelap-gelita.

Demikianlah tugas Rasulullah s.a.w. dengan nur yang dibawa oleh beliau itu. Beliau datang membawa kefahaman yang jelas dan tanggapan yang terang lagi bersuluh mengenai alam al-wujud dan hubungannya dengan Allah Pencipta, mengenai kedudukan makhluk insan dengan alam al-wujud dan dengan Allah Penciptanya, juga mengenai nilai-nilai yang menjadi tapak tegaknya alam al-wujud dan tapak tegak makhluk insan ini, juga mengenai dunia dan Akhirat, mengenai tujuan dan matlamat dan mengenai cara dan sarana, dan semuanya dijelaskan dengan penjelasan yang tegas dan muktamad tanpa sebarang kekeliruan dan kekaburan lagi dan dengan uslub yang berbicara secara langsung dengan fitrah manusia dan menembusinya dari jalan-jalan yang terdekat, dari pintunya yang paling luas dan dari lorongnya yang paling mendalam.

Allah mengulangi dan menjelaskan dengan terperinci tugas Rasulullah s.a.w. yang menyampaikan berita gembira kepada orang-orang yang beriman:

وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ بِأَنَّ لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ فَضْلًا كَبِيرًا ﴿٤٧﴾

"Dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin bahawa mereka akan memperolehi dari Allah limpah kurnia yang amat besar."(47)

Setelah Allah sebutkannya secara umum di dalam firman-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ إِنَّآ أَرْسَلْنَٰكَ شَٰهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾

"Wahai Nabi! Sesungguhnya Kami telah mengutuskan engkau sebagai saksi, sebagai penyampai berita gembira dan sebagai penyampai amaran."(45)

Ini merupakan penjelasan tambahan untuk menerangkan limpah kurnia Allah dan ni'mat-Nya kepada sekalian orang-orang yang beriman. Merekalah orang-orang yang dikurniakan Allah melalui Nabi-Nya peraturan-peraturan dan undang-undang yang membolehkan mereka menerima berita-berita gembira dan kurnia Ilahi yang amat besar itu.

Kemudian ayat ini diakhiri dengan melarang Nabi s.a.w. agar beliau jangan tunduk kepada orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq dan jangan memperdulikan gangguan mereka terhadap beliau dan para Mu'minin.

وَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَٱلْمُنَٰفِقِينَ وَدَعْ أَذَىٰهُمْ وَتَوَكَّلْ
عَلَى ٱللَّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿٤٨﴾

"Dan janganlah engkau turut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Dan janganlah engkau hiraukan gangguan-gangguan mereka serta berserahlah kepada Allah dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penjaga (kamu)."(48)

Ayat ini adalah sama dengan ayat yang datang di permulaan surah ini sebelum dimulakan dengan penerangan mengenai perundangan, arahan dan penyusunan semula peraturan masyarakat yang baru. Cuma di sini ditambahkan dengan arahan kepada Nabi s.a.w. agar beliau jangan menghiraukan gangguan orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq dan agar beliau jangan takut kepada mereka dengan memathui mana-mana tuntutan mereka atau bergantung kepada mereka di dalam sesuatu perkara kerana Allah Yang Maha Esa sahaja yang layak menjadi penjaga mereka:

وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿٤٨﴾

"Dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penjaga (kamu)."(48)

Demikianlah Al-Qur'an mengemukakan pendahuluan dan ulasan yang panjang lebar mengenai peristiwa Zainab dan Zaid dan hukum menghalalkan pernikahan bekas-bekas isteri anak angkat serta contoh teladan amali yang ditugas kepada Rasulullah s.a.w. yang menunjukkan betapa sulitnya masalah ini dan betapa perlunya orang ramai kepada penjelasan dan penerangan Allah, betapa perlunya mereka berhubung dengan Allah dan menyedari rahmat dan ri'ayah Allah yang terkandung di dalam perintah itu supaya mereka menerima perintah itu dengan penuh kerelaan dan kepatuhan.

(Kumpulan ayat-ayat 49 - 62)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا نَكَحْتُمُ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ ثُمَّ
طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِن قَبْلِ أَن تَمَسُّوهُنَّ فَمَا لَكُمْ
عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُّونَهَا ۖ فَمَتِّعُوهُنَّ وَسَرِّحُوهُنَّ
سَرَاحًا جَمِيلًا ﴿٤٩﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ إِنَّآ أَحْلَلْنَا لَكَ أَزْوَٰجَكَ ٱلَّٰتِىٓ ءَاتَيْتَ
أُجُورَهُنَّ وَمَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ مِمَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ
عَلَيْكَ وَبَنَاتِ عَمِّكَ وَبَنَاتِ عَمَّٰتِكَ وَبَنَاتِ خَالِكَ
وَبَنَاتِ خَٰلَٰتِكَ ٱلَّٰتِى هَاجَرْنَ مَعَكَ وَٱمْرَأَةً
مُّؤْمِنَةً إِن وَهَبَتْ نَفْسَهَا لِلنَّبِىِّ إِنْ أَرَادَ ٱلنَّبِىُّ أَن
يَسْتَنكِحَهَا خَالِصَةً لَّكَ مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۗ

قَدْ عَلِمْنَا مَا فَرَضْنَا عَلَيْهِمْ فِيٓ أَزْوَٰجِهِمْ وَمَا
مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ لِكَيْلَا يَكُونَ عَلَيْكَ
حَرَجٌ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٠﴾
تُرْجِى مَن تَشَآءُ مِنْهُنَّ وَتُـْٔوِىٓ إِلَيْكَ مَن تَشَآءُ ۖ وَمَنِ
ٱبْتَغَيْتَ مِمَّنْ عَزَلْتَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكَ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ
أَن تَقَرَّ أَعْيُنُهُنَّ وَلَا يَحْزَنَّ وَيَرْضَيْنَ بِمَآ
ءَاتَيْتَهُنَّ كُلُّهُنَّ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِى قُلُوبِكُمْ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَلِيمًا ﴿٥١﴾
لَّا يَحِلُّ لَكَ ٱلنِّسَآءُ مِنۢ بَعْدُ وَلَآ أَن تَبَدَّلَ بِهِنَّ
مِنْ أَزْوَٰجٍ وَلَوْ أَعْجَبَكَ حُسْنُهُنَّ إِلَّا مَا مَلَكَتْ
يَمِينُكَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ رَّقِيبًا ﴿٥٢﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَدْخُلُوا۟ بُيُوتَ ٱلنَّبِىِّ إِلَّآ أَن
يُؤْذَنَ لَكُمْ إِلَىٰ طَعَامٍ غَيْرَ نَٰظِرِينَ إِنَىٰهُ وَلَٰكِنْ
إِذَا دُعِيتُمْ فَٱدْخُلُوا۟ فَإِذَا طَعِمْتُمْ فَٱنتَشِرُوا۟ وَلَا
مُسْتَـْٔنِسِينَ لِحَدِيثٍ ۚ إِنَّ ذَٰلِكُمْ كَانَ يُؤْذِى ٱلنَّبِىَّ
فَيَسْتَحْىِۦ مِنكُمْ ۖ وَٱللَّهُ لَا يَسْتَحْىِۦ مِنَ ٱلْحَقِّ ۚ وَإِذَا
سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَٰعًا فَسْـَٔلُوهُنَّ مِن وَرَآءِ حِجَابٍ ۚ
ذَٰلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ ۚ وَمَا كَانَ
لَكُمْ أَن تُؤْذُوا۟ رَسُولَ ٱللَّهِ وَلَآ أَن تَنكِحُوٓا۟ أَزْوَٰجَهُۥ
مِنۢ بَعْدِهِۦٓ أَبَدًا ۚ إِنَّ ذَٰلِكُمْ كَانَ عِندَ ٱللَّهِ
عَظِيمًا ﴿٥٣﴾
إِن تُبْدُوا۟ شَيْـًٔا أَوْ تُخْفُوهُ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَىْءٍ
عَلِيمًا ﴿٥٤﴾
لَّا جُنَاحَ عَلَيْهِنَّ فِىٓ ءَابَآئِهِنَّ وَلَآ أَبْنَآئِهِنَّ وَلَآ
إِخْوَٰنِهِنَّ وَلَآ أَبْنَآءِ إِخْوَٰنِهِنَّ وَلَآ أَبْنَآءِ أَخَوَٰتِهِنَّ
وَلَا نِسَآئِهِنَّ وَلَا مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُنَّ ۗ وَٱتَّقِينَ ٱللَّهَ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدًا ﴿٥٥﴾
إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِىِّ ۚ يَٰٓأَيُّهَا
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ صَلُّوا۟ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا۟ تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ يُؤْذُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ لَعَنَهُمُ ٱللَّهُ فِى ٱلدُّنْيَا
وَٱلْءَاخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿٥٧﴾
وَٱلَّذِينَ يُؤْذُونَ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ بِغَيْرِ
مَا ٱكْتَسَبُوا۟ فَقَدِ ٱحْتَمَلُوا۟ بُهْتَٰنًا وَإِثْمًا
مُّبِينًا ﴿٥٨﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ قُل لِّأَزْوَٰجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَآءِ
ٱلْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِن جَلَٰبِيبِهِنَّ ۚ ذَٰلِكَ
أَدْنَىٰٓ أَن يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا
رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾
لَّئِن لَّمْ يَنتَهِ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ
وَٱلْمُرْجِفُونَ فِى ٱلْمَدِينَةِ لَنُغْرِيَنَّكَ بِهِمْ ثُمَّ لَا
يُجَاوِرُونَكَ فِيهَآ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٦٠﴾
مَّلْعُونِينَ ۖ أَيْنَمَا ثُقِفُوٓا۟ أُخِذُوا۟ وَقُتِّلُوا۟ تَقْتِيلًا ﴿٦١﴾
سُنَّةَ ٱللَّهِ فِى ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلُ ۖ وَلَن تَجِدَ
لِسُنَّةِ ٱللَّهِ تَبْدِيلًا ﴿٦٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhinya, maka tiadalah bagi kamu masa "iddah di atas mereka yang wajib kamu hitungkannya. Oleh itu berilah bayaran mut'ah (sagu hati) kepada mereka dan lepaskan mereka dengan cara yang sebaik-baiknya (49). Wahai Nabi! Sesungguhnya Kami telah halalkan bagimu isteri-isterimu yang engkau berikan maskahwinnya dan hamba-hamba perempuan yang engkau miliki dari tawanan perang yang

telah dikurniakan Allah kepadamu, juga anak-anak perempuan bapa saudaramu (dari sebelah bapa), anak-anak perempuan emak saudaramu (dari sebelah bapa), anak-anak perempuan bapa saudaramu (dari sebelah ibu), anak-anak perempuan emak saudaramu (dari sebelah ibu) yang telah berhijrah bersama-sama denganmu dan mana-mana perempuan yang beriman yang telah menghebahkan dirinya kepada Nabi (untuk dikahwininya tanpa mas-kahwin) sekiranya Nabi suka berkahwin dengannya, perkahwinan ini adalah khusus untukmu sahaja bukan untuk orang-orang Mu'minin (umumnya). Sesungguhnya Kami telah mengetahui kewajipan-kewajipan yang Kami telah wajibkan ke atas mereka (orang-orang Mu'minin) mengenai isteri-isteri mereka dan hamba-hamba perempuan yang dimiliki mereka supaya tidak menimbulkan kesulitan kepadamu, dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih (50). Engkau boleh menangguhkan sesiapa yang Engkau kehendaki dari mereka, dan Engkau boleh mendampingi sesiapa yang Engkau kehendaki dan sesiapa yang Engkau hendak mendampinginya kembali dari mereka yang telah Engkau jauhi, maka tidaklah menjadi apa kesalahan keatasmu melakukannya. Pilihan yang sedemikian adalah lebih dekat untuk mententeramkan hati mereka. Dan menjadikan mereka tidak berdukacita serta redha terhadap apa yang engkau lakukan kepada mereka sekalian, dan Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati kamu, dan Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Sabar (51). Tidak halal bagimu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain sesudah (isteri-isterimu yang ada itu) dan engkau juga tidak boleh menggantikan mereka dengan isteri-isteri yang baru sekalipun engkau tertarik hati kepada kecantikan mereka kecuali hamba-hamba perempuan yang dimiliki engkau, dan Allah itu adalah mengawasi segala sesuatu (52). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu masuk ke rumah-rumah nabi kecuali apabila kamu diizinkan untuk menghadiri jamuan makan tanpa menunggu-nunggu waktu masak (makanannya), tetapi jika kamu dijemput maka hendaklah kamu masuk dan bila kamu selesai makan hendaklah kamu keluar tanpa asyik berbual-bual, kerana sesungguhnya perbuatan-perbuatan sedemikian menyakiti Nabi. Dia malu (hendak menyatakan hal ini kepada kamu) tetapi Allah tidak malu menerangkan kebenaran. Dan apabila kamu meminta sesuatu keperluan kepada mereka (isteri-isteri Nabi), maka pintalah dari belakang tabir. Cara yang demikian lebih bersih kepada hati kamu dan kepada hati mereka. Dan kamu tidak boleh sekali-kali menyakiti Nabi dan berkahwin dengan isteri-isterinya selepas wafatnya buat selama-lamanya. Sesungguhnya perbuatan yang demikian amatlah besar dosanya di sisi Allah (53). Jika kamu melahirkan sesuatu atau menyembunyikannya, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui Segala sesuatu (54). Tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada perempuan-perempuan (untuk berjumpa tanpa tabir) dengan bapa-bapa mereka, anak-anak lelaki mereka, saudara-saudara lelaki mereka, anak-anak lelaki dari saudara-saudara lelaki mereka, anak-anak lelaki dari saudara-saudara perempuan mereka, perempuan-perempuan Islam dan hamba sahaya yang dimiliki mereka. Bertaqwalah kamu (wahai wanita-wanita Islam) kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Menyaksikan segala sesuatu (55). Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu ke atas Nabi dan ucapkan kepadanya salam sejahtera dengan sebanyak-banyaknya (56). Sesungguhnya orang-orang yang menyakiti Allah dan Rasul-Nya akan dila'natkan Allah di dunia dan di Akhirat dan Allah menyediakan untuk mereka 'azab yang amat menghinakan (57). Dan orang-orang yang menyakiti orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan tanpa kesalahan yang telah dilakukan mereka, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan melakukan pembohongan dan dosa yang amat nyata (58). Wahai Nabi! Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman supaya mereka melabuhkan baju kurung mereka menutupkan seluruh tubuhnya (semasa keluar), cara yang demikian lebih mudah mereka dapat dikenali dan kerana itu mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun dan maha Pengasih (59). Sekiranya orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka dan orang-orang yang menyebarkan khabar angin di Madinah itu tidak berhenti (dari menyakitimu), nescaya kami akan dorongkan engkau memerangi mereka dan sesudah itu mereka tidak akan tinggal berjiran denganmu lagi di Madinah melainkan hanya sebentar sahaja (60). Mereka sentiasa dila'nat, dan di mana sahaja mereka dijumpai, mereka akan ditangkap dan dibunuh dengan sedahsyat-dahsyatnya (61). (Demikianlah) mengikut Sunnatullah yang berlaku ke atas orang-orang yang terdahulu sebelum engkau, dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan dalam Sunnatullah itu".(62)

Pusingan ini dari surah ini pada awalnya mengandungi salah satu undang-undang am Al-Qur'an di dalam mengaturkan urusan keluarga iaitu undang-undang mengenai perempuan-perempuan yang diceraikan sebelum disetubuhi, dan setelah itu diterangkan pula undang-undang khas untuk mengaturkan kehidupan rumahtangga Rasulullah s.a.w. iaitu undang-undang yang khusus mengenai hubungan beliau dengan para isterinya dan hubungan mereka dengan lelaki-lelaki yang lain serta hubungan kaum Muslimin dengan rumah Rasulullah s.a.w., juga mengenai kemuliaan Rasul dan rumahtangganya di sisi Allah, para malaikatnya dan alam al-Mala'ul-A'la. Kemudian pada akhirnya diterangkan satu undang-undang umum yang melibatkan para isteri Nabi, anak-anak perempuannya dan sekalian isteri orang-orang Islam, iaitu mereka diperintah supaya melabuhkan baju kurung mereka ketika keluar untuk menunaikan hajat supaya dengan pakaian yang menutup semua tubuh badan itu mereka berbeza dari perempuan-perempuan yang lain dan mudah dikenali, juga supaya mereka tidak diganggu oleh lelaki-lelaki yang berkelakuan jahat yang terdiri dari orang-orang Munafiqin, orang-orang yang suka menyebar khabar-khabar angin dan orang-orang fasiq yang suka mengusik perempuan di Madinah. Kemudian surah ini ditamatkan dengan mengancam kaum Munafiqin dan penyebar-penyebar berita angin itu bahawa mereka akan diusir dari kota Madinah jika mereka tidak berhenti menyakiti perempuan-perempuan Islam dan menyebarkan kekecohan.

Undang-undang, peraturan-peraturan dan arahan-arahan ini merupakan sebahagian dari langkah-langkah menyusun semula masyarakat Islam di atas asas kefahaman Islam. Adapun undang-undang dan peraturan yang khusus mengenai kehidupan peribadi Rasulullah s.a.w., maka Allah hendak menjadikan kehidupan rumahtangga beliau itu sebagai satu lambaran yang terbuka kepada seluruh generasi manusia. Oleh itu Allah memuatkannya di dalam kitab

suci Al-Qur'an yang kekal, yang dibaca di setiap zaman dan tempat dan dalam waktu yang sama juga ia merupakan tanda penghormatan Allah kepada rumahtangga beliau, iaitu rumahtangga yang dijaga sendiri oleh Allah Yang Maha Tinggi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 49)

Hukum Perempuan Yang Dicerai Sebelum Bersetubuh Dan Selepasnya

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا نَكَحۡتُمُ ٱلۡمُؤۡمِنَٰتِ ثُمَّ
طَلَّقۡتُمُوهُنَّ مِن قَبۡلِ أَن تَمَسُّوهُنَّ فَمَا لَكُمۡ
عَلَيۡهِنَّ مِنۡ عِدَّةٖ تَعۡتَدُّونَهَاۖ فَمَتِّعُوهُنَّ وَسَرِّحُوهُنَّ
سَرَاحٗا جَمِيلٗا ٤٩

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhinya, maka tiadalah bagi kamu masa 'iddah di atas mereka yang wajib kamu hitungkannya. Oleh itu berilah bayaran mut'ah (saguhati) kepada mereka dan lepaskan mereka dengan cara yang sebaik-baiknya."(49)

Sebelum ini di dalam Surah al-Baqarah telah pun diterangkan hukum-hukum mengenai perempuan-perempuan yang dicerai sebelum disetubuhi di dalam firman-Nya:

لَّا جُنَاحَ عَلَيۡكُمۡ إِن طَلَّقۡتُمُ ٱلنِّسَآءَ مَا لَمۡ تَمَسُّوهُنَّ
أَوۡ تَفۡرِضُواْ لَهُنَّ فَرِيضَةٗۚ وَمَتِّعُوهُنَّ عَلَى ٱلۡمُوسِعِ
قَدَرُهُۥ وَعَلَى ٱلۡمُقۡتِرِ قَدَرُهُۥ مَتَٰعَۢا بِٱلۡمَعۡرُوفِۖ حَقًّا عَلَى
ٱلۡمُحۡسِنِينَ ٢٣٦
وَإِن طَلَّقۡتُمُوهُنَّ مِن قَبۡلِ أَن تَمَسُّوهُنَّ وَقَدۡ فَرَضۡتُمۡ
لَهُنَّ فَرِيضَةٗ فَنِصۡفُ مَا فَرَضۡتُمۡ إِلَّآ أَن يَعۡفُونَ
أَوۡ يَعۡفُوَاْ ٱلَّذِي بِيَدِهِۦ عُقۡدَةُ ٱلنِّكَاحِۚ وَأَن تَعۡفُوٓاْ أَقۡرَبُ
لِلتَّقۡوَىٰۚ وَلَا تَنسَوُاْ ٱلۡفَضۡلَ بَيۡنَكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِمَا تَعۡمَلُونَ
بَصِيرٌ ٢٣٧

"Tiada apa-apa kesalahan kepada kamu jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu menyentuh mereka atau sebelum kamu menetapkan maskahwin kepada mereka. (Namun demikian) hendaklah kamu memberi bayaran mut'ah kepada mereka iaitu yang senang membayar mengikut kadar kemampuannya dan yang susah membayar mengikut kadar kemampuannya sebagai bayaran saguhati menurut yang sepatutnya dan sebagai kewajipan ke atas orang-orang yang hendak berbuat ihsan. Dan jika kamu menceraikan mereka sebelum kamu menyentuh mereka, sedangkan kamu telah menetapkan maskahwin kepada mereka, maka mereka berhak mendapat separuh dari maskahwin yang kamu telah tetapkan itu, kecuali jika mereka mema'afkannya (tidak menuntutnya) atau pihak yang memegang ikatan itu mema'afkannya, dan perbuatan kamu ma'af-mema'af itu adalah lebih hampir kepada taqwa, dan janganlah kamu lupa budi baik di antara kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat apa yang dilakukan kamu."

(Surah al-Baqarah: 236-237)

Perempuan yang diceraikan sebelum disetubuhi jika telah ditetapkan maskahwin untuknya, maka dia berhak mendapat separuh dari maskahwin yang telah ditetapkan itu, dan jika belum lagi disebutkan maskahwin yang tertentu kepadanya, maka dia berhak menerima bayaran mut'ah (sagu hati) mengikut kadar kemampuan suami yang menceraikannya sama ada senang atau susah.

Di sini dalam Surah al-Ahzab Al-Qur'an menambahkan lagi satu penerangan mengenai hukum 'iddah perempuan yang diceraikan ini yang tidak disebut di dalam Surah al-Baqarah, iaitu ia menjelaskan bahawa perempuan itu tidak ada 'iddah di atasnya kerana dia belum lagi disetubuhi, kerana tujuan 'iddah itu ialah untuk mendapat kepastian bersihnya rahim dari mengandung atau dari kesan-kesan perkahwinan yang silam supaya keturunan itu tidak bercampuraduk iaitu tiada anak yang dihubungkan kepada lelaki yang bukan bapanya dan tiada anak yang dirampas dari bapanya yang sebenar yang dikandung oleh rahim perempuan yang diceraikan itu. Adapun perempuan yang belum disetubuhi, maka rahimnya tetap bersih dan tidak memerlukan kepada 'iddah dan menunggu apa-apa lagi.

فَمَا لَكُمۡ عَلَيۡهِنَّ مِنۡ عِدَّةٖ تَعۡتَدُّونَهَاۖ فَمَتِّعُوهُنَّ

"Tiadalah bagi kamu masa 'iddah di atas mereka yang wajib kamu hitungkannya. Oleh itu berilah bayaran mut'ah (sagu hati) kepada mereka."(49)

Jika di sana telah ditetapkan maskawin yang tertentu, maka ia berhak mendapat separuh dari maskahwin itu dan jika maskahwin belum lagi ditentukan, maka dia berhak mendapat bayaran mut'ah mengikut kemampuan kewangan suami yang menceraikannya **"dan lepaskan mereka dengan cara yang sebaik-baiknya"** tanpa bertujuan hendak menyusahkan atau menyakitinya atau hendak menunjukkan keras kepala atau hendak menghalangkannya dari memulakan kehidupan yang baru.

Ini adalah satu undang-undang umum yang diterangkan di dalam surah ini dalam rangka usaha mengatur semula peraturan kehidupan masyarakat Islam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 50 - 52)

Selepas itu Allah Ta'ala menjelaskan kepada Rasulullah s.a.w. perempuan-perempuan yang halal kepada beliau dan penghalalan itu merupakan satu kebenaran khusus untuk diri beliau dan ahli rumahnya sahaja setelah turunnya ayat Surah an-Nisa yang menetapkan bilangan isteri setakat empat orang sahaja:

فَٱنكِحُوا۟ مَا طَابَ لَكُم مِّنَ ٱلنِّسَآءِ مَثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ

"Berkahwinlah dengan mana-mana perempuan yang kamu berkenan dua, tiga dan empat."

(Surah an-Nisa': 3)

Peraturan Perkahwinan Yang Khusus Untuk Rasulullah s.a.w,

Pada masa itu Nabi s.a.w. mempunyai sembilan isteri. Beliau telah berkahwin dengan setiap seorang dari mereka kerana suatu tujuan yang tertentu. 'Aisyah dan Hafsah ialah anak perempuan dua sahabat beliau Abu Bakr dan Umar. Ummu Habibah binti Abu Sufyan, Ummu Salamah, Sawdah binti Zam'ah dan Zainab binti Khuzaimah adalah dari penghijrah-penghijrah yang telah kehilangan suami, lalu Nabi s.a.w. mahu memberi penghormatan kepada mereka dan mereka bukanlah perempuan-perempuan rupawan dan muda, malah perkahwinan itu semata-mata merupakan penghormatan kepada mereka, kemudian Zainab binti Jahsy yang baru tadi kita mengetahui kisah perkahwinannya dengan Rasulullah s.a.w. Perkahwinan ini juga merupakan satu ganti rugi kepada Zainab yang telah bercerai dengan Zaid, iaitu perkahwinan yang diatur oleh Rasulullah s.a.w. tetapi tidak berjaya kerana sesuatu hikmat yang telah ditetapkan Allah Ta'ala sebagaimana kita telah mengetahui kisahnya, kemudian Juwayriyah binti al-Harith dari Bani al-Mustaliq dan Safiyah binti Huyai ibn Akhtab, kedua-duanya perempuan-perempuan tawanan lalu dimerdekakan oleh Rasulullah s.a.w. dan berkahwin dengan kedua-duanya satu demi satu untuk menguatkan hubungan suku-suku dan memberi penghormatan kepada keduanya kerana kedua-duanya telah memeluk agama Islam setelah keluarga mereka ditimpa kesusahan.

Mereka sekalian telah menjadi "Ibu-ibu para Mu'minin"(أمهات المؤمنين). Mereka telah mencapai darjat kehormatan berdamping dengan Rasulullah s.a.w. Mereka telah memilih Allah dan Rasul-Nya selepas turunnya ayat menawarkan pilihan. Tentulah sukar kepada mereka untuk berpisah dengan Rasulullah s.a.w. selepas perintah membataskan bilangan isteri (setakat empat orang sahaja) itu. Allah memandang tinggi kepada mereka lalu mengecualikan Rasulullah s.a.w. dari pembatasan itu dan membenarkan kepada beliau mengekalkan semua isterinya yang ada dan menjadikan mereka halal kepadanya. Setelah itu turun pula ayat Al-Qur'an menyatakan tidak dihalalkan kepada beliau menambahkan isteri selain dari mereka atau menukarkan mana-mana seorang dari mereka dengan perempuan yang lain. Kedudukan istimewa ini hanya dikurniakan kepada para isteri beliau sahaja supaya mereka tidak dinafikan dari mendapat penghormatan terus menjadi isteri-isteri beliau setelah mereka sekalian memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat. Ayat-ayat berikut adalah berlegar di sekitar dasar-dasar ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ إِنَّآ أَحْلَلْنَا لَكَ أَزْوَٰجَكَ ٱلَّٰتِىٓ ءَاتَيْتَ
أُجُورَهُنَّ وَمَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ مِمَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ
عَلَيْكَ وَبَنَاتِ عَمِّكَ وَبَنَاتِ عَمَّٰتِكَ وَبَنَاتِ خَالِكَ
وَبَنَاتِ خَٰلَٰتِكَ ٱلَّٰتِى هَاجَرْنَ مَعَكَ وَٱمْرَأَةً
مُّؤْمِنَةً إِن وَهَبَتْ نَفْسَهَا لِلنَّبِىِّ إِنْ أَرَادَ ٱلنَّبِىُّ أَن
يَسْتَنكِحَهَا خَالِصَةً لَّكَ مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۗ
قَدْ عَلِمْنَا مَا فَرَضْنَا عَلَيْهِمْ فِىٓ أَزْوَٰجِهِمْ وَمَا
مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ لِكَيْلَا يَكُونَ عَلَيْكَ
حَرَجٌ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٠﴾
تُرْجِى مَن تَشَآءُ مِنْهُنَّ وَتُـْٔوِىٓ إِلَيْكَ مَن تَشَآءُ ۖ وَمَنِ
ٱبْتَغَيْتَ مِمَّنْ عَزَلْتَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكَ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ
أَن تَقَرَّ أَعْيُنُهُنَّ وَلَا يَحْزَنَّ وَيَرْضَيْنَ بِمَآ
ءَاتَيْتَهُنَّ كُلُّهُنَّ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِى قُلُوبِكُمْ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَلِيمًا ﴿٥١﴾
لَّا يَحِلُّ لَكَ ٱلنِّسَآءُ مِنۢ بَعْدُ وَلَآ أَن تَبَدَّلَ بِهِنَّ
مِنْ أَزْوَٰجٍ وَلَوْ أَعْجَبَكَ حُسْنُهُنَّ إِلَّا مَا مَلَكَتْ
يَمِينُكَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ رَّقِيبًا ﴿٥٢﴾

"Wahai Nabi! Sesungguhnya kami telah halalkan bagimu isteri-isterimu yang engkau berikan maskahwinnya dan hamba-hamba perempuan yang engkau miliki dari tawanan perang yang telah dikurniakan Allah kepadamu, juga anak-anak perempuan bapa saudaramu (dari sebelah bapa), anak-anak perempuan emak saudaramu (dari sebelah bapa), anak-anak perempuan bapa saudaramu (dari sebelah ibu), anak-

anak perempuan emak saudaramu (dari sebelah ibu) yang telah berhijrah bersama-sama denganmu dan mana-mana perempuan yang beriman yang telah menghebahkan dirinya kepada Nabi (untuk dikahwininya tanpa maskahwin) sekiranya nabi suka berkahwin dengannya, perkahwinan ini adalah khusus untukmu sahaja bukan untuk orang-orang Mu'minin (umumnya). Sesungguhnya kami telah mengetahui kewajipan-kewajipan yang kami telah wajibkan ke atas mereka (orang-orang Mu'minin) mengenai isteri-isteri mereka dan hamba-hamba perempuan yang dimiliki mereka supaya tidak menimbulkan kesulitan kepadamu dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih (50). Engkau boleh menangguhkan sesiapa yang engkau kehendaki dari mereka dan engkau boleh mendampingi sesiapa yang engkau kehendaki dan sesiapa yang engkau hendak mendampinginya kembali dari mereka yang telah engkau jauhi, maka tidaklah menjadi apa kesalahan kepadamu melakukannya. Pilihan yang sedemikian adalah lebih dekat untuk mententeramkan hati mereka. Dan menjadikan mereka tidak berdukacita serta redha terhadap apa yang engkau lakukan kepada mereka sekalian, dan Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati kamu dan Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Sabar (51). Tidak halal bagimu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain sesudah (isteri-isterimu yang ada itu) dan engkau juga tidak boleh menggantikan mereka dengan isteri-isteri yang baru sekalipun engkau tertarik hati kepada kecantikan mereka kecuali hamba-hamba perempuan yang dimiliki engkau, dan Allah itu adalah mengawasi segala sesuatu."(52)

Di dalam ayat ini Allah menghalalkan kepada Nabi s.a.w. jenis-jenis perempuan yang diterangkan itu walaupun mereka lebih dari empat orang yang diharamkan kepada orang-orang yang lain dari beliau. Jenis-jenis perempuan itu ialah perempuan-perempuan yang telah beliau membayarkan maskahwin kepada mereka dan hamba-hamba perempuan yang dimiliki beliau dari tawanan perang, anak-anak perempuan bapa saudaranya (sebelah bapa), anak-anak perempuan ibu saudaranya (sebelah bapa), anak-anak perempuan bapa saudaranya (sebelah ibu), anak-anak perempuan ibu saudaranya (sebelah ibu) dari mereka yang telah berhijrah bersama beliau tidak termasuk mereka yang tidak ikut berhijrah. Ini kerana memuliakan para Muhajirat, juga mana-mana perempuan yang telah menghebahkan dirinya kepada Nabi tanpa maskahwin dan tanpa wali jika Nabi mahu berkahwin dengannya (di sana terdapat riwayat-riwayat yang bertentangan sama ada Rasulullah s.a.w. pernah berkahwin dengan seseorang perempuan dari jenis ini atau tidak, tetapi pendapat yang lebih rajih beliau telah mengahwinkan perempuan-perempuan yang menawarkan dirinya kepada-beliau dengan lelaki-lelaki yang lain), ini adalah hak istimewa yang khusus untuk Nabi s.a.w. sahaja selaku wali kepada seluruh orang yang beriman lelaki dan perempuan. Adapun orang-orang yang lain, maka mereka pastilah tunduk kepada peraturan yang telah diterangkan Allah dan diwajibkan ke atas mereka mengenai isteri-isteri dan hamba sahaya yang dimiliki mereka: Tujuan hukum yang sedemikian supaya Nabi s.a.w. tidak menghadapi kesulitan untuk mengekalkan para isterinya dan menyesuaikan dirinya dengan keadaan dan suasana tertentu yang melingkungi dirinya.

Kemudian Allah memberi pilihan kepada Rasulullah s.a.w. sama ada hendak mengahwini perempuan-perempuan yang menghebahkan diri mereka kepada beliau atau hendak menangguhkannya dan perempuan-perempuan yang ditangguhkannya itu boleh pula beliau kembali kepadanya apabila beliau kehendaki. Beliau boleh mendampingi mana-mana isteri yang dikehendaki dan boleh menangguhkan mana-mana yang dikehendakinya kemudian kembali semula mendampinginya.

تُرْجِي مَن تَشَآءُ مِنْهُنَّ وَتُـْٔوِيٓ إِلَيْكَ مَن تَشَآءُ ۖ وَمَنِ
ٱبْتَغَيْتَ مِمَّنْ عَزَلْتَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكَ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ
أَن تَقَرَّ أَعْيُنُهُنَّ وَلَا يَحْزَنَّ وَيَرْضَيْنَ بِمَآ
ءَاتَيْتَهُنَّ كُلُّهُنَّ ۚ

"Engkau boleh menangguhkan sesiapa yang engkau kehendaki dari mereka dan engkau boleh mendampingi sesiapa yang engkau kehendaki dan sesiapa yang engkau hendak mendampinginya kembali dari mereka yang telah engkau jauhi, maka tidaklah menjadi apa kesalahan ke atasmu melakukannya. Pilihan yang sedemikian adalah lebih dekat untuk mententeramkan hati mereka. Dan menjadikan mereka tidak berdukacita serta redha terhadap apa yang engkau lakukan kepada mereka sekalian."(51)

Hukum ini ialah untuk menyesuaikan dengan keadaan dan suasana tertentu yang dihadapi oleh Rasulullah.s.a.w. juga untuk melayani kegemaran-kegemaran yang ditujukan kepadanya dan cita-cita untuk mendapat kehormatan mempunyai pertalian dengan beliau yang diketahui dan ditadbirkan Allah dengan ilmu-Nya dan kesabaran-Nya:

وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِى قُلُوبِكُمْ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا
حَلِيمًا ﴿٥١﴾

"Dan Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati kamu dan Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Sabar."(51)

Kemudian Allah menurunkan ayat yang mengharamkan perempuan-perempuan yang lain selain dari para isteri beliau yang telah dikahwininya bukan sahaja dari segi bilangan malah para isteri itu sendiri tidak boleh ditukar ganti dengan perempuan-perempuan yang lain. Dan tidak pernah diketahui bahawa Rasulullah s.a.w. telah menambahkan isteri selain para isteri yang ada sebelum turunnya ayat pengharaman ini:

لَّا يَحِلُّ لَكَ ٱلنِّسَآءُ مِنۢ بَعْدُ وَلَآ أَن تَبَدَّلَ بِهِنَّ
مِنْ أَزْوَٰجٍ وَلَوْ أَعْجَبَكَ حُسْنُهُنَّ إِلَّا مَا مَلَكَتْ

يَمِينُكَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ رَّقِيبًا ﴿٥٢﴾

"Tidak halal bagimu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain sesudah (isteri-isterimu yang ada itu) dan engkau juga tidak boleh menggantikan mereka dengan isteri-isteri yang baru sekalipun engkau tertarik hati kepada kecantikan mereka kecuali hamba-hamba perempuan yang dimiliki engkau dan Allah itu adalah mengawasi segala sesuatu."(52)

Yakni yang dikecualikan hanya hamba-hamba perempuan yang dimiliki beliau sahaja. Hanya merekalah sahaja yang boleh dikahwini beliau jika disukainya dan perkara ini adalah terserah kepada kesedaran terhadap pengawasan Allah dan kemantapan kesedaran itu di dalam hati.

Menurut riwayat 'Aisyah r.a., pengharaman ini telah dibatalkan sebelum wafatnya Nabi s.a.w. dan beliau telah diberi kebebasan berkahwin, tetapi beliau tidak juga berkahwin dengan perempuan yang lain selain dari mereka selepas diberi kebenaran ini. Mereka sekalian telah menjadi ibu-ibu para Mu'minin.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 53 - 54)

Selepas itu ayat Al-Qur'an mengaturkan perhubungan orang-orang Islam dengan rumahtangga Nabi s.a.w. dan para isterinya selaku ibu-ibu para Mu'minin semasa hayat dan selepas wafatnya. Di samping itu Al-Qur'an menghadapi satu keadaan yang berlaku, di mana setengah-setengah orang Munafiq dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka menyakiti Nabi s.a.w. sehubungan dengan rumahtangga beliau dan para isterinya, lalu Al-Qur'an memberi amaran yang keras kepada mereka dan memperlihatkan kepada mereka betapa kejinya perbuatan mereka yang jahat itu di sisi Allah, seterusnya mengingatkan mereka bahawa Allah mengetahui segala tipu daya dan niat yang jahat yang disembunyikan di dalam dada mereka.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَدْخُلُوا۟ بُيُوتَ ٱلنَّبِىِّ إِلَّآ أَن
يُؤْذَنَ لَكُمْ إِلَىٰ طَعَامٍ غَيْرَ نَٰظِرِينَ إِنَىٰهُ وَلَٰكِنْ
إِذَا دُعِيتُمْ فَٱدْخُلُوا۟ فَإِذَا طَعِمْتُمْ فَٱنتَشِرُوا۟ وَلَا
مُسْتَـْٔنِسِينَ لِحَدِيثٍ ۚ إِنَّ ذَٰلِكُمْ كَانَ يُؤْذِى ٱلنَّبِىَّ
فَيَسْتَحْىِۦ مِنكُمْ ۖ وَٱللَّهُ لَا يَسْتَحْىِۦ مِنَ ٱلْحَقِّ ۚ وَإِذَا
سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَٰعًا فَسْـَٔلُوهُنَّ مِن وَرَآءِ حِجَابٍ ۚ
ذَٰلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ ۚ وَمَا كَانَ
لَكُمْ أَن تُؤْذُوا۟ رَسُولَ ٱللَّهِ وَلَآ أَن تَنكِحُوٓا۟ أَزْوَٰجَهُۥ
مِنۢ بَعْدِهِۦٓ أَبَدًا ۚ إِنَّ ذَٰلِكُمْ كَانَ عِندَ ٱللَّهِ
عَظِيمًا ﴿٥٣﴾
إِن تُبْدُوا۟ شَيْـًٔا أَوْ تُخْفُوهُ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَىْءٍ
عَلِيمًا ﴿٥٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu masuk ke rumah-rumah Nabi kecuali apabila kamu diizinkan untuk menghadiri jamuan makan tanpa menunggu-nunggu waktu masak (makanannya), tetapi jika kamu dijemput, maka hendaklah kamu masuk dan bila kamu selesai makan hendaklah kamu keluar tanpa asyik berbual-bual, kerana sesungguhnya perbuatan-perbuatan sedemikian menyakiti Nabi. Dia malu (hendak menyatakan hal ini kepada kamu), tetapi Allah tidak malu menerangkan kebenaran. Dan apabila kamu meminta sesuatu keperluan kepada mereka (isteri-isteri Nabi), maka pintalah dari belakang tabir. Cara yang demikian lebih bersih kepada hati kamu dan kepada hati mereka. Dan kamu tidak boleh sekali-kali menyakiti Nabi dan berkahwin dengan isteri-isterinya selepas wafatnya buat selama-lamanya. Sesungguhnya perbuatan yang demikian amatlah besar dosanya di sisi Allah (53). Jika kamu melahirkan sesuatu atau menyembunyikannya, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(54)

Al-Bukhari telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Anas ibn Malik katanya: Nabi s.a.w. telah melangsungkan perkahwinannya dengan Zainab binti Jahsy dengan mengadakan jamuan roti dan daging, lalu aku disuruh menjemput orang-orang menghadiri jamuan itu. Sekumpulan demi sekumpulan datang makan kemudian keluar dan aku terus menjemput sehingga aku dapati tiada seorang pun lagi yang aku hendak jemput, lalu aku pun berkata: "Wahai Rasulullah! Tiada siapa pun lagi yang saya hendak jemput."Jawab beliau: "Angkatlah makanan-makanan kamu itu." Cuma ada tiga kumpulan lagi yang masih duduk berbual di rumah itu. Kemudian Rasulullah s.a.w. keluar menuju ke bilik 'Aisyah r.a. dan memberi salam "Assalamualaikum Ahlil-Bait warahmatullah wabarakatuh. "Jawab 'Aisyah: "Waalaikas-salam warahmatullah, apa khabar Ahlil-Rumah abang, wahai Rasulullah? Allah limpahkan keberkatan ke atas abang." Kemudian beliau mengelilingi bilik-bilik para isterinya dan mengucapkan kepada mereka apa yang diucapkannya kepada 'Aisyah dan mereka menjawab sebagaimana jawapan yang diberikan 'Aisyah. Setelah itu Nabi s.a.w. pulang tiba-tiba (beliau dapati) tiga kumpulan tadi masih ada lagi dirumahnya berbual-bual. Nabi s.a.w. sangat pemalu, lalu beliau keluar menuju ke bilik 'Aisyah. (Kata Anas): Aku tidak tahu adakah 'Aisyah yang memberitahu beliau atau aku yang memberitahu beliau bahawa kumpulan-kumpulan itu telah keluar. Lalu beliau pun pulang dan sebaik sahaja beliau meletakkan sebelah kakinya di ambang pintu di

bahagian dalamnya dan sebelah lagi di bahagian luarnya beliau pun melabuhkan tabir di antaraku dengannya kemudian turunlah ayat hijab.

Adat Berkunjung Dan Menghadiri Jemputan

Ayat ini mengandungi adab-adab cara masuk ke rumah orang lain yang tidak dikenali di zaman jahiliyah termasuk ke rumah Rasulullah s.a.w. sendiri. Mereka biasanya masuk ke rumah-rumah orang lain tanpa meminta izin tuan-tuannya sebagaimana telah diterangkan di dalam Surah an-Nur ketika menjelaskan ayat mengenai adab meminta izin. Mungkin, keadaan ini berlaku lebih ketara lagi di rumah Nabi s.a.w. setelah rumah itu menjadi tempat turunnya wahyu dan hikmat. Setengah-setengah mereka masuk dan bila mereka melihat ada makanan sedang dimasak, mereka terus menunggu makanan masak untuk makan bersama tanpa dijemput. Setengah-setengah yang lain pula terus berlabuh di situ selepas makan sama ada dijemput atau tidak dijemput dan terus berbual-bual tanpa menyedari bahawa perbuatan itu mengganggu Nabi s.a.w. dan ahli rumahnya. Menurut satu riwayat yang lain, tiga kumpulan yang berbual-bual tadi adalah melakukan perbuatan ini, sedangkan pengantin Nabi iaitu Zainab binti Jahsy sedang duduk di situ menghalakan mukanya ke dinding dan Nabi s.a.w. sendiri malu hendak memberitahu mereka bahawa mereka duduk di situ terlalu lama dan kerana beliau tidak suka mengemukakan kepada para pengunjungnya perkara-perkara yang boleh memalukan mereka sehingga Allah S.W.T. sendiri menerangkan perkara itu dengan terus terang:

وَٱللَّهُ لَا يَسْتَحْيِۦ مِنَ ٱلْحَقِّ

"Allah tidak malu menerangkan kebenaran."(53)

Menurut satu cerita, Umar r.a. dengan perasaannya yang sensitif telah mengesyorkan kepada Nabi s.a.w. supaya dikenakan hijab di rumahnya dan dia bercita-cita agar Allah mengenakan hijab itu sehingga turunlah ayat hijab di dalam Al-Qur'anul-Karim tepat seperti yang dicadangkan olehnya.

Dari riwayat al-Bukhari dengan sanadnya dari Anas ibn Malik katanya: Kata Umar ibn al-Khattab: "Wahai Rasulullah. (Semua orang) masuk menemui anda, yang baik dan yang jahat. Alangkah baiknya jika anda menyuruh para ibu Mu'minin itu supaya menghijabkan diri mereka?" Kemudian Allah menurunkan ayat hijab.

Ayat ini diturun untuk mengajar orang ramai Islam supaya jangan memasuki rumah Nabi s.a.w. tanpa izin, dan apabila mereka dijemput makan bolehlah mereka masuk dan andainya mereka tidak dijemput, maka janganlah mereka masuk menunggu-nunggu masaknya makanan beliau. Kemudian apabila mereka selesai makan hendaklah mereka keluar dan janganlah tinggal lagi selepas makan untuk berbual-bual. Umat Muslimin pada hari ini juga amat memerlukan kepada adab cara ini yang tidak dihiraukan lagi oleh sebilangan besar dari mereka, kerana para jemputan suka berlabuh di meja-meja selepas makan dan memanjang-manjangkan perbualan mereka, sedangkan penghuni rumah yang masih menjaga adab hijab yang disuruh Islam itu merasa terganggu dan terkurung di tempat mereka, sedangkan para tetamu masih terus bercakap-cakap dan berbual-bual tanpa menyedari keadaan penghuni rumah itu. Adab-adab cara yang diajar oleh Islam sudah cukup untuk menghadapi setiap keadaan andainya kita mahu mengamalkan adab cara Ilahi yang betul itu.

Kemudian Al-Qur'an mengenakan hijab di antara para isteri Nabi s.a.w. dengan kaum lelaki:

Perlaksanaan Peraturan Hijab

وَإِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَٰعًا فَسْـَٔلُوهُنَّ مِن وَرَآءِ حِجَابٍ ۚ
ذَٰلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ ۚ

"Dan apabila kamu meminta sesuatu keperluan kepada mereka (isteri-isteri Nabi), maka pintalah dari belakang tabir. Cara yang demikian lebih bersih kepada hati kamu dan kepada hati mereka."(53)

Al-Qur'an menjelaskan bahawa hijab itu lebih bersih kepada hati masing-masing, oleh itu janganlah ada orang yang mahu mengemukakan pendapat yang berlainan dari apa yang dikemukakan Allah. Jangan ada sesiapa pun yang sanggup berkata bahawa percampuran bebas (di antara lelaki dan perempuan) dan penghapusan hijab serta memberi kebebasan kepada kedua-dua jenis itu bercakap-cakap, bertemu dan duduk bersama serta bekerjasama itu lebih bersih kepada hati mereka dan lebih membantu untuk menyalurkan nafsu seks yang terpendam dan untuk menyedarkan kedua-dua jenis itu terhadap adab-adab yang sopan serta menghaluskan perasaan dan perilaku mereka.... dan sebagainya dari alasan-alasan yang dikemukakan Oleh manusia yang lemah, jahil dan terdinding (dari hidayat Allah). Jangan ada sesiapa pun yang berkata begitu, kerana Allah telah pun menegaskan:

إِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَٰعًا فَسْـَٔلُوهُنَّ مِن وَرَآءِ حِجَابٍ ۚ
ذَٰلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ ۚ

"Apabila kamu meminta sesuatu keperluan kepada mereka (isteri-isteri Nabi), maka pintalah dari belakang tabir. Cara yang demikian lebih bersih kepada hati kamu dan kepada hati mereka."(53)

Firman Allah ini adalah mengenai para isteri Nabi yang beristeri yang menjadi ibu-ibu para Mu'minin dan mengenai lelaki-lelaki dari angkatan pertama sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang tidak pernah berangan-angan jahat terhadap para isteri Nabi s.a.w. Apabila Allah telah menyampaikan firman-Nya dan

tiba-tiba ada pula manusia makhluk-Nya mengemukakan pendapatnya yang berlainan, maka yang wajib dipegang ialah firman Allah S.W.T. sahaja. Sedangkan segala pendapat yang lain adalah karut belaka. Pendapat manusia itu hanya didokong oleh orang yang berani mengatakan bahawa manusia yang fana itu lebih 'arif dengan jiwa manusia dari Allah yang telah menciptakan mereka.

Apa yang berlaku di alam kenyataan membuktikan kebenaran firman Allah itu dan kedustaan pendapat manusia yang berlainan dari firman Allah. Pengalaman-pengalaman yang terdedah di dunia hari ini membuktikan kebenaran apa yang telah kami katakan tadi, lebih-lebih lagi di negeri-negeri di mana kebebasan pergaulan lelaki dan perempuan telah mencapai kemuncaknya (dan Amerika merupakan negeri pertama dari negeri-negeri yang telah memetik hasil yang paling buruk dari kebebasan percampuran lelaki dan perempuan).[15]

Ayat ini telah menerangkan bahawa kedatangan mereka untuk menunggu masaknya makanan tanpa dijemput dan perbuatan mereka duduk berlabuh selepas makan kerana berbual-bual adalah mengganggu Nabi s.a.w., sedangkan beliau malu hendak menyatakan hal ini kepada mereka. Pada akhir ayat ini diterangkan pula bahawa tidaklah wajar bagi orang-orang Islam mengganggu Rasulullah s.a.w. Begitu juga tidaklah wajar kepada mereka bercita-cita hendak berkahwin dengan isteri-isteri beliau selepas wafatnya kerana para isteri beliau mempunyai kedudukan selaku ibu-ibu kepada mereka dan mempunyai kedudukan istimewa di sisi Rasulullah s.a.w. Sesiapa pun adalah diharamkan berkahwin dengan mereka selepas wafat beliau kerana memelihara kehormatan dan kemuliaan rumahtangga Rasulullah s.a.w. yang unik itu.

وَمَا كَانَ لَكُمْ أَن تُؤْذُوا رَسُولَ ٱللَّهِ وَلَآ أَن تَنكِحُوٓا
أَزْوَٰجَهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦٓ أَبَدًا ۚ إِنَّ ذَٰلِكُمْ كَانَ عِندَ
ٱللَّهِ عَظِيمًا ﴿٥٣﴾

"Dan kamu tidak boleh sekali-kali menyakiti Nabi dan berkahwin dengan isteri-isterinya selepas wafatnya buat selama-lamanya. Sesungguhnya perbuatan yang demikian amatlah besar dosanya di sisi Allah."(53)

Ada riwayat menyatakan bahawa setengah-setengah orang Munafiqin menunggu untuk berkahwin dengan 'Aisyah.

"Sesungguhnya perbuatan yang demikian amatlah besar di sisi Allah" dan alangkah dahsyatnya sesuatu yang menjadi amat besar dosanya di sisi Allah.

Al-Qur'an tidak berhenti sekadar memberi amaran ini sahaja, malah ia beralih pula kepada satu amaran yang lain yang amat besar:

إِن تُبْدُوا شَيْـًٔا أَوْ تُخْفُوهُ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَىْءٍ
عَلِيمًا ﴿٥٤﴾

"Jika kamu melahirkan sesuatu atau menyembunyikannya, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(54)

Jadi Allah sendiri yang mengendalikan urusan ini. Allah Maha Mengetahui segala sesuatu yang nyata dan segala sesuatu yang tersembunyi. Allah melihat segala pemikiran dan perancangan mereka dan persoalan ini amat besar di sisi Allah. Barang siapa yang melakukan-nya bererti mendedahkan dirinya kepada 'azab Allah yang amat dahsyat dan amat besar.

Setelah selesai memberi amaran dan ancaman, Al-Qur'an kembali mengecualikan setengah-setengah mahram yang tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada para isteri Nabi s.a.w. muncul di hadapan mereka (tanpa hijab).

لَّا جُنَاحَ عَلَيْهِنَّ فِىٓ ءَابَآئِهِنَّ وَلَآ أَبْنَآئِهِنَّ وَلَآ
إِخْوَٰنِهِنَّ وَلَآ أَبْنَآءِ إِخْوَٰنِهِنَّ وَلَآ أَبْنَآءِ أَخَوَٰتِهِنَّ
وَلَا نِسَآئِهِنَّ وَلَا مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُنَّ ۗ وَٱتَّقِينَ ٱللَّهَ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدًا ﴿٥٥﴾

"Tidaklah menjadi apa-apa kesalahan kepada perempuan-perempuan (untuk berjumpa tanpa tabir) dengan bapa-bapa mereka, anak-anak lelaki mereka, saudara-saudara lelaki mereka, anak-anak lelaki dari saudara-saudara lelaki mereka, anak-anak lelaki dari saudara-saudara perempuan mereka, perempuan-perempuan Islam dan hamba sahaya yang dimiliki mereka. Bertaqwalah kamu (wahai wanita-wanita Islam) kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Menyaksikan segala sesuatu."(55)

Merekalah mahram-mahram yang diharuskan kepada perempuan-perempuan Islam umumnya muncul di hadapan mereka tanpa hijab. Saya tidak dapat mempastikan manakah ayat yang lebih dahulu diturunkan, adakah ayat yang khusus mengenai para isteri s.a.w. ini atau ayat yang ditujukan kepada sekalian perempuan Islam di dalam Surah an-Nur. Yang lebih rajih ialah mula-mula perintah itu ditujukan khusus kepada para isteri Nabi s.a.w., kemudian barulah ditujukan kepada sekalian perempuan Islam. Itulah ihtimal yang lebih hampir dengan tabi'at taklif.

Di sini kita jangan lupa memperhatikan arahan ayat ini yang menyuruh supaya bertaqwa kepada Allah dan

---

[15] *Semaklah dengan lebih luas fasal "*سلام البيت*" di dalam buku "*السلام العالمي والإسلام*"*

memperhatikan isyarat yang menerangkan hakikat ilmu Allah yang mengetahui segala sesuatu:

وَٱتَّقِينَ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ شَهِيدًا ٥٥

"Bertaqwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Menyaksikan segala sesuatu."(55)

Kerana saranan bertaqwa kepada Allah dan bermurakabah dengan-Nya selalunya wujud di tempat-tempat yang seperti ini. Sebab taqwalah yang menjadi satu-satunya penjamin dan pengawas yang sentiasa menjaga dan mengawal hati manusia.

(Pentafsiran ayat-ayat 56 - 58)

Kemudian Al-Qur'an terus mengingatkan orang-orang yang menyakiti Nabi s.a.w. dan penghuni rumahnya dan mengecam; perbuatan mereka sebagai suatu kesalahan yang amat keji. Peringatan itu disalurkan menerusi dua cara: Pertama dengan memuji Rasulullah s.a.w. dan menerangkan kedudukan beliau yang tinggi di sisi Allah dan di alam al-Mala'ul-A'la. Yang kedua dengan menjelaskan bahawa perbuatan menyakiti beliau sama dengan menyakiti Allah S.W.T., yang mana balasannya ialah mereka dijauhkan dari rahmat Allah dunia dan Akhirat sesuai dengan perbuatan mereka yang amat keji itu:

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا
ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا ٥٦
إِنَّ ٱلَّذِينَ يُؤۡذُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ لَعَنَهُمُ ٱللَّهُ فِي ٱلدُّنۡيَا
وَٱلۡأٓخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمۡ عَذَابٗا مُّهِينٗا ٥٧

"Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu ke atas Nabi dan ucapkan kepadanya salam sejahtera dengan sebanyak-banyaknya (56). Sesungguhnya orang-orang yang menyakiti Allah dan Rasul-Nya akan dila'natkan Allah di dunia dan di Akhirat dan Allah menyediakan untuk mereka 'azab yang amat menghinakan."(57)

Dosa Menyakiti Rasulullah s.a.w.

Erti selawat Allah ke atas Nabi ialah Allah memujinya di alam al-Mala'ul-A'la, dan erti selawat malaikat ialah mereka mendo'akannya di sisi Allah S.W.T. Alangkah tingginya martabat beliau! Seluruh pelusuk alam buana adalah bergema dengan sanjungan Allah terhadapnya iaitu sanjungan azali, qadim dan kekal abadi. Tidak ada ni'mat dan penghormatan yang lebih tinggi dari ni'mat dan penghormatan ini. Ke manakah perginya selawat dan taslim manusia selepas selawat dan taslim dari Allah Yang Maha Tinggi dan selawat dan taslim dari para malaikat di alam al-Mala'ul-A'la? Sesungguhnya Allah bertujuan untuk memberi penghormatan kepada para Mu'minin dengan menyuruh mereka turut berselawat dan bertaslim kepada Nabi bersama-sama selawat dan taslim dari Allah, kerana Allah mahu menghubungkan mereka melalui selawat dengan kemuncak Yang Maha Tinggi, Maha Mulia, azali dan qadim.

Di bawah bayang sanjungan Ilahi yang tinggi itu nampaklah betapa keji dan terkutuknya perbuatan mereka yang menyakiti Nabi s.a.w.:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُؤۡذُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ لَعَنَهُمُ ٱللَّهُ فِي ٱلدُّنۡيَا
وَٱلۡأٓخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمۡ عَذَابٗا مُّهِينٗا ٥٧

"Sesungguhnya orang-orang yang menyakiti Allah dan Rasul-Nya akan dila'natkan Allah di dunia dan di Akhirat dan Allah menyediakan untuk mereka 'azab yang amat menghinakan."(57)

Seolah-olah perbuatan itu, menyakiti Allah. Mereka tidak berkuasa menyakiti Allah, cuma ungkapan ini menggambarkan kepekaan perbuatan menyakiti Rasul-Nya, alangkah kejinya perbuatan itu.

Kemudian Al-Qur'an beralih pula kepada perbuatan menyakiti orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan umumnya, iaitu menyakiti mereka dengan membuat pembohongan-pembohongan dan memalitkan mereka dengan keaiban-keaiban yang tidak ada pada mereka:

وَٱلَّذِينَ يُؤۡذُونَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتِ بِغَيۡرِ
مَا ٱكۡتَسَبُواْ فَقَدِ ٱحۡتَمَلُواْ بُهۡتَٰنٗا وَإِثۡمٗا
مُّبِينٗا ٥٨

"Dan orang-orang yang menyakiti orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan tanpa kesalahan yang telah dilakukan mereka, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan melakukan pembohongan dan dosa yang amat nyata."(58)

Dosa Menyakiti Orang-orang Islam

Pernyataan yang berat ini menunjukkan bahawa di Madinah pada masa itu terdapat sekumpulan manusia yang mengaturkan rancangan-rancangan jahat terhadap orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan dengan menyebarkan fitnah-fitnah yang keji terhadap mereka, merancangkan pakatan-pakatan jahat dan menghebohkan berbagai-bagai tuduhan dusta terhadap mereka. Sebenarnya kumpulan yang seperti ini terdapat di setiap zaman dan tempat. Orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan sentiasa terdedah kepada kegiatan-kegiatan tipu daya seperti ini di dalam setiap masyarakat yang ditimbulkan oleh kumpulan orang-orang yang jahat dan menyeleweng, oleh kumpulan Munafiqin dan kumpulan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka. Allah sendiri akan membalaskan tipu daya mereka yang jahat itu dan Allah telah mengecapkan musuh-musuh

kaum Muslimin itu sebagai pendosa-pendosa dan pendusta. Allah itulah sebenar-benar yang berkata.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 59)

Kemudian Allah memerintah Nabi-Nya s.a.w. supaya menyuruh para isterinya, anak-anaknya dan sekalian perempuan Islam apabila mereka keluar menunaikan hajat mereka supaya menutupkan tubuh badan, kepala dan bahagian lubang dada pada baju mereka dengan baju kurung yang menutup semuanya agar dengan pakaian ini dapat membezakan mereka dari perempuan-perempuan yang lain dan menjadikan mereka aman dari gangguan-gangguan lelaki-lelaki yang jahat, kerana dengan pengenalan syakhsiyah dan sopan santun mereka boleh menimbulkan rasa silu malu dan segan di dalam hati lelaki-lelaki yang selalu mengikuti perempuan untuk mengganggu dan mempermain-mainkan mereka:

Berpakaian Kemas Dan Sopan Untuk Menghindari Gangguan Lelaki Hidung Belang

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّأَزۡوَٰجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَآءِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ يُدۡنِينَ عَلَيۡهِنَّ مِن جَلَٰبِيبِهِنَّۚ ذَٰلِكَ أَدۡنَىٰٓ أَن يُعۡرَفۡنَ فَلَا يُؤۡذَيۡنَۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورٗا رَّحِيمٗا ﴿٥٩﴾

"Wahai Nabi! Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman supaya mereka melabuhkan baju kurung mereka menutupkan seluruh tubuhnya (semasa keluar), cara yang demikian lebih mudah mereka dapat dikenali dan kerana itu mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(59)

Ujar as-Suddi mengenai ayat ini: Ada orang-orang fasiq dari penduduk Madinah keluar di waktu malam ketika diselubungi gelita. Mereka merayau di jalan-jalan mengganggu perempuan. Rumah-rumah kediaman penduduk Madinah di masa itu adalah sempit belaka, oleh kerana itu apabila masuk waktu malam perempuan keluar ke tengah jalan kerana menunaikan hajat mereka. Inilah yang ditunggu-tunggu oleh orang-orang yang fasiq itu. Apabila mereka melihat perempuan yang memakai baju kurung yang menutup semua badan, mereka berkata: Ini perempuan merdeka, jangan ganggu dia. Dan apabila mereka melihat perempuan yang tidak memakai baju kurung itu, mereka terus berkata: Ini perempuan hamba, lalu mereka menyerbu menangkapnya....

Ujar. Mujahid: Apabila mereka memakai baju kurung yang menutup semua badan itu mereka dikenali sebagai perempuan-perempuan yang merdeka dan mereka tidak diganggu orang-orang yang fasiq dengan perbuatan yang menyakiti mereka dan menimbulkan fitnah keraguan terhadap mereka. Firman Allah:

وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورٗا رَّحِيمٗا ﴿٥٩﴾

"Dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(59)

Yakni Maha Pengampun terhadap dosa-dosa yang telah lepas di masa jahiliyah, kerana mereka belum lagi mengetahui dosa-dosa itu.

Dari sini dapatlah kita melihat usaha-usaha Islam yang tidak berkeputusan untuk membersihkan masyarakat Arab, di samping bimbingan-bimbingan yang berterusan untuk menghapuskan segala punca-punca fitnah dan kacau-bilau dan membendungnya dalam lingkungan yang paling sempit sebelum adat-adat Islamiyah dapat menguasai sekalian warga masyarakat Islam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 60 - 62)

Pada akhirnya Al-Qur'an mengancam kaum Munafiqin dan golongan yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka, juga golongan yang menyebarkan khabar-khabar angin yang menggemparkan di dalam barisan masyarakat Islam. Mereka diancam iaitu andainya mereka tidak berhenti dari perbuatan-perbuatan itu dan dari tindakan-tindakan mereka menyakiti orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan dan masyarakat Islam umumnya bahawa Allah akan mendorong Nabi-Nya menakluk mereka sebagaimana beliau menaklukkan orang-orang Yahudi sebelum ini untuk membersihkan suasana Madinah dari mereka dan mengusir mereka dari negeri itu, juga Allah akan menghalalkan darah mereka, dan di mana sahaja mereka dijumpai, mereka akan ditangkap dan dibunuh. Itulah Sunnatullah yang telah berlaku kepada kaum Yahudi sebelum mereka di tangan Nabi s.a.w. dan kepada kaum-kaum lain yang bukan Yahudi yang menjadi pengacau-pengacau di bumi di abad-abad yang silam:

لَّئِن لَّمۡ يَنتَهِ ٱلۡمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٞ وَٱلۡمُرۡجِفُونَ فِي ٱلۡمَدِينَةِ لَنُغۡرِيَنَّكَ بِهِمۡ ثُمَّ لَا يُجَاوِرُونَكَ فِيهَآ إِلَّا قَلِيلٗا ﴿٦٠﴾ مَّلۡعُونِينَۖ أَيۡنَمَا ثُقِفُوٓاْ أُخِذُواْ وَقُتِّلُواْ تَقۡتِيلٗا ﴿٦١﴾ سُنَّةَ ٱللَّهِ فِي ٱلَّذِينَ خَلَوۡاْ مِن قَبۡلُۖ وَلَن تَجِدَ لِسُنَّةِ ٱللَّهِ تَبۡدِيلٗا ﴿٦٢﴾

"Sekiranya orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka dan orang-orang yang menyebarkan khabar angin di Madinah itu tidak

berhenti (dari menyakitimu), nescaya Kami akan dorongkan engkau memerangi mereka dan sesudah itu mereka tidak akan tinggal berjiran denganmu lagi di Madinah melainkan hanya sebentar sahaja (60). Mereka sentiasa dila'nat, dan di mana sahaja mereka dijumpai, mereka akan ditangkap dan dibunuh dengan sedahsyat-dahsyatnya (61). (Demikianlah) mengikut Sunnatullah yang berlaku ke atas orang-orang yang terdahulu sebelum engkau, dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan dalam Sunnatullah itu."(62)

Dari ancaman yang tegas ini dapatlah kita memahami sejauh mana kekuatan kaum Muslimin di Madinah selepas terhapusnya Bani Qurayzah dan sejauh mana kekuasaan kerajaan Islam menguasai Madinah. Sejak itu kaum Munafiqin menyembunyikan kepala mereka dan bergiat di dalam sulit merancangkan tipu muslihat mereka yang jahat. Mereka tidak dapat muncul kerana terancam dan takut:

(Kumpulan ayat-ayat 63 - 73)

يَسْـَٔلُكَ ٱلنَّاسُ عَنِ ٱلسَّاعَةِ ۖ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ ٱللَّهِ ۚ
وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ ٱلسَّاعَةَ تَكُونُ قَرِيبًا ﴿٦٣﴾
إِنَّ ٱللَّهَ لَعَنَ ٱلْكَـٰفِرِينَ وَأَعَدَّ لَهُمْ سَعِيرًا ﴿٦٤﴾
خَـٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۖ لَّا يَجِدُونَ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٦٥﴾
يَوْمَ تُقَلَّبُ وُجُوهُهُمْ فِى ٱلنَّارِ يَقُولُونَ يَـٰلَيْتَنَآ أَطَعْنَا
ٱللَّهَ وَأَطَعْنَا ٱلرَّسُولَا۠ ﴿٦٦﴾
وَقَالُوا۟ رَبَّنَآ إِنَّآ أَطَعْنَا سَادَتَنَا وَكُبَرَآءَنَا فَأَضَلُّونَا
ٱلسَّبِيلَا۠ ﴿٦٧﴾
رَبَّنَآ ءَاتِهِمْ ضِعْفَيْنِ مِنَ ٱلْعَذَابِ وَٱلْعَنْهُمْ لَعْنًا
كَبِيرًا ﴿٦٨﴾
يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ ءَاذَوْا۟ مُوسَىٰ
فَبَرَّأَهُ ٱللَّهُ مِمَّا قَالُوا۟ ۚ وَكَانَ عِندَ ٱللَّهِ وَجِيهًا ﴿٦٩﴾
يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَقُولُوا۟ قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾
يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَـٰلَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَن
يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾
إِنَّا عَرَضْنَا ٱلْأَمَانَةَ عَلَى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ
وَٱلْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَن يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا
ٱلْإِنسَـٰنُ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾
لِّيُعَذِّبَ ٱللَّهُ ٱلْمُنَـٰفِقِينَ وَٱلْمُنَـٰفِقَـٰتِ وَٱلْمُشْرِكِينَ
وَٱلْمُشْرِكَـٰتِ وَيَتُوبَ ٱللَّهُ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَـٰتِ ۗ
وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًۢا ﴿٧٣﴾

"Manusia bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang (kedatangan) hari Qiamat, katakanlah: Ilmu tentang hari Qiamat itu hanya ada di sisi Allah sahaja. Apakah engkau tahu? Barangkali Qiamat itu sudah dekat (63). Sesungguhnya Allah telah mela'natkan orang-orang kafir dan menyediakan untuk mereka Neraka yang marak menjulang (64). Mereka kekal abadi di dalamnya. Mereka tidak akan mendapat sesiapa pun menjadi pelindung dan penolong (mereka) (65). Pada hari muka mereka dibalik-balikkan di dalam api Neraka, mereka berkata (menyesal): Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul (66). Dan mereka berkata lagi: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua-ketua dan pembesar-pembesar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar (67). Wahai Tuhan kami! Berikan mereka 'azab seksa dua kali ganda dan la'natkan mereka dengan sebesar-besar la'nat (68). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadi seperti orang-orang (Yahudi) yang menyakiti Musa, lalu Allah membersihkannya dari segala tohmahan yang dikatakan mereka, dan dia adalah seorang yang mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah (69). Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan bercakaplah dengan percakapan yang benar (70). Agar Allah memperbaiki amalan-amalan kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan sesiapa yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah berjaya mencapai kemenangan yang amat besar (71). Sesungguhnya kami telah menawarkan amanah Kami kepada langit dan bumi dan gunung-ganang (tetapi) mereka semua enggan memikulnya dan takut kepadanya dan hanya manusia yang sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia adalah amat zalim dan amat jahil (72). Kerana Allah hendak mengazabkan orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan dan orang-orang Musyrikin lelaki dan perempuan, juga kerana Allah hendak menerima taubat dari orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan. Dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(73)

Di dalam pelajaran akhir surah ini dikemukakan cerita orang-orang yang bertanya tentang hari Qiamat dan permintaan mereka supaya disegerakan kedatangan hari itu, juga tentang keraguan mereka mengenai hari itu. Untuk menjawab pertanyaan itu Al-Qur'an memulangkan perkara hari Qiamat itu kepada Allah dan mengingatkan mereka tentang kemungkinan dekatnya kedatangan hari itu dan kemungkinan mereka dilanda Qiamat secara mengejut. Kemudian ditayangkan pula satu

pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang tidak menenangkan orang-orang yang menuntut disegerakan kedatangannya, iaitu hari muka mereka dibalik-balikkan di dalam api Neraka dan hari mereka menyesal kerana tidak ta'atkan Allah dan Rasul-Nya, juga hari mereka menuntut supaya Allah mengenakan 'azab seksa dua kali ganda ke atas ketua-ketua dan pembesar-pembesar mereka. Itulah satu pemandangan yang menakutkan yang tidak wajar diminta agar segerakan, kemudian Al-Qur'an membawa mereka kembali dari pemandangan di alam Akhirat ini ke alam bumi sekali lagi. Ia membawa mereka balik semula untuk memperlihatkan orang-orang yang beriman supaya jangan jadi seperti kaum Musa yang telah menyakiti dan membuat tuduhan-tuduhan yang jahat terhadap beliau, lalu Allah membersihkan beliau dari tuduhan-tuduhan mereka. Perbuatan ini nampaknya dituju untuk memberi jawapan kepada satu peristiwa yang telah berlaku. Mungkin peristiwa itu ialah perbualan setengah mereka yang menyindir perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan Zainab yang dianggap mereka sebagai bertentangan dengan adat resam orang-orang Arab. Seterusnya Al-Qur'an menyeru orang-orang yang beriman supaya mengeluarkan percakapan-percakapan yang benar, lurus, jauh dari menyindir-nyindir dan membuat tuduhan-tuduhan yang memalukan agar Allah memperbaiki amalan-amalan mereka dan mengampunkan dosa mereka serta membuat hati mereka kasih melakukan keta'atan kepada Allah dan Rasul-Nya dan menjanjikan mereka dengan keberuntungan yang amat besar.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan kenyataan yang amat besar dan mendalam iaitu kenyataan mengenai amanah Allah yang menakutkan langit, bumi dan gunung-ganang untuk memikulnya, lalu dipikul oleh makhluk insan, sedangkan amanah itu amat besar dan berat. Ini ialah untuk menyempurnakan kehendak tadbir Allah dalam mengatur balasan terhadap amalan dan menghisabkan manusia terhadap buruk baik yang dipilih olehnya:

لِّيُعَذِّبَ ٱللَّهُ ٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱلْمُنَٰفِقَٰتِ وَٱلْمُشْرِكِينَ وَٱلْمُشْرِكَٰتِ وَيَتُوبَ ٱللَّهُ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًۢا ﴿٧٣﴾

"Kerana Allah hendak mengazabkan orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan dan orang-orang Musyrikin lelaki dan perempuan, juga kerana Allah hendak menerima taubat dari orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan. Dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(73)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 63)

Bilakah Hari Qiamat ?

يَسْـَٔلُكَ ٱلنَّاسُ عَنِ ٱلسَّاعَةِ ۖ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ ٱلسَّاعَةَ تَكُونُ قَرِيبًا ﴿٦٣﴾

"Manusia bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang (kedatangan) hari Qiamat, katakanlah: Ilmu tentang hari Qiamat itu hanya ada di sisi Allah sahaja. Apakah engkau tahu? Barangkali Qiamat itu sudah dekat."(63)

Mereka tak berhenti-henti bertanya kepada Rasulullah s.a.w. mengenai hari Qiamat yang dijelas dan diancamkan kepada mereka sekian lama. Al-Qur'an telah memerikan pemandangan-pemandangan hari Qiamat itu dengan panjang lebar sehingga pembacanya seolah-olah melihat Qiamat itu dengan mata kepalanya. Mereka bertanya beliau tentang masa kedatangannya dan meminta supaya masa itu disegerakan. Desakan mereka supaya Qiamat itu disegerakan membayangkan keraguan dan pendustaan mereka terhadap kebenaran hari ini atau membayangkan sendaan mereka terhadapnya mengikut masing-masing penanyanya itu dan mengikut jauh dekat mereka kepada keimanan.

Hari Qiamat itu adalah dari urusan ghaib yang terpulang kepada Allah S.W.T. sahaja. Allah tidak berkehendak sesiapa pun dari para makhluknya mengetahui masa kedatangan hari Qiamat ini termasuk para rasul dan para malaikat yang muqarrabin sendiri. Tersebut di dalam sebuah hadith yang menjelaskan hakikat iman dan Islam: Dari Abdullah ibn Umar r.a. katanya: Saya telah diceritakan oleh bapa saya Umar ibn al-Khattab r.a. katanya: Sedang kami sekalian duduk di sisi Rasulullah s.a.w. tiba-tiba muncul kepada kami seorang lelaki yang memakai baju yang sangat putih dan mempunyai rambut yang sangat hitam. Tidak ternampak padanya kesan-kesan persafiran dan tiada seorang pun yang mengenalinya hingga dia duduk di hadapan Rasulullah s.a.w. Dia mempertemukan kedua lututnya dengan dua lutut beliau dan meletakkan dua tangannya di atas pahanya lalu berkata: Wahai Muhammad! Ceritakan kepada aku tentang Islam. Jawab beliau: "Islam itu ialah engkau mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan hanya Allah dan bahawa Muhammad itu hamba-Nya dan Rasul-Nya, engkau mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan, mengunjungi Baitullah jika engkau berkuasa berjalan kepadanya. "Kata orang itu: "Cakap engkau itu benar. "Kami sekalian merasa aneh kerana dia yang bertanya kemudian dia pula yang membenarkannya. Kemudian orang itu berkata lagi: "Ceritakan kepadaku tentang iman."Jawab beliau: "Iman itu ialah engkau percaya kepada Allah, kepada malaikat-Nya, kepada kitab-kitab suci-Nya, kepada rasul-rasul-Nya dan kepada hari Akhirat, juga engkau percaya kepada qadha qadar Allah, baiknya dan buruknya." Kata orang itu:

"Cakap engkau itu benar." Kemudian dia berkata lagi: "Ceritakan kepada aku tentang ihsan."Jawab beliau: "Ihsan itu ialah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya dan jika engkau tidak melihat-Nya, maka Allah melihat engkau." Kemudian dia berkata lagi: "Ceritakan kepada aku tentang Qiamat."Jawab beliau: "Masakan orang yang ditanya itu lebih tahu dari orang yang bertanya....... (hingga akhir hadith).... Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya orang tadi ialah Jibril a.s. Dia datang untuk mengajar kepada kamu agama kamu".

Orang yang ditanya ialah Rasulullah s.a.w. dan orang yang bertanya ialah Jibril a.s. kedua-duanya tidak mengetahui ilmu Qiamat.

قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ ٱللَّهِ

"Katakanlah: Ilmu tentang hari Qiamat itu hanya ada disisi Allah sahaja."(63)

Dialah sahaja yang mengetahuinya, sedangkan para hamba-Nya tiada siapa dari mereka yang mengetahui ilmu itu.

Allah telah menentukan begitu kerana sesuatu hikmat yang diketahuinya. Kita hanya dapat memahami sebahagian kecil dari hikmat itu, iaitu Allah mahukan manusia sentiasa berwaspada untuk menghadapi hari Qiamat, sentiasa mendugakan kedatangan dan sentiasa bersedia menghadapi kemungkinan Qiamat itu meletus secara mengejut. Inilah golongan manusia yang Allah kehendaki untuk memberi kebaikan kepada mereka dan mengisikan taqwa di dalam hati mereka. Adapun orang-orang yang lalai terhadap hari Qiamat dan tidak hidup pada setiap sa'at pun untuk menghadapinya, maka itulah orang-orang yang mengkhianati diri sendiri dan tidak memeliharanya dari api Neraka. Allah telah menerangkan Qiamat kepada mereka, mengingat dan memberi amaran kepada mereka dan menjadikan Qiamat itu suatu perkara ghaib yang majhul yang diduga mungkin berlaku pada bila-bila masa sahaja sama ada di waktu malam atau siang:

وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ ٱلسَّاعَةَ تَكُونُ قَرِيبًا ٦٣

"Apakah engkau tahu? Barangkali (masa kedatangan) Qiamat itu sudah dekat."(63)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 64 - 68)

إِنَّ ٱللَّهَ لَعَنَ ٱلْكَٰفِرِينَ وَأَعَدَّ لَهُمْ سَعِيرًا ٦٤
خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۖ لَّا يَجِدُونَ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ٦٥
يَوْمَ تُقَلَّبُ وُجُوهُهُمْ فِى ٱلنَّارِ يَقُولُونَ يَٰلَيْتَنَآ أَطَعْنَا
ٱللَّهَ وَأَطَعْنَا ٱلرَّسُولَا۠ ٦٦
وَقَالُوا۟ رَبَّنَآ إِنَّآ أَطَعْنَا سَادَتَنَا وَكُبَرَآءَنَا فَأَضَلُّونَا
ٱلسَّبِيلَا۠ ٦٧
رَبَّنَآ ءَاتِهِمْ ضِعْفَيْنِ مِنَ ٱلْعَذَابِ وَٱلْعَنْهُمْ لَعْنًا
كَبِيرًا ٦٨

"Sesungguhnya Allah telah mela'natkan orang-orang kafir dan menyediakan untuk mereka Neraka yang marak menjulang (64). Mereka kekal abadi di dalamnya. Mereka tidak akan mendapat sesiapa pun menjadi pelindung dan penolong (mereka) (65). Pada hari muka mereka dibalik-balikkan di dalam api Neraka, mereka berkata (menyesal): Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul (66). Dan mereka berkata lagi: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua-ketua dan pembesar-pembesar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar (67). Wahai Tuhan kami! Berikan mereka 'azab seksa dua kali ganda dan la'natkan mereka dengan sebesar-besar la'nat."(68)

Mereka bertanya tentang hari Qiamat dan inilah salah satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat:

إِنَّ ٱللَّهَ لَعَنَ ٱلْكَٰفِرِينَ وَأَعَدَّ لَهُمْ سَعِيرًا ٦٤

"Sesungguhnya Allah telah mela'natkan orang-orang kafir dan menyediakan untuk mereka Neraka yang marak menjulang."(64)

Allah mengusir orang-orang kafir dari rahmat-Nya dan Allah menyediakan untuk mereka Neraka yang bernyala-nyala dan marak menjulang. Neraka itu telah pun siap disediakan.

خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۖ لَّا يَجِدُونَ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ٦٥

"Mereka kekal abadi di dalamnya. Mereka tidak akan mendapat sesiapa pun menjadi pelindung dan penolong (mereka)."(65)

Mereka kekal di dalam Neraka sepanjang masa. Tiada siapa yang mengetahui batasnya melainkan Allah dan tiada siapa yang tahu penghabisannya melainkan ilmu Allah mengikut kehendak masyi'ah-Nya. Mereka tidak akan mendapat pertolongan dari sesiapa pun. Oleh itu mereka tidak mempunyai sebarang harapan untuk tertepas dari api Neraka dengan pertolongan dari mana-mana pelindung dan penolong:

لَّا يَجِدُونَ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ٦٥

"Mereka tidak akan mendapat sesiapa pun menjadi pelindung dan penolong mereka."(65)

Adapun pemandangan mereka yang sedang berada di dalam 'azab Neraka ini pula merupakan satu pemandangan yang amat pedih:

يَوْمَ تُقَلَّبُ وُجُوهُهُمْ فِى ٱلنَّارِ يَقُولُونَ يَٰلَيْتَنَآ أَطَعْنَا

ٱللَّهَ وَأَطَعۡنَا ٱلرَّسُولَا۠ ﴿٦٦﴾

"Pada hari muka mereka dibalik-balikkan di dalam api Neraka, mereka berkata (menyesal): Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul."(66)

Yakni api Neraka meliputi mereka dari segenap penjuru. Ungkapan ini bertujuan menggambarkan betapa dahsyatnya gerakan api Neraka yang bernyala-nyala itu menyelar setiap ruang muka mereka untuk menambahkan keseksaan mereka.

يَقُولُونَ يَٰلَيۡتَنَآ أَطَعۡنَا ٱللَّهَ وَأَطَعۡنَا ٱلرَّسُولَا۠ ﴿٦٦﴾

"Mereka berkata (menyesal): Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul."(66)

Itulah angan-angan mereka yang sia-sia, angan-angan yang bukan pada tempatnya dan angan-angan yang tidak akan dilayan. Masanya telah luput. Itu hanya penyesalan terhadap apa yang telah berlaku!

Kemudian keluarlah dari hati mereka rasa dendam terhadap ketua-ketua dan pembesar-pembesar yang telah menyesatkan mereka dan mereka benar-benar ingin kembali kepada Allah Yang Maha Esa, tetapi perkembalian itu tidak berguna lagi:

وَقَالُواْ رَبَّنَآ إِنَّآ أَطَعۡنَا سَادَتَنَا وَكُبَرَآءَنَا فَأَضَلُّونَا ٱلسَّبِيلَا۠ ﴿٦٧﴾

"Dan mereka berkata lagi: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua-ketua dan pembesar-pembesar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar."(67)

Inilah yang dikatakan hari Qiamat. Apa guna bertanya tentang hari ini? Hanya amalan yang soleh sahaja yang dapat menyelamatkan seseorang dari nasib kesudahan yang amat malang itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 69 - 71)

Amaran Keras Kepada Penyebar-penyebar Fitnah Dan Khabar Angin

Jelaslah bahawa perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan Zainab binti Jahsy r.a. bertentangan dengan adat resam jahiliyah, iaitu adat yang mahu dihapuskan Islam dengan menunjukkan contoh secara amali, jelaslah bahawa perkahwinan ini tidak berlangsung dengan mudah dan selesa. Ramai orang-orang Munafiqin, orang-orang yang berpenyakit di dalam hati dan orang-orang yang belum mempunyai kefahaman Islam yang teguh dan jelas di dalam hati mereka melepaskan kata-kata menggiat, menyindir, mengejek-ngejek, membantah, membisik-bisik, menghasut dan mengeluarkan percakapan-percakapan yang amat keji.

Orang-orang Munafiqin dan penyebar-penyebar khabar angin tidak pernah diam, malah mereka mengambil apa sahaja kesempatan untuk menaburkan racun-racun mereka sebagaimana kita telah lihat gelagat mereka dalam Peperangan Ahzab, dalam peristiwa fitnah dusta terhadap Siti 'Aisyah r.a., dalam peristiwa pembahagian harta fai' dan dalam setiap kejadian untuk menyakiti Nabi s.a.w. tanpa suatu alasan yang benar.

Di Madinah pada masa ini, iaitu selepas pengusiran Bani Qurayzah dan semua orang-orang Yahudi, tidak terdapt lagi orang-orang yang berterus terang memperlihatkan kekafiran mereka kerana seluruh penduduknya telah menjadi orang-orang Islam belaka sama ada orang-orang Islam yang benar atau orang-orang Islam Munafiqin. Golongan Munafiqinlah yang menyebarkan khabar-khabar angin dan cerita-cerita dusta yang menyebabkan setengah-setengah orang Islam termasuk di dalam perangkap mereka dan menurut mereka percaya kepada setengah-setengah khabar angin yang ditaburkan mereka. Oleh kerana itu turunlah ayat-ayat Al-Qur'an mengingatkan mereka supaya jangan menyakiti Nabi s.a.w. sebagaimana yang telah dilakukan oleh Bani Israel terhadap nabi mereka Musa a.s. Al-Qur'an memerintah mereka supaya bercakap benar dan lurus bukan bercakap serampangan tanpa usu periksa dan teliti. Al-Qur'an menggalakkan mereka supaya ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya untuk mendapat keberuntungan yang amat besar:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَكُونُواْ كَٱلَّذِينَ ءَاذَوۡاْ مُوسَىٰ فَبَرَّأَهُ ٱللَّهُ مِمَّا قَالُواْۚ وَكَانَ عِندَ ٱللَّهِ وَجِيهٗا ﴿٦٩﴾ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَقُولُواْ قَوۡلٗا سَدِيدٗا ﴿٧٠﴾ يُصۡلِحۡ لَكُمۡ أَعۡمَٰلَكُمۡ وَيَغۡفِرۡ لَكُمۡ ذُنُوبَكُمۡۗ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدۡ فَازَ فَوۡزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadi seperti orang-orang (Yahudi) yang menyakiti Musa lalu Allah membersihkannya dari segala tohmah yang dikatakan mereka dan dia adalah seorang yang mempnyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah (69). Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan bercakaplah dengan percakapan yang benar (70). Agar Allah memperbaiki amalan-amalan kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan sesiapa yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah berjaya mencapai kemenangan yang amat besar."(71)

Al-Qur'an tidak menjelaskan jenis perbuatan yang menyakiti Nabi Musa itu, tetapi ada riwayat-riwayat yang menentukannya, tetapi kami berpendapat kita tidak perlu bersusa payah membincangkan sesuatu yang diterangkan Al-Qur'an secara umum sahaja, kerana tujuan Allah di sini ialah untuk mengingatkan

orang-orang yang beriman dari melakukan apa sahaja perbuatan yang menyakiti Nabi s.a.w. Allah telah membuat perbandingan dengan Bani Israel sebagai contoh penyelewengan di berbagai-bagai tempat di dalam Al-Qur'an. Oleh itu cukuplah di sini Allah menyebut perbuatan mereka yang menyakiti nabi mereka dan mengingatkan kaum Muslimin supaya jangan mengikut perbuatan mereka dan supaya hati setiap Mu'min benci menjadi seperti Bani Israel yang suka menyeleweng itu, iaitu satu umat yang telah dijadikan Al-Qur'an sebagai contoh manusia yang suka menyeleweng dengan cara yang amat jelas.

Allah telah membersihkan Musa dari segala tuduhan yang dilemparkan kaumnya:

وَكَانَ عِندَ ٱللَّهِ وَجِيهًا ﴿٦٩﴾

"Dia adalah seorang yang mempunyai kedudukan yang tinggi."(69)

Allah sentiasa membersihkan para rasul-Nya dari segala tohmah yang tidak benar dan tentulah Muhammad s.a.w. selaku Rasul yang paling utama lebih wajar lagi mendapat pembersihan dan pembelaan dari Alah.

Al-Qur'an menyuruh orang-orang yang beriman supaya bercakap benar, lurus, teliti dan cermat. Mereka pastilah lebih dahulu mengetahui tujuan sesuatu percakapan itu sebelum mereka terikut-ikut kepada gembar-gembur orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang suka menyebarkan khabar-khabar angin itu. Mereka pastilah berhati-hati sebelum mendengar tuduhan-tuduhan liar, sesat dan bertujuan jahat terhadap Nabi dan pemimpin mereka. Al-Qur'an memerintah orang-orang yang beriman supaya mendengar percakapan yang baik yang membawa kepada amalan yang salih. Allah S.W.T. sentiasa memelihara orang-orang yang bercakap benar, memimpin jejak langkah mereka dan memperbaiki amalan-amalan mereka sebagai balasan atas sikap mereka yang bercakap benar dan hemat. Allah S.W.T. memberi keampunan kepada orang yang mengeluarkan percakapan-percakapan yang baik dan mengerjakan amalan-amalan yang salih. Allah S.W.T. menghapuskan dosa yang tidak dapat dihindari manusia yang banyak membuat kesilapan-kesilapan itu. Tiada yang dapat menyelamatkan mereka dari dosa-dosa itu melainkan keampunan dan kema'afan dari Allah.

وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

"Dan sesiapa yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah berjaya mencapai kemenangan yang amat besar."(71)

Keta'atan itu sendiri merupakan satu keberuntungan yang amat besar. Keta'atan ialah berjalan lurus dan tetap teguh di atas jalan Allah dan sikap berjalan lurus di atas jalan Allah melahirkan ketenteraman jiwa. Mendapat jalan hidayat yang lurus, jelas dan menyampaikan kepada Allah itu sendiri merupakan sesuatu kebahagiaan sekalipun tidak mendapat apa-apa ganjaran yang lain selain darinya. Orang yang berjalan di jalan yang baik dan terang, sedangkan makhluk-makhluk Allah di sekelilingnya pula menunjukkan sikap saling mesra dan kerjasama adalah tidak sama dengan orang yang berjalan di jalan yang lopak-lopak dan gelap, sedangkan makhluk-makhluk Allah di sekelilingnya pula menunjukkan sikap permusuhan dan bertindak menyakitinya. Oleh sebab itu keta'atan kepada Allah dan Rasul-Nya merupakan satu sikap yang membawa ganjaran di dalam dirinya sendiri. Itulah keberuntungan yang amat besar sebelum hari hisab dan sebelum mencapai ni'mat Akhirat. Adapun ni'mat-ni'mat Akhirat, maka ia merupakan pemberian dan kurnia tambahan di atas ganjaran keta'atan itu, iaitu limpah kurnia Allah yang diberikan tanpa sesuatu tukaran. Dan sesungguhnya Allah memberi rezeki tanpa terkira kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 72 - 73)

Pemberian yang seperti itu barang kali kerana Allah memandang kepada kelemahan makhluk insan ini, memandang kepada tanggungjawab yang amat besar yang dipikul di atas bahunya, memandang kepada amanah yang ditanggung olehnya iaitu amanah yang tidak sanggup dipikul oleh langit, bumi dan gunung-ganang, tetapi manusia sahaja yang sanggup memikulnya, sedangkan dirinya begitu lemah, sentiasa ditekan oleh nafsu keinginan, ditekan oleh berbagai-bagai kecenderungan dan kegemaran di samping ilmu pengetahuannya yang terbatas, umurnya yang terhad dan halangan-halangan zaman dan ruang. Dia juga tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang sempurna dan tidak dapat melihat sesuatu yang berada di sebalik tabir-tabir tempat dan zaman:

Makhluk Insan Sahaja Yang Sanggup Memikul Amanah Tanggungjawab

إِنَّا عَرَضْنَا ٱلْأَمَانَةَ عَلَى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ
وَٱلْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَن يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا
ٱلْإِنسَٰنُ إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah menawarkan amanah Kami kepada langit dan bumi dan gunung-ganang (tetapi) mereka semua enggan memikulnya dan takut kepadanya dan hanya manusia yang sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia adalah amat zalim dan amat jahil."(72)

Langit bumi dan gunung-ganang merupakan makhluk-makhluk yang amat besar, sedangkan manusia yang hidup di atasnya atau di hadapannya merupakan satu makhluk yang amat kecil. Makhluk-makhluk yang besar itu mengenal Allah Penciptanya

tanpa sebarang usaha dan mengenal undang-undang Allah yang mengendalinya dengan tabi'at kejadiannya, dengan strukturnya dan peraturannya sahaja. Makhluk-makhluk ini mematuhi undang-undang Allah dengan kepatuhan secara langsung tanpa tilik fikir dan tanpa wasitah. Ia beredar di tempat peredarannya menurut uadang-undang Allah dengah tekun, tidak pernah jemu dan tidak pernah mungkir walaupun kurang dari sesa'at. Ia menunaikan tugasnya dengan tabi'at kejadian semulajadinya sahaja tanpa kesedaran dan pilihan.

Matahari beredar dalam lingkungan peredarannya dengan teratur rapi tidak pernah mungkir selama-lamanya. Ia menyorokkan cahayanya memenuhi kewajipan yang telah ditetapkan Allah kepadanya. Ia menarik planet-planet yang mengikutnya tanpa kehendak dan kemahuannya dan dengan itu ia menunaikan peranannya di alam ini dengan sempurna.

Bumi juga beredar dalam lingkungan peredarannya. Ia mengeluarkan tanaman-tanamannya, menyediakan makanan-makanan kepada penghuninya, menanamkan mana-mana penghuninya yang mati dan memancurkan matair-matairnya mengikut undang-undang Allah tanpa kehendak dan kemahuannya sendiri.

Bulan, bintang-bintang, planet-planet, angin, awan, udara, air, gunung-ganang dan gaung-gaung semuanya berjalan mengikut tabi'atnya dengan perintah Ilahi. Semuanya mengenal Allah yang menciptakannya dan ta'at kepada kehendak Allah tanpa usaha dan susah payah. Semuanya takut dari memikul amanah tanggungjawab, amanah mengenal diri dan amanah melaksanakan usaha yang tertentu.

وَحَمَلَهَا ٱلْإِنسَـٰنُ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

"Dan hanya manusia yang sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia adalah amat zalim dan amat jahil."(72)

Hanya manusia sahaja yang sanggup memikulnya, iaitu makhluk yang mengenal Allah dengan akal dan perasaannya dan mengenal undang-undang-Nya dengan fikiran dan penglihatannya, ia beramal mengikut undang-undang Allah dengan usaha dan tenaganya. Dia ta'at kepada Allah dengan kehendak dan kemahuannya dan berusaha menentang penyelewengan-penyelewengan dan keinginan-keinginan hawa nafsunya. Dalam setiap langkah ini, manusia bertindak dengan kemahuan dan fikirannya. Dia memilih jalannya dan mengetahui ke manakah jalan ini akan membawanya.

Itulah amanah yang amat besar yang dipikul oleh manusia, satu makhluk yang kecil, tidak kuat, lemah daya tenaganya, terbatas umur dan sentiasa ditentang dan diganggu gugat oleh berbagai-bagai keinginan hawa nafsu, berbagai-bagai kegemaran, kecenderungan dan tamak haloba.

Manusia mengadu untung nasibnya memikul tanggungjawab yang amat berat ini, kerana itu dia disifatkan sebagai "ظلوما" yakni amat zalim kepada dirinya dan "جهولا" yakni amat jahil terhadap daya kemampuan dirinya. Ini adalah dilihat dari segi keberatan tugas yang hendak dipikul olehnya, tetapi apabila manusia berjaya melaksanakan tugas itu, berjaya mendapat ma'rifat yang menyampaikannya kepada Allah, berjaya mengikut undang-undang Allah secara langsung dan berjaya mematuhi kehendak Allah dengan sempurna iaitu ma'rifat, ikutan dan keta'atan yang pada tabi'atnya dan kesannya sampai kepada darjat keselesaan dan kesempurnaan ma'rifat, ikutan dan keta'atan langit, bumi dan gunung-ganang iaitu makhluk-makhluk yang mengenal Allah secara langsung, mengikut secara langsung dan ta'at secara langsung, tanpa halangan-halangan yang menyekat di antaranya dengan Allah, dengan undang-undang dan iradat-Nya, dan tanpa digagalkan oleh penyekat-penyekat yang menyekat dari mematuhi, menta'ati Allah dan dari menunaikan tugas-tugasnya ... apabila manusia berjaya sampai kepada darjat ini dengan penuh kesedaran, penuh fikiran dan kemahuan, maka bererti dia telah mencapai satu maqam yang amat tinggi dan unik di antara seluruh makhluk Allah yang lain.

Kemahuan, kefahaman, daya usaha dan sifat memikul tanggungjawab itulah sifat-sifat istimewa yang membezakan makhluk insan ini dari kebanyakan makhluk Allah yang lain. Itulah lunas penghormatan yang diisytiharkan Allah di alam al-Mala'ul-A'la dan (itulah lunas) Allah menyuruh para malaikat sujud kepada Adam. (Seterusnya itulah lunas) Allah mengumumkan penghormatan-Nya terhadap makhluk insan, di dalam kitab suci-Nya Al-Qur'an yang kekal:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِىٓ ءَادَمَ

"Sesungguhnya kami telah memuliakan anak-anak Adam."

(Surah al-Isra': 70)

Oleh itu manusia hendaklah mengenal pasti lunas-lunas kehormatan dan kemualiaannya di sisi Allah, dan hendaklah dia memikul amanah Allah yang telah dipilih olehnya, iaitu amanah yang tidak sanggup dipikul oleh langit, bumi dan gunung-ganang.

Semuanya itu berlaku kerana:

لِّيُعَذِّبَ ٱللَّهُ ٱلْمُنَـٰفِقِينَ وَٱلْمُنَـٰفِقَـٰتِ وَٱلْمُشْرِكِينَ وَٱلْمُشْرِكَـٰتِ وَيَتُوبَ ٱللَّهُ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَـٰتِ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًۢا ﴿٧٣﴾

"Kerana Allah hendak mengazabkan orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan dan orang-orang Musyrikin lelaki dan perempuan, juga kerana Allah hendak menerima taubat dari orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan. Dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(73)

Keistimewaan manusia memikul amanah Allah dan kesanggupannya mengenal Allah dengan usaha sendiri, mencari hidayat dengan usaha sendiri, beramal dengan usaha sendiri dan menuju kepada Allah dengan usaha sendiri itulah yang menyebabkan manusia wajar menanggung akibat pilihannya supaya balasannya setimpal dengan amalannya, supaya 'azab seksa Allah itu benar-benar wajar kepada seluruh orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan dan kepada seluruh orang-orang Musyrikin lelaki dan perempuan, dan supaya Allah memberi pertolongan kepada seluruh orang-orang Mu'minin lelaki dan perempuan serta menerima taubat mereka dari kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan mereka di bawah tekanan kelemahan dan kekurangan yang terdapat pada kejadian mereka juga akibat dari halangan-halangan yang terdapat di jalan hidup mereka dan akibat dari godaan-godaan yang menarik (dan memesongkan mereka). Itulah limpah kurnia Allah dan pertolongan-Nya dan Allah sentiasa memberi keampunan dan rahmat kepada hamba-Nya:

وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٧٣﴾

"Dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(73)

* * * * * *

Dengan pernyataan yang amat besar, penting dan mendalam inilah ditamatkan surah ini, iaitu satu surah yang dimulakan dengan perintah Allah kepada Rasulullah s.a.w. supaya ta'at kepada Allah dan jangan tunduk kepada orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin, juga supaya mengikut dan berpegang kepada wahyu Allah sahaja. Surah ini juga mengandungi arahan-arahan, undang-undang dan peraturan-peraturan yang menjadi landasan pentadbiran masyarakat Islam iaitu masyarakat yang tulus ikhlas kepada Allah, bertawajjuh kepada Allah dan ta'at kepada segala perintah dan arahan Allah.

Dengan nada pernyataan yang menggambarkan keberatan tanggungjawab dan amanah Allah dan menjelaskan lunas-lunas keberatan tanggungjawab itu, iaitu lunas-lunas yang terletak di atas kesanggupan manusia untuk mengenali Allah, untuk berpandu dengan undang-undang Allah dan untuk ta'at dan patuh kepada kehendak masyi'ah Allah .... dengan nada pernyataan inilah ditamatkan surah ini. Maka dengan itu tercapailah keselarasan dan keharmonian di antara permulaan surah dengan penghabisannya, di antara maudhu' surah dengan tujuannya, iaitu satu bentuk keselarasan yang amat menarik dan dengan sendirinya dapat menunjukkan ke arah sumber yang melahirkan kitab suci Al-Qur'an ini (iaitu Allah).

* * * * * *

JUZU' KE-22

SURAH SABA'

SURAH KE

34

سُورَةُ سَبَإٍ

SURAH SABA'

Surah Kaum Saba'

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

54

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 9)

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ
وَلَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَهُوَ ٱلْحَكِيمُ ٱلْخَبِيرُ ١
يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا ۚ وَهُوَ ٱلرَّحِيمُ ٱلْغَفُورُ ٢
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَأْتِينَا ٱلسَّاعَةُ ۖ قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّى
لَتَأْتِيَنَّكُمْ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ ۖ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ
فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَآ أَصْغَرُ مِن
ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرُ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ٣
لِّيَجْزِىَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ ۚ
أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ٤
وَٱلَّذِينَ سَعَوْ فِىٓ ءَايَٰتِنَا مُعَٰجِزِينَ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ
عَذَابٌ مِّن رِّجْزٍ أَلِيمٌ ٥
وَيَرَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن
رَّبِّكَ هُوَ ٱلْحَقَّ وَيَهْدِىٓ إِلَىٰ صِرَٰطِ ٱلْعَزِيزِ
ٱلْحَمِيدِ ٦
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ هَلْ نَدُلُّكُمْ عَلَىٰ رَجُلٍ يُنَبِّئُكُمْ
إِذَا مُزِّقْتُمْ كُلَّ مُمَزَّقٍ إِنَّكُمْ لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ ٧
أَفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَم بِهِۦ جِنَّةٌۢ ۗ بَلِ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ
بِٱلْءَاخِرَةِ فِى ٱلْعَذَابِ وَٱلضَّلَٰلِ ٱلْبَعِيدِ ٨
أَفَلَمْ يَرَوْا۟ إِلَىٰ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ
وَٱلْأَرْضِ ۚ إِن نَّشَأْ نَخْسِفْ بِهِمُ ٱلْأَرْضَ أَوْ نُسْقِطْ
عَلَيْهِمْ كِسَفًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً
لِّكُلِّ عَبْدٍ مُّنِيبٍ ٩

"Segala kepujian terpulang kepada Allah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan kepada-Nya terpulang segala kepujian di Akhirat. Dan Dialah yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar (1). Dia mengetahui segala apa yang masuk ke bumi dan segala apa yang keluar darinya, dan segala apa yang turun dari langit dan segala apa yang naik kepadanya. Dan Dialah Yang Maha Pengasih dan Maha Pengampun (2). Dan orang-orang kafir telah berkata: Hari Qiamat itu tidak akan datang kepada kita. Katakanlah (wahai Muhammad!): Bahkan ia tetap datang, demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib, Hari Qiamat itu pasti akan datang kepada kamu, tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya seberat zarrah yang ada di langit dan di bumi, dan tiada suatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang amat terang (3). Supaya Allah memberi balasan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih. Mereka sekalian akan mendapat keampunan dan rezeki yang mulia (4). Dan (sebaliknya) orang-orang yang berusaha menentang ayat-ayat Kami dan mencabar (Kami) mereka akan mendapat keseksaan dari jenis 'azab yang amat pedih (5). Dan orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan itu memang mengetahui bahawa Al-Qur'an yang diturunkan kepadamu itu adalah benar dan ia memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji (6). Dan orang-orang kafir telah berkata (mengejek): Mahukah kami tunjukkan kepada kamu seorang lelaki (Muhammad) yang memberitakan kepada kamu bahawa apabila (badan) kamu telah dihancurleburkan kamu akan dihidupkan kembali dalam bentuk kejadian yang baru? (7) Apakah dia mengadakan pendustaan terhadap Allah atau dia terkena penyakit gila? Bahkan sebenarnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu berada di dalam keseksaan dan kesesatan yang amat jauh (8). Apakah mereka tidak melihat kejadian-kejadian (yang terpampang) di hadapan dan di belakang mereka dari langit dan bumi? Jika Kami kehendaki nescaya Kami benamkan mereka ke dalam bumi atau Kami gugurkan serpihan-serpihan dari langit, sesungguhnya kejadian-kejadian sedemikian menjadi bukti bagi setiap hamba yang kembali kepada Allah."(9)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Maudhu'-maudhu' Surah Makkiyah ini ialah maudhu'-maudhu' yang mengenai 'aqidah yang pokok iaitu mentauhidkan Allah, beriman kepada wahyu dan percaya kepada kebangkitan semula di samping membetulkan setengah-setengah nilai asasi yang berkaitan dengan maudhu'-maudhu' 'aqidah yang pokok itu, juga menjelaskan bahawa hanya iman dan amal yang salih sahaja bukannya harta dan anak-anak yang menjadi asas hukuman dan balasan di sisi Allah, serta menyatakan bahawa di sana tiada satu kekuatan yang dapat melindungkan seseorang dari keseksaan Allah dan tiada satu syafa'at pun yang berguna kecuali dengan keizinan Allah.

Penekanan yang terbesar di dalam surah ini ialah di atas persoalan kebangkitan semula, persoalan balasan, juga persoalan hakikat ilmu Allah yang meliputi segala-galanya. Kedua-dua persoalan inilah yang disentuh berulang-ulang kali di dalam surah ini dengan berbagai-bagai cara dan uslub. Persoalan-persoalan itu membayangi seluruh suasana surah dari awal hingga akhir.

Mengenai persoalan kebangkitan semula surah ini menerangkan:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَا تَأۡتِينَا ٱلسَّاعَةُۖ قُلۡ بَلَىٰ وَرَبِّي
لَتَأۡتِيَنَّكُمۡ عَٰلِمِ ٱلۡغَيۡبِۖ لَا يَعۡزُبُ عَنۡهُ مِثۡقَالُ ذَرَّةٖ
فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَآ أَصۡغَرُ مِن
ذَٰلِكَ وَلَآ أَكۡبَرُ إِلَّا فِي كِتَٰبٖ مُّبِينٖ ٣

"Dan orang-orang kafir telah berkata: Hari Qiamat itu tidak akan datang kepada kita. Katakanlah (wahai Muhammad!): Bahkan ia tetap datang, demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib, Hari Qiamat itu pasti akan datang kepada kamu, tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya walau seberat zarrah yang ada di langit dan di bumi, dan tiada suatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang amat terang."(3)

Mengenai persoalan balasan pula surah ini menerangkan:

لِّيَجۡزِيَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِۚ
أُوْلَٰٓئِكَ لَهُم مَّغۡفِرَةٞ وَرِزۡقٞ كَرِيمٞ ٤
وَٱلَّذِينَ سَعَوۡ فِيٓ ءَايَٰتِنَا مُعَٰجِزِينَ أُوْلَٰٓئِكَ لَهُمۡ
عَذَابٞ مِّن رِّجۡزٍ أَلِيمٞ ٥

"Supaya Allah memberi balasan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih. Mereka sekalian akan mendapat keampunan dan rezeki yang mulia (4). Dan (sebaliknya) orang-orang yang berusaha menentang ayat-ayat Kami dan mencabar (Kami) mereka akan mendapat keseksaan dari jenis 'azab yang amat pedih."(5)

Dan di satu tempat lain yang berhampiran dengan ayat ini surah ini menerangkan:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ هَلۡ نَدُلُّكُمۡ عَلَىٰ رَجُلٖ يُنَبِّئُكُمۡ
إِذَا مُزِّقۡتُمۡ كُلَّ مُمَزَّقٍ إِنَّكُمۡ لَفِي خَلۡقٖ جَدِيدٍ ٧
أَفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَم بِهِۦ جِنَّةُۢۗ بَلِ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ
بِٱلۡأٓخِرَةِ فِي ٱلۡعَذَابِ وَٱلضَّلَٰلِ ٱلۡبَعِيدِ ٨

"Dan orang-orang kafir telah berkata (mengejek): Mahukah kami tunjukkan kepada kamu seorang lelaki (Muhammad) yang memberitakan kepada kamu bahawa apabila (badan) kamu telah dihancurleburkan kamu akan dihidupkan kembali dalam bentuk kejadian yang baru? (7) Apakah dia mengadakan pendustaan terhadap Allah atau dia terkena penyakit gila? Bahkan sebenarnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu berada di dalam keseksaan dan kesesatan yang amat jauh."(8)

Surah ini menayangkan berbagai-bagai pemandangan Qiamat yang mengandungi kecaman-kecaman terhadap orang-orang yang mendustakan-nya dan gambaran-gambaran 'azab yang dibohong-kan mereka atau yang diragui mereka seperti:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَن نُّؤۡمِنَ بِهَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانِ
وَلَا بِٱلَّذِي بَيۡنَ يَدَيۡهِۗ وَلَوۡ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلظَّٰلِمُونَ
مَوۡقُوفُونَ عِندَ رَبِّهِمۡ يَرۡجِعُ بَعۡضُهُمۡ إِلَىٰ بَعۡضٍ
ٱلۡقَوۡلَ يَقُولُ ٱلَّذِينَ ٱسۡتُضۡعِفُواْ لِلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُواْ
لَوۡلَآ أَنتُمۡ لَكُنَّا مُؤۡمِنِينَ ٣١
قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُواْ لِلَّذِينَ ٱسۡتُضۡعِفُوٓاْ أَنَحۡنُ
صَدَدۡنَٰكُمۡ عَنِ ٱلۡهُدَىٰ بَعۡدَ إِذۡ جَآءَكُمۖ بَلۡ كُنتُم
مُّجۡرِمِينَ ٣٢
وَقَالَ ٱلَّذِينَ ٱسۡتُضۡعِفُواْ لِلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُواْ بَلۡ
مَكۡرُ ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِ إِذۡ تَأۡمُرُونَنَآ أَن نَّكۡفُرَ بِٱللَّهِ
وَنَجۡعَلَ لَهُۥٓ أَندَادٗاۚ وَأَسَرُّواْ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُاْ ٱلۡعَذَابَۚ
وَجَعَلۡنَا ٱلۡأَغۡلَٰلَ فِيٓ أَعۡنَاقِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْۖ هَلۡ يُجۡزَوۡنَ

إِلَّا مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٣٣﴾

"Dan (alangkah dahsyatnya) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dibawa berdiri di hadapan Tuhan mereka (untuk dihisab), lalu mereka memulangkan tuduhan terhadap satu sama lain. Pengikut-pengikut yang lemah berkata kepada ketua-ketua yang sombong: Kalaulah tidak kerana kamu, tentulah kami telah menjadi orang-orang yang beriman (31). Ketua-ketua yang sombong pula berkata kepada pengikut-pengikut yang lemah: Adakah kami yang menghalangkan kamu dari hidayat setelah ia datang kepada kamu? Bahkan sebenarnya kamulah sendiri yang menjadi kafir (32). Dan berkata pula pengikut-pengikut yang lemah kepada ketua-ketua yang sombong: Tidak, bahkan sebenarnya tipu daya (kamu) malam dan siang (itulah yang menghalangkan kami dari beriman) ketika itu kamu menyuruh supaya kami mengingkari Allah dan mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya, mereka (masing-masing) memendamkan perasaan menyesal apabila mereka melihat 'azab seksa dan Kami pasangkan belenggu-belenggu pada leher orang-orang yang kafir itu: Mereka tidak dibalas melainkan kerana dosa-dosa yang telah dilakukan mereka."(33)

Pemandangan-pemandangan seperti ini berulang-ulang di sana sini di dalam surah ini dan akhirnya ditamatkan dengan pemandangan yang sama:

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ فَزِعُوا۟ فَلَا فَوْتَ وَأُخِذُوا۟ مِن مَّكَانٍ قَرِيبٍ ﴿٥١﴾

وَقَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِهِۦ وَأَنَّىٰ لَهُمُ ٱلتَّنَاوُشُ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٥٢﴾

"Dan (alangkah dahsyat) sekiranya engkau melihat (orang-orang kafir) itu ketika mereka berada dalam ketakutan (pada hari kebangkitan) dan mereka tidak ada jalan untuk melepaskan diri dan mereka ditangkap dari tempat yang dekat (51). Dan lalu mereka berkata: Kami beriman dengan (Muhammad), (tetapi) masakan mereka dapat mencapai keimanan itu dari tempat yang jauh (di Akhirat)."(52)

وَحِيلَ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ مَا يَشْتَهُونَ كَمَا فُعِلَ بِأَشْيَاعِهِم مِّن قَبْلُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ فِى شَكٍّ مُّرِيبٍۭ ﴿٥٤﴾

"Dan halangan telah diadakan di antara mereka dengan keimanan yang diingini mereka sebagaimana telah dilakukan kepada orang-orang yang serupa dengan mereka sebelum ini. Sesungguhnya mereka dahulu berada di dalam keraguan yang amat mendalam."(54)

Dan mengenai persoalan ilmu Allah yang syumul itu telah diterangkan di permulaan surah:

يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا ۚ

"Dia mengetahui segala apa yang masuk ke bumi dan segala apa yang keluar darinya, dan segala apa yang turun dari langit dan segala apa yang naik kepadanya."(2)

Kemudian hakikat itu disebut pula sebagai ulasan kepada pendustaan terhadap Qiamat:

قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّى لَتَأْتِيَنَّكُمْ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ ۖ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَآ أَصْغَرُ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرُ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٣﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Bahkan ia tetap datang, demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib, Hari Qiamat itu pasti akan datang kepada kamu, tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya walau seberat zarrah yang ada di langit dan di bumi, dan tiada suatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang amat terang."(3)

Kemudian hakikat itu disebut sekali lagi berhampiran dengan penghabisan surah ini:

قُلْ إِنَّ رَبِّى يَقْذِفُ بِٱلْحَقِّ عَلَّٰمُ ٱلْغُيُوبِ ﴿٤٨﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku telah mewahyukan kebenaran dan Dia Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib."(48)

Mengenai maudhu' tauhid pula, surah ini memulakan dengan ayat berikut:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَهُوَ ٱلْحَكِيمُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١﴾

"Segala kepujian terpulang kepada Allah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan kepada-Nya terpulang segala kepujian di Akhirat. Dan Dialah yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar."(1)

Kemudian surah ini mencabar mereka tentang sekutu-sekutu yang didakwa mereka selain dari Allah:

قُلِ ٱدْعُوا۟ ٱلَّذِينَ زَعَمْتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ ۖ لَا يَمْلِكُونَ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا لَهُمْ فِيهِمَا مِن شِرْكٍ وَمَا لَهُۥ مِنْهُم مِّن ظَهِيرٍ ﴿٢٢﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Serukanlah sembahan-sembahan yang kamu dakwa sebagai tuhan selain dari Allah. Mereka tidak memiliki seberat atom pun di langit dan tidak juga di bumi dan tidak mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam penciptaan langit dan bumi itu dan Allah tidak mendapat sebarang pertolongan dari mereka."(22)

Kemudian surah ini menyebut perbuatan mereka menyembah malaikat dan jin di dalam salah satu pemandangan Qiamat:

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ يَقُولُ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ أَهَٰٓؤُلَآءِ إِيَّاكُمْ كَانُوا۟ يَعْبُدُونَ ﴿٤٠﴾

قَالُوا سُبْحَانَكَ أَنتَ وَلِيُّنَا مِن دُونِهِم ۖ بَلْ كَانُوا
يَعْبُدُونَ الْجِنَّ ۖ أَكْثَرُهُم بِهِم مُّؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾

"Dan (kenangilah) Hari Qiamat yang Dia kumpulkan seluruh mereka kemudian Allah bertanya kepada malaikat-malaikat: Apakah orang-orang ini yang menyembah kamu dahulu? (40) Malaikat-malaikat menjawab: Maha Sucilah Engkau! Hanya Engkaulah Pelindung kami dan kami berlepas diri dari mereka, malah sebenarnya mereka menyembah jin. Kebanyakan mereka beriman kepadanya."(41)

Kemudian surah ini menafikan anggapan mereka bahawa malaikat akan memberi syafa'at kepada mereka di sisi Allah:

وَلَا تَنفَعُ الشَّفَاعَةُ عِندَهُ إِلَّا لِمَنْ أَذِنَ لَهُ ۚ حَتَّىٰ إِذَا
فُزِّعَ عَن قُلُوبِهِمْ قَالُوا مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ ۖ قَالُوا الْحَقَّ ۖ
وَهُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ ﴿٢٣﴾

"Dan tidak berguna syafa'at di sisi Allah melainkan bagi orang yang telah diizinkan Allah. (Mereka semua menunggu dengan hati yang takut) sehingga apabila ketakutan itu telah dihilangkan dari hati mereka, barulah mereka bertanya apakah yang telah dititahkan Tuhan kamu? Jawab mereka: Kebenaran. Dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar."(23)

Berhubung dengan perbuatan mereka menyembah syaitan-syaitan, surah ini membawa kisah Sulaiman yang menunjukkan bagaimana makhluk jin itu telah ditundukkan kepada Sulaiman dan bagaimana lemahnya jin-jin itu hingga tidak mengetahui kematian Nabi Sulaiman:

فَلَمَّا قَضَيْنَا عَلَيْهِ الْمَوْتَ مَا دَلَّهُمْ عَلَىٰ مَوْتِهِ إِلَّا
دَابَّةُ الْأَرْضِ تَأْكُلُ مِنسَأَتَهُ ۖ فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ
الْجِنُّ أَن لَّوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ الْغَيْبَ مَا لَبِثُوا فِي الْعَذَابِ
الْمُهِينِ ﴿١٤﴾

"Apabila Kami telah menetapkan kematiannya (Sulaiman) tidak ada yang menunjukkan kematiannya itu kepada mereka (jin-jin) kecuali binatang anai-anai yang memakan tongkatnya. Oleh itu apabila dia (Sulaiman) jatuh ternyatalah kepada jin-jin itu sekiranya mereka mengetahui perkara ghaib tentulah mereka tidak tinggal (sebegitu lama) di dalam 'azab (kerja berat) yang menghinakan itu."(14)

Mengenai maudhu' wahyu dan kerasulan, surah ini menyebut ayat:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَن نُّؤْمِنَ بِهَٰذَا الْقُرْآنِ
وَلَا بِالَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ ۗ

"Dan orang-orang kafir berkata: Kami tidak akan beriman kepada Al-Qur'an ini dan tidak pula kepada kitab yang terdahulu darinya."(31)

dan ayat:

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالُوا مَا هَٰذَا إِلَّا رَجُلٌ
يُرِيدُ أَن يَصُدَّكُمْ عَمَّا كَانَ يَعْبُدُ آبَاؤُكُمْ وَقَالُوا مَا
هَٰذَا إِلَّا إِفْكٌ مُّفْتَرًى ۚ وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلْحَقِّ لَمَّا
جَاءَهُمْ إِنْ هَٰذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٤٣﴾

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang amat nyata, mereka berkata: Orang ini (Muhammad) tidak lain melainkan hanya seorang lelaki yang mahu menghalangkan kamu dari tuhan-tuhan yang disembahkan datuk nenek kamu, dan mereka berkata lagi: (Al-Qur'an) ini tidak lain melainkan hanya kata-kata dusta yang direka-rekakan sahaja. Dan berkatalah orang-orang yang kafir terhadap kebenaran yang datang kepada mereka: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya satu sihir yang terang."(43)

Kemudian surah ini memberi jawapan kepada mereka dengan menjelaskan hakikat wahyu dan hakikat kerasulan (Muhammad) dalam ayat:

وَيَرَى الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ الَّذِي أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن
رَّبِّكَ هُوَ الْحَقَّ وَيَهْدِي إِلَىٰ صِرَاطِ الْعَزِيزِ
الْحَمِيدِ ﴿٦﴾

"Dan orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan itu memang mengetahui bahawa Al-Qur'an yang diturunkan kepadamu itu adalah benar dan ia memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji."(6)

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

"Dan Kami tidak mengutuskan engkau melainkan untuk umat manusia seluruhnya sebagai penyampai berita gembira dan penyampai amaran, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(28)

Mengenai maudhu' nilai-nilai surah ini menyebut:

وَمَا أَرْسَلْنَا فِي قَرْيَةٍ مِّن نَّذِيرٍ إِلَّا قَالَ مُتْرَفُوهَا إِنَّا
بِمَا أُرْسِلْتُم بِهِ كَافِرُونَ ﴿٣٤﴾
وَقَالُوا نَحْنُ أَكْثَرُ أَمْوَالًا وَأَوْلَادًا وَمَا نَحْنُ
بِمُعَذَّبِينَ ﴿٣٥﴾
قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ وَلَٰكِنَّ

أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ٣٦
وَمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُكُم بِٱلَّتِى تُقَرِّبُكُمْ عِندَنَا زُلْفَىٰٓ
إِلَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ جَزَآءُ
ٱلضِّعْفِ بِمَا عَمِلُوا۟ وَهُمْ فِى ٱلْغُرُفَٰتِ ءَامِنُونَ ٣٧
وَٱلَّذِينَ يَسْعَوْنَ فِىٓ ءَايَٰتِنَا مُعَٰجِزِينَ أُو۟لَٰٓئِكَ فِى
ٱلْعَذَابِ مُحْضَرُونَ ٣٨

"Dan Kami tidak utuskan Rasul yang memberi amaran kepada sesebuah negeri melainkan golongan mewahlah yang berkata: Sesungguhnya Kami tidak percaya kepada agama yang kamu diutuskan membawanya (34). Dan mereka berkata lagi: Kami mempunyai harta kekayaan dan anak-anak yang paling banyak dan kami tidak akan diseksakan (35). (Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya Tuhankulah yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (36). Dan tidaklah harta kekayaan kamu dan tidak juga anak pinak kamu yang dapat mendampingkan kamu lebih dekat kepada kami kecuali mereka yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih, maka merekalah yang akan memperolehi balasan yang berganda-ganda dengan sebab amalan yang dilakukan mereka dan mereka kelak akan ditempatkan di dalam mahligai-mahligai yang tinggi (di Syurga) dengan aman sentosa (37). Dan orang-orang yang berusaha menentang dan mencabar ayat-ayat Kami mereka akan dibawa ke dalam 'azab seksa."(38)

Surah ini membawa berbagai-bagai perbandingan dari kejadian-kejadian yang berlaku di dalam sejarah iaitu kisah keluarga Daud yang bersyukur kepada ni'mat Allah, kisah kaum Saba' yang angkuh dan tidak bersyukur dan akibat-akibat yang berlaku kepada kedua-dua golongan itu sebagai bukti betapa benarnya janji Allah.

* * * * * *

Persoalan-persoalan ini yang dibicarakan oleh Surah-surah Makkiyah dengan berbagai gambaran. Ia dibentangkan di dalam setiap surah di ruang alam buana yang disertai dengan berbagai-bagai penerangan yang menarik dan baru kepada hati kita pada setiap kali pembentangannya. Demikianlah juga di dalam surah ini persoalan-persoalan itu dibentangkan dalam ruang yang sama, iaitu di ruang kejadian langit dan bumi yang luas, alam ghaib yang majhul, padang Mahsyar yang amat besar, pendalaman jiwa manusia yang tersembunyi, lembaran-lembaran sejarah yang diketahui umum dan lembaran-lembaran sejarah yang diketahui dan tidak diketahui. Di dalam setiap pemandangan sejarah itu terdapat sesuatu yang amat menarik dan aneh dan masing-masing melahirkan kesan yang menginsafkan hati manusia dan menggerakkannya dari kelalaian dan kebekuan.

Sejak permulaan ayat lagi surah ini menyingkapkan alam buana yang amat luas yang mengandungi berbagai-bagai bukti kekuasaan Allah dan menerangkan ilmu Allah yang meliputi segala sesuatu:

يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا ۚ وَهُوَ ٱلرَّحِيمُ ٱلْغَفُورُ ٢
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَأْتِينَا ٱلسَّاعَةُ ۖ قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّى
لَتَأْتِيَنَّكُمْ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ ۖ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ
فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَآ أَصْغَرُ مِن
ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرُ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ٣

"Dia mengetahui segala apa yang masuk ke bumi dan segala apa yang keluar darinya, dan segala apa yang turun dari langit dan segala apa yang naik kepadanya (2). Dan orang-orang kafir telah berkata: Hari Qiamat itu tidak akan datang kepada kita. Katakanlah (wahai Muhammad!): Bahkan ia tetap datang, demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib, Hari Qiamat itu pasti akan datang kepada kamu, tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya walau seberat zarrah yang ada di langit dan di bumi, dan tiada suatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang amat terang."(3)

Surah ini mengancam orang-orang yang mendustakan hari Akhirat dengan bencana-bencana alam yang besar:

أَفَلَمْ يَرَوْا۟ إِلَىٰ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ
وَٱلْأَرْضِ ۚ إِن نَّشَأْ نَخْسِفْ بِهِمُ ٱلْأَرْضَ أَوْ نُسْقِطْ
عَلَيْهِمْ كِسَفًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً
لِّكُلِّ عَبْدٍ مُّنِيبٍ ٩

"Apakah mereka tidak melihat kejadian-kejadian (yang terpampang) di hadapan dan di belakang mereka dari langit dan bumi? Jika Kami kehendaki nescaya Kami benamkan mereka ke dalam bumi atau Kami gugurkan serpihan-serpihan dari langit, sesungguhnya kejadian-kejadian sedemikian menjadi bukti bagi setiap hamba yang kembali kepada Allah."(9)

Surah ini meletakkan orang-orang yang menyembah selain Allah dari malaikat atau jin itu di hadapan kenyataan alam ghaib yang amat ditakuti di alam al-Mala'ul-A'la:

وَلَا تَنفَعُ ٱلشَّفَٰعَةُ عِندَهُۥٓ إِلَّا لِمَنْ أَذِنَ لَهُۥ ۚ حَتَّىٰٓ إِذَا
فُزِّعَ عَن قُلُوبِهِمْ قَالُوا۟ مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ ۖ قَالُوا۟ ٱلْحَقَّ

وَهُوَ ٱلْعَلِيُّ ٱلْكَبِيرُ ﴿٢٣﴾

"Dan tidak berguna syafa'at di sisi Allah melainkan bagi orang yang telah diizinkan Allah. (Mereka semua menunggu dengan hati yang takut) sehingga apabila ketakutan itu telah dihilangkan dari hati mereka, barulah mereka bertanya apakah yang telah dititahkan oleh Tuhan kamu? Jawab mereka: Kebenaran. Dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar."(23)

Atau surah ini membawa-mereka bersekemuka dengan para malaikat di padang Mahsyar yang tidak memberi sebarang kesempatan berdolak-dalik dan bantah-membantah:

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ يَقُولُ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ أَهَٰٓؤُلَآءِ
إِيَّاكُمْ كَانُوا۟ يَعْبُدُونَ ﴿٤٠﴾
قَالُوا۟ سُبْحَٰنَكَ أَنتَ وَلِيُّنَا مِن دُونِهِم ۖ بَلْ كَانُوا۟
يَعْبُدُونَ ٱلْجِنَّ ۖ أَكْثَرُهُم بِهِم مُّؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾

"Dan (kenangilah) hari Qiamat, di mana Dia kumpulkan seluruh mereka kemudian Allah bertanya kepada malaikat-malaikat: Apakah orang-orang ini menyembah kamu dahulu? (40) Malaikat-malaikat menjawab: Maha Sucilah Engkau! Hanya Engkaulah Pelindung kami dan kami berlepas diri dari mereka, malah sebenarnya mereka menyembah jin. Kebanyakkan mereka beriman kepadanya."(41)

Surah ini meletakkan para pendusta Rasulullah s.a.w. yang menuduh beliau sebagai berbohong terhadap Allah atau terkena penyakit gila itu di hadapan fitrah mereka (yang suci) dan di hadapan logik hati nurani mereka sendiri yang terpisah jauh dari segala kekeliruan dan pengaruh bikinan:

قُلْ إِنَّمَآ أَعِظُكُم بِوَٰحِدَةٍ ۖ أَن تَقُومُوا۟ لِلَّهِ مَثْنَىٰ
وَفُرَٰدَىٰ ثُمَّ تَتَفَكَّرُوا۟ ۚ مَا بِصَاحِبِكُم مِّن جِنَّةٍ ۚ إِنْ
هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ لَّكُم بَيْنَ يَدَىْ عَذَابٍ شَدِيدٍ ﴿٤٦﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya Aku hanya mahu memberi satu nasihat sahaja kepada kamu, iaitu hendaklah kamu bersungguh-sungguh mencari kebenaran semata-mata kerana Allah dengan berdua-duaan dan dengan seorang diri kemudian hendaklah kamu berfikir (dengan teliti supaya kamu tahu), bahawa sahabat kamu (Muhammad) itu tidak mempunyai sebarang penyakit gila. Dia itu tidak lain melainkan, hanya seorang rasul yang memberi amaran kepada kamu menjelang kedatangan 'azab yang amat berat."(46)

Demikianlah surah ini membawa hati manusia menjelajah di dalam berbagai-bagai lapangan dan menghadapkannya dengan berbagai-bagai penerangan-penerangan yang menarik yang menginsaf dan menggerakkan hati hingga ia mengakhiri dengan salah satu pemandangan Qiamat yang dahsyat sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini.

* * * * * *

Surah ini membentangkan maudhu'-maudhu' pembicaraannya di dalam berbagai-bagai lapangan dan penerangan-penerangan yang menarik dalam penjelajahan-penjelajahan yang pendek, bersambung-sambung dan berkait-mengait yang dapat dibahagikan kepada lima pusingan untuk memudahkan kita mengulas dan menghuraikannya, kerana sebenarnya di sana tidak ada pemisah-pemisah yang membataskan pembicaraan-pembicaraan itu secara halus. Inilah ciri surah ini yang membezakannya dari surah-surah yang lain.

Surah ini dimulakan dengan memuji Allah yang memiliki segala isi langit dan bumi dan di sanjung tinggi di alam Akhirat, Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar, juga menerangkan ilmu-Nya yang syumul dan amat halus yang mengetahui segala apa yang masuk ke bumi dan segala apa yang keluar darinya, segala apa yang turun dari langit dan segala apa yang naik kepadanya, juga mengisahkan keingkaran orang-orang kafir terhadap kedatangan Qiamat, dan jawapan Allah kepada mereka tentang kepastian kedatangan Qiamat itu, dan tentang kehalusan ilmu Allah yang tidak terluput darinya walaupun seberat zarrah di langit dan di bumi atau lebih kecil atau lebih besar dari zarrah itu lagi. Ini supaya balasan terhadap orang-orang yang beriman dan balasan terhadap orang-orang yang berusaha menentang ayat Allah dan mencabarnya terlaksana melalui ilmu Allah yang maha halus, seterusnya surah ini menerangkan pendapat orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan yang haqiqi yang menyaksikan bahawa Al-Qur'an yang diturunkan kepada Nabi-Nya itu adalah benar, juga menceritakan tentang kehairanan orang-orang kafir terhadap persoalan kebangkitan semula dan memberi jawapan kepada mereka bahawa mereka akan berada di dalam 'azab keseksaan dan kesesatan yang amat jauh serta mengancam mereka dengan bencana ditelan bumi atau ditimpa serpihan-serpihan dari langit.

Demikianlah tamatnya pusingan yang pertama.

Pusingan yang kedua menceritakan sebahagian dari kisah keluarga Nabi Daud a.s. yang bersyukur kepada ni'mat Allah yang telah menundukkan berbagai-bagai kuasa tabi'i kepada Daud dan Sulaiman. Mereka tidak sombong dan angkuh. Di antara kuasa-kuasa yang ditundukkan kepada mereka berdua ialah makhluk jin yang disembah oleh setengah-setengah orang Musyrikin. Mereka meminta fatwa-fatwa kepada makhluk jin mengenai perkara-perkara yang ghaib sedangkan jin itu sendiri tidak mengetahui perkara yang ghaib sehingga mereka terus bekerja keras melaksanakan kerja-kerja yang berat walaupun Sulaiman telah wafat, sedangkan mereka tidak mengetahuinya. Sebagai tandingan kepada kisah

kesyukuran ini, ayat berikut mengemukakan pula kisah kesombongan dan keangkuhan iaitu kisah kaum Saba' yang tidak bersyukur kepada ni'mat-ni'mat Allah:

فَجَعَلْنَٰهُمْ أَحَادِيثَ وَمَزَّقْنَٰهُمْ كُلَّ مُمَزَّقٍۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ
لَأَيَٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ١٩

"Lalu kami jadikan (peristiwa kebinasaan) mereka buah mulut orang ramai dan kami pecahbelahkan mereka bertaburan (di merata negeri), sesungguhnya kisah mereka itu menjadi pengajaran-pengajaran kepada setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur."(19)

Ini disebabkan kerana mereka mengikut syaitan, sedangkan syaitan tidak dapat menguasai mereka sekiranya mereka tidak menyerahkan teraju kepimpinan kepadanya dengan sukarela.

Pusingan yang ketiga dimulakan dengan mencabar orang-orang Musyrikin yang mendakwa wujudnya tuhan-tuhan yang lain dari Allah, sedangkan tuhan-tuhan itu tidak:

لَا يَمْلِكُونَ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِي
ٱلْأَرْضِ وَمَا لَهُمْ فِيهِمَا مِن شِرْكٍ وَمَا لَهُۥ مِنْهُم مِّن
ظَهِيرٍ ٢٢

"Mereka tidak memiliki seberat zarrah pun di langit dan tidak juga di bumi dan tidak mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam penciptaan langit dan bumi itu dan Allah tidak mendapat sebarang pertolongan dari mereka."(22)

Dan mereka juga tidak berkuasa memberi syafa'at untuk mereka di sisi Allah walaupun mereka malaikat kerana malaikat-malaikat itu sendiri menerima perintah Allah dengan khusyu' dan gementar dan mereka tidak dapat bercakap sehingga perasaan takut dan gementar itu hilang dari mereka. Al-Qur'an menyuruh Nabi s.a.w. bertanya kepada mereka siapakah yang memberi rezeki kepada mereka dari langit dan bumi, sedangkan Allah itulah yang memiliki langit dan bumi dan Dialah yang memberi rezeki kepada mereka tanpa sebarang sekutu. Kemudian Nabi s.a.w. menyerahkan urusannya dan urusan mereka kepada Allah, kerana Allahlah yang akan memutuskan perkara-perkara yang dipertikaikan mereka. Pusingan ini diakhiri dengan cabaran seperti pada awalnya supaya mereka menunjukkan kepada beliau sekutu-sekutu Allah yang didakwakan mereka:

كَلَّاۚ بَلْ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ٢٧

"Tidak sekali-kali begitu, sebenarnya Dialah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(27)

Pusingan yang keempat dan yang kelima sama-sama membicarakan persoalan wahyu dan kerasulan dan sikap orang-orang kafir terhadapnya, juga menerangkan sikap golongan mewah terhadap setiap da'wah. Mereka berbangga dengan harta kegiatan dan anak pinak mereka dan kedua-dua pusingan itu menjelaskan bahawa nilai-nilai yang sebenar yang menjadi asas hisab dan balasan ialah nilai keimanan dan amalan ying salih bukannya nilai-nilai harta kekayaan dan anak pinak. Kemudian kedua-dua pusingan ini menayangkan nasib kesudahan orang-orang yang beriman dan para pendusta di dalam berbagai-bagai pemandangan pada hari Qiamat, di mana ketua-ketua yang diikut berlepas tangan dari pengikut-pengikutnya sebagaimana malaikat berlepas tangan dari orang-orang Musyrikin yang sesat yang telah menyembah mereka. Di celah-celah pemandangan-pemandangan Qiamat itu, Al-Qur'an menyeru mereka supaya pulang kepada fitrah mereka yang murni untuk mencari petunjuk darinya dalam suasana yang bersih dari hawa nafsu dan dari kekecohan mereka di sekitar diri Rasulullah s.a.w. yang didustakan mereka dengan terburu-buru dan tanpa dalil itu, sedangkan beliau tidak meminta bayaran dan upahan terhadap hidayat (yang disampaikannya), dan beliau juga bukannya seorang pembohong dan bukan pula seorang gila. Kedua-dua pusingan ini juga mengakhiri dengan salah satu dari pemandangan Qiamat. Kemudian surah ini berakhir dengan nada-nada kenyataan yang pendek tetapi kuat:

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَقْذِفُ بِٱلْحَقِّ عَلَّٰمُ ٱلْغُيُوبِ ٤٨
قُلْ جَآءَ ٱلْحَقُّ وَمَا يُبْدِئُ ٱلْبَٰطِلُ وَمَا يُعِيدُ ٤٩
قُلْ إِن ضَلَلْتُ فَإِنَّمَآ أَضِلُّ عَلَىٰ نَفْسِيۖ وَإِنِ ٱهْتَدَيْتُ
فَبِمَا يُوحِيٓ إِلَيَّ رَبِّيٓۚ إِنَّهُۥ سَمِيعٌ قَرِيبٌ ٥٠

"Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku telah mewahyukan kebenaran dan Dia Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib (48). Katakanlah kebenaran itu telah datang dan kebatilan tidak akan bertapak dan tidak akan berulang (49). Katakanlah: Sekiranya aku sesat, maka akibat kesesatan akan menimpa diriku sendiri, dan sekiranya aku mendapat hidayat, maka itu adalah dengan bimbingan yang diwahyukan Tuhanku kepadaku. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Dekat."(50)

Kemudian surah ini ditamatkan dengan salah satu pemandangan Qiamat yang pendek ceritanya tetapi kuat kesannya.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 2)

Sekarang marilah kita menghuraikan surah ini dengan terperinci setelah dibentangkan intisarinya:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِي لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلْأَرْضِ
وَلَهُ ٱلْحَمْدُ فِي ٱلْأٓخِرَةِۚ وَهُوَ ٱلْحَكِيمُ ٱلْخَبِيرُ ١
يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِي ٱلْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ

ٱلسَّمَآءِ وَمَا يَعۡرُجُ فِيهَاۚ وَهُوَ ٱلرَّحِيمُ ٱلۡغَفُورُ ﴿٢﴾

"Segala kepujian terpulang kepada Allah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan kepada-Nya terpulang segala kepujian di Akhirat. Dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar (1). Dia mengetahui segala apa yang masuk ke bumi dan segala apa yang keluar darinya, dan segala apa yang turun dari langit dan segala apa yang naik kepadanya. Dan Dialah Yang Maha Pengasih dan Maha Pengampun."(2)

Surah yang membicarakan 'aqidah syirik kaum Musyrikin terhadap Allah, pendustaan mereka terhadap Rasul-Nya, keraguan mereka terhadap hari Akhirat dan tanggapan mereka terhadap kebangkitan selepas mati sebagai mustahil itu, telah memulakan dengan memuji Allah dan Allah itu tetap terpuji walaupun tiada seorang manusia yang memuji-Nya. Allah tetap dipuji oleh seluruh alam buana yang sentiasa bertasbih kepada-Nya. Allah itu tetap dipuji oleh seluruh makhluk yang lain walaupun makhluk manusia tidak ikut memuji-Nya bersama makhluk-makhluk itu.

Konsep Seluruh Kepujian Terpulang Kepada Allah

Sifat terpuji itu disertakan pula, dengan sifat memiliki segala isi langit dan segala isi bumi. Tiada siapa pun yang berkongsi milik langit dan bumi dengan Allah. Dialah sahaja yang memiliki segala-galanya yang ada di langit dan di bumi. Inilah persoalan pertama 'aqidah tauhid.

وَلَهُ ٱلۡحَمۡدُ فِي ٱلۡأٓخِرَةِۚ

"Dan kepada-Nya juga terpulang segala kepujian di Akhirat."(1)

Itulah kepujian zati yang terlepas dari kepujian hamba-hamba-Nya yang tidak percaya kepada-Nya di dunia atau mempersekutukan-Nya dengan yang lain. Kepujian itu tetap ternyata di alam Akhirat dan di sana seluruh kepujian dan, sanjungan hanya terkhusus kepada Allah.

وَهُوَ ٱلۡحَكِيمُ ٱلۡخَبِيرُ ﴿١﴾

"Dan Dialah yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar."(1)

Allah Yang Maha Bijaksana yang membuat segala sesuatu dengan bijaksana, mengendalikan urusan dunia dan Akhirat dengan bijaksana dan mentadbirkan urusan seluruh alam buana dengan bijaksana. Dialah Yang Maha Pakar yang mengetahui segala sesuatu, segala urusan dan segala pentadbiran dengan ilmu-Nya yang sempurna, syumul dan amat mendalam.

Ilmu Allah Syumul

Kemudian Al-Qur'an membentangkan satu lembaran dari lembaran-lembaran ilmu Allah di ruang langit dan bumi:

يَعۡلَمُ مَا يَلِجُ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَا يَخۡرُجُ مِنۡهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ وَمَا يَعۡرُجُ فِيهَاۚ وَهُوَ ٱلرَّحِيمُ ٱلۡغَفُورُ ﴿٢﴾

"Dia mengetahui segala apa yang masuk ke bumi dan segala apa yang keluar darinya, dan segala apa yang turun dari langit dan segala apa yang naik kepadanya. Dan Dialah Yang Maha Pengasih dan Maha Pengampun."(2)

Di hadapan lembaran yang mengandungi kata-kata yang pendek ini manusia berdiri di hadapan satu perhimpunan kejadian yang amat banyak dan menakjubkan, iaitu perhimpunan benda-benda, pergerakan-pergerakan, saiz-saiz, bentuk-bentuk, rupa-rupa, makna-makna dan keadaan-keadaan yang tidak terkhayal banyaknya.

Sekiranya seluruh penduduk bumi ini menumpukan seluruh hidup mereka untuk menghitungkan apa yang berlaku dalam masa satu sa'at dari kejadian-kejadian yang disebut oleh Al-Qur'an itu sudah tentu mereka tidak terdaya mengira dan membancinya dengan penuh keyakinan.

Dalam satu sa'at berapa banyak benda-benda yang masuk ke bumi? Berapa banyak pula yang keluar dari bumi? Berapa banyak benda-benda yang turun dari langit? Berapa banyak pula yang naik ke langit?

Berapa banyak benda-benda yang menyelinap ke dalam bumi? Berapa banyak bijian yang bersembunyi di dalam bumi di merata pelusuknya? Berapa banyak ulat dan serangga yang merangkak masuk ke dalam bumi di seluruh kawasannya yang luas itu? Berapa banyak titik air, berapa banyak zarrah gas, berapa banyak pancaran elektrik yang tersorok di dalam bumi di seluruh kawasannya yang luas saujana itu? Berapa banyak benda-benda yang lain lagi yang masuk ke dalam bumi di bawah penglihatan Allah yang sentiasa jaga dan tidak tidur itu?

Berapa banyak benda-benda yang keluar dari bumi? Berapa banyak tumbuh-tumbuhan yang muncul dari bumi? Berapa banyak mata air yang memancut keluar?

Berapa banyak gunung berapi yang meledak? Berapa banyak gas yang mengewap naik? Berapa banyak benda yang tersembunyi dalam bumi telah terdedah? Berapa banyak serangga yang keluar dari lubang-lubangnya yang tersembunyi? Berapa banyak benda-benda lain sama ada yang dapat dilihat atau yang tidak dapat dilihat, yang diketahui atau tidak diketahui manusia yang amat banyak itu? Berapa banyak benda-benda yang turun dari langit? Berapa banyak titik air hujan? Berapa banyak tahi bintang yang meluncur? Berapa banyak pancaran sinar yang membakar? Berapa banyak pancaran sinar yang menyuluh? Berapa banyak qadha' dan qadar yang diputuskan Allah? Berapa banyak rahmat yang meliputi alam buana dan berapa banyak rahmat yang khusus untuk hamba-hamba Allah yang tertentu?

Berapa banyak rezeki yang dilapang dan disempitkan Allah kepada para hamba-Nya? Berapa banyak benda-benda dan perkara-perkara lain lagi yang tidak mampu dikira selain Allah?

Berapa banyak benda-benda yang naik ke langit? Berapa banyak hembusan nafas yang keluar dari tumbuh-tumbuhan atau haiwan atau manusia atau makhluk-makhluk lain yang tidak diketahui manusia? Berapa banyak do'a yang diangkatkan kepada Allah dengan suara yang terang atau dengan bisikan yang hanya dapat didengar oleh Allah sahaja? Berapa banyak roh makhluk-makhluk sama ada yang kita tahu atau tidak tahu telah dimatikan? Berapa banyak malaikat yang naik membawa urusan roh dari ciptaan Allah? Berapa banyak roh yang berterbangan di alam langit yang tidak diketahui melainkan hanya Allah sahaja? Berapa banyak titik wap yang naik dari laut dan berapa banyak zarrah gas yang mengwap dari badan? Berapa banyak lagi benda-benda lain yang tidak diketahui manusia?

Berapa banyak dalam satu sa'at? Sampai ke mana perginya ilmu manusia dan kiraan mereka dalam satu sa'at itu walaupun mereka menghabiskan seluruh umur mereka yang panjang di dalam mengirakannya? Hanya ilmu Allah sahaja yang maha meliputi, maha luas dan maha mendalam yang mengetahui segala-galanya itu di setiap tempat dan di setiap zaman. Seluruh hati dengan segala niat dan fikirannya, dengan segala gerak dan diamnya adalah berada di bawah pandangan Allah. Namun demikian Allah tetap melindunginya dan memberi keampunan kepadanya.

وَهُوَ ٱلرَّحِيمُ ٱلْغَفُورُ ﴿٢﴾

"Dialah Yang Maha Pengasih dan Maha Pengampun."(2)

Sesungguhnya sepotong ayat Al-Qur'an seperti ayat ini dengan sendirinya menyarankan bahawa Al-Qur'an ini bukannya perkataan manusia, kerana pemikiran universal yang meliputi selurus alam buana ini tidak mungkin terlintas di dalam hati manusia. Kefahaman universal seperti ini tidak mungkin dirangsangkan oleh tabi'at kefahaman manusia. Liputan ilmu Allah yang global dengan sepotong ayat sahaja itu memperlihatkan bahawa ayat itu adalah digubah oleh Allah yang menciptakan alam buana ini, dan ia tidak serupa dengan ungkapan ayat yang dibuat manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 3 - 5)

Setelah menjelaskan hakikat itu dengan gambaran yang begitu indah dan luas, maka Al-Qur'an menceritakan pula tentang keingkaran orang-orang kafir terhadap kedatangan Qiamat, sedangkan mereka lemah dan tidak mengetahui apa yang akan datang kepada mereka pada hari esok. Hanya Allah sahaja yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tiada sesuatu pun sama ada di langit atau di bumi yang terluput dari ilmu-Nya. Hari Qiamat itu pasti datang supaya setiap orang yang membuat kebaikan dan kejahatan di bumi ini menerima balasan yang setimpal:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَأْتِينَا ٱلسَّاعَةُ ۖ قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّى لَتَأْتِيَنَّكُمْ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ ۖ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَآ أَصْغَرُ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرُ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٣﴾ لِّيَجْزِىَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٤﴾ وَٱلَّذِينَ سَعَوْ فِىٓ ءَايَٰتِنَا مُعَٰجِزِينَ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مِّن رِّجْزٍ أَلِيمٌ ﴿٥﴾

"Dan orang-orang kafir telah berkata: Hari Qiamat itu tidak akan datang kepada kita. Katakanlah (wahai Muhammad!): Bahkan ia tetap datang, demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib, Hari Qiamat itu pasti akan datang kepada kamu, tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya walau seberat zarrah yang ada di langit dan di bumi, dan tiada suatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang amat terang (3). Supaya Allah memberi balasan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih. Mereka sekalian akan mendapat keampunan dan rezeki yang mulia (4). Dan (sebaliknya) orang-orang yang berusaha menentang ayat-ayat Kami dan mencabar (Kami) mereka akan mendapat keseksaan dari jenis 'azab yang amat pedih."(5)

Mengapa Orang-orang Kafir Mengingkarkan Hari Qiamat

Keingkaran orang-orang kafir terhadap hari Akhirat itu adalah berpunca kerana mereka tidak dapat memahami hikmat dan perencanaan Allah yang tidak mahu membiarkan manusia hidup percuma dan sia-sia iaitu yang baik membuat kebaikan tanpa menerima balasannya dan yang jahat membuat kejahatan tanpa menerima balasannya. Allah S.W.T. telah menjelaskan menerusi para rasul-Nya bahawa Dia menyimpan seluruh balasan atau setengahnya pada hari Akhirat. Oleh sebab itu setiap orang yang memahami hikmat Allah terhadap makhluk-Nya akan menginsafi bahawa Akhirat itu merupakan sebuah alam yang perlu untuk melaksanakan janji Allah dan menepati penjelasan-Nya. Tetapi orang-orang kafir adalah terdinding dari hikmat ini. Justeru itu mereka menegaskan:

لَا تَأْتِينَا ٱلسَّاعَةُ ۖ

"Hari Qiamat itu tidak akan datang kepada kita"(3)

lalu Allah memberi jawapan yang tegas kepada mereka:

قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّى لَتَأْتِيَنَّكُمْ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ ۖ

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Bahkan ia tetap datang demi Tuhanku!"(3)

Amatlah benar apa yang diterangkan Allah S.W.T. dan amatlah benar apa yang dijelaskan Rasulullah s.a.w. Mereka tidak mengetahui urusan-urusan ghaib, tetapi mereka mencabar Allah dan membuat penegasan di dalam perkara-perkara yang tidak diketahui mereka, sedangkan Allah yang menegaskan kedatangan hari Qiamat itu adalah Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib, dan firman-Nya mengenai Qiamat itu adalah firman yang benar berlandaskan ilmu-Nya yang yakin.

Kemudian ayat yang berikut menayangkan ilmu Allah dalam satu gambaran alam seperti yang ditayangkan di permulaan surah, dan gambaran ini pula merupakan satu lagi bukti bahawa Al-Qur'an ini bukannya dari ciptaan manusia kerana imaginasi manusia biasanya tidak mengkhayalkan gambaran-gambaran seperti ini:

لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى
ٱلْأَرْضِ وَلَآ أَصْغَرُ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرُ إِلَّا فِى
كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٣﴾

"Tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya walau seberat zarrah yang ada di langit dan di bumi, dan tiada suatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang amat terang."(3)

Sekali lagi kami tegaskan bahawa kefahaman dan persepsi yang seperti ini bukannya kefahaman dan persepsi manusia. Ia tidak pernah dijumpai di dalam mana-mana perkataan manusia sama ada di dalam sajak-sajak atau di dalam prosa. Apabila manusia mahu mengungkapkan tentang kesyumulan ilmu pengetahuan dan kehalusannya yang meliputi segala-galanya tidak terlintas di dalam hatinya hendak menggambarkannya dengan gambaran universal yang amat menarik ini:

لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى
ٱلْأَرْضِ وَلَآ أَصْغَرُ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرُ

"Tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya walau seberat zarrah yang ada di langit dan di bumi dan tiada suatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya......."(3)

Saya tidak pernah tahu di dalam pengungkapan-pengungkapan manusia terdapat arah aliran kepada kefahaman yang seperti ini apabila ia hendak menerangkan tentang ilmu yang amat halus dan meliputi segala-galanya. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang dapat memerikan hal diri-Nya dan menyifatkan ilmu-Nya dengan sifat-sifat yang tidak terlintas di dalam hati manusia. Penjelasan Al-Qur'an ini meningkatkan kefahaman kaum Muslimin terhadap Allah yang disembah mereka dan mereka dapat mengenal sifat-sifat Allah dalam batas kemampuan manusia yang terhad dalam segala keadaan.

Pentafsiran yang paling dekat kepada maksud firman Allah:

إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٣﴾

"Melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang amat terang"(3)

ialah ilmu Allah yang merakamkan segala sesuatu dan tidak terluput darinya walaupun seberat atom sama ada di langit atau di bumi dan tiada sesuatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya.

Marilah kita berhenti sejenak pada kata-kata **"seberat atom"** dan kata-kata **"lebih kecil darinya"**. Jisim atom adalah terkenal sehingga ke zaman kebelakangan ini sebagai jisim yang terkecil, tetapi sekarang sesudah atom itu dapat dileburkan oleh manusia, mereka dapat mengetahui pula bahawa di sana ada sesuatu yang lebih kecil lagi dari atom itu iaitu bahagian-bahagian atom (seperti proton dan neutron) iaitu bahagian-bahagian atom yang tidak pernah difikir manusia pada masa itu. Maha Sucilah Allah yang telah mengajar hamba-hamba-Nya apa yang dikehendaki-Nya tentang rahsia sifat-sifat-Nya dan rahsia-rahsia makhluk ciptaan-Nya.

Kedatangan Qiamat itu merupakan satu kepastian dan segala sesuatu sama ada kecil atau besar tidak terluput dari ilmu Allah:

لِّيَجْزِىَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ ۚ
أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٤﴾
وَٱلَّذِينَ سَعَوْ فِىٓ ءَايَٰتِنَا مُعَٰجِزِينَ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ
عَذَابٌ مِّن رِّجْزٍ أَلِيمٌ ﴿٥﴾

"Supaya Allah memberi balasan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih. Mereka sekalian akan mendapat keampunan dan rezeki yang mulia (4). Dan (sebaliknya) orang-orang yang berusaha menentang ayat-ayat Kami dan mencabar (Kami) mereka akan mendapat keseksaan dari jenis 'azab yang amat pedih."(5)

Di sana terdapat hikmat, matlamat, pentadbiran dan perencanaan Ilahi dalam penciptaan Qiamat untuk mewujudkan balasan yang setimpal kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih dan kepada orang-orang yang menentang ayat-ayat Allah dan mencabar-Nya.

Adapun orang-orang yang beriman dan membuktikan keimanan mereka dengan amalan-amalan yang salih mereka akan memperolehi **"keampunan"** terhadap kesalahan-kesalahan yang

dilakukan mereka dan **"rezeki yang mulia"**. Kata-kata **"rezeki"** banyak disebut di dalam surah ini dan memang amat sesuai apabila Al-Qur'an mengungkapkan ni'mat-ni'mat di Akhirat itu dengan kata-kata rezeki yang mulia kerana ni'mat Akhirat juga merupakan salah satu dari rezeki-rezeki yang dikurniakan Allah dalam segala keadaan.

Adapun orang-orang yang berusaha mengorbankan daya tenaga mereka untuk menentang ayat-ayat Allah, mereka akan mendapat balasan keseksaan dari jenis 'azab yang amat pedih. Ini adalah balasan terhadap usaha, cabaran dan penat jerih mereka di jalan kejahatan.

Dengan hakikat-hakikat ini terlaksanalah hikmat dan tadbir Allah dan tercapailah hikmat diadakan hari Qiamat yang didustakan mereka sebagai hari yang tidak akan datang, sedangkan hari itu tetap akan datang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 6)

Sesuai dengan penegasan mereka bahawa Qiamat itu tidak akan datang, sedangkan Qiamat itu suatu perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja, dan sesuai dengan penegasan Allah yang mengetahui segala yang ghaib, seterusnya sesuai dengan tabligh Rasulullah s.a.w. yang telah diperintah oleh Allah supaya menyampaikan penerangan-penerangan mengenai hari Qiamat, maka ayat berikut menjelaskan bahawa orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan itu adalah menginsafi dan mengakui bahawa segala penerangan dari Allah adalah benar dan memberi hidayat kepada manusia ke jalan Allah:

وَيَرَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ هُوَ ٱلْحَقَّ وَيَهْدِىٓ إِلَىٰ صِرَٰطِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ٦

"Dan orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan itu memang mengetahui bahawa Al-Qur'an yang diturunkan kepadamu itu adalah benar dan ia memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji."(6)

Siapakah Golongan Yang Dikurniakan Ilmu?

Menurut riwayat yang dimaksudkan dengan orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan itu ialah kaum Ahlil-Kitab yang mengetahui dari kitab suci mereka bahawa Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang benar yang membawa ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji.

Tetapi ruang maksud ayat ini adalah lebih luas dari itu lagi, iaitu orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan di mana-mana zaman dan tempat dan dari mana-mana generasi dan bangsa akan mempunyai pandangan yang seperti ini jika ilmu pengetahuan mereka itu betul, lurus dan wajar diberi nama "ilmu", kerana Al-Qur'an ini adalah sebuah kitab yang terbuka kepada seluruh generasi manusia dan kebenaran yang terkandung di dalamnya mendedahkan dirinya sendiri kepada setiap orang yang mempunyai ilmu yang betul. Al-Qur'an mendedahkan kebenaran yang tersembunyi di seluruh alam buana ini dan Al-Qur'anlah merupakan jurucakap yang paling benar kepada alam buana dan kepada kebenaran yang terkandung di dalamnya.

وَيَهْدِىٓ إِلَىٰ صِرَٰطِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ٦

"Dan ia memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji."(6)

Jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji itulah peraturan yang dikehendaki-Nya untuk alam buana ini dan itulah peraturan yang dipilih-Nya untuk manusia mengaturkan langkah-langkah yang sejajar dengan langkah-langkah alam buana yang menjadi gelanggang hidupnya. Jalan Allah itulah undang-undang yang menguasai seluruh perjalanan alam buana termasuk kehidupan manusia, yang mana asal-usul kejadiannya, peraturan dan pergerakannya tidak terpisah dari alam buana dengan segala isi dan penghuninya.

Jalan Al-Qur'an

Al-Qur'an memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji dengan menanamkan kefahaman yang benar ke dalam hati orang-orang yang beriman tentang hakikat alam buana, hubungan-hubungan dan nilai-nilainya, juga tentang kedudukan dan peranan manusia di alam ini, tentang kerjasama bahagian-bahagian alam di sekeliling manusia untuk melaksanakan kehendak dan hikmat Ilahi pada makhluk-Nya dan tentang keselarasan pergerakan dan persamaan matlamat alam buana dan manusia menuju kepada Allah yang menciptakan alam ini.

Al-Qur'an memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji dengan membetulkan cara pemikiran manusia dan menegakkannya di atas asas-asas yang betul dan selaras dengan nada-nada alam yang merangsangkan fitrah manusia, iaitu cara pemikiran yang membawa manusia dapat memahami tabi'at alam buana ini, ciri-ciri dan undang-undangnya serta dapat menggunakannya dan bermesra dengannya tanpa sebarang permusuhan dan pertentangan.

Al-Qur'an memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji dengan mengemukakan cara pendidikannya yang dapat menyediakan seseorang untuk menyesuaikan dirinya dengan masyarakat manusia dan menyediakan masyarakat manusia untuk menyesuaikan dirinya dengan seluruh makhluk-makhluk yang lain yang wujud di alam buana, dan seterusnya menyediakan seluruh makhluk untuk menyesuaikan diri masing-masing dengan alam buana yang menjadi gelanggang hidup mereka dengan penuh keselesaan.

Al-Qur'an memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji dengan mengemukakan peraturan-peraturan dan undang-undang yang sesuai dengan fitrah manusia, suasana-suasana dan keadaan-keadaan hidup semulajadinya, selaras dengan undang-undang am yang mengendalikan saki-baki makhluk-makhluk bernyawa yang lain, juga seluruh makhluk yang tidak bernyawa. Justeru itu manusia tidak terkeluar dari makhluk-makhluk itu dengan peraturan dan undang-undangnya kerana manusia adalah satu umat dari umat-umat makhluk yang hidup dalam lingkungan alam buana yang besar ini.

Kitab Al-Qur'an merupakan pemandu ke jalan Allah ini, iaitu pemandu yang diciptakan oleh Pencipta yang menciptakan manusia dan jalan ini sendiri, iaitu Pencipta yang amat arif tentang hakikat manusia dan hakikat jalan ini. Anda dikira seorang yang bernasib baik ketika hendak menempuh sesuatu jalan apabila anda mendapat buku panduan yang disusun oleh jurutera jalan itu sendiri. Bagaimana pula dengan buku panduan yang disusun oleh Allah yang menciptakan jalan itu dan menciptakan manusia yang menjalani jalan itu?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 8)

Apakah Kebangkitan Semula Selepas Mati Itu Mustahil?

Selepas sentuhan yang menyedarkan hati ini, ayat berikut kembali perkataan orang-orang kafir tentang kebangkitan selepas mati dan kehairanan mereka yang amat besar terhadap masalah itu. Mereka memandang kebangkitan selepas mati itu sebagai suatu perkara yang aneh, tiada siapa yang mahu memperkatakannya kecuali orang yang dirasukkan jin yang meracau dengan perkataan-perkataan yang ganjil dan pelik atau orang yang suka mengada-adakan pembohongan dan mengata-ngatakan sesuatu yang tidak mungkin berlaku.

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ هَلْ نَدُلُّكُمْ عَلَىٰ رَجُلٍ يُنَبِّئُكُمْ إِذَا مُزِّقْتُمْ كُلَّ مُمَزَّقٍ إِنَّكُمْ لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿٧﴾ أَفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَم بِهِۦ جِنَّةٌۢ ۗ بَلِ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ فِى ٱلْعَذَابِ وَٱلضَّلَٰلِ ٱلْبَعِيدِ ﴿٨﴾

"Dan orang-orang kafir telah berkata (mengejek): Mahukah kami tunjukkan kepada kamu seorang lelaki (Muhammad) yang memberitakan kepada kamu bahawa apabila (badan) kamu telah dihancurleburkan kamu akan dihidupkan kembali dalam bentuk kejadian yang baru? (7) Apakah dia mengadakan pendustaan terhadap Allah atau dia terkena penyakit gila? Bahkan sebenarnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu berada di dalam keseksaan dan kesesatan yang amat jauh."(8)

Sampai ke tahap ini mereka merasa hairan dan pelik terhadap masalah kebangkitan selepas mati. Mereka membangkitkan kehairanan orang ramai terhadap orang yang mengemukakan masalah itu dengan kata-kata ejekan yang tajam:

هَلْ نَدُلُّكُمْ عَلَىٰ رَجُلٍ يُنَبِّئُكُمْ إِذَا مُزِّقْتُمْ كُلَّ مُمَزَّقٍ إِنَّكُمْ لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿٧﴾

"Mahukah kami tunjukkan kepada kamu seorang lelaki (Muhammad) yang memberitakan kepada kamu bahawa apabila (badan) kamu telah dihancurleburkan, kamu akan dihidupkan kembali dalam bentuk kejadian yang baru?"(7)

Yakni sukakah kamu jika kami tunjukkan seorang lelaki yang pelik dan ganjil yang mengeluarkan pendapat yang tidak dapat diterima dan mustahil sehingga ia sanggup mengatakan bahawa selepas kamu mati dan badan kamu hancur reput dan lebur selebur-leburnya, kelak kamu akan dihidupkan kembali dan balik semula ke alam al-wujud?

Mereka terus melahirkan kehairanan dan ejekan mereka:

أَفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَم بِهِۦ جِنَّةٌۢ ۗ

"Apakah dia mengadakan pendustaan terhadap Allah atau dia terkena penyakit gila?"(8)

Yakni menurut anggapan mereka tidak ada orang yang sanggup mengeluarkan perkataan yang seperti ini melainkan seorang pendusta yang mereka-rekakan pembohongan terhadap Allah atau seorang yang dirasukkan jin yang meracau dan mengeluarkan perkataan-perkataan yang aneh.

Mengapa semuanya ini? Kerana beliau mengatakan kepada mereka bahawa kamu kelak akan dihidupkan kembali. Apakah yang dihairankan mereka sedangkan mereka telah pun diciptakan Allah pada kali yang pertama? Mereka tidak melihat keajaiban penciptaan mereka pada kali yang pertama itu. Andainya mereka melihat dan merenunginya dengan teliti dan insaf tentulah mereka tidak akan hairankan penciptaan mereka pada kali yang kedua. Tetapi mereka hanyut dalam kesesatan dan tidak mendapat hidayat kerana itu Al-Qur'an mengulaskan ejekan dan kehairanan mereka dengan ulasan yang amat tajam dan menggerunkan:

بَلِ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ فِى ٱلْعَذَابِ وَٱلضَّلَٰلِ ٱلْبَعِيدِ ﴿٨﴾

"Bahkan sebenarnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu berada di dalam keseksaan dan kesesatan yang amat jauh."(8)

Yang dimaksudkan dengan keseksaan di sini mungkin ialah keseksaan 'azab di Akhirat. Mereka digambarkan seolah-olah sedang berada di dalam

keseksaan itu kerana mereka pasti terjerumus di dalam keseksaan itu sebagaimana mereka terjerumus di dalam kesesatan yang amat jauh yang tidak ada harapan lagi untuk mendapat hidayat. Mungkin juga keseksaan itu dimaksudkan dengan pengertian yang lain iaitu dengan pengertian bahawa orang-orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat adalah sentiasa hidup di dalam keseksaan sebagaimana mereka sentiasa hidup di dalam kesesatan. Ini adalah satu hakikat yang amat mendalam, kerana orang yang hidup tanpa kepercayaan kepada hari Akhirat itu adalah hidup di dalam keseksaan jiwa. Dia tidak mempunyai apa-apa harapan untuk mendapat kesaksamaan, keadilan, balasan, ganjaran dan pampasan dari kesusahan-kesusahan yang ditemui di dalam hidupnya, sedangkan dalam hidup ini penuh dengan ujian dan kesusahan yang tidak sanggup dihadapi manusia kecuali ada di dalam hatinya harapan yang baik di Akhirat, iaitu harapan mendapat pahala kepada yang membuat kebaikan dan menerima hukuman 'azab kepada yang membuat kejahatan, juga kecuali dia ingin mencari keredhaan Allah di alam Akhirat, di mana segala amalannya tidak hilang sama ada kecil atau besar, walaupun amalan-amalan mereka itu hanya seberat biji sawi yang tersembunyi di dalam batu atau tersembunyi di langit atau di bumi, nescaya ia dibalas Allah. Orang yang tidak mempunyai jendela (alam Akhirat) yang terang dan selesa ini tidak syak lagi akan hidup di dalam keseksaan batin, di samping hidup di dalam kesesatan. Dia hidup di dalam keseksaan dan kesesatan di muka bumi sebelum dia menerima 'azab keseksaan pada hari Akhirat sebagai balasan di atas keseksaan yang dihayatinya di alam dunia.

Kepercayaan kepada hari Akhirat merupakan satu rahmat dan ni'mat yang dikurniakan Allah kepada para hamba-Nya yang wajar menerima rahmat dan ni'mat itu iaitu para hamba-Nya yang ikhlas kekuatannya, yang sentiasa mencari kebenaran dan cintakan hidayat. Bagai saya inilah pengertian yang dimaksudkan oleh ayat tadi. Ia meletakkan orang-orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat itu terumbang-ambing di antara 'azab keseksaan batin dengan kesesatan yang amat jauh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 9)

Kemudian ayat berikut menyedarkan orang-orang yang mendustakan hari Akhirat itu dengan satu pemandangan bencana alam yang menimpa mereka - jika Allah kehendaki - sedangkan mereka terus berada di dalam kesesatan yang amat jauh, iaitu pemandangan mereka ditelan bumi atau ditimpa serpihan-serpihan dari langit:

أَفَلَمْ يَرَوْا إِلَىٰ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُم مِّنَ السَّمَاءِ
وَالْأَرْضِ ۚ إِن نَّشَأْ نَخْسِفْ بِهِمُ الْأَرْضَ أَوْ نُسْقِطْ
عَلَيْهِمْ كِسَفًا مِّنَ السَّمَاءِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً
لِّكُلِّ عَبْدٍ مُّنِيبٍ ﴿٩﴾

"Apakah mereka tidak melihat kejadian-kejadian (yang terpampang) di hadapan dan di belakang mereka dari langit dan bumi? Jika Kami kehendaki nescaya Kami benamkan mereka ke dalam bumi atau Kami gugurkan serpihan-serpihan dari langit. Sesungguhnya kejadian-kejadian sedemikian menjadi bukti bagi setiap hamba yang kembali kepada Allah."(9)

Itulah satu pemandangan bencana alam yang dahsyat yang dapat ditanggap mereka dari peristiwa-peristiwa yang disaksikan mereka setiap masa, kerana peristiwa manusia ditelan bumi itu memang berlaku dan disaksikan orang ramai dan diterangkan dalam cerita-cerita dan kisah-kisah. Peristiwa jatuhnya serpihan-serpihan dari langit juga berlaku ketika gugurnya tahi bintang dan ketika berlakunya kejadian-kejadian petir. Mereka memang pernah melihat atau mendengar peristiwa-peristiwa yang seperti ini. Sentuhan ini menyedarkan manusia-manusia yang lalai yang tidak percaya kepada kedatangan hari Qiamat itu, sedangkan 'azab keseksaan Allah amat dekat kepada mereka jika Allah hendak mengazabkan mereka di dunia ini sebelum datangnya hari Qiamat. 'Azab itu boleh menimpa mereka (bila-bila masa sahaja) di bumi ini. Langit yang berada di hadapan dan di belakang mereka sedang mengepung mereka dan tidak jauh dari mereka seperti jauhnya hari Qiamat yang tersembunyi di dalam ilmu Allah. Tiada orang yang merasa aman dari 'azab Allah melainkan hanya golongan orang-orang yang fasiq sahaja.

Peristiwa-peristiwa bencana alam yang disaksikan mereka dari langit dan bumi dan gempa bumi atau gugurnya kepingan-kepingan langit yang diduga mungkin berlaku pada bila-bila masa itu merupakan bukti kekuasaan Allah yang menyedarkan hati yang ingin kembali kepada Allah:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّكُلِّ عَبْدٍ مُّنِيبٍ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya kejadian-kejadian yang sedemikian menjadi bukti bagi setiap hamba yang kembali kepada Allah"(9)

yang tidak terjerumus ke dalam kesesatan yang amat jauh.

(Kumpulan ayat-ayat 10 - 21)

وَلَقَدْ آتَيْنَا دَاوُودَ مِنَّا فَضْلًا ۖ يَا جِبَالُ أَوِّبِي مَعَهُ
وَالطَّيْرَ ۖ وَأَلَنَّا لَهُ الْحَدِيدَ ﴿١٠﴾
أَنِ اعْمَلْ سَابِغَاتٍ وَقَدِّرْ فِي السَّرْدِ ۖ وَاعْمَلُوا
صَالِحًا ۖ إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١﴾

وَلِسُلَيْمَٰنَ ٱلرِّيحَ غُدُوُّهَا شَهْرٌ وَرَوَاحُهَا شَهْرٌ ۖ
وَأَسَلْنَا لَهُۥ عَيْنَ ٱلْقِطْرِ ۖ وَمِنَ ٱلْجِنِّ مَن يَعْمَلُ بَيْنَ
يَدَيْهِ بِإِذْنِ رَبِّهِۦ ۖ وَمَن يَزِغْ مِنْهُمْ عَنْ أَمْرِنَا نُذِقْهُ
مِنْ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ١٢
يَعْمَلُونَ لَهُۥ مَا يَشَآءُ مِن مَّحَٰرِيبَ وَتَمَٰثِيلَ وَجِفَانٍ
كَٱلْجَوَابِ وَقُدُورٍ رَّاسِيَٰتٍ ۚ ٱعْمَلُوٓا۟ ءَالَ دَاوُۥدَ شُكْرًا ۚ
وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِىَ ٱلشَّكُورُ ١٣
فَلَمَّا قَضَيْنَا عَلَيْهِ ٱلْمَوْتَ مَا دَلَّهُمْ عَلَىٰ مَوْتِهِۦٓ إِلَّا
دَآبَّةُ ٱلْأَرْضِ تَأْكُلُ مِنسَأَتَهُۥ ۖ فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ
ٱلْجِنُّ أَن لَّوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ٱلْغَيْبَ مَا لَبِثُوا۟ فِى ٱلْعَذَابِ
ٱلْمُهِينِ ١٤
لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِى مَسْكَنِهِمْ ءَايَةٌ ۖ جَنَّتَانِ عَن يَمِينٍ
وَشِمَالٍ ۖ كُلُوا۟ مِن رِّزْقِ رَبِّكُمْ وَٱشْكُرُوا۟ لَهُۥ ۚ بَلْدَةٌ
طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ ١٥
فَأَعْرَضُوا۟ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ ٱلْعَرِمِ وَبَدَّلْنَٰهُم
بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتَىْ أُكُلٍ خَمْطٍ وَأَثْلٍ وَشَىْءٍ
مِّن سِدْرٍ قَلِيلٍ ١٦
ذَٰلِكَ جَزَيْنَٰهُم بِمَا كَفَرُوا۟ ۖ وَهَلْ نُجَٰزِىٓ إِلَّا
ٱلْكَفُورَ ١٧
وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ ٱلْقُرَى ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا قُرًى
ظَٰهِرَةً وَقَدَّرْنَا فِيهَا ٱلسَّيْرَ ۖ سِيرُوا۟ فِيهَا لَيَالِىَ وَأَيَّامًا
ءَامِنِينَ ١٨
فَقَالُوا۟ رَبَّنَا بَٰعِدْ بَيْنَ أَسْفَارِنَا وَظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ
فَجَعَلْنَٰهُمْ أَحَادِيثَ وَمَزَّقْنَٰهُمْ كُلَّ مُمَزَّقٍ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ
لَءَايَٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ١٩
وَلَقَدْ صَدَّقَ عَلَيْهِمْ إِبْلِيسُ ظَنَّهُۥ فَٱتَّبَعُوهُ إِلَّا
فَرِيقًا مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٢٠
وَمَا كَانَ لَهُۥ عَلَيْهِم مِّن سُلْطَٰنٍ إِلَّا لِنَعْلَمَ مَن
يُؤْمِنُ بِٱلْءَاخِرَةِ مِمَّنْ هُوَ مِنْهَا فِى شَكٍّ ۗ وَرَبُّكَ
عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَفِيظٌ ٢١

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan limpah kurnia Kami kepada Daud. (Kami berfirman): Wahai gunung-ganang dan burung-burung! Ulangilah ucapan tasbih bersama Daud, dan Kami juga telah melembutkan besi untuknya (10). (Kami berfirman): Buatlah baju-baju besi yang labuh dan ukurlah jalinannya dengan rapi. (Wahai Daud dan keluargamu!) Kerjakanlah amalan-amalan yang salih. Sesungguhnya Aku amat melihat segala apa yang dilakukan kamu (11). Dan dikurniakan penggunaan angin kepada Sulaiman, perjalanan pergi dengan tiupannya mengambil masa sebulan dan perjalanan balik dengan tiupan mengambil masa sebulan juga. Dan Kami alirkan baginya matair tembaga, dan (Kami tundukkan) kepadanya sebahagian jin (sebagai buruh) yang bekerja di hadapannya dengan izin Tuhannya. Dan barang siapa (di antara jin itu) yang menyeleweng dari perintah Kami nescaya Kami akan rasakannya 'azab Neraka yang bernyala-nyala (12). Jin-jin itu membuat untuknya (Sulaiman) apa sahaja yang dikehendakinya dari bangunan-bangunan (rumah ibadat), patung-patung, pinggan-pinggan besar seperti kolam-kolam dan periuk-periuk yang ditegakkan di atas tungkunya. Wahai keluarga Daud! Beramallah kamu untuk bersyukur, dan amat sedikit terdapat di antara hamba-hamba-Ku orang yang banyak bersyukur (13). Apabila Kami telah menetapkan kematiannya (Sulaiman) tidak ada yang menunjukkan kematiannya itu kepada mereka (jin-jin) kecuali binatang anai-anai yang memakan tongkatnya. Oleh itu apabila dia (Sulaiman) jatuh ternyatalah kepada jin-jin itu sekiranya mereka mengetahui perkara ghaib tentulah mereka tidak tinggal (sebegitu lama) di dalam 'azab (kerja berat) yang menghinakan itu (14). Sesungguhnya bagi penduduk-penduduk Saba' itu satu bukti kekuasaan Allah di tempat kediaman mereka iaitu dua kebun (yang luas dan subur) di sebelah kanan dan di sebelah kiri (perkampungan mereka, lalu Kami berfirman): Makanlah dari rezeki Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya (negeri kamu) adalah negeri yang makmur dan (Tuhan kamu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun (15). Tetapi mereka berpaling (dari keta'atan dan kesyukuran), lalu Kami lepaskan banjir batu batan (yang membinasakan mereka) dan Kami tukarkan dua kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kebun yang ditumbuhi pokok-pokok Khamt dan pokok-pokok Athl serta sedikit pokok-pokok bidara (16). Demikianlah Kami membalas mereka dengan sebab kekufuran mereka dan kami tidak menimpakan balasan 'azab melainkan terhadap orang yang amat kufur (17). Dan kami jadikan di antara (negeri) mereka dengan negeri-negeri yang Kami berkati itu beberapa negeri berdekatan yang kelihatan jelas dan Kami tentukan jarak perjalanan yang selesa di antaranya (Kami berfirman): Berjalanlah kamu di negeri-negeri itu malam dan siang dengan aman sentosa (18). Kemudian mereka berkata:

Wahai Tuhan kami! Jauhkan jarak perjalanan-perjalanan kami, dan mereka telah menzalimi diri sendiri lalu Kami jadikan (peristiwa kebinasaan) mereka buah mulut orang ramai dan Kami pecahbelahkan mereka bertaburan (di merata negeri), sesungguhnya kisah mereka itu menjadi pengajaran-pengajaran kepada setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur (19). Dan sesungguhnya tepatlah sangkaan Iblis terhadap mereka, lalu mereka menurutnya kecuali segolongan dari orang-orang yang beriman (20). Dan sebenarnya Iblis tidak mempunyai sebarang kuasa di atas mereka melainkan supaya Kami mengetahui (di alam kenyataan) siapa yang beriman kepada hari Akhirat dan siapa yang ragu-ragu terhadapnya, dan Tuhanmu sentiasa mengawasi segala sesuatu."(21)

Pusingan ini mengandungi gambaran-gambaran kesyukuran dan kesombongan, juga gambaran-gambaran bagaimana Allah menundukkan kepada hamba-hamba-Nya yang dikehendaki-Nya kuasa-kuasa alam dan makhluk jin yang tidak biasa ditundukkan kepada manusia kerana kudrat dan kehendak Allah tidak terikat dengan adat kebiasaan manusia. Dari gambaran-gambaran itu terdedahlah beberapa hakikat mengenai syaitan yang disembah oleh setengah-setengah kaum Musyrikin atau yang dipinta ilmu ghaib pada mereka, sedangkan mereka tidak mengetahuinya, juga hakikat sebab godaan syaitan yang mempengaruhi manusia iaitu syaitan sebenarnya tidak mempunyai sebarang kuasa di atas manusia kecuali manusia sendiri menyerahkan dirinya kepada syaitan, juga hakikat tadbir Allah yang mendedahkan akibat-akibat amalan manusia yang tersembunyi supaya mereka menerima balasannya pada hari Akhirat. Pusingan ini ditamatkan dengan cerita hari Akhirat sebagaimana ditamatkan dengannya pada pusingan yang pertama.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 11)

Mu'jizat Nabi Daud a.s.

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا دَاوُۥدَ مِنَّا فَضْلًا ۖ يَٰجِبَالُ أَوِّبِى مَعَهُۥ وَٱلطَّيْرَ ۖ وَأَلَنَّا لَهُ ٱلْحَدِيدَ ﴿١٠﴾

أَنِ ٱعْمَلْ سَٰبِغَٰتٍ وَقَدِّرْ فِى ٱلسَّرْدِ ۖ وَٱعْمَلُوا۟ صَٰلِحًا ۖ إِنِّى بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan limpah kurnia Kami kepada Daud. (Kami berfirman): Wahai gunung-ganang dan burung-burung! Ulangilah ucapan tasbih bersama Daud, dan Kami juga telah melembutkan besi untuknya (10). (Kami berfirman): Buatlah baju-baju besi yang labuh dan ukurlah jalinannya dengan rapi. (Wahai Daud dan keluargamu!) Kerjakanlah amalan-amalan yang salih. Sesungguhnya Aku amat melihat segala apa yang dilakukan kamu."(11)

Daud ialah seorang hamba yang ta'at dan kembali kepada Allah sebagaimana telah disebut pada akhir pusingan yang pertama:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّكُلِّ عَبْدٍ مُّنِيبٍ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya kejadian-kejadian sedemikian menjadi bukti bagi setiap hamba yang kembali kepada Allah."(9)

Ayat ini mengulaskan kisah Daud dan menyebutkan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah kepadanya:

يَٰجِبَالُ أَوِّبِى مَعَهُۥ وَٱلطَّيْرَ ۖ

"Wahai gunung-ganang dan burung-burung."(10)

Menurut riwayat-riwayat, Nabi Allah Daud a.s. telah dikurniakan suara yang amat merdu dan luar biasa. Dengan suara itulah beliau membaca mazamirnya iaitu kumpulan-kumpulan nasyid tasbih dan do'a yang sebahagiannya termuat di dalam kitab perjanjian lama. Hanya Allah jua yang mengetahui kesahihannya. Tersebut di dalam sahih bahawa Rasulullah s.a.w. telah mendengar suara Abu Musa al-Asy'ari r.a. sedang membaca di waktu malam. Beliau berhenti kerana mendengar bacaannya itu kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda:

لقد أوتي هذا مزماراً من زمامير آل داود

"Sesungguhnya dia ini (Abu Musa) telah dikurniakan seruling (suara merdu) dari seruling-seruling keluarga Daud."

Ayat ini menggambarkan limpah kurnia Allah yang tinggi ke atas Nabi Daud a.s. hingga tersingkap segala hijab di antaranya dengan makhluk-makhluk yang lain dan berpadulah hakikatnya dengan hakikat makhluk-makhluk itu dalam ucapan tasbih memuji Allah. Ucapan-ucapan tasbih beliau telah diikuti oleh gunung-ganang dan burung-burung kerana di sana tidak ada lagi hijab di antara beliau dengan makhluk-makhluk itu apabila semuanya berhubung serentak dan secara langsung dengan Allah S.W.T. Segala perbezaan jenis kejadian juga turut terhapus dan semuanya kembali kepada hakikat ladunni yang satu dan semuanya berpadu bertasbih kepada Allah dan bertemu dalam sebuah lagu. Itulah darjat kejernihan, keluhuran dan tajarrud yang tidak dapat dicapai oleh seseorang melainkan dengan limpah kurnia Allah yang menghapuskan hijab entiti fizikal dan memulangkannya kepada entiti ladunni, di sanalah bertemunya seluruh alam buana dengan segala isi dan penghuninya tanpa hijab dan pagar.

Apabila suara Nabi Daud berkumandang membaca mazamirnya dan memuji Allah, maka gunung-ganang dan burung-burung turut mengumandangkan bacaannya. Seluruh alam entiti buana yang sama bersahut-sahutan melagukan bacaan yang bergema itu dan bertawajjuh kepada Allah Yang Tunggal. Itulah detik-detik masa yang amat menarik yang tidak dapat dikecapi melainkan oleh orang yang biasa mengalaminya walaupun sesa'at di dalam hidupnya.

وَأَلَنَّا لَهُ ٱلْحَدِيدَ ﴿١٠﴾

"Dan kami juga telah melembutkan besi untuknya."(10)

Ini satu lagi limpah kurnia Allah kepada beliau. Dari ungkapan ayat ini ternampak jelas bahawa

kelembutan besi di tangan Daud itu merupakan satu perkata luar biasa bukannya perkara biasa kepada manusia. Kelembutan besi itu bukannya kerana ia dipanaskan sehingga menjadi lembut, dan boleh ditokol, malah itulah mu'jizat Daud yang dapat melembutkan besi tanpa menggunakan cara pelembutan biasa, walaupun keterangan ini merupakan semata-mata petunjuk untuk melembutkan besi dengan cara memanaskan besi, namun ia juga dikirakan sebagai salah satu kurnia Allah yang wajar disebut, tetapi kami tetap terpengaruh dengan suasana penerangan ayat ini dan bayangan-bayangannya yang menerangkan mu'jizat-mu'jizat yang luar biasa.

أَنِ ٱعْمَلْ سَٰبِغَٰتٍ وَقَدِّرْ فِى ٱلسَّرْدِ

"(Kami berfirman): Buatlah baju-bau besi yang labuh dan ukurlah jalinannya dengan rapi."(11)

Menurut riwayat baju-baju besi sebelum Nabi Daud a.s. adalah dibuat dalam bentuk kepingan-kepingan besi sahaja yang menyebabkan tubuh pemakainya menjadi keras dan berat. Lalu Allah mengilhamkan Nabi Daud a.s. supaya membuat baju itu dari jalinan-jalinan besi yang lembut yang mudah dibentuk dan digerakkan mengikut pergerakan tubuh badan. Allah menyuruh beliau menyempitkan jalinan besi-besi itu supaya kukuh dan kuat tidak dapat ditembusi tikaman lembing. Itulah maksud:

وَقَدِّرْ فِى ٱلسَّرْدِ

"Ukurlah jalinannya dengan rapi"(11)

semuanya ini melalui ilham dan taklimat dari Allah. Kemudian Daud dan keluarganya diperintah:

وَٱعْمَلُوا۟ صَٰلِحًا ۖ إِنِّى بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١﴾

"(Wahai keluarga Daud!) Kerjakanlah amalan-amalan yang salih), sesungguhnya Aku amat melihat segala apa yang dilakukan kamu."(11)

Yakni Allah bukan sahaja melihat baju-baju besi, malah melihat segala apa yang dilakukan kamu. Oleh itu hendaklah kamu bermuraqabah dengan Allah yang melihat segala apa yang dilakukan kamu dan membalasnya dengan balasan yang setimpal. Tiada suatu pun yang terluput dari ilmu-Nya dan segala-galanya adalah dilihat oleh Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 14)

Itulah ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah kepada Nabi Daud a.s. Adapun Nabi Sulaiman a.s. maka beliau telah dikurniakan ni'mat-ni'mat yang lain pula:

Mu'jizat Nabi Sulaiman a.s.

وَلِسُلَيْمَٰنَ ٱلرِّيحَ غُدُوُّهَا شَهْرٌ وَرَوَاحُهَا شَهْرٌ ۖ

وَأَسَلْنَا لَهُۥ عَيْنَ ٱلْقِطْرِ ۖ وَمِنَ ٱلْجِنِّ مَن يَعْمَلُ بَيْنَ
يَدَيْهِ بِإِذْنِ رَبِّهِۦ ۖ وَمَن يَزِغْ مِنْهُمْ عَنْ أَمْرِنَا نُذِقْهُ
مِنْ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١٢﴾
يَعْمَلُونَ لَهُۥ مَا يَشَآءُ مِن مَّحَٰرِيبَ وَتَمَٰثِيلَ وَجِفَانٍ
كَٱلْجَوَابِ وَقُدُورٍ رَّاسِيَٰتٍ ۚ ٱعْمَلُوٓا۟ ءَالَ دَاوُۥدَ شُكْرًا ۚ
وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِىَ ٱلشَّكُورُ ﴿١٣﴾

"Dan dikurniakan penggunaan angin kepada Sulaiman, perjalanan pergi dengan tiupannya mengambil masa sebulan dan perjalanan balik dengan tiupan mengambil masa sebulan juga. Dan Kami alirkan baginya matair tembaga, dan (Kami tundukkan) kepadanya sebahagian jin (sebagai buruh) yang bekerja di hadapannya dengan izin Tuhannya. Dan barang siapa (di antara jin itu) yang menyeleweng dari perintah Kami nescaya Kami akan rasakannya 'azab Neraka yang bernyala-nyala (12). Jin-jin itu membuat untuknya (Sulaiman) apa sahaja yang dikehendakinya dari bangunan-bangunan (rumah ibadat), patung-patung, pinggan-pinggan besar seperti kolam-kolam dan periuk-periuk yang ditegakkan di atas tungkunya. Wahai keluarga Daud! Beramallah kamu untuk bersyukur, dan amat sedikit terdapat di antara hamba-hamba-Ku orang yang banyak bersyukur."(13)

Berbagai-bagai riwayat mengisahkan tentang bagaimana angin itu ditundukkan untuk penggunaan Nabi Sulaiman a.s., dan di dalam riwayat-riwayat itu nampak jelas bayang-bayang dongeng Israel walaupun kitab-kitab Yahudi yang asal sendiri tidak menyebut apa-apa tentang cerita-cerita itu. Menjauhkan diri dari riwayat-riwayat yang seperti itu adalah lebih baik, dan berpada dengan nas Al-Qur'an sahaja adalah lebih selamat, iaitu berhenti setakat keterangannya yang zahir sahaja tanpa melewatinya. Apa yang dapat difaham dari nas Al-Qur'an itu ialah Allah S.W.T. telah menundukkan angin kepada Nabi Sulaiman dan menjadikan perjalanan pemergian ke negeri yang tertentu dengan tiupan angin itu (tersebut dalam Surah al-Anbia negeri itu ialah Baitul-Muqaddis) mengambil masa sebulan dan baliknya pula mengambil masa sebulan juga kerana sesuatu kepentingan yang dapat dicapai oleh Nabi Sulaiman a.s. dari pemergian dan kepulangannya dengan tiupan angin yang diperintah oleh Allah itu. Kita tidak dapat menerangkan lebih jauh dari ini supaya kita tidak terjerumus di dalam dongeng-dongeng yang tidak berasas.

وَأَسَلْنَا لَهُۥ عَيْنَ ٱلْقِطْرِ ۖ

"Dan Kami alirkan baginya mata air tembaga."(12)

Cara penerangan ayat ini juga menunjukkan bahawa pengaliran leburan atau cecair tembaga itu merupakan satu perkara mu'jizat yang luar biasa sama

seperti mu'jizat pelembutan besi yang dikurniakan kepada Nabi Daud a.s. Boleh jadi pengaliran itu berlaku dengan cara Allah mengalirkan mata cecair tembaga gunung berapi dari dalam bumi atau Allah memberi ilham kepadanya meleburkan tembaga menjadi cair dan mengalir sehingga boleh ditokol dan dituang. Ini adalah satu limpah kurnia Allah yang amat besar.

وَمِنَ ٱلْجِنِّ مَن يَعْمَلُ بَيْنَ يَدَيْهِ بِإِذْنِ رَبِّهِۦ

"Dan (Kami tundukkan) kepadanya sebahagian jin (sebagai buruh) yang bekerja di hadapannya dengan izin Tuhannya."(12)

Allah juga telah menundukkan kepada beliau sekumpulan jin yang bekerja di bawah perintahnya dengan izin Allah. Pengertian kalimah jin ialah segala sesuatu yang tersembunyi, yang tidak dapat dilihat oleh manusia. Di sana ada makhluk yang dinamakan Allah jin. Kita tidak mengetahui tentang makhluk ini melainkan sekadar apa yang telah diterangkan Allah mengenai keadaan mereka. Di dalam ayat ini Al-Qur'an menyebut bahawa Allah telah menundukkan sebahagian dari makhluk jin itu kepada Nabi Sulaiman a.s. Sesiapa di antara mereka yang derhaka kepada beliau akan mendapat 'azab Allah:

وَمَن يَزِغْ مِنْهُمْ عَنْ أَمْرِنَا نُذِقْهُ مِنْ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١٢﴾

"Dan barang siapa di antara jin itu yang menyeleweng dari perintah Kami nescaya Kami akan rasakannya 'azab Neraka yang bernyala-nyala."(12)

Ulasan ini, iaitu sebelum habis penceritaan mengenai penundukan itu mungkin dibuat dengan tujuan untuk menerangkan bahawa makhluk jin itu adalah tunduk kepada Allah, sedangkan setengah-setengah kaum Musyrikin menyembah mereka selain Allah pada hal jin-jin itu sama seperti mereka, iaitu sama-sama terdedah kepada 'azab Allah apabila mereka menyeleweng dari perintah Allah.

Jin-jin itu telah dijadikan pekerja-pekerja Nabi Sulaiman a.s.:

يَعْمَلُونَ لَهُۥ مَا يَشَآءُ مِن مَّحَٰرِيبَ وَتَمَٰثِيلَ وَجِفَانٍ
كَٱلْجَوَابِ وَقُدُورٍ رَّاسِيَٰتٍ ۚ ٱعْمَلُوٓا۟ ءَالَ دَاوُۥدَ شُكْرًا ۚ
وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِىَ ٱلشَّكُورُ ﴿١٣﴾

"Jin-jin itu membuat untuknya (Sulaiman) apa sahaja yang dikehendakinya dari bangunan-bangunan (rumah ibadat), patung-patung, pinggan-pinggan besar seperti kolam-kolam dan periuk-periuk yang ditegakkan di atas tungkunya. Wahai keluarga Daud! Beramallah kamu untuk bersyukur, dan amat sedikit terdapat di antara hamba-hamba-Ku orang yang banyak bersyukur."(13)

Yang dimaksudkan dengan *"bangunan"* (محاريب) ialah tempat-tempat ibadat. Yang dimaksudkan dengan *"patung-patung"* (تماثيل) ialah gambar-gambar dari tembaga, kayu dan sebagainya. Yang dimaksudkan *"seperti kolam-kolam"* ialah jin-jin itu telah membuat pinggan-pinggan yang besar untuk hidangan makanan seolah-olah seperti kolam. Mereka juga telah membuat periuk-periuk yang besar untuk memasak yang ditegakkan di atas tungku-tungkunya. Semuanya adalah contoh-contoh kerja jin yang ditundukkan kepada Nabi Sulaiman supaya membuat apa-apa yang dikehendakinya dengan izin Allah. Semuanya merupakan kerja-kerja luar biasa yang tidak dapat difikir selain dari ianya suatu mu'jizat dari ciptaan Allah. Inilah satu-satunya pentafsiran yang jelas.

Kemudian penceritaan ini ditamatkan dengan perintah yang ditujukan kepada keluarga Daud:

ٱعْمَلُوٓا۟ ءَالَ دَاوُۥدَ شُكْرًا ۚ

"Wahai keluarga Daud! Beramallah kamu untuk bersyukur."(13)

Yakni kami telah tundukkan semuanya itu kepada Nabi Daud dan Nabi Sulaiman a.s. Oleh itu wahai keluarga Daud! Beramallah untuk menyatakan kesyukuran kamu kepada Allah bukannya untuk bermegah-megah dengan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah itu, dan amalan yang salih itu merupakan pernyataan kesyukuran yang besar kepada Allah.

وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِىَ ٱلشَّكُورُ ﴿١٣﴾

"Dan amat sedikit terdapat di antara hamba-hamba-Ku orang yang banyak bersyukur."(13)

Ini adalah satu ulasan yang menjelaskan hakikat dan memberi bimbingan yang selalu dibuat oleh Al-Qur'an ketika mengemukakan kisah-kisah tertentu. Ulasan ini bertujuan mendedahkan kebesaran limpah kurnia dan ni'mat-ni'mat Allah hingga tidak terdaya disyukuri manusia, juga untuk mendedahkan kecuaian manusia mensyukuri ni'mat dan limpah kurnia Allah. Tetapi walau bagaimana sekalipun mereka bersyukur, namun mereka tidak juga dapat memenuhinya. Bagaimana pula jika dari awal lagi mereka lalai dan cuai dari bersyukur kepadanya?

Apakah yang terdaya dilakukan oleh manusia yang mempunyai daya tenaga yang terbatas itu untuk mensyukuri ni'mat-ni'mat Allah yang tidak terbatas itu?

وَإِن تَعُدُّوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ ۗ

"Dan jika kamu menghitungkan ni'mat Allah nescaya kamu tidak, terdaya menghitungkannya."

(Surah Ibrahim: 34)

Ni'mat-ni'mat Allah itu menyelubungi manusia dari atas kepala hingga ke bawah kakinya, dari kanan hingga ke kirinya, malah ni'mat itu tersirat dalam diri mereka dan terpancar darinya, kerana diri manusia merupakan salah satu dari ni'mat-ni'mat Allah yang amat besar.

Pada suatu masa kami berbual-bual dan bertukar-tukar fikiran. Kami memperkatakan apa sahaja yang

terlintas di dalam hati kami, tiba-tiba datang kucing kami "Susu" mengelilingi kami seolah-olah mencari sesuatu atau meminta sesuatu dari kami, tetapi ia tidak dapat bercakap dan kami tidak dapat memahaminya hingga kami mendapat ilham dari Allah bahawa ia mahukan air dan memang benar ia mahukan air. Ia sangat dahaga tetapi ia tidak berupaya untuk bercakap dan memberi isyarat. Di sa'at ini kami dapat memahami sekelumit dari ni'mat bercakap, ni'mat menerang dengan lidah dan ni'mat kefahaman yang dikurniakan Allah kepada kita manusia dan pada sa'at itu hati kami dipenuhi rasa kesyukuran. Bagaimana pula hendak mensyukuri ni'mat-ni'mat Allah yang lain yang melimpah-ruah.

Pada suatu masa yang lain kami telah dinafikan sekian lama dari ni'mat melihat matahari,[1] hanya sorotan cahayanya yang tidak lebih dari sebesar duit syiling kadang-kadang menembusi kepada kami. Setiap orang dari kami berdiri di hadapan sorotan cahaya ini sambil mengusapkannya ke atas mukanya, dua tangannya, dadanya, belakangnya, perutnya dan dua tapak kakinya seberapa yang dapat, kemudian tempatnya diambil oleh saudaranya yang lain pula untuk meni'mati sorotan cahaya itu sama seperti yang dini'matinya tadi. Selepas itu saya tidak lupa hari pertama kami dapat melihat matahari itu sendiri. Saya tidak lupa kegembiraan dan kegirangan yang terbayang jelas di wajah setiap orang dari kami, malah terbayang di seluruh anggota kami sambil melepaskan ucapan yang panjang: Allah! Ini dia matahari. Rupanya matahari Tuhan kita masih memancar terang, Alhamdulillah.

Berapa banyak kita hamburkan cahaya yang menyegarkan itu setiap hari ketika kita bermandi di dalam nur matahari dan kehangatannya dan ketika kita merenangi dan menyelam di dalam ni'mat Allah? Berapa banyak kita bersyukur terhadap ni'mat cahaya yang mewah tanpa bayaran dan penat lelah itu?

Apabila kita terus memikirkan ni'mat-ni'mat Allah dengan sedemikian, maka kita akan habiskan seluruh umur dan tenaga kita tanpa sampai ke mana-mana. Oleh itu cukuplah bagi kita dengan isyarat ayat Al-Qur'an supaya setiap hati memikirkan ni'mat-ni'mat Allah dan mengikuti kesan-kesannya untuk mensyukurinya sebanyak yang ditaufiqkan Allah, kerana bersyukur merupakan salah satu ni'mat Allah yang dikurniakan Allah kepada yang wajar menerimanya, iaitu orang yang bertawajjuh kepada-Nya dengan penuh keikhlasan.

Kemudian marilah kita terus mengikuti ayat-ayat seterusnya mengenai kisah Nabi Sulaiman a.s. dalam babaknya yang terakhir, iaitu babak kewafatan Nabi Sulaiman a.s. sedangkan jin-jin terus bekerja melaksanakan kerja-kerja yang ditugaskan oleh beliau tanpa mengetahui kewafatannya sehingga ditunjukkan oleh binatang anai-anai yang memakan tongkat beliau dan menyebabkan beliau jatuh:

فَلَمَّا قَضَيْنَا عَلَيْهِ ٱلْمَوْتَ مَا دَلَّهُمْ عَلَىٰ مَوْتِهِۦٓ إِلَّا دَآبَّةُ ٱلْأَرْضِ تَأْكُلُ مِنسَأَتَهُۥ ۖ فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ ٱلْجِنُّ أَن لَّوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ٱلْغَيْبَ مَا لَبِثُوا۟ فِى ٱلْعَذَابِ ٱلْمُهِينِ ﴿١٤﴾

"Apabila Kami telah menetapkan kematiannya (Sulaiman) tidak ada yang menunjukkan kematiannya itu kepada mereka (jin-jin) kecuali binatang anai-anai yang memakan tongkatnya. Oleh itu apabila dia (Sulaiman) jatuh ternyatalah kepada jin-jin itu sekiranya mereka mengetahui perkara ghaib tentulah mereka tidak tinggal (sebegitu lama) di dalam 'azab (kerja berat) yang menghinakan itu."(14)

Menurut riwayat-riwayat, beliau sedang bertongkat ketika ajalnya sampai dan para jin sedang sibuk pergi dan datang membuat pekerjaan-pekerjaan yang amat berat yang ditugaskan oleh beliau. Mereka tidak sedar beliau telah wafat, sehingga datang binatang anai-anai, iaitu serangga yang memakan kayu-kayu, bumbung-bumbung rumah, pintu-pintu dan tiang-tiangnya dengan begitu lahap. Di Sa'iid Mesir terdapat kampung-kampung yang mendirikan rumah-rumahnya tanpa menggunakan sebatang kayu pun kerana takut kepada serangga yang memakan kayu habis-habisan itu. Apabila tongkat Sulaiman yang dimakan anai-anai itu reput ia terus patah dan beliau pun jatuh. Ketika inilah sahaja para jin itu baru mengetahui bahawa Nabi Sulaiman a.s. itu telah wafat:

فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ ٱلْجِنُّ أَن لَّوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ٱلْغَيْبَ مَا لَبِثُوا۟ فِى ٱلْعَذَابِ ٱلْمُهِينِ ﴿١٤﴾

"Oleh itu apabila dia (Sulaiman) terjatuh ternyatalah kepada jin-jin itu sekiranya mereka mengetahui perkara ghaib tentulah mereka tidak tinggal (sebegitu lama) di dalam 'azab (kerja berat) yang menghinakan itu."(14)

Makhluk jin yang disembahkan oleh setengah-setengah manusia itu sebenarnya pernah menjadi kaum buruh kepada seorang hamba Allah. Mereka sebenarnya tidak mengetahui perkara ghaib yang dekat, sedangkan setengah-setengah manusia meminta dari mereka rahsia-rahsia ghaib yang jauh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 19)

Di dalam kisah keluarga Daud, Al-Qur'an membentang lembaran mengenai keimanan kepada Allah dan kesyukuran kepada-Nya terhadap limpah kurnia-Nya, dan di lembaran sebelahnya ia

---

[1] *Mungkin pengarang tafsir ini maksudkan dengan peristiwa itu ialah peristiwa beliau dan rakan-rakannya di tahan dalam penjara kerajaan Mesir – Penterjemah.*

membentangkan kisah kaum Saba'. Di dalam surah An-Naml telah disebutkan cerita-cerita yang berlaku di antara Nabi Sulaiman a.s. dengan ratu kerajaan Saba' (Puteri Balqis) dan di gini pula disebut sekali lagi cerita kaum Saba' selepas kisah Nabi Sulaiman a.s. Ini menunjukkan bahawa peristiwa-peristiwa yang disebut di dalam ayat ini adalah terjadi selepas kisah yang telah berlaku di antara ratu itu dengan Nabi Sulaiman a.s.

Andaian ini berdasarkan alasan kerana kisah di dalam ayat ini menceritakan perihal kesombongan kaum Saba' terhadap ni'mat Allah dan terhapusnya ni'mat itu dari mereka serta keadaan mereka yang porak peranda dan bertaburan di sana sini, sedangkan mereka di zaman Ratu Balqis yang diceritakan dalam Surah an-Naml itu merupakan sebuah kerajaan yang besar, mewah dan makmur sebagaimana telah diceritakan oleh burung Hud-hud kepada Nabi Sulaiman a.s.

إِنِّي وَجَدتُّ ٱمۡرَأَةٗ تَمۡلِكُهُمۡ وَأُوتِيَتۡ مِن كُلِّ
شَيۡءٖ وَلَهَا عَرۡشٌ عَظِيمٞ ﴿٢٣﴾ وَجَدتُّهَا وَقَوۡمَهَا
يَسۡجُدُونَ لِلشَّمۡسِ مِن دُونِ ٱللَّهِ

"Sesungguhnya saya dapati seorang perempuan yang memerintah mereka. Dan dia telah dianugerahkan segala sesuatu serta mempunyai singgahsana yang besar. Saya dapati dia dan kaumnya menyembah matahari selain Allah."

(Surah an-Naml: 23-24)

Dan berikutan dengan cerita ini ialah cerita keislaman Ratu Balqis beriman kepada Allah Tuhan semesta alam. Kisah yang diceritakan di dalam surah ini adalah berlaku selepas keislaman Ratu Balqis iaitu setelah kaum Saba' enggan bersyukur kepada Allah terhadap ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka.

Kisah ini dimulakan dengan cerita kesenangan dan kemewahan kehidupan mereka dan bagaimana mereka diseru supaya bersyukur kepada Allah sedaya upaya mereka:

Negeri Saba' Yang Makmur Dimusnahkan Banjir Besar

لَقَدۡ كَانَ لِسَبَإٖ فِي مَسۡكَنِهِمۡ ءَايَةٞۖ جَنَّتَانِ عَن يَمِينٖ
وَشِمَالٖۖ كُلُواْ مِن رِّزۡقِ رَبِّكُمۡ وَٱشۡكُرُواْ لَهُۥۚ بَلۡدَةٞ
طَيِّبَةٞ وَرَبٌّ غَفُورٞ ﴿١٥﴾

"Sesungguhnya bagi penduduk-penduduk Saba' itu satu bukti kekuasaan Allah di tempat kediaman mereka iaitu dua kebun (yang luas dan subur) di sebelah kanan dan di sebelah kiri (perkampungan mereka lalu Kami berfirman): Makanlah dari rezeki Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya (negeri kamu) adalah negeri yang makmur dan (Tuhan kamu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun."(15)

Saba' ialah nama satu kaum yang mendiami Selatan Yaman. Mereka tinggal di satu kawasan bumi yang subur dan sebahagiannya masih kekal sehingga hari ini. Mereka telah mendaki tangga tamadun yang tinggi sehingga mereka dapat mengendalikan air-air hujan yang lebat yang mengalir dari sebelah laut di Selatan dan di Timur. Mereka telah membina sebuah takungan air tabi'i yang diapit oleh dua buah bukit dan di muka lembah di antara dua bukit itu mereka binakan sebuah empangan yang boleh dibuka dan ditutup. Mereka dapat menyimpan air yang banyak di belakang empangan itu dan mereka dapat mengendalikannya mengikut keperluan mereka. Dari empangan ini mereka mendapat punca bekalan air yang amat besar yang terkenal dengan nama Empangan Saba'.

Kebun-kebun yang terletak di kanan dan kiri negeri itu melambangkan negeri yang subur, mewah makmur, senang-tenang dan penuh keni'matan yang indah, kerana itu kebun-kebun itu merupakan bukti yang mengingatkan kepada Allah Pengurnia Yang Maha Pemurah. Kaum Saba' telah disuruh supaya meni'mati rezeki-rezeki yang dikurniakan Allah itu dengan bersyukur:

كُلُواْ مِن رِّزۡقِ رَبِّكُمۡ وَٱشۡكُرُواْ لَهُۥۚ بَلۡدَةٞ طَيِّبَةٞ
وَرَبٌّ غَفُورٞ ﴿١٥﴾

"Makanlah rezeki dari Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya, (negeri kamu) adalah negeri yang baik dan makmur dan (Tuhan kamu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun."(15)

Mereka diperingatkan dengan ni'mat negeri mereka yang mewah makmur terutama ni'mat keampunan Allah yang memaafkan kecuaian mereka dari bersyukur dan kesalahan-kesalahan yang dilakukan mereka.

بَلۡدَةٞ طَيِّبَةٞ وَرَبٌّ غَفُورٞ ﴿١٥﴾

"(Negeri kamu) adalah negeri yang makmur dan (Tuhan kamu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun."(15)

Negeri mereka adalah sebuah negeri yang mendapat ni'mat kemakmuran di bumi dan mendapat keampunan di langit. Oleh itu apakah yang menghalangi mereka dari memuji dan bersyukur kepada Allah? Tetapi mereka tidak bersyukur dan tidak pula mengingati Allah:

فَأَعۡرَضُواْ فَأَرۡسَلۡنَا عَلَيۡهِمۡ سَيۡلَ ٱلۡعَرِمِ وَبَدَّلۡنَٰهُم
بِجَنَّتَيۡهِمۡ جَنَّتَيۡنِ ذَوَاتَيۡ أُكُلٍ خَمۡطٖ وَأَثۡلٖ وَشَيۡءٖ
مِّن سِدۡرٖ قَلِيلٖ ﴿١٦﴾

"Tetapi mereka berpaling (dari keta'atan dan kesyukuran), lalu Kami lepaskan banjir batu batan (yang membinasakan mereka) dan Kami tukarkan dua kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kebun yang ditumbuhi pokok-pokok Khamt dan pokok-pokok Athl serta sedikit pokok-pokok bidara."(16)

Mereka enggan bersyukur kepada Allah dan enggan melakukan amalan-amalan yang soleh serta enggan menggunakan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah itu dengan pengendalian yang baik, lalu Allah merampaskan kembali kemewahan dan kemakmuran, hidup mereka dengan melepaskan banjir yang dahsyat yang menghanyutkan batu batan yang ada di tengah jalannya lalu memecahkan empangan mereka dan menyebabkan banjir besar yang mengaramkan negeri itu. Setelah itu tidak ada lagi air yang dapat disimpan mereka kerana semuanya menjadi kering. Kebun-kebun mereka yang luas bertukar menjadi padang belantara yang ditumbuhi pokok-pokok yang liar dan kasar:

وَبَدَّلْنَٰهُم بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتَىْ أُكُلٍ خَمْطٍ وَأَثْلٍ
وَشَىْءٍ مِّن سِدْرٍ قَلِيلٍ ﴿١٦﴾

"Dan kami tukarkan dua kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kebun yang ditumbuhi pokok-pokok Khamt dan pokok-pokok Athl serta sedikit pokok-pokok bidara."(16)

Pokok Khamt (خمط) ialah pokok Araak (أراك) atau pokok-pokok yang berduri, pokok Athl (أثل) ialah pokok tamarisk (sejenis pokok berduri halus), dan pokok-pokok bidara itulah sahaja pokok yang terbaik yang boleh didapati mereka tetapi jumlahnya sangat sedikit.

ذَٰلِكَ جَزَيْنَٰهُم بِمَا كَفَرُوا۟ ۖ

"Demikianlah Kami membalas mereka dengan sebab kekufuran mereka." (17)

Menurut pendapat yang lebih rajih yang dimaksudkan dengan kekufuran disini ialah kekufuran ni'mat.

وَهَلْ نُجَٰزِىٓ إِلَّا ٱلْكَفُورَ ﴿١٧﴾

"Dan kami tidak menimpakan balasan 'azab melainkan terhadap orang yang amat kufur."(17)

Sehingga di waktu ini kaum Saba' masih lagi tinggal di kampung-kampung dan di rumah-rumah mereka. Walaupun Allah telah menyempitkan rezeki mereka dan menukarkan kemakmuran dan kesenangan hidup mereka dengan kesusahan, namun Allah tidak memecahbelahkan mereka hingga berselerakan, dan kegiatan hidup bertamadun di sana masih bersambung dengan negeri-negeri yang diberkati Allah, iaitu negeri Makkah di Semenanjung Tanah Arab dan Baitul-Maqdis di Syam. Negeri Yaman di waktu itu masih makmur di utara negeri Saba' dan mempunyai perhubungan dengan negeri-negeri yang diberkati Allah, dan jalan-jalan di antara kedua-dua buah negeri itu juga masih baik dan aman:

وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ ٱلْقُرَى ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا قُرًى
ظَٰهِرَةً وَقَدَّرْنَا فِيهَا ٱلسَّيْرَ ۖ سِيرُوا۟ فِيهَا لَيَالِىَ وَأَيَّامًا
ءَامِنِينَ ﴿١٨﴾

"Dan kami jadikan di antara (negeri) mereka dengan negeri-negeri yang Kami berkati itu beberapa negeri berdekatan yang kelihatan jelas dan Kami tentukan jarak perjalanan yang selesa di antaranya, (Kami berfirman): Berjalanlah kamu di negeri-negeri itu malam dan siang dengan aman sentosa."(18)

Menurut cerita, orang-orang musafir di waktu itu keluar dari satu negeri dan masuk ke satu negeri yang lain sebelum hari menjadi gelap. Jarak perjalanan ke negeri-negeri itu sangat dekat dan perjalanan juga aman kepada para musafir. Kerehatan dan keselesaan juga cukup kepada mereka kerana adanya rumah-rumah dan tempat-tempat perhentian yang berdekatan di tengah jalan.

Kini negeri Saba' dilanda kecelakaan hidup, tetapi mereka tidak mengambil pengajaran dari peristiwa amaran yang pertama itu. Peristiwa itu tidak menggerakkan mereka memohon kepada Allah agar Dia kembalikan semula kemakmuran hidup yang telah hilang itu, malah mereka memohon kepada Allah dengan permohonan yang bodoh:

فَقَالُوا۟ رَبَّنَا بَٰعِدْ بَيْنَ أَسْفَارِنَا

"Kemudian mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Jauhkan jarak perjalanan-perjalanan kami."(19)

Mereka meminta perjalanan-perjalanan yang jauh yang hanya dilakukan beberapa kali sahaja di dalam setahun bukannya perjalanan-perjalanan yang dekat yang bersambung-sambung rumah kediaman kerana perjalanan-perjalanan yang seperti ini tidak memuaskan selera persafiran mereka. Ini adalah terbit dari hati mereka yang sombong yang menganiayai diri sendiri.

وَظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ

"Dan mereka telah menzalimi diri sendiri."(19)

Lalu Allah perkenankan permohonan mereka yang sombong itu:

فَجَعَلْنَٰهُمْ أَحَادِيثَ وَمَزَّقْنَٰهُمْ كُلَّ مُمَزَّقٍ ۚ

"Lalu kami jadikan (peristiwa kebinasaan) mereka buah mulut orang ramai dan kami pecahbelahkan mereka bertaburan (di merata negeri)."(19)

Mereka telah dipecahbelahkan berselerakan di seluruh pelusuk Semenanjung Tanah Arab. Mereka menjadi buah mulut dan bahan kisah yang diceritakan di sana sini, sedangkan dahulunya mereka merupakan satu umat yang mempunyai kedudukan di dunia ini.

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya kisah mereka itu menjadi pengajaran-pengajaran kepada setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur."(19)

Yakni banyak bersabar di masa menghadapi kesusahan dan banyak bersyukur di masa mendapat

kesenangan. Di dalam kisah kaum Saba' terdapat banyak pengajaran kepada orang-orang yang banyak bersabar dan orang-orang yang banyak bersyukur.

Ini satu fahaman tentang ayat ini dan di sana ada satu fahaman yang lain pula iaitu mungkin yang dimaksudkan dengan firman Allah:

وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ ٱلْقُرَى ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا قُرًى ظَٰهِرَةً

"Dan kami jadikan di antara negeri-negeri dengan negeri-negeri mereka yang kami berkati itu beberapa negeri yang kuat."(18)

Yakni negeri-negeri yang berkuasa. Sementara kaum Saba' pula berubah menjadi kaum yang miskin yang hidup di padang belantara yang kering. Mereka terpaksa berpergian ke sana sini dan berpindah randah mencari padang-padang ragut dan tempat-tempat yang ada air. Mereka tidak sabar menghadapi kesusahan itu lalu mereka berdo'a: **"Wahai Tuhan kami! Jauhkan jarak perjalanan-perjalanan kami"** yakni kurangkanlah perjalanan kami ke sana ke mari kerana kami telah penat. Mereka tidak sertakan di dalam do'a itu dengan permohonan taubat kepada Allah supaya do'a mereka diperkenankan Allah. Mereka telah bersikap takabur dengan kesenangan hidup dan tidak sabar menghadapi kesusahan, lalu Allah membinasakan mereka dan memecah-belahkan mereka (berselerakan di merata negeri) dan tiada sesuatu yang tinggal melainkan hanya kesan-kesan dan cerita-cerita mereka sahaja. Dengan ini ulasan:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya kisah mereka itu menjadi pengajaran-pengajaran kepada setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur"(19)

amatlah sesuai dengan sikap kaum Saba' yang kurang bersyukur kepada ni'mat Allah dan kurang bersabar menghadapi kesusahan. Ini adalah satu fahaman yang saya fikir sesuai dengan ayat ini. Allah sahaja Yang Maha Mengetahui maksudnya yang sebenar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 21)

Pada akhir kisah kaum Saba' ayat berikut membawa kita keluar dari ruang lingkup kisah yang tertentu kisah ruang lingkup pentadbiran Ilahi yang umum, perencanaan-Nya yang syumul dan undang-undang-Nya yang am dan mendedahkan intisari hikmat dari seluruh kisah itu, termasuk taqdir dan tadbir Ilahi yang tersembunyi di sebaliknya.

Hikmat Ruang Godaan Yang Diberikan Kepada Iblis

وَلَقَدْ صَدَّقَ عَلَيْهِمْ إِبْلِيسُ ظَنَّهُۥ فَٱتَّبَعُوهُ إِلَّا فَرِيقًا مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٠﴾

وَمَا كَانَ لَهُۥ عَلَيْهِم مِّن سُلْطَٰنٍ إِلَّا لِنَعْلَمَ مَن يُؤْمِنُ بِٱلْءَاخِرَةِ مِمَّنْ هُوَ مِنْهَا فِى شَكٍّ ۗ وَرَبُّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَفِيظٌ ﴿٢١﴾

"Dan sesungguhnya tepatlah sangkaan Iblis terhadap mereka, lalu mereka menurutnya kecuali segolongan dari orang-orang yang beriman (20). Dan sebenarnya Iblis tidak mempunyai sebarang kuasa di atas mereka melainkan supaya Kami dapat mengetahui (di alam kenyataan) siapa orang yang beriman kepada hari Akhirat dan orang yang ragu-ragu terhadapnya, dan Tuhanmu sentiasa mengawasi segala sesuatu."(21)

Kaum Saba' telah mengikuti jalan ini dan akhirnya membawa mereka kepada kebinasaan, kerana sangkaan Iblis terhadap mereka memang tepat iaitu dia mampu menyesatkan mereka dan dia pun bertindak menyesatkan mereka:

فَٱتَّبَعُوهُ إِلَّا فَرِيقًا مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٠﴾

"Lalu mereka menurutnya kecuali segolongan kecil dari orang-orang yang beriman."(20)

Sebagaimana yang biasa berlaku di dalam kumpulan-kumpulan manusia, iaitu di sana tidak sunyi adanya segelintir golongan orang-orang yang beriman yang tidak dapat digoda dan disesatkan syaitan dan golongan inilah yang membuktikan adanya kebenaran yang kukuh yang dapat dikenali oleh sesiapa sahaja yang mencarinya. Kebenaran itu dapat ditemui dan dipegang oleh sesiapa sahaja yang berkehendak kepadanya walaupun di dalam suasana-suasana yang paling gelap, sedangkan Iblis tidak mempunyai kuasa di atas mereka. Dia tidak boleh memaksa dan menguasai mereka. Tujuan Allah membenarkan syaitan menggoda mereka ialah supaya orang yang percaya kepada kebenaran itu benar-benar ternyata berpegang teguh dengan kebenaran dan orang yang tidak berkehendak kepada kebenaran itu benar-benar ternyata menyeleweng darinya dan supaya benar-benar, ternyata di alam kenyataan: **"Orang yang beriman kepada hari Akhirat"** (من يؤمن بالأخرة).

Allah telah melindungkan mereka dari segala penyelewengan agar mereka dapat dibezakan dari:

"Orang yang ragu-ragu terhadapnya"(ممن هو منها في شك), iaitu orang yang terumbang-ambing atau orang yang menyahut seruan kesesatan tanpa dilindungi pengawasan Allah dan tanpa bercita-cita hidup di alam Akhirat.

Allah sememangnya mengetahui segala apa yang berlaku itu sebelum ianya berlaku, tetapi Allah S.W.T. mengenakan sesuatu balasan setelah perbuatan itu betul-betul berlaku di dalam dunia manusia.

Di dalam ruang yang terbuka luas ini, iaitu ruang perencanaan dan pentadbiran Ilahi yang mengendalikan segala urusan dan peristiwa, juga ruang godaan Iblis terhadap manusia yang tidak

mempunyai sebarang kuasa terhadap mereka selain dari godaannya agar melalui godaan Iblis itu segala akibat dan natijah yang tersembunyi di dalam ilmu Allah itu terdedah ke alam nyata .... di dalam ruang lingkup yang amat luas inilah kisah kaum Saba' itu mempunyai hubungan dengan kisah setiap kaum yang lain di setiap masyarakat dan tempat. Jadi ruang lingkup ayat ini amatlah luas. Ia tidak lagi terbatas setakat kisah kaum Saba' sahaja, malah ia merupakan sebuah pernyataan yang mencakup keadaan seluruh manusia. Oleh itu kisah kaum Saba' merupakan kisah kesesatan dan hidayat manusia dengan segala punca dan akibatnya.

وَرَبُّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَفِيظٌ ﴿٢١﴾

"Tuhanmu sentiasa mengawasi segala sesuatu."(21)

Oleh itu tiada sesuatu pun yang terluput dari ilmu-Nya dan tiada sesuatu pun yang disia-sia dan diabaikan Allah.

* * * * * *

Demikianlah pusingan yang kedua dari surah ini diakhiri dengan memperkatakan tentang hari Akhirat dan tentang ilmu Allah dan pengawasan-Nya. Kedua-duanya merupakan pokok pembicaraan yang amat ditekankan di dalam surah ini.

(Kumpulan ayat-ayat 22 - 27)

قُلِ ادْعُوا الَّذِينَ زَعَمْتُم مِّن دُونِ اللَّهِ لَا يَمْلِكُونَ
مِثْقَالَ ذَرَّةٍ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَمَا لَهُمْ
فِيهِمَا مِن شِرْكٍ وَمَا لَهُ مِنْهُم مِّن ظَهِيرٍ ﴿٢٢﴾
وَلَا تَنفَعُ الشَّفَاعَةُ عِندَهُ إِلَّا لِمَنْ أَذِنَ لَهُ حَتَّىٰ إِذَا
فُزِّعَ عَن قُلُوبِهِمْ قَالُوا مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ قَالُوا الْحَقَّ
وَهُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ ﴿٢٣﴾
قُلْ مَن يَرْزُقُكُم مِّنَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلِ
اللَّهُ وَإِنَّا أَوْ إِيَّاكُمْ لَعَلَىٰ هُدًى أَوْ فِي ضَلَالٍ
مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾
قُل لَّا تُسْأَلُونَ عَمَّا أَجْرَمْنَا وَلَا نُسْأَلُ عَمَّا
تَعْمَلُونَ ﴿٢٥﴾
قُلْ يَجْمَعُ بَيْنَنَا رَبُّنَا ثُمَّ يَفْتَحُ بَيْنَنَا بِالْحَقِّ وَهُوَ
الْفَتَّاحُ الْعَلِيمُ ﴿٢٦﴾
قُلْ أَرُونِيَ الَّذِينَ أَلْحَقْتُم بِهِ شُرَكَاءَ كَلَّا بَلْ
هُوَ اللَّهُ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Serukanlah sembahan-sembahan yang kamu dakwa sebagai tuhan selain dari Allah. Mereka tidak memiliki seberat atom pun di langit dan tidak juga di bumi dan tidak mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam penciptaan langit dan bumi itu dan Allah tidak mendapat sebarang pertolongan dari mereka (22). Dan tidak berguna syafa'at di sisi Allah melainkan bagi orang yang telah diizinkan Allah. (Mereka semua menunggu dengan hati yang takut) sehingga apabila ketakutan itu telah dihilangkan dari hati mereka, barulah mereka bertanya: Apakah yang telah dititahkan Tuhan Kamu? Jawab mereka: Kebenaran. Dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar (23). Katakanlah: Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Katakanlah: Allah. Dan sesungguhnya kami atau kamu (kaum Musyrikin) pasti berada di jalan hidayat atau berada di dalam kesesatan yang nyata (24). Katakanlah: Kamu tidak akan ditanya tentang dosa yang kami telah lakukan dan kami juga tidak akan ditanya tentang dosa yang kamu telah lakukan (25). Katakanlah: Tuhan kita akan mengumpulkan kita semua kemudian Dia, akan memberi keputusan di antara kita dengan keputusan yang benar. Dan Dialah Pemberi keputusan dan Yang Maha Mengetahui (26). Katakanlah: Tunjukkanlah kepada-Ku sembahan-sembahan yang kamu hubungkan dengan Allah sebagai sekutu-sekutu-Nya. Tidak sekali-kali begitu sebenarnya, Dialah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(27)

Ini adalah satu pusingan yang pendek di sekitar persoalan syirik dan tauhid, tetapi pusingan ini membawa hati manusia menjelajah ke merata pelusuk alam al-wujud, iaitu alam nyata dan alam yang tersembunyi, alam yang tersergam di hadapan mata dan alam ghaib, alam bumi dan alam langit, alam dunia dan alam Akhirat. Ia membuat hati berdiri ketakutan dan seluruh urat sarafnya gementar. Ia membuat hati terpinga-pinga kerana terlalu hebat. Begitu juga penjelajahan ini membawa hati berdiri di hadapan persoalan-persoalan rezeki Allah dan di hadapan persoalan hisab dan balasan-Nya. Ia membawa hati ke dalam satu perhimpunan yang bercampuraduk dan ke dalam satu suasana menerima hukuman dan keputusan yang tegas yang memisah, membeza dan menyendiri.

Semuanya dijelaskan dengan nada-nada kenyataan yang kuat dan bertubi seolah-olah pukulan-pukulan tukul: "Katakanlah.... katakanlah.... katakanlah". Setiap perintah disertakan dengan hujah yang kuat, dengan dalil dan bukti yang jelas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 – 23)

Cabaran Kepada Tuhan-tuhan Palsu

قُلِ ٱدۡعُواْ ٱلَّذِينَ زَعَمۡتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ لَا يَمۡلِكُونَ مِثۡقَالَ ذَرَّةٖ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَا لَهُمۡ فِيهِمَا مِن شِرۡكٖ وَمَا لَهُۥ مِنۡهُم مِّن ظَهِيرٖ ﴿٢٢﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Serukanlah sembahan-sembahan yang kamu dakwa sebagai tuhan selain dari Allah. Mereka tidak memiliki seberat atom pun di langit dan tidak juga di bumi dan tidak mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam penciptaan langit dan bumi itu dan Allah tidak mendapat sebarang pertolongan dari mereka."(22)

Itulah cabaran dalam ruang lingkup langit dan bumi secara menyeluruh.

قُلِ ٱدۡعُواْ ٱلَّذِينَ زَعَمۡتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Serukanlah sembahan-sembahan yang kamu dakwa sebagai Tuhan selain dari Allah."(22)

Yakni serulah mereka. Biarlah mereka datang, biarlah mereka tampil ke muka, biarlah mereka berkata atau biarlah kamu sendiri berkata: Apakah sesuatu di langit dan di bumi sama ada kecil atau besar yang dimiliki oleh sembahan-sembahan kamu itu?

لَا يَمۡلِكُونَ مِثۡقَالَ ذَرَّةٖ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِي ٱلۡأَرۡضِ

"Mereka tidak memiliki seberat atom pun di langit dan tidak juga di bumi."(22)

Tidak ada alasan untuk mereka mendakwa memiliki sesuatu di langit atau di bumi, kerana pemilik sesuatu mempunyai kebebasan menggunakannya sesuka hatinya. Oleh itu apakah yang dimiliki oleh sembahan-sembahan yang didakwa mereka sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah itu? Apakah sesuatu di alam yang lebar ini yang mereka dapat menggunakannya sebebas pemilik yang sebenar?

Mereka tidak memiliki sesuatu apa pun di langit dan di bumi walaupun seberat atom sama ada secara perseorangan atau secara perkongsian:

وَمَا لَهُمۡ فِيهِمَا مِن شِرۡكٖ

"Dan tidak mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam penciptaan langit dan bumi" (22)

Allah S.W.T. tidak pernah meminta pertolongan dari mereka di dalam apa urusan sekalipun kerana Allah tidak memerlukan sebarang pembantu dan penolong:

وَمَا لَهُۥ مِنۡهُم مِّن ظَهِيرٖ ﴿٢٢﴾

"Allah tidak mendapat sebarang pertolongan dari mereka."(22)

Yang nampak jelas, ayat yang berikut adalah memberi isyarat kepada sekutu-sekutu istimewa yang didakwa mereka sebagai Tuhan, iaitu para malaikat yang didakwa oleh orang-orang Arab selaku "puteri-puteri Allah". Mereka juga mendakwa bahawa malaikat-malaikat itu dapat memberi syafa'at kepada mereka di sisi Allah. Barangkali mereka inilah yang berkata:

مَا نَعۡبُدُهُمۡ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَآ إِلَى ٱللَّهِ زُلۡفَىٰٓ

"Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendampingkan kami lebih dekat kepada Allah."

(Surah az-Zumar: 3)

Oleh sebab itu ayat yang berikut menafikan bahawa mereka dapat memberi syafa'at kepada mereka di dalam satu pemandangan yang amat mencemaskan di hadapan Allah Yang Maha Mulia:

Tiada Syafa'at Tanpa Keizinan Allah

وَلَا تَنفَعُ ٱلشَّفَٰعَةُ عِندَهُۥٓ إِلَّا لِمَنۡ أَذِنَ لَهُۥ

"Dan tidak berguna syafa'at disisi Allah melainkan bagi orang yang telah diizinkan Allah."(23)

Syafa'at itu bergantung kepada keizinan Allah, sedangkan Allah tidak mengizinkan syafa'at itu kepada yang lain dari orang-orang yang beriman yang wajar menerima rahmat Allah. Adapun orang-orang Musyrikin, mereka sama sekali tidak layak dikurniakan keizinan untuk mendapat syafa'at sama ada melalui para malaikat atau yang lain dari mereka, iaitu dari orang-orang yang diizinkan Allah dari awal lagi untuk memberi syafa'at.

Kemudian ayat berikut menggambarkan pemandangan pengurniaan keizinan syafa'at iaitu satu pemandangan yang amat mencemaskan:

حَتَّىٰٓ إِذَا فُزِّعَ عَن قُلُوبِهِمۡ قَالُواْ مَاذَا قَالَ رَبُّكُمۡۖ قَالُواْ ٱلۡحَقَّۖ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡكَبِيرُ ﴿٢٣﴾

"(Mereka semua menunggu dengan hati yang takut) sehingga apabila ketakutan itu telah dihilangkan dari hati mereka, barulah mereka bertanya: Apakah yang telah dititahkan Tuhan Kamu? Jawab mereka: Kebenaran. Dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar."(23)

Itulah pemandangan pada hari yang amat mencemaskan iaitu hari manusia berdiri, di mana orang-orang yang hendak memberi syafa'at dan orang-orang yang hendak disyafa'atkan itu menunggu pengurniaan keizinan dari Allah Yang Maha Mulia kepada mereka yang layak menerima makam syafa'at itu. Mereka menunggu lama dengan hati penuh harapan. Muka-muka mereka khudhu' hina. Suara-suara mereka membongkam dan hati mereka khusyu' menanti sa'at keizinan dari Allah yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.

Kemudian titah Ilahi yang memberi keizinan itu dikeluarkan dan seluruh mereka yang hendak

memberi syafa'at dan mereka yang hendak disyafa'atkan itu kembali merasa cemas dan fikiran mereka menjadi binggung tidak mengerti apa-apa lagi:

حَتَّىٰٓ إِذَا فُزِّعَ عَن قُلُوبِهِمْ

"Sehingga apabila ketakutan itu telah dihilangkan dari hati mereka"(23)

yakni apabila rasa cemas dan takut yang melanggar mereka itu hilang dan mereka kembali siuman:

قَالُوا۟ مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ

"Barulah mereka bertanya: Apakah yang telah dititahkan Tuhan kamu?"(23)

Yakni mereka bertanya satu sama lain dan mungkin ada di antara mereka orang-orang yang bersikap tenang dan memahami (apa yang sedang berlaku), lalu mereka pun menjawab Allah menitahkan "Kebenaran". Mungkin yang memberi jawapan dengan sepatah kata yang ringkas dan padat ini ialah Malaikat Muqarrabun. Mereka menjawab: "Kebenaran" yakni Tuhan kamu menitahkan kebenaran yang kulli, kebenaran yang azali, kebenaran yang ladunni. Seluruh firman-Nya adalah kebenaran:

وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْكَبِيرُ ﴿٢٣﴾

"Dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar."(23)

Jawapan yang ringkas ini membayangkan suasana cemas, di mana tidak ada percakapan melainkan hanya sepatah kata sahaja. Itulah suasana masa syafa'at yang amat ditakuti. Lihatlah bagaimana para malaikat berdiri cemas di hadapan Allah. Oleh itu selepas melihat pemandangan ini, adakah sesiapa lagi yang sanggup mendakwa bahawa malaikat-malaikat itu adalah sekutu-sekutu Allah yang akan memberi syafa'at kepada mereka yang syirik kepada Allah?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 24)

Itulah nada kenyataan pertama di dalam pemandangan yang khusyu', cemas, takut dan sulit itu, kemudian diiringi pula dengan nada kenyataan yang kedua tentang rezeki yang dini'mati mereka, sedangkan mereka lupa kepada sumbernya yang menunjukkan kepada ke Esaan Allah yang mencipta dan memberi rezeki, Dialah yang melapang dan menyempitkan pengurniaan rezeki itu dan Dia tidak mempunyai sebarang sekutu.

قُلْ مَن يَرْزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ قُلِ ٱللَّهُ ۖ وَإِنَّآ أَوْ إِيَّاكُمْ لَعَلَىٰ هُدًى أَوْ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾

"Katakanlah: Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Katakanlah: Allah Dan sesungguhnya kami atau kamu (kaum Musyrikin) pasti berada di jalan hidayat atau berada di dalam kesesatan yang nyata."(24)

Sumber Rezeki

Persoalan rezeki merupakan satu persoalan yang berlaku di dalam kehidupan mereka. Rezeki dari langit terdiri dari air hujan, kepanasan, cuaca dan sinar matahari itulah rezeki-rezeki langit yang diketahui oleh manusia yang menerima ayat ini di zaman itu. Di sana terdapat berbagai-bagai jenis rezeki yang lain lagi dari langit yang diketahui dari satu masa ke satu masa. Rezeki dari bumi pula terdiri dari tumbuh-tumbuhan, haiwan, matair-matair, minyak-minyak, logam-logam, berbagai-bagai perbendaharaan di dalam bumi dan sebagainya dari rezeki yang diketahui oleh manusia di zaman dahulu, dan di samping itu ada lagi rezeki-rezeki lain yang ditemui di sepanjang zaman.

قُلْ مَن يَرْزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ

"Katakanlah: Siapakah yang memberi kepada kamu dari langit dan bumi?"(24)

قُلِ ٱللَّهُ ۖ

"Katakanlah: Allah."(24)

Mereka tidak terdaya mempertikaikan hakikat ini dan mendakwa Tuhan yang lain dari Allah.

Katakanlah: "Allah". Kemudian serahkan segala urusan mereka dan urusan engkau kepada Allah, kerana salah satu dari kamu berdua pasti mendapat hidayat dan yang satu lagi pasti sesat. Tidak mungkin kedua-dua kamu berada di satu jalan belaka. Sama ada jalan hidayat atau jalan sesat:

وَإِنَّآ أَوْ إِيَّاكُمْ لَعَلَىٰ هُدًى أَوْ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya kami atau kamu (kaum Musyrikin) pasti berada di jalan hidayat atau berada di dalam kesesatan yang nyata."(24)

Cara Perdebatan Yang Sopan Dan Berkesan

Inilah kemuncak kesaksamaan, keadilan dan adab sopan yang halus di dalam perdebatan. Rasulullah s.a.w. disuruh menyatakan kepada kaum Musyrikin bahawa salah satu dari kita pasti berada di jalan hidayat dan yang satu lagi pasti sesat tanpa menentukan siapakah pihak yang mendapat hidayat dan siapakah pihak yang sesat dengan tujuan meransangkan mereka berfikir dengan tenang tanpa dipengaruhi perasaan angkuh kerana berbuat dosa dan keinginan berbahas dan berbantah, kerana beliau adalah seorang pemimpin dan guru yang mahu memimpin mereka bukannya untuk menghina dan menewaskan mereka semata-mata?

Perdebatan yang dilakukan dengan cara yang sopan dan meransangkan keinsafan seperti ini lebih

menyentuh hati orang-orang yang angkuh, degil dan orang-orang yang berbangga dengan pangkat kebesaran serta sombong untuk mengaku dan menyerah kalah. Cara ini lebih meransangkan mereka berfikir dengan tenang dan mendalam. Ini adalah satu contoh adab cara berdebat yang sayugia direnungkan oleh para penda'wah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 25)

Konsep Tanggungjawab Peribadi

Di antara cara perdebatan yang halus ini lagi ialah nada kenyataan yang ketiga berikut yang membawa setiap hati berdepan dengan persoalan amalan dan tanggungjawab masing-masing.

قُل لَّا تُسْـَٔلُونَ عَمَّآ أَجْرَمْنَا وَلَا نُسْـَٔلُ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٢٥﴾

"Katakanlah: Kamu tidak akan ditanya tentang dosa yang kami telah lakukan dan kami juga tidak akan ditanya tentang dosa yang kamu telah lakukan."(25)

Kenyataan ini mungkin ditujukan untuk menjawab tuduhan kaum Musyrikin bahawa Rasulullah s.a.w. dan para pengikutnya adalah golongan yang salah dan berdosa. Mereka telah menggelarkan kaum Muslimin sebagai golongan yang keluar dari agama nenek moyang mereka. Ini samalah dengan golongan pengikut kebatilan yang menuduh golongan pengikut kebenaran sebagai golongan yang sesat dengan angkuh dan tanpa segan silu!

قُل لَّا تُسْـَٔلُونَ عَمَّآ أَجْرَمْنَا وَلَا نُسْـَٔلُ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٢٥﴾

"Katakanlah: Kamu tidak akan ditanya tentang dosa yang kami telah lakukan dan kami juga tidak akan ditanya tentang dosa yang kamu telah lakukan."(25)

Yakni setiap orang dengan amalan, tanggungjawab dan balasan masing-masing. Setiap orang pastilah memikirkan tentang dirinya sama ada dia membawa dirinya ke jalan keberuntungan atau ke jalan kebinasaan.

Dengan sentuhan ini Al-Qur'an menggerakkan mereka supaya berfikir dengan penuh teliti dan insaf, Inilah langkah pertama untuk melihat kebenaran dan mendapat keyakinan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 26)

Kemudian dikemukakan nada kenyataan yang keempat:

قُلْ يَجْمَعُ بَيْنَنَا رَبُّنَا ثُمَّ يَفْتَحُ بَيْنَنَا بِٱلْحَقِّ وَهُوَ ٱلْفَتَّاحُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٢٦﴾

"Katakanlah: Tuhan kita akan mengumpulkan kita semua kemudian Dia akan memberi keputusan di antara kita dengan keputusan yang benar. Dan Dialah Pemberi keputusan dan Yang Maha Mengetahui."(26)

Pertarungan Di Antara Kebenaran Dan Kebatilan

Mula-mula Allah mempertemukan pengikut kebenaran dengan pengikut kebatilan supaya kedua-duanya bersemuka dan supaya pengikut kebenaran menyeru kepada agama mereka yang benar dan menangani da'wah itu dengan sebaik-baiknya. Pada mulanya suasana pertarungan itu bercelaru, di mana kebenaran bergelut dengan kebatilan. Kadang-kadang kekeliruan-kekeliruan menghalangi dalil-dalil yang benar dan kadang-kadang kebatilan menewaskan kebenaran untuk beberapa waktu ... kemudian akhirnya Allah membuat keputusan yang benar, tegas dan mu'tamad di antara dua golongan itu.

وَهُوَ ٱلْفَتَّاحُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٢٦﴾

"Dialah Pemberi keputusan dan Yang Maha Mengetahui."(26)

Dialah yang memutus dan menghukum dengan ilmu pengetahuan-Nya yang amat mendalam di antara pejuang-pejuang kebenaran dan pejuang-pejuang kebatilan itu.

Itulah keyakinan menunggu hukuman dan keputusan Allah, kerana Allah tetap memberi hukuman dan keputusan-Nya serta menerangkan kebenaran. Allah tidak akan membiarkan perkara ini bercampuraduk dan bercelaru melainkan untuk beberapa waktunya sahaja. Allah tidak akan mengumpulkan di antara pejuang-pejuang kebenaran dengan pejuang-pejuang kebatilan melainkan untuk beberapa waktu sahaja untuk memberi peluang kepada pejuang-pejuang kebenaran berda'wah dengan mengorbankan segala daya upaya dan mencuba segala jalan dan ikhtiar mereka, kemudian barulah Allah bertindak memberi keputusan-Nya yang mu'tamad.

Hanya Allah S.W.T. sahaja yang mengetahui dan menentukan bilakah keputusan yang mu'tamad itu akan diumumkan. Tiada siapa pun yang boleh menentukan waktunya dan boleh meminta supaya disegerakannya. Allah yang mengumpul dan Allahlah juga yang memberi keputusan:

وَهُوَ ٱلْفَتَّاحُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٢٦﴾

"Dialah Pemberi keputusan dan Yang Maha Mengetahui."(26)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 27)

Kemudian akhirnya tibalah nada kenyataan akhir yang serupa dengan nada kenyataan yang pertama mengenai orang-orang Musyrikin yang telah membuat dakwaan-dakwaan yang bohong:

Cabaran Menampilkan Sekutu-sekutu

قُلْ أَرُونِيَ ٱلَّذِينَ أَلْحَقْتُم بِهِۦ شُرَكَآءَ ۖ كَلَّا ۚ بَلْ
هُوَ ٱللَّهُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾

"Katakanlah: Tunjukkanlah kepada-Ku sembahan-sembahan yang kamu hubungkan dengan Allah sebagai sekutu-sekutu-Nya. Tidak sekali-kali begitu, sebenarnya Dialah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(27)

Pertanyaan di dalam ayat ini ialah pertanyaan untuk mengecam dan mengejek:

أَرُونِيَ ٱلَّذِينَ أَلْحَقْتُم بِهِۦ شُرَكَآءَ

"Tunjukkanlah kepada-Ku sembahan-sembahan yang kamu hubungkan dengan Allah sebagai sekutu-sekutunya."(27)

Yakni perlihatkanlah sembahan-sembahan kamu itu kepada-Ku, siapa mereka? Apakah mereka? Apakah nilai mereka dan bagaimana sifat-sifat mereka? Bagaimana kedudukan mereka? Dan dengan alasan apakah mereka berhak didakwa oleh kamu sebagai tuhan-tuhan? Semuanya membayangkan kecaman dan penghinaan.

Kemudian dakwaan mereka dinafikan dengan cara yang mencubit hati mereka:

كَلَّا ۚ

"Tidak sekali-kali begitu"(27)

mereka bukannya sekutu-sekutu Allah kerana Allah Maha Suci dari sebarang sekutu:

كَلَّا ۚ بَلْ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾

"Sebenarnya Dialah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui." (27)

Allah yang mempunyai sifat-sifat yang seperti ini tidak mungkin sekali-kali sembahan-sembahan itu menjadi sekutu-sekutu-Nya dan tidak mungkin ada sebarang sekutu.

* * * * * *

Dengan ini berakhirlah pusingan yang pendek itu dan berakhirlah nada kenyataan-kenyataan yang keras yang menjelajah alam buana yang amat luas, meninjau suasana waktu syafa'at yang amat mencemaskan, melihat pertarungan di antara kebenaran dan melihat kebatilan yang sengit dan lubuk-lubuk hati dan liku-likunya yang dalam.

(Kumpulan ayat-ayat 28 - 42)

وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا كَآفَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾
وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ
صَٰدِقِينَ ﴿٢٩﴾
قُل لَّكُم مِّيعَادُ يَوْمٍ لَّا تَسْتَـْٔخِرُونَ عَنْهُ سَاعَةً وَلَا
تَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣٠﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَن نُّؤْمِنَ بِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ
وَلَا بِٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ ۗ وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلظَّٰلِمُونَ
مَوْقُوفُونَ عِندَ رَبِّهِمْ يَرْجِعُ بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ
ٱلْقَوْلَ يَقُولُ ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟
لَوْلَآ أَنتُمْ لَكُنَّا مُؤْمِنِينَ ﴿٣١﴾
قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوٓا۟ أَنَحْنُ
صَدَدْنَٰكُمْ عَنِ ٱلْهُدَىٰ بَعْدَ إِذْ جَآءَكُم ۖ بَلْ كُنتُم
مُّجْرِمِينَ ﴿٣٢﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ بَلْ
مَكْرُ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ إِذْ تَأْمُرُونَنَآ أَن نَّكْفُرَ بِٱللَّهِ
وَنَجْعَلَ لَهُۥٓ أَندَادًا ۚ وَأَسَرُّوا۟ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ۚ
وَجَعَلْنَا ٱلْأَغْلَٰلَ فِىٓ أَعْنَاقِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ هَلْ يُجْزَوْنَ
إِلَّا مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٣٣﴾
وَمَآ أَرْسَلْنَا فِى قَرْيَةٍ مِّن نَّذِيرٍ إِلَّا قَالَ مُتْرَفُوهَآ إِنَّا
بِمَآ أُرْسِلْتُم بِهِۦ كَٰفِرُونَ ﴿٣٤﴾
وَقَالُوا۟ نَحْنُ أَكْثَرُ أَمْوَٰلًا وَأَوْلَٰدًا وَمَا نَحْنُ
بِمُعَذَّبِينَ ﴿٣٥﴾
قُلْ إِنَّ رَبِّى يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ وَلَٰكِنَّ
أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾
وَمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُكُم بِٱلَّتِى تُقَرِّبُكُمْ عِندَنَا زُلْفَىٰٓ
إِلَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ جَزَآءُ

ٱلضِّعْفِ بِمَا عَمِلُوا۟ وَهُمْ فِى ٱلْغُرُفَٰتِ ءَامِنُونَ ﴿٣٧﴾
وَٱلَّذِينَ يَسْعَوْنَ فِىٓ ءَايَٰتِنَا مُعَٰجِزِينَ أُو۟لَٰٓئِكَ فِى
ٱلْعَذَابِ مُحْضَرُونَ ﴿٣٨﴾
قُلْ إِنَّ رَبِّى يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ
وَيَقْدِرُ لَهُۥ ۚ وَمَآ أَنفَقْتُم مِّن شَىْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُۥ ۖ وَهُوَ
خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿٣٩﴾
وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ يَقُولُ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ أَهَٰٓؤُلَآءِ
إِيَّاكُمْ كَانُوا۟ يَعْبُدُونَ ﴿٤٠﴾
قَالُوا۟ سُبْحَٰنَكَ أَنتَ وَلِيُّنَا مِن دُونِهِم ۖ بَلْ كَانُوا۟
يَعْبُدُونَ ٱلْجِنَّ ۖ أَكْثَرُهُم بِهِم مُّؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾
فَٱلْيَوْمَ لَا يَمْلِكُ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ نَّفْعًا وَلَا ضَرًّا وَنَقُولُ
لِلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلنَّارِ ٱلَّتِى كُنتُم بِهَا
تُكَذِّبُونَ ﴿٤٢﴾

"Dan Kami tidak mengutuskan engkau melainkan untuk umat manusia seluruhnya sebagai penyampai berita gembira dan penyampai amaran, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (28). Dan mereka berkata: Bilakah hari yang dijanjikan ini, jika kamu benar? (29) Katakanlah: Satu hari telah dijanjikan untuk kamu yang tidak dapat kamu meminta supaya diperlewatkannya barang sesa'at pun dan tidak pula dapat kamu meminta supaya disegerakannya (30). Dan orang-orang kafir berkata: Kami tidak akan beriman kepada Al-Qur'an ini dan tidak pula kepada kitab yang terdahulu darinya dan (alangkah dahsyatnya) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dibawa berdiri di hadapan Tuhan mereka (untuk dihisab) lalu mereka memulangkan tuduhan terhadap satu sama lain. Pengikut-pengikut yang lemah berkata kepada ketua-ketua yang sombong: Kalaulah tidak kerana kamu, tentulah kami telah menjadi orang-orang yang beriman (31). Ketua-ketua yang sombong pula berkata kepada pengikut-pengikut yang lemah: Adakah kami yang menghalangkan kamu dari hidayat setelah ia datang kepada kamu? Bahkan sebenarnya kamulah sendiri yang menjadi orang-orang yang berdosa (32). Dan berkata pula pengikut-pengikut yang lemah kepada ketua-ketua yang sombong: Tidak, bahkan sebenarnya tipu daya (kamu) malam dan siang (inilah yang menghalangkan kami dari beriman) ketika itu kamu menyuruh supaya kami mengingkarkan Allah dan mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya, mereka (masing-masing) memendamkan perasaan menyesal apabila mereka melihat 'azab seksa dan Kami pasangkan belenggu-belenggu pada leher orang-orang yang kafir itu. Mereka tidak dibalas melainkan kerana dosa-dosa yang telah dilakukan mereka (33). Dan Kami tidak utuskan Rasul yang memberi amaran kepada sesebuah negeri melainkan golongan mewahnya yang berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya kepada agama yang kamu diutuskan membawanya (34). Dan mereka berkata lagi: Kami mempunyai harta kekayaan dan anak-anak yang paling banyak dan kami tidak akan diseksakan (35). (Wahai Muhammad) katakanlah: Sesungguhnya Tuhankulah yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendakinya, tetapi kebanyakkan manusia tidak mengetahui (36). Dan tidaklah harta kekayaan kamu dan tidak juga anak pinak kamu yang dapat mendampingkan kamu lebih dekat kepada Kami kecuali mereka yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka merekalah yang akan memperolehi balasan yang berganda-ganda dengan sebab amalan-amalan yang dilakukan mereka dan mereka kelak akan ditempatkan di dalam mahligai-mahligai yang tinggi (di Syurga) dengan aman sentosa. (37). Dan orang-orang yang berusaha menentang dan mencabar ayat-ayat Kami mereka akan dibawa ke dalam 'azab seksa (38). (Wahai Muhammad) katakanlah: Sesungguhnya Tuhankulah yang melapangkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari para hamba-Nya dan Dialah juga yang menyempitkannya. Dan apa sahaja yang kamu dermakannya, maka Allah akan menggantikannya, dan Dialah sebaik-baik Pemberi rezeki (39). Dan (kenangilah) hari Qiamat, di mana Kami kumpulkan seluruh mereka kemudian Allah bertanya kepada malaikat-malaikat: Apakah orang-orang ini yang menyembah kamu dahulu?(40). Malaikat-malaikat menjawab: Maha Sucilah Engkau! Hanya engkaulah Pelindung Kami dan Kami berlepas diri dari mereka, malah sebenarnya mereka menyembah jin. Kebanyakan mereka adalah beriman kepada jin-jin itu (41). Pada hari ini kamu tidak berkuasa memberi apa-apa manfa'at dan mudarat terhadap satu sama lain dan Kami akan berkata kepada orang-orang yang zalim: Rasalah 'azab Neraka yang telah kamu dustakannya itu."(42)

Pusingan ini membicarakan sikap orang-orang kafir terhadap Al-Qur'an yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan sikap golongan mewah terhadap setiap risalah (yang dibawa oleh para rasul). Mereka tertipu dengan harta kekayaan, anak pinak dan segala keni'matan dunia yang ada di dalam tangan mereka. Mereka menganggapkan semuanya itu sebagai bukti bahawa Allah telah memilih dan mengutamakan mereka, juga menganggapkan bahawa harta kekayaan dan anak-anak pinak itu dapat mempertahankan mereka dari 'azab Allah di dunia dan di Akhirat. Oleh sebab itu Al-Qur'an menayangkan kepada mereka pemandangan mereka di negeri Akhirat seolah-olah benar-benar sedang berlaku supaya mereka dapat melihat sama ada harta benda dan anak pinak mereka itu berguna kepada mereka atau dapat menyelamatkan mereka pada hari itu. Di dalam pemandangan-pemandangan ini juga ternyata bahawa malaikat-malaikat dan jin-jin yang disembahkan mereka di dunia dan dipohon pertolongan itu tidak dapat berbuat apa-apa kepada mereka di negeri Akhirat. Di celah-celah perdebatan itu juga Al-Qur'an menerangkan hakikat nilai yang mempunyai timbangan yang berat di dalam neraca Allah dan dengan penerangan itu terbukalah tembelang nilai-nilai palsu yang dibangga-banggakan mereka dalam kehidupan dunia, dan jelaslah bahawa keluasan rezeki dan kesempitannya merupakan dua perkara yang berlaku mengikut kehendak iradat Allah bukannya dua perkara yang menjadi bukti keredhaan

atau kemurkaan, kehampiran atau kejauhan dari Allah, malah kedua-duanya merupakan ujian dan dugaan belaka.

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 30)

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا كَآفَّةٗ لِّلنَّاسِ بَشِيرٗا وَنَذِيرٗا
وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعۡلَمُونَ ٢٨
وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلۡوَعۡدُ إِن كُنتُمۡ
صَٰدِقِينَ ٢٩
قُل لَّكُم مِّيعَادُ يَوۡمٖ لَّا تَسۡتَـٔۡخِرُونَ عَنۡهُ سَاعَةٗ وَلَا
تَسۡتَقۡدِمُونَ ٣٠

"Dan Kami tidak mengutuskan engkau melainkan untuk umat manusia seluruhnya sebagai penyampai berita gembira dan penyampai amaran, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (28). Dan mereka berkata: Bilakah hari yang dijanjikan ini, jika kamu benar? (29) Katakanlah: Satu hari telah dijanjikan untuk kamu yang tidak dapat kamu meminta supaya diperlewatkannya barang sesa'at pun dan tidak pula dapat kamu meminta supaya disegerakannya."(30)

Penerangan ini dibuat selepas ayat-ayat yang silam, yang menerangkan tanggungjawab individu dan menyatakan bahawa tidak ada di antara pengikut-pengikut kebenaran dan pengikut-pengikut kebatilan itu melainkan hanya da'wah dan penerangan dan selepas itu urusan mereka adalah terserah kepada Allah.

Di sini Al-Qur'an menerangkan pula tugas Nabi s.a.w. dan kejahilan mereka terhadap hakikat tugas ini, juga menerangkan tentang permintaan mereka supaya disegerakan janji-janji dan balasan-balasan 'azab yang diancamkan Allah itu. Dalam hubungan ini Al-Qur'an menjelaskan bahawa janji dan balasan itu adalah terserah kepada waktunya yang telah ditetapkan di dalam ilmu Allah yang mengetahui segala yang ghaib:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا كَآفَّةٗ لِّلنَّاسِ بَشِيرٗا وَنَذِيرٗا
وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعۡلَمُونَ ٢٨

"Dan Kami tidak mengutuskan engkau melainkan untuk umat manusia seluruhnya sebagai penyampai berita gembira dan penyampai amaran, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(28)

Inilah batas-batas kerasulan yang mencakup umat manusia seluruhnya. Tugas Rasul ialah menyampaikan berita gembira dan memberi amaran. Hanya setakat inilah sahaja tugas seorang rasul. Adapun urusan melaksanakan penyampaian berita gembira dan amaran itu adalah terserah kepada Allah:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلۡوَعۡدُ إِن كُنتُمۡ
صَٰدِقِينَ ٢٩

"Tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (28). Dan mereka berkata: Bilakah hari yang dijanjikan ini, jika kamu benar?"(29)

Pertanyaan ini menunjukkan kejahilan mereka terhadap tugas seorang rasul dan terhadap batas-batas kerasulan. Al-Qur'an amat menekan berat terhadap kesucian 'aqidah tauhid. Muhammad itu hanya seorang rasul yang mempunyai tugas yang terbatas. Dia hanya berdiri digaris sempadan tugasnya sahaja dan tidak pernah melampauinya, kerana tuan punya urusan agama ini ialah Allah. Dialah yang telah mengutuskannya dan menetapkan garis-garis tugasnya. Oleh itu bukanlah menjadi sebahagian dari tugasnya mengendalikan pelaksanaan janji-janji itu, malah beliau sendiri tidak mengetahui (bilakah waktunya). Semuanya terpulang kepada Tuhannya. Beliau mengetahui sempadan-sempadan tugasnya. Oleh itu tidaklah wajar beliau ditanya tentang perkara-perkara yang tidak diberi tahu dan diserahkan kepadanya oleh Allah. Dalam perkara ini Allah telah menugaskan beliau supaya menyampaikan jawapan yang tertentu kepada mereka dan beliau telah pun melaksanakannya:

قُل لَّكُم مِّيعَادُ يَوۡمٖ لَّا تَسۡتَـٔۡخِرُونَ عَنۡهُ سَاعَةٗ وَلَا
تَسۡتَقۡدِمُونَ ٣٠

"Katakanlah: Satu hari telah dijanjikan untuk kamu yang tidak dapat, kamu meminta supaya diperlewatkannya barang sesa'at pun dan tidak pula dapat kamu meminta supaya disegerakannya."(30)

Setiap masa yang dijanjikan itu akan datang pada waktunya yang telah ditetapkan Allah. Ia tidak akan terlewat kerana keinginan seseorang dan tidak akan tercepat kerana harapan seseorang. Janji itu bukannya ditentukan secara mainan dan kebetulan kerana segala sesuatu itu diciptakan Allah dengan perencanaan yang rapi dan segala urusan itu mempunyai hubungan dengan urusan yang lain. Perencanaan Allah telah mengaturkan segala peristiwa, masa dan ajal mengikut hikmat kebijaksanaan-Nya yang tersembunyi yang tidak dapat difahami oleh mana-mana hamba-Nya melainkan sekadar yang dibukakan Allah kepadanya.

Permintaan mereka supaya dipercepatkan janji-janji Allah menunjukkan mereka tidak memahami hakikat yang agung ini. Memanglah kebanyakan manusia itu tidak mengetahui. Inilah sebabnya yang mendorong mereka bertanya dan meminta supaya disegerakannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 33)

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَن نُّؤْمِنَ بِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ
وَلَا بِٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ ۗ

"Dan orang-orang kafir berkata: Kami tidak akan beriman kepada Al-Qur'an ini dan tidak pula kepada kitab yang terdahulu darinya."(31)

Itulah kedegilan dan keazaman mereka dari awal lagi untuk menolak hidayat dari segala sumbernya sama ada Al-Qur'an atau kitab-kitab suci yang terdahulu darinya yang membuktikan kebenaran Al-Qur'an. Mereka tidak bersedia untuk beriman dengan mana-mana sumber itu sama ada pada hari ini atau pada hari esok. Ini bererti mereka telah berazam teguh untuk tetap di atas kekafiran dan berazam terus untuk tidak memikirkan sebarang dalil-dalil hidayat biarpun apa sahaja. Itulah niat dan azam yang sengaja dipendamkan mereka:

Ketika inilah Al-Qur'an menayangkan pemandangan mereka pada hari Qiamat, di mana ditunjukkan balasan terhadap kedegilan mereka.

Dialog Sia-sia Di Antara Pemimpin Dan Pengikut

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلظَّٰلِمُونَ مَوْقُوفُونَ عِندَ رَبِّهِمْ
يَرْجِعُ بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ ٱلْقَوْلَ يَقُولُ ٱلَّذِينَ
ٱسْتُضْعِفُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ لَوْلَآ أَنتُمْ لَكُنَّا
مُؤْمِنِينَ ﴿٣١﴾
قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوٓا۟ أَنَحْنُ
صَدَدْنَٰكُمْ عَنِ ٱلْهُدَىٰ بَعْدَ إِذْ جَآءَكُم ۖ بَلْ كُنتُم
مُّجْرِمِينَ ﴿٣٢﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ بَلْ
مَكْرُ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ إِذْ تَأْمُرُونَنَآ أَن نَّكْفُرَ بِٱللَّهِ
وَنَجْعَلَ لَهُۥٓ أَندَادًا ۚ وَأَسَرُّوا۟ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ
وَجَعَلْنَا ٱلْأَغْلَٰلَ فِىٓ أَعْنَاقِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ هَلْ يُجْزَوْنَ
إِلَّا مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٣٣﴾

"Dan (alangkah dahsyatnya) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dibawa berdiri di hadapan Tuhan mereka (untuk dihisab), lalu mereka memulangkan tuduhan terhadap satu sama lain. Pengikut-pengikut yang lemah berkata kepada ketua-ketua yang sombong: Kalaulah tidak kerana kamu, tentulah kami telah menjadi orang-orang yang beriman (31). Ketua-ketua yang sombong pula berkata kepada pengikut-pengikut yang lemah: Adakah kami yang menghalangkan kamu dari hidayat setelah ia datang kepada kamu? Bahkan sebenarnya kamulah sendiri yang menjadi orang-orang yang berdosa (32). Dan berkata pula pengikut-pengikut yang lemah kepada ketua-ketua yang sombong: Tidak, bahkan sebenarnya tipu daya (kamu) malam dan siang (inilah yang menghalangkan kami dari beriman) ketika itu kamu menyuruh supaya kami mengingkarkan Allah dan mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya, mereka (masing-masing) memendamkan perasaan menyesal apabila mereka melihat 'azab seksa dan lalu Kami pasangkan belenggu-belenggu pada leher orang-orang yang kafir itu. Mereka tidak dibalas melainkan kerana dosa-dosa yang telah dilakukan mereka."(33)

Di dunia mereka keluarkan perkataan:

لَن نُّؤْمِنَ بِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ وَلَا بِٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ ۗ

"Kami tidak akan beriman kepada Al-Qur'an ini dan tidak pula kepada kitab yang terdahulu darinya,"(31)

tetapi andainya engkau melihat mereka sedang dihadapkan Allah untuk menerima balasan, tentulah engkau akan melihat mereka berbantah-bantahan, mencela, menuduh dan melemparkan tanggungjawab terhadap satu sama lain:

يَرْجِعُ بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ ٱلْقَوْلَ

"Lalu mereka memulangkan tuduhan terhadap satu sama lain"(31)

apakah tuduhan yang saling dilontarkan mereka?

يَقُولُ ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ لَوْلَآ
أَنتُمْ لَكُنَّا مُؤْمِنِينَ ﴿٣١﴾

"Pengikut-pengikut yang lemah berkata kepada ketua-ketua yang sombong: Kalaulah tidak kerana, kamu, tentulah kami telah menjadi orang-orang yang beriman."(31)

Orang-orang yang lemah itu meletakkan tanggungjawab nasib mereka yang hina dina pada hari itu kepada ketua-ketua mereka yang sombong. Mereka melemparkan kata-kata ini dengan terus terang kepada mereka pada hari ini, sedangkan di dunia dahulu mereka tidak berani menghadapi mereka seperti ini, kerana dihalangi perasaan merasa hina, lemah dan menyerah kalah. Mereka telah menjual kemerdekaan dan mengorbankan maruah kehormatan, akal fikiran yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, tetapi hari ini nilai-nilai palsu itu telah gugur dan mereka sedang menghadapi 'azab yang amat pedih dan kerana itu mereka dapat mengeluarkan kata-kata ini tanpa takut-takut lagi:

لَوْلَآ أَنتُمْ لَكُنَّا مُؤْمِنِينَ ﴿٣١﴾

"Kalaulah tidak kerana kamu, tentulah kami telah menjadi orang-orang yang beriman."(31)

Ketua-ketua yang sombong itu merasa bosan terhadap pengikut-pengikut mereka yang lemah itu, kerana mereka sama-sama berada di dalam

kesusahan, sedangkan pengikut-pengikut yang lemah itu mahu meletakkan ke atas mereka seluruh tanggungjawab hasutan yang membawa mereka kepada 'azab keseksaan ini, lalu mereka memberi jawapan yang kasar terhadap mereka:

قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوٓا۟ أَنَحْنُ صَدَدْنَٰكُمْ عَنِ ٱلْهُدَىٰ بَعْدَ إِذْ جَآءَكُم ۖ بَلْ كُنتُم مُّجْرِمِينَ ﴿٣٢﴾

"Ketua-ketua yang sombong pula berkata kepada pengikut-pengikut yang lemah: Adakah kami yang menghalangkan kamu dari hidayat setelah ia datang kepada kamu? Bahkan sebenarnya kamulah sendiri yang menjadi orang-orang yang berdosa."(32)

Mereka melepaskan diri mereka dari tanggungjawab dan mengakui kebenaran hidayat, sedangkan di dunia dahulu mereka tidak pernah memberi apa-apa nilaian terhadap orang-orang yang lemah itu, tidak pernah mengambil buah fikiran mereka, tidak pernah mengakui kewujudan mereka dan tidak pernah menerima apa-apa bantahan dan, sangkalan dari mereka, tetapi hari ini ketika berdepan dengan 'azab, mereka menyoal mereka dengan penuh keingkaran:

أَنَحْنُ صَدَدْنَٰكُمْ عَنِ ٱلْهُدَىٰ بَعْدَ إِذْ جَآءَكُم ۖ بَلْ كُنتُم مُّجْرِمِينَ ﴿٣٢﴾

"Adakah kami yang menghalangkan kamu dari hidayat setelah ia datang kepada kamu? Bahkan sebenarnya kamulah sendiri yang menjadi orang-orang berdosa."(32)

Yakni kamu sendirilah yang bersalah kerana tidak menerima hidayat itu kerana kamu sebenarnya adalah orang-orang yang berdosa.

Semasa di dunia orang-orang yang lemah diam membongkam sahaja. Mereka tidak berani mengeluarkan sepatah kata pun, tetapi pada hari Akhirat ketika keagungan dan nilai-nilai palsu jatuh berguguran, ketika mata-mata yang tertutup terbuka dan hakikat-hakikat yang tersembunyi terdedah nyata, maka orang-orang yang lemah itu tidak lagi diam membongkam, malah mereka tampil berdepan dengan ketua-ketua yang sombong itu dan mendedahkan tipu daya mereka yang tidak pernah reda siang dan malam. Mereka menghalang mereka dari menerima hidayat, menegakkan kebatilan, mengelirukan kebenaran, menggalakkan kemungkaran dan menggunakan pengaruh dan kuasa mereka untuk menyesat dan menghasut:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ بَلْ مَكْرُ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ إِذْ تَأْمُرُونَنَآ أَن نَّكْفُرَ بِٱللَّهِ وَنَجْعَلَ لَهُۥٓ أَندَادًا ۚ

"Dan berkata pula pengikut-pengikut yang lemah kepada ketua-ketua yang sombong: Tidak, bahkan sebenarnya tipu daya (kamu) malam dan siang (inilah yang menghalangkan kami dari beriman) ketika itu kamu menyuruh supaya kami kafir terhadap Allah dan mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya."(33)

Kemudian kedua-dua pihak itu sedar bahawa perdebatan yang malang itu tidak lagi berguna kepada mana-mana pihak. Ia tidak dapat menyelamatkan pihak yang sombong dan pihak yang lemah. Masing-masing mempunyai dosa dari kesalahannya yang tersendiri. Orang-orang yang sombong memikul dosa sendiri dan tanggungjawab kerana menyesatkan orang lain, sementara orang-orang yang lemah pula menanggung dosa sendiri dan bertanggungjawab kerana mengikut ketua-ketua mereka yang zalim itu. Mereka tidak dimaaf dengan alasan lemah, kerana Allah telah mengurniakan kepada mereka daya akal fikiran dan kemerdekaan, tetapi mereka tidak menggunakan daya akal fikiran itu dan mereka telah menjual kemerdekaan mereka. Mereka rela menjadi ekor-ekor orang lain dan mereka rela menjadi hina-dina. Oleh kerana itu mereka wajar menerima 'azab seksa. Kedua pihak itu dilanda perasaan hampa dan menyesal ketika melihat 'azab seksa yang sedang disediakan untuk mereka:

وَأَسَرُّوا۟ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ۚ

"Mereka (masing-masing) memendamkan perasaan menyesal apabila mereka melihat 'azab seksa."(33)

Itulah keadaan duka nestapa yang membenamkan kata-kata di dalam dada mereka dan mengelukan lidah dan bibir mereka dari bercakap.

Kemudian mereka di'azab dengan 'azab seksa yang amat berat dan dahsyat:

وَجَعَلْنَا ٱلْأَغْلَٰلَ فِىٓ أَعْنَاقِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ

"Dan Kami pasangkan belenggu-belenggu pada leher orang-orang yang kafir itu."(33)

Kemudian ayat berikut menceritakan perihal mereka ketika mereka diseret dengan belenggu-belenggu itu, di mana mereka diabaikan begitu sahaja sambil menghadapkan pernyataan ini kepada orang-orang yang menonton pemandangan ini:

هَلْ يُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٣٣﴾

"Mereka tidak dibalas melainkan kerana dosa-dosa yang telah dilakukan mereka."(33)

Kemudian tirai dilabuhkan menutup pemandangan orang-orang yang zalim yang terdiri dari orang-orang yang sombong dan orang-orang yang lemah itu. Kedua-dua golongan itu adalah golongan yang zalim belaka. Yang sombong dianggap zalim dengan sikap mereka yang pelampau dan perbuatan mereka menyesatkan orang lain, sedangkan yang lemah

dianggap zalim dengan sikap mereka yang mengorbankan kehormatan, akal fikiran dan kebebasan insan dan kesanggupan mereka tunduk kepada golongan yang pelampau. Kedua-dua golongan itu mendapat 'azab seksa belaka. Mereka tidak dibalas melainkan kerana dosa-dosa yang telah dilakukan mereka.

Tirai dilabuhkan menutup kisah orang-orang yang zalim yang sedang melihat nasib diri mereka dalam satu pemandangan Qiamat yang hidup. Mereka menyaksikan nasib diri mereka, sedangkan mereka masih hidup di bumi ini dan orang-orang lain juga turut menyaksikan nasib mereka seolah-olah mereka memandang dengan mata kepala mereka. Walau bagaimanapun peluang masih terbuka kepada sesiapa yang ingin menghindari nasib yang malang itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 34 - 39)

Nilai Kemewahan Dan Kesenangan Di Sisi Allah

Apa yang diucapkan oleh golongan mewah dari pembesar-pembesar Quraysy itu adalah sama dengan apa yang diucapkan oleh golongan mewah sebelum mereka kepada setiap Rasul yang diutuskan kepada mereka:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا فِي قَرۡيَةٖ مِّن نَّذِيرٍ إِلَّا قَالَ مُتۡرَفُوهَآ إِنَّا
بِمَآ أُرۡسِلۡتُم بِهِۦ كَٰفِرُونَ ٣٤

"Dan Kami tidak utuskan Rasul yang memberi amaran kepada sesebuah negeri melainkan golongan mewahnya yang berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya kepada agama yang kamu diutuskan membawanya."(34)

Ia merupakan cerita yang berulang-ulang di sepanjang zaman. Itulah kisah kemewahan yang membuat hati manusia menjadi kasar dan hilang kepekaannya. Ia merosakkan fitrah manusia dan menjadikannya buta tidak dapat melihat tanda-tanda hidayat, malah ia membuat mereka bersikap sombong terhadap hidayat, berdegil di atas kebatilan dan enggan membuka mata mereka kepada nur petunjuk Ilahi.

Orang-orang yang mewah itu tertipu dengan nilai-nilai yang palsu dan dengan ni'mat-ni'mat yang fana. Mereka terpedaya dengan kekayaan dan kekuatan yang ada pada mereka. Mereka menyangka kekayaan dan kekuatan itu dapat melindungkan mereka dari 'azab Allah. Mereka fikir kesenangan hidup mereka itu merupakan bukti keredhaan Allah terhadap mereka atau merupakan tanda bahawa mereka akan ditempatkan di maqam yang tinggi, yang jauh dari hisab dan balasan:

وَقَالُواْ نَحۡنُ أَكۡثَرُ أَمۡوَٰلٗا وَأَوۡلَٰدٗا وَمَا نَحۡنُ
بِمُعَذَّبِينَ ٣٥

"Dan mereka berkata lagi: Kami mempunyai harta kekayaan dan anak-anak yang paling banyak dan kami tidak akan diseksakan."(35)

Kemudian Al-Qur'an membentangkan kepada mereka neraca nilai-nilai yang dipakai di sisi Allah. Al-Qur'an menyatakan kepada mereka bahawa persoalan keluasan rezeki dan kesempitannya tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan nilai-nilai yang tetap itu. Ia tidak menjadi tanda yang menunjukkan keredhaan dan kemurkaan Allah dan ia tidak dapat melindungkan seseorang dari 'azab Allah dan tidak pula menolakkan seseorang itu ke dalam 'azab Allah, malah persoalan itu merupakan satu persoalan yang berasingan dari persoalan hisab dan balasan, juga berasingan dari persoalan keredhaan dan kemurkaan Allah. Ia adalah diatur mengikut satu peraturan dari undang-undang Allah:

قُلۡ إِنَّ رَبِّي يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقۡدِرُ وَلَٰكِنَّ
أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعۡلَمُونَ ٣٦

"(Wahai Muhammad) katakanlah: Sesungguhnya Tuhankulah yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendakinya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(36)

Persoalan keluasan dan kesempitan rezeki atau persoalan memiliki atau tidak memiliki punca-punca kesenangan dan kemewahan hidup itu merupakan satu persoalan yang menimbulkan kemusykilan di dalam hati kebanyakan orang. Kadang-kadang kesenangan dan kemewahan hidup dunia dibuka kepada orang-orang yang jahat, yang melakukan kebatilan dan kerosakan dan kadang-kadang punca-punca kesenangan dan kemewahan itu tidak diberikan kepada orang-orang yang baik, yang memperjuangkan kebenaran dah kebaikan. Lalu setengah-setengah orang berfikir bahawa Allah tidak akan melimpahkan ni'mat kepada seseorang melainkan tentulah ianya seorang yang mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah atau mereka merasa ragu-ragu terhadap nilai-nilai kebaikan, kebenaran dan kesalihan kerana nilai-nilai ini kelihatan pada mereka dilingkungi oleh kehidupan yang susah dan sempit.

Di sini Al-Qur'an menjelaskan hubungan di antara kesenangan hidup dunia dengan nilai-nilai yang dipandang tinggi di sisi Allah. Ia menerangkan bahawa Allah melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan persoalan kelapangan dan kesempitan rezeki ini merupakan satu persoalan dan persoalan keredhaan dan kemurkaan Allah merupakan satu persoalan yang lain pula. Di antara keduanya tidak mempunyai apa-apa hubungan. Kadang-kadang Allah melimpahkan rezeki kepada orang-orang yang dimurkai-Nya sama seperti ia melimpahkannya kepada orang-orang yang diredhai-Nya. Kadang-kadang Allah menyempitkan rezeki kepada orang-orang yang jahat sama seperti ia menyempitkannya kepada orang-orang yang baik, tetapi sebab-sebab dan matlamat-matlamat

pemberian dan penafian itu tidaklah sama dalam semua kes itu.

Kadang-kadang Allah melimpahkan rezeki kepada orang-orang yang jahat sebagai suatu tarikan yang mendorong mereka bertambah jahat, sombong dan rosak agar stok dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan mereka bertambah berlipat ganda, kemudian Allah akan timpakan balasan ke atas mereka sama ada di dunia atau di Akhirat mengikut hikmat kebijaksanaan dan perencanaan-Nya. Kadang-kadang Allah haramkan rezeki kepada mereka menyebabkan mereka bertambah jahat, bertambah banyak menyeleweng dan melakukan dosa, bertambah gelisah, susah dan putus asa dari rahmat Allah dan akhirnya stok kejahatan dan kesesatan mereka bertambah berlipat ganda.

Kadang-kadang Allah melimpahkan rezeki ke atas orang-orang yang baik supaya membolehkan mereka melakukan berbagai-bagai amalan yang soleh yang tidak dapat dilaksanakan tanpa rezeki yang limpah, juga supaya mereka mensyukuri ni'mat Allah dengan hati, lidah dan amalan-amalan mereka yang baik agar mereka dapat mengumpulkan bekalan amalan yang banyak di sisi Allah dengan kesalihan dan kebaikan hati mereka. Kadang-kadang Allah mengharamkan rezeki kepada mereka untuk menguji kesabaran mereka menghadapi kesusahan hidup, untuk menguji sejauh mana mereka beriman dan menaruh harapan kepada Allah, sejauh mana keyakinan mereka kepada taqdir Allah dan sejauh mana keredhaan mereka terhadap Allah. Dengan ujian ini mereka dapat melipat gandakan lagi bekalan amalan kebaikan dan keredhaan Allah.

Walau bagaimanapun sebab-sebab keluasan dan kesempitan rezeki dari hasil usaha manusia dan dari hasil hikmat Allah itu, namun ia tetap merupakan satu persoalan yang berasingan. Ia bukannya menjadi bukti bahawa harta kekayaan, anak pinak dan kesenangan hidup itu merupakan nilai-nilai yang dapat meninggi dan merendahkan darjat seseorang di sisi Allah, tetapi kebaikan dan keburukannya adalah terhenti di atas cara pengendalian dan penanganan orang-orang yang dilimpah atau diharamkan punca-punca rezeki itu. Sesiapa yang dikurniakan harta kekayaan dan anak pinak lalu ia mengendali dan menguruskannya dengan baik, maka Allah akan menggandakan pahalanya sebagai balasan kepada pengendaliannya yang baik terhadap ni'mat-ni'mat Allah itu. Harta kekayaan dan anak pinak itu sendiri tidak dapat mendekatkan mereka kepada Allah, malah pengendalian mereka yang baik terhadap harta kekayaan dan anak pinak itulah yang dapat memberikan pahala balasan yang berganda-ganda kepada mereka.

وَمَآ أَمۡوَٰلُكُمۡ وَلَآ أَوۡلَٰدُكُم بِٱلَّتِي تُقَرِّبُكُمۡ عِندَنَا زُلۡفَىٰٓ
إِلَّا مَنۡ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحٗا فَأُوْلَٰٓئِكَ لَهُمۡ جَزَآءُ
ٱلضِّعۡفِ بِمَا عَمِلُواْ وَهُمۡ فِي ٱلۡغُرُفَٰتِ ءَامِنُونَ ٣٧
وَٱلَّذِينَ يَسۡعَوۡنَ فِيٓ ءَايَٰتِنَا مُعَٰجِزِينَ أُوْلَٰٓئِكَ فِي
ٱلۡعَذَابِ مُحۡضَرُونَ ٣٨

"Dan tidaklah harta kekayaan kamu dan tidak juga anak pinak kamu yang dapat mendampingkan kamu lebih dekat kepada kami kecuali mereka yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka merekalah yang akan memperolehi balasan yang berganda-ganda dengan sebab amalan-amalan yang dilakukan mereka dan mereka kelak akan ditempatkan di dalam mahligai-mahligai yang tinggi (di Syurga) dengan aman sentosa (37). Dan orang-orang yang berusaha menentang dan mencabar ayat-ayat Kami, mereka akan dibawa ke dalam 'azab seksa."(38)

Kemudian Al-Qur'an mengulangkan dasar bahawa ketuaan dan kesempitan rezeki merupakan satu persoalan yang berasingan. Ia diatur mengikut kehendak Allah untuk melaksanakan sesuatu hikmat yang berasingan dan segala apa yang didermakan untuk kepentingan Sabilullah, maka itulah yang akan menjadi harta simpanan yang kekal abadi yang memberi faedah kepada mereka. Ulangan ini dituju untuk menanamkan hikmat ini supaya jelas di dalam hati manusia:

قُلۡ إِنَّ رَبِّي يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن يَشَآءُ مِنۡ عِبَادِهِۦ
وَيَقۡدِرُ لَهُۥۚ وَمَآ أَنفَقۡتُم مِّن شَيۡءٖ فَهُوَ يُخۡلِفُهُۥۖ وَهُوَ
خَيۡرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ٣٩

"(Wahai Muhammad) katakanlah: Sesungguhnya Tuhankulah yang, melapangkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari para hamba-Nya dan Dialah juga yang menyempitkannya. Dan apa sahaja yang kamu dermakannya, maka Allah akan menggantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki."(39)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 40 - 42)

Kemudian pusingan ini ditamatkan dengan satu pemandangan yang menunjukkan mereka sedang dikumpulkan pada hari Qiamat. Di sana Allah semukakan mereka dengan para malaikat yang disembahkan mereka di dunia selain dari Allah, kemudian Allah rasakan mereka 'azab Neraka yang dipinta mereka supaya disegerakannya itu iaitu 'azab yang pernah ditanya mereka: "Bilakah janji 'azab itu?" Sebagaimana diceritakan di dalam pusingan yang pertama:

Penyembah-penyembah Malaikat Disemukakan Dengan Para Malaikat

وَيَوۡمَ يَحۡشُرُهُمۡ جَمِيعٗا ثُمَّ يَقُولُ لِلۡمَلَٰٓئِكَةِ أَهَٰٓؤُلَآءِ
إِيَّاكُمۡ كَانُواْ يَعۡبُدُونَ ٤٠

قَالُوا۟ سُبْحَـٰنَكَ أَنتَ وَلِيُّنَا مِن دُونِهِم ۖ بَلْ كَانُوا۟
يَعْبُدُونَ ٱلْجِنَّ ۖ أَكْثَرُهُم بِهِم مُّؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾
فَٱلْيَوْمَ لَا يَمْلِكُ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ نَّفْعًا وَلَا ضَرًّا وَنَقُولُ
لِلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلنَّارِ ٱلَّتِى كُنتُم بِهَا
تُكَذِّبُونَ ﴿٤٢﴾

"Dan (kenangilah) hari Qiamat yang Kami kumpul seluruh mereka kemudian Allah bertanya kepada malaikat-malaikat: Apakah orang-orang ini yang menyembah kamu dahulu? (40) Malaikat-malaikat menjawab: Maha Sucilah Engkau! Hanya Engkaulah Pelindung kami dan kami berlepas diri dari mereka, malah sebenarnya mereka menyembah jin. Kebanyakan mereka adalah beriman kepada jin-jin itu (41). Pada hari ini kamu tidak berkuasa memberi apa-apa manfa'at dan mudarat terhadap satu sama lain dan Kami akan berkata kepada orang-orang yang zalim: Rasalah 'azab Neraka yang telah kamu dustakannya itu."(42)

Itulah para malaikat yang disembah mereka selain dari Allah atau yang dijadikan mereka sebagai pemberi-pemberi syafa'at di sisi Allah. Mereka disemukakan Allah dengan kaum Musyrikin lalu mereka membersihkan Allah dari dakwaan-dakwaan itu dan berlepas tangan dari perbuatan kaum Musyrikin yang menyembah mereka seolah-olah ibadat mereka sama sekali tidak berasas, tidak berlaku dan tidak mempunyai hakikat, malah sebenarnya mereka telah menurut syaitan sama ada dengan menyembah dan bertawajjuh kepada syaitan atau menta'ati syaitan supaya mereka menyembah sekutu-sekutu yang lain dari Allah. Sebenarnya mereka menyembah syaitan ketika mereka menyembah malaikat-malaikat itu kerana adat menyembah jin itu memang terkenal di dalam masyarakat Arab. Sebahagian dari mereka memang menyembah jin dan meminta pertolongan dari mereka:

بَلْ كَانُوا۟ يَعْبُدُونَ ٱلْجِنَّ ۖ أَكْثَرُهُم بِهِم مُّؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾

"Malah sebenarnya mereka menyembah jin. Kebanyakan mereka adalah beriman kepada jin-jin itu."(41)

Dan di sinilah terbitnya hubungan kisah Sulaiman dan jin dengan persoalan-persoalan dan maudhu'-maudhu' yang dibicarakan oleh surah ini mengikut cara penceritaan kisah-kisah di dalam Al-Qur'an.

Ketika pemandangan itu masih sedang ditayang, penerangan ayat berikut telah diubah dari cara penceritaan dan pemberian kepada cara menghadapkan percakapan kecaman dan celaan kepada mereka:

فَٱلْيَوْمَ لَا يَمْلِكُ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ نَّفْعًا وَلَا ضَرًّا

"Pada hari ini kamu tidak berkuasa memberi apa-apa manfa'at dan mudarat terhadap satu sama lain."(42)

Para malaikat tidak berkuasa memberi sesuatu apa kepada manusia dan orang-orang kafir juga tidak berkuasa memberi sesuatu apa terhadap satu sama lain, sedangkan api Neraka yang didusta dan diragu-ragukan mereka berada di hadapan penglihatan mereka sebagai satu realiti yang tidak dapat disyakkan lagi:

وَنَقُولُ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلنَّارِ ٱلَّتِى كُنتُم
بِهَا تُكَذِّبُونَ ﴿٤٢﴾

"Dan Kami akan berkata kepada orang-orang yang zalim: Rasalah 'azab Neraka yang telah kamu dustakannya itu."(42)

Dengan ayat ini tamatlah pusingan ini yang menekankan persoalan kebangkitan selepas mati, persoalan hisab dan balasan sama seperti pusingan-pusingan yang lain dari surah ini.

(Kumpulan ayat-ayat 43 - 54)

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتُنَا بَيِّنَـٰتٍ قَالُوا۟ مَا هَـٰذَآ إِلَّا رَجُلٌ
يُرِيدُ أَن يَصُدَّكُمْ عَمَّا كَانَ يَعْبُدُ ءَابَآؤُكُمْ وَقَالُوا۟ مَا
هَـٰذَآ إِلَّآ إِفْكٌ مُّفْتَرًى ۚ وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِلْحَقِّ لَمَّا
جَآءَهُمْ إِنْ هَـٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٤٣﴾
وَمَآ ءَاتَيْنَـٰهُم مِّن كُتُبٍ يَدْرُسُونَهَا ۖ وَمَآ أَرْسَلْنَآ
إِلَيْهِمْ قَبْلَكَ مِن نَّذِيرٍ ﴿٤٤﴾
وَكَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَمَا بَلَغُوا۟ مِعْشَارَ مَآ
ءَاتَيْنَـٰهُمْ فَكَذَّبُوا۟ رُسُلِى ۖ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٤٥﴾
قُلْ إِنَّمَآ أَعِظُكُم بِوَٰحِدَةٍ ۖ أَن تَقُومُوا۟ لِلَّهِ مَثْنَىٰ
وَفُرَٰدَىٰ ثُمَّ تَتَفَكَّرُوا۟ ۚ مَا بِصَاحِبِكُم مِّن جِنَّةٍ ۚ إِنْ
هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ لَّكُم بَيْنَ يَدَىْ عَذَابٍ شَدِيدٍ ﴿٤٦﴾
قُلْ مَا سَأَلْتُكُم مِّنْ أَجْرٍ فَهُوَ لَكُمْ ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَى
ٱللَّهِ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿٤٧﴾
قُلْ إِنَّ رَبِّى يَقْذِفُ بِٱلْحَقِّ عَلَّـٰمُ ٱلْغُيُوبِ ﴿٤٨﴾
قُلْ جَآءَ ٱلْحَقُّ وَمَا يُبْدِئُ ٱلْبَـٰطِلُ وَمَا يُعِيدُ ﴿٤٩﴾
قُلْ إِن ضَلَلْتُ فَإِنَّمَآ أَضِلُّ عَلَىٰ نَفْسِى ۖ وَإِنِ ٱهْتَدَيْتُ

فَبِمَا يُوحِىٓ إِلَىَّ رَبِّىٓ ۚ إِنَّهُۥ سَمِيعٌ قَرِيبٌ ﴿٥٠﴾
وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ فَزِعُوا۟ فَلَا فَوْتَ وَأُخِذُوا۟ مِن مَّكَانٍ
قَرِيبٍ ﴿٥١﴾
وَقَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِهِۦ وَأَنَّىٰ لَهُمُ ٱلتَّنَاوُشُ مِن مَّكَانٍۭ
بَعِيدٍ ﴿٥٢﴾
وَقَدْ كَفَرُوا۟ بِهِۦ مِن قَبْلُ ۖ وَيَقْذِفُونَ بِٱلْغَيْبِ
مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٥٣﴾
وَحِيلَ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ مَا يَشْتَهُونَ كَمَا فُعِلَ
بِأَشْيَاعِهِم مِّن قَبْلُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ فِى شَكٍّ مُّرِيبٍۭ ﴿٥٤﴾

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang amat nyata, mereka berkata: Orang ini (Muhammad) tidak lain melainkan hanya seorang lelaki yang mahu menghalangkan kamu dari tuhan-tuhan yang disembahkan datuk nenek kamu, dan mereka berkata lagi: (Al-Qur'an) ini tidak lain melainkan hanya kata-kata dusta yang direka-rekakan sahaja. Dan berkatalah orang-orang kafir terhadap kebenaran yang datang kepada mereka: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya satu sihir yang terang (43). Dan sebenarnya Kami tidak pernah memberikan kepada mereka kitab-kitab yang dapat dipelajari mereka, dan Kami juga tidak pernah mengutuskan sebelummu (Muhammad) seorang rasul yang menyampaikan amaran (44). Umat-umat yang terdahulu dari mereka juga telah mendustakan (rasul-rasul), sedangkan mereka (kaummu) tidak sampai sepersepuluh dari apa yang Kami kurniakan kepada umat-umat yang terdahulu itu. Mereka telah mendustakan para rasul-Ku. Oleh itu (lihatlah) bagaimana dahsyatnya malapetaka kemurkaan-Ku (terhadap mereka) (45). (Wahai Muhammad) katakanlah: Sesungguhnya aku hanya mahu memberi satu nasihat sahaja kepada kamu, iaitu hendaklah kamu bersungguh-sungguh mencari kebenaran semata-mata kerana Allah dengan berdua-duaan dan dengan sendiri, kemudian hendaklah kamu berfikir (dengan teliti supaya kamu tahu) bahawa sahabat kamu (Muhammad) itu tidak mempunyai sebarang penyakit gila. Dia itu tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran kepada kamu menjelang kedatangan 'azab yang amat berat (46). Katakanlah: Apa sahaja upah yang aku telah pinta dari kamu maka semuanya adalah untuk kamu. Tiada upahku melainkan hanya terpulang kepada Allah. Dan Dialah yang menyaksikan segala sesuatu (47). Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku telah mencampakkan kebenaran dan Dia Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib (48). Katakanlah: Kebenaran itu telah datang dan kebatilan tidak akan mula bertapak dan tidak akan berulang (49). Katakanlah: Sekiranya aku sesat maka akibat kesesatan akan menimpa diriku sendiri, dan sekiranya aku mendapat hidayat, maka itu adalah dengan bimbingan yang diwahyukan Tuhanku kepadaku. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Dekat (50). Dan (alangkah dahsyatnya) jika engkau melihat ketika mereka (orang-orang kafir) berada dalam ketakutan (kerana melihat 'azab) dan mereka tidak ada jalan untuk melepaskan diri dan mereka ditangkap dari tempat yang dekat (51). Dan lalu mereka berkata: Kami beriman dengan (Muhammad), (tetapi) masakan mereka dapat mencapai keimanan itu dari tempat yang jauh (di Akhirat) (52). Sedangkan mereka telah mengingkarinya sebelum ini, dan mencampakkan urusan ghaib dari tempat yang jauh (53). Dan halangan telah diadakan di antara mereka dan keimanan yang diingini mereka sebagaimana telah dilakukan kepada orang-orang yang serupa dengan mereka sebelum ini. Sesungguhnya mereka dahulu berada di dalam keraguan yang amat mendalam."(54)

Pusingan akhir surah ini memulakan pembicaraannya mengenai kaum Musyrikin dan tuduhan-tuduhan mereka terhadap Nabi s.a.w. dan terhadap Al-Qur'an yang dibawa beliau. Ia mengingatkan kaum Musyrikin dengan akibat-akibat yang telah menimpa orang-orang yang serupa dengan mereka dan memperlihatkan kepada mereka kebinasaan umat-umat yang dahulu yang telah menerima akibat di dunia sedangkan umat-umat itu lebih kuat, lebih pandai dan lebih kaya dari mereka.

Kemudian Al-Qur'an iringi dengan berbagai-bagai pernyataan yang keras seolah ketukan tukul yang bertalu-talu. Dalam pernyataan yang pertama ia menyeru mereka supaya berusaha mencari kebenaran semata-mata ikhlas kerana Allah, kemudian ia menganjurkan mereka supaya berfikir (dengan tenang) tanpa dipengaruhi oleh penghalang-penghalang yang menyekat mereka dari menerima hidayat dan dari berfikir dengan lurus. Di dalam pernyataan yang kedua ia menyeru mereka supaya memikirkan tentang tujuan-tujuan yang mendorongkan Rasulullah s.a.w. menyampaikan da'wah kepada mereka. Beliau bukannya mengejar sesuatu faedah atau menuntut sebarang upah dari usaha da'wah itu. Oleh itu mengapakah mereka ragu-ragu dan enggan menerima da'wah beliau? Kemudian nada-nada pernyataan itu bertalu-talu: Katakanlah, katakanlah, katakanlah, dan setiap pernyataan itu menggoncangkan hati. Ia membuat hati yang hidup dan peka itu tidak sanggup menghadapinya.

Kemudian pusingan ini dan surah ini diakhiri dengan suatu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang penuh dengan pergerakan yang keras dan lincah sesuai dengan tiada-nada pernyataan yang pantas dan keras itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 43 - 45)

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُنَا بَيِّنَٰتٍ قَالُوا۟ مَا هَٰذَآ إِلَّا رَجُلٌ
يُرِيدُ أَن يَصُدَّكُمْ عَمَّا كَانَ يَعْبُدُ ءَابَآؤُكُمْ وَقَالُوا۟ مَا
هَٰذَآ إِلَّآ إِفْكٌ مُّفْتَرًى ۚ وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِلْحَقِّ لَمَّا

جَاءَهُمْ إِنْ هَٰذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٤٣﴾

وَمَا آتَيْنَاهُم مِّن كُتُبٍ يَدْرُسُونَهَا ۖ وَمَا أَرْسَلْنَا

إِلَيْهِمْ قَبْلَكَ مِن نَّذِيرٍ ﴿٤٤﴾

وَكَذَّبَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَمَا بَلَغُوا مِعْشَارَ مَا

آتَيْنَاهُمْ فَكَذَّبُوا رُسُلِي ۖ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٤٥﴾

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang amat nyata, mereka berkata: Orang ini (Muhammad) tidak lain melainkan hanya seorang lelaki yang mahu menghalangkan kamu dari tuhan-tuhan yang disembahkan datuk nenek kamu, dan mereka berkata lagi: (Al-Qur'an) ini tidak lain melainkan hanya kata-kata dusta yang direka-rekakan sahaja. Dan berkatalah orang-orang kafir terhadap kebenaran yang datang kepada mereka: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya satu sihir yang terang (43). Dan sebenarnya Kami tidak pernah memberikan kepada mereka kitab-kitab yang dapat dipelajari mereka, dan Kami juga tidak pernah mengutuskan sebelummu (Muhammad) seorang rasul yang menyampaikan amaran (44). Umat-umat yang terdahulu dari mereka juga telah mendustakan (rasul-rasul), sedangkan mereka (kaummu) tidak sampai sepersepuluh dari apa yang Kami kurniakan kepada umat-umat yang terdahulu itu. Mereka telah mendustakan para rasul-Ku. Oleh itu (lihatlah) bagaimana dahsyatnya malapetaka kemurkaan-Ku (terhadap mereka)."(45)

Cara Mereka Menghadapi Al-Qur'an

Mereka telah menghadapi Al-Qur'an yang benar dan amat jelas yang dibacakan Rasulullah s.a.w. kepada mereka itu dengan keladak-keladak yang kabur dari peninggalan-peninggalan zaman silam dan dari adat resam yang tidak ditegakkan di atas asas yang jelas dan kukuh. Mereka telah menyedari bahaya cabaran Al-Qur'an yang mengemukakan agama yang benar, mudah, lurus dan kukuh. Mereka telah menginsafi bahayanya yang sedang mengancam 'aqidah dan adat resam mereka yang bercampuraduk dan karut yang dipegang datuk nenek mereka itu, lalu mereka bertindak membuat tuduhan-tuduhan:

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالُوا مَا هَٰذَا إِلَّا رَجُلٌ

يُرِيدُ أَن يَصُدَّكُمْ عَمَّا كَانَ يَعْبُدُ آبَاؤُكُمْ

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang amat nyata, mereka berkata: Orang ini (Muhammad) tidak lain melainkan hanya seorang lelaki yang mahu menghalangkan kamu dari tuhan-tuhan yang disembahkan datuk nenek kamu."(43)

Tetapi oleh sebab alasan ini sahaja tidak cukup kerana sesuatu 'aqidah yang semata-mata bertentangan dengan 'aqidah yang dipegang datuk nenek itu tidak boleh dijadikan alasan-alasan yang dapat meyakinkan semua minda dan semua hati, maka mereka iringi pula dengan satu tuduhan lain yang menyentuh sifat amanah Rasul yang menyampaikan da'wah itu sendiri dan menolak perkataan beliau yang mengatakan bahawa Al-Qur'an itu adalah datang dari Allah:

وَقَالُوا مَا هَٰذَا إِلَّا إِفْكٌ مُّفْتَرًى ۚ

"Dan mereka berkata lagi: (Al-Qur'an) ini tidak lain melainkan hanya kata-kata dusta yang direka-rekakan sahaja."(43)

Tujuan mereka berkata begitu ialah untuk menimbulkan keraguan terhadap nilai Al-Qur'an dari awal-awal lagi, iaitu menimbulkan keraguan tentang sumber Al-Qur'an itu sendiri. Kemudian mereka terus memerikan sifat Al-Qur'an.

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ إِنْ هَٰذَا إِلَّا

سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٤٣﴾

"Dan berkatalah orang-orang kafir terhadap kebenaran yang datang kepada mereka: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya satu sihir yang terang."(43)

Oleh kerana Al-Qur'an itu mengandungi pengungkapan yang amat menarik dan menggoncangkan hati, maka mereka merasa tidak cukup untuk menyifatkannya sebagai kata-kata dusta yang direka-reka sahaja, oleh itu mereka cuba pula mengemukakan satu alasan yang boleh meninggalkan kesan yang kuat di dalam hati orang ramai lalu mereka berkata:

إِنْ هَٰذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٤٣﴾

"Al-Qur'an ini adalah satu sihir yang terang".

Itulah tuduhan-tuduhan yang dilemparkan mereka satu demi satu terhadap ayat-ayat Al-Qur'an yang amat jelas untuk menghalangkan hati orang ramai dari menerimanya. Tuduhan-tuduhan mereka adalah tidak beralasan, malah tuduhan-tuduhan itu merupakan pembohongan-pembohongan untuk mengeliru dan menyesatkan orang ramai. Orang-orang yang mengeluarkan tuduhan-tuduhan itu ialah para pembesar dan pemimpin Quraysy. Mereka sebenarnya yakin bahawa Al-Qur'anul-Karim itu di luar kemampuan manusia yang pintar bercakap untuk menciptakannya. Sebelum ini telah pun diterangkan dalam tafsir Fi Zilal ini kisah perbualan yang berlangsung di antara pembesar-pembesar itu tentang Muhammad s.a.w. dan tentang kitab suci Al-Qur'anul-Karim, juga tentang usaha-usaha tipu daya mereka untuk menghalangkan orang ramai dari Al-Qur'an yang amat memikatkan hati mereka.[2]

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan hakikat mereka dengan menjelaskan bahawa mereka sebenarnya adalah satu kaum yang Ummi (yang tidak mengerti membaca dan menulis) dan sebelum ini mereka tidak pernah dikurniakan kitab suci yang dapat dikaji

---

[2] *Seperti perbualan al-Walid ibn al-Mughirah, Abu Sufyan ibn Harb dan al-Akhnas bin Syurayq.*

mereka dan dijadikan asas perbandingan dengan kitab-kitab suci yang lain agar mereka dapat mengenal wahyu Allah, dan dapat mengeluarkan fatwa bahawa apa yang dibawa oleh Muhammad kepada mereka bukannya kitab suci dan bukannya wahyu dari Allah. Begitu juga sebelum ini tiada seorang rasul pun yang pernah dikirimkan kepada mereka. Jadi kini jelaslah bahawa mereka mengeluarkan fatwa-fatwa yang mereka sendiri tidak tahu:

وَمَآ ءَاتَيۡنَٰهُم مِّن كُتُبٖ يَدۡرُسُونَهَاۖ وَمَآ أَرۡسَلۡنَآ
إِلَيۡهِمۡ قَبۡلَكَ مِن نَّذِيرٖ ﴿٤٤﴾

"Dan sebenarnya Kami tidak pernah memberikan kepada mereka kitab-kitab yang dapat dipelajari mereka dan Kami juga tidak pernah mengutuskan sebelummu (Muhammad) seorang rasul yang, menyampaikan amaran."(44)

Kemudian Al-Qur'an menyentuhkan hati mereka dengan menyebut akibat kebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang mendustakan rasul-rasul sebelum mereka, sedangkan mereka tidak dikurniakan sepersepuluh dari ilmu pengetahuan, kekayaan, kekuatan dan pembangunan yang dikurniakan kepada umat-umat yang dahulu itu. Apabila umat-umat itu mendustakan para rasul, maka mereka terus ditimpa malapetaka yang amat dahsyat:

وَكَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ وَمَا بَلَغُواْ مِعۡشَارَ مَآ
ءَاتَيۡنَٰهُمۡ فَكَذَّبُواْ رُسُلِيۖ فَكَيۡفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٤٥﴾

"Umat-umat yang terdahulu dari mereka juga telah mendustakan (rasul-rasul), sedangkan mereka (kaummu) tidak sampai sepersepuluh dari apa yang Kami kurniakan kepada umat-umat yang terdahulu itu. Mereka telah mendustakan para rasul-Ku. Oleh itu (lihatlah) bagaimana dahsyatnya malapetaka kemurkaan-Ku (terhadap mereka)."(45)

Malapetaka itu telah membinasakan mereka dan kaum Quraysy memang tahu kebinasaan dan malapetaka yang telah menimpa setengah-setengah umat di Semenanjung Tanah Arab. Peringatan seperti ini cukup untuk mereka. Pertanyaan mengejek:

فَكَيۡفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٤٥﴾

"Bagaimana dahsyatnya malapetaka kemurkaan-Ku?"(45)

merupakan satu pertanyaan yang dapat menginsafkan hati mereka yang menerima firman ini kerana mereka benar-benar tahu bagaimana serangan malapetaka itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 46 - 50)

Di sini Al-Qur'an mengemukakan kepada mereka satu seruan yang tulus untuk menunjukkan kepada mereka cara mencari kebenaran dan cara mengenalkan pembohongan dari kebenaran dan menilaikan realiti yang dihadapi mereka tanpa campuraduk yang bukan-bukan:

Methodologi Mencari Kebenaran

قُلۡ إِنَّمَآ أَعِظُكُم بِوَٰحِدَةٍۖ أَن تَقُومُواْ لِلَّهِ مَثۡنَىٰ
وَفُرَٰدَىٰ ثُمَّ تَتَفَكَّرُواْۚ مَا بِصَاحِبِكُم مِّن جِنَّةٍۚ إِنۡ
هُوَ إِلَّا نَذِيرٞ لَّكُم بَيۡنَ يَدَيۡ عَذَابٖ شَدِيدٖ ﴿٤٦﴾

"(Wahai Muhammad) katakanlah: Sesungguhnya aku hanya mahu memberi satu nasihat sahaja kepada kamu, iaitu hendaklah kamu bersungguh-sungguh mencari kebenaran semata-mata kerana Allah dengan berdua-duaan dan dengan sendiri, kemudian hendaklah kamu berfikir (dengan teliti supaya kamu tahu) bahawa sahabat kamu (Muhammad) itu tidak mempunyai sebarang penyakit gila. Dia itu tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran kepada kamu menjelang kedatangan aab yang amat berat."(46)

Itulah seruan mencari kebenaran kerana Allah iaitu jauh dari hawa nafsu, jauh dari kepentingan, jauh dari perhitungan-perhitungan hidup dunia, jauh dari bisikan-bisikan dan dorongan-dorongan keinginan yang berkecamuk di dalam hati dan jauh dari arus-arus dan pengaruh-pengaruh yang dominan di dalam masyarakat.

Itulah seruan untuk berinteraksi dengan realiti yang mudah, bukannya berinteraksi dengan persoalan-persoalan dan dakwaan-dakwaan yang tidak menentu dan bukannya berinteraksi dengan ungkapan-ungkapan yang kenyal yang menjauhkan hati dan akal dari menemui hakikat yang mudah.

Itulah seruan menggunakan logik fitrah yang tenang dan jernih, iaitu jauh dari segala keadaan hiruk-pikuk, campuraduk, kekeliruan dan pandangan yang tidak menentu dan kekaburan yang melindungkan hakikat yang bersih.

Seruan itu, dalam waktu yang sama, merupakan methodologi untuk mencari kebenaran itu iaitu satu methodologi yang mudah yang berasaskan pembersihan diri dari segala keladak-keladak, pengeliruan-pengeliruan dan pengaruh-pengaruh di samping berasaskan muraqabah dan taqwa kepada Allah.

Seruan itu hanya "satu" sahaja. Jika terlaksana nescaya methodologi dan jalan mencari kebenaran itu menjadi betul, iaitu mencari kebenaran kerana Allah bukan kerana nafsu, bukan kerana kepentingan dan faedah. Seruan itu berasaskan pembersihan dan ketulusan dari segala kepentingan kemudian berfikir dengan teliti tanpa dipengaruhi oleh unsur yang luar dari realiti yang dihadapi mereka yang mencari kebenaran semata-mata kerana Allah itu: أن تقوموا لله مثنى وفردى – (..Iaitu *hendaklah kamu bersungguh-sungguh mencari kebenaran semata-mata kerana*

Allah dengan berdua-duaan dan dengan bersendirian..) ... tujuan mencari kebenaran dengan berdua-duaan itu ialah supaya kedua-duanya dapat menyemak dan menegur satu sama lain, dapat mengambil dan memberi tanpa dipengaruhi pemikiran orang ramai yang terikut-ikut kepada kehendak emosi yang mendadak dan tanpa teragak-agak mencari hujah dengan tenang. Tujuan mencari kebenaran dengan seorang diri ialah supaya sanggup berdepan dengan diri sendiri mencari kebenaran dengan tenang dan mendalam.

ثُمَّ تَتَفَكَّرُوا۟ مَا بِصَاحِبِكُم مِّن جِنَّةٍ

"Kemudian hendaklah kamu berfikir (dengan teliti supaya kamu tahu) bahwa sahabat kamu (Muhammad) itu tidak mempunyai sebarang penyakit gila."(46)

Yakni selama ini kamu mengenal Muhammad sebagai seorang yang berakal, berfikiran yang waras dan tenang. Beliau tidak pernah mengeluarkan sesuatu perkataan yang menimbulkan syak wasangka terhadap kesiuman akalnya. Segala apa yang dikatakan beliau merupakan perkataan yang kukuh, terang dan nyata.

إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ لَّكُم بَيْنَ يَدَىْ عَذَابٍ شَدِيدٍ ﴿٤٦﴾

"Dia itu tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran kepada kamu menjelang kedatangan zab yang amat berat."(46)

Ayat ini merupakan sentuhan yang menggambarkan 'azab yang amat dahsyat yang tidak lama lagi akan berlaku. Ia hanya didahului setapak sahaja oleh Rasul yang menyampaikan amaran supaya mereka yang mendengar amaran itu terselamat. Rasul itu sama dengan seorang yang berteriak mengingatkan satu kebakaran yang sedang berlaku di sebuah rumah yang hampir-hampir menjilat orang-orang yang belum lari dari kebakaran itu. Ini adalah satu gambaran yang tepat, indah, menarik dan menginsafkan.

Ujar Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Abu Nu'aym Basyir ibn al-Muhajir, aku telah diceritakan oleh Abdullah ibn Burayrah dari bapanya r.a. katanya: Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. keluar menemui kami lalu beliau berseru tiga kali.

أيها الناس أتدرون ما مثلي ومثلكم؟ قالوا : الله ورسوله أعلم. قال – صلى الله عليه وعلى آله وسلم : إنما مثلي ومثلكم مثل قوم خافوا عدواً يأتيهم. فبعثوا رجلاً يتراءى لهم، فبينما هو كذلك أبصر العدو، فأقبل لينذرهم، وخشي أن يدركه العدو قبل أن ينذر قومه، فأهوى بثوبه. أيها الناس! أتيتم. أيها الناس! أتيتم. أيها الناس! أتيتم.

"Wahai sekalian kamu! Adakah kamu mengetahui perbandingan hubunganku dengan kamu? Jawab, mereka: Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: Perbandingan hubunganku dengan kamu sama dengan satu kaum yang takut diserang musuh. Lalu merea menghantar seorang lelaki untuk menjadi pengintip mereka. Ketika lelaki itu sedang berkawal tiba-tiba ia nampak musuh, lalu dia pun (segera) kembali untuk mengingatkan kaumnya, tetapi oleh kerana dia takut ditangkap musuh sebelum sempat mengingatkan kaumnya, maka dia pun memberi isyarat dengan bajunya: Wahai sekalian kamu! Kamu telah didatangi musuh, Wahai sekalian kamu! kamu telah didatangi musuh, Wahai sekalian kamu! kamu telah didatangi musuh!"

Imam Ahmad juga telah meriwayatkan dengan sanad yang sama. Katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

بعثت أنا والساعة جميعاً، إن كادت لتسبقني

"Aku dibangkit serentak dengan Qiamat dan sesungguhnya ia hampir-hampir mendahuluiku."

Itulah nada pernyataan pertama yang menginsafkan kemudian diiringi pula dengan nada pernyataan yang kedua:

قُلْ مَا سَأَلْتُكُم مِّنْ أَجْرٍ فَهُوَ لَكُمْ ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿٤٧﴾

"Katakanlah: Apa sahaja upah yang aku telah pinta dari kamu, maka semuanya adalah untuk kamu. Tiada upahku melainkan hanya terpulang kepada Allah. Dan Dialah yang menyasikan segala sesuatu."(47)

Mula-mula Al-Qur'an menyeru mereka supaya berfikir dengan tenang dan bersih bahawa Muhammad itu bukannya seorang gila, kemudian di sini pula ia menyeru mereka supaya berfikir dan menanyakan diri mereka sendiri tentang tujuan beliau mengingatkan mereka menjelang kedatangan 'azab yang amat dahsyat itu. Apakah muslihatnya? Apakah motifnya dan apakah faedah yang diperolehinya?

Kemudian Allah menyuruh beliau menyedarkan mereka kepada hakikat ini dengan satu ungkapan yang menginsafkan.

قُلْ مَا سَأَلْتُكُم مِّنْ أَجْرٍ فَهُوَ لَكُمْ ۖ

"Apa sahaja upah yang aku telah pinta dari kamu, maka semanya adalah untuk kamu."(47)

Yakni ambillah segala upah yang aku minta dari kamu! Ini adalah satu ungkapan yang dituju untuk mengecam, membimbing dan mengingat.

إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ ۖ

"Tiada upahku melainkan hanya terpulang kepada Allah."(47)

Yakni oleh kerana Allah yang telah memberi tugas (kerasulan) kepadaku, maka Dialah yang wajar memberi upah kepada aku, dan hanya upah dari Allah sahaja yang aku harapkan. Setiap mereka yang mengharapkan upah dari Allah, maka segala upah yang ada pada manusia adalah dianggapnya kecil belaka dan tidak wajar difikirkannya.

وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٤٧﴾

"Dan Dialah yang menyaksikan segala sesuatu."(47)

Yakni Allah sentiasa mengetahui dan melihat. Tiada sesuatu pun yang tersembunyi dari-Nya. Dia juga sentiasa menyaksi gerak-geriku, iaitu menyaksi apa yang dibuat olehku, apa yang diniatkanku dan apa yang dikatakanku.

Kemudian nada pernyataan yang ketiga bertambah lantang dan bertambah pantas:

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَقْذِفُ بِالْحَقِّ عَلَّامُ الْغُيُوبِ ﴿٤٨﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku telah mencampakkan kebenaran dan Dia Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib."(48)

Kebenaran Merupakan Peluru Yang Dilancarkan Allah

Wahyu yang dibawaku ini adalah kebenaran, iaitu kebenaran yang kuat yang dicampakkan Allah. Siapakah yang dapat menentang kebenaran yang dicampakkan Allah? Ini adalah ungkapan yang memberi satu gambaran yang hidup dalam bentuk jisim yang bergerak seolah-olah kebenaran itu merupakan peluru yang meledak, membakar dan menembus dan tiada siapa pun yang dapat berdiri menentangnya. Ia adalah peluru yang dilancarkan Allah:

عَلَّامُ الْغُيُوبِ ﴿٤٨﴾

"Yang Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib."(48)

Yakni ia dilancar dan dihalakan dengan ilmu Allah yang tidak tersembunyi kepada-Nya suatu sasaran pun dan tidak terluput darinya satu tujuan pun. Tiada seorang pun yang dapat menentu kebenaran yang dilancarkan Allah dan tiada tembok yang dapat menghalanginya jalan di hadapannya terbuka terang, tiada suatu pun yang terlindung.

Kemudian diiringi pula dengan nada pernyataan yang keempat, yang sama kuat dan pantas dengan nada pernyataan yang ketiga:

قُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَمَا يُبْدِئُ الْبَاطِلُ وَمَا يُعِيدُ ﴿٤٩﴾

"Katakanlah: Kebenaran itu telah datang dan kebatilan tidak akan mula bertapak dan tidak akan berulang."(49)

Yakni kebenaran ini telah datang dalam salah satu bentuknya, iaitu dalam bentuk risalah dan dalam bentuk Al-Qur'an dan dalam bentuk satu sistem hidup yang lurus.

قُلْ جَاءَ الْحَقُّ

"Katakanlah: Kebenaran telah datang"(49)

yakni isytiharkanlah pernyataan ini dan sebarkan berita ini. Kebenaran telah datang. Ia datang dengan kekuatan dan kuatkuasanya:

وَمَا يُبْدِئُ الْبَاطِلُ وَمَا يُعِيدُ ﴿٤٩﴾

"Dan kebatilan tidak akan bertapak dan tidak akan berulang."(49)

Yakni kebatilan telah berakhir. Ia tidak akan kembali hidup kerana tiada ruang lagi untuknya. Nasib kesudahannya telah ditentukan iaitu ia tetap menuju kehapusan.

Itulah nada pernyataan yang amat menggemparkan dan setiap pendengarnya merasa bahawa kebatilan telah dihukum mati dan tiada lagi sebarang ruang untuknya.

Memang benar begitu, kerana sejak datangnya Al-Qur'an jalan kebenaran menjadi begitu kukuh dan jelas. Kebatilan tidak berdaya lagi selain dari membuat cabaran-cabaran yang degil di hadapan kebenaran yang jelas, tegas dan penuh azam. Walaupun dalam setengah-setengah keadaan kebatilan mendapat kemenangan dari segi kebendaan, namun ia bukanlah kemenangan yang menewaskan kebenaran, malah ia hanya kemenangan yang mengalahkan pejuang-pejuang kebenaran sahaja, iaitu kekalahan manusia bukannya kekalahan dasar, satu kekalahan sementara kemudian ia akan hilang, tetapi kebenaran akan tetap jelas sejelas-jelasnya.

Nada pernyataan yang akhir ialah:

قُلْ إِن ضَلَلْتُ فَإِنَّمَا أَضِلُّ عَلَىٰ نَفْسِي ۖ وَإِنِ اهْتَدَيْتُ فَبِمَا يُوحِي إِلَيَّ رَبِّي ۚ إِنَّهُ سَمِيعٌ قَرِيبٌ ﴿٥٠﴾

"Katakanlah: Sekiranya aku sesat, maka akibat kesesatan akan menimpa diriku sendiri, dan sekiranya aku mendapat hidayat, maka itu adalah dengan bimbingan yang diwahyukan Tuhanku kepadaku. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Dekat."(50)

Yakni kamu tidak akan menanggung apa-apa akibat sekiranya aku sesat, malah akulah yang akan menanggungkan akibatnya dan sekiranya aku mendapat hidayat, maka itu adalah kerana Allah telah memberi hidayat kepadaku dengan perantaraan wahyu-Nya. Aku tidak mempunyai apa-apa kuasa mengenainya melainkan dengan izin Allah kerana aku di bawah kehendak masyi'ah-Nya dan di bawah limpah kurnia-Nya.

إِنَّهُ سَمِيعٌ قَرِيبٌ ﴿٥٠﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha dekat."(50)

Demikianlah sifat Allah yang didapati,orang-orang Mu'min tertanam di dalam hati mereka. Mereka dapati sifat-sifat itu benar-benar hidup segar dalam realiti. Mereka merasa Allah sentiasa mendengar mereka, sentiasa dekat dengan mereka, dan sentiasa mengambil berat secara langsung terhadap keadaan mereka. Mereka merasa rayuan dan pengaduan

mereka sampai terus kepada Allah tanpa sebarang wasitah. Mereka merasa Allah tidak mengabai, membiar dan menyerahkan mereka kepada yang lain dari-Nya. Oleh kerana itu mereka hidup begitu mesra dengan Allah, iaitu hidup di bawah jagaan, pemeliharaan, kawalan dan pengawasan-Nya. Mereka rasakan semuanya ini benar-benar hidup di dalam jiwa mereka bukannya didapati mereka dalam bentuk pengertian atau gagasan sahaja atau dalam bentuk perbandingan dan pendekatkan kepada kefahaman sahaja.

إِنَّهُۥ سَمِيعٌ قَرِيبٌ ﴿٥٠﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Dekat."(50)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 54)

Pada akhirnya ditayangkan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang penuh dengan pergerakan-pergerakan yang lincah yang berulang alik di antara dunia dan Akhirat seolah-olah mereka berada di dalam satu kawasan sahaja. Mereka seolah-olah sebiji bola yang dicampakkan ke sana ke mari dalam satu pemandangan yang pantas.

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ فَزِعُوا۟ فَلَا فَوْتَ وَأُخِذُوا۟ مِن مَّكَانٍ قَرِيبٍ ﴿٥١﴾

وَقَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِهِۦ وَأَنَّىٰ لَهُمُ ٱلتَّنَاوُشُ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٥٢﴾

وَقَدْ كَفَرُوا۟ بِهِۦ مِن قَبْلُ ۖ وَيَقْذِفُونَ بِٱلْغَيْبِ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٥٣﴾

وَحِيلَ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ مَا يَشْتَهُونَ كَمَا فُعِلَ بِأَشْيَاعِهِم مِّن قَبْلُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ فِى شَكٍّ مُّرِيبٍۭ ﴿٥٤﴾

"Dan (alangkah dahsyatnya) jika engkau melihat ketika mereka (orang-orang kafir) berada dalam ketakutan (kerana melihat 'azab) dan mereka tidak ada jalan untuk melepaskan diri dan mereka ditangkap dari tempat yang dekat (51). Dan lalu mereka berkata: Kami beriman dengan (Muhammad), (tetapi) masakan mereka dapat mencapai keimanan itu dari tempat yang jauh (di Akhirat) (52). Sedangkan mereka telah mengingkarinya sebelum ini dan mencampakkan urusan ghaib dari tempat yang jauh (53). Dan halangan telah diadakan di antara mereka dan keimanan yang diingini mereka sebagaimana telah dilakukan kepada orang-orang yang serupa dengan mereka sebelum ini. Sesungguhnya mereka dahulu berada di dalam keraguan yang amat mendalam (54).

وَلَوْ تَرَىٰٓ

"Dan (alangkah dahsyatnya) jika engkau melihat"(51)

satu pemandangan yang terbuka, di mana orang-orang yang kafir itu berada di dalam ketakutan terhadap 'azab seksa yang memeranjatkan mereka. Mereka mahu melarikan diri, tetapi:

فَلَا فَوْتَ وَأُخِذُوا۟ مِن مَّكَانٍ قَرِيبٍ ﴿٥١﴾

"Tidak ada jalan untuk melepaskan diri dan mereka ditangkap dari tempat yang dekat."(51)

Yakni mereka tidak dapat berlari jauh dari percubaan mereka yang berhempas pulas itu.

Dan lalu mereka berkata:

ءَامَنَّا بِهِۦ

"Kami beriman dengan Muhammad,"(52)

yakni mereka sekarang baru mengaku beriman sesudah luput waktunya:

وَأَنَّىٰ لَهُمُ ٱلتَّنَاوُشُ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٥٢﴾

"(Tetapi) masakan mereka dapat mencapai keimanan itu dari tempat yang jauh."(52)

Yakni bagaimana mereka mahu beriman di tempat mereka sekarang ini, sedangkan tempat beriman itu amat jauh dari mereka kerana tempat beriman itu ialah di dunia, tetapi mereka telah mensia-siakannya.

وَقَدْ كَفَرُوا۟ بِهِۦ مِن قَبْلُ ۖ وَيَقْذِفُونَ بِٱلْغَيْبِ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٥٣﴾

"Sedangkan mereka telah mengingkarinya sebelum ini dan mencampakkan urusan ghaib dari tempat yang jauh."(53)

Yakni perkara mereka telah pun selesai di dunia lagi dan pada hari ini (di Akhirat) mereka tidak lagi mempunyai peluang untuk beriman. Mereka tidak percaya kepada perkara-perkara yang ghaib tanpa sesuatu dalil. Mereka mencampak perkara ghaib dari tempat yang jauh dan hari ini pula mereka cuba beriman dari tempat yang jauh juga.

وَحِيلَ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ مَا يَشْتَهُونَ كَمَا فُعِلَ بِأَشْيَاعِهِم مِّن قَبْلُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ فِى شَكٍّ مُّرِيبٍۭ ﴿٥٤﴾

"Dan halangan telah diadakan di antara mereka dan keimanan yang diingini mereka sebagaimana telah dilakukan kepada orang-orang yang serupa dengan mereka sebelum ini. Sesungguhnya mereka dahulu berada di dalam keraguan yang amat mendalam."(54)

Yakni mereka telah dihalangkan dari beriman pada bukan waktunya dan dihalangkan dari terlepas dari 'azab seksa yang dilihat mereka, juga dihalangkan dari mendapat keselamatan dari bahaya yang dihadapi mereka:

كَمَا فُعِلَ بِأَشْيَاعِهِم مِّن قَبْلُ ۚ

"Sebagaimana telah dilakukan kepada orang-orang yang serupa dengan mereka sebelum ini."(54)

Mereka telah di'azabkan oleh Allah, lalu mereka meminta diselamatkan setelah dilaksanakan hukuman itu dan setelah tidak ada lagi tempat untuk melarikan diri.

إِنَّهُمْ كَانُوا۟ فِى شَكٍّ مُّرِيبٍۭ ﴿٥٤﴾

"Sesungguhnya mereka dahulu berada di dalam keraguan yang amat mendalam."(54)

Dan inilah keyakinan mereka setelah mereka dilamun keraguan yang amat mendalam itu.

* * * * * *

Demikianlah surah ini ditamatkan dengan nada-nada pernyataan yang cepat dan keras. Ia ditamatkan dengan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang mengukuhkan persoalan kebangkitan selepas mati dan persoalan balasan yang ditekankan di dalam surah ini sebagaimana telah dilakukannya pada akhir setiap pusingan dan di celah-celah surah ini. Ia dimulakan dengan membicarakan persoalan ini dan diakhiri dengan membicarakan persoalan yang sama dengan ungkapan-ungkapan yang keras dan lincah.

* * * * * *

JUZU' KE-22

SURAH FAATIR

SURAH KE

35

سُورَةُ فَاطِرٍ

SURAH FAATIR

Surah Pencipta

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

45

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 3)

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ جَاعِلِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ
رُسُلًا أُو۟لِىٓ أَجْنِحَةٍ مَّثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ ۚ يَزِيدُ فِى ٱلْخَلْقِ
مَا يَشَآءُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾
مَّا يَفْتَحِ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ مِن رَّحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا ۖ وَمَا يُمْسِكْ
فَلَا مُرْسِلَ لَهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ ۚ هَلْ مِنْ خَٰلِقٍ
غَيْرُ ٱللَّهِ يَرْزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ ۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ
فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٣﴾

"Segala kepujian terpulang kepada Allah Pencipta langit dan bumi juga Pencipta para malaikat sebagai utusan-utusan yang bersayap dua, tiga dan empat. Dia menambahkan pada makhluk-Nya apa sahaja bentuk rupa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (1). Apa sahaja rahmat yang dibukakan Allah kepada manusia, maka tiada sesiapa pun yang berkuasa menahankannya dan apa sahaja rahmat yang ditahankannya, maka tiada siapa pun yang berkuasa melepaskannya selepas itu. Dan Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (2). Wahai manusia! Kenangilah ni'mat Allah kepada kamu. Tiada pencipta selain Allah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan Dia. Mengapakah kamu sanggup dipesongkan (dari kebenaran)?"(3)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah Makkiyah ini mempunyai satu susunan yang khusus mengenai maudhu' pembicaraannya dan gaya penerangannya. Ia hampir sama dengan susunan Surah ar-Ra'd. Penerangannya dibuat dengan nada-nada yang bertalu-talu memukul hati dari awal sehingga akhir, iaitu nada-nada pernyataan yang menginsaf, menarik dan menggoncangkan hati dengan sekuat-kuatnya. Ia menyedarkan hati dari kelalaiannya agar bangun memerhatikan kebesaran dan keindahan alam buana ini, merenungi tanda-tanda kekuasaan Allah yang bertaburan di merata liku dan pelusuknya, mengenangkan ni'mat-ni'mat, rahmat dan ria'ayah-Nya dan memikirkan peristiwa-peristiwa kebinasaan umat-umat yang dahulukala dan pemandangan-pemandangan mereka pada hari Qiamat, juga supaya hati berdiri dengan khusyu' ketika melihat keindahan-keindahan ciptaan Allah dan kesan-kesan limpah kurnia-Nya di merata sudut alam buana, di lubuk-lubuk jiwa, dalam kehidupan manusia dan dalam peristiwa-peristiwa sejarah. Hati akan dapat melihat dan merasa bahawa di dalam keindahan-keindahan ciptaan dan kesan-kesan limpah kurnia itu terdapat kesatuan kebenaran, kesatuan undang-undang dan kesatuan tangan qudrat Yang Maha Kuat dan Gagah. Semuanya itu dijelaskan dengan uslub dan nada yang tidak tertahan oleh mana-mana hati yang peka, memahami dan menerima kesan seperti makhluk-makhluk yang bernyawa.

Surah ini merupakan satu kandungan yang padu, bersambung-sambung dan bertalu-talu nadanya yang sukar untuk dibahagi-bahagikan kepada bab-bab yang berbeza-beza maudhu' pembicaraannya. Seluruhnya membentuk satu maudhu' sahaja dan paluan nada-nadanya memukul tali hati manusia. Maudhu'-maudhu'nya dipetik dari sumber-sumber alam buana, sumber jiwa, sumber kehidupan, sumber sejarah dan sumber kebangkitan, selepas mati. Ia mempengaruhi seluruh jiwa manusia dan mengajak hati mereka kepada iman, khusyu' dan menyerah diri kepada Allah.

Ciri yang jelas dari nada-nada pernyataan itu ialah seluruh tali temalinya terkumpul di tangan qudrat Allah Yang Maha Kreatif, dan tangan inilah yang kelihatan menggerakkan tali temali itu atau mengumpulkannya, menggenggam atau menghulurkannya, menarik atau mengendurkannya, tiada siapa yang menjadi sekutu dan pembantu-Nya dan tiada siapa yang boleh mengubahkan keputusan-Nya.

Dari permulaan surah lagi kita dapat memerhatikan ciri yang jelas itu dan ia terus kelihatan begitu sehingga akhirnya. Kita dapat melihat tangan qudrat Ilahi Yang Maha Kuasa itu melahirkan alam buana yang lebar ini ke alam al-wujud mengikut bentuk rupa yang dikehendaki-Nya:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ جَاعِلِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ
رُسُلًا أُو۟لِىٓ أَجْنِحَةٍ مَّثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ ۚ يَزِيدُ فِى ٱلْخَلْقِ

مَا يَشَآءُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

"Segala kepujian terpulang kepada Allah Pencipta langit dan bumi juga Pencipta para malaikat sebagai utusan-utusan yang bersayap dua, tiga dan empat. Dia menambahkan pada makhluk-Nya apa sahaja bentuk rupa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(1)

Apabila genggaman tangan qudrat yang kuat itu terbuka ia melepaskan rahmat yang mencurah-curah dan melimpah-ruah, dan apabila tangan itu menggenggam, maka segala matair rahmat itu tertutup dan kering. Tiada siapa yang berkuasa mengubahkan keputusan-Nya dan tiada siapa yang menjadi sekutu-Nya:

مَّا يَفْتَحِ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ مِن رَّحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا ۖ وَمَا يُمْسِكْ
فَلَا مُرْسِلَ لَهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾

"Apa sahaja rahmat yang dibukakan Allah kepada manusia, maka tiada sesiapa pun yang berkuasa menahankannya dan apa sahaja rahmat yang ditahankannya, maka tiada siapa pun yang berkuasa melepaskannya selepas itu. Dan Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(2)

Hidayat itu rahmat yang mencurah atau mengering, kesesatan juga melimpah atau merosot:

فَإِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ ۖ

"Sesungguhnya Allah menyesatkan mereka yang dikehendaki-Nya memberi hidayat kepada mereka yang dikehendaki-Nya."(8)

إِنَّ ٱللَّهَ يُسْمِعُ مَن يَشَآءُ ۖ وَمَآ أَنتَ بِمُسْمِعٍ مَّن فِى
ٱلْقُبُورِ ﴿٢٢﴾ إِنْ أَنتَ إِلَّا نَذِيرٌ ﴿٢٣﴾

"Sesungguhnya Allah memperdengarkan hidayat-Nya kepada mereka yang dikehendaki-Nya. Dan engkau (wahai Muhammad) tidak dapat memperdengarkannya kepada mereka yang ada di dalam kubur. Engkau tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang menyampaikan amaran."(22-23)

Tangan qudrat inilah yang menciptakan kehidupan dunia dan membangkitkan orang-orang yang mati dalam kehidupan Akhirat:

وَٱللَّهُ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ ٱلرِّيَٰحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَسُقْنَٰهُ إِلَىٰ بَلَدٍ
مَّيِّتٍ فَأَحْيَيْنَا بِهِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا ۚ كَذَٰلِكَ ٱلنُّشُورُ ﴿٩﴾

"Dan Allah yang melepaskan angin lalu ia menggerakkan awan (yang membawa hujan) dan Kami membawakannya ke negeri yang mati (gersang) lalu Kami hidupkan bumi itu dengannya sesudah matinya. Dan seperti itulah juga berlakunya kebangkitan manusia selepas mati."(9)

Seluruh kemuliaan itu milik Allah dan dari Allah Yang Maha Esa sahala dapat diambil kemuliaan itu:

مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلْعِزَّةَ فَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ جَمِيعًا ۚ

"Barang siapa yang berkehendakkan kemuliaan, maka seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah."(10)

Semua tali temali penciptaan, pembentukan, anak pinak dan penentuan ajal adalah berada di dalam tangan qudrat Ilahi yang tidak pernah terlepas dari-Nya:

وَٱللَّهُ خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ جَعَلَكُمْ
أَزْوَٰجًا ۚ وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلْمِهِۦ ۚ
وَمَا يُعَمَّرُ مِن مُّعَمَّرٍ وَلَا يُنقَصُ مِنْ عُمُرِهِۦٓ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ ۚ
إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١١﴾

"Dan Allah telah menciptakan kamu dari tanah kemudian dari nutfah kemudian dia jadikan kamu berpasang-pasangan. Dan tiada betina yang mengandung dan tiada betina yang melahirkan anak melainkan semuanya berlangsung dengan ilmu Allah. Dan tidak dipanjangkan umur seorang yang berumur panjang dan tidak dipendekkan umurnya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab. Sesungguhnya urusan itu amat mudah kepada Allah."(11)

Di dalam genggaman tangan qudrat Ilahi terletak segala anak kunci langit dan bumi, segala pergerakan planet-planet dan bintang:

يُولِجُ ٱلَّيْلَ فِى ٱلنَّهَارِ وَيُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِى ٱلَّيْلِ
وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ
مُّسَمًّى ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ ٱلْمُلْكُ ۚ وَٱلَّذِينَ
تَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ مَا يَمْلِكُونَ مِن قِطْمِيرٍ ﴿١٣﴾

"Dia memasukkan malam di dalam siang dan memasukkan siang di dalam malam, dan dia ciptakan matahari dan bulan dan masing-masing beredar hingga kepada satu masa yang telah ditentukan. Semuanya itu diciptakan Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit dan bumi) dan tuhan-tuhan palsu yang didakwakan kamu sebagai tuhan selain dari-Nya itu tidak memiliki sesuatu apa walaupun selaput biji kurma yang nipis."(13)

Tangan qudrat Ilahi juga yang bekerja di alam buana ini dengan caranya yang tersendiri. Dia mengadakan berbagai-bagai warna pada makhluk-makhluk pepejal, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ
ثَمَرَٰتٍ مُّخْتَلِفًا أَلْوَٰنُهَا ۚ وَمِنَ ٱلْجِبَالِ جُدَدٌۢ بِيضٌ
وَحُمْرٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَٰنُهَا وَغَرَابِيبُ سُودٌ ﴿٢٧﴾

وَمِنَ ٱلنَّاسِ وَٱلدَّوَآبِّ وَٱلْأَنْعَٰمِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَٰنُهُۥ

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit lalu kami keluarkan dengan siramannya buah-buahan yang beraneka warna? Dan di antara gunung-ganang itu terdapat jalur-jalur jalan putih dan merah yang berlain-lainan warnanya dan batu-batu yang hitam legam.(27) Dan di antara manusia, haiwan-haiwan dan binatang ternakan juga terdapat berbagai-bagai warna."(28)

Tangan qudrat Ilahi ini juga memindahkan langkah-langkah manusia dan memindahkan warisan-warisan dari satu generasi ke satu generasi:

ثُمَّ أَوْرَثْنَا ٱلْكِتَٰبَ ٱلَّذِينَ ٱصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا

"Dan kami mewariskan kitab Al-Qur'an itu kepada orang-orang yang Kami pilih dari hamba-hamba Kami."(32)

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ فِى ٱلْأَرْضِ

"Dialah Yang telah menjadikan kamu khalifah-khalifah di bumi."(39)

Tangan qudrat inilah yang memegang alam buana yang besar ini dan memeliharanya dari kemusnahan:

إِنَّ ٱللَّهَ يُمْسِكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ أَن تَزُولَا وَلَئِن زَالَتَآ إِنْ أَمْسَكَهُمَا مِنْ أَحَدٍ مِّنۢ بَعْدِهِۦٓ إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤١﴾

"Sesungguhnya Allahlah yang memelihara langit dan bumi supaya kedua-duanya tidak menyimpang (dari garisan peredaran masing-masing), dan andainya kedua-duanya menyimpang, maka tiada siapa yang dapat memeliharakan keduanya selain dari Allah."(41)

Tangan qudrat inilah yang memegang teraju segala urusan. Tiada sesuatu pun yang dapat menterjemahkannya:

وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُعْجِزَهُۥ مِن شَىْءٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ

"Dan tiada sesuatu pun yang dapat melemahkan Allah, tiada di langit dan tiada pula di bumi."(44)

Allah itu **"Maha Berkuasa di atas segala sesuatu"(على كل شيء قدير), "Maha Perkasa dan Maha Bijaksana"(العزيز الحكيم), "Dan kepada Allah dipulangkan segala urusan"(وإلى الله ترجع الأمور), "Maha Mengetahui apa yang dibuat mereka"(عليم بما يصنعون), "Memiliki kerajaan (di langit dan bumi)"(وله الملك), "Maha Kaya dan Maha Terpuji"(الغني الحميد), "Kepada Allah tempat kembali"(وإلى الله المصير), "Maha Perkasa dan Maha Pengampun"(عزيز غفور), "Maha Pengampun dan Maha Bersyukur"(غفورشكور), "Maha Mengetahui dan Maha Melihat segala pergerakan hamba-Nya"(لخبير بصير), "Mengetahui segala perkara yang ghaib di langit dan di bumi"(عالم غيب السماوات والأرض), "Maha Mengetahui segala rahsia di dalam dada"(عليم بذات الصدور), "Maha Sabar dan Maha Pengampun"(حليما غفورا), Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa" (عليما قديرا) dan "Maha Melihat segala pergerakan hamba-Nya" (بعباده بصيرا).**

Dari ayat-ayat ini dan dari berbagai-bagai ulasannya terbentuklah gambaran suasana surah ini, juga gambaran ciri-cirinya yang utama dan gambaran bayangan-bayangannya yang ditinggalkan di dalam jiwa secara umumnya.

Memandang kepada tabi'at surah ini, kami bahagikannya kepada enam bahagian yang serupa maksudnya untuk memudahkan pemahamannya, jika tidak, seluruh surah ini hanya merupakan satu pusingan sahaja yang bersambung-sambung dari awal hingga akhirnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ جَاعِلِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ رُسُلًا أُو۟لِىٓ أَجْنِحَةٍ مَّثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ ۚ يَزِيدُ فِى ٱلْخَلْقِ مَا يَشَآءُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

"Segala kepujian terpulang kepada Allah Pencipta langit dan bumi juga Pencipta para malaikat sebagai utusan-utusan yang bersayap dua, tiga dan empat. Dia menambahkan pada makhluk-Nya apa sahaja bentuk rupa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(1)

Sekelumit Pengetahuan Kita Mengenai Planet-planet Dan Bintang-bintang

Surah ini dimulakan dengan memuji Allah, dan yang menjadi intisari tujuan surah ini ialah membimbing hati manusia kepada Allah dan menyedarkannya supaya memikirkan ni'mat Allah dan menginsafi rahmat dan limpah kurnia-Nya, juga meni'mati keindahan-keindahan ciptaan Allah pada para makhluk-Nya dan mengisikan hati dengan keindahan-keindahan dan limpah kurnia-Nya dengan bertasbih memuji Allah dan berdo'a kepada-Nya.

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ

"Segala kepujian terpulang kepada Allah."(1)

Kemudian diiringi dengan menyebut sifat kekuasaan mencipta dan mengada iaitu:

فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

"Pencipta langit dan bumi."(1)

Allahlah yang mengadakan makhluk-makhluk yang amat besar ini, yang kita lihat setengahnya berada di atas kita dan setengah yang lain berada di bawah kita. Kita tidak banyak mengetahui tentang bintang-bintang dan planet-planet di langit kecuali sedikit

sahaja tentang planet-planet dan bintang-bintang yang terkecil dan terdekat kepada kita seperti ibunda kita bumi. Semua bintang dan planet itu dikendalikan oleh satu undang-undang yang mengawal dan memeliharanya dengan penuh keserasian, walaupun bintang-bintang dan planet-planet itu dipisahkan oleh jarak-jarak yang amat jauh, yang tidak dapat digambarkan oleh daya khayal kita melainkan dengan usaha yang amat sukar. Bintang-bintang dan planet-planet yang besar dan jauh itu pula mengandungi rahsia-rahsia keserasian dan keselarasan peredaran di antara satu sama lain yang begitu rapi dan halus hingga jika mungkir satu nisbah yang kecil sahaja akan membawa bintang-bintang dan planet-planet itu berlanggar dan hancur bertaburan.

Sesungguhnya kita seringkali menemui ayat-ayat Al-Qur'anul-Karim yang menyebut tentang penciptaan langit dan bumi, tetapi kita tidak berhenti lama-lama di hadapannya untuk memikirkan tujuan dan hikmatnya yang amat besar. Begitu juga kita sering kali melihat langit dan bumi ini sendiri dengan hati yang dungu dan bodoh. Kita hanya berhenti sejenak sahaja di hadapannya kerana hati kita telah menjadi begitu kebas dan tumpul hingga pemandangan-pemandangan itu tidak lagi mengeluarkan kesan-kesan yang memetikkan tali-tali perasaannya, menyedar dan menginsafkannya sebagaimana yang diterima oleh hati-hati yang sentiasa mengingati Allah, dan sentiasa sedar kepada kesan-kesan tangan qudrat Ilahi Yang Maha Kreatif di alam buana ini. Semuanya disebabkan oleh keterlaluan biasa dan lumrah kita dengan pemandangan-pemandangan itu. Keterlaluan biasa inilah yang menghilangkan rasa keterharuan yang dirasakan oleh hati ketika melihat pemandangan-pemandangan yang indah itu bagai kali yang pertama.

Hati yang terbuka, sedar dan sentiasa mengingati Allah tidak memerlukan kepada ilmu pengetahuan yang cukup halus tentang kedudukan bintang-bintang di langit, saiz-saiznya, nisbah-nisbahnya, nisbah-nisbah angkasa lepas di sekelilingnya, jalan-jalan peredarannya, hubungan di antaranya dari segi saiz, kedudukan dan peredarannya.... ia tidak memerlukan kepada ilmu pengetahuan yang seperti ini untuk mencapai rasa keterlaluan dan kehebatan di hadapan makhluk-makhluk yang amat besar, cantik dan menarik ini. Malah pemandangan-pemandangan makhluk ini sahaja sudah cukup untuk memetikkan tali rasa hatinya. Kepadanya sudah cukup dengan pemandangan bintang-bintang yang bertaburan di alam yang gelap-gelita. Kepadanya sudah cukup dengan pemandangan cahaya yang limpah benderang di malam-malam yang berbulan terang. Kepadanya sudah cukup dengan pemandangan fajar yang menyingsing membidaskan cahaya yang melambangkan pernafasan dan pergerakan, kepadanya sudah cukup dengan pergerakan matahari jatuh yang merangkak membawa kegelapan malam yang menyarankan selamat tinggal dan pengakhiran hari siang, malah kepadanya sudah cukup dengan bumi ini sahaja dengan segala pemandangannya yang tidak pernah habis, dini'mati dan dijelajahi walaupun seorang pelancong itu menghabiskan seluruh umurnya menjelajah, menonton dan melihat dengan sepuas hati, malah kepadanya cukup dengan pemandangan sekuntum bunga, di mana penelitian dan pemerhatian terhadap warna-warninya, rupa bentuk dan susunannya yang indah tidak pernah berakhir.

Al-Qur'an sentiasa memberi isyarat-isyarat yang menggalakkan kita supaya memikirkan semua makhluk ini sama ada kecil atau besar. Kepada hati yang sedar hanya cukup dengan salah satu dari makhluk itu sahaja untuk memahami keagungan Penciptanya dan bertawajjuh kepada-Nya dengan bertasbih, memuji dan berdo'a kepada-Nya:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ جَاعِلِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ
رُسُلًا أُو۟لِىٓ أَجْنِحَةٍ مَّثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ

"Segala kepujian terpulang kepada Allah Pencipta langit dan bumi juga Pencipta para malaikat sebagai utusan-utusan yang bersayap dua, tiga dan empat."(1)

Pembicaraan di dalam surah ini berlegar di sekitar rasul-rasul, wahyu dan kebenaran yang diturunkan Allah, juga malaikat yang menjadi utusan Allah untuk menyampaikan wahyu kepada para rasul yang dipilih dari hamba-hamba-Nya di bumi. Kerasulan ini merupakan suatu perkata yang paling besar. Oleh kerana itu Allah menyebut para malaikat dengan sifat mereka sebagai utusan-utusan selepas dia menyebut tentang penciptaan langit dan bumi. Merekalah penghubung di antara langit dengan bumi. Mereka telah melaksanakan tugas yang paling besar selaku utusan di antara Pencipta langit dan bumi dengan para Anbia' dan Rasul-Nya yang diutuskan kepada manusia.

Bagi kali yang pertama sejauh yang kita telah lalui lembaran-lembaran Al-Qur'an di dalam tafsir Fi Zilal ini, kita dapati sifat-sifat malaikat dari segi rupa dan bentuk mereka. Sebelum ini sifat-sifat mereka hanya diterangkan dari segi tabi'at dan tugas mereka sahaja seperti firman-firman Allah S.W.T.:

وَمَنْ عِندَهُۥ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِۦ وَلَا
يَسْتَحْسِرُونَ ﴿١٩﴾
يُسَبِّحُونَ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ لَا يَفْتُرُونَ ﴿٢٠﴾

"...... Dan para malaikat yang berada di sisi-Nya tidak merasa angkuh untuk beribadat kepada-Nya dan tidak pula merasa letih. Mereka bertasbih siang dan malam tanpa merasa lemah."

(Surah al-Anbia': 19-20)

إِنَّ ٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ عَنۡ عِبَادَتِهِۦ وَيُسَبِّحُونَهُۥ وَلَهُۥ يَسۡجُدُونَ ۩ ﴿٢٠٦﴾

"Sesungguhnya para malaikat yang berada di sisi-Nya tidak merasa angkuh untuk beribadat kepada-Nya dan mereka bertasbih dan sujud kepada-Nya."

(Surah al-A'raf: 206)

Malaikat-malaikat Yang Bersayap

Tetapi di sini (dalam surah ini) kita dapati penjelasan mengenai sifat-sifat kejadian mereka yang lain iaitu:

أُوْلِيٓ أَجۡنِحَةٖ مَّثۡنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَۚ

"Bersayap dua, tiga dan empat"(1)

sifat-sifat ini tidak dapat digambarkan dengan gambaran yang sebenar kerana kita tidak mengetahui bagaimana rupa mereka dan bagaimana bentuk sayap-sayap mereka? Kita tidak dapat menggambarkan mereka dengan satu gambaran yang tertentu melainkan, sekadar sifat-sifat yang dijelaskan oleh Al-Qur'an itu sahaja, kerana segala gambaran kita mungkin tersalah. Tidak ada keterangan yang menjelaskan rupa bentuk mereka yang tertentu yang sampai kepada kita dari saluran yang muktamad. Keterangan yang terdapat di dalam Al-Qur'an hanya sekadar ini sahaja iaitu di dalam firman-Nya mengenai Neraka Jahannam:

عَلَيۡهَا مَلَٰٓئِكَةٌ غِلَاظٞ شِدَادٞ لَّا يَعۡصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمۡ وَيَفۡعَلُونَ مَا يُؤۡمَرُونَ ﴿٦﴾

"Ia (Neraka) dikawal oleh malaikat-malaikat yang kasar dan keras. Mereka tidak menderhakai Allah terhadap apa sahaja yang diperintahkan kepada mereka. Mereka melaksanakan segala apa yang diperintah."

(Surah at-Tahrim: 6)

Di dalam ayat ini tidak juga diterangkan rupa bentuk mereka yang tertentu. Di dalam hadith terdapat keterangan yang mengatakan "Bahawa Nabi s.a.w. telah melihat Jibril dalam rupa bentuknya yang sebenar sebanyak dua kali", dan dalam satu riwayat yang lain menerangkan bahawa Jibril "Mempunyai enam ratus sayap".[1] Hadith-hadith ini tidak menyebut rupa bentuk yang tertentu. Jadi perkara ini adalah amat umum dan hanya Allah sahaja yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib seperti ini.

Sehubungan dengan keterangan sayap-sayap dua, tiga dan empat, sedangkan manusia hanya mengenal bentuk dua sayap sahaja pada burung-burung, maka Al-Qur'an iringi pula dengan menyebut bahawa Allah:

يَزِيدُ فِي ٱلۡخَلۡقِ مَا يَشَآءُۚ

"Menambahkan pada makhluk-Nya apa sahaja bentuk rupa yang dikehendaki-Nya."(1)

Di sini ia menerangkan kebebasan kehendak masyi'ah Allah yang tidak terikat dengan mana-mana bentuk rupa makhluk-Nya. Sejauh yang kita lihat dan tahu disana terdapat berbagai-bagai rupa bentuk makhluk yang tidak terhingga bilangannya dan di sebalik segala rupa bentuk yang kita tahu itu terdapat lebih banyak lagi rupa bentuk yang lain:

إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ﴿١﴾

"Sesungguhnya Allah itu Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(1)

Ulasan ini lebih luas lagi pengertiannya dari ulasan sebelumnya kerana pengertiannya mencakupi segala bentuk rupa penciptaan, pengubahan dan penukaran.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 2)

Hakikat Rahmat Allah

مَّا يَفۡتَحِ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ مِن رَّحۡمَةٖ فَلَا مُمۡسِكَ لَهَاۖ وَمَا يُمۡسِكۡ فَلَا مُرۡسِلَ لَهُۥ مِنۢ بَعۡدِهِۦۚ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ﴿٢﴾

"Apa sahaja rahmat yang dibukakan Allah kepada manusia, maka tiada sesiapa pun yang berkuasa menahankannya, dan apa sahaja rahmat yang ditahankannya, maka tiada siapa pun yang berkuasa melepaskannya selepas itu. Dan Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(2)

Di dalam ayat yang kedua dari surah ini dikemukakan satu gambaran dari gambaran-gambaran qudrat Allah yang mengakhiri penerangan ayat yang pertama. Apabila gambaran ini tertanam di dalam hati seseorang, maka satu perubahan yang besar akan berlaku di dalam kefahaman-kefahamannya, perasaan-perasaannya dan arah-arah tujuannya, pertimbangan-pertimbangannya dan nilai-nilainya dalam kehidupan ini seluruhnya.

Gambaran ini akan memutuskan manusia dari segala kuasa di langit dan di bumi dan menghubungkannya dengan kuasa Allah. Gambaran ini akan menutup segala pintu di langit dan di bumi dan hanya membuka pintu Allah sahaja di hadapannya. Ia akan menutup segala jalan di langit dan bumi dan hanya membuka jalan menuju Allah sahaja.

Rahmat Allah tergambar dalam berbagai-bagai fenomena yang tidak terhitung banyaknya. Manusia tidak mampu memeriksa dan mencatatkan rahmat Allah yang wujud pada dirinya sendiri, pada struktur kejadiannya, pada penghormatan-penghormatan Allah kepadanya, pada kemudahan-kemudahan yang disediakan Allah di sekelilingnya, di atas dan di bawahnya dan pada ilmu-ilmu pengetahuan yang dikurniakan kepadanya, sedangkan ilmu pengetahuan yang tidak diketahuinya adalah masih terlalu banyak lagi.

[1] *Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim dari riwayat Ibn Mas'ud.*

Rahmat Allah itu juga tergambar pada segala sesuatu yang dilarang dan segala sesuatu yang dihalal. Rahmat Allah boleh didapati oleh sesiapa sahaja yang dibukakan rahmat itu kepadanya dalam segala sesuatu, segala kedudukan dan keadaan dan di segala tempat. Dia boleh menemui rahmat-rahmat itu pada dirinya, pada perasaan-perasaannya, pada benda-benda di sekeliling tubuhnya dan di mana sahaja dia berada dan bagaimana sahaja keadaannya walaupun dia telah kehilangan segala-galanya dan dianggap orang sebagai penafian. Seseorang itu akan kehilangan rahmat dalam segala sesuatu apabila Allah menahankan rahmat itu darinya walaupun ia memiliki segala sesuatu yang dianggap orang sebagai tanda kesenangan dan mendapat keredhaan.

Setiap ni'mat yang ditahankan Allah rahmat-Nya akan berubah menjadi bala dan malapetaka dan sebaliknya setiap kesusahan yang dipayungkan rahmat Allah akan menjadi ni'mat. Seorang yang tidur di atas duri bersama rahmat Allah adalah tidur di atas tilam yang empuk dan, sebaliknya seorang yang tidur di atas tilam sutera yang ditahankan rahmat-Nya adalah tidur di atas tilam duri. Seseorang yang menghadapi kerja yang paling sukar dengan rahmat Allah dapat menyelesaikannya dengan mudah dan selesa sebaliknya seorang yang menghadapi kerja yang paling mudah dan senang tanpa rahmat Allah akan mengalami kesulitan dan kepayahan. Seseorang yang mengharungi bahaya dengan rahmat Allah akan dapat menjangkaunya dengan aman dan selamat, sebaliknya seorang yang mengharungi bahaya tanpa rahmat Allah akan menghadapi kebinasaan walaupun dia menggunakan segala macam jalan dan cara.

Tiada kesusahan di samping rahmat Allah. Kesusahan itu hanya wujud apabila rahmat Allah ditahankan dari seseorang. Tiada kesusahan walaupun seseorang yang mendapat rahmat itu berada dalam penjara yang gelap atau berada di dalam keseksaan atau berada di jalan kebinasaan, dan sebaliknya tiada kesenangan apabila rahmat itu ditahankan dari seseorang walaupun dia hidup dalam segala macam keni'matan dan kemewahan. Barang siapa yang jiwanya dimasuki rahmat Allah akan mengalirlah darinya matair-matair kebahagiaan, kerelaan dan ketenteraman dan barang siapa yang tertahan jiwanya dari rahmat Allah akan merangkaklah di dalam jiwanya segala kala jengking kegelisahan, keletihan, kemeranaan dan penderitaan batin yang teruk.

Andainya pintu rahmat ini sahaja yang terbuka, sedangkan seluruh pintu, seluruh jendela dan seluruh jalan yang lain ditutup belaka, maka ia tidak akan mendatangkan apa-apa kemudharatan kepada anda, malah itulah kelepasan, keluasan, kesenangan dan kemewahan kepada anda. Dan andainya pintu rahmat ini sahaja yang tertutup, sedangkan pintu-pintu, jendela-jendela dan jalan-jalan yang lain di buka belaka, maka ia tidak berguna apa-apa kepada anda, malah itulah kesempitan, kesusahan-kesusahan, kecelakaan dan bala kepada anda.

Harta kekayaan, anak-anak, kesihatan, kekuatan, pangkat dan kuasa akan menjadi punca kegelisahan, kepenatan, kesengsaraan dan kemeranaan apabila ia tertahan dari rahmat Allah. Tetapi apabila Allah membuka pintu rahmat-Nya, maka semuanya akan membawa ketenangan, kerehatan dan ketenteraman.

Apabila Allah melapangkan rezeki yang disertai dengan rahmat-Nya, maka itulah keni'matan dan kesenangan yang sebenar, itulah kemewahan hidup di dunia dan bekalan menuju Akhirat. Tetapi apabila Allah menahankan rahmat-Nya, maka rezeki yang luas itu akan menjadi punca kegelisahan, ketakutan, hasad dengki dan dendam kesumat. Kadang-kadang seseorang itu ternafi dari keni'matan dengan sebab dia terlalu bakhil atau sakit, dan kadang-kadang membawa kepada kebinasaan kerana keterlaluan dan kesewenang-wenangan.

Apabila Allah mengurniakan zuriat keturunan yang dibayung dengan rahmat-Nya, maka zuriat itu akan menjadi perhiasan hidup, punca kegembiraan dan keni'matan, punca mendapat pahala yang berganda di Akhirat kerana adanya zuriat yang soleh yang mengingati Allah, tetapi apabila Allah menahankan rahmat-Nya, maka zuriat itu akan menjadi punca kesusahan, kesengsaraan, penderitaan dan kecelakaan. Mereka tidak melenakan tidurnya di waktu malam dan memenatkan hatinya di waktu siang.

Apabila Allah mengurniakan kesihatan dan kekuatan yang disertai dengan cucuran rahmat-Nya, maka kesihatan dan kekuatan merupakan keni'matan, kehidupan yang nyaman dan kelazatan hidup yang citarasa, tetapi apabila Allah menahankan rahmat-Nya, maka kesihatan dan kekuatan akan menjadi suatu bala kepada seseorang. Dia akan menghabiskan kesihatan dan kekuatannya di dalam kegiatan-kegiatan yang tidak baik yang menjahanamkan tubuh badannya, merosakkan rohnya dan mengumpulkan dosa-dosa yang banyak bagi hari Hisab.

Apabila Allah mengurniakan kuasa dan pangkat kebesaran yang dipayungkan dengan rahmat-Nya, maka kuasa dan pangkat kebesaran itu akan menjadi alat islah, punca keamanan dan sarana mengumpulkan bekalan amalan-amalan yang soleh. Tetapi apabila Allah menahankan rahmat-Nya, maka pangkat kebesaran dan kuasa itu akan menjadi punca kegelisahan dan kebimbangan kerana takut kehilangannya, juga menjadi punca kezaliman dan kemaharajalelaan, punca hasad dengki dan dendam kesumat yang menghilangkan ketenteraman jiwa seseorang dan menyebabkannya tidak dapat merasakan ni'mat pangkat kebesaran dan kuasa itu dan menyebabkannya mengumpulkan bekalan-bekalan amalan yang jahat untuk Neraka.

Ilmu pengetahuan yang banyak, umur yang panjang dan kedudukan kehidupan yang baik adalah semuanya berubah-ubah dari satu keadaan kepada satu keadaan mengikut penahanan dan pelepasan rahmat Allah (atau mengikut keadaan seorang itu dikurniakan atau tidak dikurniakan rahmat Allah). Ilmu yang sedikit (yang disertai rahmat) menghasilkan buah yang berguna. Umur yang pendek (yang dipayungi rahmat) akan mendapat sepenuhnya keberkatan dari Allah. Ni'mat kesenangan hidup yang sedikit (yang disertai rahmat) dapat mencapai kebahagiaan dari Allah.

Kelompok-kelompok manusia sama sahaja dengan orang-orang perseorangan, umat-umat sama sahaja dengan individu-individu di dalam segala perkara dan keadaan, dan untuk membandingkan mereka dengan contoh-contoh ini tidak lagi merupakan sesuatu yang sukar.

Di antara rahmat Allah ialah anda dapat merasakan rahmat Allah itu. Sesungguhnya diri anda itu sentiasa dirangkul, dilimpah dan dicucuri rahmat Allah, tetapi perasaan dan kesedaran anda terhadap wujudnya rahmat itu sendiri merupakan suatu rahmat. Harapan dan cita-cita anda kepada rahmat itu sendiri merupakan suatu rahmat. Kepercayaan anda kepada rahmat Allah dalam segala keadaan itu sendiri merupakan suatu rahmat. Sebaliknya anda akan mengalami kesengsaraan batin andainya anda tidak dapat melihat rahmat Allah atau anda berputus asa darinya atau meraguinya. Itulah kesengsaraan batin yang tidak ditimpakan Allah selama-lamanya ke atas seorang Mu'min.

إِنَّهُۥ لَا يَاْيْـَٔسُ مِن رَّوْحِ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨٧﴾

"Sesungguhnya tiada yang berputus asa dari rahmat Allah melainkan orang-orang yang kafir."

(Surah Yusuf: 87)

Rahmat Allah tidak sukar didapati oleh orang yang mencarinya. Ia boleh didapati di mana-mana tempat dan keadaan. Nabi Ibrahim a.s. telah menemui rahmat Allah dalam api yang bernyala-nyala. Nabi Yusuf a.s. telah menemuinya di dalam perigi dan penjara. Nabi Yunus a.s. telah menemuinya di dalam perut ikan yang gelap. Nabi Musa a.s. telah menemuinya di dalam sungai semasa beliau masih seorang bayi yang tidak mempunyai sebarang kekuatan dan tidak dijaga oleh sesiapa pun, begitu juga beliau telah menemuinya di dalam istana Fir'aun yang menjadi musuh ketat yang sentiasa mencari dan memburunya. Pemuda-pemuda Ashabul-Kahfi telah menemuinya di dalam gua setelah mereka tidak dapat menemuinya di dalam istana-istana dan rumah-rumah yang besar. Mereka telah berkata satu sama lain:

فَأْوُۥٓا۟ إِلَى ٱلْكَهْفِ يَنشُرْ لَكُمْ رَبُّكُم مِّن رَّحْمَتِهِۦ

"Pergilah kamu berlindung di dalam gua nescaya Tuhan kamu mencucurkan rahmat-Nya ke atas kamu."

(Surah al-Kahfi: 16)

Dan Rasulullah s.a.w. dan sahabat setianya (Abu Bakr) juga telah menemuinya di dalam gua ketika mereka dikejar, dicari dan dikesan oleh orang-orang kafir. Malah rahmat Allah itu dapat ditemui oleh setiap orang yang mencari perlindungan pada-Nya setelah ia berputus asa dari segala pertolongan yang lain dan setelah ia terputus dari segala kekuatan dan harapan. Dia akan menemui rahmat Allah apabila dia mengetuk pintu Allah sahaja bukannya pintu-pintu yang lain.

Kemudian apabila Allah telah membuka pintu rahmat-Nya, maka tiada siapa lagi yang dapat menahannya, dan apabila Allah menahankan rahmat-Nya, maka tiada siapa lagi yang dapat melepaskannya. Oleh kerana itu kita tidak perlu takut kepada sesiapa, tidak perlu mengharapkan sesiapa, tidak perlu takut kepada sesuatu dan tidak perlu meletakkan harapan pada sesuatu, tidak perlu takut hilangnya sesuatu sarana, tidak perlu mengharapkan sesuatu walaupun ada sarana, kerana sesungguhnya rahmat itu adalah bergantung kepada kehendak masyi'ah Allah. Apa sahaja rahmat yang dibukakan Allah, tiada siapa lagi yang berkuasa menghalangkannya, dan apa sahaja rahmat yang ditahankan Allah, tiada siapa lagi yang berkuasa melepaskannya. Segala urusan rahmat terserah secara langsung kepada kehendak Allah:

وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾

"Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana"(2)

Dialah yang menentu atau mengatur taqdir-Nya dan tiada siapa yang berkuasa mengubahkan keputusan Allah apabila Dia memberi atau menahan. Allah membuka dan menahankan rahmat-Nya mengikut hikmat kebijaksanaan-Nya yang tersembunyi.

مَّا يَفْتَحِ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ مِن رَّحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا

"Apa sahaja rahmat yang dibukakan Allah kepada manusia, maka tiada sesiapa pun yang berkuasa menahankannya."(2)

Tiada apa-apa pakatan di antara manusia dengan rahmat Allah. Oleh itu hendaklah dia mencari rahmat itu secara langsung dari Allah. Tiada orang tengah dan tiada sarana yang lain melainkan hanya bertawajjuh kepada Allah dengan penuh keta'atan, harapan, keyakinan dan penyerahan diri.

وَمَا يُمْسِكْ فَلَا مُرْسِلَ لَهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾

"Dan apa sahaja rahmat yang ditahankan-Nya, maka tiada siapa pun yang berkuasa melepaskannya selepas itu. Dan Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(2)

Oleh itu kita tidak perlu mengharapkan sesiapa dari makhluk-Nya dan tidak perlu takut kepada sesiapa

dari makhluk-Nya, kerana tiada siapa yang berkuasa melepaskan rahmat yang telah ditahankan Allah.

Manakah ketenteraman dan keputusan yang lebih dari ini? Manakah kefahaman, perasaan, nilai dan pertimbangan yang lebih jelas dari kefahaman, perasaan, nilai dan pertimbangan yang telah ditanamkan ayat ini di dalam hati kita?

Sepotong ayat ini telah melukiskan (kepada manusia) satu gambaran hidup yang baru, menanamkan di dalam perasaan mereka sebuah nilai hidup yang teguh dan menegakkan sebuah neraca yang tidak bergoncang dan tidak terjejas kepada segala pengaruh luaran sama ada kecil atau besar, iaitu pengaruh yang terbit dari manusia, peristiwa-peristiwa atau pengaruh yang terbit dari apa sahaja.

Andainya gambaran ini tertanam di dalam hati seseorang, dia akan berdiri tegak seteguh gunung menghadapi segala peristiwa, segala benda, segala manusia, segala, kekuatan, segala nilai dan pertimbangan walaupun jin dan manusia bekerjasama menggugatkannya, kerana mereka tidak berkuasa membuka rahmat yang telah ditahankan Allah dan tidak berkuasa menahankan rahmat yang dibukakan Allah.

وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾

"Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(2)

Demikianlah Al-Qur'an telah melahirkan dengan ayat dan surah ini satu angkatan manusia Mu'minin yang amat menakjubkan di permulaan Islam, iaitu satu angkatan yang dibentukkan Allah di bawah ri'ayah Allah dengan kitab Al-Qur'an-Nya sebagai alat qudrat-Nya yang dapat melahirkan di bumi apa sahaja 'aqidah, nilai-nilai, pertimbangan-pertimbangan, peraturan-peraturan dan undang-undang yang dikehendaki-Nya, juga dapat menegakkan apa sahaja contoh-contoh kehidupan yang dikehendaki Allah di alam kenyataan, iaitu contoh-contoh hidup yang dilihat hari ini sebagai dongeng-dongeng dan impian-impian. Angkatan ini merupakan salah satu alat taqdir yang dikuatkuasakan Allah ke atas siapa sahaja yang dikehendaki-Nya di bumi ini, di mana mereka akan bertindak menghapus dan menetap apa sahaja yang dikehendaki Allah di alam kenyataan dan kehidupan manusia, kerana golongan ini tidak berinteraksi dengan lafaz-lafaz Al-Qur'an, malah dengan makna-maknanya yang indah yang digambarkan oleh lafaz-lafaz itu. Mereka berinteraksi dengan hakikat-hakikat yang digambarkan oleh ayat-ayat Al-Qur'an, dan dengan hakikat-hakikat inilah mereka hidup dan berjuang untuknya di alam kenyataan.

Al-Qur'an yang ada di dalam tangan manusia sekarang ini masih mampu melahirkan, dengan perantaraan ayat-ayatnya, individu-individu dan kelompok-kelompok angkatan manusia Mu'minin yang dapat bertindak, dengan izin Allah, menghapus dan memantapkan apa sahaja yang dikehendaki Allah di bumi ini, iaitu apabila konsep-konsep yang ditanamkan oleh Al-Qur'an ini terpacak teguh di dalam hati mereka atau apabila gambaran-gambaran ini tertanam dalam hati mereka dan diambil dan dijelmakannya secara serius, dan dirasakan mereka dengan sungguh-sungguh seolah-olah dapat disentuh dengan tangan dan dilihat dengan mata.

* * * * * *

Kini biarlah aku pula mengadap Allah untuk mempersembahkan kepujian dan kesyukuranku atas limpah rahmat-Nya khusus kepadaku, yang aku dapat mengenalinya datang dari Allah di dalam ayat ini.

Sesungguhnya ayat inilah yang memberikanku di sa'at-sa'at aku sedang terlantar di dalam kesusahan, kesengsaraan, kesempitan dan kesulitan, sedang berada di dalam kekeringan jiwa dan penderitaan batin yang amat berat, di sa'at-sa'at inilah Allah memberi, taufiq-Nya kepadaku mengetahui hakikat tujuan ayat ini, dan hakikat ayat inilah yang dicurahkan ke dalam jiwaku seolah-olah air penawar yang amat jernih yang aku sedut dan terus merasakan daya mujarabnya menjalar di dalam tubuhku. Aku sungguh-sungguh merasakan hakikat ayat ini bukan hanya sekadar memahami maknanya, dan perasaan ini sendiri merupakan sesuatu rahmat kepada aku. Rahmat Allah mengemukakan kepadaku satu pentafsiran yang waqi'i (realistik) terhadap hakikat ayat ini yang terbuka kepadaku seperti sekarang ini. Sebelum ini aku telah membaca ayat ini berkali-kali, tetapi hanya pada sa'at ini sahaja, ia mencurahkan penawarnya dan menunjukkan maknanya yang sebenar di alam kenyataan atau menurunkan hakikatnya yang abstrak yang seolah-olah berkata: "Aku inilah contoh rahmat yang dibuka Allah. Oleh itu lihatlah bagaimana ia bertindak."

Walaupun segala sesuatu yang ada di sekelilingku tidak berubah, tetapi segala sesuatu di dalam hati dan perasaanku telah berubah. Aku kira itulah satu ni'mat yang amat besar apabila hati terbuka menerima satu hakikat yang agung dari hakikat-hakikat alam al-wujud seperti hakikat agung yang terkandung di dalam ayat ini, iaitu satu ni'mat yang dapat dirasa dan dihayati oleh seseorang, tetapi ni'mat itu jarang sekali dapat digambar atau dipindahkannya kepada orang lain melalui tulisan. Aku telah menghayati ni'mat itu, aku telah merasakannya dan mengenainya. Semuanya itu berlaku di sa'at-sa'at yang paling kering dan tandus yang dilalui hidupku. Tetapi kini aku telah menemui kelepasan, kegirangan, kepuasan, kesenangan dan kebebasan dari segala ikatan, dari segala kesusahan dan kesulitan. Aku tetap teguh ditempatku. Itulah pintu rahmat yang telah dibukakan Allah dan tercurah melimpah-ruah di dalam satu ayat dari ayat-ayat qalam-Nya. Ayat Al-Qur'an itu telah membuka satu lubang yang mengalirkan matair-matair rahmat dan membuka sebuah jalan menuju kerelaan, keyakinan, ketenangan dan kesenangan dalam sekelip mata, dalam sedegup jantung dan

sedebar hati sahaja. Ya Allah! Kepada-Mulah segala sanjungan dan kepujian. Ya Allah! Engkau telah menurunkan Al-Qur'an ini benar-benar menjadi hidayat dan rahmat kepada seluruh orang yang beriman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 3)

Marilah kita kembali semula kepada ayat-ayat surah ini setelah merakamkan pandangan sepintas ini. Di sini kita dapati bahawa Al-Qur'an menguatkan di dalam ayat yang ketiga apa yang telah disarankan oleh ayat yang pertama dan kedua. Ia mengingatkan manusia terhadap ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada mereka dan menerangkan bahawa hanya Allah sahaja Tuhan Pencipta dan Dia sahaja yang memberi rezeki. Tiada Tuhan yang lain melainkan Dia. Dan pada akhirnya Al-Qur'an melahirkan kehairanannya bagaimana manusia dapat dipesongkan dari kebenaran yang amat jelas dan terang ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ ۚ هَلْ مِنْ خَٰلِقٍ
غَيْرُ ٱللَّهِ يَرْزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ ۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ
فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٣﴾

"Wahai manusia! Kenangilah ni'mat Allah kepada kamu. Tiada pencipta selain Allah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan Dia. Mengapakah kamu sanggup dipesongkan (dari kebenaran)?"(3)

Ni'mat Allah hanya menuntut manusia mengingatinya sahaja. Ni'mat-ni'mat itu cukup jelas dan terang. Mereka melihat ni'mat-ni'mat itu dengan mata kepala mereka, mereka merasakannya dan mereka menjamahnya, tetapi mereka lupa dan kerana itu mereka tidak mengingatinya.

Mereka dilingkungi langit dan bumi yang sentiasa mencurahkan ni'mat-ni'mat Allah dan rezeki-rezeki kepada mereka. Pada setiap langkah dan sa'at mereka dilimpahkan dengan kebajikan-kebajikan dan ni'mat-ni'mat Allah dari langit dan bumi. Ni'mat-ni'mat itu dikurniakan Allah Pencipta kepada seluruh makhluk-Nya. Manakah pencipta yang lain dari Allah yang mengurniakan kepada mereka segala rezeki yang melimpah-ruah di tangan mereka? Mereka tidak mampu menunjuk dan mendakwa walaupun mereka berada di dalam kepercayaan syirik dan kesesatan yang paling kasar. Oleh sebab itu, jika di sana tiada pencipta dan pemberi rezeki yang lain dari Allah, mengapa mereka tidak mengingati dan bersyukur kepada Allah? Mengapa mereka berpaling dari memuji, bertawajjuh dan memohon kepada Allah?

لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ

"Sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Dia."(3)

Bagaimana mereka dapat dipesongkan dari beriman dengan kepercayaan yang benar, yang tidak dapat diragu-ragukan ini? "Bagaimana mereka dapat dipesongkan?" Yakni sungguh aneh manusia sanggup berpaling dari kepercayaan yang benar, yang membuktikan kebenarannya kepada mereka dengan rezeki yang melimpah-ruah di tangan mereka. Sungguh hairan manusia sanggup berpaling dari memuji dan bersyukur kepada Allah, sedangkan mereka tidak dapat lari dari mengakui kepercayaan yang benar dan terang itu!

* * * * * *

Itulah pernyataan-pernyataan tiga ayat yang kuat dan mendalam dalam bahagian pertama surah ini, dan setiap ayat mengemukakan satu gambaran yang dapat membentuk manusia menjadi insan yang baru apabila hakikat gambaran yang mendalam itu tertanam dalam lubuk hatinya. Ketiga-tiga ayat itu merupakan ayat-ayat yang sepadu dan selaras di dalam berbagai-bagai arah tujuan.

(Kumpulan ayat-ayat 4 - 8)

وَإِن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ ۚ وَإِلَى ٱللَّهِ
تُرْجَعُ ٱلْأُمُورُ ﴿٤﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ ۖ فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ ٱلْحَيَوٰةُ
ٱلدُّنْيَا وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِٱللَّهِ ٱلْغَرُورُ ﴿٥﴾
إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ لَكُمْ عَدُوٌّ فَٱتَّخِذُوهُ عَدُوًّا ۚ إِنَّمَا يَدْعُوا۟
حِزْبَهُۥ لِيَكُونُوا۟ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلسَّعِيرِ ﴿٦﴾
ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۖ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟
ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿٧﴾
أَفَمَن زُيِّنَ لَهُۥ سُوٓءُ عَمَلِهِۦ فَرَءَاهُ حَسَنًا ۖ فَإِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ
مَن يَشَآءُ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ ۖ فَلَا تَذْهَبْ نَفْسُكَ عَلَيْهِمْ
حَسَرَٰتٍ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٨﴾

"Dan jika mereka mendustakan engkau (Muhammad), maka para rasul sebelum engkau juga telah didustakan. Dan hanya kepada Allah dikembalikan segala urusan (4). Wahai manusia! Sesungguhnya janji Allah itu benar. Oleh kerana itu janganlah kamu ditipukan kehidupan dunia dan janganlah kamu ditipukan syaitan yang amat penipu itu terhadap Allah (5). Sesungguhnya syaitan itu musuh kamu. Oleh kerana itu jadikannya sebenar-benar musuh. Sesungguhnya dia menyeru kuncu-kuncunya supaya mereka menjadi penghuni-penghuni Neraka yang bernyala-nyala (6). Orang-orang yang kafir akan memperolehi 'azab yang amat berat, dan orang-

orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan mendapat pengampunan dan pahala yang amat besar (7). Apakah orang yang didandankan syaitan perbuatannya yang buruk lalu dia memandangnya sebagai perbuatan yang baik itu (sama dengan orang yang mendapat hidayat dari Allah)? Sesungguhnya Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Oleh kerana itu janganlah dirimu binasa kerana dukacita terhadap kesesatan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dibuat mereka."(8)

Bahagian pertama surah ini berakhir dengan tiga pernyataan yang pertama yang amat mendalam yang telah menjelaskan hakikat-hakikat agung yang mutlak iaitu hakikat wahdaniyah Allah Yang Maha Pencipta, hakikat ikhtisas Allah dengan urusan rahmat dan hakikat ketunggalan-Nya sebagai Pemberi rezeki.

Di dalam bahagian yang kedua ini pula Al-Qur'an mula-mula berbicara dengan Rasulullah s.a.w. untuk menghiburkan hatinya terhadap perbuatan kaum Musyrikin yang mendustakan beliau dan memulangkan segala perkara dan urusan kepada Allah, kemudian yang kedua ia berbicara dengan manusia umumnya dengan menjelaskan kepada mereka bahawa janji Allah itu tetap benar dan mengingatkan mereka tentang permainan syaitan yang mahu menipu mereka mengenai hakikat-hakikat yang agung itu dengan tujuan untuk membawa mereka ke Neraka, kerana, syaitan adalah musuh semulajadi mereka. Al-Qur'an juga menerangkan kepada mereka tentang balasan orang-orang yang beriman dan balasan orang-orang yang ditipu syaitan musuh ketat mereka. Pada akhirnya Al-Qur'an kembali berbicara dengan Rasulullah s.a.w. supaya beliau jangan menaruh perasaan sedih dan dukacita terhadap sikap orang-orang yang tidak beriman itu, kerana teraju hidayat dan kesesatan itu berada di tangan Allah dan Allah mengetahui segala apa yang dibuat oleh mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 6)

Jangan Terpengaruh Kepada Keni'matan Dunia Dan Tipudaya Syaitan

Al-Qur'an menujukan pembicaraannya kepada Rasulullah s.a.w.:

وَإِن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ ۚ وَإِلَى ٱللَّهِ تُرْجَعُ ٱلْأُمُورُ ﴿٤﴾

"Dan jika mereka mendustakan engkau (Muhammad), maka para rasul sebelum engkau juga telah didustakan. Dan hanya kepada Allah dikembalikan segala urusan."(4)

Hakikat-hakikat agung itu amat jelas dan nyata dan andainya mereka mendustakan engkau, maka itu tidak mengapa kerana engkau bukannya baru di kalangan rasul-rasul:

فَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ ۚ

"Para rasul sebelum engkau juga telah didustakan."(4)

Serahkan sahaja perkara itu kepada Allah kerana kepada-Nyalah sahaja terpulang segala perkara dan urusan. Kerja-kerja tabligh dan perbuatan-perbuatan pendustaan hanya sarana-sarana dan sebab-sebab sahaja, sedangkan seluruh akibatnya terserah kepada Allah sahaja. Dialah mentadbir seluruhnya mengikut kehendak iradat-Nya.

Al-Qur'an menyeru manusia:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ ۖ فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِٱللَّهِ ٱلْغَرُورُ ﴿٥﴾

"Wahai manusia! Sesungguhnya janji Allah itu benar. Oleh kerana itu janganlah kamu ditipukan oleh kehidupan dunia, dan janganlah kamu ditipukan syaitan yang amat penipu itu terhadap Allah."(5)

Janji Allah adalah janji yang benar. Ia tetap akan datang tanpa sebarang keraguan lagi. Ia tetap akan berlaku tanpa sebarang kemungkiran. Ia tetap benar dan sesuatu yang benar itu tetap berlaku. Ia tidak akan hilang, tidak akan terbatal, tidak akan meleset dan menyeleweng, tetapi kehidupan dunia itu selalu mengeliru dan menipu:

فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا

"Oleh kerana itu janganlah kamu ditipukan oleh kehidupan dunia"(5)

tetapi syaitan sentiasa mengeliru dan menipu kamu. Oleh sebab itu janganlah kamu menyerahkan diri kamu kepadanya.

وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِٱللَّهِ ٱلْغَرُورُ ﴿٥﴾

"Dan janganlah kamu ditipukan syaitan yang amat penipu itu terhadap Allah"(5)

kerana syaitan telah pun mengisytiharkan permusuhannya terhadap kamu dan keazamannya untuk terus berseteru dengan kamu.

فَٱتَّخِذُوهُ عَدُوًّا ۚ

"Oleh kerana itu jadikannya sebenar-benar musuh."(6)

Yakni janganlah kamu bermesra dengannya, janganlah kamu jadikannya penasihat dan janganlah kamu menurut jejak langkahnya, kerana musuh tidak akan menjadi pak turut kepada musuhnya, sedangkan dia masih siuman. Syaitan tidak akan menyeru kamu kepada sesuatu kebajikan dan kebaikan dan tidak akan membawa kamu kepada keselamatan:

إِنَّمَا يَدْعُوا۟ حِزْبَهُۥ لِيَكُونُوا۟ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلسَّعِيرِ ﴿٦﴾

"Sesungguhnya dia menyeru kuncu-kuncunya supaya mereka menjadi penghuni-penghuni Neraka yang bernyala-nyala."(6)

Ini adalah satu kenyataan yang benar-benar menyentuh hati nurani, kerana apabila seseorang itu dapat mengingatkan gambaran pertarungan yang abadi di antaranya dengan musuhnya syaitan, maka dia akan bersedia dengan segala kekuatan dan kesedarannya, juga bersedia dengan naluri pertahanan dirinya untuk menentang tipu daya dan godaan syaitan itu. Dia akan berwaspada dan mengawal segala pintu yang dapat dimasuki syaitan, ke dalam dirinya. Dia akan berhati-hati terhadap setiap bisikan di dalam jiwanya dan akan bertindak segera memeriksakan bisikan itu dengan menggunakan neraca Allah untuk mengetahui hakikatnya yang sebenar, kerana mungkin bisikan itu merupakan satu tipu daya yang lincin dan halus dari musuh lamanya syaitan.

Inilah kesedaran yang mahu ditanamkan oleh Al-Qur'an di dalam hati manusia, iaitu kesedaran berwaspada dan berhati-hati untuk menepiskan bisikan dan godaan syaitan sama seperti seseorang itu berwaspada terhadap setiap tindak-tanduk dan gerak-geri musuhnya yang sulit. Itulah langkah berjaga-jaga untuk menentang kejahatan dan punca-punca yang membawa kepada kejahatan, iaitu menentang segala bisikan syaitan yang halus di dalam jiwa dan menentang segala bentuk godaannya yang dapat dilihat dengan mata kasar. Itulah kesediaan dan persiapan untuk menempuh pertarungan dengan syaitan yang tidak pernah reda walau sesa'at pun dan tidak akan berhenti di bumi ini buat selama-lamanya.

Kemudian ayat berikut menguatkan pula persiapan dan keadaan berjaga-jaga ini dengan satu penerangan yang menjelaskan keadaan akibat yang menimpa orang-orang kafir yang menyahut seruan syaitan dan keadaan kesudahan orang-orang yang beriman yang menentang syaitan:

ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۖ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ ۝٧

"Orang-orang yang kafir akan memperolehi 'azab yang amat berat, dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan mendapat pengampunan dan pahala yang amat besar."(7)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 8)

Kemudian kenyataan ini diulaskan dengan menggambarkan cara godaan dan hakikat kerja-kerja yang dilakukan syaitan, juga menerangkan pintu yang dimasuki syaitan membawa segala kejahatannya, dan dari pintu inilah bermulanya jalan kesesatan yang akan membuat sesiapa sahaja yang mengikutinya tidak dapat kembali lagi apabila dia melangkah begitu jauh:

أَفَمَن زُيِّنَ لَهُۥ سُوٓءُ عَمَلِهِۦ فَرَءَاهُ حَسَنًا ۖ

"Apakah orang yang didandankan syaitan perbuatannya yang buruk lalu dia memandangnya sebagai perbuatan yang baik itu?"(8)

Inilah kunci seluruh kejahatan, iaitu syaitan yang bertindak menghiaskan perbuatan keji seseorang itu dengan hiasan yang indah hingga perbuatan yang keji itu ternampak kepadanya sebagai perbuatan yang baik dan elok dan menjadikannya begitu bangga dengan dirinya dan dengan perbuatan itu sehingga dia tidak lagi mahu memeriksa dan menyemakkannya untuk melihat titik-titik kesalahan dan kelemahan, kerana dia benar-benar percaya bahawa dia tidak salah dan yakin bahawa dia selama-lamanya benar. Dia begitu tertarik dengan perbuatan-perbuatannya dan terpesona dengan dirinya sendiri hingga tidak pernah terlintas di dalam hatinya untuk memeriksa dirinya mengenai mana-mana perbuatannya, dan sudah tentu pula dia sendiri tidak sanggup andainya sesuatu, perbuatan yang telah dilakukannya atau sesuatu fikiran yang telah difikirkannya itu ditegur atau dikritik oleh seseorang yang lain, kerana perbuatan itu memang elok pada pandangan dan hematnya, tiada apa-apa cacat cela dan tiada apa-apa kekurangan yang dapat dikritik.

Inilah bala yang ditimpakan syaitan ke atas seorang manusia, dan inilah tali yang digunakan syaitan untuk menarik manusia kepada kesesatan dan seterusnya kepada kebinasaan.

Seseorang yang telah ditetapkan Allah mendapat hidayat dan kebajikan akan diletakkan di dalam hatinya kesedaran, kewaspadaan, sikap berhati-hati dan membuat perhitungan yang teliti, dia tidak pernah merasa aman dari ujian Allah, aman dari perubahan-perubahan hatinya, aman dari salah silap dan aman dari cacat cela dan lemah, malah dia sentiasa memeriksa perbuatan-perbuatannya, sentiasa memeriksa diri sendiri, sentiasa berwaspada terhadap godaan-godaan syaitan dan sentiasa mengharapkan pertolongan Allah.

Inilah persimpangan jalan di antara hidayat dan kesesatan dan di antara keselamatan dan kebinasaan.

Itulah hakikat jiwa yang amat halus dan mendalam yang digambarkan oleh Al-Qur'an di dalam beberapa patah perkataan sahaja:

أَفَمَن زُيِّنَ لَهُۥ سُوٓءُ عَمَلِهِۦ فَرَءَاهُ حَسَنًا ۖ

"Apakah orang yang didandankan syaitan perbuatannya yang buruk, lalu dia memandangnya sebagai perbuatan yang baik itu?"(8)

Itulah contoh manusia yang sesat yang menuju kepada kebinasaan. Seluruh kuncinya terletak pada tipu daya syaitan yang membuat seseorang itu memandang elok terhadap perbuatan-perbuatannya yang keji dan tertipu dengan kebaikan diri sendiri. Itulah tabir yang membutakan hati dan matanya hingga dia tidak dapat melihat bahaya-bahaya di tengah jalan dan tidak berusaha memperelokkan amalannya, kerana dia yakin kepada kebaikan

amalannya walaupun keji dan buruk. Dia tidak berusaha membetulkan kesalahannya kerana dia percaya bahawa dia tidak bersalah. Dia tidak berusaha memperbaiki kerosakan dirinya kerana dia yakin bahawa dirinya tidak pernah rosak. Dia tidak pernah berhenti pada mana-mana batas kerana dia mengira bahawa setiap langkahnya adalah betul dan baik belaka.

Inilah pintu kejahatan, jendela keburukan dan kunci kesesatan yang akhir ....

Al-Qur'an mengemukakan pertanyaan itu tanpa jawapan.

أَفَمَن زُيِّنَ لَهُۥ سُوٓءُ عَمَلِهِۦ فَرَءَاهُ حَسَنًا ۖ

"Apakah orang yang didandankan syaitan perbuatannya yang buruk lalu dia memandangnya sebagai perbuatan yang baik itu?"(8)

supaya pertanyaan itu dapat merangkumi segala jawapan seperti adakah orang yang didandankan syaitan perbuatannya yang buruk, lalu dia memandangnya sebagai perbuatan yang baik itu .... dapat diharap menjadi baik atau bertaubat .... atau sama dengan orang yang selalu memeriksa dirinya dan bermuraqabah dengan Allah .... atau sama dengan orang-orang yang tawadhuk dan bertaqwa? Dan sebagainya dari jawapan-jawapan yang sesuai dengan pertanyaan yang seperti ini. Ini adalah satu uslub yang sering digunakan di dalam Al-Qur'an.

Al-Qur'an menjawab pertanyaan ini dengan salah satu dari jawapan-jawapan ini dari jauh:

فَإِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ ۖ فَلَا تَذْهَبْ نَفْسُكَ عَلَيْهِمْ حَسَرَٰتٍ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Oleh kerana itu janganlah dirimu binasa kerana dukacita terhadap kesesatan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dibuat mereka."(8)

Seolah-olah ia menjawab: Orang yang seumpama ini adalah telah ditetapkan Allah akan berada di dalam kesesatan dan dia memang wajar mendapat kesesatan kerana dia tertipu dengan tipu daya syaitan yang menghiaskan amalan-amalannya yang buruk hingga dilihatnya baik dan elok dan kerana terbuka kepadanya pintu kejahatan yang tidak mungkin lagi kembali bagi sesiapa yang telah memasukinya.

Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya mengikut tabi'at kesesatan dan tabi'at hidayat itu masing-masing, iaitu tabi'at kesesatan mendorong seseorang memandang perbuatan yang jahat sebagai perbuatan yang baik dan tabi'at hidayat mendorongnya memeriksa diri sendiri, berwaspada, mengirakan salah silap diri sendiri dan bertaqwa kepada Allah. Itulah persimpangan jalan di antara hidayat dan kesesatan.

Jika demikian keadaan dan kedudukan perkara itu, maka:

فَلَا تَذْهَبْ نَفْسُكَ عَلَيْهِمْ حَسَرَٰتٍ ۚ

Janganlah dirimu binasa kerana dukacita terhadap kesesatan mereka.(8)

Sesungguhnya urusan hidayat dan kesesatan ini bukannya dari urusan manusia walaupun manusia itu Rasulullah s.a.w. sendiri, malah ia adalah urusan Allah sahaja. Seluruh hati manusia berada di celah dua jari dari jari-jari qudrat Allah. Dialah yang mengubahkan hati dan pandangan mereka. Allah S.W.T. menghiburkan Rasul-Nya dengan menjelaskan hakikat ini supaya hati beliau yang besar dan pengasih itu tenang tenteram tidak gelisah dan duka kerana melihat kesesatan kaumnya dan kerana mengenangkan nasib mereka yang malang akibat kesesatan itu, juga supaya beliau meninggalkan rasa kehalobaan yang berkobar-kobar di dalam hatinya agar kaumnya mendapat hidayat dan agar beliau dapat melihat kebenaran yang dibawa oleh beliau itu dikenali dan diakui di kalangan mereka. Ini adalah hasrat dan kehalobaan biasa manusia. Allah mahu melembutkan tekanan rasa kehalobaan ini di dalam hati beliau lalu diterangkan kepadanya bahawa urusan hidayat itu bukan urusan beliau, malah ia adalah urusan Allah.

Itulah keadaan atau kehalobaan yang dialami para penda'wah apabila mereka berda'wah dengan penuh keikhlasan dan benar-benar menginsafi nilai dan keindahan da'wah dan kebaikan-kebaikan yang dikandunginya, sedangkan orang ramai di waktu itu tidak menghiraukannya dan enggan menerimanya. Mereka tidak mahu melihat kebajikan dan keindahan yang terkandung di dalam da'wah itu. Mereka enggan meni'mati kebenaran dan kesempurnaan yang dibawa da'wah itu. Oleh itu adalah amat baik bagi para penda'wah memahami hakikat ini yang dengannya Allah hiburkan Rasul-Nya, agar mereka menyampaikan da'wah mereka dengan segala daya upaya mereka, kemudian mereka tidak merasa terkilan dan dukacita andainya ada orang-orang yang tidak dikehendaki Allah menjadi baik dan mencapai keberuntungan itu.

إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dibuat mereka." (8)

Yakni Allah membahagikan hidayat atau kesesatan kepada mereka mengikut ilmu-Nya yang mengetahui hakikat tindak-tanduk dan perbuatan mereka. Allah mengetahui hakikat tindak-tanduk dan perbuatan itu sebelum ianya terbit dari mereka dan mengetahuinya

setelah ianya terbit dari mereka. Allah membahagikan hidayat dan kesesatan kepada mereka mengikut ilmu azali-Nya, tetapi Allah tidak mengambil salah terhadap perbuatan-perbuatan yang belum lagi terbit dari mereka melainkan apabila perbuatan itu telah terbit dari mereka.

* * * * * *

Dengan itu tamatlah bahagian yang kedua dari surah ini. Ia berhubung rapat dengan bahagian yang pertama dan selaras dengan ayat yang berikut:

(Kumpulan ayat-ayat 9 - 14)

وَاللَّهُ الَّذِي أَرْسَلَ الرِّيَاحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَسُقْنَاهُ إِلَىٰ بَلَدٍ
مَّيِّتٍ فَأَحْيَيْنَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا ۚ كَذَٰلِكَ النُّشُورُ ﴿٩﴾
مَن كَانَ يُرِيدُ الْعِزَّةَ فَلِلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا ۚ إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ
الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ يَرْفَعُهُ ۚ وَالَّذِينَ يَمْكُرُونَ
السَّيِّئَاتِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۖ وَمَكْرُ أُولَٰئِكَ هُوَ يَبُورُ ﴿١٠﴾
وَاللَّهُ خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ جَعَلَكُمْ
أَزْوَاجًا ۚ وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلْمِهِ ۚ
وَمَا يُعَمَّرُ مِن مُّعَمَّرٍ وَلَا يُنقَصُ مِنْ عُمُرِهِ إِلَّا فِي كِتَابٍ ۚ
إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١١﴾
وَمَا يَسْتَوِي الْبَحْرَانِ هَٰذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ سَائِغٌ
شَرَابُهُ وَهَٰذَا مِلْحٌ أُجَاجٌ ۖ وَمِن كُلٍّ تَأْكُلُونَ لَحْمًا
طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُونَ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا ۖ وَتَرَى الْفُلْكَ
فِيهِ مَوَاخِرَ لِتَبْتَغُوا مِن فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾
يُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَيُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ
وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ يَجْرِي لِأَجَلٍ
مُّسَمًّى ۚ ذَٰلِكُمُ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ الْمُلْكُ ۚ وَالَّذِينَ
تَدْعُونَ مِن دُونِهِ مَا يَمْلِكُونَ مِن قِطْمِيرٍ ﴿١٣﴾
إِن تَدْعُوهُمْ لَا يَسْمَعُوا دُعَاءَكُمْ وَلَوْ سَمِعُوا مَا
اسْتَجَابُوا لَكُمْ ۖ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكْفُرُونَ بِشِرْكِكُمْ ۚ
وَلَا يُنَبِّئُكَ مِثْلُ خَبِيرٍ ﴿١٤﴾

"Dan Allahlah yang melepaskan angin, lalu ia menggerakkan awan (yang membawa hujan) dan Kami membawakannya ke negeri yang mati (gersang), lalu Kami hidupkan bumi itu dengannya sesudah matinya, dan seperti itulah juga berlakunya kebangkitan manusia selepas mati (9). Barang siapa yang berkehendakkan kemuliaan, maka seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah. Kepada-Nyalah naik segala madah yang baik dan Dialah yang mengangkatkan amalan yang soleh. Dan orang-orang yang merancangkan kejahatan-kejahatan akan mendapat 'azab yang amat berat, dan rancangan jahat mereka akan binasa (10). Dan Allah telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari nutfah, kemudian Dia jadikan kamu berpasang-pasangan. Dan tiada betina yang mengandung dan tiada betina yang melahirkan anak melainkan semuanya berlangsung dengan ilmu Allah. Dan tidak dipanjangkan umur seorang yang berumur panjang dan tidak dipendekkan umurnya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab. Sesungguhnya urusan itu amat mudah kepada Allah (11). Tiada sama rasa dua lautan; lautan ini tawar dan nyaman rasanya, sedangkan lautan ini pula masin pahit, dan dari setiap lautan itu kamu dapat makan daging yang segar dan mengeluarkan benda-benda perhiasan yang dapat kamu pakaikannya, juga kamu dapat melihat kapal-kapal yang berlayar membelah lautan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur (12). Dia memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam, dan Dia ciptakan matahari dan bulan dan masing-masing beredar hingga kepada satu masa yang telah ditentukan. Semuanya itu diciptakan Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit dan bumi), dan tuhan-tuhan palsu yang didakwakan kamu sebagai tuhan selain dari-Nya itu tidak memiliki sesuatu apa walaupun selaput biji kurma yang nipis (13). Jika kamu berdo'a kepada mereka, mereka tidak mendengar do'a kamu dan jika mereka mendengar, mereka tidak dapat memperkenankan permintaan kamu. Dan pada hari Qiamat nanti mereka akan menyangkal perbuatan syirik kamu. Dan tiada siapa yang dapat menyampaikan berita kepada kamu sebaik yang disampaikan Allah Yang Maha Pakar."(14)

Bahagian yang ketiga merupakan penjelajahan-perjelajahan yang berturut-turut di ruang alam buana, di mana Al-Qur'an mengemukakan bukti-bukti keimanan dengan menggunakan pemandangan-pemandangan yang ditayangkan itu sebagai dalil-dalil dan hujah-hujahnya.

Penjelajahan-penjelajahan yang berturut-turut ini diterangkan di dalam surah ini selepas membicarakan persoalan hidayat dan kesesatan, juga selepas menghiburkan Rasulullah s.a.w. (kerana kesulitannya) menghadapi orang-orang yang menolak da'wahnya dan menyerahkan perkara-perkara ini kepada Allah yang mengetahui segala apa yang dibuat mereka... oleh itu barang siapa yang ingin beriman, maka inilah dalil-dalil keimanan yang telah dibentangkan dengan jelas di merata pelusuk alam buana, di mana tidak terdapat sebarang ketidakjelasan dan kesamaran, dan barang siapa yang ingin memilih kesesatan bererti dia telah memilih kesesatan itu dengan terang dan berdepan dengan dalil-dalil yang ada di sekelilingnya.

Pemandangan tumbuhan-tumbuhan yang hidup subur selepas tanah-tanah di situ mati dan kering kontang merupakan satu dalil keimanan di samping

menjadi dalil kebangkitan selepas mati. Penciptaan manusia dari tanah kemudian berkembang menjadi makhluk insan yang tinggi ini merupakan satu dalil yang lain pula. Setiap peringkat kejadian dan perkembangan hidup insan itu adalah berlangsung mengikut perencanaan Ilahi yang tercatat di dalam kitab yang amat nyata.

Pemandangan dua lautan yang berbeza rasa itu juga merupakan satu dalil dan di dalam kedua-dua lautan itu terdapat pula berbagai-bagai ni'mat yang dikurniakan kepada manusia yang wajar disyukuri dan dikenangkan mereka.

Pemandangan malam dan siang yang saling memasuki satu sama lain, memanjang dan memendek merupakan satu dalil yang lain pula. Kedua-dua gejala siang dan malam itu merupakan dalil wujudnya perencanaan dan pentadbiran Ilahi yang rapi. Begitu juga pemandangan matahari dan bulan kedua-duanya adalah diciptakan dengan peraturan yang amat rapi dan menakjubkan.

Semuanya ini merupakan hujah-hujah dan dalil-dalil yang ditayangkan di ruang alam buana yang amat luas dan lebar. Allahlah Tuhan yang mencipta dan memiliki semuanya itu, sedangkan sembahan-sembahan lain yang di dakwa manusia sebagai tuhan selain dari Allah itu tidak memiliki sesuatu apa walaupun selaput biji kurma yang nipis, dan mereka juga tidak dapat mendengar dan memperkenankan permintaan manusia dan pada hari Qiamat kelak mereka berlepas tangan dari perbuatan orang-orang yang sesat yang menyembah mereka. Apakah yang ada lagi selepas kebenaran selain dari kesesatan?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 9)

وَٱللَّهُ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ ٱلرِّيَٰحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَسُقْنَٰهُ إِلَىٰ بَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَحْيَيْنَا بِهِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا ۚ كَذَٰلِكَ ٱلنُّشُورُ ﴿٩﴾

"Dan Allahlah yang melepaskan angin, lalu ia menggerakkan awan (yang membawa hujan) dan Kami membawakannya ke negeri yang mati (gersang), lalu Kami hidupkan bumi itu dengannya sesudah matinya, dan seperti itulah juga berlakunya kebangkitan manusia selepas mati."(9)

Angin-angin Yang Menggerakkan Awan-awan Yang Membawa Hujan

Pemandangan-pemandangan ini mempamerkan dalil-dalil keimanan yang terbentang di alam buana yang disebut di dalam Al-Qur'an iaitu pemandangan angin yang menggerakkan awan dari laut-lautan. Angin-angin yang panas menggerakkan wap-wap dan angin yang sejuk pula mengumpulkan wap-wap itu hingga menjadi awan, kemudian awan-awan itu dibawa Allah dengan arus-arus angin yang ada di berbagai-bagai lapis udara. Awan-awan itu berarak ke kanan dan ke kiri ke tempat-tempat yang dikehendaki Allah mengikut arus angin yang menggerakkannya sehingga sampailah ke kawasan bumi yang gersang yang telah ditetapkan di dalam ilmu Allah bahawa ia akan tumbuh subur dengan air hujan yang dibawa oleh awan itu, kerana airlah punca hidupnya segala sesuatu di bumi ini:

فَأَحْيَيْنَا بِهِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا ۚ

"Lalu Kami hidupkan bumi itu dengannya sesudah matinya."(9)

Yakni dengan air hujan itu berlakulah mu'jizat hayat yang terjadi di setiap sa'at tanpa disedari manusia. Walaupun mu'jizat hayat itu berlaku di setiap sa'at, namun mereka masih menganggapkan persoalan hidup selepas mati di Akhirat itu sebagai perkara yang mustahil berlaku, sedangkan kisah hayat tumbuh-tumbuhan itu berlaku di hadapan mereka di dunia:

كَذَٰلِكَ ٱلنُّشُورُ ﴿٩﴾

"Seperti itulah juga kebangkitan manusia selepas mati."(9)

Hujah ini dikemukakan dengan cara mudah tanpa berbelit-belit dan tanpa perdebatan yang jauh.

Al-Qur'an menayangkan pemandangan yang mempamerkan dalil-dalil keimanan yang terbentang di alam buana kerana dalil-dalil ini merupakan dalil-dalil yang realistik yang dapat ditangkap pancaindera dan tidak dapat disangkal oleh sesiapa. Pada satu segi yang lain pula, dalil-dalil itu benar-benar dapat menginsafkan hati apabila seseorang itu memahaminya dengan penuh kesedaran. Ia benar-benar menyentuh perasaan dan memberi ilham apabila dia merenunginya dengan mendalam. Pemandangan itu sungguh indah dan menarik terutama di kawasan padang pasir yang dilalui oleh seseorang pada hari ini yang kelihatan gersang dan tandus dari tumbuh-tumbuhan, tetapi apabila ia melaluinya pada hari esok tiba-tiba dia dapati kawasan itu telah berubah subur menghijau hasil dari kesan-kesan siraman air itu. Al-Qur'an mengambil dalil-dalil yang memberi keinsafan itu dari kejadian-kejadian yang biasa dilihat manusia tetapi diabai dan tidak diperhatikan mereka, sedangkan kejadian-kejadian itu mengandungi bukti-bukti yang menakjubkan apabila difikir dan dimenungkan dengan teliti.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 10)

Dari pemandangan hayat yang subur di tanah gersang, Al-Qur'an berpindah pula kepada konsep yang ada hubungan dengan kehendak perasaan dan jiwa manusia iaitu konsep kemuliaan, ketinggian, kedudukan yang teguh dan kekuasaan. Al-Qur'an hubungkan konsep ini dengan madah-madah yang baik yang naik kepada Allah dan amalan yang soleh yang diangkatkan Allah. Di samping itu Al-Qur'an menunjukkan pula lembaran sebaliknya iaitu lembaran perancangan yang jahat yang berakhir dengan kebinasaan dan kegagalan.

Seluruh Kemuliaan Milik Allah

مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلۡعِزَّةَ فَلِلَّهِ ٱلۡعِزَّةُ جَمِيعًاۚ إِلَيۡهِ يَصۡعَدُ ٱلۡكَلِمُ
ٱلطَّيِّبُ وَٱلۡعَمَلُ ٱلصَّٰلِحُ يَرۡفَعُهُۥۚ وَٱلَّذِينَ يَمۡكُرُونَ
ٱلسَّيِّـَٔاتِ لَهُمۡ عَذَابٞ شَدِيدٞۖ وَمَكۡرُ أُوْلَٰٓئِكَ هُوَ يَبُورُ ١٠

"Barang siapa yang berkehendakkan kemuliaan, maka seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah. Kepada-Nyalah naik segala madah yang baik dan Dialah yang mengangkatkan amalan yang soleh. Dan orang-orang yang merancangkan kejahatan-kejahatan akan mendapat 'azab yang amat berat, dan rancangan jahat mereka akan binasa."(10)

Mungkin sifat yang menjadi pengikat yang menghubungkan di antara hayat yang subur di bumi gersang dengan madah yang baik dan amalan yang soleh ialah hayat yang baik yang ada pada keduanya, juga hubungan yang wujud di antara keduanya di dalam tabi'at alam dan hayat, iaitu hubungan yang telah disebut di dalam Surah Ibrahim:

أَلَمۡ تَرَ كَيۡفَ ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلٗا كَلِمَةٗ طَيِّبَةٗ كَشَجَرَةٖ
طَيِّبَةٍ أَصۡلُهَا ثَابِتٞ وَفَرۡعُهَا فِي ٱلسَّمَآءِ ٢٤
تُؤۡتِيٓ أُكُلَهَا كُلَّ حِينِۭ بِإِذۡنِ رَبِّهَاۗ وَيَضۡرِبُ ٱللَّهُ
ٱلۡأَمۡثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمۡ يَتَذَكَّرُونَ ٢٥
وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٖ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ ٱجۡتُثَّتۡ
مِن فَوۡقِ ٱلۡأَرۡضِ مَا لَهَا مِن قَرَارٖ ٢٦

"Tidakkah engkau fikir bagaimana Allah membuat perumpamaan iaitu madah yang baik itu laksana pokok yang baik, akarnya teguh dan dahannya (menjulang) ke langit? Ia menghasilkan buah setiap waktu dengan izin Tuhannya. Dan Allah membuat berbagai-bagai perumpamaan kepada manusia supaya mereka mengambil pengajaran darinya. Dan bandingan madah yang keji adalah laksana pokok yang buruk yang telah dipotong akarnya dari permukaan bumi yang tidak mempunyai apa-apa keteguhan lagi."

(Surah Ibrahim: 24-26)

Di sini terdapat sifat keserupaan yang hakiki di antara tabi'at madah yang baik dengan tabi'at pokok yang baik, yang hidup dan subur. Madah yang baik itu subur, berdahan dan berbuah sama seperti pokok yang baik, ia subur, berdahan dan berbuah.

Tujuan kaum Musyrikin berpegang kukuh dengan kepercayaan syirik mereka ialah untuk mengekalkan kedudukan keagamaan mereka di Makkah, iaitu kedudukan yang menjadi asas yang membolehkan suku Quraysy menjadi ketua kepada suku-suku yang lain dengan pengaruh 'aqidah, di samping membolehkannya mendapat berbagai-bagai keuntungan terutama kedudukan yang mulia dan kukuh hingga mereka pernah berkata:

إِن نَّتَّبِعِ ٱلۡهُدَىٰ مَعَكَ نُتَخَطَّفۡ مِنۡ أَرۡضِنَآۚ

"Jika kami mengikut hidayat bersama kamu, nescaya kami akan diusir dari negeri kami."

(Surah al-Qasas: 57)

Lalu Allah menjawab kepada mereka:

مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلۡعِزَّةَ فَلِلَّهِ ٱلۡعِزَّةُ جَمِيعٗاۚ

"Barang siapa yang berkehendakkan kemuliaan, maka seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah."(10)

Apabila hakikat ini tertanam kukuh di dalam hati, ia akan menukarkan semua ukuran dan pertimbangan seseorang dan akan mengubahkan segala sarana dan segala rancangannya.

Seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah. Tiada sedikit pun dimiliki oleh yang lain dari Allah. Oleh itu barang siapa yang mahukan kemuliaan, maka hendaklah dia mencari dari sumbernya yang sebenar iaitu mencari pada Allah. Di sanalah dia akan mencapai kemuliaan yang dicarinya dan dia tidak akan menemuinya pada orang lain, tidak pula pada mana-mana naungan yang lain dan tidak juga dengan mana-mana sebab yang lain kerana:

فَلِلَّهِ ٱلۡعِزَّةُ جَمِيعٗاۚ

"Seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah."(10)

Sesungguhnya qabilah-qabilah Arab yang mendorong kaum Quraysy mencari kemuliaan di sisi mereka dengan 'aqidah paganisme yang karut dan lemah itu dan takut mengikut hidayat yang diakui mereka kerana bimbang kedudukan mereka akan tergugat, sebenarnya mereka bukanlah punca kemuliaan, malah qabilah-qabilah itu tidak berkuasa memberi atau menahankan kemuliaan itu, kerana:

فَلِلَّهِ ٱلۡعِزَّةُ جَمِيعٗاۚ

"Seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah."(10)

Andainya qabilah-qabilah itu mempunyai kekuatan dan kekuasaan, maka sumber perdananya ialah Allah. Andainya mereka mempunyai kedudukan yang teguh, maka yang mengurniakannya ialah Allah. Jadi sesiapa yang inginkan kemuliaan dan kedudukan yang teguh, maka hendaklah dia pergi kepada sumber perdananya bukan pergi kepada pihak yang mengambil kemuliaan dari sumber perdana ini. Hendaklah dia mengambil kemuliaan itu dari sumber asal yang memiliki seluruh kemuliaan, dan janganlah dia pergi mencarinya dari sisa-sisa dan lebihan-lebihan manusia kerana mereka juga pencari-pencari yang lemah.

Itulah satu hakikat asasi dari hakikat-hakikat 'aqidah Islam, iaitu satu hakikat yang cukup untuk mengubahkan nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan, menukarkan keputusan dan penilaian, mengubahkan jalan dan tatalaku dan mengubahkan sarana-sarana dan punca-punca. Apabila hakikat ini tertanam di dalam hati, maka dengan hakikat ini

sahaja dia dapat berdiri di hadapan dunia sebagai seorang yang mulia, mempunyai kedudukan yang teguh dan sebagai seorang yang tahu di mana jalan kemuliaan iaitu satu jalan yang tunggal, yang tiada jalan lain selain darinya.

Dia tidak akan tundukkan kepalanya kepada mana-mana makhluk yang angkuh, kepada ribut yang kencang, kepada peristiwa yang besar kepada mana-mana undang-undang dan pemerintahan, kepada mana-mana kerajaan dan kepentingan, malah kepada mana-mana kuasa yang wujud di bumi ini kerana apakah perlunya dia berbuat begitu? Sedangkan seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah dan tiada siapa yang dapat memiliki kemuliaan itu melainkan dengan keredhaan Allah?

Dari sini Al-Qur'an menyebut tentang madah yang baik dan amalan yang soleh:

إِلَيْهِ يَصْعَدُ ٱلْكَلِمُ ٱلطَّيِّبُ وَٱلْعَمَلُ ٱلصَّٰلِحُ يَرْفَعُهُۥ

"Kepada-Nyalah naik segala madah yang baik dan Dialah yang mengangkatkan amalan yang soleh."(10)

Ulasan ini adalah dibuat secara langsung selepas menyebut hakikat yang agung ini. Ia mempunyai tujuan dan saranannya. Ia menunjukkan punca-punca dan sarana-sarana kepada mereka yang mahu mencari kemuliaan di sisi Allah, iaitu madah yang baik dan amalan yang soleh, madah yang baik yang naik kepada Allah dan amalan yang soleh yang diangkat dan dimuliakan oleh Allah. Oleh sebab itu orang yang menuturkan madah-madah yang baik dan mengerjakan amalan yang soleh itu dikurniakan kemuliaan dan darjat yang tinggi.

Hakikat Kemuliaan

Kemuliaan sejati merupakan satu hakikat yang tertanam di dalam hati seseorang sebelum ia menjelma menjadi gejala di dalam dunia manusia. Dengan hakikat yang tertanam di dalam hati inilah dia bertindak mengatasi segala punca kehinaan dan enggan tunduk kepada yang lain dari Allah. Dengan hakikat inilah dia bertindak mengatasi dan menguasai keinginan-keinginan nafsunya yang membawa kepada kehinaan, mengatasi ketakutan-ketakutan dan kehalobaan-kehalobaannya mengharapkan sesuatu dari manusia dan sesuatu dari yang bukan manusia. Apabila dia berjaya mengatasi semuanya ini, maka tiada seorang pun yang dapat menghina dan menundukkannya, kerana yang selalu menghina dan menjatuhkan manusia itu ialah nafsu-nafsu keinginan, ketakutan-ketakutan dan ketamak-ketamakan mereka. Apabila seseorang dapat mengawal dan menguasainya bererti dia dapat menguasai segala kedudukan, segala benda dan sekalian manusia. itulah kemuliaan hakiki yang mempunyai kekuatan kedudukan yang tinggi dan kekuasaan.

Kemuliaan bukannya suatu kedegilan yang liar dan angkuh terhadap kebenaran dan berbangga dengan kebatilan. Kemuliaan bukannya suatu kezaliman dan keterlaluan yang jahat, yang memukul dan membelasahkan orang lain dengan kejam, sewenang-wenang dan degil. Kemuliaan bukannya sikap terburu-buru yang tunduk kepada hawa nafsu dan keinginan. Kemuliaan bukannya kekuatan yang membabi buta yang menyerang tanpa kebenaran, tanpa keadilan dan tanpa maksud yang baik. Tidak sekali-kali begitu! Malah kemuliaan itu ialah kebolehan menundukkan nafsu keinginan, mengatasi ikatan dan kehinaan, mengatasi perasaan rendah diri kepada yang lain dari Allah. Kemuliaan itu ialah khudhu', khusyu', takut dan taqwa kepada Allah, juga bermurakabah dengan Allah sama ada di waktu senang atau di waktu susah. Dari sikap khudhuk kepada Allah manusia dapat mengangkatkan kepalanya, dan dari sifat takut kepada Allah dia dapat menahankan dirinya dari segala sesuatu yang tidak diingini Allah, dan dari murakabah dengan Allah dia tidak menghendaki sesuatu yang lain, kecuali keredhaan Allah.

Inilah tempat madah yang baik dan amalan yang soleh apabila memperkatakan tentang kemuliaan, dan inilah hubungan di antara makna madah yang baik dan amalan yang soleh dengan makna kemuliaan yang disebut di dalam ayat tadi. Kemudiaan ayat ini ditamatkan dengan kisah golongan sebaliknya:

وَٱلَّذِينَ يَمْكُرُونَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۖ وَمَكْرُ أُو۟لَٰٓئِكَ هُوَ يَبُورُ ﴿١٠﴾

"Dan orang-orang yang merancangkan kejahatan-kejahatan akan mendapat 'azab yang amat berat, dan rancangan jahat mereka akan binasa."(10)

Kata-kata "يمكرون" mengandungi makna membuat rancangan dan biasanya digunakan bagi rancangan yang jahat. Orang-orang yang membuat rancangan yang jahat akan mendapat 'azab yang amat berat di samping rancangan itu akan binasa. Ia tidak dapat hidup subur dan mengeluarkan buah. Pengertian ini diselaraskan dengan pengertian kesuburan bumi yang dapat mengeluarkan buah di dalam ayat yang silam.

Orang-orang yang merancang langkah-langkah yang keji itu adalah bertujuan untuk mendapat kemuliaan dan kuasa yahg palsu, dan pada lahirnya sahaja mereka kelihatan mempunyai kedudukan yang tinggi, mulia dan kuat, tetapi yang sampai kepada Allah dan yang diangkat tinggi oleh Allah ialah madah yang baik dan amalan yang soleh. Hanya dengan kedua-dua sarana ini sahaja dapat dicapaikan kemuliaan dalam erti katanya yang sempurna. Perancangan-perancangan yang jahat sama ada berupa kata-kata atau amalan-amalan bukanlah sarana yang menyampaikan kepada kemuliaan. Walaupun kadang-kadang kuasa yang zalim itu dapat mencapai kejayaan dengan perancangan-perancangan yang jahat, namun kejayaan itu akan

berakhir dengan kebinasaan dan 'azab yang amat pedih. Itulah janji Allah yang tidak pernah mungkir walaupun Dia menangguhkan balasan terhadap perancang-perancang yang jahat itu hingga ke satu masa yang tertentu yang telah ditetapkan dalam pentadbiran-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 11)

Kemudian ditayangkan pula pemandangan peringkat pertama pertumbuhan kejadian manusia setelah memperkatakan pertumbuhan seluruh kejadian yang hidup dengan perantaraan air. Di sini Al-Qur'an menyebut perkara-perkara yang sesuai dengan pertumbuhan itu seperti kandungan dalam perut dan penentuan umur yang panjang dan pendek. Semuanya tersimpan di dalam ilmu Allah yang tersembunyi.

Perpindahan Kejadian Manusia Dari Tanah Kepada Nutfah

وَٱللَّهُ خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ جَعَلَكُمْ
أَزْوَٰجًا ۚ وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلْمِهِۦ ۚ
وَمَا يُعَمَّرُ مِن مُّعَمَّرٍ وَلَا يُنقَصُ مِنْ عُمُرِهِۦٓ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ ۚ
إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١١﴾

"Dan Allah telah menciptakan kamu dari tanah kemudian dari nutfah kemudian Dia jadikan kamu berpasang-pasangan. Dan tiada betina yang mengandung dan tiada betina yang melahirkan anak melainkan semuanya berlangsung dengan ilmu Allah. Dan tidak dipanjangkan umur seorang yang berumur panjang dan tidak dipendekkan umurnya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab. Sesungguhnya urusan itu amat mudah kepada Allah."(11)

Isyarat mengenai kelahiran kejadian manusia dari tanah itu sering kali disebut di dalam Al-Qur'an. Begitu juga isyarat mengenai peringkat pertama mengandung iaitu peringkat nutfah. Tanah merupakan unsur yang tidak mempunyai hayat, sedangkan nutfah pula merupakan unsur yang mempunyai hayat. Mu'jizat pertama di sini ialah mu'jizat hayat yang tidak diketahui dari mana ia datang dan bagaimana ia bercantum dengan unsur yang pertama itu? Hakikat ini masih menjadi rahsia yang tertutup kepada manusia. Ia merupakan hakikat yang wujud tersergam yang pasti dihadapi dan diakui. Ia memberi bukti di atas kewujudan Allah Pencipta dan Penghidup Yang Maha Kuasa yang tidak dapat ditolak dan disangkal.

Perpindahan dari makhluk yang tidak hidup kepada makhluk yang hidup adalah satu perpindahan yang amat jauh. Ia lebih jauh dari segala jarak jauh zaman dan tempat. Kerja memerhatikan perpindahan ini tidak bersut dan tidak membosankan hati yang hidup yang sentiasa memikirkan rahsia-rahsia alam buana yang amat menakjubkan ini. Setiap rahsianya lebih besar dan lebih menarik dari rahsianya yang lain.

Selepas itu berlakulah pula perpindahan dari nutfah dalam peringkat sel yang tunggal kepada perkembangan menjadi lembaga janin yang sempurna iaitu ketika janin lelaki dapat dibezakan dari janin perempuan sebagaimana yang digambarkan oleh Al-Qur'an di dalam firman-Nya:

ثُمَّ جَعَلَكُمْ أَزْوَٰجًا ۚ

"Kemudian Dia jadikan kamu berpasang-pasangan."(11)

Yakni Allah jadikan kamu lelaki dan perempuan ketika kamu dalam peringkat janin, dan menjadikan kamu berpasang-pasangan selepas kamu dilahirkan ke dunia dan berkahwin. Perpindahan dari peringkat nutfah kepada peringkat perkembangan dua jenis manusia yang berlainan itu adalah satu perpindahan yang jauh juga. Di manakah sel tunggal yang kecil dalam nutfah itu dibandingkan dengan lembaga manusia yang tersusun dari berbagai-bagai sel yang rumit dan rencam, di samping berbagai-bagai alat dengan bermacam-macam fungsinya? Di manakah sel yang tidak dikenali sifat-sifatnya itu dibandingkan dengan lembaga manusia yang penuh dengan berbagai-bagai sifat dan ciri-ciri yang jelas?

Mengikuti perkembangan sel yang bersahaja ini ketika ia berubah, berbelah bagi (mutasi) dan membiak subur kepada berbagai-bagai kumpulan sel, setiap kumpulan sel itu bekerja untuk membentuk satu anggota yang tertentu yang mempunyai fungsi dan tabi'at yang tertentu, kemudian bagaimana anggota-anggota itu bekerjasama satu sama lain dengan selaras dan serasi untuk membentuk seorang insan dengan bentuk yang sedemikian menarik, iaitu satu insan yang berbeza dari insan-insan yang lain yang sejenis dengannya walaupun insan yang paling hampir kepadanya. Tiada dua insan yang serupa walaupun mereka semua berasal dari satu nutfah yang tidak dapat dibeza-bezakan, kemudian.... mengikuti proses perkembangan sel-sel ini hingga menjadi pasangan-pasangan suami isteri yang mampu mengulangkan kelahiran insan yang baru dengan nutfah-nutfah yang baru, yang berkembang melalui peringkat-peringkat perkembangan yang sama tanpa menyeleweng...... semuanya itu merupakan perkembangan-perkembangan yang amat menakjubkan dan keta'jubannya tak kunjung habis. Oleh sebab itulah Al-Qur'an seringkali menyebut kisah mu'jizat nutfah yang tidak diketahui rahsianya itu, juga kisah mu'jizat perkembangan-perkembangan nutfah yang tidak diketahui rahsianya spaya hati manusia sentiasa sibuk memikirkannya dan supaya jiwa mereka sentiasa jaga dan sedar apabila mendengar nada pernyataan ayat Al-Qur'an yang berulang-ulang itu.

Di samping menyebut kisah nutfah di sini, Al-Qur'an menayangkan pula satu gambaran global dari gambaran-gambaran ilmu Allah yang meliputi seluruh alam buana seperti gambaran-gambaran yang

ditayangkan di dalam Surah Saba, iaitu gambaran ilmu Allah yang mengetahui setiap kandungan yang dikandungi rahim setiap betina di seluruh pelusuk bumi ini:

وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلْمِهِۦ

"Dan tiada betina yang mengandung dan tiada betina yang melahirkan anak melainkan semuanya berlangsung dengan ilmu Allah."(11)

Nas ini merangkumi semua jenis betina dari betina-betina manusia kepada betina-betina haiwan, unggas, ikan, reptilia dan serangga dan sebagainya dari makhluk-makhluk yang kita tahu dan makhluk-makhluk yang kita tidak tahu. Semua makhluk ini mengandung dan melahirkan anak walaupun dalam bentuk telur, kerana telur juga merupakan sejenis mengandung. Ia merupakan janin yang belum sempurna kesuburannya di dalam badan ibunya kemudian lahir sebagai telur lalu menyambung proses kesuburannya di luar badan ibunya dengan pengeramannya sendiri atau dengan pengeraman tiruan supaya ia subur menjadi janin yang sempurna kemudian menetas dan menyambung proses kesuburannya yang biasa.

Ilmu Allah mengetahui setiap kandungan dan setiap kelahiran di alam yang amat luas ini.

Cara penggambaran ilmu Allah yang mutlak dengan gambaran yang seperti ini bukanlah dari tabi'at pemikirannya manusia, kerana pemikiran manusia, tidak dapat menggambar dengan mengungkapkan ilmu Allah seperti itu sebagaimana kami telah terangkan di dalam Surah Saba. Oleh itu gambaran ini sendiri membuktikan bahawa Al-Qur'an ini adalah diturunkan Allah. Inilah salah satu tanda yang menunjukkan sumber Al-Qur'an ini ialah Allah S.W.T. Yang Maha Esa.

Gambaran ini samalah dengan gambaran umur di dalam ayat yang berikut:

Hakikat Ajal

وَمَا يُعَمَّرُ مِن مُّعَمَّرٍ وَلَا يُنقَصُ مِنْ عُمُرِهِۦٓ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ

إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١١﴾

"Dan tidak dipanjangkan umur seorang yang berumur panjang dan tidak dipendekkan umurnya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab. Sesungguhnya urusan itu amat mudah kepada Allah."(11)

Apabila daya khayal manusia terus memikir dan memerhati segala makhluk hidup di alam ini seperti pokok, unggas, haiwan, insan dan lain-lain makhluk yang berbagai-bagai bentuk rupa, berbagai jenis dan bangsa, di berbagai-bagai tempat dan zaman, kemudian ia memikirkan pula bahawa setiap individu dari individu-individu makhluk-makhluk yang tidak terkira banyaknya - dan tidak diketahui bilangannya melainkan Allah - adalah masing-masing telah ditentukan umurnya. Yang dipanjangkan umurnya panjanglah masa hidupnya, dan yang dipendekkan umurnya pendeklah masa hidupnya. Masing-masing mengikut ketetapan yang telah ditetapkan Allah dan mengikut ilmu-Nya yang mengikuti setiap individu itu sama ada dia dipanjang atau dipendekkan umurnya.

Malah ilmu Allah meliputi segala Juzu' setiap individu itu sendiri sama ada yang dipanjang atau dipendekkan umurnya. Misalnya daun pokok apabila dipanjangkan umurnya (ia tahan lama) atau dipendekkan umurnya ia pun layu atau gugur dalam masa yang pendek. Bulu burung yang dipanjangkan umurnya akan tahan lama atau diterbangkan angin apabila dipendekkan umur. Tanduk binatang ini pula boleh tahan lama atau patah di dalam pertarungan. Begitu juga keadaan mata manusia dan rambutnya boleh tahan lama atau gugur mengikut taqdir yang telah ditentukan Allah.

إِلَّا فِى كِتَٰبٍ

"Semuanya tertulis di dalam kitab"(11)

Iaitu kitab yang menggambarkan ilmu Allah yang amat meliputi dan amat halus. Penentuan umur itu tidak membebankan Allah sedikit pun:

إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya urusan itu amat mudah kepada Allah."(11)

Apabila daya khayal manusia memikir dan memerhatikan semuanya ini dan merenungkan hikmat di sebaliknya tentulah dia akan dapati penentuan umur itu amat menakjubkan. Gambaran penentuan umur yang seperti ini adalah menjurus kepada satu hakikat yang tidak pernah difikir oleh pemikiran manusia. Ia menggambarkan hakikat ini dengan gambaran di luar kebiasaan manusia, malah gambaran penentuan umur ini merupakan bimbingan istimewa Ilahi untuk menunjukkan hakikat yang amat menakjubkan ini.

Pemanjangan umur itu berlaku dengan ajal yang panjang atau dengan bilangan tahun yang banyak, atau berlaku dengan adanya keberkatan pada usia seseorang atau dengan adanya taufiq dari Allah yang mendorongkan seseorang menghabiskan umurnya dengan usaha-usaha yang mendatangkan hasil yang baik atau memenuhkan masa hidupnya dengan perasaan-perasaan, kegiatan-kegiatan, amalan-amalan dan jasa-jasa yang baik. Demikianlah juga pemendekan umur. Ia berlaku dengan bilangan tahun-tahun hidup yang pendek atau dengan pencabutan keberkatan dari hidup seseorang, di mana ia menghabiskan umurnya dalam permainan, hiburan, kegiatan yang sia-sia, kemalasan dan kekosongan.

Banyak sekali masa satu jam yang dipenuhi dengan pemikiran-pemikiran dan perasaan-perasaan yang baik atau dipenuhi dengan kerja-kerja dan jasa-jasa

itu menyamai umur hidup yang panjang. Banyak sekali setahun hidup yang berlalu kosong tanpa sebarang nilai dalam neraca hidup dan tanpa sebarang harga di sisi Allah.

Semua umur itu tercatat dalam kitab Ilahi, iaitu umur seluruh makhluk alam ini yang tiada sesiapa mengetahui bilangannya kecuali Allah.

Kelompok-kelompok manusia sama seperti individu-individu. Umat-umat manusia sama dengan individu-individu. Semuanya ditentukan umur masing-masing sama ada panjang atau pendek kerana nas Al-Qur'an merangkumi seluruh mereka.

Malah benda-benda juga sama seperti makhluk-makhluk yang bernyawa. Kini terlintas dalam fikiran saya batu dan gua yang panjang umur, juga sungai yang panjang umur. Batu yang sampai ajalnya atau pendek umurnya menjadi hancur reput. Sungai yang sampai ajalnya atau pendek umurnya menjadi kering dan hilang.

Benda-benda yang dibuat oleh tangan manusia juga mempunyai umurnya. Ada bangunan yang panjang atau pendek umurnya. Ada alat yang panjang ajalnya dan ada pula yang pendek ajalnya. Ada baju yang panjang usianya dan ada pula yang pendek. Seluruh umur itu tertulis di dalam kitab Allah sama seperti umur-umur manusia.

Seluruhnya dari urusan Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar.

Pemikiran yang seperti ini boleh menyedarkan hati dan menggerakkannya untuk memerhatikan alam ini dengan hati dan perasaan yang baru dan dengan gaya dan cara yang baru. Hati yang menginsafi adanya tangan qudrat dan penglihatan Ilahi yang menguasai dan mengawasi segala sesuatu itu dengan peraturan yang sehalus ini tentulah sukar kepadanya untuk melupa atau mengabaikannya atau menjadi sesat, kerana ke mana sahaja dia menoleh dia bersua dengan tangan qudrat Allah, dengan penglihatan Allah dan dengan Inayah Allah yang menguasai dan merangkumi segala sesuatu di alam al-wujud ini.

Demikianlah cara Al-Qur'an membentuk hati manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 12)

Lautan Air Tawar Dan Lautan Air Masin

Satu lagi perhatian dari perhatian-perhatian yang ditayangkan oleh Al-Qur'an di dalam penjelajahan meninjau alam buana ini, iaitu ia membawa kita kepada pemandangan air di bumi dari satu sudut yang tertentu iaitu sudut keragaman air iaitu ada jenis air tawar yang nyaman rasanya dan ada pula jenis air masin yang asin rasanya. Kedua-duanya berpisah tetapi bertemu dengan kuasa Allah untuk faedah manusia:

وَمَا يَسْتَوِي الْبَحْرَانِ هَٰذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ سَائِغٌ
شَرَابُهُ وَهَٰذَا مِلْحٌ أُجَاجٌ ۖ وَمِن كُلٍّ تَأْكُلُونَ لَحْمًا
طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُونَ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا ۖ وَتَرَى الْفُلْكَ
فِيهِ مَوَاخِرَ لِتَبْتَغُوا مِن فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾

"Tidak sama rasa dua lautan; lautan ini tawar dan nyaman rasanya, sedangkan lautan ini pula masin rasanya dan dari setiap lautan itu kamu dapat makan daging yang segar dan mengeluarkan benda-benda perhiasan yang dapat kamu pakaikannya, juga kamu dapat melihat kapal-kapal yang berlayar membelah lautan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur."(12)

Iradat Allah yang hendak mempelbagaikan jenis-jenis air itu memang jelas dan tujuannya juga jelas sekadar yang kita tahu. Kita mengetahui sebahagian dari hikmat kejadian air tawar yang nyaman, dan mudah diminum itu dari penggunaan kita (seharian) kerana air tawarlah menjadi asas hayat bagi setiap yang hidup, sedangkan hikmat dijadikan air lautan itu masin telah dinyatakan oleh seorang ahli sains ketika menjelaskan perencanaan Ilahi yang amat menakjubkan dalam merangkakan bentuk rupa alam buana yang luas ini katanya:

> *"Walaupun di sepanjang zaman bumi mengeluarkan berbagai-bagai gas dan kebanyakannya beracun, namun udara bumi tetap bersih dari kecemaran yang boleh mengubahkan nisbahnya yang imbang yang perlu bagi kewujudan manusia. Kemudi besar yang mengendalikan imbangan itu ialah air lautan-lautan yang amat luas itu. Ia merupakan punca hayat, makanan, iklim yang sederhana, tumbuh-tumbuhan dan akhirnya manusia sendiri."*[2]

Inilah sebahagian hikmat dari penciptaan air yang berjenis-jenis itu yang diketahui oleh kita. Dalam penciptaan-Nya itu nampak jelas tujuan dan tadbir-Nya yang rapi, di mana dapat dilihat keselarasan-keselarasan dan imbangan-imbangan yang menegakkan satu sama lain dalam kehidupan alam buana dan peraturan-peraturannya. Susunan yang seperti ini tidak mungkin diadakan melainkan oleh Allah yang menciptakan alam buana ini dengan segala isi dan penghuninya, kerana susunan yang rapi ini tidak mungkin wujud secara kebetulan dengan apa cara sekali pun. Perbezaan dua lautan yang tawar dan yang masin yang diisyaratkan oleh ayat ini menyarankan adanya iradat Allah yang telah mengadakan perbezaan lautan-lautan ini dan segala perbezaan yang lain. Di dalam surah ini akan disebut

---

[2] *Dipetik dari buku A. Cressy Morrison, "Man Does Not Stand Alone" (1944), terjemahan Mahmud Soleh al-Falaki dengan judul "Sains Menyeru Kepada Iman"*(العلم يدعو إلى الإيمان).

contoh-contoh perbezaan yang lain di alam perasaan, tujuan, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan.

Kemudian kedua-dua lautan yang berlainan itu bertemu pada tujuan untuk memberi kemudahan kepada manusia.

Mutiara Dan Batu Karang

وَمِن كُلٍّ تَأْكُلُونَ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُونَ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا وَتَرَى ٱلْفُلْكَ فِيهِ مَوَاخِرَ لِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾

"Dan dari setiap lautan itu kamu dapat makan daging yang segar dan mengeluarkan benda-benda perhiasan yang dapat kamu pakaikannya, juga kamu dapat melihat kapal-kapal yang berlayar membelah lautan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur."(12)

Yang dimaksudkan dengan daging yang segar ialah ikan-ikan dan binatang-binatang laut yang lain dari berbagai-bagai jenis. Yang dimaksudkan dengan benda-benda perhiasan ialah mutiara dan marjan (batu karang). Mutiara terjadi di dalam berbagai-bagai gewang. Ia terbentuk di dalam tubuh-tubuh gewang akibat dimasuki benda yang asing seperti biji-biji pasir atau titisan air. Apabila benda yang asing ini masuk, maka gewang itu akan mengeluarkan sejenis lilihan khas mengelilingi benda yang asing itu supaya tidak menyakiti tubuh gewang yang lembut itu. Selepas dilalui masa tertentu, lilihan itu menjadi keras dan berubah kepada mutiara. Marjan pula ialah sejenis tumbuhan haiwan yang hidup. Ia membentuk cabang-cabangnya yang menghulur kadang-kadang berbatu-batu panjangnya dan membiak hingga kadang-kadang mengancam keselamatan pelayaran. Ia juga merupakan bahaya kepada setiap makhluk hidup yang jatuh dalam cengkamannya. Batu-batu marjan dipotong dengan cara-cara yang tertentu dan darinya dibuat berbagai-bagai perhiasan.

Kapal-kapal dan bahtera-bahtera meredah lautan-lautan dan sungai-sungai dengan ciri-ciri yang dijadikan Allah pada benda-benda di alam ini. Kemampatan air dan kepadatan benda-benda yang menjadi bahagian-bahagian kapal itulah yang membolehkan kapal-kapal itu terapung-apung di permukaan air, dan berjalan di atasnya. Angin juga turut memain peranan (menggerakkan kapal-kapal itu) demikian juga kuasa-kuasa yang dijadikan Allah untuk faedah manusia dan diketahui mereka bagaimana cara menggunakannya seperti kuasa eletrik, kuasa wap dan sebagainya dari berbagai-bagai kuasa yang dijadikan Allah.

لِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦ

"Supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya."(12)

Iaitu dengan perantaraan pelayaran, perniagaan, penggunaan daging-daging yang segar, perhiasan, penggunaan air dan kapal-kapal di lautan-lautan dan sungai-sungai.

وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾

"Dan supaya kamu bersyukur"(12)

kepada Allah yang telah menciptakan punca-punca kehidupan yang wajar disyukuri. Allah jadikannya terbentang di hadapan kamu untuk menolong kamu menunaikan kewajipan bersyukur.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 14)

Di Sebalik Penciptaan Matahari, Bulan, Siang Dan Malam

Bahagian ini diakhiri dengan satu penjelajahan kebuanaan meninjau pemandangan malam dan siang, penciptaan matahari dan bulan mengikut peraturan peredarannya yang telah ditetapkan sehingga kepada suatu masa yang tertentu:

يُولِجُ ٱلَّيْلَ فِى ٱلنَّهَارِ وَيُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِى ٱلَّيْلِ وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ مُّسَمًّى

"Dia memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam, dan Dia ciptakan matahari dan bulan dan masing-masing beredar hingga kepada satu masa yang telah ditentukan."(13)

Mungkin yang dimaksudkan dengan masuknya malam ke dalam siang dan siang ke dalam malam ialah, dua pemandangan yang indah iaitu pemandangan masuknya malam ke dalam siang, di mana cahaya matahari menghilang sedikit demi sedikit dan kegelapan masuk sedikit demi sedikit hingga matahari membenamkan diri membawa kegelapan yang merangkak lambat, dan pemandangan masuknya siang ke dalam malam, di mana hari pagi mula bernafas dan cahaya matahari memancar perlahan-perlahan dan kegelapan menghilang perlahan-perlahan hingga terbitnya matahari mernbawa cahaya yang terang benderang. Mungkin pula yang dimaksudkan (dengan ungkapan itu) ialah kepanjangan hari malam yang memakan hari siang seolah-olah ia masuk ke dalamnya dan kepanjangan hari siang yang memakan hari malam seolah-olah ia masuk ke dalamnya. Mungkin juga Al-Qur'an maksudkan dengan satu ungkapan itu kedua-dua pemandangan itu sekali. Semuanya merupakan pemandangan-pemandangan yang membawa hati menjelajah dengan tenang penuh dengan perasaan takjub dan taqwa. Di sini ia melihat bagaimana tangan qudrat Allah memanjangkan hari siang dan memendekkan hari malam, memanjangkan hari

malam dan memendekkan hari siang mengikut satu peraturan yang amat halus yang tidak pernah mungkir dan kacau walaupun sekali, sehari atau setahun di sepanjang zaman.

Penciptaan matahari, bulan dan peredaran keduanya yang berlangsung sehingga ke satu masa yang tertentu, yang tidak diketahui melainkan Allah yang menciptakan keduanya merupakan satu lagi gejala yang dilihat oleh semua orang sama ada dia tahu tentang saiz kedua-dua cakerawala itu dan jenis keduanya sama ada dari bintang-bintang dan planet-planet, juga sama ada dia tahu tentang garis-garis peredaran keduanya atau dia tidak tahu langsung segala-galanya itu, kerana kedua-duanya terbit dan menghilang di hadapan setiap manusia dan turun naik di hadapan setiap mata. Pergerakan yang berterusan ini, yang tidak pernah mungkir merupakan satu pergerakan yang dapat disaksikan oleh semua orang tanpa memerlukan kepada ilmu pengetahuan dan hisab. Oleh kerana itu ia merupakan satu bukti kekuasaan Allah yang terbentang di alam kepada semua akal dan generasi manusia. Pada hari ini kita mungkin mengetahui pergerakan ini lebih banyak dari apa yang diketahui oleh manusia-manusia yang pertama menerima Al-Qur'an ini, tetapi ini tidak penting, kerana yang penting ialah pergerakan ini menyarankan kepada kita apa yang disarankan kepada mereka, ia mengocakkan hati kita sebagaimana ia mengocakkan hati mereka dan ia merangsangkan kita berfikir dan melihat tangan qudrat Allah Yang Maha Kreatif, yang bertindak di alam yang menakjubkan ini sama seperti ia merangsangkan mereka, kerana hayat yang haqiqi ialah hayat hati.

* * * * * *

Kedudukan Tuhan-tuhan Palsu

Di bawah bayangan berbagai-bagai pemandangan alam yang menyerapkan pengertian yang mendalam dan kesan yang kuat itu Al-Qur'an iringi dengan satu penjelasan yang menegakkan hakikat rububiyah dan meruntuhkan dakwaan kepercayaan syirik di samping menerangkan akibat kerugiannya pada hari Qiamat:

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ ٱلْمُلْكُ ۚ وَٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ مَا يَمْلِكُونَ مِن قِطْمِيرٍ ﴿١٣﴾

"Semuanya itu diciptakan Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit dan bumi), dan tuhan-tuhan palsu yang didakwakan kamu sebagai tuhan selain dari-Nya itu tidak memiliki sesuatu apa walaupun selaput biji kurma yang nipis."(13)

Yakni yang melepaskan angin membawa awan, yang menghidupkan bumi yang gersang, yang menciptakan kamu dari tanah, yang menjadikan kamu berpasang-pasangan, yang mengetahui anak yang dikandung dan dilahir oleh setiap betina, yang mengetahui mana yang pendek dan panjang umurnya, yang menciptakan dua jenis lautan, yang memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam dan yang menjadikan matahari dan bulan beredar hingga ke satu masa yang tertentu itu ialah **"Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit dan bumi)** dan:

وَٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ مَا يَمْلِكُونَ مِن قِطْمِيرٍ ﴿١٣﴾

"Tuhan-tuhan palsu yang didakwakan kamu sebagai tuhan selain dari-Nya itu adalah tidak memiliki sesuatu apa walaupun selaput biji kurma yang nipis."(13)

Yakni hingga selaput yang amat nipis itu pun tidak dimiliki oleh tuhan-tuhan yang lain yang didakwa oleh mereka selain dari Allah.

إِن تَدْعُوهُمْ لَا يَسْمَعُوا۟ دُعَآءَكُمْ وَلَوْ سَمِعُوا۟ مَا ٱسْتَجَابُوا۟ لَكُمْ ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَكْفُرُونَ بِشِرْكِكُمْ ۚ وَلَا يُنَبِّئُكَ مِثْلُ خَبِيرٍ ﴿١٤﴾

"Jika kamu berdo'a kepada mereka, mereka tidak mendengar do'a kamu dan jika mereka mendengar, mereka tidak dapat memperkenankan permintaan kamu. Dan pada hari Qiamat nanti mereka akan menyangkal perbuatan syirik kamu. Dan tiada siapa yang dapat menyampaikan berita kepada kamu sebaik yang disampaikan Allah Yang Maha Pakar."(14)

Tuhan-tuhan palsu itu ialah berhala-hala atau patung-patung atau pokok-pokok atau binatang-bintang atau malaikat atau jin, semuanya tidak memiliki sesuatu apa walaupun selaput biji kurma yang amat nipis, dan semuanya tidak dapat mendengar rayuan-rayuan hamba-hamba-Nya yang sesat sama sahaja sama ada mereka tidak dapat mendengar langsung atau tidak dapat mendengar percakapan manusia sahaja.

وَلَوْ سَمِعُوا۟ مَا ٱسْتَجَابُوا۟ لَكُمْ ۖ

"Dan jika mereka mendengar, mereka tidak dapat memperkenankan permintaan kamu"(14)

Jika ada yang dapat mendengar seperti jin dan malaikat, maka jin dan malaikat juga tidak dapat memperkenankan permintaan orang-orang yang sesat itu. Ini di dunia, sedangkan di Akhirat pula sembahan-sembahan itu akan berlepas diri dari kesesatan yang dilakukan manusia-manusia yang sesat itu:

وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَكْفُرُونَ بِشِرْكِكُمْ ۚ

"Dan pada hari Qiamat nanti mereka akan menyangkal perbuatan syirik kamu."(14)

Yang menceritakan hakikat ini ialah Allah sendiri Yang Maha Mengetahui segala sesuatu dan segala urusan di dunia dan di Akhirat:

وَلَا يُنَبِّئُكَ مِثْلُ خَبِيرٍ ﴿١٤﴾

"Dan tiada siapa yang dapat menyampaikan berita kepada kamu sebaik yang disampaikan Allah Yang Maha Pakar."(14)

Dengan ini berakhirlah bahagian ini dan tamatlah penjelajahan-penjelajahan dan pemandangan di alam buana, dan dari penjelajahan ini pulanglah hati membawa bekalan keinsafan yang cukup untuk saraan hidupnya andainya ia dapat mengambil manfa'at dari bekalan itu. Sebenarnya dengan satu bahagian dari satu surah sahaja sudah cukup kepada hati yang insaf jika ia mahu mencari hidayat atau mencari bukti dan dalil.

(Kumpulan ayat-ayat 15 - 26)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ أَنتُمُ ٱلْفُقَرَآءُ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَٱللَّهُ هُوَ
ٱلْغَنِىُّ ٱلْحَمِيدُ ﴿١٥﴾
إِن يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَأْتِ بِخَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿١٦﴾
وَمَا ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ بِعَزِيزٍ ﴿١٧﴾
وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۚ وَإِن تَدْعُ مُثْقَلَةٌ إِلَىٰ حِمْلِهَا
لَا يُحْمَلْ مِنْهُ شَىْءٌ وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰٓ ۗ إِنَّمَا تُنذِرُ ٱلَّذِينَ
يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِٱلْغَيْبِ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ ۚ وَمَن تَزَكَّىٰ
فَإِنَّمَا يَتَزَكَّىٰ لِنَفْسِهِۦ ۚ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٨﴾
وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ ﴿١٩﴾
وَلَا ٱلظُّلُمَـٰتُ وَلَا ٱلنُّورُ ﴿٢٠﴾
وَلَا ٱلظِّلُّ وَلَا ٱلْحَرُورُ ﴿٢١﴾
وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَحْيَآءُ وَلَا ٱلْأَمْوَٰتُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُسْمِعُ
مَن يَشَآءُ ۖ وَمَآ أَنتَ بِمُسْمِعٍ مَّن فِى ٱلْقُبُورِ ﴿٢٢﴾
إِنْ أَنتَ إِلَّا نَذِيرٌ ﴿٢٣﴾
إِنَّآ أَرْسَلْنَـٰكَ بِٱلْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا ۚ وَإِن مِّنْ أُمَّةٍ
إِلَّا خَلَا فِيهَا نَذِيرٌ ﴿٢٤﴾
وَإِن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ جَآءَتْهُمْ
رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَـٰتِ وَبِٱلزُّبُرِ وَبِٱلْكِتَـٰبِ ٱلْمُنِيرِ ﴿٢٥﴾
ثُمَّ أَخَذْتُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۖ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٢٦﴾

"Wahai manusia! Kamu berkehendak kepada Allah dan Allah itu Maha Kaya dan Maha Terpuji (15). Jika Dia kehendaki nescaya Dia membinasakan kamu dan mendatangkan kaum yang baru (sebagai pengganti kamu) (16). Dan perkara yang sedemikian sama sekali tidak sukar kepada Allah (17). Dan seseorang yang berdosa tidak dapat menanggung dosa orang dan jika seorang yang menanggung dosa yang berat memanggil (orang lain) supaya memikulnya nescaya tiada sedikit pun dari dosa itu dapat dipikulkannya walaupun (yang dipanggilkan itu) mempunyai hubungan, kerabat yang dekat. Sesungguhnya engkau hanya dapat memberi amaran kepada orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka tanpa melihat-Nya dan mereka mendirikan solat. Dan barang siapa yang membersihkan diri, maka dia membersihnya untuk kebaikan dirinya sendiri, dan kepada Allah perkembalian (kamu) (18). Dan tidaklah sama di antara orang yang buta dan orang yang celik (19). Dan tidak juga sama di antara gelap dan cerah (20). Dan tidak pula sama di antara teduh dan panas (21). Dan tidak juga sama di antara orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Allah memperdengarkan (da'wah-Nya) kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan engkau tidak dapat memperdengarkan (da'wah) kepada mereka yang berada di dalam kubur (22). Engkau tiada lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran (23). Sesungguhnya Kami utuskan engkau sebagai pembawa kebenaran, sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran. Dan tiada satu umat pun melainkan telah dilalui Rasul yang memberi amaran (24). Dan jika mereka mendustakan engkau, maka orang-orang yang dahulu dari mereka juga telah mendustakan (rasul-rasul mereka). Mereka telah didatangi para rasul mereka yang membawa bukti-bukti yang jelas, lembaran-lembaran yang bertulis dan kitab yang jelas (25). Kemudian Aku binasakan orang-orang yang kafir, oleh itu (lihatlah) bagaimana dahsyatnya kemurkaan-Ku?."(26)

Sekali lagi Al-Qur'an kembali mengajak manusia supaya memperhatikan hubungan mereka dengan Allah dan memperhatikan hakikat diri mereka, juga kembali menghiburkan Rasulullah s.a.w. yang sedang menerima tentangan kaumnya dan menghadapi kesesatan mereka, samalah dengan tujuan kandungan bahagian yang kedua surah ini, tetapi yang ditambahkan di sini ialah keterangan bahawa tabi'at hidayat adalah tidak sama dengan tabi'at kesesatan. Perbezaan di antara keduanya adalah perbezaan semulajadi yang amat mendalam. Perbezaan di antara keduanya sama dengan perbezaan di antara buta dan celik, di antara gelap dan cerah, di antara teduh dan panas dan di antara mati dan hidup. Di antara hidayat, celik, cerah, bayang yang teduh dan hidup ada hubungan dan keserupaan. Begitu juga di antara buta, gelap, panas dan mati ada hubungan dan keserupaan. Kemudiaan pada akhirnya disebut pula kisah kebinasaan pendusta-pendusta untuk memberi peringatan dan kesedaran.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 17)

Manusia Memerlukan Allah Yang Sentiasa Memberi Ri'ayah Kepada Mereka

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ أَنتُمُ ٱلۡفُقَرَآءُ إِلَى ٱللَّهِۖ وَٱللَّهُ هُوَ ٱلۡغَنِيُّ ٱلۡحَمِيدُ ١٥

إِن يَشَأۡ يُذۡهِبۡكُمۡ وَيَأۡتِ بِخَلۡقٖ جَدِيدٖ ١٦

وَمَا ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ بِعَزِيزٖ ١٧

"Wahai manusia! Kamu berkehendak kepada Allah dan Allah itu Maha Kaya dan Maha Terpuji (15). Jika Dia kehendaki nescaya Dia membinasakan kamu dan mendatangkan kaum yang baru (sebagai pengganti kamu) (16). Dan perkara yang sedemikian sama sekali tidak sukar kepada Allah."(17)

Manusia perlu diperingatkan dengan hakikat ini ketika mereka diseru kepada hidayat atau dicabar supaya keluar dari kegelapan kepada nur Allah dan hidayat-Nya. Mereka perlu diperingatkan bahawa mereka amat berkehendak kepada Allah dan bahawa Allah Maha Kaya dan sama sekali tidak memerlukan mereka. Apabila mereka diseru supaya beriman, beribadat kepada Allah dan memujinya kerana ni'mat-ni'mat yang dikurniakan-Nya, maka Allah sebenarnya tidak memerlukan kepada ibadat dan pujian mereka kerana zat Allah itu sendiri memang terpuji. Mereka tidak mampu mencabar Allah dan berlagak sombong, terhadap-Nya kerana andainya Allah kehendaki nescaya Dia bertindak menghapuskan mereka dan membawa kaum yang baru, yang sebangsa dengan mereka atau dari bangsa yang lain untuk mengganti mereka di dunia ini. Perkara ini merupakan satu perkara yang senang kepada Allah.

Mahusia perlu diperingatkan dengan hakikat ini supaya mereka merasa tidak begitu angkuh dan sombong apabila mereka melihat bahawa Allah Yang Maha Mulia mengambil berat terhadap mereka, mengirimkan para rasul kepada mereka. Kemudian rasul-rasul itu berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengembalikan mereka dari kesesatan kepada hidayat dan mengeluarkan mereka dari kegelapan jahiliah kepada nur agama yang terang dan supaya mereka tidak merasa takabur dan memandang diri mereka begitu besar di sisi Allah dan memandang penerimaan hidayat dan ibadat mereka menambahkan sesuatu kepada kebesaran kerajaan Allah S.W.T., sedangkan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji.

Allah S.W.T. mengurniakan ri'ayah dan melimpahkan rahmat-Nya ke atas manusia dengan mengutuskan para rasul yang tabah menghadapi tentangan dan penindasan mereka dan terus sabar berda'wah kepada Allah selepas ditentang dan ditindas .... Allah S.W.T. melayani mereka seperti ini semata-mata kerana rahmat, kemurahan dan limpah kurnia dari-Nya sahaja, kerana inilah sifat-sifat zat-Nya, bukannya kerana manusia itu dapat menambahkan sesuatu kepada kebesaran kerajaan-Nya dengan sebab mereka menerima hidayat atau mengurangkan sesuatu dari kebesaran kerajaan-Nya dengan sebab kesesatan mereka, dan bukannya pula kerana manusia itu makhluk-makhluk yang unik, terlalu mahal dan sukar untuk diciptakan semula atau digantikan dengan makhluk yang lain, oleh kerana itu kesalahan-kesalahan mereka dimaafkan begitu sahaja.

Manusia sendiri akan hairan terhadap limpah kurnia Allah yang begitu murah terhadap mereka apabila mereka melihat diri mereka yang kecil, kerdil, jahil dan lemah itu menerima ri'ayah dan inayah Allah yang sebegitu besar.

Manusia hanya merupakan penghuni yang kecil di antara penghuni-penghuni bumi ini dan bumi pula hanya merupakan sebuah planet yang kecil dari planet-planet yang mengikuti matahari, sedangkan matahari pula hanya sebuah bintang dari bintang-bintang yang tidak terhingga bilangannya dan bintang-bintang itu pula hanya merupakan titik-titik yang kecil yang bertaburan di angkasa raya yang tiada manusia mengetahui garis-garis sempadannya. Dan angkasa rasa itu pula hanya merupakan sebahagian dari makhluk-makhluk Allah.

Kemudian si manusia ini mendapat ri'ayah yang amat besar dari Allah. Dia jadikan mereka sebagai khalifah di bumi dan mengurniakan kepada mereka segala alat-alat dan kelengkapan khilafah sama ada dari segi struktur bentuk kejadiannya atau menundukkan kepada mereka segala kekuatan dan kuasa-kuasa yang perlu untuk mereka menjalankan urusan pentadbiran khilafah, namun demikian si insan yang kerdil ini terus juga sesat dan angkuh hingga tergamak mempersekutui Allah atau mengingkarkannya, lalu Allah mengutuskan para rasul seorang demi seorang kepada mereka dan menurunkan kepada rasul-rasul itu kitab-kitab suci dan mu'jizat-mu'jizat, malah pengurniaan Allah terus melimpah-ruah hingga Dia menurunkan di dalam kitab-Nya (Al-Qur'an) yang akhir kepada manusia berbagai-bagai kisah untuk direnungi mereka. Allah menceritakan kepada mereka peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada umat-umat yang terdahulu dari mereka. Allah menceritakan tentang diri mereka sendiri dan mendedahkan segala daya tenaga, kekuatan dan kelemahan yang ada pada mereka, malah Allah S.W.T. menceritakan tentang individu-individu yang tertentu. Dia berfirman kepada si anu: "Awak telah melakukan ini dan itu, awak telah meninggalkan ini dan itu", dan berfirman kepada si anu yang lain: "Inilah penyelesaian masalah engkau dan inilah jalan keluar dari kesusahan engkau".

Semuanya itu dikurniakan kepada makhluk insan satu penghuni kecil dari penghuni-penghuni bumi, sebuah planet kecil dari planet-planet yang mengikut matahari yang mengelana di angkasa raya hingga kewujudannya hampir-hampir tidak dirasa, sedangkan Allah S.W.T. adalah Pencipta langit dan bumi,

Pencipta alam buana dengan segala isi dan penghuninya dengan sepatah perintah "كن" sahaja dan dengan semata-mata tawajjuh iradat-Nya sahaja dan Dia berkuasa menciptakan makhluk seperti manusia dengan sepatah perintah dan dengan semata-mata tawajjuh iradat-Nya.

Oleh itu amatlah wajar kepada manusia memahami hakikat ini supaya mereka dapat menginsafi betapa banyaknya limpah kurnia, ri'ayah dan rahmat Allah terhadap mereka dan supaya mereka merasa segan dan malu untuk menyambut dan membalas limpah kurnia, ri'ayah dan rahmat Allah yang tulus dan melimpah-ruah itu dengan sikap paling tadah dan ingkar.

Dari segi inilah ayat ini merupakan satu sentuhan yang memberi kesedaran dan keinsafan di samping menjelaskan satu hakikat yang waqi'i yang benar. Al-Qur'an sentiasa menyentuh hati manusia dengan mengemukakan hakikat-hakikat, kerana sesuatu hakikat yang dikemukakan itu akan mempengaruhi jiwa manusia, juga kerana Al-Qur'an itu sendiri merupakan kebenaran dan ia turun membawa kebenaran. Justeru itu ia tidak membicara melainkan mengenai kebenaran dan tidak meyakinkan manusia melainkan dengan kebenaran dan tidak mengemuka dan menyebut selain dari kebenaran.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 18)

Tiada Siapa Yang Boleh Menanggung Dosa Orang Lain

Ayat berikut menyentuh satu hakikat yang lain pula iaitu menyentuh hakikat tanggungjawab individu yang tidak dapat dipikul dan ditanggung oleh orang lain. Nabi s.aw. tidak mempunyai apa-apa tujuan peribadi yang mahu dicapaikannya untuk dirinya dari usaha beliau menyampaikan hidayat kepada mereka, kerana beliau hanya bertanggungjawab di atas amalan dirinya sahaja sebagaimana setiap orang dari mereka bertanggungjawab terhadap usaha dan amalan masing-masing. Oleh itu setiap individu akan mendapat hasilnya dari amalannya bukannya orang lain, dan segala urusan pembalasan dipulangkan kepada Allah:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۚ وَإِن تَدْعُ مُثْقَلَةٌ إِلَىٰ حِمْلِهَا
لَا يُحْمَلْ مِنْهُ شَيْءٌ وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۗ إِنَّمَا تُنذِرُ الَّذِينَ
يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ ۚ وَمَن تَزَكَّىٰ
فَإِنَّمَا يَتَزَكَّىٰ لِنَفْسِهِ ۚ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ ﴿١٨﴾

"Dan seseorang yang berdosa tidak dapat menanggung dosa orang lain dan jika seorang yang menanggung dosa yang berat memanggil (orang lain) supaya memikulnya nescaya tiada sedikit pun dari dosa itu dapat dipikulkannya walaupun (yang dipanggilkan itu) mempunyai hubungan kerabat yang dekat. Sesungguhnya engkau hanya dapat memberi amaran kepada orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka tanpa melihat-Nya dan mereka mendirikan solat. Dan barang siapa yang membersihkan diri, maka dia membersihnya untuk kebaikan dirinya sendiri, dan kepada Allah perkembalian (kamu)."(18)

Hakikat tanggungjawab individu dan balasan itu mempunyai kesan yang jelas kepada kesedaran akhlak dan tindak-tanduk manusia. Kesedaran setiap individu bahawa dia akan di balas dengan amalannya dan tidak akan diambil salah dengan perbuatan orang lain, juga tidak dapat berlepas diri dari perbuatan yang dilakukannya itu, merupakan satu faktor yang kuat yang mendorongnya untuk menghisabkan diri sendiri sebelum dihisab (pada hari Qiamat), di samping mendorongnya meninggalkan segala angan-angan palsu untuk mendapat pertolongan dari orang lain agar sesuatu dosanya dapat dipikul oleh orang lain. Begitu juga kesedaran ini merupakan faktor yang mententeramkan hatinya. Dia tidak lagi takut dan bimbang diambil salah dengan sebab perbuatan kelompok manusia yang lain hingga menyebabkannya berputus asa terhadap faedah amalan-amalan peribadinya yang baik selama dia telah menunaikan kewajipannya memberi nasihat kepada kelompok itu dan cuba mengembalikan mereka dari kesesatan itu dengan segala sarana yang ada padanya.

Allah S.W.T. tidak menghisabkan manusia secara borong mengikut senarai, malah dia menghisabkan mereka seorang demi seorang. Masing-masing dengan amalannya dan masing-masing mengikut batas kewajipannya. Kewajipan individu ialah memberi nasihat kepada kelompok dan berusaha membetulkan mereka sedaya upaya. Apabila dia telah melaksanakan kewajipan ini, maka dia tidak lagi menanggung dosa kejahatan kelompok tempat ia hidup, malah segala perbuatannya yang baik tetap akan dibalas. Begitu juga kebaikan kelompok itu tidak berguna kepadanya jika dia sendiri tidak baik. Justeru itu Allah tidak menghisabkan para hamba-Nya secara borong.

Ungkapan ayat Al-Qur'an yang menggambarkan hakikat ini mengikut cara penggambarannya yang tersendiri menanamkan kesan yang amat mendalam. Ia menggambarkan setiap orang itu menanggung dosa masing-masing dan tidak menanggung dosa orang lain. Andainya ada orang menanggung dosa yang berat kemudian dia meminta kerabatnya yang paling hampir supaya menanggung sebahagian dari dosanya itu, nescaya dia dapati tiada siapa pun yang sanggup menanggungnya atau meringankan beban dosanya.

Itulah pemandangan angkatan manusia, di mana setiap orang membawa beban amalannya masing-masing dan meneruskan perjalanannya hingga sampai di hadapan neraca amalan dan para penimbangnya. Angkatan itu kelihatan begitu penat dan letih lesu dan setiap orang sibuk dengan beban amalan masing-

masing tanpa menghiraukan orang-orang jauh dan orang-orang dekat dari kerabat sendiri.

Di hadapan pemandangan angkatan yang letih lesu dan berat menanggung beban inilah Allah berpaling kepada Rasulullah s.a.w. dan berfirman:

إِنَّمَا تُنذِرُ ٱلَّذِينَ يَخۡشَوۡنَ رَبَّهُم بِٱلۡغَيۡبِ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَۚ

"Sesungguhnya engkau hanya dapat memberi amaran kepada orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka tanpa melihat-Nya dan mereka mendirikan solat."(18)

Kumpulan orang-orang ini sahaja yang berguna diberi amaran. Mereka takut kepada Allah tanpa melihat-Nya dan mendirikan solat untuk berhubung dengan Allah dan beribadat kepada-Nya. Merekalah sahaja yang dapat mengambil faedah dari engkau dan menyahut seruan engkau, oleh itu tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada engkau dari perbuatan-perbuatan mereka yang tidak takut kepada Allah dan tidak mengerjakan solat.

وَمَن تَزَكَّىٰ فَإِنَّمَا يَتَزَكَّىٰ لِنَفۡسِهِۦۚ

"Dan barang siapa yang membersihkan diri, maka dia membersihnya untuk kebaikan dirinya sendiri."(18)

Kebaikannya bukan untuk engkau dan bukan untuk yang lain dari engkau, malah hanya untuk dirinya sendiri sahaja. Ungkapan:

يتزكّى

"*Membersihkan diri*" itu mengandungi makna yang amat halus, yang meliputi pembersihan hati, dan perasaan-perasaannya, juga mengandungi pembersihan kelakuan-kelakuan dan arah-arah alirannya serta kesan-kesannya. Pengertian ini merupakan satu pengertian yang halus dan menarik.

وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلۡمَصِيرُ ١٨

"Dan kepada Allah perkembalian (kamu)."(18)

Allah yang bertindak sebagai Penghisab dan Pembalas kelak, oleh itu tiada satu amalan yang soleh yang akan hilang dan tiada satu amalan yang jahat yang akan terlepas dari balasan. Keputusan dan balasan tidak akan diserahkan kepada yang lain dari Allah iaitu ia tidak diserahkan kepada makhluk-makhluk yang memilih kasih atau pelupa atau cuai.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 26)

Ciri-ciri Perbezaan Di Antara Keimanan Dan Kekafiran

Di sisi Allah tidak akan sama di antara keimanan dan kekafiran, di antara kebaikan dan kejahatan, di antara hidayat dan kesesatan, sebagaimana tidak ada persamaan di antara buta dan celik, di antara gelap dan cerah, di antara bayang teduh dan panas, di antara hidup dan mati. Semuanya masing-masing mempunyai tabi'at yang berbeza-beza dari asas lagi:

وَمَا يَسۡتَوِي ٱلۡأَعۡمَىٰ وَٱلۡبَصِيرُ ١٩
وَلَا ٱلظُّلُمَٰتُ وَلَا ٱلنُّورُ ٢٠
وَلَا ٱلظِّلُّ وَلَا ٱلۡحَرُورُ ٢١

"Dan tidaklah sama di antara orang yang buta dan orang yang celik (19). Dan tidak juga sama di antara gelap dan cerah (20). Dan tidak pula sama di antara teduh dan panas."(21)

وَمَا يَسۡتَوِي ٱلۡأَحۡيَآءُ وَلَا ٱلۡأَمۡوَٰتُۚ

"Dan tidak juga sama diantara orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati."(22)

Di antara tabi'at kekafiran dan tabi'at buta, gelap, panas dan mati terdapat hubungan (yang rapat), begitu juga di sana terdapat hubungan yang rapat di antara tabi'at keimanan dan tabi'at cerah, celik, bayangan teduh dan hidup.

Iman itu nur yang menerangi hati, menerangi anggota dan menerangi pancaindera. Iman itu nur yang mendedahkan hakikat segala sesuatu, segala nilai dan segala peristiwa dan segala hubungan di antara keduanya iaitu segala nisbah dan dimensi. Orang-orang Mu'minin memandang dengan nur iman yang diciptakan Allah. Dengan nur inilah dia melihat hakikat-hakikat itu dan berinteraksi dengannya. Dia tidak terumbang-ambing dan meraba-raba di tengah jalannya dan tidak teragak-agak di dalam mengatur langkah-langkahnya.

Iman merupakan penglihatan. Ia melihat dengan wawasan yang haqiqi, benar dan tidak bergoyang. Ia membawa tuannya berjalan dengan nur, dengan penuh kepercayaan dan ketenangan.

Iman merupakan bayangan teduh yang menenangkan jiwa dan mententeramkan hati, iaitu teduh dari kepanasan keraguan, kegelisahan dan kebingungan di dalam padang belantara yang gelap tanpa pemandu.

Iman merupakan hayat iaitu hayat dalam hati dan perasaan, hayat dalam arah tujuan dan haluan. Iman juga merupakan pergerakan yang membina, berhasil, bermatlamat, tidak kaku beku dan tidak main-main dan sia-sia.

Kekafiran itu buta, iaitu buta di dalam tabi'at hati, buta dari melihat bukti-bukti kebenaran, buta dari melihat hakikat alam al-wujud, hakikat perhubungan-perhubungan di dalam alam al-wujud, hakikat nilai-nilai, tokoh-tokoh, peristiwa-peristiwa dan segala sesuatu.

Kekafiran merupakan kegelapan atau berbagai-bagai kegelapan. Apabila manusia jauh dari nur iman, mereka akan jatuh di dalam berbagai-bagai kegelapan yang bermacam-macam bentuk dan rupa, di mana segala sesuatu tidak dapat dilihat dengan penglihatan yang betul.

Kekafiran merupakan suatu kepanasan yang menyelar hati dengan selaran-selaran resah, gelisah, tidak mantap di atas satu matlamat, tidak tenang menghadapi sesuatu pertumbuhan dan kesudahan kemudian ia berakhir dengan kepanasan Neraka Jahannam dan selaran 'azab seksanya.

Kekafiran merupakan suatu kematian iaitu kematian di dalam hati nurani dari terputus dari sumber hayat yang tulen, terpisah dari jalan yang menyampaikan kepada Allah. Ia juga merupakan kelemahan dari diharui emosi dan kelemahan dari memberi sambutan kepada da'wah yang terbit dari sumber Ilahi yang haqiqi, yang memberi kesan di dalam perjalanan hidupnya.

Masing-masing mempunyai tabi'at dan balasannya dan kedua-keduanya tidak akan sama di sisi Allah.

* * * * * *

Batas Tugas Seorang Rasul

Di sini ayat yang berikut berpaling kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghiburkannya dengan menjelaskan batas-batas tugas dan kewajipannya dalam da'wah Allah dan menyerahkan yang lain dari tugas-tugas itu kepada Allah tuanpunya urusan agar diputuskan mengikut apa yang dikehendaki-Nya:

إِنَّ ٱللَّهَ يُسْمِعُ مَن يَشَآءُ ۖ وَمَآ أَنتَ بِمُسْمِعٍ مَّن فِى
ٱلْقُبُورِ ﴿٢٢﴾
إِنْ أَنتَ إِلَّا نَذِيرٌ ﴿٢٣﴾
إِنَّآ أَرْسَلْنَٰكَ بِٱلْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا ۚ وَإِن مِّنْ أُمَّةٍ
إِلَّا خَلَا فِيهَا نَذِيرٌ ﴿٢٤﴾
وَإِن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ جَآءَتْهُمْ
رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَبِٱلزُّبُرِ وَبِٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُنِيرِ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Allah memperdengarkan (da'wah-Nya) kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan engkau tidak dapat memperdengarkan (da'wah) kepada mereka yang berada dalam kubur (22). Engkau tiada lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran (23). Sesungguhnya Kami utuskan engkau sebagai pembawa kebenaran, sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran. Dan tiada satu umat pun melainkan semuanya telah dilalui Rasul yang memberi amaran (24). Dan jika mereka mendustakan engkau, maka orang-orang yang dahulu dari mereka juga telah mendustakan (rasul-rasul mereka). Mereka telah didatangi para rasul mereka yang membawa bukti-bukti yang jelas, lembaran-lembaran yang bertulis dan kitab yang jelas (25). Kemudian Aku binasakan orang-orang yang kafir, oleh itu (lihatlah) bagaimana dahsyatnya kemurkaan-Ku?"(26)

Perbezaan-perbezaan yang wujud di antara tabi'at alam buana dan tabi'at jiwa manusia adalah perbezaan-perbezaan semula jadi, begitu juga kelainan tabi'at-tabi'at manusia dan kelainan sambutan mereka kepada da'wah Allah adalah kelainan-kelainan semulajadi sama dengan perbezaan-perbezaan semula jadi yang wujud di alam di antara celik dengan buta, teduh dengan panas, gelap dengan cerah, hidup dengan mati. Di sebalik itulah terletaknya perencanaan Allah, hikmat kebijaksanaan dan qudrat-Nya yang berkuasa di atas segala sesuatu.

Jadi, seorang rasul itu tidak lebih dari seorang petugas yang menyampaikan peringatan dan amaran. Keupayaan kemanusiaannya hanya terhenti setakat ini sahaja. Dia tidak berkuasa memperdengarkan da'wah kepada mereka yang berada di dalam kubur dan kepada mereka yang hidup dengan hati yang mati. Mereka ini sama sahaja dengan orang-orang yang berada di dalam kubur. Hanya Allah sahaja yang berkuasa memperdengarkan da'wah itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya. Apakah kesalahan Rasul jika yang sesat itu sesat dan yang berpaling dari keimanan itu berpaling selama dia telah menunaikan amanahnya dan menyampaikan risalahnya, lalu didengari oleh siapa yang dikehendaki Allah mendengarnya dan tidak didengari oleh siapa yang dikehendaki Allah berpaling darinya?

Sebelum ini Allah telah berfirman kepada Rasulullah s.a.w.:

فَلَا تَذْهَبْ نَفْسُكَ عَلَيْهِمْ حَسَرَٰتٍ ۚ

"Janganlah engkau membinasakan dirimu kerana dukacita terhadap kesesatan mereka."(8)

Allah telah mengutuskan beliau membawa agama yang benar hanya sebagai penyampai berita gembira dan amaran sahaja. Kedudukan beliau sama sahaja dengan kedudukan saudara-saudaranya para rasul yang lain alaihim salawattullah. Bilangan para rasul itu amat ramai, kerana setiap umat masing-masing dilalui seorang rasul.

وَإِن مِّنْ أُمَّةٍ إِلَّا خَلَا فِيهَا نَذِيرٌ ﴿٢٤﴾

"Dan tiada satu umat pun melainkan semuanya telah dilalui rasul yang memberi amaran."(24)

Andainya beliau menerima pendustaan dari kaumnya, maka itu memang tabi'at biasa kaum-kaum manusia yang menerima para rasul. Itu bukannya kelemahan para rasul dan bukannya kekurangan dalil-dalil dan hujah-hujah (dari mereka):

وَإِن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ جَآءَتْهُمْ
رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَبِٱلزُّبُرِ وَبِٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُنِيرِ ﴿٢٥﴾

"Dan jika mereka mendustakan engkau, maka orang-orang yang dahulu dari mereka juga telah mendustakan (rasul-rasul mereka). Mereka telah, didatangi para rasul mereka yang membawa bukti-bukti yang jelas, lembaran-lembaran yang bertulis dan kitab yang jelas."(25)

Yang dimaksudkan dengan **"bukti-bukti yang jelas"**(البينات) ialah hujah-hujah dan alasan-alasan yang berbagai-bagai bentuk di antaranya termasuk mu'jizat-mu'jizat yang diminta atau dicabar oleh mereka. Yang dimaksudkan dengan **"lembaran-lembaran yang bertulis"**(الزبر) ialah suhuf-suhuf yang mengandungi nasihat-nasihat, bimbingan-bimbingan dan taklif-taklif. Yang dimaksudkan dengan **"kitab yang jelas"**(الكتاب المنير) ialah Taurat kitab yang diturun kepada Musa mengikut pendapat yang lebih rajih. Mereka telah mendustakan keterangan-keterangan yang jelas lembaran-lembaran yang bertulis dan kitab Taurat yang jelas.

Itulah keadaan kebanyakan umat dalam menerima para rasul dan dalil-dalil hidayat yang dibawa mereka. Jadi, perkara ini bukannya baru, bukannya unik, malah telah berlaku kepada umat-umat yang terdahulu.

Di sini Al-Qur'an menayangkan kepada kaum Musyrikin pemandangan nasib kesudahan yang telah diterima oleh para pendusta supaya mereka mengambil peringatan:

ثُمَّ أَخَذْتُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۖ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٢٦﴾

"Kemudian Aku binasakan orang-orang yang kafir, oleh itu (lihatlah) bagaimana dahsyatnya kemurkaan-Ku?"(26)

Tujuan pertanyaan di dalam ayat ini ialah menyatakan kehairanan dan kedahsyatan. Kemurkaan Allah, iaitu kemurkaan-Nya amat besar dan balasan-Nya ialah kebinasaan yang dahsyat. Oleh itu hendaklah orang-orang yang mahu mengikuti jejak orang-orang yang dahulu itu mengambil perhatian dan pengajaran supaya mereka tidak ditimpa kebinasaan yang telah menimpa orang-orang yang dahulu itu.

Itulah cubitan Al-Qur'an yang mengakhiri bahagian dan penjelajahan ini, kemudian dimulakan pula dengan satu penjelajahan baru di bidang yang baru.

* * * * *

(Kumpulan ayat-ayat 27 - 38)

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ
ثَمَرَٰتٍ مُّخْتَلِفًا أَلْوَٰنُهَا ۚ وَمِنَ ٱلْجِبَالِ جُدَدٌۢ بِيضٌ
وَحُمْرٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَٰنُهَا وَغَرَابِيبُ سُودٌ ﴿٢٧﴾
وَمِنَ ٱلنَّاسِ وَٱلدَّوَآبِّ وَٱلْأَنْعَٰمِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَٰنُهُۥ
كَذَٰلِكَ ۗ إِنَّمَا يَخْشَى ٱللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ ٱلْعُلَمَٰٓؤُا۟ ۗ إِنَّ
ٱللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَٰبَ ٱللَّهِ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
وَأَنفَقُوا۟ مِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَٰرَةً
لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾
لِيُوَفِّيَهُمْ أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِۦٓ ۚ إِنَّهُۥ
غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٠﴾
وَٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ هُوَ ٱلْحَقُّ مُصَدِّقًا
لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِعِبَادِهِۦ لَخَبِيرٌۢ بَصِيرٌ ﴿٣١﴾
ثُمَّ أَوْرَثْنَا ٱلْكِتَٰبَ ٱلَّذِينَ ٱصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا ۖ
فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِۦ وَمِنْهُم مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ
سَابِقٌۢ بِٱلْخَيْرَٰتِ بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَضْلُ
ٱلْكَبِيرُ ﴿٣٢﴾
جَنَّٰتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ
مِن ذَهَبٍ وَلُؤْلُؤًا ۖ وَلِبَاسُهُمْ فِيهَا حَرِيرٌ ﴿٣٣﴾
وَقَالُوا۟ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِىٓ أَذْهَبَ عَنَّا ٱلْحَزَنَ ۖ إِنَّ
رَبَّنَا لَغَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٤﴾
ٱلَّذِىٓ أَحَلَّنَا دَارَ ٱلْمُقَامَةِ مِن فَضْلِهِۦ لَا يَمَسُّنَا فِيهَا
نَصَبٌ وَلَا يَمَسُّنَا فِيهَا لُغُوبٌ ﴿٣٥﴾
وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَهُمْ نَارُ جَهَنَّمَ لَا يُقْضَىٰ عَلَيْهِمْ
فَيَمُوتُوا۟ وَلَا يُخَفَّفُ عَنْهُم مِّنْ عَذَابِهَا ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِى
كُلَّ كَفُورٍ ﴿٣٦﴾
وَهُمْ يَصْطَرِخُونَ فِيهَا رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا نَعْمَلْ
صَٰلِحًا غَيْرَ ٱلَّذِى كُنَّا نَعْمَلُ ۚ أَوَلَمْ نُعَمِّرْكُم مَّا
يَتَذَكَّرُ فِيهِ مَن تَذَكَّرَ وَجَآءَكُمُ ٱلنَّذِيرُ ۖ فَذُوقُوا۟

فَمَا لِلظَّٰلِمِينَ مِن نَّصِيرٍ ٣٧
إِنَّ ٱللَّهَ عَٰلِمُ غَيْبِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ إِنَّهُۥ
عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ٣٨

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan siramannya buah-buahan yang beraneka warna. Dan di antara gunung-ganang itu terdapat jalur-jalur jalan putih dan merah, yang berlain-lainan warnanya dan batu-batu yang hitam legam (27). Dan di antara manusia, haiwan-haiwan dan binatang ternakan juga terdapat berbagai-bagai warna. Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya ialah para ulama'. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Pengampun (28). Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa membaca kitab Allah dan mendirikan solat serta mendermakan sebahagian rezeki yang Kami telah kurniakan kepada mereka secara sulit dan secara terang-terangan adalah mengharapkan satu perniagaan yang tidak akan rugi (29). Agar Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Bersyukur (30). Dan kitab yang Kami telah wahyukan kepadamu itu adalah (kitab) yang benar yang mengesahkan kitab-kitab (yang diturunkan) sebelumnya. Sesungguhnya Allah Maha Pakar mengenai para hamba-Nya dan Maha Melihat (31). Dan Kami mewariskan kitab Al-Qur'an itu kepada orang-orang yang Kami pilih dari hamba-hamba Kami. Di antara mereka ada yang zalim terhadap diri sendiri dan di antara mereka ada pula yang sederhana dan di antara mereka juga ada yang mendahului (orang lain) membuat berbagai-bagai kebajikan dengan izin Allah. Semuanya itu adalah limpah kurnia yang amat besar (32). (Balasan mereka) ialah Syurga-syurga 'Adni yang dimasuki mereka, di mana mereka akan dihiaskan dengan gelang-gelang tangan dari emas dan mutiara dan pakaian mereka di sana ialah sutera (33). Dan mereka mengucap: (Syukur) Alhamdulillah Tuhan yang telah menghapuskan kerunsingan dari kami. Sesungguhnya Tuhan kami Maha Pengampun dan Maha Bersyukur (34). Tuhan yang telah menempatkan kami di tempat tinggal yang kekal abadi semata-mata dari limpah kurnia-Nya, di sini kami tidak disentuh sebarang kepenatan, dan tidak juga kami disentuh sebarang kelesuan (35). Dan orang-orang kafir akan memperolehi Neraka Jahannam. Mereka tidak dibinasakan hingga mati dan mereka tidak akan diringankan dari 'azab Neraka. Demikianlah Kami membalas setiap orang yang amat kufur (36). Dan mereka menjerit-jerit di dalam Neraka: Wahai Tuhan Kami! Keluarkanlah Kami (dari Neraka ini), nescaya kami mengerjakan amalan yang soleh yang bukan amalan yang telah kami lakukannya (lalu dijawab): Tidakkah Kami telah melanjutkan umur kamu yang cukup untuk diambil peringatan oleh mereka yang ingin mengambil peringatan? Sedangkan kamu telah pun didatangi Rasul yang memberi peringatan. Oleh itu, rasakanlah ('azab itu), kerana orang-orang yang zalim (kafir) tidak akan mendapat sebarang penolong (37). Sesungguhnya Allah mengetahui segala perkara ghaib di langit dan di bumi. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada."(38)

Penjelajahan kali ini merupakan bacaan-bacaan kitab alam buana dan kitab suci yang diturunkan Allah, iaitu membaca lembaran-lembaran Allah, membaca lembaran-lembaran kitab alam buana yang indah, menarik, beraneka warna, ragam dan jenis, iaitu buah-buahan yang beraneka warna, gunung-ganang yang mempunyai jalur-jalur jalan yang bermacam-macam warna, juga manusia, haiwan-haiwan dan binatang-binatang ternakan yang berbagai-bagai warna dan jenis yang amat banyak. Inilah lembaran-lembaran yang indah di dalam kitab alam buana yang terbuka. Kemudian membaca kitab suci Al-Qur'an yang mengandungi kebenaran dan mengesahkan kitab-kitab suci yang lain yang diturunkan sebelumnya, kemudian menerangkan bahawa kitab suci Al-Qur'an ini diwariskan pula kepada umat Muslimin yang mempunyai berbagai-bagai darjat, juga menerangkan balasan-balasan ni'mat yang menanti mereka setelah Allah mengurniakan keampunan kepada orang-orang yang bersalah dari mereka, iaitu dengan menayangkan pemandangan hidup mereka di dalam Syurga dan pemandangan hidup orang-orang kafir yang mendapat 'azab seksa yang amat pedih. Kemudian penjelajahan yang menarik, jauh dan berwarna-warni ini ditamatkan dengan kenyataan bahawa semuanya berlaku mengikut ilmu Allah Yang Maha Mengetahui segala rahsia di dalam hati manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 28)

Pameran Warna-warni

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ
ثَمَرَٰتٍ مُّخْتَلِفًا أَلْوَٰنُهَا ۚ وَمِنَ ٱلْجِبَالِ جُدَدٌۢ بِيضٌ
وَحُمْرٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَٰنُهَا وَغَرَابِيبُ سُودٌ ٢٧
وَمِنَ ٱلنَّاسِ وَٱلدَّوَآبِّ وَٱلْأَنْعَٰمِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَٰنُهُۥ
كَذَٰلِكَ ۗ إِنَّمَا يَخْشَى ٱللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ ٱلْعُلَمَٰٓؤُا۟ ۗ إِنَّ
ٱللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ٢٨

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan siramannya buah-buahan yang beraneka warna. Dan di antara gunung-ganang itu terdapat jalur-jalur jalan putih dan merah, yang berlain-lainan warnanya dan batu-batu yang hitam legam." (27) Dan di antara manusia, haiwan-haiwan dan binatang ternakan juga terdapat berbagai-bagai warna. Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya ialah para ulama'. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(28)

Ini adalah salah satu penerangan dari penerangan-penerangan mengenai alam buana yang amat menarik, yang membuktikan bahawa Al-Qur'an ini diturunkan Allah. Satu penerangan yang membawa kita menjelajah seluruh bumi untuk melihat keragaman warna-warni pada setiap kejadiannya iaitu pada buah-buahan, gunung-ganang, manusia,

haiwan-haiwan dan binatang-binatang ternakan. Penerangan ini hanya menggunakan kata-kata yang pendek tetapi merangkumi seluruh makhluk dibumi sama ada yang bernyawa dan yang tidak bernyawa. Penerangan ini membuat hati manusia kagum dan terpesona dengan pameran Ilahi yang cantik, indah dan besar yang meliputi seluruh bumi.

Penerangan ini dimulakan dengan turunnya hujan dari langit yang mengeluarkan berbagai-bagai buah-buahan yang beraneka warna kerana pameran di sini ialah pameran warna-warni. Oleh sebab itu apabila Al-Qur'an menyebut tentang buah-buahan ia hanya menyebut warna-warninya sahaja:

فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ ثَمَرَٰتٍ مُّخْتَلِفًا أَلْوَٰنُهَا ۚ

"Kami keluarkan dengan siramannya buah-buahan yang beraneka warna."(27)

Warna-warni buah-buahan itu merupakan satu pameran warna yang indah yang tidak dapat dilukiskan walaupun sebahagiannya oleh para pelukis seluruh generasi manusia. Setiap jenis buah-buahan tidak sama warnanya dengan warna jenis buah-buahan yang lain, malah tidak ada sebiji buah yang serupa warnanya secara mutlak dengan warna saudara-saudaranya dari jenis buah yang sama apabila diperhatikan dengan teliti setiap dua biji buah yang bersaudara, di mana terdapat sedikit perbezaan pada warna keduanya.

Dari warna buah-buahan Al-Qur'an berpindah pula kepada warna-warni gunung-ganang. Perpindahan itu pada lahirnya menimbulkan kehairanan, tetapi dari segi kajian warna, perpindahan itu memang tabi'i, kerana di dalam warna-warni batu batan itu terdapat keserupaan yang menakjubkan dengan warna-warni buah-buahan yang berbagai-bagai jenis itu, malah batu batan itu juga kadang-kadang berbentuk seperti bentuk dan saiz setengah-setengah buah-buahan hingga kadang-kadang hampir-hampir tidak dapat dibezakan dari buah-buahan sama ada kecil atau besar.

وَمِنَ ٱلْجِبَالِ جُدَدٌۢ بِيضٌ وَحُمْرٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَٰنُهَا وَغَرَابِيبُ سُودٌ ﴿٢٧﴾

"Dan di antara gunung-ganang itu terdapat jalur-jalur jalan putih dan merah yang berlain-lainan warnanya dan batu-batu yang hitam legam."(27)

Inilah gambaran jalur-jalur jalan atau liku-likunya yang benar-benar yang terdapat pada gunung-ganang jalur-jalur jalan yang berwarna putih itu pula tidak sama di antara satu sama lain. Begitu juga jalur-jalur jalan yang berwarna merah tidak sama di antara satu dengan yang lain. Ia berbeza-beza tentang darjat tebal nipis warnanya, tentang bayang-bayang dan warna-warni lain yang bercampuraduk yang terdapat padanya. Sementara itu di sana terdapat pula batu-batu yang berwarna hitam pekat.

Penerangan mengenai warna-warni batu batan yang berbagai-bagai jenis yang terdapat dalam satu warna yang disebut di samping warna-warni buah-buahan itu adalah amat mengharukan hati. Ia membangkitkan dalam hati deria rasa estatika yang tinggi, yang melihat keindahan dengan pandangan abstrak, di mana ia melihat keindahan pada batu sama seperti ia melihatnya pada buah-buahan. Walaupun perbezaan tabi'at dan fungsi di antara kedua-dua benda itu amat jauh di dalam penilaian manusia, namun pandangan estatika yang abstrak itu melihat keindahan itu sebagai satu unsur yang dikongsi bersama oleh batu dan buah-buahan yang wajar mendapat perhatian.

Warna-warna manusia pula tidak hanya terhenti di atas warna-warni kulit yang umum yang membezakan jenis-jenis manusia kerana setiap individu berbeza dengan warna sendiri dengan individu-individu yang sejenis atau sebangsa dengannya, malah berbeza dengan saudara kembarnya yang hidup sekandung di dalam rahim.

Begitu juga warna-warni haiwan dan binatang ternakan. Pengertian haiwan lebih syumul dan pengertian binatang ternakan lebih khusus. Yang dimaksudkan dengan haiwan ialah seluruh haiwan dan yang dimaksudkan dengan binatang ternakan ialah unta, lembu, biri-biri dan kambing. Ia disebut secara khusus kerana hubungannya yang dekat dengan manusia dan warna-warninya merupakan satu pameran warna-warni yang indah sama seperti pameran warna-warni buah-buahan dan batu batan.

Kitab alam buana yang indah lembaran-lembarannya dan yang menarik bentuk rupa dan warna-warninya itu adalah dibuka oleh Al-Qur'an, dan ia membalik-balikkan lembaran-lembarannya dan berkata: "Sesungguhnya para ahli ilmu yang membacanya, memahaminya dan memikirkannya itulah orang-orang yang takut kepada Allah."

إِنَّمَا يَخْشَى ٱللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ ٱلْعُلَمَٰٓؤُا۟ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya ialah para ulama'. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(28)

Lembaran-lembaran yang dibalik-balikkan Al-Qur'an di dalam kitab alam buana ini hanya merupakan sebahagian dari lembaran sahaja. Para ahli ilmulah yang memerhati dan memikirkan kitab alam buana yang amat menakjubkan ini. Oleh sebab itu mereka mengenal Allah dengan makrifat yang haqiqi. Mereka mengenal Allah dengan kesan-kesan penciptaan-Nya. Mereka memahaminya dengan kesan-kesan qudrat-Nya dan mereka menginsafi hakikat kebesaran-Nya dengan melihat hakikat-hakikat penciptaan-Nya. Oleh sebab itu mereka takut, bertaqwa dan beribadat kepada Allah dengan sebenar-benarnya bukan dengan perasaan kabur di hadapan keindahan alam,

malah dengan ilmu pengetahuan yang halus dan ilmu secara langsung. Lembaran-lembaran ini merupakan satu contoh dari kitab alam buana, sedangkan warna-warni itu pula merupakan satu contoh dari keindahan penciptaan dan penyusunan kejadian alam yang selaras yang tidak disedari melainkan oleh para ahli ilmu yang mengetahui kitab alam buana ini, dengan ilmu yang menyampaikan kepada Allah dan diinsafi hati. Dengan ilmu inilah dia bergerak dan melihat tangan qudrat Ilahi yang menciptakan aneka warna, mengadakan bentuk rupa dan penyelarasan yang rapi di alam buana yang indah ini.

Unsur keindahan nampak jelas merupakan satu perkara yang dirancangkan di dalam penciptaan dan penyelarasan alam buana ini. Di antara kesempurnaan keindahan ini ialah fungsi-fungsi segala kejadian dilaksanakan melalui keindahannya. Misalnya warna-warni yang indah pada bunga-bunga itu dapat menarik jantan-jantan lebah dan kupu-kupu bersama-sama dengan bau istimewanya yang harum semerbak. Kecantikan dan ketampanan pada jantan dan betina itulah sarana yang menarik satu sama lain untuk melaksanakan tugas seks. Demikianlah fungsi-fungsi itu terlaksana dengan sempurna melalui sarana keindahan.

Tegasnya unsur keindahan itu merupakan satu perkara yang memang dirancangkan dalam penciptaan dan penyelarasan alam buana ini. Oleh sebab itulah kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan Allah ini menarik perhatian manusia supaya memerhati dan meneliti keindahan yang terdapat di dalam kitab alam buana yang terbentang lebar itu.

إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Pengampun".(28)

Allah amat berkuasa menciptakan sesuatu dengan indah dan membalas (segala perbuatan manusia) serta mengurniakan keampunan kepada mereka yang cuai dan lalai dari menunjukkan ketakutan mereka kepada Allah walaupun mereka melihat keindahan ciptaan-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 30)

Dari kitab alam buana Al-Qur'an berpindah pula memperkatakan tentang kitab suci yang diturunkan Allah dan orang-orang yang membacanya serta harapan mereka dari bacaan itu juga balasan yang menunggu mereka:

Perniagaan Yang Terjamin Untung

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَـٰبَ ٱللَّهِ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
وَأَنفَقُوا۟ مِمَّا رَزَقْنَـٰهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَـٰرَةً
لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾
لِيُوَفِّيَهُمْ أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِۦٓ ۚ إِنَّهُۥ
غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa membaca kitab Allah dan mendirikan solat serta mendermakan sebahagian rezeki yang Kami telah kurniakan kepada mereka secara sulit dan secara terang-terangan adalah mengharapkan satu perniagaan yang tidak akan rugi (29). Agar Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Bersyukur."(30)

Membaca kitab Allah bukannya bererti mengikuti kalimat-kalimat-Nya dengan suara atau tanpa suara, malah bererti membacanya dengan penelitian yang membawa kepada kefahaman yang memberi kesan kepada jiwa dan seterusnya membawa kepada tindakan mengamalkannya dan mengubahkan tingkahlaku. Oleh sebab itulah bacaan kitab suci itu harus diiringi dengan amalan mendirikan solat, mengeluarkan derma secara diam-diam atau secara terang-terang dari rezeki yang dikurniakan Allah dengan harapan mendapat keuntungan dari:

تِجَـٰرَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾

"Satu perniagaan yang tidak akan rugi."(29)

Mereka sedar bahawa balasan di sisi Allah itu lebih baik dari harta yang didermakan mereka. Mereka menjalankan satu perniagaan yang terjamin keuntungannya. Mereka bermu'amalah dengan Allah iaitu satu mu'amalah yang paling untung. Mereka menjalankan perniagaan ini di Akhirat iaitu satu perniagaan yang paling laba, satu perniagaan yang memberikan mereka balasan pahala yang sempurna dan limpah kurnia Allah yang semakin bertambah banyak:

إِنَّهُۥ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٠﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Bersyukur."(30)

Yakni Allah mengampunkan kecuaian dan memberi kesyukuran kerana mereka, menunaikan kewajipan. Maksud dari kesyukuran Allah ialah keredhaan dan balasan yang baik yang biasanya mengikuti kesyukuran, tetapi ungkapan "syukur" yang menyarankan kepada manusia bahawa Allah berterima kasih kepada mereka adalah semata-mata menyerupai adat manusia dengan (meminjam istilah yang sama) dengan tujuan merangsangkan perasaan malu (pada manusia) kerana jika Allah memberi kesyukuran kepada mereka di atas penunaian kewajipan mereka yang baik, maka mengapakah pula mereka tidak bersyukur kepada Allah di atas limpah kurnia-Nya yang baik?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 38)

Kemudian diterangkan pula tentang tabi'at kitab Al-Qur'an yang mengandungi kebenaran itu sebagai pendahuluan kepada pembicaraan yang menjelaskan tentang kaum Muslimin yang menjadi pewaris-pewaris kitab Al-Qur'an ini:

وَالَّذِيٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَـٰبِ هُوَ الْحَقُّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ بِعِبَادِهِۦ لَخَبِيرٌۢ بَصِيرٌ ﴿٣١﴾

"Dan kitab yang Kami telah wahyukan kepadamu itu adalah (kitab) yang benar yang mengesahkan kitab-kitab (yang diturunkan) sebelumnya. Sesungguhnya Allah Maha Pakar mengenai para hamba-Nya dan Maha Melihat."(31)

Kedudukan Al-Qur'an Di Antara Kitab-kitab Suci Yang Terdahulu

Bukti-bukti kebenaran yang terdapat di dalam Al-Qur'an amat jelas pada isi kandungannya. Al-Qur'an merupakan terjemahan yang tepat bagi hakikat alam buana ini atau Al-Qur'an merupakan kitab suci yang dibaca, sedangkan alam buana merupakan kitab suci yang senyap. Al-Qur'an mengesahkan kitab-kitab suci yang diturunkan dari sumber yang sama sebelumnya. Kebenaran itu satu sahaja dan tidak berbilang-bilang sama ada di dalam kitab-kitab suci yang terdahulu atau di dalam kitab Al-Qur'an. Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an kepada manusia adalah Maha Mengetahui tentang hakikat mereka dan segala apa yang boleh memberi kebaikan dan kebajikan kepada mereka:

إِنَّ اللَّهَ بِعِبَادِهِۦ لَخَبِيرٌۢ بَصِيرٌ ﴿٣١﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Pakar mengenai para hamba-Nya dan Maha Melihat."(31)

Allah telah mewariskan kitab suci Al-Qur'an kepada umat Muslimin. Allah telah memilih mereka untuk memegang warisan ini sebagaimana diterangkan di sini:

Pewaris Kitab Suci Al-Qur'an

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَـٰبَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا ۖ

"Dan Kami mewariskan kitab Al-Qur'an itu kepada orang-orang yang Kami pilih dari hamba-hamba Kami."(32)

Pernyataan ini adalah cukup untuk menyarankan kepada umat Muslimin betapa, mulianya kedudukan mereka di sisi Allah di samping menyarankan betapa besarnya tanggungjawab mereka sebagai hasil dari pilihan Allah dan penyerahan warisan itu. Ia merupakan tanggungjawab yang amat besar yang mempunyai tugas-tugas dan kewajipannya. Apakah umat Muslimin yang terpilih itu dengar pernyataan ini dan menerima cabarannya?

Sesungguhnya Allah telah memuliakan umat Muslimin dengan memilih mereka sebagai pewaris Al-Qur'an, kemudian Allah muliakan mereka dengan limpah kurnia-Nya memberi balasan yang wajar kepada mereka walaupun kepada mereka yang melakukan amalan yang tidak baik:

فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِۦ وَمِنْهُم مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌۢ بِالْخَيْرَٰتِ بِإِذْنِ اللَّهِ ۚ

"Di antara mereka ada yang zalim terhadap diri sendiri dan di antara mereka ada pula yang sederhana dan di antara mereka juga ada yang mendahului (orang lain) membuat berbagai-bagai kebajikan dengan izin Allah."(32)

Golongan pertama - yang disebut awal-awal lagi mungkin kerana mereka merupakan satu golongan yang paling ramai - ialah:

ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِۦ

"Golongan yang zalim terhadap diri sendiri"(32)

iaitu golongan yang mempunyai amalan-amalan yang tidak baik melebihi amalan-amalannya yang baik, Golongan yang kedua ialah golongan:

مُّقْتَصِدٌ

"Sederhana"(32)

iaitu golongan yang mempunyai amalan-amalan yang tidak baik sama dengan amalan-amalan yang baik. Golongan yang ketiga ialah golongan yang:

سَابِقٌۢ بِالْخَيْرَٰتِ بِإِذْنِ اللَّهِ ۚ

"Mendahului (orang lain) membuat berbagai-bagai kebajikan dengan izin Allah"(32)

iaitu golongan yang mempunyai amalan-amalan yang baik melebihi amalan-amalannya, yang tidak baik, tetapi limpah kurnia Allah merangkumi semua golongan Muslimin ini dan seluruh mereka akan berakhir dengan kemasukan ke dalam Syurga dan mendapat ni'mat-ni'mat yang diterangkan di dalam ayat-ayat yang berikut mengikut perbezaan darjat masing-masing.

Di sini kami tidak masuk ke dalam huraian yang terperinci lebih dari keterangan yang telah dibentangkan Al-Qur'an di tempat ini mengenai kemuliaan darjat umat Muslimin di sisi Allah yang telah dipilih olehnya dan mengenai limpah kurnia Allah yang memberi balasan kepadanya. Inilah bayangan yang dapat difaham dari nas-nas ini dan inilah kesudahan seluruh umat Muslimin dengan berkat limpah kurnia Allah dan kami tinggalkan sahaja persoalan balasan yang telah ditetapkan didalam ilmu Allah sebelum kesudahan ini untuk terus sampai kepada balasan baik yang telah ditetapkan Allah kepada umat Muslimin yang merangkumi tiga golongan tersebut:

ذَٰلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ﴿٣٢﴾

جَنَّـٰتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ

مِن ذَهَبٍ وَلُؤْلُؤًا وَلِبَاسُهُمْ فِيهَا حَرِيرٌ ﴿٣٣﴾ وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنَّا الْحَزَنَ إِنَّ رَبَّنَا لَغَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٤﴾ الَّذِي أَحَلَّنَا دَارَ الْمُقَامَةِ مِن فَضْلِهِ لَا يَمَسُّنَا فِيهَا نَصَبٌ وَلَا يَمَسُّنَا فِيهَا لُغُوبٌ ﴿٣٥﴾

"Semuanya itu adalah limpah kurnia yang amat besar."(32) "(Balasan mereka) ialah Syurga-syurga 'Adni yang dimasuki mereka, di mana mereka akan dihiaskan dengan gelang-gelang tangan dari emas dan mutiara, dan pakaian mereka di sana ialah sutera (33). Dan mereka mengucap: (Syukur) Alhamdulillah Tuhan yang telah menghapuskan kerunsingan dari kami. Sesungguhnya Tuhan kami Maha Pengampun dan Maha Bersyukur (34). Tuhan yang telah menempatkan kami ditempat tinggal yang kekal abadi semata-mata dari limpah kurnia-Nya, di sini kami tidak disentuh sebarang kepenatan, dan tidak juga kami disentuh sebarang kelesuan."(35)

Pemandangan itu[3] memperlihatkan ni'mat kebendaan yang dapat dijamah dan ni'mat kejiwaan yang dapat dirasa.

يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِن ذَهَبٍ وَلُؤْلُؤًا وَلِبَاسُهُمْ فِيهَا حَرِيرٌ ﴿٣٣﴾

"Mereka akan dihiaskan dengan gelang-gelang tangan dari emas dan mutiara dan pakaian mereka di sana ialah sutera."(33)

Itulah keni'matan dalam bentuk benda yang dapat memenuhi keinginan setengah-setengah orang, dan di samping keni'matan ini ialah ni'mat keredhaan, keamanan dan ketenteraman:

وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنَّا الْحَزَنَ

"Dan mereka mengucap syukur: Alhamdulillah Tuhan yang telah menghapuskan kerunsingan dari kami."(34)

Kehidupan dunia yang penuh dengan kegelisahan memikirkan untung nasib kesudahan dan menghadapi berbagai-bagai urusan adalah dikira suatu "kerunsingan" dibandingkan dengan keni'matan Akhirat yang kekal abadi. Kegelisahan pada hari manusia dikumpulkan di padang Mahsyar menunggu untung nasib kesudahan merupakan punca kerunsingan dan kedukacitaan yang amat besar.

إِنَّ رَبَّنَا لَغَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٤﴾

"Sesungguhnya Tuhan kami Maha Pengampun dan Maha Bersyukur." (34)

Yakni Allah mengurniakan keampunan kepada kami dan memberi kesyukuran-Nya kepada kami di atas amalan-amalan kami dengan balasan-balasan yang baik yang dikurniakan kepada kami.

الَّذِي أَحَلَّنَا دَارَ الْمُقَامَةِ

"Tuhan yang telah menempatkan kami di tempat tinggal yang kekal abadi"(35)

untuk kamu hidup selama-lamanya:

مِن فَضْلِهِ

"Dari limpah kurnia-Nya"(35)

semata-mata, kami tidak mempunyai apa-apa hak di atas Allah, malah apa yang dikurniakan kepada kami itu hanya semata-mata limpah kurnia yang diberikan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya:

لَا يَمَسُّنَا فِيهَا نَصَبٌ وَلَا يَمَسُّنَا فِيهَا لُغُوبٌ ﴿٣٥﴾

"Di sini kami tidak lagi disentuh oleh sebarang kepenatan dan tidak juga kami disentuh sebarang kelesuan."(35)

Malah di dalam Syurga segala ni'mat terkumpul untuk kami iaitu ni'mat-ni'mat keni'matan, kerehatan dan ketenteraman.

Suasana di sini semuanya serba senang, rehat dan ni'mat. Segala kata-kata di dalam ayat ini dipilih agar bunyi dan rentak nadanya selaras dengan suasana yang penuh mesra ini hingga kata-kata "الحزن" tidak dibunyikan zaynya dengan baris mati yang keras malah dibunyikan dengan baris atas yang lembut dan ringan. Syurga merupakan tempat tinggal yang kekal abadi, Mereka tidak disentuh kepenatan dan kelesuan sedikit pun. Nada-nada ayat ini semuanya tenang, lembut dan harmoni.

Kemudian kita menoleh ke sebelah yang satu lagi, di sana kita melihat semua orang di sebelah itu keluh kesah dan gelisah.

وَالَّذِينَ كَفَرُوا لَهُمْ نَارُ جَهَنَّمَ لَا يُقْضَىٰ عَلَيْهِمْ فَيَمُوتُوا وَلَا يُخَفَّفُ عَنْهُم مِّنْ عَذَابِهَا كَذَٰلِكَ نَجْزِي كُلَّ كَفُورٍ ﴿٣٦﴾

"Dan orang-orang kafir akan memperolehi Neraka Jahannam. Mereka tidak dibinasakan hingga mati dan mereka tidak akan diringankan dari 'azab Neraka. Demikianlah Kami membalas setiap orang yang amat kufur."(36)

Mereka tidak memperolehi segala-galanya walaupun rahmat dengan mati:

كَذَٰلِكَ نَجْزِي كُلَّ كَفُورٍ ﴿٣٦﴾

"Demikian Kami membalas setiap orang yang amat kufur."(36)

---

3 *Dari buku "مشاهد القيامة في القرآن" m.s. 100-101.*

Kemudian kita mendengar suara laungan yang kasar dan garau bergema di merata pelusuk. Itulah suara laungan orang-orang yang dicampakkan ke dalam Neraka:

وَهُمْ يَصْطَرِخُونَ فِيهَا

"Mereka menjerit-jerit di dalam Neraka."(37)

Bunyi sebutan kata-kata "يصطرخون" (menjerit) itu sendiri membayangkan semua pengertian itu. Sekarang marilah kita pastikan apakah yang dikatakan suara-suara jeritan itu? Mereka berkata:

رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا نَعْمَلْ صَٰلِحًا غَيْرَ ٱلَّذِى كُنَّا نَعْمَلُ

"Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami (dari Neraka ini), nescaya kami mengerjakan amalan yang soleh yang bukan amalan yang telah kami lakukannya."(37)

Itulah kata-kata taubat, mengaku salah dan menyesal, tetapi sayang masanya telah terluput kerana itu kita mendengar jawapan yang tegas yang mengandungi kecaman yang amat keras.

أَوَلَمْ نُعَمِّرْكُم مَّا يَتَذَكَّرُ فِيهِ مَن تَذَكَّرَ

"Tidakkah Kami telah melanjutkan umur kamu yang cukup untuk diambil peringatan oleh mereka yang ingin mengambil peringatan"(37)

tetapi malangnya kamu tidak mengambil peluang kelanjutan umur ini, sedangkan peluang itu cukup untuk diambil peringatan oleh sesiapa yang mahu mengambil peringatan. Selain dari itu:

وَجَآءَكُمُ ٱلنَّذِيرُ

"Kamu telah pun didatangi rasul yang memberi peringatan"(37)

mengapa kamu tidak mengambil peringatan?

فَذُوقُوا۟ فَمَا لِلظَّٰلِمِينَ مِن نَّصِيرٍ ﴿٣٧﴾

"Oleh itu, rasakanlah ('azab itu) kerana orang-orang yang zalim (kafir) tidak akan mendapat sebarang penolong."(37)

Itulah dua gambaran yang bertentangan; satu menggambarkan keamanan dan kerehatan dan satu lagi menggambarkan keluh kesah dan gelisah. Bunyi ucapan bersyukur dan berdo'a ditandingi dengan bunyi laungan dan seruan. Pemandangan 'inayah dan penghormatan ditandingi dengan pemandangan pengabaian dan kecaman. Bunyi nada yang lemah lembut ditandingi dengan bunyi nada yang kasar dan keras. Dengan gambaran ini terlaksanalah perbandingan dan keselarasan dalam butir-butir keterangan terperinci dan butir-butir keterangan umum.[4]

Pada akhirnya dibentangkan pula satu pernyataan umum yang merangkumi semua pandangan ini dan meliputi segala ni'mat pemilihan dan pewarisan:

إِنَّ ٱللَّهَ عَٰلِمُ غَيْبِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٣٨﴾

"Sesungguhnya Allah mengetahui segala perkara ghaib di langit dan di bumi. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada."(38)

Ilmu yang meliputi, seni dan halus merupakan pernyataan yang paling munasabah dengan limpah kurnia Allah yang menurunkan Al-Qur'an dan memilih umat Muslimin sebagai pewaris dan penanggung Al-Qur'an, juga munasabah dengan limpah kurnia-Nya yang mengampunkan kesalahan golongan orang-orang Islam yang menganiayai diri sendiri, juga munasabah dengan keputusan Allah yang telah menetapkan nasib kesudahan yang malang itu ke atas orang-orang yang kafir, kerana Allah mengetahui segala urusan yang ghaib sama ada di langit atau di bumi, juga kerana Allah mengetahui segala rahsia hati manusia. Dengan ilmu-Nya yang sempurna, seni dan halus inilah Allah memutuskan segala perkara dan urusan.

(Kumpulan ayat-ayat 39 - 45)

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ فَمَن كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُۥ ۖ وَلَا يَزِيدُ ٱلْكَٰفِرِينَ كُفْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ إِلَّا مَقْتًا ۖ وَلَا يَزِيدُ ٱلْكَٰفِرِينَ كُفْرُهُمْ إِلَّا خَسَارًا ﴿٣٩﴾

قُلْ أَرَءَيْتُمْ شُرَكَآءَكُمُ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَرُونِى مَاذَا خَلَقُوا۟ مِنَ ٱلْأَرْضِ أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ أَمْ ءَاتَيْنَٰهُمْ كِتَٰبًا فَهُمْ عَلَىٰ بَيِّنَتٍ مِّنْهُ ۚ بَلْ إِن يَعِدُ ٱلظَّٰلِمُونَ بَعْضُهُم بَعْضًا إِلَّا غُرُورًا ﴿٤٠﴾

إِنَّ ٱللَّهَ يُمْسِكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ أَن تَزُولَا ۚ وَلَئِن زَالَتَآ إِنْ أَمْسَكَهُمَا مِنْ أَحَدٍ مِّنۢ بَعْدِهِۦٓ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤١﴾

وَأَقْسَمُوا۟ بِٱللَّهِ جَهْدَ أَيْمَٰنِهِمْ لَئِن جَآءَهُمْ نَذِيرٌ لَّيَكُونُنَّ أَهْدَىٰ مِنْ إِحْدَى ٱلْأُمَمِ ۖ فَلَمَّا جَآءَهُمْ نَذِيرٌ مَّا زَادَهُمْ إِلَّا نُفُورًا ﴿٤٢﴾

---

[4] *Dari buku "مشاهد القيامة في القرآن" m.s. 100-101.*

ٱسْتِكْبَارًا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَكْرَ ٱلسَّيِّئِ ۚ وَلَا يَحِيقُ
ٱلْمَكْرُ ٱلسَّيِّئُ إِلَّا بِأَهْلِهِۦ ۚ فَهَلْ يَنظُرُونَ إِلَّا سُنَّتَ
ٱلْأَوَّلِينَ ۚ فَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ ٱللَّهِ تَبْدِيلًا ۖ وَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ
ٱللَّهِ تَحْوِيلًا ﴿٤٣﴾

أَوَلَمْ يَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ
ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَكَانُوٓا۟ أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً ۚ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ
لِيُعْجِزَهُۥ مِن شَىْءٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ ۚ إِنَّهُۥ
كَانَ عَلِيمًا قَدِيرًا ﴿٤٤﴾

وَلَوْ يُؤَاخِذُ ٱللَّهُ ٱلنَّاسَ بِمَا كَسَبُوا۟ مَا تَرَكَ عَلَىٰ
ظَهْرِهَا مِن دَآبَّةٍ وَلَٰكِن يُؤَخِّرُهُمْ إِلَىٰٓ
أَجَلٍ مُّسَمًّى ۖ فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ فَإِنَّ ٱللَّهَ
كَانَ بِعِبَادِهِۦ بَصِيرًۢا ﴿٤٥﴾

"Dialah yang menjadikan kamu generasi-generasi yang bersilih ganti di bumi. Oleh itu barang siapa yang kafir, maka dialah yang menanggung akibat kekafirannya, sedangkan kekafiran itu tidak menambahkan kepada orang-orang kafir melainkan hanya kemurkaan di sisi Tuhan mereka. Dan kekafiran itu tidak menambahkan kepada orang-orang kafir melainkan kerugian semata-mata (39). (Wahai Muhammad) katakanlah: Terangkanlah kepadaku tentang sekutu-sekutu yang kamu sembah selain dari Allah. Tunjukkan kepadaku, apakah sesuatu di bumi ini yang telah diciptakan mereka atau apakah mereka mempunyai saham dalam penciptaan langit-langit atau apakah Kami telah memberikan kepada mereka sebuah kitab lalu mereka mendapat keterangan yang jelas darinya? Malah yang sebenarnya orang-orang yang zalim (kafir) itu tidak menjanjikan satu sama lain melainkan hanya janji-janji palsu sahaja (40). Sesungguhnya Allahlah yang menahan langit dan bumi supaya kedua-duanya tidak menyimpang (dari garisan peredaran masing-masing), dan jika kedua-duanya menyimpang, maka tiada siapa yang dapat menahankan keduanya selain dari Allah. Sesungguhnya Dia adalah Maha Sabar dan Maha Pengampun (41). Dan mereka telah bersumpah dengan nama Allah dengan sekuat-kuat sumpah bahawa sesungguhnya jika datanglah kepada mereka seorang rasul yang memberi peringatan nescaya mereka akan lebih mendapat hidayat dari salah satu dari umat-umat yang lain, tetapi apabila datang kepada mereka seorang rasul yang memberi peringatan, maka kedatangannya tidak menambahkan kepada mereka selain dari bertambah liar (dari hidayat) (42). Kerana mereka merasa angkuh di muka bumi dan kerana mereka membuat rancangan-rancangan yang jahat, sedangkan (akibat) rancangan yang jahat itu tidak akan menimpa ke atas yang lain dari para perancangnya. Mereka tidak menunggu melainkan hanya Sunnatullah yang telah bertindak ke atas umat-umat yang terdahulu. Oleh itu engkau tidak akan mendapat sebarang pertukaran dalam Sunnatullah itu dan seterusnya engkau tidak akan mendapat sebarang perubahan dalam Sunnatullah itu (43). Tidakkah mereka menjelajah di muka bumi dan melihat bagaimana akibat yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu dari mereka, sedangkan umat-umat itu lebih kuat dari mereka? Dan tiada sesuatu pun yang dapat melemahkan Allah, tiada di langit dan tiada pula di bumi. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa (44). Dan sekiranya Allah terus menyeksakan manusia dengan sebab dosa-dosa yang telah dilakukan mereka nescaya Dia tidak meninggalkan di muka bumi satu makhluk pun yang bergerak, tetapi Dia menangguhkan (penyeksaan) mereka kepada satu masa yang telah dibantukannya. Maka apabila datang masa yang ditetapkan kepada mereka, maka sesungguhnya Allah amat melihat (segala gerak-geri) hamba-Nya."(45)

Bahagian akhir surah ini mengandungi penjelajahan-penjelajahan yang luas, berbagai-bagai sentuhan hati dan saranan iaitu penjelajahan meninjau generasi-generasi manusia yang bersilih ganti, penjelajahan meninjau langit dan bumi untuk mencari kesan-kesan tuhan-tuhan sekutu yang disembah kaum Musyrikin selain dari Allah, juga untuk melihat tangan qudrat Allah yang kuat memelihara langit dan bumi dari penyimpangan (dari jalan-jalan peredarannya yang tetap), penjelajahan melihat golongan pendusta yang menolak bukti-bukti dan ayat-ayat Allah semuanya, sedangkan dahulunya mereka berjanji andainya datang kepada mereka rasul yang memberi peringatan, nescaya mereka akan lebih mendapat hidayat dari mana-mana umat yang lain. Mereka telah membatal dan melanggar perjanjian ini, malah apabila rasul datang memberi peringatan, mereka bertambah liar dan jauh. Juga penjelajahan melihat kebinasaan-kebinasaan yang menimpa para pendusta dari umat-umat sebelum mereka dan mereka sendiri telah pun melihat kesan-kesan kebinasaan yang menimpa umat-umat itu, tetapi malangnya mereka tidak takut ditimpa malapetaka kebinasaan dan dari terkena tindakan Sunnatullah yang tetap itu. Pada akhirnya ditamatkan dengan satu pernyataan yang menginsaf dan menyedarkan hati serta menimbulkan perasaan takut:

وَلَوْ يُؤَاخِذُ ٱللَّهُ ٱلنَّاسَ بِمَا كَسَبُوا۟ مَا تَرَكَ عَلَىٰ
ظَهْرِهَا مِن دَآبَّةٍ وَلَٰكِن يُؤَخِّرُهُمْ إِلَىٰٓ
أَجَلٍ مُّسَمًّى ۖ فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ فَإِنَّ ٱللَّهَ
كَانَ بِعِبَادِهِۦ بَصِيرًۢا ﴿٤٥﴾

"Dan sekiranya Allah terus menyeksakan manusia dengan sebab dosa-dosa yang telah dilakukan mereka nescaya Dia tidak meninggalkan di muka bumi satu makhluk pun yang bergerak, tetapi Dia menangguhkan (penyeksaan) mereka kepada satu masa yang telah dibantukannya. Maka apabila datang masa yang ditentukan kepada mereka, maka

sesungguhnya Allah amat melihat (segala gerakgeri-gerakgeri) hamba-Nya.(45)

Allah telah menunjukkan kemurahan-Nya yang amat besar dengan menangguhkan 'azab seksanya yang dahsyat ini terhadap manusia (yang berdosa).

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 39)

Pengajaran Di Sebalik Kemunculan Generasi-generasi Yang Bersilih Ganti

هُوَ ٱلَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ فِي ٱلْأَرْضِۚ فَمَن كَفَرَ فَعَلَيْهِ
كُفْرُهُۥۖ وَلَا يَزِيدُ ٱلْكَٰفِرِينَ كُفْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ إِلَّا مَقْتًاۖ
وَلَا يَزِيدُ ٱلْكَٰفِرِينَ كُفْرُهُمْ إِلَّا خَسَارًا ﴿٣٩﴾

"Dialah yang menjadikan kamu generasi-generasi yang bersilih ganti di bumi. Oleh itu barang siapa yang kafir, maka dialah yang menanggung akibat kekafirannya, sedangkan kekafiran itu tidak menambahkan kepada orang-orang kafir melainkan hanya kemurkaan di sisi Tuhan mereka. Dan kekafiran itu tidak menambahkan kepada orang-orang kafir melainkan kerugian semata-mata."(39)

Bersilih gantinya generasi-generasi manusia di muka bumi, di mana berlalunya satu generasi datang pula satu generasi yang baru. Generasi yang pergi menyerahkan warisan kepada generasi yang datang. Berakhirnya satu kerajaan bangun pula satu kerajaan yang baru. Padamnya sebatang obor, nyala pula satu obor yang lain. Pertukaran hilang dan muncul ini adalah berlangsung di sepanjang zaman. Merenungi pergerakan pertukaran yang terus menerus ini sepatutnya dapat memberikan kesedaran dan pengajaran dan sepatutnya dapat menginsafkan generasi yang ada sekarang ini bahawa mereka juga tidak lama lagi akan berlalu (dari dunia ini) dan kesan-kesan mereka akan diperhatikan oleh generasi yang datang dan kisah-kisah mereka akan menjadi kisah-kisah perbualan generasi baru sebagaimana mereka memperhatikan kesan-kesan dan memperkatakan kisah-kisah generasi sebelum mereka. Ia juga sepatutnya dapat menyedarkan orang-orang yang lalai agar mereka insaf terhadap qudrat Ilahi yang mengaturkan umur, menukarkan kuasa, mengubahkan kerajaan, menentukan warisan pemerintahan dan menjadikan generasi baru menggantikan generasi lama. Segala sesuatu itu akan berlaku, berakhir dan hilang. Hanya Allah sahaja yang kekal abadi yang tidak akan hilang dan berubah.

Sesiapa yang keadaannya akan berakhir dan berlalu bererti dia tidak akan kekal. Sesiapa yang berada dalam satu perjalanan yang berakhir dengan satu masa yang tertentu, sesiapa yang akan digantikan oleh orang yang datang selepasnya, yang akan melihat peninggalan dan amalannya, sesiapa yang pada akhirnya akan mengadap Allah yang akan menghisabkan segala perkataan dan perbuatannya .... sesiapa yang berkeadaan seperti ini sepatutnya menggunakan masa tinggalnya di dunia yang pendek ini dengan baik dan meninggalkan di belakangnya sebutan yang harum dan membuah bekalan amalan yang berguna untuk negeri Akhirat.

Inilah berapa fikiran yang sepatutnya terlintas di hati seseorang apabila dibentangkan di hadapannya pemandangan-pemandangan yang menggambarkan kehapusan dan kemunculan, naik dan turun, kerajaan-kerajaan yang bertukar ganti, kehidupan dunia yang hilang dan warisan yang bergilir-gilir generasi demi generasi:

هُوَ ٱلَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ فِي ٱلْأَرْضِۚ

"Dia yang menjadikan kamu generasi-generasi yang bersilih ganti di bumi."(39)

Di bawah bayangan pemandangan yang menarik ini Al-Qur'an menyebut persoalan tanggungjawab individu iaitu tiada seorang pun yang boleh menanggung dosa orang lain. Dan tiada seorang pun yang dapat mempertahankan orang lain. Seterusnya Al-Qur'an menyebut sikap mereka yang derhaka, kafir dan sesat dan akibat kerugian yang akan menimpa mereka di penghabisan perjalanan hidup mereka:

فَمَن كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُۥۖ وَلَا يَزِيدُ ٱلْكَٰفِرِينَ كُفْرُهُمْ عِندَ
رَبِّهِمْ إِلَّا مَقْتًاۖ وَلَا يَزِيدُ ٱلْكَٰفِرِينَ كُفْرُهُمْ إِلَّا
خَسَارًا ﴿٣٩﴾

"Barang siapa yang kafir, maka dialah yang menanggung akibat kekafirannya, sedangkan kekafiran itu tidak menambahkan kepada orang-orang kafir melainkan hanya kemurkaan di sisi Tuhan mereka. Dan kekafiran itu tidak menambahkan kepada orang-orang kafir melainkan kerugian semata-mata."(39)

Barang siapa yang dimurkai Allah, maka apakah satu kerugian lain yang lebih besar dari kemurkaan itu? Bukankah kemurkaan itu sendiri merupakan kerugian yang mengatasi segala kerugian yang lain?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 40)

Penjelajahan yang kedua ialah meninjau langit dan bumi untuk mencari kesan atau berita tuhan-tuhan sekutu yang disembahkan mereka selain dari Allah, sedangkan langit dan bumi tidak merasa apa-apa kesan dan tidak mendapat apa-apa berita dari mereka:

Hakikat Tuhan-tuhan Palsu

قُلْ أَرَءَيْتُمْ شُرَكَآءَكُمُ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ
أَرُونِي مَاذَا خَلَقُوا۟ مِنَ ٱلْأَرْضِ أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ
أَمْ ءَاتَيْنَٰهُمْ كِتَٰبًا فَهُمْ عَلَىٰ بَيِّنَتٍ مِّنْهُۚ بَلْ إِن يَعِدُ

ٱلظَّٰلِمُونَ بَعۡضُهُم بَعۡضًا إِلَّا غُرُورًا ﴿٤٠﴾

"(Wahai Muhammad) katakanlah: Terangkanlah kepadaku tentang sekutu-sekutu yang kamu sembah selain, dari Allah. Tunjukkan kepadaku, apakah sesuatu di bumi ini yang telah diciptakan mereka atau apakah mereka mempunyai saham dalam penciptaan langit-langit atau apakah Kami telah memberikan kepada mereka sebuah kitab lalu mereka mendapat keterangan yang jelas darinya? Malah yang sebenarnya orang-orang yang zalim (kafir) itu tidak menjanjikan satu sama lain melainkan hanya janji-janji palsu sahaja."(40)

Hujah ini amat jelas dan bukti ini cukup nyata, bumi dengan segala isi dan penghuninya dapat disaksi dan dilihat. Oleh itu manakah dan apakah sesuatu dari bumi ini yang boleh didakwa adanya pencipta yang lain dari Allah yang telah menciptakannya? Segala sesuatu di bumi ini menyangkal dakwaan itu, kerana segala sesuatu di bumi ini membuktikan bahawa yang menciptakannya ialah Allah. Segala sesuatu di bumi ini membawa kesan penciptaan Ilahi yang tidak boleh didakwakan oleh sesiapa pun selain-Nya, kerana ciptaan Allah tidak sama dengan ciptaan yang lain yang diciptakan oleh makhluk-makhluk yang lemah dan fana.

أَمۡ لَهُمۡ شِرۡكٌ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ

"Apakah mereka mempunyai saham dalam penciptaan langit-langit?"(40)

Dakwaan ini lebih tidak mungkin, kerana tiada seorang pun yang berani mengatakan bahawa sekutu-sekutu yang disembahkan mereka itu turut serta dalam menciptakan langit atau berfungsi dalam memiliki langit walaupun mereka dari golongan manusia yang menyembah jin dan malaikat sebagai sekutu-sekutu Allah. Dakwaan yang paling tinggi yang sanggup dikatakan mereka ialah mereka meminta pertolongan syaitan-syaitan supaya menyampaikan kepada mereka berita-berita langit atau mereka memohon syufa'at di sisi Allah dengan perantaraan malaikat. Dakwaan mereka tidak meningkat hingga ke darjat mengatakan bahawa sekutu-sekutu yang disembahkan mereka itu mempunyai saham dalam penciptaan langit.

أَمۡ ءَاتَيۡنَٰهُمۡ كِتَٰبًا فَهُمۡ عَلَىٰ بَيِّنَتٍ مِّنۡهُۚ

"Apakah Kami telah memberi kepada mereka sebuah kitab lalu mereka mendapat keterangan yang jelas darinya?"(40)

Hinggakan ke darjat ini pun tidak tercapai oleh sekutu-sekutu itu, iaitu darjat mereka dikurniakan Allah sebuah kitab yang dipercayai benar oleh mereka. Pertanyaan di dalam ayat ini mungkin juga dituju kepada kaum Musyrikin itu sendiri bukannya kepada sekutu-sekutu mereka kerana kedegilan mereka berpegang dengan kepercayaan syirik itu seolah-olah membayangkan bahawa mereka mengambil 'aqidah syirik itu dari sebuah kitab suci yang difahami oleh mereka dengan bukti-bukti yang jelas. Ini tidak benar! Dan mereka tidak mungkin mendakwa begitu. Dengan pengertian ini ayat ini memberi saranan bahawa urusan 'aqidah itu pastilah diterima dari kitab suci yang jelas yang diturunkan Allah. Inilah satu-satunya sumber yang boleh dipegang dan mereka tidak mempunyai sesuatu apa pun dari sumber ini, sedangkan Rasulullah s.a.w. telah membawa kepada mereka kitab suci Al-Qur'an yang amat jelas yang diturunkan Allah kepadanya. Oleh itu mengapa mereka menolaknya, sedangkan Al-Qur'an merupakan satu-satunya jalan untuk mengambil 'aqidah yang benar?

بَلۡ إِن يَعِدُ ٱلظَّٰلِمُونَ بَعۡضُهُم بَعۡضًا إِلَّا غُرُورًا ﴿٤٠﴾

"Malah yang sebenarnya orang-orang yang zalim (kafir) itu tidak menjanjikan satu sama lain melainkan hanya janji-janji palsu sahaja."(40)

Yakni orang-orang yang zalim itu menjanjikan satu sama lain bahawa jalan yang diikuti mereka adalah jalan yang paling sempurna dan mereka akan mencapai kemenangan pada akhirnya, sedangkan mereka sebenarnya tertipu. Mereka menipu satu sama lain dan hidup dalam kekeliruan dan kepalsuan yang tidak memberi apa-apa faedah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 41)

Setelah menjelaskan bahawa tuhan-tuhan sekutu itu tidak mempunyai sebarang sebutan dan sebarang berita mengenai (kuasa dan peranan) mereka sama ada di langit atau di bumi, maka dalam penjelajahan yang ketiga dijelaskan pula tentang qudrat Allah Yang Maha Perkasa yang memegang, memelihara dan mentadbirkan langit dan bumi tanpa sebarang sekutu:

إِنَّ ٱللَّهَ يُمۡسِكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ أَن تَزُولَاۚ وَلَئِن زَالَتَآ إِنۡ أَمۡسَكَهُمَا مِنۡ أَحَدٍ مِّنۢ بَعۡدِهِۦٓۚ إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤١﴾

"Sesungguhnya Allahlah yang menahan langit dan bumi supaya kedua-duanya tidak menyimpang (dari garisan peredaran masing-masing), dan jika kedua-duanya menyimpang, maka tiada siapa yang dapat menahankan keduanya selain dari Allah. Sesungguhnya Dia adalah Maha Sabar dan Maha Pengampun."(41)

Kuasa Yang Memegang Cakerawala Di Angkasa Lepas

Dengan sekali pandang sahaja kepada langit, bumi dan bintang-bintang yang tidak terhingga banyaknya bertaburan di angkasa raya yang tidak diketahui garisan-garisan sempadannya, masing-masing tetap,di tempatnya dan beredar mengikut jalan peredaran masing-masing (dengan teratur) tidak pernah mungkir, tidak pernah menyimpang darinya, tidak pernah lambat atau cepat dalam perjalanannya dan semuanya tidak ditegakkan di atas tiang-tiang yang tertentu dan tidak ditambatkan dengan tali-tali yang

kukuh dan tidak berpegang kepada sesuatu apa pun sama ada dari sini atau dari sana....... dengan sekali pandang sahaja kepada makhluk-makhluk yang besar dan menakjubkan itu sudah cukup untuk membuka mata hati mereka melihat tangan qudrat Ilahi yang tersembunyi dan Maha Kuasa yang memelihara makhluk-makhluk itu dari menyimpang dari tempat-tempat peredarannya masing-masing.

Andainya langit dan bumi itu menyimpang dari tempatnya masing-masing hingga menyebabkannya kacau-bilau dan jatuh berguguran, maka tiada siapa pun lagi yang berkuasa memegang dan memeliharanya selepas itu. Itulah masa Qiamat yang banyak diperkatakan Al-Qur'an sebagai masa tamatnya riwayat alam ini. Tegasnya apabila peraturan peredaran bintang-bintang, planet-planet itu menjadi kacau-bilau menyebabkannya berlanggaran, pecah, hancur berkecai dan hilangnya segala sesuatu di angkasa raya, maka tiada siapa lagi dapat memegang dan memeliharakannya.

Itulah masa yang telah ditentukan untuk hisab dan balasan terhadap segala amalan yang telah dilakukan di dalam kehidupan dunia, dan itulah masa untuk memasuki alam Akhirat, di mana keadaannya berlainan sama sekali dari alam bumi.

Oleh sebab itu, keterangan memelihara langit dan bumi itu diiringi dengan kenyataan:

إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤١﴾

"Sesungguhnya Dia adalah Maha Sabar dan Maha Pengampun."(41)

"Maha Sabar" yakni Allah memberi tempoh kepada manusia dan tidak terus bertindak membinasakan alam ini dengan sebab mereka dan tidak terus membawa mereka untuk menerima hisab dan balasan melainkan pada masa yang telah ditentukan-Nya. Allah memberi peluang kepada mereka supaya bertaubat, beramal dan berusaha. **"Maha Pengampun"** yakni Allah tidak membalas segala dosa yang dilakukan manusia, malah Allah memberi keampunan kepada dosa-dosa mereka yang banyak apabila dia mengetahui wujudnya kebaikan pada mereka. Ini adalah satu pernyataan yang dapat menyedarkan orang-orang yang lalai dan cuai supaya merebut peluang yang terbuka sebelum ia terlepas hilang dan tidak kembali lagi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 43)

Penjelajahan yang ke empat ialah meninjau keadaan kaum yang telah berjanji patuh kepada Allah, kemudian mereka telah membatalkan perjanjian itu dan melakukan kerosakan di bumi dan di sini mereka diperingatkan dengan tindakan Sunnatullah yang tidak pernah mungkir, berubah dan bertukar:

Tindakan Sunatullah Yang Tidak Pernah Berganjak Dari Titik Dasarnya

وَأَقْسَمُوا۟ بِٱللَّهِ جَهْدَ أَيْمَٰنِهِمْ لَئِن جَآءَهُمْ نَذِيرٌ لَّيَكُونُنَّ
أَهْدَىٰ مِنْ إِحْدَى ٱلْأُمَمِ ۖ فَلَمَّا جَآءَهُمْ نَذِيرٌ
مَّا زَادَهُمْ إِلَّا نُفُورًا ﴿٤٢﴾
ٱسْتِكْبَارًا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَكْرَ ٱلسَّيِّئِ ۚ وَلَا يَحِيقُ
ٱلْمَكْرُ ٱلسَّيِّئُ إِلَّا بِأَهْلِهِۦ ۚ فَهَلْ يَنظُرُونَ إِلَّا سُنَّتَ
ٱلْأَوَّلِينَ ۚ فَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ ٱللَّهِ تَبْدِيلًا ۖ وَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ
ٱللَّهِ تَحْوِيلًا ﴿٤٣﴾

"Dan mereka telah bersumpah dengan nama Allah dengan sekuat-kuat sumpah, bahawa sesungguhnya jika datanglah kepada mereka seorang rasul yang memberi peringatan, nescaya mereka akan lebih mendapat hidayat dari salah satu dari umat-umat yang lain, tetapi apabila datang kepada mereka seorang rasul yang memberi peringatan, maka kedatangannya tidak menambahkan kepada mereka selain dari bertambah liar (dari hidayat) (42) Kerana mereka merasa angkuh di muka bumi dan kerana mereka membuat rancangan-rancangan yang jahat, sedangkan (akibat) rancangan yang jahat itu tidak akan menimpa ke atas yang lain dari para perancangnya. Mereka tidak menunggu melainkan hanya Sunnatullah yang telah bertindak ke atas umat-umat yang terdahulu. Oleh itu engkau tidak akan mendapat sebarang pertukaran dalam Sunnatullah itu dan seterusnya engkau tidak akan mendapat sebarang perubahan dalam Sunnatullah itu."(43)

Orang-orang Arab melihat kaum Yahudi selaku Ahlil-Kitab yang hidup berjiran dengan mereka di Semenanjung Tanah Arab. Mereka melihat penyelewengan dan kelakuan-kelakuan mereka yang buruk. Mereka mendengar dari sejarah mereka bagaimana mereka membunuh rasul-rasul mereka dan menolak kebenaran yang dibawa oleh para rasul itu. Pada masa itu mereka mengecam orang-orang Yahudi, lalu mereka bersumpah, dengan sekuat-kuat sumpah:

لَئِن جَآءَهُمْ نَذِيرٌ لَّيَكُونُنَّ أَهْدَىٰ مِنْ إِحْدَى ٱلْأُمَمِ ۖ

"Sesungguhnya jika datanglah kepada mereka seorang rasul yang memberi peringatan, nescaya mereka akan lebih mendapat hidayat dari salah satu dari umat-umat yang lain."(42)

Mereka maksudkan dengan:

مِنْ إِحْدَى ٱلْأُمَمِ ۖ

"Salah satu dari umat-umat yang lain"(42)

itu ialah kaum Yahudi. Mereka menyebut mereka secara sindiran sahaja dan tidak terus terang.

Itulah keadaan orang-orang Arab dan sumpah mereka. Al-Qur'an membentangkan cerita ini seolah-olah untuk menyeru para pendengar supaya menyaksi keadaan orang-orang Arab itu di zaman jahiliah mereka, kemudian Al-Qur'an membentangkan pula cerita mereka selepas itu, iaitu ketika Allah telah memenuhi cita-cita mereka dengan mengutuskan seorang rasul yang memberi peringatan kepada mereka:

فَلَمَّا جَآءَهُمۡ نَذِيرٞ مَّا زَادَهُمۡ إِلَّا نُفُورًا ٤٢
ٱسۡتِكۡبَارٗا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَكۡرَ ٱلسَّيِّيِٕۚ

"Tetapi apabila datang kepada mereka seorang rasul yang memberi peringatan, maka kedatangannya itu tidak menambahkan kepada mereka selain dari bertambah liar (dari hidayat). Kerana mereka merasa angkuh di muka bumi dan kerana mereka membuat rancangan-rancangan yang jahat."(42-43)

Amatlah keji kelakuan mereka yang bersumpah sekuat itu kemudian bertindak seburuk ini kerana dilambung perasaan sombong dan disebabkan oleh rancangan-rancangan mereka yang jahat. Al-Qur'an mendedahkan tembelang mereka dan merakamkan tindak-tanduk mereka yang keji ini. Kemudian di samping kecaman yang menghinakan ini, Al-Qur'an menokokkan pula dengan satu ancaman yang memberi amaran kepada setiap orang yang melakukan perbuatan yang keji itu:

وَلَا يَحِيقُ ٱلۡمَكۡرُ ٱلسَّيِّئُ إِلَّا بِأَهۡلِهِۦۚ

"Sedangkan (akibat) rancangan yang jahat tidak akan menimpa ke atas yang lain dari para perancangnya."(43)

Akibat rancangan mereka yang jahat itu tidak akan menimpa ke atas orang yang lain kecuali diri mereka sendiri. Rancangan yang jahat itu akan membinasakan diri sendiri dan mensia-siakan amalan mereka. Jika beginilah keadaannya apakah lagi yang ditunggukan mereka? Mereka hanya menunggu ditimpa malapetaka yang telah menimpa para pendusta dari umat yang terdahulu dari mereka dan umat-umat itu memang terkenal kepada mereka. Mereka hanya menunggu berlakunya tindakan Sunnatullah yang tetap berjalan mengikut relnya tanpa menyimpang darinya:

فَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ ٱللَّهِ تَبۡدِيلٗاۖ وَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ ٱللَّهِ
تَحۡوِيلًا ٤٣

"Oleh itu engkau tidak akan mendapat sebarang pertukaran dalam Sunnatullah itu, dan seterusnya engkau tidak akan mendapat sebarang perubahan dalam Sunnatullah itu."(43)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 44)

Segala urusan dan segala perkara tidak berlaku di kalangan manusia secara kebetulan atau serampangan sahaja. Kehidupan di bumi ini juga tidak berlaku secara main-main sahaja, malah di sebaliknya terdapat undang-undang Allah yang tetap teguh yang tidak berubah dan bertukar. Al-Qur'an menjelaskan hakikat ini dan mengajarkannya kepada manusia supaya mereka tidak memandang peristiwa-peristiwa itu sebagai kejadian-kejadian menunggal yang berasing-asingan, supaya mereka tidak hidup dengan keadaan yang lalai terhadap undang-undang Allah yang tetap itu, atau hidup terkepung dalam satu masa yang pendek dan dalam satu ruang yang terbatas, juga supaya mereka tingkatkan kefahaman mereka terhadap konsep perhubungan-perhubungan di dalam kehidupan dan terhadap undang-undang Alamul-wujud. Oleh sebab itu Al-Qur'an sentiasa menarik perhatian mereka kepada undang-undang Allah yang tetap tidak berubah dan mungkir itu dan kepada bukti kebenarannya yang telah berlaku kepada umat-umat yang terdahulu. Peristiwa-peristiwa yang telah silam itu telah menunjukkan bahawa undang-undang Allah itu adalah undang-undang yang tetap teguh tidak berubah.

Penjelajahan yang kelima ini merupakan salah satu contoh dari contoh bimbingan ke arah perhatian ini setelah menjelaskan hakikat alam bahawa undang-undang Allah itu tetap tidak berubah dan berganjak:

Penjelajahan Meninjau Kesan-kesan Sunatullah

أَوَلَمۡ يَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَيَنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ
ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ وَكَانُوٓاْ أَشَدَّ مِنۡهُمۡ قُوَّةٗۚ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ
لِيُعۡجِزَهُۥ مِن شَيۡءٖ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِي ٱلۡأَرۡضِۚ إِنَّهُۥ
كَانَ عَلِيمٗا قَدِيرٗا ٤٤

"Tidakkah mereka menjelajah di muka bumi dan melihat bagaimana akibat yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu dari mereka, sedangkan umat-umat itu lebih kuat dari mereka? Dan tiada sesuatu pun yang dapat melemahkan Allah, tiada di langit dan tiada pula di bumi Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa."(44)

Menjelajah di bumi dengan mata yang terbuka dan hati yang sedar, melihat malapetaka-malapetaka yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu dan memperhatikan keadaan hidup mereka serta kesudahannya dapat menanamkan di dalam hati saranan-saranan yang menginsafkan dan menimbulkan perasaan-perasaan kesedaran dan taqwa.

Oleh sebab itulah di dalam Al-Qur'an terdapat bimbingan-bimbingan yang berulang-ulang ke arah menjelajah di bumi untuk meninjau kesan-kesan

malapetaka yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu dan menyedarkan hati dari kelalaian yang tidak dapat melihat dan apabila ia melihat ia tidak merasa apa-apa dan apabila ia merasa ia tidak mengambil pengajaran. Dari kelalaian ini juga timbulnya kelalaian yang lain, iaitu kelalaian dari undang-undang Allah yang tetap dan kelemahan dari memahami peristiwa-peristiwa yang berlaku dan menghubungkannya dengan undang-undang Allah yang am yang mengendalikannya. Kefahaman yang seperti inilah merupakan satu sifat istimewa manusia yang membezakannya dari binatang yang tidak berakal, yang hidup dalam satu hayat, di mana masa-masa dan keadaan-keadaannya terpisah satu sama lain, iaitu tidak ada sesuatu yang mengikatkannya dan tidak ada sesuatu undang-undang yang mengendalikannya. Tetapi seluruh jenis manusia merupakan satu kesatuan di hadapan kesatuan undang-undang Allah.

Semasa berdiri melihat kesan-kesan malapetaka yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu yang lebih kuat dari mereka, namun kekuatan itu tidak dapat menyelamatkan mereka dari kebinasaan yang telah ditetapkan Allah ... semasa berdiri melihat kesan-kesan itulah Al-Qur'an menarik hati supaya menyedari kekuatan Allah Yang Maha Agung, iaitu kekuatan yang tidak dapat dikalah dan dilemahkan oleh sesuatu apa pun, kekuatan yang telah membinasakan umat-umat yang terdahulu dan kekuatan yang berkuasa membinasakan mereka seperti umat-umat yang terdahulu:

وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُعْجِزَهُۥ مِن شَىْءٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى
ٱلْأَرْضِ ۚ

"Tiada sesuatu yang dapat melemahkan Allah; tiada di langit dan tiada pula di bumi."(44)

Kemudian Al-Qur'an iringi pula dengan satu pernyataan yang menerangkan bukti-bukti hakikat yang telah dijelaskan itu:

إِنَّهُۥ كَانَ عَلِيمًا قَدِيرًا ﴿٤٤﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa."(44)

Ilmu Allah meliputi segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi dan di samping ilmu-Nya yang luas ialah qudrat-Nya Yang Maha Perkasa. Oleh itu tiada sesuatu pun yang terlepas dari ilmu Allah dan tiada sesuatu pun yang dapat menghalang dan melemahkan qudrat-Nya baik di langit mahupun di bumi dan tiada ruang untuk melepaskan diri dari qudrat Allah dan menyembunyikan diri dari ilmu-Nya:

إِنَّهُۥ كَانَ عَلِيمًا قَدِيرًا ﴿٤٤﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa."(44)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 45)

Di Sebalik Penangguhan 'Azab Ke Atas Manusia

Pada akhirnya ditamatkan dengan ayat yang mendedahkan sifat Allah Yang Maha Sabar di samping sifat-sifat-Nya Yang Maha Mengetahui dan Maha Kuasa, dan menegaskan bahawa penangguhan 'azab terhadap manusia yang berdosa yang terbit dari kesabaran dan rahmat Allah itu tidak akan menjejaskan kehalusan Hisab dan keadilan balasannya pada hari Qiamat:

وَلَوْ يُؤَاخِذُ ٱللَّهُ ٱلنَّاسَ بِمَا كَسَبُوا۟ مَا تَرَكَ عَلَىٰ
ظَهْرِهَا مِن دَآبَّةٍ وَلَٰكِن يُؤَخِّرُهُمْ إِلَىٰٓ
أَجَلٍ مُّسَمًّى ۖ فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ فَإِنَّ ٱللَّهَ
كَانَ بِعِبَادِهِۦ بَصِيرًۢا ﴿٤٥﴾

"Dan sekiranya Allah terus menyeksakan manusia dengan sebab dosa-dosa yang telah dilakukan mereka, nescaya Dia tidak meninggalkan di muka bumi satu makhluk pun yang bergerak, tetapi Dia menangguhkan (penyeksaan) mereka kepada satu masa yang telah ditentukan-Nya. Maka apabila datang masa yang ditentukan kepada mereka, maka sesungguhnya Allah amat melihat (segala gerakgeri-gerak geri) hamba-Nya."(45)

Kekufuran terhadap ni'mat Allah, kejahatan, kerosakan, dan kezaliman yang dilakukan manusia, di bumi ini adalah amat keji. Andainya Allah terus menimpakan malapetaka 'azab ke atas mereka dengan sebab dosa-dosa yang amat keji dan buruk tentulah kesan malapetaka yang besar itu akan menjangkau setiap makhluk yang hidup di muka bumi ini dan tentulah bumi akan menjadi sebuah alam yang sama sekali tidak sesuai untuk hidup, bukan sahaja bagi manusia tetapi bagi semua makhluk hidup yang lain.

Pengungapan dengan uslub ini membayangkan kekejian perbuatan manusia dan kesannya yang boleh meleburkan seluruh kehidupan andainya Allah terus bertindak membalas perbuatan mereka dengan segera.

Tetapi Allah Maha Sabar dan tidak gopoh bertindak terhadap kesalahan-kesalahan manusia.

وَلَٰكِن يُؤَخِّرُهُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى

"Tetapi Dia menangguhkan (penyeksaan) mereka ke satu masa yang telah ditentukan-Nya."(45)

Allah memberi tempoh kepada individu-individu manusia sehingga sampai ajal mereka masing-masing, di mana tamatnya umur mereka di dunia ini, dan memberi tempoh kepada kumpulan-kumpulan generasi manusia sehingga sampai ajal pemerintahan mereka diserahkan kepada generasi yang baru dan Allah memberi tempoh kepada umat manusia seluruhnya sehingga sampai ajal alam buana dan datangnya Qiamat Yang Maha Besar. Allah memberi

tempoh dan peluang itu supaya mereka beramal dengan amalan-amalan yang baik.

فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمۡ

"Maka apabila datang ajal mereka."(45)

Apabila berakhirnya masa beramal dan berusaha dan tibanya masa Hisab dan balasan, maka Allah tidak akan menganiayai mereka sedikit pun:

فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِعِبَادِهِۦ بَصِيرَۢا ٤٥

"Sesungguhnya Allah amat melihat (segala gerak-geri) hamba-Nya."(45)

Penglihatan Allah Yang Maha Halus terhadap gerak-geri hamba-Nya menjaminkan bahawa mereka akan dihisabkan dengan sempurna (dan adil) mengikut amalan dan usaha yang dilakukan mereka. Tiada satu amalan pun yang terluput dari mereka dan tiada satu balasan pun yang terluput ke atas mereka.

* * * * * *

Inilah nada pernyataan yang akhir surah ini. Ia dimulakan dengan memuji Allah yang menciptakan langit dan bumi, juga menciptakan malaikat-malaikat yang bersayap sebagai utusan-utusan yang membawa risalah Allah ke bumi yang mengandungi berita-berita gembira dan amaran-amaran kepada manusia sama ada mereka mahu ke Syurga atau ke Neraka.

Di antara awal surah dan akhirnya diisikan dengan penjelajahan-penjelajahan meninjau berbagai alam yang dibawa oleh surah ini, dan inilah penghabisan penjelajahan-penjelajahan itu, juga penghabisan hayat dan penghabisan insan.

(Tamat Juzu' Yang Kedua Puluh Dua)

JUZU' KE-22

SURAH YAASIN

SURAH KE

36

سُورَةُ يسٓ

SURAH YAASIN

Surah YaaSin

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

83

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 29)

يسٓ ﴿١﴾
وَٱلۡقُرۡءَانِ ٱلۡحَكِيمِ ﴿٢﴾
إِنَّكَ لَمِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴿٣﴾
عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ﴿٤﴾
تَنزِيلَ ٱلۡعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٥﴾
لِتُنذِرَ قَوۡمٗا مَّآ أُنذِرَ ءَابَآؤُهُمۡ فَهُمۡ غَٰفِلُونَ ﴿٦﴾
لَقَدۡ حَقَّ ٱلۡقَوۡلُ عَلَىٰٓ أَكۡثَرِهِمۡ فَهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿٧﴾
إِنَّا جَعَلۡنَا فِيٓ أَعۡنَٰقِهِمۡ أَغۡلَٰلٗا فَهِيَ إِلَى ٱلۡأَذۡقَانِ فَهُم
مُّقۡمَحُونَ ﴿٨﴾
وَجَعَلۡنَا مِنۢ بَيۡنِ أَيۡدِيهِمۡ سَدّٗا وَمِنۡ خَلۡفِهِمۡ سَدّٗا
فَأَغۡشَيۡنَٰهُمۡ فَهُمۡ لَا يُبۡصِرُونَ ﴿٩﴾
وَسَوَآءٌ عَلَيۡهِمۡ ءَأَنذَرۡتَهُمۡ أَمۡ لَمۡ تُنذِرۡهُمۡ لَا
يُؤۡمِنُونَ ﴿١٠﴾
إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلذِّكۡرَ وَخَشِيَ ٱلرَّحۡمَٰنَ
بِٱلۡغَيۡبِۖ فَبَشِّرۡهُ بِمَغۡفِرَةٖ وَأَجۡرٖ كَرِيمٍ ﴿١١﴾
إِنَّا نَحۡنُ نُحۡيِ ٱلۡمَوۡتَىٰ وَنَكۡتُبُ مَا قَدَّمُواْ وَءَاثَٰرَهُمۡۚ
وَكُلَّ شَيۡءٍ أَحۡصَيۡنَٰهُ فِيٓ إِمَامٖ مُّبِينٖ ﴿١٢﴾

وَٱضۡرِبۡ لَهُم مَّثَلًا أَصۡحَٰبَ ٱلۡقَرۡيَةِ إِذۡ جَآءَهَا
ٱلۡمُرۡسَلُونَ ﴿١٣﴾
إِذۡ أَرۡسَلۡنَآ إِلَيۡهِمُ ٱثۡنَيۡنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزۡنَا بِثَالِثٖ
فَقَالُوٓاْ إِنَّآ إِلَيۡكُم مُّرۡسَلُونَ ﴿١٤﴾
قَالُواْ مَآ أَنتُمۡ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُنَا وَمَآ أَنزَلَ ٱلرَّحۡمَٰنُ
مِن شَيۡءٍ إِنۡ أَنتُمۡ إِلَّا تَكۡذِبُونَ ﴿١٥﴾
قَالُواْ رَبُّنَا يَعۡلَمُ إِنَّآ إِلَيۡكُمۡ لَمُرۡسَلُونَ ﴿١٦﴾
وَمَا عَلَيۡنَآ إِلَّا ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ ﴿١٧﴾
قَالُوٓاْ إِنَّا تَطَيَّرۡنَا بِكُمۡۖ لَئِن لَّمۡ تَنتَهُواْ لَنَرۡجُمَنَّكُمۡ
وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٞ ﴿١٨﴾
قَالُواْ طَٰٓئِرُكُم مَّعَكُمۡۚ أَئِن ذُكِّرۡتُمۚ بَلۡ أَنتُمۡ قَوۡمٞ
مُّسۡرِفُونَ ﴿١٩﴾
وَجَآءَ مِنۡ أَقۡصَا ٱلۡمَدِينَةِ رَجُلٞ يَسۡعَىٰ قَالَ يَٰقَوۡمِ
ٱتَّبِعُواْ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴿٢٠﴾
ٱتَّبِعُواْ مَن لَّا يَسۡـَٔلُكُمۡ أَجۡرٗا وَهُم مُّهۡتَدُونَ ﴿٢١﴾
وَمَا لِيَ لَآ أَعۡبُدُ ٱلَّذِي فَطَرَنِي وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ ﴿٢٢﴾
ءَأَتَّخِذُ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً إِن يُرِدۡنِ ٱلرَّحۡمَٰنُ بِضُرّٖ
لَّا تُغۡنِ عَنِّي شَفَٰعَتُهُمۡ شَيۡـٔٗا وَلَا يُنقِذُونِ ﴿٢٣﴾
إِنِّيٓ إِذٗا لَّفِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾

إِنِّيٓ ءَامَنتُ بِرَبِّكُمۡ فَٱسۡمَعُونِ ٢٥

قِيلَ ٱدۡخُلِ ٱلۡجَنَّةَۖ قَالَ يَٰلَيۡتَ قَوۡمِي يَعۡلَمُونَ ٢٦

بِمَا غَفَرَ لِي رَبِّي وَجَعَلَنِي مِنَ ٱلۡمُكۡرَمِينَ ٢٧

وَمَآ أَنزَلۡنَا عَلَىٰ قَوۡمِهِۦ مِنۢ بَعۡدِهِۦ مِن جُندٖ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ
وَمَا كُنَّا مُنزِلِينَ ٢٨

إِن كَانَتۡ إِلَّا صَيۡحَةٗ وَٰحِدَةٗ فَإِذَا هُمۡ خَٰمِدُونَ ٢٩

"Yaa, Siin (1). Demi Al-Qur'an yang amat bijaksana (2). Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah dari golongan para rasul (3). Yang mengikut jalan yang lurus (4). Al-Qur'an itu diturun oleh Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih (5). Supaya engkau memberi peringatan kepada satu kaum yang datuk nenek mereka tidak pernah diberikan peringatan, kerana itulah mereka lalai (6). Sesungguhnya telah ditetapkan keputusan 'azab di atas kebanyakan mereka (kaum Musyrikin) kerana itu mereka tidak beriman (7). Sesungguhnya Kami telah memasang belenggu-belenggu di leher mereka dan belenggu-belenggu itu menongkat dagu mereka kerana itu mereka terdongak (8). Dan Kami telah memasang sebuah dinding di hadapan mereka dan sebuah dinding lagi di belakang mereka dan Kami tutupkan mata mereka, maka kerana itu mereka tidak dapat melihat (9). Sama sahaja bagi mereka, sama ada engkau memberi peringatan kepada mereka atau tidak memberi peringatan, mereka tetap tidak beriman (10). Engkau hanya dapat memberi peringatan kepada orang yang mengikut Al-Qur'an dan takut kepada Allah Yang Maha Penyayang tanpa melihat-Nya, oleh itu sampaikanlah kepadanya berita gembira iaitu keampunan dan pahala yang mulia (11). Sesungguhnya Kami akan menghidupkan sekalian yang mati dan Kami mencatatkan segala perbuatan yang dilakukan mereka dan segala kesan perbuatan mereka. Dan segala sesuatu mengenainya Kami hitungkannya satu persatu dalam sebuah buku yang amat jelas (12). Kemukakanlah kepada mereka satu cerita teladan tentang penduduk sebuah negeri ketika mereka didatangi para rasul (13). (Iaitu) ketika Kami utuskan kepada mereka dua orang rasul lalu mereka dustakan keduanya, maka Kami bantukan pula dengan rasul yang ketiga lalu Rasul-rasul itu pun berkata: Sesungguhnya kami sekalian adalah utusan-utusan Allah yang dikirimkan kepada kamu (14). Jawab mereka: Kamu sekalian tidak lain melainkan hanya manusia biasa seperti Kami sahaja. Tuhan Yang Maha Penyayang tidak pernah menurunkan sesuatu apa pun. Kamu tidak lain melainkan hanya berdusta sahaja (15). Jawab (para rasul): Tuhan kamilah sahaja yang mengetahui bahawa kami adalah utusan-utusan-Nya yang dikirimkan kepada kamu (16). Dan tiada lain tugas Kami melainkan hanya menyampaikan perintah Allah dengan jelas (17). Kata mereka: Kami telah mendapat sial celaka dengan sebab kamu. Jika kamu tidak berhenti (berda'wah) kami akan rejamkan kamu dan kamu akan merasa penyeksaan kami yang amat pedih (18). Jawab para rasul: Sebab kesialan kamu itu ada bersama kamu. Apakah patut apabila kamu diberi peringatan (kamu mengancam kami dengan rejam)? Malah sebenarnya kamu adalah satu kaum yang pelampau (19). Dan datanglah seorang lelaki dari daerah pedalaman negeri itu lalu dia berseru: Wahai kaumku! Ikutilah para rasul (20). Ikutilah mereka yang tidak meminta dari kamu sebarang upah dan mereka pula adalah orang-orang yang mendapat hidayat (21). Mengapa pula aku tidak patut menyembah Tuhan yang telah menciptakanku dan kepada-Nya sekalian kamu akan dikembalikan (22). Apakah wajar bagiku menyembah tuhan-tuhan yang lain, sedangkan jika Tuhan Yang Maha Penyayang itu mahu menimpakan sesuatu bala bencana ke atasku, nescaya mereka tidak dapat menolongku sedikit pun dan tidak pula dapat menyelamatkanku? (23) Sesungguhnya aku - jika aku berbuat demikian - berada di dalam kesesatan yang amat jelas (24). Sesungguhnya aku telah beriman kepada Tuhan kamu. Oleh itu dengarlah nasihatku (25). (Setelah dia dibunuh) dia dipersilakan malaikat: Masuklah ke dalam Syurga. Lalu dia berkata: Alangkah baiknya jika kaumku mengetahui (26). Limpah keampunan yang dikurniakan Tuhanku kepadaku dan menjadikanku dalam golongan para hamba yang dimuliakan-Nya (27). (Dan sesudah itu) Kami tidak menurunkan sebarang pasukan tentera dari langit untuk membinasakan kaumnya dan Kami tidak pula perlu menurunkan pasukan itu (28). Tiada (suatu yang diperlukan) melainkan hanya satu pekikan sahaja, maka seluruh mereka mati sunyi sepi.(29)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah Makkiyah ini mempunyai ayat-ayat yang pendek dan nada-nada yang cepat, kerana itulah bilangannya mencapai lapan puluh tiga ayat, sedangkan ianya lebih kecil dan lebih pendek dari surah sebelumnya iaitu Surah Faatir yang bilangan ayat-ayatnya cuma empat puluh lima ayat sahaja.

Kependekan ayat-ayat ini dan kecepatan nadanya menjadikan surah ini mempunyai satu ciri yang istimewa. Nadanya bertubi-tubi mengetuk hati dengan ketukan yang berturut-turut. Dan kesannya semakin bertambah lagi dengan adanya gambaran-gambaran dan bayangan-bayangan yang menarik yang terdapat di dalam pemandangan-pemandangannya yang bersilih ganti dari permulaan surah hingga ke akhirnya. Pemandangan-pemandangan itu beraneka ragam dan semuanya meninggalkan kesan-kesan yang amat mendalam.

Maudhu'-maudhu' pokok surah ini ialah maudhu'-maudhu' pokok surah Makkiyah, dan matlamat pertamanya ialah membina asas-asas 'aqidah. Ia menyentuh persoalan wahyu dan kebenaran kerasulan dari pembukaan surah lagi:

يسٓ ١

وَٱلۡقُرۡءَانِ ٱلۡحَكِيمِ ٢

إِنَّكَ لَمِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ٣

عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٤

تَنزِيلَ ٱلۡعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ٥

"Yaa, Siin (1). Demi Al-Qur'an yang amat bijaksana (2). Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah dari golongan para rasul (3). Yang mengikut jalan yang lurus (4). Al-Qur'an itu diturun oleh Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(5)

Kemudian ia membawa kisah penduduk sebuah negeri ketika beberapa orang rasul datang kepada mereka untuk memberi amaran dengan akibat yang buruk apabila mereka mendustakan wahyu dan Rasul. Ia menyebut akibat itu dalam kisah tersebut mengikut cara Al-Qur'an yang menggunakan kisah-kisah untuk menguatkan persoalan-persoalan yang dikemukakannya. Dan sebelum surah ini berakhir ia kembali menyentuh persoalan wahyu itu sekali lagi:

وَمَا عَلَّمْنَٰهُ ٱلشِّعْرَ وَمَا يَنۢبَغِى لَهُۥٓ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ
وَقُرْءَانٌ مُّبِينٌ ﴿٦٩﴾
لِّيُنذِرَ مَن كَانَ حَيًّا وَيَحِقَّ ٱلْقَوْلُ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧٠﴾

"Dan Kami tidak pernah mengajarkan syair kepadanya dan memang syair itu tidak sesuai dengannya. Apa yang diwahyukan kepadanya tidak lain melainkan suatu peringatan dan kitab suci yang amat jelas (69). Supaya dia memberi peringatan kepada orang yang hidup hati nuraninya dan supaya terlaksana keputusan ('azab) ke atas orang-orang kafir."(70)

Begitu juga surah ini menyentuh persoalan ketuhanan dan konsep wahdaniyah. Ia mengancam perbuatan syirik dengan perantaraan lidah seseorang Mu'min yang datang dari daerah pedalaman negeri itu untuk berhujjah dengan kaumnya mengenai rasul-rasul yang diutuskan Allah itu:

وَمَا لِىَ لَآ أَعْبُدُ ٱلَّذِى فَطَرَنِى وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٢﴾
ءَأَتَّخِذُ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً إِن يُرِدْنِ ٱلرَّحْمَٰنُ بِضُرٍّ
لَّا تُغْنِ عَنِّى شَفَٰعَتُهُمْ شَيْـًٔا وَلَا يُنقِذُونِ ﴿٢٣﴾
إِنِّىٓ إِذًا لَّفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾

"Mengapa pula aku tidak patut menyembah Tuhan yang telah menciptakanku dan kepada-Nya sekalian kamu akan dikembalikan (22). Apakah wajar bagiku menyembah tuhan-tuhan yang lain, sedangkan jika Tuhan Yang Maha Penyayang itu mahu menimpakan sesuatu bala bencana ke atasku, nescaya mereka tidak dapat menolongku sedikit pun dan tidak pula dapat menyelamatkanku? (23) Sesungguhnya aku - jika aku berbuat demikian - berada di dalam kesesatan yang amat jelas."(24)

Dan sebelum tamatnya surah ini disebutkan pula maudhu' ini sekali lagi:

وَٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ ءَالِهَةً لَّعَلَّهُمْ يُنصَرُونَ ﴿٧٤﴾
لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَهُمْ وَهُمْ لَهُمْ جُندٌ مُّحْضَرُونَ ﴿٧٥﴾

"Dan mereka menyembah tuhan-tuhan selain dari Allah dengan harapan mereka diberi pertolongan (74). (Tetapi) tuhan-tuhan itu tidak berkuasa menolong mereka, sedangkan merekalah tentera-tentera yang disediakan untuk mempertahankan tuhan-tuhan itu."(75)

Persoalan yang lebih banyak ditekankan dalam surah ini ialah persoalan kebangkitan semula selepas mati. Ia dibicarakan berulang-ulang kali di dalam surah ini. Pada permulaannya ia disebutkan:

إِنَّا نَحْنُ نُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا۟ وَءَاثَٰرَهُمْ ۚ
وَكُلَّ شَىْءٍ أَحْصَيْنَٰهُ فِىٓ إِمَامٍ مُّبِينٍ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya Kami akan menghidupkan sekalian yang mati dan Kami mencatatkan segala perbuatan yang dilakukan mereka dan segala kesan perbuatan mereka. Dan segala sesuatu mengenainya Kami hitungkannya satu persatu dalam sebuah buku yang amat jelas."(12)

Kemudian persoalan ini disebut pula dalam kisah lelaki Mu'min yang mati dibunuh dan menerima balasannya yang segera:

قِيلَ ٱدْخُلِ ٱلْجَنَّةَ ۖ قَالَ يَٰلَيْتَ قَوْمِى يَعْلَمُونَ ﴿٢٦﴾
بِمَا غَفَرَ لِى رَبِّى وَجَعَلَنِى مِنَ ٱلْمُكْرَمِينَ ﴿٢٧﴾

"(Setelah dia dibunuh) dia dipersilakan malaikat: Masuklah ke dalam Syurga. Lalu dia berkata: Alangkah baiknya jika kaumku mengetahui (26). Limpah keampunan yang dikurniakan Tuhanku kepadaku dan menjadikanku dalam golongan para hamba yang dimuliakan-Nya."(27)

Dan disebutkan pula di tengah surah:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾
مَا يَنظُرُونَ إِلَّا صَيْحَةً وَٰحِدَةً تَأْخُذُهُمْ وَهُمْ
يَخِصِّمُونَ ﴿٤٩﴾
فَلَا يَسْتَطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَآ إِلَىٰٓ أَهْلِهِمْ
يَرْجِعُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan mereka bertanya: Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu bercakap benar? (48) Sebenarnya mereka hanya menunggu satu pekikan sahaja yang akan membinasakan mereka, sedangkan mereka ketika itu sedang leka bertengkar (49). Kerana itu mereka tidak sempat meninggalkan pesanan dan tidak sempat kembali mendapatkan keluarga mereka."(50)

Kemudian ia berpindah kepada satu pemandangan Qiamat yang lengkap, dan pada akhir surah persoalan ini disebutkan pula dalam bentuk sebuah dialog:

وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِىَ خَلْقَهُۥ ۖ قَالَ مَن يُحْىِ
ٱلْعِظَٰمَ وَهِىَ رَمِيمٌ ﴿٧٨﴾

قُلْ يُحْيِيهَا ٱلَّذِىٓ أَنشَأَهَآ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ
خَلْقٍ عَلِيمٌ ﴿٧٩﴾

"Dan dia telah membuat satu perbandingan, sedangkan dia sendiri lupakan asal kejadiannya. Dia berkata: Siapakah yang berkuasa menghidupkan tulang-temalang yang telah reput dan hancur itu? (78) Katakanlah: Yang berkuasa menghidupkannya ialah Tuhan yang telah berkuasa menciptakannya pada kali yang pertama dan Dialah Tuhan Yang Maha Mengetahui segala makhluk ciptaan-Nya."(79)

Persoalan yang berkaitan dengan pembinaan asas-asas 'aqidah itu dibicarakan berulang-ulang kali di dalam Surah-surah Makkiyah, tetapi persoalan itu disentuh pada setiap kalinya dari jurusan yang tertentu dan di bawah sorotan yang tertentu diiringi dengan pandangan-pandangan yang berkesan yang sesuai dengan suasananya dan selaras dengan nada-nadanya, gambaran-gambarannya dan bayangan-bayangannya.

Pernyataan-pernyataan yang berkesan itu adalah diambil terutamanya dari pemandangan-pemandangan Qiamat, pemandangan-pemandangan cerita dan dialog-dialognya, pemandangan kebinasaan umat-umat dahulu kala, pemandangan-pemandangan alam buana yang menarik iaitu seperti pemandangan bumi yang mati kemudian hidup subur dengan tumbuh-tumbuhan, pemandangan malam yang menghapuskan hari siang dan menjadikannya gelap-gelita, pemandangan matahari yang berlari di tempat peredarannya, pemandangan bulan yang berunsur-unsur mengembang di tempat-tempat peredarannya hingga akhirnya ia kembali kecil semula seperti tandan tamar tua yang kering, pemandangan bahtera yang penuh sarat mengangkut zuriat manusia angkatan pertama, pemandangan binatang-binatang ternakan yang ditundukkan kepada manusia, pemandangan nutfah kemudian pemandangannya yang berkembang menjadi seorang manusia yang bermusuh ketat dengan Allah dan pemandangan pokok yang hijau yang mengandungi api yang mereka nyalakannya.

Di samping pemandangan-pemandangan ini di sana terdapat pernyataan-pernyataan yang berkesan yang menyentuh dan menyedarkan hati manusia. Di antaranya ialah pernyataan papa pendusta yang telah ditetapkan keputusan 'azab ke atas mereka dengan sebab kekufuran mereka. Orang-orang ini tidak lagi berguna ditunjukkan bukti-bukti dan diberi amaran-amaran kepada mereka:

إِنَّا جَعَلْنَا فِىٓ أَعْنَـٰقِهِمْ أَغْلَـٰلًا فَهِىَ إِلَى ٱلْأَذْقَانِ فَهُم
مُّقْمَحُونَ ﴿٨﴾
وَجَعَلْنَا مِنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا
فَأَغْشَيْنَـٰهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya Kami telah memasang belenggu-belenggu di leher mereka dan belenggu-belenggu itu menongkat dagu mereka kerana itu mereka terdongak (8). Dan Kami telah memasang sebuah dinding, di hadapan mereka dan sebuah dinding lagi di belakang mereka dan Kami tutupkan mata mereka, maka kerana itu mereka tidak dapat melihat."(9)

Di antaranya pula ialah gambaran jiwa mereka yang terdedah kepada ilmu Allah tanpa dilindungi sebarang tadbir, dan di antaranya lagi ialah gambaran sarana penciptaan, iaitu dengan hanya menyebut satu perkataan sahaja tidak lebih dari itu:

إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن
فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

"Sesungguhnya cara penciptaan Allah itu ialah apabila Dia mahu, menjadikan sesuatu Dia hanya berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia terus jadi."(82)

Semuanya merupakan pernyataan-pernyataan yang berkesan yang menyentuh hati manusia, di mana ia melihat bukti kebenarannya di dalam realiti alam buana.

* * * * * *

Surah ini membentangkan maudhu'-maudhu'nya dalam tiga pusingan.

Pusingan pertama dimulai dengan sumpah, iaitu bersumpah dengan dua huruf "Yaa Siin" dan bersumpah dengan Al-Qur'anul-Hakim bahawa Nabi Muhammad s.a.w. itu adalah seorang rasul yang berada di atas jalan yang lurus, kemudian diiringi pula dengan pendedahan tentang nasib kesudahan yang malang yang telah menimpa orang-orang yang lalai dan mendustakan Rasul iaitu mereka telah dihukum oleh Allah tidak akan mendapat jalan hidayat lagi buat selama-lamanya, kemudian diterangkan pula bahawa amaran dan peringatan itu hanya berguna kepada mereka yang mengikut Al-Qur'an dan takut kepada Allah, kerana hatinya sentiasa bersedia untuk menerima panduan-panduan hidayat dan dorongan-dorongan iman. Kemudian ia menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya menceritakan satu kisah teladan yang berlaku kepada penduduk sebuah negeri, iaitu kisah mereka yang mendustakan Rasul dan akibat yang telah menimpa mereka, begitu juga ia menayangkan tabi'at iman di dalam hati seseorang Mu'min dan akibat keimanan dan kepercayaan yang teguh.

Kerana itu pusingan yang kedua dimulakan dengan seruan menyatakan rasa sedih terhadap orang-orang yang sentiasa mendusta dan mempersenda-sendakan setiap rasul tanpa mengambil pengajaran dari kebinasaan yang telah menimpa para pendusta dan tanpa menyedari dan menginsafi bukti-bukti kekuasaan Allah di alam buana yang begitu banyak ini. Di sini ia menayangkan beberapa pemandangan

alam buana yang telah disebut dalam pendahuluan surah ketika memperkenalkan surah ini di samping menayangkan satu pemandangan Qiamat yang agak panjang dan terperinci.

Pusingan yang ketiga boleh dikatakan mengintisarikan seluruh maudhu' surah ini, iaitu ia menafikan bahawa ayat-ayat Al-Qur'an yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. sebagai syair atau sajak. Ia menafikan bahawa Rasulullah s.a.w. itu mempunyai sebarang hubungan dengan sajak, kemudian ia menayangkan beberapa pemandangan dan beberapa sentuhan yang membuktikan Uluhiyah Yang Maha Esa. Setelah itu ia menyentuh persoalan kebangkitan selepas mati dengan mengingatkan mereka terhadap asal-usul kejadian mereka yang diciptakan dari nutfah supaya mereka melihat bahawa proses menghidupkan kembali tulang-tulang yang telah reput itu adalah sama dengan proses penciptaan mereka dari nutfah itu. Tiada padanya sebarang keganjilan. Kemudian ia mengingatkan mereka dengan pokok yang hijau yang mengandungi api, sedangkan pertemuan kedua-duanya itu pada lahirnya amat jauh.

Pada akhirnya datanglah nada terakhir:

إِنَّمَآ أَمۡرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيۡـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن
فَيَكُونُ ٨٢
فَسُبۡحَٰنَ ٱلَّذِي بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيۡءٖ وَإِلَيۡهِ
تُرۡجَعُونَ ٨٣

"Sesungguhnya cara penciptaan Allah itu ialah apabila Dia mahu menjadikan sesuatu Dia hanya berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia terus jadi (82). Maka Maha Sucilah Allah yang memegang kerajaan segala sesuatu dan seluruh kamu akan dipulangkan kepada-Nya."(83)

Sekarang setelah mengemukakan ringkasan ini marilah kita masuk pula ke dalam huraian yang terperinci.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 12)

يسٓ ١
وَٱلۡقُرۡءَانِ ٱلۡحَكِيمِ ٢
إِنَّكَ لَمِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ٣
عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٤
تَنزِيلَ ٱلۡعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ٥
لِتُنذِرَ قَوۡمٗا مَّآ أُنذِرَ ءَابَآؤُهُمۡ فَهُمۡ غَٰفِلُونَ ٦
لَقَدۡ حَقَّ ٱلۡقَوۡلُ عَلَىٰٓ أَكۡثَرِهِمۡ فَهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ٧
إِنَّا جَعَلۡنَا فِيٓ أَعۡنَٰقِهِمۡ أَغۡلَٰلٗا فَهِيَ إِلَى ٱلۡأَذۡقَانِ فَهُم
مُّقۡمَحُونَ ٨
وَجَعَلۡنَا مِنۢ بَيۡنِ أَيۡدِيهِمۡ سَدّٗا وَمِنۡ خَلۡفِهِمۡ سَدّٗا
فَأَغۡشَيۡنَٰهُمۡ فَهُمۡ لَا يُبۡصِرُونَ ٩
وَسَوَآءٌ عَلَيۡهِمۡ ءَأَنذَرۡتَهُمۡ أَمۡ لَمۡ تُنذِرۡهُمۡ لَا
يُؤۡمِنُونَ ١٠
إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلذِّكۡرَ وَخَشِيَ ٱلرَّحۡمَٰنَ
بِٱلۡغَيۡبِۖ فَبَشِّرۡهُ بِمَغۡفِرَةٖ وَأَجۡرٖ كَرِيمٍ ١١
إِنَّا نَحۡنُ نُحۡيِ ٱلۡمَوۡتَىٰ وَنَكۡتُبُ مَا قَدَّمُواْ وَءَاثَٰرَهُمۡۚ
وَكُلَّ شَيۡءٍ أَحۡصَيۡنَٰهُ فِيٓ إِمَامٖ مُّبِينٖ ١٢

"Yaa, Siin (1). Demi Al-Qur'an yang amat bijaksana (2). Sesunggahnya engkau (wahai Muhammad) adalah dari golongan para rasul (3). Yang mengikut jalan yang lurus (4). Al-Qur'an itu diturun oleh Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih (5). Supaya engkau memberi peringatan kepada satu kaum yang datuk nenek mereka tidak pernah diberikan peringatan, kerana itulah mereka lalai (6). Sesungguhnya telah ditetapkan keputusan 'azab di atas kebanyakan mereka (kaum Musyrikin) kerana itu mereka tidak beriman (7). Sesungguhnya Kami telah memasang belenggu-belenggu di leher mereka dan belenggu-belenggu itu menongkat dagu mereka kerana itu mereka terdongak (8). Dan Kami telah memasang sebuah dinding di hadapan mereka dan sebuah dinding lagi di belakang mereka dan Kami tutupkan mata mereka, maka kerana itu mereka tidak dapat melihat (9). Sama sahaja bagi mereka, sama ada engkau memberi peringatan kepada mereka atau tidak memberi peringatan, mereka tetap tidak beriman (10). Engkau hanya dapat memberi peringatan kepada orang yang mengikut Al-Qur'an dan takut kepada Allah Yang Maha Penyayang tanpa melihat-Nya, oleh itu sampaikanlah kepadanya berita gembira iaitu keampunan dan pahala yang mulia (11). Sesungguhnya Kami akan menghidupkan sekalian yang mati dan Kami mencatatkan segala perbuatan yang dilakukan mereka dan segala kesan perbuatan mereka. Dan segala sesuatu mengenainya Kami hitungkannya satu persatu dalam sebuah buku yang amat jelas."(12)

Al-Qur'an Disalut Dengan Sifat Bijaksana

Allah S.W.T. bersumpah dengan dua huruf **"Yaa, Siin"** di samping bersumpah dengan Al-Qur'anul-Karim. Pengumpulan di antara huruf-huruf potongan dengan Al-Qur'an ini menguatkan lagi pendapat yang kami pilih dalam mentafsirkan huruf-huruf potongan di awal berbagai-bagai surah itu, iaitu ia mentafsirkan hubungan di antara huruf-huruf itu dengan Al-

Qur'an. Sesungguhnya bukti Al-Qur'an itu dari Allah - iaitu satu bukti yang tidak diperhatikan mereka - ialah Al-Qur'an itu adalah digubahkan dari huruf-huruf yang amat mudah kepada mereka, tetapi susunan pemikiran dan pengungkapan Al-Qur'an mengatasi susunan kemampuan mereka untuk mengubahkannya dengan huruf-huruf ini.

Allah sifatkan Al-Qur'an dalam sumpahnya sebagai **"Al-Qur'an yang amat bijaksana"**. Kebijaksanaan itu adalah satu sifat orang yang berakal. Pengungkapan ayat ini telah menyalutkan Al-Qur'an dengan sifat hidup dan sifat iradat, iaitu sifat-sifat asasi bagi seorang yang bijaksana. Walaupun pengungkapan ini suatu pengungkapan metaforikal, tetapi ia menggambarkan hakikat dan mendekatkannya kepada pemahaman, kerana Al-Qur'an memiliki roh yang mempunyai sifat-sifat makhluk hidup yang boleh bermesra dengan anda apabila anda membulatkan hati anda dan mendengarnya dengan sepenuh jiwa anda. Anda akan dapat mengetahui darinya berbagai-bagai rahsia setiap kali anda membuka pintu hati dan menumpukan seluruh jiwa anda kepadanya, anda akan rindu kepada rupa paras dan sifatnya sebagaimana anda rindukan rupa paras dan sifat-sifat seorang teman yang bersahabat mesra dengan anda sekian lama. Rasulullah s.a.w. amat gemar mendengar Al-Qur'an yang dibaca oleh orang lain. Beliau akan berhenti mendengar di pintu-pintu rumah orang apabila beliau terdengar dari dalamnya ada orang sedang membaca Al-Qur'an; beliau berhenti dan mendengar dengan teliti laksana orang yang berhenti mendengar cerita kekasihnya.

Al-Qur'an yang amat bijaksana ini berbicara dengan setiap orang mengikut keupayaan masing-masing. Ia memetik tali ras yang peka di dalam hati manusia dan berbicara dengannya sekadar kemampuannya. Ia berbicara dengan cara yang bijak yang boleh mengislah dan membimbingkan seseorang ke arah kebaikan.

Al-Qur'an yang amat bijaksana itu mendidik manusia dengan penuh kebijaksanaan mengikut methodologi aqliyah dan psikologi yang lurus, iaitu satu methodologi yang membebaskan seluruh tenaga manusia serta membimbingnya ke arah jalan yang baik dan lurus. Al-Qur'an menegakkan satu sistem hidup yang membenarkan manusia melakukan segala kegiatannya dalam batas peraturannya yang bijaksana.

Allah S.W.T. bersumpah dengan "Yaa" dan "Siin" dan dengan Al-Qur'anul-Hakim untuk menegaskan kebenaran wahyu dan kebenaran risalah yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w.:

Kerasulan Muhammad s.a.w.

إِنَّكَ لَمِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ۝٣

"Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah dari golongan para rasul."(3)

Sesungguhnya Allah S.W.T. tidak perlu bersumpah, tetapi persumpahan Allah Jalla Jalalu-Hu dengan Al-Qur'an dan huruf-hurufnya itu telah menyalutkan Rasulullah yang dipersumpahkannya itu dengan kebesaran dan kemuliaan. Kerana Allah tidak bersumpah melainkan sesuatu perkara itu amat besar dan penting.

إِنَّكَ لَمِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ۝٣ عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ۝٤

"Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah dari golongan para rasul yang mengikut jalan yang lurus." (3-4)

Pengungkapan seperti ini membayangkan bahawa pengiriman para rasul itu merupakan suatu perkara yang telah ditetapkan Allah dan mempunyai contoh-contohnya di masa yang silam, tetapi ini bukanlah perkara yang hendak dijelaskan oleh ayat ini, malah maksud ayat ini ialah untuk menjelaskan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah dari golongan para rasul. Allah tujukan firman-Nya kepada beliau dengan sumpah ini, bukannya ditujukan kepada para pengingkar dan pendusta untuk menghindarkan sumpah, Rasul dan risalah itu dari menjadi bahan perdebatan dan perbahasan. Sesungguhnya ayat ini merupakan pengumuman secara langsung dari Allah kepada Rasulullah s.a.w.

Ciri-ciri Risalah

إِنَّكَ لَمِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ۝٣ عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ۝٤

"Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah dari golongan para rasul(3). Yang mengikut jalan yang lurus."(4)

Ayat ini menjelaskan tabi'at risalah setelah menjelaskan hakikat Rasul. Tabi'at risalah ialah kerasulan dan kejujuran. Ia lurus seperti mata pedang, tiada sebarang bengkang-bengkok dan tiada sebarang penyelewengan, tiada sebarang berbelit-belitan dan kecondongan. Dan kebenarannya amat jelas, tiada sebarang kesamaran dan kekeliruan. Ia tidak dilenturkan hawa nafsu dan tidak diselewengkan sesuatu kepentingan. Setiap orang yang mencarinya akan menemuinya dengan mudah dan bersih.

Kerana tabiatnya yang lurus itulah maka risalah ini mudah, tidak kusut, sulit dan berbelit-belit. Ia tidak menyukarkan keadaan-keadaan. Tidak merumitkan persoalan-persoalan, kefahaman-kefahaman dan cara-cara perbahasan, malah ia menerangkan kebenaran dengan gambaran yang amat senang, tidak bercampuraduk, tidak memerlukan kepada huraian, tidak memerlukan kepada ulasan, liku-liku yang sulit, ibarat-ibarat dan kalimat-kalimat dan tidak memerlukan membawa masuk pengertian-pengertiannya ke dalam lorong-lorong dan tidak memerlukan kepada huraian. Ia boleh dihayati oleh orang-orang kampung dan orang-orang bandar, orang-orang jahil dan orang-orang alim, penghuni gubuk dan penghuni bangunan mewah. Mereka masing-masing memperolehi keperluannya di dalam risalah ini. Masing-masing mendapat darinya lunas-

lunas yang boleh membetulkan kehidupan, peraturan dan hubungan-hubungannya dengan mudah.

Risalah ini sejajar dengan fitrah alam buana, sejajar dengan tabi'at segala benda dan segala hidupan yang wujud di sekeliling manusia. Ia tidak berlanggar dengan tabi'at-tabi'at segala sesuatu dan tidak memaksa manusia melanggarkannya, malah ia lurus di atas jalannya dan selaras dengannya. Ia juga bekerjasama dengan undang-undang yang mengendalikan alam buana ini dengan segala isi dan penghuninya.

Kerana itu ia tetap lurus mengikut jalan yang membawa kepada Allah dan menyampaikan kepada-Nya. Setiap orang yang mengikuti jalannya tidak akan dibimbangi sesat dari Allah Penciptanya dan tidak akan dikhuatirkan menyeleweng dari jalan Allah. Dia berjalan di sebuah lebuh raya lurus yang akan menyampaikannya kepada keredhaan Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Besar.

Dan Al-Qur'anlah yang menjadi pemandu ke jalan yang lurus ini. Dan ke mana sahaja seseorang itu berjalan dengan Al-Qur'an di sana dia akan menemui kelurusan dan kejujuran, dia akan menemui kelurusan itu dalam huraian Al-Qur'an yang menerangkan kebenaran, dan membimbing menuju kebenaran dan akan menemuinya dalam keputusan-keputusannya yang muktamad mengenai nilai-nilai dan meletakkan setiap nilai itu di tempatnya yang wajar.

Fungsi Pokok Al-Qur'an

تَنزِيلَ ٱلۡعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ٥

"Al-Qur'an itu diturun oleh Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(5)

Allah S.W.T. memperkenalkan dirinya kepada para hamba-Nya di tempat-tempat yang seperti ini supaya mereka memahami hakikat Al-Qur'an yang diturunkan kepada mereka. Allah itu Maha Perkasa. Dia berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Dan Allah itu Maha Penyayang terhadap hamba-hamba-Nya. Dia melakukan terhadap mereka apa yang dikehendaki-Nya dengan tujuan untuk mengurniakan rahmat kepada mereka dalam apa sahaja yang dilakukan-Nya.

Hikmat diturunkan Al-Qur'an ialah untuk memberi amaran dan menyampaikan da'wah:

لِتُنذِرَ قَوۡمٗا مَّآ أُنذِرَ ءَابَآؤُهُمۡ فَهُمۡ غَٰفِلُونَ ٦

"Supaya engkau memberi peringatan kepada satu kaum yang datuk nenek mereka tidak pernah diberikan peringatan, kerana itulah mereka lalai."(6)

Kelalaian merupakan penyakit yang amat merosakkan hati, kerana hati yang lalai ialah hati yang lumpuh dari menjalankan tugasnya, lumpuh dari daya menerima dan menyambut. Dia bertembung dengan bukti-bukti hidayat di tengah jalan yang dilaluinya tanpa disedari dan difahaminya dan tanpa bergerak untuk menyambutnya. Kerana itulah amaran itu amat sesuai untuk menghadapi kelalaian kaum Musyrikin Makkah itu. Mereka telah berlalu generasi demi generasi tanpa diberi peringatan dan amaran. Mereka adalah dari zuriat keturunan Ismail. Mereka tidak dipimpin oleh mana-mana Rasul selepas Nabi Ismail a.s. justeru itu amaran dan peringatan boleh menyedarkan orang-orang yang lalai dan tidur nyenyak di dalam kelalaian, di mana datuk nenek mereka tidak pernah didatangi Rasul.

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan nasib kesudahan orang-orang yang lalai itu, iaitu keputusan taqdir Allah yang telah menimpa mereka, yang diputuskan mengikut ilmu-Nya yang mengetahui rahsia hati dan keadaan mereka yang telah berlaku dan yang akan berlaku.

Mereka Yang Dihijabkan Dari Keimanan

لَقَدۡ حَقَّ ٱلۡقَوۡلُ عَلَىٰٓ أَكۡثَرِهِمۡ فَهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ٧

"Sesungguhnya telah ditetapkan keputusan 'azab di atas kebanyakan mereka (kaum Musyrikin) kerana itu mereka tidak beriman."(7)

Yakni Allah telah memutuskan perkara mereka dan ketetapan taqdir Allah telah pun ditetapkan di atas kebanyakan mereka menurut ilmu-Nya yang mengetahui hakikat diri mereka, mengetahui perasaan-perasaan mereka, kerana itu mereka tidak beriman. Inilah nasib kesudahan terakhir kebanyakan mereka, kerana jiwa mereka telah terhijab dari hidayat dan telah dipalingkan dari melihat dan menghayati bukti-bukti hidayat.

Di sini Al-Qur'an menggambarkan keadaan jiwa mereka dalam bentuk fizikal. Ia gambarkan mereka selaku orang-orang yang terbelenggu dan dihalangi secara paksa dari melihat. Mereka dihijabkan dari hidayat dan iman dengan berbagai-bagai dinding dan mata mereka ditutup dan kerana itu mereka tidak dapat melihat:

إِنَّا جَعَلۡنَا فِيٓ أَعۡنَٰقِهِمۡ أَغۡلَٰلٗا فَهِيَ إِلَى ٱلۡأَذۡقَانِ فَهُم مُّقۡمَحُونَ ٨
وَجَعَلۡنَا مِنۢ بَيۡنِ أَيۡدِيهِمۡ سَدّٗا وَمِنۡ خَلۡفِهِمۡ سَدّٗا فَأَغۡشَيۡنَٰهُمۡ فَهُمۡ لَا يُبۡصِرُونَ ٩

"Sesungguhnya Kami telah memasang belenggu-belenggu di leher mereka dan belenggu-belenggu itu menongkat dagu mereka kerana itu mereka terdongak (8). Dan Kami telah memasang sebuah dinding di hadapan mereka dan sebuah dinding lagi di belakang mereka dan Kami tutupkan mata mereka, maka kerana itu mereka tidak dapat melihat."(9)

Yakni tangan mereka diikat dengan belenggu sehingga ke leher mereka dan diletakkan di bawah dagu mereka menyebabkan kepala mereka terpaksa terdongak ke atas. Mereka tidak dapat melihat ke hadapan. Oleh kerana itu dalam keadaan yang dahsyat ini mereka tidak mempunyai kebebasan

untuk melihat dan memandang. Mereka dihijabkan dari kebenaran dan hidayat. Mereka didindingkan dihadapan dan di belakang mereka. Andainya ikatan belenggu itu dilonggarkan dan mereka pun dapat melihat, namun penglihatan mereka tidak akan dapat menembuskan tembok-tembok dan dinding-dinding itu. Jalan melihat telah ditutup kepada mereka dan mata mereka telah menjadi kabur.

Walaupun pemandangan ini amat dahsyat, namun orang yang pernah menemui manusia-manusia yang seperti ini memang ternampak kepadanya - iaitu apabila mereka tidak dapat melihat kebenaran yang amat jelas dan tidak dapat memahaminya - bahawa di sana ada dinding yang tebal yang menghalangkan mereka dari kebenaran. Walaupun tidak ada belenggu-belenggu di tangan mereka dan kepala mereka tidak dipaksa mendongak ke atas, namun jiwa dan mata mereka tetap terbelenggu dan dipalingkan dari hidayat dan kebenaran secara paksa. Mereka dihijab di sana di sini dari hidayat. Demikianlah bandingan orang-orang yang selalu menentang Al-Qur'an dengan keingkaran dan kekufuran, sedangkan Al-Qur'an membentangkan hujjah-hujjah dan dalil-dalil yang terang, malah Al-Qur'an itu sendiri merupakan hujjah yang amat berpengaruh yang tidak dapat ditentang oleh sesiapa pun.

وَسَوَآءٌ عَلَيۡهِمۡ ءَأَنذَرۡتَهُمۡ أَمۡ لَمۡ تُنذِرۡهُمۡ لَا
يُؤۡمِنُونَ ١٠

"Sama sahaja bagi mereka, sama ada engkau memberi peringatan kepada mereka atau tidak memberi peringatan, mereka tetap tidak beriman."(10)

Amaran Dan Peringatan Hanya Berguna Kepada Orang Yang Takut Kepada Allah

Allah telah membuat keputusan-Nya terhadap mereka kerana Dia mengetahui tabi'at hati mereka yang tidak dapat ditembusi iman. Amaran itu tidak berguna kepada hati yang tidak bersedia untuk menerima iman, iaitu hati yang telah dipalingkan dari iman dan hati yang dihalangi dari iman dengan berbagai-bagai dinding. Amaran itu tidak dapat menciptakan hati, tetapi ia hanya dapat menggerakkan hati yang hidup yang bersedia untuk menerima:

إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلذِّكۡرَ وَخَشِيَ ٱلرَّحۡمَٰنَ
بِٱلۡغَيۡبِۖ فَبَشِّرۡهُ بِمَغۡفِرَةٖ وَأَجۡرٖ كَرِيمٍ ١١

"Engkau hanya dapat memberi peringatan kepada orang yang mengikut Al-Qur'an dan takut kepada Allah Yang Maha Penyayang tanpa melihat-Nya, oleh itu sampaikanlah kepadanya berita gembira iaitu keampunan dan pahala yang mulia."(11)

Kata-kata "الذكر" yang dimaksudkan di sini ialah Al-Qur'an mengikut pendapat yang lebih rajih, yakni orang yang mengikut Al-Qur'an dan takut kepada Allah Yang Maha Pemurah walaupun tanpa melihat-Nya itulah sahaja orang yang dapat mengambil manfa'at dari amaran itu, seolah-olah orang inilah sahaja yang diberi amaran dan seolah-olah Rasulullah s.a.w. telah mengkhususkan amaran itu kepada golongan ini sahaja. Kerana walaupun amaran itu memang diumumkan tetapi orang-orang itu telah dihalangi, dari menerimanya. Jadi amaran itu hanya ditujukan kepada orang-orang yang mengikut Al-Qur'an dan takut kepada Allah sahaja:

فَبَشِّرۡهُ بِمَغۡفِرَةٖ وَأَجۡرٖ كَرِيمٍ ١١

"Oleh itu sampaikanlah kepadanya berita gembira iaitu keampunan dan pahala yang mulia."(11)

Yakni keampunan terhadap dosa-dosa yang dilakukan tanpa berterusan. Dan pahala yang mulia kerana takut kepada Allah walaupun dia tidak melihat-Nya dan kerana kesanggupannya mengikut Al-Qur'an yang diturunkan Allah. Takut kepada Allah dan mengikut Al-Qur'an merupakan dua perkara yang berkembar di dalam hati. Sebaik sahaja perasaan takut mengambil tempat di dalam hati dia akan terus iringkannya dengan tindakan melaksanakan perintah yang diturunkan Allah dan berjalan dengan lurus dan jujur mengikut jalan yang dikehendaki Allah.

Di sini Al-Qur'an menegaskan tentang kepastian berlakunya kebangkitan selepas mati dan kehalusan hisab Allah yang tiada suatu pun yang akan terlepas darinya.

Kebangkitan Selepas Mati

إِنَّا نَحۡنُ نُحۡيِ ٱلۡمَوۡتَىٰ وَنَكۡتُبُ مَا قَدَّمُواْ وَءَاثَٰرَهُمۡۚ
وَكُلَّ شَيۡءٍ أَحۡصَيۡنَٰهُ فِيٓ إِمَامٖ مُّبِينٖ ١٢

"Sesungguhnya Kami akan menghidupkan sekalian yang mati dan Kami mencatatkan segala perbuatan yang dilakukan mereka dan segala kesan perbuatan mereka. Dan segala sesuatu mengenainya Kami hitungkannya satu persatu dalam sebuah buku yang amat jelas."(12)

Persoalan menghidupkan kembali orang-orang yang telah mati merupakan salah satu persoalan yang menimbulkan perdebatan yang memakan waktu yang amat panjang. Di dalam surah ini telah disebut berbagai-bagai contohnya. Al-Qur'an mengingatkan mereka bahawa segala perbuatan yang dilakukan mereka dan segala kesan-kesan yang ditinggalkan perbuatan-perbuatan mereka semuanya dicatat dan dihitungkan satu persatu, tiada satu perbuatan pun yang terlepas darinya atau dilupakannya. Allah S.W.T.lah yang menghidupkan orang-orang yang telah mati dan Dialah yang mencatatkan segala perbuatan yang dilakukan mereka dan kesan-kesannya. Dialah yang menghitungkan satu persatu perbuatan mereka dan merekodkannya. Oleh itu semua perkara ini pasti berlaku mengikut cara yang

layak dengan urusan yang dikendalikan oleh tangan qudrat Allah.

***Pengertian* الإمام المبين *Dan* اللوح المحفوظ.**

Istilah buku yang amat jelas (الإمام المبين), (اللوح المحفوظ) dan sebagainya lebih dekat ditafsirkan dengan ilmu Allah yang azali dan qadim yang mengetahui segala sesuatu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 19)

Setelah membentangkan persoalan wahyu dan risalah, persoalan kebangkitan selepas mati dan hisab dalam bentuk penjelasan, Al-Qur'an kembali membentangkan semula persoalan-persoalan itu dalam bentuk penceritaan yang mengusik hati, di mana disebutkan situasi-situasi pendustaan dan keimanan serta akibat-akibatnya yang jelas seolah-olah terbentang di hadapan mata:

وَٱضۡرِبۡ لَهُم مَّثَلًا أَصۡحَٰبَ ٱلۡقَرۡيَةِ إِذۡ جَآءَهَا ٱلۡمُرۡسَلُونَ ﴿١٣﴾

إِذۡ أَرۡسَلۡنَآ إِلَيۡهِمُ ٱثۡنَيۡنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزۡنَا بِثَالِثٖ فَقَالُوٓاْ إِنَّآ إِلَيۡكُم مُّرۡسَلُونَ ﴿١٤﴾

قَالُواْ مَآ أَنتُمۡ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُنَا وَمَآ أَنزَلَ ٱلرَّحۡمَٰنُ مِن شَيۡءٍ إِنۡ أَنتُمۡ إِلَّا تَكۡذِبُونَ ﴿١٥﴾

قَالُواْ رَبُّنَا يَعۡلَمُ إِنَّآ إِلَيۡكُمۡ لَمُرۡسَلُونَ ﴿١٦﴾

وَمَا عَلَيۡنَآ إِلَّا ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ ﴿١٧﴾

قَالُوٓاْ إِنَّا تَطَيَّرۡنَا بِكُمۡۖ لَئِن لَّمۡ تَنتَهُواْ لَنَرۡجُمَنَّكُمۡ وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٞ ﴿١٨﴾

قَالُواْ طَٰٓئِرُكُم مَّعَكُمۡ أَئِن ذُكِّرۡتُمۚ بَلۡ أَنتُمۡ قَوۡمٞ مُّسۡرِفُونَ ﴿١٩﴾

"Kemukakanlah kepada mereka satu cerita teladan tentang penduduk sebuah negeri ketika mereka didatangi para rasul (13). (Iaitu) ketika Kami utuskan kepada mereka dua orang rasul lalu mereka dustakan keduanya, maka Kami bantukan pula dengan rasul yang ketiga lalu rasul-rasul itu pun berkata: Sesungguhnya kami sekalian adalah utusan-utusan Allah yang dikirimkan kepada kamu (14). Jawab mereka: Kamu sekalian tidak lain melainkan hanya manusia biasa seperti kami sahaja. Tuhan Yang Maha Penyayang tidak pernah menurunkan sesuatu apa pun. Kamu tidak lain melainkan hanya berdusta sahaja (15). Jawab (para rasul): Tuhan kamilah sahaja yang mengetahui bahawa kami adalah utusan-utusan-Nya yang dikirimkan kepada kamu (16). Dan tiada lain tugas kami melainkan hanya menyampaikan perintah Allah dengan jelas (17). Kata mereka: Kami telah mendapat sial celaka dengan sebab kamu. Jika kamu tidak berhenti (berda'wah) kami akan rejamkan kamu dan kamu akan merasa penyeksaan kami yang amat pedih (18). Jawab para rasul: Sebab kesialan kamu itu ada bersama kamu. Apakah patut apabila kamu diberi peringatan (kamu mengancam kami dengan rejam)? Malah sebenarnya kamu adalah satu kaum yang pelampau."(19)

Al-Qur'an tidak menyebut siapakah penduduk sebuah negeri itu dan tidak juga menyebut apakah negeri itu. Riwayat-riwayat telah berselisih mengenai negeri itu dan sememangnya tidak ada gunanya bersusah payah mengikuti riwayat-riwayat ini.

Apabila Al-Qur'an tidak menyebut tentang negeri itu, maka ini merupakan satu dalil bahawa penentuan nama dan tempat negeri itu tidak menambahkan sesuatu apa kepada makna dan saranan cerita ini. Oleh kerana itu Al-Qur'an tidak menentukannya dan terus mengemukakan isi cerita itu. Negeri itu ialah sebuah negeri yang diutuskan Allah kepadanya dua orang rasul sebagaimana Allah telah mengutuskan Musa dan saudaranya Harun alaihimas-salam kepada Fir'aun dan kuncu-kuncunya. Kemudian penduduk negeri itu telah mendustakan keduanya lalu Allah bantukan keduanya dengan seorang rasul yang ketiga yang menegaskan kepada mereka bahawa dia dan mereka berdua adalah utusan-utusan dari Allah. Kemudian ketiga-tiga Rasul itu tampil mengemukakan da'wah mereka.

فَقَالُوٓاْ إِنَّآ إِلَيۡكُم مُّرۡسَلُونَ ﴿١٤﴾

"Lalu rasul-rasul itu berkata: Sesungguhnya kami sekalian adalah utusan-utusan Allah yang dikirimkan kepada kamu."(14)

Di sini penduduk-penduduk negeri itu membantah para rasul itu dengan bantahan-bantahan yang memang berulang-ulang berlaku di dalam sejarah rasul-rasul dan risalah-risalah.

Pandangan Dangkal Terhadap Imej Seorang Rasul

قَالُواْ مَآ أَنتُمۡ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُنَا وَمَآ أَنزَلَ ٱلرَّحۡمَٰنُ مِن شَيۡءٍ إِنۡ أَنتُمۡ إِلَّا تَكۡذِبُونَ ﴿١٥﴾

"Jawab mereka: Kamu sekalian tidak lain melainkan hanya manusia biasa seperti kami sahaja. Tuhan Yang Penyayang tidak pernah menurunkan sesuatu apa. Kamu tidak lain melainkan hanya berdusta sahaja."(15)

Bantahan mereka yang berdasarkan kerana Rasul itu makhluk manusia menampakkan pandangan dan kefahaman mereka yang dangkal, di samping menampakkan kejahilan mereka tentang tugas seorang rasul. Mereka selama-lamanya mengharapkan adanya suatu rahsia yang sulit pada syakhsiyah seseorang rasul dari mengharapkan supaya di sebalik kehidupan seseorang rasul itu tersembunyi gambaran-gambaran fantastik dan dogeng-dongeng

yang mempesonakan mereka, kerana bukankah dia itu utusan dari Allah dan oleh itu bagaimana mungkin ia hidup biasa sahaja tidak dilingkungi gambaran-gambaran fantastik dan dongeng-dongeng yang menarik? Bagaimana mungkin seorang rasul itu hanya mempunyai sahsiah yang terbuka dan bersahaja, tanpa rahsia-rahsia dan teka-teki di sekelilingnya iaitu syakhsiyah manusia biasa dari syakhsiyah-syakhsiyah yang memenuhi pasar-pasar dan rumah-rumah?

Itulah kedangkalan kefahaman dan pandangan. Rahsia-rahsia dan tekateki-tekateki itu bukanlah sifat kenabian dan kerasulan. Ia bukannya lahir dalam bentuk yang bersahaja dan kebudak-budakan. Memang di sebalik kerasulan terdapat satu rahsia yang besar, tetapi rahsia itu terletak pada satu hakikat yang mudah yang wujud di alam kenyataan, iaitu hakikat seorang manusia dari antara manusia-manusia yang ramai itu telah dikurniakan kesediaan laduni untuk membolehkannya menerima wahyu dari Allah apabila dia dipilihkan Allah untuk menerimanya. Ini adalah lebih menakjubkan lagi dari Rasul itu dipilih dari malaikat sebagaimana yang dicadangkan mereka.

Risalah itu adalah sistem Ilahi yang dapat dihayati manusia dan kehidupan seseorang rasul itu merupakan teladan-teladan kehidupan di alam kenyataan yang mengikut sistem Ilahi itu, iaitu teladan yang diseru olehnya supaya dicontohi kaumnya yang sebangsa dengannya, oleh sebab itu Rasul yang diutuskan kepada mereka pastilah dari jenis manusia supaya dia dapat menunjukkan contoh teladan yang mampu diikuti mereka.

Oleh kerana itulah kehidupan Rasulullah s.a.w. itu terdedah kepada pandangan umatnya. Dan Al-Qur'an kitab Allah itu sendiri telah merakamkan ciri-ciri pokok dari kehidupan beliau dengan segala perinciannya dan peristiwa-peristiwanya supaya menjadi sebuah rekod yang dapat dilihat oleh umatnya di sepanjang zaman. Di antaranya termasuk kehidupan rumahtangga dan kehidupan peribadi beliau. Dan kadang-kadang perasaan dan fikiran yang terlintas di hati beliau juga telah dirakamkan oleh Al-Qur'an supaya dapat diketahui oleh semua generasi dan supaya mereka melihat detik-detik hati Nabi sebagai seorang manusia.

Tetapi hakikat yang amat jelas inilah yang masih terus menjadi titik bantahan manusia. Penduduk negeri itu telah berkata kepada ketiga-tiga orang Rasul yang diutuskan kepada mereka:

مَآ أَنتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا

"Kamu sekalian tidak lain melainkan hanya manusia biasa seperti kami sahaja"(15)

mereka bertujuan mengatakan kamu bukannya rasul-rasul:

وَمَآ أَنزَلَ ٱلرَّحْمَٰنُ مِن شَىْءٍ

"Tuhan Yang Maha Penyayang tidak pernah menurunkan suatu apa pun"(15)

yakni dia tidak pernah menurunkan wahyu kepada kamu dan tidak pula menurunkan perintah supaya kamu menyeru kami mengikut wahyu itu.

إِنْ أَنتُمْ إِلَّا تَكْذِبُونَ ﴿١٥﴾

"Kamu tidak lain melainkan hanya berdusta sahaja." (15)

kemudian mendakwa sebagai Rasul yang diutuskan Allah.

Dengan hati seorang rasul yang yakin kepada kebenaran dan mengetahui batas-batas tugasnya, para rasul itu menjawab:

Tugas Seorang Rasul

قَالُوا۟ رَبُّنَا يَعْلَمُ إِنَّآ إِلَيْكُمْ لَمُرْسَلُونَ ﴿١٦﴾

وَمَا عَلَيْنَآ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٧﴾

"Jawab (para rasul): Tuhan kamilah sahaja yang mengetahui bahawa kami adalah utusan-utusan-Nya yang dikirimkan kepada kamu (16). Dan tiada lain tugas kami melainkan hanya menyampaikan perintah Allah dengan jelas."(17)

Allah mengetahui hakikat yang sebenar. Ini sudah cukup. Kewajipan rasul-rasul ialah menyampaikan perintah dan mereka telah pun menunaikan kewajipan-kewajipan mereka dan selepas itu manusia adalah bebas menentukan pilihan untuk diri mereka dan bebas memikul dosa-dosanya. Urusan di antara rasul-rasul dengan manusia ialah menyampaikan perintah Allah. Apabila urusan ini selesai, maka segala urusan yang lain terpulang kepada Allah.

Tetapi para pendusta yang sesat itu tidak menangani perkara ini dengan cara yang jelas dan mudah seperti ini. Mereka tidak sanggup melihat adanya penda'wah-penda'wah kepada hidayat. Mereka merasa bangga dengan kerja-kerja mereka yang berdosa. Mereka menggunakan cara yang amat kasar dan kejam untuk menentang kebenaran, kerana orang yang tidak benar itu selalunya berdada sempit dan bersikap sewenang-wenang:

Kepercayaan Pessimisme

قَالُوٓا۟ إِنَّا تَطَيَّرْنَا بِكُمْ ۖ لَئِن لَّمْ تَنتَهُوا۟ لَنَرْجُمَنَّكُمْ

وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٨﴾

"Kata mereka: Kami telah mendapat sial celaka dengan sebab kamu. Jika kamu tidak berhenti (berda'wah) kami akan rejamkan kamu dan kamu akan merasa penyeksaan kami yang amat pedih."(18)

Yakni kami merasa kamu membawa sial kepada kami. Kami menduga adanya bala bencana dalam da'wah kamu ini. Oleh itu jika kamu tidak berhenti mengganggu, kami tidak akan duduk diam. Kami tidak akan membiarkan kamu terus berda'wah:

لَنَرْجُمَنَّكُمْ وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٨﴾

"Kami akan rejamkan kamu dan kamu akan merasakan penyeksaan kami yang amat pedih."(18)

Demikianlah orang yang mendokong kebatilan itu memperlihatkan sikapnya yang zalim, mengancam para penda'wah, menentang kebenaran dengan tindakan yang keterlaluan dan berkata serta berfikir dengan sewenang-wenang.

Tetapi kewajipan yang diletakkan ke atas bahu para rasul itu mendesak mereka supaya berjuang terus.

قَالُوا طَائِرُكُم مَّعَكُمْ أَئِن ذُكِّرْتُم بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ
مُّسْرِفُونَ ﴿١٩﴾

"Jawab para rasul: Sebab kesialan kamu itu ada bersama kamu. Apakah patut apabila kamu diberi peringatan (kamu mengancam kami dengan rejam)? Malah sebenarnya kamu adalah satu kaum yang pelampau."(19)

Pessimisme atau kepercayaan mendapat sial celaka dari da'wah Rasul atau dari bentuk muka yang tertentu itu merupakan salah satu dari kepercayaan khurafat jahiliyah. Para rasul tadi telah menerangkan kepada kaum mereka bahawa kepercayaan itu adalah khurafat belaka, kerana baik buruk nasib seseorang itu bukannya datang dari luar diri mereka malah ada bersama mereka dan berhubung rapat dengan niat-niat dan tindaktanduk mereka sendiri, juga bergantung kepada usaha-usaha dan perbuatan-perbuatan mereka. Mereka sendiri menentukan nasib mereka baik atau buruk, kerana iradat Allah terhadap seseorang hamba itu dilaksanakan menerusi dirinya sendiri, menerusi arah tujuannya dan amalan-amalannya sendiri. Dialah yang membawa nasib sial celakanya bersama dirinya. Inilah satu hakikat yang tetap teguh di atas asasnya yang betul. Kepercayaan mendapat sial celaka dari bentuk-bentuk muka atau tempat-tempat dan kalimat-kalimat tertentu itu adalah suatu kepercayaan khurafat yang tidak berasas.

Para rasul berkata kepada mereka:

أَئِن ذُكِّرْتُم

"Apakah patut apabila kamu diberi peringatan (kamu mengancam kami dengan rejam)"(19)

yakni apakah patut kamu bertindak merejam dan mengazabkan kami dengan sebab kami memberi peringatan kepada kamu? Apakah ini balasan kerana memberi peringatan?

بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿١٩﴾

"Sebenarnya kamu adalah satu kaum yang pelampau."(19)

Yakni pemikiran dan perancangan kamu itu telah melampaui batas, kerana kamu membalas nasihat yang baik dengan ancaman bertindak kejam dan membalas da'wah dengan ancaman rejam dan penyeksaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 25)

Apabila Keimanan Mantap Dalam Hati

Itulah sambutan dari hati-hati yang tertutup dari da'wah para rasul. Itulah contoh hati yang dibicarakan oleh surah ini dalam pusingannya yang pertama dan itulah gambaran contoh yang wujud di alam kenyataan.

Adapun contoh orang yang mengikut Al-Qur'an dan takut kepada Allah walaupun ia tidak melihat-Nya, maka dia mempunyai cara bertindak dan cara menyambut da'wah yang berlainan pula:

وَجَاءَ مِنْ أَقْصَا الْمَدِينَةِ رَجُلٌ يَسْعَىٰ قَالَ يَا قَوْمِ
اتَّبِعُوا الْمُرْسَلِينَ ﴿٢٠﴾
اتَّبِعُوا مَن لَّا يَسْأَلُكُمْ أَجْرًا وَهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٢١﴾
وَمَا لِيَ لَا أَعْبُدُ الَّذِي فَطَرَنِي وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٢﴾
أَأَتَّخِذُ مِن دُونِهِ آلِهَةً إِن يُرِدْنِ الرَّحْمَٰنُ بِضُرٍّ
لَّا تُغْنِ عَنِّي شَفَاعَتُهُمْ شَيْئًا وَلَا يُنقِذُونِ ﴿٢٣﴾
إِنِّي إِذًا لَّفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾
إِنِّي آمَنتُ بِرَبِّكُمْ فَاسْمَعُونِ ﴿٢٥﴾

"Dan datanglah seorang lelaki dari daerah pedalaman negeri itu, lalu dia berseru: Wahai kaumku! Ikutilah para rasul (20). Ikutilah mereka yang tidak meminta dari kamu sebarang upah dan mereka pula adalah orang-orang yang mendapat hidayat (21). Mengapa pula aku tidak patut menyembah Tuhan yang telah menciptakanku dan kepada-Nya sekalian kamu akan dikembalikan (22). Apakah wajar bagiku menyembah tuhan-tuhan yang lain, sedangkan jika Tuhan Yang Maha Penyayang itu mahu menimpakan sesuatu bala bencana ke atasku, nescaya mereka tidak dapat menolongku sedikit pun dan tidak pula dapat menyelamatkanku (23). Sesungguhnya aku - jika aku berbuat demikian - berada di dalam kesesatan yang amat jelas (24). Sesungguhnya aku telah beriman kepada Tuhan kamu. Oleh itu dengarlah nasihatku."(25)

Itulah sambutan fitrah yang sihat kepada da'wah yang benar dan lurus, mudah dan hangat. Itulah fahaman yang lurus dan sambutan terhadap nada pernyataan yang kuat yang menjelaskan kebenaran yang begitu nyata.

Lelaki ini telah mendengar da'wah dan terus menyambutnya setelah dia melihat dalil-dalil yang benar dan logik. Apabila hatinya merasakan hakikat iman, maka hakikat inipun bergerak di dalam hatinya dan dia tidak dapat lagi mendiamkan dirinya. Dia tidak dapat lagi duduk di rumahnya apabila ia melihat

kesesatan, kekufuran dan kejahatan di sekelilingnya. Dia terus keluar mendapatkan kaumnya membawa keimanan yang terpacak di dalam hati dan bergerak dalam perasaannya, sedangkan kaumnya mendustakan para rasul dan mengancam mereka. Dia datang mendapatkan mereka dari daerah pedalaman negeri itu untuk melaksanakan kewajipannya, iaitu untuk menyeru kaumnya kepada kebenaran dan menghalangkan mereka dari melakukan kezaliman dan pencerobohan terhadap para rasul yang hampir-hampir dilakukan mereka.

Orang ini nampaknya bukanlah seorang yang mempunyai pangkat dan kuasa dan bukan pula seorang yang disegani di kalangan kaumnya atau mempunyai keluarga yang kuat di belakangnya, tetapi 'aqidah yang hidup di dalam hati nuraninya itulah yang mendorongnya datang dari daerah pedalaman negeri itu.

قَالَ يَٰقَوۡمِ ٱتَّبِعُواْ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴿٢٠﴾
ٱتَّبِعُواْ مَن لَّا يَسۡـَٔلُكُمۡ أَجۡرٗا وَهُم مُّهۡتَدُونَ ﴿٢١﴾

"Lalu bersera: Wahai kaumku! Ikutilah para rasul, ikutilah mereka yang tidak meminta dari kamu sebarang upah dan mereka pula adalah orang-orang yang mendapat hidayat."(20-21)

Yakni orang yang berda'wah seperti ini tanpa meminta upah dan mencari keuntungan adalah orang yang benar. Jika tidak, apakah yang membuat dia sanggup bersusah payah andainya tidak kerana semata-mata menjunjung perintah dari Allah? Apakah yang mendorong mereka memikul tugas da'wah? Dan menghadapi manusia dengan 'aqidah yang berlainan dari 'aqidah yang dipegangi mereka? Dan sanggup mendedahkan diri mereka kepada gangguan, tindakan jahat, ejekan dan penindasan mereka, sedangkan dia tidak mendapat apa-apa hasil dan tidak pula meminta apa-apa upah dari mereka?

ٱتَّبِعُواْ مَن لَّا يَسۡـَٔلُكُمۡ أَجۡرٗا وَهُم مُّهۡتَدُونَ ﴿٢١﴾

"Ikutilah mereka yang tidak meminta dari kamu sebarang upah dan mereka pula adalah orang-orang yang mendapat hidayat."(21)

Tanda mereka mendapat hidayat itu amat jelas dapat dilihat pada tabi'at da'wah mereka, iaitu mereka menyeru manusia supaya menyembah Tuhan Yang Maha Esa dan mengikut jalan yang terang. Mereka menyeru kepada satu 'aqidah yang tidak ada di dalamnya sebarang khurafat dan kesamaran, dan mereka mendapat hidayat ke jalan yang lurus.

Kemudian lelaki itu kembali menceritakan kepada mereka tentang dirinya dan sebab-sebab mengapa dia beriman:

وَمَا لِيَ لَآ أَعۡبُدُ ٱلَّذِي فَطَرَنِي وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ ﴿٢٢﴾
ءَأَتَّخِذُ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً إِن يُرِدۡنِ ٱلرَّحۡمَٰنُ بِضُرّٖ
لَّا تُغۡنِ عَنِّي شَفَٰعَتُهُمۡ شَيۡـٔٗا وَلَا يُنقِذُونِ ﴿٢٣﴾
إِنِّيٓ إِذٗا لَّفِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾

"Mengapa pula aku tidak patut menyembah Tuhan yang telah menciptakanku dan kepada-Nya sekalian kamu akan dikembalikan (22). Apakah wajar bagiku menyembah tuhan-tuhan yang lain, sedangkan jika Tuhan Yang Maha Penyayang itu mahu menimpakan sesuatu bala bencana ke atasku, nescaya mereka tidak dapat menolongku sedikit pun dan tidak pula dapat menyelamatkanku (23). Sesungguhnya aku - jika aku berbuat demikian - berada di dalam kesesatan yang amat jelas."(24)

Itulah pertanyaan yang terbit dari fitrah yang mengakui adanya Khaliq yang menjadi punca kewujudannya.

وَمَا لِيَ لَآ أَعۡبُدُ ٱلَّذِي فَطَرَنِي

"Mengapa pula aku tidak menyembah Tuhan yang telah menciptakanku?"(22)

Mengapa aku seharusnya menyeleweng dari jalan yang tabi'i ini yang mula-mula sekali terlintas di dalam jiwa? Fitrah manusia tertarik kepada Pencipta yang menjadikannya. Dia tidak akan menyeleweng darinya melainkan dengan dorongan yang lain yang bertentangan dengan fitrahnya, dia tidak akan membelok ke lain melainkan dengan pengaruh yang lain yang bukan dari tabiatnya. Dari awal lagi ia bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Pencipta. Itulah pusat tawajjuh yang tidak memerlukan kepada mana-mana unsur yang luar dari tabi'at dan tarikan semulajadi jiwanya. Lelaki yang beriman ini merasakan semua hakikat ini di lubuk hatinya. Oleh sebab itulah dia mengeluarkan kata-katanya yang amat jelas dan lurus tanpa berpura-pura, berbelit-belit dan tanpa bersimpul-simpul.

Dia juga merasa dan sedar dengan fitrahnya yang benar dan bersih bahawa seluruh makhluk itu pada akhirnya akan kembali kepada Khaliqnya sebagaimana segala sesuatu itu pulang kepada asalnya:

وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ ﴿٢٢﴾

"Dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan."(22)

Dia bertanya: Mengapakah aku tidak menyembah Tuhan yang telah menciptakanku dan Dialah yang menjadi titik kembalinya seluruh makhluk? Dia memperkatakan tentang perkembalian mereka kepada Allah yang juga menciptakan mereka. Oleh itu dia berhak menyembah-Nya.

Kemudian lelaki itu menyebut satu cara hidup yang lain yang bertentangan dengan cara hidup fitrah yang lurus dan memandangnya sebagai suatu kesesatan yang begitu ketara:

ءَأَتَّخِذُ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً إِن يُرِدۡنِ ٱلرَّحۡمَٰنُ بِضُرّٖ

لَا تُغۡنِ عَنِّي شَفَٰعَتُهُمۡ شَيۡـٔٗا وَلَا يُنقِذُونِ ٢٣

"Apakah wajar bagiku menyembah tuhan-tuhan yang lain, sedangkan jika Tuhan Yang Rahman itu mahu menimpakan sesuatu bala bencana ke atasku, nescaya mereka tidak dapat menolongku sedikit pun dan tidak pula dapat menyelamatkanku."(23)

Siapakah lagi yang lebih sesat dari orang yang meninggalkan logik fitrah yang menyeru makhluk supaya menyembah Penciptanya, lalu dia menyeleweng kepada menyembah yang lain dari Allah Pencipta tanpa sesuatu keperluan dan dorongan? Siapakah lagi yang lebih sesat dari orang yang menyeleweng dari Allah Pencipta kepada Tuhan-tuhan yang lemah yang tidak berkuasa melindungi mereka dari bala bencana apabila Allah berkehendak menimpakan bala bencana ke atas mereka dengan sebab penyelewengan dan kesesatannya?

إِنِّيٓ إِذٗا لَّفِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٍ ٢٤

"Sesungguhnya aku jika aku berbuat demikian - berada di dalam kesesatan yang amat jelas."(24)

Kini lelaki yang bercakap dengan lidah fitrah yang benar dan jelas itu menyatakan keputusannya yang akhir di hadapan kaumnya yang telah mendustakan para rasul dan mengancam keselamatan mereka, kerana suara fitrah di dalam hatinya lebih kuat dari segala pendustaan dan ancaman:

إِنِّيٓ ءَامَنتُ بِرَبِّكُمۡ فَٱسۡمَعُونِ ٢٥

"Sesungguhnya aku telah beriman kepada Tuhan kamu. Oleh itu dengarlah nasihatku."(25)

Demikianlah dia melahirkan pengakuan imannya yang yakin dan tenang dan menjadikan mereka sebagai saksi-saksi di atas keimanannya itu. Dia menyarankan kepada mereka supaya membuat pengakuan beriman sepertinya atau menyarankan bahawa dia tidak mempedulikan apa yang akan dikatakan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 27)

Gugur Syahid

Cara penceritaan kisah ini menyarankan bahawa penduduk negeri itu tanpa berlengah-lengah lagi telah membunuh lelaki itu walaupun tidak sedikit pun disebutkan, secara terus terang, malah tirai dilabuhkan begitu sahaja menamatkan kisah dunia dengan segala isinya dan menamatkan kisah kaum itu, kemudian tirai diangkatkan kembali dan tiba-tiba kita melihat lelaki yang syahid itu telah berada di alam Akhirat dan melihat penghormatan yang disediakan Allah untuknya, iaitu penghormatan yang layak dengan darjah seorang Mu'min yang berani, ikhlas dan gugur syahid:

قِيلَ ٱدۡخُلِ ٱلۡجَنَّةَۖ قَالَ يَٰلَيۡتَ قَوۡمِي يَعۡلَمُونَ ٢٦

بِمَا غَفَرَ لِي رَبِّي وَجَعَلَنِي مِنَ ٱلۡمُكۡرَمِينَ ٢٧

"(Setelah dia dibunuh) dia dipersilakan malaikat: Masuklah ke dalam Syurga. Lalu dia berkata: Alangkah baiknya jika kaumku mengetahui (26). Limpah keampunan yang dikurniakan Tuhanku kepadaku dan menjadikanku dalam golongan para hamba yang dimuliakan-Nya."(27)

Hidup dunia adalah berhubung dengan hidup Akhirat. Dan kita melihat bahawa kematian itu hanya suatu perpindahan dari alam fana kepada alam baqa', dan ia merupakan satu hayunan langkah yang menyelamatkan lelaki yang Mu'min itu dari kesempitan bumi kepada keluasan Syurga, dari pencerobohan kebatilan kepada ketenteraman kebenaran, dari ancaman kezaliman kepada keselamatan ni'mat dan dari gelap-gelita jahiliyah kepada cahaya keyakinan.

[Di sini Berakhirnya Juzu' Kedua Puluh Dua]

JUZU' KE-23

SURAH YAASIN

JUZU' KEDUA PULUH TIGA

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 29)

Inilah balasan orang yang beriman. Adapun balasan orang yang melakukan kezaliman dan keterlaluan, maka kepada Allah balasan itu adalah lebih mudah dari mengirimkan bala tentera malaikat untuk menghancurkan mereka, kerana mereka terlalu lemah:

وَمَآ أَنزَلۡنَا عَلَىٰ قَوۡمِهِۦ مِنۢ بَعۡدِهِۦ مِن جُندٖ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ
وَمَا كُنَّا مُنزِلِينَ ﴿٢٨﴾
إِن كَانَتۡ إِلَّا صَيۡحَةٗ وَٰحِدَةٗ فَإِذَا هُمۡ خَٰمِدُونَ ﴿٢٩﴾

"(Dan sesudah itu) Kami tidak menurunkan sebarang pasukan tentera dari langit untuk membinasakan kaumnya dan Kami tidak pula perlu menurunkan pasukan itu (28). Tiada (suatu yang diperlukan) melainkan hanya satu pekikan sahaja, maka seluruh mereka mati sunyi sepi."(29)

Al-Qur'an tidak menerangkan dengan panjang lebar tentang bentuk kebinasaan yang menimpa kaum itu, kerana memperkecilkan taraf kedudukan mereka. Hanya dengan satu pekikan sahaja seluruh mereka binasa dan mati. Kemudian tirai pun dilabuhkan menutup pemandangan kesudahan yang amat malang dan hina.

(Kumpulan ayat-ayat 30 - 68)

يَٰحَسۡرَةً عَلَى ٱلۡعِبَادِۚ مَا يَأۡتِيهِم مِّن رَّسُولٍ إِلَّا
كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ ﴿٣٠﴾
أَلَمۡ يَرَوۡاْ كَمۡ أَهۡلَكۡنَا قَبۡلَهُم مِّنَ ٱلۡقُرُونِ أَنَّهُمۡ إِلَيۡهِمۡ
لَا يَرۡجِعُونَ ﴿٣١﴾
وَإِن كُلّٞ لَّمَّا جَمِيعٞ لَّدَيۡنَا مُحۡضَرُونَ ﴿٣٢﴾
وَءَايَةٞ لَّهُمُ ٱلۡأَرۡضُ ٱلۡمَيۡتَةُ أَحۡيَيۡنَٰهَا وَأَخۡرَجۡنَا مِنۡهَا
حَبّٗا فَمِنۡهُ يَأۡكُلُونَ ﴿٣٣﴾
وَجَعَلۡنَا فِيهَا جَنَّٰتٖ مِّن نَّخِيلٖ وَأَعۡنَٰبٖ وَفَجَّرۡنَا
فِيهَا مِنَ ٱلۡعُيُونِ ﴿٣٤﴾
لِيَأۡكُلُواْ مِن ثَمَرِهِۦ وَمَا عَمِلَتۡهُ أَيۡدِيهِمۡۚ أَفَلَا
يَشۡكُرُونَ ﴿٣٥﴾

سُبۡحَٰنَ ٱلَّذِي خَلَقَ ٱلۡأَزۡوَٰجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنۢبِتُ
ٱلۡأَرۡضُ وَمِنۡ أَنفُسِهِمۡ وَمِمَّا لَا يَعۡلَمُونَ ﴿٣٦﴾
وَءَايَةٞ لَّهُمُ ٱلَّيۡلُ نَسۡلَخُ مِنۡهُ ٱلنَّهَارَ فَإِذَا هُم
مُّظۡلِمُونَ ﴿٣٧﴾
وَٱلشَّمۡسُ تَجۡرِي لِمُسۡتَقَرّٖ لَّهَاۚ ذَٰلِكَ تَقۡدِيرُ
ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡعَلِيمِ ﴿٣٨﴾
وَٱلۡقَمَرَ قَدَّرۡنَٰهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَٱلۡعُرۡجُونِ ٱلۡقَدِيمِ ﴿٣٩﴾
لَا ٱلشَّمۡسُ يَنۢبَغِي لَهَآ أَن تُدۡرِكَ ٱلۡقَمَرَ وَلَا ٱلَّيۡلُ
سَابِقُ ٱلنَّهَارِۚ وَكُلّٞ فِي فَلَكٖ يَسۡبَحُونَ ﴿٤٠﴾
وَءَايَةٞ لَّهُمۡ أَنَّا حَمَلۡنَا ذُرِّيَّتَهُمۡ فِي ٱلۡفُلۡكِ ٱلۡمَشۡحُونِ ﴿٤١﴾
وَخَلَقۡنَا لَهُم مِّن مِّثۡلِهِۦ مَا يَرۡكَبُونَ ﴿٤٢﴾
وَإِن نَّشَأۡ نُغۡرِقۡهُمۡ فَلَا صَرِيخَ لَهُمۡ وَلَا هُمۡ يُنقَذُونَ ﴿٤٣﴾
إِلَّا رَحۡمَةٗ مِّنَّا وَمَتَٰعًا إِلَىٰ حِينٖ ﴿٤٤﴾
وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱتَّقُواْ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيكُمۡ وَمَا خَلۡفَكُمۡ
لَعَلَّكُمۡ تُرۡحَمُونَ ﴿٤٥﴾
وَمَا تَأۡتِيهِم مِّنۡ ءَايَةٖ مِّنۡ ءَايَٰتِ رَبِّهِمۡ إِلَّا كَانُواْ
عَنۡهَا مُعۡرِضِينَ ﴿٤٦﴾
وَإِذَا قِيلَ لَهُمۡ أَنفِقُواْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ قَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ
لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَنُطۡعِمُ مَن لَّوۡ يَشَآءُ ٱللَّهُ أَطۡعَمَهُۥٓ
إِنۡ أَنتُمۡ إِلَّا فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ﴿٤٧﴾
وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلۡوَعۡدُ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾
مَا يَنظُرُونَ إِلَّا صَيۡحَةٗ وَٰحِدَةٗ تَأۡخُذُهُمۡ وَهُمۡ
يَخِصِّمُونَ ﴿٤٩﴾

فَلَا يَسْتَطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَآ إِلَىٰٓ أَهْلِهِمْ
يَرْجِعُونَ ٥٠
وَنُفِخَ فِى ٱلصُّورِ فَإِذَا هُم مِّنَ ٱلْأَجْدَاثِ إِلَىٰ رَبِّهِمْ
يَنسِلُونَ ٥١
قَالُوا۟ يَـٰوَيْلَنَا مَنۢ بَعَثَنَا مِن مَّرْقَدِنَا ۜ ۗ هَـٰذَا مَا وَعَدَ
ٱلرَّحْمَـٰنُ وَصَدَقَ ٱلْمُرْسَلُونَ ٥٢
إِن كَانَتْ إِلَّا صَيْحَةً وَٰحِدَةً فَإِذَا هُمْ جَمِيعٌ لَّدَيْنَا
مُحْضَرُونَ ٥٣
فَٱلْيَوْمَ لَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْـًٔا وَلَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا
كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ٥٤
إِنَّ أَصْحَـٰبَ ٱلْجَنَّةِ ٱلْيَوْمَ فِى شُغُلٍ فَـٰكِهُونَ ٥٥
هُمْ وَأَزْوَٰجُهُمْ فِى ظِلَـٰلٍ عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ مُتَّكِـُٔونَ ٥٦
لَهُمْ فِيهَا فَـٰكِهَةٌ وَلَهُم مَّا يَدَّعُونَ ٥٧
سَلَـٰمٌ قَوْلًا مِّن رَّبٍّ رَّحِيمٍ ٥٨
وَٱمْتَـٰزُوا۟ ٱلْيَوْمَ أَيُّهَا ٱلْمُجْرِمُونَ ٥٩
أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَـٰبَنِىٓ ءَادَمَ أَن لَّا تَعْبُدُوا۟
ٱلشَّيْطَـٰنَ ۖ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ٦٠
وَأَنِ ٱعْبُدُونِى ۚ هَـٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ٦١
وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنكُمْ جِبِلًّا كَثِيرًا ۖ أَفَلَمْ تَكُونُوا۟
تَعْقِلُونَ ٦٢
هَـٰذِهِۦ جَهَنَّمُ ٱلَّتِى كُنتُمْ تُوعَدُونَ ٦٣
ٱصْلَوْهَا ٱلْيَوْمَ بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ٦٤
ٱلْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰٓ أَفْوَٰهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَآ أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ
أَرْجُلُهُم بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ٦٥
وَلَوْ نَشَآءُ لَطَمَسْنَا عَلَىٰٓ أَعْيُنِهِمْ فَٱسْتَبَقُوا۟ ٱلصِّرَٰطَ
فَأَنَّىٰ يُبْصِرُونَ ٦٦
وَلَوْ نَشَآءُ لَمَسَخْنَـٰهُمْ عَلَىٰ مَكَانَتِهِمْ فَمَا
ٱسْتَطَـٰعُوا۟ مُضِيًّا وَلَا يَرْجِعُونَ ٦٧
وَمَن نُّعَمِّرْهُ نُنَكِّسْهُ فِى ٱلْخَلْقِ ۖ أَفَلَا يَعْقِلُونَ ٦٨

"Alangkah besarnya penyesalan yang menimpa hamba-hamba-Ku yang menentang Rasul. Tiada seorang rasul yang datang kepada mereka melainkan mereka ejekannya (30). Tidakkah mereka mengetahui berapa banyak umat sebelum mereka yang telah Kami binasakannya dan mereka tidak lagi pulang kepada mereka (di dunia)? (31) Dan setiap orang dari mereka pasti akan dihadirkan di hadapan Kami (32). Dan satu bukti yang terang untuk renungan mereka ialah kejadian bumi yang mati. Kami telah hidupkan bumi itu (dengan tumbuh-tumbuhan) dan Kami keluarkan darinya biji-bijian dan darinya juga mereka mendapat makanan (33). Dan Kami jadikan padanya kebun-kebun kurma dan anggur dan Kami alirkan padanya matair-matair (34). Supaya mereka dapat memakan hasil-hasil buah-buahannya dan hasil-hasil dari apa yang diusahakan tangan mereka. Mengapakah mereka tidak bersyukur? (35) Maha Sucilah Allah yang telah menjadikan seluruh makhluk secara berpasang-pasangan, iaitu dari tumbuh-tumbuhan di bumi dan diri mereka sendiri, juga kejadian-kejadian yang lain yang tidak diketahui mereka (36). Dan satu lagi bukti yang terang untuk renungan mereka ialah kejadian malam; Kami hapuskan siang tiba-tiba seluruh mereka berada dalam gelap-gelita (37). Juga perjalanan matahari yang berlari ke tempat perhentiannya. Itulah perencanaan yang telah diaturkan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (38). Juga perjalanan bulan, Kami aturkan perjalanannya beredar melalui beberapa peringkat perkembangan dan pada akhirnya ia kembali ke peringkat awalnya dengan bentuk melengkung seperti tandan tamar yang tua (39). (Dengan peraturan itu matahari tidak mungkin mengejar bulan dan malam tidak mungkin mendahului siang. Tiap-tiap satunya terapung-apung beredar di tempat peredaran masing-masing (40). Dan satu lagi bukti yang terang untuk renungan mereka ialah Kami telah mengangkut zuriat keturunan mereka dalam bahtera yang penuh sarat (41). Begitu juga kami ciptakan untuk mereka kenderaan-kenderaan lain yang sama sepertinya yang dapat dinaiki mereka (42). Dan jika Kami kehendaki nescaya Kami menenggelamkan mereka dan (ketika itu) tiada siapa yang berkuasa menolong mereka dan tidak pula mereka dapat diselamatkan (43). Melainkan dengan rahmat dan keni'matan hidup dari limpah kurnia Kami hingga ke satu masa yang tertentu (44). Dan apabila dikatakan kepada mereka: Jagalah diri kamu (dari punca-punca kemurkaan Allah yang ada) di hadapan kamu supaya kamu dirahmati Allah (mereka tidak menghiraukannya) (45). Dan tiada suatu ayat dari ayat-ayat Allah yang sampai kepada mereka melainkan mereka terus berpaling darinya (46). Dan apabila dikatakan kepada mereka: Dermakanlah sebahagian rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada kamu, maka mereka yang kafir berkata kepada mereka yang beriman: Apakah wajar bagi kami memberi makan kepada mereka (fakir miskin) sedangkan jika Allah kehendaki tentulah Dia sendiri akan memberi makan kepada mereka? Kamu sebenarnya berada di dalam kesesatan yang amat nyata (47). Dan mereka bertanya: Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika

kamu bercakap benar? (48) Sebenarnya mereka hanya menunggu satu pekikan sahaja yang akan membinasakan mereka, sedangkan mereka ketika itu sedang leka bertengkar (49). Kerana itu mereka tidak sempat meninggalkan pesanan dan tidak sempat kembali mendapatkan keluarga mereka (50). Dan apabila sangkakala (kedua) ditiupkan, maka seluruh mereka mendadak keluar dari kubur-kubur mereka menuju kepada Tuhan mereka (51). Mereka berkata: Alangkah celakanya nasib kami! Siapakah yang telah membangkitkan kami dari tempat tidur kami ini? Inilah kebangkitan (hari) yang dijanjikan Tuhan Yang Maha Penyayang dan amat benarlah sekalian Rasul itu (52). Hanya dengan satu pekikan sahaja tiba-tiba seluruh mereka dihadirkan di hadapan Kami (53). Pada hari ini setiap orang tidak akan dianiayai sedikit pun dan kamu tidak akan dibalas melainkan menurut amalan yang dilakukan kamu (54). Sesungguhnya penduduk Syurga pada hari ini berada dalam kesibukan meni'mati pelbagai keni'matan (55). Mereka dan pasangan-pasangan mereka berada di bawah naungan yang teduh dan bersandar di atas takhta (56). Di dalam Syurga mereka dihidangkan berbagai-bagai buah-buahan dan mereka memperolehi apa sahaja yang diidami mereka (57). (Mereka menerima) ucapan selamat sejahtera dari Tuhan Yang Maha Pengasih (58). Kemudian diperintahkan kepada mereka: Pada hari ini asingkan diri kamu (dari orang-orang Mu'min), wahai orang-orang yang berdosa! (59) Wahai anak-anak Adam! Tidakkah Aku telah perintah kepada kamu supaya kamu jangan menyembah syaitan? Kerana syaitan itu musuh kamu yang amat nyata (60). Dan supaya kamu menyembah-Ku. Inilah jalan yang lurus (61). Dan sesungguhnya syaitan itu telah menyesatkan sebilangan yang amat ramai dari kamu. Apakah tidak kamu berfikir? (62) (Kemudian mereka ditunjukkan): Inilah Neraka Jahannam yang telah diancamkan kepada kamu (63). Rasakanlah bakarannya pada hari ini dengan sebab kekufuran yang dilakukan kamu (64). Pada hari ini Kami tutupkan mulut mereka dan membiarkan tangan mereka memberi keterangan kepada Kami dan membiarkan kaki mereka menjadi saksi terhadap segala apa yang dilakukan mereka (65). (Pada hari ini) jika Kami kehendaki, Kami boleh menghapuskan penglihatan mereka dan menyebabkan mereka (lintang-pukang) berlumba-lumba menyeberangi Sirat. Bagaimana mungkin mereka melihat? (66) Dan jika Kami kehendaki Kami boleh ubahkan mereka menjadi kaku dan terpaku ditempat mereka dan kerana itu mereka tidak dapat mara ke depan dan pulang ke belakang (67). Dan siapa yang Kami panjangkan umurnya, Kami akan kembalikannya semula kepada keadaannya di zaman kecil. Apakah tidak mereka berfikir?."(68)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Setelah memperkatakan di dalam pelajaran pertama tentang orang-orang Musyrikin yang menentang dan mendustakan da'wah Islam dan tentang kisah teladan yang dikemukakan kepada mereka, iaitu kisah penduduk sebuah negeri yang mendustakan rasul-rasul mereka dan nasib kesudahan mereka yang telah dibinasakan Allah,

فَإِذَا هُمْ خَامِدُونَ ﴿٢٩﴾

"Maka seluruh mereka mati sunyi sepi"(29)

maka di dalam pelajaran ini Al-Qur'an mulai memperkatakan secara umum mengenai sikap para pendusta dalam setiap agama yang benar. Ia menayangkan gambaran manusia-manusia sesat di sepanjang abad. Ia melahirkan keluhan kecewa terhadap orang-orang yang tidak mahu mengambil pengajaran dari umat-umat yang telah binasa sebelum mereka, sedangkan umat ini tidak akan pulang melainkan pada hari Qiamat:

وَإِن كُلٌّ لَّمَّا جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ ﴿٣٢﴾

"Dan setiap orang dari mereka pasti akan dihadirkan di hadapan Kami."(32)

Kemudian ia mulai membentangkan bukti-bukti kekuasaan Allah pada kejadian-kejadian alam buana yang sentiasa disaksikan oleh mereka dengan hati yang cuai dan lalai. Bukti-bukti kekuasaan Allah itu terdapat pada kejadian diri mereka sendiri, pada kejadian-kejadian di sekeliling mereka dan di dalam sejarah mereka yang lama, namun demikian mereka tidak merasa apa-apa dan apabila diberi peringatan mereka tidak mengambil peringatan.

وَمَا تَأْتِيهِم مِّنْ آيَةٍ مِّنْ آيَاتِ رَبِّهِمْ إِلَّا كَانُوا عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴿٤٦﴾

"Dan tiada suatu ayat dari ayat-ayat Allah yang sampai kepada mereka melainkan mereka terus berpaling darinya."(46)

Mereka pinta disegerakan 'azab kerana tidak percaya:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا الْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ﴿٤٨﴾

"Dan mereka bertanya: Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu bercakap benar?"(48)

Sesuai dengan permintaan mereka supaya disegerakan 'azab itu, Al-Qur'an menayangkan satu pemandangan yang panjang dari pemandangan-pemandangan hari Qiamat, di mana mereka melihat dengan jelas nasib kesudahan mereka yang malang yang dipinta mereka supaya disegerakannya itu seolah-olah kelihatan terpampang di hadapan mata mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 32)

Penyesalan Yang Akan Menimpa Manusia-manusia Yang Malang

يَا حَسْرَةً عَلَى الْعِبَادِ ۚ مَا يَأْتِيهِم مِّن رَّسُولٍ إِلَّا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٣٠﴾

أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّنَ الْقُرُونِ أَنَّهُمْ إِلَيْهِمْ لَا يَرْجِعُونَ ﴿٣١﴾

وَإِن كُلٌّ لَّمَّا جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ ﴿٣٢﴾

"Alangkah besarnya penyesalan yang menimpa hamba-hamba-Ku yang menentang rasul. Tiada seorang rasul yang datang kepada mereka melainkan mereka ejekkannya (30). Tidakkah mereka mengetahui beberapa banyak umat sebelum mereka yang telah Kami binasakannya dan mereka tidak lagi pulang kepada mereka (di dunia)? (31) Dan setiap orang dari mereka pasti akan dihadirkan di hadapan Kami."(32)

Penyesalan ialah perasaan hati terhadap sesuatu perkara yang didukacitakan yang membuat seseorang itu tidak dapat berbuat apa-apa selain dari merasa kesal dan sedih. Allah S.W.T. tidak merasa sesal dan kecewa terhadap hamba-hamba-Nya, tetapi Dia hanya menjelaskan bahawa tindak-tanduk mereka wajar dikesalkan oleh setiap orang kerana perbuatan mereka amat malang dan amat didukacitakan. Ia akan membawa kepada akibat yang amat buruk dan bala yang amat besar.

Alangkah besarnya penyesalan hamba-hamba Allah yang diberi peluang untuk menyelamatkan diri, tetapi mereka tidak mempedulikannya. Mereka melihat di hadapan mereka akibat kebinasaan yang telah menimpa umat-umat sebelum mereka, tetapi mereka tidak mengambil pengajaran dan manfa'at darinya. Allah S.W.T. membuka kepada mereka pintu-pintu rahmat-Nya dengan mengirimkan rasul-rasul dari satu masa ke satu masa, tetapi mereka menjauhkan diri dari pintu-pintu rahmat itu dan berkelakuan biadab terhadap Allah.

مَا يَأْتِيهِم مِّن رَّسُولٍ إِلَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ٣٠
أَلَمْ يَرَوْا۟ كَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّنَ ٱلْقُرُونِ أَنَّهُمْ إِلَيْهِمْ
لَا يَرْجِعُونَ ٣١

"Tiada seorang rasul yang datang kepada mereka melainkan mereka ejekkannya. (30). Tidakkah mereka mengetahui berapa banyak umat sebelum mereka yang telah Kami binasakannya dan mereka tidak lagi pulang kepada mereka."(31)

Kebinasaan umat-umat yang dahulu kala yang pergi tidak pulang-pulang di sepanjang tahun dan abad itu sepatutnya menjadi pengajaran kepada orang yang berfikir dengan insaf, tetapi mereka yang malang itu tidak berfikir dengan insaf Mereka akan menerima nasib yang sama. Manakah keadaan yang lebih dikesalkan dari keadaan mereka yang seperti ini?

Seekor binatang memperlihatkan rasa gentarnya apabila melihat saudaranya binasa di hadapannya dan ia akan cuba menghindarkan dirinya sedapat mungkin dari menerima nasib yang sama, tetapi mengapa manusia sanggup melihat manusia-manusia yang lain binasa seorang demi seorang kemudian dia terus meluru ke jalan yang sama? Perasaan angkuh itulah yang memperdayakannya dari melihat akibat yang buruk yang telah banyak menimpa orang lain itu. Kebinasaan umat-umat yang dahulu yang berlaku di sepanjang jalan adalah dapat dilihat oleh semua orang, tetapi mereka seolah-olah buta tidak dapat melihatnya.

Dan andainya orang-orang yang binasa itu pergi tidak pulang-pulang kepada generasi-generasi pengganti mereka, maka ini bukanlah bererti mereka ditinggalkan begitu sahaja atau terlepas dari hisab Allah.

وَإِن كُلٌّ لَّمَّا جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ ٣٢

"Dan setiap orang dari mereka pasti dihadirkan di hadapan Kami."(32)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 36)

Bukti Dari Tanah Gersang

وَءَايَةٌ لَّهُمُ ٱلْأَرْضُ ٱلْمَيْتَةُ أَحْيَيْنَٰهَا وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا
حَبًّا فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ ٣٣
وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّٰتٍ مِّن نَّخِيلٍ وَأَعْنَٰبٍ وَفَجَّرْنَا
فِيهَا مِنَ ٱلْعُيُونِ ٣٤
لِيَأْكُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ ۖ أَفَلَا
يَشْكُرُونَ ٣٥
سُبْحَٰنَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْأَزْوَٰجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنۢبِتُ
ٱلْأَرْضُ وَمِنْ أَنفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ ٣٦

"Dan satu bukti yang terang untuk menungan mereka ialah kejadian bumi yang mati. Kami telah hidupkan bumi itu (dengan tumbuh-tumbuhan) dan Kami keluarkan darinya biji-bijian dan darinya juga mereka mendapat makanan (33). Dan Kami jadikan padanya kebun-kebun kurma dan anggur dan Kami alirkan padanya matair-matair (34). Supaya mereka dapat memakan hasil-hasil buah-buahannya dan hasil-hasil dari apa yang diusahakan tangan mereka. Mengapakah mereka tidak bersyukur? (35) Maha Sucilah Allah yang telah menjadikan seluruh makhluk secara berpasang-pasangan, iaitu dari tumbuh-tumbuhan di bumi dan diri mereka sendiri, juga kejadian-kejadian yang lain yang tidak diketahui mereka."(36)

Mereka mendustakan para rasul dan tidak mengambil pengajaran dari kebinasaan para pendusta yang lampau. Mereka tidak memahami apakah makna orang-orang itu pergi dan tidak pulang-pulang. Para rasul hanya bertujuan menyeru mereka kepada Allah dan seluruh kejadian alam di sekeliling mereka menceritakan sifat-sifat Allah kepada mereka, membukti dan menyaksikan kewujudan-Nya. Lihatlah bumi yang amat dekat kepada mereka. Mula-mula mereka nampaknya mati dan tandus, tiada apa-apa tumbuhannya yang hidup dan tiada air yang dapat mencetuskan hayat, kemudian mereka melihatnya hidup subur dengan tumbuh-tumbuhan, terhias indah dengan kebun-kebun kurma dan anggur dan dengan

matair-matair yang mengalir membawa hayat ke mana sahaja ia mengalir.

Hayat itu adalah satu mu'jizat yang tidak mungkin dilakukan oleh tangan manusia. Hanya tangan qudrat kekuasaan Allah sahajalah yang berkuasa melakukan mu'jizat-mu'jizat dan berkuasa membangkitkan roh hayat pada benda-benda yang mati. Dengan melihat tumbuh-tumbuhan yang subur, kebun-kebun yang merimbun dengan daun-daun yang lebat dan buah-buahan yang masak itu dapat membukakan mata dan hati dan membuktikan betapa kuasanya tangan qudrat Ilahi yang menciptakan segala sesuatu dengan indah. Dan tangan qudrat inilah yang membelah tanah untuk memberi jalan kepada tunas tumbuh-tumbuhan keluar mendapatkan kebebasan dan cahaya. Batangnya yang mendapat cahaya matahari itu menjadi subur dan segar. Dahan-dahannya yang lembut berhias dengan daun-daun dan buah-buah. Bunga-bunganya berkembang dan buah-buahnya masak untuk dipetik.

لِيَأْكُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ

"Supaya mereka dapat memakan hasil-hasil buah-buahannya dan hasil-hasil dari apa yang diusahakan tangan mereka"(35)

dan tangan qudrat Allahlah yang membolehkan manusia bekerja sebagaimana ia membolehkan tumbuh-tumbuhan itu hidup subur.

أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٥﴾

"Mengapakah mereka tidak bersyukur?"(35)

Setelah membuat sentuhan yang lembut ini, ayat berikut berpaling dari mereka untuk bertasbih kepada Allah yang telah mengeluarkan tumbuh-tumbuhan dan kebun-kebun untuk mereka dan menjadikan tumbuh-tumbuhan itu berpasang-pasangan jantan dan betina, lelaki dan perempuan seperti manusia dan makhluk-makhluk yang lain yang hanya diketahui oleh Allah sahaja.

Bukti Dari Makhluk-makhluk Yang Berpasangan

سُبْحَـٰنَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْأَزْوَٰجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنۢبِتُ
ٱلْأَرْضُ وَمِنْ أَنفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾

"Maha Sucilah Allah yang telah menjadikan seluruh makhluk secara berpasang-pasangan, iaitu dari tumbuh-tumbuhan di bumi dan diri mereka sendiri, juga kejadian-kejadian yang lain yang tidak diketahui mereka."(36)

Ucapan tasbih ini bergema tepat pada waktu dan tempatnya dan bersama-sama ucapan tasbih itu terlukislah satu hakikat agung dari hakikat alam buana, iaitu hakikat persamaan penciptaan dan persamaan asas dan struktur, iaitu Allah telah menciptakan segala makhluk yang hidup secara berpasang-pasangan sama ada pada tumbuh-tumbuhan atau pada manusia atau pada makhluk-makhluk yang lain dari keduanya.

وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾

"Yang tidak diketahui mereka."(36)

Persamaan ini membayangkan persamaan tangan qudrat Pencipta yang mewujudkan asas penciptaan yang sama di samping kelainan berbagai-bagai bentuk rupa, berbagai-bagai jenis dan berbagai sifat dan ciri. Siapa tahu mungkin asas persamaan penciptaan ini juga menjadi asas seluruh kejadian di alam buana termasuk benda-benda yang tidak bernyawa, kerana kini telah diketahui umum bahawa atom - yang sebelum ini dikenali sebagai bahagian benda yang paling kecil - adalah tersusun dari dua pasangan sinar atau radiasi elektromagnet yang berlain-lainan iaitu negatif dan positif yang bercantum dan berpadu. Beribu-ribu bintang berkelamin telah dilihat. Bintang-bintang itu terdiri dari dua bintang yang berhubung rapat dan saling tarik menarik satu sama lain. Kedua-duanya beredar di jalan peredaran yang sama seolah-olah keduanya memain sebuah lagu yang sama, yang tetap tidak berubah-ubah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 40)

Bukti Dari Malam Dan Siang, Matahari Dan Bulan

Itulah bukti kekuasaan Allah pada kejadian bumi yang mati yang melahirkan hayat. Kemudian dari kejadian bumi berpindah pula kepada bukti kekuasaan Allah pada kejadian langit dan segala gejala-gejalanya yang dapat dilihat oleh manusia. Qudrat kekuasaan Allahlah yang mengedarkan bintang-bintang dan planet-planetnya dengan mu'jizat-mu'jizat yang luar biasa:

وَءَايَةٌ لَّهُمُ ٱلَّيْلُ نَسْلَخُ مِنْهُ ٱلنَّهَارَ فَإِذَا هُم
مُّظْلِمُونَ ﴿٣٧﴾
وَٱلشَّمْسُ تَجْرِى لِمُسْتَقَرٍّ لَّهَا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ
ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٣٨﴾
وَٱلْقَمَرَ قَدَّرْنَـٰهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَٱلْعُرْجُونِ ٱلْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾
لَا ٱلشَّمْسُ يَنۢبَغِى لَهَآ أَن تُدْرِكَ ٱلْقَمَرَ وَلَا ٱلَّيْلُ
سَابِقُ ٱلنَّهَارِ ۚ وَكُلٌّ فِى فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

"Dan satu lagi bukti yang terang untuk renungan mereka ialah kejadian malam; Kami hapuskan siang tiba-tiba seluruh mereka berada dalam gelap-gelita (37). Juga perjalanan matahari yang berlari ke tempat perhentiannya. Itulah perencanaan yang telah diaturkan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (38). Juga perjalanan bulan, kami aturkan perjalanannya beredar melalui beberapa peringkat perkembangan dan pada akhirnya ia kembali ke peringkat

awalnya dengan bentuk melengkung seperti tandan tamar yang tua (39). (Dengan peraturan itu) matahari tidak mungkin mengejar bulan dan malam tidak mungkin mendahului siang. Tiap-tiap satunya terapung-apung beredar di tempat peredaran masing-masing."(40)

Pemandangan ketibaan malam, di mana cahaya menghilangkan diri dan kegelapan datang menyelubungi adalah satu pemandangan yang berulang-ulang yang dilihat manusia di segenap tempat dalam masa dua puluh empat jam (kecuali setengah-setengah tempat yang berkekalan siang dan setengah-setengah tempat yang terus malam hingga berminggu-minggu dan berbulan-bulan berhampiran Kutub Utara dan Selatan)! Walaupun kedatangan malam itu berulang-ulang setiap hari, namun ia tetap merupakan satu kejadian yang menakjubkan yang mendorong kepada kegiatan mengamati dan berfikir.

Al-Qur'an mengungkapkan kejadian malam dan siang dalam ayat ini dengan satu ungkapan yang unik. Ia menggambarkan siang bersebati dengan malam kemudian Allah mencabutkan siang dari malam dan tiba-tiba mereka pun berada di dalam gelap-gelita. Kita mungkin dapat mengetahui sedikit tentang rahsia ungkapan yang unik ini apabila kita memahami hakikat kejadian ini, iaitu bumi yang bulat berputar di sekeliling dirinya di hadapan matahari. Mana-mana bahagiannya yang melalui di hadapan matahari, maka bahagian itu akan menjadi siang dan apabila bumi terus berputar dan bahagian itu terlindung dari matahari maka terhapuslah siang darinya dan malam pula menyelubunginya. Demikianlah kejadian malam dan siang ini berlaku di setiap bahagian bumi dengan teratur rapi seolah-olah cahaya siang itu dicabut atau dihapuskan kemudian diganti dengan kegelapan malam. Ini adalah pengungkapan yang menggambarkan hakikat kejadian alam dengan sehalus-halus gambaran.

وَٱلشَّمْسُ تَجْرِى لِمُسْتَقَرٍّ لَّهَا

"Juga perjalanan matahari yang berlari ke tempat perhentiannya."(38)

Matahari berputar di sekeliling dirinya. Dahulu matahari difikirkan tetap di tempatnya, di mana ia berputar di sekeliling dirinya, tetapi di masa kebelakangan ini ia diketahui tidak tetap di tempatnya, malah ia juga berlari, menuju satu hala di angkasa raya alam yang amat luas dengan kederasan - mengikut kiraan Ahli Astronomi - kira-kira dua, belas batu sesa'at. Allah S.W.T. Yang Maha Mengetahui dengan hakikat lariannya dan kesudahannya menerangkan dalam ayat ini bahawa ia berlari menuju ke tempat perhentian, di mana ia akan menamatkan perjalanannya. Hanya Allah sahaja yang mengetahui tempat perhentian itu dan tiada siapa yang mengetahui masa perhentian itu melainkan Allah.

Apabila kita memahami bahawa besar saiz matahari ini ialah kira-kira sejuta kali ganda saiz bumi dan ia bergerak dan berlari di angkasa raya tanpa ditongkat oleh sesuatu apa, nescaya kita dapat memahami sebahagian dari sifat qudrat Ilahi yang menguruskan pentadbiran alam buana ini dengan qudrat kuasa dan ilmu yang syumul:

ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٣٨﴾

"Itulah perencanaan yang telah diaturkan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(38)

* * * * * *

وَٱلْقَمَرَ قَدَّرْنَٰهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَٱلْعُرْجُونِ ٱلْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾

"Juga perjalanan bulan, Kami aturkan perjalanannya beredar melalui beberapa peringkat perkembangan dan pada akhirnya ia kembali ke peringkat awalnya dengan bentuk melengkung seperti tandan tamar yang tua."(39)

Manusia melihat bulan di berbagai-bagai peringkat peredarannya. Mula-mula ia lahir dengan bentuk bulan sabit kemudian bertambah besar malam demi malam hingga akhirnya membulat menjadi bulan purnama, kemudian ia mula bertambah kurang pula hingga akhirnya kembali semula kepada, bentuk bulan sabit yang melengkung, seperti tandan tamar yang tua dan kering.

Bagi orang yang memperhatikan bulan malam demi malam, dia dapat memahami bayangan ungkapan Al-Qur'an yang menakjubkan ini.

حَتَّىٰ عَادَ كَٱلْعُرْجُونِ ٱلْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾

"Dan pada akhirnya ia kembali ke peringkat awalnya dengan bentuk melengkung seperti tandan tamar yang tua."(39)

Bulan pada malam-malam pertamanya berbentuk bulan sabit dan, pada malam-malam akhirnya juga berbentuk bulan sabit, tetapi pada malam-malam yang pertama ia, kelihatan begitu segar dan muda, sedangkan pada malam-malam yang akhir ia kelihatan seolah-olah diselubungi keadaan muram, tidak riang, pucat dan layu seperti tandan tamar yang tua. Oleh itu bukanlah sesuatu kebetulan apabila Al-Qur'an menggambarkan bulan itu dengan ungkapannya yang amat menarik itu.

Hidup bersama bulan malam demi malam mencetuskan berbagai-bagai perasaan dan lintasan fikiran yang segar, kaya dan memberi ilham-ilham yang amat mendalam. Hati manusia yang hidup bersama bulan dalam satu peredarannya yang sempurna tidak akan terhindar dari dipengaruhi oleh perasaan-perasaan dan reaksi-reaksi, juga tidak terhindar dari perjalanan-perjalanan menjelajah bersama tangan qudrat Ilahi Yang Maha Kreatif yang menciptakan keindahan dan kegemilangan bulan dan mengaturkan peredaran bintang-bintang dan planet-planet dengan peraturannya yang amat menakjubkan itu sama ada seorang itu mengetahui (secara ilmiyah) rahsia peringkat-peringkat perkembangan dan bentuk-bentuk bulan yang berlain-lainan itu atau tidak, kerana pemandangan-pemandangan peringkat-peringkat perkembangan bulan itu sahaja sudah cukup untuk menggerakkan hatinya, merangsangkan perasaannya dan mendorongkan akalnya untuk meneliti dan berfikir:

Pada akhirnya ayat berikut menjelaskan kehalusan peraturan alam yang mengendalikan bintang-bintang dan planet-planet yang amat banyak itu dan mengaturkan gejala-gejala alam yang terbit dari peraturan yang sepadu dan halus itu.

لَا ٱلشَّمۡسُ يَنۢبَغِي لَهَآ أَن تُدۡرِكَ ٱلۡقَمَرَ وَلَا ٱلَّيۡلُ
سَابِقُ ٱلنَّهَارِۚ وَكُلّٞ فِي فَلَكٖ يَسۡبَحُونَ ٤٠

"(Dengan peraturan itu) matahari tidak mungkin mengejar bulan dan malam tidak mungkin mendahului siang. Tiap-tiap satunya terapung-apung beredar di tempat peredaran masing-masing."(40)

Jarak-jarak Di Antara Bintang-bintang Dan Planet-planet Yang Begitu Jauh

Setiap bintang atau planet mempunyai jalan peredarannya (orbit) yang tidak dilampauinya di dalam perjalanan dan peredarannya. Jarak-jarak di antara bintang-bintang dan planet-planet itu amat jauh. Jarak di antara bumi kita dengan matahari adalah dianggarkan kira-kira sembilan puluh tiga juta batu dan jauh bulan dari bumi dianggarkan kira-kira dua ratus empat puluh ribu juta batu. Walaupun jarak-jarak ini begitu jauh, namun ia dikira amat kecil sekali jika dibandingkan dengan jarak di antara keluarga matahari kita (sistem suria) dengan sedekat-dekat bintang dari bintang-bintang langit yang lain kepada kita, iaitu dianggarkan kira-kira empat tahun cahaya. Kederasan perjalanan cahaya dianggarkan seratus lapan puluh enam ribu batu sesa'at (ini bermakna sedekat-dekat bintang kepada kita ialah sejauh kira-kira seratus empat juta batu).

Allah yang menciptakan alam buana yang besar ini telah mengaturkan jarak-jarak yang amat jauh di antara jalan-jalan peredaran bintang-bintang dan planet-planet itu. Allah mengaturkan pelan alam ini sedemikian rupa untuk memelihara dari segala perlanggaran sehingga tiba sa'at Qiamat. Oleh itu matahari tidak akan mengejar bulan, dan malam tidak akan berlumba-lumba dengan siang di dalam perjalanan masing-masing, kerana peredaran yang membawa malam dan siang itu tidak pernah mungkir atau kacau, kedua-duanya tidak berlumba-lumba dan berebut-rebut dalam perjalanan.

وَكُلّٞ فِي فَلَكٖ يَسۡبَحُونَ ٤٠

"Tiap-tiap satunya terapung-apung beredar di tempat peredaran masing-masing."(40)

Pergerakan bintang-bintang dan planet-planet di angkasa raya yang amat luas itu adalah sama dengan pergerakan kapal-kapal di lautan yang luas saujana, tetapi walaupun bintang-bintang itu begitu besar, namun ia tidak lebih dari satu titik yang kecil yang terapung-apung di angkasa raya.

Manusia akan merasa dirinya semakin kecil ketika memperhatikan jutaan bintang dan planet yang bertaburan di angkasa raya yang sayup saujana. Walaupun saiz-saiznya amat besar, namun bintang-bintang itu kelihatan amat kecil. Seolah-olah hilang dalam angkasa raya itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 44)

Bukti Dari Kapal-kapal Laut

وَءَايَةٞ لَّهُمۡ أَنَّا حَمَلۡنَا ذُرِّيَّتَهُمۡ فِي ٱلۡفُلۡكِ ٱلۡمَشۡحُونِ ٤١
وَخَلَقۡنَا لَهُم مِّن مِّثۡلِهِۦ مَا يَرۡكَبُونَ ٤٢
وَإِن نَّشَأۡ نُغۡرِقۡهُمۡ فَلَا صَرِيخَ لَهُمۡ وَلَا هُمۡ يُنقَذُونَ ٤٣
إِلَّا رَحۡمَةٗ مِّنَّا وَمَتَٰعًا إِلَىٰ حِينٖ ٤٤

"Dan satu lagi bukti yang terang untuk renungan mereka ialah Kami telah mengangkut zuriat keturunan mereka dalam bahtera yang penuh sarat (41). Begitu juga kami ciptakan untuk mereka kenderaan-kenderaan lain yang sama sepertinya yang dapat dinaiki mereka (42). Dan jika Kami kehendaki nescaya Kami menenggelamkan mereka dan (ketika itu) tiada siapa yang berkuasa menolong mereka dan tidak pula mereka dapat diselamatkan (43). Melainkan dengan rahmat dan keni'matan hidup dari limpah kurnia Kami hingga ke satu masa yang tertentu."(44)

Di dalam ayat ini terdapat satu hubungan halus yang sesuai di antara bintang-bintang dan planet-planet yang beredar di jalan-jalan peredarannya masing-masing dengan bahtera yang penuh sarat di lautan membawa zuriat keturunan anak Adam, iaitu sesuai dari segi bentuk, sesuai dari segi pergerakan dan sesuai dari segi kedua-duanya adalah tunduk kepada perintah Allah dan terpelihara dengan qudrat Allah di langit dan dibumi.

Mungkin dimaksudkan dengan bahtera yang penuh sarat di sini ialah bahtera Nabi Nuh bapa yang kedua manusia, iaitu bahtera yang telah mengangkut zuriat Adam, kemudian Allah jadikan untuk mereka kapal-kapal yang sepertinya untuk membawa mereka meredah lautan. Mereka semuanya dimuat dan diangkut dengan qudrat dan undang-undang Allah yang mengendalikan alam buana ini. Allah menjadikan kapal-kapal itu terapung-apung di permukaan air mengikut ciri-ciri peraturan binaan kapal, ciri-ciri air, ciri-ciri angin atau wap atau ciri-ciri tenaga nuklear atau sebagainya dari tenaga-tenaga alam yang lain. Dan semuanya adalah dari urusan Allah, penciptaan dan pentadbiran-Nya yang rapi.

وَإِن نَّشَأۡ نُغۡرِقۡهُمۡ فَلَا صَرِيخَ لَهُمۡ وَلَا هُمۡ يُنقَذُونَ ٤٣
إِلَّا رَحۡمَةٗ مِّنَّا وَمَتَٰعًا إِلَىٰ حِينٖ ٤٤

"Dan jika Kami kehendaki, nescaya Kami menenggelamkan mereka dan (ketika itu) tiada sesiapa yang berkuasa menolong mereka dan tidak pula mereka dapat diselamatkan, melainkan dengan rahmat dan keni'matan

hidup dari limpah kurnia Kami hingga ke satu masa yang tertentu."(43-44)

Kapal di lautan laksana sehelai bulu yang diterbangi angin tidak kira walau bagaimana berat dan besarnya dan walau bagaimana kukuh binaannya. Andainya tidak dilindungi rahmat Allah, kapal-kapal itu boleh binasa pada bila-bila masa sahaja sama ada di waktu malam atau siang. Orang-orang yang menyeberangi lautan, sama ada dengan perahu layar atau dengan kapal yang besar, akan merasa kedahsyatan lautan yang mengerikan itu dan akan merasa betapa kecilnya keselamatan dari bahaya-bahaya dan ombak-ombaknya yang besar menggarang itu. Di sana mereka akan sedar erti rahmat Allah, yang merupakan satu pelindung dan penyelamat dari ribut taufan dan gelombang-gelombang di lautan yang luas itu. Hanya kuasa rahmat Allah sahaja yang dapat mengawalkan keliaran ombak-ombaknya yang tidak tunduk kepada mana-mana kuasa yang lain dari kuasa Allah sama ada di langit atau di bumi. Begitulah ia berlangsung sehingga sampai masanya yang tersurat dan tiba masanya yang telah ditetapkan Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui:

وَمَتَٰعًا إِلَىٰ حِينٖ ﴿٤٤﴾

"Dan keni'matan hidup dari limpah kurnia Kami hingga ke satu masa yang tertentu."(44)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 48)

Walaupun bukti-bukti kekuasaan Allah itu begitu jelas dan nyata, namun manusia masih terus dalam kelalaian. Ia tidak menarik pandangan mereka dan tidak menggerakkan hati mereka. Mereka tidak berhenti mengejek dan mendustakan rasul. Mereka meminta supaya disegerakan 'azab yang diancamkan oleh para rasul itu kepada mereka.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱتَّقُواْ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيكُمۡ وَمَا خَلۡفَكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تُرۡحَمُونَ ﴿٤٥﴾

وَمَا تَأۡتِيهِم مِّنۡ ءَايَةٖ مِّنۡ ءَايَٰتِ رَبِّهِمۡ إِلَّا كَانُواْ عَنۡهَا مُعۡرِضِينَ ﴿٤٦﴾

وَإِذَا قِيلَ لَهُمۡ أَنفِقُواْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ قَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَنُطۡعِمُ مَن لَّوۡ يَشَآءُ ٱللَّهُ أَطۡعَمَهُۥٓ إِنۡ أَنتُمۡ إِلَّا فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ﴿٤٧﴾

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلۡوَعۡدُ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Jagalah diri kamu (dari punca-punca kemurkaan Allah yang ada) di hadapan dan di belakang kamu supaya kamu dirahmati Allah (mereka tidak menghiraukannya) (45). Dan tiada suatu ayat dari ayat-ayat Allah yang sampai kepada mereka, melainkan mereka terus berpaling darinya (46). Dan apabila dikatakan kepada mereka: Dermakanlah sebahagian rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada kamu, maka mereka yang kafir berkata kepada mereka yang beriman: Apakah wajar bagi kami memberi makan kepada mereka (fakir miskin) sedangkan jika Allah kehendaki tentulah Dia sendiri akan memberi makan kepada mereka? Kamu sebenarnya berada di dalam kesesatan yang amat nyata (47). Dan mereka bertanya: Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu bercakap benar?"(48)

Bukti-bukti kekuasaan Allah pada kejadian alam buana itu tidak mendorong mereka untuk memerhati dan mengambil pengajaran dan tidak merangsangkan kepekaan perasaan dan ketaqwaan pada mereka, sedangkan bukti-bukti kekuasaan Allah itu sudah cukup untuk menimbulkan rasa kesedaran dan keterharuan di dalam hati yang terbuka. Setiap lembaran dari kitab alam buana yang terbuka ini menunjukkan kebesaran Allah Pencipta dan kehalusan tadbir dan taqdir-Nya, tetapi orang-orang yang buta matahati itu tidak dapat melihatnya dan andainya mereka melihatnya, mereka tidak mengambil pengajaran darinya. Allah S.W.T. - kerana limpah rahmat-Nya - tidak membiarkan mereka tanpa Rasul yang memberi peringatan dan bimbingan kepada mereka, juga menyeru mereka kepada Allah Tuhan alam buana dan Pencipta alam al-wujud, juga merangsangkan perasaan yang peka, takut dan taqwa dalam hati mereka di samping mengingatkan mereka dari punca-punca yang menimbulkan kemarahan dan kemurkaan Ilahi, iaitu punca-punca maksiat yang mengepung mereka dari hadapan dan belakang. Andainya mereka tidak berwaspada mereka akan terjerumus ke dalam maksiat-maksiat itu pada setiap langkah mereka. Di samping bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat pada kejadian-kejadian alam di sekeliling mereka, di mana sahaja mereka menghala, ditambahkan pula dengan ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan berturut-turut kepada mereka, namun demikian mereka terus berada dalam kesesatan dan kelalaian.

Dan apabila mereka diseru supaya membelanjakan sebahagian harta mereka untuk memberi makan kepada fakir miskin, mereka berkata mengejek:

Persepsi Orang Kaya Yang Angkuh

أَنُطۡعِمُ مَن لَّوۡ يَشَآءُ ٱللَّهُ أَطۡعَمَهُۥٓ

"Apakah wajar bagi kami memberi makan kepada mereka (fakir miskin), sedangkan jika Allah kehendaki tentulah Dia sendiri akan memberi makan kepada mereka?"(47)

Dan mereka menunjukkan lagak yang angkuh terhadap mereka yang menyeru mereka kepada kebajikan dan pendermaan itu dengan mengeluarkan kata-kata:

إِنۡ أَنتُمۡ إِلَّا فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ﴿٤٧﴾

"Kamu sebenarnya berada dalam kesesatan yang amat nyata."(47)

Persepsi mereka yang seperti ini terhadap pendermaan menunjukkan mereka tidak memahami undang-undang Allah dalam kehidupan manusia. Allah itulah Pemberi makan dan Pemberi rezeki kepada seluruh manusia. Segala rezeki yang didapati manusia di bumi ini adalah dari ciptaan-Nya. Mereka tidak mencipta sesuatu apa untuk diri mereka, dan memanglah mereka tidak berkuasa untuk menciptakan sesuatu. Tetapi kehendak iradat Allah untuk mengimarahkan bumi ini memerlukan manusia mempunyai berbagai-bagai hajat dan keperluan yang tidak dapat dicapai melainkan dengan berusaha dan bekerja dengan penat lelah iaitu dengan usaha pertanian, pertukangan dan pembuatan dari bahan-bahan mentah di bumi dan usaha memindahkan barangan-barangannya dari, satu tempat ke satu tempat dan menukarkan barangan-barangan itu dengan barangan-barangan yang lain atau dengan mata wang atau dengan nilaian yang berlain-lainan mengikut kelainan masa dan tempat. Begitu juga ia memerlukan adanya berbagai-bagai bakat dan kebolehan yang berbeza-beza di antara manusia itu mengikut keperluan pentadbiran khilafah yang sempurna di bumi ini. Khilafah bukan sahaja memerlukan kepada bakat-bakat dan kebolehan di bidang usaha mengumpulkan harta kekayaan dan rezeki sahaja, malah ia memerlukan kepada bakat-bakat kebolehan di bidang-bidang yang lain juga yang dapat memenuhi keperluan asasi bagi menegakkan khilafah manusia di bumi ini, sedangkan orang-orang yang mempunyai bakat-bakat dan kebolehan di bidang-bidang ini tidak pula sempat atau kurang berpeluang untuk mengumpulkan harta kekayaan dan rezeki-rezeki.

Hikmat Di Sebalik Ibadat Zakat

Di tengah-tengah lautan berbagai-bagai keperluan khilafah dan berbagai-bagai bakat dan kebolehan yang diperlukan itu berlangsunglah proses pertukaran manfa'at-manfa'at dan rezeki-rezeki dan berlakulah pertarungan dan rebutan dalam pembahagian-pembahagian dan habuan-habuan rezeki .... di tengah-tengah lautan yang luas ini yang bukan sahaja mempunyai jaringan hubungan dalam satu generasi sahaja malah di dalam berbagai-bagai generasi yang dekat dan jauh, yang silam, yang sekarang dan yang akan datang..... di tengah-tengah lautan inilah berlakunya perbezaan rezeki di tangan manusia. Dan supaya perbezaan rezeki ini tidak membawa kepada kerosakan hidup dan masyarakat kerana memandangkan perbezaan itu pada asalnya terbit dari kegiatan hidup untuk menegakkan khilafah manusia di muka bumi ini, maka Islam bertindak mengatasi masalah-masalah keperluan individu itu dengan mewajibkan orang-orang yang kaya mengeluarkan sebahagian dari harta kekayaan mereka untuk golongan fakir miskin demi menjaminkan makanan dan keperluan hidup mereka. Dengan peruntukan ini dapat membetul dan membaikkan kebanyakan hati orang-orang miskin atau orang-orang kaya. Islam telah menjadikan peruntukan itu sebagai bayaran zakat dan di antara makna zakat yang ditetapkannya ialah kebersihan (membersihkan diri). Begitu juga Islam menjadikan zakat itu sebagai satu ibadat. Dan dengan zakat ini Allah menjalinkan hubungan yang mesra di antara orang-orang miskin dengan orang-orang kaya dalam masyarakat Islam yang mithali yang tidak ada tolok bandingnya.

Perkataan orang-orang Musyrikin yang terhijab dari memahami hikmat kebijaksanaan Allah dalam mengaturkan hidup manusia yang berbunyi.

أَنُطْعِمُ مَن لَّوْ يَشَآءُ ٱللَّهُ أَطْعَمَهُۥٓ

"Apakah wajar bagi kami memberi makan kepada mereka (fakir miskin) sedangkan jika Allah kehendaki tentulah Dia sendiri akan memberi makan kepada mereka?"(47)

juga kecaman mereka terhadap orang-orang yang menyeru mereka supaya membelanjakan sebahagian dari harta kekayaan mereka untuk kebajikan yang berbunyi.

إِنْ أَنتُمْ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ٤٧

"Kamu sebenarnya berada dalam kesesatan yang amat nyata"(47)

Perkataan-perkataan ini tidak lain melainkan benar-benar membayangkan kesesatan dan kebingungan mereka sendiri dalam memahami tabi'at undang-undang Allah, memahami pergerakan hidup, memahami betapa besarnya pergerakan itu dan memahami betapa agungnya tujuan dilengkapkan manusia dengan berbagai-bagai bakat dan kebolehan yang berlainan itu, dan dengan kelainan ini berlaku proses pengagihan dan pembahagian harta-harta kekayaan dan rezeki-rezeki itu.

Islam meletakkan satu peraturan yang menjaminkan peluang-peluang yang adil bagi setiap individu, kemudian ia membiarkan berbagai-bagai kegiatan manusia yang perlu untuk menegakkan urusan khalifah supaya berlangsung mengikut salurannya yang bersih, kemudian ia menangani segala kesan-kesan yang buruk dengan cara-caranya yang selamat.

Pada akhirnya diterangkan kesangsian dan ejekan kaum Musyrikin terhadap janji Qiamat:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ٤٨

"Dan mereka bertanya: Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu bercakap benar?"(48)

Janji Allah itu tidak akan dipercepatkan semata-mata kerana manusia mendesak supaya dipercepatkannya, dan tidak akan ditangguhkan kerana manusia memohon supaya ditangguhkannya. Segala sesuatu ada ketentuan dan waktunya yang tetap di sisi Allah. Segala perkara berlaku mengikut masanya yang tertentu dan mengikut kebijaksanaan Allah yang azali yang telah meletakkan segala sesuatu

di tempatnya yang wajar dan menentukan sesuatu peristiwa pada masanya yang sesuai. Kebijaksanaan Allah mengendalikan urusan alam buana ini dengan segala isi dan penghuninya mengikut undang-undang yang ditetapkan dalam Ilmu-Nya.

Jawapan terhadap pertanyaan yang biadab itu diberikan dalam bentuk satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat, di mana mereka dapat melihat bagaimana berlakunya Qiamat itu, bukannya bilakah Qiamat itu akan berlaku?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 58)

Bagaimana Qiamat Berlaku?

مَا يَنظُرُونَ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً تَأْخُذُهُمْ وَهُمْ يَخِصِّمُونَ ﴿٤٩﴾

فَلَا يَسْتَطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَا إِلَىٰ أَهْلِهِمْ يَرْجِعُونَ ﴿٥٠﴾

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَإِذَا هُم مِّنَ الْأَجْدَاثِ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يَنسِلُونَ ﴿٥١﴾

قَالُوا يَا وَيْلَنَا مَن بَعَثَنَا مِن مَّرْقَدِنَا ۜ هَٰذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَٰنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ ﴿٥٢﴾

إِن كَانَتْ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً فَإِذَا هُمْ جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ ﴿٥٣﴾

"Sebenarnya mereka hanya menunggu satu pekikan sahaja yang akan membinasakan mereka, sedangkan mereka ketika itu sedang leka bertengkar (49). Kerana itu mereka tidak sempat meninggalkan pesanan dan tidak sempat kembali mendapatkan keluarga mereka (50). Dan apabila sangkakala (kedua) ditiupkan, maka seluruh mereka mendadak keluar dari kubur-kubur mereka menuju kepada Tuhan mereka (51). Mereka berkata: Alangkah celakanya nasib kami! Siapakah yang telah membangkitkan kami dari tempat tidur kami ini? Inilah (hari) kebangkitan yang dijanjikan Tuhan Yang Maha Penyayang dan amat benarlah sekalian Rasul itu (52). Hanya dengan satu pekikan sahaja tiba-tiba seluruh mereka dihadirkan di hadapan Kami."(53)

Pendusta-pendusta itu bertanya:

مَتَىٰ هَٰذَا الْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ﴿٤٨﴾

"Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu bercakap benar."(48)

Lalu dijawab dengan satu pemandangan yang amat cepat dan pantas iaitu pemandangan satu pekikan yang meragut hayat dan nyawa seluruh yang hidup:

مَا يَنظُرُونَ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً تَأْخُذُهُمْ وَهُمْ يَخِصِّمُونَ ﴿٤٩﴾

فَلَا يَسْتَطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَا إِلَىٰ أَهْلِهِمْ يَرْجِعُونَ ﴿٥٠﴾

"Sebenarnya mereka hanya menunggu satu pekikan sahaja yang akan membinasakan mereka, sedangkan mereka ketika itu sedang leka bertengkar (49). Kerana itu mereka tidak sempat meninggalkan pesanan dan tidak sempat kembali mendapatkan keluarga mereka."(50)

Pekikan itu membinasakan mereka secara mendadak ketika mereka sedang asyik berbantah dan bertengkar dalam pergolakan hidup. Mereka sama sekali tidak menduga dan tidak bersedia untuk menghadapinya, tiba-tiba seluruh mereka mati dalam keadaan masing-masing. Dia tidak sempat meninggalkan apa-apa pesanan dan tidak sempat pula kembali kepada keluarganya untuk menyampaikan sepatah kata kepada mereka. Di mana mereka? Mereka juga seperti dia. Mereka semuanya mati di tempat masing-masing.

Kemudian sangkakala pun ditiupkan, tiba-tiba seluruh mereka keluar dari kubur masing-masing. Mereka berjalan tergesa-gesa dan segera. Mereka berada dalam keadaan bingung dan cemas ketakutan. Mereka tertanya-tanya:

مَن بَعَثَنَا مِن مَّرْقَدِنَا ۜ

"Siapakah yang telah membangkitkan kami dari tempat tidur kami ini?"(52)

Kemudian apabila kebingungan mereka hilang sedikit, mereka mulai menginsafi:

هَٰذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَٰنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ ﴿٥٢﴾

"Inilah (hari) kebangkitan yang dijanjikan Tuhan Yang Rahman dan amat benarlah sekalian Rasul itu."(52)

Kemudian bergema pula satu pekikan terakhir tiba-tiba manusia yang sedang berada dalam kebingungan dan berjalan dengan langkah-langkah yang cepat dan cemas itu kembali sedar dan siuman.

فَإِذَا هُمْ جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ ﴿٥٣﴾

"Tiba-tiba seluruh mereka dihadirkan di hadapan Kami." (53)

Mereka beratur dalam barisan-barisan, lalu perhimpunan pengadilan diadakan dalam sekelip mata dan sepantas bunyi gema keputusan Ilahi yang tertinggi mengenai perhimpunan, Hisab dan balasan diumumkan kepada sekalian hadiran:

فَالْيَوْمَ لَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَلَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٥٤﴾

"Pada hari ini setiap orang tidak akan dianiayai sedikit pun dan kamu tidak akan dibalas melainkan menurut amalan yang dilakukan kamu."(54)

Tiga pemandangan yang berlangsung dalam sekelip mata itu amat sesuai dijadikan jawapan kepada kaum Musyrikin yang meragui hari Qiamat yang dijanjikan itu.

Kemudian Al-Qur'an melangkaui cerita para Mu'minin yang menghadapi Hisab untuk terus menceritakan ni'mat-ni'mat yang diterima oleh mereka:

إِنَّ أَصْحَٰبَ ٱلْجَنَّةِ ٱلْيَوْمَ فِى شُغُلٍ فَٰكِهُونَ ﴿٥٥﴾
هُمْ وَأَزْوَٰجُهُمْ فِى ظِلَٰلٍ عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ مُتَّكِـُٔونَ ﴿٥٦﴾
لَهُمْ فِيهَا فَٰكِهَةٌ وَلَهُم مَّا يَدَّعُونَ ﴿٥٧﴾
سَلَٰمٌ قَوْلًا مِّن رَّبٍّ رَّحِيمٍ ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya penduduk Syurga pada hari ini berada dalam kesibukan meni'mati pelbagai keni'matan (55). Mereka dan pasangan-pasangan mereka berada di bawah naungan yang teduh dan bersandar di atas takhta (56). Di dalam Syurga mereka dihidangkan berbagai-bagai buah-buahan dan mereka memperolehi apa sahaja yang diidami mereka (57). (Mereka menerima) ucapan selamat sejahtera dari Tuhan Yang Maha Pengasih."(58)

Mereka asyik dan sibuk meni'mati ni'mat-ni'mat yang mewah yang dikurniakan kepada mereka. Mereka berada di bawah naungan teduh yang selesa sambil menyedut bayunya yang nyaman. Mereka beristirehat di atas takhta-takhta bersama-sama isteri mereka. Mereka meni'mati buah-buahan dan segala apa yang diidami mereka. Mereka merupakan tuanpunya-tuanpunya yang dipenuhi apa sahaja permintaan mereka. Dan di samping keni'matan-keni'matan itu mereka pula diberi aluan-aluan penghormatan dan ucapan dari Tuhan mereka Yang Maha Pemurah iaitu:

سَلَٰمٌ قَوْلًا مِّن رَّبٍّ رَّحِيمٍ ﴿٥٨﴾

"Ucapan selamat sejahtera dari Tuhan Yang Maha Pengasih."(58)

(Pentafsiran ayat-ayat 59 - 65)

Tetapi Al-Qur'an tidak melangkaui cerita orang-orang yang tidak beriman menghadapi Hisab mereka, malah ia mendedahkan keadaan mereka dengan kecaman-kecaman:

وَٱمْتَٰزُوا۟ ٱلْيَوْمَ أَيُّهَا ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٥٩﴾
أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَٰبَنِىٓ ءَادَمَ أَن لَّا تَعْبُدُوا۟
ٱلشَّيْطَٰنَ ۖ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٦٠﴾

وَأَنِ ٱعْبُدُونِى ۚ هَٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿٦١﴾
وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنكُمْ جِبِلًّا كَثِيرًا ۖ أَفَلَمْ تَكُونُوا۟
تَعْقِلُونَ ﴿٦٢﴾
هَٰذِهِۦ جَهَنَّمُ ٱلَّتِى كُنتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٦٣﴾
ٱصْلَوْهَا ٱلْيَوْمَ بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٦٤﴾

"Kemudian diperintahkan kepada mereka: Pada hari ini diasingkan diri kamu (dari orang-orang Mu'min), wahai orang-orang yang berdosa! (59) Wahai anak-anak Adam! Tidakkah Aku telah perintah kepada kamu supaya kamu jangan menyembah syaitan? Kerana syaitan itu musuh kamu yang amat nyata (60). Dan supaya kamu menyembah-Ku. Inilah jalan yang lurus (61). Dan sesungguhnya syaitan itu telah menyesatkan sebilangan yang amat ramai dari kamu. Apakah tidak kamu berfikir? (62) (Kemudian mereka ditunjukkan): Inilah Neraka Jahannam yang telah diancamkan kepada kamu (63). Rasakanlah bakarannya pada hari ini dengan sebab kekufuran yang dilakukan kamu."(64)

Mereka menerima penghinaan:

وَٱمْتَٰزُوا۟ ٱلْيَوْمَ أَيُّهَا ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٥٩﴾

"Pada hari ini asingkan diri kamu (dari orang-orang Mu'min)."(59)

Yakni asingkan diri kamu jauh-jauh dari mereka:

أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَٰبَنِىٓ ءَادَمَ أَن لَّا تَعْبُدُوا۟
ٱلشَّيْطَٰنَ ۖ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٦٠﴾

"Wahai, anak-anak Adam! Tidakkah aku telah perintah kepada kamu supaya kamu jangan menyembah syaitan, kerana syaitan itu musuh kamu yang amat nyata."(60)

Mereka diseru di sini dengan nama **"anak-anak Adam"** dan seruan Yang sedemikian mengandungi kecaman yang amat pedas, kerana syaitan telah pun mengeluarkan moyang mereka Adam dari Syurga, kemudian mereka masih lagi menyembahkannya, sedangkan dia musuh ketat mereka.

وَأَنِ ٱعْبُدُونِى ۚ هَٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿٦١﴾

"Dan supaya kamu menyembah-Ku. Inilah jalan yang lurus."(61)

Yakni jalan lurus yang menyampaikan kepada-Ku dan membawa kepada keredhaan-Ku. Mengapakah kamu tidak berwaspada terhadap musuh kamu yang telah menyesatkan generasi-generasi kamu yang begitu banyak:

وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنكُمْ جِبِلًّا كَثِيرًا ۖ أَفَلَمْ تَكُونُوا۟
تَعْقِلُونَ ﴿٦٢﴾

"Dan sesungguhnya syaitan itu telah menyesatkan sebilangan yang amat ramai dari kamu. Apakah tidak kamu berfikir?"(62)

Pada penghabisan perhimpunan yang amat dahsyat dan amat menghinakan itu diumumkan hukuman yang amat pedih Yang diiringi dengan ejekan dan penghinaan:

هَٰذِهِۦ جَهَنَّمُ ٱلَّتِي كُنتُمۡ تُوعَدُونَ ٦٣
ٱصۡلَوۡهَا ٱلۡيَوۡمَ بِمَا كُنتُمۡ تَكۡفُرُونَ ٦٤

"(Kemudian mereka ditunjukkan): Inilah Neraka Jahannam yang telah diancamkan kepada kamu (63). Rasakanlah bakarannya pada hari ini dengan sebab kekufuran yang dilakukan kamu."(64)

Tetapi pemandangan itu tidak terhenti setakat ini, malah ia terus berpindah kepada satu pemandangan baru yang menakjubkan:

ٱلۡيَوۡمَ نَخۡتِمُ عَلَىٰٓ أَفۡوَٰهِهِمۡ وَتُكَلِّمُنَآ أَيۡدِيهِمۡ وَتَشۡهَدُ
أَرۡجُلُهُم بِمَا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ٦٥

"Pada hari ini Kami tutupkan mulut mereka dan membiarkan tangan mereka memberi keterangan kepada Kami dan membiarkan kaki mereka menjadi saksi terhadap segala apa yang dilakukan mereka."(65)

Demikianlah mereka mengecewakan satu sama lain. Anggota-anggota tubuh badan mereka turut menjadi saksi di atas dosa-dosa yang dilakukan mereka. Syakhsiyah mereka tercaing-caing dan mendustakan satu sama lain. Setiap anggota tubuh badan mereka kembali kepada Allah dengan sendiri dan menyerah diri kepada-Nya.

Ini adalah satu pemandangan yang amat mena'jub dan menakutkan setiap hati.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 66 - 67)

Demikianlah berakhirnya pemandangan itu, di mana lidah mereka tersimpul kelu, tangan mereka bercakap dan kaki mereka menjadi saksi. Semuanya berlaku di luar kebiasaan dan di luar dugaan mereka. Dan andainya Allah kehendaki, Dia berkuasa menimpakan apa sahaja bala ke atas mereka, dan di sini Al-Qur'an menyebut dua jenis bala yang jika Allah kehendaki Dia berkuasa melakukannya ke atas siapa sahaja yang dikehendaki-Nya:

وَلَوۡ نَشَآءُ لَطَمَسۡنَا عَلَىٰٓ أَعۡيُنِهِمۡ فَٱسۡتَبَقُواْ ٱلصِّرَٰطَ
فَأَنَّىٰ يُبۡصِرُونَ ٦٦
وَلَوۡ نَشَآءُ لَمَسَخۡنَٰهُمۡ عَلَىٰ مَكَانَتِهِمۡ فَمَا
ٱسۡتَطَٰعُواْ مُضِيّٗا وَلَا يَرۡجِعُونَ ٦٧

"(Pada hari ini) jika Kami kehendaki, Kami boleh menghapuskan penglihatan mereka dan menyebabkan mereka (lintang-pukang) berlumba-lumba menyeberangi Sirat. Bagaimana mungkin mereka dapat melihat? (66) Dan jika Kami kehendaki Kami boleh ubahkan mereka menjadi kaku dan terpaku di tempat mereka dan kerana itu mereka tidak dapat mara ke depan dan pulang ke belakang."(67)

Kedua-dua pemandangan ini menggambarkan bala dan penghinaan terhadap orang-orang kafir yang mendusta dan mengejek-ngejek dengan pertanyaan mereka:

مَتَىٰ هَٰذَا ٱلۡوَعۡدُ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ٤٨

"Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu bercakap benar?"(48)

Di dalam pemandangan pertama mereka merupakan sekumpulan orang buta yang berebut-rebut menerpa ke arah Sirat dan berasak-asak untuk menyeberanginya. Mereka kelihatan meraba-raba dan simpang siur dalam perlumbaan itu persis seperti orang-orang buta yang berlumba. Mereka jatuh dan rebah persis seperti rebahnya orang-orang yang buta yang berebut-rebut dan berjalan cepat:

فَأَنَّىٰ يُبۡصِرُونَ ٦٦

"Bagaimana mungkin mereka dapat melihat?"(66)

Di dalam pemandangan yang kedua mereka kelihatan seperti terpaku secara mendadak di tempat mereka. Mereka berubah menjadi patung-patung yang tidak dapat maju ke depan atau mundur ke belakang, sedangkan baru sekejap tadi mereka merupakan sekumpulan orang-orang buta yang berlumba-lumba simpang siur.

Di dalam kedua-dua pemandangan itu mereka kelihatan seperti anak-anak patung atau alat-alat mainan yang berada dalam keadaan yang lucu, sedangkan sebelum ini mereka memperkecil dan mengejek hari Qiamat yang dijanjikan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 68)

Semua peristiwa ini akan berlaku apabila tiba masa Qiamat yang telah dipinta mereka supaya disegerakannya itu. Tetapi andainya mereka masih berada di bumi dan dilanjutkan usianya dan masa Qiamat telah ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang tertentu, maka mereka juga lambat laun akan menerima nasib, yang buruk, mereka akan menjadi tua bangka, nyanyuk dan kembali kepada keadaan kebudak-budakan sama ada di dalam perasaan dan pemikiran mereka.

وَمَن نُّعَمِّرۡهُ نُنَكِّسۡهُ فِي ٱلۡخَلۡقِۚ أَفَلَا يَعۡقِلُونَ ٦٨

"Dan siapa yang Kami panjangkan umurnya, Kami akan kembalikannya semula kepada keadaannya di zaman kecil. Apakah tidak mereka berfikir?"(68)

Umur tua bangka merupakan peringkat umur kembali semula ke peringkat umur kanak-kanak,

tanpa rupa paras kanak-kanak dan tanpa kemurnian dan kejujurannya yang menarik. Orang yang tua terus berundur ke belakang. Dia lupa apa yang telah diketahuinya. Urat sarafnya semakin lemah, fikirannya semakin lembab dan ketahanannya semakin merosot dan akhirnya dia kembali menjadi kanak-kanak, tetapi keteloran kanak-kanak disukai orang dan setiap ketololannya disenangi hati dan membuat mukanya tersenyum, tetapi keadaan itu pada orang tua tidak disukai orang. Kesalahannya tidak dimaaf melainkan kerana kasihan belas kepadanya. Dia menjadi bahan ejekan apabila dia memperlihatkan kelakuan kebudakan atau menunjukkan ketololan sedangkan belakangnya telah bongkok.

Akibat yang seperti ini sama dengan akibat Qiamat, kedua-duanya menunggu para pendusta yang tidak dimuliakan Allah dengan ni'mat keimanan.

* * * * * *

(Kumpulan ayat-ayat 69 - 83)

وَمَا عَلَّمۡنَٰهُ ٱلشِّعۡرَ وَمَا يَنۢبَغِي لَهُۥٓۚ إِنۡ هُوَ إِلَّا ذِكۡرٞ وَقُرۡءَانٞ مُّبِينٞ ﴿٦٩﴾

لِّيُنذِرَ مَن كَانَ حَيّٗا وَيَحِقَّ ٱلۡقَوۡلُ عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿٧٠﴾

أَوَلَمۡ يَرَوۡاْ أَنَّا خَلَقۡنَا لَهُم مِّمَّا عَمِلَتۡ أَيۡدِينَآ أَنۡعَٰمٗا فَهُمۡ لَهَا مَٰلِكُونَ ﴿٧١﴾

وَذَلَّلۡنَٰهَا لَهُمۡ فَمِنۡهَا رَكُوبُهُمۡ وَمِنۡهَا يَأۡكُلُونَ ﴿٧٢﴾

وَلَهُمۡ فِيهَا مَنَٰفِعُ وَمَشَارِبُۚ أَفَلَا يَشۡكُرُونَ ﴿٧٣﴾

وَٱتَّخَذُواْ مِن دُونِ ٱللَّهِ ءَالِهَةٗ لَّعَلَّهُمۡ يُنصَرُونَ ﴿٧٤﴾

لَا يَسۡتَطِيعُونَ نَصۡرَهُمۡ وَهُمۡ لَهُمۡ جُندٞ مُّحۡضَرُونَ ﴿٧٥﴾

فَلَا يَحۡزُنكَ قَوۡلُهُمۡۘ إِنَّا نَعۡلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعۡلِنُونَ ﴿٧٦﴾

أَوَلَمۡ يَرَ ٱلۡإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقۡنَٰهُ مِن نُّطۡفَةٖ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٞ مُّبِينٞ ﴿٧٧﴾

وَضَرَبَ لَنَا مَثَلٗا وَنَسِيَ خَلۡقَهُۥۖ قَالَ مَن يُحۡيِ ٱلۡعِظَٰمَ وَهِيَ رَمِيمٞ ﴿٧٨﴾

قُلۡ يُحۡيِيهَا ٱلَّذِيٓ أَنشَأَهَآ أَوَّلَ مَرَّةٖۖ وَهُوَ بِكُلِّ خَلۡقٍ عَلِيمٌ ﴿٧٩﴾

ٱلَّذِي جَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلشَّجَرِ ٱلۡأَخۡضَرِ نَارٗا فَإِذَآ أَنتُم مِّنۡهُ تُوقِدُونَ ﴿٨٠﴾

أَوَلَيۡسَ ٱلَّذِي خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يَخۡلُقَ مِثۡلَهُمۚ بَلَىٰ وَهُوَ ٱلۡخَلَّٰقُ ٱلۡعَلِيمُ ﴿٨١﴾

إِنَّمَآ أَمۡرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيۡـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

فَسُبۡحَٰنَ ٱلَّذِي بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيۡءٖ وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Dan Kami tidak pernah mengajarkan syair kepadanya dan memang syair itu tidak sesuai dengannya. Apa yang dibacakannya tidak lain melainkan suatu peringatan dan kitab bacaan yang amat jelas (69). Supaya dia memberi peringatan kepada orang yang hidup hati nuraninya dan supaya terlaksana keputusan ('azab) ke atas orang-orang kafir (70). Tidakkah mereka melihat bahawa Kami telah menciptakan untuk mereka binatang ternakan yang dibuat oleh tangan qudrat Kami, maka kerana itu mereka dapat menjadi pemiliknya?(71). Dan Kami jinakkan binatang-binatang ternakan itu untuk kegunaan mereka. Sebahagian darinya menjadi kenderaan mereka dan sebahagian lagi menjadi bahan makanan yang dimakan mereka (72). Dan mereka memperolehi berbagai-bagai faedah darinya dan berbagai-bagai jenis minuman. Mengapakah mereka tidak bersyukur? (73) Dan mereka menyembah tuhan-tuhan selain dari Allah dengan harapan mereka diberi pertolongan (74). (Tetapi) tuhan-tuhan itu tidak berkuasa menolong mereka, sedangkan merekalah tentera-tentera yang disediakan untuk mempertahankan tuhan-tuhan itu (75). Oleh itu janganlah engkau berdukacita dengan sebab cemuhan mereka. Sesungguhnya Kami mengetahui apa yang disembunyi dan apa yang dinyatakan mereka (76). Tidakkah manusia berfikir bahawa Kami telah ciptakannya dari setitis nutfah, tiba-tiba ia menjadi musuh yang amat terang (77). Dan dia telah membuat satu perbandingan, sedangkan dia sendiri lupakan asal kejadiannya. Dia berkata: Siapakah yang berkuasa menghidupkan tulang-temalang yang lelah reput dan hancur itu?(78). Katakanlah: Yang berkuasa menghidupkannya ialah Tuhan yang telah berkuasa menciptakannya pada permulaan kali, dan Dialah Tuhan Yang Maha Mengetahui segala makhluk ciptaan-Nya (79). Dialah Tuhan yang telah menciptakan untuk kamu api dari pokok yang hijau dan dari pokok itu kamu nyalakan api (80). Tidakkah Tuhan yang telah berkuasa menjadikan langit dan bumi itu berkuasa pula untuk menjadikan kembali makhluk-makhluk seperti mereka. Sebenarnya Dia berkuasa berbuat demikian dan Dialah Tuhan Yang Maha Pencipta dan Maha Mengetahui (81). Sesungguhnya cara penciptaan Allah itu ialah apabila Dia

mahu menjadikan sesuatu Dia hanya berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia terus jadi (82). Maka Maha Sucilah Allah yang memegang kerajaan (yang mengendalikan) segala sesuatu dan seluruh kamu akan dipulangkan kepada-Nya."(83)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Bahagian akhir ini menyentuh segala persoalan yang dibicarakan oleh surah ini iaitu persoalan wahyu dan sifat-sifatnya, persoalan Uluhiyah dan Wahdaniyah dan persoalan kebangkitan selepas mati. Semuanya disentuh dalam ayat-ayat yang terperinci dan disertakan dengan bukti-bukti yang amat kuat dan mempunyai nada-nada yang amat mendalam. Seluruh bukti-bukti itu adalah bertujuan untuk menonjolkan tangan qudrat Ilahi yang mencipta dan melaksanakan segala sesuatu di alam buana ini dan memegang teraju segala urusan, kemudian pengertian ini difokuskan dalam sepotong ayat yang mengakhiri surah ini:

فَسُبْحَٰنَ ٱلَّذِى بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَىْءٍ وَإِلَيْهِ
تُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Maka Maha Sucilah Allah yang memegang kerajaan (yang mengendalikan) segala sesuatu dan seluruh kamu akan dipulangkan kepada-Nya."(83)

Tangan qudrat Ilahi yang berkuasa inilah yang telah menciptakan binatang-binatang ternakan untuk manusia dan menjinakkannya untuk kegunaan mereka. Dialah yang telah menciptakan manusia dari nutfah. Dialah yang menghidupkan kembali tulang temalang yang reput persis seperti menciptakannya pada permulaan kali. Dialah yang telah menjadikan api dari pokok yang hijau dan menciptakan langit dan bumi dengan indahnya, dan pada akhirnya Dialah yang memiliki dan menguasai segala sesuatu di alam buana ini. Sekianlah intisari bahagian ini.

وَمَا عَلَّمْنَٰهُ ٱلشِّعْرَ وَمَا يَنۢبَغِى لَهُۥٓ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ
وَقُرْءَانٌ مُّبِينٌ ﴿٦٩﴾
لِّيُنذِرَ مَن كَانَ حَيًّا وَيَحِقَّ ٱلْقَوْلُ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧٠﴾

"Dan Kami tidak pernah mengajarkan syair kepadanya dan memang syair itu tidak sesuai dengannya. Apa yang dibacakannya tidak lain melainkan suatu peringatan dan kitab bacaan yang amat jelas (69). Supaya dia memberi peringatan kepada orang yang hidup hati nuraninya dan supaya terlaksana keputusan ('azab) ke atas orang-orang kafir."(70)

Persoalan wahyu telah pun disebut pada awal surah:

يسٓ ﴿١﴾
وَٱلْقُرْءَانِ ٱلْحَكِيمِ ﴿٢﴾
إِنَّكَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٣﴾
عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٤﴾
تَنزِيلَ ٱلْعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٥﴾
لِتُنذِرَ قَوْمًا مَّآ أُنذِرَ ءَابَآؤُهُمْ فَهُمْ غَٰفِلُونَ ﴿٦﴾

"Yaa, Siin (1). Demi Al-Qur'an yang amat bijaksana (2). Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah dari golongan para rasul (3). Yang mengikut jalan yang lurus (4). Al-Qur'an itu diturun oleh Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih (5). Supaya engkau memberi peringatan kepada satu kaum yang datuk nenek mereka tidak pernah diberikan peringatan, kerana itulah mereka lalai."(6)

Di Antara Al-Qur'an Dan Sajak

Dan kini persoalan itu disebut pula dalam bentuk ini untuk menjawab dakwaan setengah-setengah kaum Musyrikin yang menyifatkan Nabi s.a.w. sebagai seorang penyair dan menyifatkan ayat-ayat Al-Qur'an yang dibawa oleh beliau sebagai syair. Pembesar-pembesar Quraysy memang sedar bahawa hakikat yang sebenar bukannya begitu. Mereka juga sedar bahawa perkataan-perkataan Al-Qur'an yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu adalah perkataan-perkataan yang luar biasa di dalam bahasa mereka. Mereka bukannya begitu bodoh hingga tidak dapat membezakan di antara Al-Qur'an dan syair, malah dakwaan-dakwaan mereka adalah sebenarnya merupakan sebahagian dari perang di'ayah di kalangan orang ramai yang dilancarkan mereka ke atas agama yang baru dan ke atas Rasulullah s.a.w. yang membawa agama itu. Di'ayah itu dibuat dengan alasan, susunan ayat-ayat Al-Qur'an itu sangat indah dan menarik dan dengan alasan ini boleh membuat orang ramai terkeliru di antara susunan ayat-ayat Al-Qur'an dengan susunan kata-kata syair.

Di dalam ayat ini Allah S.W.T. menafikan dengan tegas bahawa dia telah mengajar syair kepada Rasulullah s.a.w. Dan jika Allah tidak mengajarnya, maka sudah tentu beliau tidak akan tahu, kerana seseorang rasul itu tidak mengetahui sesuatu melainkan apa yang diajarkan Allah kepadanya.

Kemudian Allah S W.T. menafikan pula kesesuaian sya'ir dengan Rasulullah s.a.w.:

وَمَا يَنۢبَغِى لَهُۥٓ ۚ

"Dan memang syair itu tidak sesuai dengannya"(69)

kerana syair mempunyai methodologi yang berlain-lainan dari methodologi nubuwah. Syair itu ialah perasaan yang terharu (emosi) atau pengungkapan dari perasaan yang terharu, sedangkan perasaan itu berubah-ubah dari satu keadaan kepada satu keadaan. Tetapi nubuwah ialah wahyu yang berlandaskan satu methodologi yang tetap dan jalan yang lurus, mengikut undang-undang Allah yang tetap yang mengendalikan seluruh alam buana. Ia tidak berubah-ubah mengikut hawa nafsu seperti syair yang berubah-ubah mengikut berbagai-bagai

cetusan emosi yang tidak pernah tetap di atas satu keadaan.

Nubuwah merupakan komunikasi yang berkekalan dengan Allah dan penerimaan wahyu secara langsung dari Allah dan usaha yang berterusan untuk mengembalikan hayat kepada Allah. Sementara syair dalam bentuknya yang paling tinggi merupakan kerinduan-kerinduan dan kecintaan-kecintaan insaniah kepada keindahan dan kesempurnaan, iaitu kerinduan-kerinduan yang bercampuraduk dengan kelemahan-kelemahan manusia dan dengan kefahaman-kefahamannya yang terbatas dengan batas-batas daya akal fikirannya dan bakat-bakat kebolehannya. Tetapi apabila syair itu menurun dari bentuk-bentuknya yang tinggi, maka ia merupakan emosi-emosi dan keinginan-keinginan nafsu yang kadang-kadang jatuh ke tahap jeritan jasad dan keinginan darah daging yang berkobar-kobar. Di sini jelaslah bahawa tabi'at nubuwah dan tabi'at syair itu berlainan dari akar umbinya lagi. Tabi'at syair dalam bentuknya yang paling tinggi merupakan kerinduan-kerinduan yang naik dari bumi, sedangkan tabi'at nubuwah merupakan hidayat yang turun dari langit.

إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْءَانٌ مُّبِينٌ ﴿٦٩﴾

"Apa yang dibacakannya tidak lain melainkan suatu peringatan dan kitab bacaan yang amat jelas."(69)

Peringatan dan bacaan merupakan dua sifat bagi wahyu Allah. Ia merupakan peringatan apabila dilihat dari segi fungsinya dan merupakan peringatan terhadap Allah apabila dilihat dari segi ia dibaca. Jadi, wahyu itu adalah bacaan supaya hati manusia sentiasa mengingati Allah dan ia juga kitab bacaan yang dibaca oleh lidah. Ia diturunkan untuk melaksanakan satu tugas yang telah digariskan dengan jelas:

Siapakah Manusia Yang Hidup Dan Manusia Yang Mati

لِّيُنذِرَ مَن كَانَ حَيًّا وَيَحِقَّ ٱلْقَوْلُ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧٠﴾

"Supaya dia memberi peringatan kepada orang yang hidup hati nuraninya dan supaya terlaksana keputusan ('azab) ke atas orang-orang kafir."(70)

Al-Qur'an meletakkan kekufuran sebagai lawan kepada hayat. Ia menjadikan kekufuran itu sebagai maut dan menjadikan kesediaan hati untuk beriman itu sebagai hayat.

Ayat ini menerangkan fungsi Al-Qur'an, iaitu ia diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau memberi peringatan kepada orang yang mempunyai hayat supaya peringatan itu berguna kepada mereka. Adapun orang-orang yang kafir mereka adalah orang-orang yang mati yang tidak dapat mendengar peringatan, maka fungsi Al-Qur'an kepada mereka ialah merakamkan kewajaran mereka menerima balasan 'azab, kerana Allah tidak mengazabkan seseorang sehingga da'wah Rasul itu sampai kepadanya, kemudian dia ingkarkannya setelah diterangkan dengan bukti-bukti yang jelas, dan mati begitu tanpa alasan dan kemaafan.

Demikianlah manusia dapat mengetahui (dari penjelasan ayat ini) bahawa di sana ada dua golongan dari mereka yang menentukan sikapnya terhadap Al-Qur'an. Satu golongan menyambut Al-Qur'an. Merekalah golongan manusia yang hidup. Dan satu golongan lagi tidak menyambut Al-Qur'an. Merekalah golongan manusia yang mati, dan golongan ini tahu bahawa keputusan 'azab telah pun ditetapkan Allah ke atas mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 71 - 76)

Pembicaraan yang kedua bahagian ini ialah mengemukakan persoalan Uluhiyah dan Wahdaniyah dalam ruang lingkup pemandangan yang menggambarkan kehidupan kaum Musyrikin yang mendapat berbagai-bagai ni'mat Allah, namun demikian mereka tidak bersyukur kepadanya:

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا خَلَقْنَا لَهُم مِّمَّا عَمِلَتْ أَيْدِينَآ أَنْعَٰمًا
فَهُمْ لَهَا مَٰلِكُونَ ﴿٧١﴾
وَذَلَّلْنَٰهَا لَهُمْ فَمِنْهَا رَكُوبُهُمْ وَمِنْهَا يَأْكُلُونَ ﴿٧٢﴾
وَلَهُمْ فِيهَا مَنَٰفِعُ وَمَشَارِبُ ۖ أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾
وَٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ ءَالِهَةً لَّعَلَّهُمْ يُنصَرُونَ ﴿٧٤﴾
لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَهُمْ وَهُمْ لَهُمْ جُندٌ مُّحْضَرُونَ ﴿٧٥﴾
فَلَا يَحْزُنكَ قَوْلُهُمْ ۘ إِنَّا نَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا
يُعْلِنُونَ ﴿٧٦﴾

"Tidakkah mereka melihat bahawa Kami telah menciptakan untuk mereka binatang ternakan yang dibuat oleh tangan qudrat Kami, maka kerana itu mereka dapat menjadi pemiliknya? (71) Dan Kami jinakkan binatang-binatang ternakan itu untuk kegunaan mereka. Sebahagian darinya menjadi kenderaan mereka dan sebahagian lagi menjadi bahan makanan yang dimakan mereka (72). Dan mereka memperolehi berbagai-bagai faedah darinya dan berbagai-bagai jenis minuman. Mengapakah mereka tidak bersyukur? (73) Dan mereka menyembah tuhan-tuhan selain dari Allah dengan harapan mereka diberi pertolongan (74). (Tetapi) tuhan-tuhan itu tidak berkuasa menolong mereka, sedangkan merekalah tentera-tentera yang disediakan untuk mempertahankan tuhan-tuhan itu (75). Oleh itu janganlah engkau berdukacita dengan sebab cemuhan mereka. Sesungguhnya Kami mengetahui apa yang disembunyi dan apa yang dinyatakan mereka." (76)

Ni'mat Binatang Ternakan

Tidakkah mereka melihat? Bukti-bukti kekuasaan Allah itu terbentang jelas di hadapan mereka. Bukti-bukti itu bukannya perkara ghaib dan bukannya pula jauh, malah ia bukannya pula sulit dan samar-samar yang memerlukan kepada renungan dan fikiran yang teliti. Bukti-bukti itu ialah binatang-binatang ternakan yang telah diciptakan Allah untuk mereka dan menjadikannya sebagai harta milik mereka. Allah telah menjinakkan binatang-binatang itu supaya mudah mereka menunggangkannya, memakan dagingnya dan minum susunya di samping mengambil berbagai-bagai manfa'at yang lain. Semuanya itu adalah dengan qudrat dan tadbir Allah yang telah melengkapkan manusia dan binatang-binatang ternakan itu dengan ciri-ciri yang tertentu, iaitu Dia jadikan manusia berkemampuan menjinak, mengguna dan mengambil faedah dari binatang-binatang itu dan menjadikan binatang ternakan itu mudah dijinak dan banyak manfa'atnya yang dapat memenuhi berbagai-bagai keperluan manusia, sedangkan manusia tidak berkuasa membuat sesuatu apa pun. Mereka tidak berkuasa menciptakan seekor lalat walaupun mereka berpakat beramai-ramai dan mereka tidak berkuasa menjinakkan seekor lalat yang tidak dilengkapkan Allah dengan sifat-sifat yang menjadikannya jinak dan mudah digunakan mereka.

أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

"Mengapakah mereka tidak bersyukur?"(73)

Apabila seseorang itu melihat persoalan itu dengan kacamata ini dan dengan sorotan Al-Qur'anul-Karim ini, maka dia akan terus merasa bahawa dia diselubungi ni'mat-ni'mat, Allah yang melimpah-ruah, yang wujud pada segala sesuatu di sekelilingnya. Setiap kali dia menunggang kenderaannya atau setiap kali dia makan sepotong daging atau minum seteguk susu atau meni'mati minyak sapi atau sekeping keju atau setiap kali dia memakai baju dari bulu-bulu binatang ternakan atau lain-lain lagi, maka semua perbuatan itu menimbulkan kesedaran yang membuat hatinya merasa kewujudan Allah Pencipta serta rahmat dan ni'mat-Nya. Kesedaran itu akan terus wujud pada setiap benda di sekelilingnya yang disentuh oleh tangannya dan pada setiap kejadian yang digunakannya di alam ini sama ada kejadian yang hidup atau pepejal yang tidak hidup. Dan seluruh kegiatan hidupnya merupakan tasbih, tahmid dan ibadat kepada Allah malam dan siang.

Tetapi manusia tidak bersyukur dan di antara mereka ada yang tergamak menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah:

Tuhan-tuhan Palsu Yang Disembah Manusia

وَاتَّخَذُوا مِن دُونِ اللَّهِ آلِهَةً لَّعَلَّهُمْ يُنصَرُونَ ﴿٧٤﴾
لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَهُمْ وَهُمْ لَهُمْ جُندٌ مُّحْضَرُونَ ﴿٧٥﴾

"Dan mereka menyembah tuhan-tuhan selain dari Allah dengan harapan mereka diberi pertolongan (74). (Tetapi) tuhan-tuhan itu tidak berkuasa menolong mereka, sedangkan merekalah tentera-tentera yang disediakan untuk mempertahankan tuhan-tuhan itu."(75)

Di zaman dahulu tuhan-tuhan yang disembahkan itu berupa patung-patung dan berhala-berhala atau berupa pokok-pokok atau bintang-bintang atau berupa, malaikat atau jin. Agama-agama menyembah berhala masih tetap hidup di setengah-setengah negeri di dunia ini, tetapi orang-orang yang tidak menyembah berhala-berhala ini pun masih belum bersih tauhid mereka kepada Allah. Kadang-kadang perbuatan syirik mereka pada hari ini dapat dilihat dalam kepercayaan mereka kepada kuasa-kuasa palsu selain dari kuasa Allah, juga dapat dilihat dalam pergantungan mereka kepada sandaran-sandaran yang lain dari Allah. Perbuatan syirik itu beranekaragam. Ia berlain-lainan mengikut perbezaan masa dan tempat.

Mereka menyembah tuhan-tuhan palsu itu dengan tujuan untuk mendapatkan pertolongan, sedangkan mereka sendiri yang melindungi tuhan-tuhan itu dari dicerobohi orang atau ditimpa bahaya. Merekalah tentera-tentera dan pelindung-pelindung yang bersedia untuk menolong tuhan-tuhan itu:

وَهُمْ لَهُمْ جُندٌ مُّحْضَرُونَ ﴿٧٥﴾

"Sedangkan merekalah tentera-tentera yang disediakan untuk mempertahankan tuhan-tuhan itu."(75)

Inilah kemuncak kebodohan cara berfikir. Orang-orang yang menyembah pemerintah-pemerintah yang zalim dan sewenang-wenang pada hari ini juga tidak begitu jauh sifatnya dari penyembah-penyembah berhala. Mereka merupakan bala tentera kepada pemerintah-pemerintah yang zalim itu. Merekalah yang mempertahankan keselamatan mereka dan melindungi kezaliman mereka dan dalam waktu yang sama mereka tunduk menyembah mereka.

Agama menyembah berhala itu tetap menyembah berhala di dalam berbagai-bagai bentuknya. Apabila 'aqidah tauhid yang bersih itu bergoyang, maka tibalah amalan menyembah berhala, tibalah amalan syirik dan tibalah amalan jahiliyah. Umat manusia tidak terselamat melainkan dengan 'aqidah tauhid yang bersih yang bertuhankan Allah Yang Tunggal, menyembah Allah Yang Tunggal, bertawajjuh dan bergantung kepada Allah Yang Tunggal, ta'at dan membesarkan Allah Yang Tunggal.

فَلَا يَحْزُنكَ قَوْلُهُمْ إِنَّا نَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا
يُعْلِنُونَ ﴿٧٦﴾

"Oleh itu janganlah engkau berdukacita dengan sebab cemuhan mereka. Sesungguhnya Kami mengetahui apa yang disembunyi dan apa yang dinyatakan mereka."(76)

Firman ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. yang sedang menghadapi orang-orang yang menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah, orang-orang yang

tidak bersyukur dan mengingati Allah supaya hati beliau tenang menghadapi mereka. Mereka sentiasa terdedah kepada ilmu Allah. Dan segala apa sahaja yang dirancangkan mereka dan yang dimiliki mereka adalah di dalam perhatian Allah. Tiada sebarang kebimbangan terhadap Rasulullah s.a.w. dari tindakan-tindakan mereka kerana segala gerak-geri mereka terdedah kepada qudrat kuasa Allah yang mengetahui segala keadaan mereka.

Dengan ini kecillah kedudukan mereka. Dan mereka tidak lagi merupakan satu bahaya yang ditakuti oleh orang Mu'min yang bergantung kepada Allah, kerana dia tahu bahawa Allah mengetahui segala apa yang disembunyi dan yang dizahirkan mereka dan dia tahu bahawa mereka berada dalam genggaman kekuasaan Allah dan di bawah perhatian-Nya tanpa disedari mereka.

Pembicaraan yang ketiga bahagian yang akhir ini memperkatakan persoalan kebangkitan selepas mati:

(Pentafsiran ayat-ayat 77 - 82)

أَوَلَمْ يَرَ ٱلْإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقْنَٰهُ مِن نُّطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ
خَصِيمٌ مُّبِينٌ ٧٧
وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِىَ خَلْقَهُۥ ۖ قَالَ مَن يُحْىِ
ٱلْعِظَٰمَ وَهِىَ رَمِيمٌ ٧٨
قُلْ يُحْيِيهَا ٱلَّذِىٓ أَنشَأَهَآ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ
خَلْقٍ عَلِيمٌ ٧٩
ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلشَّجَرِ ٱلْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَآ
أَنتُم مِّنْهُ تُوقِدُونَ ٨٠
أَوَلَيْسَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِقَٰدِرٍ
عَلَىٰٓ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُم ۚ بَلَىٰ وَهُوَ ٱلْخَلَّٰقُ ٱلْعَلِيمُ ٨١
إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن
فَيَكُونُ ٨٢

"Tidakkah manusia berfikir bahawa Kami telah ciptakannya dari setitis nutfah, tiba-tiba ia menjadi musuh yang amat terang (77). Dan dia telah membuat satu perbandingan, sedangkan dia sendiri lupakan asal kejadiannya. Dia berkata: Siapakah yang berkuasa menghidupkan tulang-temalang yang lelah reput dan hancur itu?(78). Katakanlah: Yang berkuasa menghidupkannya ialah Tuhan yang telah berkuasa menciptakannya pada permulaan kali, dan Dialah Tuhan Yang Maha Mengetahui segala makhluk ciptaan-Nya (79). Dialah Tuhan yang telah menciptakan untuk kamu api dari pokok yang hijau dan dari pokok itu kamu nyalakan api (80). Tidakkah Tuhan yang telah berkuasa menjadikan langit dan bumi itu berkuasa pula untuk menjadikan kembali makhluk-makhluk seperti mereka. Sebenarnya Dia berkuasa berbuat demikian dan Dialah Tuhan Yang Maha Pencipta dan Maha Mengetahui (81). Sesungguhnya cara penciptaan Allah itu ialah apabila Dia mahu menjadikan sesuatu Dia hanya berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia terus jadi."(82)

Bahagian ini dimulakan dengan membawa manusia berdepan dengan realiti kejadian dirinya sendiri, iaitu realiti yang menggambarkan asal-usul dan kesudahan kejadiannya, realiti yang dilihat dengan mata kepala dan hatinya berulang-ulang kali tanpa menyedari maknanya dan tanpa mengambilkannya sebagai bukti, betapa benarnya janji Allah yang akan membangkitkan manusia kembali selepas matinya.

أَوَلَمْ يَرَ ٱلْإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقْنَٰهُ مِن نُّطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ
خَصِيمٌ مُّبِينٌ ٧٧

"Tidakkah manusia berfikir bahawa Kami telah ciptakannya dari setitis nutfah, tiba-tiba ia menjadi musuh yang amat terang."(77)

Manusia Yang Lupa Asal Kejadiannya Mencabar Allah

Apakah nutfah yang menjadi asal-usul manusia? Itulah setitis air mani yang hina, yang tidak mempunyai daya dan nilai. Itulah setitis air mani yang mengandungi ribuan sel. Satu sel dari ribuan sel inilah yang menjadi seorang bayi kemudian bayi ini menjadi manusia yang menyangkal dan melawan Tuhannya dengan mencabar dan meminta bukti dan dalil.

Qudrat Ilahilah yang menciptakan manusia musuh yang terang itu dari nutfah ini. Alangkah jauhnya perpindahan dan transformasi di antara asal mula kejadiannya dengan titik kesudahannya. Adakah manusia merasa begitu besar dan sukar kepada qudrat Ilahi untuk menghidupkannya kembali setelah ia mati dan hancur reput kelak?

وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِىَ خَلْقَهُۥ ۖ قَالَ مَن يُحْىِ
ٱلْعِظَٰمَ وَهِىَ رَمِيمٌ ٧٨
قُلْ يُحْيِيهَا ٱلَّذِىٓ أَنشَأَهَآ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ
خَلْقٍ عَلِيمٌ ٧٩

"Dan dia telah membuat satu perbandingan, sedangkan dia sendiri lupakan asal kejadiannya. Dia berkata: Siapakah yang berkuasa menghidupkan tulang-temalang yang telah reput dan hancur itu? (78) Katakanlah: Yang berkuasa menghidupkannya ialah Tuhan yang telah berkuasa menciptakannya pada permulaan kali, dan Dialah Tuhan Yang Maha Mengetahui segala makhluk ciptaan-Nya."(79)

Alangkah mudah jawapannya. Itulah logik fitrah dan logik realiti yang dekat dan dapat dilihat.

Apakah nutfah itu mempunyai daya hidup atau qudrat atau nilai yang melebihi tulang-temalang yang reput hancur itu? Tidakkah tulang-temalang itu juga berasal dari nutfah yang membentuk manusia pada permulaan kali? Tidakkah Tuhan yang telah mengubahkan nutfah menjadi seorang manusia itu berkuasa pula mengubahkan tulang temalang yang reput itu menjadi seorang manusia yang hidup dan baru?

Persoalan ini begitu mudah dan terang. Ia tidak memerlukan kepada pertanyaan dan perdebatan yang panjang lebar:

قُلْ يُحْيِيهَا الَّذِي أَنشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ
خَلْقٍ عَلِيمٌ ﴿٧٩﴾

"Katakanlah: Yang berkuasa menghidupkannya ialah Tuhan yang telah berkuasa menciptakannya pada permulaan kali, dan Dialah Tuhan Yang Maha Mengetahui segala makhluk ciptaannya."(79)

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan lebih terang lagi tentang sifat qudrat Ilahi yang menciptakan itu dan bagaimana qudrat itu bertindak pada kejadian-kejadian yang berlaku di hadapan mata mereka, dari bahan-bahan yang dimiliki mereka.

الَّذِي جَعَلَ لَكُم مِّنَ الشَّجَرِ الْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَا
أَنتُم مِّنْهُ تُوقِدُونَ ﴿٨٠﴾

"Dialah Tuhan yang telah menciptakan untuk kamu api dari pokok yang hijau dan dari pokok itu kamu nyalakan api."(80)

Mu'jizat Kejadian Api

Dengan seimbas pandang sahaja sudah cukup untuk meyakinkan kebenaran kejadian yang indah ini, iaitu satu kejadian aneh yang dilalui mereka tanpa menyedarinya. Memang satu hal yang menakjubkan bahawa pokok yang hijau, yang basah berair itu apabila bergeser satu sama lain boleh mengeluarkan api, kemudian ia sendiri pula menjadi bahan api selepas basah dan menghijau. Ilmu sains yang menerangkan secara mendalam tentang haba yang disimpankan pokok yang hijau dari tenaga matahari yang disedut olehnya, sedangkan ia masih hijau dan basah berair dan haba itulah yang mencetuskan api ketika berlaku pergeseran sebagaimana ia mencetuskan api ketika berlaku kebakaran. Maklumat-maklumat ilmu sains ini membuat kejadian yang aneh itu bertambah jelas lagi. Allah Penciptalah yang telah melengkapkan ciri-ciri ini pada pokok dan melengkapkan setiap makhluk-Nya dengan ciri-ciri masing-masing kemudian Dia memberi petunjuk, tetapi kita sahaja yang tidak melihat kejadian-kejadian ini dengan mata yang terbuka dan tidak mengamatinya dengan hati yang sedar dan insaf, oleh kerana itu kejadian-kejadian itu tidak dapat mendedahkan kepada kita rahsia-rahsianya yang aneh dan tidak dapat menunjukkan Pencipta alam buana kepada kita. Andainya kita membuka mata hati kita meneliti kejadian-kejadian itu sudah tentu ia akan meluahkan segala rahsianya dan sudah tentu kita akan hidup bersamanya di dalam ibadat dan tasbih yang berterusan.

Kemudian Al-Qur'an membentangkan bukti-bukti kekuasaan Allah dan menerangkan secara mudah persoalan penciptaan alam dan persoalan mengulangi semula penciptaan seluruh manusia selepas mati.

أَوَلَيْسَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِقَادِرٍ
عَلَىٰ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُم ۚ بَلَىٰ وَهُوَ الْخَلَّاقُ الْعَلِيمُ ﴿٨١﴾

"Tidakkah Tuhan yang telah berkuasa menjadikan langit dan bumi itu berkuasa pula untuk menjadikan kembali makhluk-makhluk seperti mereka. Sebenarnya Dia berkuasa berbuat demikian dan Dialah Tuhan Yang Maha Pencipta dan Maha Mengetahui."(81)

Angkasa Lepas Dengan Jutaan Matahari Dan Galaksi

Langit dan bumi merupakan kejadian-kejadian yang amat menakjubkan, amat besar dan amat halus dan rapi. Bumi menjadi tempat kita hidup, dan turut hidup bersama kita berjuta-juta jenis makhluk-makhluk yang lain. Kemudian saiz kita tidak sampai sebesar saiz bumi dan tidak pula sampai sebesar hakikatnya. Dan sehingga hari ini kita hanya tahu sedikit sahaja mengenainya. Bumi ini seluruhnya hanya satu pengikut kecil dari pengikut-pengikut matahari. Dan dengan cahaya dan kepanasan matahari inilah bumi kita hidup, sedangkan matahari kita hanya merupakan satu dari seratus juta matahari yang wujud dalam satu galaksi atau gugusan bintang yang diikut oleh matahari kita dan yang membentuk alam dunia kita yang dekat. Di alam buana ini terdapat berbagai-bagai galaksi yang lain, atau terdapat berbagai-bagai dunia seperti alam dunia kita yang dekat ini. Ahli-ahli ilmu bintang telah mengira bilangan galaksi-galaksi itu dan sehingga sekarang mereka dapat menghitungkan seratus juta galaksi dengan perantaraan penglihatan-penglihatan mereka yang terbatas dan mereka masih mengharapkan bilangan yang lebih banyak dari itu lagi setiap kali dapat dibesarkan teropong-teropong bintang. Jarak di antara galaksi kita dengan galaksi yang terdekat dengan kita ialah kira-kira tujuh ratus ribu lima puluh tahun cahaya (satu tahun perjalanan cahaya dianggar sebanyak dua puluh enam juta-juta atau trilion batu[1]) dan di sana pula terdapat tompok-tompok kabus atau nebula yang amat besar dan dari biji-biji kabus inilah terjadinya jutaan matahari-matahari itu. Inilah bahagian alam buana yang termasuk di dalam lingkungan ilmu pengetahuan kita yang kecil dan terbatas.

---

1 *Angka ini dipetik pengarang berdasarkan maklumat sains pada waktu itu. Menurut kiraan ilmu sains terkini, satu tahun perjalanan cahaya adalah sejauh 5.88 trilion batu. Wallahu a'lam. – Penterjemah.*

Itulah matahari-matahari yang tidak terhitung banyaknya. Setiap matahari mempunyai jalan peredarannya masing-masihg dan kebanyakannya mempunyai planet-planet pengikut yang beredar di sekelilingnya seperti bumi beredar di sekeliling matahari kita. Semuanya beredar dan berlari dengan tepat dan tetap, tidak pernah berhenti sesa'at pun dan tidak pernah kacau. Jika tidak, alam ini akan binasa dan bintang-bintang yang besar yang terapung-apung di angkasa itu akan berlanggaran satu sama lain.

Angkasa raya yang menjadi tempat terapung-apungnya jutaan bintang yang tidak terbilang itu adalah di luar keupayaan kita untuk menggambar dan memahaminya. Ia merupakan sesuatu yang memeningkan kepala manusia.

أَوَلَيْسَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُم

"Tidakkah Tuhan yang telah berkuasa menjadikan langit dan bumi itu berkuasa pula untuk menjadikan kembali makhluk-makhluk seperti mereka."(81)

Di manakah manusia dibandingkan dengan langit bumi yang besar dan amat menakjubkan itu?

بَلَىٰ وَهُوَ ٱلْخَلَّٰقُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٨١﴾

"Sebenarnya Dia berkuasa berbuat demikian dan Dialah Tuhan Yang Maha Pencipta dan Maha Mengetahui."(81)

Tetapi Allah S.W.T. menciptakan langit bumi, manusia dan lain-lain makhluk itu hanya dengan senang sahaja tanpa sesuatu keberatan dan kesukaran. Kepadanya tiada apa-apa perbezaan di antara menciptakan sesuatu yang besar dengan menciptakan sesuatu yang kecil:

إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

"Sesungguhnya cara penciptaan Allah itu ialah apabila Dia mahu menjadikan sesuatu Dia hanya berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia terus jadi."(82)

Sama ada sesuatu itu langit atau bumi, lalat atau semut semuanya sama sahaja di hadapan kalimat "kun", dan semuanya akan terus muncul ke alam al-wujud.

Di sana tiada yang mudah dan tiada yang payah, tiada yang dekat dan tiada yang jauh. Sebaik sahaja wujudnya iradat Allah untuk menciptakan sesuatu sudah cukup untuk mewujudkannya biar pun apa sahaja sesuatu itu. Allah hanya mendekatkan gambaran urusan-urusan penciptaan itu kepada manusia supaya mereka dapat memahaminya dengan ukuran manusia yang terbatas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 83)

Sampai di sini tibalah nada pengumuman yang akhir dari surah ini, iaitu nada pengumuman yang menggambarkan hakikat hubungan di antara kewujudan alam buana dengan Allah Penciptanya:

فَسُبْحَٰنَ ٱلَّذِى بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَىْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Maka Maha Sucilah Allah yang memegang kerajaan (yang mengendalikan) segala sesuatu dan seluruh kamu akan dipulangkan kepada-Nya."(83)

Kata-kata **"malakut"** atau **"kerajaan"** itu membesarkan lagi hakikat hubungan ini, iaitu hubungan milik mutlak Allah di atas segala sesuatu di alam buana ini dan hubungan kuasa mutlak Allah yang menguasai segala sesuatu yang dimilikinya, kemudian kepada Allah Yang Tunggal kembalinya dan berakhirnya seluruh makhluk.

Itulah nada pengumuman penamat yang amat sesuai dengan pengembaraan yang amat luas itu dan sesuai dengan suasana surah dan segala pembicaraannya mengenai hakikat yang agung ini yang merangkumi segala perinciannya.

* * * * * *

JUZU' KE-23

SURAH SAAFFAAT

SURAH KE 37

سُورَةُ الصَّافَّاتِ

SURAH AS-SAAFFAAT

Surah Para Malaikat Yang Berbaris

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT 182

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 68)

وَٱلصَّٰٓفَّٰتِ صَفًّا ١ فَٱلزَّٰجِرَٰتِ زَجْرًا ٢
فَٱلتَّٰلِيَٰتِ ذِكْرًا ٣ إِنَّ إِلَٰهَكُمْ لَوَٰحِدٌ ٤
رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ
ٱلْمَشَٰرِقِ ٥

"Demi malaikat-malaikat yang berbaris dengan barisan yang teratur rapi (1). Dan demi malaikat-malaikat yang mengecam dengan sekuat kecaman (2). Dan demi malaikat-malaikat yang membaca zikir (3). Sesungguhnya Tuhan kamu itu hanya satu (4). Tuhan yang memelihara langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya dan Tuhan yang menciptakan tempat-tempat terbitnya matahari."(5)

إِنَّا زَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِزِينَةٍ ٱلْكَوَاكِبِ ٦
وَحِفْظًا مِّن كُلِّ شَيْطَٰنٍ مَّارِدٍ ٧
لَّا يَسَّمَّعُونَ إِلَى ٱلْمَلَإِ ٱلْأَعْلَىٰ وَيُقْذَفُونَ مِن كُلِّ جَانِبٍ ٨
دُحُورًا وَلَهُمْ عَذَابٌ وَاصِبٌ ٩
إِلَّا مَنْ خَطِفَ ٱلْخَطْفَةَ فَأَتْبَعَهُۥ شِهَابٌ ثَاقِبٌ ١٠

"Sesungguhnya Kami hiaskan langit yang dekat ini dengan perhiasan bintang-bintang (6). Sebagai kawalan dari segala syaitan penderhaka (7). Supaya mereka tidak dapat mendengar berita alam al-Mala'ul-A'la dan mereka ditembak dari segala penjuru (8). Untuk mengusir mereka, dan mereka akan mendapat 'azab yang berkekalan (9). Kecuali mereka yang mencuri dengar dengan pantas, maka mereka akan diburu panah api yang menembuskan (mereka)."(10)

فَٱسْتَفْتِهِمْ أَهُمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَم مَّنْ خَلَقْنَآ إِنَّا خَلَقْنَٰهُم
مِّن طِينٍ لَّازِبٍ ١١
بَلْ عَجِبْتَ وَيَسْخَرُونَ ١٢
وَإِذَا ذُكِّرُوا۟ لَا يَذْكُرُونَ ١٣
وَإِذَا رَأَوْا۟ ءَايَةً يَسْتَسْخِرُونَ ١٤
وَقَالُوٓا۟ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ١٥

Oleh itu tanyakanlah mereka apakah mereka lebih sukar diciptakan atau makhluk-makhluk lain yang telah Kami ciptakan? Sesungguhnya Kami telah ciptakan mereka dari tanah liat yang lembut (11). Malah engkau merasa hairan (terhadap keingkaran mereka) dan mereka terus mempersenda-sendakan (bukti-bukti kekuasaan Allah) (12). Dan apabila mereka diberi peringatan mereka tidak mengambil peringatan (13). Dan apabila mereka melihat sesuatu bukti kekuasaan Allah mereka mencari-cari alasan untuk mempersenda-sendakannya (14). Dan mereka berkata: Ini tiada lain melainkan satu sihir yang amat terang.(15)

أَءِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظَٰمًا أَءِنَّا لَمَبْعُوثُونَ ١٦
أَوَءَابَآؤُنَا ٱلْأَوَّلُونَ ١٧
قُلْ نَعَمْ وَأَنتُمْ دَٰخِرُونَ ١٨
فَإِنَّمَا هِىَ زَجْرَةٌ وَٰحِدَةٌ فَإِذَا هُمْ يَنظُرُونَ ١٩
وَقَالُوا۟ يَٰوَيْلَنَا هَٰذَا يَوْمُ ٱلدِّينِ ٢٠

Apabila kami telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tukmg (yang reput) apakah kami akan dibangkitkan kembali?(16). Apakah datuk nenek Kami yang dahulu juga (turut) dibangkitkan kembali? (17) Katakanlah: Ya. Kamu akan dibangkitkan dengan keadaan yang hina-dina (18). Hanya dengan satu pekikan sahaja tiba-tiba mereka (dibangkitkan) dan melihat (satu sama lain) (19). Dan mereka berkata: Alangkah celakanya kami! Inilah hari balasan (20).

هَٰذَا يَوْمُ ٱلْفَصْلِ ٱلَّذِى كُنتُم بِهِۦ تُكَذِّبُونَ ٢١
ٱحْشُرُوا۟ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ وَأَزْوَٰجَهُمْ وَمَا كَانُوا۟ يَعْبُدُونَ ٢٢
مِن دُونِ ٱللَّهِ فَٱهْدُوهُمْ إِلَىٰ صِرَٰطِ ٱلْجَحِيمِ ٢٣
وَقِفُوهُمْ إِنَّهُم مَّسْـُٔولُونَ ٢٤ مَا لَكُمْ لَا تَنَاصَرُونَ ٢٥

Inilah hari keputusan pengadilan yang telah didustakan kamu (21). (Kemudian diperintahkan kepada malaikat-malaikat) kumpulkan orang-orang yang zalim (kafir) itu dan orang-orang yang seperti mereka serta segala sembahan yang disembahkan mereka (22). Selain Allah dan tunjukkan kepada mereka jalan ke Neraka Jahim (23). Dan tahankan

mereka (di Sirat), kerana mereka akan disoal (24). Mengapa (sekarang) kamu tidak saling bantu membantu (seperti di dunia)? (25)

بَلْ هُمُ ٱلْيَوْمَ مُسْتَسْلِمُونَ ﴿٢٦﴾

وَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ يَتَسَآءَلُونَ ﴿٢٧﴾

قَالُوٓا۟ إِنَّكُمْ كُنتُمْ تَأْتُونَنَا عَنِ ٱلْيَمِينِ ﴿٢٨﴾

قَالُوا۟ بَل لَّمْ تَكُونُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٢٩﴾

وَمَا كَانَ لَنَا عَلَيْكُم مِّن سُلْطَٰنٍۭ ۖ بَلْ كُنتُمْ قَوْمًا طَٰغِينَ ﴿٣٠﴾

Bahkan mereka pada hari ini menyerah diri belaka (26). Dan mereka menemui satu sama lain bersoal jawab (menyalahkan satu sama lain) (27). Kata (para pengikut kepada para pemimpin): Kamulah yang datang membisik-bisikkan di sebelah kanan Kami (untuk menyesatkan Kami) (28). Jawab (para pemimpin): Sebenarnya kamu memang tidak pernah beriman (29). Dan Kami sekali-kali tidak mempunyai kuasa di atas kamu, malah kamu sebenarnya satu kaum yang pelampau.(30)

فَحَقَّ عَلَيْنَا قَوْلُ رَبِّنَآ ۖ إِنَّا لَذَآئِقُونَ ﴿٣١﴾

فَأَغْوَيْنَٰكُمْ إِنَّا كُنَّا غَٰوِينَ ﴿٣٢﴾

فَإِنَّهُمْ يَوْمَئِذٍ فِى ٱلْعَذَابِ مُشْتَرِكُونَ ﴿٣٣﴾

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَفْعَلُ بِٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٣٤﴾

إِنَّهُمْ كَانُوٓا۟ إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٣٥﴾

Memang telah ditetapkan di atas kita sekalian keputusan 'azab dari Tuhan kita dan kita sekalian akan merasainya (31). Lalu kami sesatkan kamu kerana sesungguhnya kami adalah para penyesat (32). Sesungguhnya pada hari itu mereka semuanya sama-sama berkongsi ('azab) (33). Sesungguhnya demikianlah Kami bertindak terhadap pendosa-pendosa (34). Sebenarnya mereka dahulu apabila dikatakan kepada mereka: Tiada Tuhan yang lain melainkan Allah, mereka berlagak sombong. (35)

وَيَقُولُونَ أَئِنَّا لَتَارِكُوٓا۟ ءَالِهَتِنَا لِشَاعِرٍ مَّجْنُونٍۭ ﴿٣٦﴾

بَلْ جَآءَ بِٱلْحَقِّ وَصَدَّقَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٣٧﴾

إِنَّكُمْ لَذَآئِقُوا۟ ٱلْعَذَابِ ٱلْأَلِيمِ ﴿٣٨﴾

وَمَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٣٩﴾

إِلَّا عِبَادَ ٱللَّهِ ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٤٠﴾

Dan mereka berkata: Apakah wajar kami meninggalkan tuhan-tuhan kami kerana seorang penyair yang gila? (36) (Tidak!) Bahkan sebenarnya dia (Muhammad) telah membawa kebenaran dan membenarkan para rasul (yang dahulu) (37). Sesungguhnya kamu tetap akan merasa 'azab yang amat pedih (38). Dan kamu tidak akan dibalas melainkan mengikut dosa yang telah dilakukan kamu (39). Kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih.(40)

أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ رِزْقٌ مَّعْلُومٌ ﴿٤١﴾ فَوَٰكِهُ ۖ وَهُم مُّكْرَمُونَ ﴿٤٢﴾

فِى جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٤٣﴾ عَلَىٰ سُرُرٍ مُّتَقَٰبِلِينَ ﴿٤٤﴾

يُطَافُ عَلَيْهِم بِكَأْسٍ مِّن مَّعِينٍۭ ﴿٤٥﴾

Untuk mereka disediakan rezeki (istimewa) yang tertentu (41). Iaitu buah-buahan dan mereka sekalian adalah orang-orang yang dimuliakan (42). Di dalam Syurga-syurga yang penuh ni'mat (43). (Bersenang-senang) di atas takhta-takhta dengan berhadap-hadapan (satu sama lain) (44). Diedarkan kepada mereka gelas-gelas minuman dari sungainya yang mengalir.(45)

بَيْضَآءَ لَذَّةٍ لِّلشَّٰرِبِينَ ﴿٤٦﴾

لَا فِيهَا غَوْلٌ وَلَا هُمْ عَنْهَا يُنزَفُونَ ﴿٤٧﴾

وَعِندَهُمْ قَٰصِرَٰتُ ٱلطَّرْفِ عِينٌ ﴿٤٨﴾

كَأَنَّهُنَّ بَيْضٌ مَّكْنُونٌ ﴿٤٩﴾

فَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ يَتَسَآءَلُونَ ﴿٥٠﴾

Warna putih dan amat lazat kepada para peminumnya (46). Tiada mengandungi sebarang bahaya dan tidak pula mereka mabuk kerananya (47). Dan di sisi mereka pula terdapat bidadari-bidadari yang hanya menumpukan pandangan kepada mereka dan cantik pula matanya (48). Mereka (putih melepak) laksana telur-telur yang tersimpan baik (49). Mereka bertemu satu sama lain tanya menanya.(50)

قَالَ قَآئِلٌ مِّنْهُمْ إِنِّى كَانَ لِى قَرِينٌ ﴿٥١﴾

يَقُولُ أَءِنَّكَ لَمِنَ ٱلْمُصَدِّقِينَ ﴿٥٢﴾

أَءِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظَٰمًا أَءِنَّا لَمَدِينُونَ ﴿٥٣﴾

قَالَ هَلْ أَنتُم مُّطَّلِعُونَ ﴿٥٤﴾

فَٱطَّلَعَ فَرَءَاهُ فِى سَوَآءِ ٱلْجَحِيمِ ﴿٥٥﴾

Berkatalah salah seorang dari mereka: Sesungguhnya aku dahulu (di dunia) mempunyai seorang teman (51). Dia berkata (kepadaku): Adakah engkau dari golongan orang-orang yang percaya kepada (kebangkitan dan balasan)? (52) Apakah apabila kita telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang yang reput, apakah kita akan (dibangkit) menerima balasan? (53) Lalu dia berkata (kepada saudara-saudaranya dalam Syurga): Apakah kamu ingin meninjau (bagaimana temanku itu di Neraka sekarang)? (54) Lalu dia pun meninjau (di dalam Neraka dan di sana) dia nampak temannya berada di tengah-tengah Neraka Jahim.(55)

قَالَ تَٱللَّهِ إِن كِدتَّ لَتُرْدِينِ ﴿٥٦﴾

وَلَوْلَا نِعْمَةُ رَبِّي لَكُنتُ مِنَ الْمُحْضَرِينَ ٥٧

أَفَمَا نَحْنُ بِمَيِّتِينَ ٥٨

إِلَّا مَوْتَتَنَا الْأُولَىٰ وَمَا نَحْنُ بِمُعَذَّبِينَ ٥٩

إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ٦٠

Dia berkata (kepada bekas temannya): Demi Allah engkau nyaris-nyaris menjerumuskanku di dalam kebinasaan (56). Jika tidak kerana ni'mat Tuhanku, sudah tentu aku termasuk di dalam golongan orang yang dibawa (ke dalam Neraka bersama engkau) (57). Bukankah kita tidak akan mati lagi (selepas ini)? (58) Kecuali hanya mati kali yang pertama sahaja dan kita juga tidak akan di'azabkan (59). Sesungguhnya inilah keberuntungan yang amat besar.(60)

لِمِثْلِ هَٰذَا فَلْيَعْمَلِ الْعَامِلُونَ ٦١

أَذَٰلِكَ خَيْرٌ نُّزُلًا أَمْ شَجَرَةُ الزَّقُّومِ ٦٢

إِنَّا جَعَلْنَاهَا فِتْنَةً لِّلظَّالِمِينَ ٦٣

إِنَّهَا شَجَرَةٌ تَخْرُجُ فِي أَصْلِ الْجَحِيمِ ٦٤

طَلْعُهَا كَأَنَّهُ رُءُوسُ الشَّيَاطِينِ ٦٥

Untuk keberuntungan seperti inilah hendaknya orang-orang berusaha itu bekerja (dengan bersungguh-sungguh) (61). Apakah keraian yang sedemikian itu lebih baik atau pokok zaqqum (itu lebih baik?) (62) Sesungguhnya Kami jadikannya (pokok zaqqum) itu keseksaan kepada orang-orang yang zalim (63). Sesungguhnya zaqqum itu satu pokok yang tumbuh dari dasar Neraka (64). Buahnya laksana kepala-kepala syaitan.(65)

فَإِنَّهُمْ لَآكِلُونَ مِنْهَا فَمَالِئُونَ مِنْهَا الْبُطُونَ ٦٦

ثُمَّ إِنَّ لَهُمْ عَلَيْهَا لَشَوْبًا مِّنْ حَمِيمٍ ٦٧

ثُمَّ إِنَّ مَرْجِعَهُمْ لَإِلَى الْجَحِيمِ ٦٨

Sesungguhnya mereka akan memakannya dan memenuhkan perut mereka dengannya (66). Kemudian mereka akan dihidangkan pula selepas memakan zaqqum itu minuman dari campuran air yang amat panas (67). Kemudian (selepas minum) tempat kembali mereka ialah ke Neraka Jahim pula.(68)

* * * * * *

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah Makkiyah ini sama dengan Surah-surah Makkiyah yang telah lepas, iaitu ayat-ayatnya pendek, nada-nadanya cepat. Ia menayangkan berbagai-bagai pemandangan dan keadaan, berbagai-bagai gambaran bayangan dan penerangan-penerangan yang meninggalkan kesan-kesan yang mendalam dan kuat.

Tujuan surah ini sama seperti surah-surah Makkiyah yang lain, iaitu ia bertujuan membina 'aqidah di dalam jiwa manusia dan membersihkannya dari segala rupa bentuk kepercayaan syirik. Tetapi surah ini membicarakan secara khusus satu bentuk kepercayaan syirik yang tertentu yang lumrah di dalam masyarakat Arab yang pertama, iaitu kepercayaan adanya hubungan kerabat di antara Allah S.W.T. dengan jin. Dongeng itu mendakwa bahawa hasil dari perkahwinan di antara Allah Ta'ala dan jin perempuan itu lahirlah malaikat-malaikat. Kemudian dongeng itu mendakwa lagi bahawa malaikat-malaikat itu semuanya perempuan dan mereka adalah puteri-puteri Allah.

Dongeng itu menjadi sasaran kecaman yang kuat di dalam surah ini. Ia mendedahkan kegoyahan dan kekarutannya. Oleh sebab dongeng ini merupakan maudhu' yang penting yang dibicarakan oleh surah ini, maka ia mulakan dengan menyebut kumpulan-kumpulan malaikat:

وَالصَّافَّاتِ صَفًّا ١ فَالزَّاجِرَاتِ زَجْرًا ٢

فَالتَّالِيَاتِ ذِكْرًا ٣

"Demi malaikat-malaikat yang berbaris dengan barisan yang teratur rapi (1). Dan demi malaikat-malaikat yang mengecam dengan sekuat kecaman (2). Dan demi malaikat-malaikat yang membaca zikir."(3)

Kemudian diiringi pula dengan pembicaraan mengenai syaitan-syaitan penderhaka dan bagaimana mereka terdedah kepada tembak-tembakan panah api yang membinasakan mereka supaya mereka tidak dapat menghampiri alam al-Mala'ul-A'la dan tidak dapat mendengar sesuatu yang berlaku di sana. Andainya kejadian syaitan-syaitan itu seperti yang didakwakan oleh dongeng-dongeng jahiliyah tentulah mereka tidak akan diusir dan diburu seperti itu. Begitu juga surah ini menyamakan buah-buah pokok zaqqum yang digunakan untuk menyeksakan orang-orang kafir di dalam Neraka itu dengan kepala-kepala syaitan untuk memberi gambaran yang buruk dan menakutkan. Pada akhir surah ini, serangan secara langsung dilancarkan ke atas dongeng yang karut dan tidak berasas:

فَاسْتَفْتِهِمْ أَلِرَبِّكَ الْبَنَاتُ وَلَهُمُ الْبَنُونَ ١٤٩

أَمْ خَلَقْنَا الْمَلَائِكَةَ إِنَاثًا وَهُمْ شَاهِدُونَ ١٥٠

أَلَا إِنَّهُم مِّنْ إِفْكِهِمْ لَيَقُولُونَ ١٥١

وَلَدَ اللَّهُ وَإِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ١٥٢

أَصْطَفَى الْبَنَاتِ عَلَى الْبَنِينَ ١٥٣

مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ١٥٤

أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٥﴾ أَمْ لَكُمْ سُلْطَانٌ مُّبِينٌ ﴿١٥٦﴾
فَأْتُوا بِكِتَابِكُمْ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٥٧﴾
وَجَعَلُوا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجِنَّةِ نَسَبًا ۚ وَلَقَدْ عَلِمَتِ الْجِنَّةُ
إِنَّهُمْ لَمُحْضَرُونَ ﴿١٥٨﴾
سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٥٩﴾

"Dan tanyalah mereka apakah wajar anak-anak perempuan diuntukkan kepada Tuhanmu dan anak-anak lelaki diuntukkan kepada mereka?(149). Atau apakah benar Kami telah menciptakan malaikat-malaikat itu sebagai anak-anak perempuan dan mereka sediri menyaksikannya? (150) Ingatlah! Sesungguhnya kerana pembohongan mereka, mereka sanggup berkata (151). Allah telah beranak. Dan sesungguhnya mereka adalah pembohong belaka (152). Apakah Allah mengutamakan pilihan anak-anak perempuan dari anak-anak lelaki?(153). Mengapa kamu jadi begini? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu?(154). Apakah tidak kamu berfikir?(155). Atau apakah kamu mempunyai bukti yang jelas? (156) Oleh itu bawalah kitab kamu jika kamu benar (157). Dan mereka telah menjalinkan hubungan keturunan di antara Allah dan jin itu, sedangkan jin-jin itu benar-benar mengetahui bahawa mereka juga akan dihadirkan pada hari Qiamat (untuk menerima balasan Allah) (158). Maha Suci Allah dari segala pembohongan yang disifatkan mereka."(159)

Di samping membicarakan bentuk kepercayaan syirik jahiliyah yang khusus ini, surah ini menyentuh juga sudut-sudut 'aqidah yang lain yang biasa dibicarakan oleh Surah-surah Makkiyah, iaitu ia mengukuhkan kepercayaan tauhid dengan berdalilkan alam buana yang nyata:

إِنَّ إِلَٰهَكُمْ لَوَاحِدٌ ﴿٤﴾
رَّبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ
الْمَشَارِقِ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya Tuhan kamu itu hanya satu (4). Tuhan yang memelihara langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya dan Tuhan yang menciptakan tempat-tempat terbitnya matahari."(5)

Ia menegaskan bahawa kepercayaan syirik itulah yang menjadi sebab mereka mendapat 'azab. Ini ditegaskan dicelah-celah satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat.

فَإِنَّهُمْ يَوْمَئِذٍ فِي الْعَذَابِ مُشْتَرِكُونَ ﴿٣٣﴾
إِنَّا كَذَٰلِكَ نَفْعَلُ بِالْمُجْرِمِينَ ﴿٣٤﴾
إِنَّهُمْ كَانُوا إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا إِلَٰهَ إِلَّا اللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٣٥﴾
وَيَقُولُونَ أَئِنَّا لَتَارِكُو آلِهَتِنَا لِشَاعِرٍ مَّجْنُونٍ ﴿٣٦﴾
بَلْ جَاءَ بِالْحَقِّ وَصَدَّقَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٣٧﴾
إِنَّكُمْ لَذَائِقُو الْعَذَابِ الْأَلِيمِ ﴿٣٨﴾
وَمَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٣٩﴾

"Sesungguhnya pada hari itu mereka semuanya sama-sama berkongsi ('azab) (33). Sesungguhnya demikianlah Kami bertindak terhadap pendosa-pendosa (34). Sebenarnya mereka dahulu apabila dikatakan kepada mereka: Tiada Tuhan yang lain melainkan Allah, mereka berlagak sombong (35). Dan mereka berkata: Apakah wajar kami meninggalkan tuhan-tuhan kami kerana seorang penyair yang gila?(36). (Tidak!) Bahkan sebenarnya dia (Muhammad) telah membawa kebenaran dan membenarkan para rasul (yang dahulu) (37). Sesungguhnya kamu tetap akan merasa 'azab yang amat pedih (38). Dan kamu tidak akan dibalas melainkan mengikut dosa yang telah dilakukan kamu.(39)

Begitu juga surah ini menyentuh persoalan-persoalan kebangkitan selepas mati, Hisab dan balasan.

وَقَالُوا إِنْ هَٰذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿١٥﴾
أَإِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظَامًا أَإِنَّا لَمَبْعُوثُونَ ﴿١٦﴾
أَوَآبَاؤُنَا الْأَوَّلُونَ ﴿١٧﴾ قُلْ نَعَمْ وَأَنتُمْ دَاخِرُونَ ﴿١٨﴾

"Dan mereka berkata: Ini tiada lain melainkan satu sihir yang amat terang (15). Apabila kami telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang (yang reput) apakah kami akan dibangkitkan kembali?(16). Apakah datuk nenek Kami yang dahulu juga (turut) dibangkitkan kembali?(17). Katakanlah: Ya. Kamu akan dibangkitkan dengan keadaan yang hina-dina."(18)

Kemudian sesuai dengan pembicaraan ini ia menayangkan satu pemandangan Qiamat yang panjang dan unik, iaitu pemandangan yang penuh dengan berbagai-bagai babak pergerakan dan senario yang mengharukan perasaan dan memeranjatkan hati.

Surah ini juga menyentuh persoalan wahyu dan kerasulan yang disebut dalam perkataan kaum Musyrikin:

وَيَقُولُونَ أَئِنَّا لَتَارِكُو آلِهَتِنَا لِشَاعِرٍ مَّجْنُونٍ ﴿٣٦﴾

"Dan mereka berkata: Apakah wajar kami meninggalkan tuhan-tuhan kami kerana seorang penyair yang gila?"(36)

Kemudian dijawab:

بَلْ جَاءَ بِالْحَقِّ وَصَدَّقَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٣٧﴾

"(Tidak!) Bahkan sebenarnya dia (Muhammad) telah membawa kebenaran dan membenarkan para rasul (yang dahulu)."(37)

Sesuai dengan kesesatan dan pendustaan mereka, surah ini menayangkan satu siri dari kisah-kisah para rasul yang lalu, iaitu Nuh, Ibrahim dan anak-anaknya, Musa, Harun, Ilias, Lut dan Yunus. Dalam kisah-kisah itu ternyatalah bahawa Allah sentiasa memberi rahmat dan pertolongan kepada rasul-rasul-Nya dan menyeksakan para pendusta yang menentang mereka:

وَلَقَدْ ضَلَّ قَبْلَهُمْ أَكْثَرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٧١﴾
وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا فِيهِم مُّنذِرِينَ ﴿٧٢﴾
فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُنذَرِينَ ﴿٧٣﴾
إِلَّا عِبَادَ ٱللَّهِ ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٧٤﴾

"Sesungguhnya telah sesat sebelum mereka kebanyakan umat-umat yang terdahulu (71). Dan sesungguhnya Kami telah utuskan dalam kalangan mereka rasul-rasul yang memberi peringatan (72). Oleh itu lihatlah bagaimana akibat umat-umat yang telah diberi peringatan itu (73). (Mereka semuanya binasa) kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih."(74)

Di dalam kisah-kisah itu ditonjolkan khusus kisah Ibrahim dengan anaknya Ismail, iaitu kisah pengorbanan dan tebusan, juga ditonjolkan sifat kepatuhan, keta'atan dan penyerahan diri kepada Allah dalam bentuk gambaran yang paling indah, paling mendalam dan paling tinggi, iaitu puncak kepatuhan yang tidak dapat dicapai melainkan dengan keimanan yang tulen. Hanya keimanan inilah yang dapat mengangkatkan manusia ke puncak yang amat tinggi, luhur dan cemerlang itu.

* * * * * *

Pernyataan-pernyataan yang berkesan dan memberi ilham yang dibentangkan ketika membicarakan maudhu'-maudhu' dan persoalan-persoalan surah itu telah dikemukakan dalam bentuk yang jelas di dalam pemandangan langit dengan segala bintang-bintangnya, panah api dengan tembakan-tembakannya:

إِنَّا زَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِزِينَةٍ ٱلْكَوَاكِبِ ﴿٦﴾
وَحِفْظًا مِّن كُلِّ شَيْطَٰنٍ مَّارِدٍ ﴿٧﴾
لَّا يَسَّمَّعُونَ إِلَى ٱلْمَلَإِ ٱلْأَعْلَىٰ وَيُقْذَفُونَ مِن كُلِّ جَانِبٍ ﴿٨﴾
دُحُورًا وَلَهُمْ عَذَابٌ وَاصِبٌ ﴿٩﴾
إِلَّا مَنْ خَطِفَ ٱلْخَطْفَةَ فَأَتْبَعَهُۥ شِهَابٌ ثَاقِبٌ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Kami hiaskan langit yang dekat ini dengan perhiasan bintang-bintang (6). Sebagai kawalan dari segala syaitan penderhaka (7). Supaya mereka tidak dapat mendengar berita alam al-Mala'ul-A'la dan mereka ditembak dari segala penjuru (8). Untuk mengusir mereka, dan mereka akan mendapat 'azab yang berkekalan (9). Kecuali mereka yang mencuri dengar dengan pantas, maka mereka akan diburu panah api yang menembuskan (mereka)."(10)

Kami akan sentuhkan pemandangan-pemandangan Qiamat yang menarik dan pemandangan-pemandangan yang lain yang ditayangkan oleh surah ini ketika Kami membicarakannya dengan terperinci di tempat masing-masing di dalam surah ini.

Di dalam kisah-kisah para rasul terutama kisah Ibrahim dan anak-anaknya Ismail a.s., kisah-kisah yang berkesan dan memberi ilham itu sampai ke puncak yang mengocakkan hati manusia dengan cara yang begitu mendalam dan kuat.

Di samping itu dalam surah ini juga terdapat irama-irama yang sesuai dengan gambaran-gambaran dan bayangan-bayangan surah, sesuai dengan pemandangan-pemandangan dan keadaan-keadaannya, juga sesuai dengan saranan-saranannya yang mendalam dan bertubi-tubi itu.

* * * * * *

Surah ini mengulaskan maudhu'-maudhu'nya dalam tiga pusingan yang pokok:

Pusingan pertama mengandungi pembukaan surah dengan bersumpah dengan kumpulan-kumpulan malaikat yang berbaris, kumpulan malaikat yang mengecam dan kumpulan malaikat yang membaca zikir untuk menegakkan Wahdaniyah Allah, iaitu Tuhan yang menciptakan tempat-tempat terbitnya matahari dan menghiaskan langit dengan perhiasan bintang-bintang. Kemudian ia memperkatakan masalah syaitan-syaitan dan bagaimana mereka cuba mencuri dengar berita alam al-Mala'ul-A'la dan bagaimana mereka ditembak dengan panah api, yang menembuskan mereka. Kemudian diiringi dengan satu pertanyaan yang dihadapkan kepada manusia: Apakah mereka lebih sukar diciptakan atau makhluk-makhluk, malaikat, langit, bintang-bintang, syaitan-syaitan dan panah api? Tujuan pertanyaan ini ialah untuk membodohkan pandangan mereka terhadap persoalan kebangkitan selepas mati dan menegakkan hakikat kebangkitan yang dianggap mustahil dan dipersenda-sendakan mereka. Oleh sebab itu ia menayangkan pemandangan kebangkitan selepas mati, pemandangan Hisab, balasan, ni'mat dan 'azab itu dengan panjang lebar. Ia merupakan satu pemandangan yang unik.

Pusingan yang kedua dimulakan dengan penjelasan bahawa kaum Musyrikin yang sesat itu adalah sama dengan umat-umat yang sesat di zaman dahulu yang telah didatangi para rasul. Kebanyakan mereka telah memilih jalan yang sesat. Di antara kisah kaum-kaum yang diberi peringatan oleh para rasul itu ialah kaum-kaum Nuh, Ibrahim, Musa, Harun, Ilias, Lut dan Yunus, kemudian ia menerangkan bagaimana akibat yang menimpa kaum yang diberi peringatan itu dan bagaimana kesudahan yang diterima oleh golongan orang-orang yang beriman dari mereka.

Pusingan yang ketiga memperkatakan tentang dongeng-dongeng jahiliyah yang telah diterangkan sebelum ini, iaitu dongeng jin dan malaikat, juga memperkatakan tentang janji Allah yang akan memberi kemenangan kepada para rasul-Nya:

وَلَقَدْ سَبَقَتْ كَلِمَتُنَا لِعِبَادِنَا ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٧١﴾
إِنَّهُمْ لَهُمُ ٱلْمَنصُورُونَ ﴿١٧٢﴾
وَإِنَّ جُندَنَا لَهُمُ ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿١٧٣﴾

"Dan sesungguhnya sejak dari dahulu lagi keputusan Kami telah ditetapkan terhadap hamba-hamba Kami yang diutuskan menjadi para rasul itu (171). Bahawa mereka akan diberikan pertolongan sepenuhnya (172). Dan bahawa tentera Kamilah yang akan mendapat kemenangan."(173)

Pusingan ini ditamatkan dengan kata pengakhir surah yang mentanzihkan Allah S.W.T. dan memberi do'a selamat sejahtera kepada para rasul dan seterusnya mengakui Rububiyah-Nya:

سُبْحَٰنَ رَبِّكَ رَبِّ ٱلْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٨٠﴾
وَسَلَٰمٌ عَلَى ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٨١﴾
وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٨٢﴾

"Maha Sucilah Tuhanmu, Tuhan yang mempunyai keagungan dari apa yang dikatakan mereka (180). Dan selamat sejahtera ke atas para rasul (181). Dan segala kepujian terpulang kepada Allah yang memelihara semesta alam."(182)

Dan semuanya itu merupakan persoalan-persoalan yang dikupaskan oleh surah ini. Sekarang marilah kita ulaskan surah ini dengan terperinci.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

Kumpulan-kumpulan Malaikat Dan Fungsi-fungsinya

وَٱلصَّٰٓفَّٰتِ صَفًّا ﴿١﴾ فَٱلزَّٰجِرَٰتِ زَجْرًا ﴿٢﴾
فَٱلتَّٰلِيَٰتِ ذِكْرًا ﴿٣﴾ إِنَّ إِلَٰهَكُمْ لَوَٰحِدٌ ﴿٤﴾
رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ
ٱلْمَشَٰرِقِ ﴿٥﴾

"Demi malaikat-malaikat yang berbaris dengan barisan yang teratur rapi (1). Dan demi malaikat-malaikat yang mengecam dengan sekuat kecaman (2). Dan demi malaikat-malaikat yang membaca zikir (3). Sesungguhnya Tuhan kamu itu hanya satu (4). Tuhan Yang memelihara langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya dan Tuhan yang menciptakan tempat-tempat terbitnya matahari."(5)

Malaikat-malaikat yang berbaris, malaikat-malaikat yang mengecam dan malaikat-malaikat yang membaca zikir adalah kumpulan-kumpulan malaikat yang disebut di sini dengan kerja-kerja yang dilakukan mereka. Mungkin yang berbaris di sini ialah tubuh-tubuh mereka untuk mendirikan solat atau mungkin pula ialah sayap-sayap mereka menunggu perintah Allah. Malaikat-malaikat yang mengecam ialah malaikat-malaikat yang mengecam orang-orang yang melakukan maksiat ketika mencabut nyawa mereka atau ketika mengumpulkan mereka di padang Mahsyar atau ketika menyeret mereka ke dalam Neraka atau di dalam mana-mana keadaan atau tempat. Malaikat-malaikat yang membaca zikir ialah malaikat-malaikat yang membaca Al-Qur'an atau kitab-kitab suci yang lain atau maksudnya ialah malaikat-malaikat yang bertasbih dengan Zikrullah.

Allah S.W.T. bersumpah dengan kumpulan-kumpulan malaikat ini untuk menegakkan konsep Wahdaniyah-Nya:

إِنَّ إِلَٰهَكُمْ لَوَٰحِدٌ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya Tuhan kamu itu hanya satu."(4)

Hubungan atau pertalian sumpah ini ialah wujudnya dongeng yang terkenal di zaman jahiliyah orang-orang Arab yang menghubungkan malaikat dengan Allah dan menyembah mereka sebagai tuhan-tuhan dengan anggapan mereka sebagai puteri-puteri Allah.

Kemudian Allah memperkenalkan diri-Nya kepada manusia iaitu mengenai sifat-Nya yang sesuai dengan konsep Wahdaniyah:

رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ
ٱلْمَشَٰرِقِ ﴿٥﴾

"Tuhan yang memelihara langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya dan Tuhan yang menciptakan tempat-tempat terbitnya matahari."(5)

Langit dan bumi ini tersergam di hadapan manusia. Ia menceritakan kepada mereka tentang Allah yang mencipta dan mentadbirkan kerajaan langit dan bumi yang amat luas ini. Tiada siapa pun yang berani mendakwa bahawa dialah yang memiliki, menguasai dan mentadbirkan kerajaan alam buana ini. Tiada seorang pun yang mampu mengelakkan dirinya dari mengakui Allah sebagai Tuhan yang memiliki qudrat yang mutlak dan Rububiyah yang sebenar.

وَمَا بَيْنَهُمَا

"Dan segala kejadian yang ada di antara keduanya"(5)

dari angin, awan, cahaya dan makhluk-makhluk seni yang diketahui manusia dari satu masa ke satu masa, tetapi jumlah makhluk seni yang tidak diketahui manusia lebih banyak dari yang telah diketahui mereka..

Kejadian langit, bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya adalah amat besar dan agung, amat halus dan beraneka ragam, amat indah dan seimbang. Apabila manusia yang hidup hati nuraninya

berdiri di hadapan kejadian-kejadian itu dia tidak dapat menahankan dirinya dari menerima kesan yang mendalam dan dari terpengaruh kepada keindahannya dan dari berfikir panjang. Manusia tidak mungkin melalui kejadian-kejadian yang amat besar tanpa mendapat kesan dan tanpa berfikir melainkan apabila hatinya mati. Ketika itu ia tidak dapat lagi menerima kesan-kesan itu dan tidak dapat menyambut nada-nada alam buana yang penuh dengan keajaiban-keajaiban itu.

رَّبُّ ٱلۡمَشَٰرِقِ ٥

"Tuhan yang menciptakan tempat-tempat terbitnya matahari."(5)

Setiap bintang dan planet itu ada tempat terbitnya masing-masing. Di sana ada berbagai-bagai tempat terbit di dalam setiap sudut langit yang luas saujana ini. Ungkapan ini mempunyai satu lagi pengertian yang lebih halus yang menggambarkan apa yang sebenar berlaku di bumi tempat kita hidup ini. Bumi di dalam peredaran di hadapannya matahari berturut-turut melahirkan tempat-tempat terbit matahari dan tempat-tempat terbenamnya di atas berbagai-bagai kawasan bumi. Mana-mana bahagian bumi yang berhadapan dengan matahari merupakan tempat terbit matahari yang menyuluh bahagian itu, sedangkan bahagian bumi yang bertentangan dengan bahagian matahari terbit itu merupakan tempat matahari terbenam. Pendeknya apabila bumi berpusing di sana terdapat tempat matahari terbit di satu bahagian dan pada bahagian bumi yang sebelah lagi terdapat pula tempat matahari terbenam, demikianlah seterusnya. Hakikat ini memang telah diketahui manusia pada masa turunnya Al-Qur'anul-Karim, tetapi Allah menceritakan hakikat ini juga kepada mereka di zaman yang lama itu.

Peraturan yang rapi ini, di mana bersilih ganti munculnya tempat-tempat terbit matahari di bumi ini dan keindahan yang menyelubungi alam ketika matahari terbit itu adalah kedua-duanya wajar menyerapkan ke dalam hati manusia kesan-kesan yang memberi ilham dan mendorongkannya ke arah memikirkan penciptaan Allah yang amat indah dan ke arah beriman kepada konsep Wahdaniyah-Nya. Kerana di sana terdapat kesan-kesan yang nyata, yang menunjukkan keesaan penciptaan di alam ini, di mana tidak terdapat perbezaan dalam sifat-sifat penciptaan yang amat halus dan indah itu.

Itulah pertalian yang sesuai apabila disebut salah satu sifat dari sifat-sifat Allah Yang Maha Esa di tempat ini. Kita akan dapat melihat bahawa ayat-ayat selanjutnya yang menyebut langit dan tempat-tempat terbit matahari itu mempunyai pertalian yang sesuai yang lain pula yang kita akan lihat ketika mengulaskan bintang-bintang, panah-panah api, syaitan-syaitan dan tembakan-tembakan ke atas mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 10)

إِنَّا زَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنۡيَا بِزِينَةٍ ٱلۡكَوَاكِبِ ٦
وَحِفۡظٗا مِّن كُلِّ شَيۡطَٰنٖ مَّارِدٖ ٧
لَّا يَسَّمَّعُونَ إِلَى ٱلۡمَلَإِ ٱلۡأَعۡلَىٰ وَيُقۡذَفُونَ مِن كُلِّ جَانِبٖ ٨
دُحُورٗاۖ وَلَهُمۡ عَذَابٞ وَاصِبٌ ٩
إِلَّا مَنۡ خَطِفَ ٱلۡخَطۡفَةَ فَأَتۡبَعَهُۥ شِهَابٞ ثَاقِبٞ ١٠

"Sesungguhnya Kami hiaskan langit yang dekat ini dengan perhiasan bintang-bintang (6). Sebagai kawalan dari segala syaitan penderhaka (7). Supaya mereka tidak dapat mendengar berita alam al-Mala'ul-A'la dan mereka ditembak dari segala penjuru (8). Untuk mengusir mereka, dan mereka akan mendapat 'azab yang berkekalan (9). Kecuali mereka yang mencuri dengar dengan pantas, maka mereka akan diburu panah api yang menembuskan (mereka)."(10)

Setelah menyentuh sebahagian dari dongeng yang khusus mengenai malaikat di permulaan surah, di sini Al-Qur'an kembali pula menyentuh bahagiannya yang kedua, yang khusus mengenai syaitan. Mereka mendakwa adanya hubungan keturunan di antara Allah dengan jin betina. Setengah-setengah mereka menyembah syaitan berdasarkan hubungan ini, juga berdasarkan syaitan-syaitan itu mengetahui perkara ghaib kerana mereka dapat berhubung dengan alam al-Mala'ul-A'la.

Setelah menyebut langit dan bumi, kejadian-kejadian di antara keduanya dan tempat-tempat terbit iaitu sama ada tempat-tempat terbit bintang-bintang dan planet-planet atau tempat-tempat terbit matahari yang berturut-turut dan bersilih ganti di kawasan-kawasan bumi, maka dalam ayat ini Al-Qur'an menyebut pula tentang bintang-bintang:

إِنَّا زَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنۡيَا بِزِينَةٍ ٱلۡكَوَاكِبِ ٦

"Sesungguhnya Kami hiaskan langit yang dekat ini dengan perhiasan bintang-bintang."(6)

Binatang-binatang Selaku Perhiasan Alam Yang Indah

Dengan memandang sekilas ke langit sudah cukup untuk melihat perhiasan itu dan untuk memahami bahawa keindahan itu merupakan satu unsur yang memang dirancangkan dalam penciptaan alam buana ini. Penciptaan Allah pada alam buana memang indah dan cantik susunannya. Keindahan pada alam buana ini merupakan satu sifat semulajadi yang amat mendalam bukannya sifat kebetulan. Reka bentuk alam buana ini dibuat di atas asas keindahan struktur dan kesempurnaan fungsi. Segala sesuatu di alam buana ini diciptakan dengan kadar yang amat rapi, dan segala kejadian di alam buana ini melaksanakan fungsinya dengan halus dan tepat. Oleh sebab itulah alam ini kelihatan begitu permai.

Langit dengan bintang-bintangnya yang bertaburan merupakan satu pemandangan yang paling indah yang dapat dilihat mata. Ia tidak jemu dipandang lama. Setiap bintang dan setiap planet berkedip-kedip dengan cahayanya masing-masing. Ia seolah-olah mata kekasih yang menjeling kepada anda, dan apabila anda memandang kepadanya ia terus memejamkan matanya dan bersembunyi, tetapi apabila anda berpaling darinya ia kembali berkedip-kedip dengan sinarnya yang berkilau-kilau. Usaha mengikuti tempat-tempat peredaran bintang-bintang dan perubahan manzilahnya dari satu malam ke satu malam dan dari satu masa ke satu masa merupakan satu keni'matan jiwa yang sama sekali tidak menjemukan.

Kemudian ayat yang berikut menjelaskan bahawa bintang-bintang itu mempunyai satu fungsi yang lain, dan dari bintang-bintang inilah lahirnya panah-panah api yang menembak syaitan-syaitan supaya mereka jangan menghampiri alam al-Mala'ul-A'la:

Syaitan-syaitan Ditembak Panah-panah Api

إِلَّا مَنْ خَطِفَ ٱلْخَطْفَةَ فَأَتْبَعَهُۥ شِهَابٌ ثَاقِبٌ ﴿١٠﴾

"Kecuali mereka yang mencuri dengar dengan pantas, maka mereka akan diburu panah api yang menembuskan (mereka)."(10)

Yakni dari bintang-bintang inilah dilepaskan tembakan-tembakan untuk memelihara langit dari segala syaitan penderhaka dan untuk menghalangi mereka dari mendengar sesuatu yang berlaku di alam al-Mala'ul-A'la. Apabila syaitan itu cuba mencuri dengar ia akan diusir oleh tembakan-tembakan dari segenap penjuru dan mereka akan terusir jauh. Kemudian di Akhirat ia akan di'azabkan pula dengan 'azab yang berterusan. Kadang-kadang syaitan itu mencuri dengar dengan pantas sesuatu yang berlaku di alam al-Mala'ul-A'la lalu ia diburu semasa turunnya oleh tembakan-tembakan panah-panah api lalu membakarkannya.

Kita tidak mengetahui bagaimana syaitan itu mendengar sesuatu di alam al-Mala'ul-A'la itu, bagaimana ia mencuri dengar dengan pantas dan bagaimana ia ditembak dengan panah-panah api, kerana semuanya ini adalah perkara-perkara ghaib yang tidak mampu difaham oleh kita manusia. Apa yang menjadi kewajipan kita ialah percaya kepada segala keterangan yang datang dari sisi Allah mengenai perkara-perkara yang ghaib itu. Bukankah segala apa yang kita ketahui mengenai alam buana ini hanya kulit-kulitnya sahaja?

Yang penting di sini ialah syaitan-syaitan yang ditahan dari sampai ke alam al-Mala'ul A'la dan dari mendengar sesuatu yang berlangsung di sana itu telah didakwa oleh kaum Musyrikin bahawa syaitan-syaitan itu mempunyai hubungan ipar dengan Allah. Andainya dakwaan mereka itu benar tentulah cara layanan terhadap mereka berubah. Masakan ipar birasnya pula diburu, ditembak dan dibakar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 17)

Setelah menyebut hal malaikat-malaikat, langit bumi dan makhluk-makhluk yang wujud di antara keduanya, hal bintang yang menghiasi langit yang dekat dan hal syaitan yang ditembak dengan panah api, maka Al-Qur'an memerintah Rasulullah s.a.w. bertanya kaum Musyrikin apakah kejadian diri mereka lebih sukar diciptakan atau makhluk-makhluk lain lebih sukar dari mereka? Dan andainya makhluk-makhluk itu lebih sukar dari kejadian diri mereka, maka mengapakah pula mereka merasa pelik dan mempersenda-sendakan persoalan kebangkitan selepas mati? Mengapa mereka menganggapkannya sebagai mustahil berlaku, sedangkan kebangkitan selepas mati itu tidak dapat dibandingkan dengan penciptaan makhluk-makhluk yang besar itu?

فَٱسْتَفْتِهِمْ أَهُمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَم مَّنْ خَلَقْنَآ ۚ إِنَّا خَلَقْنَٰهُم مِّن طِينٍ لَّازِبٍۭ ﴿١١﴾
بَلْ عَجِبْتَ وَيَسْخَرُونَ ﴿١٢﴾
وَإِذَا ذُكِّرُوا۟ لَا يَذْكُرُونَ ﴿١٣﴾
وَإِذَا رَأَوْا۟ ءَايَةً يَسْتَسْخِرُونَ ﴿١٤﴾
وَقَالُوٓا۟ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿١٥﴾
أَءِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظَٰمًا أَءِنَّا لَمَبْعُوثُونَ ﴿١٦﴾
أَوَءَابَآؤُنَا ٱلْأَوَّلُونَ ﴿١٧﴾

"Oleh itu tanyakanlah mereka apakah mereka lebih sukar diciptakan atau makhluk-makhluk lain yang telah Kami ciptakan? Sesungguhnya Kami telah ciptakan mereka dari tanah liat yang lembut (11). Malah engkau merasa hairan (terhadap keingkaran mereka) dan mereka terus mempersenda-sendakan (bukti-bukti kekuasaan Allah) (12). Dan apabila mereka diberi peringatan mereka tidak mengambil peringatan (13). Dan apabila mereka melihat sesuatu bukti kekuasaan Allah mereka mencari-cari alasan untuk mempersenda-sendakannya (14). Dan mereka berkata: Ini tiada lain melainkan satu sihir yang amat terang (15). Apabila kami telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang (yang reput) apakah kami akan dibangkitkan kembali? (16) Apakah datuk nenek Kami yang dahulu juga (turut) dibangkitkan kembali?"(17)

Kebangkitan Semula Selepas Mati Itu Bukanlah Sesuatu Yang Sukar

Maksudnya, bertanyalah kepada mereka jika malaikat-malaikat, langit dan bumi, makhluk-makhluk yang wujud di antara kedua-duanya, syaitan-syaitan,

bintang-bintang dan panah-panah api semuanya merupakan makhluk-makhluk yang diciptakan Allah, maka apakah penciptaan diri mereka lebih sukar dari penciptaan alam-alam dan makhluk-makhluk tersebut?

Jawapan memang tidak ditunggu-tunggu dari mereka kerana perkara ini terlalu terang, malah pertanyaan di sini merupakan pertanyaan untuk mengecam dan melahirkan kehairanan terhadap sikap mereka yang pelik dan untuk mempersenda-sendakan cara mereka berfikir dan menilaikan persoalan itu. Oleh sebab itu Al-Qur'an menyebut kepada mereka bahan kejadian mereka yang pertama iaitu tanah liat yang lembut yang merupakan sebahagian dari bumi yang menjadi salah satu dari makhluk-makhluk tersebut:

إِنَّا خَلَقْنَاهُم مِّن طِينٍ لَّازِبٍ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya Kami telah ciptakan mereka dari tanah liat yang lembut."(11)

Mereka sudah tentu bukannya makhluk yang lebih sukar diciptakan dari makhluk-makhluk yang disebut tadi. Sikap mereka sungguh aneh. Mereka mempersenda-sendakan bukti-bukti kekuasaan Allah dan janji Allah yang akan membangkit dan menghidupkan mereka kembali.

Perbuatan mereka ini menimbulkan kehairanan pada hati Rasulullah s.a.w., kerana perbuatan ini memperlihatkan pendirian mereka yang bingung:

بَلْ عَجِبْتَ وَيَسْخَرُونَ ﴿١٢﴾
وَإِذَا ذُكِّرُوا لَا يَذْكُرُونَ ﴿١٣﴾
وَإِذَا رَأَوْا آيَةً يَسْتَسْخِرُونَ ﴿١٤﴾

"Malah engkau merasa hairan (terhadap keingkaran mereka) dan mereka terus mempersenda-sendakan (bukti-bukti kekuasaan Allah) (12). Dan apabila mereka diberi peringatan mereka tidak mengambil peringatan (13). Dan apabila mereka melihat sesuatu bukti kekuasaan Allah mereka mencari-cari alasan untuk mempersenda-sendakannya."(14)

Sikap Yang Amat Menghairankan

Memang wajar bagi Rasulullah s.a.w. merasa hairan terhadap sikap mereka, kerana orang yang beriman yang melihat Allah di dalam hatinya seperti yang dilihat Muhammad s.a.w. dan melihat pula berbagai-bagai bukti kekuasaan Allah yang amat jelas itu tentulah merasa hairan bagaimana hati mereka buta dari memandang hakikat itu dan bagaimana mereka sanggup mengambil sikap yang pelik ini?

Ketika Rasulullah s.a.w sedang merasa pelik terhadap sikap mereka yang aneh itu, mereka terus mempersenda-sendakan persoalan-persoalan yang amat jelas yang dikemukakan kepada mereka sama ada mengenai konsep Wahdaniyah Allah atau mengenai kebangkitan selepas mati. Hati mereka terus buta dan tertutup kepada sebarang peringatan dan pengajaran. Mereka menerima ayat-ayat Allah dengan ejekan yang keterlaluan dan mereka mencari-cari sebab dan alasan untuk mencemuhkannya sebagaimana yang dapat difaham dari kata-kata "يستسخرون"

Di antara alasan-alasan itu ialah mereka sifatkan Al-Qur'an itu sebagai sihir dan mempersenda-sendakannya apabila Al-Qur'an menjanjikan mereka dengan kebangkitan selepas mati:

وَقَالُوا إِنْ هَٰذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿١٥﴾
أَإِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظَامًا أَإِنَّا لَمَبْعُوثُونَ ﴿١٦﴾
أَوَآبَاؤُنَا الْأَوَّلُونَ ﴿١٧﴾

"Dan mereka berkata: Ini tiada lain melainkan satu sihir yang amat terang (15). Apabila kami telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang (yang reput) apakah kami akan dibangkitkan kembali? (16) Apakah datuk nenek Kami yang dahulu juga (turut) dibangkitkan kembali?"(17)

Mereka lalai dari melihat kesan-kesan qudrat Ilahi yang terdapat di sekeliling mereka dan pada kejadian diri mereka sendiri. Mereka lalai dari melihat kesan qudrat Ilahi pada kejadian langit dan bumi, kejadian makhluk-makhluk di antara keduanya, kejadian bintang-bintang dan panah-panah api, kejadian malaikat, syaitan dan kejadian mereka sendiri yang diciptakan dari tanah liat yang lembut. Mereka lalai dari melihat seluruh kesan qudrat Ilahi ini dan memandang mustahil bahawa qudrat Ilahi ini dapat menghidupkan mereka dan datuk nenek mereka kembali apabila mereka telah-mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang yang reput, sedangkan urusan membangkit dan menghidupkan kembali orang yang telah mati bukanlah merupakan sesuatu yang pelik dan mustahil kepada qudrat Ilahi bagi siapa yang melihat realiti ini dan merenunginya sebentar dalam sorotan bukti-bukti yang disaksikan di merata pelosok alam dan di dalam kejadian diri mereka sendiri.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 68)

Oleh sebab mereka tidak merenungi bukti-bukti yang disaksikan itu dengan tenang dan tenteram, maka Al-Qur'an menggerakkan mereka dengan keras supaya menyaksikan pemandangan mereka sedang dibangkitkan kembali di Akhirat. Ia menggambarkan mereka dalam keadaan kacau-bilau: [1]

قُلْ نَعَمْ وَأَنتُمْ دَاخِرُونَ ﴿١٨﴾

"Katakanlah: Ya. Kamu akan dibangkitkan dengan keadaan yang hina-dina."(18)

---

[1] *Untuk menghuraikan pemandangan ini kami pinjam beberapa muka surat dari buku:* " مشاهد القيامة في القرآن " *dengan sedikit ubah suai.*

Ya, kamu dan datuk nenek kamu yang dahulu akan dibangkitkan kembali dengan keadaan yang hina-dina, menyerah diri tanpa membantah dan tanpa enggan menurut perintah. Kemudian Al-Qur'an menjelaskan bagaimana peristiwa itu berlaku.

Tiba-tiba mereka berada di hadapan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan yang panjang yang menyentuh berbagai-bagai sudut dan menggunakan berbagai-bagai uslub, iaitu pemandangan yang menayangkan berbagai-bagai pergerakan dan diselang seli sekali dengan cara cerita dan sekali pula dengan cara dialog. Peristiwa-peristiwa dan pergerakan-pergerakan itu diselang pula dengan ulasan-ulasan yang menjadikan pemandangan itu satu pemandangan yang sempurna dan cukup hidup:

Senario Kebangkitan Semula

فَإِنَّمَا هِيَ زَجْرَةٌ وَاحِدَةٌ فَإِذَا هُمْ يَنظُرُونَ ١٩

"Hanya dengan satu pekikan sahaja tiba-tiba mereka (dibangkitkan) dan melihat (satu sama lain)."(19)

Demikianlah peristiwa itu berlaku dalam sekelip mata sahaja iaitu dalam jangka masa satu pekikan sahaja. Ia dinamakan "pekikan" untuk menunjukkan bahawa peristiwa itu amat dahsyat dan keras, juga untuk menunjukkan bahawa peristiwa itu berlaku dengan perintah Ilahi yang Maha Tinggi:

فَإِذَا هُمْ يَنظُرُونَ ١٩

"Tiba-tiba mereka (dibangkitkan) dan melihat (satu sama lain)."(19)

kemudian secara mendadak pula mereka menjerit-jerit kaget:

وَقَالُوا يَا وَيْلَنَا هَٰذَا يَوْمُ الدِّينِ ٢٠

"Dan mereka berkata: Alangkah celakanya kami! Inilah hari balasan."(20)

Ketika mereka sedang berada dalam kebingungan, tiba-tiba mereka mendengar suara kecaman yang tidak diduga mereka:

هَٰذَا يَوْمُ الْفَصْلِ الَّذِي كُنتُم بِهِ تُكَذِّبُونَ ٢١

"Inilah hari keputusan pengadilan yang telah didustakan kamu."(21)

Demikianlah penerangan itu berpindah dari cerita kepada percakapan yang dituju kepada orang-orang yang mendustakan hari Qiamat. Kemudian perintah dikeluarkan kepada para malaikat yang ditugas melaksanakan arahan:

احْشُرُوا الَّذِينَ ظَلَمُوا وَأَزْوَاجَهُمْ وَمَا كَانُوا يَعْبُدُونَ ٢٢

مِن دُونِ اللَّهِ فَاهْدُوهُمْ إِلَىٰ صِرَاطِ الْجَحِيمِ ٢٣

وَقِفُوهُمْ ۖ إِنَّهُم مَّسْئُولُونَ ٢٤

"(Kemudian diperintahkan kepada malaikat-malaikat) kumpulkan orang-orang yang zalim (kafir) itu dan orang-orang yang seperti mereka serta segala sembahan yang disembahkan mereka (22). Selain Allah dan tunjukkan kepada mereka jalan ke Neraka Jahim (23). Dan tahankan mereka (di Sirat), kerana mereka akan disoal."(24)

Yakni himpunkan orang-orang yang zalim itu dan orang-orang yang berdosa seperti mereka kerana mereka adalah pasangan-pasangan yang sebulu. Perintah ini merupakan satu perintah yang keras dan mengandungi penghinaan yang begitu nyata dalam ungkapan **"Tunjukkan kepada mereka jalan ke Neraka Jahim"** itulah petunjuk yang paling ganjil dan itulah jawapan yang setimpal kepada mereka yang telah memilih kesesatan dari petunjuk yang lurus. Andainya di dunia mereka tidak mendapat petunjuk ke jalan yang lurus, maka pada hari ini biarlah mereka mendapat petunjuk ke jalan Neraka Jahim.

Kini mereka diberi petunjuk, iaitu petunjuk ke Neraka Jahim dan mereka disuruh berdiri untuk disoal. Inilah perkataan yang mengandungi kecaman yang dihadapkan kepada mereka dalam bentuk pertanyaan yang lurus:

مَا لَكُمْ لَا تَنَاصَرُونَ ٢٥

"Mengapa (sekarang) kamu tidak saling bantu membantu (seperti di dunia)?"(25)

Yakni mengapa kamu tidak bantu membantu satu sama lain ketika kamu sekalian berada di sini? Bukankah kamu memerlukan pembantu yang dapat menolong kamu? Sedangkan bersama kamu terdapat tuhan-tuhan yang telah disembahkan kamu.

Sudah tentu tiada jawapan dan tiada percakapan, malah yang ada ialah ulasan sahaja:

بَلْ هُمُ الْيَوْمَ مُسْتَسْلِمُونَ ٢٦

"Bahkan mereka pada hari ini menyerah diri belaka."(26)

Seluruh mereka menyerah patuh sama ada yang menyembah dan yang disembah. Kemudian sekali lagi Al-Qur'an berpindah dari dialog kepada cerita. Ia menayangkan pemandangan mereka yang sedang bertengkar sesama mereka.

وَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ يَتَسَاءَلُونَ ٢٧

قَالُوا إِنَّكُمْ كُنتُمْ تَأْتُونَنَا عَنِ الْيَمِينِ ٢٨

"Dan mereka menemui satu sama lain bersoaljawab (menyalahkan satu sama lain) (27). Kata (para pengikut kepada para pemimpin): Kamulah yang datang membisik-bisikkan di sebelah kanan kami (untuk menyesatkan kami)."(28)

Kamulah yang datang di sebelah kanan kami membisik-bisikkan kepada kami. Oleh kerana itu

kamulah yang bertanggungjawab terhadap nasib malang yang telah menimpa kami sekarang. Ungkapan **"datang di sebelah kanan"** merupakan gambaran biasa yang dilakukan oleh orang yang hendak membisikkan, perkara-perkara rahsia kepada seseorang.

Ketika itu orang-orang yang tertuduh itu pun tampil menolak tuduhan itu dan meletakkan seluruh tanggung-jawab kepada orang-orang menuduh mereka.

قَالُوا۟ بَل لَّمْ تَكُونُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٢٩﴾

"Jawab (para pemimpin) sebenarnya kamu memang tidak pernah beriman."(29)

Yakni bukannya bisikan-bisikan kami yang telah menyesatkan kamu setelah kamu beriman dan mendapat hidayat.

وَمَا كَانَ لَنَا عَلَيْكُم مِّن سُلْطَٰنٍ

"Dan kami sekali-kali tidak mempunyai kuasa di atas kamu."(30)

Yakni kami tidak pernah menggunakan apa-apa pengaruh kami untuk memaksa kamu menerima pendapat-pendapat kami yang tidak disukai kamu.

بَلْ كُنتُمْ قَوْمًا طَٰغِينَ ﴿٣٠﴾

"Malah kamu sebenarnya satu kaum yang pelampau."(30)

Yang melewati batas kebenaran dan bersikap zalim.

فَحَقَّ عَلَيْنَا قَوْلُ رَبِّنَآ إِنَّا لَذَآئِقُونَ ﴿٣١﴾

"Memang telah ditetapkan di atas kita sekalian keputusan 'azab dari Tuhan kita, dan kita sekalian akan merasainya."(31)

Kami dan kamu tetap akan merasakan janji 'azab itu. Kamu telah tergelincir bersama kami dengan sebab kamu mempunyai persediaan menerima kesesatan. Kami tidak berbuat apa-apa kepada kamu, cumanya kamulah yang mengikut kesesatan kami:

فَأَغْوَيْنَٰكُمْ إِنَّا كُنَّا غَٰوِينَ ﴿٣٢﴾

"Lalu kami sesatkan kamu kerana sesungguhnya kami adalah para penyesat."(32)

Di sini datang pula satu pengumuman lagi seolah-olah satu hukuman yang diumumkan kepada khalayak yang ramai, iaitu pengumuman yang menerangkan sebab-sebab mereka di'azab, di samping mendedahkan perbuatan-perbuatan mereka di dunia. Inilah yang menyebabkan mereka menerima keputusan Allah terhadap mereka, iaitu keputusan mendapat 'azab di Akhirat:

فَإِنَّهُمْ يَوْمَئِذٍ فِى ٱلْعَذَابِ مُشْتَرِكُونَ ﴿٣٣﴾

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَفْعَلُ بِٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٣٤﴾

إِنَّهُمْ كَانُوٓا۟ إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٣٥﴾

وَيَقُولُونَ أَئِنَّا لَتَارِكُوٓا۟ ءَالِهَتِنَا لِشَاعِرٍ مَّجْنُونٍ ﴿٣٦﴾

"Sesungguhnya pada hari itu mereka semuanya sama-sama berkongsi ('azab) (33). Sesungguhnya demikianlah Kami bertindak terhadap pendosa-pendosa (34). Sebenarnya mereka dahulu apabila dikatakan kepada mereka: Tiada Tuhan yang lain melainkan Allah, mereka berlagak sombong (35). Dan mereka berkata: Apakah wajar kami meninggalkan tuhan-tuhan kami kerana seorang penyair yang gila?"(36)

Kemudian pengumuman itu disambung dengan kecaman terhadap mereka yang mengeluarkan perkataan yang keji itu:

بَلْ جَآءَ بِٱلْحَقِّ وَصَدَّقَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٣٧﴾

إِنَّكُمْ لَذَآئِقُوا۟ ٱلْعَذَابِ ٱلْأَلِيمِ ﴿٣٨﴾

وَمَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٣٩﴾

إِلَّا عِبَادَ ٱللَّهِ ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٤٠﴾

"(Tidak!) Bahkan sebenarnya dia (Muhammad) telah membawa kebenaran dan membenarkan para rasul (yang dahulu) (37). Sesungguhnya kamu tetap akan merasa 'azab yang amat pedih (38). Dan kamu tidak akan dibalas melainkan mengikut dosa yang telah dilakukan kamu (39). Kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih."(40)

Sesuai dengan menyebut hamba-hamba Allah yang terpilih yang dikecualikan dari 'azab yang pedih itu, Al-Qur'an menayangkan pula keadaan mereka pada hari Qiamat secara bercerita sebagai perbandingan dengan keadaan 'azab yang pedih yang diterima para pendusta:

أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ رِزْقٌ مَّعْلُومٌ ﴿٤١﴾ فَوَٰكِهُ وَهُم مُّكْرَمُونَ ﴿٤٢﴾

فِى جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٤٣﴾ عَلَىٰ سُرُرٍ مُّتَقَٰبِلِينَ ﴿٤٤﴾

يُطَافُ عَلَيْهِم بِكَأْسٍ مِّن مَّعِينٍ ﴿٤٥﴾

بَيْضَآءَ لَذَّةٍ لِّلشَّٰرِبِينَ ﴿٤٦﴾

لَا فِيهَا غَوْلٌ وَلَا هُمْ عَنْهَا يُنزَفُونَ ﴿٤٧﴾

وَعِندَهُمْ قَٰصِرَٰتُ ٱلطَّرْفِ عِينٌ ﴿٤٨﴾

كَأَنَّهُنَّ بَيْضٌ مَّكْنُونٌ ﴿٤٩﴾

"Untuk mereka disediakan rezeki (istimewa) yang tertentu (41). Iaitu buah-buahan dan mereka sekalian adalah orang-orang yang dimuliakan (42). Di dalam Syurga-syurga yang penuh ni'mat (43). (Bersenang-senang) di atas takhta-takhta dengan berhadap-hadapan (satu sama lain) (44). Diedarkan kepada mereka gelas-gelas minuman dari sungainya yang mengalir (45). Warna putih dan amat lazat kepada para peminumnya (46). Tiada mengandungi sebarang bahaya dan

tidak pula mereka mabuk kerananya (47). Dan di sisi mereka pula terdapat bidadari-bidadari yang hanya menumpukan pandangan kepada mereka dan cantik pula matanya (48). Mereka (putih melepak) laksana telur-telur yang tersimpan baik."(49)

Itulah ni'mat yang berganda-ganda yang merangkulkan segala jenis keni'matan, iaitu ni'mat-ni'mat rohaniyah dan ni'mat-ni'mat kebendaan. Setiap orang mendapat segala bentuk ni'mat yang disukainya.

Mula-mula mereka disebut sebagai mukhlasin (مخلصين):

عِبَادَ ٱللَّهِ ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٤٠﴾

"Hamba-hamba Allah yang bersih."(40)

Itulah darjah penghormatan yang tinggi, kemudian mereka disebut pula sebagai:

مُّكْرَمُونَ ﴿٤٢﴾

"Orang-orang yang dimuliakan"(42)

di kalangan al-Mala'ul-A'la. Alangkah banyaknya penghormatan yang diterima mereka. Di samping itu mereka dihidangkan dengan "buah-buahan" ketika mereka berehat di atas:

سُرُرٍ مُّتَقَٰبِلِينَ ﴿٤٤﴾

"Takhta-takhta berhadap-hadapan satu sama lain."(44)

Mereka diberi layanan sepenuhnya tanpa mengeluarkan apa-apa tenaga di dalam Syurga yang penuh dengan kerehatan, keredhaan dan keni'matan itu:

يُطَافُ عَلَيْهِم بِكَأْسٍ مِّن مَّعِينٍ ﴿٤٥﴾

بَيْضَآءَ لَذَّةٍ لِّلشَّٰرِبِينَ ﴿٤٦﴾

لَا فِيهَا غَوْلٌ وَلَا هُمْ عَنْهَا يُنزَفُونَ ﴿٤٧﴾

"Diedarkan kepada mereka gelas-gelas minuman dari sungainya yang mengalir (45). Warna putih dan amat lazat kepada para peminumnya (46). Tiada mengandungi sebarang bahaya dan tidak pula mereka mabuk kerananya."(47)

Itulah sifat-sifat minuman yang paling, baik, yang memberi kelazatan minum dan menghindarkan segala akibat buruknya. Dia bukannya arak yang memeningkan kepala dan hidangannya tidak pula terhalang atau terputus sehingga menghilangkan keni'matan dan kelazatannya.

وَعِندَهُمْ قَٰصِرَٰتُ ٱلطَّرْفِ عِينٌ ﴿٤٨﴾

"Dan di sisi mereka pula terdapat bidadari-bidadari yang hanya menumpukan pandangan kepada mereka dan cantik pula matanya."(48)

Yakni bidadari-bidadari yang pemalu. Mata mereka hanya tertumpu kepada pasangan-pasangan mereka sahaja kerana sifat mereka yang pemalu dan sopan santun. Mereka mempunyai mata-mata luas yang cantik. Mereka adalah bidadari pingitan yang lemah lembut dan gebu:

كَأَنَّهُنَّ بَيْضٌ مَّكْنُونٌ ﴿٤٩﴾

"Mereka (putih melepak) laksana telur-telur yang tersimpan baik."(49)

Yang tidak pernah disentuh oleh tangan-tangan yang lain dan tidak pernah dilihat oleh mata yang ramai.

Meninjau Teman Lama Dunia Yang Sedang Berada Dalam Neraka

Kemudian Al-Qur'an meneruskan cerita mengenai hamba-hamba-Nya yang terpilih yang dikurniakan segala ragam keni'matan sedang berbual-bual dengan tenang. Mereka mengenangkan cerita-cerita mereka di zaman lampau di dunia dan mengingatkan kedudukan mereka sekarang ini ialah sebagai perbandingan dengan keadaan orang-orang yang berdosa yang bertengkar sesama mereka yang telah diterangkan di awal pemandangan tadi. Dalam perbualan itu tiba-tiba salah seorang dari mereka terkenang kepada zaman silamnya, lalu ia pun menceritakan sebahagian dari peristiwa yang telah berlaku kepadanya:

قَالَ قَآئِلٌ مِّنْهُمْ إِنِّى كَانَ لِى قَرِينٌ ﴿٥١﴾

يَقُولُ أَءِنَّكَ لَمِنَ ٱلْمُصَدِّقِينَ ﴿٥٢﴾

أَءِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظَٰمًا أَءِنَّا لَمَدِينُونَ ﴿٥٣﴾

"Berkatalah salah seorang dari mereka: Sesungguhnya aku dahulu (di dunia) mempunyai seorang teman(51). Dia berkata (kepadaku): Adakah engkau dari golongan orang-orang yang percaya kepada (kebangkitan dan balasan)? (52) Apakah apabila kita telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang yang reput, apakah kita akan (dibangkit) menerima balasan?"(53)

Temannya itu mendustakan hari Akhirat dan bertanya kepadanya dengan kehairanan: Apakah dia juga termasuk di dalam golongan orang yang percaya bahawa manusia akan dibangkitkan kembali selepas mati dan akan dibalaskan amalan-amalan mereka setelah mereka mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang?

Ketika dia menceritakan kisah temannya itu kepada saudara-saudaranya, terlintaslah di dalam hatinya untuk memeriksa nasib kesudahan yang telah menimpa temannya itu dan dia tahu bahawa temannya itu telah dimasukkan ke dalam Neraka, lalu dia mengajak saudaranya meninjau bersama-sama dengannya:

قَالَ هَلْ أَنتُم مُّطَّلِعُونَ ﴿٥٤﴾

فَٱطَّلَعَ فَرَءَاهُ فِى سَوَآءِ ٱلْجَحِيمِ ﴿٥٥﴾

"Lalu dia berkata (kepada saudara-saudaranya dalam Syurga): Apakah kamu ingin meninjau (bagaimana temanku itu di dalam Neraka sekarang?) (54) Lalu dia pun meninjau (di dalam Neraka dan di sana) dia nampak temannya berada di tengah-tengah Neraka Jahim."(55)

Dan di waktu itu dia pun menuju kepada temannya yang dilihatnya berada di tengah Neraka untuk berkata kepadanya: Hai awak! Bukankah dahulu awak hampir-hampir menjerumuskan aku ke dalam kebinasaan kerana hasutan dan godaanmu. Nasibku baik kerana rahmat Allah telah menyelamatkan aku dari mendengar hasutanmu:

قَالَ تَاللَّهِ إِن كِدتَّ لَتُرْدِينِ ﴿٥٦﴾

وَلَوْلَا نِعْمَةُ رَبِّي لَكُنتُ مِنَ الْمُحْضَرِينَ ﴿٥٧﴾

"Dia berkata (kepada bekas temannya): Demi Allah engkau nyaris-nyaris menjerumuskanku di dalam kebinasaan (56). Jika tidak kerana ni'mat Tuhanku, sudah tentu aku termasuk di dalam golongan orang yang dibawa (ke dalam Neraka bersama engkau)."(57)

Yakni sudah tentu aku termasuk dalam kumpulan orang-orang yang diseret bersama engkau.

Pemandangan temannya yang berada di tengah Neraka itu menyedarkannya betapa limpahnya ni'mat Allah yang telah dicapai olehnya dan saudara-saudaranya dari hamba-hamba Allah yang terpilih. Kerana itu dia mahu mengesah dan meninjau kembali ni'mat itu dan meyakini bahawa dia akan terus menghayatinya buat selama-lamanya. Dia mahu berbuat begitu untuk berlazat-lazat dengan keni'matan itu dan menambahkan lagi kecitarasaannya:

أَفَمَا نَحْنُ بِمَيِّتِينَ ﴿٥٨﴾

إِلَّا مَوْتَتَنَا الْأُولَىٰ وَمَا نَحْنُ بِمُعَذَّبِينَ ﴿٥٩﴾

إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٦٠﴾

"Bukankah kita tidak akan mati lagi (selepas ini)? (58) Kecuali hanya mati kali yang pertama sahaja dan kita juga tidak akan di'azabkan (59). Sesungguhnya inilah keberuntungan yang amat besar."(60)

Di sini datang pula satu pengumuman yang menggerak dan mendorongkan hati manusia supaya berusaha dan berlumba-lumba ke arah mencapai kesudahan yang seperti itu:

لِمِثْلِ هَٰذَا فَلْيَعْمَلِ الْعَامِلُونَ ﴿٦١﴾

"Untuk ni'mat seperti inilah hendaknya sekalian yang berusaha itu berusaha (dengan bersungguh-sungguh)."(61)

Yakni untuk ni'mat yang seperti inilah, iaitu ni'mat yang tidak akan hilang dan kehabisan, ni'mat yang tidak akan diiringi maut dan tidak akan terancam kepada 'azab hendaknya setiap orang berusaha dan bekerja. Ni'mat inilah yang wajar diberi sepenuh perhatian. Selain dari ni'mat ini, iaitu dari ni'mat-ni'mat yang membuat manusia menghabiskan umur mereka untuk mendapatkannya adalah ni'mat yang amat kecil dibandingkan dengan ni'mat yang kekal abadi itu.

Supaya ternyata dengan jelas adanya perbezaan yang amat besar di antara balasan ni'mat Syurga yang kekal abadi, aman damai dan penuh kepuasan itu dengan balasan 'azab yang menunggu golongan manusia yang kafir, maka Al-Qur'an berpindah pula kepada menjelaskan balasan 'azab yang menunggu golongan ini selepas upacara Mahsyar dan Hisab yang telah disebut di permulaan pemandangan ini.

أَذَٰلِكَ خَيْرٌ نُّزُلًا أَمْ شَجَرَةُ الزَّقُّومِ ﴿٦٢﴾

إِنَّا جَعَلْنَاهَا فِتْنَةً لِّلظَّالِمِينَ ﴿٦٣﴾

"Apakah keraian yang sedemikian itu lebih baik atau pokok zaqqum (itu lebih baik?) (62) Sesungguhnya Kami jadikannya (pokok zaqqum) itu keseksaan kepada orang-orang yang zalim."(63)

Yakni apakah ni'mat Syurga yang kekal abadi dan merupakan tempat kediaman yang terbaik itu lebih baik atau pokok zaqqum?

Apakah pokok zaqqum itu?

إِنَّهَا شَجَرَةٌ تَخْرُجُ فِي أَصْلِ الْجَحِيمِ ﴿٦٤﴾

طَلْعُهَا كَأَنَّهُ رُءُوسُ الشَّيَاطِينِ ﴿٦٥﴾

"Sesungguhnya zaqqum itu satu pokok yang tumbuh dari dasar Neraka (64). Buahnya laksana kepala-kepala syaitan."(65)

Manusia tidak tahu bagaimana kepala syaitan itu, tetapi ia tidak syak lagi amat menakutkan. Dengan semata-mata mengimaginasikan kepala syaitan itu sahaja sudah cukup untuk menimbulkan rasa gerun dan takut. Bagaimana pula jika kepala syaitan itu merupakan buah-buahan untuk dimakan mereka dan diisikan penuh di dalam perut mereka?

Allah telah menjadikan pokok zaqqum ini suatu ujian kepada orang-orang yang zalim (kafir). Apabila mereka mendengar namanya, mereka mempersenda-sendakannya. Mereka berkata: "Bagaimana pokok boleh tumbuh di dalam Neraka dengan tidak terbakar". Abu Jahl ibn Hisyam pernah memperolok-olokkannya dengan katanya: "Wahai orang-orang Quraysy! Adakah kamu tahu apakah pokok zaqqum yang ditakut-takutkan Muhammad kepada kamu?" Jawab mereka: "Tidak". Lalu dia berkata: "Itulah tamar 'Ajwah Madinah yang dicampur dengan mentega. Jika kita makannya kita akan telannya dengan selesa". Tetapi pokok zaqqum ini adalah satu makanan yang berlainan dari makanan yang diketahui mereka.

فَإِنَّهُمْ لَآكِلُونَ مِنْهَا فَمَالِئُونَ مِنْهَا الْبُطُونَ ﴿٦٦﴾

"Sesungguhnya mereka akan memakannya dan memenuhkan perut mereka dengannya."(66)

Bentuk buahnya seperti kepala syaitan. Ia menikam halkum-halkum mereka dan membakar perut-perut mereka. Ia tumbuh di dasar Neraka dan tidak terbakar, kerana ia dari jenis api Neraka. Mereka mencari air sejuk untuk menghilangkan kehausan mereka, lalu mereka minum air panas selepas memakan buah zaqqum:

ثُمَّ إِنَّ لَهُمْ عَلَيْهَا لَشَوْبًا مِّنْ حَمِيمٍ ٦٧

"Kemudian mereka akan dihidangkan pula selepas memakan zaqqum itu minuman dari campuran air yang amat panas."(67)

Setelah selesai makan mereka meninggalkan hidangan itu kembali ke tempat kediaman mereka yang kekal abadi. Alangkah dahsyatnya tempat kediaman mereka!

ثُمَّ إِنَّ مَرْجِعَهُمْ لَإِلَى ٱلْجَحِيمِ ٦٨

"Kemudian (selepas minum) tempat kembali mereka ialah ke Neraka Jahim pula."(68)

Dengan ini tamatlah pemandangan yang unik itu dan berakhirlah pusingan pertama surah ini. Pemandangan ini seolah-olah merupakan sepotongan dari realiti yang dapat disaksikan.

(Kumpulan ayat-ayat 69 - 148)

إِنَّهُمْ أَلْفَوْا۟ ءَابَآءَهُمْ ضَآلِّينَ ٦٩

فَهُمْ عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِمْ يُهْرَعُونَ ٧٠

وَلَقَدْ ضَلَّ قَبْلَهُمْ أَكْثَرُ ٱلْأَوَّلِينَ ٧١

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا فِيهِم مُّنذِرِينَ ٧٢

فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُنذَرِينَ ٧٣

إِلَّا عِبَادَ ٱللَّهِ ٱلْمُخْلَصِينَ ٧٤

وَلَقَدْ نَادَىٰنَا نُوحٌ فَلَنِعْمَ ٱلْمُجِيبُونَ ٧٥

وَنَجَّيْنَٰهُ وَأَهْلَهُۥ مِنَ ٱلْكَرْبِ ٱلْعَظِيمِ ٧٦

وَجَعَلْنَا ذُرِّيَّتَهُۥ هُمُ ٱلْبَاقِينَ ٧٧

وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِى ٱلْءَاخِرِينَ ٧٨

سَلَٰمٌ عَلَىٰ نُوحٍ فِى ٱلْعَٰلَمِينَ ٧٩

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ٨٠

إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُؤْمِنِينَ ٨١

ثُمَّ أَغْرَقْنَا ٱلْءَاخَرِينَ ٨٢

"Sesungguhnya mereka dapati datuk nenek mereka berada di dalam kesesatan (69). Lalu mereka mengikut jejak langkah mereka dengan terburu-buru (70). Sesungguhnya telah sesat sebelum mereka kebanyakan umat-umat yang dahulu (71). Dan sesungguhnya Kami telah utuskan dalam kalangan mereka rasul-rasul yang memberi peringatan (72). Oleh itu lihatlah bagaimana akibat umat-umat yang telah diberi peringatan itu(73). (Mereka semuanya binasa) kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih (74). Dan sesungguhnya Nuh telah berdo'a kepada Kami, maka sesungguhnya Kamilah sebaik-baik penerima do'a (75). Dan Kami telah menyelamatkannya serta keluarganya dari malapetaka yang besar (76). Dan Kami telah jadikan zuriat mereka sahaja yang tinggal hidup (77). Dan Kami telah tinggal kepadanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian(78). Selamat sejahtera ke atas Nuh di kalangan manusia seluruh alam (79). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (80). Sesungguhnya dia (Nuh) dari hamba-hamba Kami yang Mu'min (81). Kemudian Kami telah menenggelamkan orang-orang yang lain (yang mendustakannya)" (82).

وَإِنَّ مِن شِيعَتِهِۦ لَإِبْرَٰهِيمَ ٨٣

إِذْ جَآءَ رَبَّهُۥ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ٨٤

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِۦ مَاذَا تَعْبُدُونَ ٨٥

أَئِفْكًا ءَالِهَةً دُونَ ٱللَّهِ تُرِيدُونَ ٨٦

فَمَا ظَنُّكُم بِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ٨٧

فَنَظَرَ نَظْرَةً فِى ٱلنُّجُومِ ٨٨

فَقَالَ إِنِّى سَقِيمٌ ٨٩ فَتَوَلَّوْا۟ عَنْهُ مُدْبِرِينَ ٩٠

فَرَاغَ إِلَىٰٓ ءَالِهَتِهِمْ فَقَالَ أَلَا تَأْكُلُونَ ٩١

مَا لَكُمْ لَا تَنطِقُونَ ٩٢

فَرَاغَ عَلَيْهِمْ ضَرْبًۢا بِٱلْيَمِينِ ٩٣

فَأَقْبَلُوٓا۟ إِلَيْهِ يَزِفُّونَ ٩٤

قَالَ أَتَعْبُدُونَ مَا تَنْحِتُونَ ٩٥

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ٩٦

"Dan sesungguhnya di antara orang yang mengikut golongannya ialah Ibrahim (83). (Kenangilah) ketika dia datang kepada Tuhannya dengan hati yang sejahtera (84). (Kenangilah) ketika dia berkata kepada bapanya dan kaumnya: Apakah yang kamu sembah? (85) Apakah kerana pembohongan kamu hendak menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah? (86) Apa fikiran kamu terhadap Tuhan

semesta alam? (87) Lalu dia memandang sekilas kepada bintang-bintang (88). Kemudian berkata: Sesungguhnya aku sakit (89). Lalu mereka pun berpaling meninggalkannya (90). Kemudian (secara diam-diam) dia menuju kepada tuhan-tuhan mereka dan berkata: Mengapa kamu tidak makan?(91). Mengapa kamu tidak bercakap? (92) Lalu (secara diam-diam) dia menghadapi berhala-berhala itu dan memukulnya dengan tangan kanan (93). Lalu mereka tergesa-gesa datang mendapatkannya (94). Dia berkata: Apakah patut kamu menyembah tuhan yang dipahatkan oleh kamu sendiri? (95). Sedangkan Allahlah yang telah menciptakan kamu dan mengetahui apa yang dibuatkan kamu" (96).

قَالُوا ابْنُوا لَهُ بُنْيَانًا فَأَلْقُوهُ فِي الْجَحِيمِ ٩٧

فَأَرَادُوا بِهِ كَيْدًا فَجَعَلْنَاهُمُ الْأَسْفَلِينَ ٩٨

وَقَالَ إِنِّي ذَاهِبٌ إِلَىٰ رَبِّي سَيَهْدِينِ ٩٩

رَبِّ هَبْ لِي مِنَ الصَّالِحِينَ ١٠٠

فَبَشَّرْنَاهُ بِغُلَامٍ حَلِيمٍ ١٠١

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَا بُنَيَّ إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ
أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانْظُرْ مَاذَا تَرَىٰ ۚ قَالَ يَا أَبَتِ افْعَلْ مَا
تُؤْمَرُ ۖ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ١٠٢

فَلَمَّا أَسْلَمَا وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ ١٠٣

"Lalu mereka berkata: Dirikanlah satu bangunan untuk (membakarnya) dan campakkannya ke dalam api (97). Mereka mahu melakukan tipu daya untuk (membinasakannya) lalu Kami jadikan mereka orang-orang yang kalah (gagal) (98) . Dan dia berkata: Sesungguhnya aku akan pergi mengadap Tuhanku. Dia akan memberi hidayat kepadaku (99). Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepada Kami seorang anak dari golongan para Salihin (100). Lalu Kami sampaikan kepadanya berita gembira bahawa dia akan mendapat seorang anak yang amat sabar (101). Dan apabila anak itu sampai ke peringkat umur dapat berusaha bersamanya dia berkata: Wahai anakku! Sesungguhnya ayahanda melihat di dalam mimpi bahawa ayahanda menyembelihkan anakanda. Oleh itu fikirkanlah apa pendapat anakanda? Jawab anak itu: Wahai ayahandaku! Buatlah apa yang telah diperintahkan kepada ayahanda, insya' Allah ayahanda akan dapati anakanda dari golongan yang sabar (102). Setelah kedua-duanya berserah bulat-bulat menjunjung perintah dan dia telah membaringkan anaknya di atas pelipisnya"(103).

وَنَادَيْنَاهُ أَنْ يَا إِبْرَاهِيمُ ١٠٤

قَدْ صَدَّقْتَ الرُّؤْيَا ۚ إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ١٠٥

إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ الْبَلَاءُ الْمُبِينُ ١٠٦

وَفَدَيْنَاهُ بِذِبْحٍ عَظِيمٍ ١٠٧

وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْآخِرِينَ ١٠٨

سَلَامٌ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ ١٠٩

كَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ١١٠

إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ١١١

وَبَشَّرْنَاهُ بِإِسْحَاقَ نَبِيًّا مِنَ الصَّالِحِينَ ١١٢

وَبَارَكْنَا عَلَيْهِ وَعَلَىٰ إِسْحَاقَ ۚ وَمِنْ ذُرِّيَّتِهِمَا مُحْسِنٌ
وَظَالِمٌ لِنَفْسِهِ مُبِينٌ ١١٣

"Dan Kami menyerunya: Wahai Ibrahim! (104) Sesungguhnya engkau telah membenarkan mimpi itu. Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (105). Sesungguhnya ini adalah suatu ujian yang amat jelas (106). Dan Kami telah tebuskan anaknya dengan seekor binatang sembelihan yang besar (107). Dan Kami telah tinggalkan kepadanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian (108). Selamat sejahtera ke atas Ibrahim (109). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (110). Sesungguhnya dia dari hamba-hamba Kami yang Mu'min (111). Dan Kami sampaikan kepadanya berita gembira bahawa dia akan mendapat Ishaq yang akan menjadi seorang nabi dari para Solehin (112). Dan Kami telah limpahkan keberkatan ke atasnya dan ke atas Ishaq, dan di antara zuriat keduanya ada yang melakukan kebaikan (beriman) dan ada pula yang menzalimi diri sendiri (kafir) dengan terang-terangan"(113).

وَلَقَدْ مَنَنَّا عَلَىٰ مُوسَىٰ وَهَارُونَ ١١٤

وَنَجَّيْنَاهُمَا وَقَوْمَهُمَا مِنَ الْكَرْبِ الْعَظِيمِ ١١٥

وَنَصَرْنَاهُمْ فَكَانُوا هُمُ الْغَالِبِينَ ١١٦

وَآتَيْنَاهُمَا الْكِتَابَ الْمُسْتَبِينَ ١١٧

وَهَدَيْنَاهُمَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ١١٨

وَتَرَكْنَا عَلَيْهِمَا فِي الْآخِرِينَ ١١٩

سَلَامٌ عَلَىٰ مُوسَىٰ وَهَارُونَ ١٢٠

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ١٢١

إِنَّهُمَا مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ١٢٢

"Dan sesungguhnya Kami telah melimpahkan ni'mat Kami ke atas Musa dan Harun (114). Dan Kami telah menyelamatkan kedua-duanya serta kaum mereka dari malapetaka yang besar (115). Dan Kami telah menolong kedua-duanya lalu mereka menjadi orang-orang yang menang (116). Dan Kami telah mengurniakan kepada keduanya kitab suci yang jelas (117). Dan Kami telah memberi hidayat kepada keduanya ke jalan yang lurus (118). Dan Kami tinggalkan kepada keduanya (nama yang haram)

di kalangan generasi yang kemudian (119). Selamat sejahtera ke atas Musa dan Harun (120). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (121). Sesungguhnya kedua-duanya adalah dari hamba-hamba Kami yang mu'min" (122).

وَإِنَّ إِلْيَاسَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٢٣﴾

إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦٓ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٢٤﴾

أَتَدْعُونَ بَعْلًا وَتَذَرُونَ أَحْسَنَ ٱلْخَٰلِقِينَ ﴿١٢٥﴾

ٱللَّهَ رَبَّكُمْ وَرَبَّ ءَابَآئِكُمُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٢٦﴾

فَكَذَّبُوهُ فَإِنَّهُمْ لَمُحْضَرُونَ ﴿١٢٧﴾

إِلَّا عِبَادَ ٱللَّهِ ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿١٢٨﴾

وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِى ٱلْءَاخِرِينَ ﴿١٢٩﴾

سَلَٰمٌ عَلَىٰٓ إِلْ يَاسِينَ ﴿١٣٠﴾

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٣١﴾

إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣٢﴾

"Dan sesungguhnya Ilias itu adalah dari para rasul (123). (Kenangilah) ketika ia berkata kepada kaumnya: Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah (124). Apakah patut kamu menyembah berhala Ba'l dan meninggalkan Allah sebaik-baik Pencipta? (125) Allah itulah Tuhan kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang dahulu kala (126). Lalu mereka mendustakannya, maka kerana itu mereka akan diseretkan (ke dalam Neraka) (127). Kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih (128). Dan Kami tinggalkan kepadanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian (129). Selamat sejahtera ke atas Ilias (130). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (131). Sesungguhnya dia dari hamba-hamba Kami yang Mu'min" (132).

وَإِنَّ لُوطًا لَّمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٣٣﴾

إِذْ نَجَّيْنَٰهُ وَأَهْلَهُۥٓ أَجْمَعِينَ ﴿١٣٤﴾

إِلَّا عَجُوزًا فِى ٱلْغَٰبِرِينَ ﴿١٣٥﴾

ثُمَّ دَمَّرْنَا ٱلْءَاخَرِينَ ﴿١٣٦﴾

وَإِنَّكُمْ لَتَمُرُّونَ عَلَيْهِم مُّصْبِحِينَ ﴿١٣٧﴾

وَبِٱلَّيْلِ ۗ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٣٨﴾

"Dan sesungguhnya Lut adalah dari para rasul (133). (Kenangilah) ketika Kami menyelamatkannya dan sekalian keluarganya (134). Kecuali seorang perempuan tua (isterinya) yang termasuk dalam golongan yang tinggal (dalam 'azab kebinasaan) (135). Kemudian Kami telah binasakan orang-orang yang lain (136). Dan sesungguhnya kamu (orang-orang Quraysy) memang melalui kesan-kesan peninggalan mereka di waktu pagi (137). Dan di waktu malam, mengapakah kamu tidak mahu berfikir? (138)

وَإِنَّ يُونُسَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٣٩﴾

إِذْ أَبَقَ إِلَى ٱلْفُلْكِ ٱلْمَشْحُونِ ﴿١٤٠﴾

فَسَاهَمَ فَكَانَ مِنَ ٱلْمُدْحَضِينَ ﴿١٤١﴾

فَٱلْتَقَمَهُ ٱلْحُوتُ وَهُوَ مُلِيمٌ ﴿١٤٢﴾

فَلَوْلَآ أَنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلْمُسَبِّحِينَ ﴿١٤٣﴾

لَلَبِثَ فِى بَطْنِهِۦٓ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٤٤﴾

فَنَبَذْنَٰهُ بِٱلْعَرَآءِ وَهُوَ سَقِيمٌ ﴿١٤٥﴾

وَأَنۢبَتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِّن يَقْطِينٍ ﴿١٤٦﴾

وَأَرْسَلْنَٰهُ إِلَىٰ مِا۟ئَةِ أَلْفٍ أَوْ يَزِيدُونَ ﴿١٤٧﴾

فَـَٔامَنُوا۟ فَمَتَّعْنَٰهُمْ إِلَىٰ حِينٍ ﴿١٤٨﴾

"Dan sesungguhnya Yunus adalah dari para rasul (139). (Kenangilah) ketika dia melarikan diri menaiki bahtera yang penuh sarat (140). Dia turut mengundi dan telah menjadi dari orang-orang yang kalah (141). Lalu dia ditelan seekor ikan yang besar dan dia telah melakukan perbuatan yang wajar dicela (142). Jika tidak kerana dia seorang dari orang-orang yang banyak bertasbih kepada Allah (143). Tentulah dia akan tinggal dalam perut ikan itu hingga ke hari manusia dibangkitkan kembali (144). Lalu Kami campakkannya keluar di tebing pantai yang tandus, sedangkan dia sakit (145). Dan Kami tumbuhkan pokok labu yang menaunginya (146). Dan Kami telah utuskannya kepada (kaumnya) yang seramai seratus ribu jiwa atau lebih (147). Lalu mereka beriman. Oleh itu Kami anugerahkan mereka keni'matan hidup hingga ke suatu masa yang tertentu" (148).

Di dalam pelajaran ini Al-Qur'an kembali dari pusingan pertama mengembara di alam Akhirat, alam ni'mat dan negeri-negeri 'azab untuk memulai satu pusingan yang baru meninjau sejarah manusia iaitu menyusul jejak-jejak umat-umat purbakala yang telah berlalu. Di sini ia menayangkan kisah hidayat dan kesesatan sejak angkatan pertama manusia lagi. Dan ternyatalah bahawa kisah-kisah itu adalah satu kisah yang berulang-ulang, malah ternyatalah bahawa kaum Musyrikin yang menentang Rasulullah s.a.w. dengan kekufuran dan kesesatan di Makkah itu adalah saki-baki kaum-kaum pendusta yang sesat. Al-Qur'an mendedahkan kepada kaum Musyrikin peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada umat-umat sebelum mereka. Ia menyentuh hari mereka dengan lembaran-lembaran peristiwa yang tergolong di dalam sejarah. Dengan cerita-cerita ini yakinilah para

Mu'minin bahawa Allah tidak pernah meninggalkan orang-orang yang beriman di zaman lampau.

Di dalam ayat-ayat berikut Al-Qur'an membentangkan sebahagian dari kisah-kisah Nuh, Ibrahim, Ismail, Ishaq, Musa Harun, Ilias, Lut dan Yunus a.s. dan ia berhenti agak lama sedikit di hadapan kisah Ibrahim dan Ismail, di mana ia menayangkan keagungan keimanan, pengorbanan, keta'ataan dan sifat penyerahan diri yang haqiqi sebagaimana yang dapat dilihat pada jiwa Ibrahim dan Ismail. Semuanya diceritakan di dalam satu rangkaian yang tak pernah diceritakan dalam surah-surah yang lain dari surah ini. Semua kisah ini merupakan asas pelajaran ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 69 - 82)

إِنَّهُمْ أَلْفَوْا۟ ءَابَآءَهُمْ ضَآلِّينَ ﴿٦٩﴾

فَهُمْ عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِمْ يُهْرَعُونَ ﴿٧٠﴾

وَلَقَدْ ضَلَّ قَبْلَهُمْ أَكْثَرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٧١﴾

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا فِيهِم مُّنذِرِينَ ﴿٧٢﴾

فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُنذَرِينَ ﴿٧٣﴾

إِلَّا عِبَادَ ٱللَّهِ ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٧٤﴾

"Sesungguhnya mereka dapati datuk nenek mereka berada di dalam kesesatan (69). Lalu mereka mengikut jejak langkah mereka dengan terburu-buru (70). Sesungguhnya telah sesat sebelum mereka kebanyakan umat-umat yang dahulu (71). Dan sesungguhnya Kami telah utuskan dalam kalangan mereka rasul-rasul yang memberi peringatan (72). Oleh itu lihatlah bagaimana akibat umat-umat yang telah diberi peringatan itu (73). (Mereka semuanya binasa) kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih."(74)

Mereka adalah begitu tua dan lama berada di dalam kesesatan. Dan dalam waktu yang sama mereka adalah pak turut-pak turut yang tidak mengunakan fikiran dan penelitian, malah mereka dengan terburu-buru mengikut jejak datuk nenek mereka yang sesat tanpa berfikir apa-apa:

إِنَّهُمْ أَلْفَوْا۟ ءَابَآءَهُمْ ضَآلِّينَ ﴿٦٩﴾

فَهُمْ عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِمْ يُهْرَعُونَ ﴿٧٠﴾

"Sesungguhnya mereka dapati datuk nenek mereka berada di dalam kesesatan (69). Lalu mereka mengikut jejak langkah mereka dengan terburu-buru."(70)

Mereka dan datuk nenek mereka merupakan satu gambaran dari gambaran-gambaran kesesatan kebanyakan-umat-umat yang dahulu:

وَلَقَدْ ضَلَّ قَبْلَهُمْ أَكْثَرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٧١﴾

"Sesungguhnya telah sesat sebelum mereka kebanyakan umat-umat yang dahulu."(71)

Kesesatan mereka adalah berlaku selepas mereka diberi amaran dan peringatan:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا فِيهِم مُّنذِرِينَ ﴿٧٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah utuskan dalam kalangan mereka rasul-rasul yang memberi peringatan."(72)

Tetapi bagaimana akibat itu? Bagaimana akibat yang telah menimpa para pendusta itu? Bagaimana akibat hamba-hamba Allah yang terpilih? Semuanya akan diceritakan di dalam rangkaian kisah-kisah itu. Pengumuman ini hanya satu muqaddimah di permulaan kisah-kisah sahaja untuk menarik minat:

فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُنذَرِينَ ﴿٧٣﴾

إِلَّا عِبَادَ ٱللَّهِ ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٧٤﴾

"Oleh itu lihatlah bagaimana akibat umat-umat yang telah diberi peringatan itu (73). (Mereka semuanya binasa) kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih."(74)

Al-Qur'an mulakan dengan sebuah kisah Nuh secara sepintas lalu untuk menerangkan akibat itu dan menjelaskan inayah Allah terhadap hamba-hamba-Nya yang terpilih:

وَلَقَدْ نَادَىٰنَا نُوحٌ فَلَنِعْمَ ٱلْمُجِيبُونَ ﴿٧٥﴾

وَنَجَّيْنَٰهُ وَأَهْلَهُۥ مِنَ ٱلْكَرْبِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٧٦﴾

وَجَعَلْنَا ذُرِّيَّتَهُۥ هُمُ ٱلْبَاقِينَ ﴿٧٧﴾

وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِى ٱلْءَاخِرِينَ ﴿٧٨﴾

سَلَٰمٌ عَلَىٰ نُوحٍ فِى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٧٩﴾

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٨٠﴾

إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٨١﴾

ثُمَّ أَغْرَقْنَا ٱلْءَاخَرِينَ ﴿٨٢﴾

"Dan sesungguhnya Nuh telah berdo'a kepada Kami, maka sesungguhnya Kamilah sebaik-baik Penerima do'a (75). Dan Kami telah menyelamatkannya serta keluarganya dari malapetaka yang besar (76). Dan Kami telah jadikan zuriat mereka sahaja yang tinggal hidup (77). Dan Kami telah tinggalkan kepadanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian (78). Selamat sejahtera ke atas Nuh di kalangan manusia seluruh alam (79). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (80). Sesungguhnya dia (Nuh) dari hamba-hamba Kami yang Mu'min (81). Kemudian Kami telah menenggelamkan orang-orang yang lain (yang mendustakannya)."(82)

Nuh Dan Zuriatnya Yang Terselamat Dari Banjir Besar

Ayat-ayat ini mengandungi cerita ringkasan Nabi Nuh berdo'a kepada Allah dan Allah telah

memperkenankan do'anya dengan sempurna. Juga mengandungi cerita ringkasan Nuh dan keluarganya yang telah diselamatkan dari malapetaka yang besar iaitu bencana banjir besar. Tiada siapa yang terselamat dari banjir ini melainkan orang-orang yang dikehendaki dan ditaqdirkan Allah selamat dan hidup juga mengandungi isyarat bagaimana perencanaan Allah telah menjadikan zuriat Nuh sebagai pengimarah-pengimarah bumi ini dan khalifah-khalifah-Nya, dan nama mereka yang harum dikenang oleh seluruh generasi kemudian hingga ke akhir zaman:

وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْآخِرِينَ ﴿٧٨﴾

"Dan Kami telah tinggalkan kepadanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian."(78)

Kemudian diumumkan kepada seluruh pelosok alam ucapan selamat sejahtera dari Allah ke atas Nuh sebagai balasan terhadap kebaikannya.

سَلَامٌ عَلَىٰ نُوحٍ فِي الْعَالَمِينَ ﴿٧٩﴾

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿٨٠﴾

"Selamat sejahtera ke atas Nuh di kalangan manusia seluruh alam (79). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin."(80)

Manakah balasan yang lebih besar dari balasan mendapat ucapan selamat sejahtera dari Allah dan mendapat nama yang harum seumur hidup? Fenomena kebaikan dan sebab balasan itu ialah keimanan:

إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿٨١﴾

"Sesungguhnya dia (Nuh) dari hamba-hamba Kami yang Mu'min."(81)

Inilah balasan yang diterima oleh para Mu'minin. Adapun balasan kepada orang-orang yang tidak beriman dari kaum Nuh ialah mereka telah dibinasa dan dihapuskan banjir:

ثُمَّ أَغْرَقْنَا الْآخَرِينَ ﴿٨٢﴾

"Kemudian Kami telah menenggelamkan orang-orang yang lain (yang mendustakannya)."(82)

Sunnatullah telah berjalan sejak permulaan angkatan manusia di zaman yang amat jauh sebagaimana telah disinggung di permulaan kisah-kisah ini:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا فِيهِم مُّنذِرِينَ ﴿٧٢﴾

فَانظُرْ كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُنذَرِينَ ﴿٧٣﴾

إِلَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلَصِينَ ﴿٧٤﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah utuskan dalam kalangan mereka rasul-rasul yang memberi peringatan (72). Oleh itu lihatlah bagaimana akibat umat-umat yang telah diberi peringatan itu (73). (Mereka semuanya binasa) kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih."(74)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 83 - 87)

Contoh Keta'atan Dan Penyerahan Diri Yang Paling Tinggi Dari Ibrahim Dan Ismail

Kemudian tiba pula kisah Ibrahim dalam dua babaknya yang utama iaitu babak beliau berda'wah kepada kaumnya dan memecahkan berhala-berhala mereka dan bagaimana mereka merancang hendak membunuh beliau, kemudian Allah telah menyelamatkan beliau dan menggagalkan rancangan musuh-musuhnya. Babak ini adalah satu babak yang berulang-ulang diceritakan di dalam surah-surah yang lain. Satu babak lagi ialah babak yang baru yang tidak pernah disebut di dalam surah-surah yang lain dari surah ini iaitu babak mengenai peristiwa-peristiwa mimpi, penyembelihan dan tebusan yang diceritakan dengan terperinci dengan uslub yang menarik dan mencemaskan itu. Babak ini menggambarkan setinggi-tinggi contoh kepatuhan, pengorbanan, penebusan dan penyerahan diri kepada Allah di alam 'aqidah di sepanjang sejarah manusia yang amat panjang itu.

وَإِنَّ مِن شِيعَتِهِ لَإِبْرَاهِيمَ ﴿٨٣﴾

إِذْ جَاءَ رَبَّهُ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٤﴾

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ مَاذَا تَعْبُدُونَ ﴿٨٥﴾

أَئِفْكًا آلِهَةً دُونَ اللَّهِ تُرِيدُونَ ﴿٨٦﴾

فَمَا ظَنُّكُم بِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٨٧﴾

"Dan sesungguhnya di antara orang yang mengikut golongannya ialah Ibrahim (83). (Kenangilah) ketika dia datang kepada Tuhannya dengan hati yang sejahtera (84). (Kenangilah) ketika dia berkata kepada bapanya dan kaumnya: Apakah yang kamu sembah? (85) Apakah kerana pembohongan kamu hendak menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah? (86) Apa fikiran kamu terhadap Tuhan semesta alam?"(87)

Inilah permulaan kisah dan pemandangan pertama dari kisah itu. Ini adalah perpindahan dari kisah Nuh kepada kisah Ibrahim. Di antara keduanya terjalin ikatan 'aqidah, da'wah dan perjuangan yang sama. Beliau adalah dari orang-orang yang mengikut Nuh walaupun di antara dua rasul dan dua risalah itu dipisahkan oleh zaman yang jauh. Inilah sistem hidup Ilahi Yang Tunggal dan di sinilah letaknya titik pertemuan dan persamaan kedua orang rasul itu.

Al-Qur'an menonjolkan salah satu sifat Ibrahim iaitu sifat kesucian hatinya, kebersihan 'aqidahnya dan ketulusan dhamirnya:

إِذْ جَاءَ رَبَّهُ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٤﴾

"(Kenangilah) ketika dia datang kepada Tuhannya dengan hati yang sejahtera."(84)

Itulah gambaran penyerahan diri dan kepatuhan yang tulen kepada Allah, dan gambaran kesucian, kebersihan, kelurusan dan kejujuran. Kata-kata "Sejahtera"(سليم) menyaran dan menggambarkan segala pengertiannya dan dalam waktu yang sama kata-kata itu mudah dimengerti dan jelas difahami. Walaupun kata-kata ini merangkumi sifat-sifat yang banyak, iaitu sifat suci, bersih, ikhlas dan jujur, namun kata-kata itu kelihatan amat mudah dan dapat menyampaikan segala pengertiannya lebih luas dari yang dapat disampaikan oleh sifat-sifat itu secara berkumpul. Inilah salah satu keindahan pengungkapan Al-Qur'an yang unik itu.

Dengan hati yang sejahtera inilah beliau mengecam perbuatan-perbuatan dan kepercayaan-kepercayaan kaumnya, iaitu kecaman yang terbit dari hati yang sejahtera, dari fikiran dan tingkahlaku yang tidak menyeleweng dari fitrah yang benar:

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِۦ مَاذَا تَعْبُدُونَ ﴿٨٥﴾
أَئِفْكًا ءَالِهَةً دُونَ ٱللَّهِ تُرِيدُونَ ﴿٨٦﴾
فَمَا ظَنُّكُم بِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٨٧﴾

"(Kenangilah) ketika dia berkata kepada bapanya dan kaumnya: Apakah yang kamu sembah?(85). Apakah kerana pembohongan kamu hendak menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah? (86) Apa fikiran kamu terhadap Tuhan semesta alam?"(87)

Beliau melihat mereka menyembah berhala, lalu beliau mengecam mereka dengan fitrah yang sejahtera:

مَاذَا تَعْبُدُونَ ﴿٨٥﴾

"Apakah yang kamu sembah?"(85)

Kerana apa yang disembah mereka adalah tidak wajar disembah dan tidak wajar mereka menjadi penyembah. Perbuatan menyembah sesuatu yang tidak benar itu adalah suatu pembohongan yang terang-terangan. Adakah kamu sengaja membuat pembohongan itu?

أَئِفْكًا ءَالِهَةً دُونَ ٱللَّهِ تُرِيدُونَ ﴿٨٦﴾

"Adakah kerana pembohongan kamu hendak menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah?"(86)

Apakah pula pandangan kamu terhadap Allah?

Apakah pandangan kamu itu jatuh hingga ke tahap yang dijijikkan oleh fitrah dengan seimbas pandangan sahaja?

فَمَا ظَنُّكُم بِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٨٧﴾

"Apa fikiran kamu terhadap Tuhan semesta alam?"(87)

Kata-kata ini memperlihatkan kecaman fitrah yang sejahtera dan jujur yang mengetahui sesuatu yang terang-terang bercanggah dengan perasaan, akal dan hati nurani.

Di sini Al-Qur'an tidak menyebut jawapan mereka dan dialog mereka dengan beliau, malah terus masuk ke dalam pemandangan berikut, dengan menjelaskan keazaman dan keputusan yang telah diambil beliau terhadap pembohongan yang terang-terangan:

(Pentafsiran ayat-ayat 88 - 93)

فَنَظَرَ نَظْرَةً فِى ٱلنُّجُومِ ﴿٨٨﴾
فَقَالَ إِنِّى سَقِيمٌ ﴿٨٩﴾ فَتَوَلَّوْا۟ عَنْهُ مُدْبِرِينَ ﴿٩٠﴾
فَرَاغَ إِلَىٰٓ ءَالِهَتِهِمْ فَقَالَ أَلَا تَأْكُلُونَ ﴿٩١﴾
مَا لَكُمْ لَا تَنطِقُونَ ﴿٩٢﴾
فَرَاغَ عَلَيْهِمْ ضَرْبًۢا بِٱلْيَمِينِ ﴿٩٣﴾

"Lalu dia memandang sekilas kepada bintang-bintang (88). Kemudian berkata: Sesungguhnya aku sakit (89). Lalu mereka pun berpaling meninggalkannya (90). Kemudian (secara diam-diam) dia menuju kepada tuhan-tuhan mereka dan berkata: Mengapa kamu tidak makan?(91). Mengapa kamu tidak bercakap?(92). Lalu (secara diam-diam) dia menghadapi berhala-berhala itu dan memukulnya dengan tangan kanan."(93)

Ibrahim a.s. Bertindak Tegas

Menurut cerita, pada masa itu kaum Ibrahim sedang merayakan hari raya mereka, iaitu mungkin hari raya Naruz, mereka beramai-ramai keluar ke taman-taman dan di tanah-tanah lapang setelah mereka meletakkan buah-buahan di hadapan berhala-berhala untuk diberkatinya. Kemudian mereka kembali pula mengambil buah-buahan itu setelah selesai mengambil angin dan bersiar-siar. Ketika itu Nabi Ibrahim a.s. telah pun mengambil keputusan untuk melakukan sesuatu setelah beliau hilang harapan mendapat sambutan dari mereka terhadap da'wahnya. Kini beliau yakin bahawa fitrah mereka telah menyeleweng jauh dan tidak dapat dibaiki lagi. Beliau menunggu ketibaan hari raya ini, di mana kaumnya akan keluar beramai-ramai meninggalkan kuil-kuil dan berhala-berhala mereka. Beliau menunggu hari ini untuk melaksanakan rancangannya. Kebosanan beliau terhadap penyelewengan kaumnya telah sampai ke puncaknya. Kebosanan itu telah memenatkan hatinya dan melesukan kekuatannya. Oleh itu apabila beliau diajak meninggalkan kuil pada hari itu, beliau merenung ke langit sambil berkata: **"Sesungguhnya aku sakit"** aku tidak terdaya keluar ke tempat-tempat peranginan dan tempat-tempat yang suci. Hanya orang-orang yang ingin mencari hiburan dan keni'matan, juga orang-orang yang, senang hati sahaja yang dapat keluar ke tempat-tempat itu, sedangkan hati Ibrahim tidak senang dan jiwanya tidak aman.

Beliau ucapkan kata-kata itu untuk menyatakan kebosanan dan kepenatannya, juga supaya mereka tinggalkannya dan tidak mengganggunya. Apa yang dikatakan beliau itu bukannya suatu pembohongan darinya, malah beliau benar-benar mengalami kepenatan dan letih lesu pada hari itu. Memang kebosanan boleh membuat seseorang itu sakit dan letih lesu.

Orang ramai keluar tergesa-gesa untuk merayakan adat resam mereka pada hari raya itu. Mereka tidak lagi pedulikan hal beliau, malah mereka terus keluar meninggalkannya kerana sibuk bersuka-suka pada hari raya. Inilah peluang yang diidamkan beliau.

Lalu beliau dengan segera menuju ke berhala-berhala yang didakwakan mereka sebagai tuhan-tuhan itu. Di hadapan berhala-berhala itu telah diletakkan berbagai-bagai makanan yang baik dan buah-buahan yang baru dipetik. Lalu beliau berkata mengejek: **"Mengapa kamu tidak makan?"**

فَرَاغَ إِلَىٰٓ ءَالِهَتِهِمْ فَقَالَ أَلَا تَأْكُلُونَ ﴿٩١﴾

"Kemudian (secara diam-diam) dia menuju kepada tuhan-tuhan mereka dan berkata: Mengapa kamu tidak makan?"(91)

Tentulah berhala-berhala itu tidak dapat menjawab dan beliau terus mengejek lagi dengan marah.

مَا لَكُمْ لَا تَنطِقُونَ ﴿٩٢﴾

"Mengapa kamu tidak bercakap?"(92)

Beliau bercakap kepada yang tidak tahu, tidak mendengar dan tidak bertutur. Itulah kemuncak perasaan bosan yang biasa berkecamuk di dalam hati seseorang. Itulah perasaan bosan beliau terhadap perbuatan dan kefahaman kaumnya yang karut di sebalik tuhan-tuhan palsu itu. Sekali lagi tuhan-tuhan itu tidak menjawab dan di sini beliau terus melepaskan geramnya dengan tindakan bukan lagi dengan perkataan:

فَرَاغَ عَلَيْهِمْ ضَرْبًۢا بِٱلْيَمِينِ ﴿٩٣﴾

"Lalu (secara diam-diam) dia menghadapi berhala-berhala itu dan memukulnya dengan tangan kanan."(93)

Dengan tindakan itu sembuhlah hatinya dari kesakitan, kedukacitaan dan kebosanan.

Kemudian pemandangan itu diikuti pula oleh satu pemandangan yang baru, iaitu orang ramai telah kembali dan mereka melihat pecahan-pecahan berhala itu kelihatan berselerak. Di sini Al-Qur'an hanya menerangkan dengan ringkas sahaja apa yang diceritakannya dengan terperinci di dalam satu surah yang lain, iaitu tentang pertanyaan mereka: Siapakah yang telah melakukan perbuatan ini ke atas tuhan-tuhan mereka dan bagaimana akhirnya mereka mendapat tahu siapakah orang yang begitu berani melakukannya? Di sini Al-Qur'an terus menceritakan bagaimana mereka berdepan dengan Ibrahim.

(Pentafsiran ayat-ayat 94 - 98)

فَأَقْبَلُوٓا۟ إِلَيْهِ يَزِفُّونَ ﴿٩٤﴾

"Lalu mereka tergesa-gesa datang mendapatkannya." (94)

Mereka mendengar berita itu dan mereka tahu siapakah yang melakukannya, lalu mereka pun dengan segera mendapatkan beliau. Mereka datang dalam kumpulan yang ramai dan penuh kemarahan, sedangkan beliau cuma seorang diri, tetapi beliau seorang Mu'min yang tahu ke mana hendak melangkah dan tahu Tuhannya dengan nyata. 'aqidahnya begitu jelas dan terang kepadanya. Dia memahaminya di dalam hatinya dan melihat bukti-buktinya di alam buana di sekelilingnya. Oleh itu dia lebih kuat dari kumpulan kaumnya yang ramai dan sedang meradang itu, iaitu kaum, yang rosak 'aqidah dan kefahaman mereka, oleh kerana itu beliau mencabar mereka dengan hakikat fitrah yang mudah. Beliau tidak peduli bilangan mereka yang ramai dan tidak hiraukan kemarahan mereka yang meluap-luap.

قَالَ أَتَعْبُدُونَ مَا تَنْحِتُونَ ﴿٩٥﴾
وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

"Dia berkata: Apakah patut kamu menyembah Tuhan yang dipahatkan oleh kamu sendiri? (95) Sedangkan Allahlah yang telah menciptakan kamu dan apa yang dibuatkan kamu."(96)

Itulah lojik fitrah yang dilaungkan ke muka mereka. **"Dia berkata: Apakah patut kamu menyembah tuhan yang dipahatkan oleh kamu sendiri?"** Sedangkan Tuhan sebenar yang disembah pastilah bersifat dengan sifat pencipta bukannya bersifat dengan sifat makhluk yang dicipta.

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

"Sedangkan Allahlah yang telah menciptakan kamu dan apa yang dibuatkan kamu."(96)

Yakni Allah itulah Pencipta Yang Tunggal yang layak disembah.

Walaupun lojik ini begitu jelas dan mudah, namun kaumnya yang ramai dan terburu-buru itu tidak dapat menerimanya. Bilakah yang kebatilan pernah mendengar suara kebenaran yang mudah? Lalu pembesar-pembesar mereka dengan terburu-buru merancangkan kezaliman mereka dalam bentuk yang amat kejam:

قَالُوا۟ ٱبْنُوا۟ لَهُۥ بُنْيَٰنًا فَأَلْقُوهُ فِى ٱلْجَحِيمِ ﴿٩٧﴾

"Lalu mereka berkata: Dirikanlah satu bangunan untuk (membakarnya) dan campakkannya ke dalam api."(97)

Itulah logik besi dan api. Itulah sahaja logik yang diketahui oleh pemerintah-pemerintah yang zalim apabila mereka kehabisan hujjah-hujjah dan dalil-dalil, juga apabila mereka digugatkan oleh kalimat yang benar, tulen dan mempunyai pengaruh yang terang.

Di sini Al-Qur'an menyebut dengan ringkas apa yang telah berlaku selepas mereka berkata begitu untuk menayangkan akibat yang diterima oleh hamba-hamba-Nya yang terpilih yang telah dijanjikan Allah kepada mereka di samping menerangkan akibat yang menimpa musuh-musuh mereka yang mendustakan ajaran Allah:

فَأَرَادُوا۟ بِهِۦ كَيْدًا فَجَعَلْنَـٰهُمُ ٱلْأَسْفَلِينَ ٩٨

"Mereka mahu melakukan tipu daya untuk (membinasakannya), lalu Kami jadikan mereka orang-orang yang kalah (gagal)."(98)

Ke manakah tipu daya manusia jika Allah kehendaki? Apakah daya yang dapat dilakukan manusia-manusia lemah yang menjadi pemerintah-pemerintah yang zalim dan sewenang-wenang, juga yang menjadi para pembesar dan sahabat-sahabat kepada pemerintah-pemerintah itu jika Allah telah menentukan kehendak-Nya untuk melindungi hamba-hamba-Nya yang terpilih?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 99 - 103)

Kemudian tibalah babak yang kedua dari kisah Ibrahim a.s. Ceritanya dengan bapanya dan kaumnya telah pun tamat. Mereka mahu membunuh Ibrahim di dalam api yang mereka menamakannya sebagai "Jahim", tetapi Allah telah menentukan kehendak-Nya bahawa mereka gagal melaksanakan rancangan jahat mereka dan Allah telah menyelamatkan beliau dari tipu daya mereka seluruhnya.

Sampai di sini Ibrahim a.s. mengakhiri satu peringkat hidupnya untuk menghadapi satu peringkat hidup yang baru pula.

وَقَالَ إِنِّى ذَاهِبٌ إِلَىٰ رَبِّى سَيَهْدِينِ ٩٩

"Dan dia berkata: Sesungguhnya aku akan pergi mengadap Tuhanku. Dia akan memberi hidayat kepadaku."(99)

Ibrahim Berhijrah Kepada Allah

Demikianlah Ibrahim pergi mengadap Tuhannya dan itulah hijrahnya, iaitu hijrah nafsiah sebelum melaksanakan hijrah makaniah. Beliau berhijrah meninggalkan segala-galanya yang ada hubungan dengan masa hidupnya yang silam. Beliau meninggalkan bapanya, kaumnya, keluarganya, rumahtangganya, tanahairnya dan segala sesuatu yang ada hubungan dengan dunia dan manusia. Beliau meninggalkan di belakangnya segala sesuatu yang memberi halangan dan kesibukan kepadanya. Beliau berhijrah kepada Allah dengan meninggalkan segala-galanya dan menyerahkan dirinya bulat kepada Allah dengan keyakinan bahawa Allah akan memberi hidayat kepadanya, akan memelihara jejak langkahnya dan meletakkannya di jalan yang lurus.

Itulah hijrah yang sempurna dari satu keadaan kepada satu keadaan, dari satu kedudukan kepada satu kedudukan dan dari berbagai-bagai perhubungan kepada satu perhubungan. Maksud ungkapan ini ialah membayangkan tajarrud (pengosongan jiwa dari segala sesuatu selain dari Allah), keheningan hati, penyerahan diri kepada Allah, ketenteraman dan keyakinan.

Hingga ke masa kini Nabi Ibrahim masih seorang diri. Beliau belum lagi mempunyai anak ketika beliau meninggalkan di belakangnya segala hubungan keluarga, kaum kerabat, sahabat handai dan kenalan, juga segala kebiasaan-kebiasaan hidupnya yang silam dan segala pertaliannya dengan masyarakat hidupnya. Beliau telah memutuskan hubungannya dengan kaumnya yang telah mencampakkannya ke dalam api. Beliau bertawajjuh kepada Allah yang diumumkannya bahawa dia akan pergi mengadap-Nya. Beliau bertawajjuh kepada-Nya memohon zuriat yang Mu'min dan keturunan yang salih:

رَبِّ هَبْ لِى مِنَ ٱلصَّـٰلِحِينَ ١٠٠

"Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepada Kami seorang anak dari golongan Para Salihin."(100)

Lalu Allah memperkenankan do'a hamba-Nya yang salih itu yang telah tinggalkan segala-galanya untuk datang kepada-Nya dengan hati yang sejahtera.

فَبَشَّرْنَـٰهُ بِغُلَـٰمٍ حَلِيمٍ ١٠١

"Lalu Kami sampaikan kepadanya berita gembira bahawa dia akan mendapat seorang anak yang amat sabar."(101)

Anak itu ialah Ismail a.s. sebagaimana yang ditarjihkan oleh keterangan sejarah dan surah. Kita akan melihat kesan-kesan kesabarannya, iaitu sifat yang diberikan Allah kepadanya semasa dia masih seorang budak. Di sini dapatlah kita bayangkan betapa gembiranya Ibrahim yang sebatang kara, yang berhijrah dan terpisah dari keluarga dan kaum kerabatnya itu apabila beliau mendapat seorang anak yang disifatkan Allah sebagai seorang anak yang amat sabar.

Kini tibalah masanya kita meninjau satu pendirian yang agung dan unik dalam sejarah hidup Ibrahim, malah di dalam sejarah hidup umat manusia seluruhnya. Kini sampailah masanya kita berdiri di hadapan satu contoh yang amat menarik yang telah dikemukakan Allah di dalam Al-Qur'an kepada umat Muslimin, iaitu satu contoh yang diambil dari sejarah hidup moyang mereka Nabi Ibrahim a.s.

Di Hadapan Contoh Keimanan Yang Cemerlang

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ ٱلسَّعْىَ قَالَ يَـٰبُنَىَّ إِنِّىٓ أَرَىٰ فِى ٱلْمَنَامِ
أَنِّىٓ أَذْبَحُكَ فَٱنظُرْ مَاذَا تَرَىٰ ۚ قَالَ يَـٰٓأَبَتِ ٱفْعَلْ مَا
تُؤْمَرُ ۖ سَتَجِدُنِىٓ إِن شَآءَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلصَّـٰبِرِينَ ١٠٢

"Dan apabila anak itu sampai ke peringkat umur dapat berusaha bersamanya dia berkata: Wahai anakku! Sesungguhnya ayahanda melihat di dalam mimpi bahawa ayahanda menyembelihkan anakanda. Oleh itu fikirkanlah apa pendapat anakanda? Jawab anak itu: Wahai

ayahandaku! Buatlah apa yang telah diperintahkan kepada ayahanda, insyaAllah ayahanda akan dapati anakanda dari golongan yang sabar."(102)

Ya Allah! Alangkah tingginya keimanan, keta'atan dan penyerahan diri Nabi Ibrahim a.s. yang telah tua, terputus dari keluarga dan kaum kerabat dan telah berhijrah dari bumi dan tanahairnya itu, tiba-tiba dalam usianya yang lanjut itu telah dikurniakan seorang anak yang sekian lama diidam-idamkannya. Kemudian si anak yang datang itu pula adalah seorang anak yang istimewa yang disifatkan Allah sebagai seorang anak yang amat sabar, tetapi sebaik sahaja ia mula terhibur dengan anaknya yang semakin membesar dan mencapai usia yang dapat berusaha bersama-sama dengannya dan dapat menemani hidupnya, tiba-tiba beliau bermimpi bahawa beliau menyembelihkan anaknya itu. Beliau sedar bahawa mimpi itu merupakan satu isyarat dari Allah supaya beliau mengorbankan anaknya. Apakah beliau buat? Beliau tetap tidak ragu-ragu dan teragak-agak. Tiada perasaan yang terlintas di dalam hatinya selain dari rasa keta'atan dan kepatuhan menyerah diri kepada Allah. Biar pun mimpi itu hanya suatu isyarat sahaja bukannya suatu wahyu yang terang atau perintah secara langsung, tetapi ia adalah isyarat yang datang dari Allah. Ini sahaja sudah cukup bagi beliau untuk menyambut dan menjunjung isyarat itu tanpa membantah dan tanpa menyoal Tuhannya: Wahai Tuhanku! Mengapakah aku pasti menyembelihkan anakku yang tunggal?"

Tetapi beliau tidak menyambut dan mematuhi isyarat itu dengan perasaan yang cemas dan gelisah, malah beliau menyambutnya dengan penuh kerelaan dan ketenangan. Ini dapat dilihat dalam kata-kata beliau kepada anaknya ketika beliau menyampaikan perintah yang amat besar ini kepadanya:

قَالَ يَٰبُنَيَّ إِنِّيٓ أَرَىٰ فِي ٱلۡمَنَامِ أَنِّيٓ أَذۡبَحُكَ فَٱنظُرۡ مَاذَا تَرَىٰۚ

"Wahai anakku! Sesungguhnya aku melihat di dalam api bahawa aku (diperintah) menyembelihkanmu. Oleh itu fikirkanlah apa pendapatmu?"(102)

Inilah kata-kata orang yang dapat menahankan perasaan-perasaannya dan kata-kata orang yang tenang menghadapi perintah. Inilah kata-kata orang yang yakin bahawa dia menunaikan kewajipan terhadap Allah. Di samping itu kata-kata itu sendiri merupakan kata-kata orang Mu'min yang tidak dapat digentarkan oleh perintah hingga menyebabkan dia terpaksa melaksanakan perintah itu dengan terburu-buru dan gopoh-gapah untuk melepaskan bebannya supaya semuanya selesai dengan segera dan supaya urat sarafnya dapat beristirehat dari tekanannya yang berat itu.

Perintah itu tidak syak lagi merupakan satu perintah yang amat sukar. Ia bukannya satu perintah supaya beliau mengirimkan anak-anaknya yang tunggal ke medan pertempuran dan bukan pula satu perintah supaya beliau menugaskan anaknya melaksanakan suatu tugas yang boleh menamatkan riwayat hidupnya, tetapi perintah itu adalah perintah supaya dia sendiri menamatkan riwayat hidup anaknya dengan tangannya sendiri. Menamatkan riwayat hidupnya dengan apa? Dengan menyembelihkannya. Namun demikian Nabi Ibrahim a.s. tetap menjunjung perintah itu dan mengemukakannya kepada anaknya supaya dia berfikir dan memberi pendapatnya.

Beliau tidak menangkap anaknya secara mendadak dan mengejut untuk melaksanakan perintah Tuhannya, kemudian selesai, malah ia mengemukakan perkara itu kepada anaknya seperti seorang yang mengemukakan sesuatu perkara yang biasa sahaja. Perintah itu ditanggapkan beliau begini: Allah mahu dia berbuat begitu, maka dia pasti melaksanakan kehendak Ilahi itu dengan penuh keta'atan dan kepatuhan. Anaknya juga pasti tahu perintah ini dan menjunjungkannya dengan patuh, bukan dengan terpaksa supaya dia juga mendapat pahala keta'atan dan supaya dia juga menyerahkan dirinya kepada Allah agar sama-sama merasakan kemanisan penyerahan diri kepada Allah. Beliau ingin anaknya dapat menghayati citarasa menjunjung perintah yang dihayatinya dan dapat mencapai kebajikan yang dilihatnya lebih kekal dari hidup dunia ini.

Bagaimana pula sikap si anak yang ditawarkan penyembelihan itu untuk merealisasikan mimpi yang dilihat bapanya?

Si anak meningkat ke kancah yang ditingkati bapanya sebelum ini:

قَالَ يَٰٓأَبَتِ ٱفۡعَلۡ مَا تُؤۡمَرُۖ سَتَجِدُنِيٓ إِن شَآءَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلصَّٰبِرِينَ ١٠٢

"Jawab anak itu: Wahai ayahandaku! Buatlah apa yang telah diperintahkan kepada ayahanda, insyaAllah ayahanda akan dapati anakanda dari golongan yang sabar."(102)

Dia berkata:

يَٰٓأَبَتِ

"Wahai ayahandaku!"(102)

Dengan penuh kasih mesra, gambaran disembelih tidak menakutkannya dan tidak menghilangkan kesiumannya, malah tidak menghilangkan adab sopannya dan kasih sayangnya.

ٱفۡعَلۡ مَا تُؤۡمَرُۖ

"Buatlah apa yang telah diperintahkan kepada ayahanda."(102)

Dia merasa apa yang telah dirasakan bapanya. Dia sedar bahawa mimpi itu merupakan suatu isyarat dan isyarat itu bererti perintah. Baginya isyarat sahaja

sudah cukup untuk melaksanakan perintah itu tanpa ragu-ragu dan teragak-agak.

Kemudian dia memperlihatkan pula adab sopannya terhadap Allah, juga memperlihatkan bahawa dia tahu batas-batas qudrat dan kemampuan ketahanannya. Dia memohon pertolongan dari Allah untuk mengatasi kelemahannya. Dia memulangkan kelebihan itu kepada Allah yang telah menolongnya untuk melaksanakan pengorbanan dan keta'atan itu:

سَتَجِدُنِيٓ إِن شَآءَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلصَّٰبِرِينَ ١٠٢

"InsyaAllah ayahanda akan dapati anakanda dari golongan yang sabar."(102)

Dia mengambil isyarat itu bukan untuk jadi pahlawan, bukan untuk menunjuk berani dan bukan kerana terburu-buru untuk menghadapi risiko tanpa peduli sesuatu apa. Dia tidak memperlihatkan apa-apa kelebihan dan kepentingan dirinya, malah dia memulangkan seluruh kelebihan itu kepada Allah, kerana Dialah yang telah menolongnya untuk melaksanakan tugas yang dituntut darinya itu dan menjadikannya sabar untuk menjunjung apa sahaja yang dikehendaki darinya:

سَتَجِدُنِيٓ إِن شَآءَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلصَّٰبِرِينَ ١٠٢

"InsyaAllah ayahanda akan dapati anakanda dari golongan yang sabar."(102)

Alangkah tinggi adab sopannya, alangkah cemerlang keimanannya, alangkah luhur keta'atannya dan alangkah agung penyerahan dirinya kepada Allah!

Detik-detik Agung Ibrahim a.s. Membaringkan Anak Kesayangannya Untuk Disembelihkan

Kemudian pemandangan itu maju setapak lagi selepas dialog itu, iaitu maju ke arah tindakan dan pelaksanaan:

فَلَمَّآ أَسۡلَمَا وَتَلَّهُۥ لِلۡجَبِينِ ١٠٣

"Setelah kedua-duanya berserah bulat-bulat menjunjung perintah dan dia telah membaringkan anaknya di atas pelipisnya."(103)

Sekali lagi keluhuran keta'atan, keagungan keimanan dan ketenteraman hati yang redha meningkat begitu tinggi hingga mengatasi darjat yang biasa dicapai manusia. Si ayah bertindak menjunjung perintah. Dia merebahkan anaknya di atas pelipisnya sebagai persediaan untuk disembelih, sedangkan si anak pula berserah bulat dan tidak bergerak-gerak, semuanya berlaku di depan mata masing-masing.

Kedua-dua ayah dan anak itu masing-masing menyerahkan diri bulat-bulat kepada Allah dan inilah yang dikatakan Islam. Inilah hakikat Islam, iaitu percaya, ta'at, patuh, tenang, redha, menyerah diri kepada Allah dan bertindak melaksanakan perintah. Inilah perasaan-perasaan yang dihayati di dalam hati mereka berdua dan perasaan-perasaan itu tidak dapat diciptakan melainkan oleh keimanan yang agung.

Ini bukannya keberanian dan bukannya semangat dan keghairahan yang berkobar-kobar. Seorang pejuang memang sanggup berlepas ke medan perang dengan semangat yang berkobar-kobar untuk membunuh dan dibunuh. Seorang perajurit berani mati memang sanggup berlepas ke medan dengan penuh semangat, walaupun dia tahu bahawa dia tidak akan pulang lagi, tetapi ini semuanya merupakan satu perkara dan apa yang dilakukan oleh Ibrahim dan anaknya Ismail adalah satu perkara yang lain pula. Di sini tiada gemuruhan darah, tiada semangat yang berkobar-kobar dan tiada tindakan yang terburu-buru yang menyembunyikan di sebaliknya perasaan-perasaan takut, lemah dan pengecut, malah di sini hanya penyerahan diri yang bulat yang dilakukan dengan penuh kesedaran, kemahuan dan pengetahuan, malah di sini hanya keredhaan yang tenang dan gembira untuk menghayati rasa keta'atan yang citarasa.

Di sini Ibrahim dan Ismail telah menunaikan kewajipan masing-masing, kedua-duanya telah melaksanakan perintah dan tugas masing-masing. Cuma yang masih tinggal lagi kepada Ibrahim ialah menyembelihkan Ismail, mengalirkan darahnya dan meragutkan nyawanya. Ini tidak bermakna apa-apa di dalam neraca Allah setelah Ibrahim dan Ismail meletakkan di dalam neraca itu jiwa mereka, keazaman mereka, perasaan mereka dan segala apa yang dikehendaki Allah dari mereka.

Ujian Allah telah sempurna, hasil-hasilnya telah ketara dan tujuan-tujuannya telah terlaksana. Cuma yang tinggal hanya kesakitan jasmani, darah yang memancut dan tubuh yang disembelih sahaja lagi, tetapi Allah S.W.T. tidak mahu mengazabkan hamba-hamba-Nya dengan ujian itu. Allah tidak berkehendak apa-apa pun dari darah dan jasad mereka. Apabila mereka telah memberi keikhlasan kepada Allah dan bersedia untuk melaksanakan perintah-Nya dengan segala apa yang ada pada mereka, maka ini bererti mereka telah menunaikan kewajipan mereka dan telah melalui ujian itu dengan jayanya.

Allah telah mengetahui kebenaran Ibrahim dan Ismail dan oleh kerana itu Allah mengirakan mereka telah pun menunaikan kewajipan mereka dan telah pun melaksanakan perintah-Nya.

(Pentafsiran ayat-ayat 104 - 113)

Pengurniaan Tebusan

وَنَٰدَيۡنَٰهُ أَن يَٰٓإِبۡرَٰهِيمُ ١٠٤

قَدۡ صَدَّقۡتَ ٱلرُّءۡيَآۚ إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلۡمُحۡسِنِينَ ١٠٥

إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ ٱلۡبَلَٰٓؤُاْ ٱلۡمُبِينُ ١٠٦

وَفَدَيۡنَٰهُ بِذِبۡحٍ عَظِيمٖ ١٠٧

"Dan Kami menyerunya: Wahai Ibrahim!(104) Sesungguhnya engkau telah membenarkan mimpi itu. Demikianlah Kami

mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (105). Sesungguhnya ini adalah suatu ujian yang amat jelas (106). Dan Kami telah tebuskan anaknya dengan seekor binatang sembelihan yang besar."(107)

Yakni engkau telah membenar dan merealisasikan mimpi itu. Allah tidak berkehendak apa-apa kecuali keislaman dan penyerahan diri yang mutlak kepada-Nya hingga tiada suatu, apa yang tinggal pada diri, seseorang yang hendak disembunyikannya dari Allah atau yang dirasa sayang untuk dikorbankan demi menjunjung perintah-Nya walaupun anak kesayangan dan walaupun nyawa sendiri. Engkau - wahai Ibrahim - telah pun melakukan semuanya ini. Engkau telah bermurah hati bersedia untuk mengorbankan segala-galanya walaupun anak yang paling disayangimu. Engkau telah bersedia mengorbankan segala-galanya dengan penuh kerelaan, ketenteraman, ketenangan dan keyakinan. Cuma yang tinggal lagi hanya daging dan darah sahaja dan ini boleh diganti dengan menyembelih binatang. Allah telah menebuskan jiwa orang yang telah menunaikan kewajipan dan menyerahkan diri kepadanya dengan seekor binatang yang besar. Menurut satu pendapat, binatang itu ialah seekor kibas yang didapati Ibrahim tersedia di situ dengan kuasa Allah supaya disembelihkannya sebagai ganti Ismail.

Kemudian dikatakan kepadanya:

قَدْ صَدَّقْتَ ٱلرُّءْيَآ ۚ إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٠٥﴾

"Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin."(105)

Yakni kami mengumum balasan yang baik kepada mereka dengan memilih mereka untuk menghadapi ujian seperti ini. Kami mengurniakan balasan yang baik kepada mereka dengan membimbing hati mereka dan meningkatkannya ke taraf sifat yang amat setia. Kami mengurniakan balasan yang baik kepada mereka dengan membolehkan mereka melaksanakan perintah itu dan memberi kesabaran kepada mereka untuk menjunjung perintah itu. Dan seterusnya kami membalas mereka dengan balasan yang wajar.

Asal Ibadat Korban Pada Hari Al-Adha

Dengan peristiwa ini berlangsunglah tradisi berkorban pada hari raya Aidil Adha sebagai memperingati peristiwa yang agung itu, iaitu satu peristiwa luhur yang melambangkan kemuncak hakikat keimanan, kecemerlangan kepatuhan dan keagungan penyerahan diri kepada Allah. Ia merupakan satu peristiwa contoh yang dapat dirujukkan kepadanya oleh umat Muslimin supaya mereka mengetahui hakikat moyang mereka Ibrahim a.s., yang mereka ikuti agamanya, mewarisi nasab keturunannya dan 'aqidahnya, juga supaya mereka mengetahui tabi'at 'aqidah yang menjadi tapak tegak mereka atau asas pendirian mereka, iaitu supaya mereka mengetahui bahawa tabi'at 'aqidah itu ialah menyerah kepada taqdir-taqdir Allah dengan penuh kepatuhan, kerelaan, kepercayaan dan menjunjung perintah tanpa menyoal Allah mengapa dan kenapa? Juga tanpa teragak-agak melaksanakan kehendak Allah sebaik sahaja mendapat perintah-Nya, tanpa menyimpan sesuatu di dalam hati mereka dan tanpa memilih suatu cara yang lain dari cara yang dikehendaki Allah supaya mereka melaksanakan perintah itu.

Seterusnya supaya mereka mengetahui bahawa Allah tidak bertujuan menyeksakan mereka dengan ujian itu, malah Allah menghendaki mereka menjunjung ujian itu dengan ta'at, patuh, menyerah dan tanpa berlengah-lengah. Apabila Allah mengetahui kebenaran keta'atan mereka, maka Allah membebaskan mereka dari pengorbanan-pengorbanan dan penderitaan-penderitaan dan Allah mengirakannya bahawa mereka telah menunaikan perintah. Allah menerima keta'atan mereka, menebus mereka dan memuliakan mereka sebagaimana Allah telah memuliakan moyang mereka.

"Dan Kami telah tinggalkan kepadanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian."(108)

Yakni beliau disebut oleh seluruh generasi yang bersilih ganti dan dikenang di sepanjang abad. Beliau dianggap sebagai satu umat, sebagai bapa para Anbia' dan bapa umat Muslimin. Merekalah yang mewarisi agamanya dan merekalah yang ditugaskan Allah supaya memimpin umat manusia mengikut agama Ibrahim. Oleh kerana itu Allah telah memanjangkan keturunan beliau sehingga kepada hari Qiamat.

سَلَٰمٌ عَلَىٰٓ إِبْرَٰهِيمَ ﴿١٠٩﴾

"Selamat sejahtera ke atas Ibrahim."(109)

Yakni ucapan selamat sejahtera dari Allah kepada beliau, iaitu ucapan selamat sejahtera yang dirakamkan dalam kitab suci-Nya yang kekal abadi dan dicatatkan di dalam hati alam buana yang besar.

كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١١٠﴾

"Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin."(110)

Yakni demikilanlah Kami mengurniakan balasan kepada mereka dengan nama yang harum, ucapan selamat sejahtera dan memberikan mereka kemuliaan atas keta'atan mereka menjunjung ujian itu.

إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١١١﴾

"Sesungguhnya dia dari hamba-hamba Kami yang Mu'min."(111)

Yakni inilah balasan iman dan inilah hakikat iman yang didedahkan oleh ujian Allah yang amat besar itu.

Kemudian Allah memperlihatkan limpah rahmat dan ni'mat-Nya sekali lagi kepada beliau, iaitu Allah mengurniakannya Ishaq semasa beliau dalam usia yang sangat tua. Allah memberkati beliau dan memberkati anaknya Ishaq dan melantikkannya sebagai salah seorang nabi dari para salihin.

وَبَشَّرۡنَٰهُ بِإِسۡحَٰقَ نَبِيّٗا مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ١١٢

وَبَٰرَكۡنَا عَلَيۡهِ وَعَلَىٰٓ إِسۡحَٰقَۚ

"Dan Kami sampaikan kepadanya berita gembira bahawa dia akan mendapat Ishaq yang akan menjadi seorang nabi dari para Salihin (112). Dan Kami telah limpahkan keberkatan ke atasnya dan ke atas Ishaq."(113)

Dari mereka berdua lahirlah zuriat mereka yang sambung menyambung tidak putus-putus, tetapi warisan zuriat ini bukanlah warisan darah dan keturunan, malah ialah warisan agama dan sistem hidup. Siapa yang mematuhi agama dan cara hidup ini, maka ia dikira seorang yang membuat kebaikan dan siapa yang menyeleweng darinya, ia dikira seorang yang zalim yang tidak berguna kepadanya hubungan keturunan sama ada dekat atau jauh.

وَمِن ذُرِّيَّتِهِمَا مُحۡسِنٞ وَظَالِمٞ لِّنَفۡسِهِۦ مُبِينٞ ١١٣

"Di antara zuriat keduanya ada yang melakukan kebaikan (beriman) dan ada pula yang menzalimi diri sendiri (kafir) dengan terang-terangan."(113)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 114 - 122)

Dari keturunan mereka lahirlah pula Musa dan Harun.

وَلَقَدۡ مَنَنَّا عَلَىٰ مُوسَىٰ وَهَٰرُونَ ١١٤

وَنَجَّيۡنَٰهُمَا وَقَوۡمَهُمَا مِنَ ٱلۡكَرۡبِ ٱلۡعَظِيمِ ١١٥

وَنَصَرۡنَٰهُمۡ فَكَانُواْ هُمُ ٱلۡغَٰلِبِينَ ١١٦

وَءَاتَيۡنَٰهُمَا ٱلۡكِتَٰبَ ٱلۡمُسۡتَبِينَ ١١٧

وَهَدَيۡنَٰهُمَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلۡمُسۡتَقِيمَ ١١٨

وَتَرَكۡنَا عَلَيۡهِمَا فِي ٱلۡأٓخِرِينَ ١١٩

سَلَٰمٌ عَلَىٰ مُوسَىٰ وَهَٰرُونَ ١٢٠

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلۡمُحۡسِنِينَ ١٢١

إِنَّهُمَا مِنۡ عِبَادِنَا ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ١٢٢

"Dan sesungguhnya Kami telah melimpahkan ni'mat Kami ke atas Musa dan Harun (114). Dan Kami telah menyelamatkan kedua-duanya serta kaum mereka dari malapetaka yang besar (115). Dan Kami telah menolong kedua-duanya lalu mereka menjadi orang-orang yang menang (116). Dan Kami telah mengurniakan kepada keduanya kitab suci yang jelas (117). Dan Kami telah memberi hidayat kepada keduanya ke jalan yang lurus (118). Dan Kami tinggalkan kepada keduanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian (119). Selamat sejahtera ke atas Musa dan Harun (120). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (121). Sesungguhnya kedua-duanya adalah dari hamba-hamba Kami yang Mu'min."(122)

Pengurniaan Taurat Kepada Musa a.s. Dan Harun a.s.

Kisah Musa dan Harun sepintas lalu ini adalah bertujuan untuk menzahirkan limpah kurnia Allah terhadap mereka berdua, iaitu ni'mat pilihan dan perlantikan mereka menjadi rasul, juga ni'mat keselamatan mereka dan kaum mereka dari "malapetaka yang besar" (الكرب العظيم) yang diperincikan di dalam surah-surah yang lain, juga ni'mat mendapat kemenangan ke atas Fir'aun dan kuncu-kuncunya yang telah menindas mereka, juga ni'mat pengurniaan kitab suci yang amat jelas dan terang, juga ni'mat mendapat hidayat ke jalan yang lurus, iaitu jalan Allah yang ditunjukkan kepada para Mu'minin, juga ni'mat dikekalkan nama mereka yang harum dalam kenangan generasi-generasi yang mendatang dan abad-abad yang kebelakangan. Kisah sepintas lalu itu berakhir dengan ucapan selamat sejahtera daripada Allah kepada Musa dan Harun. Di dalam surah ini terdapat ulasan-ulasan yang berulang-ulang untuk menjelaskan jenis balasan yang diterima para Muhsinin, juga menjelaskan nilai keimanan yang membuat para Mu'minin dimuliakan Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 123 - 132)

Siapakah Nabi Ilias a.s.

Cerita sepintas lalu itu diiringi pula dengan cerita sepintas yang sama mengenai Ilias. Menurut pendapat yang lebih rajih, Ilias ialah nabi yang terkenal di dalam Taurat dengan nama Iylia'(إيلياء). Beliau telah diutuskan kepada kaumnya di Syria. Mereka menyembah berhala yang bernama Ba'l (بعلا). Sehingga hari ini kesan-kesan bandar Ba'labakka (بعلبك) masih menunjukkan adanya kesan-kesan dari penyembahan berhala itu.

وَإِنَّ إِلۡيَاسَ لَمِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ١٢٣

إِذۡ قَالَ لِقَوۡمِهِۦٓ أَلَا تَتَّقُونَ ١٢٤

أَتَدۡعُونَ بَعۡلٗا وَتَذَرُونَ أَحۡسَنَ ٱلۡخَٰلِقِينَ ١٢٥

ٱللَّهَ رَبَّكُمۡ وَرَبَّ ءَابَآئِكُمُ ٱلۡأَوَّلِينَ ١٢٦

فَكَذَّبُوهُ فَإِنَّهُمۡ لَمُحۡضَرُونَ ١٢٧

إِلَّا عِبَادَ ٱللَّهِ ٱلۡمُخۡلَصِينَ ١٢٨

وَتَرَكۡنَا عَلَيۡهِ فِي ٱلۡأٓخِرِينَ ١٢٩

سَلَٰمٌ عَلَىٰٓ إِلْ يَاسِينَ ﴿١٣٠﴾
إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٣١﴾
إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣٢﴾

"Dan sesungguhnya Ilias itu adalah dari para rasul (123). (Kenangilah) ketika ia berkata kepada kaumnya: Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah (124). Apakah patut kamu menyembah berhala Ba'l dan meninggalkan Allah sebaik-baik Pencipta? (125) Allah itulah Tuhan kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang dahulu kala (126). Lalu mereka mendustakannya, maka kerana itu mereka akan diseretkan (ke dalam Neraka) (127). Kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih (128). Dan Kami tinggalkan kepadanya (nama yang harum) di kalangan generasi yang kemudian (129). Selamat sejahtera ke atas Ilias (130). Demikianlah Kami mengurniakan balasan kepada para Muhsinin (131). Sesungguhnya dia dari hamba-hamba Kami yang Mu'min."(132)

Ilias menyeru kaumnya kepada tauhid dan mengecam perbuatan mereka yang menyembah berhala Ba'l dan meninggalkan Allah "Sebaik-baik Pencipta" (أحسن الخالقين) iaitu Tuhan mereka dan Tuhan datuk nenek mereka yang dahulu kala sebagaimana telah dilakukan oleh Ibrahim yang mengecam bapanya dan kaumnya yang menyembah berhala, juga sebagaimana telah dilakukan oleh setiap rasul yang mengecam kaumnya yang menyembah patung-patung.

Akibat seruan itu Ilias telah didustakan kaumnya, lalu Allah S.W.T. bersumpah dan menegaskan bahawa mereka akan dibawa ke hadapan pengadilan-Nya secara paksa untuk menerima balasan para pendusta, kecuali mereka yang beriman yang telah dipilih Allah dari kalangan mereka.

Cerita sepintas lalu Ilias ini juga diakhiri dengan kata penutup yang berulang-ulang di dalam surah untuk memuliakan para rasul dengan ucapan selamat sejahtera dari Allah kepada mereka, juga untuk menerangkan balasan para Muhsinin dan nilai keimanan para Mu'minin.

Sirah Ilias disebut bagi kali yang pertama di sini secara sepintas lalu. Di sini marilah kita berhenti sebentar memerhatikan gaya pengungkapan Al-Qur'an yang seni pada ayat "سلام على إلياسين" di mana nada kata akhir nama Ilias disebut dengan bunyi Ilyasin (إلياسين) untuk mengimbangkan dengan bunyi kata-kata akhir yang lain mengikut cara Al-Qur'an. [2]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 133 - 138)

Kemudian tiba pula kisah sepintas lalu Lut yang pernah disebut di tempat-tempat, yang lain mengiringi kisah Ibrahim.

وَإِنَّ لُوطًا لَّمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٣٣﴾
إِذْ نَجَّيْنَٰهُ وَأَهْلَهُۥٓ أَجْمَعِينَ ﴿١٣٤﴾
إِلَّا عَجُوزًا فِى ٱلْغَٰبِرِينَ ﴿١٣٥﴾
ثُمَّ دَمَّرْنَا ٱلْءَاخَرِينَ ﴿١٣٦﴾
وَإِنَّكُمْ لَتَمُرُّونَ عَلَيْهِم مُّصْبِحِينَ ﴿١٣٧﴾
وَبِٱلَّيْلِ ۗ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٣٨﴾

"Dan sesungguhnya Lut adalah dari para rasul (133). (Kenangilah) ketika Kami menyelamatkannya dan sekalian keluarganya (134). Kecuali seorang perempuan tua (isterinya) yang termasuk dalam golongan yang tinggal (dalam 'azab kebinasaan) (135). Kemudian Kami telah binasakan orang-orang yang lain (136). Dan sesungguhnya kamu (orang-orang Quraysy) memang melalui kesan-kesan peninggalan mereka di waktu pagi (137). Dan di waktu malam, mengapakah kamu tidak mahu berfikir?(138)

Kisah ini sama dengan kisah sepintas lalu Nuh. Ia menyebut kerasulan Lut dan kisah beliau dan keluarganya - kecuali isterinya - yang telah terselamat dari 'azab Allah yang menghancur leburkan para pendusta yang sesat. Kisah ini diakhiri dengan mencubit hati orang-orang Arab yang berulang alik pagi dan petang di negeri Lut, sedangkan hati mereka masih tidak mahu menyedari dan mendengar kisah negeri yang telah hancur lebur dan sunyi sepi itu, juga tidak merasa bimbang ditimpa akibat yang mendukacitakan seperti itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 139 - 148)

Kerana Merajuk Nabi Yunus a.s. Ditelan Ikan Besar

Kemudian kisah-kisah sepintas lalu ini ditamatkan dengan sebuah cerita sepintas lalu juga mengenai Yunus yang telah ditelan ikan yang besar itu.

وَإِنَّ يُونُسَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٣٩﴾
إِذْ أَبَقَ إِلَى ٱلْفُلْكِ ٱلْمَشْحُونِ ﴿١٤٠﴾
فَسَاهَمَ فَكَانَ مِنَ ٱلْمُدْحَضِينَ ﴿١٤١﴾
فَٱلْتَقَمَهُ ٱلْحُوتُ وَهُوَ مُلِيمٌ ﴿١٤٢﴾
فَلَوْلَآ أَنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلْمُسَبِّحِينَ ﴿١٤٣﴾

---

[2] *Lihat bab* التناسق الفني في كتاب *dalam buku* التصوير الفني في القرآن *perenggan* اللإيقاع الموسيقي.

لَلَبِثَ فِي بَطْنِهِۦٓ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٤٤﴾
فَنَبَذْنَٰهُ بِٱلْعَرَآءِ وَهُوَ سَقِيمٌ ﴿١٤٥﴾
وَأَنۢبَتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِّن يَقْطِينٍ ﴿١٤٦﴾
وَأَرْسَلْنَٰهُ إِلَىٰ مِاْئَةِ أَلْفٍ أَوْ يَزِيدُونَ ﴿١٤٧﴾
فَـَٔامَنُوا۟ فَمَتَّعْنَٰهُمْ إِلَىٰ حِينٍ ﴿١٤٨﴾

"Dan sesungguhnya Yunus adalah dari para rasul (139). (Kenangilah) ketika dia melarikan diri menaiki bahtera yang penuh sarat (140). Dia turut mengundi dan telah menjadi dari orang-orang yang kalah (141). Lalu dia ditelan seekor ikan yang besar, dia telah melakukan perbuatan yang wajar dicela (142). Jika tidak kerana dia seorang dari orang-orang yang banyak bertasbih kepada Allah (143). Tentulah dia akan tinggal dalam perut ikan itu hingga ke hari manusia dibangkitkan kembali (144). Lalu Kami campakkannya keluar di tebing pantai yang tandus, sedangkan dia sakit (145). Dan Kami tumbuhkan pokok labu yang menaunginya (146). Dan Kami telah utuskannya kepada (kaumnya) yang seramai seratus ribu jiwa atau lebih (147). Lalu mereka beriman. Oleh itu Kami anugerahkan mereka keni'matan hidup hingga ke suatu masa yang tertentu."(148)

Al-Qur'an tidak menyebut di mana kaum Yunus, tetapi difaham dari ayat ini mereka tinggal di suatu tempat yang berhampiran dengan laut.

Menurut riwayat-riwayat, Yunus tidak dapat bersabar lagi apabila beliau didustakan kaumnya. Lalu beliau memberi amaran kepada mereka dengan 'azab Allah yang dekat. Beliau dengan hati yang panas meninggalkan mereka untuk melarikan diri. Kemarahan hatinya telah membawa beliau ke tepi laut dan di sana beliau menaiki sebuah bahtera yang penuh sarat dengan penumpang-penumpang. Di tengah-tengah lautan, bahtera itu dilanda ribut dan dipukul gelombang-gelombang yang kuat dan ini merupakan satu petanda mengikut kepercayaan kaum itu bahawa di antara penumpang-penumpang yang ramai itu pasti ada seorang penumpang yang dimurkai Tuhan kerana melakukan sesuatu kesalahan dan orang ini pasti dicampakkan ke dalam laut untuk menyelamatkan bahtera dari tenggelam. Lalu mereka membuang undi untuk menentukan orang yang patut dibuang dari kapal itu. Tiba-tiba undi itu terkena kepada Yunus. Walaupun beliau terkenal sebagai seorang yang soleh di kalangan mereka, tetapi undi itu begitu jelas dan tegas mengenakan beliau. Lalu mereka pun mencampakkan beliau ke dalam laut atau beliau sendiri membuang dirinya ke dalam laut. Lalu beliau ditelan seekor ikan yang besar dan beliau:

ٱلْحُوتُ وَهُوَ مُلِيمٌ ﴿١٤٢﴾

"Dia telah melakukan satu, perbuatan yang wajar dicela"(142)

kerana meninggalkan tugas risalah yang diamanahkan Allah kepadanya dan kerana beliau meninggalkan kaumnya dengan sebab marahkan mereka sebelum mendapat keizinan dari Allah. Apabila beliau merasa lemas di dalam perut ikan itu, beliau pun bertasbih dan memohon keampunan dari Allah dan mengaku bahawa beliau termasuk dalam golongan orang-orang yang menzalimi diri sendiri. Beliau berdo'a:

لا إله إلا أنت سبحـٰنك إني كنت من الظـٰلمين

"Tiada Tuhan yang lain melainkan engkau. Maha Sucilah engkau. Sesungguhnya aku mengaku bahawa aku termasuk dalam golongan orang-orang yang menzalimi diri sendiri."

Lalu Allah memperkenankan do'anya dan ikan itu pun, meluahkan beliau keluar dari perutnya:

فَلَوْلَآ أَنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلْمُسَبِّحِينَ ﴿١٤٣﴾
لَلَبِثَ فِي بَطْنِهِۦٓ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٤٤﴾

"Jika tidak kerana dia seorang dari orang-orang yang banyak bertasbih kepada Allah (143). Tentulah dia akan tinggal dalam perut ikan itu hingga ke hari manusia dibangkitkan kembali."(144)

Beliau keluar dari perut ikan itu dalam keadaan sakit dan bogel dan tercampak ke atas tebing pantai:

وَأَنۢبَتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِّن يَقْطِينٍ ﴿١٤٦﴾

"Dan Kami tumbuhkan pokok labu yang menaunginya."(146)

Yakni menaunginya dengan daun-daunnya yang lebar dan menahankan lalat-lalat dari menghinggapinya. Kata orang, lalat tidak mendekati pokok labu. Ini adalah dari tadbir dan rahmat Allah yang halus. Apabila beliau sembuh dari kesakitannya, Allah kembalikan beliau semula kepada kaumnya yang telah ditinggalkannya kerana marahkan sikap mereka. Kebetulan kaumnya telah pun merasa takut terhadap amaran beliau semasa beliau keluar meninggalkan mereka, lalu mereka pun beriman dan memohon keampunan dari Allah, dan permohonan mereka telah dikabulkan Allah dan mereka pun selamat dari 'azab yang ditimpakan ke atas para pendusta:

فَـَٔامَنُوا۟ فَمَتَّعْنَٰهُمْ إِلَىٰ حِينٍ ﴿١٤٨﴾

"Lalu mereka beriman. Oleh itu Kami anugerahkan mereka keni'matan hidup hingga ke sesuatu masa yang tertentu."(148)

Bilangan mereka ialah seratus ribu orang tidak lebih dan tidak kurang dan seluruh mereka telah beriman.[3]

Kisah Yunus sepintas lalu ini memperlihatkan akibat kaum yang beriman, sementara kisah-kisah yang terdahulu memperlihatkan akibat kaum yang tidak beriman. Di sini dapatlah kaum Muhammad memilih salah satu akibat yang disukai mereka.

---

[3] *Lihat kisah ini dalam Surah al-Anbia'.*

Demikianlah berakhirnya pusingan ini setelah membawa kita mengembara jauh dalam perjalanan sejarah mulai dari Nabi Nuh a.s. untuk mengikuti manusia-manusia yang diberi amaran oleh para rasul itu sama ada dari golongan yang beriman atau dari golongan yang tidak beriman.

(Kumpulan ayat-ayat 149 - 182)

فَٱسۡتَفۡتِهِمۡ أَلِرَبِّكَ ٱلۡبَنَاتُ وَلَهُمُ ٱلۡبَنُونَ ﴿١٤٩﴾

أَمۡ خَلَقۡنَا ٱلۡمَلَٰٓئِكَةَ إِنَٰثٗا وَهُمۡ شَٰهِدُونَ ﴿١٥٠﴾

أَلَآ إِنَّهُم مِّنۡ إِفۡكِهِمۡ لَيَقُولُونَ ﴿١٥١﴾

وَلَدَ ٱللَّهُ وَإِنَّهُمۡ لَكَٰذِبُونَ ﴿١٥٢﴾

أَصۡطَفَى ٱلۡبَنَاتِ عَلَى ٱلۡبَنِينَ ﴿١٥٣﴾

مَا لَكُمۡ كَيۡفَ تَحۡكُمُونَ ﴿١٥٤﴾ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٥﴾

أَمۡ لَكُمۡ سُلۡطَٰنٞ مُّبِينٞ ﴿١٥٦﴾

فَأۡتُواْ بِكِتَٰبِكُمۡ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ﴿١٥٧﴾

وَجَعَلُواْ بَيۡنَهُۥ وَبَيۡنَ ٱلۡجِنَّةِ نَسَبٗاۚ وَلَقَدۡ عَلِمَتِ ٱلۡجِنَّةُ

إِنَّهُمۡ لَمُحۡضَرُونَ ﴿١٥٨﴾

سُبۡحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٥٩﴾

إِلَّا عِبَادَ ٱللَّهِ ٱلۡمُخۡلَصِينَ ﴿١٦٠﴾

"Dan tanyalah mereka: Apakah wajar anak-anak perempuan diuntukkan kepada Tuhanmu dan anak-anak lelaki diuntukkan kepada mereka? (149). Atau apakah benar Kami telah menciptakan malaikat-malaikat itu sebagai anak-anak perempuan dan mereka sendiri menyaksikannya? (150). Ingatlah! Sesungguhnya kerana pembohongan mereka, mereka sanggup berkata: (151). Allah telah beranak. Dan sesunguhnya mereka adalah pembohong belaka (152). Apakah Allah mengutamakan pilihan anak-anak perempuan dari anak-anak lelaki? (153). Mengapa kamu jadi begini? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu? (154). Apakah tidak kamu berfikir? (155). Atau apakah kamu mempunyai bukti yang jelas? (156). Oleh itu bawalah kitab kamu jika kamu benar (157). Dan mereka (kaum Musyrikin) telah menjalinkan hubungan keturunan di antara Allah dan jin, sedangkan jin-jin itu benar-benar mengetahui bahawa mereka juga akan dihadirkan pada hari Qiamat (untuk menerima balasan Allah) (158). Maha Suci Allah dari segala pembohongan yang disifatkan mereka (159). Kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih sahaja (yang selamat)" (160).

فَإِنَّكُمۡ وَمَا تَعۡبُدُونَ ﴿١٦١﴾ مَآ أَنتُمۡ عَلَيۡهِ بِفَٰتِنِينَ ﴿١٦٢﴾

إِلَّا مَنۡ هُوَ صَالِ ٱلۡجَحِيمِ ﴿١٦٣﴾

وَمَا مِنَّآ إِلَّا لَهُۥ مَقَامٞ مَّعۡلُومٞ ﴿١٦٤﴾

وَإِنَّا لَنَحۡنُ ٱلصَّآفُّونَ ﴿١٦٥﴾ وَإِنَّا لَنَحۡنُ ٱلۡمُسَبِّحُونَ ﴿١٦٦﴾

وَإِن كَانُواْ لَيَقُولُونَ ﴿١٦٧﴾ لَوۡ أَنَّ عِندَنَا ذِكۡرٗا مِّنَ ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿١٦٨﴾

لَكُنَّا عِبَادَ ٱللَّهِ ٱلۡمُخۡلَصِينَ ﴿١٦٩﴾

فَكَفَرُواْ بِهِۦۖ فَسَوۡفَ يَعۡلَمُونَ ﴿١٧٠﴾

وَلَقَدۡ سَبَقَتۡ كَلِمَتُنَا لِعِبَادِنَا ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴿١٧١﴾

إِنَّهُمۡ لَهُمُ ٱلۡمَنصُورُونَ ﴿١٧٢﴾

وَإِنَّ جُندَنَا لَهُمُ ٱلۡغَٰلِبُونَ ﴿١٧٣﴾

فَتَوَلَّ عَنۡهُمۡ حَتَّىٰ حِينٖ ﴿١٧٤﴾

وَأَبۡصِرۡهُمۡ فَسَوۡفَ يُبۡصِرُونَ ﴿١٧٥﴾

أَفَبِعَذَابِنَا يَسۡتَعۡجِلُونَ ﴿١٧٦﴾

فَإِذَا نَزَلَ بِسَاحَتِهِمۡ فَسَآءَ صَبَاحُ ٱلۡمُنذَرِينَ ﴿١٧٧﴾

وَتَوَلَّ عَنۡهُمۡ حَتَّىٰ حِينٖ ﴿١٧٨﴾

وَأَبۡصِرۡ فَسَوۡفَ يُبۡصِرُونَ ﴿١٧٩﴾

سُبۡحَٰنَ رَبِّكَ رَبِّ ٱلۡعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٨٠﴾

وَسَلَٰمٌ عَلَى ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴿١٨١﴾

وَٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿١٨٢﴾

"Sesungguhnya kamu dan segala apa yang disembahkan kamu...(161). Tidaklah sekali-kali kamu dapat menyesatkan seorang pun dari (hamba Allah) (162). Kecuali orang yang akan masuk ke dalam Neraka (163). Dan tiada seorang pun dari kami (malaikat) melainkan masing-masing mempunyai kedudukan yang tertentu (164). Dan sesungguhnya kami berdiri berbaris-barisan (menunaikan solat) (165). Dan sesungguhnya kami sentiasa bertasbih kepada Allah (166). Dan sesungguhnya mereka dahulu pernah berkata:(167) Jika kami mempunyai kitab suci dari rasul-rasul yang terdahulu (168). Tentulah kami telah menjadi hamba-hamba Allah yang terpilih (169). (Tetapi) mereka telah mengingkarkan Al-Qur'an dan mereka akan mengetahui (akibatnya) (170). Dan sesunguhnya sejak dari dahulu lagi keputusan Kami telah ditetapkan terhadap hamba-hamba Kami yang diutuskan menjadi para rasul itu (171). Bahawa mereka akan diberikan pertolongan sepenuhnya (172). Dan bahawa tentera Kamilah yang akan mendapat kemenangan(173). Oleh itu berpalinglah dari mereka hingga sampai suatu ketika (174). Dan lihatlah mereka, nanti mereka juga akan dapat melihat

(akibatnya) (175). Apakah mereka meminta supaya disegerakan 'azab Kami? (176). Dan apabila 'azab Kami turun di halaman mereka, nescaya celakalah pagi hari mereka yang telah diberi peringatan itu (177). Dan berpalinglah dari mereka hingga sampai suatu ketika(178). Dan lihatlah, nanti mereka juga akan dapat melihat (179). Maha Sucilah Tuhanmu, Tuhan yang mempunyai keagungan dari segala apa yang dikatakan mereka (180). Dan selamat sejahtera ke atas para rasul (181). Dan segala kepujian terpulang kepada Allah yang memelihara semesta alam"(182).

Berdasarkan sorotan kisah-kisah yang telah dibentangkan di dalam pusingan yang kedua surah ini, iaitu sorotan yang telah menerangkan hakikat hubungan di antara Allah dan para hamba-Nya, juga menerangkan bagaimana Allah telah mengazabkan orang-orang yang mendustakan hakikat itu, iaitu orang-orang yang menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah atau orang-orang mempersekutui-Nya dengan setengah-setengah makhluk-Nya .... berdasarkan sorotan hakikat itu, yang telah pun disentuh di dalam pelajaran pertama surah ini, maka dalam pusingan terakhir suruh ini Rasulullah s.a.w. telah diperintah supaya berdebat dengan kaum Musyrikin tentang sebuah dongeng yang didakwa oleh mereka bahawa malaikat-malaikat itu adalah puteri-puteri Allah dan tentang sebuah lagi dongeng yang didakwa mereka bahawa di antara Allah dan jin terjalin hubungan keturunan, juga supaya bersemuka dengan mereka tentang kata-kata mereka sebelum kedatangan agama Islam, iaitu kata-kata yang membayangkan hasrat mereka supaya Allah mengirimkan seorang rasul kepada mereka, juga kata-kata yang membayangkan kesediaan mereka untuk menyambut hidayat Allah andainya ada rasul yang datang kepada mereka dan bagaimana mereka telah menjadi kafir apabila rasul itu telah diutuskan kepada mereka. Kemudian surah ini ditamatkan dengan merakamkan janji Allah yang akan menolong para rasul-Nya mengalahkan musuh-musuh mereka, juga dengan membersihkan Allah S.W.T. dari sifat-sifat karut yang dikatakan mereka dan dengan memulangkan seluruh kepujian kepada Allah Tuhan yang memelihara semesta alam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 149 - 166)

فَٱسۡتَفۡتِهِمۡ أَلِرَبِّكَ ٱلۡبَنَاتُ وَلَهُمُ ٱلۡبَنُونَ ١٤٩

أَمۡ خَلَقۡنَا ٱلۡمَلَٰٓئِكَةَ إِنَٰثٗا وَهُمۡ شَٰهِدُونَ ١٥٠

أَلَآ إِنَّهُم مِّنۡ إِفۡكِهِمۡ لَيَقُولُونَ ١٥١

وَلَدَ ٱللَّهُ وَإِنَّهُمۡ لَكَٰذِبُونَ ١٥٢

أَصۡطَفَى ٱلۡبَنَاتِ عَلَى ٱلۡبَنِينَ ١٥٣

مَا لَكُمۡ كَيۡفَ تَحۡكُمُونَ ١٥٤ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ١٥٥

أَمۡ لَكُمۡ سُلۡطَٰنٞ مُّبِينٞ ١٥٦

فَأۡتُواْ بِكِتَٰبِكُمۡ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ١٥٧

"Dan tanyalah mereka: Apakah wajar anak-anak perempuan diuntukkan kepada Tuhanmu dan anak-anak lelaki diuntukkan kepada mereka? (149) Atau apakah benar Kami telah menciptakan malaikat-malaikat itu sebagai anak-anak perempuan dan mereka sendiri menyaksi-kannya? (150) Ingatlah! Sesungguhnya kerana pembohongan mereka, mereka sanggup berkata: (151) Allah telah beranak. Dan sesunguhnya mereka adalah pembohong belaka (152). Apakah Allah mengutamakan pilihan anak-anak perempuan dari anak-anak lelaki? (153) Mengapa kamu jadi begini? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu?(154). Apakah tidak kamu berfikir?(155). Atau apakah kamu mempunyai bukti yang jelas? (156) Oleh itu bawalah kitab kamu jika kamu benar."(157)

Dongeng Malaikat Puteri Allah

Al-Qur'an mengepung kepercayaan dongeng mereka yang karut itu dari segenap sudut. Ia berhujah dengan mereka dengan menggunakan logik mereka dan logik masyarakat hidup mereka. Mereka lebih mengutamakan anak-anak lelaki dari anak-anak perempuan. Mereka menganggapkan kelahiran anak-anak perempuan itu sebagai suatu kehinaan. Mereka mengira perempuan sebagai makhluk yang lebih rendah martabatnya dari lelaki, namun demikian mereka tergamak mendakwa bahawa malaikat-malaikat itu perempuan belaka dan mereka adalah puteri-puteri Allah pula.

Di sini Al-Qur'an menurut liut mereka dan menggunakan logik mereka sendiri kemudian mengenakan mereka dengan logik itu supaya mereka melihat betapa karutnya dongeng itu walaupun dengan menggunakan ukuran mereka sendiri yang lumrah dalam masyarakat mereka:

فَٱسۡتَفۡتِهِمۡ أَلِرَبِّكَ ٱلۡبَنَاتُ وَلَهُمُ ٱلۡبَنُونَ ١٤٩

"Dan tanyalah mereka apakah wajar anak-anak perempuan diuntukkan kepada Tuhanmu dan anak-anak lelaki diuntukkan kepada mereka?"(149)

Yakni adakah patut jika anak-anak perempuan yang dianggapkan mereka lebih rendah martabatnya dari anak-anak lelaki itu telah dijadikan mereka sebagai anak-anak Allah, sedangkan mereka sendiri mengutamakan anak-anak lelaki? Atau apakah patut Allah memilih anak-anak perempuan dan meninggalkan untuk mereka anak-anak lelaki? Kedua-dua itu tidak betul belaka. Oleh itu tanyalah mereka tentang dakwaan mereka yang karut-marut itu.

Dan tanyakan mereka pula tentang punca timbulnya dongeng itu. Dari mana mereka tahu bahawa malaikat-malaikat itu perempuan? Adakah mereka hadir dan melihat sendiri ketika malaikat-malaikat itu diciptakan Allah hingga mereka tahu jenis mereka?

أَمْ خَلَقْنَا ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ إِنَٰثًا وَهُمْ شَٰهِدُونَ ﴿١٥٠﴾

"Atau apakah benar Kami telah menciptakan malaikat-malaikat itu sebagai anak-anak perempuan dan mereka sendiri menyaksikannya."(150)

Al-Qur'an menyebut nas kata-kata mereka yang dusta terhadap Allah:

أَلَآ إِنَّهُم مِّنْ إِفْكِهِمْ لَيَقُولُونَ ﴿١٥١﴾
وَلَدَ ٱللَّهُ وَإِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿١٥٢﴾

"Ingatlah sesungguhnya kerana pembohongan mereka, mereka sanggup berkata: (151) Allah telah beranak. Dan sesungguhnya mereka adalah pembohong belaka."(152)

Yakni mereka adalah pembohong walaupun mengikut pandangan adat dan logik yang lumrah dalam masyarakat mereka sendiri yang memang mengutamakan anak-anak lelaki dari anak-anak perempuan, jadi bagaimana pula Allah mengutamakan anak-anak perempuan dari anak-anak lelaki?

أَصْطَفَى ٱلْبَنَاتِ عَلَى ٱلْبَنِينَ ﴿١٥٣﴾

"Apakah Allah mengutamakan pilihan anak-anak perempuan dari anak-anak lelaki?"(153)

Kemudian Al-Qur'an memperlihatkan kehairanannya terhadap dakwaan mereka yang melupakan logik yang lumrah di dalam masyarakat mereka sendiri:

مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿١٥٤﴾ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٥﴾

"Mengapa kamu jadi begini? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu? (154) Apakah tidak kamu berfikir?"(155)

Dari manakah kamu mengambil sandaran dan dalil di atas keputusan yang didakwakan kamu itu?

أَمْ لَكُمْ سُلْطَٰنٌ مُّبِينٌ ﴿١٥٦﴾
فَأْتُوا۟ بِكِتَٰبِكُمْ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١٥٧﴾

"Atau apakah kamu mempunyai bukti yang jelas? (156) Oleh itu bawalah kitab kamu jika kamu benar."(157)

Satu lagi dongeng ialah dongeng adanya hubungan keturunan di antara Allah S.W.T. dengan jin.

وَجَعَلُوا۟ بَيْنَهُۥ وَبَيْنَ ٱلْجِنَّةِ نَسَبًا ۚ وَلَقَدْ عَلِمَتِ ٱلْجِنَّةُ
إِنَّهُمْ لَمُحْضَرُونَ ﴿١٥٨﴾

"Dan mereka (kaum Musyrikin) telah menjalinkan hubungan keturunan di antara Allah dan jin, sedangkan jin-jin itu benar-benar mengetahui bahawa mereka juga akan dihadirkan para hari Qiamat (untuk menerima balasan Allah)."(158)

Mereka telah mendakwa bahawa malaikat-malaikat itu adalah puteri-puteri Allah yang dilahirkan oleh isteri-Nya jin perempuan. Itulah hubungan keturunan dan kerabat, sedangkan jin-jin tahu bahawa mereka hanya merupakan salah satu makhluk Allah sahaja dan mereka juga akan dibawa dengan perintah Allah hadir pada hari Qiamat untuk menerima balasan 'azab. Tentulah layanan yang seperti ini tidak layak diberikan kepada mereka yang mempunyai hubungan keturunan dan persemendaan dengan Allah.

Di sini Allah mentanzihkan dirinya dari pembohongan yang karut itu:

سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٥٩﴾

"Maha Suci Allah dari segala pembohongan yang disifatkan mereka."(159)

Kemudian golongan jin yang beriman dikecualikan dari golongan jin yang menerima balasan 'azab dari Allah. Memang dalam alam jin terdapat golongan yang Mu'min.

إِلَّا عِبَادَ ٱللَّهِ ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿١٦٠﴾

"Kecuali hamba-hamba Allah yang terpilih sahaja (yang selamat)."(160)

Kemudian kata-kata berikut ditujukan kepada kaum Musyrikin dan tuhan-tuhan palsu yang disembah mereka, juga kepada 'aqidah-'aqidah mereka yang sesat. Kata-kata berikut nampaknya terbit dari para malaikat kepada mereka sebagaimana yang dapat difaham dari keterangan ayat ini:

فَإِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ ﴿١٦١﴾ مَآ أَنتُمْ عَلَيْهِ بِفَٰتِنِينَ ﴿١٦٢﴾
إِلَّا مَنْ هُوَ صَالِ ٱلْجَحِيمِ ﴿١٦٣﴾
وَمَا مِنَّآ إِلَّا لَهُۥ مَقَامٌ مَّعْلُومٌ ﴿١٦٤﴾
وَإِنَّا لَنَحْنُ ٱلصَّآفُّونَ ﴿١٦٥﴾ وَإِنَّا لَنَحْنُ ٱلْمُسَبِّحُونَ ﴿١٦٦﴾

"Sesungguhnya kamu dan segala apa yang disembahkan kamu... (161) Tidaklah sekali-kali kamu dapat menyesatkan seorang pun dari (hamba Allah) (162). Kecuali orang yang akan masuk ke dalam Neraka (163). Dan tiada seorang pun dari kami (malaikat) melainkan masing-masing mempunyai kedudukan yang tertentu (164). Dan sesungguhnya Kami berdiri berbaris-barisan (menunaikan solat) (165). Dan sesungguhnya kami sentiasa bertasbih kepada Allah."(166)

Yakni kamu dan sembahan-sembahan kamu tidak dapat menyesatkan hamba-hamba Allah melainkan mereka yang termasuk di dalam golongan Ahli Neraka, iaitu orang-orang yang telah ditetapkan masuk Neraka. Kamu tidak mampu menyesatkan hati seseorang yang Mu'min yang tergolong di dalam kumpulan orang-orang yang ta'at. Neraka mempunyai bahan-bahan bakar manusia dari jenis yang tertentu, iaitu manusia yang mempunyai tabi'at yang melayangkannya untuk menerima kesesatan dan terpengaruh kepada para penyesat.

Para malaikat menjawab dongeng itu dengan menegaskan bahawa setiap orang dari mereka mempunyai batas kedudukan masing-masing yang tidak boleh dilampauinya. Mereka adalah hamba-hamba yang dijadikan Allah. Tugas mereka ialah mematuhi segala perintah Allah. Mereka berdiri bersaf-saf mendirikan solat dan bertasbih memuji Allah. Mereka berada pada batas kedudukan masing-masing tanpa melewatinya. Allah tetap Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 167 - 173)

Kemudian Al-Qur'an kembali memperkatakan tentang kaum Musyrikin yang menggembar-gemburkan dongeng-dongeng itu. Ia menyebut janji-janji mereka pada masa mereka dengkikan kaum Ahlil-Kitab yang telah menjadi Ahlil-Kitab. Mereka berkata: "Jika kami mempunyai kitab suci dari rasul-rasul yang dahulu, iaitu dari Nabi Ibrahim atau nabi-nabi yang dibangkitkan selepasnya tentulah kami juga berada pada martabat keimanan yang melayakkan kami dibersih dan dipilihkan Allah."

وَإِن كَانُوا لَيَقُولُونَ ﴿١٦٧﴾ لَوْ أَنَّ عِندَنَا ذِكْرًا مِّنَ الْأَوَّلِينَ ﴿١٦٨﴾
لَكُنَّا عِبَادَ اللَّهِ الْمُخْلَصِينَ ﴿١٦٩﴾

"Dan sesungguhnya mereka dahulu pernah berkata: (167) Jika kami mempunyai kitab suci dari rasul-rasul yang terdahulu (168). Tentulah kami telah menjadi hamba-hamba Allah yang terpilih."(169)

Tetapi apabila mereka dikurniakan kitab suci yang lebih besar dari segala kitab suci yang pernah diturunkan ke bumi, mereka tidak lagi teringat kepada janji-janji yang dikatakan mereka:

فَكَفَرُوا بِهِ ۖ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿١٧٠﴾

"(Tetapi) mereka telah mengingkarkan Al-Qur'an dan mereka akan mengetahui (akibatnya)."(170)

Ancaman yang halus yang terkandung di dalam ungkapan **"Dan mereka akan mengetahui (akibatnya)"** adalah satu ancaman yang sesuai dengan perbuatan kufur mereka selepas mereka berangan-angan dan berjanji. Sehubungan dengan ancaman itu, Allah menjelaskan bahawa Dia berjanji akan menolong dan memberi kemenangan kepada para rasul-Nya:

وَلَقَدْ سَبَقَتْ كَلِمَتُنَا لِعِبَادِنَا الْمُرْسَلِينَ ﴿١٧١﴾
إِنَّهُمْ لَهُمُ الْمَنصُورُونَ ﴿١٧٢﴾
وَإِنَّ جُندَنَا لَهُمُ الْغَالِبُونَ ﴿١٧٣﴾

"Dan sesungguhnya sejak dari dahulu lagi keputusan Kami telah ditetapkan terhadap hamba-hamba Kami yang diutuskan menjadi para rasul itu (171). Bahawa mereka akan diberikan pertolongan sepenuhnya (172). Dan bahawa tentera Kamilah yang akan mendapat kemenangan."(173)

Janji itu telah berlaku dan kata-kata Allah telah pun dikota. 'aqidah Islamiah telah bertunjang kukuh di bumi dan membangun sebagai sebuah binaan keimanan yang kuat walaupun dihalang dengan berbagai-bagai halangan, walaupun didustakan oleh para pendusta dan walaupun para penda'wah dan para pengikutnya ditindas dengan berbagai-bagai penindasan. 'Aqidah-'aqidah kaum Musyrikin dan kafirin terhapus. Kekuasaan dan kedaulatan mereka juga turut terhapus dan yang tinggal kekal ialah 'aqidah-'aqidah yang dibawa para rasul. 'aqidah-'aqidah inilah yang menguasai hati dan akal manusia dan membetulkan fikiran-fikiran dan kefahaman-kefahaman mereka. Seterusnya walau bagaimanapun 'aqidah-'aqidah ini masih tetap merupakan 'aqidah yang paling kuat dan paling kekal menguasai umat manusia di merata pelosok dunia. Segala percubaan yang telah dilancarkan untuk menghapuskan 'aqidah-'aqidah ilahiah yang dibawa oleh para rasul, juga segala usaha untuk membangunkan ideologi-ideologi dan falsafah-falsafah yang lain telah berakhir dengan kegagalan. Usaha-usaha itu telah gagal di bumi tempat kelahiran ideologi-ideologi dan falsafah-falsafah itu sendiri. Tepatlah janji Allah bahawa Dia akan menolong para rasul-Nya, kerana mereka semuanya telah dikurniakan pertolongan, dan tentera Allah yang dikurniakan kepada mereka itulah yang mencapai kemenangan.

Gejala ini secara umumnya dapat diperhatikan di merata pelosok dunia di seluruh zaman.

Janji Allah ini juga direalisasikan dalam segala gerakan da'wah kerana Allah, di mana para pejuang dan para penda'wahnya benar-benar ikhlas kepada Allah. Da'wah itu akan tetap menang dan mendapat pertolongan dari Allah walaupun ia dihalangi dengan berbagai-bagai halangan dan walaupun pejuang kebatilan mengemblengkan segala kekuatan besi dan api, segala kekuatan di'ayah dan pembohongan dan segala kekuatan perang dan penentangan. Semuanya merupakan pertarungan-pertarungan yang melahirkan berbagai-bagai natijah tetapi semuanya berakhir kepada janji Allah yang telah dimeteraikannya dengan para rasul-Nya, dan janji itu tidak akan mungkir walaupun dihalangi oleh seluruh kekuatan di bumi. Janji mendapat pertolongan, kemenangan dan kedudukan yang kukuh akan tetap dikotakan Allah.

Janji ini merupakan salah satu dari undang-undang Allah yang mengendalikan alam buana, dan undang-undang ini berjalan terus sebagaimana berjalannya planet-planet dan bintang-bintang di jalan-jalan peredarannya yang teratur, sebagaimana bersilih gantinya malam dan siang di bumi di sepanjang zaman dan sebagaimana tercetusnya hayat di bumi yang mati yang disirami air. Tetapi semuanya bergantung kepada perencanaan Allah. Dia melaksanakannya apabila Dia kehendaki. Kadang-kadang kesan-kesan yang zahir dari janji itu kelihatan lambat dibandingkan dengan usaha-usaha manusia yang terbatas, namun janji itu tetap tidak akan

dimungkiri selama-lamanya. Kadang-kadang janji itu terkota dalam bentuk yang tidak dapat difahami manusia kerana mereka menuntut kemenangan dalam bentuk-bentuk biasa dan lumrah. Mereka tidak dapat memahami perlaksanaan janji itu dalam satu bentuk yang baru melainkan setelah berlalunya sekian masa.

Kadang-kadang manusia inginkan satu bentuk pertolongan dan kemenangan yang tertentu untuk tentera-tentera Allah dan para pengikut rasul-rasul-Nya, sedangkan Allah menghendaki untuk mereka satu bentuk kemenangan yang lebih sempurna dan lebih kekal, maka natijahnya kehendak Allahlah yang terlaksana walaupun pejuang-pejuang da'wah itu terpaksa mengalami kesusahan dalam masa yang lebih panjang dari jangkaan mereka. Kaum Muslimin (yang berada di Madinah) sebelum berlakunya Peperangan Badar telah bercita-cita untuk merampaskan unta-unta dari angkatan kafilah perniagaan Quraysy, tetapi Allah menghendaki angkatan kafilah yang telah mendapat keuntungan yang banyak itu terlepas dari mereka dan Allah menghendaki mereka berperang dengan angkatan perang Quraysy yang kuat. Akhirnya ternyata bahawa apa yang dikehendaki Allah itu adalah lebih baik untuk mereka dan untuk perkembangan Islam. Beginilah caranya kemenangan yang dikehendaki Allah kepada Rasul-Nya, kepada para pejuang-Nya dan kepada da'wah-Nya di sepanjang zaman.

Kadang-kadang angkatan tentera Allah tewas di dalam satu medan pertempuran, di mana mereka mengalami kekalahan teruk dan menderita dalam ujian itu, kerana Allah menjanjikan mereka dengan kemenangan dalam satu medan pertempuran yang lebih besar dan menyediakan suasana-suasana di sekeliling mereka supaya kemenangan itu dapat mendatangkan hasilnya dalam bidang yang lebih luas dan dalam garis yang lebih panjang dan dengan kesan yang lebih tahan dan kekal.

Keputusan Allah telah ditetapkan iradat Allah terhadap janji-Nya telah dikotakan. Undang-undang Allah tetap tidak berubah dan tidak akan mungkir:

وَلَقَدۡ سَبَقَتۡ كَلِمَتُنَا لِعِبَادِنَا ٱلۡمُرۡسَلِينَ ١٧١

إِنَّهُمۡ لَهُمُ ٱلۡمَنصُورُونَ ١٧٢

وَإِنَّ جُندَنَا لَهُمُ ٱلۡغَٰلِبُونَ ١٧٣

"Dan sesungguhnya sejak dari dahulu lagi keputusan Kami telah ditetapkan terhadap hamba-hamba Kami yang diutuskan menjadi para rasul itu (171). Bahawa mereka akan diberikan pertolongan sepenuhnya (172). Dan bahawa tentera Kamilah yang akan mendapat kemenangan."(173)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 174 - 179)

Ketika mengisytiharkan janji yang tegas dan keputusan yang telah ditetapkan itu Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya berpaling dari kaum Musyrikin dan menyerahkan mereka kepada janji Allah dan supaya memerhatikan keadaan mereka yang telah menerima keputusan 'azab dari Allah itu. Biarlah mereka sendiri melihat akibatnya dengan mata kepala mereka:

فَتَوَلَّ عَنۡهُمۡ حَتَّىٰ حِينٖ ١٧٤

وَأَبۡصِرۡهُمۡ فَسَوۡفَ يُبۡصِرُونَ ١٧٥

أَفَبِعَذَابِنَا يَسۡتَعۡجِلُونَ ١٧٦

فَإِذَا نَزَلَ بِسَاحَتِهِمۡ فَسَآءَ صَبَاحُ ٱلۡمُنذَرِينَ ١٧٧

وَتَوَلَّ عَنۡهُمۡ حَتَّىٰ حِينٖ ١٧٨

وَأَبۡصِرۡ فَسَوۡفَ يُبۡصِرُونَ ١٧٩

"Oleh itu berpalinglah dari mereka hingga sampai suatu ketika (174). Dan lihatlah mereka, nanti mereka juga akan melihat (akibatnya) (175). Apakah mereka meminta supaya disegerakan 'azab Kami? (176) Dan apabila 'azab Kami turun di halaman mereka, nescaya celakalah pagi hari mereka yang telah diberi peringatan itu (177). Dan berpalinglah dari mereka hingga sampai suatu ketika (178). Dan lihatlah, nanti mereka juga akan melihat."(179)

Tinggalkan mereka dan jangan hiraukan mereka. Biarkanlah mereka hingga tibanya hari turunnya 'azab Allah. Di sana mereka akan melihat sendiri bagaimana Allah merealisasikan janji-Nya terhadap engkau dan terhadap mereka. Andainya mereka meminta supaya disegerakan 'azab itu, maka kecelakaan tetap akan menimpa mereka pada hari Allah menurunkan 'azab itu ke atas mereka. Apabila 'azab itu turun di pekarangan mereka, maka pagi itu akan membawa malapetaka yang dahsyat kepada mereka. Amaran ini telah pun disampaikan rasul kepada mereka.

Allah mengulang-ngulangkan perintah-Nya supaya beliau berpaling dan tidak menghiraukan mereka:

وَتَوَلَّ عَنۡهُمۡ حَتَّىٰ حِينٖ ١٧٨

"Dan berpalinglah dari mereka hingga sampai suatu ketika."(178)

Demikian juga Allah mengulangkan amaran terhadap kedahsyatan malapetaka 'azab yang akan berlaku kepada mereka:

وَأَبۡصِرۡ فَسَوۡفَ يُبۡصِرُونَ ١٧٩

"Dan lihatlah, nanti mereka juga akan melihat."(179)

Allah tidak menjelaskan malapetaka 'azab itu untuk menyarankan betapa dahsyatnya dan ngerinya malapetaka itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 180 - 182)

Kemudian surah ini diakhiri dengan membersihkan Allah dari segala sifat yang karut dan mengkhususkan sifat keagungan dan kemuliaan itu kepada-Nya sahaja, juga dengan ucapan selamat sejahtera dari Allah kepada para rasul-Nya, juga mengumumkan bahawa segala sanjungan itu terpulang kepada Allah Yang Maha Esa, Tuhan semesta alam yang tiada sekutu bagi-Nya:

سُبْحَٰنَ رَبِّكَ رَبِّ ٱلْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٨٠﴾
وَسَلَٰمٌ عَلَى ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٨١﴾
وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٨٢﴾

"Maha Sucilah Tuhanmu, Tuhan yang mempunyai keagungan dari segala apa yang dikatakan mereka (180). Dan selamat sejahtera ke atas para rasul (181). Dan segala kepujian terpulang kepada Allah yang memelihara semesta alam."(182)

Itulah kata penamat yang amat sesuai dengan pembicaraan-pembicaraan surah ini dan itulah kata penamat yang menyarankan segala persoalan yang dibicarakan surah ini.

* * * * * *

JUZU' KE-23

SURAH SAAD

SURAH KE

38

سُورَةُ صٓ

SURAH SAAD

Surah Saad

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

88

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 16)

صٓۚ وَٱلۡقُرۡءَانِ ذِي ٱلذِّكۡرِ ١

بَلِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فِي عِزَّةٖ وَشِقَاقٖ ٢

كَمۡ أَهۡلَكۡنَا مِن قَبۡلِهِم مِّن قَرۡنٖ فَنَادَواْ وَّلَاتَ حِينَ مَنَاصٖ ٣

وَعَجِبُوٓاْ أَن جَآءَهُم مُّنذِرٞ مِّنۡهُمۡۖ وَقَالَ ٱلۡكَٰفِرُونَ هَٰذَا

سَٰحِرٞ كَذَّابٌ ٤

أَجَعَلَ ٱلۡأٓلِهَةَ إِلَٰهٗا وَٰحِدًاۖ إِنَّ هَٰذَا لَشَيۡءٌ عُجَابٞ ٥

وَٱنطَلَقَ ٱلۡمَلَأُ مِنۡهُمۡ أَنِ ٱمۡشُواْ وَٱصۡبِرُواْ عَلَىٰٓ ءَالِهَتِكُمۡۖ

إِنَّ هَٰذَا لَشَيۡءٞ يُرَادُ ٦

مَا سَمِعۡنَا بِهَٰذَا فِي ٱلۡمِلَّةِ ٱلۡأٓخِرَةِ إِنۡ هَٰذَآ إِلَّا ٱخۡتِلَٰقٌ ٧

"Saad, demi Al-Qur'an yang mengandungi peringatan (1). Sebenarnya orang-orang yang kafir berada di dalam keangkuhan dan permusuhan yang sengit (2). Berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka? Lalu mereka meminta pertolongan sedangkan waktu itu bukanlah waktu yang dapat melarikan diri (3). Dan mereka merasa hairan kerana mereka di datangi seorang rasul dari kalangan mereka yang memberi amaran, dan berkatalah orang-orang kafir: Orang ini adalah seorang ahli sihir yang banyak berdusta (4). Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang amat menghairankan (5). Lalu keluarlah pemimpin-pemimpin dari mereka (seraya berkata): Jalani terus agama kamu dan bersabarlah menyembah tuhan-tuhan kamu, kerana (da'wah tauhid) ini adalah suatu perkara yang dikehendaki (di sebaliknya satu tujuan yang lain) (6). Kami tidak pernah mendengar (da'wah tauhid) ini di dalam agama yang terakhir (Kristian). Ini tiada lain melainkan hanya suatu pembohongan semata-mata" (7).

أَءُنزِلَ عَلَيۡهِ ٱلذِّكۡرُ مِنۢ بَيۡنِنَاۚ بَلۡ هُمۡ فِي شَكّٖ مِّن ذِكۡرِيۚ بَل

لَّمَّا يَذُوقُواْ عَذَابِ ٨

أَمۡ عِندَهُمۡ خَزَآئِنُ رَحۡمَةِ رَبِّكَ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡوَهَّابِ ٩

أَمۡ لَهُم مُّلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَاۖ فَلۡيَرۡتَقُواْ

فِي ٱلۡأَسۡبَٰبِ ١٠

جُندٞ مَّا هُنَالِكَ مَهۡزُومٞ مِّنَ ٱلۡأَحۡزَابِ ١١

كَذَّبَتۡ قَبۡلَهُمۡ قَوۡمُ نُوحٖ وَعَادٞ وَفِرۡعَوۡنُ ذُو ٱلۡأَوۡتَادِ ١٢

وَثَمُودُ وَقَوۡمُ لُوطٖ وَأَصۡحَٰبُ لۡـَٔيۡكَةِۚ أُوْلَٰٓئِكَ

ٱلۡأَحۡزَابُ ١٣

إِن كُلٌّ إِلَّا كَذَّبَ ٱلرُّسُلَ فَحَقَّ عِقَابِ ١٤

وَمَا يَنظُرُ هَٰٓؤُلَآءِ إِلَّا صَيۡحَةٗ وَٰحِدَةٗ مَّا لَهَا مِن فَوَاقٖ ١٥

وَقَالُواْ رَبَّنَا عَجِّل لَّنَا قِطَّنَا قَبۡلَ يَوۡمِ ٱلۡحِسَابِ ١٦

"Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kamu semua? Sebenarnya mereka berada di dalam keraguan terhadap kitab suci-Ku, sebenarnya mereka belum lagi merasa 'azab-Ku (8). Apakah mereka mempunyai khazanah-khazanah rahmat Tuhanmu Yang Maha Perkasa dan Maha Pengurnia? (9) Atau apakah mereka memiliki kerajaan langit, bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya. (Jika ada), maka hendaklah mereka naik melalui jalan-jalan (ke langit) (10). Mereka hanya sepasukan tentera kerdil yang kalah di sana yang terdiri dari berbagai-bagai kumpulan (11). Sebelum mereka, kaum Nuh, 'Ad dan Fir'aun yang memiliki bangunan-bangunan Ahram laksana pasak-pasak bumi itu telah pun mendustakan (rasul-rasul mereka) (12). Juga Thamud, kaum Lut dan penduduk Aykah, merekalah kumpulan-kumpulan (penentang Rasul) (13). Tiada satu pun dari kaum-kaum itu melainkan semuanya telah mendustakan para rasul dan kerana itu (mereka) telah ditimpa balasan 'azab (14). Dan tiada yang ditunggu mereka melainkan hanya satu pekikan yang kuat, yang tidak terlewat sedikit pun (15). Dan mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Segerakanlah bahagian balasan yang diperuntukkan kepada kami sebelum tibanya hari Hisab."(16)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini ialah Surah Makkiyah yang membicarakan sebahagian dari maudhu'-maudhu' Surah-surah Makkiyah iaitu persoalan tauhid, persoalan wahyu kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan persoalan hisab di Akhirat. Ketiga-tiga persoalan itu telah dibentangkan di permulaan surah ini sebagai ayat-ayat pusingannya yang pertama, iaitu, ayat-ayat yang menggambarkan rasa hairan, pelik dan terkejut dari pembesar-pembesar kaum Musyrikin di Makkah apabila mereka menerima da'wah Nabi s.a.w. yang mengajak mereka mentauhidkan Allah. Ayat-ayat itu juga menerangkan kepada mereka kisah wahyu dan kisah beliau dipilih menjadi utusan dari Allah:

وَعَجِبُوٓاْ أَن جَآءَهُم مُّنذِرٞ مِّنۡهُمۡۖ وَقَالَ ٱلۡكَٰفِرُونَ هَٰذَا سَٰحِرٞ كَذَّابٌ ﴿٤﴾

أَجَعَلَ ٱلۡأٓلِهَةَ إِلَٰهٗا وَٰحِدًاۖ إِنَّ هَٰذَا لَشَيۡءٌ عُجَابٞ ﴿٥﴾

وَٱنطَلَقَ ٱلۡمَلَأُ مِنۡهُمۡ أَنِ ٱمۡشُواْ وَٱصۡبِرُواْ عَلَىٰٓ ءَالِهَتِكُمۡۖ إِنَّ هَٰذَا لَشَيۡءٞ يُرَادُ ﴿٦﴾

مَا سَمِعۡنَا بِهَٰذَا فِي ٱلۡمِلَّةِ ٱلۡأٓخِرَةِ إِنۡ هَٰذَآ إِلَّا ٱخۡتِلَٰقٌ ﴿٧﴾

أَءُنزِلَ عَلَيۡهِ ٱلذِّكۡرُ مِنۢ بَيۡنِنَاۚ

"Dan mereka merasa hairan kerana mereka di datangi seorang rasul dari kalangan mereka yang memberi amaran, dan berkatalah orang-orang kafir: Orang ini adalah seorang ahli sihir yang banyak berdusta (4). Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang amat menghairankan (5). Lalu keluarlah pemimpin-pemimpin dari mereka (seraya berkata): Jalani terus agama kamu dan bersabarlah menyembah tuhan-tuhan kamu, kerana (da'wah tauhid) ini adalah suatu perkara yang dikehendaki (di sebaliknya satu tujuan yang lain).(6) Kami tidak pernah mendengar (da'wah tauhid) ini di dalam agama yang terakhir (Kristian). Ini tiada lain melainkan hanya suatu pembohongan semata-mata.(7) Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kami semua?"(8)

Begitu juga ayat-ayat itu menggambarkan ejekan dan sendaan mereka terhadap janji 'azab yang diancamkan kepada mereka sebagai balasan kepada pembohongan mereka:

وَقَالُواْ رَبَّنَا عَجِّل لَّنَا قِطَّنَا قَبۡلَ يَوۡمِ ٱلۡحِسَابِ ﴿١٦﴾

"Dan mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Segerakanlah bahagian balasan yang diperuntukkan kepada kami sebelum tibanya hari Hisab."(16)

Mereka merasa terlalu banyak apabila Allah S.W.T. memilih salah seorang dari kalangan mereka untuk diturunkan kepadanya kitab suci dan lebih-lebih lagi apabila orang itu ialah Muhammad ibn Abdullah seorang yang belum pernah menjadi ketua dan pemimpin mereka. Oleh kerana itu Allah menyoal mereka di permulaan surah berikutan dengan kecaman mereka mengenai perkara ini iaitu ketika mereka berkata:

أَءُنزِلَ عَلَيۡهِ ٱلذِّكۡرُ مِنۢ بَيۡنِنَاۚ

"Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kami semua?"(8)

Allah menyoal mereka:

أَمۡ عِندَهُمۡ خَزَآئِنُ رَحۡمَةِ رَبِّكَ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡوَهَّابِ ﴿٩﴾

أَمۡ لَهُم مُّلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَاۖ فَلۡيَرۡتَقُواْ فِي ٱلۡأَسۡبَٰبِ ﴿١٠﴾

"Apakah mereka mempunyai khazanah-khazanah rahmat Tuhanmu Yang Maha Perkasa dan Maha Pengurnia? (9) Atau apakah mereka memiliki kerajaan langit, bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya. (Jika ada), maka hendaklah mereka naik melalui jalan-jalan (ke langit)."(10)

Allah mengatakan kepada mereka bahawa rahmat Allah itu tidak dapat ditahan oleh sesuatu apa pun apabila Allah mahu mengurniakannya kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan manusia tidak memiliki sesuatu apa pun dalam kerajaan langit dan bumi. Allah mengurniakan rezeki dan rahmat-Nya kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Allah memilih dari kalangan hamba-hamba-Nya sesiapa yang wajar menerima rahmat kebajikan itu. Allah mengurniakan kepada mereka berbagai-bagai ni'mat tanpa ikatan, tanpa batas dan tanpa Hisab. Dalam penerangan ini dibawa pula kisah Daud dan kisah Sulaiman yang telah dikurniakan ni'mat menjadi Nabi dan ni'mat menjadi pemerintah, juga ni'mat kemudahan menundukkan gunung-ganang, unggas, jin dan angin di samping ni'mat memegang kerajaan, memiliki perbendaharaan-perbendaharaan bumi, kekuasaan dan kesenangan.

Di samping semua ni'mat-ni'mat itu, kedua-duanya tetap merupakan manusia seperti manusia-manusia yang lain belaka. Kedua-duanya telah dilanda kelemahan-kelemahan manusia, lalu Allah menolong mereka dengan rahmat dan ri'ayah-Nya yang dapat menutupkan kelemahan mereka. Allah menerima taubat mereka dan membetulkan jejak langkah mereka di jalan menuju kepada Allah.

Di dalam dua kisah ini terdapat arahan Ilahi menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya beliau bersabar menghadapi tentangan para pendusta dan supaya beliau sentiasa mengharapkan limpah kurnia Allah dan ri'ayah-Nya sebagaimana yang digambar oleh kisah Daud dan Sulaiman itu:

ٱصۡبِرۡ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَٱذۡكُرۡ عَبۡدَنَا دَاوُۥدَ ذَا ٱلۡأَيۡدِۖ إِنَّهُۥٓ أَوَّابٌ ﴿١٧﴾

"(Wahai Muhammad!) Sabarlah terhadap apa sahaja yang dikatakan mereka, dan kenangkanlah hamba Kami Daud yang mempunyai kekuatan-kekuatan, sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah."(17)

Hingga akhir kisah keduanya.

Begitu juga Al-Qur'an membawa kisah Ayyub yang menggambarkan bagaimana Allah menguji hamba-hamba-Nya yang terpilih dengan kesusahan dan bagaimana Ayyub telah memperlihatkan satu contoh kesabaran yang amat tinggi, juga menggambarkan bagaimana Ayyub mendapat kesudahan yang baik, bagaimana beliau dilimpahkan Allah dengan rahmat-Nya dan bagaimana kesakitan dan penderitaannya diusapkan tangan rahmat Ilahi Yang Maha Penyayang. Kisah ini dibawa untuk menghiburkan Rasulullah s.a.w. dan para Mu'minin yang sedang menderita di kota Makkah, juga untuk menunjukkan adanya rahmat yang melimpah-ruah dari khazanah-khazanah Allah di sebalik ujian itu apabila dikehendaki-Nya.

Kisah-kisah ini mengambil ruang yang terbesar dari surah ini selepas ayat-ayat muqaddimah, dan ia merupakan pusingan yang kedua dari surah ini.

Begitu juga surah ini memuat jawapan terhadap permintaan kaum Musyrikin supaya disegerakan 'azab yang dijanjikan kepada mereka:

وَقَالُوا رَبَّنَا عَجِّل لَّنَا قِطَّنَا قَبْلَ يَوْمِ الْحِسَابِ ﴿١٦﴾

"Dan mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Segerakanlah bahagian balasan yang diperuntukkan kepada kami sebelum tibanya hari Hisab."(16)

Dan selepas mengemukakan kisah-kisah itu ditayangkan pula satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat, iaitu pemandangan yang menggambarkan ni'mat-ni'mat yang menunggu para Muttaqin dan balasan Neraka yang menunggu para pendusta. Pemandangan itu juga mendedahkan kemantapan nilai-nilai yang hakiki di Akhirat di antara dua golongan itu apabila orang-orang kafir yang angkuh itu melihat nasib kesudahan mereka dan nasib kesudahan para Mu'minin yang miskin dan lemah yang diejek-ejek dan dihinakan mereka di dunia, iaitu orang-orang yang telah dianggapkan mereka sebagai terlalu banyak untuk menerima rahmat Allah kerana mereka bukannya dari golongan tokoh-tokoh orang besar. Sementara para Muttaqin mendapat tempat kembali yang amat baik:

جَنَّاتِ عَدْنٍ مُّفَتَّحَةً لَّهُمُ الْأَبْوَابُ ﴿٥٠﴾

مُتَّكِئِينَ فِيهَا يَدْعُونَ فِيهَا بِفَاكِهَةٍ كَثِيرَةٍ وَشَرَابٍ ﴿٥١﴾

وَعِندَهُمْ قَاصِرَاتُ الطَّرْفِ أَتْرَابٌ ﴿٥٢﴾

"Iaitu Syurga-syurga 'Adni yang terbuka segala pintu-pintunya untuk mereka (50). Mereka (beristirehat) bersandar di atas takhta-takhta di dalam Syurga sambil meminta berbagai-bagai buah-buahan dan minuman (51). Dan di samping mereka bidadari-bidadari yang menumpukan pandangan kepada mereka sahaja dan sebaya pula umurnya."(52)

Sementara para manusia pelampau mendapat tempat kembali yang amat buruk:

جَهَنَّمَ يَصْلَوْنَهَا فَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿٥٦﴾

هَٰذَا فَلْيَذُوقُوهُ حَمِيمٌ وَغَسَّاقٌ ﴿٥٧﴾

وَآخَرُ مِن شَكْلِهِ أَزْوَاجٌ ﴿٥٨﴾

"Iaitu Neraka yang akan mereka masukinya, maka itulah seburuk-buruk tempat kembali (56). Inilah 'azab seksa, maka hendaklah mereka rasakannya, iaitu air yang amat panas dan air danur (57). Dan (di sana) terdapat berbagai-bagai 'azab yang lain yang serupa dengannya pula."(58)

Mereka bergaduh, bertengkar dan saling mengutuk satu sama lain di dalam Neraka, dan mereka teringat bagaimana mereka mengejek dan mempersenda-sendakan orang-orang yang beriman:

وَقَالُوا مَا لَنَا لَا نَرَىٰ رِجَالًا كُنَّا نَعُدُّهُم مِّنَ الْأَشْرَارِ ﴿٦٢﴾

أَتَّخَذْنَاهُمْ سِخْرِيًّا أَمْ زَاغَتْ عَنْهُمُ الْأَبْصَارُ ﴿٦٣﴾

"Dan mereka berkata. (sesama mereka) mengapa kita tidak nampak orang-orang yang dahulunya kita kirakan mereka sebagai orang-orang yang jahat (62). Yang kita jadikan mereka sebagai bahan ejekan atau mata kita sahaja yang tidak nampak mereka?"(63)

Mereka tidak dapat menemui orang-orang itu di dalam Neraka. Rupa-rupanya orang-orang itu berada di dalam Syurga sana. Inilah jawapan terhadap perbuatan mereka yang meminta disegerakan 'azab dan perbuatan mereka yang suka mengejek.

Pemandangan ini merupakan pusingan yang ketiga dari surah ini.

Begitu juga Al-Qur'an menjawab keingkaran mereka terhadap wahyu yang disampaikan Rasulullah s.a.w. kepada mereka. Jawapan itu terkandung di dalam kisah Adam di alam Al-Mala'ul-A'la, Rasulullah s.a.w. tidak hadir sendiri di sana, malah kisah yang berlaku di sana itu hanya diberitahu Allah kepada beliau, iaitu kisah yang tidak disaksikan oleh mana-mana manusia selain Adam. Dari kisah ini ternyata bahawa yang merosakkannya Iblis, dan yang menyebabkan Iblis diusir dan dikutuk ialah kedengkiannya kepada Adam a.s. dan sikapnya yang merasa terlalu banyak apabila Allah memilih dan mengutamakan Adam daripadanya. Samalah dengan kaum Musyrikin yang merasa terlalu banyak apabila Allah memilih dari kalangan mereka Muhammad s.a.w. untuk diturunkan kitab suci kepadanya. Sikap yang diambil mereka adalah sama dengan sikap yang diambil Iblis yang terusir dan terkutuk itu.

Surah ini berakhir dengan tamatnya pusingan yang keempat dan terakhir ini, iaitu ditamatkan dengan

satu kenyataan Rasulullah s.a.w. kepada kaum Musyrikin bahawa da'wah beliau kepada mereka bukanlah terbit daripada dirinya sendiri, dan beliau tidak meminta apa-apa upah dari da'wah itu dan da'wah itu mempunyai masa depan yang amat agung yang akan lahir tidak lama lagi:

قُلْ مَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُتَكَلِّفِينَ ﴿٨٦﴾

إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿٨٧﴾

وَلَتَعْلَمُنَّ نَبَأَهُۥ بَعْدَ حِينٍۭ ﴿٨٨﴾

"(Wahai Muhammad!) katakanlah: Aku tidak meminta sebarang upah dari kamu dan aku bukanlah dari orang-orang yang mengada-ngada (86). (Al-Qur'an) itu tidak lain melainkan peringatan kepada semesta alam (87). Dan demi sesungguhnya kamu akan mengetahui (kebenaran) berita Al-Qur'an itu tidak lama lagi."(88)

* * * * * *

Keempat-empat pusingan yang memperkatakan maudhu'-maudhu' surah ini telah membawa hati manusia mengembara untuk meninjau kisah-kisah kebinasaan umat-umat yang terdahulu yang bertindak melampau, bermaharajalela dan menunjukkan lagak yang sombong terhadap para rasul dan orang-orang Mu'min, kemudian seluruh mereka berakhir dengan kekalahan, kehancuran dan kekecewaan:

جُندٌ مَّا هُنَالِكَ مَهْزُومٌ مِّنَ ٱلْأَحْزَابِ ﴿١١﴾

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ وَعَادٌ وَفِرْعَوْنُ ذُو ٱلْأَوْتَادِ ﴿١٢﴾

وَثَمُودُ وَقَوْمُ لُوطٍ وَأَصْحَٰبُ لْـَٔيْكَةِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلْأَحْزَابُ ﴿١٣﴾

إِن كُلٌّ إِلَّا كَذَّبَ ٱلرُّسُلَ فَحَقَّ عِقَابِ ﴿١٤﴾

"Mereka hanya sepasukan tentera kerdil yang kalah di sana yang terdiri dari berbagai-bagai kumpulan (11). Sebelum mereka, kaum Nuh, 'Ad dan Fir'aun yang memiliki bangunan-bangunan Ahram laksana pasak-pasak bumi itu telah pun mendustakan (rasul-rasul mereka) (12). Juga Thamud, kaum Lut dan penduduk Aykah, merekalah kumpulan-kumpulan (penentang Rasul) (13). Tiada satu pun dari kaum-kaum itu melainkan semuanya telah mendustakan para rasul dan kerana itu (mereka) telah ditimpa balasan 'azab.(14)

Lembaran kisah kekalahan, kehancuran dan kebinasaan para pemerintah yang zalim, dan pendusta ini ditayangkan kepada hati manusia, kemudian ditayangkan pula lembaran kisah kemuliaan, kedudukan yang kukuh, rahmat dan ri'ayah Allah terhadap hamba-hamba-Nya yang terpilih di dalam kisah-kisah Daud, Sulaiman dan Ayyub.

Kisah kedua-dua golongan itu adalah berlaku di bumi ini, kemudian Al-Qur'an membawa hati manusia menjelajahi hari Qiamat dan meninjau di sebaliknya pemandangan Syurga yang penuh ni'mat dan keredhaan, juga pemandangan-pemandangan Neraka dan kemurkaan. Di sana mereka dapat melihat satu jenis balasan yang lain yang akan diterima kedua-dua golongan di alam Akhirat yang kekal abadi setelah mereka menerima balasan masing-masing di alam dunia yang fana.

Pengembaraan yang akhir ialah dalam kisah Adam manusia yang pertama yang dengki dan digodakan oleh syaitan musuhnya yang pertama, dialah yang memimpin langkah-langkah manusia yang sesat dengan sengaja dan penuh azam, sedangkan manusia lalai dan tidak sedar.

Demikian juga terdapat di celah-celah kisah-kisah itu satu pernyataan yang menarik dan menyentuh hati manusia serta menyedarkannya terhadap kebenaran yang wujud dalam penciptaan langit dan bumi. Itulah kebenaran yang dikehendaki Allah dengan mengutuskan para rasul supaya menerangkannya kepada manusia:

وَمَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَآءَ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بَٰطِلًا ۚ

"Dan Kami tidak ciptakan langit, bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya suatu perkara yang batil."(27)

Inilah satu pernyataan yang menarik yang banyak terdapat seumpamanya di dalam Al-Qur'an. Pernyataan ini merupakan satu hakikat semulajadi dari hakikat-hakikat 'aqidah Islam yang menjadi bahan pembicaraan pokok Surah-surah Makkiyah.

Sekarang marilah kita tafsirkan dengan terperinci.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

صٓ ۚ وَٱلْقُرْءَانِ ذِى ٱلذِّكْرِ ﴿١﴾

بَلِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فِى عِزَّةٍ وَشِقَاقٍ ﴿٢﴾

كَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَبْلِهِم مِّن قَرْنٍ فَنَادَوا۟ وَّلَاتَ حِينَ مَنَاصٍ ﴿٣﴾

"Saad, demi Al-Qur'an yang mengandungi peringatan (1). Sebenarnya orang-orang yang kafir berada di dalam keangkuhan dan permusuhan yang sengit (2). Berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka? Lalu mereka meminta pertolongan sedangkan waktu itu bukanlah waktu yang dapat melarikan diri."(3)

Allah bersumpah dengan huruf (ص) **"Saad"** dan dengan **"Al-Qur'an yang mengandungi peringatan"**. Huruf ini adalah dari ciptaan Allah Ta'ala. Allah mengadakan huruf itu dalam bentuk bunyi dalam kerongkong manusia dan dalam bentuk huruf hijai'iyah yang membentuk ayat-ayat Al-Qur'an. Huruf-huruf itu boleh disusun oleh manusia, tetapi Al-Qur'an tidak dapat disusun oleh mereka kerana Al-Qur'an adalah dari gubahan Allah semata-mata. Al-Qur'an mengandungi gubahan Allah, iaitu gubahan yang tidak dapat ditiru manusia sama ada di dalam

Al-Qur'an atau lain dari Al-Qur'an. Bunyi huruf **"saad"** ini dikeluarkan oleh kerongkong manusia. Kebolehan manusia mengeluarkan bunyi huruf itu dari kerongkongnya adalah dengan kudrat Allah yang telah menciptakan kerongkong itu dan segala bunyi yang dikeluarkannya. Manusia tidak berkuasa menciptakan kerongkong yang seperti ini yang dapat mengeluarkan berbagai-bagai bunyi dan suara. Ia merupakan satu anggota mu'jizat andainya manusia mengamati dan memahami kejadian-kejadian mu'jizat dalam setiap bahagian anggota kejadian diri mereka sendiri. Andainya mereka memahaminya tentulah mereka tidak hairan kepada wahyu yang diturunkan Allah kepada seseorang manusia yang dipilih dari kalangan mereka, kerana wahyu bukanlah suatu perkara yang lebih aneh dari ciri-ciri mu'jizat yang terdapat pada anggota-anggota kejadian diri mereka sendiri.

صٓ وَٱلۡقُرۡءَانِ ذِي ٱلذِّكۡرِ ١

"Saad, demi Al-Qur'an yang mengandungi peringatan."(1)

Al-Qur'an mengandungi peringatan atau az-Zikr di samping mengandungi perundangan, kisah-kisah dan didikan-didikan, tetapi peringatan dan penumpuan arah tujuan kepada Allah itulah matlamat yang pertama. Ia merupakan hakikat yang utama di dalam Al-Qur'an, sedangkan perundangan, kisah-kisah dan lainnya hanya merupakan sebahagian dari peringatan ini sahaja. Semuanya mengingatkan kepada Allah dan membimbing hati manusia kepada Allah di dalam Al-Qur'an ini. Mungkin juga "ذي الذكر" itu dimaksudkan dengan makna "yang tersebut dan termasyhur". Ini juga satu sifat semulajadi Al-Qur'an:

بَلِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فِي عِزَّةٖ وَشِقَاقٖ ٢

"Sebenarnya orang-orang yang kafir berada di dalam keangkuhan dan permusuhan yang sengit."(2)

Sikap Kaum Musyrikin Terhadap Al-Qur'an

Peralihan pembicaraan secara mendadak ini menarikkan perhatian. Ia kelihatan seolah-olah putus dari pembicaraan yang pertama, iaitu pembicaraan mengenai sumpah dengan (ص) **"Saad"** dan dengan Al-Qur'an **"Ziz-zikri"**(ذي الذكر). Pembicaraan mengenai sumpah ini belum lagi selesai, kerana perkara yang dipersumpahkan itu belum lagi disebut. Al-Qur'an hanya berpada dengan menyebut sumpah sahaja kemudian ia terus bercakap mengenai kaum Musyrikin dan sifat-sifat mereka yang angkuh dan berseteru, tetapi sebenarnya pembicaraan ini hanya pada lahir sahaja nampak terputus, malah ia lebih menarikkan perhatian kepada persoalan selepas itu. Apabila Allah bersumpah dengan (ص) **"Saad"** dan dengan Al-Qur'an ziz-zikri, maka dengan sendirinya menunjukkan bahawa Al-Qur'an itu adalah suatu perkara yang amat besar yang wajar bagi Allah S.W.T. bersumpah dengannya. Kemudian di samping menerangkan hakikat ini ia mendedahkan pula sifat kaum Musyrikin yang angkuh dan sikap mereka yang menentang dan memusuhi Al-Qur'an. Di sini jelaslah bahawa persoalan yang dibicarakan itu adalah satu persoalan yang sama sebelum dan selepas dibuat peralihan pembicaraan dengan kata-kata "بل" atau "sebenarnya". Uslub peralihan pembicaraan yang seperti ini dapat menarikkan perhatian yang lebih besar supaya memperhatikan perbezaan yang jauh di antara pandangan Allah yang amat tinggi terhadap Al-Qur'an ini dengan pandangan kaum Musyrikin yang angkuh dan berseteru terhadap Al-Qur'an. Ini adalah satu perkara yang amat besar.

Selepas menyebut, sikap kaum Musyrikin yang angkuh dan berseteru itu diiringi pula dengan membentangkan sejarah kebinasaan dan kehancuran umat-umat sebelum mereka yang telah mendusta rasul-rasul, berlagak sombong dan berseteru seperti mereka. Al-Qur'an menayangkan pemandangan umat itu sedang memohon pertolongan tetapi mereka tidak diberi pertolongan. Hilanglah kesombongan mereka dan mulalah mereka merasa hina-dina. Hilanglah perseteruan mereka dan mulalah mereka meminta kasihan belas, tetapi masanya telah luput:

كَمۡ أَهۡلَكۡنَا مِن قَبۡلِهِم مِّن قَرۡنٖ فَنَادَواْ وَّلَاتَ حِينَ مَنَاصٖ ٣

"Berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka? Lalu mereka meminta pertolongan sedangkan waktu itu bukanlah waktu yang dapat melarikan diri."(3)

Semoga kaum Musyrikin yang membaca sejarah umat-umat ini merendahkan sikap mereka yang angkuh itu dan mengubahkan sikap perseteruan mereka. Dan semoga mereka meletakkan diri mereka dalam peristiwa umat-umat itu yang sedang berseru memohon pertolongan, kerana mereka sekarang masih mempunyai peluang yang luas sebelum berlaku peristiwa seperti itu kepada mereka, iaitu peristiwa 'azab yang tidak memberi jalan keluar dan tidak memberi ruang untuk dipohon pertolongan dan kelepasan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 7)

Al-Qur'an mengetuk hati kaum Musyrikin dengan kisah kebinasaan itu sebelum ia menghuraikan sikap mereka yang angkuh dan berseteru itu. Kemudian barulah ia, menjelaskan keadaan mereka dan menceritakan tindak-tanduk mereka yang sombong dan berseteru itu:

وَعَجِبُوٓاْ أَن جَآءَهُم مُّنذِرٞ مِّنۡهُمۡۖ وَقَالَ ٱلۡكَٰفِرُونَ هَٰذَا سَٰحِرٞ كَذَّابٌ ٤

أَجَعَلَ ٱلۡأٓلِهَةَ إِلَٰهٗا وَٰحِدًاۖ إِنَّ هَٰذَا لَشَيۡءٌ عُجَابٞ ٥

وَٱنطَلَقَ ٱلۡمَلَأُ مِنۡهُمۡ أَنِ ٱمۡشُواْ وَٱصۡبِرُواْ عَلَىٰٓ ءَالِهَتِكُمۡۖ

إِنَّ هَٰذَا لَشَيْءٌ يُرَادُ ۝٦

مَا سَمِعْنَا بِهَٰذَا فِي الْمِلَّةِ الْآخِرَةِ إِنْ هَٰذَا إِلَّا اخْتِلَاقٌ ۝٧

"Dan mereka merasa hairan kerana mereka didatangi seorang rasul dari kalangan mereka yang memberi amaran, dan berkatalah orang-orang kafir: Orang ini adalah seorang ahli sihir yang banyak berdusta (4). Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang amat menghairankan (5). Lalu keluarlah pemimpin-pemimpin dari mereka (seraya berkata): Jalani terus agama kamu dan bersabarlah menyembah tuhan-tuhan kamu, kerana (da'wah tauhid) ini adalah suatu perkara yang dikehendaki (di sebaliknya satu tujuan yang lain) (6). Kami tidak pernah mendengar (da'wah tauhid) ini di dalam agama yang terakhir (Kristian). Ini tiada lain melainkan hanya suatu pembohongan semata-mata."(7)

Sifat-sifat mereka yang angkuh dan berseteru itu dapat dilihat pada perkataan-perkataan mereka yang berikut:

أءنزل عليه الذكر من بيننا

"Apakah patut kitab suci Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara Kami semua?" (8)

أجعل الآلهة إلهاً واحداً

"Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja?" (5)

ما سمعنا بهذا في الملة الآخرة

"Kami tidak pernah mendengar (da'wah tauhid) ini dalam agama yang terakhir (Kristian)." (7)

هذا إلا ساحر كذاب

"Orang ini adalah seorang ahli sihir yang banyak berdusta." (4)

إن هذا إلا اختلاق

"Ini tidak lain, melainkan hanya suatu pembohongan semata-mata." (7)

Hikmat Rasul Dipilih Dari Makhluk Biasa

Kisah kehairanan dan keanehan manusia menjadi Rasul itu adalah suatu kisah lama yang berulang-ulang. Itulah alasan yang dikatakan oleh setiap umat sejak permulaan diutuskan para rasul. Allah mengutuskan Rasul-rasul itu berulang-ulang kali dari jenis manusia, namun manusia masih mengulang-gulangkan bantahan yang serupa:

وَعَجِبُوٓا۟ أَن جَآءَهُم مُّنذِرٌ مِّنْهُمْ

"Dan mereka merasa hairan kerana mereka di datangi seorang rasul dari kalangan mereka yang memberi amaran."(4)

Yang paling pasti dan paling dekat dengan hikmat kebijaksanaan dan logik Rasul itu dipilih dari jenis manusia ialah supaya Rasul itu dapat memahami bagaimana manusia berfikir dan merasa, juga supaya dia dapat merasa apa yang dirasai oleh jiwa mereka dan apa yang dialami mereka dari kelemahan dan kekurangan, juga supaya dia dapat memahami keinginan-keinginan dan kecenderungan-kecenderungan mereka, memahami usaha dan kerja yang dapat dibuat dan yang tidak dapat dibuat oleh mereka, memahami halangan-halangan dan rintangan-rintangan yang dihadapi mereka dan memahami segala sesuatu yang memberi kesan-kesan kepada mereka dan menimbulkan tindakbalas-tindakbalas dari mereka.

Rasul adalah seorang manusia yang hidup dalam masyarakat manusia supaya hidupnya menjadi contoh teladan kepada mereka, kerana mereka merasa dia adalah salah seorang dari mereka dan merasa bahawa di antara mereka dengan dia terdapat titik-titik keserupaan dan pertalian. Dengan demikian wajarlah mereka dituntut melaksanakan sistem hidup yang diikutinya dan diseru supaya mengikutinya. Mereka memang berupaya mengikut sistem hidup itu kerana sistem itu telah pun dihayatikan oleh seorang manusia seperti mereka, di alam kenyataan.

Rasul adalah seorang manusia dari kalangan mereka sendiri, dari generasi mereka dan sebahasa dengan mereka. Dia mengerti istilah-istilah, adat resam dan peraturan hidup mereka. Mereka pula tahu bahasa-bahasa dan memahami percakapannya. Mereka boleh bercakap-cakap dengannya dan kerana itu tidak ada sebarang jurang yang memisahkan di antara dia dan mereka kerana kelainan jenis atau kelainan bahasa atau kelainan tabi'at hidup atau peraturan-peraturan hidup.

Tetapi yang paling pasti dan paling dekat berlaku kepadanya ialah dia sentiasa menjadi sasaran kehairanan, kecaman dan pendustaan kerana mereka tidak memahami hikmat pemilihan ini di samping kesilapan mereka memahami tabi'at kerasulan. Sepatutnya mereka memahami kerasulan itu sebagai suatu kepimpinan manusia di alam kenyataan dalam perjalanan menuju kepada Allah, tetapi mereka memahaminya sebagai tokoh dongeng yang penuh diselubungi rahsia-rahsia yang tidak dapat difahami. Mereka mahukan Rasul seorang tokoh fantastik yang terbang melayang-layang dan tidak boleh disentuh oleh tangan, tidak boleh dilihat di dalam cahaya, tidak boleh difaham dengan jelas dan tidak hidup dalam dunia manusia. Ketika itulah mereka menerimanya sebagai tokoh dongeng yang kabur sebagaimana mereka menerima cerita-cerita dongeng yang menjadi bahan kepercayaan mereka yang karut marut.

Tetapi Allah mahukan umat manusia terutama di dalam risalah yang terakhir hidup dengan risalah ini dalam dunia kenyataan, iaitu hidup yang normal, lurus, bersih dan luhur, tetapi ia tetap merupakan hakikat di bumi ini, bukannya fantasi dan khayalan, bukannya sesuatu yang terbang melayang-layang di langit dongeng dan impian yang sukar direalisasikan atau sesuatu yang hilang dalam kabus-kabus khayal dan fantasi.

وَعَجِبُوٓا أَن جَآءَهُم مُّنذِرٌ مِّنْهُمْ وَقَالَ ٱلْكَٰفِرُونَ هَٰذَا
سَٰحِرٌ كَذَّابٌ ﴿٤﴾

"Dan mereka merasa hairan kerana mereka didatangi seorang rasul dari kalangan mereka yang memberi amaran, dan berkatalah orang-orang kafir: Orang ini adalah seorang ahli sihir yang banyak berdusta."(4)

Mereka berkata begitu kerana merasa mustahil Allah menurunkan wahyu kepada seorang lelaki dari kalangan mereka, juga dengan tujuan meliarkan orang ramai dari Nabi Muhammad s.a.w. dan menimbulkan fitnah terhadap kebenaran percakapannya dan kejujuran peribadinya yang terkenal itu.

Sebenarnya pembesar-pembesar Quraysy itu sendiri tidak pernah percaya walau sesa'at pun ketika mereka menuduh Nabi Muhammad s.a.w. yang sangat dikenali mereka itu sebagai ahli sihir dan pendusta, malah tuduhan itu semata-mata digunakan mereka sebagai senjata untuk menimbulkan fitnah dan kekeliruan atau sebagai senjata perang tipudaya untuk mempertahankan diri mereka dan kedudukan mereka dari bahaya kebenaran 'aqidah Islam yang menggoncangkan nilai-nilai palsu dan peraturan-peraturan yang karut yang menjadi sandaran-sandaran para pembesar itu.

Sebelum ini kami telah pun menceritakan peristiwa persetujuan yang telah dicapai oleh pembesar-pembesar Quraysy untuk digunakan dalam perang propaganda menentang Nabi Muhammad s.a.w. dan agama yang benar yang dibawa beliau dengan tujuan untuk melindungi diri dan kedudukan mereka di kalangan orang ramai Makkah, juga untuk menghalangkan qafilah-qafilah yang berkunjung ke Makkah di musim Haji dari agama yang baru dan dari penda'wahnya Rasulullah s.a.w. Di sini sekali lagi kami ceritakan peristiwa itu.

Ujar Ibn 'Ishaq: Sekumpulan orang-orang Quraysy telah berkumpul pada al-Walid ibn al-Mughirah sebagai seorang tua di kalangan mereka. Waktu itu musim keramaian Haji telah pun tiba lalu dia berkata kepada mereka: "Wahai orang-orang Quraysy! Musim keramaian telah pun tiba dan rombongan-rombongan orang-orang Arab akan datang kepada kamu dan tentulah mereka telah mendengar cerita kawan kamu ini (Muhammad). Oleh itu hendaklah kamu mengeluarkan satu pendapat sahaja mengenainya, janganlah kamu mengeluarkan pendapat yang berlainan hingga menyebabkan kamu mendustakan satu sama lain dan membantah perkataan kamu sesama sendiri."Mereka pun berkata: "Wahai Abu Abdu Syams! Tolong katakan dan berikan kami satu pendapat supaya kami dapat katakannya." Lalu dijawabnya: "Bahkan kamulah yang patut mengeluarkan pendapat-pendapat kamu dan biarkan aku mendengarnya". Jawab mereka: "Kita katakan dia itu kahin". Jawabnya: "Tidak, demi Allah dia bukan kahin, kerana kita semua telah melihat kahin-kahin, tetapi dia tidak mengeluarkan jampi mentera kahin dan madah-madah yang bersajak-sajak seperti madah kahin". Mereka berkata lagi: "Kita katakan dia itu gila". Jawabnya: "Dia bukannya gila kerana kita semua melihat dan mengetahui siapa orang gila. Dia tidak pernah menunjukkan sifat-sifat meradang, memberang, mengarut dan was-was seperti yang ditunjukkan oleh orang gila". Mereka berkata pula: "Baiklah kita katakan dia itu penyair". Jawabnya "Tidak, dia bukan seorang penyair. Kita semua tahu segala ragam syair, tetapi perkataan-perkataannya bukan perkataan-perkataan syair." Mereka berkata lagi: "Kita katakan dia ahli sihir". Jawabnya: "Tidak, dia juga bukan ahli sihir kerana kita pernah tengok ahli-ahli sihir dan jenis-jenis sihir yang ditunjukkan mereka. Dia tidak menghembus dan tidak menyimpul-nyimpulkan tali-tali ikatan seperti mereka". Kata mereka: "Jadi, apa yang patut kita katakan, wahai Abu Abdu Syams?" Jawabnya: "Perkataan-perkataannya sungguh manis, ibarat pokok batangnya bercabang-cabang rimbun dan dahan-dahannya berbuah lebat. Apa sahaja tuduhan-tuduhan seperti ini yang kamu katakan kepadanya, maka semuanya akan diketahui orang sebagai tuduhan-tuduhan yang tidak betul belaka. Pendapat yang lebih hampir tepat dengannya ialah dia itu ahli sihir, kerana dia mengeluarkan perkataan-perkataan yang boleh memecahbelahkan di antara anak dan bapa, di antara seseorang dengan saudaranya, di antara suami dengan isterinya dan di antara seseorang dengan keluarganya." Mereka pun bersurai setelah bersetuju dengan pendapat ini. Lalu mereka duduk menunggu di jalan-jalan yang dilalui orang ramai ketika mereka datang berkunjung di musim keramaian itu. Tiada seorang yang lalu menemui mereka di situ melainkan mereka memperingatkannya supaya berwaspada terhadap Muhammad dan mereka menceritakan hainya kepada setiap orang yang datang itu.

Demikianlah cerita pembesar-pembesar Quraysy dengan perkataan-perkataan mereka menuduh Rasulullah s.a.w. sebagai ahli sihir dan pendusta. Mereka tahu bahawa apa yang dikatakan mereka adalah bohong belaka. Mereka benar-benar tahu bahawa Rasulullah s.a.w. bukannya ahli sihir dan bukan pula seorang pembohong.

Mereka juga hairan kerana beliau menyeru mereka menyembah Allah Yang Maha Esa, sedangkan seruan inilah yang paling benar dan paling wajar disebut:

أَجَعَلَ ٱلْآلِهَةَ إِلَٰهًا وَٰحِدًا إِنَّ هَٰذَا لَشَيْءٌ عُجَابٌ ﴿٥﴾
وَٱنطَلَقَ ٱلْمَلَأُ مِنْهُمْ أَنِ ٱمْشُوا وَٱصْبِرُوا عَلَىٰٓ ءَالِهَتِكُمْ
إِنَّ هَٰذَا لَشَيْءٌ يُرَادُ ﴿٦﴾
مَا سَمِعْنَا بِهَٰذَا فِى ٱلْمِلَّةِ ٱلْآخِرَةِ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا ٱخْتِلَٰقٌ ﴿٧﴾

"Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang amat menghairankan (5). Lalu keluarlah pemimpin-pemimpin dari mereka (seraya berkata): Jalani terus agama kamu dan bersabarlah menyembah tuhan-tuhan kamu, kerana (da'wah tauhid) ini adalah suatu perkara yang dikehendaki (di sebaliknya satu tujuan yang lain) (6). Kami tidak pernah mendengar (da'wah tauhid) ini di dalam agama yang terakhir (Kristian). Ini tiada lain melainkan hanya suatu pembohongan semata-mata."(7)

Al-Qur'an menggambarkan kehairanan mereka terhadap hakikat semulajadi yang amat mudah itu:

أَجَعَلَ ٱلْـَٔالِهَةَ إِلَٰهًا وَٰحِدًا ۖ

"Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja?"(5)

Seolah-olah perkara ini tidak dapat dimengerti.

إِنَّ هَٰذَا لَشَىْءٌ عُجَابٌ ٥

"Sesungguhnya ini satu perkara yang amat menghairankan."(5)

Kata-kata "عجاب" itu sendiri menyarankan kehairanan mereka yang sungguh besar.

Begitu juga Al-Qur'an menggambarkan cara mereka menentang hakikat ini supaya tidak diterima oleh orang ramai dan mengajak mereka supaya tetap berpegang dengan kepercayaan mereka yang diwarisi turun-temurun itu. Mereka cuba memahamkan orang ramai bahawa di sebalik da'wah yang baru itu terdapat tujuan yang tidak baik, dan sebagai para pem-besar mereka cukup mengetahui hakikat-hakikat yang sebenar dan segala tujuan yang tersembunyi di sebalik da'wah ini.

وَٱنطَلَقَ ٱلْمَلَأُ مِنْهُمْ أَنِ ٱمْشُوا۟ وَٱصْبِرُوا۟ عَلَىٰٓ ءَالِهَتِكُمْ ۖ

إِنَّ هَٰذَا لَشَىْءٌ يُرَادُ ٦

"Lalu keluarlah pemimpin-pemimpin dari mereka (seraya berkata): Jalani terus agama kamu dan bersabarlah menyembah tuhan-tuhan kamu, kerana (da'wah tauhid) ini adalah suatu perkara yang dikehendaki (di sebaliknya satu tujuan yang lain)."(6)

Da'wah Tauhid Dituduh Sebagai Ada Udang Di Sebalik Batu

Yakni ia bukannya agama dan bukannya 'aqidah, malah di sana ada satu tujuan dan perkara lain di sebalik da'wah ini, iaitu satu perkara yang sepatutnya bagi orang ramai menyerahkannya kepada cerdik pandai yang mengetahui dan bijak memahami rahsia-rahsia yang tersembunyi dan mengerti tentang gerakan-gerakan tipu muslihat. Bagi orang ramai, mereka seharusnya berpegang kukuh dengan adat turun-temurun dan menyembah tuhan-tuhan mereka yang biasa. Mereka tidak seharusnya menyusahkan diri mereka memikirkan apa yang ada di sebalik gerakan da'wah yang baru itu, kerana di sana ada golongan cerdik pandai yang sanggup menentangnya. Oleh sebab itu orang ramai hendaklah bertenang, kerana para pembesar mereka sentiasa menjaga kepentingan-kepentingan, 'aqidah-'aqidah dan tuhan-tuhan mereka.

Itulah cara biasa yang berulang-ulang, yang biasa digunakan oleh pembesar-pembesar yang zalim untuk mengalihkan perhatian orang ramai dari memikirkan masalah-masalah umum, dari mencari hakikat dan dari memikirkan persoalan-persoalan penting yang dihadapi mereka, kerana usaha orang ramai mengenalkan hakikat-hakikat dengan sendiri akan mendatangkan bahaya kepada para pembesar yang zalim dan akan mendedahkan kebatilan-kebatilan dan kepalsuan-kepalsuan, di mana mereka tenggelamkan orang ramai di dalamnya, sedangkan mereka tidak boleh hidup melainkan dengan menenggelamkan orang ramai ke dalam kebatilan-kebatilan.

Kemudian mereka mengelirukan orang ramai dengan 'aqidah Ahlil-Kitab yang telah dimasuki dongeng-dongeng yang menyelewengkannya dari tauhid yang bersih:

مَا سَمِعْنَا بِهَٰذَا فِى ٱلْمِلَّةِ ٱلْـَٔاخِرَةِ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا ٱخْتِلَٰقٌ ٧

"Kami tidak pernah mendengar (da'wah tauhid) ini di dalam agama yang terakhir (Kristian). Ini tiada lain melainkan hanya suatu pembohongan semata-mata."(7)

'Aqidah tritunggal (trinity) telah tersebar luas di dalam agama Kristian. Begitu juga dongeng 'Uzayr tersebar luas di dalam agama Yahudi. 'Aqidah inilah yang dimaksudkan oleh pembesar-pembesar Quraysy apabila mereka berkata:

مَا سَمِعْنَا بِهَٰذَا فِى ٱلْمِلَّةِ ٱلْـَٔاخِرَةِ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا ٱخْتِلَٰقٌ ٧

"Kami tidak pernah mendengar (da'wah tauhid) ini di dalam agama yang terakhir (Kristian). Ini tiada lain melainkan hanya suatu pembohongan semata-mata."(7)

Yakni kami tidak pernah mendengar 'aqidah tauhid yang mutlak kepada Allah yang dibawa oleh Muhammad itu. Jadi apa yang dikatakannya itu hanya suatu pembohongan semata-mata.

'Aqidah Tauhid Merupakan Tiang Kehidupan Insan Yang Luhur

Islam berjuang keras untuk membersihkan 'aqidah tauhid dari segala dongeng, kepercayaan-kepercayaan karut dan penyelewengan-penyelewengan yang telah menodai 'aqidah-'aqidah sebelumnya. Islam berjuang sedemikian keras kerana 'aqidah tauhid merupakan hakikat utama yang agung dan di atasnyalah tegaknya seluruh alam al-wujud ini. 'Aqidah tauhid telah disaksikan dengan jelas dan tegas oleh seluruh alam buana, juga kerana 'aqidah tauhid merupakan tiang seri, di mana seluruh kehidupan umat manusia tidak akan menjadi baik melainkan apabila ia ditegakkan di atasnya.

Eloklah semasa kita memperkatakan, tentang penentangan kaum Quraysy terhadap 'aqidah tauhid itu dan kehairanan mereka terhadap 'aqidah yang menjadi tuhan-tuhan yang ramai itu hanya satu Tuhan sahaja, juga penentangan kaum Musyrikin sebelum Quraysy yang berlaku di sepanjang abad dan risalah

terhadap 'aqidah tauhid yang sama dan bagaimana setiap rasul dan setiap risalah berjuang untuk menegakkannya, dan bagaimana besarnya usaha dan tenaga yang dikorbankan untuk menanamkan hakikat tauhid di dalam jiwa manusia di sepanjang zaman.... eloklah kita jelaskan dengan agak lebih luas sedikit tentang nilai hakikat tauhid ini.

Hakikat tauhid merupakan hakikat utama yang agung dan di atasnyalah tegaknya seluruh alam al-wujud. Ia disaksikan oleh setiap makhluk di alam al-wujud.

Kesatuan Undang-undang Membayangkan Kesatuan Iradat

Kesatuan atau keesaan undang-undang alam yang berkuatkuasa di seluruh alam buana ini dan dapat dilihat dengan jelas itu adalah membuktikan bahawa iradat yang menciptakan undang-undang itu pasti hanya satu iradat sahaja. Di mana sahaja kita melihat alam buana kita akan bersua dengan hakikat ini, iaitu hakikat keesaan dan kesatuan undang-undang yang membayangkan kesatuan iradat.

Seluruh makhluk di alam buana ini sentiasa bergerak dengan teratur. Atom yang amat kecil yang merupakan kesatuan pertama bagi setiap kejadian yang wujud di alam buana ini sama ada yang bernyawa atau tidak bernyawa adalah juga bergerak dengan teratur dan berterusan. Atom itu tersusun dari elektron-elektron yang bergerak di sekeliling nukleus yang terdiri dari proton-proton sama seperti planet-planet beredar di sekeliling matahari di dalam keluarga matahari (solar system), juga sama seperti galaksi yang terdiri dari kumpulan-kumpulan matahari dan kumpulan nebula beredar di sekeliling dirinya sendiri. Peredaran planet-planet, matahari dan galaksi adalah menuju arah-arah yang satu iaitu dari Barat ke Timur iaitu kebalikan dari peredaran jarum jam.[1]

Kesatuan Benda Dan Kuasa

Unsur-unsur (elemen) yang terjadi darinya bumi dan segala planet-planet yang lain adalah juga sama atau satu. Unsur-unsur bintang-bintang juga sama dengan unsur-unsur bumi. Unsur-unsur itu tersusun dari atom-atom dan atom-atom tersusun dari elektron-elektron, proton-proton dan neutron-neutron. Semuanya tidak terkecuali adalah tersusun dari tiga unsur ini belaka.

"Ketika benda dikembalikan kepada asal tiga unsur, maka ahli sains telah mengembalikan semua 'kuasa-kuasa' kepada satu asal sahaja: cahaya, haba, sinar sine, sinar radio, sinar gamma dan seluruh sinar yang lain di dunia hanya merupakan gambaran-gambaran yang berlainan dari satu kuasa sahaja iaitu kuasa elektromagnetik. Semuanya berjalan dengan kecepatan yang sama dan yang berbeza hanya perbezaan gelombang sahaja.

Benda tersusun dari tiga unsur, sedangkan kuasa-kuasa merupakan gelombang-gelombang yang kuat.

Kemudian datang pula Einstein yang membawa teori nisbiyah (relativity) yang menyamakan di antara benda dan kuasa. Kata beliau: Benda dan kuasa-kuasa adalah suatu yang sama sahaja. Hasil ujian-ujian telah membenarkan dakwaannya. Kemudian muncul pula ujian terakhir yang membenarkan dakwaannya dengan bunyi ledakan yang amat kuat yang didengar oleh dunia iaitu ledakan bom atom.

Jadi benda dan kuasa-kuasa adalah suatu yang sama sahaja."[2]

Inilah kesatuan dan keesaan dalam struktur kejadian alam buana sebagaimana diketahui oleh manusia di zaman kebelakangan ini melalui ujian-ujian mereka.

Di sana juga terdapat kesatuan dan keesaan di dalam undang-undang ini sebagaimana telah diterangkan ketika menjelaskan undang-undang pergerakan yang berterusan. Pergerakan ini merupakan satu pergerakan yang teratur rapi. Tiada satu kejadian pun yang terkeluar dari undang-undang ini. Tiada satu pun yang kacau pergerakannya. Pergerakan itu berlangsung dengan penuh seimbang pada semua kejadian. Ia tidak mengganggu dan melanggar satu sama lain. Contohnya yang paling dekat ialah pergerakan planet-planet, bintang-bintang dan galaksi-galaksi yang besar yang terapung-apung di angkasa raya:

وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

"Tiap-tiap satunya terapung-apung beredar di tempat peredaran masing-masing."

(Surah Yaasin: 40)

Semuanya menyaksikan bahawa kuasa yang menjalankannya di angkasa raya dan mengaturkan pergerakannya, jauh dekatnya dan tempat kedudukannya masing-masing hanya satu kuasa yang tunggal sahaja iaitu kuasa yang mengetahui tabi'at dan pergerakannya. Itulah satu-satunya kuasa yang menentukan semuanya di dalam pelan penciptaan alam buana yang amat mena'jubkan ini.

Dengan keterangan yang seringkas ini cukuplah bagi kita untuk memahami hakikat keesaan dan kesatuan yang dibukti dan disaksikan oleh peraturan dan seluruh kejadian di alam buana ini.

Inilah hakikat, di mana seluruh kehidupan manusia tidak akan berjalan dengan betul melainkan ditegakkan di atasnya. Apabila hakikat ini tertanam dengan jelas di dalam hati manusia, maka ia akan

---

[1] *Dari buku* مع الله في السماء *oleh Dr. Ahmad Zaki, bekas pengarah Universiti al-Qaherah.*

[2] *Dari sumber yang sama. Lihat nota kaki sebelum ini.*

melahirkan kesan yang amat penting dalam kefahaman manusia terhadap alam buana di sekeliling mereka, terhadap kedudukan mereka di alam ini dan terhadap hubungan mereka dengan segala isi alam sama ada berupa benda atau hidup-hidupan. Kemudian kefahaman manusia terhadap Allah Yang Tunggal dan terhadap hubungan mereka dengan-Nya dan dengan yang lain dari-Nya di alam buana ini adalah amat penting dalam menyelaraskan perasaan dan kefahaman mereka terhadap seluruh urusan hidup.

Orang yang beriman kepada Allah Yang Maha Esa dan memahami konsep tauhid dapat menyesuaikan hubungannya dengan Allah di atas asas ini. Dia dapat meletakkan hubungannya dengan yang lain dari Allah pada tempatnya yang wajar tanpa melampauinya. Dengan hubungan yang sedemikian, tenaga dan perasaannya tidak berbelah bagi di antara tuhan-tuhan yang mempunyai berbagai-bagai kecenderungan dan di antara makhluk-makhluk Allah yang menguasainya.

Orang yang beriman bahawa Allah Yang Maha Esa itu sebagai sumber alam buana ini akan berinteraksi dengan alam buana dan segala isi dan penghuninya di atas dasar saling mengenal, saling membantu, bermesra dan berkasih sayang. Ini menjadikan hidup mereka mempunyai rasa dan bentuk yang berlainan dari apa yang dirasakan oleh orang yang tidak beriman dengan konsep keesaan ini dan tidak merasakannya dalam hubungan di antaranya dengan segala apa dan mereka yang ada di sekelilingnya.

Orang yang beriman kepada keesaan undang-undang Ilahi di alam buana akan menerima syari'at dan arahan-arahan Allah dengan patuh untuk menyelaras dan menyesuaikan di antara undang-undang yang mengendalikan kehidupan manusia dengan undang-undang yang mengendalikan perjalanan alam buana. Dia mengutamakan undang-undang Allah kerana Allahlah yang menyelaraskan di antara pergerakan manusia dengan pergerakan alam buana.

Pendeknya memahami hakikat tauhid merupakan suatu keperluan untuk kebaikan dan kejujuran hati manusia, juga untuk menerangkan pandangannya dan membolehkannya mengadakan hubungan yang damai dengan alam buana sekelilingnya, juga untuk membolehkan hati menyelaraskan pergerakannya dengan pergerakan alam buana seluruhnya, juga untuk melahirkan hubungan-hubungan yang jelas dan terang di antara hati seseorang dengan Allah Penciptanya, di antara dia dengan alam di sekelilingnya dan di antara dia dengan isi dan penghuni alam sama ada makhluk benda atau makhluk yang bernyawa. Semuanya mempunyai kesan-kesan akhlak, kesan-kesan perilaku, kesan-kesan sosial dan kesan-kesan insaniyah dalam setiap bidang kehidupan.[3]

Justeru inilah lahirnya usaha yang bersungguh-sungguh untuk menjelaskan 'aqidah tauhid. Usaha itu bersambung-sambung dan berulang-ulang bersama-sama setiap risalah dan setiap rasul. Para rasul Salawatullahi 'alaihim semua berjuang dengan gigih untuk menegakkan kalimat tauhid tanpa mengenal rehat.

Usaha yang bersungguh-sungguh dan gigih ini kelihatan begitu jelas di dalam Al-Qur'an, di mana persoalan tauhid dijelaskan berulang-ulang kali di dalam Surah-surah Makkiyah khususnya, juga di dalam Surah-Surah Madaniyah yang dijelaskan dengan gambaran-gambaran yang sesuai dengan maudhu'-maudhu' yang dibicarakan surah-surah ini.

Hakikat tauhid inilah yang dihairankan oleh kaum Musyrikin. Mereka hairan terhadap kegigihan Rasulullah s.a.w. memperjuangkannya. Mereka berdebat dan berlawan dengan beliau mengenai persoalan ini. Mereka menimbulkan rasa pelik dan aneh terhadap beliau dan 'aqidah tauhid dan berusaha memalingkan perhatian orang ramai darinya dengan menggunakan berbagai-bagai sarana.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 16)

Mereka melahirkan rasa hairan kerana Rasulullah s.a.w. dipilih menjadi Rasul:

أَءُنزِلَ عَلَيْهِ ٱلذِّكْرُ مِنۢ بَيْنِنَا ۚ

"Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kami semua?"(8)

Sebenarnya pemilihan ini tidak wajar dihairankan, malah itulah sikap hasad dengki yang membawa mereka kepada kedegilan, keangkuhan dan persengketaan.

Hasad Dengki Keturunan Menjadi Punca Pertikaian

Ujar Ibn 'Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Muhammad ibn Muslim ibn Syihab az-Zuhri, dia menceritakan bahawa Abu Sufyan ibn Harb, Abu Jahl ibn Hisyam al-Akhnas ibn Syuryq ibn 'Amr ibn Wahb ath-Thaqafi sekutu Bani Zuhrah telah keluar pada suatu malam untuk mendengar sesuatu dari Rasulullah s.a.w. yang sedang mengerjakan sembahyang malam di rumahnya. Setiap orang dari mereka memilih tempat duduk untuk mendengar, tetapi mereka masing-masing tidak tahu di mana tempat duduk rakannya. Lalu mereka bermalam di situ untuk mendengar sehingga apabila fajar menyingsing mereka pun bersurai dan bertemu di

---

[3] *Saya harap semoga ditaufiqkan Allah dapat menjelaskan persoalan ini semuanya dalam sebuah buku: "Gagasan Islam Terhadap Alam, Hayat dan Insan"*(فكرة الإسلام عن الكون والحياة والإنسان).

tengah jalan. Di sana mereka mencela satu sama lain. Mereka berkata sesama mereka: "Jangan datang lagi ke sini, kerana jika ada orang-orang yang bodoh melihat kamu tentulah kamu akan menimbulkan keraguan di dalam hati mereka". Kemudian mereka bersurai. Pada malam yang kedua setiap orang dari mereka datang lagi mengambil tempat masing-masing dan terus bermalam di situ untuk mendengar beliau dan apabila fajar menyingsing mereka bersurai dan bertemu pula di tengah jalan. Mereka berkata sesama mereka seperti apa yang dikatakan mereka pada malam pertama, kemudian bersurai. Pada malam yang ketiga setiap orang dari mereka datang pula mengambil tempat masing-masing dan bermalam di situ untuk mendengar beliau. Apabila fajar menyingsing mereka pun bersurai dan bertemu di tengah jalan. Mereka berkata sesama mereka: "Kita tidak boleh tinggalkan tempat ini sehingga kita berjanji bahawa kita tidak akan kembali lagi ke sini". Lalu mereka pun berjanji bahawa mereka tidak akan datang lagi, kemudian mereka bersurai. Pada pagi keesokan al-Akhnas ibn Syurayq mengambil tongkatnya lalu keluar menemui Abu Sufyan di rumahnya dan berkata: "Wahai Abu Hanzalah! Apa pendapat anda tentang apa yang anda dengar dari Muhammad itu"? Jawab Abu Sufyan: "Wahai Thalabah! Demi Allah, aku telah mendengar banyak perkara yang aku tahu dan aku mengetahui pula apakah tujuannya, begitu juga aku telah mendengar banyak perkara yang aku tidak tahu dan tidak tahu pula apakah maksudnya". Ujar al-Akhnas: "Aku juga begitu, demi Allah aku bersumpah". Kata (rawi): Kemudian al-Akhnas keluar untuk menemui Abu jahl di rumahnya, lalu dia berkata: "Wahai Abu al-Hakam! Apa pendapat anda tentang apa yang anda telah dengar dari Muhammad itu?" Jawab Abu Jahl: "Apakah yang aku dengar? Kita dan Bani Abdu Manaf ini telah bertelingkah untuk merebut kemuliaan, jika mereka menjamu orang kita turut menjamu. Jika mereka menolong membawa orang kita ikut menolong membawa orang, jika mereka memberi kita pun memberi sehingga apabila kita berlumba-lumba dengan mereka di atas kenderaan dan kita seperti penunggang-penunggang kuda lumba, tiba-tiba mereka berkata kepada kita: 'Dari kalangan kami lahir seorang Nabi yang menerima wahyu dari langit', maka bilakah pula kita akan mendapat ini? Demi Allah kita tidak akan beriman dan percaya kepadanya buat selama-lamanya". Kemudian al-Akhnas pun bangkit dan pulang meninggalkan Abu Jahl.

Sebagaimana kita dapat lihat hasad dengki itulah yang telah menghalangi Abu Jahl dari mengakui kebenaran, iaitu hasad dengki kerana Muhammad telah mencapai darjat yang tidak dapat dicapai olehnya. Itulah rahsia yang terkandung di dalam perkataan:

أَءُنزِلَ عَلَيۡهِ ٱلذِّكۡرُ مِنۢ بَيۡنِنَاۚ

"Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kami semua?"(8)

Mereka juga pernah berkata:

وَقَالُواْ لَوۡلَا نُزِّلَ هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانُ عَلَىٰ رَجُلٖ مِّنَ ٱلۡقَرۡيَتَيۡنِ عَظِيمٍ ﴿٣١﴾

"Dan mereka berkata: Sepatutnya Al-Qur'an ini diturunkan kepada seorang pembesar dari salah satu dari dua negeri ini."

(Surah az-Zukhruf: 31)

Mereka maksudkan dengan dua negeri itu ialah Makkah dan Taif kerana di sinilah hidupnya pembesar-pembesar dan ketua-ketua kaum Musyrikin yang memerintah dan berkuasa. Mereka bercita-cita untuk menjadi ketua melalui agama apabila mereka mendengar ada Nabi baru yang sudah sampai masa kebangkitannya. Tiba-tiba mereka telah dikejutkan oleh hasad dengki apabila Allah telah memilih Muhammad s.a.w. sebagai Rasul-Nya dan membuka pintu-pintu rahmat kepadanya serta mencurahkan dari perbendaharaan-perbendaharaan rahmat-Nya ni'mat yang layak dengan beliau dan tidak layak dengan manusia-manusia yang lain. Keadaan mereka yang tertanya-tanya itu dijawab dengan jawapan yang berbau ejekan, amaran dan ancaman:

بَل هُمۡ فِي شَكّٖ مِّن ذِكۡرِيۚ بَل لَّمَّا يَذُوقُواْ عَذَابِ ﴿٨﴾

"Sebenarnya mereka berada di dalam keraguan terhadap kitab suci-Ku, sebenarnya mereka belum lagi merasa 'azab-Ku."(8)

Mereka bertanya:

أَءُنزِلَ عَلَيۡهِ ٱلذِّكۡرُ مِنۢ بَيۡنِنَاۚ

"Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kami semua"(8)

Sedangkan mereka ragu-ragu terhadap Al-Qur'an itu sendiri. Mereka tidak yakin Al-Qur'an itu dari Allah. Mereka mempertikaikan kebenarannya, sedangkan Al-Qur'an itu mengatasi perkataan-perkataan manusia biasa sepanjang yang diketahui mereka. Kemudian Al-Qur'an mengalihkan pembicaraannya tentang perkataan dan keraguan mereka kepada mengancamkan mereka dengan 'azab:

بَل لَّمَّا يَذُوقُواْ عَذَابِ ﴿٨﴾

"Sebenarnya mereka belum lagi merasa 'azab-Ku."(8)

Yakni Al-Qur'an seolah-olah berkata: Mereka mengeluarkan perkataan yang seperti itu kerana mereka belum lagi merasa 'azab seksa, tetapi apabila mereka merasa 'azab itu, mereka tidak akan mengeluarkan perkataan itu kerana pada masa itu mereka akan mengetahui akibatnya.

Kemudian Al-Qur'an mengecam perbuatan mereka yang merasa terlalu banyak apabila Allah memilih Muhammad sebagai Rasul di antara mereka dengan menyoal mereka: Apakah mereka yang memiliki khazanah-khazanah rahmat Allah hingga mereka berkuasa menentukan siapakah yang patut dan tidak patut menerima rahmat itu.

أَمْ عِندَهُمْ خَزَآئِنُ رَحْمَةِ رَبِّكَ ٱلْعَزِيزِ ٱلْوَهَّابِ ﴿٩﴾

"Apakah mereka mempunyai khazanah-khazanah rahmat Tuhanmu Yang Maha Perkasa dan Maha Pengurnia?"(9)

Perbuatan Mempertikaikan Perlantikan Rasul Mencampuri Urusan Pentadbiran Allah

Al-Qur'an mengecam kebiadapan mereka terhadap Allah dan mengecam campur tangan mereka dalam urusan yang bukan urusan manusia, sedangkan Allah itu bebas mengurnia dan menahankan kurnia-Nya terhadap siapa sahaja yang dikehendaki-Nya, Allah Maha Perkasa dan Maha Berkuasa. Tiada siapa yang berkuasa menghalangkan kehendak iradat-Nya. Allah Maha Pengurnia dan Maha Pemurah dan limpah kurnia-Nya tidak pernah habis.

Mereka merasa terlalu banyak apabila Muhammad s.a.w. itu dipilih Allah menjadi Rasul. Dengan hak dan sifat apakah mereka hendak membahagi-bahagikan limpah kurnia Allah, sedangkan mereka tidak memiliki khazanah-khazanah rahmat Allah?

أَمْ لَهُم مُّلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ۖ

"Atau apakah mereka memiliki kerajaan langit, bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya."(10)

Mereka tidak berani membuat dakwaan ini, kerana Allah yang memiliki langit, bumi dan segala yang ada di antara keduanya itulah sahaja yang berhak memberi dan tidak memberi. Dialah yang berhak memilih siapa yang dikehendaki-Nya. Andainya mereka tidak memiliki kerajaan langit, bumi dan segala yang ada di antara keduanya mengapa mereka berani campur tangan dalam urusan Allah yang memiliki segala-galanya dan bebas berbuat apa sahaja yang dikehendaki-Nya terhadap segala sesuatu yang dimiliki-Nya.

Secara mengejek dan mengecam Al-Qur'an iringi pertanyaan itu dengan:

فَلْيَرْتَقُوا۟ فِى ٱلْأَسْبَٰبِ ﴿١٠﴾

"(Jika ada), maka hendaklah mereka naik melalui jalan-jalan (ke langit)."(10)

Sekiranya mereka memiliki kerajaan langit dan bumi, maka silalah mereka naik menyeliakan langit, bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya, juga menguasai perbendaharaan-perbendaharaan Allah iaitu memberi kepada sesiapa yang mereka kehendaki dan menahan terhadap siapa yang mereka tidak kehendaki sesuai dengan kehendak bangkangan mereka terhadap pemilihan Allah yang memiliki kerajaan langit dan bumi serta bebas berbuat apa sahaja yang dikehendaki-Nya terhadap apa yang dimiliki-Nya.

Kemudian andaian yang mengejek itu diakhiri dengan menjelaskan hakikat mereka yang sebenar:

جُندٌ مَّا هُنَالِكَ مَهْزُومٌ مِّنَ ٱلْأَحْزَابِ ﴿١١﴾

"Mereka hanya sepasukan tentera kerdil yang kalah di sana yang terdiri dari berbagai-bagai kumpulan."(11)

Mereka tidak lebih dari sepasukan tentera kalah yang terbuang jauh "di sana". Mereka tidak dapat mendekati untuk mengendalikan kerajaan langit dan bumi dan mentadbirkan perbendaharaan-perbendaharaan rahmat. Mereka tidak mempunyai apa-apa hubungan dalam urusan-urusan yang berlaku di dalam kerajaan Allah. Mereka tidak mempunyai kuasa untuk mengubah dan membantah kehendak iradat Allah. Mereka hanya جند ما هنالك مهزوم *"Sepasukan tentera kerdil yang kalah"* iaitu sepasukan tentera kalah yang tidak dikenali dan hina. Sifat kalah itu seolah-olah sifat yang melekat pada diri mereka. Mereka adalah terdiri من الاحزاب *"Berbagai-bagai kumpulan"* yang berlainan arah tujuan dan keinginan.

Perjuangan musuh-musuh Allah dan Rasul-Nya itu hanya berakhir dengan kedudukan yang digambarkan oleh ayat ini, iaitu gambaran yang membayangkan kelemahan mereka dan bagaimana jauhnya mereka terpisah dari ruang lingkup pengendalian dan pentadbiran Ilahi walau bagaimana besar kekuatan dan kekuasaan mereka dan walau bagaimana sewenang-wenangnya mereka bertindak di bumi dalam masa-masa yang tertentu.

Kemudian Allah mengemukakan contoh umat-umat yang zalim di sepanjang zaman. Mereka telah menerima akibat menjadi pasukan-pasukan tentera yang kalah dan terbuang jauh:

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ وَعَادٌ وَفِرْعَوْنُ ذُو ٱلْأَوْتَادِ ﴿١٢﴾

وَثَمُودُ وَقَوْمُ لُوطٍ وَأَصْحَٰبُ لْـَٔيْكَةِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلْأَحْزَابُ ﴿١٣﴾

إِن كُلٌّ إِلَّا كَذَّبَ ٱلرُّسُلَ فَحَقَّ عِقَابِ ﴿١٤﴾

"Sebelum mereka, kaum Nuh, 'Ad dan Fir'aun yang memiliki bangunan-bangunan Ahram laksana pasak-pasak bumi itu telah pun mendustakan (rasul-rasul mereka) (12). Juga Thamud, kaum Lut dan penduduk Aykah, merekalah kumpulan-kumpulan (penentang rasul) (13). Tiada satu pun dari kaum-kaum itu melainkan semuanya telah mendustakan para rasul dan kerana itu (mereka) telah ditimpa balasan 'azab."(14)

Itulah contoh umat-umat yang mendahului kaum Quraysy di dalam sejarah. Mereka ialah kaum Nuh, 'Ad, Fir'aun yang membina Ahram (Piramid) yang kukuh seolah-olah pasak bumi, Thamud, kaum Lut dan kaum Syu'ayb penduduk Aykah (hutan yang tebal). Semuanya merupakan kumpulan-kumpulan

yang mendustakan para rasul. Apakah akibat yang diterima oleh kumpulan-kumpulan yang pelampau dan sewenang-wenang ini?

إِن كُلٌّ إِلَّا كَذَّبَ ٱلرُّسُلَ فَحَقَّ عِقَابِ ﴿١٤﴾

"Tiada satu pun dari kaum-kaum itu melainkan semuanya telah mendustakan para rasul dan kerana itu (mereka) telah ditimpa balasan 'azab."(14)

Itulah akibat yang menimpa mereka. Mereka semuanya binasa. Tiada yang tinggal melainkan kesan-kesan yang menunjukkan kekalahan dan kehancuran mereka.

Itulah kesudahan kumpulan-kumpulan penentang Rasul di zaman-zaman silam. Adapun kaum Musyrikin Quraysy, maka mereka secara umumnya akan ditinggalkan kepada pekikan yang akan mengakhiri kehidupan di bumi ini, iaitu pekikan yang akan berlaku tidak lama sebelum diadakan upacara Hisab:

وَمَا يَنظُرُ هَٰٓؤُلَآءِ إِلَّا صَيْحَةً وَٰحِدَةً مَّا لَهَا مِن فَوَاقٍ ﴿١٥﴾

"Dan tiada yang ditunggu mereka melainkan hanya satu pekikan yang kuat, yang tidak terlewat sedikit pun."(15)

Apabila masa pekikan itu tiba ia tidak akan lewat walaupun sebentar sekadar fawaq (sepelarian unta lumba), iaitu jarak perjalanan di antara dua tempat perlarian, kerana ia tiba tepat pada waktunya yang telah ditetapkan, tidak lebih awal dan tidak pula lewat. Itulah masa yang telah ditentukan Allah kepada umat manusia yang akhir supaya menunggunya. Mereka tidak terus dibalas dengan kebinasaan dan kehancuran seperti umat-umat yang terdahulu.

Inilah rahmat Allah terhadap mereka, tetapi mereka tidak menghargai rahmat ini dan tidak pula mensyukurinya, malah mereka mencabar dan meminta supaya balasan 'azab terhadap mereka itu disegerakan Allah dan disempurnakannya sebelum tiba masa yang dijanjikannya itu.

Sampai di sini Al-Qur'an meninggal mereka dan berpaling kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghiburkan beliau dari ketololan dan kebiadapan kaumnya terhadap Allah, juga terhadap cabaran mereka yang meminta supaya disegerakan balasan 'azab terhadap mereka, juga terhadap perbuatan mereka yang mendustakan janji Allah dan kekufuran mereka terhadap rahmat Allah. Ia menyeru beliau supaya mengenangkan ujian-ujian yang berlaku kepada para rasul sebelumnya dan mengenangkan rahmat Allah yang dicapai oleh mereka selepas ujian itu.

(Kumpulan ayat-ayat 17 - 48)

ٱصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَٱذْكُرْ عَبْدَنَا دَاوُۥدَ ذَا ٱلْأَيْدِ ۖ إِنَّهُۥٓ أَوَّابٌ ﴿١٧﴾

إِنَّا سَخَّرْنَا ٱلْجِبَالَ مَعَهُۥ يُسَبِّحْنَ بِٱلْعَشِىِّ وَٱلْإِشْرَاقِ ﴿١٨﴾

وَٱلطَّيْرَ مَحْشُورَةً ۖ كُلٌّ لَّهُۥٓ أَوَّابٌ ﴿١٩﴾

وَشَدَدْنَا مُلْكَهُۥ وَءَاتَيْنَٰهُ ٱلْحِكْمَةَ وَفَصْلَ ٱلْخِطَابِ ﴿٢٠﴾

وَهَلْ أَتَىٰكَ نَبَؤُا۟ ٱلْخَصْمِ إِذْ تَسَوَّرُوا۟ ٱلْمِحْرَابَ ﴿٢١﴾

إِذْ دَخَلُوا۟ عَلَىٰ دَاوُۥدَ فَفَزِعَ مِنْهُمْ ۖ قَالُوا۟ لَا تَخَفْ ۖ خَصْمَانِ بَغَىٰ بَعْضُنَا عَلَىٰ بَعْضٍ فَٱحْكُم بَيْنَنَا بِٱلْحَقِّ وَلَا تُشْطِطْ وَٱهْدِنَآ إِلَىٰ سَوَآءِ ٱلصِّرَٰطِ ﴿٢٢﴾

إِنَّ هَٰذَآ أَخِى لَهُۥ تِسْعٌ وَتِسْعُونَ نَعْجَةً وَلِىَ نَعْجَةٌ وَٰحِدَةٌ فَقَالَ أَكْفِلْنِيهَا وَعَزَّنِى فِى ٱلْخِطَابِ ﴿٢٣﴾

قَالَ لَقَدْ ظَلَمَكَ بِسُؤَالِ نَعْجَتِكَ إِلَىٰ نِعَاجِهِۦ ۖ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْخُلَطَآءِ لَيَبْغِى بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَقَلِيلٌ مَّا هُمْ ۗ وَظَنَّ دَاوُۥدُ أَنَّمَا فَتَنَّٰهُ فَٱسْتَغْفَرَ رَبَّهُۥ وَخَرَّ رَاكِعًا وَأَنَابَ ﴿٢٤﴾

فَغَفَرْنَا لَهُۥ ذَٰلِكَ ۖ وَإِنَّ لَهُۥ عِندَنَا لَزُلْفَىٰ وَحُسْنَ مَـَٔابٍ ﴿٢٥﴾

يَٰدَاوُۥدُ إِنَّا جَعَلْنَٰكَ خَلِيفَةً فِى ٱلْأَرْضِ فَٱحْكُم بَيْنَ ٱلنَّاسِ بِٱلْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ ٱلْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَضِلُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌۢ بِمَا نَسُوا۟ يَوْمَ ٱلْحِسَابِ ﴿٢٦﴾

"(Wahai Muhammad!) Sabarlah terhadap apa sahaja yang dikatakan mereka dan kenangkanlah hamba Kami Daud yang mempunyai kekuatan-kekuatan, sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah (17). Sesungguhnya Kami menundukkan gunung-ganang bertasbih bersama-samanya di waktu petang dan pagi (18). Juga (menundukkan) burung-burung berkumpul bertasbih (bersamanya). Semuanya sentiasa kembali kepada Allah (19). Dan Kami telah meneguhkan kerajaannya dan mengurniakan kepada kebijaksanaan dan keputusan yang jitu (20). Dan apakah sampai kepadamu berita mereka yang berguam ketika mereka memanjat mihrab (21). Ketika mereka masuk mendapatkan Daud, ia terkejut melihat

mereka, lalu mereka berkata: Janganlah takut, kami ini adalah dua orang yang berguam. Salah seorang dari kami telah melakukan kezaliman terhadap yang lain. Oleh itu adililah di antara kami dengan hukuman yang benar dan janganlah berlaku zalim dan tunjukkan kami ke jalan yang lurus (22). Sesungguhnya saudaraku ini mempunyai sembilan puluh sembilan ekor kambing betina, sedangkan aku hanya mempunyai seekor sahaja. Lalu dia berkata kepadaku: Serahkan sahaja kambing itu kepada milikku, dan dia berlaku kasar terhadapku di dalam percakapannya (23). Ujar Daud: Dia (saudaramu) itu telah menzalimimu dengan meminta kambingmu, dan sesungguhnya kebanyakan kaum kerabat yang mencampurkan harta sesama mereka bertindak zalim terhadap satu sama lain melainkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih. Sedangkan mereka yang seperti itu hanya sedikit sahaja. Lalu Daud pun yakin bahawa Kami telah mengujinya, maka kerana itu dia memohon keampunan kepada Tuhannya dan merebahkan dirinya rukuk (dan sujud) dan kembali kepada Allah (24). Lalu Kami ampunkan kesalahannya yang demikian dan sesungguhnya dia mempunyai kedudukan yang hampir di sisi Kami serta tempat kembali yang terbaik (25). Wahai Daud! Sesungguhnya Kami telah melantikkan engkau sebagai khalifah di bumi. Oleh itu adililah di antara manusia dengan (hukuman) yang benar dan janganlah engkau menurut hawa nafsu kerana ini akan menyesatkan engkau dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan memperolehi 'azab yang amat berat kerana mereka lupakan hari Hisab." (26)

وَمَا خَلَقۡنَا ٱلسَّمَآءَ وَٱلۡأَرۡضَ وَمَا بَيۡنَهُمَا بَٰطِلٗاۚ ذَٰلِكَ
ظَنُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْۚ فَوَيۡلٞ لِّلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنَ ٱلنَّارِ ﴿٢٧﴾
أَمۡ نَجۡعَلُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ كَٱلۡمُفۡسِدِينَ فِي
ٱلۡأَرۡضِ أَمۡ نَجۡعَلُ ٱلۡمُتَّقِينَ كَٱلۡفُجَّارِ ﴿٢٨﴾
كِتَٰبٌ أَنزَلۡنَٰهُ إِلَيۡكَ مُبَٰرَكٞ لِّيَدَّبَّرُوٓاْ ءَايَٰتِهِۦ وَلِيَتَذَكَّرَ
أُوْلُواْ ٱلۡأَلۡبَٰبِ ﴿٢٩﴾
وَوَهَبۡنَا لِدَاوُۥدَ سُلَيۡمَٰنَۚ نِعۡمَ ٱلۡعَبۡدُ إِنَّهُۥٓ أَوَّابٌ ﴿٣٠﴾
إِذۡ عُرِضَ عَلَيۡهِ بِٱلۡعَشِيِّ ٱلصَّٰفِنَٰتُ ٱلۡجِيَادُ ﴿٣١﴾
فَقَالَ إِنِّيٓ أَحۡبَبۡتُ حُبَّ ٱلۡخَيۡرِ عَن ذِكۡرِ رَبِّي حَتَّىٰ تَوَارَتۡ
بِٱلۡحِجَابِ ﴿٣٢﴾
رُدُّوهَا عَلَيَّۖ فَطَفِقَ مَسۡحَۢا بِٱلسُّوقِ وَٱلۡأَعۡنَاقِ ﴿٣٣﴾
وَلَقَدۡ فَتَنَّا سُلَيۡمَٰنَ وَأَلۡقَيۡنَا عَلَىٰ كُرۡسِيِّهِۦ جَسَدٗا
ثُمَّ أَنَابَ ﴿٣٤﴾

قَالَ رَبِّ ٱغۡفِرۡ لِي وَهَبۡ لِي مُلۡكٗا لَّا يَنۢبَغِي لِأَحَدٖ مِّنۢ
بَعۡدِيٓۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلۡوَهَّابُ ﴿٣٥﴾
فَسَخَّرۡنَا لَهُ ٱلرِّيحَ تَجۡرِي بِأَمۡرِهِۦ رُخَآءً حَيۡثُ أَصَابَ ﴿٣٦﴾

"Dan Kami tidak ciptakan langit, bumi dan segala kejadian di antara keduanya sebagai suatu perkara mainan (sia-sia). Itulah sangkaan orang-orang yang kafir, maka kerana itu celakalah bagi orang-orang kafir dari 'azab Neraka (27). Atau apakah patut Kami jadikan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih itu sama seperti para perosak di bumi atau apakah patut Kami jadikan para Muttaqin itu sama seperti para penjahat? (28) (Al-Qur'an) sebuah kitab yang berkat yang Kami telah turunkannya kepadamu supaya mereka memikirkan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang berakal mengambil pengajaran darinya (29). Dan Kami telah kurniakan kepada Daud (putera) Sulaiman. Dia adalah sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah (30). (Kenangilah) ketika dipamerkan kepadanya pada suatu petang kuda-kuda yang cantik berdiri dan tangkas berlari. (31) Lalu dia berkata: Sesungguhnya aku amat menyayangi kuda-kuda menyebabkan terlupa dari mengingati Tuhanku, sehingga matahari melindungi dirinya dengan tabir (malam) (32). (Dia memerintah orang-orangnya): Kembalikan kuda-kuda itu kepadaku. Lalu dia terus mengusap-ngusap kaki dan leher kuda-kuda itu (33). Sesungguhnya Kami telah ujikan Sulaiman (dengan suatu kejadian, lalu kami letakkannya di atas takhtanya satu jasad (yang tidak cukup sifatnya) kemudian dia kembali kepada Allah (34). Dia berdo'a: Wahai Tuhanku! Ampunkan daku dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak wajar dipunyai seorang yang lain selepasku. Sesungguhnya engkaulah Yang Maha Pemurah (35). Lalu Kami tundukkan angin kepadanya. Ia bertiup lembut dengan perintahnya ke mana sahaja dia kehendaki."(36)

وَٱلشَّيَٰطِينَ كُلَّ بَنَّآءٖ وَغَوَّاصٖ ﴿٣٧﴾
وَءَاخَرِينَ مُقَرَّنِينَ فِي ٱلۡأَصۡفَادِ ﴿٣٨﴾
هَٰذَا عَطَآؤُنَا فَٱمۡنُنۡ أَوۡ أَمۡسِكۡ بِغَيۡرِ حِسَابٖ ﴿٣٩﴾
وَإِنَّ لَهُۥ عِندَنَا لَزُلۡفَىٰ وَحُسۡنَ مَـَٔابٖ ﴿٤٠﴾
وَٱذۡكُرۡ عَبۡدَنَآ أَيُّوبَ إِذۡ نَادَىٰ رَبَّهُۥٓ أَنِّي مَسَّنِيَ ٱلشَّيۡطَٰنُ
بِنُصۡبٖ وَعَذَابٍ ﴿٤١﴾
ٱرۡكُضۡ بِرِجۡلِكَۖ هَٰذَا مُغۡتَسَلُۢ بَارِدٞ وَشَرَابٞ ﴿٤٢﴾
وَوَهَبۡنَا لَهُۥٓ أَهۡلَهُۥ وَمِثۡلَهُم مَّعَهُمۡ رَحۡمَةٗ مِّنَّا وَذِكۡرَىٰ لِأُوْلِي
ٱلۡأَلۡبَٰبِ ﴿٤٣﴾

وَخُذْ بِيَدِكَ ضِغْثًا فَٱضْرِب بِّهِۦ وَلَا تَحْنَثْ ۗ إِنَّا وَجَدْنَٰهُ
صَابِرًا ۚ نِّعْمَ ٱلْعَبْدُ ۖ إِنَّهُۥٓ أَوَّابٌ ﴿٤٤﴾
وَٱذْكُرْ عِبَٰدَنَآ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ أُو۟لِى ٱلْأَيْدِى
وَٱلْأَبْصَٰرِ ﴿٤٥﴾
إِنَّآ أَخْلَصْنَٰهُم بِخَالِصَةٍ ذِكْرَى ٱلدَّارِ ﴿٤٦﴾
وَإِنَّهُمْ عِندَنَا لَمِنَ ٱلْمُصْطَفَيْنَ ٱلْأَخْيَارِ ﴿٤٧﴾
وَٱذْكُرْ إِسْمَٰعِيلَ وَٱلْيَسَعَ وَذَا ٱلْكِفْلِ ۖ وَكُلٌّ مِّنَ
ٱلْأَخْيَارِ ﴿٤٨﴾

"Dan (Kami tundukkan) syaitan-syaitan kepadanya iaitu syaitan-syaitan pembina bangunan dan penyelam (37). Dan syaitan-syaitan yang lain yang dirantai dengan belenggu-belenggu (38). (Kami katakan kepadanya): Inilah pemberian Kami, maka (engkau bebas) memberikannya (kepada siapa yang disukai engkau) atau menahankannya (dari siapa yang tidak disukai engkau) tanpa Hisab (39). Dan sesungguhnya dia mempunyai kedudukan yang hampir di sisi Kami dan tempat kembali yang terbaik (40). Dan kenangilah hamba Kami Ayyub ketika dia menyeru Tuhannya: Sesungguhnya aku telah diganggu syaitan dengan kesusahan dan keseksaan.(41) (Allah berfirman kepadanya) hentakkan (bumi) dengan kakimu, inilah air dingin untuk mandi dan minum (42). Dan Kami kurniakannya kembali keluarganya dengan bilangan sekali ganda lagi bersama mereka sebagai rahmat dari Kami dan peringatan kepada orang-orang yang berakal (43). Dan ambillah seberkas ranting-ranting halus, kemudian pukullah (isterimu) dengannya dan janganlah engkau melanggar sumpahmu. Sesungguhnya Kami dapatinya (Ayyub) seorang yang sabar. Dialah sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah (44). Dan kenangilah hamba Kami Ibrahim, Ishaq dan Ya'kub yang mempunyai tangan-tangan dan matahati-matahati (45). Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada mereka satu sifat istimewa yang banyak mengingati Akhirat (46). Dan sesungguhnya kedudukan mereka di sisi Kami adalah dari orang-orang yang terpilih dan terbaik (47). Dan kenangilah Ismail, Ilyasa' dan Zulkifli, semua mereka adalah dari orang-orang yang terpilih."(48)

Pelajaran ini semuanya merupakan kisah-kisah dan contoh-contoh dari kehidupan para rasul Salawatuilahi a'laihim. Ia ditayang supaya diingati oleh Rasulullah s.a.w. dan supaya beliau melupakan pengalaman-pengalaman pahit yang sedang dialaminya dari kaumnya yang mendustakannya dan membuat berbagai-bagai tuduhan, menunjukkan kehairanan dan melakukan pembohongan terhadapnya, juga supaya beliau sabar menghadapi segala telatah-telatah mereka yang membosankannya.

Kisah-kisah itu sekali gus menunjukkan kesan-kesan rahmat Allah terhadap para rasul yang terdahulu daripada beliau. Mereka telah dicucuri dengan limpah kurnia yang banyak. Mereka dikurniakan kerajaan, kuasa memerintah, riayah dan berbagai-bagai ni'mat yang lain. Semuanya ini merupakan jawapan terhadap kehairanan kaumnya yang merasa aneh apabila Allah memilih beliau sebagai Rasul-Nya, sedangkan kerasulan beliau bukanlah suatu perkara baru di antara para rasul, malah di dalam kalangan mereka terdapat rasul-rasul yang dikurniakan ni'mat kerajaan dan kuasa memerintah di samping tugas menjadi Rasul. Ada pula rasul-rasul yang ditundukkan kepadanya gunung-ganang bertasbih bersama-sama dengannya, juga ditundukkan burung-burung, angin dan syaitan seperti Daud dan Sulaiman. Apakah yang patut dihairankan apabila Allah memilih Muhammad yang sentiasa bercakap benar dari kalangan kaum Quraysy diakhir zaman sebagai Rasul untuk diturunkan Al-Qur'an kepadanya?

Kisah-kisah ini juga menggambarkan ri'ayah Allah yang berkekalan terhadap para rasul-Nya. Mereka sentiasa dipelihara dengan perintah, arahan dan disiplin dari Allah. Mereka semuanya manusia belaka dan Muhammad s.a.w. juga manusia seperti mereka. Semuanya mempunyai sifat-sifat kelemahan manusia, tetapi Allah memelihara mereka dan tidak membiarkan mereka kepada kelemahan-kelemahan mereka. Allah memberi penerangan dan arahan kepada mereka. Allah menguji mereka dengan tujuan untuk mengurniakan keampunan dan kemuliaan kepada mereka. Kisah-kisah seperti ini meyakinkan hati Rasulullah s.a.w. bahawa beliau sentiasa mendapat ri'ayah dan perlindungan Allah dalam setiap jejak langkah di dalam hidupnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 26)

Kesabaran Asas Kehidupan Para Rasul

ٱصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَٱذْكُرْ عَبْدَنَا دَاوُۥدَ ذَا ٱلْأَيْدِ ۖ إِنَّهُۥٓ
أَوَّابٌ ﴿١٧﴾
إِنَّا سَخَّرْنَا ٱلْجِبَالَ مَعَهُۥ يُسَبِّحْنَ بِٱلْعَشِىِّ وَٱلْإِشْرَاقِ ﴿١٨﴾
وَٱلطَّيْرَ مَحْشُورَةً ۖ كُلٌّ لَّهُۥٓ أَوَّابٌ ﴿١٩﴾
وَشَدَدْنَا مُلْكَهُۥ وَءَاتَيْنَٰهُ ٱلْحِكْمَةَ وَفَصْلَ ٱلْخِطَابِ ﴿٢٠﴾

"(Wahai Muhammad!) Sabarlah terhadap apa sahaja yang dikatakan mereka dan kenangkanlah hamba Kami Daud yang mempunyai kekuatan-kekuatan, sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah (17). Sesungguhnya Kami menundukkan gunung-ganang bertasbih bersama-samanya di waktu petang dan pagi (18). Juga (menundukkan) burung-burung berkumpul bertasbih (bersamanya). Semuanya sentiasa kembali kepada Allah (19).

Dan Kami telah meneguhkan dan mengurniakan kepada kebijaksanaan dan keputusan yang jitu (20)."

"اصبر *(Wahai Muhammad!) Sabarlah.....*"(17). Ayat ini menunjukkan satu jalan biasa yang dilalui oleh para rasul Salawatullahi a'laihim dalam kehidupan da'wah mereka. Seluruh mereka menempuh jalan ini. Seluruh mereka menderita belaka. Seluruh mereka ditindas dan seluruh mereka bersikap sabar. Kesabaran merupakan bekalan dan sifat mereka mengikut darjat masing-masing di dalam tingkatan tangga para Anbia'. Seluruh hidup mereka merupakan satu ujian yang penuh dengan penderitaan dan kesakitan. Kesenangan juga merupakan satu ujian terhadap kesabaran sama seperti kesusahan merupakan satu ujian terhadap kesabaran. Kedua-duanya memerlukan kesabaran dan ketahanan.

Apabila kita meninjau kehidupan para rasul seperti yang diceritakan Al-Qur'an kepada kita, kita dapati sifat sabar itulah yang menjadi asas dan unsur yang jelas dalam kehidupan mereka, juga kita dapati bahawa ujian dan dugaan itulah yang menjadi bahan dan air dalam kehidupan mereka.

Kehidupan mereka merupakan lembaran-lembaran sejarah ujian dan kesabaran yang dibentangkan kepada umat manusia untuk merakamkan hakikat bagaimana roh insaniyah dapat menewaskan kesusahan dan penderitaan, dapat mengatasi segala apa yang disayangi di dunia ini, dapat menepiskan segala keinginan dan godaan, dapat membuktikan keikhlasannya kepada Allah, dapat lulus dalam ujian Allah dan dapat mengutamakan Allah dari segala yang lain dari-Nya. Kisah-kisah ini pada akhirnya seolah-olah berkata kepada manusia: Inilah jalan peningkatan diri dan inilah jalan menuju kepada Allah.

ٱصۡبِرۡ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ

"Sabarlah terhadap apa sahaja yang dikatakan mereka."(17).... yakni perkataan-perkataan yang diucapkan mereka seperti: *"Orang ini adalah seorang ahli sihir yang banyak berdusta", "Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang amat menghairankan"* dan *"Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kami semua?"* Dan lain-lain lagi yang memang banyak diucapkan mereka. Allah mengarahkan Nabi-Nya supaya bersabar menerima perkataan-perkataan mereka dan supaya beliau hidup dengan hatinya bersama contoh-contoh yang lain dari contoh-contoh hidup orang-orang yang kafir itu, iaitu contoh-contoh hidup yang bersih dan luhur dari para rasul yang terdahulu yang disebutkan Allah kepada beliau. Beliau merasa ada hubungan yang amat rapat di antara beliau dengan para rasul itu. Beliau bercakap-cakap t entang mereka dengan percakapan yang membayangkan seolah-olah ada hubungan persaudaraan, keturunan dan kekeluargaan apabila beliau bersabda: "Semoga Allah cucurkan rahmat-Nya ke atas saudaraku nabi si anu" atau "Aku lebih utama dengan nabi polan".

ٱصۡبِرۡ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَٱذۡكُرۡ عَبۡدَنَا دَاوُۥدَ ذَا ٱلۡأَيۡدِۖ إِنَّهُۥٓ أَوَّابٌ ١٧

"(Wahai Muhammad!) Sabarlah terhadap apa sahaja yang dikatakan mereka dan kenangkanlah hamba Kami Daud yang mempunyai kekuatan-kekuatan, sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah."(17)

Al-Qur'an menyebut Daud dengan sifat-sifatnya **"yang mempunyai kekuatan-kekuatan"** dan **"sentiasa kembali kepada Allah"**. Sebelum ini Al-Qur'an menyebut kaum Nuh, 'Ad, Fir'aun yang membangunkan al-Ahram, Thamud, kaum Lut dan penduduk Aykah. Mereka semuanya golongan pelampau yang zalim. Gejala kekuatan mereka ialah kezaliman, keterlaluan dan pendustaan, tetapi berlainan dengan Daud, walaupun beliau mempunyai kuasa dan kekuatan, namun beliau sentiasa kembali kepada Allah, sentiasa beribadat dan mengingati Allah, sedangkan beliau seorang yang kuat dan berkuasa.

Di dalam Surah al-Baqarah telah diceritakan permulaan kisah Daud dan kemunculannya di dalam angkatan tentera Talut di kalangan Bani Israel selepas Musa. Mereka telah meminta dari Nabi mereka supaya melantikkan seorang raja untuk mereka agar mereka dapat berperang Sabilullah, lalu Allah memilih Talut sebagai raja mereka. Dia telah memimpin mereka bertempur menentang musuh mereka yang gagah dan zalim iaitu Jalut dan tentera-tenteranya. Daud a.s. telah berjaya membunuh Jalut. Ketika itu beliau masih seorang pemuda dan sejak itu bintangnya mulai naik dan akhirnya menjadi raja yang berkuasa, namun demikian beliau seorang yang sentiasa kembali kepada Allah, beribadat, berzikir dan beristighfar kepada Allah.

Di samping dikurniakan ni'mat nubuwwah dan kerajaan, beliau juga telah dikurniakan hati yang sentiasa mengingati Allah dan suara yang merdu. Dengan suara inilah beliau melagukan bacaan-bacaan suci yang memuji Allah. Kekuatan ingatannya kepada Allah dan kemerduan suaranya melagukan bacaan-bacaan suci telah mencapai tahap, di mana terhapusnya segala tabir di antara dirinya dengan diri alam buana, iaitu satu tahap di mana hakikatnya bersambung dengan hakikat gunung-ganang dalam seluruh perhubungannya dengan Allah dan dalam amalan memuji-muji Allah dan beribadat kepada-Nya. Oleh kerana itu gunung-ganang bertasbih bersama-sama dengannya dan burung-burung berkumpul di sisi beliau bersama-sama bertasbih memuji Allah:

إِنَّا سَخَّرۡنَا ٱلۡجِبَالَ مَعَهُۥ يُسَبِّحۡنَ بِٱلۡعَشِيِّ وَٱلۡإِشۡرَاقِ ١٨

وَٱلطَّيۡرَ مَحۡشُورَةٗۖ كُلّٞ لَّهُۥٓ أَوَّابٞ ١٩

وَشَدَدْنَا مُلْكَهُۥ وَءَاتَيْنَٰهُ ٱلْحِكْمَةَ وَفَصْلَ ٱلْخِطَابِ ٢٠

"Sesungguhnya Kami menundukkan gunung-ganang bertasbih bersama-samanya di waktu petang dan pagi (18). Juga (menundukkan) burung-burung berkumpul bertasbih (bersamanya). Semuanya sentiasa kembali kepada Allah (19). Dan Kami telah meneguhkan kerajaannya dan mengurniakan kepadanya kebijaksanaan dan keputusan yang jitu."(20)

Apakah Yang Dihairankan Dari Gunung-Ganang Dan Burung-burung Bertasbih Bersama Daud a.s.

Mungkin ramai orang-orang yang kaget dan hairan dengan cerita ini, iaitu cerita gunung-ganang bertasbih bersama Daud petang dan pagi ketika beliau beribadat kepada Allah dan melagukan bacaan-bacaan suci memuji dan mengingati Allah. Burung-burung berkumpul di sekelilingnya mendengar suaranya yang merdu dan bersama-sama melagukan nasyid-nasyid suci. Mungkin ramai dari mereka merasa hairan dengan cerita ini kerana ia di luar kebiasaan mereka dan kerana ia bertentangan dengan perasaan biasa mereka yang merasakan adanya perpisahan di antara jenis manusia dengan jenis burung dan gunung-ganang itu.

Tetapi mengapa dikaget dan dihairankan? Seluruh makhluk mempunyai satu hakikat sahaja walaupun mereka berbeza-beza dari segi jenis, rupa bentuk, sifat-sifat dan ciri-ciri. Semuanya berkumpul pada satu hakikat dalam perhubungan mereka dengan Allah yang menciptakan seluruh makhluk hidup dan benda-bendaan. Apabila hubungan manusia dengan Allah telah mencapai tahap kebersihan, keikhlasan, kejernihan dan kegemilangan, maka tabir-tabir perbezaan jenis itu akan terhapus dan munculiah satu hakikat yang mujarrad (abstrak) kepada setiap mereka dan terjalinlah hubungan yang erat di sebalik tabir-tabir jenis, bentuk rupa, sifat dan ciri yang membeza dan mengasingkan mereka dalam kehidupan biasa itu.

Allah S.W.T. telah mengurniakan anugerah istimewa ini kepada hamba-Nya Daud a.s. Allah menundukkan kepadanya gunung-ganang bertasbih bersama-samanya petang dan pagi. Allah mengumpulkan burung-burung berpadu suara dengannya melagukan bacaan-bacaan suci bertasbih kepada Allah. Ini merupakan satu anugerah Allah di samping anugerah ni'mat kerajaan, kuasa, nubuwwah dan kesucian hati.

وَشَدَدْنَا مُلْكَهُۥ وَءَاتَيْنَٰهُ ٱلْحِكْمَةَ وَفَصْلَ ٱلْخِطَابِ ٢٠

"Dan Kami telah meneguhkan kerajaannya dan mengurniakan kepadanya kebijaksanaan dan keputusan yang jitu."(20)

Kerajaan Daud a.s. adalah sebuah kerajaan yang kuat. Beliau memimpin kerajaan itu dengan penuh kebijaksanaan dan ketegasan. Maksud **"keputusan yang jitu"**(فصل الخطاب) ialah di samping kebijaksanaan dan kekuatan keputusan-keputusan yang tegas dan tidak teragak-agak. Keputusan yang seperti ini merupakan kemuncak kesempurnaan di dalam pengadilan dan pemerintahan dalam dunia manusia.

Kehakiman Nabi Daud a.s. Diuji

Walaupun demikian, Daud a.s. telah menghadapi ujian, tetapi Allah sentiasa memelihara dan memimpin jejak langkahnya. Tangan qudrat Allah sentiasa menolong beliau dengan mendedahkan kelemahan dan kesalahannya, juga sentiasa menjaga beliau dari bahaya diperjalanan dan mengajar beliau bagaimana hendak menghindarinya:

وَهَلْ أَتَىٰكَ نَبَؤُا۟ ٱلْخَصْمِ إِذْ تَسَوَّرُوا۟ ٱلْمِحْرَابَ ٢١
إِذْ دَخَلُوا۟ عَلَىٰ دَاوُۥدَ فَفَزِعَ مِنْهُمْ ۖ قَالُوا۟ لَا تَخَفْ ۖ
خَصْمَانِ بَغَىٰ بَعْضُنَا عَلَىٰ بَعْضٍ فَٱحْكُم بَيْنَنَا بِٱلْحَقِّ
وَلَا تُشْطِطْ وَٱهْدِنَآ إِلَىٰ سَوَآءِ ٱلصِّرَٰطِ ٢٢
إِنَّ هَٰذَآ أَخِى لَهُۥ تِسْعٌ وَتِسْعُونَ نَعْجَةً وَلِىَ نَعْجَةٌ وَٰحِدَةٌ
فَقَالَ أَكْفِلْنِيهَا وَعَزَّنِى فِى ٱلْخِطَابِ ٢٣
قَالَ لَقَدْ ظَلَمَكَ بِسُؤَالِ نَعْجَتِكَ إِلَىٰ نِعَاجِهِۦ ۖ وَإِنَّ كَثِيرًا
مِّنَ ٱلْخُلَطَآءِ لَيَبْغِى بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟
وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَقَلِيلٌ مَّا هُمْ ۗ وَظَنَّ دَاوُۥدُ أَنَّمَا فَتَنَّٰهُ
فَٱسْتَغْفَرَ رَبَّهُۥ وَخَرَّ رَاكِعًا وَأَنَابَ ٢٤

"Dan apakah sampai kepadamu berita mereka yang berguam ketika mereka memanjat mihrab? (21) Ketika mereka masuk mendapatkan Daud. Ia terkejut melihat mereka, lalu mereka berkata: Janganlah takut, kami ini adalah dua orang yang berguam. Salah seorang dari kami telah melakukan kezaliman terhadap yang lain. Oleh itu adililah di antara kami dengan hukuman yang benar dan janganlah berlaku zalim dan tunjukkan kami ke jalan yang lurus (22). Sesungguhnya saudaraku ini mempunyai sembilan puluh sembilan ekor kambing betina, sedangkan aku hanya mempunyai seekor sahaja. Lalu dia berkata kepadaku: Serahkan sahaja kambing itu kepada milikku dan dia berlaku kasar terhadapku di dalam percakapannya (23). Ujar Daud: Dia (saudaramu) itu telah menzalimimu dengan meminta kambingmu, dan sesungguhnya kebanyakan kaum kerabat yang mencampurkan harta sesama mereka bertindak zalim terhadap satu sama lain melainkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih, sedangkan mereka yang seperti itu hanya sedikit sahaja. Lalu Daud pun yakin bahawa Kami telah menduganya, maka kerana itu dia memohon keampunan kepada Tuhannya dan merebahkan dirinya ruku' (dan sujud) dan kembali kepada Allah."(24)

Cerita ujian itu ialah begini. Nabi Daud a.s. yang menjadi raja itu telah memperuntukkan sebahagian waktunya untuk menguruskan pentadbiran negara dan menjalankan pengadilan di antara orang ramai. Sebahagian waktunya yang lain diperuntukkan bagi amalan ibadat dan melagukan bacaan-bacaan suci bertasbih kepada Allah di mihrab. Biasanya apabila beliau memasuki mihrab untuk melakukan amal ibadat, tiada siapa pun yang masuk mengganggunya sehingga beliau keluar mendapatkan mereka.

Pada suatu hari beliau terkejut apabila dua orang yang tidak dikenalinya memanjat tembok mihrabnya yang tertutup itu. Beliau ketakutan, kerana orang yang beriman dan bersifat jujur tidak akan memanjat tembok seperti mereka. Lalu kedua-dua orang itu, membuka kata:

قَالُواْ لَا تَخَفۡۖ خَصۡمَانِ بَغَىٰ بَعۡضُنَا عَلَىٰ بَعۡضٖ

"Janganlah takut, kami ini adalah dua orang yang berguam. Salah seorang dari kami telah melakukan kezaliman terhadap yang lain"(22)

dan tujuan kami datang ialah untuk berguam di hadapan anda.

فَٱحۡكُم بَيۡنَنَا بِٱلۡحَقِّ وَلَا تُشۡطِطۡ وَٱهۡدِنَآ إِلَىٰ سَوَآءِ
ٱلصِّرَٰطِ ٢٢

"Oleh itu adililah diantara kami dengan hukuman yang benar dan janganlah berlaku zalim dan tunjukkan kami ke jalan yang lurus."(22)

Salah seorang dari dua orang yang berguam itu mengemukakan aduannya:

إِنَّ هَٰذَآ أَخِي لَهُۥ تِسۡعٞ وَتِسۡعُونَ نَعۡجَةٗ وَلِيَ نَعۡجَةٞ وَٰحِدَةٞ
فَقَالَ أَكۡفِلۡنِيهَا وَعَزَّنِي فِي ٱلۡخِطَابِ ٢٣

"Sesungguhnya saudaraku ini mempunyai sembilan puluh sembilan ekor kambing betina, sedangkan aku hanya mempunyai seekor sahaja. Lalu dia berkata kepada aku: Serahkan sahaja kambing itu kepada milikku dan dia berlaku kasar terhadapku di dalam percakapannya."(23)

Pengaduan yang dikemukakan oleh salah seorang dari dua orang yang hendak berguam itu mengandungi kezaliman yang amat terang dan tidak dapat ditakwilkan lagi. Oleh kerana itu Daud dengan segera menjatuhkan hukumannya sebaik sahaja beliau selesai mendengar aduan itu. Beliau tidak bertanya apa-apa kepada yang terdakwa, tidak meminta keterangan darinya dan tidak mendengar hujah balasnya, malah terus memberi hukumannya:

قَالَ لَقَدۡ ظَلَمَكَ بِسُؤَالِ نَعۡجَتِكَ إِلَىٰ نِعَاجِهِۦۖ وَإِنَّ كَثِيرٗا
مِّنَ ٱلۡخُلَطَآءِ لَيَبۡغِي بَعۡضُهُمۡ عَلَىٰ بَعۡضٍ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ
وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَقَلِيلٞ مَّا هُمۡۗ

"Ujar Daud: Dia (saudaramu) itu telah menzalimimu dengan meminta kambingmu, dan sesungguhnya kebanyakan kaum kerabat yang mencampurkan harta sesama mereka bertindak zalim terhadap satu sama lain melainkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih, sedangkan mereka yang seperti itu hanya sedikit sahaja."(24)

Nampaknya setakat ini dua orang lelaki itu telah menghilangkan diri. Kedua-duanya ialah dua orang malaikat yang datang untuk menguji Nabi Daud yang dilantikkan Allah sebagai raja supaya beliau mentadbirkan urusan orang ramai dan mengadili di antara mereka dengan hukuman yang benar dan adil, juga supaya beliau menyelidik dengan teliti sebelum menjatuhkan hukuman. Kedua-dua malaikat telah memilih satu cara yang amat menarik dan jelas dalam mengemukakan aduan itu kepada Daud, tetapi seorang hakim tidak seharusnya terpengaruh dan gopoh. Dia tidak seharusnya menerima bulat-bulat keterangan dari sebelah pihak sebelum memberi peluang, kepada pihak yang satu lagi mengemukakan keterangan dan hujah balasnya. Jika dia berbuat demikian mungkin seluruh persoalan itu atau setengahnya berubah dan ternyatalah bahawa keterangan yang nampak jelas tadi adalah sebenarnya palsu atau bohong atau tidak cukup.

Di sini sedarlah Nabi Daud a.s. bahawa beliau telah diuji Allah:

وَظَنَّ دَاوُۥدُ أَنَّمَا فَتَنَّٰهُ فَٱسۡتَغۡفَرَ رَبَّهُۥ وَخَرَّۤ رَاكِعٗاۤ
وَأَنَابَ ٢٤

"Lalu Daud pun yakin bahawa Kami telah menduganya, maka kerana itu dia memohon keampunan kepada Tuhannya dan merebahkan dirinya ruku' (dan sujud) dan kembali kepada Allah."(24)

Itulah tabi'at Nabi Daud yang sentiasa kembali kepada Allah.

فَغَفَرۡنَا لَهُۥ ذَٰلِكَۖ وَإِنَّ لَهُۥ عِندَنَا لَزُلۡفَىٰ وَحُسۡنَ
مَـَٔابٖ ٢٥

"Lalu Kami ampunkan kesalahannya yang demikian dan sesungguhnya dia mempunyai kedudukan yang hampir di sisi Kami serta tempat kembali yang terbaik."(25)

Setengah-setengah kitab tafsir telah menjerumuskan diri begitu banyak di dalam dongeng-dongeng Israeliyat ketika menghuraikan maksud ujian yang dihadapi Daud a.s. ini. Ia sama sekali tidak sesuai dengan hakikat ujian itu sehingga riwayat-riwayat yang cuba mengurangkan dongeng-dongeng itu turut juga terlibat dengan dongeng-dongeng itu dan riwayat-riwayat itu sama sekali tidak layak dipertimbangkan dan tidak sesuai dengan firman Allah:

وَإِنَّ لَهُۥ عِندَنَا لَزُلۡفَىٰ وَحُسۡنَ مَـَٔابٖ ٢٥

"Sesungguhnya dia (Daud) mempunyai kedudukan yang hampir di sisi Kami serta tempat kembali yang sebaik-baiknya."(25)

Ulasan Al-Qur'an selepas kisah ini juga mendedahkan apakah yang dimaksud dengan fitnah itu. Ulasan itu memberi arahan yang jelas kepada hamba-Nya yang telah dilantik sebagai hakim yang bertugas mengadili orang ramai itu:

يَٰدَاوُۥدُ إِنَّا جَعَلْنَٰكَ خَلِيفَةً فِى ٱلْأَرْضِ فَٱحْكُم بَيْنَ
ٱلنَّاسِ بِٱلْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ ٱلْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَن سَبِيلِ
ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَضِلُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ
شَدِيدٌۢ بِمَا نَسُوا۟ يَوْمَ ٱلْحِسَابِ ﴿٢٦﴾

"Wahai Daud! Sesungguhnya Kami telah melantikkan engkau sebagai khalifah di bumi. Oleh itu adililah di antara manusia dengan (hukuman) yang benar dan janganlah engkau menurut hawa nafsu kerana ini akan menyesatkan engkau dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan memperolehi 'azab yang amat berat kerana mereka lupakan hari Hisab."(26)

Itulah ujian menjadi khalifah di bumi dan menjadi hakim yang mengadili di antara orang ramai dengan hukuman yang benar bukannya dengan hukuman menurut hawa nafsu. Hukuman mengikut nafsu pada seorang Nabi ialah telatah terpengaruh dengan emosi pertama dan telatah tidak teliti, tidak hemat dan cermat. Telatah-telatah seperti ini jika berterusan boleh membawa kepada kesesatan. Adapun keterangan akhir ayat yang menggambarkan akibat kesesatan itu, maka ia merupakan hukuman umum terhadap natijah-natijah kesesatan dari jalan Allah iaitu perbuatan lupa kepada Allah dan kepada 'azab yang amat berat pada hari Hisab.

Di antara gejala-gejala riayah Allah terhadap hamba-Nya Daud ialah Allah terus menyedarkannya pada kesalahannya yang pertama dan mengembalikannya semula ke pangkal jalan sebaik sahaja beliau bertindak terburu-buru bagi pertama kalinya. Allah mengingatkan beliau supaya hati-hati terhadap matlamat pengadilan yang jauh, sedangkan beliau belum lagi melangkah selangkah menuju kepadanya. Itulah limpah kurnia Allah terhadap Rasul-rasul selaku hamba-hamba pilihan-Nya. Mereka dengan sifat-sifat manusia yang ada pada mereka terkadang-kadang tergelincir sedikit lalu dibetulkan Allah dengan segera. Allah sentiasa membimbing, mengajar dan mendorong mereka kembali kepada Allah dan sentiasa memberi keampunan kepada mereka dan melimpahkan rahmat ke atas mereka selepas mereka menjalani ujian.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 29)

Ketika menjelaskan dasar "kebenaran"(الحق) di dalam pentadbiran khilafah di bumi dan di dalam urusan pengadilan di antara manusia dan sebelum ditamatkan kisah Daud, Al-Qur'an memulangkan dasar "kebenaran" itu kepada asalnya yang amat besar, iaitu dasar itu adalah menjadi landasan penciptaan langit bumi. Dasar "kebenaran" adalah lebih luas dari pentadbiran khilafah di bumi dan dari urusan pengadilan di antara manusia. Ia lebih besar dari bumi ini dan lebih jauh dari hidup dunia kerana ia merangkumi alam buana dan hidup Akhirat. Dari dasar "kebenaran" dan di atas dasar "kebenaran" inilah datangnya risalah yang akhir dan datangnya kitab Al-Qur'an yang mentafsir "kebenaran" yang syamil dan agung itu:

وَمَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَآءَ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بَٰطِلًا ۚ ذَٰلِكَ
ظَنُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنَ ٱلنَّارِ ﴿٢٧﴾
أَمْ نَجْعَلُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ كَٱلْمُفْسِدِينَ فِى
ٱلْأَرْضِ أَمْ نَجْعَلُ ٱلْمُتَّقِينَ كَٱلْفُجَّارِ ﴿٢٨﴾
كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ إِلَيْكَ مُبَٰرَكٌ لِّيَدَّبَّرُوٓا۟ ءَايَٰتِهِۦ وَلِيَتَذَكَّرَ
أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٢٩﴾

"Dan Kami tidak ciptakan langit, bumi dan segala kejadian di antara keduanya sebagai suatu perkara mainan (sia-sia). Itulah sangkaan orang-orang yang kafir, maka kerana itu celakalah bagi orang-orang kafir dari 'azab Neraka (27). Atau apakah patut Kami jadikan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih itu sama seperti para perosak di bumi atau apakah patut Kami jadikan para Muttaqin itu sama seperti para penjahat? (28) (Al-Qur'an) sebuah kitab yang berkat yang Kami telah turunkannya kepadamu supaya mereka memikirkan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang berakal mengambil pengajaran darinya."(29)

Dengan tiga ayat ini terjelaslah hakikat agung yang syumul, yang amat halus, mendalam yang merangkumi semua sudut, cabang dan rangkaiannya.

Penciptaan langit, bumi dan segala yang ada di antara keduanya bukanlah suatu perkara mainan. Penciptaan itu tidak pernah dilandaskan di atas dasar mainan, malah penciptaan itu suatu perkara yang benar dan dilandaskan di atas dasar "kebenaran". Dan dari dasar "kebenaran" inilah lahirnya berbagai-bagai hak yang lain, iaitu dasar kebenaran dalam pentadbiran khilafah di bumi, dasar kebenaran di dalam pengadilan di antara manusia dan dasar kebenaran dalam menilaikan perasaan manusia dan amalan-amalan mereka. Oleh kerana itu orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih tidak sama dengan para perosak di bumi. Begitu juga

para Muttaqin tidak sama dengan para penjahat. Dasar kebenaran yang dibawa oleh Al-Qur'an yang diturunkan Allah supaya manusia memperhatikan ayat-ayat-Nya dan supaya orang-orang yang berakal mengambil pengajaran darinya itu adalah dari hakikat-hakikat yang tulen yang tidak dapat difahami oleh orang-orang kafir, kerana fitrah mereka tidak bersambung dengan kebenaran dan kebenaran yang semula di dalam pembinaan alam buana ini. Oleh sebab itu mereka menaruh sangkaan yang buruk terhadap Allah dan mereka tidak dapat memahami sedikit pun ketulenan dasar kebenaran.

ذَٰلِكَ ظَنُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْۚ فَوَيۡلٞ لِّلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنَ ٱلنَّارِ ٢٧

"Itulah sangkaan orang-orang yang kafir, maka kerana itu celakalah bagi orang-orang kafir dari 'azab Neraka."(27)

Syari'at Allah untuk umat manusia, itu merupakan sebahagian dari undang-undang-Nya dalam penciptaan alam buana ini. Kitab Al-Qur'an yang diturunkan Allah merupakan penerangan kepada dasar kebenaran yang menjadi Ωlandasan undang-undang itu. Keadilan yang dituntut supaya dilaksanakannya oleh para khalifah di bumi dan para hakim yang mengadili manusia merupakan sebahagian dari dasar kebenaran yang menyeluruh. Kehidupan manusia tidak akan dapat berjalan dengan baik melainkan apabila kehidupan itu selaras dengan semua bahagian undang-undang Allah yang lain. Penyelewengan dari syari'at Allah dan dari dasar kebenaran di dalam pentadbiran khilafah dan di dalam keadilan hukuman merupakan penyelewengan dari undang-undang alam buana yang menjadi tapak tegaknya langit dan bumi. Penyelewengan itu merupakan suatu kejahatan yang amat besar dan suatu pelanggaran dengan kuasa-kuasa alam yang besar yang akan membuat seseorang itu hancur lebur dan binasa. Tiada seorang pun dari orang yang zalim, pelampau dan menyeleweng dari undang-undang Allah, dari undang-undang alam buana dan dari tabi'at alam al-wujud dapat bertahan dengan kekuatannya yang kerdil di, hadapan kekuatan-kekuatan undang-undang yang agung dan menghancur leburkan itu. Dia tidak mungkin dapat bertahan dari dilanyak oleh roda undang-undang alam yang gagah dan menghancur luluhkan itu.

Inilah yang patut difikirkan oleh orang-orang yang mahu mengambil pengajaran dan patut diingatkan oleh orang-orang yang berakal.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 40)

Pemerintahan Nabi Sulaiman a.s. Diuji

Selepas ulasan selingan di tengah kisah Daud yang dituju untuk menjelaskan hakikat yang agung itu, Al-Qur'an kembali menyebutkan limpah kurnia Allah ke atas Daud pada anaknya Nabi Sulaiman a.s. yang telah dikurniakan berbagai ni'mat. Begitu juga ia menyebut ujian Allah dan ri'ayah-Nya terhadap Sulaiman dan bagaimana Allah melimpahkan ni'mat ke atasnya selepas ujian itu:

وَوَهَبۡنَا لِدَاوُۥدَ سُلَيۡمَٰنَۚ نِعۡمَ ٱلۡعَبۡدُ إِنَّهُۥٓ أَوَّابٌ ٣٠
إِذۡ عُرِضَ عَلَيۡهِ بِٱلۡعَشِيِّ ٱلصَّٰفِنَٰتُ ٱلۡجِيَادُ ٣١
فَقَالَ إِنِّيٓ أَحۡبَبۡتُ حُبَّ ٱلۡخَيۡرِ عَن ذِكۡرِ رَبِّي حَتَّىٰ تَوَارَتۡ
بِٱلۡحِجَابِ ٣٢
رُدُّوهَا عَلَيَّۖ فَطَفِقَ مَسۡحَۢا بِٱلسُّوقِ وَٱلۡأَعۡنَاقِ ٣٣
وَلَقَدۡ فَتَنَّا سُلَيۡمَٰنَ وَأَلۡقَيۡنَا عَلَىٰ كُرۡسِيِّهِۦ جَسَدٗا
ثُمَّ أَنَابَ ٣٤
قَالَ رَبِّ ٱغۡفِرۡ لِي وَهَبۡ لِي مُلۡكٗا لَّا يَنۢبَغِي لِأَحَدٖ مِّنۢ
بَعۡدِيٓۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلۡوَهَّابُ ٣٥
فَسَخَّرۡنَا لَهُ ٱلرِّيحَ تَجۡرِي بِأَمۡرِهِۦ رُخَآءً حَيۡثُ أَصَابَ ٣٦
وَٱلشَّيَٰطِينَ كُلَّ بَنَّآءٖ وَغَوَّاصٖ ٣٧
وَءَاخَرِينَ مُقَرَّنِينَ فِي ٱلۡأَصۡفَادِ ٣٨
هَٰذَا عَطَآؤُنَا فَٱمۡنُنۡ أَوۡ أَمۡسِكۡ بِغَيۡرِ حِسَابٖ ٣٩
وَإِنَّ لَهُۥ عِندَنَا لَزُلۡفَىٰ وَحُسۡنَ مَـَٔابٖ ٤٠

"Dan Kami telah kurniakan kepada Daud (putera) Sulaiman. Dia adalah sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah (30). (Kenangilah) ketika dipamerkan kepadanya pada suatu petang kuda-kuda yang cantik berdiri dan tangkas berlari (31)[4]. Lalu dia berkata: Sesungguhnya aku amat menyayangi kuda-kuda menyebabkanku terlupa dari mengingati Tuhanku sehingga matahari melindungi dirinya dengan tabir (malam) (32). (Dia memerintah orang-orangnya): Kembalikan kuda-kuda itu kepadaku. Lalu dia terus mengusap-ngusap kaki dan leher kuda-kuda itu (33). Sesungguhnya Kami telah ujikan Sulaiman (dengan suatu kejadian), lalu Kami letakkannya di atas takhtanya satu jasad yang tidak cukup sifatnya kemudian dia kembali kepada Allah (34). Dia berdo'a: Wahai Tuhanku! Ampunkan daku dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak wajar dipunyai seorang yang lain selepasku. Sesungguhnya engkaulah Yang Maha Pemurah (35). Lalu Kami tundukkan angin, kepadanya. Ia bertiup lembut dengan perintahnya ke mana sahaja dia kehendaki

---

4 *Juzu' 23 berakhir di ayat (32). Lihat nota kaki terakhir bagi Surah ini.*

(36). Dan (Kami tundukkan) syaitan-syaitan kepadanya, iaitu syaitan-syaitan pembina bangunan dan penyelam (37). Dan syaitan-syaitan yang lain yang dirantai dengan belenggu-belenggu (38). (Kami katakan kepadanya): Inilah pemberian Kami, maka (engkau bebas) memberikannya (kepada siapa yang disukai engkau) atau menahankannya (dari siapa yang tidak disukai engkau) tanpa hisab (39). Dan sesungguhnya dia mempunyai kedudukan yang hampir di sisi Kami dan tempat kembali yang terbaik."(40)

Ada dua isyarat yang disebut di dalam ayat-ayat ini iaitu: Pertama, tentang kuda-kuda yang cantik berdiri dan tangkas berlari. Kedua, tentang satu jasad yang dicampakkan ke atas takhta Sulaiman. Hati saya tidak senang dengan mana-mana pentafsiran atau riwayat-riwayat yang terkandung di dalam kitab-kitab tafsir dan riwayat-riwayat mengenai kedua-dua isyarat ini. Semuanya merupakan sama ada dongeng-dongeng Israeliyat atau ta'wilan-ta'wilan yang tidak berasas. Saya tidak dapat memahami tabi'at dua kejadian itu dengan kefahaman yang dapat meyakinkan hati saya sendiri sehingga dapat saya gambar dan ceritakannya di sini. Saya tidak menemui satu athar yang sahih yang dapat, saya bersandar kepadanya dalam mentafsir dan menggambarkan dua kejadian itu selain dari sebuah hadith yang sahih. Memang hadith itu sendiri sahih tetapi hubungannya dengan salah satu dari dua kejadian itu adalah tidak diyakinkan. Hadith itu diriwayatkan oleh Abu Hurayrah r.a. dari Rasulullah s.a.w., dan Iman al-Bukhari telah mengeluarkannya di dalam Sahihnya dengan sanad yang marfu'. Bunyi hadith itu begini:

قال سليمان: لأطوفن الليلة على سبعين امرأة . كل واحدة تأتي بفارس يجاهد في سبيل الله . ولم يقل: إن شاء الله . فطاف عليهن فلم يحمل إلا امرأة واحدة جاءت يشق رجل . والذي نفسي بيده ، لو قال إن شاء الله الجاهدوا في سبيل الله فرساناً أجمعون

"Ujar Sulaiman: Malam ini aku akan berkeliling untuk mencampuri tujuh puluh orang isteri (dengan harapan) setiap isteri dapat melahirkan seorang pahlawan yang dapat berjihad pada jalan Allah, tetapi beliau tidak berkata: "Insya Allah", lalu beliau berkeliling membuat hubungan kelamin dengan mereka, tetapi tiada yang mengandung melainkan hanya seorang sahaja yang melahirkan separuh anak lelaki (cacat). Demi Allah yang memegang nyawaku di tangan-Nya, jika dia (Sulaiman) berkata: "Insya Allah", tentulah (semua isterinya mendapat anak) yang dapat berjihad pada jalan Allah sebagai pahlawan semuanya."

Mungkin inilah ujian yang diisyaratkan oleh ayat-ayat ini. Dan jasad yang tercampak di atas takhta yang dimaksudkan itu ialah jasad anak separuh lelaki itu. Ini hanya suatu kemungkinan sahaja. Adapun kisah kuda-kuda pula menurut satu pendapat, Nabi Sulaiman a.s. asyik melihat kuda-kuda kepunyaannya pada suatu petang hingga luput sembahyang yang selalu didirikannya sebelum waktu Maghrib. Lalu beliau bersabda: "Kembalikan kuda-kuda itu kepada aku." Mereka pun membawa kembali kuda-kuda itu kepadanya, beliau pun memukul leher dan kaki kuda-kuda itu sebagai balasan kerana ia melalaikannya dari mengingati Allah. Dalam satu riwayat yang lain beliau mengusap-ngusapkan leher dan kaki kuda-kuda itu sebagai memuliakan kuda-kuda itu kerana ia adalah kuda-kuda perang fi Sabilillah. Kedua-dua riwayat ini tidak mempunyai dalil dan sukar untuk dipegang dengan yakin.

Oleh kerana itu seseorang yang hemat tidak dapat berkata apa-apa mengenai dua tafsiran kejadian ini yang disebut di dalam Al-Qur'an.

Kesimpulan yang dapat kita keluarkan ialah di sana ada ujian Allah terhadap Nabi Allah Sulaiman a.s. dalam suatu perkara yang ada hubungan dengan tindak-tanduknya di dalam pentadbiran kerajaan sebagaimana Allah ujikan para Nabi yang lain dengan maksud untuk memberi arahan-arahan dan petunjuk-petunjuk kepada mereka, juga untuk memelihara langkah-langkah mereka dari tergelincir. Nabi Sulaiman a.s. kembali kepada Allah memohon keampunan dan mengangkatkan do'a dan harapannya kepada Allah:

قَالَ رَبِّ ٱغْفِرْ لِى وَهَبْ لِى مُلْكًا لَّا يَنۢبَغِى لِأَحَدٍ مِّنۢ بَعْدِىٓ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْوَهَّابُ ﴿٣٥﴾

"Dia berdo'a: Wahai Tuhanku! Ampunkan daku dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak wajar dipunyai seorang yang lain selepasku. Sesungguhnya engkaulah Yang Maha Pemurah."(35)

Ta'wilan yang paling dekat mengenai permohonan Nabi Sulaiman a.s. ini ialah beliau tidak menghendaki kerajaan itu untuk kepentingan dirinya, malah beliau mahukan sebuah kerajaan istimewa yang berbentuk mu'jizat, iaitu beliau mahukan sebuah kerajaan yang mempunyai ciri yang membezakannya dari seluruh kerajaan yang lain yang datang kemudiannya dan mempunyai sifat yang tertentu yang tidak pernah berulang-ulang dan tidak pula pernah dikenali manusia.

Allah S.W.T. telah memperkenankan do'anya, lalu mengurniakan kepadanya sebuah kerajaan istimewa yang tidak berulang-ulang:

فَسَخَّرْنَا لَهُ ٱلرِّيحَ تَجْرِى بِأَمْرِهِۦ رُخَآءً حَيْثُ أَصَابَ ﴿٣٦﴾

وَٱلشَّيَـٰطِينَ كُلَّ بَنَّآءٍ وَغَوَّاصٍ ﴿٣٧﴾

وَءَاخَرِينَ مُقَرَّنِينَ فِى ٱلْأَصْفَادِ ﴿٣٨﴾

"Lalu Kami tundukkan angin, kepadanya. Ia bertiup lembut dengan perintahnya ke mana sahaja dia kehendaki (36). Dan (Kami tundukkan) syaitan-syaitan kepadanya, iaitu syaitan-syaitan pembina bangunan dan penyelam (37). Dan syaitan-syaitan yang lain yang dirantai dengan belenggu-belenggu."(38)

Tunduknya angin kepada mana-mana hamba Allah adalah dengan keizinan Allah. Ia tidak keluar dari tunduknya angin kepada iradat Allah. Ia selama-lamanya tunduk kepada iradat Allah tanpa sebarang keraguan. Ia bertiup dengan perintah-Nya menurut undang-undang-Nya. Apabila Allah memberi kemudahan kepada mana-mana hamba-Nya pada bila-bila masa supaya mengungkapkan iradat Allah S.W.T., supaya tindak-tanduknya bersesuaian dengan urusan Allah pada masa itu dan supaya angin itu bertiup lembut mengikut ke mana sahaja yang dikehendakinya, maka perkara yang seperti ini bukanlah suatu perkara yang tidak mungkin, malah perkara yang seperti ini berlaku dengan bermacam-macam bentuk. Allah S.W.T. berfirman di dalam Al-Qur'an kepada Rasulullah s.a.w.:

لَّئِن لَّمْ يَنتَهِ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ
وَٱلْمُرْجِفُونَ فِى ٱلْمَدِينَةِ لَنُغْرِيَنَّكَ بِهِمْ ثُمَّ لَا
يُجَاوِرُونَكَ فِيهَآ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٦٠﴾

"Jika orang-orang Munafiq dan orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka juga penyebar-penyebar berita bohong di Madinah itu tidak berhenti (dari menyakitimu), nescaya Kami akan mendorong engkau menyerang mereka. Kemudian mereka tidak lagi berjiran dengan engkau di Madinah melainkan dalam waktu yang sedikit sahaja."

(Surah al-Ahzab: 60)

Apakah makna ayat ini? Maknanya jika mereka tidak berhenti, maka iradat Kami akan memberi kuasa kepada engkau menguasai mereka dan mengusirkan mereka keluar dari Madinah. Dan ini akan terlaksana dengan mengarahkan iradat dan keinginan engkau supaya memerangi mereka dan mengeluarkan mereka dari Madinah. Dengan ini terlaksanalah iradat Kami terhadap mereka dengan perantaraan engkau. Inilah yang dikatakan penyelarasan perintah Allah S.W.T. dengan tindak-tanduk Nabi s.a.w. Jadi, iradat dan perintah Allah itu tetap merupakan dua sumber yang asal. Kedua-duanya menjelma pada iradat Rasulullah s.a.w. dan tindak-tanduknya mengikut apa yang dikehendaki Allah. Pendekatan ini memudahkan kita untuk memahami makna tunduknya angin kepada perintah Nabi Sulaiman a.s. iaitu dengan makna tunduknya angin kepada perintah beliau yang sesuai dengan perintah Allah yang mengarahkan angin itu atau tunduknya angin kepada perintah beliau yang menjunjung perintah Allah dan mengungkapkannya dalam segala keadaan.

Demikianlah juga Allah tundukkan kepada Nabi Sulaimain a.s. syaitan-syaitan untuk membina bangunan-bangunan yang dikehendakinya dan menyelam di dalam lautan dan di dalam perut bumi mencari apa yang dikehendakinya. Allah telah memberi kuasa kepada beliau menghukumkan syaitan-syaitan yang derhaka dan melakukan kerosakan dan mengikat mereka dengan belenggu-belenggu yang merantaikan tangan mereka kepada kaki mereka atau merantaikan mereka berdua-duaan atau lebih pada belenggu-belenggu itu ketika perlu.

Kemudian dikatakan kepada beliau: Sesungguhnya engkau adalah bebas menggunakan kuasa dan ni'mat yang dikurniakan Allah kepadamu. Engkau boleh memberi kepada siapa yang engkau kehendaki mengikut cara yang engkau kehendaki dan engkau boleh menahankan pemberian itu kepada siapa yang engkau kehendaki mengikut kadar yang engkau kehendaki:

هَٰذَا عَطَآؤُنَا فَٱمْنُنْ أَوْ أَمْسِكْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٩﴾

"(Kami katakan kepadanya): Inilah pemberian Kami, maka (engkau bebas) memberikannya (kepada siapa yang disukai engkau) atau menahankannya (dari siapa yang tidak disukai engkau) tanpa hisab."(39)

Ini adalah sebagai menambahkan lagi penghormatan dan pemberian yang dikurniakan Allah kepadanya. Kemudian ditambahkan pula dengan mengurniakan kepadanya darjat yang hampir di sisi Allah di dunia dan tempat kediaman yang terbaik di Akhirat:

وَإِنَّ لَهُۥ عِندَنَا لَزُلْفَىٰ وَحُسْنَ مَـَٔابٍ ﴿٤٠﴾

"Dan sesungguhnya dia mempunyai kedudukan yang hampir di sisi Kami dan tempat kembali yang terbaik."(40)

Itulah darjat yang amat tinggi iaitu ri'ayah, keredhaan, pengurniaan dan penghormatan Allah kepada beliau.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 44)

Nabi Ayyub a.s. Diuji

Kemudian kita ikuti kisah-kisah ujian dan kesabaran, juga kisah pengurniaan Allah selepas ujian itu. Kini kita ikuti kisah Ayyub a.s.:

وَٱذْكُرْ عَبْدَنَآ أَيُّوبَ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُۥٓ أَنِّى مَسَّنِىَ ٱلشَّيْطَٰنُ
بِنُصْبٍ وَعَذَابٍ ﴿٤١﴾
ٱرْكُضْ بِرِجْلِكَ هَٰذَا مُغْتَسَلٌۢ بَارِدٌ وَشَرَابٌ ﴿٤٢﴾
وَوَهَبْنَا لَهُۥٓ أَهْلَهُۥ وَمِثْلَهُم مَّعَهُمْ رَحْمَةً مِّنَّا وَذِكْرَىٰ لِأُو۟لِى
ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٤٣﴾
وَخُذْ بِيَدِكَ ضِغْثًا فَٱضْرِب بِّهِۦ وَلَا تَحْنَثْ إِنَّا وَجَدْنَٰهُ
صَابِرًا نِّعْمَ ٱلْعَبْدُ إِنَّهُۥٓ أَوَّابٌ ﴿٤٤﴾

"Dan kenangilah hamba Kami Ayyub ketika dia menyeru Tuhannya. Sesungguhnya aku telah diganggu syaitan dengan kesusahan dan keseksaan (41). (Allah berfirman kepadanya) hentakkan (bumi) dengan kakimu, inilah air

dingin untuk mandi dan minum (42). Dan Kami kurniakannya kembali keluarganya dengan bilangan sekali ganda lagi bersama mereka sebagai rahmat dari Kami dan peringatan kepada orang-orang yang berakal (43). Dan ambillah seberkas ranting-ranting halus, kemudian pukullah (isterimu) dengannya dan janganlah engkau melanggar sumpahmu. Sesungguhnya Kami dapatinya (Ayyub) seorang yang sabar. Dialah sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah."(44)

Kisah penderitaan Ayyub dan kesabarannya merupakan satu kisah yang amat masyhur yang menjadi contoh teladan kesabaran dalam menghadapi ujian Allah, tetapi kisah itu bercampur aduk dengan dongeng-dongeng Israeliyat. Batas yang aman dan bersih dari kisah ini ialah Nabi Ayyub a.s. mengikut keterangan Al-Qur'an adalah seorang hamba yang amat salih dan sentiasa kembali kepada Allah. Allah telah menguji beliau dan beliau telah menunjukkan kesabaran yang amat tinggi menghadapi ujian itu. Nampaknya ujian itu ialah ujian berupa kesusahan kerana kehilangan harta benda, keluarga dan kesihatan semua sekali, tetapi beliau tetap berhubung rapat dengan Allah, tetap yakin kepada-Nya dan tetap redha terhadap habuan yang dibahagikan Allah kepadanya.

Syaitan telah menghasut orang-orang yang rapat kepada beliau yang terdiri dari sekumpulan kecil yang masih setia kepada beliau. Di antaranya ialah isteri beliau sendiri. Syaitan menghasut mereka jika Allah itu benar-benar kasih kepada Ayyub tentulah Dia tidak menimpakan kesusahan kepada beliau. Mereka telah mengemukakan perkataan yang seperti ini kepada beliau dan perkataan-perkataan itu lebih menyakitkan jiwa beliau dari kesusahan dan penderitaan yang dialaminya. Apabila isterinya juga turut mengatakan sebahagian dari perkataan yang dihasutkan oleh syaitan itu, beliau pun bersumpah jika beliau sembuh dari kesakitannya beliau akan memukul isterinya sekian kali yang telah ditentukannya. Menurut satu pendapat ialah sebanyak seratus kali.

Ketika itu beliau pun bertawajjuh kepada Allah mengadu kepada-Nya tentang gangguan-gangguan syaitan yang menyakitkan beliau dan hasutan-hasutannya yang mengacau jiwa pengikut-pengikutnya yang rapat dan kesan gangguan itu kepada jiwanya sendiri:

وَٱذۡكُرۡ عَبۡدَنَآ أَيُّوبَ إِذۡ نَادَىٰ رَبَّهُۥٓ أَنِّي مَسَّنِيَ ٱلشَّيۡطَٰنُ
بِنُصۡبٖ وَعَذَابٍ ﴿٤١﴾

"Dan kenangilah hamba Kami Ayyub ketika dia menyeru Tuhannya: Sesungguhnya aku telah diganggu syaitan dengan kesusahan dan keseksaan."(41)

Apabila Allah mengetahui kebenaran dan kesabaran beliau, juga kebencian beliau terhadap percubaan-percubaan syaitan yang menyakitinya, maka Allah mengurniakan pertolongan dengan limpah rahmat-Nya dan menamatkan penderitaan-penderitaannya serta mengembalikan kesihatannya dengan menyuruh beliau supaya menghentakkan kakinya ke bumi lalu terpancarlah mataair yang dingin. Apabila beliau mandi dengan air itu dan minum, maka beliau pun sembuh dari penyakitnya:

ٱرۡكُضۡ بِرِجۡلِكَۖ هَٰذَا مُغۡتَسَلُۢ بَارِدٞ وَشَرَابٞ ﴿٤٢﴾

"(Allah berfirman kepadanya) hentakkan (bumi) dengan kakimu, inilah air dingin untuk mandi dan minum."(42)

Al-Qur'an menyambung lagi:

وَوَهَبۡنَا لَهُۥٓ أَهۡلَهُۥ وَمِثۡلَهُم مَّعَهُمۡ رَحۡمَةٗ مِّنَّا وَذِكۡرَىٰ لِأُوْلِي
ٱلۡأَلۡبَٰبِ ﴿٤٣﴾

"Dan Kami kurniakannya kembali keluarganya dengan bilangan sekali ganda lagi bersama mereka sebagai rahmat dari Kami dan peringatan kepada orang-orang yang berakal."(43)

Menurut setengah-setengah riwayat, Allah S.W.T. telah menghidupkan kembali anak-anaknya yang mati dan mengurniakan anak-anak sekali ganda lagi, tetapi di dalam ayat ini tidak ada keterangan yang menunjukkan dengan pasti bahawa Allah telah menghidupkan anak-anaknya yang telah mati. Boleh jadi maksudnya, dengan kebolehan beliau menjadi sihat dan afiat beliau dapat kembali ke pangkuan anak-anaknya yang selama ini seolah-olah hilang darinya, dan Allah telah mengurniakan pula anak-anak yang lain sebagai tambahan ni'mat, rahmat dan ri'ayah-Nya yang wajar menjadi peringatan kepada orang-orang yang berakal.

Yang penting dalam tayangan kisah-kisah di sini ialah gambaran rahmat dan limpah kurnia Allah kepada para hamba-Nya yang telah menerima ujian-Nya dengan penuh kesabaran dan redha dengan qadha'-Nya.

Adapun sumpah beliau hendak memukul isterinya, maka Allah telah menyelesaikannya dengan limpah rahmat-Nya terhadap beliau dan terhadap isterinya yang telah melayani beliau dan sabar di atas penderitaan beliau dan penderitaan dirinya kerana kesakitan suaminya. Allah selesaikan sumpahnya itu dengan menyuruh beliau mengambil seberkas ranting-ranting halus sebanyak yang tertentu dan memukul isterinya dengan satu pukulan sahaja iaitu cukup untuk memenuhi komitmen sumpahnya dan dengan pukulan itu beliau tidak lagi dikira melanggar sumpah:

وَخُذۡ بِيَدِكَ ضِغۡثٗا فَٱضۡرِب بِّهِۦ وَلَا تَحۡنَثۡۗ

"Dan ambillah seberkas ranting-ranting halus, kemudian pukullah (isterimu) dengannya dan janganlah engkau melanggar sumpahmu."(44)

Penyelesaian sumpah dengan cara yang mudah dan anugerah yang limpah itu merupakan balasan dari

Allah terhadap hamba-Nya Ayyub yang telah menerima ujian Allah dengan sabar, patuh dan kembali kepada Allah:

إِنَّا وَجَدۡنَٰهُ صَابِرٗاۚ نِّعۡمَ ٱلۡعَبۡدُ إِنَّهُۥٓ أَوَّابٞ ﴿٤٤﴾

"Sesungguhnya Kami dapatinya (Ayyub) seorang yang sabar. Dialah sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah." (44)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 46)

Para Rasul Yang Terpilih

Selepas menayangkan tiga kisah ini dengan agak terperinci untuk mengingatkan Rasulullah s.a.w. supaya beliau sabar menghadapi kesukaran-kesukaran yang dialaminya, Al-Qur'an menyebut pula secara sepintas lalu kisah-kisah sekumpulan Rasul-rasul yang lain yang telah menerima ujian-ujian dengan sabar dan mendapat limpah kurnia dari Allah seperti yang berlaku di dalam kisah-kisah Daud, Sulaiman dan Ayyub 'alaihimas-salam. Di antara Rasul-rasul yang lain yang diceritakan itu terdapat Rasul-rasul yang terdahulu dari mereka yang diketahui zaman mereka dan di antara Rasul-rasul itu pula ada yang tidak diketahui zaman hidup mereka, kerana Al-Qur'an dan sumber-sumber yang ada pada kita tidak menentukannya:

وَٱذۡكُرۡ عِبَٰدَنَآ إِبۡرَٰهِيمَ وَإِسۡحَٰقَ وَيَعۡقُوبَ أُوْلِي ٱلۡأَيۡدِي
وَٱلۡأَبۡصَٰرِ ﴿٤٥﴾
إِنَّآ أَخۡلَصۡنَٰهُم بِخَالِصَةٖ ذِكۡرَى ٱلدَّارِ ﴿٤٦﴾
وَإِنَّهُمۡ عِندَنَا لَمِنَ ٱلۡمُصۡطَفَيۡنَ ٱلۡأَخۡيَارِ ﴿٤٧﴾
وَٱذۡكُرۡ إِسۡمَٰعِيلَ وَٱلۡيَسَعَ وَذَا ٱلۡكِفۡلِۖ وَكُلّٞ مِّنَ
ٱلۡأَخۡيَارِ ﴿٤٨﴾

"Dan kenangilah hamba Kami Ibrahim, Ishaq dan Ya'kub yang mempunyai tangan-tangan dan matahati-matahati (45). Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada mereka satu sifat istimewa yang banyak mengingati Akhirat (46). Dan sesungguhnya kedudukan mereka di sisi Kami adalah dari orang-orang yang terpilih dan terbaik (47). Dan kenangilah Ismail, Ilyasa' dan Zulkifli, semua mereka adalah dari orang-orang yang terpilih."(48)

Ibrahim, Ishaq, Ya'kub dan Ismail secara pastinya adalah hidup sebelum Daud dan Sulaiman, tetapi kita tidak mengetahui di mana mereka dengan zaman Ayyub. Begitu juga Ilyasa' dan Zulkifli. Cerita mengenai dua orang Rasul itu hanya diceritakan oleh Al-Qur'an secara sepintas lalu sahaja. Di sana ada seorang Nabi dari Nabi-nabi Bani Israel bernama al-Yasya' itulah al-Yasa' di dalam bahasa Arab menurut pendapat yang kuat. Adapun Zulkifli, maka kita tidak mengetahui mengenainya sedikit pun kecualinya sifatnya sahaja iaitu beliau adalah **"dari orang-orang yang terpilih."**

Allah S.W.T. mensifatkan Ibrahim, Ishaq dan Ya'kub sebagai orang-orang **"yang mempunyai tangan-tangan dan matahati-matahati"**. Yang dimaksudkan **"tangan-tangan"** ialah amalan-amalan yang soleh yang dilakukan dengan kekuatan tangan dan yang dimaksudkan **"matahati-matahati"** ialah pandangan-pandangan yang betul. Orang yang tidak mengerjakan amalan-amalan yang salih itu dikira seolah-olah seorang yang tidak mempunyai tangan dan orang yang tidak berfikir dengan pemikiran yang betul itu seolah-olah seorang yang tidak mempunyai minda dan matahati.

Di samping menyebut sifat penghormatan itu, Al-Qur'an menyebut bahawa Allah telah mengurniakan mereka satu sifat istimewa, iaitu mereka sentiasa mengingati negeri Akhirat dan mengosongkan minda mereka dari segala sesuatu yang lain darinya:

إِنَّآ أَخۡلَصۡنَٰهُم بِخَالِصَةٖ ذِكۡرَى ٱلدَّارِ ﴿٤٦﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada mereka satu sifat istimewa yang banyak mengingati Akhirat."(46)

Itulah sifat istimewa dan kelebihan mereka. Sifat inilah yang menjadikan mereka orang-orang yang terpilih di sisi Allah:

وَإِنَّهُمۡ عِندَنَا لَمِنَ ٱلۡمُصۡطَفَيۡنَ ٱلۡأَخۡيَارِ ﴿٤٧﴾

"Dan sesungguhnya kedudukan mereka di sisi Kami adalah dari orang-orang yang terpilih dan terbaik."(47)

Demikianlah juga Allah S.W.T. menyaksi bahawa Ismail, Ilyasa' dan Zulkifli adalah dari hamba-hamba-Nya yang terpilih. Allah mengarahkan Nabi Muhammad s.a.w. selaku penamat para Anbia' dan selaku sebaik-baik Rasul-Nya supaya beliau sentiasa mengingati mereka, hidup bersama mereka, memerhati kesabaran mereka dan mengenangkan rahmat Allah yang dilimpahkan ke atas mereka, juga supaya beliau sabar menghadapi tindak-tanduk kaumnya yang pendusta dan sesat itu, kerana kesabaran adalah jalan yang ditempuh oleh segala risalah dan segala da'wah. Allah tidak akan membiarkan para hamba-Nya yang sabar, malah Allah akan membalaskan kesabaran mereka dengan kebaikan, rahmat, keberkatan dan pilihan. Oleh itu balasan di sisi Allah adalah semuanya baik. Segala tipu daya dan segala pendustaan para pendusta adalah begitu kecil dibandingkan dengan rahmat Allah, ri'ayah-Nya dan limpah kurnia-Nya.

(Kumpulan ayat-ayat 49 - 64)

هَٰذَا ذِكۡرٞۚ وَإِنَّ لِلۡمُتَّقِينَ لَحُسۡنَ مَـَٔابٖ ﴿٤٩﴾
جَنَّٰتِ عَدۡنٖ مُّفَتَّحَةٗ لَّهُمُ ٱلۡأَبۡوَٰبُ ﴿٥٠﴾
مُتَّكِـِٔينَ فِيهَا يَدۡعُونَ فِيهَا بِفَٰكِهَةٖ كَثِيرَةٖ وَشَرَابٖ ﴿٥١﴾

وَعِندَهُمْ قَٰصِرَٰتُ ٱلطَّرْفِ أَتْرَابٌ ٥٢
هَٰذَا مَا تُوعَدُونَ لِيَوْمِ ٱلْحِسَابِ ٥٣
إِنَّ هَٰذَا لَرِزْقُنَا مَا لَهُۥ مِن نَّفَادٍ ٥٤
هَٰذَا ۚ وَإِنَّ لِلطَّٰغِينَ لَشَرَّ مَـَٔابٍ ٥٥
جَهَنَّمَ يَصْلَوْنَهَا فَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ٥٦
هَٰذَا فَلْيَذُوقُوهُ حَمِيمٌ وَغَسَّاقٌ ٥٧
وَءَاخَرُ مِن شَكْلِهِۦٓ أَزْوَٰجٌ ٥٨
هَٰذَا فَوْجٌ مُّقْتَحِمٌ مَّعَكُمْ ۖ لَا مَرْحَبًۢا بِهِمْ ۚ إِنَّهُمْ
صَالُوا۟ ٱلنَّارِ ٥٩
قَالُوا۟ بَلْ أَنتُمْ لَا مَرْحَبًۢا بِكُمْ ۖ أَنتُمْ قَدَّمْتُمُوهُ لَنَا ۖ فَبِئْسَ
ٱلْقَرَارُ ٦٠
قَالُوا۟ رَبَّنَا مَن قَدَّمَ لَنَا هَٰذَا فَزِدْهُ عَذَابًا ضِعْفًا فِى
ٱلنَّارِ ٦١
وَقَالُوا۟ مَا لَنَا لَا نَرَىٰ رِجَالًا كُنَّا نَعُدُّهُم مِّنَ ٱلْأَشْرَارِ ٦٢
أَتَّخَذْنَٰهُمْ سِخْرِيًّا أَمْ زَاغَتْ عَنْهُمُ ٱلْأَبْصَٰرُ ٦٣
إِنَّ ذَٰلِكَ لَحَقٌّ تَخَاصُمُ أَهْلِ ٱلنَّارِ ٦٤

"Ini adalah suatu kenangan (kisah-kisah para rasul terpilih), dan sesungguhnya para Muttaqin akan memperolehi sebaik-baik tempat kembah (di Akhirat) (49). Iaitu Syurga-syurga 'Adni yang terbuka segala pintu-pintunya untuk mereka (50). Mereka (beristirehat) bersandar di atas takhta-takhta di dalam Syurga sambil meminta berbagai-bagai buahan dan minuman (51). Dan di samping mereka bidadari-bidadari yang menumpukan pandangan kepada mereka sahaja dan sebaya pula umurnya (52). Inilah balasan yang dijanjikan kepada kamu selepas hari Hisab (53). Sesungguhnya inilah rezeki kurniaan Kami yang tak kunjung habis (54). Inilah (balasan para Muttaqin) dan sesungguhnya orang-orang yang zalim pula akan memperolehi seburuk-buruk tempat kembali (55). Iaitu Neraka yang akan mereka masukinya, maka itulah seburuk-buruk tempat kembali (56). Inilah 'azab seksa, maka hendaklah mereka rasakannya, iaitu air yang amat panas dan air danur (57). Dan (di sana) terdapat berbagai-bagai 'azab yang lain yang serupa dengannya (58). (Kumpulan-kumpulan yang masuk Neraka itu berkata sesama mereka) inilah kumpulan yang masuk Neraka bersama-sama kamu. (Jawab yang lain): Tiada kata-kata selamat datang untuk mereka. Sesungguhnya mereka tetap masuk Neraka (59). Jawab (kumpulan yang disindir): Sebenarnya kamulah yang tidak wajar diberi kata-kata selamat datang, kerana kamulah yang telah membawa 'azab itu kepada kami. Dan Neraka itulah seburuk-buruk tempat kembali (60). Mereka berkata lagi: Wahai Tuhan kami! Sesiapa yang telah membawa 'azab ini kepada kami, maka tambahkan kepadanya 'azab yang berganda - ganda di dalam Neraka (61). Dan mereka berkata (sesama mereka): Mengapa kita tidak nampak orang-orang yang dahulunya kita kirakan mereka sebagai orang-orang yang jahat (62). Yang kita jadikan mereka sebagai bahan ejekan atau mata kita sahaja yang tidak nampak mereka? (63) Sesungguhnya (cerita pertengkaran) itu adalah benar, iaitu pertengkaran di antara penghuni Neraka."(64)

Di dalam ayat-ayat yang lalu kita dibawa hidup bersama-sama para hamba Allah yang terpilih, juga dibawa mengingati peristiwa-peristiwa ujian Allah dan kesabaran menghadapi ujian itu, juga mengingati limpah rahmat dan kurnia Allah selepas ujian itu. Itulah sebutan kenangan-kenangan terhadap sejarah hidup mereka yang luhur di dunia ini, kemudian Al-Qur'an meneruskan langkahnya bersama-sama para hamba Allah yang bertaqwa dan bersama-sama para pendusta yang zalim di alam Akhirat di dalam satu pemandangan Qiamat. Di sini kami pinjamkan beberapa lembaran dari buku "مشاهد القيامة في القرآن" untuk meng-gambarkan pemandangan itu dengan sedikit pindaan:

Pemandangan Dua Kumpulan Yang Bertentangan Menerima Balasan Yang Bertentangan Pada Hari Qiamat

Pemandangan itu dimulai dengan dua pemandangan yang bertentangan secara total, iaitu dari sudut ke seluruh perincian, sifat dan bentuk iaitu pemandangan **"para Muttaqin"** yang mendapat balasan **"sebaik-baik tempat kembali"** dan pemandangan **"orang-orang yang zalim"** yang mendapat balasan **"seburuk-buruk tempat kembali"**. Kumpulan pertama memperolehi Syurga 'Adni yang terbuka segala pintunya untuk mereka, di mana mereka beristirehat menyandarkan diri di atas takhta-takhta dan meni'mati pelbagai makanan dan minuman, juga memperolehi keni'matan bidadari-bidadari yang muda belia dan seluruh pandangan mereka ditumpukan kepada mereka sahaja. Di samping umur mereka muda, maka paras mereka sebaya pula. Itulah keni'matan yang berterusan dan rezeki dari Allah **"yang tak kunjung habis"**.

Sementara satu kumpulan lagi memperolehi Neraka Jahannam **"seburuk-buruk tempat kembali"**. Mereka dihidangkan dengan minuman air yang amat panas dan makanan yang menjijikkan. Itulah makanan dari air-air danur penghuni Neraka. Mereka akan diseksa dengan **"berbagai-bagai jenis"** 'azab.

Kemudian pemandangan itu ditamatkan dengan satu pemandangan yang hidup dengan percakapan-percakapan. Semasa hidup di dunia kumpulan orang-orang yang zalim yang menjadi ahli Neraka itu adalah

bersahabat baik dan mesra, tetapi pada hari ini mereka bermusuh dan bertengkar satu sama lain. Dahulunya mereka menyesat satu sama lain. Setengahnya pula berlagak angkuh terhadap orang-orang yang beriman dan mengejek-ngejekkan da'wah mereka, juga mengejek dakwaan mereka yang berkata bahawa mereka akan memasuki Syurga sebagaimana telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Quraysy yang pernah berkata:

أَءُنزِلَ عَلَيْهِ ٱلذِّكْرُ مِنۢ بَيْنِنَا

"Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kami semua?"(8)

Kini mereka merempuh ke dalam Neraka sepuak demi sepuak. Mereka berkata sesama mereka:

هَـٰذَا فَوْجٌ مُّقْتَحِمٌ مَّعَكُمْ

"Inilah kumpulan yang masuk Neraka bersama-sama kamu."(59)

Apakah jawapan kumpulan itu? Kata-kata itu dijawab segera dengan marah:

لَا مَرْحَبًۢا بِهِمْ ۚ إِنَّهُمْ صَالُوا۟ ٱلنَّارِ ﴿٥٩﴾

"Tiada kata-kata selamat datang untuk mereka. Sesungguhnya mereka tetap masuk Neraka."(59)

Apakah pihak yang dimaki itu diam? Tidak, mereka terus membalas:

قَالُوا۟ بَلْ أَنتُمْ لَا مَرْحَبًۢا بِكُمْ ۖ أَنتُمْ قَدَّمْتُمُوهُ لَنَا ۖ فَبِئْسَ
ٱلْقَرَارُ ﴿٦٠﴾

"Jawab (kumpulan yang disindir): Sebenarnya kamulah yang tidak wajar diberi kata-kata selamat datang, kerana kamulah yang telah membawa 'azab itu kepada kami. Dan Neraka itulah seburuk-buruk tempat kembali."(60)

Yakni kamulah yang menyebabkan kami menerima 'azab ini, kemudian tiba-tiba terdengar satu seruan yang membayangkan perasaan marah dan ingin menuntut bela:

قَالُوا۟ رَبَّنَا مَن قَدَّمَ لَنَا هَـٰذَا فَزِدْهُ عَذَابًا ضِعْفًا فِى
ٱلنَّارِ ﴿٦١﴾

"Mereka berkata lagi: Wahai Tuhan kami! Sesiapa yang telah membawa 'azab ini kepada kami, maka tambahkan kepadanya 'azab yang berganda-ganda di dalam Neraka."(61)

Kemudian mereka mencari orang-orang yang beriman yang mereka pernah menunjukkan kesombongan terhadap mereka di dunia. Mereka fikir orang-orang Mu'min itu jahat dan mereka mengejek apabila mereka mengatakan bahawa mereka akan masuk Syurga. Kini mereka mencari mereka, tetapi mereka tidak nampak orang-orang itu merempuh bersama-sama mereka ke dalam Neraka. Mereka tertanya-tanya di mana mereka? Ke mana mereka pergi? Apakah orang-orang Mu'min itu nampak mereka di sini tetapi mata mereka sahaja yang tidak nampak mereka?

وَقَالُوا۟ مَا لَنَا لَا نَرَىٰ رِجَالًا كُنَّا نَعُدُّهُم مِّنَ ٱلْأَشْرَارِ ﴿٦٢﴾
أَتَّخَذْنَـٰهُمْ سِخْرِيًّا أَمْ زَاغَتْ عَنْهُمُ ٱلْأَبْصَـٰرُ ﴿٦٣﴾

"Dan mereka berkata (sesama mereka) mengapa kita tidak nampak orang-orang yang dahulunya kita kirakan mereka sebagai orang-orang yang jahat (62). Yang kita jadikan mereka sebagai bahan, ejekan atau mata kita sahaja yang tidak nampak mereka?"(63)

Sedangkan orang-orang Mu'min yang dicarikan mereka[5] itu sedang berada didalam Syurga di sana.

Pemandangan itu diakhiri dengan menjelaskan keadaan sebenar penghuni Neraka:

إِنَّ ذَٰلِكَ لَحَقٌّ تَخَاصُمُ أَهْلِ ٱلنَّارِ ﴿٦٤﴾

"Sesungguhnya (cerita pertengkaran) itu adalah benar, iaitu pertengkaran di antara penghuni Neraka."(64)

Alangkah jauh bezanya di antara nasib kesudahan mereka dan nasib kesudahan para Muttaqin yang telah diejek-ejekkan mereka dan menganggap mustahil menjadi kumpulan yang dipilih Allah. Alangkah malangnya nasib mereka yang telah memohon agar disegerakan balasan 'azab itu ke atas mereka dengan kata:

وَقَالُوا۟ رَبَّنَا عَجِّل لَّنَا قِطَّنَا قَبْلَ يَوْمِ ٱلْحِسَابِ ﴿١٦﴾

"Wahai Tuhan kami! Segerakanlah bahagian balasan yang diperuntukkan kepada kami sebelum tiba hari hisab."(16)

(Kumpulan ayat-ayat 65 - 88)

قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ مُنذِرٌ ۖ وَمَا مِنْ إِلَـٰهٍ إِلَّا ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٦٥﴾
رَبُّ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفَّـٰرُ ﴿٦٦﴾
قُلْ هُوَ نَبَؤٌا۟ عَظِيمٌ ﴿٦٧﴾
أَنتُمْ عَنْهُ مُعْرِضُونَ ﴿٦٨﴾
مَا كَانَ لِىَ مِنْ عِلْمٍۭ بِٱلْمَلَإِ ٱلْأَعْلَىٰٓ إِذْ يَخْتَصِمُونَ ﴿٦٩﴾
إِن يُوحَىٰٓ إِلَىَّ إِلَّآ أَنَّمَآ أَنَا۠ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٧٠﴾
إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَـٰٓئِكَةِ إِنِّى خَـٰلِقٌۢ بَشَرًا مِّن طِينٍ ﴿٧١﴾

---

[5] *Di sana ada qira'at yang tidak menjadikan rangkaikata "أتخذناهم سخريا" sebagai rangkaikata pertanyaan, malah dijadikannya sebagai rangkaikata penerangan. Kami telah memilih qira'at ini kerana maknanya lebih halus dan jelas. Jadi rangkaikata ini merupakan rangkaikata pelengkap bagi rangkaikata sebelumnya dan merupakan sifat kepada "orang-orang yang dahulunya".*

فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِى فَقَعُوا۟ لَهُۥ سَٰجِدِينَ ﴿٧٢﴾

فَسَجَدَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ كُلُّهُمْ أَجْمَعُونَ ﴿٧٣﴾

إِلَّآ إِبْلِيسَ ٱسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧٤﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya seorang rasul yang memberi amaran, dan tiada Tuhan yang sebenar melainkan Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah (65). Tuhan yang memelihara langit, bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya, Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun (66). Katakanlah: Al-Qur'an itulah berita yang agung (67). (Tetapi) kamu berpaling darinya (68). Aku tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan mengenai alam al-Mala'ul-A'la ketika mereka (para malaikat) bersoal-jawab (mengenai penciptaan Adam) (69). Tiadalah diwahyukan kepadaku melainkan keranaku selaku seorang rasul yang memberi amaran yang jelas (70). (Kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah (71). Kemudian apabila Aku menciptakannya dengan sempurna dan meniupkan padanya roh dari (ciptaan)Ku, maka hendaklah kamu merebahkan diri sujud kepadanya (72). Lalu seluruh malaikat sujud kepadanya (73). Melainkan Iblis, dia berlagak angkuh dan termasuk dari golongan orang-orang yang kafir."(74)

قَالَ يَٰٓإِبْلِيسُ مَا مَنَعَكَ أَن تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتُ بِيَدَىَّ أَسْتَكْبَرْتَ أَمْ كُنتَ مِنَ ٱلْعَالِينَ ﴿٧٥﴾

قَالَ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِى مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُۥ مِن طِينٍ ﴿٧٦﴾

قَالَ فَٱخْرُجْ مِنْهَا فَإِنَّكَ رَجِيمٌ ﴿٧٧﴾

وَإِنَّ عَلَيْكَ لَعْنَتِىٓ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٧٨﴾

قَالَ رَبِّ فَأَنظِرْنِىٓ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿٧٩﴾

قَالَ فَإِنَّكَ مِنَ ٱلْمُنظَرِينَ ﴿٨٠﴾

إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْوَقْتِ ٱلْمَعْلُومِ ﴿٨١﴾

قَالَ فَبِعِزَّتِكَ لَأُغْوِيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٨٢﴾

إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمُ ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٨٣﴾

قَالَ فَٱلْحَقُّ وَٱلْحَقَّ أَقُولُ ﴿٨٤﴾

لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنكَ وَمِمَّن تَبِعَكَ مِنْهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٨٥﴾

قُلْ مَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُتَكَلِّفِينَ ﴿٨٦﴾

إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿٨٧﴾

وَلَتَعْلَمُنَّ نَبَأَهُۥ بَعْدَ حِينٍۭ ﴿٨٨﴾

"Allah berfirman: Wahai Iblis! Apakah yang menghalangkanmu dari sujud kepada (Adam) yang Aku telah ciptakannya dengan tangan qudrat-Ku? Apakah engkau berlagak angkuh atau pun engkau memang dari golongan yang sombong? (75) Jawab Iblis: Aku lebih baik dari dia (Adam), kerana Engkau telah ciptakan aku dari api, sedangkan Engkau ciptakan dia dari tanah (76). Allah berfirman: Keluarlah darinya (Syurga) kerana sesungguhnya engkau adalah makhluk yang terkutuk (77). Dan sesungguhnya engkau ditimpakan laknat-Ku sehingga hari Qiamat (78). Kata Iblis: Wahai Tuhanku! Berilah tempoh kepadaku sehingga hari mereka dibangkitkan (79). Allah berfirman: Sesungguhnya engkau adalah dari golongan yang diberi tempoh (80). Sehingga kepada hari yang telah ditentukan waktunya (81). Kata Iblis: Demi kekuasaan-Mu aku akan sesatkan mereka semuanya (82). Kecuali para hamba-Mu yang terpilih (83). Allah berfirman: Aku bersumpah dengan kebenaran dan demi kebenaran Aku berkata:(84). Demi sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka dengan jenismu dan dengan seluruh mereka yang mengikutmu (85). (Wahai Muhammad) katakanlah: Aku tidak meminta sebarang upah dari kamu dan aku bukanlah dari orang-orang yang mengada-ngada (86). (Al-Qur'an) itu tidak lain melainkan peringatan bagi semesta alam (87). Dan demi sesungguhnya kam mengetahui (kebenaran) berita Al-Qur'an itu tidak lama lagi."(88)

Dengki Syaitan

Inilah pelajaran akhir di dalam surah ini. Ia kembali menjelaskan persoalan-persoalan yang telah dibicarakan di permulaan surah, iaitu persoalan tauhid, wahyu dan balasan di Akhirat. Pelajaran ini juga menyebut kisah Adam sebagai bukti di atas kebenaran wahyu yang menceritakan peristiwa soal jawab yang berlaku pada suatu hari di alam al-Mala'ul-A'la, juga menceritakan keputusan Allah menetapkan Hisab terhadap hidayat dan kesesatan pada hari Qiamat kelak. Kisah itu memuatkan cerita hasad dengki hati syaitan dan hasad dengki inilah yang telah membinasa dan mengusirkan syaitan dari rahmat Allah apabila dia merasa terlalu banyak bagi Adam menerima limpah kurnia dari Allah. Kisah itu juga menggambarkan pertarungan yang berterusan di antara syaitan dengan anak-anak Adam, iaitu satu pertarungan dan peperangan yang tidak pernah tenang dan tidak pernah mengenal gencatan senjata. Matlamat syaitan di dalam pertarungan ialah untuk memerangkapkan manusia sebanyak mungkin di dalam jerat-jeratnya dengan tujuan menarik mereka ke dalam Neraka bersama-sama dengannya sebagai membalas dendam terhadap moyang mereka Adam, kerana dengan sebab Adamlah dia terusir dari Syurga. Tegasnya konflik di antara syaitan dengan anak-anak Adam itu adalah satu konflik yang mempunyai matlamat-matlamat yang diketahui umum, tetapi

anak-anak Adam sahaja yang menyerah kalah kepada musuh lama mereka.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan menekankan persoalan wahyu (Al-Qur'an) dan kesan-kesan yang amat besar di sebaliknya yang tidak disedari para pendusta yang lalai itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 65 - 70)

Kaum Musyrikin Menolak Isu Tauhid Dan Wahyu

قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ مُنذِرٌ ۖ وَمَا مِنْ إِلَٰهٍ إِلَّا ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٦٥﴾

رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفَّٰرُ ﴿٦٦﴾

"(Wahai Muhammad)! Katakanlah: Sesungguh-nya aku hanya seorang Rasul yang memberi amaran dan tiada Tuhan yang sebenar melainkan Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah (65). Tuhan yang memelihara langit, bumi dan segala kejadian yang ada diantara keduanya, Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(66)

Yakni katakanlah kepada kaum Musyrikin yang merasa hairan dan pernah berkata:

أَجَعَلَ ٱلْءَالِهَةَ إِلَٰهًا وَٰحِدًا ۖ إِنَّ هَٰذَا لَشَىْءٌ عُجَابٌ ﴿٥﴾

"Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang amat menghairankan."(5)

Katakanlah kepada mereka bahawa hakikat yang sebenar ialah:

وَمَا مِنْ إِلَٰهٍ إِلَّا ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٦٥﴾

"Tiada Tuhan yang sebenar melainkan Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah."(65)

Katakanlah kepada mereka bahawa urusan ini bukannya urusanmu. Tugasmu hanya memberi peringatan dan amaran dan selepas itu menyerahkan manusia kepada Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah lagi:

رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا

"Tuhan yang memelihara langit, bumi dan segala kejadian yang ada diantara keduanya"(66)

Tiada bagi-Nya sekutu Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun dan di sana tiada tempat perlindungan di langit, bumi dan di antara keduanya selain dari Dia. Dialah **"Yang Maha Perkasa"** yakni Maha Kuat dan berkuasa. Dialah **"Yang Maha Pengampun"** yang memaafkan kesalahan dan menerima taubat. Dia memberi keampunan kepada mereka yang bertaubat kepadanya.

Katakanlah kepada mereka bahawa Al-Qur'an yang dibawa engkau dan ditentang oleh mereka adalah lebih besar dari apa yang difikir mereka. Di sebalik Al-Qur'an akan muncul kesan-kesan yang amat hebat yang tidak disedari oleh orang-orang yang lalai:

Al-Qur'an Merupakan Berita Yang Agung Yang Diabaikan

قُلْ هُوَ نَبَؤٌا۟ عَظِيمٌ ﴿٦٧﴾ أَنتُمْ عَنْهُ مُعْرِضُونَ ﴿٦٨﴾

"Katakanlah Al-Qur'an itulah berita yang agung (67). (Tetapi) kamu berpaling darinya."(68)

Yakni Al-Qur'an itu adalah jauh lebih agung dari keadaannya yang kelihatan sekarang. Ia adalah salah satu dari urusan Allah di alam buana ini. Ia adalah satu urusan dari urusan-urusan seluruh alam buana ini. Ia adalah satu perencanaan dari perencanaan-perencanaan Allah di dalam peraturan alam al-wujud ini. Ia tidak terpisah dari urusan langit dan bumi dan dari urusan masa silam yang sayup dan urusan masa depan yang jauh.

Kedatangan Al-Qur'an berita yang agung ini adalah menjangkau kaum Quraysy di Makkah, menjangkau umat Arab di Senenanjung Tanah Arab dan menjangkau generasi umat manusia yang sezaman dengan kelahiran da'wah Islamiyah itu. Tegasnya Al-Qur'an menjangkau semua perbatasan-perbatasan tempat dan zaman yang terbatas itu. Al-Qur'an mempengaruhi masa depan umat manusia di seluruh zaman dan tempat dan menentukan nasib mereka sejak ia diturunkan ke bumi sehingga bumi dan segala isi dan penghuninya kembali menjadi warisan Allah (Qiamat). Al-Qur'an telah diturunkan tepat pada waktunya yang telah ditetapkan di dalam peraturan seluruh alam buana ini. Ia diturunkan untuk melaksanakan peranannya tepat dengan waktunya yang telah ditetapkan Allah.

Al-Qur'an telah mengubahkan garis perjalanan umat manusia ke arah jalan yang digariskan oleh Allah sama ada pada mereka yang beriman dengannya atau mereka yang menghalangkannya, sama ada pada mereka yang berjuang bersama-sama dengannya atau mereka yang menentangnya dan sama ada pada generasinya atau pada generasi-generasi selepasnya. Di dalam seluruh sejarah manusia tidak ada satu peristiwa yang dilalui umat manusia yang meninggalkan kesan-kesan yang besar seperti kesan-kesan yang telah ditinggalkan Al-Qur'an.

Al-Qur'an telah melahirkan nilai-nilai dan kefahaman-kefahaman. Ia telah meletakkan asas-asas peraturan di bumi ini seluruhnya dan untuk semua generasi umat manusia. Ini adalah satu perkara yang tak pernah difikirkan umat Arab walaupun di alam khayal. Pada zaman itu umat Arab tidak sedar bahawa kedatangan Al-Qur'an berita yang agung itu adalah untuk mengubahkan permukaan bumi, untuk memimpin perjalanan sejarah, untuk merealisasikan perencanaan-perencanaan Allah di dalam kehidupan dunia ini, untuk mempengaruhi hati manusia dan realiti hidupnya dan menyambungkan seluruhnya dengan garis perjalanan seluruh alam al-wujud dan dengan dasar "kebenaran" yang tersembunyi di sebalik penciptaan langit dan dan segala kejadian yang ada di antara keduanya. Al-Qur'an akan terus melaksanakan tugas-tugas itu sehingga hari Qiamat.

Ia akan menunaikan peranannya menentukan kedudukan-kedudukan manusia dan kedudukan-kedudukan kehidupan mereka.

Orang-orang Islam pada hari ini mengambil sikap yang sama dengan sikap yang telah diambil oleh orang-orang Arab terhadap Al-Qur'an berita yang agung itu di permulaan Islam. Mereka tidak memahami tabi'at Al-Qur'an dan hubungannya dengan tabi'at alam al-wujud, mereka tidak memikirkan kebenaran yang tersembunyi di dalam Al-Qur'an supaya tahu bahawa ia adalah sebahagian dari dasar "kebenaran" yang tersembunyi di dalam penciptaan alam buana. Mereka tidak mengamati kesan-kesan Al-Qur'an di dalam sejarah umat manusia dengan pengamatan yang berdasarkan realiti dan pandangan yang bebas bukan berdasarkan pandangan yang diambil dari musuh-musuh Al-Qur'an yang bertungkus lumus memperkecilkan pengaruh Al-Qur'an dalam pembentukan kehidupan manusia dan dalam penentuan garis perjalanan sejarah. Oleh sebab itulah orang-orang Islam tidak memahami hakikat peranan mereka sama ada di zaman silam atau di zaman sekarang atau di zaman akan datang. Peranan ini adalah satu peranan yang berkekalan di bumi ini hingga akhir zaman.

Orang-orang Arab di zaman dahulu menyangka bahawa urusan Al-Qur'an ini adalah urusan mereka dan urusan Muhammad ibn Abdullah s.a.w. yang telah dipilih untuk diturunkan wahyu kepadanya. Mereka menumpukan perhatian mereka kepada kulit yang zahir ini sahaja, tetapi dengan ayat ini Al-Qur'an menarik perhatian mereka bahawa urusan Al-Qur'an ini lebih agung dari itu semua. Ia lebih agung dari mereka dan lebih agung dari Muhammad ibn Abdullah s.a.w., kerana Muhammad hanya pembawa dan penyampai Al-Qur'an berita yang agung ini sahaja. Al-Qur'an bukan dari rekaannya. Beliau tidak akan mengetahui perkara-perkara di alam al-Mala'ul-A'la jika tidak diberitahu oleh Allah. Beliau tidak hadir menyaksi percakapan-percakapan yang berlaku di alam al-Mala'ul-A'la itu semasa permulaan kejadian manusia, malah semuanya itu diceritakan Allah kepada beliau:

مَا كَانَ لِيَ مِنْ عِلْمٍۭ بِٱلْمَلَإِ ٱلْأَعْلَىٰٓ إِذْ يَخْتَصِمُونَ ﴿٦٩﴾
إِن يُوحَىٰٓ إِلَيَّ إِلَّآ أَنَّمَآ أَنَا۠ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٧٠﴾

"Aku tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan mengenai alam al-Mala'ul-A'la ketika mereka (para malaikat) bersoal-jawab (mengenai penciptaan Adam) (69). Tiadalah diwahyukan kepadaku melainkan keranaku selaku seorang Rasul yang memberi amaran yang jelas."(70)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 71 - 85)

Sampai di sini Al-Qur'an mula membentangkan kisah penciptaan manusia dan percakapan-percakapan yang berlangsung di alam al-Mala'ul-A'la mengenainya pada permulaan Allah hendak menciptakannya. Percakapan-percakapan itu telah menentukan garis perjalanan umat manusia dan menggariskan nasib-nasib dan kesusahan-kesusahan mereka, dan kerana itulah Muhammad s.a.w. telah diutus untuk menyampai dan mengingatkan kepada manusia di akhir zaman.

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي خَٰلِقٌۢ بَشَرًا مِّن طِينٍ ﴿٧١﴾
فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِي فَقَعُوا۟ لَهُۥ
سَٰجِدِينَ ﴿٧٢﴾

"(Kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah (71). Kemudian apabila Aku menciptakannya dengan sempurna dan meniupkan padanya roh dari (ciptaan)Ku, maka hendaklah kamu merebahkan diri sujud kepadanya."(72)

Kita tidak mengetahui bagaimana cara Allah berfirman kepada malaikat. Begitu juga kita tidak mengetahui bagaimana cara malaikat menerima firman dari Allah. Kita tidak mengetahui hakikat malaikat melainkan sekadar mengenal beberapa sifat mereka yang disampaikan kepada kita di dalam Al-Qur'an. Kita tidak perlu mengharungi dalam perkara-perkara ghaib yang tidak memberi apa-apa faedah, malah marilah kita terus membicarakan tujuan kisah penciptaan manusia sebagaimana yang diceritakan oleh Al-Qur'an.

Kisah Penciptaan Makhluk Insan Dan Rahsia Tiupan Roh

Allah telah menciptakan makhluk manusia ini dari tanah, sebagaimana seluruh hidup-hidupan yang lain di bumi ini diciptakan dari tanah. Seluruh unsur kejadiannya adalah dari tanah kecuali rahsia hayat, tiada siapa pun yang mengetahui dari mana ia datang dan bagaimana ia datang. Seluruh bahan kejadian manusia adalah dari tanah kecuali rahsia hayat dan kecuali tiupan Ilahi yang telah menjadikan manusia itu insan. Seluruh bahan-bahan jasadnya adalah dari ibunda bumi dan dia akan berubah kepada unsur-unsur bumi sekali lagi apabila dia berpisah dari rahsia Ilahi (rahsia hayat) yang majhul itu, dan turut berpisah darinya ialah kesan-kesan tiupan Ilahi yang telah menentukan garis perjalanan di dalam hidupnya.

Kita tidak mengetahui hakikat tiupan Ilahi ini, tetapi kita hanya mengetahui kesan-kesannya, kerana kesan-kesan inilah yang telah membezakan makhluk manusia dari seluruh makhluk yang lain di bumi ini. Ia membezakan manusia dengan ciri kesediaan dan kebolehan meningkatkan kemajuan minda dan rohani. Ia menjadikan minda manusia dapat mengambil faedah dari pengalaman-pengalaman masa silam dan dapat mengaturkan rancangan-rancangan masa depan. Ia menjadikan roh manusia menjangkau segala sesuatu yang dapat ditanggapkan

dengan pancaindera dan minda untuk berhubung dengan sesuatu yang majhul bagi pancaindera dan minda.

Ciri kebolehan meningkatkan kemajuan minda dan rohani itu hanya dimiliki oleh makhluk manusia sahaja. Ciri ini tidak dikongsikan oleh lain-lain makhluk yang bernyawa di bumi ini. Berbagai-bagai jenis makhluk yang bernyawa telah pun hidup bersama-sama makhluk manusia ketika mereka mula-mula dilahirkan di bumi ini, tetapi tidak pernah berlaku di sepanjang sejarah adanya satu makhluk bernyawa yang lain yang telah berjaya - baik sebagai individu mahupun sebagai jenis - maju dari segi kemajuan minda atau kemajuan rohani sekalipun telah diterima adanya peningkatan dan kemajuan dari segi jasmani pada makhluk-makhluk itu.

Allah telah meniupkan roh ciptaan-Nya pada makhluk manusia kerana Allah hendak menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi supaya ia memegang teraju pentadbiran bumi ini dalam bidang-bidang yang ditentukan Allah kepadanya, iaitu bidang-bidang memaju dan membangunkan bumi dan segala keperluan-keperluannya seperti kuasa-kuasa dan tenaga-tenaga.

Allah telah mengurniakan kepada makhluk manusia kebolehan meningkatkan kemajuan ilmu pengetahuan dan sejak itu manusia terus meningkat maju selama dia menjalinkan hubungannya dengan Allah selaku sumber tiupan roh-Nya dan mengambil ilmu pengetahuannya dari sumber itu. Tetapi apabila manusia menyeleweng dari sumber Ilahi ini, maka aliran-aliran pengetahuan-pengetahuan itu tidak lagi secucuk dengan dirinya dan dengan hidupnya, juga tidak lagi menuju ke arah tujuan yang sepadu dan selaras menjurus ke hadapan, malah aliran-aliran ilmu pengetahuan yang bercanggah itu membahayakan keselamatan arah tujuannya, kalau tidak pun membawa manusia kepada kejatuhan dari segi ciri-ciri insaniyahnya. Ilmu-ilmu itu boleh menjatuhkan manusia dari tangga kemajuan yang hakiki walaupun ilmu pengetahuan dan pengalaman-pengalamannya telah mencapai kemajuan yang begitu besar di dalam mana-mana bidang kehidupannya.

Makhluk insan yang kerdil yang mempunyai kekuatan, usia dan ilmu pengetahuan yang terbatas itu tidak akan mendapat penghormatan yang setinggi ini andainya tidak kerana tiupan roh Rabbani yang amat luhur itu. Jika tidak kerana tiupan ini manusia akan jadi siapa? Dia hanya akan jadi makhluk yang kecil dan kerdil yang hidup di atas planet bumi bersama-sama berjuta-juta jenis makhluk bernyawa yang lain, sedangkan planet bumi ini pula hanya merupakan satu planet pengikut yang kecil di antara planet-planet yang mengikut matahari, iaitu salah satu dari bintang-bintang di langit dan bintang-bintang yang seperti ini pula terdapat berjuta-jutaan, di angkasaraya yang tiada siapa mengetahui batas sempadannya melainkan hanya Allah. Manusia tidak akan mencapai darjat kehormatan sehingga ia disujud oleh para malaikat itu melainkan dengan rahsia tiupan roh yang amat halus dan agung ini. Apabila manusia meninggalkan rahsia ini atau berpisah darinya, maka dia akan kembali kepada asal-usul semulajadinya yang kerdil yang diciptakan dari tanah itu.

Para malaikat telah mematuhi perintah Ilahi itu dan itulah fitrah mereka:

فَسَجَدَ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ كُلُّهُمۡ أَجۡمَعُونَ ٧٣

"Lalu seluruh malaikat sujud kepadanya."(73)

Iblis Enggan Sujud Kepada Manusia

Yakni para malaikat itu sujud kerana menjunjung perintah Ilahi dan kerana menyedari hikmat kebijaksanaan-Nya.

إِلَّآ إِبۡلِيسَ ٱسۡتَكۡبَرَ وَكَانَ مِنَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٧٤

"Melainkan Iblis, dia berlagak angkuh dan termasuk dari golongan orang-orang yang kafir."(74)

Apakah Iblis itu dari malaikat? Yang jelasnya tidak, kerana jika dia dari malaikat tentulah dia tidak menderhaka, sebab para malaikat tidak pernah melanggar segala apa yang diperintahkan kepada mereka dan mereka sentiasa menjunjung segala apa yang diperintahkan kepada mereka. Selepas ini akan diterangkan bahawa Iblis adalah diciptakan dari api dan menurut riwayat yang ma'thur malaikat adalah diciptakan dari nur. Tetapi pada masa itu Iblis berada bersama-sama para malaikat dan dia juga diperintah supaya turut sujud bersama dan Allah tidak menyebut Iblis dengan terus terang ketika mengeluarkan perintah itu kerana menghinakannya dengan sebab kederhakaannya. Kita hanya mengetahui perintah sujud itu ditujukan kepada Iblis dari kecaman Allah terhadapnya:

قَالَ يَٰٓإِبۡلِيسُ مَا مَنَعَكَ أَن تَسۡجُدَ لِمَا خَلَقۡتُ بِيَدَيَّۖ
أَسۡتَكۡبَرۡتَ أَمۡ كُنتَ مِنَ ٱلۡعَالِينَ ٧٥

"Allah berfirman: Wahai Iblis! Apakah yang menghalangkanmu dari sujud kepada (Adam) yang Aku telah ciptakannya dengan tangan qudrat-Ku? Apakah engkau berlagak angkuh atau pun engkau memang dari golongan yang sombong?"(75)

Apakah sebab yang menahankan engkau dari sujud kepada makhluk Adam yang telah Aku ciptakannya dengan qudrat tangan-Ku? Sedangkan Allah itulah yang menciptakan segala sesuatu. Di sana pastilah ada sesuatu kelebihan dan keistimewaan pada makhluk yang diciptakan itu sehingga wajar dimuliakan sedemikian rupa. Keistimewaan itu ialah makhluk manusia mendapat inayah Rabbaniyah yang khusus dari Allah. Ini dapat dibuktikan dari tiupan roh yang dikurniakan kepadanya, **"Apakah engkau berlagak angkuh"** untuk menjunjung perintah-Ku **"atau pun engkau memang dari golongan yang sombong"** yang tidak tunduk kepada yang lain?

قَالَ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِى مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُۥ مِن طِينٍ ٧٦

"Jawab Iblis: Aku lebih baik dari dia (Adam) kerana Engkau telah ciptakan aku dari api, sedangkan Engkau ciptakan dia dari tanah."(76)

Itulah perasaan hasad dengki yang terluah dari jawapan ini. Itulah pengabaian terhadap unsur roh yang luhur pada kejadian Adam, iaitu unsur tambahan di atas unsur tanah pada kejadiannya. Inilah unsur yang melayakkan Adam menerima penghormatan setinggi itu. Jawapan Iblis adalah satu jawapan yang amat keji yang terbit dari tabi'at Iblis yang sunyi dari segala unsur kebaikan dalam situasi yang amat besar itu.

Di sini keluarlah perintah Ilahi mengusirkan Iblis makhluk penderhaka yang amat keji itu:

قَالَ فَٱخْرُجْ مِنْهَا فَإِنَّكَ رَجِيمٌ ٧٧

وَإِنَّ عَلَيْكَ لَعْنَتِىٓ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلدِّينِ ٧٨

"Allah berfirman: Keluarlah darinya (Syurga) kerana sesungguhnya engkau adalah makhluk yang terkutuk (77). Dan sesungguhnya engkau ditimpakan laknat-Ku sehingga hari Qiamat."(78)

Kita tidak dapat menentukan ke manakah pulangnya gantinama pada kata: ()"keluar darinya", adakah maksud keluar dari Syurga atau keluar dari rahmat Allah? Kedua-duanya boleh belaka dan ini tidak memerlukan kepada perbahasan yang banyak. Yang penting ialah perbuatan melanggar perintah Allah itu adalah dibalas dengan pengusiran, kutukan dan kemurkaan.

Di sini perasaan dengki berubah kepada dendam dan kepada keazaman menuntut bela di dalam hati Iblis:

قَالَ رَبِّ فَأَنظِرْنِىٓ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ٧٩

"Kata Iblis: Wahai Tuhanku! Berilah tempoh kepadaku sehingga hari mereka dibangkitkan."(79)

Kisah Dendam Iblis

Kerana sesuatu hikmat yang telah ditetapkan Allah, maka Allah memperkenankan permintaan Iblis yang memohon tempoh kesempatan yang dikehendakinya itu:

قَالَ فَإِنَّكَ مِنَ ٱلْمُنظَرِينَ ٨٠

إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْوَقْتِ ٱلْمَعْلُومِ ٨١

"Allah berfirman: Sesungguhnya engkau adalah dari golongan yang diberi tempoh (80). Sehingga kepada hari yang telah ditentukan waktunya."(81)

Dan syaitan telah mendedahkan matlamatnya untuk meluahkan dendam kesumatnya:

قَالَ فَبِعِزَّتِكَ لَأُغْوِيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ٨٢

إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمُ ٱلْمُخْلَصِينَ ٨٣

"Kata Iblis: Demi kekuasaan-Mu aku akan sesatkan mereka semuanya (82). Kecuali para hamba-Mu yang terpilih."(83)

Dengan pengumuman ini jelaslah aturcara rancangan syaitan. Dia telah bersumpah dengan kekuasaan Allah bahawa dia akan berusaha menyesatkan semua anak Adam dan dia tidak kecualikan melainkan mereka yang tidak dapat dipengaruhi olehnya. Ini bererti bahawa dia mengecualikan mereka bukan kerana kemurahannya bahkan kerana dia tidak berupaya untuk menguasai mereka. Dengan pengumuman ini juga jelas menunjukkan bahawa di sana ada dinding penyekat di antara Iblis dan orang-orang yang terselamat dari godaannya, dan dinding penyekat itu ialah amalan-amalan ibadat yang tulus ikhlas kepada Allah. Itulah pelampung dan tali keselamatan dari godaan syaitan. Ini adalah mengikut kehendak Allah yang menentukan kebinasaan dan keselamatan. Kemudian Allah mengumumkan iradat-Nya dan menentukan aturcara rancangan-Nya pula:

قَالَ فَٱلْحَقُّ وَٱلْحَقَّ أَقُولُ ٨٤

لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنكَ وَمِمَّن تَبِعَكَ مِنْهُمْ أَجْمَعِينَ ٨٥

"Allah berfirman: Aku bersumpah dengan kebenaran dan demi kebenaran Aku berkata: (84) Demi sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka dengan jenismu dan dengan seluruh mereka yang mengikutmu."(85)

Allah selama-lamanya menjelaskan sesuatu yang benar. Al-Qur'an menjelaskan hakikat ini berkali-kali di dalam surah ini dengan berbagai-bagai gambaran dalam berbagai-bagai peristiwa. Dua orang yang berguam yang memanjat tembok mihrab Daud telah berkata kepada beliau:

فَٱحْكُم بَيْنَنَا بِٱلْحَقِّ وَلَا تُشْطِطْ

"Adililah di antara kami dengan hukuman yang benar dan janganlah berlaku zalim."(22)

Dan Allah menyeru hamba-Nya Daud:

فاحكم بين الناس بالحق ولا تتبع الهوى

"Adililah di antara manusia dengan hukuman yang berat dan janganlah mengikut hawa nafsu."

Kemudian diiringi pula dengan isyarat kepada dasar yang benar yang tersembunyi di sebalik penciptaan langit dan bumi:

وَمَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَآءَ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بَٰطِلًا ذَٰلِكَ

ظَنُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟

"Dan Kami tidak ciptakan langit, bumi dan segala kejadian di antara keduanya suatu perkara mainan (sia-sia). Itulah sangkaan orang-orang yang kafir."(27)

Kemudian dasar yang benar ini disebut oleh Allah Yang Maha Perkasa sendiri:

قَالَ فَٱلْحَقُّ وَٱلْحَقَّ أَقُولُ ﴿٨٤﴾

"Allah berfirman: Aku bersumpah dengan kebenaran dan demi kebenaran Aku berkata:"(84)

Itulah kebenaran yang bermacam-macam tempat dan gambarannya, tetapi hakikatnya satu sahaja termasuk janji Allah yang benar (dalam ayat yang berikut):

لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنكَ وَمِمَّن تَبِعَكَ مِنْهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٨٥﴾

"Demi sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka dengan jenismu dan dengan seluruh mereka yang mengikutmu."(85)

Itulah konflik di antara syaitan dan anak-anak Adam. Mereka menghadapi konflik itu dengan penuh pengetahuan dan kesedaran. Akibat konflik itu juga jelas diterangkan pada janji Allah yang benar. Mereka bertanggungjawab di atas pemilihan dan keputusan yang dibuat oleh mereka terhadap diri mereka sendiri.

Rahmat Allah mahukan manusia tidak berada di dalam kejahilan dan kelalaian kerana itu Allah mengirimkan para rasul untuk mengingat dan memberi amaran kepada mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 86 - 88)

Da'wah Rasulullah Adalah Da'wah Yang Tulus Ikhlas

Pada akhir pusingan ini dan pada akhir surah ini Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya menyampaikan kepada mereka pengumuman yang akhir ini:

قُلْ مَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُتَكَلِّفِينَ ﴿٨٦﴾
إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿٨٧﴾
وَلَتَعْلَمُنَّ نَبَأَهُۥ بَعْدَ حِينٍۭ ﴿٨٨﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Aku tidak meminta sebarang upah dari kamu dan aku bukanlah dari orang-orang yang mengada-ngada (86). (Al-Qur'an) itu tidak lain melainkan peringatan bagi semesta alam (87). Dan demi sesungguhnya kamu akan mengetahui (kebenaran) berita Al-Qur'an itu tidak lama lagi."(88)

Itulah da'wah yang tulus ikhlas demi untuk keselamatan setelah diterangkan akibat dan diberi amaran. Itulah da'wah yang ikhlas yang tidak meminta sebarang upah dan ganjaran. Rasul penda'wahnya seorang yang berhati bersih. Dia bercakap benar tidak mengada-ngada dan tidak pula berpura-pura. Dia tidak menyuruh melainkan sesuatu yang diwahyukan kepadanya dan sesuai pula dengan logik fitrah. Al-Qur'an adalah suatu peringatan kepada semesta alam kerana manusia kadang-kadang lupa dan kadang-kadang lalai. Al-Qur'an itu suatu berita yang agung yang belum lagi diperhatikan mereka pada hari ini tetapi mereka akan mengetahui beritanya tidak lama lagi di bumi ini. Mungkin mereka akan mengetahuinya berapa tahun kemudian selepas firman ini, dan seterusnya mereka akan mengetahui berita itu pada hari Qiamat yang telah ditentukan waktunya, iaitu setelah tiba masa yang dijanjikan Allah:

لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنكَ وَمِمَّن تَبِعَكَ مِنْهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٨٥﴾

"Demi sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka dengan jenismu dan dengan seluruh mereka yang mengikutmu."(85)

Kata-kata penamat surah ini sesuai dengan pembukaannya, sesuai dengan maudhu' dan persoalan-persoalan yang dibicarakannya. Nada pengumuman akhir ini bergema begitu jauh dan menyarankan betapa besar perkara yang akan berlaku itu:

وَلَتَعْلَمُنَّ نَبَأَهُۥ بَعْدَ حِينٍۭ ﴿٨٨﴾

"Dan demi sesungguhnya kamu akan mengetahui (kebenaran) berita Al-Qur'an itu tidak lama lagi."(88)[6]

(Tamat Juzu' Yang Kedua Puluh Tiga)

---

[6] *Juzu' yang kedua puluh tiga berakhir pada ayat (31) dari Surah az-Zumar tetapi kami memilih supaya Surah az-Zumar ditafsirkan sepenuhnya dalam Juzu' kedua puluh empat.*

JUZU' KE-23

SURAH AZ-ZUMAR

SURAH KE

39

سُورَةُ الزُّمَرِ

SURAH AZ-ZUMAR

Surah Kumpulan-kumpulan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

75

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 7)

تَنزِيلُ ٱلْكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَكِيمِ ﴿١﴾
إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ فَٱعْبُدِ ٱللَّهَ
مُخْلِصًا لَّهُ ٱلدِّينَ ﴿٢﴾
أَلَا لِلَّهِ ٱلدِّينُ ٱلْخَالِصُ ۚ وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ
أَوْلِيَآءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَآ إِلَى ٱللَّهِ زُلْفَىٰٓ
إِنَّ ٱللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِى مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ۗ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى مَنْ هُوَ كَٰذِبٌ كَفَّارٌ ﴿٣﴾
لَّوْ أَرَادَ ٱللَّهُ أَن يَتَّخِذَ وَلَدًا لَّٱصْطَفَىٰ مِمَّا يَخْلُقُ
مَا يَشَآءُ ۚ سُبْحَٰنَهُۥ ۖ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٤﴾
خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ ۖ يُكَوِّرُ ٱلَّيْلَ
عَلَى ٱلنَّهَارِ وَيُكَوِّرُ ٱلنَّهَارَ عَلَى ٱلَّيْلِ ۖ وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ
وَٱلْقَمَرَ ۖ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ مُّسَمًّى ۗ أَلَا هُوَ
ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفَّٰرُ ﴿٥﴾
خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا
وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ ٱلْأَنْعَٰمِ ثَمَٰنِيَةَ أَزْوَٰجٍ ۚ يَخْلُقُكُمْ
فِى بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ خَلْقًا مِّنۢ بَعْدِ خَلْقٍ فِى ظُلُمَٰتٍ
ثَلَٰثٍ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ ٱلْمُلْكُ ۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ
فَأَنَّىٰ تُصْرَفُونَ ﴿٦﴾
إِن تَكْفُرُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ عَنكُمْ ۖ وَلَا يَرْضَىٰ لِعِبَادِهِ
ٱلْكُفْرَ ۖ وَإِن تَشْكُرُوا۟ يَرْضَهُ لَكُمْ ۗ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ
أُخْرَىٰ ۗ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا
كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ۚ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٧﴾

"Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (1). Sesungguhnya Kami turunkan kitab Al-Qur'an kepadamu dengan membawa kebenaran. Oleh itu hendaklah engkau sembahkan Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya (2). Sebenarnya keta'atan yang tulus itu adalah untuk Allah. Dan orang-orang yang menyembah pelindung-pelindung yang lain dari Allah itu (berkata): Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya. Sesungguhnya Allah akan mengadili di antara mereka tentang perkara-perkara yang dipertikaikan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang yang pendusta dan pengingkar (3). Sekiranya Allah mahu mengambil anak tentulah Dia sendiri akan memilihkan apa sahaja yang disukai-Nya di antara makhluk-makhluk yang diciptakan-Nya. Maha Sucilah Allah. Dialah Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa (4). Dia menciptakan langit dan bumi dengan asas kebenaran. Dia melilitkan malam di atas siang dan melilitkan siang di atas malam, dan menundukkan matahari dan bulan, masing-masing berjalan hingga ke suatu waktu yang ditentukan. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa dan Maha Pengampun (5). Dia telah menciptakan kamu dari diri yang satu, kemudian darinya Dia ciptakan isterinya dan Dia telah menurunkan untuk kamu lapan pasang dari binatang ternakan. Dia jadikan kamu di dalam perut ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian kepada satu kejadian dalam tiga kegelapan. Pencipta bagi semua kejadian itu ialah Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit bumi), tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu bagaimana kamu boleh dipesongkan? (6) Jika kamu kufur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dari berhajat kepada kamu. Dan Dia tidak redhakan kekufuran itu kepada hamba-Nya. Dan jika kamu bersyukur nescaya Dia mengurniakan keredhaan-Nya kepada kamu. Dan seseorang yang berdosa tidak menanggung dosa orang yang lain. Kemudian kepada Tuhanmu kembalinya kamu dan Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala isi dada."(7)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini boleh dikatakan keseluruhannya ditumpukan untuk menjelaskan persoalan tauhid. Ia membawa hati manusia mengembara di dalam berbagai-bagai pengembaraan yang berturut-turut. Ia memalu tali-tali hati mereka dengan paluan-paluan yang bertubi-tubi dan menggoncangkannya dengan kuat, mendalam dan bersambung-sambung untuk menerangkan hakikat tauhid dan menanamkannya dengan teguh di dalam hati mereka, di samping menolak segala kekeliruan dan kesamaran yang menjejaskan hakikat tauhid ini. Oleh sebab itu surah ini mempunyai satu pokok pembicaraan yang bersambung-sambung dari awal sampai akhirnya yang dibentangkan di dalam berbagai-bagai bentuk gambaran.

Dari pembukaan surah lagi persoalan tauhid itu tertonjol dengan jelas:

تَنزِيلُ ٱلْكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَكِيمِ ﴿١﴾
إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ فَٱعْبُدِ ٱللَّهَ
مُخْلِصًا لَّهُ ٱلدِّينَ ﴿٢﴾

"Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.(1) Sesungguhnya Kami turunkan kitab Al-Qur'an kepadamu dengan membawa kebenaran. Oleh itu hendaklah engkau sembahkan Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya."(2)

أَلَا لِلَّهِ ٱلدِّينُ ٱلْخَالِصُ ۚ

"Sebenarnya keta'atan yang tulus itu adalah untuk Allah."(3)

Kadang-kadang persoalan itu ditonjolkan dalam bentuk nas yang terang dan kadang-kadang dalam bentuk mafhum.

Yang ditonjol dalam bentuk nas yang terang ialah seperti firman-Nya:

قُلْ إِنِّىٓ أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ ٱللَّهَ مُخْلِصًا لَّهُ ٱلدِّينَ ﴿١١﴾
وَأُمِرْتُ لِأَنْ أَكُونَ أَوَّلَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٢﴾
قُلْ إِنِّىٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّى عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٣﴾
قُلِ ٱللَّهَ أَعْبُدُ مُخْلِصًا لَّهُۥ دِينِى ﴿١٤﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku telah diperintah supaya menyembah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya (11). Dan aku telah diperintahkan supaya menjadi orang pertama dari golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah) (12). Katakanlah: Sesungguhnya aku takut 'azab hari yang amat besar jika aku menderhakakan Tuhanku (13). Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang aku sembah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya dalam agamaku. "(14)

فَٱعْبُدُوا۟ مَا شِئْتُم مِّن دُونِهِۦ ۗ

" Sembahlah apa sahaja yang kamu kehendaki selain dari Allah.........."(15)

Atau firman-Nya:

قُلْ أَفَغَيْرَ ٱللَّهِ تَأْمُرُوٓنِّىٓ أَعْبُدُ أَيُّهَا ٱلْجَٰهِلُونَ ﴿٦٤﴾
وَلَقَدْ أُوحِىَ إِلَيْكَ وَإِلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكَ لَئِنْ
أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ
ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٦٥﴾
بَلِ ٱللَّهَ فَٱعْبُدْ وَكُن مِّنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٦٦﴾

"Katakanlah: Apakah kamu menyuruh aku menyembah selain dari Allah, wahai orang-orang yang jahil? (64) Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada rasul-rasul sebelummu jika engkau mempersekutukan Allah nescaya sia-sialah segala amalanmu dan tetaplah engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi (65). Malah sembahlah Allah dan jadilah dari golongan orang-orang yang bersyukur."(66)

Dan yang ditonjol dalam bentuk mafhum ialah seperti firman-Nya:

ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا رَّجُلًا فِيهِ شُرَكَآءُ مُتَشَٰكِسُونَ
وَرَجُلًا سَلَمًا لِّرَجُلٍ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا ۚ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ۚ
بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٩﴾

"Allah telah membuat satu perbandingan iaitu seorang hamba yang dimiliki oleh beberapa kongsi yang selalu bergaduh dan seseorang hamba yang hanya menjadi milik seorang (tuannya) sahaja, adakah kedua-dua hamba itu sama keadaan dan sifatnya? Segala kepujian itu terpulang kepada Allah. Tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(29)

Atau seperti firman-Nya:

أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِكَافٍ عَبْدَهُۥ ۖ وَيُخَوِّفُونَكَ بِٱلَّذِينَ
مِن دُونِهِۦ ۚ وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ﴿٣٦﴾
وَمَن يَهْدِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِن مُّضِلٍّ ۗ أَلَيْسَ ٱللَّهُ
بِعَزِيزٍ ذِى ٱنتِقَامٍ ﴿٣٧﴾

"Bukankah Allah itu memelihara hamba-Nya. Dan mereka menakut-nakutkan engkau dengan sembahan-sembahan mereka yang lain dari Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya (36). Dan barang siapa yang diberi hidayat oleh Allah, maka tiada siapa pun yang boleh menyesatkannya. Bukankah Allah itu Maha Perkasa dan berkuasa membalas."(37)

Di samping menjelaskan hakikat tauhid, maka dalam surah ini juga terdapat berbagai-bagai

bimbingan dan saranan untuk menggerakkan hati dan membangkitkan kepekaannya untuk menyedia dan menyahut da'wah Allah, iaitu seperti firman-Nya:

وَٱلَّذِينَ ٱجۡتَنَبُواْ ٱلطَّٰغُوتَ أَن يَعۡبُدُوهَا وَأَنَابُوٓاْ إِلَى ٱللَّهِ لَهُمُ ٱلۡبُشۡرَىٰۚ فَبَشِّرۡ عِبَادِ ﴿١٧﴾ ٱلَّذِينَ يَسۡتَمِعُونَ ٱلۡقَوۡلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحۡسَنَهُۥٓۚ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ هَدَىٰهُمُ ٱللَّهُۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمۡ أُوْلُواْ ٱلۡأَلۡبَٰبِ ﴿١٨﴾

"Dan orang-orang yang menjauhi Taghut iaitu dari menyembahkannya dan kembali berserah kepada Allah, maka untuk mereka berita yang mnat mengembirakan. Oleh itu sampaikanlah berita gembira itu kepada hamba-hamba-Ku ......(17) Yang mendengar perkataan-perkataan dan mengikut mana-mana perkataan yang paling baik darinya. Merekalah orang-orang yang diberikan hidayat oleh Allah dan merekalah orang-orang yang berakal."(18)

Dan firman-Nya:

ٱللَّهُ نَزَّلَ أَحۡسَنَ ٱلۡحَدِيثِ كِتَٰبًا مُّتَشَٰبِهًا مَّثَانِيَ تَقۡشَعِرُّ مِنۡهُ جُلُودُ ٱلَّذِينَ يَخۡشَوۡنَ رَبَّهُمۡ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمۡ وَقُلُوبُهُمۡ إِلَىٰ ذِكۡرِ ٱللَّهِۚ ذَٰلِكَ هُدَى ٱللَّهِ يَهۡدِي بِهِۦ مَن يَشَآءُۚ وَمَن يُضۡلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنۡ هَادٍ ﴿٢٣﴾

"Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu sebuah kitab (Al-Qur'an) yang serupa (mutu ayat-ayatnya) dan berulang-ulang, gementarlah kerananya kulit orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka, kemudian kulit-kulit dan hati mereka menjadi lembut dan tenteram mengingati Allah. Itulah hidayat Allah yang dikurniakannya kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."(23)

Dan firman-Nya:

وَإِذَا مَسَّ ٱلۡإِنسَٰنَ ضُرّٞ دَعَا رَبَّهُۥ مُنِيبًا إِلَيۡهِ ثُمَّ إِذَا خَوَّلَهُۥ نِعۡمَةً مِّنۡهُ نَسِيَ مَا كَانَ يَدۡعُوٓاْ إِلَيۡهِ مِن قَبۡلُ وَجَعَلَ لِلَّهِ أَندَادٗا لِّيُضِلَّ عَن سَبِيلِهِۦۚ قُلۡ تَمَتَّعۡ بِكُفۡرِكَ قَلِيلًا إِنَّكَ مِنۡ أَصۡحَٰبِ ٱلنَّارِ ﴿٨﴾

"Dan apabila seseorang manusia disentuh sesuatu kesusahan ia berdo'a kepada Tuhannya dengan kembali kepada-Nya, kemudian apabila Allah mengurniakan ni'mat kepadanya ia terus lupakan kesusahan yang kerananya ia berdo'a kepada Allah sebelum itu dan dia mengadakan sekutu-sekutu kepada Allah untuk menyesatkan (dirinya dan orang lain) dari jalan Allah. Katakanlah: Bersenang-senanglah engkau dengan kekufuranmu untuk sedikit masa. Sesungguhnya engkau adalah dari penghuni-penghuni Neraka."(8)

Dan di sana ada lagi satu fenomena yang dapat diperhatikan dalam suasana surah ini, iaitu surah ini dari awal hingga akhir dibayangi suasana hidup di alam Akhirat. Penjelasan surah membawa hati manusia dalam setiap pusingannya yang pendek menjelajah dalam suasana-suasana hidup Akhirat di kebanyakan waktu. Dan inilah bidang tayangan yang pertama dalam surah ini, di samping merupakan pernyataan efektif yang jelas dan berulang-ulang di celah-celah penjelasannya. Oleh sebab itulah pemandangan-pemandangan Qiamat dan isyarat-isyarat mengenainya disebut berulang-ulang kali di dalam berbagai-bagai bahagiannya. Di antara isyarat-isyarat itu ialah firman-Nya:

أَمَّنۡ هُوَ قَٰنِتٌ ءَانَآءَ ٱلَّيۡلِ سَاجِدٗا وَقَآئِمٗا يَحۡذَرُ ٱلۡأٓخِرَةَ وَيَرۡجُواْ رَحۡمَةَ رَبِّهِۦۗ

"(Apakah kamu lebih beruntung?) Atau orang yang beribadat di waktu malam dengan sujud atau berdiri, sedangkan ia takut kepada ('azab) Akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya."(9)

Dan firman-Nya:

قُلۡ إِنِّيٓ أَخَافُ إِنۡ عَصَيۡتُ رَبِّي عَذَابَ يَوۡمٍ عَظِيمٖ ﴿١٣﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku takut 'azab hari yang amat besar jika aku menderhakakan Tuhanku."(13)

Dan firman-Nya:

أَفَمَنۡ حَقَّ عَلَيۡهِ كَلِمَةُ ٱلۡعَذَابِ أَفَأَنتَ تُنقِذُ مَن فِي ٱلنَّارِ ﴿١٩﴾

"Apakah orang-orang yang telah ditetapkan keputusan 'azab di atasnya (lalu dimasukkan ke dalam Neraka) dapatkah engkau menyelamatkan mereka yang berada di dalam Neraka?"(19)

Dan firman-Nya:

أَفَمَن يَتَّقِي بِوَجۡهِهِۦ سُوٓءَ ٱلۡعَذَابِ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِۚ

"Apakah orang yang mempertahankan diri dengan mukanya dari (selaran) 'azab yang dahsyat pada hari Qiamat itu (sama dengan orang yang terselamat dari 'azab)?"(24)

Dan firman-Nya:

وَلَعَذَابُ ٱلۡأٓخِرَةِ أَكۡبَرُۚ لَوۡ كَانُواْ يَعۡلَمُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih besar lagi jika mereka mengetahui."(26)

Dan firman-Nya:

أَلَيۡسَ فِي جَهَنَّمَ مَثۡوٗى لِّلۡكَٰفِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Bukankah di dalam Neraka itu ada tempat kediaman bagi orang-orang yang kafir?(32)

Dan firman-Nya:

وَلَوْ أَنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مَا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُۥ مَعَهُۥ لَٱفْتَدَوْا۟ بِهِۦ مِن سُوٓءِ ٱلْعَذَابِ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ وَبَدَا لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا۟ يَحْتَسِبُونَ ﴿٤٧﴾

"Dan sekiranya orang-orang yang zalim (kafir) itu memiliki segala isi bumi dan memiliki sebanyak itu lagi bersamanya nescaya mereka akan menebuskan diri mereka dengannya daripada 'azab yang amat dahsyat pada hari Qiamat. Dan (ketika itu) ternampaklah kepada mereka berbagai-bagai keseksaan dari Allah yang tidak terfikir oleh mereka."(47)

Dan firman-Nya:

وَأَنِيبُوٓا۟ إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا۟ لَهُۥ مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ ٱلْعَذَابُ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿٥٤﴾ وَٱتَّبِعُوٓا۟ أَحْسَنَ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ ٱلْعَذَابُ بَغْتَةً وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ ﴿٥٥﴾ أَن تَقُولَ نَفْسٌ يَٰحَسْرَتَىٰ عَلَىٰ مَا فَرَّطتُ فِى جَنۢبِ ٱللَّهِ وَإِن كُنتُ لَمِنَ ٱلسَّٰخِرِينَ ﴿٥٦﴾ أَوْ تَقُولَ لَوْ أَنَّ ٱللَّهَ هَدَىٰنِى لَكُنتُ مِنَ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٥٧﴾ أَوْ تَقُولَ حِينَ تَرَى ٱلْعَذَابَ لَوْ أَنَّ لِى كَرَّةً فَأَكُونَ مِنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٥٨﴾

"Dan kembalilah kepada Tuhan kamu dan serahkan diri kamu kepada-Nya sebelum 'azab menimpa kamu dan selepas itu kamu tidak akan ditolongkan lagi (54). Dan ikutilah (Al-Qur'an) sebaik-baik (hidayat) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu sebelum 'azab menimpa kamu secara mendadak, sedangkan kamu tidak sedar (55). Supaya jangan ada seorang pun yang akan bersungut: Alangkah sesalnya aku terhadap perbuatanku yang telah mencuaikan kewajipan terhadap Allah dan sesungguhnya aku dahulunya dari orang-orang yang mempersenda-sendakan (ajaran Allah) (56). Atau supaya jangan ada yang berkata: Jika Allah telah memberi hidayat kepadaku tentulah aku termasuk dalam golongan para Muttaqin (57). Atau supaya jangan ada yang berkata: Jika aku dapat pulang semula ke dunia tentulah aku termasuk dalam golongan para Muhsinin."(58)

Ini tidak termasuk pemandangan-pemandangan Qiamat yang lengkap yang mengambil ruang yang besar di dalam surah ini membayangi suasananya dengan bayangan-bayangan hidup di Akhirat.

Adapun pemandangan-pemandangan alam buana yang banyak terdapat di dalam surah-surah Makkiyah ketika membentangkan hakikat-hakikat 'aqidah, maka ia hanya didapati sedikit sahaja di dalam surah ini.

Di sana hanya terdapat satu pemandangan alam buana sahaja di permulaan surah ini iaitu ayat:

خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ ۖ يُكَوِّرُ ٱلَّيْلَ عَلَى ٱلنَّهَارِ وَيُكَوِّرُ ٱلنَّهَارَ عَلَى ٱلَّيْلِ ۖ وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ ۖ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ مُّسَمًّى ۗ أَلَا هُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفَّٰرُ ﴿٥﴾

"Dia menciptakan langit dan bumi dengan asas kebenaran. Dia melilitkan malam di atas siang dan melilitkan siang di atas malam, dan menundukkan matahari dan bulan, masing-masing berjalan hingga ke suatu waktu yang ditentukan. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(5)

Dan satu pemandangan lagi di tengahnya iaitu:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَسَلَكَهُۥ يَنَٰبِيعَ فِى ٱلْأَرْضِ ثُمَّ يُخْرِجُ بِهِۦ زَرْعًا مُّخْتَلِفًا أَلْوَٰنُهُۥ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَىٰهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُۥ حُطَٰمًا ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَذِكْرَىٰ لِأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٢١﴾

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit dan mengalirkannya menjadi matair-matair di bumi, kemudian Dia mengeluarkan dengannya tumbuh-tumbuhan dari berbagai-bagai warnanya, kemudian tumbuh-tumbuhan itu menjadi kering dan engkau dapat melihatnya kekuningan, kemudian Dia jadikannya reput dan hancur. Sesungguhnya kejadian itu menjadi pengajaran kepada orang-orang yang berakal."(21)

Selain dari dua pemandangan ini, di sana terdapat keterangan-keterangan sepintas lalu mengenai penciptaan langit dan bumi.

Begitu juga surah ini mengandungi sentuhan-sentuhan mengenai realiti hidup manusia dan keadaan jiwa mereka yang disebutkan di sana sini.

Di permulaan surah diterangkan mengenai kejadian manusia:

خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ ٱلْأَنْعَٰمِ ثَمَٰنِيَةَ أَزْوَٰجٍ ۚ يَخْلُقُكُمْ فِى بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ خَلْقًا مِّنۢ بَعْدِ خَلْقٍ فِى ظُلُمَٰتٍ ثَلَٰثٍ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ ٱلْمُلْكُ ۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ

فَأَنَّىٰ تُصْرَفُونَ ﴿٦﴾

"Dia telah menciptakan kamu dari diri yang satu, kemudian darinya Dia ciptakan isterinya dan Dia telah menurunkan untuk kamu lapan pasang dari binatang ternakan. Dia jadikan kamu di dalam perut ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian kepada satu kejadian dalam tiga kegelapan. Pencipta bagi semua kejadian itu ialah Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit bumi), tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu bagaimana kamu boleh dipesongkan?"(6)

Juga diterangkan mengenai tabi'at manusia di masa kesenangan dan kesusahannya iaitu firman-Nya:

وَإِذَا مَسَّ ٱلْإِنسَٰنَ ضُرٌّ دَعَا رَبَّهُۥ مُنِيبًا إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَا
خَوَّلَهُۥ نِعْمَةً مِّنْهُ نَسِىَ مَا كَانَ يَدْعُوٓا۟ إِلَيْهِ مِن قَبْلُ
وَجَعَلَ لِلَّهِ أَندَادًا لِّيُضِلَّ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ قُلْ تَمَتَّعْ بِكُفْرِكَ
قَلِيلًا ۖ إِنَّكَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلنَّارِ ﴿٨﴾

"Dan apabila seseorang manusia itu disentuh sesuatu kesusahan ia berdo'a kepada Tuhannya dengan kembali kepada-Nya, kemudian apabila Allah mengurniakan ni'mat kepadanya, ia terus lupakan kesusahan yang kerananya ia berdo'a kepada Allah sebelum itu dan dia mengadakan sekutu-sekutu kepada Allah untuk menyesatkan (dirinya dan orang lain) dari jalan Allah. Katakanlah: Bersenang-senanglah engkau dengan kekufuranmu untuk sedikit masa. Sesungguhnya engkau adalah dari penghuni-penghuni Neraka."(8)

Dan firman-Nya:

فَإِذَا مَسَّ ٱلْإِنسَٰنَ ضُرٌّ دَعَانَا ثُمَّ إِذَا خَوَّلْنَٰهُ نِعْمَةً مِّنَّا
قَالَ إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلْمٍۭ ۚ بَلْ هِىَ فِتْنَةٌ

"Apabila seseorang manusia disentuh bala bencana ia terus berdo'a kepada Kami, kemudian apabila Kami kurniakannya sesuatu ni'mat dia berkata: Sesungguhnya aku diberikan ni'mat itu kerana ilmu pengetahuanku. Bahkan sebenarnya ni'mat itu suatu ujian."(49)

Juga digambarkan jiwa manusia yang berada di dalam genggaman Allah pada setiap waktu iaitu firman-Nya:

ٱللَّهُ يَتَوَفَّى ٱلْأَنفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَٱلَّتِى لَمْ تَمُتْ
فِى مَنَامِهَا ۖ فَيُمْسِكُ ٱلَّتِى قَضَىٰ عَلَيْهَا ٱلْمَوْتَ
وَيُرْسِلُ ٱلْأُخْرَىٰٓ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ
لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٢﴾

"Allahlah yang mengambil roh-roh ketika matinya seseorang dan mengambil roh orang yang belum mati ketika di dalam tidurnya, lalu Dia menahankan roh orang yang telah ditetapkan mati dan melepaskan kembali roh yang lain sehingga kepada satu waktu yang telah ditentukan. Sesungguhnya kejadian itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada orang yang berfikir."(42)

Tetapi walau bagaimanapun bayangan dan suasana Qiamat tetap menyelubungi seluruh surah sebagaimana telah kami terangkan tadi sehingga pada akhirnya surah ini ditamatkan dengan satu pemandangan yang mengkhusyu'kan hati, di mana digambarkan suasana dan bayangan hari Qiamat itu:

وَتَرَى ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ حَآفِّينَ مِنْ حَوْلِ ٱلْعَرْشِ يُسَبِّحُونَ
بِحَمْدِ رَبِّهِمْ ۖ وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْحَقِّ وَقِيلَ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ
رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٧٥﴾

"Dan engkau (wahai Muhammad) akan melihat para malaikat mengelilingi di sekitar 'Arasy bertasbih memuji Tuhan mereka dan hukuman yang adil telah diputuskan di antara mereka dan diucapkan: Segala kepujian itu terpulang kepada Tuhan semesta alam."(75)

Bayangan ini selaras dengan suasana surah ini dan selaras dengan jenis sentuhan-sentuhan yang menarik hati manusia. Suasana surah ini lebih dekat dengan suasana perasaan takut, cemas dan terharu. Oleh sebab itu kita dapati keadaan-keadaan yang digambarkan kepada manusia ialah keadaan-keadaan keterharuan, kecemasan dan ketakutan hati mereka seperti yang terdapat dalam ayat yang menggambarkan orang yang beribadat di tengah malam, di mana ia sujud dan ruku' kerana takut kepada Allah dan kerana mengharapkan rahmat-Nya, juga dalam ayat yang menggambarkan orang yang takut kepada Allah, di mana kulit-kulit badannya menggelugut apabila mendengar ayat-ayat Al-Qur'an, kemudian kulit-kulit dan hati mereka kembali tenang mengingati Allah, juga dalam ayat-ayat yang mengarah kepada taqwa dan takut kepada 'azab Allah seperti firman-Nya:

قُلْ يَٰعِبَادِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمْ ۚ

"Katakanlah: Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu."(10)

Dan firman-Nya:

قُلْ إِنِّىٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّى عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٣﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku takut 'azab hari yang amat besar jika aku menderhakakan Tuhanku."(13)

Dan firman-Nya:

لَهُم مِّن فَوْقِهِمْ ظُلَلٌ مِّنَ ٱلنَّارِ وَمِن تَحْتِهِمْ ظُلَلٌ ۚ ذَٰلِكَ يُخَوِّفُ
ٱللَّهُ بِهِۦ عِبَادَهُۥ ۚ يَٰعِبَادِ فَٱتَّقُونِ ﴿١٦﴾

"Untuk mereka (disediakan) lapisan-lapisan dari api Neraka di atas mereka dan di bawah mereka juga (disediakan) lapisan-lapisan api yang sama. Demikianlah 'azab yang diancamkan

Allah kepada hamba-hamba-Nya. Oleh itu, wahai hamba-hamba-Ku, bertaqwalah kepada-Ku."(16)

Dan seterusnya dalam ayat-ayat yang menggambarkan pemandangan-pemandangan Qiamat yang penuh dengan suasana ketakutan, kecemasan, kepulangan kepada Allah dan khusyu'.

* * * * * *

Surah ini menangani satu maudhu' pokok dalam berbagai-bagai penjelajahan pendek dan berturut-turut. Hampir setiap penjelajahan diakhiri dengan pemandangan Qiamat atau dengan bayangannya. Kita akan cuba mengulaskan pengembaraan-pengembaraan itu mengikut tertibnya di dalam ayat, kerana sukar untuk dibahagikan surah ini kepada pelajaran-pelajaran yang besar, kerana setiap kumpulan ayatnya adalah sedikit yang hanya layak menjadi satu babak yang dikemukakan pada tempatnya. Dan himpunan dari babak-babak ini hanya menangani satu hakikat sahaja iaitu hakikat tauhid yang agung.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

Lunas Kebenaran Yang Mendasari Penciptaan Alam Dan Penurunan Al-Qur'an

تَنزِيلُ ٱلْكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَكِيمِ ﴿١﴾ إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ فَٱعْبُدِ ٱللَّهَ مُخْلِصًا لَّهُ ٱلدِّينَ ﴿٢﴾ أَلَا لِلَّهِ ٱلدِّينُ ٱلْخَالِصُ ۚ وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَآ إِلَى ٱللَّهِ زُلْفَىٰٓ إِنَّ ٱللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِى مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى مَنْ هُوَ كَٰذِبٌ كَفَّارٌ ﴿٣﴾

"Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (1). Sesungguhnya Kami turunkan kitab Al-Qur'an kepadamu dengan, membawa kebenaran. Oleh itu hendaklah engkau sembahkan Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya (2). Sebenarnya keta'atan yang tulus itu adalah untuk Allah. Dan orang-orang yang menyembah pelindung-pelindung yang lain dari Allah itu (berkata): Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya. Sesungguhnya Allah akan mengadili di antara mereka tentang perkara-perkara yang dipertikaikan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang yang pendusta dan pengingkar."(3)

ٱلْكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَكِيمِ ﴿١﴾

"Kitab Al-Qur'an diturunkan dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(1)

Allah amat kuasa menurunkan Al-Qur'an dan *"Maha Bijaksana"* yakni Dia mengetahui untuk apa dan mengapa kitab Al-Qur'an itu diturunkan. Ia lakukan semuanya itu dengan hikmat yang tertentu dan dengan perencanaan dan pentadbiran yang rapi.

Ayat ini merupakan muqaddimah kepada persoalan tauhid yang menjadi maudhu' pokok surah ini dan Al-Qur'an adalah diturun untuk menjelaskan persoalan mentauhidkan Allah dan menumpukan kepada-Nya seluruh ibadat mentuluskan keta'atan kepada-Nya serta membersihkannya dari segala rupa bentuk syirik dan bertawajjuh kepada-Nya secara langsung tanpa orang tengah yang memberi syafa'at:

إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ

"Sesungguhnya Kami turunkan Al-Qur'an kepadamu dengan membawa kebenaran."(2)

Asas kebenaran yang diturunkan Al-Qur'an ialah asas Wahdaniyah yang mutlak yang menjadi tapak landasan alam al-wujud. Di dalam ayat yang kelima dari surah ini tersebut:

خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ ۖ

"Dia menciptakan langit dan bumi dengan asas kebenaran."(5)

Itulah satu-satunya kebenaran yang menjadi asas wujudnya langit dan bumi, dan inilah kebenaran yang diturunkan oleh kitab Al-Qur'an. Itulah kebenaran yang dibuktikan oleh kesatuan peraturan yang mengendalikan perjalanan langit dan bumi. Itulah kebenaran yang dihuraikan oleh kitab Al-Qur'an. Itulah kebenaran yang menjadi sifat setiap makhluk yang diciptakan Allah di alam buana ini.

فَٱعْبُدِ ٱللَّهَ مُخْلِصًا لَّهُ ٱلدِّينَ ﴿٢﴾

"Oleh itu hendaklah engkau sembahkan Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya."(2)

Dasar Tauhid Menjiwai Kehidupan

Kata-kata ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. yang diturunkan Al-Qur'an kepadanya dengan membawa dasar kebenaran. Itulah sistem hidup tauhid yang diseru oleh beliau iaitu beribadat kepada Allah sahaja dan mentuluskan keta'atan kepada Allah sahaja dan seterusnya menegakkan seluruh kehidupan di atas dasar tauhid semata-mata.

Tetapi mentauhidkan Allah dan mentuluskan keta'atan kepada Allah bukannya semata-mata kata-kata yang diucapkan lidah, malah ia merupakan satu sistem hidup yang lengkap yang bermula dari kefahaman dan i'tiqad di dalam hati dan berakhir dengan penubuhan sebuah sistem yang merangkumi kehidupan individu dan masyarakat.

Hati yang mentauhidkan Allah hanya ta'at dan tunduk kepada Allah sahaja. Dia tidak menundukkan kepalanya kepada yang lain dari Allah. Dia tidak meminta sesuatu dari yang lain dari Allah. Dia tidak bergantung kepada mana-mana makhluk-Nya, kerana

hanya Allah sahaja Yang Maha Kuat di sisinya. Dialah sahaja yang menguasai seluruh hamba-Nya, dan seluruh hamba-Nya adalah lemah belaka tidak berupaya untuk memberi manfa'at dan mudarat. Hanya Allah sahaja yang memberi dan yang menahan. Justeru itu Dia tidak perlu bertawajjuh kepada yang lain dari Allah Yang Maha Kaya, kerana seluruh makhluk adalah fakir belaka.

Hati yang mentauhidkan Allah adalah beriman kepada kesatuan atau keesaan undang-undang Ilahi yang mengendalikan seluruh alam buana ini. Dia percaya bahawa sistem hidup yang dipilih Allah untuk manusia merupakan sebahagian undang-undang Ilahi yang satu itu. Kehidupan manusia tidak akan berjalan dengan baik dan tidak akan serasi dengan alam yang menjadi tempat hidupnya melainkan dengan mematuhi undang-undang itu. Oleh sebab itu dia tidak memilih sistem yang lain dari sistem yang telah dipilih Allah untuknya, dan dia tidak ikut melainkan syari'at Allah yang selaras dengan peraturan seluruh alam buana dan dengan peraturan hidup manusia.

Hati yang mentauhidkan Allah adalah menyedari adanya hubungan kekeluargaan yang rapat di antara insan dengan segala makhluk yang telah diciptakan Allah di alam buana ini. Dia hidup dalam sebuah alam yang menjadi sahabat baiknya dan dia merasa adanya tangan kekuasaan Allah pada seluruh kejadian yang wujud di sekelilingnya. Oleh kerana itu dia hidup mesra terhadap Allah dan segala makhluk ciptaan Allah yang disentuh tangannya dan dilihat matanya. Dia juga merasa takut berdosa dari menyakiti orang lain atau merosakkan sesuatu atau dari bertindak terhadap orang lain atau terhadap sesuatu melainkan mengikut bagaimana yang disuruhkan Allah Pencipta seluruh makhluk, Penghidup setiap makhluk yang bernyawa, juga Tuhannya dan Tuhan segala sesuatu dan segala yang bernyawa.

Demikianlah juga kesan-kesan tauhid itu lahir di dalam pemikiran-pemikiran dan perasaan-perasaan sebagaimana lahirnya di dalam tingkahlaku-tingkahlaku dan tindak tanduk, malah kesan-kesan tauhid itu menggariskan satu cara hidup yang sempurna, jelas dan tersendiri. Dan tauhid tidak lagi merupakan kata-kata yang diucapkan lidah. Justeru itulah Al-Qur'an memberi perhatian yang amat berat dalam menjelaskan 'aqidah tauhid dan mengemukakan pembicaraannya berulang-ulang kali. Ia merupakan satu pembicaraan yang perlu difikir dengan teliti oleh setiap orang di setiap zaman dan di setiap masyarakat, kerana tauhid dengan pengertian yang sedemikian merupakan satu konsep yang amat luas dan menyeluruh yang memerlukan kepada kefahaman yang mendalam.

أَلَا لِلَّهِ الدِّينُ الْخَالِصُ ۚ

"Sebenarnya keta'atan yang tulus itu adalah untuk Allah."(3)

Demikianlah Al-Qur'an mengumumkan konsep tauhid itu dengan nada yang lantang dan dengan ungkapan yang tegas dengan menggunakan kata-kata (ألا) yang menyarankan penegasan, dan menggunakan uslub yang menumpukan keta'atan yang tulus itu kepada Allah sahaja (لله الدين الخالص). Di sini makna ayat ini dikuatkan pula dengan struktur lafaznya. Tauhid adalah asas seluruh kehidupan manusia, malah asas seluruh alam buana, kerana itu tauhid harus ditanam, dijelas dan diumumkan dengan uslub bahasa yang tegas: ألا لله الدين الخالص - *"Sebenarnya keta'atan yang tulus itu adalah untuk Allah."*

Kemudian Al-Qur'an memperkatakan dongeng yang digunakan oleh kaum Musyrikin untuk menentang da'wah tauhid:

أَلَا لِلَّهِ الدِّينُ الْخَالِصُ ۚ وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مِن دُونِهِ
أَوْلِيَاءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ
إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِي مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ۗ
إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ كَاذِبٌ كَفَّارٌ 

"Sebenarnya keta'atan yang tulus itu adalah untuk Allah. Dan orang-orang yang menyembah pelindung-pelindung yang lain dari Allah itu (berkata): Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya. Sesungguhnya Allah akan mengadili di antara mereka tentang perkara-perkara yang dipertikaikan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang yang pendusta dan pengingkar."(3)

Mereka mengumumkan bahawa Allah itulah Pencipta mereka dan Pencipta langit dan bumi, tetapi mereka tidak mengikut logik fitrah yang mengkhususkan ibadat dan keta'atan yang tulus itu kepada Allah sahaja tanpa sebarang sekutu. Mereka telah mengadakan dongeng malaikat sebagai anak Allah. Maha Suci Allah. Kemudian mereka membuat patung-patung malaikat untuk disembah mereka. Kemudian mereka menganggapkan bahawa perbuatan mereka menyembah berhala-berhala malaikat yang mereka dakwakannya sebagai tuhan-tuhan seperti berhala al-Laata, al-'Uzza dan Manata itu bukanlah bererti mereka menyembah berhala-berhala itu sendiri, malah berhala-berhala itu hanya merupakan sebagai wasilah yang mendekatkan mereka kepada Allah sahaja supaya ia memberi syafa'at di sisi Allah dan mendekatkan mereka kepada-Nya.

Kepercayaan dongeng ini merupakan satu penyelewengan dari kepercayaan yang lurus kepada kepercayaan yang berbelit dan karut. Malaikat-malaikat bukannya anak Allah. Berhala-berhala bukannya patung-patung malaikat. Penyelewengan ini bukannya diredhai Allah. Syafa'at mereka bukannya diterima Allah dan mereka tidak sekali-kali

mendekatkan mereka kepada Allah dengan cara yang seperti ini.

Umat manusia akan menyeleweng dari logik fitrah apabila mereka menyeleweng dari 'aqidah tauhid yang bersih dan lurus yang dibawa oleh Islam dan sekalian Rasul. Pada hari ini kita dapat melihat di setiap tempat manusia-manusia yang menyembah tokoh-tokoh suci dan wali-wali sama seperti kaum Arab dahulu kala yang menyembah malaikat-malaikat atau patung-patung malaikat dengan anggapan untuk mendekatkan diri mereka kepada Allah atau untuk mendapatkan syafa'at mereka di sisi Allah, sedangkan Allah S.W.T. telah pun menentukan jalan menuju kepada-Nya iaitu jalan tauhid yang bersih dari orang tengah atau syafa'at seperti dongeng kaum Musyrikin yang aneh itu!

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى مَنْ هُوَ كَـٰذِبٌ كَفَّارٌ ٣

"Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang yang pendusta dan pengingkar."(3)

Mereka melakukan pembohongan terhadap Allah dengan mengatakan malaikat sebagai anak-Nya dan mendakwa bahawa menyembah malaikat dapat memberi syafa'at kepada mereka di sisi Allah, sedangkan dengan penyembahan ini mereka menjadi kafir dan melanggar perintah Allah yang amat jelas.

Allah tidak memberi hidayat kepada orang yang mendusta dan mengingkarkan-Nya. Hidayat merupakan ganjaran kepada usaha bertawajjuh kepada Allah dan sikap tulus ikhlas kepada Allah dan keinginan kepada hidayat, dan seterusnya merupakan ganjaran kepada usaha mencari jalan yang betul. Orang-orang yang berdusta dan mengingkar tidak wajar menerima hidayat dan ri'ayah Allah, kerana mereka telah memilih jalan yang menjauhkan mereka dari jalan Allah.

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan kekarutan kefahaman ini:

لَّوْ أَرَادَ ٱللَّهُ أَن يَتَّخِذَ وَلَدًا لَّٱصْطَفَىٰ مِمَّا يَخْلُقُ
مَا يَشَآءُ ۚ سُبْحَـٰنَهُۥ ۖ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ٤

"Sekiranya Allah mahu mengambil anak tentulah Dia sendiri akan memilihkan apa sahaja yang disukai-Nya di antara makhluk-makhluk yang diciptakan-Nya. Maha Sucilah Allah. Dialah Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa."(4)

Ini hanya suatu andaian perdebatan untuk membetulkan kefahaman sahaja. Bagi Allah, andainya Dia mahu mengambil anak tentulah Dia akan memilih apa yang disukai-Nya di antara makhluk-makhluk, kerana iradat Allah itu mutlak tidak terbatas, tetapi Allah membersihkan dirinya dari mengambil anak. Oleh kerana itu tiada siapa pan yang berhak menghubungkan anak kepada-Nya. Inilah kehendak iradat-Nya dan inilah pembersihan Allah terhadap diri-Nya yang menafikan anak dan sekutu.

سُبْحَـٰنَهُۥ ۖ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ٤

"Maha Sucilah Allah. Dialah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa."(4)

Apa perlunya Allah mengambil anak, sedangkan Dialah Pencipta dan Pentadbir segala sesuatu? Segala sesuatu dan setiap orang adalah milik-Nya. Dia bebas berbuat apa sahaja yang disukai-Nya terhadap mereka:

خَلَقَ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ ۖ يُكَوِّرُ ٱلَّيْلَ
عَلَى ٱلنَّهَارِ وَيُكَوِّرُ ٱلنَّهَارَ عَلَى ٱلَّيْلِ ۖ وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ
وَٱلْقَمَرَ ۖ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ مُّسَمًّى ۗ أَلَا هُوَ
ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفَّـٰرُ ٥

"Dia menciptakan langit dan bumi dengan asas kebenaran. Dia melilitkan malam di atas siang dan melilitkan siang di atas malam, dan menundukkan matahari dan bulan, masing-masing berjalan hingga ke suatu waktu yang ditentukan. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(5)

Ayat yang menarik perhatian kepada alam langit dan bumi, kepada kejadian siang dan malam dan kepada penciptaan matahari dan bulan menyarankan kepada fitrah manusia hakikat ketuhanan yang tidak layak mempunyai anak dan sekutu, kerana yang berkuasa menjadikan seluruh makhluk ini tidak lagi memerlukan kepada anak dan sekutu.

Bukti Wahdaniyah Allah itu amat jelas dilihat pada dalam cara penciptaan langit dan bumi dan pada perjalanan undang-undang yang mengendalikan alam buana ini. Pemerhatian kepada langit dan bumi sahaja membayangkan wujudnya keesaan iradat yang mencipta dan mentadbir. Bukti-bukti keesaan iradat yang ditemui manusia sehingga hari ini pun sudah cukup. Kini telah jelas bahawa alam ini seluruhnya adalah tersusun dari atom-atom yang mempunyai satu hakikat yang sama, sedangkan atom-atom ini pula terdiri dari radiasi-radiasi yang mempunyai tabi'at yang sama. Begitu juga kini telah jelas bahawa seluruh atom dan seluruh jirim yang tersusun dari atom-atom itu sama ada bumi tempat kediaman kita atau planet-planet dan bintang-bintang yang lain adalah sentiasa bergerak dan pergerakan ini merupakan satu undang-undang yang tetap yang tak pernah mungkir sama ada pada atom yang kecil atau pada bintang yang besar. Dan telah jelas pula bahawa pergerakan ini mempunyai satu peraturan yang tetap yang membayangkan wujudnya keesaan penciptaan dan keesaan pentadbiran. Setiap hari manusia menemui bukti-bukti yang baru yang membuktikan keesaan dalam penciptaan alam buana ini, juga menemui asas kebenaran yang tetap dalam penciptaan itu, yang tidak terumbang-ambing mengikut hawa nafsu dan tidak pernah mungkir dan menyeleweng walau sesa'at pun.

خَلَقَ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ ۖ

"Dia menciptakan langit dan bumi dengan asas kebenaran."(5)

Allah telah menurunkan Al-Qur'an dengan asas kebenaran, iaitu satu asas kebenaran yang sama yang terdapat pada alam buana dan pada kitab suci Al-Qur'an. Kedua-duanya terbit dari sumber yang sama. Kedua-duanya menjadi bukti keesaan Pencipta Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

يُكَوِّرُ ٱلَّيْلَ عَلَى ٱلنَّهَارِ وَيُكَوِّرُ ٱلنَّهَارَ عَلَى ٱلَّيْلِ

"Dia melilitkan malam di atas siang dan melilitkan siang di atas malam."(5)

Bukti Bumi Bulat

Ini adalah satu ungkapan yang amat mena'jubkan. Ia begitu kuat menarik perhatian seseorang kepada penemuan mutakhir mengenai teori "bumi bulat" walaupun saya dalam tafsir ini, amat berhati-hati supaya saya tidak meletakkan pentafsiran Al-Qur'an ini di atas teori-teori yang ditemui manusia, kerana teori-teori itu kadang-kadang salah dan kadang-kadang betul. Hari ini ia teguh, besok ia roboh, sedangkan Al-Qur'an merupakan satu kebenaran yang tetap teguh dan bukti kebenarannya bersebati dengannya, bukan diambil dari penyesuaian atau pertentangan dengan pendapat-pendapat manusia yang lemah.

Walaupun demikian sikap hati-hati saya, namun ungkapan ini begitu kuat menarik saya kepada teori bumi bulat, kerana ungkapan ini menggambarkan satu hakikat yang amat jelas yang dapat diperhatikan di permukaan bumi ini. Bumi yang bulat itu berputar di sekeliling dirinya di hadapan matahari, di mana bahagian yang berhadapan dengan matahari dari permukaannya yang membundar itu diselubungi cahaya matahari dan mewujudkan hari siang, tetapi bahagian ini tidak tetap kerana bumi selalu berpusing. Dan apabila bumi bergerak, maka malam pun mulai menyelubungi permukaan bumi yang berada dalam siang hari ini. Permukaan bumi itu membundar dan hari siang dililitkan ke atasnya dan kemudian hari malam pula dililitkan ke atasnya. Dan sebentar kemudian hari siang bermula pula dari arah yang satu lagi, di mana ia melilit di atas malam hari. Demikianlah bumi sentiasa bergerak dan berpusing:

يُكَوِّرُ ٱلَّيْلَ عَلَى ٱلنَّهَارِ وَيُكَوِّرُ ٱلنَّهَارَ عَلَى ٱلَّيْلِ

"Dia melilitkan malam di atas siang dan melilitkan siang di atas malam."(5)

Kata-kata ayat ini sendiri menggambarkan bentuk bumi, kedudukan, jenis sifat bumi dan pergerakannya. Kebulatan bentuk bumi dan putarannya adalah mentafsirkan ungkapan ayat ini dengan tafsiran yang lebih halus dari mana-mana tafsiran yang tidak mengikut teori ini.

وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ مُّسَمًّى

"Dan menundukkan matahari dan bulan, masing-masing berjalan hingga ke suatu waktu yang ditentukan."(5)

Yakni matahati berjalan di tempat peredarannya dan bulan juga berjalan di tempat peredarannya. Kedua-duanya dicipta dan ditundukkan kepada perintah Allah. Logik fitrah tidak menerima bahawa kedua-duanya berjalan tanpa penggerak yang mengendalikan kedua-duanya dengan peraturan-peraturan yang halus yang tidak pernah mungkir sedikit pun sejak berjuta-juta tahun. Dan matahari dan bulan itu akan berjalan hingga satu waktu yang ditentukan. Dan hanya Allah sahaja yang mengetahui waktu itu.

أَلَا هُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفَّٰرُ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(5)

Di samping bersifat gagah, kuasa dan perkasa Dia juga bersifat Maha Pema'af kepada orang-orang yang bertaubat dan kembali kepada-Nya dari mereka yang mendusta dan mengingkari-Nya dan menyembah tuhan-tuhan yang lain di samping-Nya, juga mereka yang menganggapkan-Nya mempunyai anak sebagaimana telah diterangkan sebelum ini. Jalan sentiasa terbuka lebar kepada mereka untuk kembali kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 6)

Setelah menarik perhatian kepada alam buana yang besar, Al-Qur'an berpindah pula menyentuh kejadian diri manusia itu sendiri dan kejadian-kejadian binatang ternakan sebagai bukti hayat yang dekat dengan mereka:

Maksud Manusia Diciptakan Dari Yang Satu

خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ ٱلْأَنْعَٰمِ ثَمَٰنِيَةَ أَزْوَٰجٍ يَخْلُقُكُمْ فِى بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ خَلْقًا مِّنۢ بَعْدِ خَلْقٍ فِى ظُلُمَٰتٍ ثَلَٰثٍ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ ٱلْمُلْكُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَأَنَّىٰ تُصْرَفُونَ ﴿٦﴾

"Dia telah menciptakan kamu dari diri yang satu, kemudian darinya Dia ciptakan isterinya dan Dia telah menurunkan untuk kamu lapan pasang dari binatang ternakan. Dia jadikan kamu di dalam perut ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian kepada satu kejadian dalam tiga kegelapan. Pencipta bagi semua kejadian itu ialah Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit bumi), tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu bagaimana kamu boleh dipesongkan?"(6)

Apabila manusia mengamati kejadian dirinya sendiri, iaitu dirinya yang bukan dia yang menciptakannya dan dirinya yang dia tidak mengetahui hakikat kejadiannya melainkan sekadar yang diceritakan Allah, dirinya adalah diri yang satu dan mempunyai tabi'at yang satu dan ciri-ciri yang satu yang membezakannya dari makhluk-makhluk yang lain. Seluruh individu manusia terkumpul dalam ruang lingkup ciri-ciri itu. Oleh itu jiwa manusia adalah satu sahaja dalam jutaan manusia yang hidup di merata pelosok bumi dan dalam seluruh generasinya. Isterinya juga diciptakan dari diri yang satu itu juga, kerana itu perempuan mempunyai titik-titik persamaan dengan lelaki dalam ciri-ciri umum manusia walaupun terdapat perbezaan-perbezaan dalam perincian ciri-ciri itu yang menunjukkan wujudnya keesaan atau kesatuan pelan penciptaan asasi makhluk manusia lelaki dan perempuan dan keesaan iradat yang menciptakannya dengan dua jenisnya itu.

Di samping menyebut ciri berpasangan pada kejadian manusia, Al-Qur'an juga menyebut ciri berpasangan pada kejadian binatang-binatang ternakan. Ini membuktikan wujudnya kesatuan atau keesaan asas dalam penciptaan makhluk-makhluk yang hidup:

وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ ٱلْأَنْعَٰمِ ثَمَٰنِيَةَ أَزْوَٰجٍ

"Dia telah menurunkan untuk kamu lapan pasang dari binatang ternakan."(6)

Maksud Lapan Pasang Binatang Ternakan

Maksud lapan pasang ternakan - sebagaimana diterangkan di dalam satu ayat yang lain - ialah biri-biri, kambing, lembu dan unta yang terdiri dari jantan dan betina. Setiap jantan dan betina apabila berkumpul dinamakan pasangan dan di sana terdapat lapan pasangan semuanya. Penciptaan ternakan untuk kegunaan manusia itu diungkapkan dengan kata-kata menurunkan binatang-binatang ternakan itu dari sisi Allah. Ia diturunkan dari hadrat Allah Yang Maha Tinggi kepada alam manusia, dan mereka juga mendapat keizinan dari sisi Allah untuk memanfa'atkan binatang-binatang itu.

Kemudian setelah menyebut keesaan sifat berpasangan pada manusia dan binatang ternakan, ayat yang berikut kembali pula memperkatakan peringkat-peringkat perkembangan kejadian manusia di dalam perut ibu mereka:

Perkembanan Kejadian Manusia Di Dalam Rahim

يَخْلُقُكُمْ فِى بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ خَلْقًا مِّنۢ بَعْدِ خَلْقٍ

"Dia jadikan kamu di dalam perut ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian kepada satu kejadian."(6)

Yakni dari nutfah kepada segumpal sel kepada seketul daging dan kepada tulang-temalang dan akhirnya kepada kejadian bentuk rupa manusia yang sempurna sifatnya.

فِى ظُلُمَٰتٍ ثَلَٰثٍ

"Dalam tiga kegelapan."(6)

Yakni kegelapan pundi-pundi yang mengisi janin dan kegelapan rahim tempat terletaknya pundi-pundi janin dan kegelapan perut, di mana terletaknya rahim. Tangan qudrat Allah telah menciptakan sel yang seni ini yang berkembang dari satu kejadian kepada satu kejadian, dan mata pemeliharaan Allahlah yang memelihara makhluk yang seni ini dan memberikannya daya untuk bertumbuh subur, daya untuk berkembang, daya untuk meningkat dan daya untuk meneruskan perjalanan menjadi manusia dengan sifat-sifatnya yang ditentukan Allah.

Usaha mengikuti perjalanan nutfah yang pendek masanya dan jauh kesannya itu, di samping mengikuti perubahan-perubahan dan peringkat-peringkat perkembangan yang dilalui olehnya di samping mengikuti ciri-ciri yang mena'jubkan,yang memimpin sel yang lemah ini dalam perjalanannya di alam yang gelap itu, boleh membawa hati manusia dapat melihat tangan qudrat Allah Yang Maha Pencipta, iaitu melihat qudrat-Nya dengan kesan-kesannya yang amat terang dan beriman kepada Wahdaniyah-Nya, di mana kesan-kesannya dapat dilihat dengan nyata cara-cara Allah menciptakan makhluk ini. Bagaimana hati boleh dipesongkan dari melihat hakikat Wahdaniyah ini?

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ ٱلْمُلْكُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَأَنَّىٰ
تُصْرَفُونَ ٦

"Pencipta bagi semua kejadian itu ialah Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit bumi) tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu bagaimana kamu boleh dipesongkan?"(6)

(Pentafsiran ayat 7)

Setelah melihat dengan jelas bukti Wahdaniyah yang mutlak dan bukti qudrat yang sempurna, Al-Qur'an meletakkan mereka di depan diri mereka sendiri di persimpangan jalan di antara kekufuran dan kesyukuran, juga di depan tanggungjawab individu secara langsung dalam memilih jalan tersebut. Dan seterusnya ia menerangkan kepada mereka tentang kesudahan perjalanan itu dan tentang upacara hisab yang menunggu mereka di sana, iaitu upacara hisab yang akan dikendalikan Allah S.W.T. sendiri yang telah menciptakan mereka dan mengetahui segala rahsia di dalam hati mereka:

إِن تَكْفُرُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ عَنكُمْ وَلَا يَرْضَىٰ لِعِبَادِهِ
ٱلْكُفْرَ وَإِن تَشْكُرُوا۟ يَرْضَهُ لَكُمْ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ
أُخْرَىٰ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا
كُنتُمْ تَعْمَلُونَ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ٧

"Jika kamu kufur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dari berhajat kepada kamu. Dan Dia tidak redhakan kekufuran itu kepada hamba-Nya. Dan jika kamu bersyukur nescaya Dia mengurniakan keredhaan-Nya kepada kamu. Dan seseorang yang berdosa tidak menanggung dosa orang yang lain. Kemudian kepada Tuhanmu kembalinya kamu dan Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala isi dada."(7)

Perjalanan di dalam perut ibu ini ialah satu peringkat perjalanan di sebuah jalan yang amat panjang yang diikuti oleh satu peringkat perjalanan hidup di luar perut ibu, kemudian diiringi pula dengan peringkat terakhir iaitu peringkat Hisab dan balasan mengikut tadbir Allah Yang Maha Pencipta, Maha Mengetahui dan Maha Sempurna ilmu pengetahuan-Nya.

Allah S.W.T. adalah Maha Kaya dari berhajat kepada hamba-hamba-Nya yang lemah. Dia menjaga dan memelihara mereka semata-mata kerana limpah rahmat dan kurnia-Nya.

إِن تَكْفُرُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ عَنكُمْ

"Jika kamu kufur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dari berhajat kepada kamu."(7)

Keimanan kamu tidak menambahkan keagungan kerajaan-Nya sedikit pun, dan kekufuran kamu tidak mengurangkan-Nya seurat benang pun, tetapi Allah tidak redha dan tidak suka kepada kekufuran orang-orang yang kafir terhadap-Nya:

وَلَا يَرْضَىٰ لِعِبَادِهِ ٱلْكُفْرَ ۖ وَإِن تَشْكُرُوا۟ يَرْضَهُ لَكُمْ

"Dan Dia tidak redhakan kekufuran itu kepada hamba-Nya.Dan jika kamu bersyukur nescaya Dia mengurniakan keredhaan-Nya kepada kamu."(7)

Allah memperkenankan kesyukuran itu dari kamu dan akan membalaskannya dengan balasan yang baik.

Setiap orang bertanggungjawab terhadap amalannya dan akan dihisabkan segala usahanya. Tiada seorang pun boleh menanggung bebanan dosa orang lain kerana setiap orang masing-masing menanggung bebanan dosanya sendiri:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

"Dan seorang yang berdosa tidak menanggung dosa orang yang lain."(7)

Titik kembali pada akhirnya ialah kepada Allah bukan kepada yang lain dari-Nya. Tiada jalan lari dari Allah dan tiada tempat perlindungan pada yang lain dari Allah.

ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ

"Kemudian kepada Tuhanmu kembalinya kamu dan Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu."(7)

Dan tiada suatu pun yang terlindung dari ilmu Allah:

إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٧﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala isi dada."(7)

Inilah kesudahan manusia dan itulah bukti-bukti hidayat dan inilah persimpangan jalan dan setiap orang bebas memilih dengan berlandaskan bukti yang jelas, penelitian yang hemat selepas mendapat ilmu pengetahuan dan berfikir.

(Kumpulan ayat-ayat 8 - 10)

وَإِذَا مَسَّ ٱلْإِنسَٰنَ ضُرٌّ دَعَا رَبَّهُۥ مُنِيبًا إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَا
خَوَّلَهُۥ نِعْمَةً مِّنْهُ نَسِىَ مَا كَانَ يَدْعُوٓا۟ إِلَيْهِ مِن قَبْلُ
وَجَعَلَ لِلَّهِ أَندَادًا لِّيُضِلَّ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ قُلْ تَمَتَّعْ بِكُفْرِكَ
قَلِيلًا ۖ إِنَّكَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلنَّارِ ﴿٨﴾
أَمَّنْ هُوَ قَٰنِتٌ ءَانَآءَ ٱلَّيْلِ سَاجِدًا وَقَآئِمًا يَحْذَرُ
ٱلْءَاخِرَةَ وَيَرْجُوا۟ رَحْمَةَ رَبِّهِۦ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلَّذِينَ
يَعْلَمُونَ وَٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟
ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٩﴾
قُلْ يَٰعِبَادِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمْ ۚ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟
فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا حَسَنَةٌ ۗ وَأَرْضُ ٱللَّهِ وَٰسِعَةٌ ۗ إِنَّمَا
يُوَفَّى ٱلصَّٰبِرُونَ أَجْرَهُم بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

"Dan apabila seseorang manusia itu disentuh sesuatu kesusahan ia berdo'a kepada Tuhannya dengan kembali kepada-Nya, kemudian apabila Allah mengurniakan ni'mat kepadanya ia terus lupakan kesusahan yang keranaya ia berdo'a kepada Allah sebelum itu dan dia mengadakan sekutu-sekutu kepada Allah untuk menyesatkan (dirinya dan orang lain) dari jalan Allah. Katakanlah: Bersenang-senanglah engkau dengan kekufuranmu untuk sedikit masa. Sesungguhnya engkau adalah dari penghuni-penghuni Neraka (8). (Apakah kamu yang lebih beruntung?) Atau orang yang beribadat di waktu malam dengan sujud atau berdiri, sedangkan ia takut kepada ('azab) Akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya. Katakanlah: Apakah sama (di antara) orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran (9). Katakanlah: Wahai hamba-hambaku yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu. Orang-orang yang

berbuat kebaikan di dunia ini akan memperolehi balasan yang baik. Dan bumi Allah itu amat luas. Hanya orang-orang yang bersabar akan disempurnakan pahala mereka tanpa hisab."(10)

Di dalam pusingan yang pertama Al-Qur'an menyentuh hati mereka dengan mengemukakan kisah kewujudan mereka dan kisah mereka diciptakan Allah dari diri yang satu dan mengahwinkan diri yang satu itu dengan diri yang sejenis dengannya, juga kisah binatang-binatang ternakan yang diciptakan berpasang-pasangan seperti mereka, dan seterusnya kisah mereka dijadikan Allah di dalam perut ibu-ibu mereka di dalam tiga kegelapan. Al-Qur'an menyedarkan mereka bahawa Allah mula-mula kurniakan kepada mereka ciri-ciri bangsa manusia kemudian mengurniakan pula ciri-ciri untuk kekal dan meningkat tinggi.

Di dalam ayat-ayat bahagian ini Al-Qur'an sekali lagi menyentuh hati mereka dengan mengemukakan gambaran-gambaran diri mereka semasa dalam kesusahan dan semasa dalam kesenangan. Ia memperlihatkan kepada mereka tabi'at mereka yang berubah-ubah, sifat mereka yang lemah, mengada-ngada dan tidak mempunyai sifat yang di atas satu jalan melainkan apabila mempunyai hubungan dengan Allah, menyintai-Nya dan beribadat kepada-Nya. Ketika ini barulah mereka mengetahui jalan dan hakikat yang benar dan dapat mengambil manfa'at dari ciri-ciri insaniyah yang dikurniakan kepada mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 8)

وَإِذَا مَسَّ ٱلْإِنسَٰنَ ضُرٌّ دَعَا رَبَّهُۥ مُنِيبًا إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَا
خَوَّلَهُۥ نِعْمَةً مِّنْهُ نَسِىَ مَا كَانَ يَدْعُوٓا۟ إِلَيْهِ مِن قَبْلُ
وَجَعَلَ لِلَّهِ أَندَادًا لِّيُضِلَّ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ قُلْ تَمَتَّعْ بِكُفْرِكَ
قَلِيلًا ۖ إِنَّكَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلنَّارِ ﴿٨﴾

"Dan apabila seseorang manusia itu disentuh sesuatu kesusahan ia berdo'a kepada Tuhannya dengan kembali kepada-Nya, kemudian apabila Allah mengurniakan ni'mat kepadanya ia terus lupakan kesusahan yang kerananya ia berdo'a kepada Allah sebelum itu dan dia mengadakan sekutu-sekutu kepada Allah untuk menyesatkan (dirinya dan orang lain) dari jalan Allah. Katakanlah: Bersenang-senanglah engkau dengan kekufuranmu untuk sedikit masa. Sesungguhnya engkau adalah dari penghuni-penghuni Neraka."(8)

Psikologi Manusia Semasa Senang Dan Susah

Fitrah manusia akan kelihatan telanjang bogel apabila ia ditimpa kesusahan, ketika itu segala timbunan fikiran yang salah akan gugur darinya, segala hijab dan prasangka akan terhapus, malah ia akan bertawajjuh kepada Allah dan akan pulang kepada-Nya sahaja, kerana dia sedar bahawa yang lain dari Allah adalah tidak berkuasa mengangkatkan kesusahannya, dan kerana dia mengetahui bahawa sekutu-sekutu dan tukang-tukang syafa'at yang diada-adakan olehnya itu adalah bohong belaka.

Tetapi apabila kesusahan itu hilang dan kesenangan datang dan apabila Allah mengurniakan ni'mat kepadanya dan mengangkatkan kesusahan itu darinya, maka dia akan kembali meletakkan timbunan fikiran yang salah ke atas fitrahnya. Dia lupakan do'anya, lupakan taubatnya dan lupakan tauhidnya kepada Allah. Dia lupakan kerinduannya dan harapannya kepada Allah di sa'at kesusahannya. Dia lupakan segala-galanya, malah ia sanggup pula mengada-adakan sekutu-sekutu kepada Allah sama ada dalam bentuk tuhan-tuhan yang disembah seperti di zaman jahiliyah yang pertama atau dalam bentuk nilai-nilai, tokoh-tokoh dan undang-undang yang semuanya dijadikannya sekutu-sekutu kepada Allah sebagaimana dilakukan banyak masyarakat-masyarakat jahiliyah. Ketika itu ia menyembah hawa nafsunya, menyembah keinginan dan tamak halobanya, menyembah ketakutan-ketakutannya, menyembah harta dan anak-anaknya, menyembah pemerintah-pemerintah dan pembesar-pembesarnya sebagaimana ia menyembah Allah atau lebih ikhlas lagi, ia menyintai sekutu-sekutu itu sebagaimana ia menyintai Allah atau dengan cinta yang lebih mendalam lagi. Syirik itu ada berbagai bentuknya. Ada syirik khafi (halus) yang tidak dikirakan manusia sebagai perbuatan syirik kerana ia tidak mengambil bentuk syirik yang biasa yang diketahui umum, sedangkan perbuatan itu merupakan jantung syirik.

Akibat dari syirik itu ialah kesesatan dari jalan Allah, kerana jalan Allah itu hanya satu tidak berbilang. Penumpuan ibadat, tawajjuh dan kasih kepada Allah sahaja itulah satu-satunya jalan menuju kepada Allah. Kepercayaan kepada Allah tidak dapat menerima apa sahaja bentuk perkongsian di dalam hati sama ada perkongsian dengan harta kekayaan, anak, tanahair, tanah milik, sahabat dan kaum kerabat. Mana-mana perkongsian di dalam hati dari kongsi-kongsi tersebut atau sebagainya adalah dikira sebagai perbuatan mengadakan sekutu-sekutu kepada Allah dan sebagai perbuatan yang sesat dari jalan Allah yang boleh membawa pada akhirnya kepada Neraka apabila tamat meni'mati hidup yang sebentar di dunia nanti:

قُلْ تَمَتَّعْ بِكُفْرِكَ قَلِيلًا إِنَّكَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلنَّارِ ﴿٨﴾

"Katakanlah: Bersenang-senanglah engkau dengan kekufuranmu untuk sedikit masa, sesungguhnya engkau adalah dari penghuni-penghuni Neraka."(8)

Segala keni'matan di dunia ini hanya sebentar sahaja walaupun panjang masanya. Umur hidup seseorang di dunia ini hanya pendek sahaja walaupun usianya lanjut, malah masa hidup umat manusia di muka bumi hanya sebentar sahaja dibandingkan dengan kiraan hari-hari Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 10)

Gambaran Mu'min Yang Gemilang

Di samping mengemukakan gambaran manusia yang malang ini, Al-Qur'an mengemukakan satu gambaran lagi, iaitu gambaran hati insan yang takut kepada Allah, insan yang mengingati Allah dan tidak pernah melupakannya sama ada di masa senang atau di masa susah, insan yang hidup di muka bumi dengan hati yang waspada terhadap akibat di Akhirat dan dengan hati yang penuh harapan terhadap rahmat dan limpah kurnia Allah. Perhubungan dengan Allah itu melahirkan ilmu pengetahuan yang betul yang dapat memahami hakikat-hakikat kewujudan makhluk:

أَمَّنْ هُوَ قَٰنِتٌ ءَانَآءَ ٱلَّيْلِ سَاجِدًا وَقَآئِمًا يَحْذَرُ
ٱلْءَاخِرَةَ وَيَرْجُوا۟ رَحْمَةَ رَبِّهِۦ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلَّذِينَ
يَعْلَمُونَ وَٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟
ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٩﴾

"(Apakah kamu yang lebih beruntung?) Atau orang yang beribadat di waktu malam dengan sujud atau berdiri, sedangkan ia takut kepada ('azab) Akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya. Katakanlah: Apakah sama (di antara) orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui. Sesungguhnya orang-orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran."(9)

Ini adalah satu gambaran Mu'min yang amat gemilang dan peka, gambaran insan yang beribadat, ta'at bertawajjuh kepada Allah, takut kepada 'azab Akhirat dan mengharapkan rahmat Allah dan gambaran kejernihan iman yang membuka matahati, memberi keni'matan wawasan yang jelas dan penerimaan ma'rifat kepada hati. Semuanya ini merupakan satu gambaran insan Mu'min yang cemerlang yang bertentangan dengan gambaran insan yang malang yang dilukiskan oleh ayat yang terdahulu, kerana itu Al-Qur'an membuat perbandingan:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ

"Katakanlah: Apakah sama (di antara) orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?"(9)

Ilmu Pengetahuan Yang Sebenar

Ilmu yang sebenar ialah ma'rifat iaitu mengenali Allah yang benar dan terbukanya matahati serta terjalinnya hubungan dengan hakikat-hakikat yang tetap di alam al-wujud ini. Ilmu yang sebenar itu bukannya kumpulan maklumat-maklumat yang terpisah satu sama lain yang terkumpul di dalam otak dan tidak membawa kepada mengenali hakikat-hakikat alam buana yang agung dan tidak melewati batas alam yang nyata.

Jalan menuju ilmu yang haqiqi dan ma'rifat yang terang ialah beribadat kepada Allah, mempunyai hati yang peka terhadap Allah, mempunyai perasaan takut dan waspada terhadap akibat di hari Akhirat, menaruh kerinduan dan harapan kepada rahmat dan limpah kurnia Allah, bermuraqabah dengan Allah dengan hati yang gentar dan khusyu'. Inilah jalan menuju kepada Allah. Oleh sebab itu orang yang menjalani jalan ini dapat memahami dan mengenali isi hakikat, dapat mengambil manfa'at dari segala apa yang dilihat, segala apa yang didengar dan segala apa yang dialaminya dan dapat sampai kepada hakikat-hakikat agung yang tetap, yang wujud di sebalik pemandangan-pemandangan dan pengalaman-pengalaman yang kecil itu. Adapun orang-orang yang hanya berdiri dan berhenti di perbatasan pengalaman dan pemandangan-pemandangan yang zahir sahaja yang terpisah satu sama lain itu, maka mereka hanya merupakan pengumpul-pengumpul maklumat sahaja bukannya ahli-ahli ilmu yang sebenar.

إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran."(9)

Hanya orang-orang yang mempunyai hati yang sedar dan terbuka matanya sahaja yang dapat mengetahui hakikat-hakikat di sebalik fenomena-fenomena yang lahir ini. Merekalah yang dapat mengambil faedah dari apa yang dilihat dan diketahui mereka. Merekalah yang mengingati Allah pada segala sesuatu yang dilihat dan disentuh mereka. Mereka tidak lupakan Allah dan tidak lupakan hari pertemuan dengan-Nya.

Setelah mengemukakan dua gambaran insan itu, Al-Qur'an berpaling pula kepada orang-orang yang beriman. Ia menyeru mereka supaya bertaqwa dan membuat amalan yang baik dan menggunakan kehidupan dunia sebagai sarana untuk mendapatkan keuntungan yang panjang di dalam kehidupan Akhirat:

قُلْ يَٰعِبَادِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمْ ۚ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟
فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا حَسَنَةٌ ۗ وَأَرْضُ ٱللَّهِ وَٰسِعَةٌ ۗ إِنَّمَا
يُوَفَّى ٱلصَّٰبِرُونَ أَجْرَهُم بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

"Katakanlah: Wahai hamba-hambaku yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu. Orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia ini akan memperolehi balasan yang baik. Dan bumi Allah itu amat luas. Hanya orang-orang yang bersabar akan disempurnakan pahala mereka tanpa hisab."(10)

Ungkapan:

يَٰعِبَادِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟

"Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman!"(10)

merupakan satu lencongan yang istimewa. Ia pada asalnya berbunyi: Katakanlah kepada hamba-hamba-Ku yang beriman! Katakanlah kepada mereka:

ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمْ ۚ

"Bertaqwalah kepada Tuhan kamu."(10)

Tetapi dalam ungkapan ini ia jadikan Rasulullah itu secara langsung menyeru mereka kerana seruan itu mengandungi pengumuman dan peringatan. Rasulullah s.a.w. tentulah tidak berkata kepada mereka: *"Wahai hamba-hambaku"* (ياعباد) kerana mereka adalah hamba-hamba Allah. Oleh itu lencongan ini dibuat apabila beliau ditugas menyampaikan perintah Allah supaya beliau menyeru mereka dengan nama Allah, kerana seruan itu pada hakikatnya adalah seruan dari Allah, sedangkan Nabi Muhammad s.a.w. adalah tidak lebih dari seorang rasul yang menyampaikan seruannya itu sahaja.

قُلْ يَٰعِبَادِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمْ ۚ

"Katakanlah: Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu."(10)

Taqwa ialah kesedaran yang amat peka di dalam hati dan sikap yang sentiasa mengingati Allah dengan penuh waspada dan takut serta penuh harapan dan minat, juga sikap berhati-hati dari mendapat kemurkaan Allah dan sikap penuh minat mencari keredhaan-Nya, iaitu sifat-sifat yang terdapat pada gambaran yang cemerlang yang dilukiskan oleh ayat yang terdahulu terhadap kelompok hamba-hamba Allah yang khusyu' beribadat.

لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا حَسَنَةٌ ۗ

"Orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia ini akan memperolehi balasan yang baik."(10)

Kesanggupan Berhijrah

Alangkah murahnya balasan itu! Satu perbuatan yang baik dalam kehidupan dunia yang pendek dan kerdil ini dibalas dengan kebaikan yang berkekalan di negeri Akhirat. Tetapi itulah limpah kurnia Allah terhadap makhluk manusia. Dia memulia dan memelihara mereka walaupun Dia tahu kelemahan dan kekecilan usaha mereka.

وَأَرْضُ ٱللَّهِ وَٰسِعَةٌ ۗ

"Dan bumi Allah itu amat luas."(10)

Justeru itu janganlah kamu patah semangat kerana cintakan kampung halaman dan kerana kasihkan hubungan kekeluargaan dalam sesuatu negeri hingga kamu tidak sanggup lagi berhijrah darinya apabila agama kamu ditindas dan apabila kamu tidak dapat lagi melakukan amalan-amalan kebaikan di negeri itu, kerana sikap yang terlalu kasih kepada kampung halaman di dalam keadaan yang seperti ini merupakan pintu dari pintu-pintu yang dimasuki syaitan dan merupakan sejenis perbuatan mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah di dalam hati manusia.

Ini adalah satu penarikan perhatian Al-Qur'an yang amat seni. Ia menarik perhatian kepada pintu-pintu syirik di dalam hati manusia ketika membicarakan persoalan tauhid dan taqwa kepada Allah. Ini membayangkan bahawa Al-Qur'an ini adalah dari Allah, kerana tiada yang dapat mengubati hati manusia sedemikian rupa melainkan Penciptanya sendiri yang amat mengetahui segala rahsianya.

Allah yang menciptakan manusia itu mengetahui bahawa berhijrah dari kampung halaman itu merupakan satu perkara yang amat berat di hati seseorang, dan memutuskan hubungan kekeluargaan itu juga merupakan sesuatu yang amat sukar, dan meninggalkan kehidupan biasa dan punca-punca pencarian rezeki untuk membangun satu kehidupan yang baru di suatu negeri yang baru itu merupakan satu perintah yang amat sulit kepada manusia. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menyebut di sini kelebihan sabar dan balasan yang sempurna di sisi Allah tanpa hisab:

إِنَّمَا يُوَفَّى ٱلصَّٰبِرُونَ أَجْرَهُم بِغَيْرِ حِسَابٍ ١٠

"Hanya orang-orang yang bersabar akan disempurnakan pahala mereka tanpa hisab."(10)

Dengan keterangan dan sentuhan ini Al-Qur'an dapat memikat hati mereka pada tempatnya yang sesuai dan dapat mengubati hati-hati yang lemah itu dengan penawar yang mujarab. Ia menghembuskan bayu perdampingan dengan Allah dan bayu rahmat-Nya ketika menghadapi kesusahan. Ia membuka pintu-pintu ganti rugi terhadap tanahair, kampung halaman, kaum keluarga dan kehidupan biasa yang ditinggalkan itu dengan limpah kurnia Allah yang tidak terkira. Maha Sucilah Allah Yang Maha Mengetahui segala rahsia hati manusia, segala pintu-pintunya dan liku-liku jalannya.

(Kumpulan ayat-ayat 11- 20)

قُلْ إِنِّىٓ أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ ٱللَّهَ مُخْلِصًا لَّهُ ٱلدِّينَ ١١

وَأُمِرْتُ لِأَنْ أَكُونَ أَوَّلَ ٱلْمُسْلِمِينَ ١٢

قُلْ إِنِّىٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّى عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ١٣

قُلِ ٱللَّهَ أَعْبُدُ مُخْلِصًا لَّهُۥ دِينِى ١٤

فَٱعْبُدُوا۟ مَا شِئْتُم مِّن دُونِهِۦ ۗ قُلْ إِنَّ ٱلْخَٰسِرِينَ ٱلَّذِينَ
خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ وَأَهْلِيهِمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ أَلَا ذَٰلِكَ هُوَ
ٱلْخُسْرَانُ ٱلْمُبِينُ ١٥

لَهُم مِّن فَوْقِهِمْ ظُلَلٌ مِّنَ ٱلنَّارِ وَمِن تَحْتِهِمْ ظُلَلٌ ۚ ذَٰلِكَ يُخَوِّفُ
ٱللَّهُ بِهِۦ عِبَادَهُۥ ۚ يَٰعِبَادِ فَٱتَّقُونِ ١٦
وَٱلَّذِينَ ٱجْتَنَبُوا۟ ٱلطَّٰغُوتَ أَن يَعْبُدُوهَا وَأَنَابُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ
لَهُمُ ٱلْبُشْرَىٰ ۚ فَبَشِّرْ عِبَادِ ١٧
ٱلَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ ٱلْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُۥٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ
ٱلَّذِينَ هَدَىٰهُمُ ٱللَّهُ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمْ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ١٨
أَفَمَنْ حَقَّ عَلَيْهِ كَلِمَةُ ٱلْعَذَابِ أَفَأَنتَ تُنقِذُ مَن فِى
ٱلنَّارِ ١٩
لَٰكِنِ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ رَبَّهُمْ لَهُمْ غُرَفٌ مِّن فَوْقِهَا غُرَفٌ مَّبْنِيَّةٌ
تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۖ وَعْدَ ٱللَّهِ ۖ لَا يُخْلِفُ ٱللَّهُ
ٱلْمِيعَادَ ٢٠

"Katakanlah: Sesungguhnya aku telah diperintahkan supaya menyembah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya (11). Dan aku telah diperintahkan supaya menjadi orang pertama dari golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah) (12). Katakanlah: Sesungguhnya aku takut 'azab hari yang amat besar jika aku menderhakakan Tuhanku (13). Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang aku sembah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya dalam agamaku (14). Sembahlah apa sahaja yang kamu kehendaki selain dari Allah. Katakanlah: Sesungguhnya orang-orang yang rugi itu ialah orang-orang yang kerugian diri mereka sendiri dan keluarga mereka pada hari Qiamat. Ingatlah! Itulah kerugian yang amat jelas (15). Untuk mereka (disediakan) lapisan-lapisan dari api Neraka di atas mereka dan di bawah mereka juga (disediakan) lapisan-lapisan api yang sama (dari api Neraka). Demikianlah 'azab yang diancamkan Allah kepada hamba-hamba-Nya. Oleh itu wahai hamba-hamba-Ku! Bertaqwalah kepada-Ku (16). Dan orang-orang yang menjauhi Taghut iaitu dari menyembahkannya dan kembali kepada Allah, maka untuk mereka berita yang amat mengembirakan. Oleh itu sampaikanlah berita gembira itu kepada hamba-hamba-Ku ......(17) Yang mendengar perkataan-perkataan dan mengikut mana-mana perkataan yang paling baik darinya. Merekalah orang-orang yang diberikan hidayat oleh Allah, dan merekalah orang-orang yang berakal (18). Apakah orang yang telah ditetapkan keputusan 'azab di atasnya (lalu dimasukkan ke dalam Neraka) dapatkah engkau menyelamatkan mereka yang berada di dalam Neraka? (19) Tetapi orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan mendapat istana-istana tinggi yang dibinakan bertingkat-tingkat dan di bawahnya mengalir sungai-sungai. Itulah janji Allah dan Allah tidak sekali-kali menyalahi janji."(20)

Seluruh bahagian ini dipayungi suasana Akhirat dan bayangan takut, kepada 'azabnya dan suasana mengharapkan pahalanya. Ia mulakan dengan mengarah Rasulullah s.a.w. supaya mengumumkan 'aqidah tauhid yang tulen dan menyatakan ketakutan dirinya sendiri - sedangkan beliau seorang rasul - dari akibat penyelewengan dari 'aqidah itu, juga menyatakan keazamannya untuk terus berpegang teguh dengan agamanya dan meninggalkan mereka berpegang dengan agama mereka dan seterusnya menyatakan akibat dari pegangan dengan agama-agama itu pada hari hisab.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 20)

Pengumuman 'Aqidah Tauhid

قُلْ إِنِّىٓ أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ ٱللَّهَ مُخْلِصًا لَّهُ ٱلدِّينَ ١١
وَأُمِرْتُ لِأَنْ أَكُونَ أَوَّلَ ٱلْمُسْلِمِينَ ١٢
قُلْ إِنِّىٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّى عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ١٣

"Katakanlah: Sesungguhnya aku telah diperintahkan supaya menyembah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya (11). Dan aku telah diperintahkan supaya menjadi orang pertama dari golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah)(12). Katakanlah: Sesungguhnya aku takut 'azab hari yang amat besar jika aku menderhakakan Tuhanku."(13)

Nabi s.a.w. menyatakan bahawa beliau disuruh menyembah Allah Yang Tunggal dan mentuluskan keta'atan kepada-Nya sahaja dan supaya beliau menjadi Muslim pertama yang berpegang dengan ajaran itu, juga menyatakan bahawa beliau takut kepada 'azab hari Qiamat yang amat dahsyat jika beliau menderhaka Tuhannya. Pengumuman ini mempunyai nilai yang amat besar dalam pembersihan 'aqidah tauhid yang dibawa oleh Islam. Di maqam ini Nabi s.a.w. hanya seorang hamba Allah sahaja yang tidak menjangkau lebih dari maqam itu. Dan di maqam ibadat seluruh hamba adalah berdiri sama sejajar dalam satu barisan, hanya zat Allah S.W.T. sahaja yang tinggi dan mengatasi sekalian hamba-Nya.

Dengan pengumuman itu beliau telah menjelaskan konsep Uluhiyah (ketuhanan) dan konsep 'Ubudiyah (kehambaan). Kedua-duanya berbeza dan tidak bercampuraduk dan tidak keliru mengeliru. Sifat Wahdaniyah itu hanya dimiliki oleh Allah S.W.T. sahaja tanpa sekutu dan tanpa tandingan. Dan apabila Muhammad Rasulullah s.a.w. berdiri di maqam 'Ubudiyah untuk Allah semata-mata, maka beliau pun membuat pengumuman ini dan menyatakan ketakutannya dari menderhakakan Allah. Di sana tidak ada ruang untuk mendakwa mendapat syafa'at dari berhala-berhala atau malaikat-malaikat dengan menyembah mereka selain dari Allah atau di samping menyembah Allah.

Kemudian sekali lagi diulangkan pengumuman ini dengan menyatakan keazaman untuk berpegang teguh dengan kepercayaannya dan meninggalkan kaum Musyrikin dengan kepercayaan mereka menghadapi akibat yang amat pedih:

قُلِ ٱللَّهَ أَعۡبُدُ مُخۡلِصٗا لَّهُۥ دِينِي ١٤ فَٱعۡبُدُواْ مَا شِئۡتُم مِّن دُونِهِۦۗ قُلۡ إِنَّ ٱلۡخَٰسِرِينَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ وَأَهۡلِيهِمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِۗ أَلَا ذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡخُسۡرَانُ ٱلۡمُبِينُ ١٥

"Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang aku sembah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya dalam agamaku (14). Sembahlah apa sahaja yang kamu kehendaki selain dari Allah. Katakanlah: Sesungguhnya orang-orang yang rugi itu ialah orang-orang yang kerugian diri mereka sendiri dan keluarga mereka pada hari Qiamat. Ingatlah! Itulah kerugian yang amat jelas."(15)

Sekali lagi beliau menyatakan: Aku akan terus menurut jalan agamamu dan aku tentukan ibadat itu hanya untuk Allah sahaja dan aku mentuluskan seluruh keta'atan itu kepada-Nya sahaja. Adapun kamu, maka kamu adalah bebas memilih jalan yang kamu kehendaki. Sembahlah siapa sahaja yang kamu suka selain dari Allah, tetapi akibatnya ialah kerugian yang tiada tolok bandingnya iaitu kerugian diri sendiri yang akan berakhir ke Neraka dan kerugian keluarga sama ada mereka beriman atau tidak beriman, kerana andainya keluarga itu beriman, mereka akan kehilangan mereka kerana mereka menuju ke satu jalan dan keluarga mereka menuju ke satu jalan yang lain. Dan andainya keluarga itu tidak beriman seperti mereka, maka seluruh mereka mengalami kerugian diri sendiri memasuki Neraka:

أَلَا ذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡخُسۡرَانُ ٱلۡمُبِينُ ١٥

"Ingatlah! Itulah kerugian yang amat jelas."(15)

Kemudian Al-Qur'an menayangkan pemandangan kerugian yang amat jelas itu:

لَهُم مِّن فَوۡقِهِمۡ ظُلَلٞ مِّنَ ٱلنَّارِ وَمِن تَحۡتِهِمۡ ظُلَلٞۚ ذَٰلِكَ يُخَوِّفُ ٱللَّهُ بِهِۦ عِبَادَهُۥۚ يَٰعِبَادِ فَٱتَّقُونِ ١٦

"Untuk mereka (disediakan) lapisan-lapisan dari api Neraka di atas mereka dan di bawah mereka juga (disediakan) lapisan-lapisan api yang sama (dari api Neraka). Demikianlah 'azab yang diancamkan Allah kepada hamba-hamba-Nya. Oleh itu wahai hamba-hamba-Ku! Bertaqwalah kepada-Ku."(16)

Ini adalah satu pemandangan yang sungguh mengerikan, iaitu pemandangan api yang berlapis-lapisan di atas kepala dan di bawah kaki. Mereka diselubungi lapisan-lapisan api Neraka.

Pemandangan-pemandangan ini ditunjukkan kepada mereka ketika mereka masih berada di atas muka bumi dan mampu menjauhkan dirinya dari jalan 'azab itu dan menakutkan mereka dengan akibatnya yang buruk supaya mereka menjauhinya:

ذَٰلِكَ يُخَوِّفُ ٱللَّهُ بِهِۦ عِبَادَهُۥۚ

"Demikianlah 'azab yang diancamkan Allah kepada hamba-hamba-Nya."(16)

Kemudian ia menyeru mereka supaya berhati-hati dan menjaga diri supaya mereka selamat:

يَٰعِبَادِ فَٱتَّقُونِ ١٦

"Oleh itu wahai hamba-hamba-Ku! Bertaqwalah kepada-Ku."(16)

Sementara di tebing sebelah lagi kelihatan pula kumpulan orang-orang yang terselamat.

Kumpulan Yang Terselamat

وَٱلَّذِينَ ٱجۡتَنَبُواْ ٱلطَّٰغُوتَ أَن يَعۡبُدُوهَا وَأَنَابُوٓاْ إِلَى ٱللَّهِ لَهُمُ ٱلۡبُشۡرَىٰۚ فَبَشِّرۡ عِبَادِ ١٧ ٱلَّذِينَ يَسۡتَمِعُونَ ٱلۡقَوۡلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحۡسَنَهُۥٓۚ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ هَدَىٰهُمُ ٱللَّهُۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمۡ أُوْلُواْ ٱلۡأَلۡبَٰبِ ١٨

"Dan orang-orang yang menjauhi Taghut iaitu dari menyembahkannya dan kembali kepada Allah, maka untuk mereka berita yang amat mengembirakan. Oleh itu sampaikanlah berita gembira itu kepada hamba-hamba-Ku ....(17) Yang mendengar perkataan-perkataan dan mengikut mana-mana perkataan yang paling baik darinya. Merekalah orang-orang yang diberikan hidayat oleh Allah dan merekalah orang-orang yang berakal."(18)

Kata-kata "طاغوت" diambil dari akar kata "الطغيان". Bunyinya sama dengan " عظموت" dan "رحموت" yang memberi makna "amat". Yang dimaksudkan dengan Taghut ialah setiap perbuatan yang melampaui batas. Dan yang dimaksudkan dengan orang-orang yang menjauhi perbuatan menyembah Taghut ialah orang-orang yang menjauhi perbuatan menyembah yang lain dari Allah dalam apa bentuk ibadat sekalipun. Merekalah orang-orang yang benar-benar kembali kepada Allah dan berdiri di maqam 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.

Merekalah orang-orang yang memperolehi berita gembira yang disampaikan kepada mereka dari al-Mala'ul-A'la dan Rasulullah s.a.w. menyampaikan berita itu kepada mereka dengan perintah Allah:

فَبَشِّرۡ عِبَادِ ١٧

"Sampaikanlah berita gembira itu kepada hamba-hamba-Ku......"(17)

Penyampaian berita Ilahi Yang Maha Tinggi oleh Rasulullah itu sahaja merupakan satu ni'mat.

Di antara sifat-sifat orang-orang ini ialah mereka mendengar apa sahaja yang dapat didengar mereka

kemudian mereka memilih mana yang paling baik dan menolak mana yang tidak baik. Mereka tidak menyimpan di dalam hati melainkan perkataan-perkataan yang baik yang boleh membersihkannya. Jiwa yang jujur sentiasa terbuka kepada perkataan-perkataan yang baik dan menerimanya, sedangkan jiwa yang jahat hanya terbuka dan menerima perkataan-perkataan yang jahat sahaja.

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ هَدَىٰهُمُ ٱللَّهُۖ

"Merekalah orang-orang yang diberi hidayat oleh Allah..."(18)

Maksudnya, Allah mengetahui adanya kesediaan kebaikan di dalam jiwa mereka lalu Allah memberi hidayat kepada mereka ke arah mendengar dan menerima perkataan-perkataan yang baik. Dan hidayat yang sebenar ialah hidayat Allah.

وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمْ أُوْلُواْ ٱلْأَلْبَٰبِ ١٨

"...Dan merekalah orang-orang yang berakal."(18)

Akal yang sejahtera dan sihat itulah yang membawa orang-orang yang memilikinya kepada kebersihan dan keselamatan dan barang siapa yang tidak mengikut jalan kebersihan dan keselamatan, maka mereka adalah seolah-olah tidak berakal dan seolah-olah tidak mendapat ni'mat akal yang dikurniakan Allah kepadanya.

Sebelum Al-Qur'an menayangkan pemandangan mereka yang hidup dengan penuh ni'mat di Akhirat, ia menjelaskan bahawa penyembah-penyembah Taghut itu telah pun benar-benar sampai ke dalam Neraka dan tiada siapa pun yang dapat menyelamatkan mereka:

أَفَمَنْ حَقَّ عَلَيْهِ كَلِمَةُ ٱلْعَذَابِ أَفَأَنتَ تُنقِذُ مَن فِى
ٱلنَّارِ ١٩

"Apakah orang yang telah ditetapkan keputusan 'azab di atasnya (lalu dimasukkan ke dalam Neraka) dapatkah engkau menyelamatkan mereka yang berada di dalam Neraka?"(19)

Ayat ini dituju kepada Rasulullah s.a.w. Dan andainya beliau sendiri tidak berkuasa menyelamatkan orang-orang yang berada di dalam Neraka, maka siapakah lagi yang dapat menyelamatkan mereka?

Setelah itu ia menayangkan pula pemandangan orang-orang yang bertaqwa kepada Allah dan takut kepada balasan 'azab yang diancamkan Allah:

لَٰكِنِ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْاْ رَبَّهُمْ لَهُمْ غُرَفٌ مِّن فَوْقِهَا غُرَفٌ مَّبْنِيَّةٌ
تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُۖ وَعْدَ ٱللَّهِۖ لَا يُخْلِفُ ٱللَّهُ
ٱلْمِيعَادَ ٢٠

"Tetapi orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan mendapat istana-istana tinggi yang dibinakan bertingkat-tingkat dan di bawahnya mengalir sungai-sungai. Itulah janji Allah dan Allah tidak sekali-kali menyalahi janji."(20)

Pemandangan istana-istana tinggi yang dibina, bertingkat-tingkat dan di bawahnya mengalir sungai-sungai itu adalah selaras dengan pemandangan lapisan-lapisan api Neraka yang melingkungi mereka dari atas dan bawah. Itulah janji Allah dan janji Allah itu tetap berlaku dan Allah tidak menyalahi janji.

Angkatan Muslimin yang pertama kali menerima Al-Qur'an ini benar-benar telah menghayati pemandangan-pemandangan itu dalam realiti. Pemandangan-pemandangan itu dalam hati mereka bukan lagi berupa janji dan ancaman yang diterima mereka dari masa depan yang amat jauh, malah ia benar-benar wujud dan disaksikan hati mereka, ditanggap dan dilihat mata mereka. Pemandangan-pemandangan itu telah membuat mereka terharu, menggeletar dan menyambut baik. Justeru itu hati mereka mengalami perubahan seperti itu dan hidup mereka di dunia diselaraskan dengan realiti hidup alam Akhirat yang dihayati mereka, walaupun mereka masih berada di dunia ini. Demikianlah cara yang wajar bagi seseorang Muslim menyambut janji Allah.

(Kumpulan ayat-ayat 21 - 29)

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَسَلَكَهُۥ يَنَٰبِيعَ
فِى ٱلْأَرْضِ ثُمَّ يُخْرِجُ بِهِۦ زَرْعًا مُّخْتَلِفًا أَلْوَٰنُهُۥ ثُمَّ يَهِيجُ
فَتَرَىٰهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُۥ حُطَٰمًاۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ
لَذِكْرَىٰ لِأُوْلِى ٱلْأَلْبَٰبِ ٢١

أَفَمَن شَرَحَ ٱللَّهُ صَدْرَهُۥ لِلْإِسْلَٰمِ فَهُوَ عَلَىٰ نُورٍ مِّن
رَّبِّهِۦۚ فَوَيْلٌ لِّلْقَٰسِيَةِ قُلُوبُهُم مِّن ذِكْرِ ٱللَّهِۚ أُوْلَٰٓئِكَ فِى
ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ٢٢

ٱللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ ٱلْحَدِيثِ كِتَٰبًا مُّتَشَٰبِهًا مَّثَانِىَ
تَقْشَعِرُّ مِنْهُ جُلُودُ ٱلَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ
جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ ٱللَّهِۚ ذَٰلِكَ هُدَى
ٱللَّهِ يَهْدِى بِهِۦ مَن يَشَآءُۚ وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ
مِنْ هَادٍ ٢٣

أَفَمَن يَتَّقِي بِوَجْهِهِۦ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ وَقِيلَ
لِلظَّٰلِمِينَ ذُوقُوا۟ مَا كُنتُمْ تَكْسِبُونَ ٢٤
كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَأَتَىٰهُمُ ٱلْعَذَابُ مِنْ
حَيْثُ لَا يَشْعُرُونَ ٢٥
فَأَذَاقَهُمُ ٱللَّهُ ٱلْخِزْىَ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ ٱلْءَاخِرَةِ
أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ٢٦
وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِى هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ مِن كُلِّ مَثَلٍ
لَّعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ٢٧
قُرْءَانًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِى عِوَجٍ لَّعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ٢٨
ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا رَّجُلًا فِيهِ شُرَكَآءُ مُتَشَٰكِسُونَ
وَرَجُلًا سَلَمًا لِّرَجُلٍ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا ۚ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ۚ
بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ٢٩

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit dan mengalirkannya menjadi matair-matair di bumi, kemudian Dia mengeluarkan dengannya tumbuh-tumbuhan dari berbagai-bagai warnanya, kemudian tumbuh-tumbuhan itu menjadi kering dan engkau dapat melihatnya kekuningan, kemudian Allah jadikannya reput dan hancur. Sesungguhnya kejadian itu menjadi pengajaran kepada orang-orang yang berakal (21). Apakah orang-orang yang dilapangkan Allah dadanya menerima Islam lalu ia tegak di atas nur (hidayat) dari Tuhannya (sama dengan orang yang tidak dilapangkan dadanya)? Oleh itu celakalah bagi orang-orang yang berhati keras dari mengingati Allah. Mereka berada dalam kesesatan yang amat nyata (22). Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu sebuah kitab (Al-Qur'an) yang serupa (mutu ayat-ayatnya) dan berulang-ulang, gementarlah kerananya kulit orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka, kemudian kulit-kulit dan hati mereka menjadi lembut dan tenteram mengingati Allah. Itulah hidayat Allah yang dikurniakan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya (23). Apakah orang yang mempertahankan diri dengan mukanya dari (selaran) 'azab yang dahsyat pada hari Qiamat (itu sama dengan orang yang terselamat dari 'azab)? Dan lalu dikatakan kepada orang-orang yang zalim: Rasakanlah hasil pencapaian (hidup dunia) yang telah diusahakan kamu (24). Orang-orang yang sebelum mereka telah pun mendustakan (rasul-rasul), lalu mereka ditimpakan 'azab dari arah yang tidak disangkakan mereka (25). Maka Allah merasakan mereka 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu adalah lebih besar lagi, jika mereka mengetahui (26). Dan sesungguhnya Kami telah membuat berbagai-bagai perbandingan kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini supaya mereka dapat mengambil pengajaran (27). Iaitu Al-Qur'an (diturunkan) dalam bahasa Arab yang lurus tidak bengkok supaya mereka bertaqwa (28). Allah telah membuat satu perbandingan iaitu seorang hamba yang dimiliki beberapa kongsi yang selalu bergaduh dan seorang hamba yang hanya seorang (tuamnas) sahaja. Apakah kedua-dua hamba itu sama keadaan dan sifatnya?"(29)

Di dalam bahagian ini terdapat satu tarikan perhatian kepada hayat tumbuhan di bumi selepas turunnya hujan dari langit, dan bagaimana hayat tumbuh-tumbuhan itu berakhir dengan ajalnya yang dekat (cepat). Al-Qur'an seringkali menggunakan hayat tumbuhan itu sebagai contoh perbandingan bagi kehidupan dunia dari segi hakikatnya yang fana dan menyarankan kepada orang-orang yang berakal supaya mengambil pengajaran dari perbandingan itu. Dan selepas menyebut kisah turunnya air hujan dari langit, ia menyebut pula kisah Al-Qur'an yang diturunkan dari langit untuk menghidupkan hati dan melapangkan dada manusia. Kemudian diiringi pula dengan sebuah gambaran yang menunjukkan bagaimana hati yang terbuka itu menyambut Al-Qur'an itu dengan perasaan takut dan gementar. Kemudian diiringi oleh perasaan lembut dan tenang tenteram. Kemudian disusuli dengan keterangan yang menggambarkan akibat-akibat yang diterima oleh orang-orang yang mengingati Allah dan orang-orang yang berhati degil yang tidak mahu mengingati Allah. Dan pada akhirnya ia memperkatakan hakikat tauhid dengan membawa satu perbandingan yang menggambarkan orang yang menyembah Tuhan Yang Tunggal dengan orang yang menyembah tuhan-tuhan yang berbilang. Keadaan dan sifat keduanya tentulah tidak sama sebagaimana tidak samanya keadaan seorang hamba yang dimiliki oleh beberapa tuanmas yang selalu bergaduh dengan seorang hamba yang dimiliki seorang tuanmas sahaja tanpa orang yang lain yang merebutnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 21)

Kisah Turunnya Hujan Dari Langit

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَسَلَكَهُۥ يَنَٰبِيعَ
فِى ٱلْأَرْضِ ثُمَّ يُخْرِجُ بِهِۦ زَرْعًا مُّخْتَلِفًا أَلْوَٰنُهُۥ ثُمَّ يَهِيجُ
فَتَرَىٰهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُۥ حُطَٰمًا ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ
لَذِكْرَىٰ لِأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ٢١

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit dan mengalirkannya menjadi matair-matair di bumi, kemudian Dia mengeluarkan dengannya tumbuh-tumbuhan dari berbagai-bagai warnanya, kemudian tumbuh-tumbuhan itu menjadi kering dan engkau dapat melihatnya kekuningan, kemudian Allah jadikannya reput dan hancur. Sesungguhnya kejadian itu menjadi pengajaran kepada orang-orang yang berakal."(21)

Fenomena turunnya air hujan yang disebut oleh Al-Qur'an untuk menarik perhatian manusia supaya diperhati, diteliti dan diambil pengajaran itu merupakan satu fenomena yang terlalu kerap berlaku di merata pelosok bumi hingga kebaharuan dan segala keanehan dan keajaibannya hilang begitu sahaja kerana terlalu biasa. Al-Qur'an menyarankan kepada manusia supaya meneliti tangan qudrat Allah dan mempelajari kesannya dalam setiap peringkat perkembangan hayat.

Apakah dan bagaimanakah kisah turunnya air dari langit? Kita hanya memandang kejadian luar biasa ini sepintas lalu sahaja kerana terlalu biasa dan terlalu kerap berlaku, sedangkan kejadian air itu sendiri merupakan satu kejadian mu'jizat. Walaupun kita mengetahui bahawa air itu terjadi dari percantuman zarah hidrogen dengan zarah oksigen dalam keadaan-keadaan yang tertentu, namun sepatutnya pengetahuan ini menggerakkan hati kita supaya memperhatikan tangan qudrat Allah yang telah menciptakan alam buana ini, di mana terdapat hidrogen dan oksigen, juga terdapatnya keadaan-keadaan yang membolehkan kedua-dua zarah itu bercantum, dan dengan terjadinya air dari percantuman ini, maka lahirlah pula kejadian-kejadian yang hidup di bumi ini. Andainya tidak kerana air tentulah tidak ada satu pun kejadian-kejadian Yang hidup. Hayat merupakan satu rangkaian dari tadbir Allah hingga sampai kepada wujudnya air dan wujudnya hayat. Semuanya itu adalah hasil dari ciptaan tangan qudrat Allah. Kemudian kisah turunnya air hujan setelah air itu wujud merupakan satu kejadian mu'jizat yang baru pula. Ia berlaku kerana bumi dan alam buana ini berjalan mengikut peraturan yang ada ini yang membolehkan terjadinya air hujan itu dan turun ke bumi, kemudian tiba pula langkah kedua selepas diturunkan air mengikut tadbir Allah:

فَسَلَكَهُۥ يَنَٰبِيعَ فِي ٱلۡأَرۡضِ

"Dan mengalirkannya menjadi matair-matair di bumi."(21)

Sama ada berupa sungai-sungai yang mengalir di permukaan bumi atau sungai yang mengalir di bawah tanah yang meresap dari air-air di permukaan bumi kemudian memancur keluar menjadi matair-matair atau perigi-perigi. Tangan qudrat Allahlah yang menahankan air-air itu dari meresap terlalu jauh ke dalam bumi hingga tidak dapat kembali lagi.

ثُمَّ يُخۡرِجُ بِهِۦ زَرۡعٗا مُّخۡتَلِفًا أَلۡوَٰنُهُۥ

"Kemudian Dia mengeluarkan dengannya tumbuh-tumbuhan dari berbagai-bagai warnanya."(21)

Kisah Tumbuh-tumbuhan Yang Berwarna-warni

Hayat tumbuhan yang berlaku selepas turunnya air itu merupakan satu kejadian mu'jizat yang membuat seluruh daya tenaga manusia berdiri lemah di hadapannya. Pemandangan benih tumbuhan yang kecil yang memecahkan dinding-dinding bumi dan menghapuskan timbunan-timbunan tanah di atasnya untuk mendapatkan udara, cahaya dan kebebasan, kemudian subur perlahan-lahan menjulang ke udara sudah cukup untuk memenuhkan hati yang mu'min dengan pengajaran dan untuk membangkitkan ingatannya kepada Allah Pencipta yang menjadikan segala makhluk-Nya dan memberi kepada setiap makhluk-Nya kejadian yang sesuai dengannya, kemudian memberi pedoman hidup kepadanya. Pemandangan tumbuh-tumbuhan yang beraneka warna pada satu kawasan bumi, malah pada satu jenis tumbuhan sahaja atau pada satu jenis bunga sahaja merupakan satu pameran yang menunjukkan qudrat penciptaan Allah yang amat kreatif, dan membuat manusia sedar bahawa mereka sama sekali lemah untuk menciptakan sesuatu darinya.

Kemudian tanaman yang subur, lembut dan segar itu sampai ke puncak kesempurnaannya dan tiba pada batas ajalnya:

ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَىٰهُ مُصۡفَرّٗا

"Kemudian tumbuh-tumbuhan itu menjadi kering dan engkau dapat melihatnya kekuningan."(21)

Tanaman itu telah sampai ke, matlamat yang telah ditentukan untuknya dalam undang-undang kewujudan, dalam peraturan alam buana dan dalam tahap-tahap perkembangan hayat. Ia sudah matang untuk dituai:

ثُمَّ يَجۡعَلُهُۥ حُطَٰمًاۚ

"Kemudian Allah jadikannya reput dan hancur."(21)

Ia telah menghabiskan tempoh ajalnya dan telah menyempurnakan peranannya yang telah ditentukan Allah yang mengurniakan hayat.

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَذِكۡرَىٰ لِأُوْلِي ٱلۡأَلۡبَٰبِ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya kejadian itu menjadi pengajaran kepada orang-orang yang berakal"(21)

yang memikirkannya dan mengambil pengajaran darinya. Mereka mengambil faedah dari akal dan daya kefahaman yang dikurniakan Allah kepada mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 23)

Perbezaan Antara Hati Yang Terbuka Dan Hati Yang Tertutup

أَفَمَن شَرَحَ ٱللَّهُ صَدۡرَهُۥ لِلۡإِسۡلَٰمِ فَهُوَ عَلَىٰ نُورٖ مِّن
رَّبِّهِۦۚ فَوَيۡلٞ لِّلۡقَٰسِيَةِ قُلُوبُهُم مِّن ذِكۡرِ ٱللَّهِۚ أُوْلَٰٓئِكَ فِي
ضَلَٰلٖ مُّبِينٍ ﴿٢٢﴾

ٱللَّهُ نَزَّلَ أَحۡسَنَ ٱلۡحَدِيثِ كِتَٰبٗا مُّتَشَٰبِهٗا مَّثَانِيَ
تَقۡشَعِرُّ مِنۡهُ جُلُودُ ٱلَّذِينَ يَخۡشَوۡنَ رَبَّهُمۡ ثُمَّ تَلِينُ
جُلُودُهُمۡ وَقُلُوبُهُمۡ إِلَىٰ ذِكۡرِ ٱللَّهِۚ ذَٰلِكَ هُدَى
ٱللَّهِ يَهۡدِي بِهِۦ مَن يَشَآءُۚ وَمَن يُضۡلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ
مِنۡ هَادٍ ٢٣

"Apakah orang-orang yang dilapangkan Allah dadanya menerima Islam lalu ia tegak di atas nur (hidayat) dari Tuhannya (sama dengan orang yang tidak dilapangkan dadanya)? Oleh itu celakalah bagi orang-orang yang berhati keras dari mengingati Allah. Mereka berada dalam kesesatan yang amat nyata (22). Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu sebuah kitab (Al-Qur'an) yang serupa (mlö] ayat-ayatnya) dan berulang-ulang, gementarlah kerananya kulit orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka, kemudian kulit-kulit dan hati mereka menjadi lembut dan tenteram mengingati Allah. Itulah hidayat Allah yang dikurniakan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."(23)

Allah menurunkan air hujan dari langit untuk menumbuhkan berbagai-bagai jenis tanaman bagi kegunaan manusia, begitu juga Dia menurunkan Al-Qur'an dari langit lalu disambut oleh hati-hati yang hidup dan menjadikannya terbuka, lapang dan bergerak cergas, ia juga disambut oleh hati-hati yang degil laksana batu yang keras yang tidak mempunyai hayat dan kesegaran.

Allah melapangkan mana-mana hati yang diketahuinya mempunyai kesediaan yang baik untuk menerima Islam, dan Allah hubungkan hati-hati itu dengan nur-Nya yang menjadikannya terang dan cemerlang. Perbezaan di antara hati-hati ini dengan hati-hati lain yang keras itu adalah terlalu jauh.

فَوَيۡلٞ لِّلۡقَٰسِيَةِ قُلُوبُهُم مِّن ذِكۡرِ ٱللَّهِۚ

"Celakalah bagi orang-orang yang berhati keras dari mengingati Allah."(22)

أُوْلَٰٓئِكَ فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٍ ٢٢

"Mereka berada dalam kesesatan yang amat nyata."(22)

Ayat-ayat Yang Bermutu Sama Dan Berulang-ulang

Ayat ini menggambarkan hakikat hati yang menerima Islam dengan perasaan yang gembira dan lapang serta menggambarkan keadaan hubungannya dengan Allah yang memberi keriangan, kelapangan, kemanisan dan kegemilangan, di samping menggambarkan hakikat hati-hati yang degil, keras, kasar, mati, tandus dan gelap-gelita. Siapa yang dilapangkan hatinya oleh Allah untuk menerima Islam dan dibekalkan dengan nur hidayat-Nya, maka hatinya bukanlah seperti sekeping hati manusia yang keras. Perbezaan di antara dua golongan ini amat jauh.

Ayat yang kedua pula menggambarkan bagaimana cara orang-orang Mu'min, menyambut Al-Qur'an itu, iaitu sebuah kitab yang serasi dan selaras segala isi kandungannya. Tiada terdapat sebarang percanggahan di dalam tabi'atnya, arah-arah tujuannya, spiritnya dan ciri-cirinya. Mutu isi kandungannya serupa dan berulang-ulang, iaitu bahagian ayat-ayatnya, kisah-kisahnya, bimbingan-bimbingannya dan pemandangan-pemandangannya adalah diulang berkali-kali, tetapi tidak pernah bercanggah satu sama lain. Ia diulang-ulangkan di berbagai-bagai tempat mengikut hikmat yang memerlukan kepada ulangan itu. Ia diulang-ulangkan dengan penuh keserasian dan kemantapan berdasarkan lunas-lunas yang kukuh dan serupa tanpa sebarang pertentangan.

Orang-orang yang takut dan bertaqwa kepada Alldh menerima Al-Qur'an ini dengan hati yang takut dan gementar, dengan perasaan yang terharu yang menggerunyutkan kulit-kulit badan mereka, kemudian jiwa mereka kembali tenteram dan mesra terhadap Al-Qur'an dan mengingati Allah.

Ia merupakan satu gambaran yang begitu hidup dan bermaya yang dilukiskan oleh kalimat-kalimat ayat itu.

ذَٰلِكَ هُدَى ٱللَّهِ يَهۡدِي بِهِۦ مَن يَشَآءُۚ

"Itulah hidayat Allah yang dikurniakan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya."(23)

Hati itu tidak menggeletar dan terharu melainkan ketika digerakkan Allah Yang Maha Penyayang ke arah hidayat, ke arah menerima da'wah-Nya dan ke arah pencerahan jiwa. Allah mengetahui hakikat hati-hati manusia sama ada sesuai dibalaskan dengan hidayat atau dengan kesesatan:

وَمَن يُضۡلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنۡ هَادٍ ٢٣

"Barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."(23)

Allah menyesatkan seseorang kerana Dia mengetahui hakikat hatinya yang bertunjang di dalam kesesatan dan tidak dapat menerima hidayat atau cenderung kepadanya.

(Pentafsiran ayat-ayat 24 - 26)

Kemudian Al-Qur'an menayangkan pemandangan balasan yang menunggu orang-orang yang sesat pada hari Qiamat:

أَفَمَن يَتَّقِي بِوَجۡهِهِۦ سُوٓءَ ٱلۡعَذَابِ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِۚ وَقِيلَ
لِلظَّٰلِمِينَ ذُوقُواْ مَا كُنتُمۡ تَكۡسِبُونَ ٢٤

"Apakah orang yang mempertahankan diri dengan mukanya dari (selaran) 'azab yang dahsyat pada hari Qiamat (itu sama dengan orang yang terselamat dari 'azab)? Dan lalu dikatakan kepada orang-orang yang zalim: Rasakanlah hasil pencapaian (hidup dunia) yang telah diusahakan kamu."(24)

Biasanya seseorang itu melindungi keselamatan mukanya dengan dua tangan dan tubuhnya, tetapi di sini dia tidak berdaya mempertahankan dirinya dari selaran Neraka dengan dua tangan dan kakinya lalu ia menolak selaran api itu dengan mukanya. Ini membayangkan betapa dahsyat dan kelam-kabutnya keadaan yang dihadapinya. Dan dalam keadaan kelam-kabut menerima 'azab itu dia menerima kecaman pula dan diserahkan kepadanya hasil pencapaian dari usaha-usaha seluruh hidupnya di dunia ini, dan alangkah buruknya hasil pencapaian itu!

وَقِيلَ لِلظَّٰلِمِينَ ذُوقُوا۟ مَا كُنتُمْ تَكْسِبُونَ ٢٤

"Lalu dikatakan kepada orang-orang yang zalim: Rasakanlah hasil pencapaian (hidup dunia) yang telah diusahakan kamu."(24)

Kemudian dari pemandangan ini, Al-Qur'an beralih pula kepada membicarakan tentang para pendusta yang menentang Muhammad s.a.w. untuk menayangkan kepada mereka akibat buruk yang telah menimpa pendusta-pendusta sebelum mereka supaya mereka sempat berusaha menyelamatkan diri mereka:

كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَأَتَىٰهُمُ ٱلْعَذَابُ مِنْ
حَيْثُ لَا يَشْعُرُونَ ٢٥
فَأَذَاقَهُمُ ٱللَّهُ ٱلْخِزْىَ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ ٱلْءَاخِرَةِ
أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ٢٦

"Orang-orang yang sebelum mereka telah pun mendustakan (rasul-rasul), lalu mereka ditimpakan 'azab dari arah yang tidak disangkakan mereka (25). Maka Allah merasakan mereka 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu adalah lebih besar lagi, jika mereka mengetahui."(26)

Inilah nasib kesudahan pendusta-pendusta di dunia dan di Akhirat. Di dunia mereka ditimpa 'azab kehinaan dan di Akhirat mereka ditunggu 'azab yang amat dahsyat. Undang-undang Allah tetap berjalan tanpa mungkir, dan sebagai bukti dan saksi ialah kebinasaan-kebinasaan yang telah menimpa umat-umat di zaman sebelum mereka. Janji 'azab dari Allah untuk mereka pada hari Akhirat tetap akan dikotakan. Namun demikian, peluang masih terbuka di hadapan mereka. Dan Al-Qur'an ini adalah berguna kepada orang yang ingin mengambil pengajaran dan peringatan:

لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ٢٦

"Jika mereka mengetahui."(26)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 29)

Tauhid Dan Syirik Dibandingkan Dengan Dua Orang Abdi

وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِى هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ مِن كُلِّ مَثَلٍ
لَّعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ٢٧
قُرْءَانًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِى عِوَجٍ لَّعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ٢٨
ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا رَّجُلًا فِيهِ شُرَكَآءُ مُتَشَٰكِسُونَ
وَرَجُلًا سَلَمًا لِّرَجُلٍ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا ۚ

"Dan sesungguhnya Kami telah membuat berbagai-bagai perbandingan kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini supaya mereka dapat mengambil pengajaran (27). Iaitu Al-Qur'an (diturunkan) dalam bahasa Arab yang lurus tidak bengkok supaya mereka bertaqwa (28). Allah telah membuat satu perbandingan iaitu seorang hamba yang dimiliki beberapa kongsi yang selalu bergaduh dan seorang hamba yang hanya dimiliki seorang (tuanmas) sahaja. Apakah kedua-dua hamba itu sama keadaan dan sifatnya?"(29)

Allah membuat perbandingan bagi seorang hamba yang menyembah Allah Yang Tunggal dan seorang hamba yang menyembah tuhan-tuhan yang berbilang dengan seorang hamba yang dimiliki beberapa tuanmas yang bertengkar satu sama lain kerananya menyebabkan ta'at setianya berbelah bahagi di antara mereka, kerana setiap tuanmas itu masing-masing memberi arahan dan perintah kepadanya. Dia menjadi serba salah untuk melayani mereka. Dia tidak dapat melaksanakan tugasnya mengikut satu cara yang tetap dan dia tidak mampu untuk memuaskan kehendak semua tuanmas-tuanmas yang bercanggah satu sama lain itu hingga menyebabkan tenaga dan arah haluannya berkecai dan tidak menentu, dan dengan seorang hamba yang dimiliki seorang tuanmas sahaja, di mana ia mengetahui apa yang diminta dan ditugaskan tuanmas itu. Hamba ini sudah tentu merasa senang dan mantap kerana ia dapat mengikut satu jalan yang terang.

هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا ۚ

"Apakah kedua-dua hamba itu sama keadaan dan sifatnya?"(29)

Tentulah kedua-duanya tidak sama kerana hamba yang tunduk kepada satu tuanmas itu dapat merasakan keni'matan bekerja dengan lurus, tahu dan yakin dengan apa yang dibuat dan dikerjakannya. Tenaganya tidak berkecai. Haluannya satu dan jalan yang ditujunya jelas dan terang, sedangkan hamba yang tunduk kepada beberapa tuanmas yang bercakaran satu sama lain itu hidup tersiksa dan terumbang-ambing, tidak tetap di atas satu keadaan dan tidak dapat memuaskan kehendak seseorang

tuanmas, apatah lagi untuk memuaskan kehendak semua tuanmas itu.

Perbandingan ini menggambarkan hakikat tauhid dan hakikat syirik dalam semua keadaan. Hati seorang yang beriman dengan hakikat tauhid itulah hati yang dapat melaksanakan perjalanannya di dunia ini menurut jalan yang betul kerana matanya sentiasa berpandukan sebiji bintang di kaki langit dan dengan pedoman inilah dia tidak kesesatan jalan, dan kerana dia tahu bahawa di sana hanya satu sumber sahaja yang memberi hayat, kekuatan dan rezeki, di sana hanya satu sumber sahaja yang memberi manfa'at dan mudarat dan hanya satu sumber sahaja yang membenar dan melarang. Oleh sebab itu langkah-langkahnya lurus menuju kepada sumber yang tunggal itu dan kedua tangannya tetap berpegang dengan seutas tali yang tunggal. Ia menuju dengan tenang ke arah matlamat yang tunggal itu dan tidak pernah menyeleweng darinya. Dia berkhidmat kepada tuanmasnya yang tunggal dan dia benar-benar tahu apakah yang disukai dan tidak disukai tuanmasnya. Justeru itu tenaganya tidak berpecah dan setiap tenaganya menghasilkan pengeluaran. Kakinya berdiri teguh di bumi dan matanya memandang ke langit menyintai Tuhan Yang Tunggal.

Perbandingan yang jelas dan menarik itu diiringi dengan pernyataan memuji Allah yang telah memilih dan mengurniakan kerehatan, kedamaian, ketenteraman, kelurusan dan kemantapan kepada para hamba-Nya, namun demikian mereka menyeleweng juga dan kebanyakan mereka tidak mengetahui.

Ini adalah satu perbandingan dari perbandingan-perbandingan yang dikemukakan oleh Al-Qur'an kepada manusia supaya mereka mengambil pengajaran. Dan Al-Qur'an itu pula diturunkan dalam bahasa Arab yang lurus, terang, tiada sebarang kesamaran, tidak berbelit-belit dan tidak menyeleweng. Ia berbicara dengan fitrah manusia dengan logiknya yang senang difaham.

* * * * * *

- Ruang ini Sengaja Dibiarkan Kosong -

<u>Nota</u> :

Juzu' Kedua Puluh Tiga tamat

pada Ayat 31 Surah Ini

JUZU' KE-24

SURAH AZ-ZUMAR

(Kumpulan ayat-ayat 30 - 35)

إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُم مَّيِّتُونَ ﴿٣٠﴾

ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ عِندَ رَبِّكُمْ تَخْتَصِمُونَ ﴿٣١﴾

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن كَذَبَ عَلَى ٱللَّهِ وَكَذَّبَ بِٱلصِّدْقِ إِذْ جَآءَهُۥٓ ۚ أَلَيْسَ فِى جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْكَٰفِرِينَ ﴿٣٢﴾

وَٱلَّذِى جَآءَ بِٱلصِّدْقِ وَصَدَّقَ بِهِۦٓ ۙ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُتَّقُونَ ﴿٣٣﴾

لَهُم مَّا يَشَآءُونَ عِندَ رَبِّهِمْ ۚ ذَٰلِكَ جَزَآءُ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٣٤﴾

لِيُكَفِّرَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ أَسْوَأَ ٱلَّذِى عَمِلُوا۟ وَيَجْزِيَهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ ٱلَّذِى كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٣٥﴾

"Sesungguhnya engkau akan mati dan mereka juga akan mati (30). Kemudian sesungguhnya pada hari Qiamat kelak kamu akan bertengkar di hadapan Tuhan kamu (31). [1]Siapakah yang lebih zalim dari orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah dan mendustakan ajaran yang benar ketika datang kepada mereka? Bukankah di dalam Neraka itu ada tempat kediaman bagi orang-orang yang kafir? (32) Dan orang yang membawa ajaran yang benar (Rasulullah) dan orang yang membenarkannya. Merekalah golongan para Muttaqin (33). Mereka akan memperolehi apa sahaja yang dikehendaki mereka di sisi Tuhan mereka. Itulah balasan yang disediakan bagi para Muhsinin (34). Kerana Allah hendak menghapuskan dari mereka dosa-dosa perbuatan mereka yang paling buruk yang dilakukan mereka dan hendak membalas mereka dengan upah yang lebih baik dari amalan yang dilakukan mereka."(35)

Bahagian ini merupakan kesimpulan dari pembicaraan ayat-ayat yang telah lalu, iaitu setelah dibentangkan ayat mengenai kisah air hujan yang turun dari langit dan kisah tumbuhan yang dihidupkan air, juga kisah Al-Qur'an yang diturunkan dari Allah di samping mengemukakan perbandingan Al-Qur'an dan membuat pernyataan:

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٩﴾

"Tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(49)

[1] *Juzu' kedua puluh empat bermula dari ayat (32) Surah ini.*

Ia iringi pula dengan kesimpulan bahawa urusan Nabi s.a.w. dan urusan mereka adalah semuanya terserah kepada Allah. Dialah yang akan mengadili di antara mereka selepas mati kelak, di mana pembohong-pembohong dan pendusta-pendusta Rasul akan dibalas dengan balasan yang setimpal, dan pembawa-pembawa ajaran yang benar dan orang-orang yang membenarkannya akan dibalas dengan balasan yang disediakan kepada para muhsinin.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 35)

إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُم مَّيِّتُونَ ﴿٣٠﴾

ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ عِندَ رَبِّكُمْ تَخْتَصِمُونَ ﴿٣١﴾

"Sesungguhnya engkau akan mati dan mereka juga akan mati (30). Kemudian sesungguhnya pada hari Qiamat kelak kamu akan bertengkar di hadapan Tuhan kamu."(31)

Maut merupakan penghabisan setiap yang bernyawa dan tiada yang kekal melainkan hanya Allah. Dalam menghadapi maut seluruh manusia adalah sama sahaja termasuk Nabi Muhammad s.a.w. sendiri. Hakikat maut disebutkan di sini sebagai satu rangkaian dari rangkaian kepercayaan tauhid yang dijelaskan oleh keseluruhan surah ini, kemudian diiringi pula dengan penjelasan mengenai apa yang akan berlaku selepas maut, kerana maut bukannya penghabisan perjalanan, malah ia hanya merupakan satu rangkaian dari perjalanan dan selepasnya disusuli pula dengan rangkaian-rangkaian yang lain. Pada hari Qiamat kelak manusia akan bertengkar sesama mereka dan kemudian Rasulullah s.a.w. tampil di hadapan Allah dan membawa kaum yang kafir itu berdiri untuk menerima hukuman terhadap perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan mereka yang menentang hidayat yang diturunkan Allah kepada mereka.

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن كَذَبَ عَلَى ٱللَّهِ وَكَذَّبَ بِٱلصِّدْقِ إِذْ جَآءَهُۥٓ ۚ أَلَيْسَ فِى جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْكَٰفِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Siapakah yang lebih zalim dari orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah dan mendustakan ajaran yang benar ketika datang kepada mereka? Bukankah di dalam Neraka itu ada tempat kediaman bagi orang-orang yang kafir?"(32)

Pertanyaan ini merupakan pertanyaan untuk memberi penjelasan, iaitu di sana tidak ada yang lebih zalim dari orang yang sanggup mengada-ngadakan perkara yang bohong terhadap Allah, iaitu mendakwa bahawa Allah mempunyai puteri-puteri dan sekutu-sekutu, juga mendusta ajaran yang benar yang dibawa Rasul-Nya dan tidak mempercayai 'aqidah tauhid. Itulah perbuatan kufur. Dan pada akhirnya ia

menyatakan bahawa di dalam Neraka Jahannam terdapat tempat kediaman bagi orang-orang yang kafir.

وَٱلَّذِي جَآءَ بِٱلصِّدۡقِ وَصَدَّقَ بِهِۦٓ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ
ٱلۡمُتَّقُونَ ٣٣

"Dan orang yang membawa ajaran yang benar (Rasulullah) dan orang yang membenarkannya. Merekalah golongan para Muttaqin."(33)

Rasulullah s.a.w. telah membawa ajaran yang benar dari Allah dan membenarkannya serta menyampaikannya pula kepada manusia dengan penuh keyakinan. Turut sama dalam sifat ini ialah sekalian nabi-nabi yang diutuskan sebelum Rasulullah s.a.w. juga setiap penda'wah yang menyeru kepada ajaran yang benar ini dengan penuh keyakinan, di mana hati dan lidah mereka sebulat kata mengakui kebenarannya.

أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُتَّقُونَ ٣٣

"Merekalah golongan para Muttaqin."(33)

Kemudian Al-Qur'an menerangkan lebih luas mengenai orang-orang yang bertaqwa dan balasan-balasan yang disediakan untuk mereka:

لَهُم مَّا يَشَآءُونَ عِندَ رَبِّهِمۡۚ ذَٰلِكَ جَزَآءُ
ٱلۡمُحۡسِنِينَ ٣٤

"Mereka akan memperolehi apa sahaja yang dikehendaki mereka di sisi Tuhan mereka. Itulah balasan yang disediakan bagi para Muhsinin."(34)

Ini adalah satu pernyataan umum yang merangkumi segala apa sahaja keinginan yang terlintas di dalam hati orang yang beriman. Semuanya merupakan hak mereka yang tidak akan disia-siakan.

ذَٰلِكَ جَزَآءُ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ٣٤

"Itulah balasan yang disediakan bagi para Muhsinin."(34)

Balasan itu ialah untuk memenuhi kehendak Allah yang hendak mengurniakan rahmat kebajikan, penghormatan dan limpah kurnia yang melebihi balasan yang adil kepada mereka:

لِيُكَفِّرَ ٱللَّهُ عَنۡهُمۡ أَسۡوَأَ ٱلَّذِي عَمِلُواْ وَيَجۡزِيَهُمۡ
أَجۡرَهُم بِأَحۡسَنِ ٱلَّذِي كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ٣٥

"Kerana Allah hendak menghapuskan dari mereka dosa-dosa perbuatan mereka yang paling buruk yang dilakukan mereka dan hendak membalas mereka dengan upah yang lebih baik dari amalan yang dilakukan mereka."(35)

Menurut dasar keadilan, balasan itu diberi setelah dikirakan amalan-amalan yang baik dan amalan-amalan yang jahat, tetapi Allah membalas dengan kurnia yang melimpah-limpah kepada para hamba-Nya yang muttaqin iaitu Dia mengampunkan perbuatan-perbuatan mereka yang paling buruk tanpa dihisab dan membalas dengan balasan yang lebih baik dari amalan yang dilakukan mereka.

Itulah limpah kurnia Allah kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Itulah limpah kurnia yang dijanjikan Allah dan akan tetap dikotakannya, dan ia tetap menjadi realiti yang harus diyakini para Muttaqin dan para Muhsinin.

(Kumpulan ayat-ayat 36 - 52)

أَلَيۡسَ ٱللَّهُ بِكَافٍ عَبۡدَهُۥۖ وَيُخَوِّفُونَكَ بِٱلَّذِينَ
مِن دُونِهِۦۚ وَمَن يُضۡلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنۡ هَادٖ ٣٦
وَمَن يَهۡدِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِن مُّضِلٍّۗ أَلَيۡسَ ٱللَّهُ
بِعَزِيزٖ ذِي ٱنتِقَامٖ ٣٧
وَلَئِن سَأَلۡتَهُم مَّنۡ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ لَيَقُولُنَّ
ٱللَّهُۚ قُلۡ أَفَرَءَيۡتُم مَّا تَدۡعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ إِنۡ أَرَادَنِيَ
ٱللَّهُ بِضُرٍّ هَلۡ هُنَّ كَٰشِفَٰتُ ضُرِّهِۦٓ أَوۡ أَرَادَنِي
بِرَحۡمَةٍ هَلۡ هُنَّ مُمۡسِكَٰتُ رَحۡمَتِهِۦۚ قُلۡ حَسۡبِيَ
ٱللَّهُۖ عَلَيۡهِ يَتَوَكَّلُ ٱلۡمُتَوَكِّلُونَ ٣٨
قُلۡ يَٰقَوۡمِ ٱعۡمَلُواْ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمۡ إِنِّي عَٰمِلٞۖ
فَسَوۡفَ تَعۡلَمُونَ ٣٩
مَن يَأۡتِيهِ عَذَابٞ يُخۡزِيهِ وَيَحِلُّ عَلَيۡهِ عَذَابٞ
مُّقِيمٌ ٤٠
إِنَّآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ لِلنَّاسِ بِٱلۡحَقِّۖ فَمَنِ
ٱهۡتَدَىٰ فَلِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيۡهَاۖ
وَمَآ أَنتَ عَلَيۡهِم بِوَكِيلٍ ٤١
ٱللَّهُ يَتَوَفَّى ٱلۡأَنفُسَ حِينَ مَوۡتِهَا وَٱلَّتِي لَمۡ تَمُتۡ
فِي مَنَامِهَاۖ فَيُمۡسِكُ ٱلَّتِي قَضَىٰ عَلَيۡهَا ٱلۡمَوۡتَ
وَيُرۡسِلُ ٱلۡأُخۡرَىٰٓ إِلَىٰٓ أَجَلٖ مُّسَمًّىۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ

لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٢﴾
أَمِ اتَّخَذُوا مِن دُونِ اللَّهِ شُفَعَاءَ ۚ قُلْ أَوَلَوْ كَانُوا
لَا يَمْلِكُونَ شَيْئًا وَلَا يَعْقِلُونَ ﴿٤٣﴾
قُل لِّلَّهِ الشَّفَاعَةُ جَمِيعًا ۖ لَّهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ ۖ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٤٤﴾
وَإِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَحْدَهُ اشْمَأَزَّتْ قُلُوبُ الَّذِينَ
لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ ۖ وَإِذَا ذُكِرَ الَّذِينَ مِن دُونِهِ
إِذَا هُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿٤٥﴾
قُلِ اللَّهُمَّ فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ عَالِمَ الْغَيْبِ
وَالشَّهَادَةِ أَنتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِي مَا كَانُوا
فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٤٦﴾
وَلَوْ أَنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُ
مَعَهُ لَافْتَدَوْا بِهِ مِن سُوءِ الْعَذَابِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۚ
وَبَدَا لَهُم مِّنَ اللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا يَحْتَسِبُونَ ﴿٤٧﴾
وَبَدَا لَهُمْ سَيِّئَاتُ مَا كَسَبُوا وَحَاقَ بِهِم مَّا
كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٤٨﴾
فَإِذَا مَسَّ الْإِنسَانَ ضُرٌّ دَعَانَا ثُمَّ إِذَا خَوَّلْنَاهُ نِعْمَةً مِّنَّا
قَالَ إِنَّمَا أُوتِيتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ ۚ بَلْ هِيَ فِتْنَةٌ وَلَٰكِنَّ
أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٩﴾
قَدْ قَالَهَا الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَمَا أَغْنَىٰ عَنْهُم مَّا كَانُوا
يَكْسِبُونَ ﴿٥٠﴾
فَأَصَابَهُمْ سَيِّئَاتُ مَا كَسَبُوا ۚ وَالَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْ
هَٰؤُلَاءِ سَيُصِيبُهُمْ سَيِّئَاتُ مَا كَسَبُوا وَمَا هُم
بِمُعْجِزِينَ ﴿٥١﴾
أَوَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ ۚ
إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾

"Bukankah Allah itu memelihara hamba-Nya? Dan mereka menakut-nakutkan engkau dengan sembahan-sembahan mereka yang lain dari Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya (36). Dan barang siapa yang diberi hidayat oleh Allah, maka tiada siapa pun yang boleh menyesatkannya. Bukankah Allah itu Maha Perkasa dan Maha Berkuasa membalas (37). Dan jika engkau bertanya kepada mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi, nescaya mereka menjawab: Allah. Katakanlah: Terangkanlah (kepadaku) tentang tuhan-tuhan yang kamu sembah selain dari Allah itu, iaitu jika Allah hendak menimpakan bencana ke atasku, apakah mereka berkuasa menghapuskan bencana-Nya itu? Atau jika Allah hendak mengurniakan kepadaku sesuatu rahmat, apakah mereka berkuasa menahankan rahmat-Nya itu? Katakanlah: Cukuplah Allah menjadi Pelindungku, kepada-Nyalah berserah sekalian orang yang berserah (38). Katakanlah: Wahai kaumku! Bekerjalah mengikut cara kamu. Sesungguhnya aku juga akan terus bekerja (mengikut caraku). Dan kamu semua akan mengetahui (39). Siapa kelak yang akan mendapat 'azab yang menghinakannya dan akan ditimpa 'azab yang kekal (40). Sesungguhnya Kami telah turunkan kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran untuk menjadi pedoman kepada manusia. Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka faedahnya terpulang kepada dirinya sendiri, dan barang siapa yang sesat, maka bahaya kesesatannya menimpa dirinya sendiri, dan engkau (wahai Muhammad) bukannya penguasa di atas mereka (41). Allahlah yang mengambil roh-roh ketika matinya seseorang dan mengambil roh orang yang belum mati ketika di dalam tidurnya, lalu Dia menahankan roh orang yang telah ditetapkannya mati dan melepaskannya kembali roh yang lain sehingga kepada satu waktu yang telah ditentukan. Sesungguhnya kejadian itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada orang yang berfikir (42). (Tetapi mereka tidak berfikir) malah mereka mengambil pemberi-pemberi syafa'at yang lain dari Allah. Katakanlah: (Apakah kamu mengambil mereka) walaupun mereka tidak memiliki sesuatu apa pun dan tidak pula berakal (43). Katakanlah: Allahlah sahaja yang memiliki seluruh urusan syafa'at. Dialah sahaja yang memiliki kerajaan langit dan bumi, kemudian kepada-Nya seluruh kamu dikembalikan (44). Dan apabila nama Allah sahaja yang disebutkan, maka jijiklah segala hati orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat, tetapi apabila disebut tuhan-tuhan yang dari Allah mereka terus bergembira (45). Katakanlah: Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi dan mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata! Engkaulah yang akan menghukumkan di antara hamba-hamba-Mu di dalam perkara-perkara yang dipertikaikan di antara mereka (46). Dan sekiranya orang-orang yang zalim (kafir) itu memiliki segala isi bumi dan memiliki sebanyak itu lagi bersamanya nescaya mereka akan menebuskan diri mereka dengannya daripada 'azab yang amat dahsyat pada hari Qiamat. Dan (ketika itu) ternampaklah kepada mereka sesuatu dari Allah yang tidak terfikir oleh mereka (47). Dan ternampaklah kepada mereka akibat-akibat yang buruk dari perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka. Dan mereka akan

dikelilingi 'azab keseksaan yang telah dipersenda-sendakan mereka (48). Apabila seseorang manusia disentuh bala bencana ia terus berdo'a kepada Kami, kemudian apabila Kami kurniakannya sesuatu ni'mat dia berkata: Sesungguhnya aku diberikan ni'mat itu kerana ilmu pengetahuanku. Bahkan sebenarnya ni'mat itu suatu ujian, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (49). Sesunguhnya (perkataan ini) telah pun diucapkan oleh orang-orang yang sebelum mereka, maka segala apa yang diusahakan mereka tidak berguna untuk menyelamatkan mereka (51). Lalu mereka ditimpa akibat buruk dari perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka. Dan orang-orang yang zalim dari mereka juga akan ditimpa akibat buruk dari perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka dan mereka tidak mampu melemahkan Allah (52). Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah meluaskan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan juga menyempitkannya. Sesungguhnya dalam penentuan rezeki itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang beriman."(53)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Bahagian ini merupakan bahagian yang paling luas dari surah ini. Ia membicarakan hakikat tauhid dari berbagai-bagai sudut dengan berbagai-bagai sentuhan. Mula-mula ia menggambarkan hati seorang Mu'min dan sikapnya terhadap kuasa-kuasa yang wujud di bumi, juga pergantungannya yang mutlak kepada kuasa Allah Yang Tunggal tanpa menghiraukan kuasa-kuasa kerdil yang lain. Oleh kerana itu dia berlepas tangan dari segala kuasa-kuasa palsu dan menyerahkan urusannya dan urusan penentang-penentangnya kepada Allah pada hari Qiamat dan meneruskan perjalanannya dengan langkah-langkah yang tetap dan yakin kepada kesudahannya yang baik.

Setelah itu diterangkan pula tugas Rasulullah s.a.w., iaitu beliau bukannya penguasa yang dapat menguasai manusia dalam urusan hidayat dan kesesatan mereka, malah yang menguasai mereka ialah Allah dalam segala keadaan mereka. Tiada siapa yang boleh memberi syafa'at kepada mereka, kerana seluruh kuasa memberi syafa'at dimiliki Allah sebagaimana ia memiliki kerajaan langit dan bumi. Dan semua makhluk pulang kepada-Nya.

Kemudian ia menceritakan keadaan kaum Musyrikin yang merasa bosan apabila disebut 'aqidah tauhid dan merasa senang apabila disebut kepercayaan syirik. Setelah itu ia iringi dengan menyeru Rasulullah s.a.w. supaya mengisytiharkan 'aqidah tauhid yang tulen dan tinggalkan perkara kaum Musyrikin itu kepada Allah. Ia menggambarkan keadaan mereka pada hari Qiamat, di mana mereka bercita-cita hendak menebuskan diri mereka dari 'azab Allah dengan segala isi bumi serta sebanyak itu lagi. Mereka ketika itu telah nampak berbagai-bagai 'azab Allah yang ngeri.

Kaum Musyrikin itu berdo'a kepada Allah Yang Tunggal apabila ditimpa bala bencana, tetapi apabila Allah mengurniakan kepadanya sesuatu ni'mat, mereka membuat berbagai-bagai dakwaan. Mereka berkata:

إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلۡمٍۚ

"Sesungguhnya ni'mat itu dikurniakan kepadaku kerana ilmu pengetahuanku"(49)

iaitu kata-kata yang pernah diucapkan oleh orang-orang Musyrikin sebelum mereka, lalu Allah Yang Maha Kuasa menimpakan 'azab keseksaan ke atas mereka dan mereka tidak dapat lagi melepaskan diri. Di samping itu ia menerangkan pula tentang luas sempit rezeki sebagai satu undang-undang dari undang-undang Allah yang berjalan mengikut hikmat dan perencanaan Allah, kerana Dialah sahaja yang berkuasa meluas dan menyempitkan rezeki itu:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يُؤۡمِنُونَ ٥٢

"Sesungguhnya di dalam penjelasan hu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang beriman."(52)

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 40)

أَلَيۡسَ ٱللَّهُ بِكَافٍ عَبۡدَهُۥۖ وَيُخَوِّفُونَكَ بِٱلَّذِينَ
مِن دُونِهِۦۚ وَمَن يُضۡلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنۡ هَادٖ ٣٦
وَمَن يَهۡدِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِن مُّضِلٍّۗ أَلَيۡسَ ٱللَّهُ
بِعَزِيزٖ ذِي ٱنتِقَامٖ ٣٧
وَلَئِن سَأَلۡتَهُم مَّنۡ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ لَيَقُولُنَّ
ٱللَّهُۚ قُلۡ أَفَرَءَيۡتُم مَّا تَدۡعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ إِنۡ أَرَادَنِيَ
ٱللَّهُ بِضُرٍّ هَلۡ هُنَّ كَٰشِفَٰتُ ضُرِّهِۦٓ أَوۡ أَرَادَنِي
بِرَحۡمَةٍ هَلۡ هُنَّ مُمۡسِكَٰتُ رَحۡمَتِهِۦۚ قُلۡ حَسۡبِيَ
ٱللَّهُۖ عَلَيۡهِ يَتَوَكَّلُ ٱلۡمُتَوَكِّلُونَ ٣٨
قُلۡ يَٰقَوۡمِ ٱعۡمَلُواْ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمۡ إِنِّي عَٰمِلٞۖ
فَسَوۡفَ تَعۡلَمُونَ ٣٩
مَن يَأۡتِيهِ عَذَابٞ يُخۡزِيهِ وَيَحِلُّ عَلَيۡهِ عَذَابٞ
مُّقِيمٌ ٤٠

"Bukankah Allah itu memelihara hamba-Nya? Dan mereka menakut-nakutkan engkau dengan sembahan-sembahan mereka yang lain dari Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya (36). Dan barang siapa yang diberi hidayat oleh Allah, maka tiada siapa pun yang boleh menyesatkannya. Bukankah Allah itu Maha Perkasa dan Maha Berkuasa membalas (37). Dan jika engkau bertanya

kepada mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi, nescaya mereka menjawab: Allah. Katakanlah: Terangkanlah (kepadaku) tentang tuhan-tuhan yang kamu sembah selain dari Allah itu, iaitu jika Allah hendak menimpakan bencana ke atasku apakah mereka berkuasa menghapuskan bencana-Nya itu? Atau jika Allah hendak mengurniakan kepadaku sesuatu rahmat apakah mereka berkuasa menahankan rahmat-Nya itu? Katakanlah: Cukuplah Allah menjadi pelindungku, kepada-Nyalah berserah sekalian orang yang berserah (38). Katakanlah: Wahai kaumku! Bekerjalah mengikut cara kamu. Sesungguhnya aku juga akan terus bekerja (mengikut caraku). Dan kamu semua akan mengetahui (39). Siapa kelak yang akan mendapat 'azab yang menghinakannya dan akan ditimpa 'azab yang kekal."(40)

Logik Keimanan Yang Lurus

Empat ayat ini menggambarkan logik keimanan yang tulen. Dengan ungkapan yang mudah, kuat, terang dan mendalam seperti yang tersemat di hati Rasulullah s.a.w. dan sebagaimana yang sewajarnya tersemat di dalam hati setiap Mu'min dan setiap penda'wah. Hanya risalah dan da'wah Allah sahaja yang wajar menjadi undang-undang perlembagaan hidup yang mencukupi mereka dan menjadi pedoman menuju ke jalan yang lurus, tetap dan menyampaikan kepada Allah.

Menurut riwayat yang menerangkan sebab nuzulnya ayat-ayat ini ialah kaum Musyrikin Quraysy telah menakut-nakutkan Rasulullah s.a.w. dengan kemurkaan tuhan-tuhan mereka kerana beliau telah menyifatkan tuhan-tuhan itu dengan sifat-sifat yang hina. Mereka mengancam beliau jika beliau tidak diam dari terus mengecam tuhan-tuhan mereka, beliau akan ditimpa bala bencana.

Tetapi tujuan ayat ini lebih luas dan lebih umum lagi. Dia menggambarkan hakikat perjuangan di antara penda'wah kepada agama yang benar dengan seluruh kuasa-kuasa dan kekuatan-kekuatan penentang da'wah yang wujud di bumi ini. Begitu juga ia menggambarkan kepercayaan, keyakinan dan ketenteraman di dalam hati orang yang beriman setelah menimbangkan kuasa-kuasa penentang itu dengan neraca pertimbangannya yang sebenar.

أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِكَافٍ عَبْدَهُۥ

"Bukankah Allah itu memelihara hamba-Nya?"(36)

Ya, benar! Jika begitu siapakah dan apakah lagi yang dapat menakutkan beliau jika Allah berada di sampingnya dan jika beliau berdiri di maqam 'Ubudiyah dan menunaikan kewajipan di maqam 'Ubudiyah itu? Siapakah yang meragui kekuasaan Allah untuk memelihara hamba-hamba-Nya sedangkan Dia Maha Perkasa dan menguasai seluruh hamba-hamba-Nya?

وَيُخَوِّفُونَكَ بِٱلَّذِينَ مِن دُونِهِۦ

"Dan mereka menakut-nakutkan engkau dengan sembahan-sembahan mereka yang lain dari Allah."(36)

Bagaimana beliau mungkin takut? Sembahan-sembahan mereka yang lain dari Allah itu tidak dapat menakutkan orang-orang Mu'min yang dipeliharakan Allah. Tidakkah segala apa yang ada di muka bumi ini bukan Allah?

Ini adalah satu persoalan yang amat lurus, mudah dan terang, tidak memerlukan kepada perdebatan dan pemerahan minda, iaitu persoalan Allah dan mereka yang bukan Allah. Jika begini persoalannya, maka di sana tidak ada sebarang keraguan dan kesamaran lagi.

Iradat Allah tetap lulus. Dialah yang menetapkan keputusan-Nya terhadap hamba-hamba-Nya iaitu pada anggota tubuh badan mereka, pada harakat hati dan perasaan mereka.

وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ٣٦

"Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."(36)

Allah mengetahui siapa yang wajar menerima kesesatan lalu Dia membiarkannya, sesat, dan mengetahui siapa yang wajar menerima hidayat lalu Dia memberi hidayat kepadanya. Dan segala apa yang dikehendaki-Nya tiada siapa yang boleh menukarkannya.

أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِعَزِيزٍ ذِى ٱنتِقَامٍ ٣٧

"Bukankah Allah itu Maha Perkasa dan Maha Berkuasa membalas."(37)

Ya, benar! Allah itu Maha Perkasa dan Maha Kuat. Dia berkuasa memberi balasan yang wajar kepada setiap orang. Oleh itu bagaimana orang yang menunaikan kewajipan 'Ubudiyahnya kepada Allah yang memeliharanya itu boleh takut kepada seseorang atau sesuatu yang lain?

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan hakikat ini dengan satu gambaran yang lain yang diambil dari logik diri mereka sendiri dan dari realiti pengakuan fitrah mereka terhadap Allah:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ
ٱللَّهُ قُلْ أَفَرَءَيْتُم مَّا تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ إِنْ أَرَادَنِىَ
ٱللَّهُ بِضُرٍّ هَلْ هُنَّ كَٰشِفَٰتُ ضُرِّهِۦٓ أَوْ أَرَادَنِى
بِرَحْمَةٍ هَلْ هُنَّ مُمْسِكَٰتُ رَحْمَتِهِۦ قُلْ حَسْبِىَ
ٱللَّهُ عَلَيْهِ يَتَوَكَّلُ ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ٣٨

"Dan jika engkau bertanya kepada mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi nescaya mereka menjawab: Allah. Katakanlah: Terangkanlah (kepadaku) tentang tuhan-tuhan yang kamu sembah selain dari Allah itu, iaitu jika Allah hendak menimpakan bencana ke atasku, apakah mereka berkuasa menghapuskan bencana-Nya itu? Atau jika Allah

hendak mengurniakan kepadaku sesuatu rahmat, apakah mereka berkuasa menahankan rahmat-Nya itu? Katakanlah: Cukuplah Allah menjadi Pelindungku, kepada-Nyalah berserah sekalian orang yang berserah."(38)

Maksudnya, mereka telah mengakui , apabila ditanya - bahawa Allah itulah Pencipta langit dan bumi. Fitrah manusia tidak mampu mengatakan selain dari pengakuan ini, dan akal manusia juga tidak mampu memberi sebab musabab terjadinya langit dan bumi melainkan dengan alasan wujudnya iradat Allah Yang Maha Tinggi. Al-Qur'an dapat menghujjahkan mereka dan bijak pandai mereka dengan hakikat semulajadi yang amat jelas ini, iaitu jika Allah itu Pencipta langit dan bumi, maka adakah sesiapa atau sesuatu di langit dan bumi ini yang berkuasa menghapuskan bala bencana yang dikehendaki Allah untuk menimpakannya ke atas mana-mana hamba-Nya? Atau adakah sesiapa atau sesuatu di langit dan di bumi ini yang berkuasa menahan sesuatu rahmat yang dikehendaki Allah untuk diberikannya kepada mana-mana hamba-Nya?

Jawapan secara tegas ialah tidak. Jika ini telah jelas, maka apakah lagi yang ditakuti penda'wah kepada Allah? Apakah lagi yang dibimbang dan diharap-harapkan mereka? Bukankah tiada siapa pun yang berkuasa menghapuskan bala bencana Allah darinya? Dan bukankah tiada siapa pun yang berkuasa menahan rahmat Allah darinya? Apakah lagi yang mencemas atau menakutkannya atau menghalangkannya dari mengikuti jalan-Nya?

Apabila hakikat ini tertanam di dalam hati orang yang beriman, maka tercapailah penyelesaian baginya terputuslah segala perdebatan, hilanglah ketakutan dan terputuslah harapan melainkan hanya kepada Allah S.W.T. sahaja:

قُلْ حَسْبِيَ ٱللَّهُ عَلَيْهِ يَتَوَكَّلُ ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ٣٨

"Katakanlah: Cukuplah Allah menjadi Pelindungku, kepada-Nyalah berserah sekalian orang yang berserah."(38)

Hakikat ini menimbulkan rasa ketenteraman, kepercayaan dan keyakinan iaitu ketenangan yang tidak merasa takut, kepercayaan yang tidak merasa gelisah dan keyakinan yang tidak bergoncang dalam perjalanan menuju ke penghabisan jalan:

قُلْ يَٰقَوْمِ ٱعْمَلُوا۟ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنِّى عَٰمِلٌ
فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ٣٩
مَن يَأْتِيهِ عَذَابٌ يُخْزِيهِ وَيَحِلُّ عَلَيْهِ عَذَابٌ
مُّقِيمٌ ٤٠

"Katakanlah: Wahai kaumku! Bekerjalah mengikut cara kamu. Sesungguhnya aku juga akan terus bekerja (mengikut caraku). Dan kamu semua akan mengetahui (39). Siapa kelak yang akan mendapat 'azab yang menghinanya dan akan ditimpa 'azab yang kekal."(40)

Yakni wahai kaumku! Bekerjalah mengikut cara kamu dan aku pun akan terus berjalan mengikut caraku. Aku tidak akan menyeleweng, tidak akan takut dan bimbang, dan kamu akan mengetahui siapakah yang akan ditimpa 'azab yang hina di dunia dan 'azab yang kekal di Akhirat.

Persoalan tauhid telah selesai selepas dibentangkan hakikat yang lurus yang diakui fitrah manusia dan alam al-wujud iaitu Allah itulah Pencipta dan Penguasa langit dan bumi. Dialah tuanpunya da'wah yang dibawa para rasul dan didokong para penda'wah. Siapakah di langit dan di bumi yang memiliki sesuatu untuk para rasul-Nya atau para penda'wah-Nya? Siapakah yang berkuasa menolak bala bencana dari mereka atau menahan rahmat dari mereka? Jika tidak, maka apakah yang ditakuti mereka dan apakah yang diharapkan mereka dari yang lain dari Allah?

Sesungguhnya persoalan tauhid telah jelas dan jalan tauhid juga telah nyata. Di sana tidak ada ruang lagi untuk berdebat dan berbahas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 44)

Itulah hakikat kedudukan di antara para rasul Allah dengan segala kuasa-kuasa di bumi yang menentang mereka. Apakah pula hakikat tugas rasul-rasul dan bagaimana sikap mereka terhadap para pendusta?

Kedudukan Para Rasul Dengan Penentang-penentangnya

إِنَّآ أَنزَلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ لِلنَّاسِ بِٱلْحَقِّ فَمَنِ
ٱهْتَدَىٰ فَلِنَفْسِهِۦ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا
وَمَآ أَنتَ عَلَيْهِم بِوَكِيلٍ ٤١
ٱللَّهُ يَتَوَفَّى ٱلْأَنفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَٱلَّتِى لَمْ تَمُتْ
فِى مَنَامِهَا فَيُمْسِكُ ٱلَّتِى قَضَىٰ عَلَيْهَا ٱلْمَوْتَ
وَيُرْسِلُ ٱلْأُخْرَىٰٓ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى إِنَّ فِى ذَٰلِكَ
لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ٤٢
أَمِ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ شُفَعَآءَ قُلْ أَوَلَوْ كَانُوا۟
لَا يَمْلِكُونَ شَيْـًٔا وَلَا يَعْقِلُونَ ٤٣
قُل لِّلَّهِ ٱلشَّفَٰعَةُ جَمِيعًا لَّهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ٤٤

"Sesungguhnya Kami telah turunkan kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran untuk menjadi pedoman kepada manusia. Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka faedahnya terpulang kepada dirinya sendiri dan barang siapa yang sesat, maka bahaya kesesatannya menimpa dirinya sendiri dan engkau (wahai Muhammad) bukannya penguasa di atas mereka (41). Allahlah yang mengambil roh-roh ketika matinya seseorang dan mengambil roh orang yang belum mati ketika di dalam tidurnya, lalu Dia menahankan roh orang yang telah ditetapkannya mati dan melepaskannya kembali roh yang lain sehingga kepada satu waktu yang telah ditentukan. Sesungguhnya kejadian itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada orang yang berfikir (42). (Tetapi mereka tidak berfikir) malah mereka mengambil pemberi-pemberi syafa'at yang lain dari Allah. Katakanlah: (Apakah kamu mengambil mereka) walaupun mereka tidak memiliki sesuatu apa pun dan tidak pula berakal (43). Katakanlah: Allahlah sahaja yang memiliki seluruh urusan syafa'at. Dialah sahaja yang memiliki kerajaan langit dan bumi kemudian kepada-Nya seluruh kamu dikembalikan."(44)

إِنَّآ أَنزَلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَـٰبَ لِلنَّاسِ بِٱلْحَقِّ

"Sesungguhnya Kami telah turunkan kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran untuk menjadi pedoman kepada manusia."(41)

Kebenaran pada tabi'atnya, kebenaran yang wujud pada sistemnya dan pada syari'atnya. Kebenaran yang menjadi landasan tegaknya langit dan bumi, di samping menjadi titik pertemuan yang serasi di antara undang-undang hidup manusia dengan undang-undang alam buana seluruhnya. Kebenaran ini diturunkan untuk faedah manusia supaya mereka berpandu dengannya, hidup dengannya dan berdiri teguh di atasnya. Engkau (wahai Muhammad) hanya penyampai sahaja dan mereka bebas untuk memilih apa sahaja yang disukai mereka sama ada memilih hidayat atau kesesatan, ni'mat atau 'azab dan engkau bukannya dapat menguasai mereka dan bukannya bertanggungjawab terhadap tindak-tanduk mereka:

فَمَنِ ٱهْتَدَىٰ فَلِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا ۖ وَمَآ أَنتَ عَلَيْهِم بِوَكِيلٍ ﴿٤١﴾

"Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka faedahnya terpulang kepada dirinya sendiri dan barang siapa yang sesat, maka bahaya kesesatannya menimpa dirinya sendiri dan engkau (wahai Muhammad) bukannya penguasa di atas mereka."(41)

Yang menjadi Penguasa di atas mereka hanya Allah. Mereka, sentiasa berada di dalam genggaman qudrat Allah sama ada di waktu mereka jaga atau tidur dan di dalam segala keadaan mereka. Allah berkuasa bertindak terhadap mereka mengikut apa sahaja yang dikehendaki-Nya:

Roh Berada Dalam Genggaman Allah

ٱللَّهُ يَتَوَفَّى ٱلْأَنفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَٱلَّتِى لَمْ تَمُتْ فِى مَنَامِهَا ۖ فَيُمْسِكُ ٱلَّتِى قَضَىٰ عَلَيْهَا ٱلْمَوْتَ وَيُرْسِلُ ٱلْأُخْرَىٰٓ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ

"Allahlah yang mengambil roh-roh ketika matinya seseorang dan mengambil roh orang yang belum mati ketika di dalam tidurnya, lalu Dia menahankan roh orang yang telah ditetapkan mati dan melepaskan kembali roh yang lain sehingga kepada satu waktu yang telah ditentukan."(42)

Allahlah yang menamatkan ajal bagi orang-orang yang mati dan bagi orang-orang yang sedang tidur walaupun belum mati, kerana di dalam tidur rohnya diambil Allah untuk beberapa waktu. Roh-roh yang sudah sampai ajalnya akan ditahan terus oleh Allah dan dia tidak lagi akan jaga, sedangkan roh-roh yang belum sampai ajalnya akan dilepaskan kembali dan dia akan jaga semula sehingga sampai kepada masanya yang tertentu. Tegasnya roh-roh manusia itu sentiasa berada dalam genggaman qudrat Allah semasa mereka jaga dan semasa mereka tidur.

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَـٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٢﴾

"Sesungguhnya kejadian itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada orang yang berfikir."(42)

* * * * * *

Demikianlah manusia itu sentiasa berada dalam genggaman qudrat Allah. Dialah yang menguasai mereka dan bukannya Rasul yang menguasai mereka. Jika mereka menerima hidayat, maka faedahnya akan kembali kepada diri mereka dan jika mereka memilih kesesatan, maka kecelakaannya akan menimpa mereka. Seluruh mereka akan dihisab belaka dan tidak akan ditinggalkan sia-sia. Ke manakah harapan mereka untuk melepaskan diri?

Urusan Syafa'at Di Tangan Allah

أَمِ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ شُفَعَآءَ ۚ قُلْ أَوَلَوْ كَانُوا۟ لَا يَمْلِكُونَ شَيْـًٔا وَلَا يَعْقِلُونَ ﴿٤٣﴾ قُل لِّلَّهِ ٱلشَّفَـٰعَةُ جَمِيعًا ۖ لَّهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٤٤﴾

"(Tetapi mereka tidak berfikir) malah mereka mengambil pemberi-pemberi syafa'at yang lain dari Allah. Katakanlah: (Apakah kamu mengambil mereka) walaupun mereka tidak memiliki sesuatu apa pun dan tidak pula berakal (43). Katakanlah: Allahlah sahaja yang memiliki seluruh urusan syafa'at. Dialah sahaja yang memiliki kerajaan langit dan bumi kemudian kepada-Nya seluruh kamu dikembalikan."(44)

Pertanyaan ini merupakan pertanyaan ejekan terhadap orang-orang yang mendakwa menyembah patung-patung malaikat dengan tujuan untuk mendekatkan mereka kepada Allah:

لَا يَمْلِكُونَ شَيْـًٔا وَلَا يَعْقِلُونَ ﴿٤٣﴾

"Walaupun mereka tidak memiliki suatu apapun dan tidak pula berakal."(43)

Kemudian diiringi dengan satu kenyataan yang tegas bahawa segala urusan syafa'at itu hanya dimiliki Allah. Dialah yang berkuasa memberi keizinan syafa'at kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan menerusi siapa yang disukai-Nya. Apakah perbuatan mereka yang mempersekutui Allah dengan berbagai-bagai sekutu itu boleh melayakkan mereka untuk mendapat syafa'at?

لَّهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ

"Dialah sahaja yang memiliki kerajaan langit dan bumi."(44)

Di sana tiada suatu makhluk pun yang tedepas dari iradat-Nya di dalam kerajaan langit dan bumi ini.

ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٤٤﴾

"Kemudian kepada-Nya seluruh kamu di-kembalikan."(44)

Yakni tiada jalan lari untuk mengelakkan diri dari kembali kepada Allah Yang Tunggal di penghabisan perjalanan hidup.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 46)

Dalam keadaan ini, di mana hanya Allah sahaja yang memilik dan berkuasa, maka Al-Qur'an menceritakan pula bagaimana kaum Musyrikin benci kepada 'aqidah tauhid dan gemar kepada 'aqidah syirik, iaitu 'aqidah yang disangkalkan oleh seluruh makhluk di sekeliling mereka:

وَإِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَحْدَهُ ٱشْمَأَزَّتْ قُلُوبُ ٱلَّذِينَ
لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْـَٔاخِرَةِ ۖ وَإِذَا ذُكِرَ ٱلَّذِينَ مِن دُونِهِۦٓ
إِذَا هُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿٤٥﴾

"Dan apabila nama Allah sahaja yang disebutkan, maka jijiklah segala hati orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat, tetapi apabila disebut tuhan-tuhan yang lain dari Allah mereka terus bergembira."(45)

Kaum Musyrikin Bencikan 'Aqidah Tauhid

Walaupun ayat ini menceritakan satu kejadian yang benar-benar berlaku di masa Rasulullah s.a.w., di mana kaum Musyrikin bergembira apabila disebutkan tuhan-tuhan mereka dan merasa bosan dan benci apabila disebutkan nama Allah Yang Tunggal, namun sebenarnya ayat ini menggambarkan satu sikap jiwa manusia yang berulang-ulang di dalam berbagai-bagai masyarakat dan zaman. Di sana ada orang-orang yang merasa bosan dan benci apabila mereka diseru kepada menyembah Allah sebagai Tuhan Yang Tunggal, diseru kepada berpegang dengan syari'at Allah Yang Tunggal sebagai undang-undang masyarakat dan diseru kepada sistem hidup ciptaan Allah Yang Tunggal sebagai peraturan hidup manusia, tetapi apabila disebutkan sistem hidup, peraturan-peraturan dan undang-undang ciptaan manusia di bumi mereka bergembira, sukacita dan mengalu-ngalukan percakapan itu serta melapangkan dada mereka untuk berbincang. Orang-orang inilah yang digambarkan sebagai contoh di dalam ayat ini, dan orang-orang yang seperti ini adalah wujud di setiap zaman dan tempat. Mereka mempunyai fitrah yang rosak dan tabi'at yang menyeleweng, merekalah orang-orang yang sesat dan penyesat-penyesat dalam berbagai masyarakat dan zaman, berbagai-bagai bangsa dan kaum.

Sebagai jawapan kepada kerosakan fitrah, penyelewengan dan kesesatan ini, Allah telah mengajar Rasulullah s.a.w. jawapan untuk menghadapi keadaan yang seperti ini:

قُلِ ٱللَّهُمَّ فَاطِرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ عَٰلِمَ ٱلْغَيْبِ
وَٱلشَّهَٰدَةِ أَنتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِى مَا كَانُوا۟
فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٤٦﴾

"Katakanlah: Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi dan mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata! Engkaulah yang akan menghukumkan di antara hamba-hamba-Mu di dalam perkara-perkara yang dipertikaikan di antara mereka."(46)

Itulah do'a fitrah yang melihat langit dan bumi dan tidak dapat mencari penciptanya selain dari Allah yang telah diakui sebagai Pencipta langit dan bumi dan menyifatkan-Nya dengan sifat yang layak dengan Pencipta langit dan bumi iaitu sifat:

عَٰلِمَ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ

"Mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata."(46)

Yakni mengetahui segala sesuatu yang tidak dapat dilihat dan segala sesuatu yang dapat dilihat, mengetahui segala yang batin dan segala yang zahir.

أَنتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِى مَا كَانُوا۟ فِيهِ
يَخْتَلِفُونَ ﴿٤٦﴾

"Engkaulah yang akan menghukumkan di antara hamba-hamba-Mu di dalam perkara-perkara yang dipertikaikan di antara mereka."(46)

Yakni Dialah sahaja yang akan menghukum pada hari seluruh manusia dikembalikan kepada-Nya dan mereka tetap akan kembali kepada-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 47 - 48)

Selepas mengajar jawapan itu, Al-Qur'an menayangkan pemandangan keadaan mereka yang sedang mengalami ketakutan pada hari mereka pulang kepada Allah untuk menghadapi pengadilan:

وَلَوْ أَنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُ
مَعَهُ لَافْتَدَوْا بِهِ مِن سُوءِ الْعَذَابِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۚ
وَبَدَا لَهُم مِّنَ اللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا يَحْتَسِبُونَ ﴿٤٧﴾
وَبَدَا لَهُمْ سَيِّئَاتُ مَا كَسَبُوا وَحَاقَ بِهِم مَّا
كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٤٨﴾

"Dan sekiranya orang-orang yang zalim (kafir) itu memiliki segala isi bumi dan memiliki sebanyak itu lagi bersamanya nescaya mereka akan menebuskan diri mereka dengannya daripada 'azab yang amat dahsyat pada hari Qiamat. Dan (di ketika itu) ternampaklah kepada mereka sesuatu dari Allah yang tidak terfikir oleh mereka (47). Dan ternampaklah kepada mereka akibat-akibat yang buruk dari perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka. Dan mereka akan dikelilingi 'azab keseksaan yang telah dipersenda-sendakan mereka."(48)

Itulah satu pemandangan yang amat ngeri yang diselindungkan di celah-celah pengungkapan yang mencemaskan, iaitu jika orang-orang yang melakukan kezaliman yang besar dengan mempersekutukan Allah itu memiliki segala isi bumi dari harta benda yang disayangi mereka dan yang menyebabkan mereka menjauhi Islam kerana berbangga dengan kekayaan dan memiliki sebanyak itu lagi, nescaya mereka akan berikan semua harta itu untuk menebuskan diri mereka dari 'azab keseksaan yang dilihat mereka pada hari Qiamat itu.

Dan di sana ada lagi satu pemandangan yang amat ngeri yang diselindungkan di sebalik ungkapan yang mencemaskan iaitu:

وَبَدَا لَهُم مِّنَ اللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا يَحْتَسِبُونَ ﴿٤٧﴾

"Dan ternampaklah kepada mereka sesuatu dari Allah yang tidak terfikir oleh mereka."(47)

Yakni sesuatu yang tidak diterangkan Allah kepada mereka dan tidak diduga oleh mereka, tetapi ia merupakan sesuatu yang amat mengerikan yang tidak dicerita dan ditentukan Allah:

وَبَدَا لَهُمْ سَيِّئَاتُ مَا كَسَبُوا وَحَاقَ بِهِم مَّا
كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٤٨﴾

"Dan ternampaklah kepada mereka akibat-akibat yang buruk dari perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka. Dan mereka akan di kelilingi 'azab keseksaan yang telah dipersenda-sendakan mereka."(48)

Yakni hal-hal yang seperti ini menambahkan lagi keburukan keadaan mereka apabila ternampak jelas kepada mereka akibat-akibat buruk dari perbuatan-perbuatan mereka dan apabila mereka dikelilingi 'azab seksa yang telah diejek-ejekkan mereka di dunia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 52)

Setelah menayangkan pemandangan ini untuk menerangkan keadaan mereka pada hari Qiamat kelak, di mana mereka kembali kepada Allah yang dipersekutukan mereka dan yang dijijikkan mereka apabila disebut namanya sahaja dan bergembira apabila disebut nama tuhan-tuhan mereka yang palsu, Al-Qur'an kembali menggambarkan keadaan mereka yang aneh. Mereka tidak percaya kepada 'aqidah Wahdaniyah, tetapi apabila mereka ditimpa kesusahan mereka hanya berdo'a kepada Allah dengan penuh khusyu', dan apabila Allah mengurniakan ni'mat kesenangan mereka terus berlagak angkuh dan ingkarkan Allah.

فَإِذَا مَسَّ الْإِنسَانَ ضُرٌّ دَعَانَا ثُمَّ إِذَا خَوَّلْنَاهُ نِعْمَةً مِّنَّا
قَالَ إِنَّمَا أُوتِيتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ ۚ بَلْ هِيَ فِتْنَةٌ وَلَٰكِنَّ
أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٩﴾

"Apabila seseorang manusia disentuh bala bencana ia terus berdo'a kepada Kami, kemudian apabila Kami kurniakannya sesuatu ni'mat dari Kami dia berkata: Sesungguhnya aku diberikan ni'mat itu kerana ilmu pengetahuanku. Bahkan sebenarnya ni'mat itu suatu ujian, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(49)

Ayat ini menggambarkan contoh manusia yang berulang-ulang, selama fitrahnya tidak mendapat hidayat ke jalan yang benar, kembali kepada Tuhannya Yang Tunggal dan mengenali jalan menuju ke arah-Nya. Justeru itu dia tidak sesat dari jalan Allah sama ada di waktu kesenangan dan kesusahan.

Kesusahan itu menggugurkan timbunan-timbunan hawa nafsu terhadap fitrah manusia yang suci. Ia membuat fitrah itu bersih dari faktor-faktor bikinan manusia yang melindungkannya dari kebenaran yang ada padanya dan kebenaran yang ada pada hati seluruh makhluk yang wujud. Ketika itulah ia melihat Allah, mengenal dan bertawajjuh kepada-Nya. Tetapi apabila kesusahan itu hilang dan datang kesenangan, dia terus lupakan do'a yang diucapkannya ketika ditimpa kesusahan, dan fitrahnya terus menyeleweng kerana dipengaruhi hawa nafsunya. Dia berkata megah tentang ni'mat, rezeki dan kelebihan yang diperolehinya:

إِنَّمَا أُوتِيتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ ۚ

"Sesungguhnya aku diberi ni'mat itu kerana ilmu pengetahuanku."(49)

Kata-kata ini pernah diucapkan oleh Qarun, bahkan diucapkan oleh setiap orang yang tertipu dengan ilmu pengetahuannya atau tertipu dengan kepadaiannya yang didakwakannya sebagai sebab yang membolehkannya mendapat harta kekayaan dan

kekuasaan. Dia lupakan Allah selaku sumber ni'mat, selaku pengurnia ilmu pengetahuan dan kepandaian, selaku pencetus sebab musabab dan selaku pembahagi rezeki.

بَلۡ هِيَ فِتۡنَةٞ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَهُمۡ لَا يَعۡلَمُونَ ٤٩

"Bahkan sebenarnya ni'mat itu suatu ujian, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(49)

Ni'mat itu merupakan ujian dan dugaan untuk diketahui sama ada seseorang itu bersyukur atau kufur, sama ada seseorang itu berkelakuan baik dengan sebab ni'mat itu atau berkelakuan buruk, dan sama ada seseorang itu mengenal jalan hidayat atau cenderung ke arah kesesatan. Sebagai satu rahmat kepada manusia, Al-Qur'an mendedahkan rahsia ini kepada mereka, mengingatkan mereka dari bahaya dan menyedarkan mereka tentang ujian Allah. Oleh itu mereka tidak boleh berdalih lagi selepas mendapat penerangan yang jelas ini.

Kemudian Al-Qur'an menyentuh hati mereka dengan menayangkan kisah kebinasaan orang-orang yang terdahulu dari mereka kerana mengucapkan kata-kata yang sesat ini:

إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلۡمٍۭۚ

"Sesungguhnya aku diberikan ni'mat itu kerana ilmu pengetahuanku."(49)

قَدۡ قَالَهَا ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ فَمَآ أَغۡنَىٰ عَنۡهُم مَّا كَانُواْ
يَكۡسِبُونَ ٥٠

"Sesungguhnya (perkataan ini) telah pun diucapkan oleh orang-orang yang sebelum mereka, maka segala apa yang diusahakan mereka tidak berguna untuk menyelamatkan mereka."(50)

فَأَصَابَهُمۡ سَيِّـَٔاتُ مَا كَسَبُواْۚ وَٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنۡ
هَٰٓؤُلَآءِ سَيُصِيبُهُمۡ سَيِّـَٔاتُ مَا كَسَبُواْ وَمَا هُم
بِمُعۡجِزِينَ ٥١

"Lalu mereka ditimpa akibat buruk dari perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka. Dan orang-orang yang zalim dari mereka juga akan ditimpa akibat buruk dari perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka dan mereka tidak mampu melemahkan Allah."(51)

Itulah kata-kata sesat yang telah diucapkan oleh orang-orang yang terdahulu dari mereka dan akibatnya mereka ditimpa kebinasaan dan kecelakaan dan ketika itu segala ilmu pengetahuan, harta kekayaan dan kekuatan mereka tidak dapat menolong mereka sedikit pun. Mereka akan menerima kebinasaan dan kecelakaan yang telah menimpa orang-orang yang terdahulu dari mereka, kerana Sunnatullah itu tetap tidak berubah-ubah:

وَمَا هُم بِمُعۡجِزِينَ ٥١

"Dan mereka tidak mampu melemahkan Allah."(51)

Yakni Allah tidak dapat dilemahkan oleh makhluk-makhluk-Nya yang kerdil. Segala ni'mat dan rezeki yang dikurniakan Allah kepada manusia, maka pengurniaan itu adalah mengikut kehendak iradat-Nya yang sesuai dengan hikmat dan perencanaan-Nya ketika menentukan luas dan sempit sesuatu rezeki yang dikurniakannya itu dengan tujuan untuk menguji hamba-Nya dan melaksanakan kehendak iradat-Nya.

أَوَلَمۡ يَعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقۡدِرُۚ
إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يُؤۡمِنُونَ ٥٢

"Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah meluaskan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan juga menyempitkannya. Sesungguhnya dalam penentuan rezeki itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang beriman."(52)

Justeru itu mereka tidak menggunakan bukti-bukti kekuasaan Allah sebagai punca kekufuran dan kesesatan mereka. Kerana bukti-bukti itu dikemukakan untuk tujuan memberi hidayat dan keimanan.

(Kumpulan ayat-ayat 53 - 61)

قُلۡ يَٰعِبَادِيَ ٱلَّذِينَ أَسۡرَفُواْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمۡ لَا تَقۡنَطُواْ
مِن رَّحۡمَةِ ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَغۡفِرُ ٱلذُّنُوبَ جَمِيعًاۚ
إِنَّهُۥ هُوَ ٱلۡغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ٥٣
وَأَنِيبُوٓاْ إِلَىٰ رَبِّكُمۡ وَأَسۡلِمُواْ لَهُۥ مِن قَبۡلِ أَن يَأۡتِيَكُمُ
ٱلۡعَذَابُ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ٥٤
وَٱتَّبِعُوٓاْ أَحۡسَنَ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكُم مِّن رَّبِّكُم مِّن
قَبۡلِ أَن يَأۡتِيَكُمُ ٱلۡعَذَابُ بَغۡتَةٗ وَأَنتُمۡ لَا
تَشۡعُرُونَ ٥٥
أَن تَقُولَ نَفۡسٞ يَٰحَسۡرَتَىٰ عَلَىٰ مَا فَرَّطتُ فِي جَنۢبِ
ٱللَّهِ وَإِن كُنتُ لَمِنَ ٱلسَّٰخِرِينَ ٥٦
أَوۡ تَقُولَ لَوۡ أَنَّ ٱللَّهَ هَدَىٰنِي لَكُنتُ مِنَ ٱلۡمُتَّقِينَ ٥٧
أَوۡ تَقُولَ حِينَ تَرَى ٱلۡعَذَابَ لَوۡ أَنَّ لِي كَرَّةٗ فَأَكُونَ
مِنَ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ٥٨
بَلَىٰ قَدۡ جَآءَتۡكَ ءَايَٰتِي فَكَذَّبۡتَ بِهَا وَٱسۡتَكۡبَرۡتَ

وَكُنتَ مِنَ ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٥٩﴾
وَيَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ تَرَى ٱلَّذِينَ كَذَبُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ
وُجُوهُهُم مُّسْوَدَّةٌ ۚ أَلَيْسَ فِى جَهَنَّمَ مَثْوًى
لِّلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٦٠﴾
وَيُنَجِّى ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ بِمَفَازَتِهِمْ لَا يَمَسُّهُمُ
ٱلسُّوٓءُ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦١﴾

"Katakanlah kepada hamba-hamba-Ku yang telah bertindak melampaui batas terhadap diri mereka sendiri: Janganlah kamu berputus harapan dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah bersedia mengampuni semua dosa. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih (53). Dan kembalilah kepada Tuhan kamu dan serahlah diri kamu kepada-Nya sebelum 'azab menimpa kamu dan selepas itu kamu tidak akan ditolong lagi (54). Dan ikutilah (Al-Qur'an) sebaik-baik (hidayat) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu sebelum 'azab menimpa kamu secara mendadak, sedangkan kamu tidak sedar (55). Supaya jangan ada seseorang pun yang akan bersungut: Alangkah sesalnya aku terhadap perbuatanku yang telah mencuaikan kewajipan terhadap Allah dan sesungguhnya aku dahulunya dari orang-orang yang mempersenda-sendakan (ajaran Allah) (56). Atau supaya jangan ada yang berkata: Jika Allah telah memberi hidayat kepadaku tentulah aku termasuk dalam golongan para Muttaqin (57). Atau supaya jangan ada yang berkata ketika ia melihat 'azab: Alangkah beruntungnya jika aku dapat pulang semula ke dunia supaya aku termasuk dalam golongan para Muhsinin (58). Sebenarnya telah datang kepadamu ayat-ayat-Ku, lalu engkau dustakannya dan berlagak angkuh dan masuk ke dalam golongan orang-orang yang kafir (59). Dan pada hari Qiamat kelak engkau akan melihat muka orang-orang yang mendustakan ajaran Allah itu hitam legam. Bukankah di dalam Neraka Jahannam tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur? (60) Dan Allah akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa kerana kejayaan mereka (mencapai keredhaan Allah), mereka tidak akan disentuhi 'azab dan tidak pula akan berdukacita."(61)

Setelah Allah menggambarkan keadaan ngeri yang dialami oleh orang-orang yang zalim pada hari Qiamat yang diterangkan dalam firman-Nya:

وَلَوْ أَنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مَا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُۥ
مَعَهُۥ لَٱفْتَدَوْا۟ بِهِۦ مِن سُوٓءِ ٱلْعَذَابِ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ ۚ
وَبَدَا لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا۟ يَحْتَسِبُونَ ﴿٤٧﴾
وَبَدَا لَهُمْ سَيِّـَٔاتُ مَا كَسَبُوا۟ وَحَاقَ بِهِم مَّا
كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٤٨﴾

"Dan sekiranya orang yang zalim (kafir) itu memiliki segala isi bumi dan memiliki sebanyak itu lagi bersamanya nescaya mereka akan menebuskan diri mereka dengannya daripada 'azab yang amat dahsyat pada hari Qiamat. Dan (di waktu itu) ternampaklah kepada mereka sesuatu dari Allah yang tidak terfikir oleh mereka (47). Dan ternampaklah kepada mereka akibat-akibat yang buruk dari perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka. Dan mereka akan di kelilingi 'azab keseksaan yang telah dipersenda-sendakan mereka itu"(48)

Allah kembali pula membuka seluas-luasnya pintu untuk mendapat rahmat-Nya melalui taubat dan menggalakkan ahli-ahli maksiat supaya mencari rahmat dan keampunan-Nya walaupun sebanyak mana mereka melakukan maksiat-maksiat itu. Allah menyeru mereka supaya kembali kepada-Nya tanpa berputus asa. Di samping menyeru mereka supaya berusaha mendapatkan rahmat dan keampunan Allah, Al-Qur'an mengemukakan pula gambaran 'azab yang menunggu mereka andainya mereka tidak kembali bertaubat kepada Allah, dan andainya mereka tidak merebut peluang yang terbuka ini sebelum terluput dan sebelum kehilangan waktunya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 53 - 59)

Jangan Putus Harapan Dari Mendapat Rahmat Allah

قُلْ يَـٰعِبَادِىَ ٱلَّذِينَ أَسْرَفُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا۟
مِن رَّحْمَةِ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ جَمِيعًا ۚ
إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾

"Katakanlah kepada hamba-hamba-Ku yang telah bertindak melampaui batas terhadap diri mereka sendiri. Janganlah kamu berputus harapan dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah bersedia mengampunkan semua dosa. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(53)

Itulah rahmat Allah yang dapat menampung semua maksiat walau bagaimana besar sekalipun. Itulah seruan Allah mengajak manusia kembali kepada-Nya, iaitu mengajak orang-orang yang melakukan maksiat yang melampaui batas, liar dan meredah begitu jauh di belantara kesesatan kepada harapan dan kepercayaan untuk mendapat keampunan dari Allah kerana Allah Maha Penyayang terhadap hamba-hamba-Nya dan mengetahui segala kelemahan mereka, juga mengetahui segala faktor-faktor yang mempengaruhi mereka dari dalam, jiwa mereka sendiri dan dari luar. Allah mengetahui bahawa syaitan menunggu manusia di setiap tempat untuk menyerang hendap ke atas mereka. Setiap jalan yang dilalui mereka dihalang syaitan, dan syaitan mengemblengkan angkatan tenteranya yang berkuda dan berjalan kaki untuk menyerang mereka. Syaitan bekerja keras dan bertungkus lumus melaksanakan kerja-kerja jahatnya, dan dia tahu bahawa kejadian manusia itu lemah dan bahawa mereka begitu cepat

gugur apabila sahaja terlepas dari tangannya tali hubungannya dengan Allah. Tugas-tugas, kecenderungan-kecenderungan dan keinginan hawa nafsu yang ada di dalam jiwa mereka begitu cepat menyeleweng dan hilang imbangannya. Ini menyebabkan mereka terumbang-ambing di sana sini dan jatuh ke dalam maksiat, sedangkan mereka lemah untuk memelihara dan mengawal imbangan yang baik.

Allah S.W.T, mengetahui semua kelemahan ini pada makhluk manusia, kerana itu dia menghulurkan pertolongan dan meluaskan rahmat kepada mereka. Dan dia tidak membinasakan manusia dengan sebab maksiat-maksiat mereka sehingga dia menyediakan segala wasilah (sarana) untuk memperbaiki kesalahan mereka dan membetulkan langkah mereka supaya berjalan di atas jalan yang lurus. Dan apabila mereka terjerumus di dalam maksiat dan melakukan dosa yang keterlaluan sehingga mereka mengira bahawa mereka telah diusir dari rahmat Allah dan nasib kesudahannya telah berakhir dan tidak dapat ke mana-mana lagi, maka di sa'at-sa'at putus asa inilah mereka mendengar seruan Ilahi yang lembut dan amat halus:

قُلْ يَٰعِبَادِيَ ٱلَّذِينَ أَسْرَفُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا۟
مِن رَّحْمَةِ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ جَمِيعًا ۚ
إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾

"Katakanlah kepada hamba-hamba-Ku yang telah bertindak melampaui batas terhadap diri mereka sendiri. Janganlah kamu berputus harapan dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah bersedia mengampunkan semua dosa. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(53)

Tiada yang memisahkan di antara orang-orang yang keterlaluan melakukan maksiat, terjerumus dalam dosa, lari dari keselamatan dan mengikut jalan yang sesat. Tiada yang memisahkan di antara mereka dan rahmat Allah yang lembut dan bayangannya yang menyegarkan melainkan hanya bertaubat sahaja, iaitu kembali memasuki pintu taubat yang sentiasa terbuka, di mana tiada pengikut yang akan menahan mereka dan tidak perlu kepada meminta keizinan untuk memasukinya:

وَأَنِيبُوٓا۟ إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا۟ لَهُۥ مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ
ٱلْعَذَابُ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿٥٤﴾
وَٱتَّبِعُوٓا۟ أَحْسَنَ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُم مِّن
قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ ٱلْعَذَابُ بَغْتَةً وَأَنتُمْ لَا
تَشْعُرُونَ ﴿٥٥﴾

"Dan kembalilah kepada Tuhan kamu dan serahlah diri kamu kepada-Nya sebelum 'azab menimpa kamu dan selepas itu kamu tidak akan ditolong lagi (54). Dan ikutilah (Al-Qur'an) sebaik-baik (hidayat) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu sebelum 'azab menimpa kamu secara mendadak, sedangkan kamu tidak sedar."(55)

Kembali kepada Allah menyerahkan diri kepada-Nya dan pulang semula kepada bayangan keta'atan dan penyerahan diri yang teduh, inilah sahaja langkah yang perlu untuk mendapat rahmat Allah. Di sana tidak ada upacara-upacara, tidak adat istiadat-istiadat, tidak ada halangan-halangan, tidak ada orang-orang tengah dan tidak ada tukang-tukang syafa'at! Itulah hisab secara langsung di antara hamba dan Allah. Dan itulah hubungan secara langsung di antara makhluk dan Khaliq, justeru itu barang siapa dari orang-orang yang menyeleweng yang ingin kembali kepada Allah, maka silakan kembali dan barang siapa dari orang-orang sesat yang ingin kembali kepada Allah, maka silalah bertaubat, sesiapa dari penderhaka-penderhaka yang ingin menyerah diri kepada Allah, sila menyerah, silalah datang dan masuk, kerana pintu sedang terbuka dan bayangan yang teduh, lembut, selesa semuanya berada di sebalik pintu ini di mana tiada pengawal dan tiada pula pemeriksa! Sila kembali kepada Allah. Silalah bertaubat segera sebelum luput waktu:

مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ ٱلْعَذَابُ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿٥٤﴾

"Sebelum 'azab menimpa kamu dan selepas itu kamu tidak akan ditolong lagi."(54)

Di sini tidak ada penolong, silalah bertaubat segera, kerana waktu tidak terjamin, keputusan Qiamat mungkin telah diambil dan pintu-pintu taubat mungkin ditutup pada bila-bila masa malam dan siang. Silalah kembali kepada Allah dengan segera.

وَٱتَّبِعُوٓا۟ أَحْسَنَ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُم مِّن
قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ ٱلْعَذَابُ بَغْتَةً وَأَنتُمْ لَا
تَشْعُرُونَ ﴿٥٥﴾

"Dan ikutilah (Al-Qur'an) sebaik-baik (hidayat) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu sebelum 'azab menimpa kamu secara mendadak, sedangkan kamu tidak sedar."(55)

Silalah pulang! Sebelum kamu menyesal kerana terlepas peluang, kerana cuai menunaikan janji Allah:

أَن تَقُولَ نَفْسٌ يَٰحَسْرَتَىٰ عَلَىٰ مَا فَرَّطتُ فِي جَنۢبِ
ٱللَّهِ وَإِن كُنتُ لَمِنَ ٱلسَّٰخِرِينَ ﴿٥٦﴾

"Supaya jangan ada seseorang pun yang akan bersungut: Alangkah sesatnya aku terhadap perbuatanku yang telah mencuaikan kewajipan terhadap Allah dan sesungguhnya aku dahulunya dari orang-orang yang mempersenda-sendakan (ajaran Allah)."(56)

Atau jangan ada orang yang berkata Allah telah menetapkan kesesatan ke atasku dan andainya Dia menetapkan hidayat ke atasku tentulah aku mendapat hidayat dan bertaqwa:

أَوْ تَقُولَ لَوْ أَنَّ ٱللَّهَ هَدَىٰنِى لَكُنتُ مِنَ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٥٧﴾

"Atau supaya jangan ada yang berkata: Jika Allah telah memberi hidayat kepadaku tentulah aku termasuk dalam golongan para Muttaqin."(57)

Ini satu dalihan yang tidak berasas kerana peluang sentiasa terbuka. Sarana-sarana hidayat sentiasa ada di hadapan mata dan pintu taubat masih terbuka luas.

أَوْ تَقُولَ حِينَ تَرَى ٱلْعَذَابَ لَوْ أَنَّ لِى كَرَّةً فَأَكُونَ
مِنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٥٨﴾

"Atau supaya jangan ada yang berkata ketika ia melihat 'azab: Alangkah beruntungnya jika aku dapat pulang semula ke dunia supaya aku termasuk dalam golongan para Muhsinin."(58)

Ini adalah satu angan-angan yang tidak mungkin tercapai, kerana apabila kehidupan dunia ini tamat, maka ia tidak akan berulang dan kembali lagi. Kini kamu sekalian masih berada di dalam negeri beramal dan berusaha. Ia merupakan peluang yang tunggal yang tidak berulang sesudah ia tamat dan kamu kelak akan ditanya dengan penuh penghinaan tentang peluang yang disia-siakan kamu itu:

بَلَىٰ قَدْ جَآءَتْكَ ءَايَٰتِى فَكَذَّبْتَ بِهَا وَٱسْتَكْبَرْتَ
وَكُنتَ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٥٩﴾

"Sebenarnya telah datang kepadamu ayat-ayat-Ku, lalu engkau dustakannya dan berlagak angkuh dan masuk ke dalam golongan orang-orang yang kafir."(59)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 60 - 61)

Muka-muka Yang Hitam Legam Di Hari Qiamat

Setelah membawa hati dan perasaan manusia ke pekarangan alam Akhirat, maka Al-Qur'an terus menayangkan pemandangan golongan pendusta dan golongan para Muttaqin dalam situasi yang amat hebat itu:

وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ تَرَى ٱلَّذِينَ كَذَبُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ
وُجُوهُهُم مُّسْوَدَّةٌ ۚ أَلَيْسَ فِى جَهَنَّمَ مَثْوًى
لِّلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٦٠﴾
وَيُنَجِّى ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ بِمَفَازَتِهِمْ لَا يَمَسُّهُمُ
ٱلسُّوٓءُ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦١﴾

"Dan pada hari Qiamat kelak engkau akan melihat muka-muka orang-orang yang mendustakan ajaran Allah itu menjadi hitam legam. Bukankah di dalam Neraka Jahannam terdapat tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur? (60) Dan Allah akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa kerana kejayaan mereka (mencapai keredhaan Allah), mereka tidak akan disentuhi 'azab dan tidak pula akan berdukacita."(61)

Inilah kesudahan yang akhir. Satu golongan berwajah hitam legam kerana kecewa, hina, duka nestapa dan kerana diselar api Neraka. Itulah golongan manusia yang angkuh di bumi ini. Mereka diseru kepada Allah dan seruan itu masih terus dihadapkan kepada mereka walaupun sesudah mereka terlalu banyak membuat maksiat, tetapi mereka tidak sudi menyambut seruan yang membawa kepada keselamatan itu, oleh kerana itu pada hari (Qiamat) ini mereka berada dalam keadaan yang hina. Wajah-wajah mereka menjadi hitam legam. Sementara satu golongan lagi selamat sejahtera tidak disentuhi 'azab dan tidak pula mengalami duka nestapa, itulah golongan para Muttaqin. Semasa di dunia mereka takut kepada hari Akhirat dan mengharapkan rahmat Allah. Oleh kerana itu pada hari Qiamat ini mereka memperolehi keselamatan, kejayaan, keamanan dan kesejahteraan.

لَا يَمَسُّهُمُ ٱلسُّوٓءُ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦١﴾

"Mereka tidak akan disentuhi 'azab dan tidak pula akan berdukacita."(61)

Selepas penerangan yang jelas ini siapa suka dia boleh menyambut seruan yang menyeru mereka kepada rahmat yang lembut dan teduh di sebalik pintu taubat yang terbuka itu, dan siapa suka dia boleh hidup terus dalam keterlaluan dan kesesatan ini sehingga mereka ditimpa 'azab yang mendadak dan tidak disedari mereka.

(Kumpulan ayat-ayat 62 - 75)

ٱللَّهُ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ وَكِيلٌ ﴿٦٢﴾
لَّهُۥ مَقَالِيدُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟
بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٦٣﴾
قُلْ أَفَغَيْرَ ٱللَّهِ تَأْمُرُوٓنِّىٓ أَعْبُدُ أَيُّهَا ٱلْجَٰهِلُونَ ﴿٦٤﴾
وَلَقَدْ أُوحِىَ إِلَيْكَ وَإِلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكَ لَئِنْ
أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ
ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٦٥﴾
بَلِ ٱللَّهَ فَٱعْبُدْ وَكُن مِّنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٦٦﴾

وَمَا قَدَرُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِۦ وَٱلْأَرْضُ جَمِيعًا قَبْضَتُهُۥ
يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ وَٱلسَّمَٰوَٰتُ مَطْوِيَّٰتٌۢ بِيَمِينِهِۦ
سُبْحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ٦٧
وَنُفِخَ فِى ٱلصُّورِ فَصَعِقَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن فِى
ٱلْأَرْضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُ ۖ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخْرَىٰ فَإِذَا هُم
قِيَامٌ يَنظُرُونَ ٦٨
وَأَشْرَقَتِ ٱلْأَرْضُ بِنُورِ رَبِّهَا وَوُضِعَ ٱلْكِتَٰبُ
وَجِا۟ىٓءَ بِٱلنَّبِيِّۦنَ وَٱلشُّهَدَآءِ وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْحَقِّ
وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ٦٩
وَوُفِّيَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَا
يَفْعَلُونَ ٧٠
وَسِيقَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِلَىٰ جَهَنَّمَ زُمَرًا ۖ حَتَّىٰٓ
إِذَا جَآءُوهَا فُتِحَتْ أَبْوَٰبُهَا وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَآ أَلَمْ
يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَتْلُونَ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتِ رَبِّكُمْ
وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَآءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَا ۚ قَالُوا۟ بَلَىٰ
وَلَٰكِنْ حَقَّتْ كَلِمَةُ ٱلْعَذَابِ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ٧١
قِيلَ ٱدْخُلُوٓا۟ أَبْوَٰبَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۖ فَبِئْسَ
مَثْوَى ٱلْمُتَكَبِّرِينَ ٧٢
وَسِيقَ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ رَبَّهُمْ إِلَى ٱلْجَنَّةِ زُمَرًا ۖ حَتَّىٰٓ
إِذَا جَآءُوهَا وَفُتِحَتْ أَبْوَٰبُهَا وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَا
سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ طِبْتُمْ فَٱدْخُلُوهَا خَٰلِدِينَ ٧٣
وَقَالُوا۟ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى صَدَقَنَا وَعْدَهُۥ وَأَوْرَثَنَا
ٱلْأَرْضَ نَتَبَوَّأُ مِنَ ٱلْجَنَّةِ حَيْثُ نَشَآءُ ۖ فَنِعْمَ
أَجْرُ ٱلْعَٰمِلِينَ ٧٤

وَتَرَى ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ حَآفِّينَ مِنْ حَوْلِ ٱلْعَرْشِ يُسَبِّحُونَ
بِحَمْدِ رَبِّهِمْ ۖ وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْحَقِّ وَقِيلَ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ
رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ٧٥

"Allah Pencipta segala sesuatu dan Dialah yang menguasai segala sesuatu (62). Dia memiliki anak kunci perbendaharaan langit dan bumi. Dan orang-orang yang ingkarkan ayat-ayat Allah merekalah orang-orang yang rugi (63). Katakanlah: Apakah kamu menyuruh aku menyembah selain dari Allah, wahai orang-orang yang jahil? (64) Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada rasul-rasul sebelummu jika engkau mempersekutukan Allah nescaya sia-sialah segala amalanmu dan tentulah engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi (65). Malah sembahlah Allah dan jadilah dari golongan orang-orang yang bersyukur (66). Dan mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajarnya, sedangkan seluruh bumi berada dalam genggaman-Nya pada hari Qiamat dan langit tergulung di tangan kanan-Nya. Maha Suci dan Maha Tinggi Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka (67). Dan sangkakala pun ditiup lalu matilah sekalian yang ada di langit dan sekalian yang ada di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah, kemudian sangkakala ditiup sekali lagi, maka tiba-tiba seluruh mereka bangkit menunggu (hukuman) (68). Dan terang benderanglah bumi dengan nur Tuhannya, lalu buku suratan amalan pun dibentangkan dan sekalian nabi dan saksi dibawakan dan hukuman yang adil dijatuhkan di antara mereka dan mereka tidak sekali-kali dianiayai (69). Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap amalan yang telah dilakukannya dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka (70). Dan orang-orang yang kafir dibawa ke Neraka secara kumpulan-kumpulan sehingga apabila mereka tiba di Neraka, maka pintu-pintunya dibuka dan berkatalah para penjaganya kepada mereka: Tidakkah telah datang kepada kamu rasul-rasul dari kalangan kamu yang membaca ayat-ayat Tuhan kamu kepada kamu dan mengingatkan kamu dengan pertemuan pada hari ini. Jawab mereka: Benar! (Mereka telah datang), tetapi keputusan 'azab telah ditetapkan ke atas orang-orang yang kafir (71). Lalu dikatakan (kepada mereka): Silalah masuk pintu-pintu Neraka Jahannam di mana kamu akan hidup kekal. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur (72). Dan dibawa pula orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka ke Syurga secara kumpulan-kumpulan sehingga apabila mereka tiba di Syurga, maka pintu-pintunya dibuka dan berkatalah para penjaga: Selamat sejahtera ke atas kamu. Kamu telah menunjukkan kebaikan, silalah masuk dan hidup kekal di dalamnya (73). Lalu mereka pun berkata: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang telah menepati janji-Nya kepada kami dan telah mengurniakan kepada kami bumi (Syurga) dan dapatlah kami tinggal di dalam Syurga di mana sahaja kami kehendaki. Itulah sebaik-baik pahala bagi orang-orang yang beramal (74). Dan engkau (wahai Muhammad!) akan melihat para malaikat mengelilingi di sekitar 'Arasy bertasbih memuji Tuhan mereka, dan hukuman yang adil telah diputuskan di antara mereka dan diucapkan segala kepujian itu terpulang kepada Tuhan semesta alam." (75).

Inilah bahagian terakhir surah yang membentangkan hakikat tauhid dari sudut sifat Wahdaniyah Allah Pencipta yang telah menciptakan segala sesuatu dan menguasai serta menguruskan segala sesuatu. Dan dengan ini jelaslah bahawa seruan kaum Musyrikin yang mengajak Rasulullah

s.a.w. supaya turut bersama mereka menyembah tuhan-tuhan mereka sebagai balasan kepada mereka yang bersetuju turut serta menyembah tuhan beliau itu sebagai satu seruan yang ganjil, kerana Allah telah menciptakan segala sesuatu dan mentadbirkan kerajaan langit dan bumi tanpa sebarang sekutu. Bagaimanakah pula ada tuhan-tuhan yang lain yang layak disembah bersamanya sedangkan Dia sahaja yang memegang kunci perbendaharaan langit dan bumi?

وَمَا قَدَرُواْ ٱللَّهَ حَقَّ قَدۡرِهِۦ

"Dan mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajarnya"(67)

kerana mereka mempersekutukan-Nya dengan tuhan-tuhan yang lain, sedangkan Dia sahaja Tuhan yang layak disembah Yang Maha Kuasa dan Gagah Perkasa:

وَٱلۡأَرۡضُ جَمِيعٗا قَبۡضَتُهُۥ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ وَٱلسَّمَٰوَٰتُ مَطۡوِيَّٰتُۢ بِيَمِينِهِۦۚ

"Sedangkan seluruh bumi berada di dalam genggaman-Nya pada hari Qiamat dan langit tergulung di tangan kanan-Nya."(67)

Sesuai dengan penggambaran hakikat ini pada hari Qiamat, Al-Qur'an menayangkan pula satu pemandangan yang unik dari pemandangan-pemandangan Qiamat, iaitu pemandangan-pemandangan yang berakhir dengan himpunan para malaikat yang mengelilingi di sekitar Arasy sambil bertasbih memuji Allah dan seluruh makhluk mengucap tahmid:

وَقِيلَ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٧٥﴾

"Dan diucap segala kepujian itu terpulang kepada Tuhan semesta alam."(75)

Inilah kata pemutus hakikat tauhid.

(Pentafsiran ayat-ayat 62 - 63)

Orang-orang Yang Mengalami Kerugian Yang Sebenar

ٱللَّهُ خَٰلِقُ كُلِّ شَيۡءٖۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ وَكِيلٞ ﴿٦٢﴾ لَّهُۥ مَقَالِيدُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۗ وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡخَٰسِرُونَ ﴿٦٣﴾

"Allah Pencipta segala sesuatu dan Dialah yang menguasai segala sesuatu (62). Dia memiliki anak kunci perbendaharaan langit dan bumi. Dan orang-orang yang ingkarkan ayat-ayat Allah merekalah orang-orang yang rugi." (63)

Itulah hakikat yang diakui oleh setiap makhluk. Tiada siapapun yang sanggup mendakwa bahawa dia telah menciptakan sesuatu. Tiada akal yang sanggup mendakwa alam al-wujud ini ada tanpa pencipta, kerana apa yang ada di alam ini menunjukkan di sana adanya iradat dan tadbir Ilahi. Tiada satu urusan pun dari urusan alam ini dari yang kecil hingga kepada yang besar yang ditinggalkan begitu sahaja atau dibiarkan kepada kebetulan:

وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ وَكِيلٞ ﴿٦٢﴾

"Dan Dialah yang menguasai segala sesuatu."(62)

Teraju tadbir langit dan bumi ini hanya dimiliki Allah. Dialah yang mentadbirkannya mengikut kehendak iradat-Nya. Langit dan bumi adalah mengikut undang-undang yang ditentukan Allah. Tiada satu iradat yang lain yang turut campur tangan dalam pentadbiran itu. Inilah yang diakui fitrah manusia, dibuktikan oleh realiti dan inilah yang diakui akal dan dhamir manusia.

وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡخَٰسِرُونَ ﴿٦٣﴾

"Dan orang-orang yang ingkarkan ayat-ayat Allah, merekalah orang-orang yang rugi."(63)

Yakni mereka rugi kerana tidak memahami hakikat yang sebenar yang menjadikan hidup mereka di bumi ini selaras dengan hidup seluruh alam buana. Mereka rugi kerana tidak dapat meni'mati ketenteraman hidayat, keindahan iman, ketenangan i'tiqad dan kemanisan keyakinan. Mereka rugi diri mereka dan keluarga mereka pada hari Qiamat. Merekalah orang-orang yang rugi dalam ertikata yang sebenar-benar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 64 - 66)

Berdasarkan hakikat ini yang diakui langit dan bumi, dan disaksikan oleh segala makhluk di alam al-wujud, Allah mengajar Rasulullah s.a.w. supaya mengecam tawaran mereka yang mengajak beliau supaya bersama menyembah tuhan-tuhan mereka sebagai balasan mereka menyembah Allah bersama beliau, seolah-olah perkara ini merupakan dagangan di pasaran yang boleh dilakukan tawar-menawar:

قُلۡ أَفَغَيۡرَ ٱللَّهِ تَأۡمُرُوٓنِّيٓ أَعۡبُدُ أَيُّهَا ٱلۡجَٰهِلُونَ ﴿٦٤﴾

"Katakanlah: Apakah kamu menyuruh aku menyembah selain dari Allah, wahai orang-orang yang jahil?"(64)

Itulah kecaman yang dilaungkan fitrah terhadap tawaran mereka yang karut, yang menunjukkan kejahilan mereka yang mutlak.

Kemudian diiringi dengan amaran melarang perbuatan syirik. Ia mulakan dengan para nabi dan Rasul-Salawatullahi-'alaihim yang tidak pernah terlintas di dalam hati mereka sebarang anggapan syirik terhadap Allah, tetapi amaran di sini dimaksudkan untuk mengingatkan kaum mereka bahawa maqam ibadat itu hanya untuk zat Allah

S.W.T. sahaja dan makam 'Ubudiyah itu adalah untuk manusia termasuk para nabi dan rasul.

وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٦٥﴾

"Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada rasul-rasul sebelummu jika engkau mempersekutukan Allah nescaya sia-sialah segala amalanmu dan tentulah engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi."(65)

Mentauhidkan Ibadat Kepada Allah

Amaran terhadap syirik ini diakhiri dengan perintah bertauhidkan Allah, iaitu mentauhidkan ibadat dan kesyukuran kerana mendapat hidayat, keyakinan dan ni'mat-ni'mat Allah yang melimpahi hamba-hamba-Nya dan tidak terhitung banyaknya oleh mereka.

بَلِ ٱللَّهَ فَٱعْبُدْ وَكُن مِّنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٦٦﴾

"Malah sembahlah Allah dan jadilah dari golongan orang-orang yang bersyukur."(66)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 67)

وَمَا قَدَرُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِۦ

"Dan mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajarnya."(67)

Ya, mereka tidak memberi penghormatan kepada Allah dengan penghormatan yang sebenar, malah mereka mempersekutukan Allah dengan setengah-setengah makhluk-Nya. Mereka tidak menyembah Allah dengan ibadat yang sebenar. Mereka masih tidak memahami Wahdaniyah dan keagungan Allah. Mereka belum lagi benar-benar merasa kebesaran dan kekuatan Allah.

Kemudian Al-Qur'an membentangkan sebahagian dari keagungan dan kekuatan Allah mengikut cara penggambaran Al-Qur'an yang mendekatkan hakikat Kulli kepada manusia dalam bentuk gambaran juz'i yang dapat difaham oleh daya akal mereka yang terbatas:

وَٱلْأَرْضُ جَمِيعًا قَبْضَتُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ وَٱلسَّمَٰوَٰتُ مَطْوِيَّٰتٌۢ بِيَمِينِهِۦ ۚ سُبْحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٦٧﴾

"Sedangkan seluruh bumi berada dalam genggaman-Nya pada hari Qiamat dan langit tergulung di tangan kanan-Nya. Maha Suci dan Maha Tinggi Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka."(67)

Segala gambaran dan pemandangan yang seperti ini yang terdapat di dalam Al-Qur'an dan al-Hadith adalah bertujuan untuk mendekatkan hakikat-hakikat yang tidak mampu ditanggap oleh manusia tanpa dijelaskan dengan ungkapan yang senang difahami mereka. Di antaranya ialah gambaran ayat ini yang menggambarkan sebahagian dari hakikat qudrat Allah yang mutlak, yang tidak terikat dengan sesuatu bentuk, tidak terkepung di sesuatu kawasan dan tidak terbatas pada sesuatu batas.[2]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 68 - 75)

Kemudian Al-Qur'an menayangkan pemandangan hari Qiamat dimulakan dengan tiupan sangkakala yang pertama dan berakhir dengan berdiri menghadapi pengadilan di Padang Mahsyar, dan ahli Neraka dibawa ke Neraka, ahli Syurga dibawa ke Syurga. Pemandangan itu juga menunjukkan hanya Allah Yang Mulia sahaja yang berkuasa dan seluruh makhluk bertawajjuh kepada-Nya dengan tasbih dan tahmid.

Itulah satu permandangan yang amat hebat, yang mula-mulanya bergerak kemudian berjalan perlahan dan akhirnya segala gerak tenang dan segala bunyi menjadi sepi dan seluruh Padang Mahsyar diselubungi sunyi lengang, gementar dan khusyu' berdiri di hadapan Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa.

Tiupan Sangkakala Pertama Dan Kedua

Mula-mula tiupan sangkakala yang pertama bergema menyebabkan seluruh makhluk yang bernyawa di muka bumi dan di langit mati semuanya melainkan mereka yang dikehendaki Allah. Kita tidak mengetahui berapa lama waktu berlalu sebelum tiupan sangkakala yang kedua:

وَنُفِخَ فِى ٱلصُّورِ فَصَعِقَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُ ۖ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخْرَىٰ فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنظُرُونَ ﴿٦٨﴾

"Dan sangkakala pun ditiup lalu matilah sekalian yang ada di langit dan sekalian yang ada di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah, kemudian sangkakala di tiup sekali lagi, maka tiba-tiba seluruh mereka bangkit menunggu (hukuman)."(68)

Di sini tidak disebut tiupan sangkakala yang ketiga iaitu tiupan yang mengumpulkan seluruh manusia di Padang Mahsyar dan di sini juga tidak digambarkan bunyi riuh rendah kumpulan-kumpulan manusia yang berasak-asak dan bersesak-sesak itu, kerana pemandangan ini digambarkan dengan tenang dan bergerak dengan tenang.

---

[2] *Lihat bab* التصوير الفني *dan bab* التخييل الحسي والتجسيم *di dalam kitab* التصوير الفني في القرآن

وَأَشْرَقَتِ ٱلْأَرْضُ بِنُورِ رَبِّهَا وَوُضِعَ ٱلْكِتَٰبُ وَجِاْىٓءَ بِٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلشُّهَدَآءِ وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْحَقِّ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٦٩﴾ وَوُفِّيَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴿٧٠﴾

"Dan terang benderanglah bumi dengan nur Tuhannya, lalu buku suratan amalan pun dibentangkan dan sekalian nabi dan saksi dibawakan dan hukuman yang adil dijatuhkan di antara mereka dan mereka tidak sekali-kali dianiayai (69). Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap amalan yang telah dilakukannya dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(70)

وَأَشْرَقَتِ ٱلْأَرْضُ بِنُورِ رَبِّهَا

"Dan terang benderanglah bumi dengan nur Tuhannya."(69)

Yakni terang benderanglah bumi Mahsyar tempat berlangsungnya pengumpulan manusia itu dan hanya nur Allah sahaja yang terang benderang dan tiada nur yang lain di tempat ini.

وَوُضِعَ ٱلْكِتَٰبُ

"Lalu buku suratan amalan pun dibentangkan."(69)

Yakni buku yang mencatatkan segala perbuatan dan tindak-tanduk manusia.

وَجِاْىٓءَ بِٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلشُّهَدَآءِ

"Dan sekalian nabi dan saksi dibawa."(69)

Yakni mereka dibawa untuk memberi keterangan yang sebenar yang diketahui mereka dan dengan ini segala pertengkaran dan perdebatan pun ditutup selaras dengan suasananya serta suasana kebesaran dan khusyu' yang menyelubungi Padang Mahsyar itu.

وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْحَقِّ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٦٩﴾ وَوُفِّيَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴿٧٠﴾

"Dan hukuman yang adil dijatuhkan di antara mereka dan mereka tidak sekali-kali dianiayai (69). Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap amalan yang telah dilakukannya dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(70)

Oleh sebab itu sebarang perkataan tidak perlu lagi diucapkan dan sebarang suara tidak perlu lagi disuarakan. Ayat ini menceritakan dengan ringkas proses hisab dan soal jawab yang dibentangkan di dalam pemandangan-pemandangan yang lain, kerana suasana di maqam ini ialah suasana kehebatan dan keagungan.

وَسِيقَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِلَىٰ جَهَنَّمَ زُمَرًا ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُوهَا فُتِحَتْ أَبْوَٰبُهَا

"Dan orang-orang yang kafir dibawa ke Neraka secara kumpulan-kumpulan, sehingga apabila mereka tiba di Neraka, maka pintu-pintunya dibuka."(71)

Lalu disambut oleh para penjaganya yang mencatatkan kewajaran mereka menerima 'azab Neraka dan menyebut kepada mereka sebab-sebab mereka dimasukkan ke dalam Neraka.

وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَآ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَتْلُونَ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتِ رَبِّكُمْ وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَآءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَا ۚ قَالُوا۟ بَلَىٰ وَلَٰكِنْ حَقَّتْ كَلِمَةُ ٱلْعَذَابِ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧١﴾

"Dan berkatalah para penjaganya kepada mereka: Tidakkah telah datang kepada kamu rasul-rasul dari kalangan kamu yang membaca ayat-ayat Tuhan kamu kepada kamu dan mengingatkan kamu dengan pertemuan pada hari ini. Jawab mereka: Benar! (Mereka telah datang), tetapi keputusan 'azab telah ditetapkan ke atas orang-orang yang kafir."(71)

Ayat ini menggambarkan suasana mengaku dan menyerah, bukannya melawan dan menentang. Mereka semua mengaku dan menyerah.

قِيلَ ٱدْخُلُوٓا۟ أَبْوَٰبَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۖ فَبِئْسَ مَثْوَى ٱلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٢﴾

"Lalu dikatakan (kepada mereka): Silalah masuk pintu-pintu Neraka Jahannam di mana kamu akan hidup kekal. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur."(72)

Itulah angkatan penghuni Neraka Jahannam dan itulah angkatan manusia yang angkuh. Dan bagaimana pula dengan angkatan penghuni Syurga iaitu angkatan para Muttaqin?

وَسِيقَ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ رَبَّهُمْ إِلَى ٱلْجَنَّةِ زُمَرًا ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُوهَا وَفُتِحَتْ أَبْوَٰبُهَا وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَا سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ طِبْتُمْ فَٱدْخُلُوهَا خَٰلِدِينَ ﴿٧٣﴾

"Dan dibawa pula orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka ke Syurga secara kumpulan-kumpulan sehingga apabila mereka tiba di Syurga, maka pintu-pintunya dibuka dan berkatalah para penjaga: Selamat sejahtera ke atas kamu. Kamu telah menunjukkan kebaikan, silalah masuk dan hidup kekal di dalamnya."(73)

Ayat ini menggambarkan sambutan yang baik dan sanjungan yang tinggi dan menyatakan sebab mereka dimasukkan ke dalam Syurga:

طِبْتُمْ

"Kamu telah menunjukkan kebaikan"(73)

dan kamu telah membersihkan diri kamu dari dosa-dosa. Kamu adalah orang-orang yang baik dan kamu datang ke sini sebagai orang-orang yang baik dan tiada di dalam Syurga melainkan orang yang baik dan tiada yang memasukinya melainkan orang-orang yang baik. Itulah keabadian dalam ni'mat Syurga.

Di sini bergemalah suara ahli-ahli Syurga mengucap tasbih dan tahmid.

وَقَالُوا۟ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى صَدَقَنَا وَعْدَهُۥ وَأَوْرَثَنَا ٱلْأَرْضَ نَتَبَوَّأُ مِنَ ٱلْجَنَّةِ حَيْثُ نَشَآءُ ۖ فَنِعْمَ أَجْرُ ٱلْعَـٰمِلِينَ ﴿٧٤﴾

"Lalu mereka pun berkata: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang telah menepati janji-Nya kepada kami dan telah mengurniakan kepada kami bumi (Syurga) dan dapatlah kami tinggal di dalam Syurga di mana sahaja kami kehendaki. Itulah sebaik-baik pahala bagi orang-orang yang beramal."(74)

Yakni inilah bumi Syurga yang wajar diwarisi mereka. Di sini mereka boleh tinggal di mana sahaja mereka suka dan mereka boleh mendapat apa sahaja yang diidamkan mereka.

فَنِعْمَ أَجْرُ ٱلْعَـٰمِلِينَ ﴿٧٤﴾

"Itulah sebaik-baik pahala bagi orang-orang yang beramal."(74)

Kemudian diakhiri dengan satu pemandangan yang menyelubungi jiwa dengan suasana kehebatan dan keagungan Ilahi, dan dengan pemandangan yang selaras dengan seluruh pemandangan-pemandangan tadi dan bayangannya dan dengan pernyataan yang paling sesuai untuk mengakhiri surah tauhid ini, di mana seluruh makhluk bertawajjuh kepada Allah dengan ucapan tahmid dalam suasana yang penuh khusyu' dan menyerah. Dan di mana kalimah tauhid dilafazkan setiap yang hidup dan ada dengan penuh penyerahan diri.

وَتَرَى ٱلْمَلَـٰٓئِكَةَ حَآفِّينَ مِنْ حَوْلِ ٱلْعَرْشِ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ ۖ وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْحَقِّ وَقِيلَ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٧٥﴾

"Dan engkau (wahai Muhammad)! Akan melihat para malaikat mengelilingi di sekitar 'Arasy bertasbih memuji Tuhan mereka dan hukuman yang adil telah diputuskan di antara mereka dan diucapkan segala kepujian itu terpulang kepada Tuhan semesta alam."(75)

* * * * * *

JUZU' KE-24

SURAH GHAAFIR

SURAH KE

40

سُورَةُ غَافِرٍ

SURAH GHAAFIR

Surah Yang Maha Pengampun

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

85

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 20)

حمٓ ﴿١﴾
تَنزِيلُ ٱلۡكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡعَلِيمِ ﴿٢﴾
غَافِرِ ٱلذَّنۢبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوۡبِ شَدِيدِ ٱلۡعِقَابِ ذِي ٱلطَّوۡلِۖ
لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ إِلَيۡهِ ٱلۡمَصِيرُ ﴿٣﴾
مَا يُجَٰدِلُ فِيٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فَلَا يَغۡرُرۡكَ
تَقَلُّبُهُمۡ فِي ٱلۡبِلَٰدِ ﴿٤﴾
كَذَّبَتۡ قَبۡلَهُمۡ قَوۡمُ نُوحٖ وَٱلۡأَحۡزَابُ مِنۢ بَعۡدِهِمۡۖ
وَهَمَّتۡ كُلُّ أُمَّةِۭ بِرَسُولِهِمۡ لِيَأۡخُذُوهُۖ
وَجَٰدَلُواْ بِٱلۡبَٰطِلِ لِيُدۡحِضُواْ بِهِ ٱلۡحَقَّ فَأَخَذۡتُهُمۡۖ
فَكَيۡفَ كَانَ عِقَابِ ﴿٥﴾
وَكَذَٰلِكَ حَقَّتۡ كَلِمَتُ رَبِّكَ عَلَى ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ
أَنَّهُمۡ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِ ﴿٦﴾

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (2). Yang mengampuni dosa dan penerima taubat, yang amat berat balasan-Nya dan melimpah kurnia-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia dan kepada-Nya kembali (seluruh manusia) (3). Tiada siapa yang membantah ayat-ayat Allah melainkan orang-orang yang kafir. Oleh itu janganlah engkau tertipu oleh kemewahan kehidupan mereka di dalam negeri-negeri (4). Sebelum mereka, kaum Nuh telah mendustakan (rasul-rasul-Nya) juga golongan-golongan (penentang rasul) selepas mereka, dan setiap umat ini bermaksud (jahat) terhadap rasul mereka untuk membinasakannya dan mereka membantah dengan alasan yang batil untuk melenyapkan kebenaran, lalu Aku binasakan mereka, dan lihatlah bagaimana dahsyatnya balasan-Ku itu? (5) Demikianlah telah ditetapkan keputusan 'azab daripada Tuhan engkau terhadap orang-orang kafir. Sesungguhnya mereka adalah penghuni-penghuni Neraka." (6).

ٱلَّذِينَ يَحۡمِلُونَ ٱلۡعَرۡشَ وَمَنۡ حَوۡلَهُۥ يُسَبِّحُونَ بِحَمۡدِ
رَبِّهِمۡ وَيُؤۡمِنُونَ بِهِۦ وَيَسۡتَغۡفِرُونَ لِلَّذِينَ ءَامَنُواْۖ رَبَّنَا
وَسِعۡتَ كُلَّ شَيۡءٖ رَّحۡمَةٗ وَعِلۡمٗا فَٱغۡفِرۡ لِلَّذِينَ
تَابُواْ وَٱتَّبَعُواْ سَبِيلَكَ وَقِهِمۡ عَذَابَ ٱلۡجَحِيمِ ﴿٧﴾
رَبَّنَا وَأَدۡخِلۡهُمۡ جَنَّٰتِ عَدۡنٍ ٱلَّتِي وَعَدتَّهُمۡ وَمَن
صَلَحَ مِنۡ ءَابَآئِهِمۡ وَأَزۡوَٰجِهِمۡ وَذُرِّيَّٰتِهِمۡۚ إِنَّكَ
أَنتَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ﴿٨﴾
وَقِهِمُ ٱلسَّيِّـَٔاتِۚ وَمَن تَقِ ٱلسَّيِّـَٔاتِ يَوۡمَئِذٖ
فَقَدۡ رَحِمۡتَهُۥۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ﴿٩﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ يُنَادَوۡنَ لَمَقۡتُ ٱللَّهِ أَكۡبَرُ
مِن مَّقۡتِكُمۡ أَنفُسَكُمۡ إِذۡ تُدۡعَوۡنَ إِلَى ٱلۡإِيمَٰنِ
فَتَكۡفُرُونَ ﴿١٠﴾
قَالُواْ رَبَّنَآ أَمَتَّنَا ٱثۡنَتَيۡنِ وَأَحۡيَيۡتَنَا ٱثۡنَتَيۡنِ فَٱعۡتَرَفۡنَا
بِذُنُوبِنَا فَهَلۡ إِلَىٰ خُرُوجٖ مِّن سَبِيلٖ ﴿١١﴾
ذَٰلِكُم بِأَنَّهُۥٓ إِذَا دُعِيَ ٱللَّهُ وَحۡدَهُۥ كَفَرۡتُمۡ
وَإِن يُشۡرَكۡ بِهِۦ تُؤۡمِنُواْۚ فَٱلۡحُكۡمُ لِلَّهِ ٱلۡعَلِيِّ
ٱلۡكَبِيرِ ﴿١٢﴾

"Malaikat-malaikat yang menanggung 'Arasy dan malaikat-malaikat yang berada di sekelilingnya adalah bertasbih memuji Tuhan mereka dan beriman kepada-Nya, dan mereka memohon keampunan untuk orang-orang yang

beriman (dengan do'a): Wahai Tuhan kami! Rahmat dan ilmu-Mu meliputi segala sesuatu. Oleh itu kurniakanlah keampunan kepada orang-orang yang bertaubat dan mengikut jalan-Mu dan lindungilah mereka dari 'azab Neraka (7). Wahai Tuhan kami! Masukkanlah mereka ke dalam Syurga-syurga 'Adni yang Engkau telah janjikan kepada mereka dan masukkan bersama mereka orang-orang yang soleh dari ibubapa-ibubapa mereka dan isteri-isteri mereka dan zuriat keturunan mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (8). Dan lindungilah mereka dari kejahatan-kejahatan, dan barang siapa yang Engkau peliharakannya dari kejahatan-kejahatan pada hari itu, maka sesungguhnya Engkau telah mengurniakan rahmat kepadanya, dan itulah keberuntungan yang amat besar (9). Sesungguhnya orang-orang kafir diseru (pada hari Qiamat): Sesungguhnya kebencian Allah itu lebih besar dari kebencian kamu terhadap diri kamu sendiri kerana kamu diseru kepada keimanan lalu kamu ingkarkannya (10). Mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Engkau telah mematikan kami dua kali dan menghidupkan kami dua kali, dan kami telah akui dosa-dosa kami. Oleh itu adakah jalan keluar (dari Neraka)? (11) Balasan yang sedemikian ialah kerana apabila disebut Allah Yang Tunggal sahaja kamu ingkarkannya, dan apabila disekutukannya kamu beriman. Oleh itu hukuman adalah terpulang kepada Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar." (12).

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ وَيُنَزِّلُ لَكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ رِزْقًا ۚ
وَمَا يَتَذَكَّرُ إِلَّا مَن يُنِيبُ ﴿١٣﴾
فَٱدْعُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ
ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١٤﴾
رَفِيعُ ٱلدَّرَجَٰتِ ذُو ٱلْعَرْشِ يُلْقِى ٱلرُّوحَ مِنْ أَمْرِهِۦ
عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ لِيُنذِرَ يَوْمَ ٱلتَّلَاقِ ﴿١٥﴾
يَوْمَ هُم بَٰرِزُونَ ۖ لَا يَخْفَىٰ عَلَى ٱللَّهِ مِنْهُمْ شَىْءٌ ۚ لِّمَنِ ٱلْمُلْكُ
ٱلْيَوْمَ ۖ لِلَّهِ ٱلْوَٰحِدِ ٱلْقَهَّارِ ﴿١٦﴾
وَأَنذِرْهُمْ يَوْمَ ٱلْءَازِفَةِ إِذِ ٱلْقُلُوبُ لَدَى ٱلْحَنَاجِرِ
كَٰظِمِينَ ۚ مَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنْ حَمِيمٍ وَلَا شَفِيعٍ
يُطَاعُ ﴿١٨﴾
يَعْلَمُ خَآئِنَةَ ٱلْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِى ٱلصُّدُورُ ﴿١٩﴾
وَٱللَّهُ يَقْضِى بِٱلْحَقِّ ۖ وَٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ
لَا يَقْضُونَ بِشَىْءٍ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿٢٠﴾

"Dialah yang memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan menurunkan rezeki untuk kamu dari langit. Dan tiada yang mengingati (ni'mat-Nya) melainkan orang yang kembali (kepada Allah) (13). Oleh itu sembahkanlah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya walaupun dibenci oleh orang-orang kafir (14). Dialah Yang Maha Tinggi darjat-Nya dan yang mempunyai 'Arasy. Dia menurunkan wahyu dari urusan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya dari antara hamba-hamba-Nya untuk mengingatkan (manusia) tentang Hari Pertemuan (Qiamat) (15). Iaitu pada hari mereka muncul dengan begitu nyata. Tiada satu pun dari keadaan mereka tersembunyi dari (ilmu) Allah. Siapakah yang memiliki kerajaan pada hari ini? Ia dimiliki Allah Yang Maha Esa dan Maha Besar (16). Pada hari ini setiap orang dibalas dengan amalan yang diusahakannya. Tiada sebarang penganiayaan pada hari ini. Sesungguhnya Allah amat pantas hisab-Nya (17). Dan berilah amaran kepada mereka tentang hari Qiamat yang hampir tiba ketika hati-hati manusia sebak hingga ke kerongkong kerana menahan perasaan duka nestapa dan menyesal. Orang-orang yang zalim tidak akan mendapat seorang pun sahabat setia dan tidak pula akan mendapat sebarang pemberi syafa'at yang diterima syafa'atnya (18). Dia mengetahui jelingan mata yang serong dan segala rahsia yang disembunyikan di dalam dada (19). Dan Allahlah sahaja yang memutuskan hukuman dengan adil, sedangkan sembahan-sembahan yang mereka sembah selain Allah tidak memutuskan sesuatu hukuman pun. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(20)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini membicarakan persoalan kebenaran dan kebatilan, persoalan keimanan dan kekufuran, persoalan da'wah dan pendustaan terhadap da'wah. Dan pada akhirnya ia membicarakan persoalan berlagak angkuh dan sewenang-wenang di muka bumi tanpa alasan yang benar di samping menerangkan 'azab keseksaan Allah yang menimpa orang-orang yang angkuh dan sewenang-wenang. Dan di celah-celah persoalan ini ia memperkatakan tentang kedudukan orang-orang yang beriman, yang menerima hidayat dan ta'at, yang mendapat pertolongan dari Allah, mendapat istighfar dari malaikat, mendapat pengabulan do'a dari Allah di samping menerangkan ni'mat-ni'mat yang menunggu mereka di Akhirat.

Oleh kerana itu keseluruhan suasana surah ini seolah-olah suasana pertempuran, iaitu pertempuran di antara kebenaran dan kebatilan, di antara keimanan dan keterlaluan, di antara orang-orang yang angkuh dan sewenang-wenang di bumi dengan 'azab Allah yang membinasakan mereka. Dan di celah-celah suasana itu terdapat hembusan bayu-bayu rahmat dan keredhaan Ilahi ketika disebut para Mu'minin.

Suasana itu jelas tergambar ketika dibentangkan kisah kebinasaan orang-orang yang dahulu kala dan ketika ditayangkan pemandangan-pemandangan Qiamat. Kisah-kisah itu disebut dengan jelas berulang-ulang di sana sini di dalam surah ini dan ditayangkan dengan gambaran yang dahsyat dan ngeri sesuai dengan suasana keseluruhan surah yang membawa ciri-ciri dahsyat dan ngeri.

Sesuai dengan ciri ini, surah ini dibuka dengan kata-kata yang mempunyai nada-nada yang istimewa:

غَافِرِ ٱلذَّنۢبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوۡبِ شَدِيدِ ٱلۡعِقَابِ ذِي ٱلطَّوۡلِۖ
لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ إِلَيۡهِ ٱلۡمَصِيرُ ٣

"Yang mengampuni dosa dan menerima taubat, yang amat berat balasan-Nya dan melimpah kurnia-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia dan kepada-Nya kembali (seluruh manusia)."(3)

Nada ayat-ayat ini seolah-olah ketukan-ketukan tukul yang teratur dan tetap, sedangkan makna dari kata-kata ayat ini juga menolong menguatkan paluan nada-nada itu.

Begitu juga kata-kata 'azab (لبأسا), 'azab Allah (بأس الله) dan 'azab Kami (بأسنا) disebut berulang-ulang dan di berbagai-bagai tempat dalam surah ini. Dan di sana terdapat kata-kata dahsyat dan ngeri yang lain lagi sama ada dari segi sebutan atau dari segi maknanya.

* * * * * *

Pada umumnya seluruh surah ini seolah-olah merupakan tukul-tukul yang mengetuk hati manusia dan mempengaruhinya dengan keras ketika ditayangkan pemandangan-pemandangan Qiamat dan kisah-kisah kebinasaan orang yang dahulu kala. Kadang-kadang ketukan itu berubah kepada sentuhan-sentuhan dan paluan-paluan yang lembut ketika ia menayangkan pemandangan malaikat-malaikat yang menjunjung 'Arasy dan malaikat-malaikat yang berada di sekelilingnya yang berdo'a kepada Allah supaya mengurniakan keampunan kepada hamba-hamba-Nya yang Mu'min atau ketika ia ditayangkan bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat pada alam buana dan pada diri manusia.

Di sini kami kemukakan beberapa contoh yang menggambarkan suasana dan bayangannya dari kedua-dua bukti itu.

Di antara contoh yang menayangkan kisah kebinasaan orang-orang yang dahulu kala ialah :

كَذَّبَتۡ قَبۡلَهُمۡ قَوۡمُ نُوحٖ وَٱلۡأَحۡزَابُ مِنۢ بَعۡدِهِمۡۖ
وَهَمَّتۡ كُلُّ أُمَّةِۭ بِرَسُولِهِمۡ لِيَأۡخُذُوهُۖ
وَجَٰدَلُواْ بِٱلۡبَٰطِلِ لِيُدۡحِضُواْ بِهِ ٱلۡحَقَّ فَأَخَذۡتُهُمۡۖ
فَكَيۡفَ كَانَ عِقَابِ ٥

"Sebelum mereka, kaum Nuh telah mendustakan (rasul-rasul-Nya) juga golongan-golongan (penentang rasul) selepas mereka, dan setiap umat ini bermaksud (jahat) terhadap rasul mereka untuk membinasakannya, dan mereka membantah dengan alasan yang batil untuk melenyapkan kebenaran, lalu Aku binasakan mereka dan lihatlah bagaimana dahsyatnya balasan-Ku itu?"(5)

أَوَلَمۡ يَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَيَنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ
ٱلَّذِينَ كَانُواْ مِن قَبۡلِهِمۡۚ كَانُواْ هُمۡ أَشَدَّ مِنۡهُمۡ قُوَّةٗ
وَءَاثَارٗا فِي ٱلۡأَرۡضِ فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُ بِذُنُوبِهِمۡ وَمَا
كَانَ لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ مِن وَاقٖ ٢١
ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ كَانَت تَّأۡتِيهِمۡ رُسُلُهُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِ
فَكَفَرُواْ فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُۚ إِنَّهُۥ قَوِيّٞ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ٢٢

"Tidakkah mereka menjelajah di muka bumi dan memperhatikan bagaimana akibat yang menimpa orang-orang (kafir) yang terdahulu dari mereka? Mereka itu adalah lebih kuat dari mereka dari segi kekuatan dan kesan-kesan peninggalan mereka di bumi. Allah telah membinasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan tiada siapa pun yang dapat melindungkan mereka dari 'azab Allah (21). Balasan yang demikian kerana rasul-rasul telah datang kepada mereka membawa bukti-bukti yang jelas tetapi mereka ingkarkannya, lalu Allah binasakan mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuat dan amat berat balasan-Nya."(22)

Di antara contoh yang menayangkan pemandangan-pemandangan Qiamat ialah:

وَأَنذِرۡهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡأٓزِفَةِ إِذِ ٱلۡقُلُوبُ لَدَى ٱلۡحَنَاجِرِ
كَٰظِمِينَۚ مَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنۡ حَمِيمٖ وَلَا شَفِيعٖ
يُطَاعُ ١٨

"Dan berilah amaran kepada mereka tentang hari Qiamat yang hampir tiba ketika hati-hati manusia sebak hingga ke kerongkong kerana menahan perasaan duka nestapa dan menyesal. Orang-orang yang zalim tidak akan mendapat seorang pun sahabat setia dan tidak pula akan mendapat sebarang pemberi syafa'at yang diterima syafa'atnya (18).

ٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِٱلۡكِتَٰبِ وَبِمَآ أَرۡسَلۡنَا بِهِۦ رُسُلَنَاۖ
فَسَوۡفَ يَعۡلَمُونَ ٧٠
إِذِ ٱلۡأَغۡلَٰلُ فِيٓ أَعۡنَٰقِهِمۡ وَٱلسَّلَٰسِلُ يُسۡحَبُونَ ٧١
فِي ٱلۡحَمِيمِ ثُمَّ فِي ٱلنَّارِ يُسۡجَرُونَ ٧٢

"Iaitu orang-orang yang telah mendustakan kitab Al-Qur'an dan perutusan-perutusan yang Kami kirimkannya kepada rasul-rasul Kami. Oleh itu kelak mereka akan mengetahui (70). Ketika belenggu-belenggu dan rantai-rantai dipasang di leher mereka lalu mereka diseret (71). Ke dalam air yang amat panas kemudian mereka dibakar di dalam Neraka."(72)

Di antara contoh sentuhan-sentuhan yang lembut ialah pemandangan malaikat-malaikat penanggung 'Arasy yang berdo'a dengan khusyu' :

ٱلَّذِينَ يَحْمِلُونَ ٱلْعَرْشَ وَمَنْ حَوْلَهُۥ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيُؤْمِنُونَ بِهِۦ وَيَسْتَغْفِرُونَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ رَبَّنَا وَسِعْتَ كُلَّ شَىْءٍ رَّحْمَةً وَعِلْمًا فَٱغْفِرْ لِلَّذِينَ تَابُوا۟ وَٱتَّبَعُوا۟ سَبِيلَكَ وَقِهِمْ عَذَابَ ٱلْجَحِيمِ ﴿٧﴾ رَبَّنَا وَأَدْخِلْهُمْ جَنَّـٰتِ عَدْنٍ ٱلَّتِى وَعَدتَّهُمْ وَمَن صَلَحَ مِنْ ءَابَآئِهِمْ وَأَزْوَٰجِهِمْ وَذُرِّيَّـٰتِهِمْ ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٨﴾ وَقِهِمُ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ۚ وَمَن تَقِ ٱلسَّيِّـَٔاتِ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمْتَهُۥ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٩﴾

"Malaikat-malaikat yang menanggung 'Arasy dan malaikat-malaikat yang berada di sekelilingnya adalah bertasbih memuji Tuhan mereka dan beriman kepada-Nya, dan mereka memohon keampunan untuk orang-orang yang beriman (dengan do'a): Wahai Tuhan kami! Rahmat dan ilmu-Mu meliputi segala sesuatu. Oleh itu kurniakanlah keampunan kepada orang-orang yang bertaubat dan mengikut jalan-Mu dan lindungilah mereka dari 'azab Neraka (7). Wahai Tuhan kami! Masukkanlah mereka ke dalam Syurga-syurga 'Adni yang Engkau telah janjikan kepada mereka dan masukkan bersama mereka orang-orang yang soleh dari ibubapa-ibubapa mereka dan isteri-isteri mereka dan zuriat keturunan mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (8). Dan lindungilah mereka dari kejahatan-kejahatan, dan barang siapa yang Engkau peliharakannya dari kejahatan-kejahatan pada hari itu, maka sesungguhnya Engkau telah mengurniakan rahmat kepadanya, dan itulah keberuntungan yang amat besar."(9)

Di antara sentuhan-sentuhan yang menarik ialah pembentangan bukti-bukti kekuasaan Allah pada kejadian diri manusia dan pada kejadian alam buana ialah:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوٓا۟ أَشُدَّكُمْ ثُمَّ لِتَكُونُوا۟ شُيُوخًا ۚ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ مِن قَبْلُ ۖ وَلِتَبْلُغُوٓا۟ أَجَلًا مُّسَمًّى وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾

"Dialah yang telah menciptakan kamu dari tanah kemudian dari nutfah kemudian dari segumpal darah kemudian kamu dilahirkan sebagai seorang kanak-kanak kemudian kamu (terus dibesarkan) supaya kamu sampai ke usia dewasa kemudian supaya kamu sampai ke usia orang-orang yang tua, dan di antara kamu ada yang diwafatkan sebelum usia itu, dan seterusnya supaya kamu sampai kepada ajal yang telah ditentukan dan supaya kamu berfikir."(67)

هُوَ ٱلَّذِى يُحْىِۦ وَيُمِيتُ ۖ فَإِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٦٨﴾

"Dialah yang menghidup dan mematikan. Dan apabila Dia telah menetapkan kewujudan sesuatu, maka Dia hanya berkata kepadanya: Jadilah! Maka ia terus jadi."(68)

ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَٱلنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَـٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٦١﴾ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ خَـٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ لَّآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٦٢﴾

"Allah yang telah menjadikan malam untuk kamu beristirehat padanya dan menjadikan siang itu terang benderang. Sesungguhnya Allah mempunyai kurnia yang melimpah-limpah atas manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur."(61)"Itulah Allah Tuhan kamu Pencipta segala sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Dia. Bagaimanakah kamu dapat dipesongkan?"(62)

ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ قَرَارًا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءً وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَـٰتِ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ ۖ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٦٤﴾

"Allahlah yang telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai tempat kediaman dan langit sebagai binaan yang kukuh, dan Dialah yang membentuk rupa kamu dan mengelokkan rupa paras kamu serta memberi rezeki kepada kamu dari benda-benda yang baik. Itulah Allah Tuhan kamu. Maha Tinggilah Tuhan semesta alam."(64)

Inilah contoh-contoh yang menggambarkan suasana surah dan melukiskan bayangannya yang selaras dengan maudhu' dan cirinya.

* * * * * *

Surah ini mengolahkan maudhu'-maudhu' pembicaraannya dalam empat pusingan yang berbeza.

Pusingan pertama dimulakan dengan pembukaan surah dengan huruf-huruf potongan:

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلُ ٱلْكِتَـٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٢﴾

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(2)

Kemudian diiringi dengan nada-nada pernyataan yang teguh dan kukuh:

غَافِرِ ٱلذَّنۢبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوۡبِ شَدِيدِ ٱلۡعِقَابِ ذِى ٱلطَّوۡلِۖ
لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ إِلَيۡهِ ٱلۡمَصِيرُ ٣

"Yang mengampunkan dosa dan menerima taubat, yang amat berat balasan-Nya dan melimpah kurnia-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia dan kepada-Nya kembali (seluruh makhluk)."(3)

Kemudian ia menjelaskan bahawa seluruh makhluk itu menyerah diri kepada Allah dan tiada yang menyangkal ayat-ayat Allah kecuali orang-orang yang kafir. Mereka memencilkan diri mereka dari seluruh makhluk yang lain dengan sangkalan ini. Kerana itu mereka tidak wajar dihiraukan oleh Rasulullah s.a.w. biarpun bagaimana mewahnya kehidupan mereka, kerana mereka sekalian sedang menuju ke arah kebinasaan yang telah menimpa golongan-golongan pendusta sebelum mereka yang telah diazab Allah dengan 'azab yang wajar dikagumkan. Dan di samping 'azab dunia, mereka ditunggu pula oleh 'azab di Akhirat. Sementara itu para malaikat yang menjunjung 'Arasy dan malaikat yang berada di sekelilingnya mengumumkan keimanan mereka kepada Allah dan menumpukan ibadat mereka kepada-Nya dan memohon keampunan untuk orang-orang yang beriman di bumi dan dalam waktu yang sama ditayangkan pemandangan orang-orang kafir pada hari Qiamat yang diseru oleh seluruh makhluk yang beriman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ يُنَادَوۡنَ لَمَقۡتُ ٱللَّهِ أَكۡبَرُ
مِن مَّقۡتِكُمۡ أَنفُسَكُمۡ إِذۡ تُدۡعَوۡنَ إِلَى ٱلۡإِيمَٰنِ
فَتَكۡفُرُونَ ١٠

"Sesungguhnya orang-orang kafir diseru (pada hari Qiamat): Sesungguhnya kebencian Allah itu lebih besar dari kebencian kamu terhadap diri kamu sendiri kerana kamu diseru kepada keimanan lalu kamu ingkarkannya."(10)

Mereka berada dalam kedudukan yang hina dan kecewa setelah mereka berlagak angkuh dan sombong. Mereka mengakui dosa-dosa mereka dan mengakui Uluhiyah Allah, tetapi pengakuan itu tidak lagi berguna kepada mereka, malah perbuatan syirik dan sifat angkuh mereka terus disebut-sebut.

Dan dari situasi berada di hadapan Allah pada hari Akhirat, Al-Qur'an kembali pula membawa manusia kepada Allah di dunia:

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ وَيُنَزِّلُ لَكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ رِزۡقٗاۚ
وَمَا يَتَذَكَّرُ إِلَّا مَن يُنِيبُ ١٣

"Dialah yang memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan menurunkan rezeki untuk kamu dari langit. Dan tiada yang mengingati (ni'mat-Nya) melainkan orang yang kembali (kepada Allah)."(13)

Dan mengingatkan mereka supaya mereka kembali kepada Allah dan mentauhidkan-Nya:

فَٱدۡعُواْ ٱللَّهَ مُخۡلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ وَلَوۡ كَرِهَ
ٱلۡكَٰفِرُونَ ١٤

"Oleh itu sembahkanlah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya walaupun dibenci oleh orang-orang kafir."(14)

Kemudian ia menyebut tentang wahyu dan amaran dengan hari yang amat gawat itu kemudian terus menayangkan pemandangan mereka pada hari Qiamat:

يَوۡمَ هُم بَٰرِزُونَۖ

"Iaitu pada hari mereka muncul dengan begitu nyata."(16)

di mana lenyapnya manusia-manusia yang sewenang-wenang, angkuh dan suka membantah.

لِّمَنِ ٱلۡمُلۡكُ ٱلۡيَوۡمَۖ لِلَّهِ ٱلۡوَٰحِدِ ٱلۡقَهَّارِ ١٦

"Siapakah yang memiliki kerajaan pada hari ini? Ia dimiliki Allah Yang Maha Esa dan Maha Besar."(16)

Kemudian ia terus menayangkan pemandangan hari Qiamat, di mana hanya Allah sahaja yang berkuasa menjatuhkan hukuman pada hari itu, dan seluruh tuhan-tuhan yang disembah mereka semuanya hilang lenyap seperti lenyapnya manusia-manusia pelampau dan manusia-manusia yang zalim.

Pusingan yang kedua dimulakan dengan kisah kebinasaan umat yang dahulu kala sebelum mereka sebagai pendahuluan untuk mengemukakan sebahagian dari kisah Musa a.s. bersama Fir'aun, Haman dan Qarun, iaitu kisah yang menggambarkan sikap-sikap zalim dan sewenang-wenang terhadap da'wah agama yang benar. Dan di dalam kisah ini dibentangkan satu babak baru yang belum pernah diceritakan sebelum ini di dalam kisah Musa. Ia tidak diceritakan melainkan hanya di dalam surah ini sahaja. Babak itu ialah kisah kemunculan seorang lelaki yang Mu'min dari keluarga Fir'aun yang menyembunyikan keimanannya. Orang ini telah mempertahankan Musa ketika mereka merancang untuk membunuhnya. Mula-mula ia mengisytiharkan 'aqidah yang benar dan keimanannya itu dengan cara sembunyi-sembunyi dan berhati-hati, setelah itu dia mengumumkannya dengan terus terang dan jelas. Orang ini juga telah mengemukakan hujah-hujah yang benar dan alasan-alasan yang kuat dalam percakapannya dengan Fir'aun. Dia mengingatkan baginda dengan hari Qiamat dan menayangkan beberapa pemandangannya dengan uslub yang berkesan. Ia mengingatkan dengan pendirian mereka dan pendirian generasi-generasi umat sebelum mereka terhadap Yusuf a.s. dan kerasulannya. Kemudian Al-Qur'an meneruskan kisah itu sehingga ke hujungnya iaitu sampai di Akhirat. Tiba-tiba mereka berada di sana. Mereka bertengkar di dalam Neraka...dan tiba-

tiba berlangsunglah satu dialog di antara pengikut-pengikut yang lemah dan pemimpin-pemimpin yang angkuh. Juga dialog mereka dengan pengawal-pengawal Neraka Jahanam untuk mencari keselamatan, tetapi malangnya mereka tidak akan dapat melepaskan diri. Kemudian dalam bayangan pemandangan ini Allah mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya bersabar dan yakin kepada janji Allah yang benar dan bertawajjuh kepada-Nya dengan tasbih, tahmid dan istighfar.

Pusingan yang ketiga pula dimulakan dengan satu penjelasan iaitu orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa hujah dan bukti adalah didorong oleh keangkuhan mereka terhadap kebenaran, sedangkan mereka terlalu kecil dan kerdil untuk berlagak takbur. Al-Qur'an juga menarik hati mereka supaya memandang alam buana yang besar yang telah diciptakan Allah itu, iaitu alam buana yang, lebih besar dari seluruh manusia dengan harapan supaya orang-orang yang takbur itu merasa kecil di hadapan keagungan penciptaan Allah dan supaya mata hati mereka tidak lagi buta:

وَمَا يَسْتَوِي ٱلۡأَعۡمَىٰ وَٱلۡبَصِيرُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ
وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَلَا ٱلۡمُسِيٓءُۚ قَلِيلٗا مَّا
تَتَذَكَّرُونَ ﴿٥٨﴾

"Dan tiada sama si buta dengan si celik dan tidak pula sama orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dengan orang yang melakukan kejahatan. Amat sedikit kamu mengambil pengajaran."(58)

Kemudian Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan kedatangan hari Qiamat dan menyuruh mereka supaya berdo'a kepada Allah yang memperkenankan do'a. Adapun orang-orang yang takbur, mereka akan memasuki Neraka dengan keadaan hina-dina. Dan di sini Al-Qur'an mengemukakan beberapa bukti kekuasaan Allah di dalam kejadian-kejadian alam yang mereka lalui dengan sikap yang lalai, iaitu kejadian malam sebagai waktu tenang untuk berehat dan waktu siang sebagai waktu yang terang benderang untuk berusaha, juga kejadian bumi sebagai tempat kediaman dan langit sebagai bangunan yang amat kukuh. Dan seterusnya Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan diri mereka sendiri yang telah dijadikan Allah dengan sebaik-baik kejadian dan menyuruh mereka menyembah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya, juga mengajar Rasulullah s.a.w. supaya membersihkan diri dari ibadat mereka dan menyatakan bahawa Allah melarangnya dari menyembah tuhan-tuhan mereka dan menyuruhkannya supaya menyerah diri kepada Allah Tuhan semesta alam. Ia menyentuh hati mereka supaya sedar bahawa Allah Yang Maha Esa itu telah menciptakan mereka dari tanah kemudian dari nutfah dan Dialah yang menghidup dan mematikan. Setelah itu ia kembali menyatakan kehairanan kepada Rasulullah s.a.w. terhadap perbuatan orang-orang kafir yang menyangkal-kan Allah, dan memberi amaran kepada mereka dengan 'azab hari Qiamat menerusi satu pemandangan yang dahsyat:

إِذِ ٱلۡأَغۡلَٰلُ فِيٓ أَعۡنَٰقِهِمۡ وَٱلسَّلَٰسِلُ يُسۡحَبُونَ ﴿٧١﴾
فِي ٱلۡحَمِيمِ ثُمَّ فِي ٱلنَّارِ يُسۡجَرُونَ ﴿٧٢﴾

"Ketika belenggu-belenggu dan rantai-rantai dipasang di leher mereka lalu mereka diseret (71). Ke dalam air yang amat panas kemudian mereka dibakar di dalam Neraka."(72)

Ketika itu tuhan-tuhan yang disembah mereka berlepas diri dari mereka, malah mereka sendiri ingkarkan bahawa mereka menyembah sesuatu. Dan nasib mereka tetap berakhir di Neraka, dimana dikatakan mereka:

ٱدۡخُلُوٓاْ أَبۡوَٰبَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَاۖ فَبِئۡسَ مَثۡوَى
ٱلۡمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٦﴾

"Masuklah kamu pintu-pintu Neraka, di mana kamu tinggal kekal abadi. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur."(76)

Dalam sorotan pemandangan ini Allah menyuruh Rasul-Nya sekali lagi supaya bersabar dan yakin bahawa janji Allah itu tetap benar sama ada beliau sempat melihatnya atau beliau diwafatkan sebelum sempat melihatnya. Janji itu akan tetap terlaksana.

Pusingan yang akhir surah ini berhubung rapat dengan pusingan yang ketiga. Setelah mengarah Rasulullah s.a.w. supaya bersabar dan menunggu janji Allah, Al-Qur'an menyebut bahawa Allah telah pun mengutus ramai rasul-rasul sebelumnya:

وَلَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا رُسُلٗا مِّن قَبۡلِكَ مِنۡهُم مَّن قَصَصۡنَا
عَلَيۡكَ وَمِنۡهُم مَّن لَّمۡ نَقۡصُصۡ عَلَيۡكَۗ وَمَا كَانَ
لِرَسُولٍ أَن يَأۡتِيَ بِـَٔايَةٍ إِلَّا بِإِذۡنِ ٱللَّهِۚ

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan para rasul sebelummu, di antara mereka ada yang Kami telah ceritakan kisah mereka kepadamu dan ada pula di antara mereka yang belum lagi Kami ceritakan kisah mereka kepadamu. Dan seorang rasul tidak berkuasa membawa sesuatu mu'jizat kecuali dengan keizinan Allah."(78)

Di samping itu di sana terdapat berbagai-bagai bukti kekuasaan Allah di alam buana dan berbagai-bagai bukti yang dekat di hadapan mereka, tetapi mereka cuai dari memikirkannya dengan teliti. Lihatlah binatang-binatang ternakan siapakah yang menciptakannya? Lihatlah kapal-kapal yang mengangkut mereka, bukankah ia suatu bukti kekuasaan Allah yang dapat dilihat mereka? Lihatlah kisah-kisah kebinasaan umat-umat dahulu kala, tidakkah kisah mereka menimbulkan keinsafan dan taqwa di dalam hati mereka? Kemudian surah ini diakhiri dengan satu cerita kebinasaan para pendusta.

Apabila mereka melihat 'azab Allah mereka terus beriman:

فَلَمْ يَكُ يَنفَعُهُمْ إِيمَٰنُهُمْ لَمَّا رَأَوْا۟ بَأْسَنَا ۖ سُنَّتَ ٱللَّهِ
ٱلَّتِى قَدْ خَلَتْ فِى عِبَادِهِۦ ۖ وَخَسِرَ هُنَالِكَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨٥﴾

"Maka sekali-kali tidaklah berguna kepada mereka iman mereka ketika melihat 'azab Kami itu. Itulah Sunnatullah yang telah berlaku ke atas hamba-hamba-Nya. Dan di sana rugilah orang-orang yang kafir."(85)

Ayat yang akhir ini menggambarkan kesudahan manusia-manusia yang takbur yang sesuai dengan suasana surah, bayangannya dan cirinya yang kuat.

Kini marilah kita membincangkan ayat-ayat surah ini dengan terperinci:

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلُ ٱلْكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٢﴾
غَافِرِ ٱلذَّنۢبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوْبِ شَدِيدِ ٱلْعِقَابِ ذِى ٱلطَّوْلِ ۖ
لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ إِلَيْهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٣﴾

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (2). Yang mengampunkan dosa dan menerima taubat, yang amat berat balasan-Nya dan melimpah kurnia-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia dan kepada-Nya kembali (seluruh makhluk)."(3)

Surah ini merupakan permulaan dari tujuh surah yang dimulakan dengan dua huruf **"Haa. Miim"** termasuk satu surah yang disebut selepas dua huruf ini tiga huruf yang lain iaitu **"'Aiin. Siin Qaaf"**. Sebelum ini telah pun dijelaskan tentang maksud huruf-huruf potongan di awal surah, iaitu maksudnya ialah untuk menerangkan bahawa Al-Qur'an ini adalah digubah dari huruf-huruf tersebut, iaitu huruf-huruf bahasa mereka sendiri yang mereka gunakannya di dalam percakapan dan tulisan mereka. Kemudian diiringi dengan penjelasan mengenai turunnya Al-Qur'an, iaitu salah satu hakikat yang diterangkan berulang-ulang kali terutama di dalam surah-surah Makkiyah untuk membina dan menegakkan 'aqidah:

تَنزِيلُ ٱلْكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٢﴾

"Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(2)

Sifat-sifat Allah Yang Menguasai Kewujudan Dan Kehidupan Manusia

Ia merupakan semata-mata penjelasan sebagai titik tolak untuk memperkenalkan beberapa sifat Allah yang telah menurunkan kitab ini, iaitu sifat-sifat yang ada hubungan secara langsung dengan persoalan-persoalan yang dibicarakan oleh surah ini:

ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٢﴾
غَافِرِ ٱلذَّنۢبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوْبِ شَدِيدِ ٱلْعِقَابِ ذِى ٱلطَّوْلِ ۖ
لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ إِلَيْهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٣﴾

"Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (2). Yang mengampunkan dosa dan menerima taubat, yang amat berat balasan-Nya dan melimpah-ruah kurnia-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia dan kepada-Nya kembali (seluruh manusia)."(3)

Allah bersifat dengan sifat ilmu, mengampun dosa, menerima taubat, mengenakan balasan yang berat, memberi kurnia dan ni'mat yang melimpah-ruah. Dialah satu-satunya Tuhan dan satu-satunya titik kembalinya seluruh makhluk.

Seluruh pembicaraan surah ini mempunyai hubungan dengan konsep sifat-sifat ini iaitu sifat-sifat yang disebut dipermulaan surah dengan nada-nada yang lantang dan struktur kata-kata yang kuat yang membayangkan kemantapan dan keteguhannya.

Allah S.W.T. memperkenalkan diri-Nya kepada manusia dengan sifat-sifat-Nya yang mempunyai kesan dalam kehidupan dan kewujudan mereka. Dia menyentuh hati dan perasaan mereka dengan sifat-sifat itu untuk membangkitkan harapan dan minat mereka terhadap-Nya di samping merangsangkan ketakutan dan menimbulkan kesedaran bahawa mereka sentiasa berada di dalam genggaman qudrat-Nya dan tidak dapat mengelakkan diri mereka dari tadbir-Nya. Di antara sifat-sifat ini ialah:

"Maha Perkasa" (العزيز) yakni Maha Kuat dan Maha Berkuasa, yang menguasai dan tidak dikuasai, yang mentadbir tanpa diganggu sesiapa.

"Yang Maha Mengetahui" (العليم) yakni yang mentadbir seluruh alam al-wujud dengan ilmu pengetahuan yang sempurna. Tiada suatu pun yang tersembunyi dan terkeluar dari ilmu pengetahuan-Nya.

"Yang mengampunkan dosa" (غافر الذنب) yakni mema'afkan dosa-dosa hamba-Nya yang diketahui-Nya wajar menerima keampunan dari-Nya.

"Yang menerima taubat" (وقابل التوب) yakni yang menerima taubat dari hamba-hamba-Nya yang melakukan maksiat. Dia menerima mereka kembali ke pangkuan-Nya dan membuka pintu-Nya tanpa pengawal.

"Yang amat berat balasan-Nya" (شديد العقاب) yakni yang membinasakan manusia-manusia yang angkuh dan menghukumkan manusia-manusia yang degil, tidak bertaubat dan tidak memohon keampunan.

"Yang melimpah-ruah kurnia-Nya" (ذي الطول) yakni Dia memberi dan mengurniakan ni'mat-ni'mat yang

melimpah-ruah dan memberi balasan kebaikan yang berganda-ganda dan tanpa hisab.

"Tiada Tuhan melainkan Dia" (لا إله إلا هو) yakni sifat Uluhiyah itu hanya kepunyaan Allah sahaja, tiada sekutu dan tiada tolok banding baginya.

"Kepada-Nya kembali (seluruh makhluk)" (إليه المصير) yakni tiada siapa yang boleh mengelak dari hisab-Nya dan boleh lari dari pertemuan dengan-Nya. Semuanya kembali kepada-Nya.

Demikianlah jelasnya hubungan Allah dengan hamba-hamba-Nya dan hubungan hamba-hamba dengan-Nya, iaitu jelas dan ketara pada perasaan-perasaan, pemikiran-pemikiran dan tanggapan-tanggapan mereka. Oleh itu mereka mengetahui bagaimana mereka berinteraksi dengan Allah dengan penuh kesedaran dan kepekaan, dan dengan penuh pengetahuan terhadap segala apa yang menyebabkan kemurkaan Allah dan segala apa yang membawa kepada keredhaan-Nya.

Orang-orang yang menganut kepercayaan-kepercayaan dongeng yang karut hidup dalam keadaan bingung dengan tuhan-tuhan mereka. Mereka tidak mengetahui sifat-sifat yang tepat mengenai tuhan-tuhan itu. Mereka tidak tahu dengan jelas, apakah perkara-perkara yang menimbulkan kemurkaan kepada tuhan-tuhan itu dan apakah perkara-perkara yang membawa kepada keredhaan mereka? Menurut tanggapan mereka tuhan-tuhan itu mempunyai kemahuan-kemahuan yang berubah-ubah, kehendak-kehendak yang tidak menentu, arah-arah tujuan yang kabur dan emosi-emosi yang cepat meledak. Oleh sebab itulah mereka sentiasa hidup dalam kebimbangan dan kegelisahan untuk melayani kehendak tuhan-tuhan itu. Mereka mencari-cari jalan untuk mendapat keredhaan mereka dengan berbagai-bagai jampi mentera, azimat-azimat, korban-korban dan persembelihan-persembelihan, dan namun demikian mereka tidak juga pasti sama ada tuhan-tuhan itu murka atau suka kepada mereka melainkan secara agak-agak dan sangkaan-sangkaan sahaja.

Islam datang dengan penjelasan yang terang. Ia menghubungkan manusia dengan Tuhan mereka yang sebenar. Ia memperkenalkan kepada mereka segala sifat-sifat-Nya dan menerangkan kepada mereka segala kehendak dan kemahuan-Nya. Ia mengajar mereka bagaimana hendak mendampingkan diri kepada-Nya, bagaimana hendak mendapatkan rahmat-Nya dan mengelakkan 'azab-Nya. Semuanya diterangkan dengan jelas dan lurus.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 6)

مَا يُجَٰدِلُ فِيٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فَلَا يَغۡرُرۡكَ تَقَلُّبُهُمۡ فِي ٱلۡبِلَٰدِ ﴿٤﴾

كَذَّبَتۡ قَبۡلَهُمۡ قَوۡمُ نُوحٖ وَٱلۡأَحۡزَابُ مِنۢ بَعۡدِهِمۡۖ وَهَمَّتۡ كُلُّ أُمَّةِۭ بِرَسُولِهِمۡ لِيَأۡخُذُوهُۖ وَجَٰدَلُواْ بِٱلۡبَٰطِلِ لِيُدۡحِضُواْ بِهِ ٱلۡحَقَّ فَأَخَذۡتُهُمۡۖ فَكَيۡفَ كَانَ عِقَابِ ﴿٥﴾

وَكَذَٰلِكَ حَقَّتۡ كَلِمَتُ رَبِّكَ عَلَى ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَنَّهُمۡ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِ ﴿٦﴾

"Tiada siapa yang membantah ayat-ayat Allah melainkan orang-orang yang kafir. Oleh itu janganlah engkau tertipu oleh kemewahan kehidupan mereka di dalam negeri-negeri (4). Sebelum mereka, kaum Nuh telah mendustakan (rasul-rasul-Nya) juga golongan-golongan (penentang rasul) selepas mereka, dan setiap umat ini bermaksud (jahat) terhadap rasul mereka untuk membinasakannya, dan mereka membantah dengan alasan yang batil untuk melenyapkan kebenaran, lalu Aku binasakan mereka, dan lihatlah bagaimana dahsyatnya balasan-Ku itu? (5) Demikianlah telah ditetapkan keputusan 'azab daripada Tuhan engkau terhadap orang-orang kafir. Sesungguhnya mereka adalah penghuni-penghuni Neraka."(6)

Jangan Terpesona Kepada Kemewahan Hidup Orang-orang Kafir

Setelah menjelaskan sifat-sifat Allah yang tinggi dan sifat Wahdaniyah-Nya, Al-Qur'an menjelaskan pula bahawa hakikat sifat-sifat itu adalah diterima dan diakui oleh seluruh makhluk di alam al-wujud ini. Fitrah alam al-wujud ini mempunyai hubungan secara langsung dengan hakikat-hakikat itu. Ia merupakan hakikat-hakikat yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Seluruh makhluk alam al-wujud yakin dengan bukti-bukti yang menyaksikan hakikat Allah dan Wahdaniyah-Nya. Tiada siapa yang sanggup menyangkal bukti-bukti itu melainkan hanya orang-orang yang kafir sahaja. Merekalah golongan yang sumbang dan terpencil dari makhluk-makhluk di alam al-wujud:

مَا يُجَٰدِلُ فِيٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ

"Tiada siapa yang membantah ayat-ayat Allah melainkan orang-orang yang kafir."(4)

Merekalah sahaja di antara makhluk-makhluk di alam yang besar ini yang terpencil dan sumbang. Merekalah sahaja di antara makhluk-makhluk besar yang menyeleweng, sedangkan mereka dibandingkan dengan alam buana ini - lebih lemah dan lebih kecil dari semut dibandingkan dengan bumi ini. Mereka berdiri dalam satu barisan menyangkalkan ayat-ayat Allah, sementara seluruh makhluk yang lain berdiri dalam satu barisan yang lain mengakui Allah sebagai Pencipta semesta alam dan bergantung kepada kekuatan-Nya Yang Maha Perkasa, namun demikian nasib kesudahan mereka telah pun ditetapkan Allah

walau segagah mana kekuatan mereka dan sejauh mana kekayaan, kebesaran dan kekuasaan mereka:

فَلَا يَغْرُرْكَ تَقَلُّبُهُمْ فِي الْبِلَادِ ٤

"Oleh itu janganlah engkau tertipu oleh kemewahan kehidupan mereka di dalam negeri-negeri."(4)

Yakni biar bagaimanapun mereka bergiat, bergerak, memiliki harta kekayaan dan meni'mati kesenangan hidup, namun mereka tetap menuju kepada keruntuhan, kebinasaan dan kemusnahan. Kesudahan perjuangan mereka telah pun diketahui andainya di sana ada perjuangan yang mungkin berlaku di antara kekuatan alam al-wujud dan Penciptanya dengan kekuatan manusia-manusia kafir yang lemah dan miskin itu.

Dahulu sebelum mereka telah pun ada kaum-kaum dan golongan-golongan seperti mereka yang menyarankan bahawa mereka telah menerima akibat setiap mereka yang menentang kekuatan alam yang dahsyat yang menimpa mereka yang mendedahkan diri kepada 'azab Allah:

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ وَالْأَحْزَابُ مِن بَعْدِهِمْ ۖ
وَهَمَّتْ كُلُّ أُمَّةٍ بِرَسُولِهِمْ لِيَأْخُذُوهُ ۖ
وَجَادَلُوا بِالْبَاطِلِ لِيُدْحِضُوا بِهِ الْحَقَّ فَأَخَذْتُهُمْ ۖ
فَكَيْفَ كَانَ عِقَابِ ٥

"Sebelum mereka, kaum Nuh telah mendustakan (rasul-rasul-Nya) juga golongan-golongan (penentang rasul) selepas mereka, dan setiap umat ini bermaksud (jahat) terhadap rasul mereka untuk membinasakannya, dan mereka membantah dengan alasan yang batil untuk melenyapkan kebenaran, lalu Aku binasakan mereka, dan lihatlah bagaimana dahsyatnya balasan-Ku itu?"(5)

Ini merupakan satu kisah lama sejak Nabi Nuh a.s. dan merupakan satu perjuangan yang serupa di setiap zaman. Ayat ini menggambarkan kisah ini iaitu kisah kerasulan, pendustaan dan kezaliman di sepanjang abad dan generasi, di samping menggambarkan akibat-akibatnya masing-masing.

Apabila muncul seorang rasul, maka didustakan oleh pelampau-pelampau kaumnya. Mereka tidak hanya sekadar menentang rasul itu dengan pertentangan hujah lawan hujah, malah mereka menggunakan logik kezaliman dan keterlaluan yang kasar. Mereka merancang untuk membunuh rasul itu. Mereka mengelirukan orang ramai dengan kebatilan untuk menghapuskan kebenaran. Di sinilah qudrat Ilahi yang dahsyat tampil campur tangan membinasakan mereka dengan 'azab siksa yang mena'jubkan iaitu 'azab seksa yang mewajarkan dita'jub dan dipamerkan:

فَكَيْفَ كَانَ عِقَابِ ٥

"Bagaimana dahsyat balasan-Ku itu?"(5)

Balasan itu adalah satu balasan menghancurleburkan, yang membinasa, dan amat dahsyat yang disaksikan oleh kebinasaan kaum itu di mana kesan-kesannya masih kekal dan dikisahkan oleh cerita-cerita dan riwayat-riwayat.

Perjuangan itu tidak terhenti setakat itu malah kesan-kesannya berlanjutan hingga ke Akhirat:

وَكَذَٰلِكَ حَقَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا
أَنَّهُمْ أَصْحَابُ النَّارِ ٦

"Demikianlah telah ditetapkan keputusan 'azab daripada Tuhan engkau terhadap orang-orang kafir. Sesungguhnya mereka adalah penghuni-penghuni Neraka."(6)

Apabila keputusan Allah telah ditetapkan ke atas seseorang maka keputusan itu akan tetap berlaku dan selesailah urusan itu dan segala perdebatan tidak berguna lagi.

Demikianlah Al-Qur'an menggambarkan hakikat yang realistik iaitu hakikat konflik di antara keimanan dan kekufuran, di antara kebenaran dan kebatilan, di antara penda'wah kepada Allah Yang Tunggal dengan pelampau-pelampau yang berlagak takbur di bumi tanpa alasan yang benar. Dan demikianlah juga kita mengetahui bahawa konflik ini adalah satu konflik yang tua yang bermula sejak kelahiran manusia di bumi ini lagi. Dan medan konflik itu adalah lebih luas dari seluruh bumi ini lagi, kerana seluruh alam buana berdiri teguh beriman kepada Allah dan menyerah diri kepada-Nya kecuali golongan manusia yang kafir sahaja yang sumbang dan menyangkal ayat-ayat Allah tanpa disertai seluruh alam buana yang besar ini. Dan kita juga mengetahui kesudahan konflik yang tidak setanding di antara barisan kebenaran yang panjang dan besar dengan segelintir kumpulan kebatilan yang kecil dan kerdil, walau bagaimana mewahnya kehidupan mereka dalam negeri dan bagaimana hebat kekuatan, kuasa dan kesenangan mereka.

Inilah hakikat-hakikat konflik dan kekuatan-kekuatan yang menonjol di dalamnya juga medan konflik itu dalam ruangan zaman dan tempat - telah digambarkan oleh Al-Qur'an supaya tersemat di dalam hati dan supaya ia diketahui terutamanya oleh para penda'wah kebenaran dan keimanan di setiap zaman dan tempat agar mereka tidak gentar kepada kekuatan kebatilan yang lahir dalam masa yang terbatas pada suatu tempat sahaja kerana kekuatan itu bukanlah kekuatan haqiqi, malah kekuatan yang haqiqi ialah kekuatan yang digambarkan kitab Allah dan diterangkan firman Allah yang merupakan sebenar-benar yang berkata, Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 9)

Sehubungan dengan hakikat yang pertama itu ialah para malaikat yang menjunjung 'Arasy dan para malaikat yang mengelilingi di sekitarnya - yang merupakan salah satu dari kekuatan, yang beriman di alam al-wujud ini - sentiasa menyebut manusia-manusia yang beriman di sisi Allah, memohon keampunan untuk mereka dan memohon agar merealisasikan janji Allah terhadap mereka dengan berdasarkan wujudnya hubungan iman di antara para malaikat dengan para Mu'minin:

ٱلَّذِينَ يَحۡمِلُونَ ٱلۡعَرۡشَ وَمَنۡ حَوۡلَهُۥ يُسَبِّحُونَ بِحَمۡدِ
رَبِّهِمۡ وَيُؤۡمِنُونَ بِهِۦ وَيَسۡتَغۡفِرُونَ لِلَّذِينَ ءَامَنُواْ رَبَّنَا
وَسِعۡتَ كُلَّ شَيۡءٖ رَّحۡمَةٗ وَعِلۡمٗا فَٱغۡفِرۡ لِلَّذِينَ
تَابُواْ وَٱتَّبَعُواْ سَبِيلَكَ وَقِهِمۡ عَذَابَ ٱلۡجَحِيمِ ٧
رَبَّنَا وَأَدۡخِلۡهُمۡ جَنَّٰتِ عَدۡنٍ ٱلَّتِي وَعَدتَّهُمۡ وَمَن
صَلَحَ مِنۡ ءَابَآئِهِمۡ وَأَزۡوَٰجِهِمۡ وَذُرِّيَّٰتِهِمۡۚ إِنَّكَ
أَنتَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ٨
وَقِهِمُ ٱلسَّيِّـَٔاتِۚ وَمَن تَقِ ٱلسَّيِّـَٔاتِ يَوۡمَئِذٖ
فَقَدۡ رَحِمۡتَهُۥۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ٩

"Malaikat-malaikat yang menanggung 'Arasy dan malaikat-malaikat yang berada di sekelilingnya adalah bertasbih memuji Tuhan mereka dan beriman kepada-Nya, dan mereka memohon keampunan untuk orang-orang yang beriman (dengan do'a): Wahai Tuhan kami! Rahmat dan ilmu-Mu meliputi segala sesuatu. Oleh itu kurniakanlah keampunan kepada orang-orang yang bertaubat dan mengikut jalan-Mu dan lindungilah mereka dari 'azab Neraka (7). Wahai Tuhan kami! Masukkanlah mereka ke dalam Syurga-syurga 'Adni yang Engkau telah janjikan kepada mereka dan masukkan bersama mereka orang-orang yang soleh dari ibubapa-ibubapa mereka dan isteri-isteri mereka dan zuriat keturunan mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (8). Dan lindungilah mereka dari kejahatan-kejahatan, dan barang siapa yang Engkau peliharakannya dari kejahatan-kejahatan pada hari itu, maka sesungguhnya Engkau telah mengurniakan rahmat kepadanya, dan itulah keberuntungan yang amat besar."(9)

Hubungan Yang Rapat Di Antara Para Malaikat Dan Mu'minin

Kita tidak mengetahui hakikat 'Arasy dan bagaimana bentuk rupanya. Begitu juga kita tidak mengetahui bagaimana 'Arasy itu dijunjung oleh malaikat-malaikat penjunjungnya. Kita juga tidak mengetahui bagaimana malaikat-malaikat yang ada di sekeliling 'Arasy itu mengelilinginya. Tidak ada gunanya kita berlari di belakang gambaran-gambaran yang bukan dari tabi'at daya kefahaman manusia mengetahuinya. Tidak ada faedahnya kita berdebat mengenai kejadian-kejadian ghaib yang tidak pernah ditunjuk oleh Allah kepada mana-mana orang yang berdebat itu. Segala apa yang berhubung dengan hakikat yang dijelaskan oleh surah ini ialah di sana terdapat hamba-hamba Allah iaitu malaikat-malaikat yang hampir dengan Allah:

يُسَبِّحُونَ بِحَمۡدِ رَبِّهِمۡ وَيُؤۡمِنُونَ بِهِۦ

"Bertasbih memuji Tuhan mereka dan beriman kepada-Nya."(7)

Al-Qur'an dengan tegas menyebut keimanan para malaikat itu walaupun dapat dimengertikan secara langsung dengan tujuan untuk menunjukkan adanya tali hubungan yang mengikat mereka dengan manusia-manusia yang beriman. Malaikat-malaikat yang muqarrabin itu mendo'akan para Mu'minin selepas bertasbih memuji Allah dengan sebaik-baik do'a yang diucapkannya oleh Mu'min terhadap Mu'min yang lain.

Mereka mulakan do'a mereka dengan penuh adab sopan sebagai mengajar kita adab sopan berdo'a dan cara memohon kepada Allah. Mereka berkata:

رَبَّنَا وَسِعۡتَ كُلَّ شَيۡءٖ رَّحۡمَةٗ وَعِلۡمٗا

"Wahai Tuhan Kami! Rahmat dan ilmu-Mu meliputi segala sesuatu."(7)

Sebelum berdo'a mereka lebih dahulu menyebut bahawa dalam usaha memohon rahmat untuk manusia yang beriman ini mereka hanya mencedok dari rahmat Allah yang meliputi segala sesuatu dan mereka memulangkannya kepada ilmu Allah yang mengetahui segala sesuatu. Mereka tidak mengemukakan apa-apa di hadapan Allah, malah mereka hanya mencedok dari rahmat dan ilmu Allah semata-mata:

فَٱغۡفِرۡ لِلَّذِينَ تَابُواْ وَٱتَّبَعُواْ سَبِيلَكَ وَقِهِمۡ عَذَابَ
ٱلۡجَحِيمِ ٧

"Oleh itu kurniakanlah keampunan kepada orang-orang yang bertaubat dan mengikut jalan-Mu dan lindungilah mereka dari 'azab Neraka."(7)

Menyebut keampunan dan taubat di sini adalah sesuai dengan sifat Allah yang disebut di permulaan surah ini iaitu:

غَافِرِ ٱلذَّنۢبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوۡبِ

"Yang mengampuni dosa dan menerima taubat."(3)

Begitu juga menyebut 'azab Neraka di sini sesuai dengan sifatnya:

شَدِيدِ ٱلۡعِقَابِ

"Yang amat berat balasan-Nya."(3)

Kemudian mereka tingkatkan do'a mereka dari memohon keampunan dan perlindungan dari 'azab

kepada memohon Syurga dan meluluskan janji Allah kepada para hamba-Nya yang soleh:

رَبَّنَا وَأَدْخِلْهُمْ جَنَّٰتِ عَدْنٍ ٱلَّتِى وَعَدتَّهُمْ وَمَن
صَلَحَ مِنْ ءَابَآئِهِمْ وَأَزْوَٰجِهِمْ وَذُرِّيَّٰتِهِمْ ۚ إِنَّكَ
أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٨﴾

"Wahai Tuhan kami! Masukkanlah mereka ke dalam Syurga-syurga 'Adni yang Engkau telah janjikan kepada mereka dan masukkan bersama mereka orang-orang yang soleh dari ibubapa-ibubapa mereka dan isteri-isteri mereka dan zuriat keturunan mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(8)

Kemasukan dalam Syurga itu merupakan suatu ni'mat dan keberuntungan dan ditambahkan pula dengan ni'mat tinggal bersama dengan yang soleh dari ibubapa, isteri-isteri dan sekalian zuriat keturunan. Ini adalah satu ni'mat lain yang berasingan di samping merupakan lambang perpaduan di antara sekalian para Mu'minin kerana pada tali hubungan keimanan di sinilah titik pertemuan yang menghubungkan ibubapa, anak-anak, isteri-isteri dan suami-suami, dan tanpa tali hubungan ini, maka putuslah segala pertalian mereka:

Kata iringan do'a:

إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana"(8)

Menunjukkan kepada kekuatan dan kekuasaan Ilahi di samping menunjukkan kepada hikmat kebijaksanaan-Nya, dan dengan sifat-sifat ini Allah membuat keputusan-keputusan terhadap urusan para hamba-Nya.

وَقِهِمُ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ۚ وَمَن تَقِ ٱلسَّيِّـَٔاتِ يَوْمَئِذٍ
فَقَدْ رَحِمْتَهُۥ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٩﴾

"Dan lindungilah mereka dari kejahatan-kejahatan, dan barang siapa yang Engkau peliharakannya dari kejahatan-kejahatan pada hari itu, maka sesungguhnya Engkau telah mengurniakan rahmat kepadanya, dan itulah keberuntungan yang amat besar."(9)

Do'a ini - selepas do'a supaya dimasukkan mereka ke dalam syurga 'Adni - menunjukkan kepada bekalan utama manusia pada hari Qiamat yang dahsyat itu, kerana kejahatan-kejahatan itulah yang membinasakan para pelakunya pada hari Akhirat dan membawa mereka ke tempat kebinasaan. Oleh itu apabila Allah memelihara hamba-hamba-Nya yang Mu'min dari kejahatan-kejahatan itu, maka bererti Dia telah memelihara mereka dari akibat-akibat dan balasan-balasan-Nya. Inilah rahmat pada hari itu dan inilah langkah pertama menuju kebahagiaan.

وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٩﴾

Itulah keberuntungan yang amat besar."(9)

Oleh itu keselamatan dari kejahatan-kejahatan merupakan satu keni'matan yang paling besar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 12)

Ketika para malaikat yang menjunjung dan mengelilingi 'Arasy itu bertawajjuh kepada Allah dengan do'a ini untuk saudara-saudara mereka dari manusia-manusia beriman, kita dapati pula orang-orang kafir dalam situasi di mana setiap orang mengharapkan pertolongan sedangkan pertolongan itu amat sukar, kita dapati orang-orang kafir yang telah putus hubungan mereka di antara segala makhluk di alam buana, tiba-tiba mereka diseru dari segenap tempat dengan seruan yang mengecam dan menghina dan di mana mereka berada dalam situasi hina-dina selepas mereka berlagak angkuh dan sombong dan dalam situasi mengharapkan keselamatan, tetapi masanya bukan lagi masa harapan:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يُنَادَوْنَ لَمَقْتُ ٱللَّهِ أَكْبَرُ
مِن مَّقْتِكُمْ أَنفُسَكُمْ إِذْ تُدْعَوْنَ إِلَى ٱلْإِيمَٰنِ
فَتَكْفُرُونَ ﴿١٠﴾
قَالُوا۟ رَبَّنَآ أَمَتَّنَا ٱثْنَتَيْنِ وَأَحْيَيْتَنَا ٱثْنَتَيْنِ فَٱعْتَرَفْنَا
بِذُنُوبِنَا فَهَلْ إِلَىٰ خُرُوجٍ مِّن سَبِيلٍ ﴿١١﴾
ذَٰلِكُم بِأَنَّهُۥٓ إِذَا دُعِىَ ٱللَّهُ وَحْدَهُۥ كَفَرْتُمْ
وَإِن يُشْرَكْ بِهِۦ تُؤْمِنُوا۟ ۚ فَٱلْحُكْمُ لِلَّهِ ٱلْعَلِىِّ
ٱلْكَبِيرِ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang kafir diseru (pada hari Qiamat): Sesungguhnya kebencian Allah itu lebih besar dari kebencian kamu terhadap diri kamu sendiri kerana kamu diseru kepada keimanan lalu kamu ingkarkannya (10). Mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Engkau telah mematikan kami dua kali dan menghidupkan kami dua kali, dan kami telah akui dosa-dosa kami. Oleh itu adakah jalan keluar (dari Neraka)? (11) Balasan yang sedemikian ialah kerana apabila disebut Allah Yang Tunggal sahaja kamu ingkarkannya, dan apabila disekutukannya kamu beriman. Oleh itu hukuman adalah terpulang kepada Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar."(12)

Kata "المقت" bermakna kebencian yang amat sangat. Mereka diseru dari segenap sudut bahawa kebencian Allah terhadap kamu pada hari kamu

diseru kepada iman lalu kamu ingkarkannya itu adalah lebih besar dari kebencian kamu terhadap diri kamu sendiri ketika kamu melihat pada hari ini akibat yang buruk dari perbuatan diri kamu yang menolak seruan iman itu sebelum luput waktunya. Alangkah pedihnya peringatan dan kecaman ini dalam situasi yang ngeri dan gawat itu!

Kini selaput yang selama ini mengeliru dan menyesatkan mereka telah pun gugur dari mereka dan mereka sedar bahawa hanya Allah sahaja tempat merayu dan memohon, lalu mereka pun merayu:

قَالُوا۟ رَبَّنَآ أَمَتَّنَا ٱثْنَتَيْنِ وَأَحْيَيْتَنَا ٱثْنَتَيْنِ فَٱعْتَرَفْنَا
بِذُنُوبِنَا فَهَلْ إِلَىٰ خُرُوجٍ مِّن سَبِيلٍ ﴿١١﴾

"Mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Engkau telah mematikan kami dua kali dan menghidupkan kami dua kali, dan kami telah akui dosa-dosa kami. Oleh itu adakah jalan keluar (dari Neraka)?"(11)

Inilah ucapan orang-orang yang hina-dina dan putus asa:

رَبَّنَآ

"Wahai Tuhan kami!"(11)

Sedangkan duhulunya mereka kufur dan ingkarkan Allah. Engkau telah menghidupkan kami pada permulaan kali, lalu Engkau tiupkan roh pada yang mati lalu iapun hidup dan kami pun hidup, kemudian Engkau hidupkan kami sekali lagi selepas kami mati, lalu kami datang kepada-Mu. Sesungguhnya Engkaulah yang berkuasa mengeluarkan kami dari 'azab ini dan kami telah mengakui dosa-dosa kami.

فَهَلْ إِلَىٰ خُرُوجٍ مِّن سَبِيلٍ ﴿١١﴾

"Adakah jalan keluar?"(11)

Kata-kata "سبيل" di sini, disebut secara umum yang membayangkan perasaan cemas dan perasaan yang pahit.

Di sini - dalam bayangan situasi yang malang ini - Allah mengemukakan kepada mereka sebab mengapa mereka menerima kesudahan ini:

ذَٰلِكُم بِأَنَّهُۥٓ إِذَا دُعِىَ ٱللَّهُ وَحْدَهُۥ كَفَرْتُمْ
وَإِن يُشْرَكْ بِهِۦ تُؤْمِنُوا۟ ۚ فَٱلْحُكْمُ لِلَّهِ ٱلْعَلِىِّ
ٱلْكَبِيرِ ﴿١٢﴾

"Balasan yang sedemikian ialah kerana apabila disebut Allah Yang Tunggal sahaja kamu ingkarkannya, dan apabila disekutukan-Nya kamu beriman. Oleh itu hukuman adalah terpulang kepada Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar."(12)

Inilah sebab yang membawa kamu kepada situasi yang hina ini, iaitu kamu beriman kepada sekutu-sekutu dan kamu ingkarkan Allah Yang Maha Esa. Oleh itu hukuman itu terpulang kepada Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar. Kedua-dua sifat ini yang sesuai dengan situasi menjatuhkan hukuman iaitu sifat ketinggian dan keunggulan yang mengatasi segala sesuatu dan sifat kebesaran yang mengatasi segala sesuatu, dalam situasi pengadilan yang terakhir.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 17)

Di dalam bayangan pemandangan ini Al-Qur'an menyebut sesuatu dari sifat Allah yang sesuai dengan situasi keunggulan dan ketinggian-Nya, kemudian Al-Qur'an menyarankan para Mu'minin di tempat ini supaya bertawajjuh kepada Allah dengan berdo'a kepada-Nya, mentauhidkan-Nya dan mentuluskan keta'atan kepada-Nya, di samping menyebut bahawa tujuan diturunkan wahyu itu untuk memberi amaran dan peringatan terhadap Hari Pertemuan, Hari Pengadilan dan Balasan, di mana hanya Allah sahaja yang berkuasa dan mempunyai kedudukan yang paling tinggi dan unggul:

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ وَيُنَزِّلُ لَكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ رِزْقًا ۚ
وَمَا يَتَذَكَّرُ إِلَّا مَن يُنِيبُ ﴿١٣﴾
فَٱدْعُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ
ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١٤﴾
رَفِيعُ ٱلدَّرَجَٰتِ ذُو ٱلْعَرْشِ يُلْقِى ٱلرُّوحَ مِنْ أَمْرِهِۦ
عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ لِيُنذِرَ يَوْمَ ٱلتَّلَاقِ ﴿١٥﴾
يَوْمَ هُم بَٰرِزُونَ ۖ لَا يَخْفَىٰ عَلَى ٱللَّهِ مِنْهُمْ شَىْءٌ ۚ لِّمَنِ ٱلْمُلْكُ
ٱلْيَوْمَ ۖ لِلَّهِ ٱلْوَٰحِدِ ٱلْقَهَّارِ ﴿١٦﴾
ٱلْيَوْمَ تُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا كَسَبَتْ ۚ لَا ظُلْمَ
ٱلْيَوْمَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿١٧﴾

"Dialah yang memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan menurunkan rezeki untuk kamu dari langit. Dan tiada yang mengingati (ni'mat-Nya) melainkan orang yang kembali (kepada-Nya) (13). Oleh itu sembahkanlah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya walaupun dibenci oleh orang-orang kafir (14). Dialah Yang Maha Tinggi darjat-Nya dan yang mempunyai 'Arasy. Dia menurunkan wahyu dari perintah-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya dari antara hamba-hamba-Nya untuk mengingatkan (manusia) tentang Hari Pertemuan (15). Iaitu pada hari mereka muncul dengan begitu nyata. Tiada satu pun dari keadaan mereka tersembunyi dari (ilmu) Allah. Siapakah yang memiliki kerajaan pada hari ini? Ia dimiliki Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah (16). Pada hari ini setiap orang dibalas dengan amalan yang diusahakannya.

Tiada sebarang penganiayaan pada hari ini. Sesungguhnya Allah amat pantas hisab-Nya."(17)

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ

"Dialah yang memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya."(13)

Rezeki-rezeki Dari Kerja

Bukti-bukti kekuasaan Allah dapat dilihat pada setiap kejadian di alam ini sama ada pada kejadian-kejadian yang besar seperti matahari, bintang-bintang, malam, siang, hujan, petir dan guruh atau kejadian-kejadian yang kecil seperti atom, sel-sel daun dan bunga. Setiap kejadian itu merupakan suatu mu'jizat yang kebesarannya jelas kelihatan apabila manusia cuba menirunya apatah lagi hendak menciptakannya. Dan jauh sekali untuk membuat tiruan yang sempurna dan halus bagi sekecil-kecil kejadian yang diciptakan tangan qudrat Allah di alam ini.

وَيُنَزِّلُ لَكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ رِزْقًا

"Dan menurunkan rezeki untuk kamu dari langit" (13)

Di antara rezeki yang diketahui manusia ialah air hujan. Ia merupakan punca hayat di bumi ini dan sumber makanan dan minuman. Selain dari air hujan terdapat banyak lagi jenis-jenis rezeki dari langit yang ditemui manusia sehari demi sehari. Di antaranya ialah radiasi-radiasi yang menghidupkan, tanpa radiasi-radiasi ini hayat tidak mungkin wujud di bumi ini. Mungkin juga termasuk dalam jenis rezeki yang diturunkan dari langit ialah agama-agama yang diturunkan Allah yang telah memimpin langkah-langkah umat manusia sejak zaman kebudakannya lagi dan memindahkan kaki-kaki mereka ke jalan yang lurus juga membimbing mereka kepada sistem hidup yang menghubungkan mereka dengan Allah dan dengan undang-undang-Nya yang lurus.

وَمَا يَتَذَكَّرُ إِلَّا مَن يُنِيبُ ﴿١٣﴾

"Dan tiada yang mengingati (ni'mat-ni'mat-Nya) melainkan orang yang kembali (kepada Allah)"(13)

Hanya orang yang kembali kepada Allah sahaja yang mengenangkan ni'mat-ni'mat Allah dan limpah kurnia-Nya serta mengingati bukti-bukti kekuasaan-Nya yang dilupakannya hati-hati yang keras.

Setelah menyebut soal perkembalian kepada Allah yang menimbulkan kenangan dan menungan itu, Al-Qur'an mengarah para Mu'minin supaya menyembah Allah Yang Tunggal sahaja dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya tanpa menghiraukan kebencian orang-orang kafir:

فَٱدْعُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١٤﴾

"Oleh itu sembahkanlah Allah dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya walaupun tidak disukai oleh orang-orang kafir."(14)

Orang-orang kafir memang tidak suka orang-orang Mu'min mentuluskan keta'atan mereka kepada Allah dan menyembahkan-Nya sahaja tanpa yang lain dari-Nya. Tiada harapan untuk mendapat persetujuan mereka walaupun mereka dilayan dengan baik dan saling damai oleh orang-orang Mu'min dan walaupun orang-orang Mu'min mencari persetujuan mereka dengan berbagai-bagai jalan. Oleh itu hendaklah orang-orang Mu'min mengikut haluan mereka sendiri dengan menyembah Allah Yang Tunggal sahaja dan membulatkan kepercayaan dan hati mereka kepada-Nya, tiada apa-apa kesalahan kepada mereka sama ada orang-orang kafir itu suka atau tidak sukakan mereka, kerana mereka tidak pernah suka dan bersetuju terhadap orang-orang Mu'min walau sehari pun.

Kemudian Al-Qur'an menyebut, beberapa sifat Allah di tempat ini, di mana ia mengarahkan orang-orang Mu'min supaya beribadat kepada Allah Yang Tunggal sahaja walaupun tidak disukai oleh orang-orang kafir. Di antara sifat-sifat itu ialah:

رَفِيعُ ٱلدَّرَجَٰتِ ذُو ٱلْعَرْشِ يُلْقِى ٱلرُّوحَ مِنْ أَمْرِهِۦ
عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ لِيُنذِرَ يَوْمَ ٱلتَّلَاقِ ﴿١٥﴾

"Dialah Yang Maha Tinggi darjat-Nya dan yang mempunyai 'Arasy. Dia menurunkan wahyu dari perintah-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya dari antara hamba-hamba-Nya untuk mengingatkan (manusia) tentang hari pertemuan."(15)

Tugas Utama Para Rasul Untuk Mengingatkan Hari Pertemuan

Allah S.W.T. sahaja yang mempunyai darjat dan maqam yang maha tinggi. Dialah yang memiliki 'Arasy dan menguasai segala-galanya. Dialah yang menurunkan perintah-Nya yang menghidupkan roh dan hati kepada hamba-hamba pilihan-Nya. "Roh"(الروح) dalam ayat ini dimaksudkan dengan wahyu dan risalah, tetapi pengungkapan wahyu dengan kata-kata roh itu adalah menjelaskan hakikat wahyu iaitu pertama: Wahyu itu merupakan roh dan hayat kepada manusia. Kedua: Wahyu itu turun dari langit yang tinggi kepada hamba-hamba yang terpilih, dan semuanya merupakan bayangan-bayangan yang sesuai dengan sifat Allah, Yang Maha tinggi dan Maha Besar (العلي الكبير).

Tugas yang jelas yang dipilihkan Allah untuk para hamba-Nya yang terpilih dengan menurunkan wahyu dari perintah-Nya ialah menyampaikan amaran:

لِيُنذِرَ يَوْمَ ٱلتَّلَاقِ ﴿١٥﴾

"Untuk mengingatkan (manusia) tentang Hari Pertemuan."(15)

Pada hari ini seluruh manusia akan bertemu, di mana mereka akan bertemu dengan amalan-amalan yang dilakukan mereka dalam kehidupan dunia. Dan pada hari ini seluruh manusia, malaikat, jin dan makhluk-makhluk yang menyaksi hari yang amat besar itu akan bertemu, dan seluruh makhluk itu akan bertemu dengan Tuhannya di padang hisab dan itulah Hari Pertemuan dengan segala erti katanya yang sebenar.

Kemudian itulah hari di mana mereka muncul dengan begitu nyata tanpa sebarang tabir dan pelindung dan tanpa sebarang pemalsuan dan tipudaya:

يَوْمَ هُم بَٰرِزُونَ ۖ لَا يَخْفَىٰ عَلَى ٱللَّهِ مِنْهُمْ شَىْءٌ ۚ

"Iaitu pada hari mereka muncul dengan begitu nyata. Tiada suatu pun dari keadaan mereka tersembunyi dari (ilmu) Allah."(16)

Sememangnya tiada suatu pun dari keadaan mereka yang tersembunyi dari ilmu Allah pada setiap masa dan keadaan, tetapi pada waktu-waktu yang lain dari Hari Pertemuan ini kadang-kadang manusia menyangka diri mereka terlindung dari Allah, perbuatan-perbuatan dan gerak-geri mereka tersembunyi dari pengetahuan Allah. Adapun pada hari Qiamat ini mereka benar-benar merasa terdedah, terbuka tembelang dan berdiri bogel tanpa sebarang tabir walaupun tabir dari khayalan-khayalan.

Pada hari ini orang-orang yang takbur akan merasa kecil dan orang-orang yang zalim dan sewenang-wenang akan merasa kecut, seluruh alam buana berdiri khusyu' dan seluruh hamba berdiri dengan rendah diri. Hanya Allah Yang Maha Esa sahaja yang memiliki kerajaan langit bumi, Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa sahaja yang berkuasa pada hari ini. Sememangnya Allah S.W.T. sahaja yang berkuasa pada setiap waktu, tetapi pada hari ini hakikat itu begitu ketara kepada semua mata setelah ia ketara kepada semua hati. Hakikat itu akan dirasai oleh setiap orang yang ingkar dan setiap orang yang takbur. Seluruh suara akan diam dan segala gerak akan menyepi. Hanya satu suara sahaja yang lantang dan menakutkan. Suara itu kedengaran bertanya dan menjawab. Tiada satu makhluk pun pada hari itu yang bertanya dan menjawab selain dari suara itu:

لِّمَنِ ٱلْمُلْكُ ٱلْيَوْمَ ۖ لِلَّهِ ٱلْوَٰحِدِ ٱلْقَهَّارِ ﴿١٦﴾
ٱلْيَوْمَ تُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا كَسَبَتْ ۚ لَا ظُلْمَ
ٱلْيَوْمَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿١٧﴾

"Siapakah yang memiliki kerajaan pada hari ini?.... Ia dimiliki Allah Yang Maha Esa dan Maha Besar (16). Pada hari ini setiap orang dibalas dengan amalan yang diusahakannya. Tiada sebarang penganiayaan pada hari ini. Sesungguhnya Allah amat pantas hisab-Nya."(17)

Yakni hari ini ialah hari balasan yang sebenar, hari keadilan dan hari keputusan yang muktamad. Ia akan dilangsungkan tanpa tangguhan dan tanpa lewat.

Suasana Mahsyar diselubungi sunyi sepi, cemas, takut dan khusyu'. Seluruh makhluk yang hadir mendengar dengan khusyu'. Hukuman dijatuhkan dan buku-buku hisab pun ditutup.

Bayangan ini sesuai dengan firman-Nya mengenai orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah di permulaan surah iaitu:

فَلَا يَغْرُرْكَ تَقَلُّبُهُمْ فِى ٱلْبِلَٰدِ ﴿٤﴾

"Janganlah engkau tertipu oleh kemewahan kehidupan mereka di dalam negeri-negeri."(4)

Kerana inilah penghabisan kemewahan kehidupan mereka di dunia dan penghabisan keangkuhan mereka tanpa alasan yang benar dan penghabisan kemaharajalelaan, kesombongan, kekayaan dan kesenangan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 20)

Hanya Allah Sahaja Yang Memegang Urusan Pengadilan Pada Hari Qiamat

Kemudian Al-Qur'an mengarah Rasulullah s.a.w. supaya mengingatkan kaum Musyrikin terhadap Hari Pertemuan itu dalam satu senario dari pemandangan-pemandangan Qiamat, di mana hanya Allah sahaja yang memegang kuasa pengadilan setelah ia kemukakannya dalam bentuk cerita tanpa menghadapkan firman kepada mereka:

وَأَنذِرْهُمْ يَوْمَ ٱلْءَازِفَةِ إِذِ ٱلْقُلُوبُ لَدَى ٱلْحَنَاجِرِ
كَٰظِمِينَ ۚ مَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنْ حَمِيمٍ وَلَا شَفِيعٍ
يُطَاعُ ﴿١٨﴾
يَعْلَمُ خَآئِنَةَ ٱلْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِى ٱلصُّدُورُ ﴿١٩﴾
وَٱللَّهُ يَقْضِى بِٱلْحَقِّ ۖ وَٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ
لَا يَقْضُونَ بِشَىْءٍ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿٢٠﴾

"Dan berilah amaran kepada mereka tentang hari Qiamat yang hampir tiba ketika hati-hati manusia sebak hingga ke kerongkong kerana menahan perasaan duka nestapa dan menyesal. Orang-orang yang zalim tidak akan mendapat seorang pun sahabat setia dan tidak pula akan mendapat sebarang pemberi syafa'at yang diterima syafa'atnya (18). Dia mengetahui jelingan mata yang serong dan segala rahsia yang disembunyikan di dalam dada (19). Dan Allahlah sahaja yang memutuskan hukuman dengan adil, sedangkan sembahan-sembahan yang mereka sembah selain Allah tidak memutuskan sesuatu hukuman pun. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(20)

Kata-kata: **"Hari Qiamat yang dekat"** (الآزِفَة) ...Kata-kata itu menggambarkan seolah-olah Qiamat sedang bergerak dekat dan semua makhluk bernafas cemas, dan seolah-olah jantung mereka yang mengah itu mencekik leher mereka ketika mereka menahankan nafas, perasaan sedih dan takut, perahan perasaan itu menyebabkan mereka merana dan menyebabkan dada mereka sebak.

Mereka tidak mendapati seorang sahabat pun yang bersimpati dengannya dan tiada siapa pun yang dapat memberi syafa'at yang diterima Allah di dalam situasi yang gawat dan sengsara itu!

Mereka muncul dengan begitu nyata pada hari ini dan tiada suatu pun dari keadaan mereka yang tersembunyi dari pengetahuan Allah pada hari itu walaupun sekilas pandangan mata mereka yang serong dan secebis rahsia mereka yang tersembunyi di dalam hati:

يَعْلَمُ خَائِنَةَ الْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِي الصُّدُورُ ١٩

"Dia mengetahui jelingan mata yang serong dan segala rahsia yang disembunyikan di dalam dada."(19)

Pandangan mata yang serong itu berusaha untuk melindungi keserongannya tetapi ia tidak terlindung dari Allah. Begitu juga rahsia-rahsia yang disembunyikan di dalam dada semuanya terdedah kepada ilmu Allah.

Allah sahaja yang menjatuhkan hukuman-Nya yang adil pada hari ini, sedangkan tuhan-tuhan mereka yang palsu tidak mempunyai apa-apa urusan dan tidak mengambil apa-apa bahagian dalam pengadilan.

وَاللَّهُ يَقْضِي بِالْحَقِّ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِ
لَا يَقْضُونَ بِشَيْءٍ

"Dan Allahlah sahaja yang memutuskan hukuman dengana adil, sedangkan sembahan-sembahan yang mereka sembah selain Allah tidak memutuskan sesuatu hukuman pun."(20)

Hanya Allah menghukumkan dengan adil berdasarkan ilmu-Nya, pendengaran-Nya dan penglihatan-Nya. Dia tidak menganiayai seseorang pun dan tidak lupa suatu apa pun.

إِنَّ اللَّهَ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ٢٠

"Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat."(20)

(Kumpulan ayat-ayat 21 - 55)

أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الَّذِينَ كَانُوا مِن قَبْلِهِمْ كَانُوا هُمْ أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً
وَآثَارًا فِي الْأَرْضِ فَأَخَذَهُمُ اللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ وَمَا
كَانَ لَهُم مِّنَ اللَّهِ مِن وَاقٍ ٢١
ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانَت تَّأْتِيهِمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ
فَكَفَرُوا فَأَخَذَهُمُ اللَّهُ إِنَّهُ قَوِيٌّ شَدِيدُ الْعِقَابِ ٢٢
وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِآيَاتِنَا وَسُلْطَانٍ مُّبِينٍ ٢٣
إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَقَارُونَ فَقَالُوا سَاحِرٌ
كَذَّابٌ ٢٤
فَلَمَّا جَاءَهُم بِالْحَقِّ مِنْ عِندِنَا قَالُوا اقْتُلُوا
أَبْنَاءَ الَّذِينَ آمَنُوا مَعَهُ وَاسْتَحْيُوا نِسَاءَهُمْ
وَمَا كَيْدُ الْكَافِرِينَ إِلَّا فِي ضَلَالٍ ٢٥
وَقَالَ فِرْعَوْنُ ذَرُونِي أَقْتُلْ مُوسَىٰ وَلْيَدْعُ رَبَّهُ
إِنِّي أَخَافُ أَن يُبَدِّلَ دِينَكُمْ أَوْ أَن يُظْهِرَ فِي
الْأَرْضِ الْفَسَادَ ٢٦

"Tidakkah mereka menjelajah di muka bumi dan memperhatikan bagaimana akibat yang menimpa orang-orang (kafir) yang terdahulu dari mereka? Mereka adalah lebih hebat dari mereka dari segi kekuatan dan kesan-kesan peninggalan mereka di bumi. Allah telah membinasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan tiada siapa pun yang dapat melindungkan mereka dari 'azab Allah (21). Balasan itu disebabkan kerana mereka telah didatangi rasul-rasul mereka membawa bukti-bukti yang jelas tetapi mereka mengingkarkannya, lalu Allah binasakan mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuat dan amat berat balasan-Nya (22). Sesungguhnya Kami telah utuskan Musa membawa ayat-ayat Kami dan hajat yang amat jelas (23). Kepada Fir'aun, Haman dan Qarun, lalu mereka berkata: Dia seorang tukang sihir yang pendusta (24). Dan apabila dia membawa kepada mereka pengajaran yang benar dari sisi Kami, mereka pun berkata: Bunuhlah anak-anak lelaki orang-orang yang beriman yang ada bersamanya dan biarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup. Dan tiada tipu daya orang-orang yang kafir itu melainkan berada dalam kegagalan (25). Dan Fir'aun berkata: Biarkanlah aku sendiri membunuh Musa dan biarlah dia memohon (pertolongan) dari Tuhannya. Kerana sesungguhnya aku takut dia akan menukarkan agama kamu atau menimbulkan kerosakan (huru-hara) di bumi." (26).

وَقَالَ مُوسَىٰ إِنِّي عُذْتُ بِرَبِّي وَرَبِّكُم مِّن كُلِّ مُتَكَبِّرٍ
لَّا يُؤْمِنُ بِيَوْمِ الْحِسَابِ ٢٧
وَقَالَ رَجُلٌ مُّؤْمِنٌ مِّنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَكْتُمُ إِيمَانَهُ

أَتَقۡتُلُونَ رَجُلًا أَن يَقُولَ رَبِّيَ ٱللَّهُ وَقَدۡ جَآءَكُم
بِٱلۡبَيِّنَٰتِ مِن رَّبِّكُمۡۖ وَإِن يَكُ كَٰذِبٗا فَعَلَيۡهِ
كَذِبُهُۥۖ وَإِن يَكُ صَادِقٗا يُصِبۡكُم بَعۡضُ ٱلَّذِي
يَعِدُكُمۡۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي مَنۡ هُوَ مُسۡرِفٞ
كَذَّابٞ ٢٨
يَٰقَوۡمِ لَكُمُ ٱلۡمُلۡكُ ٱلۡيَوۡمَ ظَٰهِرِينَ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَمَن
يَنصُرُنَا مِنۢ بَأۡسِ ٱللَّهِ إِن جَآءَنَاۚ قَالَ فِرۡعَوۡنُ مَآ أُرِيكُمۡ
إِلَّا مَآ أَرَىٰ وَمَآ أَهۡدِيكُمۡ إِلَّا سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ٢٩
وَقَالَ ٱلَّذِيٓ ءَامَنَ يَٰقَوۡمِ إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُم مِّثۡلَ
يَوۡمِ ٱلۡأَحۡزَابِ ٣٠
مِثۡلَ دَأۡبِ قَوۡمِ نُوحٖ وَعَادٖ وَثَمُودَ وَٱلَّذِينَ مِنۢ بَعۡدِهِمۡۚ
وَمَا ٱللَّهُ يُرِيدُ ظُلۡمٗا لِّلۡعِبَادِ ٣١
وَيَٰقَوۡمِ إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ يَوۡمَ ٱلتَّنَادِ ٣٢
يَوۡمَ تُوَلُّونَ مُدۡبِرِينَ مَا لَكُم مِّنَ ٱللَّهِ مِنۡ عَاصِمٖۗ وَمَن
يُضۡلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنۡ هَادٖ ٣٣

"Dan Musa berkata: Sesungguhnya aku berlindung pada Tuhanku dan Tuhan kamu dari setiap orang yang takbur yang tidak percaya kepada Hari Hisab (27). Lalu berkata seorang lelaki Mu'min dari keluarga Fir'aun yang menyembunyikan keimanannya: Apakah kamu hendak membunuh seorang yang berkata: Allah itu Tuhanku. Sedangkan dia telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu. Jika dia bohong, maka dialah yang akan menanggung akibat pem-bohongannya, dan jika dia benar nescaya kamu akan ditimpa sebahagian 'azab yang diancamkannya kepada kamu. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang pelampau lagi pendusta (28). Wahai kaumku! Kamulah yang memiliki kerajaan (Mesir) pada hari ini, kamulah yang terkemuka di dunia ini, tetapi siapakah yang dapat menolong kita dari 'azab Allah jika 'azab itu menimpa kita? Jawab Fir'aun: Aku tidak kemukakan fikiranku melainkan apa yang aku pandang baik dan aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar (29). Lalu berkatalah lelaki yang beriman itu: Wahai kaumku! Aku takut kamu akan ditimpakan malapetaka seperti hari malapetaka yang menimpa golongan-golongan (yang menentang Rasul) (30). Seperti keadaan kaum Nuh, 'Ad dan Thamud dan orang selepas mereka. Dan Allah tidak sekali-kali berkehendak melakukan kezaliman terhadap hamba-hamba-Nya (31). Wahai kaumku! Aku takut kamu ditimpa 'azab pada Hari (Qiamat) yang penuh dengan seruan (32). Iaitu pada hari kamu berpaling ke belakang melarikan diri, sedangkan tiada siapa yang dapat melindungkan kamu dari 'azab Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepada-Nya." (33).

وَلَقَدۡ جَآءَكُمۡ يُوسُفُ مِن قَبۡلُ بِٱلۡبَيِّنَٰتِ
فَمَا زِلۡتُمۡ فِي شَكّٖ مِّمَّا جَآءَكُم بِهِۦۖ حَتَّىٰٓ إِذَا
هَلَكَ قُلۡتُمۡ لَن يَبۡعَثَ ٱللَّهُ مِنۢ بَعۡدِهِۦ رَسُولٗاۚ
كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَنۡ هُوَ مُسۡرِفٞ مُّرۡتَابٌ ٣٤
ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِيٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بِغَيۡرِ سُلۡطَٰنٍ
أَتَىٰهُمۡۖ كَبُرَ مَقۡتًا عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْۚ
كَذَٰلِكَ يَطۡبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ قَلۡبِ مُتَكَبِّرٖ جَبَّارٖ ٣٥
وَقَالَ فِرۡعَوۡنُ يَٰهَٰمَٰنُ ٱبۡنِ لِي صَرۡحٗا لَّعَلِّيٓ أَبۡلُغُ
ٱلۡأَسۡبَٰبَ ٣٦
أَسۡبَٰبَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ فَأَطَّلِعَ إِلَىٰٓ إِلَٰهِ مُوسَىٰ وَإِنِّي
لَأَظُنُّهُۥ كَٰذِبٗاۚ وَكَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِفِرۡعَوۡنَ سُوٓءُ
عَمَلِهِۦ وَصُدَّ عَنِ ٱلسَّبِيلِۚ وَمَا كَيۡدُ فِرۡعَوۡنَ
إِلَّا فِي تَبَابٖ ٣٧
وَقَالَ ٱلَّذِيٓ ءَامَنَ يَٰقَوۡمِ ٱتَّبِعُونِ أَهۡدِكُمۡ
سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ٣٨
يَٰقَوۡمِ إِنَّمَا هَٰذِهِ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَا مَتَٰعٞ وَإِنَّ
ٱلۡأٓخِرَةَ هِيَ دَارُ ٱلۡقَرَارِ ٣٩
مَنۡ عَمِلَ سَيِّئَةٗ فَلَا يُجۡزَىٰٓ إِلَّا مِثۡلَهَاۖ وَمَنۡ
عَمِلَ صَٰلِحٗا مِّن ذَكَرٍ أَوۡ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤۡمِنٞ فَأُوْلَٰٓئِكَ
يَدۡخُلُونَ ٱلۡجَنَّةَ يُرۡزَقُونَ فِيهَا بِغَيۡرِ
حِسَابٖ ٤٠
وَيَٰقَوۡمِ مَا لِيٓ أَدۡعُوكُمۡ إِلَى ٱلنَّجَوٰةِ وَتَدۡعُونَنِيٓ إِلَى

ٱلنَّارِ ﴿٤١﴾

تَدْعُونَنِى لِأَكْفُرَ بِٱللَّهِ وَأُشْرِكَ بِهِۦ مَا لَيْسَ لِى
بِهِۦ عِلْمٌ وَأَنَا۠ أَدْعُوكُمْ إِلَى ٱلْعَزِيزِ ٱلْغَفَّٰرِ ﴿٤٢﴾

لَا جَرَمَ أَنَّمَا تَدْعُونَنِىٓ إِلَيْهِ لَيْسَ لَهُۥ دَعْوَةٌ فِى ٱلدُّنْيَا
وَلَا فِى ٱلْءَاخِرَةِ وَأَنَّ مَرَدَّنَآ إِلَى ٱللَّهِ وَأَنَّ
ٱلْمُسْرِفِينَ هُمْ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ﴿٤٣﴾

فَسَتَذْكُرُونَ مَآ أَقُولُ لَكُمْ ۚ وَأُفَوِّضُ أَمْرِىٓ إِلَى
ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿٤٤﴾

فَوَقَىٰهُ ٱللَّهُ سَيِّـَٔاتِ مَا مَكَرُوا۟ ۖ وَحَاقَ بِـَٔالِ فِرْعَوْنَ
سُوٓءُ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٥﴾

ٱلنَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا ۖ وَيَوْمَ تَقُومُ
ٱلسَّاعَةُ أَدْخِلُوٓا۟ ءَالَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٦﴾

"Dan sesungguhnya sebelum ini Yusuf telah datang kepada kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas tetapi kamu masih berada di dalam keraguan terhadap ajaran yang dibawa olehnya kepada kamu sehingga apabila dia wafat kamu telah berkata: Allah tidak akan membangkitkan lagi seorang rasul selepasnya. Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang pelampau dan ragu-ragu (34). Iaitu orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa sebarang alasan yang sampai kepada mereka. Amat besarlah kemurkaan di sisi Allah dan di sisi orang-orang yang beriman. Demikianlah Allah menutupkan setiap hati yang takbur dan sewenang-wenang (35). Dan Fir'aun berkata: Wahai Haman! Binakan untukku sebuah bangunan yang tinggi semoga aku dapat sampai ke jalan-jalan (36). Iaitu jalan-jalan langit supaya aku dapat melihat Tuhan Musa dan sesungguhnya aku fikir dia seorang pendusta. Demikianlah didandan indah kepada Fir'aun segala perbuatannya yang buruk dan dia telah dihalangkan dari jalan (yang benar), dan tiadalah tipu daya Fir'aun itu melainkan musnah belaka (37). Dan berkatalah (lelaki) yang beriman itu: Wahai kaumku! Ikutilah aku nescaya aku membimbing kamu ke jalan yang benar (38). Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia hanya keni'matan (yang sebentar) sahaja dan sesungguhnya Akhirat itulah negeri yang kekal (39). Barang siapa yang mengerjakan kejahatan, maka dia tidak akan dibalas melainkan dengan balasan yang setanding dengannya dan barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh sama ada lelaki atau perempuan, sedangkan dia beriman, maka merekalah orang-orang yang akan memasuki Syurga di mana mereka dikurniakan rezeki tanpa hisab (40). Wahai kaumku! Bagaimana? Aku menyeru kamu kepada keselamatan, sedangkan kamu menyeruku ke Neraka (41). Kamu menyeruku supaya ingkarkan Allah dan mempersekutukan-Nya dengan sembahan-sembahan yang aku tidak mengetahui sedikit pun (mengenai ketuhanannya) sedangkan aku menyeru kamu beriman kepada Tuhan Yang maha Perkasa dan Maha Pengampun (42). Tidak syak lagi bahawa tuhan palsu yang kamu seru aku beriman kepadanya, tidak mempunyai sebarang da'wah di dunia dan di Akhirat. Dan sesungguhnya kepulangan kita ialah kepada Allah dan sesungguhnya orang-orang yang pelampau itulah penghuni-penghuni Neraka (43). Kelak kamu akan ingat (kebenaran) apa yang aku katakan kepada kamu, dan aku menyerahkan urusanku kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya (44). Lalu Allah melindunginya dari kejahatan-kejahatan tipu daya yang dirancangkan mereka, dan keluarga Fir'aun telah ditimpa 'azab yang amat dahsyat (45). Api Neraka didedahkan ke atas mereka pagi dan petang. Dan pada hari berlakunya Qiamat (diperintahkan kepada malaikat) masukkanlah Fir'aun dan keluarganya ke dalam 'azab yang paling dahsyat." (46).

وَإِذْ يَتَحَآجُّونَ فِى ٱلنَّارِ فَيَقُولُ ٱلضُّعَفَٰٓؤُا۟
لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا لَكُمْ تَبَعًا فَهَلْ
أَنتُم مُّغْنُونَ عَنَّا نَصِيبًا مِّنَ ٱلنَّارِ ﴿٤٧﴾

قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُلٌّ فِيهَآ إِنَّ
ٱللَّهَ قَدْ حَكَمَ بَيْنَ ٱلْعِبَادِ ﴿٤٨﴾

وَقَالَ ٱلَّذِينَ فِى ٱلنَّارِ لِخَزَنَةِ جَهَنَّمَ ٱدْعُوا۟
رَبَّكُمْ يُخَفِّفْ عَنَّا يَوْمًا مِّنَ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٩﴾

قَالُوٓا۟ أَوَلَمْ تَكُ تَأْتِيكُمْ رُسُلُكُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ ۖ
قَالُوا۟ بَلَىٰ ۚ قَالُوا۟ فَٱدْعُوا۟ ۗ وَمَا دُعَٰٓؤُا۟ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا
فِى ضَلَٰلٍ ﴿٥٠﴾

إِنَّا لَنَنصُرُ رُسُلَنَا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فِى ٱلْحَيَوٰةِ
ٱلدُّنْيَا وَيَوْمَ يَقُومُ ٱلْأَشْهَٰدُ ﴿٥١﴾

يَوْمَ لَا يَنفَعُ ٱلظَّٰلِمِينَ مَعْذِرَتُهُمْ ۖ وَلَهُمُ ٱللَّعْنَةُ وَلَهُمْ
سُوٓءُ ٱلدَّارِ ﴿٥٢﴾

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْهُدَىٰ وَأَوْرَثْنَا بَنِىٓ
إِسْرَٰٓءِيلَ ٱلْكِتَٰبَ ﴿٥٣﴾

هُدًى وَذِكْرَىٰ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٥٤﴾
فَاصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنبِكَ
وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ بِالْعَشِيِّ وَالْإِبْكَارِ ﴿٥٥﴾

"Dan (kenangilah) ketika mereka berbantah-bantah di dalam Neraka, lalu berkatalah orang-orang yang lemah dari mereka kepada orang-orang yang telah berlagak angkuh: Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu. Oleh itu dapatkah kamu hapuskan dari kami sebahagian dari 'azab Neraka? (47) Jawab orang-orang yang telah berlagak angkuh itu: Sesungguhnya kita semua sama-sama berada dalam Neraka, sesungguhnya Allah telah pun menetapkan hukuman di antara hamba-hamba-Nya (48). Lalu berkatalah orang-orang yang berada di dalam Neraka kepada penjaga-penjaga Neraka: Pohonkanlah kepada Tuhan kamu supaya meringankan 'azab dari kami barang sehari (49). Jawab (penjaga-penjaga Neraka): Bukankah telah datang kepada kamu rasul-rasul kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas? Jawab mereka: Ya, mereka datang. Lalu (penjaga-penjaga Neraka) berkata: Berdo'alah sendiri! Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan hanya sia-sia belaka (50). Sesungguhnya Kami tetap menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia dan pada hari (Qiamat di mana) berdirinya para saksi (51). Iaitu hari yang tidak berguna kepada orang-orang yang zalim (kafir) permohonan maaf dari mereka, dan mereka akan mendapat laknat dan akan mendapat tempat kediaman yang amat dahsyat (52). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hidayat kepada Musa dan Kami kurniakan Bani Israel mewarisi kitab Taurat (53). Untuk menjadi hidayat dan peringatan kepada orang-orang yang mempunyai minda yang sihat (54). Oleh itu bersabarlah sesungguhnya janji Allah itu benar dan pohonlah keampunan terhadap dosamu dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu pada waktu petang dan pagi."(55)

Sebelum ini kami telah intisarikan maudhu' pusingan ini dari surah ini, dan sebelum diterangkannya secara terperinci kami ingin menarik perhatian bahawa penceritaan babak ini di sini dari kisah ini adalah maudhu'nya selaras dengan maudhu' surah dan selaras dengan cara pengungkapannya - kadang-kadang dengan menggunakan ungkapan yang sama - dengan cara pengungkapan surah, dan setengah-setengah ungkapannya diulang-ulang, dan dengan perantaraan lidah seorang lelaki Mu'min dari keluarga Fir'aun itu lahir beberapa konsep dan ungkapan yang sama yang telah pun disebut di dalam surah ini. Lelaki Mu'min itu mengingatkan Fir'aun, Haman dan Qarun bahawa mereka hidup mewah dan berkuasa di negeri Mesir dan mengingatkan mereka supaya mereka tidak ditimpa hari malapetaka seperti hari malapetaka yang menimpa golongan-golongan yang menentang rasul. Dia juga mengingatkan mereka terhadap hari Qiamat yang ditayangkan pemandangan-pemandangannya di permulaan surah. Seterusnya dia memperkatakan tentang orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah dan tentang kemurkaan Allah serta kemarahan orang-orang Mu'min terhadap mereka sebagaimana telah dibicarakan di dalam pusingan yang pertama. Kemudian ditayangkan pula pemandangan mereka sedang berada dalam keadaan hina-dina di dalam Neraka. Di mana mereka berdo'a dan memohon dengan merendahkan diri, tetapi do'a mereka tidak diperkenankan Allah sebagaimana telah ditayangkan pemandangan orang-orang yang seperti mereka sebelum ini di dalam surah ini.

Semuanya itu menyarankan bahawa logik iman dan logik orang-orang yang beriman adalah sama sahaja kerana ia diambil dari kebenaran yang sama. Dan semuanya itu menyelaraskan suasana surah dan menjadikannya satu syakhsiyah yang mempunyai bentuk rupa yang sama dan padu, dan inilah fenomena yang dapat diperhatikan pada tiap-tiap surah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 22)

Contoh Teladan Dari Sejarah

أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الَّذِينَ كَانُوا مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَانُوا هُمْ أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً
وَآثَارًا فِي الْأَرْضِ فَأَخَذَهُمُ اللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ وَمَا
كَانَ لَهُم مِّنَ اللَّهِ مِن وَاقٍ ﴿٢١﴾
ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانَت تَّأْتِيهِمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ
فَكَفَرُوا فَأَخَذَهُمُ اللَّهُ ۚ إِنَّهُ قَوِيٌّ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٢﴾

"Tidakkah mereka menjelajah di muka bumi dan memperhatikan bagaimana akibat yang menimpa orang-orang (kafir) yang terdahulu dari mereka? Mereka adalah lebih hebat dari mereka dari segi kekuatan dan kesan-kesan peninggalan mereka di bumi. Allah telah membinasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan tiada siapa pun yang dapat melindungkan mereka dari 'azab Allah (21). Balasan itu disebabkan kerana mereka telah didatangi rasul-rasul mereka membawa bukti-bukti yang jelas tetapi mereka mengingkarkannya, lalu Allah binasakan mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuat dan amat berat balasan-Nya."(22)

Inilah jambatan yang menghubungkan di antara kisah Musa a.s. dengan maudhu' surah sebelumnya yang menyebut kisah orang-orang Musyrikin Arab yang menyangkal ayat-ayat Allah supaya mereka mengambil iktibar dari sejarah umat-umat sebelum mereka. Di sini Al-Qur'an menyuruh mereka supaya menjelajah di muka bumi dan melihat kebinasaan-kebinasaan yang menimpa umat-umat yang dahulukala yang sependirian dengan mereka, sedangkan umat-umat itu lebih hebat dari mereka dari segi kekuatan dan kesan-kesan pembangunan mereka di bumi, namun demikian mereka semuanya lemah dalam menghadapi malapetaka yang ditimpakan Allah ke atas mereka. Dosa-dosa mereka telah menyebabkan mereka tersisih dari punca

kekuatan yang sebenar dan menyebabkan mereka dimusuhi oleh kekuatan-kekuatan iman yang lain bersama-sama dengan kekuatan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Gagah:

فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ وَمَا كَانَ لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ
مِن وَاقٍ ﴿٢١﴾

"Allah telah membinasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan tiada siapa pun yang dapat melindungkan mereka dari 'azab Allah."(21)

Tiada yang dapat memberi perlindungan kepada mereka melainkan keimanan, amalan yang soleh dan berdiri di barisan iman, kebenaran dan kebaikan. Perbuatan mendustakan rasul-rasul dan keterangan-keterangan Ilahi yang jelas akan membawa kepada kehancuran dan balasan keseksaan:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانَت تَّأْتِيهِمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ
فَكَفَرُوا۟ فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُ ۚ إِنَّهُۥ قَوِىٌّ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢٢﴾

"Balasan itu disebabkan kerana mereka telah didatangi rasul-rasul mereka membawa bukti-bukti yang jelas tetapi mereka ingkarkannya, lalu Allah binasakan mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuat dan amat berat balasan-Nya."(22)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 23 - 24)

Setelah mengemukakan intisari umum, Al-Qur'an mula membentangkan satu contoh dari umat-umat yang terdahulu yang lebih hebat dari mereka dari segi kekuatan dan kesan-kesan pembangunan mereka di dunia. Mereka telah dibinasakan Allah dengan sebab dosa-dosa mereka. Mereka ialah Fir'aun, Qarun dan Haman dan tokoh-tokoh pelampau yang lain yang ada bersama mereka.

Babak kisah Musa a.s. ini terbahagi kepada beberapa situasi dan pemandangan. Ia dimulakan dengan situasi membentangkan kerasulan Musa kepada Fir'aun dan para pembesarnya dan berakhir di negeri Akhirat, di mana mereka berbantah-bantah di dalam Neraka. Inilah satu penjelajahan yang jauh, tetapi Al-Qur'an hanya memilih beberapa petikan yang tertentu dari penjelajahan ini iaitu petikan-petikan yang memenuhi tujuan dari pembentangan babak ini di dalam surah ini:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَا وَسُلْطَٰنٍ مُّبِينٍ ﴿٢٣﴾
إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ وَقَٰرُونَ فَقَالُوا۟ سَٰحِرٌ
كَذَّابٌ ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya Kami telah utuskan Musa membawa ayat-ayat Kami dan hajat yang amat jelas (23). Kepada Fir'aun, Haman dan Qarun lalu mereka berkata: Dia seorang tukang sihir yang pendusta."(24)

Inilah situasi pertemuan pertama antara Musa yang membawa ayat-ayat Allah dan kekuatan kebenaran yang ada di dalam tangannya dengan Fir'aun, Haman dan Qarun yang membawa kebatilan yang palsu, kekuatan mereka yang lahir dan kedudukan mereka yang ditakuti mereka dari menghadapi kebenaran yang mempunyai kekuatan, dan pada waktu inilah mereka menggunakan perdebatan dengan alasan-alasan yang batil untuk menghapuskan kebenaran. Lalu mereka berkata:

فَقَالُوا۟ سَٰحِرٌ كَذَّابٌ ﴿٢٤﴾

"Dia seorang tukang sihir yang pendusta."(24)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 27)

Kemuncak Penentangan Fir'aun Terhadap Musa

Kemudian Al-Qur'an mengintisarikan perincian cerita selepas perdebatan itu dan menggulungkan situasi perlawanan Musa dengan tukang-tukang sihir yang akhirnya beriman kepada kebenaran yang mengalahkan kebatilan mereka dan menelan ular-ular palsu mereka. Kemudahan Al-Qur'an menayangkan situasi yang belum selepas peristiwa-peristiwa:

فَلَمَّا جَآءَهُم بِٱلْحَقِّ مِنْ عِندِنَا قَالُوا۟ ٱقْتُلُوٓا۟
أَبْنَآءَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ وَٱسْتَحْيُوا۟ نِسَآءَهُمْ ۚ

"Dan apabila dia membawa kepada mereka kebenaran dari sisi kami, mereka pun berkata: Bunuhlah anak-anak lelaki orang-orang yang beriman yang ada bersamanya dan biarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup."(25)

Sebelum disempurnakan ayat ini diiringi dengan pernyataan:

وَمَا كَيْدُ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ﴿٢٥﴾

"Dan tiada tipu daya orang-orang yang kafir itu melainkan berada dalam kegagalan."(25)

Itulah logik kezaliman atau keterlaluan yang amat kasar apabila ia gagal mendapat hujah dan lemah mengemukakan alasan yang betul dan takut dikalahkan oleh kebenaran, kerana kebenaran amat kuat, jelas dan terang. Apabila kebenaran berbicara dengan fitrah manusia, maka ia didengar dan disambut oleh fitrah sebagaimana sambutan tukang-tukang sihir yang didatangkan oleh Fir'aun untuk mengalahkan Musa dan kekuatan-kekuatan yang ada padanya, lalu mereka terbalik menjadi orang-orang yang pertama beriman kepada kebenaran untuk menghadapi Fir'aun yang bermaharajalela.

Adapun Fir'aun, Haman dan Qarun mereka telah berkata:

ٱقْتُلُوٓا۟ أَبْنَآءَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ وَٱسْتَحْيُوا۟
نِسَآءَهُمْ ۚ

"Bunuhlah anak-anak lelaki orang-orang yang beriman yang ada bersamanya dan biarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup."(25)

Perintah yang seumpama ini telah dikeluarkan oleh Fir'aun yang hidup pada masa kelahiran Musa a.s. Di sana ada dua kemungkinan dalam kejadian yang telah berlaku selepas dikeluarkan perintah yang pertama itu. Kemungkinan pertama, Fir'aun yang mengeluarkan perintah itu telah pun mati lalu digantikan oleh puteranya atau Tengku Mahkotanya, sedangkan perintah itu tidak pernah dijalankan di zaman pemerintahan yang baru itu sehingga muncul Nabi Musa a.s. dan berdepan dengan Fir'aun yang baru itu, yang memang mengenali Musa semasa baginda menjadi Tengku Mahkota. Baginda tahu Musa dididik di dalam istana dan baginda memang tahu mengenai perintah pertama supaya dibunuh anak-anak lelaki Bani Israel dan dibiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup. Pembesar-pembesar Fir'aunlah yang menyebutkan kembali perintah itu dan merekalah yang menyarankan supaya perintah itu dilakukan khusus terhadap orang-orang yang beriman kepada Musa sama ada mereka dari kumpulan ahli-ahli sihir (yang berpaling tadah) itu atau dari segelintir Bani Israel yang menyambut da'wahnya dalam keadaan takut kepada Fir'aun dan pembesar-pembesarnya. Kemungkinan yang kedua, Fir'aun itu ialah Fir'aun yang pertama yang telah mengambil Musa selaku anak angkatnya yang masih bersemayam di atas takhtanya, di mana pelaksanaan perintah yang pertama itu telah dilonggarkan selepas beberapa waktu atau telah dihentikan pelaksanaannya selepas ancaman yang ditakutinya itu tidak ada lagi, kemudian pembesar-pembesar baginda telah mengesyorkan kepadanya supaya perintah itu dibaharui semula dan dikhususkan terhadap orang-orang yang beriman kepada Musa sahaja untuk menakutkan mereka.

Tetapi Fir'aun sendiri nampaknya mempunyai satu fikiran yang lain atau satu cadangan tambahan semasa merancangkan komplot itu iaitu baginda mahu membunuh Musa sendiri. Dengan ini baharulah baginda dapat beristirehat:

وَقَالَ فِرْعَوْنُ ذَرُونِيٓ أَقْتُلْ مُوسَىٰ وَلْيَدْعُ رَبَّهُۥٓ ۖ إِنِّيٓ أَخَافُ أَن يُبَدِّلَ دِينَكُمْ أَوْ أَن يُظْهِرَ فِى ٱلْأَرْضِ ٱلْفَسَادَ ﴿٢٦﴾

"Dan Fir'aun berkata: Biarkanlah aku sendiri membunuh Musa dan biarlah dia memohon (pertolongan) dari Tuhannya. Kerana sesungguhnya aku takut dia akan menukarkan agama kamu atau menimbulkan kerosakan (huru-hara) di bumi."(26)

Dari perkataan baginda: **"Biarkanlah aku sendiri membunuh Musa"**(ذروني أقتل موسى) ... nampaknya fikiran baginda itu telah mendapat tentangan - dari segi cadangan atau bangkangan seolah-olah ada orang yang berkata: Bahawa pembunuhan Musa tidak menyelesaikan masalah. Ia mungkin menyebabkan orang ramai memandang suci kepadanya dan menganggapkannya sebagai orang yang mati syahid, dan ini menambahkan keghairahan mereka kepada Musa dan kepada agama yang dibawa olehnya terutama selepas kumpulan tukang-tukang sihir beriman kepadanya di hadapan khalayak ramai setelah mereka menerangkan sebab-sebab keimanan mereka, sedangkan dahulunya mereka khusus dibawa untuk mengalah dan menentang Musa a.s. Dan mungkin juga setengah-setengah penasihat-penasihat Fir'aun itu merasa takut bahawa Tuhan Musa akan menuntut bela terhadap mereka dengan mengazabkan mereka. Kemungkinan ini tidak jauh kerana penganut-penganut paganisme itu percaya kepada adanya banyak tuhan dan dengan mudah mereka berfikir bahawa Tuhan Musa akan menuntut bela terhadap orang-orang yang mencerobohinya dan jadilah perkataan Fir'aun: *"Biarlah dia memohon (pertolongan) dari Tuhannya"* (وليدع ربه).

Itu sebagai jawapan atas kebimbangan mereka walaupun kemungkinan tidak jauh bahawa perkataan Fir'aun yang biadab ini adalah diucapkan dengan maksud menyatakan kesombongan dan kemaharajalelaan, iaitu satu perbuatan yang menyebabkan baginda pada akhirnya menerima balasannya sebagaimana akan diterangkan kelak.

Mungkin juga ganjil apabila kita memperhatikan alasan Fir'aun yang hendak membunuh Musa itu:

إِنِّيٓ أَخَافُ أَن يُبَدِّلَ دِينَكُمْ أَوْ أَن يُظْهِرَ فِى ٱلْأَرْضِ ٱلْفَسَادَ ﴿٢٦﴾

"Kerana sesungguhnya aku takut dia akan menukarkan agama kamu atau menimbulkan kerosakan (huru-hara) di bumi."(26)

Adakah di sana ada perkataan yang lebih aneh dari perkataan Fir'aun penyembah berhala yang sesat terhadap Musa a.s.:

إِنِّيٓ أَخَافُ أَن يُبَدِّلَ دِينَكُمْ أَوْ أَن يُظْهِرَ فِى ٱلْأَرْضِ ٱلْفَسَادَ ﴿٢٦﴾

"Kerana sesungguhnya aku takut dia akan menukarkan agama kamu atau menimbulkan kerosakan (huru-hara) di bumi."(26)

Tidakkah perkataan ini merupakan satu perkataan yang diucapkan oleh setiap pemerintah yang zalim dan perosak terhadap setiap penda'wah yang memperjuangkan islah? Tidakkah perkataan ini merupakan kebatilan yang menentang kebenaran? Tidakkah perkataan ini merupakan perkataan penipuan untuk menghasut orang ramai menentang keimanan yang tenang?

Ia merupakan satu logik yang sama, yang berulang-ulang setiap kali kebenaran bertembung dengan

kebatilan, keimanan bertembung dengan kekufuran, kebaikan bertembung dengan kezaliman di sepanjang zaman dan di setiap tempat. Ia merupakan satu kisah lama yang berulang-ulang yang berlaku dari satu masa ke satu masa.

Tetapi Musa telah berlindung pada tempat yang amat kukuh dan pada benteng yang amat kuat iaitu beliau berlindung pada Allah yang melindungi sekalian orang yang mencari perlindungan:

وَقَالَ مُوسَىٰٓ إِنِّى عُذْتُ بِرَبِّى وَرَبِّكُم مِّن كُلِّ مُتَكَبِّرٍ
لَّا يُؤْمِنُ بِيَوْمِ ٱلْحِسَابِ ﴿٢٧﴾

"Dan Musa berkata: Sesungguhnya aku berlindung pada Tuhanku dan Tuhan kamu dari setiap orang yang takbur yang tidak percaya kepada Hari Hisab."(27)

Musa berkata dengan tenang dan menyerahkan urusan-Nya kepada Allah yang menguasai setiap manusia yang takbur, menguasai setiap yang zalim dan Yang Maha Kuasa melindungi sekalian orang yang berlindung pada-Nya dari kejahatan sekalian manusia yang angkuh. Beliau telah menyebut sifat Wahdaniyah Allah Tuhannya dan Tuhan mereka yang tidak pernah dilupakan-Nya dan tidak pernah diabaikan-Nya ketika menghadapi ancaman dan ugutan. Beliau juga telah menyebut sifat Fir'aun yang tidak percaya kepada Hari Hisab, kerana tidak ada orang yang berlagak takbur jika ia percaya kepada Hari Hisab, di mana dia akan melihat dirinya pada hari itu berada dalam keadaan yang hina-dina, khusyu' dan rendah diri, tidak mempunyai sebarang kekuatan, sebarang teman dan sebarang penolong yang dapat memberi syafa'at kepadanya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 35)

Pembelaan Terhadap Musa Dari Seorang Keluarga Fir'aun

Di sini tampillah seorang lelaki dari keluarga Fir'aun, seorang yang telah menerima kebenaran dalam hatinya, tetapi dia telah menyembunyikan keimanannya. Ia tampil ke muka membela Musa dari Fir'aun dan kaumnya. Dia berbicara dengan Fir'aun dan pembesar-pembesarnya dari berbagai-bagai segi. Dia memberi nasihat secara halus kepada hati mereka dan merangsangkan kepekaannya dengan pernyataan-pernyataan yang menakut dan meyakinkan mereka:

وَقَالَ رَجُلٌ مُّؤْمِنٌ مِّنْ ءَالِ فِرْعَوْنَ يَكْتُمُ إِيمَٰنَهُۥٓ
أَتَقْتُلُونَ رَجُلًا أَن يَقُولَ رَبِّىَ ٱللَّهُ وَقَدْ جَآءَكُم
بِٱلْبَيِّنَٰتِ مِن رَّبِّكُمْ ۖ وَإِن يَكُ كَٰذِبًا فَعَلَيْهِ
كَذِبُهُۥ ۖ وَإِن يَكُ صَادِقًا يُصِبْكُم بَعْضُ ٱلَّذِى
يَعِدُكُمْ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ
كَذَّابٌ ﴿٢٨﴾
يَٰقَوْمِ لَكُمُ ٱلْمُلْكُ ٱلْيَوْمَ ظَٰهِرِينَ فِى ٱلْأَرْضِ فَمَن
يَنصُرُنَا مِنۢ بَأْسِ ٱللَّهِ إِن جَآءَنَا ۚ قَالَ فِرْعَوْنُ مَآ أُرِيكُمْ
إِلَّا مَآ أَرَىٰ وَمَآ أَهْدِيكُمْ إِلَّا سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ﴿٢٩﴾
وَقَالَ ٱلَّذِىٓ ءَامَنَ يَٰقَوْمِ إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُم مِّثْلَ
يَوْمِ ٱلْأَحْزَابِ ﴿٣٠﴾
مِثْلَ دَأْبِ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودَ وَٱلَّذِينَ مِنۢ بَعْدِهِمْ ۚ
وَمَا ٱللَّهُ يُرِيدُ ظُلْمًا لِّلْعِبَادِ ﴿٣١﴾
وَيَٰقَوْمِ إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ يَوْمَ ٱلتَّنَادِ ﴿٣٢﴾
يَوْمَ تُوَلُّونَ مُدْبِرِينَ مَا لَكُم مِّنَ ٱللَّهِ مِنْ عَاصِمٍ ۗ وَمَن
يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾
وَلَقَدْ جَآءَكُمْ يُوسُفُ مِن قَبْلُ بِٱلْبَيِّنَٰتِ
فَمَا زِلْتُمْ فِى شَكٍّ مِّمَّا جَآءَكُم بِهِۦ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا
هَلَكَ قُلْتُمْ لَن يَبْعَثَ ٱللَّهُ مِنۢ بَعْدِهِۦ رَسُولًا ۚ
كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ مُّرْتَابٌ ﴿٣٤﴾
ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بِغَيْرِ سُلْطَٰنٍ
أَتَىٰهُمْ ۖ كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ
كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ قَلْبِ مُتَكَبِّرٍ جَبَّارٍ ﴿٣٥﴾

"Lalu berkatalah seorang lelaki Mu'min dari keluarga Fir'aun yang menyembunyikan keimanannya. Apakah kamu hendak membunuh seorang yang berkata: Allah itu Tuhanku sedangkan dia telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu. Jika dia bohong, maka dialah yang akan menanggung akibat pembohongannya dan jika dia benar nescaya kamu akan ditimpa sebahagian 'azab yang diancamkannya kepada kamu. Sesungguhnya Allah tidak

memberi hidayat kepada orang-orang yang pelampau lagi pendusta (28). Wahai kaumku! Kamulah yang memiliki kerajaan (Mesir) pada hari ini, kamulah yang terkemuka di dunia ini, tetapi siapakah yang dapat menolong kita dari 'azab Allah jika 'azab itu menimpa kita? Jawab Fir'aun: Aku tidak kemukakan fikiranku melainkan apa yang aku pandang baik dan aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar (29). Lalu berkatalah lelaki yang beriman itu: Wahai kaumku! Aku takut kamu akan ditimpakan malapetaka seperti hari malapetaka yang menimpa golongan-golongan (yang menentang rasul) (30). Seperti keadaan kaum Nuh, 'Ad dan Thamud dan orang-orang selepas mereka. Dan Allah tidak sekali-kali berkehendak melakukan kezaliman terhadap hamba-hamba-Nya (31). Wahai kaumku! Aku takut kamu ditimpa 'azab pada hari (Qiamat) yang penuh dengan seruan (meminta pertolongan) (32). Iaitu pada hari kamu berpaling ke belakang melarikan diri, sedangkan tiada siapa yang dapat melindungkan kamu dari 'azab Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepada-Nya (33). Dan sesungguhnya sebelum ini Yusuf telah datang kepada kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas, tetapi kamu masih berada di dalam keraguan terhadap ajaran yang dibawa olehnya kepada kamu, sehingga apabila dia wafat, kamu telah berkata: Allah tidak akan membangkitkan lagi seorang rasul selepasnya. Demikianlah Allah, menyesatkan orang-orang yang pelampau dan ragu-ragu (34). Iaitu orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa sebarang alasan yang sampai kepada mereka. Amat besarlah kemurkaan di sisi Allah dan di sisi orang-orang yang beriman. Demikianlah Allah menutupkan setiap hati yang takbur dan sewenang-wenang."(35)

Itulah satu pengembaraan yang amat hebat yang ditempuh, oleh lelaki Mu'min bersama-sama Fir'aun dan pembesar-pembesarnya yang sedang mengatur komplot terhadap Musa dan apa yang dikemukakannya merupakan logik fitrah seorang Mu'min yang dinyatakan dengan hati-hati, pintar dan kuat. Mula-mula ia mengecam rancangan jahat yang hendak dilaksanakan mereka: **"Apakah kamu hendak membunuh seorang yang berkata: Allah itu Tuhanku "**(أتقتلون رجلاً أن يقول ربي الله).

Apakah perkataan yang jujur ini yang ada hubungan dengan kepercayaan dan keyakinan seseorang ini wajar dihukum bunuh atau ditentang dengan mencabutkan nyawanya? Ini adalah satu gambaran-gambaran perbuatan yang amat keji yang begitu jelas keburukannya.

Kemudian dia membawa mereka maju setapak lagi iaitu orang yang mengeluarkan perkataan yang jujur itu: **"Allah itu Tuhanku"**(ربي الله) adalah mempunyai alasan dan dalilnya yang kuat:

وَإِن يَكُ كَٰذِبًا فَعَلَيْهِ كَذِبُهُۥ

"Dia telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu."(28)

Lelaki itu mengisyaratkan kepada bukti-bukti yang telah dikemukakan oleh Musa a.s. dan dilihat sendiri oleh mereka, sedangkan bukti-bukti ini jika difikir secara persendirian dan jauh dari orang ramai adalah bukti-bukti yang sukar dipertikaikan oleh mereka.

Kemudian lelaki ini membuat andaian yang seburuk-buruknya dan memperlihatkan sikapnya yang adil terhadap persoalan itu sesuai dengan setinggi-tinggi andaian yang mungkin diambil mereka:

وَإِن يَكُ كَٰذِبًا فَعَلَيْهِ كَذِبُهُۥ

"Jika Musa itu bohong maka dialah yang akan menanggung akibat bohongnya."(28)

Yakni dialah yang akan bertanggungjawab terhadap perbuatannya, menerima balasannya dan menanggung dosanya. Dan ini bukannya boleh dijadikan alasan untuk mereka membunuhnya.

Di sana ada lagi satu kemungkinan iaitu jika Musa benar, maka eloklah kemungkinan itu diperhitungkan dengan sebaik-baiknya supaya mereka tidak menerima akibatnya:

وَإِن يَكُ صَادِقًا يُصِبْكُم بَعْضُ ٱلَّذِى يَعِدُكُمْ

"Dan jika dia benar nescaya kamu akan ditimpa sebahagian 'azab yang diancamkannya kepada kamu."(28)

Kemungkinan mereka ditimpa sebahagian 'azab yang diancamkan kepada mereka itu merupakan sekurang-kurang kemungkinan dan dia tidak menuntut dari mereka lebih dari itu. Inilah kemuncak keadilan dalam sesuatu perdebatan.

Kemudian dia mengancam mereka secara halus. Apabila dia mengeluarkan satu pendapat yang melibatkan Musa di samping melibatkan mereka juga iaitu:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ كَذَّابٌ ﴿٢٨﴾

"Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang pelampau lagi pendusta."(28)

Jika si pelampau yang pendusta itu Musa, maka sudah tentu Allah tidak akan memberi hidayat dan taufiq kepadanya, oleh itu biarkanlah dia menerima balasannya, tetapi hendaklah kamu berhati-hati dari mendustakan Musa dan bertindak keterlaluan terhadapnya supaya kamu tidak ditimpa balasan seperti ini.

Ketika dia menghubungkan mereka kepada tindakan Allah terhadap mereka yang pelampau dan pendusta itu, dia mengugut mereka dengan balasan Allah dan 'azab-Nya yang tidak dapat diselamatkan darinya oleh kerajaan dan kekuasaan yang ada pada mereka. Dia menyebut ni'mat ini kepada mereka supaya mereka bersyukur bukannya ingkar:

يَٰقَوْمِ لَكُمُ ٱلْمُلْكُ ٱلْيَوْمَ ظَٰهِرِينَ فِى ٱلْأَرْضِ فَمَن
يَنصُرُنَا مِنۢ بَأْسِ ٱللَّهِ إِن جَآءَنَا

"Wahai kaumku! Kamulah yang memiliki kerajaan (Mesir) pada hari ini dan kamulah yang terkemuka di negeri ini, tetapi siapakah yang dapat menolong kita dari 'azab Allah jika 'azab itu menimpa kita?"(29)

Lelaki Mu'min itu merasakan perasaan yang dirasakan oleh hati yang Mu'min iaitu 'azab balasan Allah lebih dekat kepada orang-orang yang memegang kuasa memerintah di muka bumi ini. Merekalah orang-orang yang paling wajar takutkan Allah, paling wajar bertaqwa kepada-Nya, paling wajar menaruh kebimbangan kepada-Nya, kerana Allah mengawasi mereka setiap waktu malam dan siang. Kerana itu dia mengingatkan mereka dengan kekuasaan pemerintahan mereka ketika dia menyebut pandangan yang tersemat di dalam mata hatinya ini, kemudian dia libatkan dirinya bersama mereka ketika mengingatkan mereka dengan balasan 'azab Allah:

فَمَن يَنصُرُنَا مِنۢ بَأْسِ ٱللَّهِ إِن جَآءَنَا

"Siapakah yang dapat menolong kita dari 'azab Allah jika 'azab itu menimpa kita?"(29)

Kata-kata ini untuk menyedarkan mereka bahawa segala langkah mereka adalah penting baginya, kerana dia adalah salah seorang dari mereka yang turut menunggu nasibnya bersama mereka. Jadi, dia hanya seorang penasihat sahaja yang merasa bimbang terhadap mereka, semoga ini dapat mendorong mereka memberi perhatian yang berat kepada amaran dan peringatannya dan supaya mereka memandang amarannya itu dengan hati yang suci dan ikhlas. Dia cuba menyedarkan mereka bahawa tiada siapa yang dapat menolong dan membimbing dari 'azab Allah jika ia menimpa mereka, seluruh mereka terlalu lemah untuk menolakkannya.

Di sini Fir'aun merasa tersinggung sama seperti tersinggungnya setiap pemerintah yang zalim apabila diberi nasihat kepadanya. Baginda merasa bangga dengan dosanya. Baginda memandang nasihat yang ikhlas itu sebagai mencabar kuasanya dan mengecilkan pengaruhnya dan sebagai perbuatan hendak berkongsi kuasa dan pengaruh dengannya.

قَالَ فِرْعَوْنُ مَآ أُرِيكُمْ إِلَّا مَآ أَرَىٰ وَمَآ أَهْدِيكُمْ إِلَّا سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ﴿٢٩﴾

"Jawab Fir'aun: Aku tidak kemukakan fikiranku melainkan apa yang aku pandang baik dan aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar."(29)

Aku tidak mencadangkan kepada kamu melainkan sesuatu yang aku pandang betul dan menganggapnya berguna. Cadanganku itu tidak syak lagi betul, baik dan tidak dapat dipertikaikan lagi. Apakah betul pemerintah-pemerintah yang zalim itu tidak memikirkan melainkan sesuatu yang baik dan betul? Apakah mereka boleh membenarkan jika ada orang lain memandang mereka telah membuat kesilapan? Apakah mereka membenarkan orang lain memberi fikiran yang lain di samping fikirannya? Jika jawapannya ya, mengapa mereka digelarkan pemerintah yang zalim?

Tetapi lelaki yang Mu'min itu tidak berpendapat demikian. Dia merasa berkewajipan mengingat, memberi nasihat dan mengeluarkan pendapatnya. Ia merasa berkewajipan berdiri di sebelah, kebenaran yang diyakini olehnya walaupun bertentangan dengan pendapat pemerintah-pemerintah yang zalim, kemudian dia mengetuk hati mereka dengan satu pernyataan lain semoga hati itu sedar, terharu dan lembut, ia mengetuk hati mereka dengan menarik perhatiannya kepada akibat-akibat kebinasaan yang menimpa golongan-golongan yang menentang rasul-rasul sebelum mereka. Peristiwa-peristiwa itu merupakan saksi yang melihat bagaimana dahsyatnya Allah membinasakan pendusta-pendusta dan pelampau-pelampau:

وَقَالَ ٱلَّذِىٓ ءَامَنَ يَٰقَوْمِ إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُم مِّثْلَ يَوْمِ ٱلْأَحْزَابِ ﴿٣٠﴾ مِثْلَ دَأْبِ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودَ وَٱلَّذِينَ مِنۢ بَعْدِهِمْ وَمَا ٱللَّهُ يُرِيدُ ظُلْمًا لِّلْعِبَادِ ﴿٣١﴾

"Lalu berkatalah lelaki yang beriman itu: Wahai kaumku! Aku takut kamu akan ditimpakan malapetaka seperti hari malapetaka yang menimpa golongan-golongan (yang menentang rasul) (30). Seperti keadaan kaum Nuh, 'Ad dan Thamud dan orang-orang selepas mereka. Dan Allah tidak sekali-kali berkehendak melakukan kezaliman terhadap hamba-hamba-Nya."(31)

Setiap golongan itu ada hari kebinasaannya masing-masing, tetapi lelaki yang Mu'min itu mengumpulkan hari-hari itu dalam satu hari sahaja:

مِّثْلَ يَوْمِ ٱلْأَحْزَابِ ﴿٣٠﴾

"Seperti hari malapetaka yang menimpa golongan-golongan yang menentang rasul-rasul."(30)

Itulah hari yang dapat dilihat dengan jelas betapa dahsyatnya balasan 'azab Allah. Itulah hari yang sama dari segi sifatnya yang berlaku ke atas golongan-golongan penentang rasul.

وَمَا ٱللَّهُ يُرِيدُ ظُلْمًا لِّلْعِبَادِ ﴿٣١﴾

"Dan Allah tidak sekali-kali berkehendak melakukan kezaliman terhadap hamba-hamba-Nya."(31)

Allah membinasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan membetulkan umat-umat di sekeliling mereka dan umat-umat yang kemudian dari mereka dengan menimpakan hari-hari 'azab Allah ke atas mereka.

Kemudian sekali lagi lelaki Mu'min itu mengetuk hati dengan mengingatkan mereka dengan Hari Qiamat yang penuh dengan seruan:

وَيَٰقَوْمِ إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ يَوْمَ ٱلتَّنَادِ ﴿٣٢﴾

يَوْمَ تُوَلُّونَ مُدْبِرِينَ مَا لَكُم مِّنَ ٱللَّهِ مِنْ عَاصِمٍ ۗ وَمَن
يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾

"Wahai kaumku! Aku takut kamu ditimpa 'azab pada Hari (Qiamat) yang penuh dengan seruan (32). Iaitu pada hari kamu berpaling ke belakang melarikan diri, sedangkan tiada siapa yang dapat melindungkan kamu dari 'azab Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepada-Nya."(33)

Pada hari itu para malaikat yang mengumpulkan manusia di padang Mahsyar itu berseru, dan Ashabul-A'raaf (أصحاب الأعراف) juga menyeru penghuni Syurga dan penghuni-penghuni Neraka. Sementara penghuni-penghuni Syurga menyeru penghuni-penghuni Neraka, dan penghuni-penghuni Neraka pula menyeru penghuni-penghuni Syurga. Hari itu penuh dengan seruan dalam berbagai-bagai bentuk. Penamaan hari Qiamat dengan:

يَوْمَ ٱلتَّنَادِ ﴿٣٢﴾

"Hari yang penuh dengan seruan"(32)

itu membayangkan suasana hari itu riuh rendah, hiruk-pikuk dengan suara-suara pekikan di sana sini, dan menggambarkan hari yang penuh dengan kesesakan dan pertengkaran. Ia juga sesuai dengan perkataan lelaki yang beriman itu:

يَوْمَ تُوَلُّونَ مُدْبِرِينَ مَا لَكُم مِّنَ ٱللَّهِ مِنْ عَاصِمٍ ۗ

"Iaitu pada hari kamu berpaling ke belakang melarikan diri, sedangkan tiada siapa yang dapat melindungkan kamu dari 'azab Allah."(33)

Yakni mereka mungkin lari atau cuba melarikan diri dari kedahsyatan 'azab Neraka, tetapi pada hari itu tiada siapapun yang dapat memberi perlindungan dan hari itu bukanlah masa yang boleh melarikan diri. Gambaran ketakutan, kecemasan dan gambaran lari itu merupakan gambaran utama di sini bagi kumpulan manusia-manusia angkuh dan sewenang-wenang di bumi yang memegang pangkat kebesaran dan kuasa pemerintahan!

وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾

"Barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."(33)

Mungkin ayat ini mengandungi sindiran yang halus kepada perkataan Fir'aun:

وَمَآ أَهْدِيكُمْ إِلَّا سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ﴿٢٩﴾

"Aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar."(29)

Dan memberi isyarat bahawa hidayat yang sebenar ialah hidayat Allah dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya, dan Allah mengetahui seluruh keadaan dan hakikat manusia yang wajar menerima hidayat dan yang wajar menerima kesesatan.

Pada akhirnya lelaki yang Mu'min itu mengingatkan sikap mereka terhadap Nabi Yusuf a.s. dan di antara zuriatnya ialah Nabi Musa a.s. Dia menerangkan bagaimana mereka meragui kerasulan Yusuf dan pengajaran-pengajaran yang dibawa oleh beliau supaya mereka tidak mengulangi pendirian itu terhadap Musa a.s. yang membenarkan apa yang dibawa oleh Yusuf a.s. sedangkan mereka telah meragui kebenaran Musa a.s. Dan seterusnya lelaki itu mendustakan anggapan mereka bahawa Allah tidak akan membangkitkan rasul yang lain selepas Nabi Yusuf, sedangkan inilah Nabi Musa a.s. seorang rasul yang dibangkitkan selepas Nabi Yusuf a.s. yang mendustakan anggapan ini:

وَلَقَدْ جَآءَكُمْ يُوسُفُ مِن قَبْلُ بِٱلْبَيِّنَٰتِ
فَمَا زِلْتُمْ فِى شَكٍّ مِّمَّا جَآءَكُم بِهِۦ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا
هَلَكَ قُلْتُمْ لَن يَبْعَثَ ٱللَّهُ مِنۢ بَعْدِهِۦ رَسُولًا ۚ
كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ مُّرْتَابٌ ﴿٣٤﴾
ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بِغَيْرِ سُلْطَٰنٍ
أَتَىٰهُمْ ۖ كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ
كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ قَلْبِ مُتَكَبِّرٍ جَبَّارٍ ﴿٣٥﴾

"Dan sesungguhnya sebelum ini Yusuf telah datang kepada kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas, tetapi kamu masih berada di dalam keraguan terhadap ajaran yang dibawa olehnya kepada kamu, sehingga apabila dia wafat, kamu telah berkata: Allah tidak akan membangkitkan lagi seorang rasul selepasnya. Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang pelampau dan ragu-ragu (34). Iaitu orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa sebarang alasan yang sampai kepada mereka. Amat besarlah kemurkaan di sisi Allah dan di sisi orang-orang yang beriman. Demikianlah Allah menutupkan setiap hati yang takbur dan sewenang-wenang."(35)

Inilah kali pertama di dalam Al-Qur'an di mana disebutkan tentang kerasulan Yusuf a.s. yang diutuskan kepada penduduk Mesir. Kita telah pun mengetahui dari Surah Yusuf bahawa beliau telah sampai ke jawatan pengarah perbendaharaan negeri Mesir dan beliau telah pun mendapat gelaran "Aziz Mesir" (عزيز مصر) iaitu gelaran yang diberikan kepada Perdana Menteri Mesir (pada masa itu). Di dalam surah ini juga terdapat ayat yang mungkin dapat difahamkan bahawa beliau telah menaiki takhta kerajaan Mesir walaupun ini tidak diyakini, iaitu firman-Nya:

وَرَفَعَ أَبَوَيْهِ عَلَى ٱلْعَرْشِ وَخَرُّوا۟ لَهُۥ سُجَّدًا ۖ وَقَالَ
يَٰٓأَبَتِ هَٰذَا تَأْوِيلُ رُءْيَٰىَ مِن قَبْلُ قَدْ جَعَلَهَا رَبِّى

حَقًّا

"Dan dia (Yusuf) telah mengangkatkan kedua orang tuanya ke atas singgahsana, lalu mereka (saudara-saudaranya) merebahkan diri sujud kepadanya seraya berkata: Wahai ayahandaku! Inilah tafsir mimpiku dahulu. Sesungguhnya Tuhanku telah menjadikan mimpiku itu suatu kenyataan."

(Surah Yusuf: 100)

Mungkin singgahsana di mana beliau mengangkatkan kedua-dua ibubapanya, suatu singgahsana yang lain dari singgahsana kerajaan Fir'aun Mesir. Walau bagaimanapun Nabi Yusuf a.s. telah sampai ke peringkat kedudukan pegawai tinggi yang memerintah dan berkuasa di negeri itu. Oleh sebab itu dapatlah kita gambarkan keadaan yang dikatakan oleh lelaki Mu'min itu, iaitu keadaan keraguan mereka terhadap pengajaran yang dibawa oleh Yusuf a.s. dahulu serta sikap mereka yang berpura-pura terhadap Yusuf selaku pembesar yang berkuasa di mana mereka tidak mendustakannya secara terbuka ketika beliau berada dalam jawatan ini! Sehingga ketika dia wafat, kamu telah berkata:

لَن يَبْعَثَ ٱللَّهُ مِنۢ بَعْدِهِۦ رَسُولًا

"Allah tidak akan membangkitkan lagi seorang rasul selepasnya."(34)

Seolah-olah mereka merasa senang hati dengan kewafatannya, kerana itu mereka menzahirkan kegembiraan mereka di dalam bentuk ini dan melahirkan kebencian mereka kepada 'aqidah tauhid yang tulen yang dibawa oleh beliau kepada mereka, dan nampaknya 'aqidah ini telah dikemukakannya kepada dua orang rakan beliau semasa di dalam penjara:

ءَأَرْبَابٌ مُّتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمِ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٣٩﴾

"Manakah yang lebih baik, tuhan-tuhan yang ramai atau Tuhan Yang Maha Esa dan Maha Perkasa."

(Surah Yusuf: 39)

Oleh itu mereka menyangka bahawa tidak akan datang lagi kepada mereka seorang rasul yang lain selepas beliau kerana inilah yang menjadi cita-cita mereka. Dan seringkali apabila seseorang itu menggemari sesuatu, kemudian ia percaya bahawa kegemarannya itu akan menjadi kenyataan, kerana ini akan dapat memenuhi cita-cita kegemarannya.

Lelaki yang Mu'min itu bercakap dengan keras di sini ketika dia menyebut keraguan dan keterlaluan mereka mendustakan rasul, lalu ia berkata:

كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ مُّرْتَابٌ ﴿٣٤﴾

"Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang pelampau dan ragu-ragu."(34)

Dia memberi amaran kepada mereka bahawa Allah akan menyesatkan setiap pendusta yang pelampau dan ragu-ragu di dalam 'aqidahnya walaupun telah diberi keterangan-keterangan yang jelas kepadanya.

Dan seterusnya dia memberi amaran yang keras kepada mereka bahawa orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa hujah dan alasan akan ditimpa kemurkaan Allah dan kemarahan para Mu'minin, inilah seburuk-buruk perbuatan yang dilakukan mereka. Begitu juga dia mengecam sikap mereka yang takbur dan sewenang-wenang dan memberi amaran bahawa Allah akan membutakan hati orang-orang yang angkuh dan sewenang-wenang!

ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بِغَيْرِ سُلْطَٰنٍ
أَتَىٰهُمْ ۖ كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ
كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ قَلْبِ مُتَكَبِّرٍ جَبَّارٍ ﴿٣٥﴾

"Iaitu orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa sebarang alasan yang sampai kepada mereka. Amat besarlah kemurkaan di sisi Allah dan di sisi orang-orang yang beriman. Demikianlah Allah menutupkan setiap hati yang takbur dan sewenang-wenang."(35)

Kenyataan lelaki yang beriman itu hampir-hampir sama dengan kenyataan Allah secara langsung di permulaan surah yang menjelaskan bahawa kemurkaan itu akan menimpa orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa bukti, dan bahawa orang-orang yang takbur dan sewenang-wenang itu akan disesatkan Allah hingga tidak ada lagi di dalam hati mereka ruang dan jalan untuk menerima hidayat dan kefahaman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 37)

Walaupun lelaki Mu'min itu telah menarik hati mereka dalam pengembaraan yang amat jauh ini, namun Fir'aun tetap berada di dalam kesesatannya dan terus berdegil mengingkarkan kebenaran, tetapi baginda berpura-pura hendak menyelidik dakwaan Musa itu. Nampaknya kesan dari logik dan hujah yang dikemukakan oleh lelaki Mu'min itu amat kuat hingga Fir'aun dan pembesar-pembesarnya tidak dapat mengabaikannya begitu sahaja. Oleh itu Fir'aun mencari jalan lari yang baru:

وَقَالَ فِرْعَوْنُ يَٰهَٰمَٰنُ ٱبْنِ لِى صَرْحًا لَّعَلِّىٓ أَبْلُغُ
ٱلْأَسْبَٰبَ ﴿٣٦﴾
أَسْبَٰبَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ فَأَطَّلِعَ إِلَىٰٓ إِلَٰهِ مُوسَىٰ وَإِنِّى
لَأَظُنُّهُۥ كَٰذِبًا ۚ وَكَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِفِرْعَوْنَ سُوٓءُ
عَمَلِهِۦ وَصُدَّ عَنِ ٱلسَّبِيلِ ۚ وَمَا كَيْدُ فِرْعَوْنَ

إِلَّا فِي تَبَابٍ ﴿٣٧﴾

"Dan Fir'aun berkata: Wahai Haman! Binakan untukku sebuah bangunan yang tinggi semoga aku dapat sampai ke jalan-jalan (36). Iaitu jalan-jalan langit supaya aku dapat melihat Tuhan Musa dan sesungguhnya aku fikir dia seorang pendusta. Demikianlah didandan indah kepada Fir'aun segala perbuatannya yang buruk dan dia telah dihalangkan dari jalan (yang benar), dan tiadalah tipu daya Fir'aun itu melainkan musnah belaka."(37)

Yakni wahai Haman! Bangunkanlah untukku sebuah bangunan yang tinggi supaya aku dapat sampai ke jalan-jalan langit untuk mencari dan melihat Tuhan Musa di sana: **"Sesungguhnya aku fikir dia seorang pendusta"**(وإني لأظنه كذبا).

Demikianlah cara putar belit Fir'aun yang zalim itu untuk menghindarkan dirinya dari berdepan dengan kebenaran secara terus terang. Baginda sekali-kali tidak mahu mengakui 'aqidah tauhid yang menggoncangkan takhtanya dan mengancam dongeng-dongeng yang menjadi landasan kerajaannya. Amatlah jauh dari kemungkinan bahawa apa yang dikatakan oleh Fir'aun ini merupakan kefahamannya, dan amatlah jauh pula bahawa apa yang dikatakannya itu merupakan benar-benar serius untuk mencari Tuhan Musa dengan cara kebendaan yang bodoh itu, kerana Fir'aun-Fir'aun yang memerintah negeri Mesir itu biasanya mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan tidak munasabah mempunyai kefahaman yang seperti ini. Malah dalam satu segi, itulah cara sendaan, kesewenang-wenangan dan permainan baginda, dan dalam satu segi yang lain pula itulah cara baginda berpura-pura insaf dan hendak menyelidik untuk mendapatkan kepastian. Dan mungkin pula inilah langkah berundur dari menghadapi pukulan-pukulan logik keimanan yang terdapat dalam percakapan lelaki yang Mu'min itu! Seluruh andaian ini menunjukkan kedegilan Fir'aun mempertahankan kesesatannya, dan keangkuhannya mempertahankan kekufurannya:

وَكَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِفِرْعَوْنَ سُوٓءُ عَمَلِهِۦ وَصُدَّ عَنِ
ٱلسَّبِيلِ

"Demikianlah didandan indah kepada Fir'aun segala perbuatannya yang buruk dan dia telah dihalangkan dari jalan yang benar."(37)

Yakni baginda memang wajar dihalangkan dari jalan yang benar kerana dolak-dalik dan putar belitnya yang menyelewengkannya dari kejujuran dan dari jalan yang benar.

Kemudian diiringi dengan kenyataan bahawa tipu helah yang seperti itu akan berakhir dengan kekecewaan dan kehancuran:

وَمَا كَيْدُ فِرْعَوْنَ إِلَّا فِي تَبَابٍ ﴿٣٧﴾

"Dan tiadalah tipu daya Fir'aun itu melainkan musnah belaka."(37)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 44)

Setelah berdepan dengan putar belit, kesewenang-wenangan dan kedegilan Fir'aun ini, lelaki yang Mu'min itu pun mengeluarkan kata-katanya yang terakhir, yang lantang dan terus terang. Setelah Dia menyeru mereka mengikutinya ke jalan Allah selaku jalan yang betul dan menerangkan kepada mereka nilai hidup dunia yang fana ini dan menggalakkan mereka supaya mencari ni'mat hidup yang kekal abadi dan mengingatkan mereka dari 'azab Akhirat. Dan seterusnya menerangkan kepada mereka tentang kepalsuan dan kebatilan yang wujud di dalam 'aqidah syirik itu:

وَقَالَ ٱلَّذِيٓ ءَامَنَ يَٰقَوْمِ ٱتَّبِعُونِ أَهْدِكُمْ
سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ﴿٣٨﴾
يَٰقَوْمِ إِنَّمَا هَٰذِهِ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا مَتَٰعٌ وَإِنَّ
ٱلْءَاخِرَةَ هِيَ دَارُ ٱلْقَرَارِ ﴿٣٩﴾
مَنْ عَمِلَ سَيِّئَةً فَلَا يُجْزَىٰٓ إِلَّا مِثْلَهَا ۖ وَمَنْ
عَمِلَ صَٰلِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُو۟لَٰٓئِكَ
يَدْخُلُونَ ٱلْجَنَّةَ يُرْزَقُونَ فِيهَا بِغَيْرِ
حِسَابٍ ﴿٤٠﴾
وَيَٰقَوْمِ مَا لِيٓ أَدْعُوكُمْ إِلَى ٱلنَّجَوٰةِ وَتَدْعُونَنِيٓ إِلَى
ٱلنَّارِ ﴿٤١﴾
تَدْعُونَنِي لِأَكْفُرَ بِٱللَّهِ وَأُشْرِكَ بِهِۦ مَا لَيْسَ لِي
بِهِۦ عِلْمٌ وَأَنَا۠ أَدْعُوكُمْ إِلَى ٱلْعَزِيزِ ٱلْغَفَّٰرِ ﴿٤٢﴾
لَا جَرَمَ أَنَّمَا تَدْعُونَنِيٓ إِلَيْهِ لَيْسَ لَهُۥ دَعْوَةٌ فِي ٱلدُّنْيَا
وَلَا فِي ٱلْءَاخِرَةِ وَأَنَّ مَرَدَّنَآ إِلَى ٱللَّهِ وَأَنَّ
ٱلْمُسْرِفِينَ هُمْ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ﴿٤٣﴾
فَسَتَذْكُرُونَ مَآ أَقُولُ لَكُمْ ۚ وَأُفَوِّضُ أَمْرِيٓ إِلَى
ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿٤٤﴾

"Dan berkatalah (lelaki) yang beriman itu: Wahai kaumku! Ikutilah aku nescaya aku membimbing kamu ke jalan yang benar (38). Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia hanya keni'matan (yang sebentar) sahaja dan sesungguhnya

Akhirat itulah negeri yang kekal (39). Barang siapa yang mengerjakan kejahatan, maka dia tidak akan dibalas melainkan dengan balasan yang setanding dengannya, dan barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh sama ada lelaki atau perempuan, sedangkan dia beriman, maka merekalah orang yang akan memasuki Syurga di mana mereka dikurniakan rezeki tanpa hisab (40). Wahai kaumku! Bagaimana aku menyeru kamu kepada keselamatan, sedangkan kamu menyeruku ke Neraka (41). Kamu menyeruku supaya ingkarkan terhadap Allah dan mempersekutukan-Nya dengan sembahan-sembahan yang aku tidak mengetahui sedikit pun (mengenai ketuhanannya), sedangkan aku menyeru kamu beriman kepada Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun (42). Tidak syak lagi bahawa tuhan palsu yang kamu seru supaya aku beriman kepadanya, tidak mempunyai sebarang da'wah di dunia dan di Akhirat. Dan sesungguhnya kepulangan kita ialah kepada Allah dan sesungguhnya orang-orang yang pelampau itulah penghuni-penghuni Neraka (43). Kelak kamu akan ingat (kebenaran) apa yang aku katakan kepada kamu, dan aku menyerahkan urusanku kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya."(44)

Itulah hakikat yang telah pun dijelaskan sebelum ini di permulaan surah. Kemudian hakikat-hakikat itu dijelaskan sekali lagi oleh lelaki yang Mu'min ini ketika menghadapi Fir'aun dan pembesar-pembesarnya. Katanya:

يَٰقَوۡمِ ٱتَّبِعُونِ أَهۡدِكُمۡ سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ٣٨

"Wahai kaumku! Ikutilah aku nescaya aku membimbing kamu ke jalan yang benar."(38)

Sekejap tadi Fir'aun telah berkata:

وَمَآ أَهۡدِيكُمۡ إِلَّا سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ٢٩

"Aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar."(29)

Oleh itu perkataan lelaki yang Mu'min itu merupakan satu cabaran yang terus terang. Dia telah mengeluarkan pandangan yang benar tanpa takut dan gentar kepada kuasa Fir'aun yang sewenang-wenang itu, juga pembesar-pembesarnya yang berkomplot seperti Haman dan Qarun iaitu dua orang tokoh yang dikatakan menjadi menteri-menteri Fir'aun.

Dia menjelaskan kepada mereka tentang hakikat kehidupan dunia ini:

إِنَّمَا هَٰذِهِ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَا مَتَٰعٞ

"Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanya keni'matan (yang sebentar) sahaja."(39)

Yakni keni'matan yang tidak tetap dan kekal:

وَإِنَّ ٱلۡأٓخِرَةَ هِيَ دَارُ ٱلۡقَرَارِ ٣٩

"Dan sesungguhnya Akhirat itulah negeri yang kekal."(39)

Itulah kehidupan sejati yang wajar dipandang dan difikir dengan mendalam.

Dia menerangkan kepada mereka dasar hisab dan balasan di negeri Akhirat yang kekal:

مَنۡ عَمِلَ سَيِّئَةٗ فَلَا يُجۡزَىٰٓ إِلَّا مِثۡلَهَاۖ وَمَنۡ
عَمِلَ صَٰلِحٗا مِّن ذَكَرٍ أَوۡ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤۡمِنٞ فَأُوْلَٰٓئِكَ
يَدۡخُلُونَ ٱلۡجَنَّةَ يُرۡزَقُونَ فِيهَا بِغَيۡرِ
حِسَابٖ ٤٠

"Barang siapa yang mengerjakan kejahatan, maka dia tidak akan dibalas melainkan dengan balasan yang setanding dengannya, dan barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh sama ada lelaki atau perempuan, sedangkan dia beriman, maka merekalah orang-orang yang akan memasuki Syurga dan di sana mereka dikurniakan rezeki tanpa hisab."(40)

Yakni mengikut kehendak kemurahan Allah ialah perbuatan yang baik itu dibalas dengan kebaikan berganda-ganda, sedangkan perbuatan yang jahat tidak dibalas dengan berganda-ganda. Itulah rahmat Allah terhadap hamba-hamba-Nya. Itulah timbangrasa terhadap kelemahan mereka dan terhadap tarikan-tarikan dan halangan-halangan yang wujud di jalan kebajikan dan kejujuran, kerana itulah perbuatan mereka yang baik itu diberi ganjaran yang berganda-ganda, dan dapat menghapuskan dosa perbuatan-perbuatan mereka yang jahat. Dan apabila mereka tiba di Syurga selepas hisab, mereka akan diberi rezeki tanpa hisab.

Lelaki yang Mu'min itu mengecam perbuatan mereka yang mengajaknya ke Neraka, sedangkan dia mengajak mereka ke Syurga. Lalu ia menyeru mereka dengan penuh kecaman:

وَيَٰقَوۡمِ مَا لِيٓ أَدۡعُوكُمۡ إِلَى ٱلنَّجَوٰةِ وَتَدۡعُونَنِيٓ إِلَى
ٱلنَّارِ ٤١

"Wahai kaumku! Bagaimana aku menyeru kamu kepada keselamatan, sedangkan kamu menyeruku ke Neraka."(41)

Mereka sebenarnya tidak menyeru lelaki yang Mu'min itu ke Neraka tetapi mereka menyerunya kepada 'aqidah syirik. Dan apakah bezanya di antara da'wah kepada syirik dan da'wah kepada Neraka? Kedua-duanya hampir sama sahaja. Dalam ayat yang berikut dia hanya menukarkan da'wah dengan satu da'wah yang lain:

تَدۡعُونَنِي لِأَكۡفُرَ بِٱللَّهِ وَأُشۡرِكَ بِهِۦ مَا لَيۡسَ لِي
بِهِۦ عِلۡمٞ وَأَنَا۠ أَدۡعُوكُمۡ إِلَى ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡغَفَّٰرِ ٤٢

"Kamu menyeruku supaya ingkarkan Allah dan mempersekutukan-Nya dengan sembahan-sembahan yang aku tidak mengetahui sedikitpun (mengenai ketuhanannya), sedangkan aku menyeru kamu beriman kepada Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(42)

Perbezaan di antara dua da'wah itu adalah amat jauh. Da'wah lelaki yang Mu'min itu amat jelas dan lurus. Dia menyeru mereka kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun. Dia menyeru mereka kepada Tuhan Yang Maha Esa. Di mana kesan-kesan sifat Wahdaniyah-Nya disaksikan oleh alam al-wujud. Dan dibuktikan, oleh keindahan-keindahan Penciptanya yang dilakukan dengan qudrat kuasa-Nya dan perencanaan-Nya yang rapi. Dia menyeru mereka kepada Allah supaya mereka mendapat keampunan dari-Nya, kerana Dialah sahaja yang berkuasa memberi keampunan yang limpah:

ٱلْعَزِيزِ ٱلْغَفَّٰرِ ﴿٤٢﴾

"Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(42)

Ke manakah mereka menyerunya? Mereka menyerunya kepada mengingkarkan Allah melalui perbuatan syirik yang tidak diketahui sedikitpun mengenainya dari dakwaan-dakwaan, kepercayaan-kepercayaan yang karut dan penuh teka-teki.

Dia menjelaskan tanpa sebarang syak dan ragu bahawa tuhan-tuhan sekutu itu tidak mempunyai sesuatu apa pun, juga tidak mempunyai sebarang urusan baik di dunia mahupun di Akhirat. Segala-galanya terpulang kepada Allah Yang Maha Esa, dan golongan manusia pelampau yang membuat dakwaan yang bukan-bukan terhadap Allah itu akan menjadi penghuni-penghuni Neraka:

لَا جَرَمَ أَنَّمَا تَدْعُونَنِىٓ إِلَيْهِ لَيْسَ لَهُۥ دَعْوَةٌ فِى ٱلدُّنْيَا وَلَا فِى ٱلْءَاخِرَةِ وَأَنَّ مَرَدَّنَآ إِلَى ٱللَّهِ وَأَنَّ ٱلْمُسْرِفِينَ هُمْ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ﴿٤٣﴾

"Tidak syak lagi bahawa tuhan palsu yang kamu seru supaya aku beriman kepadanya, tidak mempunyai sebarang da'wah di dunia dan di Akhirat. Dan sesungguhnya kepulangan kita ialah kepada Allah dan sesungguhnya orang-orang yang pelampau itulah penghuni-penghuni Neraka."(43)

Apakah lagi yang tinggal selepas ia memberi penerangan-penerangan yang jelas dan syumul mengenai hakikat-hakikat yang pokok dalam 'aqidah? Lelaki yang Mu'min itu telah menerangkannya dengan terus terang tanpa teragak-agak kepada Fir'aun dan para pembesarnya, setelah ia menyembunyikan keimanan. Dia telah mengumumkan hakikat ini dengan begitu jelas. Kini tiada apa lagi yang hendak dikatakan olehnya melainkan hanya menyerahkan urusannya kepada Allah, kerana dia telah meluahkan kata-katanya dan melihatkan dhamirnya sambil mengancam mereka bahawa mereka akan sedar kepada kebenaran kata-katanya pada hari Qiamat, di mana tidak berguna lagi peringatan dan segala urusan terpulang kepada Allah:

فَسَتَذْكُرُونَ مَآ أَقُولُ لَكُمْ ۚ وَأُفَوِّضُ أَمْرِىٓ إِلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿٤٤﴾

"Kelak kamu akan ingat (kebenaran) apa yang aku katakan kepada kamu, dan aku menyerahkan urusanku kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya."(44)

Demikianlah berakhirnya perdebatan dan dialog itu. Di mana seorang lelaki yang beriman dari keluarga Fir'aun merakamkan kata-katanya yang benar yang kekal abadi dalam dhamir zaman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 50)

Penjelasan ayat yang berikut menyaringkan babak-babak kisah selepas ini dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di antara Musa, Fir'aun dan Bani Israel sehingga kepada babak tenggelamnya Fir'aun dan selamatnya Musa a.s. dan selepas itu ia merakamkan pula pemandangan-pemandangan selepas babak yang terakhir ini dan selepas tamatnya hidup dunia:

فَوَقَىٰهُ ٱللَّهُ سَيِّـَٔاتِ مَا مَكَرُوا۟ ۖ وَحَاقَ بِـَٔالِ فِرْعَوْنَ سُوٓءُ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٥﴾

ٱلنَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا ۖ وَيَوْمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ أَدْخِلُوٓا۟ ءَالَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٦﴾

وَإِذْ يَتَحَآجُّونَ فِى ٱلنَّارِ فَيَقُولُ ٱلضُّعَفَٰٓؤُا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا لَكُمْ تَبَعًا فَهَلْ أَنتُم مُّغْنُونَ عَنَّا نَصِيبًا مِّنَ ٱلنَّارِ ﴿٤٧﴾

قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُلٌّ فِيهَآ إِنَّ ٱللَّهَ قَدْ حَكَمَ بَيْنَ ٱلْعِبَادِ ﴿٤٨﴾

وَقَالَ ٱلَّذِينَ فِى ٱلنَّارِ لِخَزَنَةِ جَهَنَّمَ ٱدْعُوا۟ رَبَّكُمْ يُخَفِّفْ عَنَّا يَوْمًا مِّنَ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٩﴾

قَالُوٓا۟ أَوَلَمْ تَكُ تَأْتِيكُمْ رُسُلُكُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۚ قَالُوا۟ فَٱدْعُوا۟ ۗ وَمَا دُعَٰٓؤُا۟ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ﴿٥٠﴾

"Lalu Allah melindunginya dari kejahatan-kejahatan tipu daya yang dirancangkan mereka, dan keluarga Fir'aun telah ditimpa 'azab yang amat dahsyat (45). Api Neraka didedahkan ke atas mereka pagi dan petang. Dan pada hari berlakunya Qiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Fir'aun dan keluarganya ke dalam 'azab yang paling dahsyat (46). Dan (kenangilah) ketika mereka berbantah-bantah di dalam Neraka, lalu berkatalah orang-

orang yang lemah dari mereka kepada orang-orang yang telah berlagak angkuh: Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu. Oleh itu dapatkah kamu hapuskan dari kami sebahagian dari 'azab Neraka? (47) Jawab orang-orang yang telah berlagak angkuh itu: Sesungguhnya kita semua sama-sama berada dalam Neraka dan sesungguhnya Allah telah pun menetapkan hukuman di antara hamba-hamba-Nya (48). Lalu berkatalah orang-orang yang berada di dalam Neraka kepada penjaga-penjaga Neraka: Pohonkanlah kepada Tuhan kamu supaya meringankan 'azab dari kami barang sehari (49). Jawab (penjaga-penjaga Neraka): Bukankah telah datang kepada kamu rasul-rasul kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas? Jawab mereka: Ya, mereka datang. Lalu (penjaga-penjaga Neraka) berkata: Berdo'alah sendiri! Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan hanya sia-sia belaka."(50)

Dunia telah dilipat dan lembaran pertama Akhirat telah dibentangkan, tiba-tiba lelaki Mu'min yang telah berkata benar dan berlalu itu telah dilindungi Allah dari akibat-akibat tipu daya Fir'aun dan pembesar-pembesarnya. Kesan-kesan buruk dari perbuatan-perbuatan Fir'aun yang jahat itu tidak mengenainya sedikit pun baik di dunia mahupun di Akhirat, sedangkan Fir'aun dan pengikut-pengikutnya ditimpa 'azab seksa yang amat dahsyat:

ٱلنَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا ۖ وَيَوْمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ أَدْخِلُوٓا۟ ءَالَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٦﴾

"Api Neraka didedahkan ke atas mereka pagi dan petang. Dan pada hari berlakunya Qiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Fir'aun dan keluarganya ke dalam 'azab yang dahsyat."(46)

Ayat ini menyatakan bahawa mereka didedahkan kepada Neraka pagi dan petang iaitu dalam tempoh selepas mati hingga berlakunya Qiamat. Mungkin 'azab ini ialah 'azab kubur kerana selepas itu Al-Qur'an menyebut:

"Dan pada hari berlakunya Qiamat (di-perintahkan malaikat-malaikat): Masukkanlah Fir'aun dan keluarganya ke dalam 'azab yang paling dahsyat."(46)

Jadi itulah 'azab sebelum hari Qiamat, iaitu satu 'azab yang amat dahsyat. Mereka didedahkan kepada api Neraka pagi dan petang. Pendedahan itu bertujuan untuk mengazabkan mereka dengan melihat api Neraka dan menunggu diselar olehnya atau oleh bahang panasnya iaitu suatu 'azab yang amat dahsyat, atau untuk mengazabkan mereka terus dengan 'azab api Neraka itu. Seringkali perkataan "المس" (pendedahan) dipakai dengan makna "العرض" (sentuhan atau selaran) dan 'azab ini lebih dahsyat lagi. Kemudian pada hari Qiamat kelak dikatakan kepada mereka: Masuklah ke dalam 'azab yang paling dahsyat! Kemudian pada hari Qiamat kelak mereka akan dimasukkan ke dalam 'azab yang lebih dahsyat lagi.

Dalam ayat berikut, Qiamat telah pun berlaku dan Al-Qur'an menggambarkan pandangan mereka dalam Neraka sedang berbantah-bantah sesama mereka:

فَيَقُولُ ٱلضُّعَفَٰٓؤُا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا لَكُمْ تَبَعًا فَهَلْ أَنتُم مُّغْنُونَ عَنَّا نَصِيبًا مِّنَ ٱلنَّارِ ﴿٤٧﴾

"Lalu berkatalah orang-orang yang lemah dari mereka kepada orang-orang yang telah berlagak angkuh: Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu. Oleh itu dapatkah kamu hapuskan dari kami sebahagian dari 'azab Neraka?"(47)

Orang-orang yang lemah juga dimasukkan ke dalam Neraka bersama-sama orang-orang yang kuat dan berlagak takbur. Mereka tidak diberi syafa'at dengan alasan menjadi ekor-ekor dan pak turut-pak turut sahaja. Dan 'azab mereka juga tidak diringankan dengan alasan mereka hanya kumpulan-kumpulan kambing yang dituntun. Mereka tidak mempunyai fikiran dan kehendak sendiri dan tidak pula mempunyai pilihan.

Allah telah mengurniakan kepada mereka kehormatan insaniyah, kehormatan tanggungjawab individu dan kehormatan membuat pilihan dan menggunakan kebebasan, tetapi mereka telah melepaskan semua kehormatan ini dan terus menjadi pak turut kepada pembesar-pembesar dan pemerintah-pemerintah yang zalim dan kuncu-kuncu mereka. Mereka tidak pernah berkata kepada mereka: "Jangan!" Malah tidak pernah berfikir untuk membantah dan seterusnya mereka tidak pernah memikirkan buruk baik, sesat atau tidaknya apa yang dikata dan dianjurkan oleh pembesar-pembesar itu kepada mereka: **"Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu"**(إنا كنا لكم تبعا).

Perbuatan mereka melepaskan semua kehormatan yang dikurniakan Allah kepada mereka dan menjadi pak turut pembesar-pembesar dengan tujuan supaya menjadi tukang-tukang syafa'at mereka di sisi Allah, lalu mereka dimasukkan ke dalam Neraka. Mereka telah diheret oleh pemimpin-pemimpin mereka ke dalam Neraka sebagaimana mereka diheret seperti kambing di dalam kehidupan dunia. Dan kini mereka memohon pertolongan kepada pembesar-pembesar itu:

فَهَلْ أَنتُم مُّغْنُونَ عَنَّا نَصِيبًا مِّنَ ٱلنَّارِ ﴿٤٧﴾

"Dapatkah kamu hapuskan dari kami sebahagian dari 'azab Neraka?"(47)

Ini sesuai dengan apa yang dibayangkan oleh pemimpin-pemimpin mereka semasa di dunia bahawa mereka memimpin mereka ke jalan yang benar dan melindungi mereka dari kerosakan, juga untuk memelihara mereka dari kejahatan, kemudaratan dan tipu daya musuh.

Tetapi pemimpin-pemimpin yang angkuh dan takbur itu merasa begitu bosan dengan disesatkan pengikut-pengikut yang lemah itu lalu mereka menjawab dengan marah dan bosan. Mereka mengakui keadaan yang sebenar selepas mereka berlagak angkuh:

قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُلٌّ فِيهَآ إِنَّ
ٱللَّهَ قَدْ حَكَمَ بَيْنَ ٱلْعِبَادِ ﴿٤٨﴾

"Jawab orang-orang yang telah berlagak angkuh itu: Sesungguhnya kita semua sama-sama berada dalam Neraka, sesungguhnya Allah telah pun menetapkan hukuman di antara hamba-hamba-Nya."(48)

Yakni kita semua lemah belaka. Tiada siapa yang dapat menolong kita. Kita sama susah dan sengsara.Mengapa kamu memohon pertolongan kami sedangkan kamu sendiri melihat bahawa pembesar-pembesar dan orang-orang yang lemah semuanya sama?

إِنَّ ٱللَّهَ قَدْ حَكَمَ بَيْنَ ٱلْعِبَادِ ﴿٤٨﴾

"Sesungguhnya Allah telah pun menetapkan hukuman di antara hamba-hamba-Nya."(48)

Oleh itu tidak ada peluang lagi untuk meminda dan mengubahkan hukuman-hukuman itu. Segala perkara telah selesai dan tiada seorang hamba pun yang berkuasa meringankan sesuatu hukuman yang telah diputuskan Allah.

Apabila golongan pemimpin dan golongan pengikut itu sedar bahawa tiada tempat perlindungan yang lain melainkan pada Allah sahaja, maka mereka pun berpaling kepada penjaga-penjaga Neraka dengan keadaan hina-dina dan rendah diri memohon pertolongan:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ فِى ٱلنَّارِ لِخَزَنَةِ جَهَنَّمَ ٱدْعُوا۟
رَبَّكُمْ يُخَفِّفْ عَنَّا يَوْمًا مِّنَ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٩﴾

"Lalu berkatalah orang-orang yang berada di dalam Neraka kepada penjaga-penjaga Neraka: Pohonkanlah kepada Tuhan kamu supaya meringankan 'azab dari kami barang sehari."(49)

Mereka memohon pertolongan penjaga-penjaga Neraka supaya memohon kepada Allah agar meringankan 'azab mereka:

ٱدْعُوا۟ رَبَّكُمْ يُخَفِّفْ عَنَّا يَوْمًا مِّنَ ٱلْعَذَابِ ﴿٤٩﴾

"Pohonkanlah kepada Tuhan kamu supaya meringankan 'azab dari kami barang sehari sahaja."(49)

Mereka memohon hanya sehari sahaja untuk menarik nafas dan beristirehat. Dan untuk mendapat keringanan dari 'azab untuk satu hari pun memerlukan syafa'at dan do'a.

Tetapi penjaga-penjaga Neraka itu tidak dapat memperkenankan permintaan mereka yang malang itu, kerana mereka mengetahui peraturan-peraturan Allah dan Sunnatullah. Mereka mengetahui bahawa waktu permohonan itu telah terlewat. Oleh sebab itu mereka menambahkan lagi 'azab keseksaan mereka dengan mengecam dan mengingatkan mereka tentang sebab 'azab ini:

قَالُوٓا۟ أَوَلَمْ تَكُ تَأْتِيكُمْ رُسُلُكُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ ۖ
قَالُوا۟ بَلَىٰ ۚ

"Jawab (penjaga-penjaga Neraka): Bukankah telah datang kepada kamu rasul-rasul kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas? Jawab mereka: Ya, mereka datang."(50)

Soal jawab itu sudah cukup untuk menamatkan segala dialog. Dan ketika itu penjaga-penjaga Neraka berlepas tangan dari mereka dan menyerahkan mereka kepada, perasaan putus harapan serta diiringi dengan sendaan:

قَالُوا۟ فَٱدْعُوا۟ ۗ

"Lalu (penjaga-penjaga Neraka) berkata: Berdo'alah sendiri."(50)

Yakni jika do'a itu dapat mengubahkan sesuatu dari keadaan kamu, maka silalah kamu berdo'a sendiri:

Kemudian ayat ini diiringi dengan pernyataan:

وَمَا دُعَٰٓؤُا۟ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ﴿٥٠﴾

"Tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan hanya sia-sia sahaja."(50)

Yakni do'a itu tidak sampai ke mana-mana dan tidak terjawab, malah diabaikan begitu sahaja sama ada pada golongan pembesar dan golongan pengikut-pengikut yang lemah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 55)

Pada situasi yang penentu ini, Al-Qur'an mengiringi dengan ulasan yang terakhir terhadap seluruh babak ini dan terhadap kenyataannya mengenai golongan-golongan yang menentang rasul-rasul yang terdedah kepada 'azab seksa Allah selepas mereka mendustakan rasul dan berlagak angkuh.

إِنَّا لَنَنصُرُ رُسُلَنَا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فِى ٱلْحَيَوٰةِ
ٱلدُّنْيَا وَيَوْمَ يَقُومُ ٱلْأَشْهَٰدُ ﴿٥١﴾
يَوْمَ لَا يَنفَعُ ٱلظَّٰلِمِينَ مَعْذِرَتُهُمْ ۖ وَلَهُمُ ٱللَّعْنَةُ وَلَهُمْ
سُوٓءُ ٱلدَّارِ ﴿٥٢﴾
وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْهُدَىٰ وَأَوْرَثْنَا بَنِىٓ
إِسْرَٰٓءِيلَ ٱلْكِتَٰبَ ﴿٥٣﴾

هُدًى وَذِكْرَىٰ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٥٤﴾
فَاصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنبِكَ
وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ بِالْعَشِيِّ وَالْإِبْكَارِ ﴿٥٥﴾

"Sesungguhnya Kami tetap menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia dan pada hari (Hari Qiamat di mana) berdirinya para saksi (51). Iaitu hari yang tidak berguna kepada orang-orang yang zalim (kafir) permohonan ma'af dari mereka, dan mereka akan mendapat laknat dan akan mendapat tempat kediaman yang amat dahsyat (52). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hidayat kepada Musa dan Kami kurniakan Bani Israel mewarisi kitab Taurat (53). Untuk menjadi hidayat dan peringatan kepada orang-orang yang mempunyai minda yang sihat (54). Oleh itu bersabarlah sesungguhnya janji Allah itu benar dan pohonlah keampunan terhadap dosamu dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu pada waktu petang dan pagi."(55)

Ulasan yang tegas ini sesuai dengan situasi yang tegas, dan dari ulasan ini manusia dapat mengetahui contoh kesudahan kebenaran dan kebatilan di dunia dan di Akhirat, dan melihat bagaimana nasib kesudahan Fir'aun dan para pembesarnya di dalam kehidupan dunia di samping melihat mereka bertengkar di dalam Neraka. Di mana mereka berakhir dengan pengabaian dan penghinaan. Itulah kesudahan setiap persoalan yang diterangkan oleh Al-Qur'an.

Makna Kemenangan Bagi Para Rasul Dan Para Pejuang Da'wah

إِنَّا لَنَنصُرُ رُسُلَنَا وَالَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ
الدُّنْيَا وَيَوْمَ يَقُومُ الْأَشْهَادُ ﴿٥١﴾
يَوْمَ لَا يَنفَعُ الظَّالِمِينَ مَعْذِرَتُهُمْ ۖ وَلَهُمُ اللَّعْنَةُ وَلَهُمْ
سُوءُ الدَّارِ ﴿٥٢﴾

"Sesungguhnya Kami tetap menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman di dalam kehidupan dunia dan pada hari (Hari Qiamat di mana) berdirinya para saksi (51). Iaitu hari yang tidak berguna kepada orang-orang yang zalim (kafir) permohonan ma'af dari mereka, dan mereka akan memperolehi laknat dan akan mendapat tempat kediaman yang amat dahsyat."(52)

Mengenai kemenangan di Akhirat tiada seorang pun dari orang-orang yang beriman kepada hari Akhirat yang ingin memperdebatkan kesudahan ini. Dan tiada sebab baginya untuk berdebat. Tetapi mengenai kemenangan di dunia, ia mungkin memerlukan kepada penerangan yang jelas.

Sesungguhnya janji Allah itu tetap benar:

إِنَّا لَنَنصُرُ رُسُلَنَا وَالَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ
الدُّنْيَا

"Sesungguhnya Kami tetap menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman di dalam kehidupan dunia"(51)

tetapi yang dilihat manusia ialah ada rasul-rasul yang dibunuh dan ada rasul yang terpaksa berhijrah meninggalkan kampung halaman dan keluarganya kerana didusta dan diusir, dan ada orang-orang Mu'min yang hidup ditindas. Di antara mereka ada yang dicampak ke dalam parit-parit yang diunggun api, ada yang gugur syahid, ada yang hidup dalam kesempitan, kesengsaraan dan penindasan. Oleh itu,di manakah janji Allah hendak memberi kemenangan kepada mereka dalam kehidupan dunia? Dari pintu inilah syaitan menyelinap masuk ke dalam jiwa manusia melakukan berbagai-bagai hasutan dan godaan.

Tetapi manusia biasanya menilai sesuatu dari bentuk rupa yang lahir sahaja dan melupakan berbagai-bagai nilai dan hakikat-hakikat yang lain ketika membuat sesuatu penilaian. Manusia mengukur dengan masa dunia yang pendek dan mengukur dengan kawasan tempat yang terbatas. Ini adalah ukuran-ukuran manusia yang kecil. Tetapi ukuran yang syumul ialah ukuran yang meletakkan sesuatu persoalan itu dalam ruang zaman dan tempat yang luas. Ia tidak meletakkan batas-batas di antara satu masa dengan satu masa yang lain dan tidak pula di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Andainya kita melihat persoalan 'aqidah dan keimanan di ruang yang luas ini tentulah kita melihat perjuangan 'aqidah itu mendapat kemenangan tanpa sebarang keraguan lagi. Kemenangan isu 'aqidah merupakan kemenangan kepada pejuang-pejuangnya, kerana pejuang-pejuang 'aqidah itu sendiri tidak mempunyai kewujudan yang berasingan di luar kewujudan perjuangan 'aqidah. Kewajipan utama yang dituntut oleh keimanan dari mereka ialah hancur lebur dalam perjuangan 'aqidah. Biarlah mereka yang tumbang asalkan 'aqidah berdiri tegak.

Manusia juga membataskan erti kemenangan itu dengan gambaran-gambaran tertentu dan biasa kepada mereka, iaitu bentuk-bentuk kemenangan yang dapat dilihat dari dekat oleh mata mereka, tetapi kemenangan itu mempunyai gambaran yang beraneka rupa, kadang-kadang setengah-setengah kemenangan itu datang dalam bentuk kekalahan pada pandangan yang pendek. Misalnya Nabi Ibrahim a.s., beliau telah dicampakkan di dalam api, tetapi dia tetap teguh tidak berganjak dari 'aqidah dan dari berda'wah kepadanya. Adakah beliau dikira menang atau kalah? Tidak syak lagi mengikut logik 'aqidah beliau telah mencapai kemuncak kemenangan apabila beliau dibuang ke dalam unggun api, dan sekali lagi beliau mencapai kemenangan apabila beliau terselamat dari jilatan api itu. Inilah dua bentuk kemenangan yang berlain-lainan, dan kedua-duanya pada lahirnya amat jauh, tetapi pada hakikatnya amat dekat. Begitu juga Sayiduna Husain r.a. beliau telah,

gugur syahid dalam satu gambaran yang agung dalam satu segi dan dalam satu gambaran yang sedih dalam satu segi yang lain. Adakah beliau dikira menang atau kalah? Mengikut pandangan yang lahir dan mengikut ukuran yang kecil beliau dikira kalah, tetapi mengikut pandangan hakikat yang tulen dan mengikut ukuran yang agung beliau dikira menang. Tiada seorang syahid di muka bumi ini yang mendapat kasih sayang dan simpati kaum Muslimin dan merangsangkan keghairahan mereka seperti simpati dan kasih sayang yang didapati oleh Sayiduna Husain r.a. sama ada dari golongan yang berpihak kepadanya atau dari golongan yang tidak berpihak kepadanya dari orang-orang Islam dan bukan Islam.

Berapa banyak pejuang-pejuang yang gugur syahid, sedangkan ia tidak dapat memberi kemenangan kepada 'aqidah dan da'wahnya walaupun dia hidup seribu tahun sebagaimana ia mendapat kemenangan 'aqidah dan da'wahnya dengan kematian syahidnya. Dia tidak dapat menerapkan konsep-konsep yang agung di dalam hati manusia dan tidak dapat memberangsangkan ribuan manusia melakukan tindakan yang besar dengan sebuah pidato seperti pidatonya yang terakhir yang ditulis dengan darahnya, di mana pidato itu tetap menjadi tenaga penggerak kepada anak cucu cicit dan mungkin menjadi tenaga penggerak yang menghayunkan langkah-langkah sejarah di sepanjang generasi.

Apakah makna kemenangan dan kekalahan? Kita perlu memeriksa kembali gambaran dan nilai-nilai kalah menang yang biasa kita gunakan dalam penilaian kita itu sebelum kita bertanya di mana janji Allah yang hendak memberi kemenangan kepada rasul-rasul-Nya dan kepada orang-orang Mu'min dalam kehidupan dunia?

Walau bagaimanapun di sana terdapat berbagai-bagai kes-kes di mana kemenangan dapat dicapai dalam bentuknya yang lahir dan dekat iaitu ketika kemenangan yang lahir dan dekat itu bersambung dengan bentuk kemenangan yang kekal dan tetap. Misalnya Nabi Muhammad s.a.w. telah mencapai kemenangan di dalam masa hayatnya, kerana kemenangan ini mempunyai kaitan dengan tujuan menegakkan 'aqidah Islam dengan hakikatnya yang sempurna di muka bumi ini, kerana 'aqidah Islamiyah ini tidak mencapai kesempurnaannya melainkan apabila ia dapat menguasai seluruh kehidupan masyarakat manusia dan kegiatannya mulai dari hati individu hingga kepada kerajaan yang memerintah. Oleh itu Allah telah menghendaki supaya Rasulullah s.a.w. yang memperjuangkan 'aqidah ini mendapat kemenangan dalam masa hayatnya untuk merealisasikan 'aqidah ini dalam bentuknya yang sempurna dan meninggalkan hakikat ini sebagai satu hakikat yang wujud dengan jelas di dalam realiti sejarah yang dapat disaksikan oleh semua orang. Dan dengan ini bersambunglah gambaran kemenangan yang dekat ini dengan gambaran kemenangan yang jauh (akan datang) dan wujudlah persamaan gambaran kemenangan yang lahir dengan gambaran kemenangan yang haqiqi mengikut perencanaan dan penyusunan Ilahi.

Di sana ada satu pertimbangan yang elok diperhatikan iaitu janji Allah itu adalah tetap benar kepada rasul-rasul-Nya dan kepada orang-orang yang beriman, tetapi hakikat iman yang sesuai dengan janji itu pastilah wujud lebih duhulu di dalam hati, hakikat iman inilah yang seringkali tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh manusia. Hakikat ini tidak mungkin wujud melainkan apabila hati seseorang itu bersih dari segala rupa bentuk syirik. Di sana terdapat berbagai-bagai bentuk syirik khafi (halus) dan hati seseorang tidak akan terlepas dari syirik ini melainkan apabila dia bertawajjuh dan bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, melainkan apabila dia tenang dan tenteram menerima qadha' dan taqdir Allah terhadapnya dan melainkan apabila dia merasa bahawa Allah sahajalah yang mengendalikannya dan dia tidak mempunyai pilihan yang lain dari pilihan Allah dan menerima pilihan Allah itu dengan tenang, yakin, redha dan puas hati. Dan apabila seseorang itu sampai kepada darjat keimanan yang seperti ini, maka dia tidak akan mendahului Allah dan tidak akan mencadangkan kepada Allah sesuatu bentuk kemenangan dan kebajikan untuk dirinya, malah dia akan menyerahkan segala-galanya kepada Allah dan akan menerima segala bencana yang akan menimpanya sebagai ni'mat kebajikan. Itulah salah satu konsep dari konsep-konsep kemenangan, iaitu kemenangan di atas kepentingan diri dan hawa nafsu dan itulah kemenangan dalaman dan tanpa kemenangan ini, kemenangan lahir tidak akan tercapai sama sekali.

إِنَّا لَنَنصُرُ رُسُلَنَا وَالَّذِينَ ءَامَنُوا فِي الْحَيَوٰةِ
الدُّنْيَا وَيَوْمَ يَقُومُ الْأَشْهَادُ ﴿٥١﴾
يَوْمَ لَا يَنفَعُ الظَّٰلِمِينَ مَعْذِرَتُهُمْ ۖ وَلَهُمُ اللَّعْنَةُ وَلَهُمْ
سُوٓءُ الدَّارِ ﴿٥٢﴾

"Sesungguhnya Kami tetap menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia dan pada hari (Qiamat di mana) berdirinya para saksi (51). Iaitu hari yang tidak berguna kepada orang-orang yang zalim (kafir) permohonan maaf dari mereka, dan mereka akan mendapat laknat dan akan mendapat tempat kediaman yang amat dahsyat."(52)

Kita telah pun melihat di dalam pemandangan yang telah lalu bagaimana dalihan dan permintaan ma'af orang-orang kafir yang zalim itu tidak berguna kepada mereka dan bagaimana mereka berakhir dengan menerima laknat dan tempat kediaman di dalam Neraka yang amat dahsyat.

Salah satu dari gambaran-gambaran kemenangan di dalam kisah Musa a.s. ialah:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى الْهُدَىٰ وَأَوْرَثْنَا بَنِيٓ

إِسْرَٰٓءِيلَ ٱلْكِتَٰبَ ﴿٥٣﴾
هُدًى وَذِكْرَىٰ لِأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٥٤﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hidayat kepada Musa dan Kami kurniakan Bani Israel mewarisi kitab Taurat (53). Untuk menjadi hidayat dan peringatan kepada orang-orang yang mempunyai minda yang sihat."(54)

Pengurniaan kitab suci dan hidayat, pengurniaan ni'mat mewarisi kitab suci dan hidayat merupakan satu contoh dari contoh-contoh kemenangan yang dikurniakan Allah. Contoh yang diberikan Allah dalam kisah Musa a.s. ini mendedahkan kepada kita betapa luasnya bidang kemenangan itu di mana kita dapat melihat satu bentuk kemenangan istimewa dari berbagai-bagai bentuk kemenangan yang ditunjukkan.

Di sini datanglah pernyataan yang mengakhiri bahagian ini mengarahkan Rasulullah s.a.w. dan pengikut-pengikutnya dari orang-orang yang beriman yang sedang tertindas di Makkah dan kepada setiap umatnya yang datang selepas mereka dan menghadapi situasi yang sama yang telah dihadapi mereka:

فَٱصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ وَٱسْتَغْفِرْ لِذَنۢبِكَ
وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ بِٱلْعَشِىِّ وَٱلْإِبْكَٰرِ ﴿٥٥﴾

"Oleh itu bersabarlah sesungguhnya janji Allah itu benar dan pohonlah keampunan terhadap dosamu dan bertasbihlah dengan memuji Tuhamnu pada waktu petang dan pagi."(55)

Pernyataan yang akhir ialah seruan kepada bersabar, iaitu kesabaran menghadapi pendustaan, kesabaran menghadapi penindasan, kesabaran menghadapi keangkuhan kebatilan yang mendapat kemenangan dan kekuasaan dalam jangka waktu yang tertentu menghadapi berbagai-bagai telatah tabi'at, perangai dan tindak-tanduk manusia di sana sini, kesabaran menghadapi keinginan-keinginan, kegelisahan dan cita-cita yang berkobar-kobar untuk mendapatkan kemenangan yang dekat dan seterusnya kesabaran menghadapi berbagai-bagai kecenderungan, kegelisahan dan keinginan untuk mencapai kemenangan yang dekat dan segala kegemaran dan cita-cita yang berhubung dengannya. Dan kesabaran menghadapi berbagai-bagai kerenah di tengah jalan perjuangan yang kadang-kadang datang dari pihak kawan sebelum ianya datang dari pihak lawan.

فَٱصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ

"Oleh itu bersabarlah. Sesungguhnya janji Allah itu benar"(55)

Yakni ia tetap benar walaupun mengambil masa yang lama. Walaupun menghadapi berbagai-bagai kesulitan dan berbagai-bagai pancaroba. Ia adalah janji dari Allah yang berkuasa merealisasikannya dan menghendakinya.

Dan di tengah jalan perjuangan bawalah bekalan ini:

وَٱسْتَغْفِرْ لِذَنۢبِكَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ
بِٱلْعَشِىِّ وَٱلْإِبْكَٰرِ ﴿٥٥﴾

"Pohonlah keampunan terhadap dosamu dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu pada waktu petang dan pagi."(55)

Inilah bekalan di tengah jalan yang memerlukan kesabaran yang panjang dan sukar itu, iaitu beristighfar terhadap dosa dan bertasbih memuji Allah, kerana istighfar yang disertai dengan tasbih itu lebih dekat mendapat perkenan, malah istighfar itu sendiri merupakan satu pendidikan dan latihan jiwa, juga merupakan pembersihan bagi hati. Inilah bentuk kemenangan yang dicapai di dalam hati yang kemudian akan diiringi pula oleh satu bentuk kemenangan lagi, iaitu kemenangan dalam realiti kehidupan.

Pemilihan kata-kata:

بِٱلْعَشِىِّ وَٱلْإِبْكَٰرِ ﴿٥٥﴾

"Pada waktu pagi dan petang"(55)

dalam ayat ini dimaksudkan dengan seluruh waktu kerana pagi dan petang merupakan dua hujung waktu,atau kerana itu dilihat dari segi kedua-duanya merupakan masa kejernihan dan ketenangan hati, di mana terluangnya masa yang luas untuk berfikir dan menjelajah bersama Zikrullah.

Inilah cara yang telah dipilih oleh Allah untuk melengkapkan persediaan dan bekalan di jalan perjuangan menuju kemenangan, kerana setiap perjuangan itu memerlukan kelengkapan dan bekalan.

(Kumpulan ayat-ayat 56 - 77)

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بِغَيْرِ
سُلْطَٰنٍ أَتَىٰهُمْ إِن فِى صُدُورِهِمْ إِلَّا كِبْرٌ
مَّا هُم بِبَٰلِغِيهِ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ إِنَّهُۥ هُوَ
ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿٥٦﴾
لَخَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَكْبَرُ مِنْ خَلْقِ
ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾
وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟

وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَلَا ٱلْمُسِىٓءُ ۚ قَلِيلًا مَّا
تَتَذَكَّرُونَ ﴿٥٨﴾
إِنَّ ٱلسَّاعَةَ لَءَاتِيَةٌ لَّا رَيْبَ فِيهَا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ
ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٥٩﴾
وَقَالَ رَبُّكُمُ ٱدْعُونِىٓ أَسْتَجِبْ لَكُمْ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ
يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِى سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ
دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾
ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ
وَٱلنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ
أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٦١﴾
ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا
هُوَ ۖ فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٦٢﴾
كَذَٰلِكَ يُؤْفَكُ ٱلَّذِينَ كَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ
يَجْحَدُونَ ﴿٦٣﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah tanpa satu alasan yang jelas (dari Allah) yang datang kepada mereka tiada di dalam hati mereka melainkan hanyalah cita-cita yang takbur yang mereka tidak akan dapat mencapainya. Oleh itu pohonlah perlindungan pada Allah, sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat (56). Sesungguhnya penciptaan langit dan bumi itu lebih besar daripada penciptaan manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (57). Dan tiada sama si buta dengan si celik dan tidak pula sama orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dengan orang-orang yang melakukan ·kejahatan. Amat sedikit kamu mengambil pengajaran (58). Sesungguhnya Qiamat itu tetap akan datang tanpa sebarang keraguan padanya, tetapi kebanyakkan manusia tidak beriman (59). Dan Tuhan kamu telah berfirman: Berdo'alah kepada-Ku nescaya aku perkenankan (do'a kamu). Sesungguhnya orang-orang yang takbur dari menyembah-Ku akan masuk Neraka Jahannam dengan keadaan yang hina-dina (60). Allah yang telah menjadikan malam untuk kamu beristirehat padanya dan menjadikan siang itu mencelikkan mata. Sesungguhnya Allah mempunyai kurnia yang melimpah-ruah ke atas manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur (61). Itulah Allah Tuhan kamu Pencipta segala sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Dia. Bagaimanakah kamu dapat dipesongkan? (62) Begitulah juga dipesongkan orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah." (63).

ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ قَرَارًا وَٱلسَّمَآءَ
بِنَآءً وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ
وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ
رَبُّكُمْ ۖ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٤﴾
هُوَ ٱلْحَىُّ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَٱدْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ ۗ
ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٥﴾
قُلْ إِنِّى نُهِيتُ أَنْ أَعْبُدَ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن
دُونِ ٱللَّهِ لَمَّا جَآءَنِىَ ٱلْبَيِّنَٰتُ مِن رَّبِّى وَأُمِرْتُ أَنْ
أُسْلِمَ لِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٦﴾
هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ
عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوٓا۟ أَشُدَّكُمْ
ثُمَّ لِتَكُونُوا۟ شُيُوخًا ۚ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ مِن قَبْلُ ۖ
وَلِتَبْلُغُوٓا۟ أَجَلًا مُّسَمًّى وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾
هُوَ ٱلَّذِى يُحْىِۦ وَيُمِيتُ ۖ فَإِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ
لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٦٨﴾

"Allah yang telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai tempat kediaman yang mantap dan langit sebagai binaan yang kukuh, dan Dialah yang membentuk kamu dan mengelokkan rupa paras kamu serta memberi rezeki kepada kamu dari benda-benda yang baik. Itulah Allah Tuhan kamu. Maha Agunglah Allah Tuhan semesta alam (64). Dialah Yang Maha Hidup. Tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu berdo'alah kepada-Nya dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya. Segala kepujian itu terpulang kepada Allah Tuhan semesta alam (65). Katakanlah: Sesungguhnya aku telah dilarang menyembah sembahan-sembahan yang kamu sembah selain dari Allah setelah datang kepadaku keterangan-keterangan yang jelas dari Tuhanku dan aku telah diperintah supaya menyerah diri patuh kepada Tuhan semesta alam (66). Dialah yang telah menciptakan kamu dari tanah kemudian dari nutfah kemudian dari segumpal darah, kemudian kamu dilahirkan sebagai seorang kanak-kanak, kemudian kamu (terus dibesarkan) supaya kamu sampai ke usia dewasa, kemudian supaya kamu sampai ke usia orang-orang tua, dan di antara kamu ada yang diwafatkan sebelum usia itu, dan seterusnya supaya kamu sampai kepada ajal yang telah ditentukan dan supaya kamu berfikir (67). Dialah yang menghidup dan mematikan. Dan apabila Dia telah menetapkan kewujudan sesuatu, maka Dia hanya berkata kepadanya: Jadilah engkau! Maka ia pun terus jadi." (68).

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ أَنَّىٰ

يُصْرَفُونَ ﴿٦٩﴾

ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِٱلْكِتَـٰبِ وَبِمَآ أَرْسَلْنَا بِهِۦ رُسُلَنَا ۖ
فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿٧٠﴾

إِذِ ٱلْأَغْلَـٰلُ فِىٓ أَعْنَـٰقِهِمْ وَٱلسَّلَـٰسِلُ يُسْحَبُونَ ﴿٧١﴾

فِى ٱلْحَمِيمِ ثُمَّ فِى ٱلنَّارِ يُسْجَرُونَ ﴿٧٢﴾

ثُمَّ قِيلَ لَهُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ تُشْرِكُونَ ﴿٧٣﴾

مِن دُونِ ٱللَّهِ ۖ قَالُوا۟ ضَلُّوا۟ عَنَّا بَل لَّمْ نَكُن نَّدْعُوا۟ مِن
قَبْلُ شَيْـًٔا ۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٧٤﴾

ذَٰلِكُم بِمَا كُنتُمْ تَفْرَحُونَ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ
وَبِمَا كُنتُمْ تَمْرَحُونَ ﴿٧٥﴾

ٱدْخُلُوٓا۟ أَبْوَٰبَ جَهَنَّمَ خَـٰلِدِينَ فِيهَا ۖ فَبِئْسَ مَثْوَى
ٱلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٦﴾

فَٱصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ ۚ فَإِمَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ ٱلَّذِى
نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِلَيْنَا يُرْجَعُونَ ﴿٧٧﴾

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah, bagaimanakah mereka boleh dipesongkan? (69) Iaitu orang-orang yang mendustakan kitab Al-Qur'an dan ajaran yang Kami telah utuskan kepada rasul-rasul Kami. Kelak mereka akan mengetahui (70). Ketika belenggu-belenggu dan rantai-rantai dipasang di leher mereka seraya mereka diseret (71). Ke dalam air yang amat panas kemudian mereka dibakar di dalam Neraka (72). Kemudian dikatakan kepada mereka: Manakah berhala-berhala yang kamu sekutukan? (73) Selain dari Allah. Jawab mereka: Mereka telah hilang lenyap dari kami, malah kami dahulu tidak pernah menyembah sesuatu. Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang kafir (74). Balasan itu disebabkan kerana kamu bersuka ria di bumi tanpa mengikut jalan yang benar dan kerana kamu terlalu banyak bergembira (75). Masuklah kamu pintu-pintu Neraka Jahannam di mana kamu hidup kekal di dalamnya. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur (76). Oleh itu bersabarlah, sesungguhnya janji Allah itu tetap benar. (Sama sahaja) sama ada Kami sempat memperlihatkan kepadamu sebahagian 'azab yang Kami janjikan untuk mereka atau Kami wafatkan engkau (sebelum itu), maka seluruh mereka tetap dikembalikan kepada Kami".(77)

Pusingan ini mempunyai hubungan yang serapat-rapatnya dengan pusingan sebelumnya. Ia merupakan lanjutan dari pelajaran yang telah lalu dan penyempurnaan arahan kepada Rasulullah s.a.w. supaya bersabar menghadapi pendustaan, penindasan dan penghalangan kaum Musyrikin dari agama yang benar dan kebanggaan mereka dengan agama yang batil. Dan selepas arahan ini Al-Qur'an mendedahkan sebab yang menjadi punca mengapa mereka menyangkalkan ayat-ayat Allah tanpa hujah dan tanpa alasan. Sebabnya ialah perasaan takbur dan sombong. Perasaan inilah yang menghalangi mereka dari menerima agama yang benar, sedangkan mereka lebih kecil dan lebih kerdil dari ketakburan yang berkecamuk di dalam hati mereka.

Oleh sebab itu Al-Qur'an kemudiannya menyedarkan mereka terhadap keagungan kejadian alam buana yang diciptakan Allah dan kekerdilan kejadian manusia dibandingkan dengan kejadian langit dan bumi. Pelajaran ini terus menayangkan setengah-setengah bukti kekuasaan Allah pada kejadian-kejadian alam dan limpah kurnia Allah memberi kemudahan kepada manusia menggunakan ni'mat kejadian alam itu, sedangkan mereka lebih kecil dan lebih kerdil dari alam itu. Ia juga menyebut limpah kurnia Allah terhadap diri mereka sendiri, dan seluruh bukti dan ni'mat itu membuktikan keesaan Allah Pencipta yang dipersekutukan mereka, dan kemudian ia memerintah Rasulullah s.a.w. supaya mengisytiharkan 'aqidah tauhid dengan terus terang dan berpaling dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah. Pusingan ini berakhir dengan satu pemandangan yang dahsyat dari pemandangan-pemandangan Qiamat, di mana mereka ditanya dengan penuh penghinaan mengenai tuhan-tuhan yang mereka sekutukannya dengan Allah, dan seterusnya ia diakhiri seperti pusingan yang telah lalu dengan mengarah Rasulullah s.a.w. supaya terus bersabar sama ada Allah panjangkan usianya hingga dapat menyaksikan sendiri setengah-setengah 'azab yang dijanjikan kepada orang-orang kafir atau beliau diwafatkan Allah sebelum datangnya janji Allah itu, kerana segala urusan di tangan Allah dan walau dalam keadaan apa pun mereka sekalian tetap kembali kepada Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 56 - 60)

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُجَـٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَـٰتِ ٱللَّهِ بِغَيْرِ
سُلْطَـٰنٍ أَتَىٰهُمْ ۙ إِن فِى صُدُورِهِمْ إِلَّا كِبْرٌ
مَّا هُم بِبَـٰلِغِيهِ ۚ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ ۖ إِنَّهُۥ هُوَ
ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿٥٦﴾

لَخَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَكْبَرُ مِنْ خَلْقِ ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾ وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَلَا ٱلْمُسِىٓءُ ۚ قَلِيلًا مَّا تَتَذَكَّرُونَ ﴿٥٨﴾

إِنَّ ٱلسَّاعَةَ لَءَاتِيَةٌ لَّا رَيْبَ فِيهَا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٥٩﴾

وَقَالَ رَبُّكُمُ ٱدْعُونِىٓ أَسْتَجِبْ لَكُمْ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِى سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah tanpa satu alasan yang jelas (dari Allah) yang datang kepada mereka tiada di dalam hati mereka melainkan hanyalah cita-cita yang takbur yang mereka tidak akan dapat mencapainya. Oleh itu pohonlah perlindungan pada Allah, sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat (56). Sesungguhnya penciptaan langit dan bumi itu lebih besar daripada penciptaan manusia, tetapi kebanyakkan manusia tidak mengetahui (57).Dan tiada sama si buta dengan si celik dan tidak pula sama orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dengan orang-orang yang melakukan kejahatan. Amat sedikit kamu mengambil pengajaran (58). Sesungguhnya Qiamat itu tetap akan datang, tanpa sebarang keraguan padanya, tetapi kebanyakkan manusia tidak beriman (59). Dan Tuhan kamu telah berfirman: Berdo'alah kepada-Ku nescaya aku perkenankan (do'a kamu). Sesungguhnya orang-orang yang takbur dari menyembah-Ku akan masuk Neraka Jahannam dengan keadaan yang hina-dina."(60)

Makhluk manusia ini seringkali lupakan dirinya. Dia lupa bahawa dia hanya satu makhluk yang kerdil dan lemah. Kekuatannya bukan diambil dari dirinya, tetapi hasil dari perhubungannya dengan Allah sebagai sumber utama segala kekuatan. Ia memutuskan hubungannya dengan Allah lalu ia merasa sombong dan takbur dan seluruh hati berkecamuk dengan perasaan angkuh yang diambil dari syaitan yang telah binasa dengan sifat yang angkuh ini kemudian dia menggoda pula manusia dengan sifat yang angkuh itu.

Manusia menyangkal ayat-ayat Allah dengan penuh takbur, sedangkan ayat-ayat Allah itu amat jelas kepada fitrahnya. Ia berkata kepada dirinya dan kepada orang lain bahawa dia menyangkalkan ayat-ayat itu kerana dia tidak yakin, tetapi Allah Maha Mengetahui, Maha Mendengar dan Maha Melihat rahsia-rahsia hati itu mendedahkan bahawa satu-satunya sebab yang sebenar dia menyangkal ayat-ayat Allah ialah perasaan takbur dan sombong, itulah perasaan yang berkecamuk di dalam hatinya. Perasaan takbur inilah yang mendorongnya mempertikaikan perkara-perkara yang tidak patut dipertikaikan. Perasaan takbur inilah yang telah membawanya menyangkal hakikat-hakikat yang lebih besar dari hakikat dirinya dan membawanya cuba mengambil tempat yang bukan tempatnya dan tidak layak dengannya. Dia tidak mempunyai sesuatu hujah dan alasan selain dari sikapnya yang takbur dan sombong:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بِغَيْرِ سُلْطَٰنٍ أَتَىٰهُمْ ۙ إِن فِى صُدُورِهِمْ إِلَّا كِبْرٌ مَّا هُم بِبَٰلِغِيهِ ۚ

"Sesungguhnya orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah tanpa satu alasan yang jelas (dari Allah) yang datang kepada mereka tiada di dalam hati mereka melainkan hanyalah cita-cita yang takbur yang mereka tidak akan dapat mencapainya."(56)

Andainya manusia memahami hakikat dirinya dan memahami hakikat alam al-wujud, sekiranya dia mengenai peranannya dan menunaikannya dengan sebaik-baiknya, tanpa mencuba melewati batasnya, sekiranya dia yakin bahawa dia hanya satu makhluk dari makhluk-makhluk yang tidak terbilang banyaknya yang dicipta dan dikuasai oleh Allah Pencipta alam al-wujud mengikut perencanaan-Nya, dan tiada siapapun yang mengetahui perencanaan-Nya yang tidak diketahui oleh sesiapa pun hanya Dia, sekiranya manusia mengetahui bahawa peranannya telah ditentukan mengikut hakikatnya di alam al-wujud ini, sekiranya dia memahami semuanya ini tentulah dia yakin dan tenang, dan tentulah dia merasa rendah diri dan hidup damai dengan dirinya sendiri dan dengan alam di sekelilingnya, dan tentulah dia menyerah dirinya kepada Allah.

فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ ۖ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿٥٦﴾

"Oleh itu pohonlah perlindungan pada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat."(56)

Memohon perlindungan pada Allah dalam menghadapi perasaan takbur ini membayangkan betapa buruknya perasaan ini, kerana seseorang itu memohon perlindungan pada Allah dari sesuatu yang keji dan buruk yang diduga menimbulkan bahaya kejahatan dan gangguan, dan semuanya ini terdapat pada sifat takbur. Ia menyusahkan diri seseorang dan menyusahkan orang lain di sekelilingnya. Ia menyakiti hati yang disaranginya dan menyakiti hati orang lain. Ia adalah benar-benar satu sifat yang jahat yang wajar dipohon perlindungan dari Allah.

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿٥٦﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat."(56)

Yakni mendengar dan melihat tindak-tanduk takbur itu. Sifat takbur yang keji itu dapat dilihat pada gerak-geri yang dapat dipandang dan pada tutur kata yang dapat didengar, Rasulullah s.a.w. menyerahkan urusannya kepada Allah Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui supaya memberi perlindungan kepadanya mengikut tadbir yang baik pada pandangan Allah.

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan kepada manusia kedudukannya yang sebenar di dalam alam buana yang besar ini, dan tentang kekerdilan kejadiannya dibandingkan dengan setengah-setengah makhluk Allah yang dapat dilihat oleh mereka. Dan mereka akan menginsafi betapa besarnya kejadian alam buana ini dengan semata-mata melalui penglihatannya, dan perasaan mereka terhadap alam buana ini akan bertambah besar apabila mereka mengetahui hakikatnya:

لَخَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَكْبَرُ مِنْ خَلْقِ
ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾

"Sesungguhnya penciptaan langit dan bumi itu lebih besar daripada penciptaan manusia, tetapi kebanyakkan manusia tidak mengetahui."(57)

Manusia dapat melihat langit dan bumi yang tersergam di hadapannya dan dapatlah ia mengukurkan dirinya dengan kedua-duanya. Tetapi apabila ia mengetahui hakikat nisbah-nisbah, dimensi-dimensi, hakikat saiz-saiz dan kekuatan-kekuatan yang wujud di langit dan bumi ini, tentu perasaan suburnya akan menjadi rendah dan kecil sehingga perasaan itu hampir-hampir hancurluluh kerana merasa dirinya terlalu kerdil, kecuali ia teringat kepada unsur yang luhur (unsur roh) yang telah diletakkan Allah di dalam dirinya. Kerana unsur inilah ia dimuliakan Allah dan unsur inilah satu-satunya kekuatan yang dapat dipegang olehnya di hadapan kebesaran alam buana yang amat luas itu.

Dengan selayang pandang sahaja merenungi kejadian langit dan bumi ini sudah cukup untuk mendapatkan kefahaman dan keinsafan itu.

Bumi yang menjadi alam hidup kita ini hanya sebuah planet yang kecil di antara planet-planet yang menjadi pengikut matahari yang lain. Bongkah bumi ialah tiga persejuta dari bongkah matahari dan saiznya kurang dari satu persejuta saiz bumi.

Matahari ini merupakan salah satu matahari dari kira-kira seratus juta matahari-matahari yang wujud dari galaksi yang dekat dengan kita. Sehingga hari ini manusia telah menemui kira-kira seratus juta galaksi ini yang bertaburan di angkasa raya yang amat luas, di sekeliling galaksi-galaksi itu, di mana matahari hampir-hampir tidak kelihatan. Jumlah galaksi yang diketemui manusia itu adalah satu jumlah yang kecil yang hampir-hampir tidak tersebut dalam binaan alam buana ini, tetapi walaupun jumlah itu kecil, namun ia adalah amat besar dan memusingkan kepala manusia untuk memahaminya. Jarak di antara kita dengan matahari ialah kira-kira sembilan puluh tiga juta batu. Matahari ialah ketua keluarga bumi kita yang kecil, malah mengikut pendapat yang kuat ia merupakan ibu kepada bumi yang kecil ini, dan bumi kita tidak jauh dari pangkuan ibunya lebih dari jarak ini iaitu sembilan puluh tiga juta batu sahaja.

Galaksi yang diikuti matahari mempunyai garispusat kira-kira seribu juta tahun cahaya. Dimaksudkan dengan satu tahun cahaya ialah jarak perjalanan enam ratus juta batu, kerana kederasan cahaya ialah seratus lapan puluh enam ribu batu dalam satu detik.

Sedekat-dekat galaksi yang lain kepada bumi ialah sejauh kira-kira tujuh ratus ribu lima puluh tahun cahaya dari kita.

Sekali lagi kami tegaskan bahawa jarak ini, dimensi-dimensi ini dan saiz-saiz ini ialah sekadar yang dapat diketahui ilmu pengetahuan manusia yang kerdil, sedangkan ilmu manusia itu sendiri mengakui bahawa apa yang ditemuinya hanya merupakan satu sektor yang kecil di alam buana yang lebar ini. Allah S.W.T. berfirman:

لَخَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَكْبَرُ مِنْ خَلْقِ
ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾

"Sesungguhnya penciptaan langit dan bumi ini lebih besar dari penciptaan manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(57)

Tidak ada pada qudrat Allah sesuatu yang lebih besar dan sesuatu yang lebih kecil, dan tidak ada pula sesuatu yang lebih sukar atau lebih mudah, kerana Allah menciptakan segala-gala sesuatu itu dengan satu kalimat "kun" sahaja, maka segala-gala sesuatu itu muncul ke alam al-wujud dengan sifat-sifatnya yang sempurna sebagaimana yang diketahui dan dikira oleh manusia. Di manakah manusia dibandingkan dengan alam buana yang besar itu dan sampai ke manakah kebesaran kejadian manusia dibandingkan dengan kejadian alam yang besar itu?

وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟
وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَلَا ٱلْمُسِىٓءُ ۚ

"Dan tiada sama si buta dengan si celik dan tidak pula sama orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dengan orang-orang yang melakukan kejahatan."(58)

Yakni orang yang celik tentulah melihat dan mengetahui dan tentulah mengenal nilai dirinya. Dia tidak angkuh, sombong dan takbur kerana dia melihat dan mengenal, sedangkan orang yang buta pula tidak nampak dan tidak tahu di mana

tempatnya, tidak tahu nisbahnya dengan kejadian-kejadian di sekelilingnya, kerana itu dia tersalah membuat perhitungan dan penilaian tentang kedudukan dirinya dan kedudukan benda-benda di sekelilingnya. Dia teraba-raba di sana sini kerana tidak dapat membuat perhitungan yang tepat. Demikian juga orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh tidak sama dengan orang yang tidak beriman dan melakukan kejahatan-kejahatan. Orang-orang yang beriman melihat dan mengetahui dan kerana itu mereka dapat membuat perhitungan dan penilaian yang baik, sedangkan orang-orang yang tidak beriman berada dalam keadaan yang buta dan jahil, kerana itu mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang salah, iaitu salah terhadap diri mereka sendiri, salah terhadap orang lain dan terutamanya salah dalam memahami nilai diri mereka dan nilai kejadian di sekeliling mereka, juga salah dalam mengukurkan diri mereka dengan kejadian-kejadian di sekeliling mereka. Mereka adalah orang-orang yang buta matahati:

قَلِيلًا مَّا تَتَذَكَّرُونَ ﴿٥٨﴾

"Amat sedikit kamu mengambil pengajaran."(58)

Yakni andainya kita mengambil peringatan tentulah kita mengetahui kerana perkara ini sangat terang dan dekat tidak memerlukan lebih banyak dari hanya mengambil peringatan dan diberi peringatan sahaja. Kemudian sekiranya kita teringat kepada Akhirat, dan percaya kepada kedatangannya dan memahami kedudukan kita di alam Akhirat dan menghadirkan pemandangan kita di Akhirat, tentulah kita yakin:

إِنَّ ٱلسَّاعَةَ لَءَاتِيَةٌ لَّا رَيْبَ فِيهَا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ
ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٥٩﴾

"Sesungguhnya Qiamat itu tetap akan datang, tanpa sebarang keraguan padanya, tetapi kebanyakkan manusia tidak beriman."(59)

Oleh kerana, itu mereka terus menyangkal dan berlagak sombong. Mereka tidak tunduk kepada kebenaran dan tidak mengetahui tempat mereka yang sebenar.

Bertawajjuh dengan beribadat kepada Allah serta berdo'a dan memohon kepada-Nya merupakan amalan-amalan yang boleh menyembuhkan hati dari perasaan takbur yang berkecamuk di dalamnya hingga mendorongnya menyangkal ayat-ayat Allah tanpa hujah dan tanpa bukti. Allah S.W.T. sentiasa membuka pintu-Nya supaya kita bertawajjuh dan berdo'a kepada-Nya. Dia telah mengisytiharkan kepada kita bahawa Dia mewajibkan ke atas diri-Nya memperkenankan do'a siapa sahaja yang berdo'a kepada-Nya, dan Dia telah memberi amaran kehinaan dan 'azab Neraka kepada orang-orang yang sombong dari mengerjakan ibadat kepada-Nya:

وَقَالَ رَبُّكُمُ ٱدْعُونِىٓ أَسْتَجِبْ لَكُمْ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ
يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِى سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ
دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

"Dan Tuhan kamu telah berfirman: Berdo'alah kepada-Ku nescaya aku perkenankan (do'a kamu). Sesungguhnya orang-orang yang takbur dari menyembah-Ku akan masuk Neraka Jahannam dengan keadaan yang hina-dina."(60)

Berdo'a mempunyai adab caranya iaitu mengikhlaskan hati kepada Allah dan menaruh sepenuh kepercayaan bahawa Allah akan memperkenankannya serta jangan mencadangkan kepada Allah satu bentuk perkenan yang tertentu, atau menentukan waktu atau tempat yang tertentu kerana mengaturkan cadangan-cadangan seperti ini bukanlah dari adab memohon kepada Allah, juga mengi'tiqadkan bahawa keinginan bertawajjuh dan berdo'a kepada Allah itu merupakan taufiq dari Allah dan penerimaan do'a itu merupakan limpah kurnia dari-Nya. Saydina Umar r.a. pernah berkata: "Aku tidak menanggung kesusahan diperkenankan do'a, tetapi aku menanggung kesusahan berdo'a oleh itu jika aku diilhamkan berdo'a, maka tetaplah do'a itu diperkenankan Allah." Inilah perkataan yang terbit dari hati yang 'arifibillah, iaitu hati yang memahami bahawa apabila Allah menetapkan penerimaan do'a atau perkenan, maka sekaligus Dia tetapkan pula keinginan berdo'a kepada-Nya. Kedua-duanya selaras apabila ditaufiqkan Allah.

Adapun orang-orang yang sombong dari bertawajjuh kepada Allah, maka balasan mereka yang setimpal ialah mereka diheret ke dalam Neraka dengan keadaan yang hina dina. Inilah kesudahan takbur yang membusungkan hati manusia di bumi yang kecil ini dan di dalam kehidupan dunia yang murah ini dan membuat mereka lupa kepada kebesaran penciptaan Allah di samping lupakan keagungan Allah dan lupakan Akhirat yang tetap akan datang, juga lupakan kedudukannya yang hina-dina di Akhirat setelah berlagak congkak bongkak.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 61 - 65)

Setelah menyebut keadaan mereka yang sombong dari menyembah Allah, Al-Qur'an menayangkan pula setengah-setengah ni'mat Allah yang dikurniakan kepada manusia, iaitu ni'mat-ni'mat yang membuktikan keagungan dan kebesaran-Nya. Mereka bukan sahaja tidak bersyukur terhadap ni'mat-ni'mat itu, malah berlagak sombong dari beribadat dan bertawajjuh kepada Allah.

ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ
وَٱلنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ
أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٦١﴾

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا
هُوَ ۖ فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٦٢﴾
كَذَٰلِكَ يُؤْفَكُ ٱلَّذِينَ كَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ
يَجْحَدُونَ ﴿٦٣﴾
ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ قَرَارًا وَٱلسَّمَآءَ
بِنَآءً وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ
وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ
رَبُّكُمْ ۖ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٤﴾
هُوَ ٱلْحَىُّ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَٱدْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ ۗ
ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٥﴾

"Allah yang telah menjadikan malam untuk kamu beristirehat padanya dan menjadikan siang itu mencelikkan mata. Sesungguhnya Allah mempunyai kurnia yang melimpah-ruah ke atas manusia, tetapi kebanyakkan manusia tidak bersyukur (61). Itulah Allah Tuhan kamu Pencipta segala sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Dia. Bagaimanakah kamu dapat dipesongkan? (62). Begitulah juga dipesongkan orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah (63). Allah yang telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai tempat kediaman yang mantap dan langit sebagai binaan yang kukuh, dan Dialah yang membentuk kamu dan mengelokkan rupa paras kamu serta memberi, rezeki kepada kamu dari benda-benda yang baik. Itulah Allah Tuhan kamu. Maha Agunglah Allah Tuhan semesta alam (64). Dialah Yang Maha Hidup. Tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu berdo'alah kepada-Nya dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya. Segala kepujian itu terpulang kepada Allah Tuhan semesta alam."(65)

Malam dan siang merupakan dua gejala alam. Bumi dan langit juga merupakan dua makhluk alam ini. Ia disebut bersama sifat Allah yang membentuk manusia dengan rupa paras yang cantik dan mengurniakan rezeki-rezeki yang baik kepada mereka. Semuanya disebut ketika dibicarakan ni'mat-ni'mat dan limpah kurnia Allah terhadap manusia. Juga disebut ketika dibicarakan keesaan Allah dan penumpuan seluruh keta'atan kepada Allah sahaja. Ini menunjukkan bahawa gejala-gejala, makhluk-makhluk dan konsep-konsep Wahdaniyah dan keta'atan itu mempunyai hubungan dan pertalian yang rapat di antara satu sama lain. Dan semuanya wajib difikirkan dalam lingkungannya yang luas dan wajib diperhatikan hubungan-hubungannya yang harmoni.

Alam buana ini dibina di atas asas yang dibina oleh Allah, kemudian ditadbirkan mengikut undang-undang yang diatur oleh Allah. Asas dan undang-undang inilah yang telah membolehkan adanya makhluk-makhluk yang hidup di bumi ini, serta membolehkannya berkembang maju. Asas dan peraturan inilah juga yang membolehkan adanya kehidupan manusia dalam bentuknya yang kita ketahui, yang sesuai dengan keperluan-keperluan mereka, iaitu keperluan struktur kejadian dan fitrah mereka. Allah telah menciptakan malam untuk manusia sebagai waktu beristirehat dan bersenang-senang, dan menciptakan siang yang terang benderang untuk menyenangkan manusia melihat dan bergerak. Dia menjadikan bumi sebagai tempat kediaman yang baik untuk menjalankan kehidupan dan kegiatan. Dia menjadikan langit sebagai bumbung yang kukuh teguh, tidak pecah dan runtuh. Nisbah dan ukuran-ukuran jauh dekat, tinggi rendah bintang-bintangnya tidak pernah mungkir dan andainya berlaku kemungkiran nescaya manusia tidak mungkin wujud di permukaan bumi dan mungkin hayat juga tidak mungkin wujud. Allahlah yang telah menyediakan rezeki-rezeki yang baik yang lahir dari bumi dan diturunkan dari langit untuk keni'matan manusia. Allahlah yang telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik rupa dan meletakkan di dalam dirinya ciri-ciri, kesediaan-kesediaan dan bakat-bakat yang sesuai dengan alam buana ini iaitu ciri-ciri dan bakat-bakat yang sesuai dengan suasana hidupnya yang berhubung rapat dengan alam buana yang besar ini. Semua ciptaan ini mempunyai hubungan yang rapat dan harmoni seperti yang dapat dilihat oleh anda. Oleh sebab itulah semua ciptaan-ciptaan itu telah disebut di dalam satu tempat yang berhubung rapat.Dan semua ciptaan itu dijadikan bukti keesaan Allah. Dan di bawah bayangan-Nya diarahkan hati manusia supaya menyembah Allah yang tunggal dan mentuluskan keta'atan kepada-Nya seraya mengucap "الحمدلله رب العالمين". Kemudian Al-Qur'an menjelaskan bahawa yang berkuasa menciptakan segala kejadian dengan teratur dan seimbang seperti inilah yang layak menjadi Tuhan, iaitu Allah Tuhan yang memelihara alam semesta. Bagaimanakah manusia boleh terpesong dari kebenaran yang amat jelas ini?

Di sini kami ingin sebutkan pandangan-pandangan sepintas lalu mengenai setengah-setengah sudut hubungan dalam pelan penciptaan alam buana dan hubungannya dengan kehidupan manusia, iaitu pandangan-pandangan yang sesuai dengan keterangan-keterangan ringkas yang disebut di dalam Al-Qur'an...

"Sekiranya bumi tidak berputar di sekeliling dirinya menghadapi matahari tentulah tidak ada pertukaran malam dan siang.

"Sekiranya bumi berputar di sekeliling dirinya lebih cepat dari putarannya yang ada sekarang ini nescaya rumah-rumah akan runtuh bertaburan, bumi akan pecah berantakan di angkasa raya.

"Sekiranya bumi berputar di sekeliling dirinya lebih perlahan dari putarannya yang ada sekarang ini nescaya manusia akan mati kerana panas dan dingin. Nisbah kecepatan putaran bumi di sekeliling dirinya yang ada sekarang ini merupakan kadar kecepatan yang amat sesuai dengan kehidupan haiwan dan kehidupan tumbuh-tumbuhan dengan erti kata yang seluas-luasnya.

"Sekiranya tidak kerana putaran bumi di sekeliling dirinya nescaya keringlah air segala laut dan lautannya.

"Apa akan terjadi jika paksi bumi itu lurus dan bumi beredar mengikut jalan peredarannya di sekeliling matahari dalam bentuk satu bulatan, di mana matahari menjadi pusatnya? Jika berlaku demikian, maka musim-musim tidak akan wujud lagi dan manusia tidak akan mengenal musim panas dan musim sejuk, musim bunga dan musim gugur." [1]

"Sekiranya kulit bumi ini lebih tebal beberapa kaki dari kulitnya yang ada sekarang ini nescaya ia akan menyedut karbon dioksid dari oksigen yang mengakibatkan tidak mungkin wujudnya hayat tumbuh-tumbuhan..

"Sekiranya udara lebih tipis dari keadaannya yang ada sekarang, nescaya setengah-setengah tahi bintang yang sekarang menembusi udara luar dengan jumlahnya yang berjuta-juta itu akan menghentam semua bahagian permukaan bumi. Tahi-tahi bintang itu meluncur dengan kederasan di antara enam dan empat puluh batu sesa'at dan ia boleh menyalakan segala sesuatu yang boleh terbakar. Andainya tahi-tahi bintang ini meluncur perlahan seperti kederasan peluru senapang, nescaya ia akan gugur dan pecah di bumi semuanya dan akibatnya amat dahsyat. Manusia yang dilanggar oleh tahi bintang yang kecil yang meluncur dengan kederasan yang melebihi kederasan peluru senapang sebanyak sembilan puluh kali akan hancur berkecai dengan semata-mata kepanasan laluannya sahaja.

"Sekiranya nisbah oksigen di dalam udara itu lima puluh peratus misalnya atau lebih banyak bukannya dua puluh satu peratus, maka semua bahan-bahan yang boleh terbakar di alam ini akan terdedah kepada kebakaran hingga cetusan bunga api pertama dari petir yang mengenai satu pokok kayu itu boleh membakar hutan rimba dan meledakkannya. Dan sekiranya, nisbah oksigen itu turun kepada sepuluh peratus atau kurang lagi, maka hayat di bumi, lama kelamaan lagi akan pupus dengan sendiri, dan dalam keadaan ini unsur-unsur tamadun yang dini'mati manusia seperti api amat sedikit boleh didapati mereka.[2]

Di sana terdapat beribu-ribu penyesuaian dalam pelan penciptaan alam buana ini. Andainya ada sesuatu yang mungkir nescaya gambaran hayat yang kita ketahui sesuai dengan manusia itu tidak akan wujud lagi.

Manusia sendiri pula diciptakan dengan bentuk rupa yang unik di antara makhluk-makhluk bernyawa yang lain. Ia dilengkapkan dengan sistem peralatan badan yang sempurna, yang dapat melaksanakan semua tugas-tugasnya dengan mudah dan halus. Bentuk rupanya sesuai dengan suasana umum alam ini yang membolehkannya wujud dan bergerak di tengah-tengah persekitaran alam seperti sekarang ini. Selain dari itu manusia dikurniakan satu ciri agung yang melayakkannya menjadi khalifah di bumi ini, iaitu dia dikurniakan akal dan daya membuat hubungan roh dengan alam yang wujud di sebalik benda-benda yang berbentuk dan ber'aradh (iaitu alam ketuhanan).

Andainya kita mengkaji kehalusan ciptaan manusia dan keserasian segala bahagian anggota tubuh badannya dan fungsi-fungsinya masing-masing yang termasuk dalam firman-Nya nescaya kita akan berdiri kagum di hadapan setiap anggota yang kecil, malah di hadapan setiap sel yang tunggal dari entiti insan yang amat halus dan menarik itu.

Sebagai contoh kehalusan yang menarik itu ialah rahang manusia dan kedudukan gigi-gigi yang ada padanya. Rahang ini diciptakan begitu halus hingga penonjolan satu persepuluh milimeter di gusi atau di lidah akan mengganggu gusi dan lidah ini. Dan sekiranya penonjolan sebesar ini wujud pada geraham atau pada gigi, maka ia akan menyebabkan geraham dan gigi itu berantuk dan bergesel dengan geraham dan gigi yang bertentangan dengannya. Begitu juga wujudnya sekeping kertas yang tipis seperti kertas penggulung rokok di antara rahang atas dan rahang bawah boleh menyebabkan kertas itu berbekas dengan tekanan dua rahang ke atasnya dan tanda-tanda tekanan itu boleh dilihat pada kertas itu, kerana rahang-rahang itu diciptakan begitu halus hingga kedua-duanya dapat bertemu dengan tepat dan sempurna untuk mengunyah dan mengisar benda-benda yang senipis kertas penggulung rokok.

Kemudian struktur kejadian manusia dilengkapkan dengan sempurna untuk hidup di alam ini. Matanya diukur mengikut getaran cahaya yang perlu dilihat olehnya mengikut fungsinya di bumi ini. Dan telinganya juga diukur mengikut getaran bunyi yang perlu didengar olehnya mengikut fungsinya di bumi ini. Setiap indera dan setiap anggotanya adalah direkabentuk mengikut keadaan persekitaran yang disediakan untuk hidupnya dan dilengkapkan dengan daya penyesuaian yang tertentu apabila keadaan-keadaan itu berubah.

Pendeknya manusia itu diciptakan sesuai dengan alam sekitar ini, di mana dia dapat hidup, menerima kesan dan memberi kesan. Di sana ada hubungan yang amat rapat di antara rekabentuk alam sekitar ini dengan rupa bentuk manusia. Yakni rupa bentuk manusia yang seperti ini mempunyai hubungan yang

---

[1] *Dipetik dari buku* مع الله في السماء.

[2] *Dipetik dari buku* العلم يدعو للإيمان *terjemahan Mahmud Soleh al-Falaki.*

rapat dengan alam sekitarnya iaitu bumi dan langit. Inilah ciri mu'jizat yang terdapat di dalam Al-Qur'an.

Dengan penerangan ·yang ringkas ini cukuplah untuk menggambarkan kehalusan ciptaan Allah dan keseimbangan ciptaan di antara alam dan manusia.

Marilah kita berhenti sebentar di hadapan nas-nas Al-Qur'an:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَٱلنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ

"Allah yang telah menjadikan malam untuk kamu beristirehat padanya dan menjadikan siang itu mencelikkan mata."(61)

Ketenangan di waktu malam itu merupakan satu keperluan kepada setiap makhluk yang hidup. Di sana pastilah ada satu tempoh gelap (malam) di mana sel-sel yang hidup dapat bertenang dan beristirehat untuk melaksanakan kegiatannya di dalam cahaya (siang). Tidur sahaja tidak cukup untuk mendapatkan ketenangan itu, malah pastilah adanya malam dan pastilah adanya gelap. Tisu-tisu hidup yang terus menerus terdedah kepada cahaya sehingga kepada had yang memenatkannya akan rosak kerana ia tidak dapat meni'mati ketenangan yang diperlukan.

وَٱلنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ

"Menjadikan siang mencelik."(61)

Ungkapan ini menggambarkan hari siang seolah-olah makhluk hidup yang mencelikkan mata, sedangkan yang melihat di dalam siang itu ialah manusia, kerana inilah sifat yang biasa.

Pertukaran malam dan siang seperti ini merupakan satu ni'mat yang mengandungi berbagai-bagai ni'mat yang lain. Andainya malam atau siang sahaja yang terus berkekalan atau lebih panjang masanya dari masa yang ada sekarang ini nescaya hayat akan pupus. Oleh sebab itu tidaklah hairan mengapa setelah menyebut pertukaran siang dan malam ini Al-Qur'an terus iringi dengan menyebut kurnia Allah yang limpah yang tidak disyukuri oleh kebanyakkan manusia:

إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ٦١

"Sesungguhnya Allah mempunyai kurnia yang melimpah-ruah ke atas manusia tetapi kebanyakkan manusia tidak bersyukur."(61)

Kemudian kejadian dua gejala alam itu diiringi pula dengan pernyataan bahawa yang berkuasa menjadikan malam dan siang itulah Tuhan yang layak menyandang nama yang agung ini:

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ٦٢

"Itulah Allah Tuhan kamu Pencipta segala sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Dia. Bagaimanakah kamu dapat dipesongkan?"(62)

Adalah satu hal yang amat menghairankan iaitu manusia memang melihat tangan qudrat Allah pada segala sesuatu. Mereka tahu Allah itulah Pencipta segala sesuatu. Mereka tahu hakikat ini dengan pengetahuan yang yakin dan pasti, tidak dapat ditolak oleh akal mereka kerana segala sesuatu itu telah wujud dan mustahil ada orang yang sanggup mendakwa bahawa dialah yang menciptakannya, dan tidak pula betul jika dikatakan bahawa segala sesuatu itu telah terjadi sendiri tanpa pencipta. Semuanya amat menghairankan apabila manusia masih terus tidak mahu beriman dan tidak mahu mengakui kebenaran:

فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ٦٢

"Bagaimanakah kamu dapat dipesongkan?"(62)

Demikianlah manusia dipesongkan dari kebenaran yang amat jelas ini. Demikianlah hal ini berlaku kepada orang-orang yang pertama menerima Al-Qur'an ini dan akan terus berlaku di setiap zaman tanpa sebab, tanpa hujah dan tanpa bukti yang terang:

كَذَٰلِكَ يُؤْفَكُ ٱلَّذِينَ كَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ يَجْحَدُونَ ٦٣

"Begitulah juga dipesongkan orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah."(63)

Kemudian Al-Qur'an berpindah pula dari kejadian malam dan siang kepada penciptaan bumi sebagai tempat kediaman yang mantap dan langit sebagai satu binaan yang teguh:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ قَرَارًا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءً

"Allah yang telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai tempat kediaman yang mantap dan langit sebagai binaan yang kukuh."(64)

Bumi itu tempat kediaman yang amat sesuai untuk kehidupan manusia kerana bumi telah diatur dengan berbagai-bagai penyesuaian yang setengah-setengahnya telah pun diterangkan tadi dengan ringkas. Langit merupakan satu binaan yang tetap teguh segala nisbahnya, segala ukuran tinggi rendah, jauh dekat, panjang lebar dan segala pergerakan dan peredarannya. Dan oleh sebab itulah ia menjamin keteguhan dan kemantapan bagi kehidupan manusia. Ia dikira dengan kiraan yang rapi dalam pelan alam ini dan binaannya direncanakan dengan perencanaan yang halus.

Al-Qur'an menghubungkan kejadian langit dan bumi dengan kejadian manusia dan rezeki-rezekinya yang baik yang telah Kami jelaskan setengah-setengah rahsianya:

وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ وَرَزَقَكُم
مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ

"Dialah yang membentuk kamu dan mengelokkan rupa paras kamu serta memberi rezeki kepada kamu dari benda-benda yang baik."(64)

Kemudian bukti-bukti kekuasaan Allah dan limpah kurnia-Nya diiringi dengan pernyataan yang sama dengan pernyataan pertama diiringi pula dengan kenyataan:

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ ۖ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ
ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٤﴾

"Itulah Allah Tuhan kamu. Maha Agunglah Allah Tuhan semesta alam."(64)

Itulah Allah yang mencipta, yang menentukan perencanaan dan pentadbiran Yang memelihara dan menentukan tempat kamu di dalam kerajaan-Nya. Itulah Allah Tuhan kamu. Maha Agunglah Allah dan berganda-gandalah keagungan dan kebesaran-Nya sebagai Tuhan semesta alam.

هُوَ ٱلْحَىُّ

"Dialah Yang Maha Hidup."(65)

Ya! Dialah sahaja Yang Maha Hidup, iaitu hidup zati yang tidak dibikin dan tidak dicipta, tidak bermula dan tidak berakhir, tidak berubah, tidak fana dan tidak bertukar-tukar. Dan tiada suatu pun yang mempunyai sifat ini melainkan hanya Allah S.W.T. sahaja.

Dialah sahaja yang mempunyai sifat Uluhiyah yang unik di samping mempunyai sifat hayat yang unik. Jadi Yang Maha Hidup dan Maha Esa ialah Allah:

لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ

"Tiada Tuhan melainkan Dia."(65)

فَٱدْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ ۗ

"Oleh itu berdo'alah kepada-Nya dengan mentuluskan keta'atan kepada-Nya."(65)

dan sanjungkan-Nya di dalam do'a ini:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٥﴾

"Segala kepujian terpulang kepada Allah, Tuhan yang memelihara semesta alam."(65)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 66 - 68)

Di hadapan bukti-bukti kekuasaan Allah di dalam kejadian-kejadian alam dan di hadapan berbagai-bagai limpah kurnia-Nya dan pernyataan-pernyataan yang mengiringinya dan di sa'at-sa'at yang penuh dengan hakikat Wahdaniyah, hakikat Uluhiyah dan hakikat Rububiyah, datanglah perintah kepada Rasulullah s.a.w. supaya mengisytiharkan kepada kaum Musyrikin bahawa dia dilarang menyembah sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, dan bahawa dia diperintah menyerahkan dirinya kepada Allah, Tuhan yang memelihara semesta alam:

قُلْ إِنِّى نُهِيتُ أَنْ أَعْبُدَ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن
دُونِ ٱللَّهِ لَمَّا جَآءَنِىَ ٱلْبَيِّنَٰتُ مِن رَّبِّى وَأُمِرْتُ أَنْ
أُسْلِمَ لِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٦﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku telah dilarang menyembah sembahan-sembahan yang kamu sembah selain dari Allah setelah datang kepadaku keterangan-keterangan yang jelas dari Tuhanku dan aku telah diperintah supaya menyerah diri patuh kepada Tuhan semesta alam."(66)

Yakni isytiharkanlah kepada orang-orang yang berpaling dari ayat-ayat Allah dan mengingkarkan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan-Nya bahawa engkau dilarang menyembah tuhan-tuhan yang disembahkan mereka selain Allah. Katakanlah:

إِنِّى نُهِيتُ

"Aku telah dilarang."(66)

لَمَّا جَآءَنِىَ ٱلْبَيِّنَٰتُ مِن رَّبِّى

"Setelah datang kepadaku keterangan-keterangan yang jelas dari Tuhanku."(66)

Yakni aku mempunyai bukti yang jelas dan aku percayakannya dan berdasarkan bukti inilah aku isytiharkan 'aqidah tauhid yang benar dan menamatkan ibadat kepada yang lain dari Allah dan menyerah patuh kepada Allah yang memelihara semesta alam, dan dengan dua aspek ini, maka sempurnalah 'aqidah tauhid.

Kemudian Al-Qur'an menayangkan pula satu lagi bukti dari bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat pada kejadian diri manusia sendiri setelah menayangkan bukti-bukti kekuasaan Allah pada kejadian-kejadian alam, iaitu bukti hidup manusia dengan peringkat-peringkat perkembangan-nya yang mena'jubkan, dan dari sini Al-Qur'an menjadikannya sebagai muqaddimah untuk menjelaskan bahawa seluruh hakikat hidup adalah berada di tangan Allah:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ
عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوٓا۟ أَشُدَّكُمْ
ثُمَّ لِتَكُونُوا۟ شُيُوخًا ۚ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ مِن قَبْلُ ۖ
وَلِتَبْلُغُوٓا۟ أَجَلًا مُّسَمًّى وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾

هُوَ ٱلَّذِى يُحۡىِۦ وَيُمِيتُۖ فَإِذَا قَضَىٰٓ أَمۡرٗا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ٦٨

"Dialah yang telah menciptakan kamu dari tanah kemudian dari nutfah kemudian dari segumpal darah, kemudian kamu dilahirkan sebagai seorang kanak-kanak, kemudian kamu (terus dibesarkan) supaya kamu sampai ke usia dewasa, kemudian supaya kamu sampai ke usia orang-orang tua, dan di antara kamu ada yang diwafatkan sebelum usia itu, dan seterusnya supaya kamu sampai kepada ajal yang telah ditentukan dan supaya kamu berfikir (67). Dialah yang menghidup dan mematikan. Dan apabila Dia telah menetapkan kewujudan sesuatu, maka Dia hanya berkata kepadanya: Jadilah engkau, maka ia pun terus jadi."(68)

Di dalam penciptaan manusia ada perkara-perkara yang tidak diketahui manusia kerana ia berlaku sebelum wujudnya manusia, dan ada pula perkara-perkara yang dilihat dan diperhatikan olehnya, tetapi perkara-perkara ini baru sahaja diketahui iaitu selepas turunnya Al-Qur'an ini berabad-abad lamanya.

Penciptaan manusia dari tanah merupakan satu hakikat yang berlaku sebelum wujudnya manusia. Tanah ini merupakan pokok pangkal seluruh hayat di muka bumi ini termasuk hayat insan. Dan tiada siapa yang mengetahui bagaimana peristiwa mu'jizat penciptaan manusia yang agung ini berlaku di dalam sejarah bumi dan di dalam sejarah hayat. Dan setelah itu manusia berkembang biak melalui perkahwinan, iaitu melalui percantuman nutfah lelaki dengan telur perempuan di dalam rahim dalam bentuk darah segumpal. Dan pada akhir peringkat perkembangan janin lahirlah bayi setelah sifat sel pertama itu melalui beberapa perubahan dan perkembangan yang besar. Peringkat-peringkat perkembangan ini, jika direnung dengan teliti, adalah lebih panjang dan lebih besar dari peringkat-peringkat perkembangan yang dilalui seseorang bayi mulai dari masa lahirnya hingga masa matinya. Ayat-ayat ini hanya menyebut beberapa peringkat perkembangan yang besar sahaja iaitu peringkat bayi, peringkat dewasa kira-kira dalam usia tiga puluh tahun, kemudian peringkat tua, peringkat-peringkat ini merupakan peringkat paling kuat di antara peringkat awal dan peringkat akhir yang lemah.

وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ مِن قَبۡلُۖ

"Dan di antara kamu ada yang diwafatkan sebelum usia itu."(67)

Yakni sebelum sampai kepada semua peringkat-peringkat ini atau setengah-setengahnya:

وَلِتَبۡلُغُوٓاْ أَجَلٗا مُّسَمّٗى

"Dan seterusnya supaya kamu sampai kepada ajal yang telah ditentukan."(67)

Yakni ditentukan dengan tepat tidak terlewat dan tidak terdahulu sesa'at pun.

وَلَعَلَّكُمۡ تَعۡقِلُونَ ٦٧

"Dan supaya kamu berfikir."(67)

Yakni usaha mengikut perjalanan perkembangan janin dan perjalanan perkembangan bayi dan memikirkan penciptaannya yang cantik dan teratur rapi itu memberi peranan yang amat besar kepada akal.

Perjalanan perkembangan janin merupakan satu perjalanan yang amat mena'jubkan dan menarik. Banyak di antara perjalanan perkembangan ini dapat kita ketahui setelah majunya ilmu kedoktoran terutama ilmu janin, tetapi Al-Qur'an telah menyebut perjalanan perkembangan itu dengan cukup halus sejak kira-kira empat belas abad yang lampau. Ini adalah satu perkara yang menarik perhatian, di mana setiap yang berakal tidak mungkin melaluinya tanpa berhenti merenungi dan memikirkannya.

Perjalanan perkembangan janin dan perjalanan perkembangan bayi kedua-duanya mempengaruhi perasaan manusia dan menarik hatinya dalam setiap masyarakat dan dari segenap peringkat kecerdasan akal. Setiap generasi manusia, dapat merasakan kesan hakikat ini mengikut cara dan maklumat masing-masing. Al-Qur'an telah mengemukakan hakikat ini kepada semua generasi manusia hingga mereka dapat memahami dan merasakannya, kemudian terserah kepada merekalah sama ada mereka menerima atau tidak menerima.

Kemudian Al-Qur'an iringi dengan menjelaskan hakikat kuasa menghidup dan kuasa memati dan hakikat penciptaan semuanya:

هُوَ ٱلَّذِى يُحۡىِۦ وَيُمِيتُۖ فَإِذَا قَضَىٰٓ أَمۡرٗا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ٦٨

"Dialah yang menghidup dan mematikan dan apabila Dia telah menetapkan kewujudan sesuatu, maka Dia hanya berkata kepadanya: Jadilah engkau! Maka ia pun terus jadi."(68)

Al-Qur'an banyak menyebut tentang hidup dan mati kerana kedua-duanya menyentuh hati manusia begitu kuat dan mendalam dan kerana kedua-duanya merupakan dua gejala yang amat ketara dan berulang-ulang dilihat manusia. Qudrat menghidup dan qudrat memati itu mempunyai pengertian yang lebih luas dari pengertian yang nampak pada seimbas lalu, kerana hidup itu beraneka ragam dan mati juga beraneka ragam. Melihat bumi yang tandus mati kemudian melihatnya pula subur dengan tumbuh-tumbuhan yang hidup, melihat pokok yang kering daun-daun dan dahan-dahannya pada satu musim kemudian melihatnya pula segar bugar dan hidup subur di setiap tempat, menghijau, berdaun dan bebunga pada musim yang lain seolah-olah hayat terpancar dan melimpah dari pokok itu, melihat telur

kemudian melihat anak yang keluar darinya, melihat benih-benih kemudian melihat tumbuh-tumbuhan yang terbit darinya, melihat perjalanan dari hidup kepada mati sama seperti melihat perjalanan dari mati kepada hidup, semuanya menarik hati setiap orang dan merangsangkan renungannya dan pemikirannya mengikut masing-masing jiwa dan keadaan.

Kemudian dari hakikat hidup dan mati berpindah pula kepada-hakikat penciptaan dan alat penciptaan. Semuanya terletak pada sepatah kata "kun" dan selepas itu segala sesuatu yang hendak diciptakan itu muncul ke alam al-wujud. "Maha Agunglah Allah sebaik-baik Pencipta."

* * * * * *

(Petafsiran ayat-ayat 69 - 76)

Di hadapan penciptaan hidup manusia dan dalam bayangan pemandangan hidup dan mati dan di hadapan hakikat penciptaan Ilahi yang mena'jubkan itu, ketaralah dengan jelas bahawa perbuatan menyangkalkan ayat-ayat Allah dan mendustakan rasul-rasul itu merupakan satu perbuatan yang aneh dan keji. Oleh sebab itulah Allah menghadapi perbuatan itu dengan ancaman yang amat menakutkan dalam bentuk satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang dahsyat:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ أَنَّىٰ
يُصْرَفُونَ ٦٩
ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِٱلْكِتَٰبِ وَبِمَآ أَرْسَلْنَا بِهِۦ رُسُلَنَا ۖ
فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ٧٠
إِذِ ٱلْأَغْلَٰلُ فِىٓ أَعْنَٰقِهِمْ وَٱلسَّلَٰسِلُ يُسْحَبُونَ ٧١
فِى ٱلْحَمِيمِ ثُمَّ فِى ٱلنَّارِ يُسْجَرُونَ ٧٢
ثُمَّ قِيلَ لَهُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ تُشْرِكُونَ ٧٣
مِن دُونِ ٱللَّهِ ۖ قَالُوا۟ ضَلُّوا۟ عَنَّا بَل لَّمْ نَكُن نَّدْعُوا۟ مِن
قَبْلُ شَيْـًٔا ۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ ٱلْكَٰفِرِينَ ٧٤
ذَٰلِكُم بِمَا كُنتُمْ تَفْرَحُونَ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ
وَبِمَا كُنتُمْ تَمْرَحُونَ ٧٥
ٱدْخُلُوٓا۟ أَبْوَٰبَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۖ فَبِئْسَ مَثْوَى
ٱلْمُتَكَبِّرِينَ ٧٦

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah bagaimana mereka boleh dipesongkan? (69) Iaitu orang-orang yang mendustakan kitab Al-Qur'an dan pengajaran yang Kami telah utuskannya kepada rasul-rasul Kami. Kelak mereka akan mengetahui (70). Ketika belenggu-belenggu dan rantai-rantai di pasang di leher mereka seraya mereka diseret (71). Ke dalam air yang amat panas kemudian mereka dibakar di dalam Neraka (72). Kemudian dikatakan kepada mereka: Manakah berhala-berhala yang kamu sekutukan (73). Selain dari Allah. Jawab mereka: Mereka telah hilang lenyap dari kami, malah kami dahulu tidak pernah menyembah sesuatu. Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang kafir (74). Balasan itu disebabkan kerana kamu bersuka ria di bumi tanpa mengikut jalan yang benar dan kerana kamu terlalu banyak bergembira (75). Masuklah kamu pintu-pintu Neraka Jahannam di mana kamu hidup kekal di dalamnya. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur."(76)

Al-Qur'an menyatakan kehairanan terhadap orang-orang yang menyangkalkan ayat-ayat Allah semasa dibentangkan ayat-ayat ini sebagai pendahuluan untuk menerangkan akibat yang menunggu mereka di sana.

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ أَنَّىٰ
يُصْرَفُونَ ٦٩
ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِٱلْكِتَٰبِ وَبِمَآ أَرْسَلْنَا بِهِۦ رُسُلَنَا ۖ

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah bagaimana mereka boleh dipesongkan? Iaitu orang-orang yang mendustakan kitab Al-Qur'an dan segala pengajaran yang Kami utuskannya kepada rasul-rasul Kami."(69-70)

Yakni mereka mendustakan sebuah kitab dan mendustakan seorang rasul, tetapi dengan pendustaan ini bererti mereka mendustakan segala apa yang telah dibawa oleh para rasul yang terdahulu, kerana 'aqidah yang dibawa mereka hanya satu sahaja dan 'aqidah itu tergambar dengan sempurnanya di dalam agama Islam sebagai risalah yang terakhir. Oleh sebab itu pendustaan mereka bererti pendustaan terhadap setiap risalah dan setiap rasul. Segala pendusta sama ada di zaman dahulu,atau di zaman baru telah melakukan perbuatan ini apabila ia mendustakan Rasulnya yang membawa satu agama yang benar dan 'aqidah tauhid.

فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ٧٠

"Kelak mereka akan mengetahui."(70)

Kemudian Al-Qur'an menayangkan pemandangan 'azab yang akan diketahui mereka. Ia bukannya semata-mata 'azab, malah 'azab yang disertai penghinaan.

إِذِ ٱلْأَغْلَٰلُ فِىٓ أَعْنَٰقِهِمْ وَٱلسَّلَٰسِلُ يُسْحَبُونَ ٧١

"Ketika belenggu-belenggu dan rantai-rantai di pasang di leher mereka seraya mereka diseret."(71)

Yakni mereka diseret dengan penghinaan yang seperti ini sama dengan binatang-binatang ternakan dan binatang-binatang buas yang diheret manusia. Di atas asas apakah mereka patut dimuliakan, sedangkan mereka telah menanggalkan tanda kemuliaan dari diri mereka?

Dan setelah diheret dan ditarik dengan penuh 'azab dan penghinaan, maka pada akhirnya mereka dihumban ke dalam air yang amat panas dan kemudian ke dalam Neraka:

فِي الْحَمِيمِ ثُمَّ فِي النَّارِ يُسْجَرُونَ ﴿٧٢﴾

"Ke dalam air yang amat panas kemudian mereka dibakar di dalam Neraka."(72)

Mereka diikat dan ditarik seperti anjing ke tempat yang penuh dengan air yang amat panas dan ke Neraka yang bernyala-nyala. Demikianlah berakhirnya perjalanan mereka.

Dan di tengah keseksaan itu mereka dihina pula dengan kata-kata:

ثُمَّ قِيلَ لَهُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ تُشْرِكُونَ ﴿٧٣﴾

"Kemudian dikatakan kepada mereka: Manakah berhala-berhala yang kamu sekutukan selain dari Allah."(73)

Kemudian mereka menjawab dengan jawapan orang yang baru sedar dari kekeliruannya yang hampa dan kecewa:

مِن دُونِ اللَّهِ ۖ قَالُوا ضَلُّوا عَنَّا بَل لَّمْ نَكُن نَّدْعُو مِن قَبْلُ شَيْئًا ۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ اللَّهُ الْكَافِرِينَ ﴿٧٤﴾

"Selain dari Allah. Jawab mereka: Mereka telah hilang lenyap dari kami, malah kami dahulu tidak pernah menyembah sesuatu.Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang kafir."(74)

Yakni mereka telah menghilangkan diri dari kami. Kami tidak lagi mengetahui jalan mereka dan mereka juga tidak lagi memperkenalkan sesuatu jalan kepada kami, malah kami tidak pernah menyembah apa-apa sebelum ini. Segala-galanya prasangka dan kesesatan belaka.

Selepas jawapan yang penuh hampa itu diiringi dengan sebuah kenyataan umum:

كَذَٰلِكَ يُضِلُّ اللَّهُ الْكَافِرِينَ ﴿٧٤﴾

"Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang kafir."(74)

Kemudian satu kecaman yang akhir ditujukan kepada mereka:

ذَٰلِكُم بِمَا كُنتُمْ تَفْرَحُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَبِمَا كُنتُمْ تَمْرَحُونَ ﴿٧٥﴾

ادْخُلُوا أَبْوَابَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا ۖ فَبِئْسَ مَثْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٦﴾

"Balasan itu disebabkan kerana kamu bersuka ria di bumi tanpa mengikut jalan yang benar dan kerana kamu terlalu banyak bergembira (dalam maksiat) (75). Masuklah kamu pintu-pintu Neraka Jahannam di mana kamu hidup kekal di dalamnya. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur."(76)

Ya Allah Yang Maha Penolong! Di manakah 'azab mereka ditarik dengan rantai-rantai dan belenggu-belenggu dan diseksa dengan air panas dan Neraka? Nampaknya 'azab ini hanya merupakan 'azab permulaan masuk ke dalam Neraka Jahannam yang kekal abadi.

فَبِئْسَ مَثْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٦﴾

"Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur."(76)

Yakni dengan sebab sikap takbur dan sombong inilah mereka dibalas dengan penghinaan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 77)

Di hadapan pemandangan penghinaan dan 'azab yang ngeri ini, juga di hadapan, akibat penyangkalan ayat-ayat Allah dan keangkuhan yang membusung di dalam dada, Al-Qur'an berpaling kepada Rasulullah s.a.w., dan memerintah beliau supaya bersabar menghadapi keangkuhan dan sangkalan kaum Musyrikin dan supaya beliau tetap percaya kepada janji Allah yang benar sama ada Allah memperlihatkan kepada beliau setengah-setengah 'azab yang dijanjikan terhadap mereka dalam masa hidup beliau atau beliau diwafatkan sebelum itu, dan mengendalikan urusan 'azab dari pihaknya, kerana seluruh persoalan ini adalah terpulang kepada Allah dan tugas seseorang rasul hanya menyampaikan sahaja dan seluruh mereka akan kembali kepada Allah.

فَاصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ ۚ فَإِمَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ الَّذِي نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِلَيْنَا يُرْجَعُونَ ﴿٧٧﴾

"Oleh itu bersabarlah sesungguhnya janji Allah itu tetap benar. (Sama sahaja) sama ada Kami sempat memperlihatkan kepadamu sebahagian 'azab yang Kami janjikan untuk mereka atau Kami wafatkan engkau (sebelum itu), maka seluruh mereka tetap dikembalikan kepada Kami."(77)

Di sini kita berdepan dengan satu peringatan yang wajar direnungi dengan mendalam, iaitu Rasulullah s.a.w. yang telah menghadapi penindasan, pembohongan, keangkuhan dan keingkaran kaum Musyrikin itu, telah diperintah Allah seolah-olah seperti berikut: "Tunaikanlah kewajipanmu dan

berhentilah setakat itu kerana hasil natijahnya bukan urusanmu", hinggakan kepuasan untuk melihat terlaksananya setengah-setengah janji 'azab ke atas orang-orang yang angkuh dan pendusta itu juga tidak boleh diharap-harapkan oleh hati beliau. Tugas beliau hanya bertindak menunaikan kewajipannya. Ini sahaja sudah cukup dan beliau boleh berlalu, kerana urusan ini bukan urusannya dan bukan persoalannya. Segala-galanya terpulang kepada Allah dan Allahlah yang akan bertindak mengikut apa yang dikehendaki-Nya.

Ya Allah! Alangkah tingginya dan alangkah sempurnanya adab sopan yang telah ditetapkan Allah terhadap para pejuang da'wah Islam ini yang ditujukan pada peribadi Rasulullah yang mulia.

Menunggu janji Ilahi ini adalah satu perkara yang amat sukar kepada jiwa manusia. Ia memerlukan kesabaran untuk menghadapi keinginan-keinginan hati manusia yang amat kuat. Oleh sebab itu arahan bersabar disebutkan di tempat ini. Ia bukan ulangan dari perintah bersabar yang telah lalu, malah ia merupakan arahan bersabar dari jenis yang baru yang mungkin lebih sukar dari arahan bersabar menghadapi penindasan, keangkuhan dan pendustaan.

Menahan keinginan jiwa manusia untuk melihat sendiri bagaimana Allah menghukumkan musuh-musuh-Nya dan musuh-musuh da'wah-Nya, iaitu musuh-musuh yang berseteru dengan mereka adalah satu perkara yang amat susah dan payah, tetapi kesabaran itulah adab sopan Ilahi yang ditetapkan Allah kepada hamba-hamba pilihan-Nya, dan kesabaran itu adalah bertujuan untuk membersihkan jiwa mereka dari segala keinginan peribadi walaupun dalam bentuk mencapai kemenangan mengalahkan musuh-musuh agama ini.

Setiap hati para penda'wah kepada Allah segialah memikirkan peringatan Ilahi ini dengan mendalam pada setiap waktu. Inilah pelampung keselamatan dalam menghadapi gelombang keinginan peribadi yang pada mulanya kelihatan bersih dan jujur. Kemudian diharungi dan direnangi syaitan.

(Kumpulan ayat-ayat 78 - 85)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ مِنْهُم مَّن قَصَصْنَا
عَلَيْكَ وَمِنْهُم مَّن لَّمْ نَقْصُصْ عَلَيْكَ ۗ وَمَا كَانَ
لِرَسُولٍ أَن يَأْتِىَ بِـَٔايَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ فَإِذَا جَآءَ أَمْرُ
ٱللَّهِ قُضِىَ بِٱلْحَقِّ وَخَسِرَ هُنَالِكَ ٱلْمُبْطِلُونَ ﴿٧٨﴾
ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَنْعَٰمَ لِتَرْكَبُوا۟ مِنْهَا
وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٧٩﴾
وَلَكُمْ فِيهَا مَنَٰفِعُ وَلِتَبْلُغُوا۟ عَلَيْهَا حَاجَةً فِى
صُدُورِكُمْ وَعَلَيْهَا وَعَلَى ٱلْفُلْكِ تُحْمَلُونَ ﴿٨٠﴾
وَيُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ فَأَىَّ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ تُنكِرُونَ ﴿٨١﴾
أَفَلَمْ يَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ
عَٰقِبَةُ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَانُوٓا۟ أَكْثَرَ مِنْهُمْ
وَأَشَدَّ قُوَّةً وَءَاثَارًا فِى ٱلْأَرْضِ فَمَآ أَغْنَىٰ عَنْهُم مَّا
كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٨٢﴾
فَلَمَّا جَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَرِحُوا۟ بِمَا عِندَهُم
مِّنَ ٱلْعِلْمِ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٨٣﴾
فَلَمَّا رَأَوْا۟ بَأْسَنَا قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَحْدَهُۥ وَكَفَرْنَا
بِمَا كُنَّا بِهِۦ مُشْرِكِينَ ﴿٨٤﴾
فَلَمْ يَكُ يَنفَعُهُمْ إِيمَٰنُهُمْ لَمَّا رَأَوْا۟ بَأْسَنَا ۖ سُنَّتَ ٱللَّهِ
ٱلَّتِى قَدْ خَلَتْ فِى عِبَادِهِۦ ۖ وَخَسِرَ هُنَالِكَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan para rasul sebelummu, di antara mereka ada yang Kami telah ceritakan kisah mereka kepadamu dan ada pula di antara mereka yang belum lagi Kami ceritakan kisah mereka kepadamu. Dan tiadalah kuasa bagi seorang rasul membawa suatu mu'jizat kecuali dengan keizinan Allah. Dan apabila telah tiba perintah Allah nescaya diputuskan perkara itu dengan hukuman yang benar dan pada ketika itu rugilah orang-orang yang menentang kebenaran (78). Allahlah yang telah menciptakan untuk kamu binatang-binatang ternakan supaya kamu mengenderai sebahagiannya dan sebahagian lagi kamu makan (79). Dan kamu mendapat berbagai-bagai manfa'at yang lain pada binatang-binatang itu dan supaya kamu mengenderainya untuk menyampaikan hajat yang tersimpan di dalam dada kamu. Dan di atas binatang-binatang ternakan dan di atas kapal-kapal kamu diangkutkan (80). Dan Dia memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya, maka manakah satu dari bukti-bukti kekuasaan Allah yang dapat diingkari kamu (81). Apakah tidak mereka menjelajah di bumi melihat bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang terdahulu dari mereka? Orang-orang itu lebih ramai dari mereka, dan lebih kuat dari segi kekuatan dan peninggalan di bumi, tetapi segala apa yang diusahakan orang-orang itu tidak dapat menolong mereka (82). Apabila rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas, mereka bergembira dengan ilmu pengetahuan (keduniaan) yang ada pada mereka lalu mereka ditimpa oleh 'azab Allah yang selalu diejek-ejekkan mereka (83). Dan apabila mereka melihat 'azab Kami, mereka berkata: Kami beriman kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan kami

ingkarkan terhadap sembahan-sembahan yang kami sekutukannya dengan Allah (84). Maka sekali-kali tidak berguna kepada mereka iman mereka ketika melihat 'azab Kami itu. Itulah Sunnatullah yang telah berlaku ke atas hamba-hamba-Nya dan di masa itu rugilah orang-orang yang kafir."(85)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pusingan ini menyempurnakan pernyataan iringan yang disebut pada akhir pelajaran yang telah lalu. Iaitu menyempurnakan arahan yang dituju kepada Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Mu'min supaya bersabar sehingga diizinkan Allah dan dilaksanakan janji-janji baik dan janji-janji 'azab-Nya, sama ada pelaksanaan itu berlaku semasa hayat Rasulullah s.a.w. atau ditunda selepas wafatnya, kerana urusan ini bukan urusan beliau, malah ia adalah urusan 'aqidah ini, juga urusan orang-orang yang beriman dengannya dan orang-orang yang menyangkal dan berlagak sombong terhadapnya, dan yang berhak memutuskan urusan ini ialah Allah, kerana Dialah yang memimpin harakah 'aqidah ini dan mengaturkan langkah-langkahnya mengikut kehendak iradat-Nya.

Dalam pusingan yang baru ini, yang menjadi pusingan penamat bagi surah ini, Al-Qur'an membentangkan beberapa aspek yang lain mengenai hakikat ini, iaitu kisah perjuangan 'aqidah ini adalah satu kisah yang amat panjang dan tua. Ia bukannya dimulakan dengan risalah Islam dan dengan Rasulullah s.a.w. yang membawanya, malah sebelum beliau telah pun diutuskan para rasul yang ramai. Setengah dari mereka telah diceritakan Allah kisah perjuangan mereka kepada beliau dan setengah yang lain pula tidak diceritakannya kepada beliau. Semua rasul-rasul itu ditentang dengan pendustaan dan sikap yang angkuh. Semua mereka diminta menunjukkan mu'jizat-mu'jizat dan semua mereka bercita-cita semoga Allah menunjukkan mu'jizat yang dapat menundukkan orang-orang yang mendustakan da'wah mereka. Tetapi mu'jizat itu tidak berlaku melainkan hanya dengan keizinan Allah pada waktu yang dikehendaki Allah, kerana da'wah ini adalah da'wah-Nya. Dialah yang mengendalikannya mengikut kehendak iradat-Nya.

Tetapi di alam buana ini juga terdapat berbagai-bagai bukti kekuasaan Allah yang terbentang di hadapan mata manusia di setiap zaman dan tempat. Di antaranya yang diperkatakan di dalam pusingan ini ialah bukti-bukti binatang ternakan, kapal, dan lain-lainnya yang disebut secara umum. Semua bukti-bukti itu tidak dapat disangkal oleh sesiapa pun.

Surah ini ditamatkan dengan satu sentuhan yang kuat yang mengisahkan kebinasaan umat-umat yang dahulu kala yang mendustakan da'wah rasul-rasul kerana terpedaya dengan kekuatan pembangunan dan ilmu pengetahuan mereka, kemudian mereka ditimpa 'azab yang menjadi Sunnatullah:

فَلَمۡ يَكُ يَنفَعُهُمۡ إِيمَٰنُهُمۡ لَمَّا رَأَوۡاْ بَأۡسَنَاۖ سُنَّتَ ٱللَّهِ

ٱلَّتِي قَدۡ خَلَتۡ فِي عِبَادِهِۦۖ وَخَسِرَ هُنَالِكَ ٱلۡكَٰفِرُونَ ٨٥

"Maka sekali-kali tidak berguna kepada mereka iman mereka ketika melihat 'azab Kami itu. Itulah Sunnatullah yang telah berlaku ke atas hamba-hamba-Nya dan di masa itu rugilah orang-orang yang kafir."(85)

Dengan nada inilah surah ini ditamatkan. Seluruh pembicaraannya berkisar di sekitar perjuangan di antara kebenaran dan kebatilan, keimanan dan kekufuran, kebaikan dan keterlaluan sehingga diakhiri dengan ayat yang akhir.

وَلَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا رُسُلٗا مِّن قَبۡلِكَ مِنۡهُم مَّن قَصَصۡنَا
عَلَيۡكَ وَمِنۡهُم مَّن لَّمۡ نَقۡصُصۡ عَلَيۡكَۗ وَمَا كَانَ
لِرَسُولٍ أَن يَأۡتِيَ بِـَٔايَةٍ إِلَّا بِإِذۡنِ ٱللَّهِۚ فَإِذَا جَآءَ أَمۡرُ
ٱللَّهِ قُضِيَ بِٱلۡحَقِّ وَخَسِرَ هُنَالِكَ ٱلۡمُبۡطِلُونَ ٧٨

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan para rasul sebelummu, di antara mereka ada yang Kami telah ceritakan kisah mereka kepadamu dan ada pula di antara mereka yang belum lagi Kami ceritakan kisah mereka kepadamu. Dan tiadalah kuasa bagi seorang rasul membawa suatu mu'jizat kecuali dengan keizinan Allah. Dan apabila telah tiba perintah Allah nescaya diputuskan perkara itu dengan hukuman yang benar dan pada ketika itu rugilah orang-orang yang menentang kebenaran."(78)

Perjuangan 'aqidah ini mempunyai banyak contoh-contohnya yang telah terdahulu. Sebahagiannya telah diceritakan Allah kepada Rasul-Nya di dalam Al-Qur'an ini dan sebahagian yang lain tidak diceritakannya. Dan dalam kisah-kisah perjuangan rasul-rasul yang diceritakannya itu menunjukkan wujudnya jalan da'wah yang panjang, sambung menyambung, jelas dan terang segala batu-batu tandanya, juga menunjukkan berlakunya Sunnatullah yang tidak pernah mungkir dan wujudnya penerangan yang jelas mengenai hakikat risalah dan tugas para rasul dan batas-batasnya dengan penerangan yang amat halus.

Ayat ini menjelaskan satu hakikat yang perlu disematkan dalam hati manusia dan dijadikan alasan pegangannya dan pengakuannya yang kuat iaitu:

وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَن يَأۡتِيَ بِـَٔايَةٍ إِلَّا بِإِذۡنِ ٱللَّهِۚ

"Tiadalah kuasa bagi seseorang rasul membawa sesuatu mu'jizat kecuali dengan keizinan Allah."(78)

Hati manusia - walaupun hati Rasul - sentiasa bercita-cita supaya da'wahnya mendapat kemenangan dan supaya para penentangnya tunduk dengan segera. Ia bercita-cita supaya lahirnya mu'jizat yang dapat menewaskan segala penentangan, tetapi Allah mahukan para hamba pilihan-Nya supaya bersabar dengan kesabaran yang mutlak dan melatihkan diri mereka bersikap demikian. Allah telah

menjelaskan kepada mereka bahawa tugas mereka hanya menyampaikan da'wah dan bahawa urusan melahirkan mu'jizat itu adalah urusan-Nya yang ditentukan mengikut kehendak iradat-Nya dengan tujuan supaya hati mereka tenang, tenteram dan redha dengan kadar pencapaian yang dapat dilakukan mereka dan setelah itu menyerahkan segala urusan kepada Allah.

Allah juga mahukan manusia memahami tabi'at Uluhiyah dan Nubuwah (kenabian). Mereka harus mengetahui bahawa rasul itu adalah manusia dari kalangan mereka sendiri yang telah dipilih Allah dan diberikan tugas yang tertentu kepada mereka dan mereka sama sekali tidak berkuasa dan sama sekali tidak boleh mencuba untuk melangkah lebih jauh dari tugas mereka itu. Begitu juga mereka harus mengetahui bahawa tertundanya kelahiran bukti-bukti kekuasaan itu adalah satu rahmat kepada mereka, kerana Allah telah pun menetapkan dalam perencanaan-Nya bahawa ia akan membinasakan semua pendusta-pendusta selepas lahirnya mu'jizat-mu'jizat itu, jadi mu'jizat itu hanya ditangguhkan sahaja sebagai rahmat dari Allah:

فَإِذَا جَآءَ أَمْرُ ٱللَّهِ قُضِىَ بِٱلْحَقِّ وَخَسِرَ هُنَالِكَ
ٱلْمُبْطِلُونَ ﴿٧٨﴾

"Apabila telah tiba perintah Allah nescaya diputuskan perkara itu dengan hukuman yang benar dan pada ketika itu rugilah orang-orang yang menentang kebenaran."(78)

Kerana di sana tidak ada lagi ruang untuk beramal, bertaubat dan pulang kepada Allah selepas Allah menetapkan keputusan-Nya yang akhir.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 79 - 81)

Kemudian Al-Qur'an menarik pandangan orang-orang yang menuntut kelahiran mu'jizat-mu'jizat itu kepada memperhatikan mu'jizat-mu'jizat Allah yang terbentang di hadapan mereka, iaitu mu'jizat-mu'jizat yang mereka telah lupakannya kerana terlalu biasa, sedangkan jika mereka memerhatikannya, maka ia merupakan sebahagian mu'jizat yang dituntut oleh mereka. Ia juga menjadi bukti Uluhiyah Allah, kerana tertolaknya sebarang dakwaan yang mengatakan bahawa ada yang lain dari Allah yang menciptakannya, juga tertolaknya sebarang dakwaan yang mengatakan ia terjadi tanpa pencipta yang mentadbir dan mempunyai iradat:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَنْعَٰمَ لِتَرْكَبُوا۟ مِنْهَا
وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٧٩﴾
وَلَكُمْ فِيهَا مَنَٰفِعُ وَلِتَبْلُغُوا۟ عَلَيْهَا حَاجَةً فِى
صُدُورِكُمْ وَعَلَيْهَا وَعَلَى ٱلْفُلْكِ تُحْمَلُونَ ﴿٨٠﴾

وَيُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ فَأَىَّ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ تُنكِرُونَ ﴿٨١﴾

"Allahlah yang telah menciptakan untuk kamu binatang-binatang ternakan supaya kamu mengenderai sebahagiannya dan sebahagian lagi kamu makan (79). Dan kamu mendapat berbagai-bagai manfa'at yang lain pada binatang-binatang itu dan supaya kamu mengenderainya untuk menyampaikan hajat yang tersemat di dalam dada kamu. Dan di atas binatang-binatang ternakan dan di atas kapal-kapal kamu diangkutkan (80). Dan Dia memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya, maka manakah satu dari bukti-bukti kekuasaan Allah yang dapat diingkari kamu."(81)

Perkhidmatan Binatang-binatang Ternakan Dan Kapal-kapal Kepada Manusia

Penciptaan binatang-binatang ternakan ini pada mulanya merupakan satu mu'jizat sama seperti penciptaan manusia. Bagaimana binatang itu dihidup dan disusun kejadiannya dan dibentuk rupa parasnya semuanya merupakan mu'jizat-mu'jizat belaka yang tidak dapat didakwa dan diciptakan oleh manusia. Di samping itu binatang-binatang ternakan ini ditundukkan kepada penggunaan manusia, sedangkan setengah-setengah binatang itu mempunyai tubuh badan yang lebih besar dan kekuatan yang lebih hebat dari mereka. Dan Allahlah yang menciptakan-Nya:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَنْعَٰمَ لِتَرْكَبُوا۟ مِنْهَا
وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٧٩﴾

"Allahlah yang telah menciptakan untuk kamu binatang-binatang ternakan supaya kamu mengenderai sebahagiannya dan sebahagian lagi kamu makan."(79)

Oleh itu adalah tidak patut sekali-kali dihormati andainya ada orang yang mendakwa bahawa binatang-binatang ternakan terjadi sendiri sedemikian rupa dan bahawa binatang-binatang ternakan itu bukanlah ciptaan mu'jizat dibandingkan dengan penciptaan manusia atau mendakwa bahawa binatang ternakan tidak membuktikan wujudnya Tuhan Pencipta yang menjadikannya dan menundukkannya kepada penggunaan manusia dengan ciri-ciri yang diadakan pada binatang-binatang itu dan pada manusia, kerana logik fitrah tidak mengakui cara perdebatan ini.

Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan ni'mat-ni'mat yang besar yang terdapat pada kejadian-kejadian mu'jizat ini:

لِتَرْكَبُوا۟ مِنْهَا وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٧٩﴾

"Supaya kamu mengenderai sebahagiannya dan sebahagian lagi kamu makan."(79)

Supaya kamu mengenderainya untuk menyampaikan hajat tersemat di dalam dada kamu.

وَعَلَيْهَا وَعَلَى ٱلْفُلْكِ تُحْمَلُونَ ﴿٨٠﴾

"Dan di atas binatang-binatang ternakan dan di atas kapal-kapal kamu diangkutkan."(80)

Hajat-hajat yang tersemat di dalam hati yang hendak dicapai dengan menaiki binatang-binatang ternakan itu adalah hajat-hajat yang besar di zaman itu, iaitu sebelum wujudnya alat-alat pengangkutan, perjalanan dan perhubungan yang lain dari binatang-binatang ternakan ini. Dan hingga sekarang ini pun, malah di zaman akan datang juga, masih wujud hajat-hajat yang hanya boleh dicapai dengan mengenderai binatang-binatang ternakan. Hingga pada sa'at ini perjalanan ke setengah-setengah bukit dan gunung-ganang tidak boleh dicapai melainkan dengan menaiki binatang-binatang ternakan walaupun terdapat keretapi, kereta dan kapalterbang, kerana jalan-jalan itu terlalu sempit yang hanya cukup dilalui tapak kaki binatang-binatang ternakan.

وَعَلَيۡهَا وَعَلَى ٱلۡفُلۡكِ تُحۡمَلُونَ ٨٠

"Dan di atas binatang-binatang ternakan dan di atas kapal-kapal kamu diangkutkan."(80)

Kapal-kapal juga merupakan salah satu penciptaan mu'jizat dari bukti-bukti kekuasaan Allah, juga merupakan salah satu ni'mat dari ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah kepada manusia. Perjalanan kapal-kapal di atas permukaan air itu berlaku di atas asas undang-undang alam dan berbagai-bagai penyesuaian dalam pelan penciptaan alam buana iaitu pelan penciptaan langit dan bumi, daratan dan perairannya, juga sifat benda-benda dan anasir-anasir alam. Semuanya pasti wujud untuk membolehkan kapal-kapal itu berlari di atas permukaan air sama ada ia berjalan dengan kekuatan layar atau dengan kuasa wap atau dengan tenaga atom atau dengan lain-lain tenaga yang disimpankan Allah di dalam alam ini. Kapal-kapal ini dapat digunakan dengan mudah oleh manusia. Oleh kerana itu kapal-kapal itu disebut di tempat kumpulan bukti-bukti kekuasaan-Nya juga di tempat kumpulan ni'mat-ni'mat-Nya.

Alangkah banyaknya ayat-ayat atau bukti-bukti kekuasaan Allah (mu'jizat-mu'jizat penciptaan Allah) yang bertaburan di merata pelusuk alam buana yang tidak dapat disangkalkan oleh manusia yang berfikir deagan serius:

وَيُرِيكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ فَأَيَّ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ تُنكِرُونَ ٨١

"Dan Dia memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya, maka manakah satu dari bukti-bukti kekuasaan Allah yang dapat diingkari kamu."(81)

Ya, di sana memang ada orang yang menyangkal dan mempertikaikan ayat-ayat Allah, dan memang ada orang yang menggunakan hujah yang batil untuk menghapuskan kebenaran, tetapi setiap orang dari mereka menyangkal dan berhujah semata-mata kerana dolak dalik, kerana kepentingan diri, kerana takbur atau kerana memesongkan kebenaran untuk satu tujuan yang lain bukannya untuk mencari hakikat yang sebenar.

Di sana ada orang yang menyangkal ayat-ayat Allah kerana dia seorang pemerintah yang sewenang-wenang seperti Fir'aun dan tokoh-tokoh setandingnya yang takutkan kehilangan kerajaannya, bimbangkan keselamatan takhtanya kerana takhta kerajaannya telah ditegakkan di atas dongeng-dongeng yang melenyapkan kebenaran, sedangkan kebenaran itu hanya tegak apabila tegaknya hakikat ketuhanan Yang Maha Esa.

Di sana ada orang yang menyangkal ayat-ayat Allah kerana dia seorang penganut ideologi politik seperti ideologi komunisme, iaitu satu ideologi yang akan hancur apabila tegaknya hakikat 'aqidah samawiyah di dalam jiwa manusia, kerana ideologi itu mahu membelenggukan manusia di bumi dan meletakkan hati mereka pada alat-alat kelengkapan dan keinginan-keinginan jasad-jasad mereka sahaja. Ia mahu mengosongkan hati mereka dari ibadat kepada Allah supaya mereka hanya menyembah ideologi itu atau menyembah pemimpinnya.

Di sana ada orang yang menyangkal ayat-ayat Allah kerana ia ditindas oleh kuasa ahli-ahli agama sebagaimana yang telah berlaku di dalam sejarah gereja di Zaman-zaman Tengah, dan oleh kerana itu dia mahu melepaskan dirinya dari cengkaman kuasa gereja itu lalu dia berjuang secara melampau hingga menolak tuhan gereja itu sendiri iaitu tuhan yang namanya selalu digunakan oleh gereja untuk mengabdikan manusia.

Di sana terdapat berbagai-bagai sebab lagi. Tetapi logik fitrah bencikan perdebatan dan pertikaian seperti itu dan tetap mengakui hakikat yang tersemat dalam hati alam buana dan dibuktikan oleh ayat-ayat Allah selepas setiap perdebatan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 82 - 85)

Pada akhirnya tibalah pernyataan penamat dengan nada yang amat kuat:

أَفَلَمۡ يَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَيَنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ
عَٰقِبَةُ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡۚ كَانُوٓاْ أَكۡثَرَ مِنۡهُمۡ
وَأَشَدَّ قُوَّةٗ وَءَاثَارٗا فِي ٱلۡأَرۡضِ فَمَآ أَغۡنَىٰ عَنۡهُم مَّا
كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ٨٢
فَلَمَّا جَآءَتۡهُمۡ رُسُلُهُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِ فَرِحُواْ بِمَا عِندَهُم
مِّنَ ٱلۡعِلۡمِ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ ٨٣
فَلَمَّا رَأَوۡاْ بَأۡسَنَا قَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَحۡدَهُۥ وَكَفَرۡنَا
بِمَا كُنَّا بِهِۦ مُشۡرِكِينَ ٨٤

فَلَمْ يَكُ يَنفَعُهُمْ إِيمَٰنُهُمْ لَمَّا رَأَوْا۟ بَأْسَنَا ۖ سُنَّتَ ٱللَّهِ
ٱلَّتِى قَدْ خَلَتْ فِى عِبَادِهِۦ ۖ وَخَسِرَ هُنَالِكَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨٥﴾

"Apakah tidak mereka menjelajah di bumi dan melihat bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang terdahulu dari mereka. Orang-orang itu lebih ramai dari mereka, lebih kuat dan lebih banyak kesan-kesan peninggalan di bumi, tetapi segala apa yang diusahakan orang-orang itu tidak dapat menolong mereka (82). Apabila rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas, mereka bergembira dengan ilmu pengetahuan (keduniaan) yang ada pada mereka lalu mereka ditimpa oleh 'azab Allah yang selalu diejek-ejekkan mereka (83). Dan apabila mereka melihat 'azab Kami, mereka berkata: Kami beriman kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan kami ingkarkan sembahan-sembahan yang kami sekutukannya dengan Allah (84). Maka sekali-kali tidak berguna kepada mereka keimanan mereka ketika melihat 'azab Kami itu. Itulah Sunnatullah yang telah berlaku ke atas hamba-hamba-Nya, dan di masa itu rugilah orang-orang yang kafir."(85)

Tauladan-tauladan Dari Kebinasaan Umat Yang Lampau

Kisah kebinasaan umat-umat dahulukala itu memang banyak di dalam sejarah manusia. Setengahnya masih terdapat kesan-kesan peninggalan yang menceritakan kisah-kisah itu dan setengahnya pula diingat dalam cerita-cerita lisan atau tercatat di dalam lembaran-lembaran dan buku-buku. Al-Qur'an banyak sekali menarik perhatian manusia kepada kisah-kisah itu kerana kisah-kisah itu membuktikan wujudnya hakikat-hakikat yang kukuh dalam garisan perjalanan hidup manusia, dan kerana kisah-kisah itu meninggalkan kesan yang mendalam di dalam jiwa manusia. Al-Qur'an berbicara dengan fitrah manusia dengan hujah-hujah yang dapat diterima olehnya, kerana Allah yang menurunkan Al-Qur'an ini mengetahui hakikat fitrah itu mengetahui jalan-jalan dan pintu-pintunya. Setengah-setengah pintunya dapat dibuka dengan ketukan-ketukan yang perlahan dan setengah-setengahnya pula hanya dapat dibuka apabila diketuk dengan ketukan yang berulang-ulang lagi setelah sekian lama dilekati karat.

Di sini Al-Qur'an mengajak mereka menjelajah di bumi dengan mata yang terbuka, perasaan yang segar dan hati yang insaf supaya melihat dan merenungi segala apa yang telah berlaku di bumi sebelum mereka dan kesudahan yang menimpa umat-umat sebelum mereka. Apakah tidak mereka menjelajah di bumi dan melihat bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang terdahulu dari mereka? Dan sebelum menyebut akibat itu, Al-Qur'an memerikan keadaan umat-umat sebelum mereka dan membandingkannya dengan keadaan mereka agar perbandingan dan contoh teladan itu mencapai kesempurnaannya:

كَانُوٓا۟ أَكْثَرَ مِنْهُمْ وَأَشَدَّ قُوَّةً وَءَاثَارًا فِى ٱلْأَرْضِ

"Orang-orang itu lebih ramai dari mereka, lebih kuat dan lebih banyak kesan-kesan peninggalan di bumi."(82)

Umat-umat itu cukup ramai, cukup kuat dan hebat pembangunan dan kemajuan mereka. Di antara mereka ialah generasi-generasi dan umat-umat sebelum bangsa Arab yang sebahagiannya telah diceritakan Allah kepada Rasul-Nya dan sebahagian yang lain belum lagi diceritakannya. Di antara mereka ialah kaum-kaum yang diketahui kisah mereka oleh orang-orang Arab yang telah melihat kesan-kesan peninggalan mereka semasa melalui negeri-negeri itu dalam persafiran mereka:

فَمَآ أَغْنَىٰ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٨٢﴾

"Tetapi segala apa yang diusahakan orang-orang itu tidak dapat menolong mereka."(82)

Kekuatan, keramaian dan pembangunan yang dibangga-banggakan mereka dan mempesonakan mereka itu tidak dapat melindungkan mereka dari 'azab Allah, malah perasaan bangga dan angkuh dengan kemajuan mereka itulah yang menjadi punca kecelakaan dan sebab kebinasaan mereka:

فَلَمَّا جَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَرِحُوا۟ بِمَا عِندَهُم
مِّنَ ٱلْعِلْمِ

"Apabila rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas, mereka bergembira dengan ilmu pengetahuan (keduniaan) yang ada pada mereka."(83)

Ilmu pengetahuan tanpa keimanan itu merupakan satu godaan atau ujian yang membuat seseorang itu buta dan melampau. Ini disebabkan ilmu pengetahuan yang zahir ini selalu menimbulkan perasaan angkuh, kerana orang yang memiliki ilmu pengetahuan seperti itu merasa dirinya berkuasa mengendali dan menguasai kuasa-kuasa alam yang besar dengan ilmu pengetahuannya dan merasa dirinya memiliki qudrat, keupayaan yang amat besar hingga dia meletakkan dirinya pada tempat yang lebih tinggi dari darjat dan kedudukannya yang sebenar. Dia lupa kepada ruang-ruang alam yang amat luas yang masih belum diketahuinya, sedangkan ruang-ruang itu wujud di alam buana ini dan mereka tidak mempunyai sebarang kuasa di atasnya dan tidak pula mempunyai apa-apa ilmu pengetahuan mengenainya selain dari ilmu pengetahuan mengenai pinggir-pinggirnya yang dekat sahaja. Inilah punca yang menyebabkan dia merasa sombong dan memandang dirinya lebih dari hakikatnya yang sebenar. Dia terpesona dengan ilmu pengetahuannya dan lupakan kejahilannya. Andainya dia ukurkan ilmu pengetahuan yang diketahuinya itu dengan ilmu pengetahuan yang tidak diketahuinya, dan andainya dia ukurkan apa yang mampu difahaminya di alam buana dengan apa yang tidak mampu difahami rahsianya, tentulah dia akan tunduk dari kesombongannya dan tentulah dia akan mengurangkan perasaan gembira dan terpesona dengan ilmu pengetahuan itu.

Mereka begitu gembira terpesona dengan ilmu pengetahuan mereka dan mengejek orang-orang

yang cuba memberi peringatan kepada mereka terhadap akibat di sebalik kegembiraan itu:

وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ ٨٣

"Lalu mereka ditimpa oleh 'azab Allah yang selalu diejek-ejekkan mereka."(83)

Dan setelah mereka melihat 'azab Allah, jatuhlah topeng kesombongan mereka dan sedarlah mereka sejauh mana mereka telah terkeliru, lalu mereka mengakui kebenaran yang telah diingkarkan mereka, mengakui keesaan Allah dan mengingkarkan sembahan-sembahan mereka yang lain dari Allah, tetapi sayang masa telah luput:

فَلَمَّا رَأَوۡاْ بَأۡسَنَا قَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَحۡدَهُۥ وَكَفَرۡنَا بِمَا كُنَّا بِهِۦ مُشۡرِكِينَ ٨٤

"Dan apabila mereka melihat 'azab Kami, mereka berkata: Kami beriman kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan kami ingkarkan sembahan-sembahan yang kami sekutukannya dengan Allah."(84)

Itu disebabkan kerana sunnatullah telah menetapkan bahawa taubat itu tidak akan diterima setelah zahirnya 'azab Allah. Taubat di masa ini merupakan taubat kerana takut bukannya taubat kerana iman:

سُنَّتَ ٱللَّهِ ٱلَّتِي قَدۡ خَلَتۡ فِي عِبَادِهِۦۖ

"Itulah Sunnatullah yang telah berlaku ke atas hamba-hamba-Nya."(85)

Sunnatullah itu tetap teguh, tidak bergoncang, tidak berubah dan tidak menyimpang dari jalannya yang lurus.

وَخَسِرَ هُنَالِكَ ٱلۡكَٰفِرُونَ ٨٥

"Dan di masa itu rugilah orang-orang yang kafir."(85)

* * * * * *

Dengan pemandangan yang dahsyat ini, iaitu, pemandangan 'azab Allah yang menimpa para pendusta dan pemandangan mereka meminta pertolongan, keluh-kesah dalam ketakutan, dan mengumumkan pengakuan beriman dan menyerah diri, maka berakhirlah surah ini. Dan pengakhiran ini seleras dengan suasana, bayangan dan pokok pembicaraan surah ini.

Di celah-celah surah ini kita telah melalui berbagai-bagai persoalan 'aqidah yang biasa dibicarakan oleh Surah-surah Makkiyah yang lain iaitu persoalan tauhid, persoalan kebangkitan selepas mati dan persoalan wahyu, tetapi semua persoalan ini bukanlah merupakan persoalan-persoalan pokok surah ini, malah yang menjadi pokok persoalan surah ini ialah konflik di antara kebenaran dan kebatilan, di antara keimanan dan kekufuran, di antara kebaikan dan kezaliman. Ciri-ciri konflik inilah yang melukiskan syakhsiyah surah ini dengan sifat-sifatnya yang membezakannya dari surah-surah Al-Qur'an yang lain.

* * * * * *

JUZU' KE-24

SURAH FUSSILAT

SURAH KE **41**

سُورَةُ فُصِّلَتْ

SURAH FUSSILAT

Surah Yang Dijelaskan Dengan Terperinci

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **54**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 36)

حمٓ ١ تَنزِيلٌ مِّنَ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٢
كِتَٰبٌ فُصِّلَتْ ءَايَٰتُهُۥ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ٣
بَشِيرًا وَنَذِيرًا فَأَعْرَضَ أَكْثَرُهُمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ٤
وَقَالُوا۟ قُلُوبُنَا فِىٓ أَكِنَّةٍ مِّمَّا تَدْعُونَآ إِلَيْهِ وَفِىٓ ءَاذَانِنَا
وَقْرٌ وَمِنۢ بَيْنِنَا وَبَيْنِكَ حِجَابٌ فَٱعْمَلْ إِنَّنَا عَٰمِلُونَ ٥
قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ
وَٰحِدٌ فَٱسْتَقِيمُوٓا۟ إِلَيْهِ وَٱسْتَغْفِرُوهُ ۗ وَوَيْلٌ
لِّلْمُشْرِكِينَ ٦
ٱلَّذِينَ لَا يُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم بِٱلْءَاخِرَةِ هُمْ كَٰفِرُونَ ٧
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ
مَمْنُونٍ ٨

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih (2). Sebuah kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu sebagai bacaan di dalam bahasa Arab untuk golongan orang-orang yang mengetahui (3). Yang membawa berita gembira dan membawa amaran 'azab, tetapi kebanyakan mereka berpaling darinya. Oleh kerana itu mereka tidak mahu mendengarnya (4). Dan mereka berkata: Hati kami dalam tutupan yang (menghalangi kami) dari da'wah yang engkau serukan kami kepadanya, dan di dalam telinga kami terdapat sumbatan dan di antara kami dengan engkau ada dinding.Oleh itu bekerjalah engkau untuk diri engkau dan kami bekerja untuk diri kami (5). Katakanlah: Sesungguhnya aku seorang manusia seperti kamu. Aku telah diwahyukan bahawa Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu hendaklah kamu tetap di atas jalan yang lurus menuju kepada-Nya dan pohonlah keampunan daripada-Nya. Dan kecelakaan yang besar disediakan bagi para Musyrikin (6). Para Musyrikin yang tidak menunaikan zakat dan mereka mengingkarkan hari Akhirat (7). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi pahala yang tidak putus-putus." (8).

قُلْ أَئِنَّكُمْ لَتَكْفُرُونَ بِٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْأَرْضَ فِى يَوْمَيْنِ
وَتَجْعَلُونَ لَهُۥٓ أَندَادًا ۚ ذَٰلِكَ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ٩
وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِىَ مِن فَوْقِهَا وَبَٰرَكَ فِيهَا
وَقَدَّرَ فِيهَآ أَقْوَٰتَهَا فِىٓ أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ سَوَآءً
لِّلسَّآئِلِينَ ١٠
ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِىَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ
ٱئْتِيَا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا قَالَتَآ أَتَيْنَا طَآئِعِينَ ١١
فَقَضَىٰهُنَّ سَبْعَ سَمَٰوَاتٍ فِى يَوْمَيْنِ وَأَوْحَىٰ فِى كُلِّ
سَمَآءٍ أَمْرَهَا ۚ وَزَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِمَصَٰبِيحَ وَحِفْظًا ۚ
ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ١٢

"Katakanlah: Apakah patut kamu mengingkarkan Allah yang telah menciptakan bumi dalam masa dua hari dan (apakah patut) kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya? Itulah Allah Tuhan yang memelihara semesta alam (9). Dan Dia ciptakan di atas bumi gunung-gunung yang teguh serta memberkatinya dan menentukan kadar-kadar makanan (kepada penghuni-penghuninya) dalam masa empat hari yang sama-untuk semua yang bertanya (tentang penciptaan bumi) (10). Kemudian Dia menuju ke langit dan pada ketika itu ia masih berupa asap, lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi: Junjunglah kedua kamu perintah-Ku sama ada dengan kerelaan hati atau dengan terpaksa. Jawab kedua-duanya: Kami junjung perintah-Mu dengan kerelaan hati (11). Lalu Dia jadikan tujuh langit dalam masa dua hari dan Dia wahyukan kepada setiap langit urusannya masing-masing. Dan Kami telah menghiaskan langit yang dekat dengan bintang-bintang yang terang dan memeliharakannya dengan sebaik-baiknya. Itulah perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(12).

فَإِنْ أَعْرَضُوا۟ فَقُلْ أَنذَرْتُكُمْ صَٰعِقَةً مِّثْلَ صَٰعِقَةِ
عَادٍ وَثَمُودَ ١٣
إِذْ جَآءَتْهُمُ ٱلرُّسُلُ مِنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ

أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۖ قَالُوا۟ لَوْ شَآءَ رَبُّنَا لَأَنزَلَ مَلَٰٓئِكَةً
فَإِنَّا بِمَآ أُرْسِلْتُم بِهِۦ كَٰفِرُونَ ﴿١٤﴾
فَأَمَّا عَادٌ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ وَقَالُوا۟
مَنْ أَشَدُّ مِنَّا قُوَّةً ۖ أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِى خَلَقَهُمْ
هُوَ أَشَدُّ مِنْهُمْ قُوَّةً ۖ وَكَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿١٥﴾
فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِىٓ أَيَّامٍ نَّحِسَاتٍ
لِّنُذِيقَهُمْ عَذَابَ ٱلْخِزْىِ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ
ٱلْءَاخِرَةِ أَخْزَىٰ ۖ وَهُمْ لَا يُنصَرُونَ ﴿١٦﴾
وَأَمَّا ثَمُودُ فَهَدَيْنَٰهُمْ فَٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْعَمَىٰ عَلَى ٱلْهُدَىٰ
فَأَخَذَتْهُمْ صَٰعِقَةُ ٱلْعَذَابِ ٱلْهُونِ بِمَا كَانُوا۟
يَكْسِبُونَ ﴿١٧﴾
وَنَجَّيْنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿١٨﴾

"Jika mereka berpaling, maka katakanlah kepada mereka: Aku memberi amaran kepada kamu dengan 'azab petir yang sama dengan 'azab petir yang membinasakan kaum 'Ad dan kaum Thamud (13). Ketika rasul-rasul datang kepada mereka dari hadapan dan dari belakang mereka (seraya menyeru): Janganlah kamu menyembah melainkan Allah. Jawab mereka: Jika Tuhan kami kehendaki tentulah Dia akan menurunkan malaikat. Kerana itu kami tidak percaya terhadap agama yang kamu telah diutuskan membawanya (14). Adapun kaum 'Ad mereka telah berlagak angkuh di bumi tanpa alasan yang benar dan mereka berkata: Siapakah yang lebih kuat dari kami? Apakah tidak mereka melihat bahawa Allah yang telah menciptakan mereka adalah lebih kuat dari mereka? Dan mereka tetap mengingkari ayat-ayat Kami (15). Lalu Kami lepaskan ke atas mereka ribut yang amat kencang selama beberapa hari yang penuh sengsara kerana Kami hendak membuat mereka merasakan 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih menghinakan lagi, dan mereka tidak akan diberi pertolongan (16). Dan adapun kaum Thamud pula, Kami telah memberi hidayat kepada mereka, tetapi mereka mengutamakan kebutaan (kesesatan) dari hidayat, lalu mereka disambar petir 'azab yang amat menghinakan dengan, sebab dosa yang dilakukan mereka (17). Dan Kami telah menyelamatkan orang-orang yang beriman dan mereka adalah orang-orang yang bertaqwa." (18).

وَيَوْمَ يُحْشَرُ أَعْدَآءُ ٱللَّهِ إِلَى ٱلنَّارِ فَهُمْ يُوزَعُونَ ﴿١٩﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا مَا جَآءُوهَا شَهِدَ عَلَيْهِمْ سَمْعُهُمْ وَأَبْصَٰرُهُمْ
وَجُلُودُهُم بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢٠﴾
وَقَالُوا۟ لِجُلُودِهِمْ لِمَ شَهِدتُّمْ عَلَيْنَا ۖ قَالُوٓا۟ أَنطَقَنَا ٱللَّهُ
ٱلَّذِىٓ أَنطَقَ كُلَّ شَىْءٍ وَهُوَ خَلَقَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَإِلَيْهِ
تُرْجَعُونَ ﴿٢١﴾
وَمَا كُنتُمْ تَسْتَتِرُونَ أَن يَشْهَدَ عَلَيْكُمْ سَمْعُكُمْ وَلَآ
أَبْصَٰرُكُمْ وَلَا جُلُودُكُمْ وَلَٰكِن ظَنَنتُمْ أَنَّ ٱللَّهَ لَا يَعْلَمُ
كَثِيرًا مِّمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٢٢﴾
وَذَٰلِكُمْ ظَنُّكُمُ ٱلَّذِى ظَنَنتُم بِرَبِّكُمْ أَرْدَىٰكُمْ
فَأَصْبَحْتُم مِّنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٢٣﴾
فَإِن يَصْبِرُوا۟ فَٱلنَّارُ مَثْوًى لَّهُمْ ۖ وَإِن يَسْتَعْتِبُوا۟ فَمَا هُم
مِّنَ ٱلْمُعْتَبِينَ ﴿٢٤﴾
وَقَيَّضْنَا لَهُمْ قُرَنَآءَ فَزَيَّنُوا۟ لَهُم مَّا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ
وَمَا خَلْفَهُمْ وَحَقَّ عَلَيْهِمُ ٱلْقَوْلُ فِىٓ أُمَمٍ قَدْ خَلَتْ
مِن قَبْلِهِم مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ ۖ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ خَٰسِرِينَ ﴿٢٥﴾

"Dan ingatlah hari di mana dikumpulkan musuh-musuh Allah untuk dibawa ke Neraka lalu mereka dibahagi-bahagikan (19). Sehingga apabila tiba di Neraka, maka pendengaran, penglihatan dan kulit-kulit mereka menjadi saksi yang mengakui segala apa yang dilakukan mereka (20). Lalu mereka berkata kepada kulit-kulit mereka: Mengapa kamu menjadi saksi menentang kami? Jawab kulit-kulit itu: Allahlah yang telah menjadikan kami pandai bercakap. Dialah yang berkuasa menjadikan segala sesuatu pandai bercakap dan Dialah yang telah menciptakan kamu pada pertama kali dan kepada-Nya juga kamu dikembalikan (21). Dan kamu sama sekali tidak dapat menyembunyikan diri dari disaksikan oleh pendengaran kamu, penglihatan kamu dan kulit-kulit kamu, tetapi kamu telah menyangka bahawa Allah tidak mengetahui banyak dosa-dosa yang dilakukan kamu (22). Dan itulah sangkaan yang kamu sangkakan terhadap Tuhan kamu itu telah membinasakan diri kamu dan jadilah kamu dari golongan orang-orang yang rugi (23). Dan jika mereka boleh bersabar, maka Neraka akan menjadi tempat kediaman mereka, dan jika mereka memohon keredhaan Allah, maka mereka bukanlah orang-orang yang wajar dikurniakan keredhaan (24). Dan Kami adakan untuk mereka teman-teman rapat (syaitan) yang menghias indahkan perbuatan-perbuatan yang buruk di hadapan dan di belakang mereka. Dan telah ditetapkan ke atas mereka keputusan 'azab yang telah menimpa umat-umat jin dan

manusia yang terdahulu dari mereka. Sesungguhnya mereka adalah dari golongan yang rugi." (25).

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَسْمَعُوا۟ لِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ وَٱلْغَوْا۟ فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ﴿٢٦﴾

فَلَنُذِيقَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ عَذَابًا شَدِيدًا وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَسْوَأَ ٱلَّذِى كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢٧﴾

ذَٰلِكَ جَزَآءُ أَعْدَآءِ ٱللَّهِ ٱلنَّارُ ۖ لَهُمْ فِيهَا دَارُ ٱلْخُلْدِ ۖ جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿٢٨﴾

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ رَبَّنَآ أَرِنَا ٱلَّذَيْنِ أَضَلَّانَا مِنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ نَجْعَلْهُمَا تَحْتَ أَقْدَامِنَا لِيَكُونَا مِنَ ٱلْأَسْفَلِينَ ﴿٢٩﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ قَالُوا۟ رَبُّنَا ٱللَّهُ ثُمَّ ٱسْتَقَٰمُوا۟ تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا۟ وَلَا تَحْزَنُوا۟ وَأَبْشِرُوا۟ بِٱلْجَنَّةِ ٱلَّتِى كُنتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

نَحْنُ أَوْلِيَآؤُكُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ ۖ وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَشْتَهِىٓ أَنفُسُكُمْ وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَدَّعُونَ ﴿٣١﴾

نُزُلًا مِّنْ غَفُورٍ رَّحِيمٍ ﴿٣٢﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini dan hapuskan pengaruhnya supaya kamu dapat mengatasi mereka (26). Sesungguhnya Kami akan membuat orang-orang yang kafir itu merasakan 'azab yang amat dahsyat dan Kami akan membalas mereka dengan seburuk-buruk balasan terhadap dosa-dosa yang dilakukan mereka (27). Itulah balasan Neraka kepada musuh-musuh Allah yang terdapat di dalamnya tempat kediaman yang kekal untuk mereka sebagai balasan kerana perbuatan mereka yang mengingkarkan ayat-ayat Kami (28). Dan berkatalah orang-orang kafir: Wahai Tuhan kami! Tunjukkanlah kepada kami orang-orang yang telah menyesatkan kami dari jin dan manusia kerana kami mahu meletakkan mereka di bawah tapak kaki kami supaya mereka menjadi golongan yang paling bawah (hina) (29). Sesungguhnya orang-orang yang berkata: Tuhan kami ialah Allah kemudian mereka beristiqamah, nescaya turunlah para malaikat mendapatkan mereka (seraya memberi perangsang): Janganlah kamu takut dan rungsing dan bergembiralah dengan Syurga yang dijanjikan kepada kamu (30). Kamilah penolong-penolong kamu dalam kehidupan dunia dan Akhirat. Dan kamu akan memperolehi di Akhirat apa sahaja yang diidami hati kamu, juga kamu akan memperolehi apa sahaja yang kamu minta (31). Sebagai keraian dari Allah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih." (32).

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

وَلَا تَسْتَوِى ٱلْحَسَنَةُ وَلَا ٱلسَّيِّئَةُ ۚ ٱدْفَعْ بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِى بَيْنَكَ وَبَيْنَهُۥ عَدَٰوَةٌ كَأَنَّهُۥ وَلِىٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾

وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ذُو حَظٍّ عَظِيمٍ ﴿٣٥﴾

وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ نَزْغٌ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ ۖ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٣٦﴾

"Dan siapakah lagi yang lebih baik percakapannya dari orang yang berda'wah kepada Allah dan mengerjakan amalan yang soleh dan berkata: Sesungguhnya aku dari golongan Muslimin (33). Dan tidaklah sama perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolakkanlah perbuatan yang jahat itu dengan perbuatan yang sebaik-baiknya nescaya orang yang ada perseteruan di antara engkau dan dia akan menjadi baik seolah-olah teman yang amat setia (34). Dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang sabar dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang mempunyai habuan keberuntungan yang amat besar (35). Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka pohonlah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(36)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Yang dibicarakan di dalam surah ini ialah persoalan 'aqidah dengan hakikat-hakikatnya yang asasi iaitu ketuhanan Yang Maha Esa, kehidupan di Akhirat, wahyu yang menyampaikan risalah dan ditambah pula dengan cara berda'wah kepada Allah dan pembicaraan mengenai akhlak penda'wah.

Segala kandungan surah ini ialah mengulaskan hakikat-hakikat itu dengan dalil-dalilnya, juga mempamerkan ayat-ayat atau bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat pada kejadian diri manusia dan di merata pelosok alam, juga memberi amaran terhadap perbuatan mendustakan ayat-ayat Allah dan memberi peringatan dengan kisah-kisah kebinasaan para pendusta dalam generasi-generasi dahulukala, juga menayangkan pemandangan-pemandangan yang menggambarkan para pendusta pada hari Qiamat dan seterusnya menyatakan bahawa para pendusta dari

makhluk jin dan manusia itulah sahaja golongan yang tidak menerima hakikat-hakikat ini dan tidak tunduk kepada Allah Yang Tunggal, sedangkan langit, bumi, matahari, bulan dan para malaikat semuanya sujud kepada Allah dengan khusyu' dan penuh patuh.

Kenyataan mengenai hakikat Uluhiyah Yang Maha Esa disebut di bahagian awal surah ini:

قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ
وَٰحِدٌ فَٱسْتَقِيمُوٓا۟ إِلَيْهِ وَٱسْتَغْفِرُوهُ ۗ وَوَيْلٌ
لِّلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku seorang manusia seperti kamu. Aku telah diwahyukan bahawa Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu hendaklah kamu tetap di atas jalan yang lurus menuju kepada-Nya dan pohonlah keampunan daripada-Nya. Dan kecelakaan yang besar disediakan bagi para Musyrikin."(6)

قُلْ أَئِنَّكُمْ لَتَكْفُرُونَ بِٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْأَرْضَ فِى يَوْمَيْنِ
وَتَجْعَلُونَ لَهُۥٓ أَندَادًا ۚ ذَٰلِكَ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩﴾

"Katakanlah: Apakah patut kamu mengingkarkan Allah yang telah menciptakan bumi dalam masa dua hari dan (apakah patut) kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya? Itulah Allah Tuhan yang memelihara semesta alam."(9)

Ia menceritakan tentang kisah kaum 'Ad dan Thamud iaitu rasul-rasul mereka telah mengemukakan hakikat ketuhanan Yang Maha Esa kepada mereka:

أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ

"Janganlah kamu menyembah melainkan Allah."(14)

Dan di tengah-tengah surah ini diterangkan pula hakikat itu:

لَا تَسْجُدُوا۟ لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَٱسْجُدُوا۟
لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَهُنَّ

"Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan dan sujudlah kepada Allah yang telah menciptakannya."(37)

Dan pada akhir surah ini juga diterangkan hakikat yang sama:

وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ أَيْنَ شُرَكَآءِى قَالُوٓا۟ ءَاذَنَّٰكَ مَا مِنَّا
مِن شَهِيدٍ ﴿٤٧﴾

"Pada hari Allah menyeru mereka (kaum Musyrikin) di manakah sekutu-sekutu-Ku? Jawab mereka: Kami telah mengumumkan (dengan yakin) kepada-Mu. Tiada seorang pun dari kami yang menyaksi mereka."(47)

Mengenai persoalan Akhirat, ia menyebut amaran terhadap orang-orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat:

وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾

"Dan kecelakaan yang besar disediakan bagi para Musyrikin."(6)

ٱلَّذِينَ لَا يُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم بِٱلْءَاخِرَةِ هُمْ كَٰفِرُونَ ﴿٧﴾

"Para Musyrikin yang tidak menunaikan zakat dan mereka mengingkarkan hari Akhirat."(7)

Dan diakhiri dengan firman-Nya:

أَلَآ إِنَّهُمْ فِى مِرْيَةٍ مِّن لِّقَآءِ رَبِّهِمْ ۗ أَلَآ إِنَّهُۥ بِكُلِّ
شَىْءٍ مُّحِيطٌۢ ﴿٥٤﴾

"Ingatlah! Sesungguhnya mereka masih dalam keraguan tentang pertemuan mereka dengan Allah. Ingatlah bahawa ilmu Allah itu meliputi segala sesuatu."(54)

Persoalan ini juga disebut di dalam pemandangan-pemandangan Qiamat yang seolah-olah sedang berlaku untuk menguatkan pembentangan persoalan ini.

Kenyataan mengenai persoalan wahyu pula banyak sekali disebut dalam surah ini malah persoalan ini hampir-hampir merupakan pokok pembicaraan surah ini. Ia dari awal-awal lagi disebut dengan terperinci pada ayat pembukaannya:

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلٌ مِّنَ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٢﴾
كِتَٰبٌ فُصِّلَتْ ءَايَٰتُهُۥ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾
بَشِيرًا وَنَذِيرًا فَأَعْرَضَ أَكْثَرُهُمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿٤﴾
وَقَالُوا۟ قُلُوبُنَا فِىٓ أَكِنَّةٍ مِّمَّا تَدْعُونَآ إِلَيْهِ وَفِىٓ ءَاذَانِنَا
وَقْرٌ وَمِنۢ بَيْنِنَا وَبَيْنِكَ حِجَابٌ فَٱعْمَلْ إِنَّنَا عَٰمِلُونَ ﴿٥﴾
قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ
وَٰحِدٌ فَٱسْتَقِيمُوٓا۟ إِلَيْهِ وَٱسْتَغْفِرُوهُ ۗ وَوَيْلٌ
لِّلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih (2). Sebuah kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu sebagai bacaan di dalam bahasa Arab untuk golongan orang-orang yang mengetahui (3). Yang membawa berita gembira dan membawa amaran 'azab, tetapi kebanyakan mereka berpaling darinya. Oleh kerana itu mereka tidak mahu mendengarnya (4). Dan mereka berkata: Hati kami dalam tutupan yang (menghalangi kami) dari da'wah yang engkau serukan kami kepadanya, dan di dalam telinga kami terdapat

sumbatan dan di antara kami dengan engkau ada dinding. Oleh itu bekerjalah engkau untuk diri engkau dan kami bekerja untuk diri kami (5). Katakanlah: Sesungguhnya aku seorang manusia seperti kamu. Aku telah diwahyukan bahawa Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu hendaklah kamu tetap di atas jalan yang lurus menuju kepada-Nya dan pohonlah keampunan daripada-Nya. Dan kecelakaan yang besar disediakan bagi para Musyrikin."(6)

Di tengah surah ini pula disebut tentang sambutan orang-orang Musyrikin terhadap Al-Qur'an:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَسْمَعُوا۟ لِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ
وَٱلْغَوْا۟ فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ٢٦

"Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini dan hapuskan pengaruhnya supaya kamu dapat mengatasi mereka."(26)

Kemudian sambutan itu diterangkan dengan terperinci dan dikemukakan jawapan-jawapan terhadap perkataan-perkataan mereka:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِٱلذِّكْرِ لَمَّا جَآءَهُمْ ۖ وَإِنَّهُۥ لَكِتَٰبٌ
عَزِيزٌ ٤١
لَّا يَأْتِيهِ ٱلْبَٰطِلُ مِنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِۦ ۖ تَنزِيلٌ
مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ٤٢
مَّا يُقَالُ لَكَ إِلَّا مَا قَدْ قِيلَ لِلرُّسُلِ مِن قَبْلِكَ ۚ إِنَّ
رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ وَذُو عِقَابٍ أَلِيمٍ ٤٣
وَلَوْ جَعَلْنَٰهُ قُرْءَانًا أَعْجَمِيًّا لَّقَالُوا۟ لَوْلَا فُصِّلَتْ
ءَايَٰتُهُۥٓ ۖ ءَا۬عْجَمِىٌّ وَعَرَبِىٌّ ۗ قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟
هُدًى وَشِفَآءٌ ۖ وَٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِىٓ ءَاذَانِهِمْ وَقْرٌ
وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ يُنَادَوْنَ مِن مَّكَانٍۭ
بَعِيدٍ ٤٤

"Sesungguhnya orang-orang yang ingkarkan Al-Qur'an ketika ia datang kepada mereka (amatlah keji perbuatan mereka), dan sesungguhnya Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang amat kuat (41). Ia tidak sekali-kali didatangi kebatilan dari hadapan dan tidak pula dari belakangnya. Ia adalah diturunkan dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Terpuji (42). Segala apa yang dikatakan kepadamu itu tidak lain melainkan ialah apa yang telah pernah dikatakan kepada rasul-rasul sebelummu. Sesungguh-nya Tuhanmu itu mempunyai anugerah keampunan dan mempunyai hukuman keseksaan yang amat pedih (43). Dan andainya Kami jadikan Al-Qur'an itu dalam bahasa asing tentulah mereka bersungut mengapakah tidak dijelaskan ayat-ayatnya, adakah Al-Qur'an itu bahasa asing dan bahasa Arab. Katakanlah bahawa Al-Qur'an itu adalah hidayat dan penawar kepada orang-orang yang beriman. Dan orang-orang yang tidak beriman terdapat sumbatan dalam telinga mereka dan Al-Qur'an menjadi suatu kegelapan kepada mereka. Mereka (seolah-olah) orang yang dipanggil dari tempat yang jauh."(44)

Kenyataan mengenai cara berda'wah dan akhlak penda'wah disebut dalam firman-Nya:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ
صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ٣٣
وَلَا تَسْتَوِى ٱلْحَسَنَةُ وَلَا ٱلسَّيِّئَةُ ۚ ٱدْفَعْ بِٱلَّتِى
هِىَ أَحْسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِى بَيْنَكَ وَبَيْنَهُۥ عَدَٰوَةٌ كَأَنَّهُۥ
وَلِىٌّ حَمِيمٌ ٣٤
وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ذُو
حَظٍّ عَظِيمٍ ٣٥
وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ نَزْغٌ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ ۖ
إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ٣٦

"Dan siapakah lagi yang lebih baik percakapannya dari orang yang berda'wah kepada Allah dan mengerjakan amalan yang soleh dan berkata: Sesungguhnya aku dari golongan Muslimin (33). Dan tidaklah sama perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolakkanlah perbuatan yang jahat itu dengan perbuatan yang sebaik-baiknya nescaya orang yang ada perseteruan di antara engkau dan dia akan menjadi baik seolah-olah teman yang amat setia (34). Dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang sabar dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang mempunyai habuan keberuntungan yang amat besar (35). Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka pohonlah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(36)

* * * * * *

Persoalan-persoalan ini dibentangkan dalam kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa yang merangsangkan perasaan-perasaan yang mendalam, iaitu dibentangkan dalam alam buana yang penuh mengandungi bukti-bukti kekuasaan Allah yang besar, juga dibentangkan dalam alam jiwa manusia yang aneh strukturnya dan seterusnya dibentangkan dalam kisah-kisah kebinasaan umat-umat yang dahulu kala, dan akhir sekali dibentangkan dalam suasana pemandangan-pemandangan Qiamat yang memberi kesan yang amat mendalam, dan setengah dari pemandangan-pemandangan itu merupakan pemandangan-pemandangan yang unik dan amat memeranjatkan.

Di antara pemandangan-pemandangan alam buana yang disebut di dalam surah ini ialah penciptaan langit dan bumi di peringkat permulaan yang diterangkan dengan penjelasan-penjelasan yang menarik:

قُلْ أَئِنَّكُمْ لَتَكْفُرُونَ بِالَّذِي خَلَقَ الْأَرْضَ فِي يَوْمَيْنِ
وَتَجْعَلُونَ لَهُ أَندَادًا ذَٰلِكَ رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٩﴾
وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِيَ مِن فَوْقِهَا وَبَارَكَ فِيهَا
وَقَدَّرَ فِيهَا أَقْوَاتَهَا فِي أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ سَوَاءً
لِّلسَّائِلِينَ ﴿١٠﴾
ثُمَّ اسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ
ائْتِيَا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا قَالَتَا أَتَيْنَا طَائِعِينَ ﴿١١﴾
فَقَضَاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ فِي يَوْمَيْنِ وَأَوْحَىٰ فِي كُلِّ
سَمَاءٍ أَمْرَهَا وَزَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصَابِيحَ وَحِفْظًا
ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ﴿١٢﴾

"Katakanlah: Apakah patut kamu mengingkarkan Allah yang telah menciptakan bumi dalam masa dua hari dan (apakah patut) kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya? Itulah Allah Tuhan yang memelihara semesta alam (9). Dan Dia ciptakan di atas bumi gunung-gunung yang teguh serta memberkatinya dan menentukan kadar-kadar makanan (kepada penghuni-penghuninya) dalam masa empat hari yang sama untuk semua yang bertanya (tentang penciptaan bumi) (10). Kemudian Dia menuju ke langit dan pada ketika itu ia masih berupa asap, lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi: Junjunglah kedua kamu perintah-Ku sama ada dengan kerelaan hati atau dengan terpaksa. Jawab kedua-duanya: Kami junjung perintah-Mu dengan kerelaan hati (11). Lalu Dia jadikan tujuh langit dalam masa dua hari dan Dia wahyukan kepada setiap langit urusannya masing-masing. Dan Kami telah menghiaskan langit yang dekat dengan bintang-bintang yang terang dan memeliharakannya dengan sebaik-baiknya. Itulah perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(12)

Dan di antaranya lagi ialah penciptaan malam dan siang, matahari dan bulan, ibadat para malaikat, sifat khusyu' bumi yang menyembah Allah dan kesuburan bumi dengan tumbuh-tumbuhan yang hidup:

وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ
لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا
لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿٣٧﴾
فَإِنِ اسْتَكْبَرُوا فَالَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ
يُسَبِّحُونَ لَهُ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَهُمْ لَا يَسْأَمُونَ ﴿٣٨﴾
وَمِنْ آيَاتِهِ أَنَّكَ تَرَى الْأَرْضَ خَاشِعَةً فَإِذَا أَنزَلْنَا
عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ إِنَّ الَّذِي أَحْيَاهَا لَمُحْيِي
الْمَوْتَىٰ إِنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah malam, siang, matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan dan sujudlah kepada Allah yang telah menciptakan mereka jika kamu benar-benar menyembahkan-Nya (37). Oleh itu jika mereka terus berlagak takbur, maka mereka yang ada di sisi Tuhanmu sentiasa bertasbih kepada-Nya malam dan siang, sedangkan mereka tidak pernah jemu (38). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah engkau melihat bumi diam khusyu' dan apabila Kami turunkan air hujan ke atasnya ia pun bergerak dan subur. Sesungguhnya Tuhan yang berkuasa menghidupkan bumi itu berkuasa pula menghidupan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(39)

Kenyataan mengenai hakikat jiwa manusia telah didedahkan dalam surah ini dengan begitu terbuka dan bogel tanpa sebarang tabir yang melindunginya:

لَّا يَسْأَمُ الْإِنسَانُ مِن دُعَاءِ الْخَيْرِ وَإِن مَّسَّهُ الشَّرُّ
فَيَئُوسٌ قَنُوطٌ ﴿٤٩﴾
وَلَئِنْ أَذَقْنَاهُ رَحْمَةً مِّنَّا مِن بَعْدِ ضَرَّاءَ مَسَّتْهُ
لَيَقُولَنَّ هَٰذَا لِي وَمَا أَظُنُّ السَّاعَةَ قَائِمَةً وَلَئِن
رُّجِعْتُ إِلَىٰ رَبِّي إِنَّ لِي عِندَهُ لَلْحُسْنَىٰ فَلَنُنَبِّئَنَّ
الَّذِينَ كَفَرُوا بِمَا عَمِلُوا وَلَنُذِيقَنَّهُم مِّنْ عَذَابٍ
غَلِيظٍ ﴿٥٠﴾
وَإِذَا أَنْعَمْنَا عَلَى الْإِنسَانِ أَعْرَضَ وَنَأَىٰ بِجَانِبِهِ وَإِذَا
مَسَّهُ الشَّرُّ فَذُو دُعَاءٍ عَرِيضٍ ﴿٥١﴾

"Manusia tidak jemu memohon kebaikan dan jika dia disentuh kesusahan, dia terus berputus asa (49). Dan sekiranya Kami rasakannya rahmat dari Kami setelah disentuh kesusahan, dia berkata (sombong): Ini adalah hasil usahaku. Dan aku tidak fikir hari Qiamat itu akan berlaku, dan jika aku dikembalikan kepada Tuhanku tentulah aku akan memperoleh anugerah yang paling baik di sisinya. Demi sesungguhnya Kami akan memberitahu kepada orang-orang yang kafir segala apa yang telah dilakukan mereka dan Kami akan rasakan mereka 'azab yang amat berat (50).

Dan apabila Kami kurniakan nikmat kepada manusia, dia berpaling dan menjauhkan dirinya (dari Kami) dan apabila dia disentuh bala bencana, maka dia berdo'a dengan panjang lebar."(51)

Di antara kisah kebinasaan umat-umat yang dahulukala ialah kisah kebinasaan 'Ad dan Thamud:

فَأَمَّا عَادٌ فَاسْتَكْبَرُوا فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَقَالُوا
مَنْ أَشَدُّ مِنَّا قُوَّةً ۖ أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ الَّذِي خَلَقَهُمْ
هُوَ أَشَدُّ مِنْهُمْ قُوَّةً ۖ وَكَانُوا بِآيَاتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿١٥﴾
فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِي أَيَّامٍ نَحِسَاتٍ
لِنُذِيقَهُمْ عَذَابَ الْخِزْيِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ
الْآخِرَةِ أَخْزَىٰ ۖ وَهُمْ لَا يُنْصَرُونَ ﴿١٦﴾
وَأَمَّا ثَمُودُ فَهَدَيْنَاهُمْ فَاسْتَحَبُّوا الْعَمَىٰ عَلَى الْهُدَىٰ
فَأَخَذَتْهُمْ صَاعِقَةُ الْعَذَابِ الْهُونِ بِمَا كَانُوا
يَكْسِبُونَ ﴿١٧﴾
وَنَجَّيْنَا الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ ﴿١٨﴾

"Adapun kaum 'Ad mereka telah berlagak angkuh di bumi tanpa alasan yang benar dan mereka berkata: Siapakah yang lebih kuat dari kami? Apakah tidak mereka melihat bahawa Allah yang telah menciptakan mereka adalah lebih kuat dari mereka? Dan mereka tetap mengingkari ayat-ayat Kami (15). Lalu Kami lepaskan ke atas mereka ribut yang amat kencang selama beberapa hari yang penuh sengsara kerana Kami hendak membuat mereka merasakan 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih menghinakan lagi dan mereka tidak akan diberi pertolongan (16). Dan adapun kaum Thamud pula, Kami telah memberi hidayat kepada mereka, tetapi mereka mengutamakan kebutaan (kesesatan) dari hidayat, lalu mereka disambar petir 'azab yang amat menghinakan dengan sebab dosa yang dilakukan mereka (17). Dan Kami telah menyelamatkan orang-orang yang beriman dan mereka adalah orang-orang yang bertaqwa."(18)

Di antara pemandangan-pemandangan Qiamat yang amat berkesan di dalam surah ini ialah:

وَيَوْمَ يُحْشَرُ أَعْدَاءُ اللَّهِ إِلَى النَّارِ فَهُمْ يُوزَعُونَ ﴿١٩﴾
حَتَّىٰ إِذَا مَا جَاءُوهَا شَهِدَ عَلَيْهِمْ سَمْعُهُمْ وَأَبْصَارُهُمْ
وَجُلُودُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٢٠﴾
وَقَالُوا لِجُلُودِهِمْ لِمَ شَهِدْتُمْ عَلَيْنَا ۖ قَالُوا أَنْطَقَنَا اللَّهُ
الَّذِي أَنْطَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ خَلَقَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَإِلَيْهِ
تُرْجَعُونَ ﴿٢١﴾

"Dan ingatlah hari di mana dikumpulkan musuh-musuh Allah untuk dibawa ke Neraka lalu mereka dibahagi-bahagikan (19). Sehingga apabila tiba di Neraka, maka pendengaran, penglihatan dan kulit-kulit mereka menjadi saksi yang mengakui segala apa yang dilakukan mereka (20). Lalu mereka berkata kepada kulit-kulit mereka: Mengapa kamu menjadi saksi menentang kami? Jawab kulit-kulit itu: Allahlah yang telah menjadikan kami pandai bercakap. Dialah yang berkuasa menjadikan segala sesuatu pandai bercakap dan Dialah yang telah menciptakan kamu pada pertama kali dan kepada-Nya juga kamu dikembalikan."(21)

Juga pemandangan kemarahan yang meluap-luap dari pengikut-pengikut yang tertipu terhadap pemimpin-pemimpin yang telah menipu mereka:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا رَبَّنَا أَرِنَا الَّذَيْنِ أَضَلَّانَا مِنَ
الْجِنِّ وَالْإِنْسِ نَجْعَلْهُمَا تَحْتَ أَقْدَامِنَا لِيَكُونَا مِنَ
الْأَسْفَلِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan berkatalah orang-orang kafir: Wahai Tuhan kami! Tunjukkanlah kepada kami orang-orang yang telah menyesatkan kami dari jin dan manusia kerana kami mahu meletakkan mereka di bawah tapak kaki kami supaya mereka menjadi golongan yang paling bawah (hina)."(29)

Demikianlah hakikat-hakikat 'aqidah di dalam surah ini dibentangkan di dalam berbagai-bagai kejadian dan peristiwa yang merangsangkan perasaan-perasaan yang mendalam. Kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa itu juga menggambarkan suasana, sifat dan bayangan surah ini. Sebenarnya dari permulaan surah hingga ke akhirnya, hati kita dapati ia berada di hadapan ayat-ayat yang menarik yang membawanya menjelajah di alam langit dan bumi, dalam pendalaman jiwa manusia, dalam kisah-kisah kebinasaan umat-umat manusia dan di alam Qiamat. Dan memetik tali-tali perasaannya dengan berbagai-bagai nada ilham yang seluruhnya memberi kesan-kesan yang amat mendalam.

* * * * * *

Ayat-ayat surah ini melangsungkan pembicaraan-pembicaraannya dalam dua pusingan dengan babak-babaknya yang berhubung rapat.

Pusingan pertama dimulakan dengan ayat-ayat yang menerangkan tentang dari manakah turunnya kitab Al-Qur'an dan tentang sifat-sifatnya dan sikap kaum Musyrikin terhadapnya. Kemudian diiringi pula dengan kisah penciptaan langit dan bumi, kisah 'Ad dan Thamud dan pemandangan mereka pada hari Akhirat, di mana dosa-dosa mereka disaksikan oleh telinga, mata dan kulit mereka sendiri. Dan dari sini ia kembali pula berbicara mengenai kisah hidup mereka di dunia bagaimana mereka mendapat kesesatan ini, dan menyebut bahawa Allah telah mengadakan untuk mereka teman-teman karib yang jahat yang terdiri dari jin dan manusia. Teman-teman inilah yang telah menghiaskan perbuatan-perbuatan mereka yang

buruk hingga dipandang baik dan elok oleh mereka. Dan di antara kesan-kesannya ialah kata-kata cemuhan mereka: **"Janganlah kamu dengar Al-Qur'an dan ganggukannya dengan jerit pekik supaya kamu dapat mengatasi mereka"**(لاتسمعوا لهذا القرآن والغوا فيه لعلكم تغلبون).

Kemudian ia menyebut keadaan mereka pada hari Qiamat di mana mereka marahkan teman-teman mereka yang karib itu kerana menipu mereka. Sementara di tebing sebelah lagi kelihatan orang-orang Mu'min yang berkata: **"Allah itu Tuhan kami dan kemudian mereka berlaku jujur"**(ربنا الله ثم استقاموا). Mereka dituruni para malaikat yang memberi ketenangan dan berita gembira kepada mereka serta mengisytiharkan bahawa merekalah penolong mereka di dunia dan Akhirat. Setelah itu diiringi pula dengan penjelasan mengenai da'wah dan penda'wah. Dan dengan ini berakhirlah pusingan ini.

Pusingan yang kedua pula memperkatakan tentang bukti-bukti kekuasaan Allah dalam kejadian-kejadian malam dan siang, matahari dan bulan, malaikat yang beribadat kepada Allah, bumi yang khusyu' dan hayat yang subur dengan tumbuh-tumbuhan yang segar setelah tandus dan matinya bumi. Kemudian ia bicarakan tentang orang-orang yang ingkarkan ayat-ayat Allah dan kitab-Nya. Dan di sini ia menjelaskan tentang kitab suci itu sambil menyebut kitab yang diturunkan kepada Musa dan pertikaian kaumnya terhadap kitab itu. Kemudian ia menyerahkan urusan mereka kepada Allah selepas ditentukan masa Qiamat itu. Dan di sini disebutkan pula tentang hari Qiamat dan hanya ilmu Allah sahaja yang mengetahuinya. Hanya ilmu-Nya sahaja yang mengetahui buah-buah yang terkandung di dalam mayang dan anak-anak yang terkandung di dalam rahim. Kemudian ia menayangkan pemandangan orang-orang kafir ketika diminta menunjukkan sembahan-sembahan yang mereka sekutukan Allah dengannya, dan setelah itu ia mendedahkan rahsia jiwa manusia. Walaupun manusia itu begitu haloba terhadap kepentingan-kepentingan dirinya namun ia tidak juga hemat memeliharakannya dengan sebaik-baiknya kerana itu mereka bertindak mendustakan Rasul dan menjadi kafir tanpa mempedulikan akibat kebinasaan dan 'azab yang akan menimpa mereka.

Kemudian surah ini diakhiri dengan menyebut janji Allah yang hendak mendedahkan ayat-ayat-Nya kepada manusia di dalam kejadian jiwa dan kejadian-kejadian di merata pelosok alam supaya mereka mengetahui dan yakin:

سَنُرِيهِمْ ءَايَٰتِنَا فِى ٱلْءَافَاقِ وَفِىٓ أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ
يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ ۗ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُۥ
عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾

أَلَآ إِنَّهُمْ فِى مِرْيَةٍ مِّن لِّقَآءِ رَبِّهِمْ ۗ أَلَآ إِنَّهُۥ بِكُلِّ
شَىْءٍ مُّحِيطٌۢ ﴿٥٤﴾

"Kami akan memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan Kami di merata pelosok alam dan di dalam kejadian diri mereka sendiri sehingga jelaslah kepada mereka bahawa Al-Qur'an itu adalah benar. Tidakkah cukup kepada mereka bahawa Tuhanmu itu menyaksi segala sesuatu (53). Ingatlah! Sesungguhnya mereka masih dalam keraguan tentang pertemuan mereka dengan Allah. Ingatlah bahawa ilmu Allah itu meliputi segala sesuatu."(54)

Dengan nada kenyataan ayat ini ditamatkan surah ini.

Sekarang marilah kita bincangkan ayat-ayat surah ini dengan terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 8)

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلٌ مِّنَ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٢﴾
كِتَٰبٌ فُصِّلَتْ ءَايَٰتُهُۥ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾
بَشِيرًا وَنَذِيرًا فَأَعْرَضَ أَكْثَرُهُمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿٤﴾
وَقَالُوا۟ قُلُوبُنَا فِىٓ أَكِنَّةٍ مِّمَّا تَدْعُونَآ إِلَيْهِ وَفِىٓ ءَاذَانِنَا
وَقْرٌ وَمِنۢ بَيْنِنَا وَبَيْنِكَ حِجَابٌ فَٱعْمَلْ إِنَّنَا عَٰمِلُونَ ﴿٥﴾
قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ
وَٰحِدٌ فَٱسْتَقِيمُوٓا۟ إِلَيْهِ وَٱسْتَغْفِرُوهُ ۗ وَوَيْلٌ
لِّلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾
ٱلَّذِينَ لَا يُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم بِٱلْءَاخِرَةِ هُمْ كَٰفِرُونَ ﴿٧﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ
مَمْنُونٍ ﴿٨﴾

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih (2). Sebuah kitab Yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu sebagai bacaan di dalam bahasa Arab untuk golongan orang-orang yang mengetahui (3). Yang membawa berita gembira dan membawa amaran 'azab, tetapi kebanyakan mereka berpaling darinya. Oleh kerana itu mereka tidak mahu mendengarnya (4). Dan mereka berkata: Hati kami dalam tutupan yang (menghalangi kami) dari da'wah yang engkau serukan kami kepadanya, dan di dalam telinga kami terdapat sumbatan dan di antara kami dengan engkau ada dinding. Oleh itu bekerjalah engkau untuk diri engkau dan kami bekerja untuk diri kami (5). Katakanlah: Sesungguhnya aku

seorang manusia seperti kamu. Aku telah diwahyukan bahawa Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu hendaklah kamu tetap di atas jalan yang lurus menuju kepadaNya dan pohonlah keampunan daripada-Nya. Dan kecelakaan yang besar disediakan bagi para Musyrikin (6). Para Musyrikin yang tidak menunaikan zakat dan mereka mengingkarkan hari Akhirat (7). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi pahala yang tidak putus-putus."(8)

Sebelum ini telah pun dihuraikan mengenai tujuan pembukaan dengan huruf-huruf potongan pada berbagai-bagai surah. Ulangan pembukaan ini dengan **"Haa, Miim"** (حم) selaras dengan uslub Al-Qur'an yang mengulang-ulangkan sebutan hakikat-hakikat yang menyentuh hati manusia kerana tabi'at hati memerlukan pada peringatan yang berulang-ulang. Ia mudah lupa apabila dilalui masa yang panjang. Ia memerlukan ulangan dengan berbagai-bagai cara untuk menanamkan sesuatu hakikat kesedaran di dalamnya. Al-Qur'an melayani hati manusia mengikut ciri-ciri dan kesediaan yang dilengkapkan pada tabi'atnya iaitu mengikut ilmu Allah yang mencipta dan mengendalikan hati itu mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya.

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلٌ مِّنَ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٢﴾

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih."(2)

Di sini **Haa. Miim** (حم) seolah-olah nama surah atau nama jenis bacaan kerana **Haa. Miim** adalah dari jenis-jenis huruf yang digubahkan Al-Qur'an darinya. **Haa. Miim** itu dah mubtada' (pokok kata mengikut ilmu tatabahasa Arab) dan "تنزيل من الرحمن الرحيم" itu ialah khabar (berita kata).

Al-Qur'an Menjadi Rahmat Kepada Seluruh khluk Yang Hidup

Menyebut sifat Maha Penyayang dan Maha Pengasih ketika menyebut turunnya Al-Qur'an ini menunjukkan kepada sifat rahmat yang meliputi penurunan Al-Qur'an ini. Dan tidak syak lagi bahawa turunnya Al-Qur'an ini menjadi rahmat kepada sekalian alam, iaitu rahmat kepada orang yang beriman kepadanya dan mematuhinya, juga rahmat kepada orang lain, dan orang lain ini pula bukannya manusia sahaja, malah semua makhluk yang hidup. Al-Qur'an telah menetapkan satu cara dan rencana hidup yang dilandaskan di atas kebajikan untuk semua makhluk yang hidup, Al-Qur'an telah mempengaruhi kehidupan manusia, pemikiran dan kefahaman mereka. Al-Qur'an telah mengaturkan perjalanan hidup manusia, dan ini bukannya khusus kepada orang-orang yang beriman kepadanya sahaja, malah kesannya meliputi seluruh manusia dan berterusan begitu sejak ia diturunkan kepada sekalian alam. Orang-orang yang mengikuti sejarah manusia dengan insaf dan hemat dan orang-orang yang mengkaji Al-Qur'an dalam konsep kemanusiaannya yang umum, yang meliputi segala bidang kegiatan manusia akan dapat memahami hakikat ini dan meyakininya. Ramai di antara para pengkaji itu telah pun merakamkan hakikat ini dan mengakuinya dengan terus terang.

كِتَٰبٌ فُصِّلَتۡ ءَايَٰتُهُۥ قُرۡءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوۡمٍ يَعۡلَمُونَ ﴿٣﴾

"Sebuah kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu sebagai bacaan di dalam bahasa Arab untuk golongan orang-orang yang mengetahui."(3)

Al-Qur'an itu telah memberi penjelasan, yang rapi, iaitu tepat dengan kehendak-kehendak dan matlamat-matlamat, sesuai dengan segala jenis tabi'at dan akal, sesuai dengan segala masyarakat dan zaman, sesuai dengan segala keadaan dan keperluan jiwa manusia yang beranekaragam. Penjelasan terperinci yang halus mengikut pertimbangan-pertimbangan ini merupakan ciri yang nyata kitab Al-Qur'an, oleh sebab itu ayat-ayatnya dijelaskan dengan rapi mengikut pertimbangan-pertimbangan ini:

كِتَٰبٌ فُصِّلَتۡ ءَايَٰتُهُۥ قُرۡءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوۡمٍ يَعۡلَمُونَ ﴿٣﴾

"Sebagai bacaan di dalam bahasa Arab untuk golongan orang-orang yang mengetahui."(3)

Kerana mereka mempunyai kesediaan dan bakat bagi menerima ilmu pengetahuan dan membeza di antara yang hak dengan yang batil.

Tugas Al-Qur'an ialah:

بَشِيرًا وَنَذِيرًا

"Yang membawa berita gembira dan membawa amaran 'azab."(4)

Al-Qur'an memberi berita gembira kepada orang-orang Mu'min yang beramal dan memberi amaran kepada pendusta-pendusta yang bertindak jahat. Ia menjelaskan sebab-sebab penyampaian berita gembira dan sebab-sebab penyampaian amaran dengan uslub bahasa Arab yang amat jelas kepada kaum yang menggunakan bahasa Arab, tetapi sayang kebanyakkan mereka tidak menerima dan menyambutnya:

فَأَعۡرَضَ أَكۡثَرُهُمۡ فَهُمۡ لَا يَسۡمَعُونَ ﴿٤﴾

"Tetapi kebanyakkan mereka berpaling darinya. Oleh kerana itu mereka tidak mahu mendengarnya."(4)

Mereka berpaling dari Al-Qur'an dan tidak mahu mendengarnya. Mereka berhati-hati menjaga diri dari mendedahkan hati mereka kepada pengaruh Al-Qur'an yang amat kuat itu. Mereka menghasut orang ramai supaya jangan mendengar Al-Qur'an sebagaimana tersebut di dalam perkataan mereka di dalam ayat yang akan datang:

لَا تَسۡمَعُواْ لِهَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانِ وَٱلۡغَوۡاْ فِيهِ لَعَلَّكُمۡ تَغۡلِبُونَ ﴿٢٦﴾

"Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini dan hapuskan pengaruhnya supaya kamu dapat mengatasi mereka."(26)

Kadang-kadang mereka mendengar Al-Qur'an tetapi seolah-olah mereka tidak mendengarnya

kerana mereka melawan pengaruh Al-Qur'an ini di dalam hati mereka. Jadi mereka seolah-olah pekak tidak dapat mendengar.

وَقَالُوا۟ قُلُوبُنَا فِىٓ أَكِنَّةٍ مِّمَّا تَدْعُونَآ إِلَيْهِ وَفِىٓ ءَاذَانِنَا
وَقْرٌ وَمِنۢ بَيْنِنَا وَبَيْنِكَ حِجَابٌ فَٱعْمَلْ إِنَّنَا عَـٰمِلُونَ ﴿٥﴾

"Dan mereka berkata: Hati kami dalam tutupan yang (menghalangi kami) dari da'wah yang engkau serukan kami kepadanya, dan di dalam telinga kami terdapat sumbatan dan di antara kami dengan engkau ada dinding. Oleh itu bekerjalah engkau untuk diri engkau dan kami bekerja untuk diri kami."(5)

Mereka berkata begitu untuk menunjukkan kedegilan mereka dan untuk memutuskan harapan Rasulullah s.a.w. supaya beliau tidak lagi berda'wah kepada mereka. Ini disebabkan kerana mereka dapati kalimat-kalimat Al-Qur'an itu mempengaruhi hati mereka sedangkan mereka tidak mahu beriman kepadanya.

Mereka berkata: Hati kami telah tertutup, oleh itu kalimat-kalimat da'wahmu tidak akan sampai kepadanya. Telinga kami juga telah tersumbat dan kerana itu ia tidak dapat mendengar da'wahmu. Di antara kami dan engkau dipisahkan oleh satu dinding kerana itu tiada hubungan di antara kami dengan engkau. Tinggalkan kami sendirian, jangan ganggu kami. Bekerjalah untuk dirimu dan kami bekerja untuk diri kami. Atau mereka bermaksud mengatakan: Kami tidak pedulikan perkataanmu dan perbuatanmu, kami tidak pedulikan amaran dan ancamanmu. Jika engkau suka teruskanlah perjalananmu dan kami akan teruskan perjalanan kami. Buatlah apa yang kamu suka, kami tidak akan tunduk kepadamu, ancamlah kami sesuka engkau, kami tidak akan pedulikannya.

Inilah contoh penentangan yang diterima oleh penda'wah pertama Rasulullah s.a.w. tetapi beliau terus berda'wah. Beliau tidak pernah berhenti berda'wah. Beliau tidak berputus asa walaupun orang-orang kafir cuba memutuskan harapannya. Beliau tidak merasa lambat terlaksananya janji-janji Allah kepadanya dan tidak pula merasa lambat berlakunya ancaman-ancaman Allah terhadap orang-orang yang mendustakannya. Dia disuruh mengumumkan kepada mereka bahawa urusan pelaksanaan ancaman-ancaman Allah itu bukan terletak di tangannya, kerana dia hanya seorang manusia yang bertugas menerima wahyu dan menyampaikannya. Dia bertugas menyeru manusia kepada Allah Yang Maha Esa dan kepada sikap berdiri teguh dan jujur di jalan Allah, juga memberi amaran kepada orang-orang Musyrikin sebagaimana yang diperintah-kan oleh Allah. Dan selepas itu dia tidak mempunyai apa-apa kuasa lagi. Dia hanya seorang manusia yang menerima perintah sahaja:

قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَـٰهُكُمْ إِلَـٰهٌ
وَٰحِدٌ فَٱسْتَقِيمُوٓا۟ إِلَيْهِ وَٱسْتَغْفِرُوهُ ۗ وَوَيْلٌ
لِّلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku seorang manusia seperti kamu. Aku telah diwahyukan bahawa Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu hendaklah kamu tetap di atas jalan yang lurus menuju kepada-Nya dan pohonlah keampunan daripada-Nya. Dan kecelakaan yang besar disediakan bagi para Musyrikin."(6)

Alangkah agungnya kesabaran, ketahanan, keimanan dan penyerahan diri kepada Allah. Tiada yang mengetahui bagaimana sulit dan sukarnya untuk bersabar menghadapi penentangan dan pendustaan orang-orang kafir yang angkuh dan sewenang-wenang itu tanpa meminta supaya Allah mempercepatkan janji 'azab-Nya menimpa pendusta-pendusta yang bermaharajalela itu. Tiada yang mengetahui bagaimana sulit dan sukarnya untuk bersabar seperti itu melainkan orang yang menempuh sendiri suasana perjuangan yang sukar itu di alam kenyataan, kemudian ia terus berjuang.

Memandang kepada kesulitan perjuangan yang seperti inilah, maka arahan bersabar banyak sekali ditujukan kepada para Anbia' dan rasul-rasul kerana jalan perjuangan da'wah itu ialah jalan bersabar iaitu bersabar dalam masa yang panjang, kerana perkara pertama yang memerlukan kesabaran ialah wujudnya keinginan yang berkobar-kobar untuk melihat da'wah mencapai kemenangan dan wujudnya perasaan yang merasakan kemenangan itu lambat tercapai, malah merasakan tanda-tanda kemenangan itu juga lambat dapat dilihat. Hakikat ini perlu diserahkan kepada Allah dan diterima dengan penuh kerelaan.

Perintah yang paling tinggi kepada Rasulullah s.a.w. dalam menghadapi keangkuhan dan kesewenangan-kesewenangan ialah memberi ancaman:

وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾
ٱلَّذِينَ لَا يُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم بِٱلْـَٔاخِرَةِ هُمْ كَـٰفِرُونَ ﴿٧﴾

"Dan kecelakaan yang besar disediakan bagi para Musyrikin (6). Para Musyrikin yang tidak menunaikan zakat dan mereka mengingkarkan hari Akhirat."(7)

Menyebut zakat khusus di tempat ini tentulah ada suatu kaitan yang tertentu yang kita tidak mengetahuinya, kerana ayat ini adalah ayat Makkiyah dan zakat hanya difardhukan pada tahun yang kedua hijrah di Madinah walaupun asal rukun zakat itu telah terkenal sejak di Makkah lagi. Perkara baru di Madinah mengenai rukun zakat ialah penjelasan nisab-nisabnya dan pungutan-pungutannya sebagai satu fardhu yang diwajibkan, sedangkan kedudukan zakat di zaman Makkah hanya merupakan suatu perintah umum yang ditunaikan secara sukarela dan tidak terbatas. Dan penunaian zakat itu hanya terserah kepada dhamir sahaja. Mengenai keingkaran

terhadap Akhirat, maka ia merupakan keingkaran yang dibalaskan dengan kecelakaan dan kebinasaan.

Setengah-setengah Mufassirin berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan zakat di sini ialah keimanan dan kebersihan dari syirik.[1] Pendapat ini juga boleh diterima di dalam suasana yang seperti ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 12)

Kemudian Rasulullah s.a.w. terus mendedahkan kepada mereka betapa kejinya perbuatan jenayah syirik dan kufur yang dilakukan mereka. Setelah itu beliau membawa mereka ke ruang alam yang lebar, iaitu ruang langit dan bumi, di mana mereka hanya merupakan satu makhluk yang kerdil dan kecil jika dibandingkan dengan alam yang lebar itu. Tujuan beliau membawa mereka ke ruang alam buana ini ialah untuk menunjukkan kekuasaan Allah yang diingkarkan mereka yang wujud dalam fitrah alam buana ini, di mana mereka merupakan sebahagian darinya juga untuk mengeluarkan mereka dari-sudut yang sempit dan kecil, yang mana dari sudut inilah mereka memandang da'wah Islam ini, dan dari sinilah mereka memandang diri mereka begitu besar dan agung. Mereka sibuk memandang diri mereka dan memikirkan mengapa Muhammad dipilih menjadi Rasul bukannya mereka. Mereka sibuk mengutamakan kedudukan dan kepentingan mereka dan sebagainya dari perhitungan-perhitungan peribadi yang kecil. Kesibukan inilah yang membuat mereka tidak dapat memikirkan hakikat agung yang dibawa oleh Muhammad s.a.w., dan diterangkan satu persatu oleh Al-Qur'an, iaitu hakikat yang berhubung dengan langit dan bumi, hakikat yang berhubung dengan seluruh umat manusia di seluruh zaman dan hakikat yang berhubung dengan kebenaran yang agung yang melewati zaman, tempat dan diri mereka dan berhubung dengan seluruh alam buana:

قُلۡ أَئِنَّكُمۡ لَتَكۡفُرُونَ بِٱلَّذِي خَلَقَ ٱلۡأَرۡضَ فِي يَوۡمَيۡنِ
وَتَجۡعَلُونَ لَهُۥٓ أَندَادٗاۚ ذَٰلِكَ رَبُّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٩﴾
وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِيَ مِن فَوۡقِهَا وَبَٰرَكَ فِيهَا
وَقَدَّرَ فِيهَآ أَقۡوَٰتَهَا فِيٓ أَرۡبَعَةِ أَيَّامٖ سَوَآءٗ
لِّلسَّآئِلِينَ ﴿١٠﴾
ثُمَّ ٱسۡتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِيَ دُخَانٞ فَقَالَ لَهَا وَلِلۡأَرۡضِ
ٱئۡتِيَا طَوۡعًا أَوۡ كَرۡهٗا قَالَتَآ أَتَيۡنَا طَآئِعِينَ ﴿١١﴾

فَقَضَىٰهُنَّ سَبۡعَ سَمَٰوَاتٖ فِي يَوۡمَيۡنِ وَأَوۡحَىٰ فِي كُلِّ
سَمَآءٍ أَمۡرَهَاۚ وَزَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنۡيَا بِمَصَٰبِيحَ وَحِفۡظٗاۚ
ذَٰلِكَ تَقۡدِيرُ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡعَلِيمِ ﴿١٢﴾

"Katakanlah: Apakah, patut kamu mengingkarkan Allah yang telah menciptakan bumi dalam masa dua hari dan (apakah patut) kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya? Itulah Allah Tuhan yang memelihara semesta alam (9). Dan Dia ciptakan di atas bumi gunung-gunung yang teguh serta memberkatinya dan menentukan kadar-kadar makanan (kepada penghuni-penghuninya) dalam masa empat hari yang sama untuk semua yang bertanya (tentang penciptaan bumi) (10). Kemudian Dia menuju ke langit dan pada ketika itu ia masih berupa asap, lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi: Junjunglah kedua kamu perintah-Ku sama ada dengan kerelaan hati atau dengan terpaksa. Jawab kedua-duanya: Kami junjung perintah-Mu dengan kerelaan hati (11). Lalu Dia jadikan tujuh langit dalam masa dua hari dan Dia wahyukan kepada setiap langit urusannya masing-masing. Dan Kami telah menghiaskan langit yang dekat dengan bintang-bintang yang terang dan memeliharakannya dengan sebaik-baiknya. Itulah perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(12)

Katakanlah kepada mereka bahawa kekufuran kamu dan kelancangan kamu mengeluarkan kalimat kufur yang berat dengan sewenang-wenang itu adalah satu perbuatan yang amat keji. Kamu tergamak mengingkarkan Allah yang telah menciptakan bumi dan gunung-gunung, Allah yang telah melimpahkan keberkatan di merata pelosok bumi dan menentukan makanan-makanan kepada penghuninya, Allah yang telah mencipta langit dan mengatur pentadbirannya dan menghiaskan langit yang dekat ini dengan bintang-bintang selaku lampu yang terang benderang dan Allah yang dita'ati dan dipatuhi oleh langit dan bumi. Hanya kamu sahaja sebahagian dari penduduk bumi ini yang enggan ta'at kepada Allah dan berlagak sombong.

Tetapi Al-Qur'an mengemukakan hakikat-hakikat ini dengan gaya uslubnya yang dapat menembusi ke dasar hati manusia dan mengocakkannya. Marilah kita ikuti cara penerangan Al-Qur'an dengan tertib dan terperinci:

قُلۡ أَئِنَّكُمۡ لَتَكۡفُرُونَ بِٱلَّذِي خَلَقَ ٱلۡأَرۡضَ فِي يَوۡمَيۡنِ
وَتَجۡعَلُونَ لَهُۥٓ أَندَادٗاۚ ذَٰلِكَ رَبُّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٩﴾
وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِيَ مِن فَوۡقِهَا وَبَٰرَكَ فِيهَا
وَقَدَّرَ فِيهَآ أَقۡوَٰتَهَا فِيٓ أَرۡبَعَةِ أَيَّامٖ سَوَآءٗ
لِّلسَّآئِلِينَ ﴿١٠﴾

"Katakanlah: Apakah patut kamu mengingkarkan Allah yang telah menciptakan bumi dalam masa dua hari dan (apakah patut) kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya? Itulah Allah Tuhan yang memelihara semesta alam (9). Dan Dia

---

[1] *Kerana salah satu dari makna-makna kata zakat ialah kebersihan – penterjemah.*

ciptakan di atas bumi gunung-gunung yang teguh serta memberkatinya dan menentukan kadar-kadar makanan (kepada penghuni-penghuninya) dalam masa empat hari yang sama untuk semua yang bertanya (tentang penciptaan bumi)."(10)

Al-Qur'an menyebut hakikat penciptaan bumi dalam masa dua hari kemudian diiringi dengan kenyataan sebelum selesai membentangkan kisah penciptaan bumi:

ذَٰلِكَ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩﴾

"Itulah Allah Tuhan yang memelihara semesta alam."(9)

Hakikat Penciptaan Bumi Dalam Masa Dua Hari

Patutkah kamu kafir terhadap Allah dan mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya, sedangkan Dialah yang menciptakan bumi yang didiami kamu? Alangkah sombongnya dan sewenang-wenangnya sikap kamu dan alangkah kejinya perbuatan kamu!

Apakah yang dimaksudkan dengan dua hari diciptakan bumi dan dua hari pula diciptakan gunung-ganang dan ditentukan makanan-makanan serta dikurniakan keberkatan dan semuanya selesai dalam masa empat hari?

Hari-hari yang dimaksudkan di sini tidak syak lagi ialah hari-hari Allah. Dialah sahaja yang mengetahui sepanjang mana masanya. Hari-hari yang disebutkan itu bukannya hari-hari bumi ini, kerana hari-hari bumi merupakan satu ukuran yang baru sahaja wujud selepas diciptakan bumi. Jika bumi mempunyai hari-harinya iaitu masa pusingannya di sekitar dirinya di hadapan matahari maka planet-planet dan bintang-bintang yang lain juga mempunyai hari-harinya masing-masing yang berlainan dari hari-hari bumi. Setengahnya lebih pendek dari hari bumi dan setengahnya lebih panjang.

Hari-hari, di mana diciptakan bumi, gunung-ganang dan ditentukan makanan-makanan penghuninya adalah hari-hari yang lain dari hari bumi, iaitu hari yang diukur dengan ukuran yang lain yang tidak kita ketahui, tetapi kita hanya tahu bahawa ia adalah jauh lebih panjang dari hari-hari bumi yang terkenal itu.

Masa yang paling dekat yang dapat kita fahami dari ilmu pengetahuan yang dicapai manusia ialah masa-masa yang dilalui bumi peringkat demi peringkat hingga bumi itu mantap dan kulitnya keras dan layak untuk menampung hayat. Masa-masa ini menurut teori-teori yang ada pada kita ialah kira-kira dua ribu juta tahun dari tahun-tahun bumi kita.

Ini hanya semata-mata andaian ilmiyah sahaja yang disandarkan kepada kajian batu-batan dan dengan perantaraan kajian ini diukur umur bumi. Tetapi di dalam pengkajian Al-Qur'an, kami tidak menggunakan andaian-andaian itu sebagai hakikat-hakikat yang final. Kerana andaian-andaian itu pada asalnya bukannya hakikat. Ia hanya merupakan teori-teori yang boleh berubah. Oleh sebab itu kami tidak mahu meletakkan Al-Qur'an di atasnya. Kami hanya mengatakan bahawa andaian-andaian itu mungkin betul apabila kami dapati ada titik-titik persamaan di antara andaian-andaian itu dengan nas-nas Al-Qur'an dan apabila kami dapati andaian-andaian itu boleh mentafsirkan Al-Qur'an tanpa berbelit-belit. Dari sinilah kami kira sesuatu teori lebih hampir kepada betul apabila ia lebih hampir dengan kehendak nas Al-Qur'an.

Pendapat yang kuat dari teori-teori ilmiyah sekarang ialah bumi ini pada asalnya adalah sebuah bola api yang bernyala-nyala yang berada di dalam keadaan gas seperti matahari sekarang. Dan pendapat yang terkuat ialah bumi ini pada asalnya adalah sepotongan dari matahari yang terpisah darinya dengan sebab-sebab yang belum mencapai kata sepakat. Ia mengambil masa yang amat panjang hingga kulitnya menjadi sejuk dan keras. Dan bahagian dalam perutnya masih berada dalam keadaan cair kerana terlalu panas dan darjah kepanasannya boleh meleburkan sekeras-keras batu.

Apabila kulit bumi itu sejuk ia pun membeku dan keras. Pada peringkat awal kulit bumi itu merupakan batu-batu yang pejal yang berlapis-lapis.

Pada peringkat masa yang amat awal, lautan-lautan telah terjadi sebagai hasil dari percantuman hidrogen dan oksigen dan dari percantuman keduanya terjadilah air.

"Angin dan air di bumi kita telah bekerjasama menghancurkan batu batan, memindah dan memendapkannya hingga akhirnya mewujudkan tanah yang dapat ditanam. Kedua-duanya juga telah bekerjasama memotong gunung-ganang, bukit-bukau dan tanah-tanah tinggi dan memenuhkan gaung-gaung. Oleh itu boleh dikatakan tiada suatu pun di muka bumi ini melainkan semuanya mempunyai kesan-kesan diruntuh dan dibina.[2]

"Kulit bumi ini sentiasa bergerak dan berubah, dan pergerakan ombak-ombak lautan sentiasa menjejaskan kulit bumi. Apabila air lautan mengewap dengan kekuatan cahaya matahari, maka ia akan naik ke langit membentuk awan-awan yang menurunkan air hujan yang tawar. Air itu mencurah ke bumi dengan lebatnya dan terjadilah banjir-banjir dan sungai-sungai yang mengalir di kulit bumi dan menjejaskannya, ia menjejaskan batu-batu bumi, menghancur dan mengubahkannya dari satu batu ke satu batu yang lain (yakni dari satu jenis batu kepada satu jenis batu yang lain) dan setelah itu ia membawa dan memindahkannya ke tempat-tempat lain. Muka bumi ini sentiasa berubah-ubah di sepanjang abad, beratus-ratus abad dan beribu-ribu abad. Salji-salji yang, membeku di muka bumi juga bekerja seperti air yang mengalir. Angin-angin menjejaskan muka

---

[2] *Dari kitab* مع الله في السماء *oleh Dr. Ahmad Zaki.*

bumi sama seperti yang dilakukan air. Matahari menjejaskan muka bumi sama seperti air dan angin iaitu ia menjejaskannya dengan kekuatan api dan cahayanya yang menyuarkan permukaan bumi. Makhluk-makhluk yang hidup di bumi ini juga turut mengubahkan permukaannya. Begitu juga gunung-gunung berapi yang meledak dari perut bumi itu juga turut mengubahkan permukaannya.

"Jika anda bertanya ahli kaji bumi tentang batu-batu kulit bumi, ia akan menghuraikan berbagai-bagai jenis batu. Ia akan menceritakan kepada anda tentang tiga jenis batu yang utama.

"Ia akan menceritakan tentang batu api, iaitu batu yang meledak keluar dari perut bumi dalam bentuk cecair kemudian mendingin beku seperti batu granit dan batu basalt yang mengandungi kristal-kristal putih, merah atau hitam. Setiap kristal ini menunjukkan adanya sebatian kimia yang mempunyai entiti sendiri. Batu-batu ini bercampuraduk, dan dari batu-batu api dan batu seumpamanya inilah terbentuknya kulit bumi di zaman-zaman antah berantah. Kemudian ia dihancurkan oleh air hujan yang turun dari langit atau air yang mengalir di bumi atau air yang membeku pada salji. Angin dan matahari juga turut mengubahkan batu-batu ini kepada batu-batu lain.

"Kemudian ahli kaji bumi akan menerangkan kepada anda jenis batu terbesar yang kedua yang mereka namakannya sebagai batu mendap iaitu batu-batu hancuran dari batu-batu asal di bumi yang dihakiskan oleh kekuatan air, angin dan matahari atau dengan tindakan makhluk-makhluk yang hidup. Mereka namakannya batu-batu mendap kerana ia tidak didapati di tempat-tempatnya yang pertama. Malah batu-batu ini dibawa oleh arus air atau diterbangkan oleh angin setelah dihancurkan batu-batunya yang pertama atau sedang dalam proses pengeluaran kemudian turun, mendap dan menetap di bumi. Sebagai contoh batu mendap ialah batu kapur yang membentuk bukit seperti Bukit al-Muqattam, yang mana dari batu bukit inilah dibuat bangunan-bangunan di kaherah, dan ia berkata lagi bahawa batu kapur itu merupakan satu sebatian kimia yang dikenali sebagai karbonat kalsium, ia dihancurkan di bumi dari perbuatan dan tindakan makhluk-makhluk yang hidup atau tindakan kimia. Sebagai contohnya ialah pasir dan tanah liat semuanya merupakan hancuran dari batu-batu asal yang terdahulu.

"Batu asal bagi batu-batu mendap ini ialah batu-batu api yang membeku selepas ia cair di permukaan bumi di zaman permulaan jadi bumi. Di waktu itu tiada suatu pun di atas permukaan bumi yang membeku itu melainkan hanya batu-batu api sahaja, kemudian batu-batu ini dihakiskan oleh air, lautan, gas-gas, ribut taufan dan matahari. Semuanya bekerjasama mengubahkan batu api yang pejal yang tidak berguna kepada batu yang berguna untuk membina rumah dan mengeluarkan logam-logam dan dari batu api ini, juga dikeluarkan tanah yang mendap di permukaan bumi yang membuka jalan kepada kewujudan makhluk-makhluk yang hidup.

"Batu granit tidak berguna untuk tumbuhan, tetapi yang berguna ialah tanah-tanah yang keluar dari batu granit atau batu-batu seumpamanya, kerana dengan lahirnya tanah-tanah ini lahirlah tumbuh-tumbuhan, dan dengan lahirnya tumbuh-tumbuhan lahirlah pula haiwan, dan dengan itu lengkaplah persediaan untuk menyambut kedatangan ketua makhluk-makhluk di bumi iaitu manusia."[3]

Perjalanan bumi yang amat lama yang diandaikan oleh sains moden ini mungkin dapat menolong kita untuk memahami makna **"hari-hari"** dalam mana Allah menciptakan bumi dan gunung-ganang yang teguh, melimpahkan keberkatan dan menentukan kadar-kadar makanan dalam masa empat hari dari hari-hari Allah yang kita tidak mengetahui hakikatnya. Sepanjang manakah hari itu? Yang kita tahu dengan pasti ialah hari-hari itu bukannya hari-hari bumi ini.

Marilah kita berdiri sebentar di hadapan setiap potongan ayat Al-Qur'an sebelum kita meninggalkan bumi ini menuju ke langit.

وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِيَ مِن فَوْقِهَا

"Dan Dia ciptakan di atas bumi gunung-gunung yang teguh."(10)

Pada ayat-ayat yang lain diterangkan bahawa sebab diadakan gunung yang teguh itu ialah supaya bumi menjadi teguh tidak bergoyang, dengan erti gunung-ganang itulah yang meneguhkan kedudukan bumi dan memelihara imbangannya supaya tidak bergoyang. Satu zaman telah berlalu, di mana bumi terapung-apung di angkasaraya tanpa bersandar kepada sesuatu apa. Mungkin mereka terkejut pada pertama kalinya apabila dikatakan begitu dan mungkin pula ada di antara mereka menjeling kiri kanan kerana takut bumi ini bergoyang-goyang atau jatuh ke dalam gaung angkasaraya. Tetapi bertenanglah kerana tangan qudrat Allah memegangnya supaya ia dan langit tidak jatuh dan kerana undang-undang yang mengadilikan alam buana ini amat kukuh kerana ia dari ciptaan Allah Yang Maha Kuat dan Maha Perkasa.

Marilah kita kembali pula kepada gunung-ganang yang disifatkan oleh Al-Qur'an sebagai teguh dan meneguhkan kedudukan bumi supaya, tidak bergoyang. Sebagaimana telah kami jelaskan di satu tempat yang lain dari tafsir ini bahawa barangkali gunung-ganang itulah yang menjaga imbangan di antara tanah-tanah rendah di lautan-lautan dengan tanah-tanah tinggi di bumi supaya tidak bergoyang.

Dengarlah seorang ahli sains berkata:

"Setiap kejadian yang berlaku di bumi sama ada di permukaan atau di bawah permukaannya, yang

---

3 *Sumber yang sama.*

mana kesannya boleh memindahkan sesuatu benda dari satu tempat ke satu tempat yang lain adalah menjejaskan kederasan peredarannya. Pasang surut air itu bukanlah satu faktor tunggal yang melambatkan kederasan bumi, malah air yang dipindahkan oleh sungai-sungai dari satu sudut bumi ke satu sudut yang lain juga menjejaskan kederasan peredaran bumi. Angin-angin yang berpindah juga menjejaskan kederasan peredaran bumi, kemantapan yang berlaku di dasar-dasar taut dan timbulnya sesuatu kawasan di permukaan bumi di sana sini boleh menjejaskan kederasan peredaran bumi. Dan di antara sebab yang menjejaskan kederasan bumi ialah apabila bumi mengembang atau menguncup kerana sesuatu sebab walaupun penguncupan dan pengembangan itu hanya sedikit sahaja iaitu tidak lebih atau kurang dari beberapa kaki sahaja."[4]

Bagi bumi yang sensitif begini, tentulah tidak menghairankan jika gunung-ganang yang teguh itu berfungsi sebagai penjaga imbangannya dan pengawal yang menghalangkannya dari bergoyang seperti yang telah diterangkan oleh Al-Qur'an sejak empat belas abad yang silam.

وَبَٰرَكَ فِيهَا وَقَدَّرَ فِيهَآ أَقْوَٰتَهَا

"Serta memberkatinya dan menentukan kadar-kadar makanan (kepada penghuni-penghuninya)."(10)

Ayat ini telah memindahkan kepada fikiran orang-orang yang terdahulu dari kita gambaran tanaman yang subur di bumi dan gambaran logam-logam yang berguna seperti emas, perak, besi dan sebagainya yang disembunyikan Allah di dalam perut bumi, tetapi pada hari ini selepas Allah menunjukkan kepada manusia berbagai-bagai benda dari limpah keberkatannya di bumi dan berbagai-bagai benda dari aneka makanan yang tersimpan di bumi sekian lama, maka pengertian ayat ini telah meluas berganda-ganda di dalam fikiran kita.

Kita telah pun melihat bagaimana anasir-anasir udara bekerjasama mewujudkan air, bagaimana air, udara, matahari dan angin ribut bekerjasama mewujudkan tanah yang boleh ditanam dan bagaimana air, matahari dan angin ribut bekerjasama mewujudkan hujan yang menjadi sumber seluruh air tawar sama ada dalam bentuk sungai-sungai yang nampak atau dalam bentuk sungai-sungai yang tidak nampak, iaitu sungai-sungai yang lahir dalam bentuk matair-matair dan perigi-perigi. Semuanya ini merupakan dari asas-asas keberkatan dan makanan.

Di sana ada udara dan dari udaralah wujudnya pernafasan kita dan tubuh badan kita.

"Bumi merupakan sebiji bola yang dibaluti kulit dari batu, dan kebanyakan batu itu pula dibaluti lapisan air, kemudian batu dan air itu pula dibaluti lapisan udara iaitu satu lapisan gas yang tebal seperti laut yang mempunyai pedalaman-pedalamannya. Dan di pedalaman inilah kita umat manusia, haiwan-haiwan dan tumbuh-tumbuhan hidup senang-lenang.

"Dari udara kita mengambil pernafasan kita iaitu dari oksigennya, dan dari udara tumbuh-tumbuhan membina jisimnya iaitu dari karbon dioksidanya. Dari karbon dioksida itulah tumbuh-tumbuhan membina jisimnya. Kemudian kita makan tumbuh-tumbuhan itu dan makan pula binatang-binatang yang makan tumbuh-tumbuhan. Dan dari tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang inilah kita membina jisim kita. Yang tinggal dari gas-gas udara ialah nitrogen. Gas ini ialah untuk menipiskan oksigen supaya kita tidak terbakar dengan nafas-nafas kita. Yang tinggal ialah wap air untuk mendinginkan udara. Yang tinggal lagi ialah sekumpulan gas-gas yang terdapat dengan kadar-kadar yang kecil dalam udara iaitu argon, helium, neon dan lain-lain kemudian hidrogen. Semua gas-gas ini tertinggal di udara dari saki-baki penciptaan bumi yang pertama."[5]

Bahan-bahan yang kita makan dan yang kita mengambil manfa'at darinya dalam kehidupan kita semuanya cantuman-cantuman dari anasir-anasir asli yang dikandungi bumi di dalam perutnya atau di dalam udaranya. Sebagai contoh ialah gula, apakah gula? Gula adalah cantuman dari karbon, hidrogen dan oksigen. Air pula tersusun dari hidrogen dan oksigen. Demikianlah segala sesuatu yang kita guna dari makanan, minuman, pakaian atau alat adalah semuanya merupakan cantuman dari anasir-anasir yang tersimpan di bumi.

Semuanya ini hanya menunjukkan secebis keberkatan dan penentuan makanan yang dikurniakan Allah yang disempurnakan dalam masa empat hari, iaitu peringkat-peringkat masa yang amat panjang, iaitu hari-hari Allah yang tiada siapa mengetahui kadarnya melainkan Dia.

ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِىَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ
ٱئْتِيَا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا قَالَتَآ أَتَيْنَا طَآئِعِينَ ﴿١١﴾
فَقَضَىٰهُنَّ سَبْعَ سَمَٰوَاتٍ فِى يَوْمَيْنِ وَأَوْحَىٰ فِى كُلِّ
سَمَآءٍ أَمْرَهَا ۚ وَزَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِمَصَٰبِيحَ وَحِفْظًا ۚ
ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿١٢﴾

"Kemudian Dia menuju ke langit dan pada ketika itu ia masih berupa asap, lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi: Junjunglah kedua kamu perintah-Ku sama ada dengan kerelaan hati atau dengan terpaksa. Jawab kedua-duanya: Kami junjung perintah-Mu dengan kerelaan hati

---

[4] *Sumber yang sama.*

[5] *Sumber yang sama.*

(11). Lalu Dia jadikan tujuh langit dalam masa dua hari dan Dia wahyukan kepada setiap langit urusannya masing-masing. Dan Kami telah menghiaskan langit yang dekat dengan bintang-bintang yang terang dan memeliharakannya dengan sebaik-baiknya. Itulah perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(12)

Dimaksudkan dengan "استواء" (istiwa') di sini ialah "menuju", dan menuju bagi Allah ialah penentuan iradat- Nya. Kata-kata "ثم" (kemudian) dalam ayat ini mungkin tidak dimaksudkan dengan erti tertib masa, tetapi dimaksudkan dengan erti peningkatan yang niskala kerana langit pada tanggapan perasaan adalah lebih luhur dan lebih tinggi.

ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِىَ دُخَانٌ

"Kemudian Dia menuju ke langit dan pada ketika itu ia masih berupa asap."(11)

Di sana terdapat kepercayaan bahawa sebelum bintang-bintang ini wujud, di sana terdapat kepulan gas yang dipanggil nebula iaitu asap.

> "Nebula-nebula - sama ada yang cerah atau yang gelap - adalah saki-baki dari penciptaan bintang-bintang. Menurut teori penciptaan: Galaksi atau gugusan-gugusan bintang itu adalah berasal dari gas dan debu. Dari paduan gas dan debu yang menebal dan memekat inilah terjadinya bintang-bintang yang kemudian meninggal saki-baki, dan dari saki-baki inilah terjadinya nebula. Dan dari saki-baki gas dan debu itu masih bertaburan dalam galaksi yang amat luas itu iaitu sebanyak gas dan debu yang telah membentuk bintang itu. Dan kini bintang-bintang masih menarik gas dan debu kepadanya dengan daya tarikannya. Bintang-bintang itu menyapu langit dan gas dan debu-debu itu, tetapi walaupun bilangan penyapu-penyapu, itu begitu banyak, namun masih dikira amat kecil jika dibandingkan dengan kawasan yang amat luas yang hendak disapukannya".[6]

Pendapat ini boleh jadi betul kerana ia lebih dekat dengan pengertian ayat Al-Qur'an:

ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِىَ دُخَانٌ

"Kemudian Dia menuju ke langit dan pada ketika itu ia masih berupa asap."(11)

Juga lebih dekat dengan keterangan Al-Qur'an bahawa penciptaan langit itu mengambil masa yang lama iaitu, dalam masa dua hari dari hari-hari Allah.

Kemudian kita berdiri pula di hadapan satu hakikat yang amat besar:

فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ ٱئْتِيَا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا قَالَتَآ أَتَيْنَا طَآئِعِينَ ﴿١١﴾

"Lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi: Junjunglah kedua kamu perintah-Ku sama ada dengan kerelaan hati atau dengan terpaksa. Jawab kedua-duanya: Kami junjung perintah-Mu dengan kerelaan hati."(11)

Ini adalah satu isyarat yang menarik yang membayangkan kepatuhan alam buana kepada undang-undang Ilahi, juga membayangkan adanya hubungan alam buana dengan Penciptanya iaitu hubungan ta'at dan menyerah kepada perintah dan kehendak iradat-Nya. Di sini jelaslah bahawa di sana tiada makhluk yan lain melainkan hanya makhluk insan sahaja yang ta'at secara terpaksa kepada undang-undang Ilahi pada kebanyakan waktu. Memanglah manusia itu pasti tunduk kepada undang-undang Ilahi ini, kerana dia tidak berupaya menentang undang-undang itu. Dia hanya satu piring yang kecil di dalam roda alam buana yang besar, dan seluruh undang-undang alam sentiasa berlaku di atasnya sama ada dia suka atau tidak suka, namun begitu dia sahaja yang tidak patuh kepada Allah seperti patuhnya bumi dan langit. Dia cuba melepaskan diri dan menyeleweng dari jalan yang lemah-lembut, dan akibatnya dia berlanggar dengan undang-undang yang pasti mengalahkannya dan kadang-kadang menghancurkannya, oleh sebab itu ia menyerah dan tunduk tanpa ta'at kecuali hamba-hamba Allah yang seluruh hati, gerak-geri, pemikiran, kemahuan, keinginan dan kecenderungan mereka berada dalam hubungan damai dan baik dengan undang-undang Ilahi. Merekalah sahaja yang datang dengan patuh dan berjalan dengan lemah-lembut bersama roda alam yang besar menuju kepada Allah yang berhubung rapat dengan-Nya dengan segala kekuatan yang ada padanya, ketika itu mereka dapat melakukan mu'jizat-mu'jizat kerana mereka berbaik dengan undang-undang Ilahi dan mengambil kekuatan-Nya dari kekuatan undang-undang itu. Mereka adalah dari undang-undang Ilahi dan undang-undang Ilahi menyelubungi mereka di dalam perjalanan menuju kepada Allah dengan penuh keta'atan.

Kita insan tunduk kepada Allah secara terpaksa, sepatutnya kita tunduk dengan sukarela, sepatutnya kita menjunjung perintah Ilahi sama seperti bumi dan langit menjunjungnya, iaitu menjunjung dengan rela dan gembira sama seperti roh alam al-wujud yang sentiasa tunduk, patuh dan menyerah kepada Allah.

Kita kadang-kadang membuat gerak-geri yang lucu. Roda taqdir Ilahi berpusing mengikut caranya, mengikut kederasannya dan mengikut arah tujuannya. Roda taqdir itu memusingkan seluruh alam buana bersamanya mengikut undang-undang yang tetap, tiba-tiba kita datang mahu berjalan cepat atau berjalan lambat di tengah angkatan alam buana yang besar itu. Jiwa kita mengalami keluh-kesah, gopoh, tamak, kepingin dan cemas apabila kita berpisah dari roda alam dan menyimpang dari jalan yang lurus dan kita sesat di sana sini, kita bergesel dengan penyekat ini dan penutup itu menyebabkan kita merasa sakit, kita berlanggar di sana sini, menyebabkan kita hancur sedangkan roda alam berpusing terus mengikut kederasannya dan mengikut caranya menuju

[6] *Sumber yang sama.*

matlamatnya, sementara seluruh kekuatan dan tenaga kita hilang percuma. Tetapi apabila hati kita benar-benar beriman dan patuh kepada Allah dan benar-benar berhubung rapat dengan roh alam al-wujud, nescaya kita dapat mengetahui hakikat peranan kita, dan kita dapat menyesuaikan langkah-langkah kita dengan langkah-langkah taqdir Ilahi dan kita dapat bergerak dalam masa yang sesuai dengan kederasan yang sesuai dan sejauh yang sesuai. Kita akan bergerak dengan kekuatan alam al-wujud seluruhnya, iaitu kekuatan yang diambil dari Pencipta alam al-wujud. Kita akan dapat melakukan kerja-kerja yang besar tanpa dipengaruhi perasaan sombong dan angkuh kerana kita tahu di mana sumber kekuatan yang membolehkan kita melaksanakan kerja-kerja yang besar itu. Kita yakin bahawa kekuatan itu bukan kekuatan kita. Kekuatan alam itu kuat kerana ia berhubung dengan kekuatan Ilahi yang agung.

Alangkah besarnya keredhaan, kebahagiaan, kerehatan dan ketenteraman yang menyelubungi hati kita pada hari itu dalam perjalanan hidup kita yang pendek di bumi yang patuh kepada Allah, iaitu bumi yang berjalan bersama kita dalam perjalanannya menuju kepada Allah.

Alangkah besarnya kesejahteraan dan kedamaian yang melimpah dalam jiwa kita ketika kita hidup di alam yang mesra dan patuh kepada Allah bersama-sama dengan kita. Langkah-langkah kita tidak sumbang dari langkah-langkahnya. Dia tidak berseteru dengan kita dan kita tidak berseteru dengannya kerana kita dari dia dan kerana kita bersama dia menuju satu arah:

قَالَتَآ أَتَيۡنَا طَآئِعِينَ ١١
فَقَضَىٰهُنَّ سَبۡعَ سَمَٰوَاتٖ فِي يَوۡمَيۡنِ وَأَوۡحَىٰ فِي كُلِّ
سَمَآءٍ أَمۡرَهَاۚ

"Jawab kedua-duanya: Kami junjung perintah-Mu dengan kerelaan hati.(11) Lalu Dia jadikan tujuh langit dalam masa dua hari dan Dia wahyukan kepada setiap langit urusannya masing-masing."(12)

Dua hari yang dimaksudkan di sini mungkin dua hari di mana terjadinya bintang-bintang dari nebula-nebula itu atau sempurnanya pembentukan bintang-bintang itu sebagaimana yang diketahui Allah. Maksud wahyu kepada setiap langit itu mengisyaratkan kepada penguatkuasaan undang-undang Ilahi pada langit itu, iaitu undang-undang dari bimbingan dan arahan Allah. Langit manakah yang dimaksudkan di sini? Kita tidak dapat menentukannya. Mungkin satu darjah kejauhan merupakan satu langit dan mungkin satu galaksi merupakan satu langit dan mungkin galaksi-galaksi yang terletak dalam jarak-jarak jauh yang berlainan itu merupakan beberapa langit dan mungkin pula pengertian-pengertiannya lain dari ini, iaitu pengertian-pengertian yang dapat ditanggung oleh kata-kata langit dan pengertian-pengertian itu memang banyak.

وَزَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنۡيَا بِمَصَٰبِيحَ وَحِفۡظٗاۚ

"Dan Kami telah menghiaskan langit yang dekat dengan bintang-bintang yang terang dan memeliharakannya dengan sebaik-baiknya."(12)

Langit yang dekat itu juga tidak mempunyai satu pengertian yang terbatas mungkin maksudnya ialah galaksi-galaksi yang terdekat kepada kita yang terkenal dengan nama Bima Sakti (Milky Way) yang ukuran garis pusatnya ialah seribu juta tahun cahaya, dan mungkin pula maksudnya lain dari galaksi itu iaitu satu galaksi dari galaksi yang boleh dipanggil langit yang mengandungi bintang-bintang dan planet-planet yang cerah seperti lampu-lampu.

وَحِفۡظٗاۚ

"Dan memeliharakannya dengan sebaik-baiknya."(12)

Yakni Allah memeliharakan langit itu dari syaitan-syaitan sebagaimana diterangkan di tempat-tempat yang lain di dalam Al-Qur'an. Dan kita tidak dapat memperkatakan tentang syaitan itu dengan terperinci lebih dari keterangan sepintas lalu yang diberikan oleh Al-Qur'an. Ini pun sudah cukup untuk kita.

ذَٰلِكَ تَقۡدِيرُ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡعَلِيمِ ١٢

"Itulah perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(12)

Yakni tiada yang mengatur perencanaan, pengendalian dan pentadbiran seluruh alam al-wujud melainkan Allah Yang Maha Perkasa, Maha Kuat, Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui dengan segala punca dan sumber.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 18)

Setelah menjelajah ke alam buana yang luas itu, bagaimana pula pendirian orang-orang yang kafir terhadap Allah dan yang mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya? Bagaimana sikap mereka, sedangkan langit dan bumi telah pun menyatakan pendirian mereka masing-masing kepada Allah?

أَتَيۡنَا طَآئِعِينَ ١١

"Kami junjung perintah-Mu dengan kerelaan hati."(11)

Sementara manusia yang kecil seperti semut yang bergerak di bumi mengingkarkan Allah dengan angkuh dan sewenang-wenang. Apakah balasan keangkuhan dan kesewenangan ini?

فَإِنۡ أَعۡرَضُواْ فَقُلۡ أَنذَرۡتُكُمۡ صَٰعِقَةٗ مِّثۡلَ صَٰعِقَةِ
عَادٖ وَثَمُودَ ١٣

إِذْ جَآءَتْهُمُ ٱلرُّسُلُ مِنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ
أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۖ قَالُوا۟ لَوْ شَآءَ رَبُّنَا لَأَنزَلَ مَلَٰٓئِكَةً
فَإِنَّا بِمَآ أُرْسِلْتُم بِهِۦ كَٰفِرُونَ ﴿١٤﴾
فَأَمَّا عَادٌ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ وَقَالُوا۟
مَنْ أَشَدُّ مِنَّا قُوَّةً ۖ أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِى خَلَقَهُمْ
هُوَ أَشَدُّ مِنْهُمْ قُوَّةً ۖ وَكَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿١٥﴾
فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِىٓ أَيَّامٍ نَّحِسَاتٍ
لِّنُذِيقَهُمْ عَذَابَ ٱلْخِزْىِ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ
ٱلْـَٔاخِرَةِ أَخْزَىٰ ۖ وَهُمْ لَا يُنصَرُونَ ﴿١٦﴾
وَأَمَّا ثَمُودُ فَهَدَيْنَٰهُمْ فَٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْعَمَىٰ عَلَى ٱلْهُدَىٰ
فَأَخَذَتْهُمْ صَٰعِقَةُ ٱلْعَذَابِ ٱلْهُونِ بِمَا كَانُوا۟
يَكْسِبُونَ ﴿١٧﴾
وَنَجَّيْنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿١٨﴾

"Jika mereka berpaling, maka katakanlah kepada mereka: Aku memberi amaran kepada kamu dengan 'azab petir yang sama dengan 'azab petir yang membinasakan kaum 'Ad dan kaum Thamud (13). Ketika rasul-rasul datang kepada mereka dari hadapan dan dari belakang mereka (seraya menyeru): Janganlah kamu menyembah melainkan Allah. Jawab mereka: Jika Tuhan kami kehendaki tentulah Dia akan menurunkan malaikat. Kerana itu kami tidak percaya terhadap agama yang kamu telah diutuskan membawanya (14). Adapun kaum 'Ad mereka telah berlagak angkuh di bumi tanpa alasan yang benar dan mereka berkata: Siapakah yang lebih kuat dari kami? Apakah tidak mereka melihat bahawa Allah yang telah menciptakan mereka adalah lebih kuat dari mereka? Dan mereka tetap mengingkari ayat-ayat Kami (15). Lalu Kami lepaskan ke atas mereka ribut yang amat kencang selama beberapa hari yang penuh sengsara kerana Kami hendak membuat mereka merasakan 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih menghinakan lagi, dan mereka tidak akan diberi pertolongan (16). Dan adapun kaum Thamud pula, Kami telah memberi hidayat kepada mereka, tetapi mereka mengutamakan kebutaan (kesesatan) dari hidayat, lalu mereka disambar petir 'azab yang amat menghinakan dengan sebab dosa yang dilakukan mereka (17). Dan Kami telah menyelamatkan orang-orang yang beriman dan mereka adalah orang-orang yang bertaqwa."(18)

Amaran yang menakutkan ini:

أَنذَرْتُكُمْ صَٰعِقَةً مِّثْلَ صَٰعِقَةِ عَادٍ وَثَمُودَ ﴿١٣﴾

"Aku memberi amaran kepada kamu dengan 'azab petir yang sama dengan 'azab petir yang membinasakan kaum 'Ad dan kaum Thamud"(13)

adalah sesuai dengan keburukan dosa kekufuran yang besar dan keji, juga sesuai dengan sikap takbur kaum Musyrikin yang diceritakan di permulaan surah ini, dan seterusnya sesuai dengan sikap manusia-manusia kafir yang keluar dari barisan angkatan alam buana yang besar yang disebut sebelum amaran ini.

Kesan Ayat Amaran Surah Ini Kepada Seorang Pembesar Quraysy 'Utbah Ibn Rabi'ah

Ibn Ishaq telah meriwayatkan kisah amaran ini katanya: Aku telah diceritakan oleh Yazid ibn Ziad dari Muhammad ibn Ka'b al-Qarzi katanya: Aku telah diceritakan bahawa 'Utbah ibn Rabi'ah salah seorang pembesar telah berkata semasa ia duduk di majlis perhimpunan orang-orang Quraysy, sedangkan Rasulullah s.a.w. duduk seorang diri sahaja di dalam masjid: "Wahai kaum Quraysy! Sukakah kamu jika saya pergi menemui Muhammad dan berbicara dengannya dan mengemukakan beberapa tawaran kepadanya semoga dia dapat menerima setengah-setengahnya, dan dapatlah kita berikan kepadanya apa sahaja yang dia suka supaya dia berhenti dari menyakiti kita?" Peristiwa ini berlaku selepas Hamzah memeluk Islam dan mereka melihat bilangan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. semakin bertambah ramai. Jawab mereka: "Kami setuju, wahai Abul-Walid! Pergilah kepadanya dan berbicaralah dengannya!" Lalu 'Utbah pun bangkit dan terus pergi menemui beliau. Dia duduk mengadap Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai anak saudaraku! Sebagaimana anda tahu, anda ini adalah dari kaum kami. Anda mempunyai kedudukan yang terhormat di kalangan keluarga dan darjat yang tinggi dalam keturunan. Anda telah membawa kepada kaum anda satu ajaran yang besar. Dengan ajaran ini anda telah memecah-belahkan perpaduan mereka, membodoh-bodohkan akal fikiran mereka, mencaci tuhan-tuhan mereka dan agama mereka, mengkafirkan datuk nenek mereka. Oleh itu dengarlah cakap saya. Saya mahu kemukakan beberapa tawaran untuk difikirkan anda semoga anda boleh menerima setengah-setengahnya." Jawab Rasulullah s.a.w. "Baiklah! Wahai Abul-Walid! Cakaplah! Saya bersedia mendengarnya." Lalu 'Utbah pun berkata "Wahai anak saudaraku! Jika tujuan anda membawa ajaran ini untuk mendapatkan harta kekayaan, kami sanggup mengumpulkan harta kekayaan kami hingga anda dapat menjadi seorang yang paling kaya di kalangan kami. Dan jika tujuan anda ialah untuk mendapatkan darjat kemuliaan, kami sanggup melantikkan anda sebagai ketua kami dan kami tidak akan membuat sebarang keputusan tanpa persetujuan anda. Dan jika tujuan anda ialah untuk menjadi raja, kami bersedia melantik anda sebagai raja kami. Dan andainya ajaran yang datang kepada anda itu dari rasukan jin yang tidak dapat ditolak oleh anda, maka kami bersedia mencari dukun-dukun dan kami akan membelanjakan harta kami hingga anda sembuh darinya, kerana kadang-kadang jin itu akan

terus mengongkong seseorang hingga ia diubati." Setelah 'Utbah tamat berbicara dan Rasulullah s.a.w. mendengarnya, beliau pun bersabda: "Sudahkah habis apa yang hendak dikatakan anda, wahai Abul Walid?" Jawabnya: "Ya." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Dengarlah pula dari saya". Jawabnya: "Silalah." Lalu (beliau membaca) ...

قال: ((بسم الله الرحمن الرحيم . حم . تنزيل من الرحمن الرحيم . كتاب فصلت آياته قرآناً عربياً لقوم يعلمون . بشيراً ونذيراً فأعرض أكثرهم فهم لا يسمعون))

Kemudian Rasulullah s.a.w. meneruskan bacaannya dan 'Utbah mendengarnya dengan teliti. Dia menghulurkan dua tangannya ke belakang menongkatkan badannya mendengar bacaan itu. Kemudian bacaan Rasulullah s.a.w. berakhir kepada ayat sujud (ayat 38), lalu beliau pun sujud. Setelah itu beliau bersabda: "Wahai Abul-Walid! Anda telah mendengar apa yang saya baca terserahlah kepada anda menimbangkannya". Lalu 'Utbah pun kembali kepada sahabat-sahabatnya. Mereka berkata satu sama lain "Kami bersumpah dengan nama Allah bahawa Abul-Walid telah balik kepada kamu dengan muka yang berlainan dari mukanya sewaktu ia pergi." Apabila 'Utbah duduk mengadap mereka, mereka pun bertanya, "Apa berita, wahai Abul-Walid?" Jawab 'Utbah: "Beritanya aku telah mendengar perkataan-perkataan, yang tidak pernah aku mendengar sepertinya. Demi Allah perkataan-perkataan itu bukannya perkataan-perkataan sihir, bukannya perkataan-perkataan sajak, bukan pula perkataan-perkataan jampi mentera kahin. Wahai sekalian orang-orang Quraysy! Ikutlah cakap saya, biarkanlah lelaki ini (Muhammad) dengan keadaannya yang ada sekarang, jangan ganggu dia. Demi Allah perkataan-perkataan yang telah aku dengar darinya itu akan melahirkan satu peristiwa yang besar. Jika orang-orang Arab bertindak di atasnya bererti kamu telah terselamat darinya dengan tindakan orang-orang yang lain dari kamu. Dan sebaliknya jika dia dapat menguasai orang-orang Arab, maka kerajaannya bererti kerajaan kamu, kemuliaan dan kekuasaannya bererti kemuliaan dan kekuasaan kamu dan kamu akan menjadi umat yang paling bahagia dengan sebabnya." Lalu mereka berkata: "Demi Allah, wahai Abul-Walid! Awak telah disihirkan oleh kepetahan (lidahnya)". Jawab Abul-Walid: "Ini adalah pendapatku dan kamu boleh buat apa yang kamu suka."

Al-Baghawi telah meriwayatkan dalam tafsirnya sebuah hadis dengan sanadnya dari Muhammad ibn Fudhail dari al-Ajlah iaitu anak Abdullah al-Kindi al-Kufi ujar Ibn Kathir: Dia yang telah disifatkan sedikit (lemah) dari az-Zayal ibn Harmalah dari Jabir ibn Abdullah r.a. hingga apabila bacaan Nabi s.a.w. sampai kepada ayat:

فَإِنْ أَعْرَضُوا۟ فَقُلْ أَنذَرْتُكُمْ صَٰعِقَةً مِّثْلَ صَٰعِقَةِ عَادٍ وَثَمُودَ ﴿١٣﴾

"Jika mereka berpaling, maka katakanlah kepada mereka: Aku memberi amaran kepada kamu dengan 'azab petir yang sama dengan 'azab petir yang membinasakan kaum 'Ad dan kaum Thamud"(13)

maka 'Utbah terus memegang mulut Nabi s.a.w. dan memohon demi hubungan kekeluargaan (supaya beliau tidak mengeluarkan amaran itu) kemudian dia pulang ke rumah dan tidak keluar mendapatkan orang-orang Quraysy. Dia terus berkurung dari mereka... sehingga akhir.

Kemudian apabila mereka (orang-orang Quraysy) bertanya 'Utbah tentang hal ini dia pun mencerita, "Aku pegang mulutnya dan memohon demi hubungan kekeluargaan (supaya beliau tidak mengeluarkan amaran itu) kerana sebagaimana kamu tahu bahawa Muhammad itu jika dia berkata, dia tidak bohong, oleh itu aku takut kamu ditimpa 'azab."

Inilah gambaran kesan amaran ini yang terbit dari mulut Rasulullah s.a.w. ke atas hati seorang yang tidak beriman. Dan sebelum kita meninggalkan riwayat ini eloklah kita berdiri sebentar di hadapan gambaran Rasulullah s.a.w. yang memperlihatkan jiwanya yang begitu besar dan hatinya yang begitu tenang mendengar 'Utbah berbicara dan mengemukakan tawaran-tawarannya yang kerdil itu, sedangkan hati belia dipenuhi dengan tugas yang lebh besar dari apa yang ditawarkannya hingga tawaran-tawaran tu kelihatan amat menjijikkan, namun demikian beliau sanggup mendengarnya dengan sabar, tenang dan mesra. Beliau tidak segera menyampuk dan mengganggu 'Utbah dari meneruskan pembicaraannya mengemukakan tawaran-tawarannya yang kerdil itu sehingga apabila 'Utbah seleai berbicara,beliau terus bertanya dengan tenang dan dengan hati yang lapang: "Sudahkah habis apa yang hendak dikatakan anda, wahai Abul-Walid?" Jawabnya: "Ya." Lalu beliau bersabda: "Dengarlah pula dari saya." Dan beliau tidak terus berkata hingga 'Utbah berkata silalah dan ketika itu barulah beliau membaca dengan hati yang penuh yakin, sabar dan penuh semangat iaitu membaca firman Tuhannya bukan perkataannya:

بسم الله الرحمن الرحيم . حم .....

Itulah sifat Rasulullah s.a.w. yang menimbulkan rasa hebat, kepercayaan, kemesraan dan ketenangan di dalam hati seseorang. Oleh sebab itulah beliau dapat menguasai hati para pendegarnya yang pada mulanya datang menemui beliau dengan maksud untuk mempermain-mainkan beliau atau untuk meluahkan dendam mereka. Amatlah tepat firman Allah Yang Maha Besar:

ٱللَّهُ أَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ رِسَالَتَهُۥ

"Allah itu amat mengetahui di mana hendak meletakkan risalah-Nya."

(Surah al-An'am: 124)

Marilah pula kita kembali kepada ayat Al-Qur'an selepas keberhentian sejenak ini:

فَإِنْ أَعْرَضُوا۟ فَقُلْ أَنذَرْتُكُمْ صَـٰعِقَةً مِّثْلَ صَـٰعِقَةِ
عَادٍ وَثَمُودَ ﴿١٣﴾

"Jika mereka berpaling, maka katakanlah kepada mereka: Aku memberi amaran kepada kamu dengan 'azab petir yang sama dengan 'azab petir yang membinasakan kaum 'Ad dan kaum Thamud."(13)

Ini adalah satu pengembaraan melihat kebinasaan-kebinasaan yang telah menimpa umat-umat di zaman dahulu setelah mengembara melihat kerajaan langit dan bumi, iaitu satu pengembaraan yang menggoncangkan hati manusia-manusia yang angkuh apabila melihat kebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang angkuh:

إِذْ جَآءَتْهُمُ ٱلرُّسُلُ مِنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ
أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۖ

"Ketika rasul-rasul datang kepada mereka dari hadapan dan dari belakang mereka (seraya menyeru): Janganlah kamu menyembah melainkan Allah."(14)

Itulah seruan yang sama yang dibawa oleh para rasul seluruhnya yang menjadi landasan setiap agama Samawi:

قَالُوا۟ لَوْ شَآءَ رَبُّنَا لَأَنزَلَ مَلَـٰٓئِكَةً فَإِنَّا بِمَآ أُرْسِلْتُم
بِهِۦ كَـٰفِرُونَ ﴿١٤﴾

"Jawab mereka: Jika Tuhan kami kehendaki tentulah Dia akan menurunkan malaikat. Kerana itu kami tidak percaya terhadap agama yang kamu telah diutuskan membawanya."(14)

Ini adalah satu kekeliruan yang berulang-ulang yang dihadapi oleh setiap rasul, sedangkan yang sebenarnya tidak sesuai bagi seorang rasul yang hendak berbicara dengan manusia melainkan dia itu pastilah dari jenis manusia juga yang mengenal mereka dan mereka mengenalinya, iaitu seorang yang dapat mereka jadikan contoh teladan di alam kenyataan, seorang yang dapat mengalami apa yang dialami mereka, tetapi kaum 'Ad dan kaum Thamud telah mengisytiharkan kekufuran mereka terhadap rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka, kerana rasul-rasul itu hanya manusia bukannya malaikat-malaikat seperti yang dicadangkan mereka.

Sehingga di sini Al-Qur'an menceritakan secara umum nasib kesudahan kaum 'Ad dan Thamud dan kedua-dua kisah itu sama sahaja, di mana kedua-dua kaum itu dibinasakan dengan 'azab petir.

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan kisah kebinasaan kedua-dua kaum itu dengan agak terperinci:

فَأَمَّا عَادٌ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ وَقَالُوا۟
مَنْ أَشَدُّ مِنَّا قُوَّةً ۖ

"Ada pun kaum 'Ad mereka telah berlagak angkuh di bumi tanpa alasan yang benar dan mereka berkata: Siapakah yang lebih kuat dari kami?"(15)

Yakni yang sebenarnya setiap hamba itu pastilah tunduk kepada Allah dan jangan berlagak angkuh dan sombong di bumi. Mereka terlalu kecil jika dibandingkan dengan kebesaran makhluk-makhluk Allah yang lain. Setiap sifat takbur dan sombong itu adalah satu sifat yang tidak benar. Mereka berlagak takbur dan terpedaya, mereka berkata:

مَنْ أَشَدُّ مِنَّا قُوَّةً ۖ

"Siapakah yang lebih kuat dari kami."

Ini adalah satu perasaan yang palsu yang dirasakan oleh manusia-manusia pelampau, iaitu perasaan yang membuat mereka merasa tiada kekuatan yang dapat menentang kekuatan mereka, sedangkan mereka lupa:

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِى خَلَقَهُمْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُمْ قُوَّةً ۖ

"Apakah tidak mereka melihat bahawa Allah yang telah menciptakan mereka adalah lebih kuat dari mereka?"(15)

Ini adalah satu hakikat yang dapat difahami dengan mudah bahawa ang menciptakan mereka adalah lebih kuat dari mereka. Dialah yang telah membolehkan mereka mendapat kekuatan yang terbatas itu, tetapi memanglah sifat para pelampu tidak mengambil peringatan:

وَكَانُوا۟ بِـَٔايَـٰتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿١٥﴾

"Dan mereka tetap mengingkari ayat-ayat Kami."(15)

Ketika mereka menunjukkan kekuatan otot-otot anggota mereka dan berbangga-bangga dengan kegagahan mereka, maka tiba-tiba di dalam ayat berikut ditunjukkan balasan kebinasaan yang setimpal dengan sifat angkuh yang keji itu:

فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِىٓ أَيَّامٍ نَّحِسَاتٍ
لِّنُذِيقَهُمْ عَذَابَ ٱلْخِزْىِ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ

"Lalu Kami lepaskan ke atas mereka ribut yang amat kencang selama beberapa hari yang penuh sengsara kerana Kami hendak membuat mereka merasakan 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia."(16)

Itulah ribut taufan yang amat kencang dan dingin melanda mereka selama beberapa hari yang penuh derita dan sengsara. Itulah balasan kehinaan dalam kehidupan dunia, iaitu kehinaan yang layak dengan manusia-manusia angkuh yang menunjukkan kesombongan mereka terhadap manusia yang lain.

Itulah 'azab di dunia, dan di Akhirat pula mereka tidak akan dibiarkan begitu sahaja.

وَلَعَذَابُ ٱلۡأٓخِرَةِ أَخۡزَىٰۖ وَهُمۡ لَا يُنصَرُونَ ١٦

"Dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih menghinakan lagi dan mereka tidak akan diberi pertolongan."(16)

وَأَمَّا ثَمُودُ فَهَدَيۡنَٰهُمۡ فَٱسۡتَحَبُّواْ ٱلۡعَمَىٰ عَلَى ٱلۡهُدَىٰ

"Dan adapun kaum Thamud pula, Kami telah memberi hidayat kepada mereka, tetapi mereka mengutamakan kebutaan (kesesatan) dari hidayat."(17)

Yang nampak jelas, ayat ini menunjukkan bahawa kaum Thamud telah menerima hidayat setelah mereka melihat, mu'jizat unta, kemudian mereka kembali menjadi kafir. Mereka lebih mengutamakan kesesatan dari hidayat, sedangkan kesesatan selepas menerima hidayat,itu adalah satu kebutaan yang lebih dahsyat dari buta yang lahir.

فَأَخَذَتۡهُمۡ صَٰعِقَةُ ٱلۡعَذَابِ ٱلۡهُونِ بِمَا كَانُواْ
يَكۡسِبُونَ ١٧

"Lalu mereka disambar petir 'azab yang amat menghinakan dengan sebab dosa yang dilakukan mereka."(17)

Kehinaan itu merupakan satu balasan-balasan yang paling sesuai. Jadi, bukan sahaja 'azab dan bukan sahaja kebinasaan tetapi ditambah pula dengan kehinaan sebagai balasan terhadap kesesatan selepas beriman.

وَنَجَّيۡنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَكَانُواْ يَتَّقُونَ ١٨

"Dan Kami telah menyelamatkan orang-orang yang beriman dan mereka adalah orang-orang yang bertaqwa."(18)

Dengan ini berakhirlah pengembaraan melihat kebinasaan kaum 'Ad dan Thamud. Dan berakhirlah mereka dengan kebinasaan yang ngeri dan terdedahlah kepada mereka hakikat kekuasaan Allah yang tidak dapat ditentang oleh mana-mana kekuatan dan tidak dapat diselamatkan oleh mana-mana kubu dan kuatkuasa yang menghapuskan setiap manusia yang takbur.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 24)

Dosa-dosa Manusia Akan Disaksi Oleh Anggotanya Sendiri Pada Hari Hisab

Kini setelah Al-Qur'an mendedahkan kepada mereka tentag hakikat kekuasaan Allah dalam fitrah alam buana dan hakikat kekuasaan Allah di dalam sejarah manusia, Al-Qur'an memperlihatkan pula kepada mereka, hakikat kekuasaan Allah pada tubuh badan mereka sendiri. Di mana mereka tidak dapat menguasainya sedikit pun dan tidak dapat melindungkan diri mereka sedikit pun dari kekuasaan Allah sehingga telinga, mata dan kulit-kulit mereka tetap patuh kepada Allah dan sanggup melanggar perintah mereka ketika mereka dihisab di mana anggota-anggota mereka menjadi saksi ke atas mereka:

وَيَوۡمَ يُحۡشَرُ أَعۡدَآءُ ٱللَّهِ إِلَى ٱلنَّارِ فَهُمۡ يُوزَعُونَ ١٩
حَتَّىٰٓ إِذَا مَا جَآءُوهَا شَهِدَ عَلَيۡهِمۡ سَمۡعُهُمۡ وَأَبۡصَٰرُهُمۡ
وَجُلُودُهُم بِمَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ٢٠
وَقَالُواْ لِجُلُودِهِمۡ لِمَ شَهِدتُّمۡ عَلَيۡنَاۖ قَالُوٓاْ أَنطَقَنَا ٱللَّهُ
ٱلَّذِيٓ أَنطَقَ كُلَّ شَيۡءٖۚ وَهُوَ خَلَقَكُمۡ أَوَّلَ مَرَّةٖ وَإِلَيۡهِ
تُرۡجَعُونَ ٢١
وَمَا كُنتُمۡ تَسۡتَتِرُونَ أَن يَشۡهَدَ عَلَيۡكُمۡ سَمۡعُكُمۡ وَلَآ
أَبۡصَٰرُكُمۡ وَلَا جُلُودُكُمۡ وَلَٰكِن ظَنَنتُمۡ أَنَّ ٱللَّهَ لَا يَعۡلَمُ
كَثِيرٗا مِّمَّا تَعۡمَلُونَ ٢٢
وَذَٰلِكُمۡ ظَنُّكُمُ ٱلَّذِي ظَنَنتُم بِرَبِّكُمۡ أَرۡدَىٰكُمۡ
فَأَصۡبَحۡتُم مِّنَ ٱلۡخَٰسِرِينَ ٢٣
فَإِن يَصۡبِرُواْ فَٱلنَّارُ مَثۡوٗى لَّهُمۡۖ وَإِن يَسۡتَعۡتِبُواْ فَمَا هُم
مِّنَ ٱلۡمُعۡتَبِينَ ٢٤

"Dan ingatlah hari di mana dikumpulkan musuh-musuh Allah untuk dibawa ke Neraka, lalu mereka dibahagi-bahagikan (19). Sehingga apabila tiba di Neraka, maka pendengaran, penglihatan dan kulit-kulit mereka menjadi saksi yang mengakui segala apa yang dilakukan mereka (20). Lalu mereka berkata kepada kulit-kulit mereka: Mengapa kamu menjadi saksi menentang kami? Jawab kulit-kulit itu, Allahlah yang telah menjadikan kami pandai bercakap. Dialah yang berkuasa menjadikan segala sesuatu pandai bercakap dan Dialah yang telah menciptakan kamu pada pertama kali dan kepada-Nya juga kamu dikembalikan (21). Dan kamu sama sekali tidak dapat menyembunyikan diri dari disaksikan oleh pendengaran kamu, penglihatan kamu dan kulit-kulit kamu, tetapi kamu telah menyangka bahawa Allah tidak mengetahui banyak dosa-dosa yang dilakukan kamu (22). Dan itulah sangkaan yang kamu sangkakan terhadap Tuhan kamu itu telah membinasakan diri kamu dan jadilah kamu dari golongan orang-orang yang rugi (23). Dan jika mereka boleh bersabar, maka Neraka akan menjadi tempat kediaman mereka dan jika mereka memohon keredhaan Allah, maka mereka bukanlah orang-orang yang wajar dikurniakan keredhaan."(24)

Itulah peristiwa yang amat memeranjatkan dalam situasi hisab yang amat gawat. Itulah kekuasaan Allah yang dipatuhi oleh seluruh anggota tubuh badan

mereka. Mereka yang disifatkan sebagai musuh-musuh Allah itu dihimpun dan dikumpul dari awal hingga akhir laksana kumpulan binatang ternakan, kemudian diseret menuju ke Neraka, dan apabila mereka berada di hadapan Neraka dan dijalankan upacara hisab tiba-tiba muncullah saksi-saksi yang tidak pernah diduga mereka. Lidah mereka kelu tidak dapat bercakap sedangkan selama ini ia sentiasa berdusta, berbohong dan mengejek. Tiba-tiba telinga, mata dan kulit-kulit mereka muncul melawan mereka kerana ta'at kepada Allah. Anggota-anggota itu membuka segala rahsia dosa-dosa yang disembunyikan mereka. Mula-mula mereka cuba bersembunyi dari Allah dan mereka menyangka Allah tidak nampak ketika mereka menyembunyikan niat-niat dan dosa-dosa mereka, sedangkan mereka tidak dapat bersembunyi dari mata, telinga dan kulit-kulit mereka, kerana anggota-anggota ini sentiasa bersama mereka, malah kerana anggota-anggota ini adalah sebahagian dari mereka. Kini anggota-anggota itu mendedahkan rahsia-rahsia yang selama ini disangkakan mereka tersembunyi dari pengetahuan seluruh manusia dan dari Allah Tuhan semesta alam.

Alangkah terperanjatnya mereka melihat kekuasaan Allah yang tersembunyi yang tiba-tiba menguasai anggota-anggota mereka lalu menyambut perintah Allah.

وَقَالُوا۟ لِجُلُودِهِمْ لِمَ شَهِدتُّمْ عَلَيْنَا ۖ

"Lalu mereka berkata kepada kulit-kulit mereka: Mengapa kamu menjadi saksi menentang kami?"(21)

Lalu anggota-anggota itu menerangkan hakikat yang tersembunyi dari pengetahuan mereka dengan terus-terang:

قَالُوٓا۟ أَنطَقَنَا ٱللَّهُ ٱلَّذِىٓ أَنطَقَ كُلَّ شَىْءٍ ۚ

"Jawab kulit-kulit itu: Allahlah yang telah menjadikan kami pandai bercakap. Dialah yang berkuasa menjadikan segala sesuatu pandai bercakap."(21)

Yakni bukankah Allah itulah yang telah menciptakan segala lidah yang boleh bercakap? Tentulah Dia juga berkuasa menjadikan anggota yang lain dari lidah itu dapat bercakap. Dia berkuasa menjadikan segala sesuatu itu dapat bercakap, dan pada hari Qiamat ini segala anggota itu bercakap memberi penerangan dan penjelasan.

وَهُوَ خَلَقَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢١﴾

"Dan Dialah yang telah menciptakan kamu pada pertama kali dan kepada-Nya juga kamu dikembalikan."(21)

Yakni semuanya kembali kepada Allah dan tiada siapa yang dapat melepaskan dirinya dari genggaman kekuasaan Allah di dunia dan di Akhirat. Inilah yang diingkarkan oleh akal mereka tetapi diakui oleh kulit-kulit mereka. Kemudian diiringi dengan satu ulasan yang mungkin merupakan saki-baki perkataan anggota-anggota mereka atau ia mungkin merupakan ulasan langsung terhadap pemandangan yang aneh itu:

وَمَا كُنتُمْ تَسْتَتِرُونَ أَن يَشْهَدَ عَلَيْكُمْ سَمْعُكُمْ وَلَآ أَبْصَـٰرُكُمْ وَلَا جُلُودُكُمْ

"Dan kamu sama sekali tidak dapat menyembunyikan diri dari disaksikan oleh pendengaran kamu, penglihatan kamu dan kulit-kulit kamu."(22)

Sama sekali tidak terlintas di hati kamu bahawa anggota-anggota kamu sendiri akan muncul menentang kamu dan kamu sama sekali tidak berupaya untuk melindungkan diri dari anggota-anggota itu jika kamu kehendaki.

وَلَـٰكِن ظَنَنتُمْ أَنَّ ٱللَّهَ لَا يَعْلَمُ كَثِيرًا مِّمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٢٢﴾

"Tetapi kamu telah menyangka bahawa Allah tidak mengetahui banyak dosa-dosa yang dilakukan kamu."(22)

Dan sangkaan yang jahil dan berdosa inilah yang telah membuat kamu tertipu dan membawa kamu ke Neraka:

وَذَٰلِكُمْ ظَنُّكُمُ ٱلَّذِى ظَنَنتُم بِرَبِّكُمْ أَرْدَىٰكُمْ فَأَصْبَحْتُم مِّنَ ٱلْخَـٰسِرِينَ ﴿٢٣﴾

"Dan itulah sangkaan yang kamu sangkakan terhadap Tuhan kamu itu telah membinasakan diri kamu dan jadilah kamu dari golongan orang-orang yang rugi."(23)

Kemudian diiringi dengan ulasan yang akhir:

فَإِن يَصْبِرُوا۟ فَٱلنَّارُ مَثْوًى لَّهُمْ ۖ

"Dan jika mereka boleh bersabar, maka Neraka akan menjadi tempat kediaman mereka."(24)

Alangkah pedihnya sendaan ini! Sabar yang disarankan sekarang ialah sabar untuk tinggal terus di dalam Neraka bukannya sabar yang akan membawa kepada pembebasan dan mendapat ganjaran yang baik. Sabar di sini ialah sabar menerima balasan Neraka sebagai tempat kediaman yang paling dahsyat.

وَإِن يَسْتَعْتِبُوا۟ فَمَا هُم مِّنَ ٱلْمُعْتَبِينَ ﴿٢٤﴾

"Dan jika mereka memohon keredhaan Allah, maka mereka bukanlah orang-orang yang wajar dikurniakan keredhaan."(24)

Di sana tidak ada lagi permohonan keredhaan dan tidak ada lagi peluang taubat. Biasanya orang yang memohon keredhaan itu memohon keampunan di sebaliknya setelah hilangnya punca-punca kemurkaan. Tetapi pada hari ini pintu permohonan keredhaan itu telah ditutup dan kerana itu tidak ada lagi keampunan dan keredhaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 29)

Percubaan-percubaan Untuk Menghapuskan Pengaruh Al-Qur'an

Kemudian Al-Qur'an menerangkan pula tentang kekuasaan Allah di atas hati mereka sendiri, sedangkan mereka masih berada di bumi dan berlagak angkuh dari beriman kepada Allah. Allah telah mengadakan untuk mereka setelah diketahuinya hati mereka telah menjadi begitu rosak teman-teman rapat yang jahat yang terdiri dari jin dan manusia. Teman-teman inilah yang telah menghiaskan segala kejahatan itu dipandang baik oleh mereka dan mengheretkan mereka ke dalam angkatan manusia yang telah ditetapkan Allah akan mendapat kerugian dan 'azab seksa:

وَقَيَّضْنَا لَهُمْ قُرَنَآءَ فَزَيَّنُوا۟ لَهُم مَّا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ
وَمَا خَلْفَهُمْ وَحَقَّ عَلَيْهِمُ ٱلْقَوْلُ فِىٓ أُمَمٍ قَدْ خَلَتْ
مِن قَبْلِهِم مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ ۖ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ خَٰسِرِينَ ﴿٢٥﴾

"Dan Kami adakan untuk mereka teman-teman rapat (syaitan) yang menghias indahkan perbuatan-perbuatan yang buruk di hadapan dan di belakang mereka. Dan telah ditetapkan ke atas mereka keputusan 'azab yang telah menimpa umat-umat jin dan manusia yang terdahulu dari mereka. Sesungguhnya mereka adalah dari golongan yang rugi."(25)

Lihatlah bagaimana mereka yang berada di dalam genggaman kekuasaan Allah itu bersikap sombong dari beribadat kepada-Nya, dan lihatlah bagaimana hati yang berada di dalam dada mereka itu sendiri yang mengheret mereka ke dalam 'azab dan kerugian. Allah telah mengada dan membawa teman-teman rapat yang jahat untuk menghasut dan menggoda mereka, juga menghias indahkan segala kejahatan di sekeliling mereka. Teman-teman inilah yang memuji baik segala perbuatan mereka hingga mereka tidak sedar kepada keburukan-keburukannya. Bala yang paling besar menimpa seseorang ialah apabila ia kehilangan kepekaan terhadap perbuatannya yang keji dan menyeleweng dan apabila ia melihat segala sesuatu yang terbit dari dirinya elok belaka! Inilah tempat kebinasaan dan inilah kaum yang sentiasa membawa kepada kemusnahan yang akhirnya akan membawa mereka ke dalam kumpulan manusia-manusia yang jahat, iaitu dalam kumpulan umat-umat yang jahat dari jin dan manusia yang telah dijanjikan Allah akan mendapat 'azab. Merekalah kumpulan-kumpulan orang-orang yang rugi:

إِنَّهُمْ كَانُوا۟ خَٰسِرِينَ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya mereka adalah dari golongan yang rugi."(25)

Di antara galakan teman-teman yang jahat itu ialah menghasut mereka supaya memerangi Al-Qur'an yang dirasakan mereka mempunyai pengaruh Yang amat kuat:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَسْمَعُوا۟ لِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ
وَٱلْغَوْا۟ فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini dan hapuskan pengaruhnya supaya kamu dapat mengatasi mereka."(26)

Itulah kata-kata pesanan oleh para pembesar Quraysy kepada diri mereka dan kepada orang ramai setelah mereka merasa lemah untuk menghadapi kesan-kesan dan pengaruh Al-Qur'an terhadap diri mereka dan orang ramai:

لَا تَسْمَعُوا۟ لِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ

"Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini."(26)

Kerana mereka mendakwa bahawa Al-Qur'an telah menyihirkan mereka, mengongkong akal mereka, merosakkan hidup mereka, memisahkan di antara bapa dan anak, di antara suami dan isteri. Memang tugas Al-Qur'an ialah memisah, tetapi ia memisah di antara iman dan kufur, di antara hidayat dan kesesatan. Al-Qur'an menarik seluruh hati mereka supaya bulat dan ikhlas kepada Allah sahaja dan jangan menghiraukan hubungan-hubungan yang lain. Itulah pemisahan yang dilakukan oleh Al-Qur'an.

وَٱلْغَوْا۟ فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan hapuskan pengaruhnya (dengan cacian) supaya kamu dapat mengatasi mereka."(26)

Ini adalah satu perbuatan mencaci, menghina yang tidak wajar, tetapi oleh sebab mereka tidak mampu menghadapi Al-Qur'an dengan kekuatan hujjah dan dalil-dalil, maka mereka menggunakan cara mencaci dan menghina kerana sombong dari beriman.

Mereka cuba menghapuskan pengaruh Al-Qur'an dengan kisah-kisah Aspandiar dan Rustom seperti yang dilakukan oleh Malik ibn an-Nadhr untuk memalingkan orang ramai dari Al-Qur'an. Mereka cuba menghapuskan pengaruh Al-Qur'an dengan membuat bising dan riuh rendah. Mereka cuba menghapuskan pengaruhnya dengan membaca sajak-sajak dan syair, tetapi semuanya sia-sia belaka dan Al-Qur'an terus menang kerana ia membawa rahsia kemenangan iaitu kebenaran. Kebenaran tetap menang walaupun ditentang hebat oleh musuhnya.

Sebagai jawapan kepada perkataan mereka yang keji itu Al-Qur'an memberi amaran:

فَلَنُذِيقَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ عَذَابًا شَدِيدًا وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ
أَسْوَأَ ٱلَّذِى كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢٧﴾
ذَٰلِكَ جَزَآءُ أَعْدَآءِ ٱللَّهِ ٱلنَّارُ ۖ لَهُمْ فِيهَا دَارُ ٱلْخُلْدِ ۖ جَزَآءًۢ

بِمَا كَانُوا بِـَٔايَـٰتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿٢٨﴾

"Sesungguhnya Kami akan membuat orang-orang yang kafir itu merasakan 'azab yang amat dahsyat dan Kami akan membalas mereka dengan seburuk-buruk balasan terhadap dosa-dosa yang dilakukan mereka (27). Itulah balasan Neraka kepada musuh-musuh Allah yang terdapat di dalamnya tempat kediaman yang kekal untuk mereka sebagai balasan terhadap perbuatan mereka yang mengingkarkan ayat-ayat Kami."(28)

Kemudian dengan pantas kita dapati mereka telah berada di dalam Neraka. Mereka begitu marah kerana ditipu oleh teman-teman karib hingga membawa mereka kepada kebinasaan ini:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا رَبَّنَآ أَرِنَا الَّذَيْنِ أَضَلَّانَا مِنَ
الْجِنِّ وَالْإِنسِ نَجْعَلْهُمَا تَحْتَ أَقْدَامِنَا لِيَكُونَا مِنَ
الْأَسْفَلِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan berkatalah orang-orang kafir: Wahai Tuhan kami! Tunjukkanlah kepada kami orang-orang yang telah menyesatkan kami dari jin dan manusia kerana kami mahu meletakkan mereka di bawah tapak kaki kami supaya mereka menjadi golongan yang paling bawah (hina)."(29)

Itulah pernyataan marah yang berkobar-kobar dan keinginan membalas dendam:

نَجْعَلْهُمَا تَحْتَ أَقْدَامِنَا لِيَكُونَا مِنَ الْأَسْفَلِينَ ﴿٢٩﴾

"Kami mahu meletakkan mereka di bawah tapak kaki kami supaya mereka menjadi golongan yang paling bawah (hina)."(29)

Ini berlaku setelah mereka berkawan baik dan menerima bisikan dan hiasan syaitan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 31)

Ini ialah satu hubungan menghasut dan menyesat dan di sana ada satu hubungan lagi iaitu hubungan memberi nasihat dan pertolongan iaitu hubungan orang-orang yang beriman yang berkata: Allah itu Tuhan kami, kemudian mereka beristiqamah mengikuti jalan yang membawa kepada Allah dengan beriman dan mengerjakan amalan yang soleh. Allah tidak mengadakan untuk mereka kawan-kawan yang jahat dari jin dan manusia, malah Allah tugaskan para malaikat supaya melimpahkan rasa aman dan tenteram ke dalam hati mereka dan menyampaikan berita Syurga yang menggembirakan mereka dan seterusnya menolong mereka dalam kehidupan dunia dan Akhirat:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوا تَتَنَزَّلُ
عَلَيْهِمُ الْمَلَـٰٓئِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا
وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

نَحْنُ أَوْلِيَآؤُكُمْ فِي الْحَيَوٰةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ
وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَشْتَهِيٓ أَنفُسُكُمْ وَلَكُمْ فِيهَا
مَا تَدَّعُونَ ﴿٣١﴾
نُزُلًا مِّنْ غَفُورٍ رَّحِيمٍ ﴿٣٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang berkata: Tuhan kami ialah Allah kemudian mereka beristiqamah, nescaya turunlah para malaikat mendapatkan mereka (seraya memberi perangsang): Janganlah kamu takut dan rungsing dan bergembiralah dengan Syurga yang dijanjikan kepada kamu (30). Kamilah penolong-penolong kamu dalam kehidupan dunia dan Akhirat. Dan kamu akan memperolehi di Akhirat apa sahaja yang diidami hati kamu, juga kamu akan memperolehi apa sahaja yang kamu minta (31). Sebagai keraian dari Allah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(32)

Sikap beristiqamah di atas 'aqidah tauhid:

رَبُّنَا اللَّهُ

"Tuhan kami ialah Allah"(30)

Sikap Beristiqamah Di Jalan Allah

dengan tugas dan hakikatnya yang sebenar, iaitu istiqamah di dalam hati dan di dalam segala perilaku kehidupan dan sabar menjunjung tugas-tugasnya adalah satu perkara yang amat besar dan sukar. Oleh sebab itulah ia berhak mendapat pengurniaan yang amat besar dari Allah iaitu pengurniaan ni'mat bersahabat mesra dengan para malaikat. Inilah persahabatan yang ternampak jelas mengikut apa yang diceritakan Allah mengenai para malaikat yang berkata kepada orang-orang Mu'min yang menjadi sahabat mereka:

أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي
كُنتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾
نَحْنُ أَوْلِيَآؤُكُمْ فِي الْحَيَوٰةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ

"Janganlah kamu takut, janganlah kamu rungsing. Bergembiralah dengan berita Syurga yang dijanjikan kepada kamu. Kamilah penolong-penolong kamu dalam kehidupan dunia dan Akhirat."(30-31)

Kemudian malaikat-malaikat itu menggambarkan Syurga yang dijanjikan kepada mereka itu dengan gambaran seorang sahabat kepada seorang sahabat, iaitu gambaran yang menyukakan mereka iaitu kamu akan memperolehi apa sahaja yang diidami dan dipinta kamu. Gambaran ni'mat Syurga itu bertambah indah dan mulia lagi apabila malaikat-malaikat itu sifatkannya sebagai keraian dari Allah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih, yakni Syurga itu adalah anugerah dari Allah dengan keampunan dan rahmat-Nya. Oleh itu manakah satu ni'mat yang lain yang lebih besar dari ni'mat ini?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 36)

Peraturan Berda'wah

Pusingan ini ditamatkan dengan melukiskan gambaran penda'wah kepada Allah iaitu menggambarkan keadaan jiwanya, tuturkatanya dan sopan santunnya supaya diikuti Rasulullah s.a.w. dan setiap penda'wah dari umatnya. Pada permulaan surah ini diterangkan bagaimana kasarnya, biadabnya dan sombongnya orang-orang Musyrikin yang dikemukakan da'wah kepada mereka dengan tujuan untuk menegaskan kepada penda'wah bahawa inilah cara da'wahmu dalam apa keadaan sekalipun:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾
وَلَا تَسْتَوِى ٱلْحَسَنَةُ وَلَا ٱلسَّيِّئَةُ ۚ ٱدْفَعْ بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِى بَيْنَكَ وَبَيْنَهُۥ عَدَٰوَةٌ كَأَنَّهُۥ وَلِىٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾
وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ذُو حَظٍّ عَظِيمٍ ﴿٣٥﴾
وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ نَزْغٌ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ ۖ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٣٦﴾

"Dan siapakah lagi yang lebih baik percakapannya dari orang yang berda'wah kepada Allah dan mengerjakan amalan yang soleh dan berkata: Sesungguhnya aku dari golongan Muslimin (33). Dan tidaklah sama perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolakkanlah perbuatan yang jahat itu dengan perbuatan yang sebaik-baiknya nescaya orang yang ada perseteruan di antara engkau dan dia akan menjadi baik seolah-olah teman yang amat setia (34). Dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang sabar dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang mempunyai habuan keberuntungan yang amat besar (35). Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka pohonlah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(36)

Usaha memikul tugas da'wah kepada Allah dan menghadapi penyelewengan-penyelewengan dan kejahilan manusia, juga menghadapi sikap mereka yang berbangga-bangga dengan segala apa yang menjadi kebiasaan mereka, juga menghadapi sikap mereka yang angkuh apabila dikatakan bahawa mereka berada di dalam kesesatan dan seterusnya menghadapi kegelojohan nafsu keinginan mereka dan tamak haloba mereka mempertahankan kepentingan mereka serta kebimbangan mereka terhadap kedudukan mereka yang terancam oleh da'wah tauhid, iaitu 'aqidah yang membuat seluruh manusia sama tinggi dan sama rata di hadapan Allah. Dan usaha untuk memikul tugas da'wah dalam suasana-suasana seperti itu amatlah sukar tetapi ia adalah amat penting:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

"Dan siapakah lagi yang lebih baik percakapannya dari orang yang berda'wah kepada Allah dan mengerjakan amalan yang soleh dan berkata: Sesungguhnya aku dari golongan Muslimin."(33)

Ucapan da'wah merupakan sebaik-baik ucapan yang dilafazkan di bumi ini. Ucapan da'wah mengepalai ucapan-ucapan yang baik yang naik ke langit, tetapi ucapan itu pastilah disertakan dengan amalan-amalan yang soleh yang membuktikan kebenaran kata-kata yang telah diucapkan itu, juga disertakan dengan menyerah diri kepada Allah. Dengan demikian jadilah da'wah itu bulat dan ikhlas kepada Allah semata-mata, di mana penda'wah tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam da'wah itu selain dari menyampaikannya kepada manusia.

Selepas itu tiada apa salahnya di atas penda'wah jika da'wahnya tidak disambut atau disambut dengan cara yang biadab atau dengan keingkaran yang penuh kesombongan, kerana tugasnya ialah mengemukakan kebaikan, kerana itu dia berada di tempat yang tinggi, sedangkan penentang-penentangnya melakukan kejahatan, kerana itu mereka berada di tempat yang rendah:

وَلَا تَسْتَوِى ٱلْحَسَنَةُ وَلَا ٱلسَّيِّئَةُ ۚ

"Dan tidaklah sama perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat"(34)

Yakni dia tidak harus membalas kejahatan dengan kejahatan, kerana kebaikan itu tidak sama kesan dan nilainya dengan kejahatan. Sikap sabar, berlapang dada dan kebolehan mengatasi keinginan hati hendak membalas kejahatan dengan kejahatan itu dapat mengembalikan hati-hati yang liar kepada ketenangan dan kepercayaan, dan dapat mengubah permusuhan kepada persahabatan dan kekasaran kepada sikap yang lembut:

ٱدْفَعْ بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِى بَيْنَكَ وَبَيْنَهُۥ عَدَٰوَةٌ كَأَنَّهُۥ وَلِىٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾

"Tolakkanlah perbuatan yang jahat itu dengan perbuatan yang sebaik-baiknya nescaya orang yang ada perseteruan di antara engkau dan dia akan menjadi baik seolah-olah teman yang amat setia."(34)

Dasar ini berlaku dengan tepat dalam kebanyakan keadaan, di mana emosi yang berkobar-kobar berubah menjadi tenteram, kemarahan yang membara berubah kepada ketenangan, sifat takbur berubah kepada sifat malu apabila kekasaran disambut dengan kata-kata yang baik, dengan nada yang tenang dan dengan senyuman yang mesra ketika menghadapi manusia-manusia pemarah, angkuh dan tidak terkawal perasaan mereka.

Sebaliknya jika ditentang dengan tindakan yang sama kasar dengan tindakan yang dilakukan mereka tentulah mereka akan bertambah garang, marah, angkuh dan liar. Dan pada akhirnya mereka akan membuang sifat malu dan terus melepaskan perasaan mereka di samping merasa bangga dengan dosa mereka.

Tetapi sifat lapang dada itu memerlukan kepada hati yang besar yang sanggup berlembut dan, bersabar walaupun dia mampu membalas tindakan yang jahat itu dengan balasan yang setimpal. Kemampuan ini perlu ada pada seseorang supaya sikap lapang dadanya itu benar-benar berkesan, iaitu sikapnya yang baik itu tidak dianggapkan sebagai suatu kelemahan pada hati orang yang bertindak jahat terhadapnya. Andainya mereka merasakannya seorang yang lemah, mereka tidak akan menghormatinya dan kebaikannya itu tidak memberi apa-apa kesan lagi kepada mereka.

Sifat lapang dada ini juga hanya terbatas kepada kes-kes kebiadapan terhadap peribadi sahaja bukan kes-kes pencerobohan terhadap agama dan kes-kes penindasan terhadap orang-orang yang beriman, kerana kes-kes yang seperti ini pasti ditentang dan dilawan dengan segala cara penentangan atau bersabar sehingga Allah membuat keputusan-Nya.

Darjah kebolehan membalas kejahatan dengan kebaikan dan kebolehan berlapang dada yang dapat membendung perasaan marah dan kebolehan membuat pertimbangan bilakah patut berlapang dada dan bilakah patut dibalas dengan baik, adalah satu darjah yang amat tinggi yang tidak dapat dicapai oleh semua orang, kerana ia memerlukan kepada sifat sabar, dan di samping itu juga ia merupakan satu anugerah Allah kepada hamba-hamba-Nya yang berusaha dan berjuang dan wajar mendapat anugerah itu:

وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ٱلَّذِينَ صَبَرُواْ وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ذُو
حَظٍّ عَظِيمٍ ٣٥

"Dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang sabar dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang mempunyai habuan keberuntungan yang amat besar."(35)

Ia adalah satu darjah yang amat tinggi hingga Rasulullah s.a.w. sendiri yang tidak pernah marah kerana kepentingan dirinya dan apabila beliau marah kerana Allah, nescaya tiada siapa pun yang dapat menahankan kemarahannya. Telah dinasihatkan Allah kepadanya dan kepada setiap penda'wah:

وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ نَزۡغٌ فَٱسۡتَعِذۡ بِٱللَّهِ
إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ٣٦

"Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka pohonlah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(36)

Kemarahan itu kadang-kadang mendorong dan menghasut perasaan ke arah kejahatan, kadang-kadang menimbulkan di dalam hati rasa kurang sabar terhadap penghinaan atau perasaan sempit dada untuk bertolak ansur, maka ketika itu permohonan perlindungan kepada Allah dari godaan syaitan yang terkutuk itu dapat memberi perlindungan kepadanya dari percubaan-percubaan syaitan yang hendak mengeksploitasikan kemarahannya atau meluluskan dirinya dalam hati menerusi lubang kemarahannya.

Allah yang menciptakan hati manusia dan mengetahui segala pintu dan liku-likunya, juga mengetahui kekuatan tenaga dan kesediaan-kesediaannya dan mengetahui dari mana syaitan akan masuk, adalah sentiasa memagarkan hati penda'wah kepada Allah dari godaan-godaan perasaan marah atau dari hasutan-hasutan syaitan yang dialaminya di jalan perjuangannya yang menimbulkan kemarahan seorang yang sabar.

Memanglah satu jalan yang sukar bagi penda'wah untuk mengikuti jalan-jalan hati manusia yang mempunyai aneka jalan dan lorong, aneka duri dan onak dan aneka cabang, sehingga ia berjaya sampai ke maqam kepimpinan yang dapat membimbing hati itu.

(Kumpulan ayat-ayat 37 - 54)

وَمِنۡ ءَايَٰتِهِ ٱلَّيۡلُ وَٱلنَّهَارُ وَٱلشَّمۡسُ وَٱلۡقَمَرُۚ
لَا تَسۡجُدُواْ لِلشَّمۡسِ وَلَا لِلۡقَمَرِ وَٱسۡجُدُواْۤ
لِلَّهِ ٱلَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمۡ إِيَّاهُ تَعۡبُدُونَ ٣٧
فَإِنِ ٱسۡتَكۡبَرُواْ فَٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ
يُسَبِّحُونَ لَهُۥ بِٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِ وَهُمۡ لَا يَسۡـَٔمُونَ ۩ ٣٨
وَمِنۡ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنَّكَ تَرَى ٱلۡأَرۡضَ خَٰشِعَةً فَإِذَآ أَنزَلۡنَا
عَلَيۡهَا ٱلۡمَآءَ ٱهۡتَزَّتۡ وَرَبَتۡۚ إِنَّ ٱلَّذِيٓ أَحۡيَاهَا لَمُحۡيِ
ٱلۡمَوۡتَىٰٓۚ إِنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٌ ٣٩
إِنَّ ٱلَّذِينَ يُلۡحِدُونَ فِيٓ ءَايَٰتِنَا لَا يَخۡفَوۡنَ عَلَيۡنَآۗ أَفَمَن

يُلْقَىٰ فِي ٱلنَّارِ خَيْرٌ أَم مَّن يَأْتِيٓ ءَامِنًا يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ٱعْمَلُوا۟
مَا شِئْتُمْ إِنَّهُۥ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٤٠﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِٱلذِّكْرِ لَمَّا جَآءَهُمْ وَإِنَّهُۥ لَكِتَٰبٌ
عَزِيزٌ ﴿٤١﴾
لَّا يَأْتِيهِ ٱلْبَٰطِلُ مِنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِۦ تَنزِيلٌ
مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴿٤٢﴾
مَّا يُقَالُ لَكَ إِلَّا مَا قَدْ قِيلَ لِلرُّسُلِ مِن قَبْلِكَ إِنَّ
رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ وَذُو عِقَابٍ أَلِيمٍ ﴿٤٣﴾
وَلَوْ جَعَلْنَٰهُ قُرْءَانًا أَعْجَمِيًّا لَّقَالُوا۟ لَوْلَا فُصِّلَتْ
ءَايَٰتُهُۥٓ ءَا۬عْجَمِيٌّ وَعَرَبِيٌّ قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟
هُدًى وَشِفَآءٌ وَٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِيٓ ءَاذَانِهِمْ وَقْرٌ
وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى أُو۟لَٰٓئِكَ يُنَادَوْنَ مِن مَّكَانٍۭ
بَعِيدٍ ﴿٤٤﴾
وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ فَٱخْتُلِفَ فِيهِ وَلَوْلَا
كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَقُضِيَ بَيْنَهُمْ
وَإِنَّهُمْ لَفِي شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿٤٥﴾
مَّنْ عَمِلَ صَٰلِحًا فَلِنَفْسِهِۦ وَمَنْ أَسَآءَ فَعَلَيْهَا
وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah penciptaan malam, siang, matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan dan sujudlah kepada Allah yang telah menciptakan mereka jika kamu benar-benar menyembahkan-Nya (37). Oleh itu jika mereka terus berlagak takbur, maka mereka (para malaikat) yang ada di sisi Tuhanmu sentiasa bertasbih kepada-Nya malam dan siang, sedangkan mereka tidak pernah jemu (38). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah engkau melihat bumi diam khusyu' dan apabila Kami turunkan air hujan ke atasnya ia pun bergerak dan subur. Sesungguhnya Tuhan yang berkuasa menghidupkan bumi itu berkuasa pula menghidupkan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (39). Sesungguhnya orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Kami tidak tersembunyi dari Kami. Adakah orang yang dicampakkan ke dalam Neraka itu lebih baik atau orang yang datang dengan aman dan selamat pada hari Qiamat itu (lebih baik)? Buatlah apa yang kamu suka. Sesungguhnya Dia Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu (40). Sesungguhnya orang-orang yang ingkarkan Al-Qur'an ketika ia datang kepada mereka (amatlah keji perbuatan mereka), dan sesungguhnya Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang amat kuat (41). Ia tidak sekali-kali didatangi kebatilan dari hadapan dan tidak pula dari belakang. Ia adalah diturunkan dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Terpuji (42). Segala perkataan yang dikatakan kepadamu itu tidak lain melainkan perkataan-perkataan yang pernah dikatakan kepada rasul-rasul sebelummu. Sesungguhnya Tuhanmu itu mempunyai anugerah keampunan dan mempunyai hukuman keseksaan yang amat pedih (43). Dan andainya Kami jadikan Al-Qur'an itu dalam bahasa asing tentulah mereka bersungut mengapakah tidak dijelaskan ayat-ayatnya? Apakah Al-Qur'an itu bahasa asing dan bahasa Arab? Katakanlah bahawa Al-Qur'an itu adalah hidayat dan penawar kepada orang-orang yang beriman. Dan orang-orang yang tidak beriman terdapat sumbatan dalam telinga mereka dan Al-Qur'an menjadi suatu kegelapan kepada mereka. Mereka (seolah-olah) orang yang dipanggil dari tempat yang jauh (44). Sesungguhnya Kami telah kurniakan Musa kitab suci, lalu berlakulah pertikaian mengenainya. Jika tidak kerana adanya keputusan (penangguhan hukuman) yang telah ditetapkan sebelum ini tentulah dijatuhkan hukuman 'azab di antara mereka. Dan sesungguhnya mereka berada di dalam kesangsian yang meragukan mereka terhadapnya (Al-Qur'an) (45). Barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh, maka kebaikannya terpulang kepada dirinya, dan barang siapa yang melakukan kejahatan, maka akibatnya akan menimpa dirinya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali zalim terhadap hamba-hamba-Nya." (46).

إِلَيْهِ يُرَدُّ عِلْمُ ٱلسَّاعَةِ وَمَا تَخْرُجُ مِن ثَمَرَٰتٍ مِّنْ
أَكْمَامِهَا وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلْمِهِۦ
وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ أَيْنَ شُرَكَآءِي قَالُوٓا۟ ءَاذَنَّٰكَ مَا مِنَّا
مِن شَهِيدٍ ﴿٤٧﴾
وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَدْعُونَ مِن قَبْلُ وَظَنُّوا۟ مَا
لَهُم مِّن مَّحِيصٍ ﴿٤٨﴾
لَّا يَسْـَٔمُ ٱلْإِنسَٰنُ مِن دُعَآءِ ٱلْخَيْرِ وَإِن مَّسَّهُ ٱلشَّرُّ
فَيَـُٔوسٌ قَنُوطٌ ﴿٤٩﴾
وَلَئِنْ أَذَقْنَٰهُ رَحْمَةً مِّنَّا مِنۢ بَعْدِ ضَرَّآءَ مَسَّتْهُ
لَيَقُولَنَّ هَٰذَا لِي وَمَآ أَظُنُّ ٱلسَّاعَةَ قَآئِمَةً وَلَئِن
رُّجِعْتُ إِلَىٰ رَبِّيٓ إِنَّ لِي عِندَهُۥ لَلْحُسْنَىٰ فَلَنُنَبِّئَنَّ

ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِمَا عَمِلُواْ وَلَنُذِيقَنَّهُم مِّنۡ عَذَابٍ
غَلِيظٖ ٥٠
وَإِذَآ أَنۡعَمۡنَا عَلَى ٱلۡإِنسَٰنِ أَعۡرَضَ وَنَـَٔا بِجَانِبِهِۦ وَإِذَا
مَسَّهُ ٱلشَّرُّ فَذُو دُعَآءٍ عَرِيضٖ ٥١
قُلۡ أَرَءَيۡتُمۡ إِن كَانَ مِنۡ عِندِ ٱللَّهِ ثُمَّ كَفَرۡتُم
بِهِۦ مَنۡ أَضَلُّ مِمَّنۡ هُوَ فِي شِقَاقِۭ بَعِيدٖ ٥٢
سَنُرِيهِمۡ ءَايَٰتِنَا فِي ٱلۡأٓفَاقِ وَفِيٓ أَنفُسِهِمۡ حَتَّىٰ
يَتَبَيَّنَ لَهُمۡ أَنَّهُ ٱلۡحَقُّۗ أَوَلَمۡ يَكۡفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُۥ
عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ شَهِيدٌ ٥٣
أَلَآ إِنَّهُمۡ فِي مِرۡيَةٖ مِّن لِّقَآءِ رَبِّهِمۡۗ أَلَآ إِنَّهُۥ بِكُلِّ
شَيۡءٖ مُّحِيطُۢ ٥٤

[7]"Hanya kepada Allah terpulangnya ilmu kedatangan Qiamat itu. Tiada buah-buahan yang keluar dari kelompok bunganya, tiada perempuan yang mengandung dan tiada yang melahirkan anak melainkan semuanya dengan ilmu Allah. Pada hari Allah menyeru mereka (kaum Musyrikin) di manakah sekutu-sekutu-Ku? Jawab mereka: Kami memaklumkan kepada-Mu tiada seorang pun dari kami (pada hari ini) yang menyaksikan (bahawa Engkau mempunyai sekutu-sekutu) (47). Dan hilang lenyaplah segala sembahan yang disembahkan mereka sebelum ini dan kini yakinlah mereka bahawa mereka tidak mempunyai sebarang jalan (untuk melepaskan diri) (48). Manusia tidak jemu memohon kebaikan dan jika dia disentuh kesusahan, dia terus berputus asa (49). Dan sekiranya Kami rasakannya rahmat dari Kami setelah disentuh kesusahan, dia berkata (sombong): Ini adalah hasil usahaku. Dan aku tidak fikir hari Qiamat itu akan berlaku, dan jika aku dikembalikan kepada Tuhanku tentulah aku akan memperoleh anugerah yang terbaik di sisinya. Demi sesungguhnya kami akan memberitahu kepada orang-orang yang kafir segala apa yang telah dilakukan mereka dan kami akan rasakan mereka 'azab yang amat berat (50). Dan apabila Kami kurniakan ni'mat kepada manusia, dia berpaling dan menjauhkan dirinya (dari Kami) dan apabila dia disentuh bala bencana, maka dia berdo'a dengan panjang lebar (51). Katakanlah: Apa pendapat kamu jika Al-Qur'an itu datang dari sisi Allah, kemudian kamu ingkarkannya. Siapakah yang lebih sesat dari mereka yang sentiasa berada dalam perselisihan yang amat jauh (dari kebenaran)? (52) Kami akan memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan Kami di merata pelosok alam dan di dalam kejadian diri mereka sendiri sehingga jelaslah kepada mereka bahawa Al-Qur'an itu adalah benar. Tidakkah cukup kepada mereka bahawa Tuhanmu itu menyaksi segala sesuatu (53). Ingatlah! Sesungguhnya mereka masih dalam keraguan tentang pertemuan mereka dengan Allah. Ingatlah bahawa ilmu Allah itu meliputi segala sesuatu."(54)

Ini adalah satu pusingan baru memperkatakan tentang hati manusia dalam bidang da'wah. Ia dimulakan dengan pengembaraan memperhatikan bukti-bukti kekuasaan Allah di alam buana iaitu kejadian-kejadian malam, siang, matahari dan bulan. Di kalangan kaum Musyrikin terdapat orang-orang yang sujud kepada matahari dan bulan di samping mereka bertuhankan Allah, sedangkan kedua-duanya dari ciptaan Allah kemudian diiringi dengan satu kenyataan bahawa mereka bersikap sombong untuk menyembah Allah, sedangkan para malaikat menyembah Allah dan lebih dekat kepada-Nya. Kemudian seluruh bumi berada di maqam ibadat ketika menerima anugerah hayat dari Tuhannya. Mereka juga menerima anugerah hayat dari Allah tetapi mereka tidak menggunakannya untuk bergerak menuju Allah. Mereka ingkarkan bukti-bukti kekuasaan Allah pada alam buana di samping mengingkarkan ayat-ayat Al-Qur'an, sedangkan Al-Qur'an itu dalam bahasa Arab yang tulen tidak bercampur dengan bahasa asing. Setelah itu Al-Qur'an membawa mereka menyaksikan satu pemandangan Qiamat. Kemudian menayangkan kejadian diri mereka sendiri kepada mereka dengan menelanjangi segala titik-titik kelemahan, perubahan dan kelupaan mereka, juga mendedahkan sifat mereka yang lupakan kesenangan dan sifat mereka yang cemas apabila ditimpa kesusahan. Mereka tidak berupaya melindungi diri mereka dan menghadapi bala bencana dari Allah yang menimpa mereka. Kemudian surah ini berakhir dengan menyebut janji Allah yang akan memperlihatkan kepada manusia bukti-bukti kekuasaan-Nya yang terdapat pada kejadian-kejadian di merata pelosok alam dan pada kejadian diri mereka sendiri hingga jelaslah kepada mereka bahawa Al-Qur'an itu benar dan terhapuslah segala keraguan dari hati mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 39)

وَمِنۡ ءَايَٰتِهِ ٱلَّيۡلُ وَٱلنَّهَارُ وَٱلشَّمۡسُ وَٱلۡقَمَرُۚ
لَا تَسۡجُدُواْ لِلشَّمۡسِ وَلَا لِلۡقَمَرِ وَٱسۡجُدُواْ
لِلَّهِ ٱلَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمۡ إِيَّاهُ تَعۡبُدُونَ ٣٧

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah penciptaan malam, siang, matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan dan sujudlah kepada Allah yang telah menciptakan mereka jika kamu benar-benar menyembahkan-Nya."(37)

Bukti-bukti kekuasaan Allah ini terbentang di hadapan mata semua orang. Ia boleh dilihat oleh si alim dan si jahil. Ia memikat hati manusia secara langsung walaupun seorang itu tidak mengetahui sedikitpun tentang hakikat ilmiyahnya. Sebenarnya di antara kejadian-kejadian alam buana dengan makhluk

[7] *Juzu' 25 bermula daripada ayat (47) Surah ini.*

manusia itu terdapat hubungan yang lebih mendalam dari pengetahuan ilmiayah, iaitu hubungan dalam penciptaan, fitrah dan dalam struktur kejadian. Manusia dari alam buana dan alam buana juga dari jenis kejadiannya seperti manusia, penciptaan manusia sama dengan penciptaan kejadian-kejadian alam buana, bahan kejadian manusia sama dengan bahan kejadian alam buana, fitrah manusia sama dengan fitrah alam buana dan undang-undang yang mengendali manusia sama dengan undang-undang yang mengendalikan alam buana. Tuhan manusia ialah Tuhan alam buana. Oleh sebab itulah manusia menyambut alam buana dengan perasaannya yang mendalam dan memahami logiknya secara langsung.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an biasanya berpada dengan mengarahkan hati manusia supaya memperhatikan kejadian alam buana dan menggerakkannya dari kelalaiannya dan terhadap alam buana. Kelalaian itu kadang-kadang melanda mereka kerana terlalu biasa dengannya dan kadang-kadang kerana dihalangi oleh berbagai-bagai halangan. Oleh kerana itu Al-Qur'an menghapuskan halangan-halangan itu darinya supaya ia hidup dan sedar kembali bermesra dan saling berinteraksi dengan alam buana sebagai sahabat yang telah dikenalinya sejak sekian lama.

Ayat ini juga mengemukakan salah satu bentuk penyelewengan, iaitu di sana ada satu kaum yang menunjukkan perasaan mesra yang berlebihan kepada matahari dan bulan, iaitu perasaan yang menyeleweng dan sesat. Mereka menyembah kedua-dua makhluk ini atas nama mendekatkan diri kepada Allah dengan menyembah seindah-indah makhluk-Nya. Oleh sebab itu Al-Qur'an datang untuk mengembalikan mereka dari penyelewengan ini dan menghapuskan kekeliruan dari 'aqidah mereka yang ternoda. Al-Qur'an berkata kepada mereka: Jika kamu benar-benar menyembah Allah, maka janganlah kamu sujud kepada matahari dan bulan.

وَٱسْجُدُوا۟ لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَهُنَّ

"Sujudlah kepada Allah yang telah menciptakan mereka."(37)

Keengganan Manusia Menyembah Allah Tidak Menjejaskan Kebesarannya

Allah Pencipta itulah satu-satunya Tuhan yang pasti disembah oleh seluruh makhluk, sedangkan matahari dan bulan hanya makhluk seperti kamu dan kedua-duanya juga bertawajjuh kepada Allah Penciptanya. Oleh itu bertawajjuhlah bersama mereka kepada Allah Pencipta Yang Tunggal-yang layak disembah. Di sini Al-Qur'an menyebut matahari dan bulan dengan dhamir jama' mu'annath iaitu "خلقهن" kerana memandang kepada bintang-bintang dan planet-planet yang sejenis dan bersaudara dengan kedua-duanya. Al-Qur'an memperkatakan matahari, bulan, bintang-bintang dan planet itu dengan mengguna dhamir jama' mu'annath yang berakal untuk menyalutkan ciri hidup dan berakal, dan menggambarkan kejadian itu seolah-olah individu-individu yang mempunyai akal.

Sekiranya mereka tetap bersikap sombong setelah dikemukakan bukti-bukti kekuasaan Allah dan penjelasan ini, maka ia tidak akan menjejaskan suatu apa dan tidak akan menambah atau mengurangkan sesuatu apa (dari kebesaran Allah), kerana makhluk yang lain tetap menyembah Allah tanpa berlagak takbur (seperti mereka):

فَإِنِ ٱسْتَكْبَرُوا۟ فَٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ
يُسَبِّحُونَ لَهُۥ بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَهُمْ لَا يَسْـَٔمُونَ ۩ ﴿٣٨﴾

"Oleh itu jika mereka terus berlagak takbur, maka mereka (para malaikat) yang ada di sisi Tuhanmu sentiasa bertasbih kepada-Nya malam dan siang, sedangkan mereka tidak pernah jemu."(38)

Yang paling dekat terlintas di hati ketika disebut:

فَٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ

"Mereka yang ada di sisi Tuhanmu"(38)

ialah para malaikat, tetapi mungkin di sana ada hamba-hamba Allah yang muqarrabin yang lain dari malaikat. Tidakkah ilmu kita hanya mengetahui sedikit sahaja?

Mereka yang ada di sisi Tuhanmu itu adalah lebih tinggi, lebih mulia dan lebih ta'at. Mereka tidak berlagak sombong seperti manusia-manusia penyeleweng yang sesat di bumi. Mereka tidak terpesona dengan kehampiran mereka dengan Allah dan mereka tidak pernah jemu bertasbih kepada-Nya malam dan siang Oleh itu dengan apakah hendak dibandingkan setengah-setengah manusia yang menjadi penghuni bumi yang telah ketinggalan dari sekalian makhluk yang lain dalam menjunjung hakikat 'Ubudiyah kepada Allah?

Lihatlah bumi yang bertindak selaku ibu yang menyediakan makanan untuk mereka, bumi yang menjadi tempat di mana mereka keluar dan di mana mereka kembali, bumi di mana manusia yang hidup di atas permukaannya kelihatan seolah-olah seperti semut-semut yang bergerak dan tidak mendapat sebarang makanan dan minuman melainkan makanan dan minuman yang diambil dari bumi. Bumi ini adalah berdiri khusyu' kepada Allah ketika menerima anugerah hayat:

وَمِنْ ءَايَـٰتِهِۦٓ أَنَّكَ تَرَى ٱلْأَرْضَ خَـٰشِعَةً فَإِذَآ أَنزَلْنَا
عَلَيْهَا ٱلْمَآءَ ٱهْتَزَّتْ وَرَبَتْ ۚ إِنَّ ٱلَّذِىٓ أَحْيَاهَا لَمُحْىِ
ٱلْمَوْتَىٰٓ ۚ إِنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah engkau melihat bumi diam khusyu' dan apabila Kami turunkan air

hujan ke atasnya ia pun bergerak dan subur. Sesungguhnya Tuhan yang berkuasa menghidupkan bumi itu berkuasa pula menghidupkan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(39)

Gambaran Seni Harakat Bumi Ketika Ditimpa Hujan

Marilah kita berhenti sejenak di hadapan kehalusan pengungkapan Al-Qur'an di semua tempat. Maksud ungkapan bumi khusyu' di sini ialah keadaannya yang diam sebelum ditimpa air hujan.

فَإِذَآ أَنزَلْنَا عَلَيْهَا ٱلْمَآءَ ٱهْتَزَّتْ وَرَبَتْ

"Apabila Kami turunkan air hujan ke atasnya ia pun bergerak dan subur."(39)

Seolah-olah gerak atau harakatnya itu merupakan harakat bersyukur dan bersolat di atas ni'mat air yang menjadi sebab atau punca hayat. Ini kerana rangkaian yang membicarakan ayat ini ialah rangkaian ayat yang membicarakan tentang khusyu' ibadat dan tasbih. Oleh itulah bumi dibawa ke dalam senario ini sebagai satu individu dari individu-individu yang hadir dalam senario ini yang turut serta melahirkan perasaan dan harakat yang sesuai dengannya.

Di sini kami pinjam satu halaman dari buku "Penggambaran Yang Seni Di Dalam Al-Qur'an" tentang keselarasan yang seni dalam pengungkapan yang seperti ini: [8]

Al-Qur'an menggambarkan bumi sebelum turunnya hujan dan sebelum tumbuhnya tumbuh-tumbuhan sekali dengan menggunakan kata-kata "هامدة" iaitu tandus kering, dan sekali pula dengan menggunakan kata "خاشعة" iaitu khusyu' diam. Mungkin setengah-setengah orang memahami bahawa kedua-dua ungkapan itu hanya merupakan kepelbagaian dalam pengungkapan sahaja, oleh itu marilah kita melihat bagaimana kedua-dua ungkapan itu digunakan. Kedua-dua itu disebut dalam dua perbicaraan yang berlainan:

Kata-kata "هامدة" atau tandus kering datang dalam ayat yang berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمْ فِى رَيْبٍ مِّنَ ٱلْبَعْثِ
فَإِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ
مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ
لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ ۚ وَنُقِرُّ فِى ٱلْأَرْحَامِ مَا نَشَآءُ إِلَىٰٓ
أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوٓا۟
أَشُدَّكُمْ ۖ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنكُم
مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرْذَلِ ٱلْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنۢ بَعْدِ
عِلْمٍ شَيْـًٔا ۚ وَتَرَى ٱلْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَآ أَنزَلْنَا
عَلَيْهَا ٱلْمَآءَ ٱهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنۢبَتَتْ مِن كُلِّ
زَوْجٍۭ بَهِيجٍ ﴿٥﴾

"Wahai manusia! Jika kamu dalam keraguan tentang kebangkitan selepas mati, maka (ketahuilah) bahawa Kami telah menciptakan kamu dari tanah kemudian dari nutfah kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna kejadiannya supaya Kami jelaskan kepada kamu. Dan Kami tetapkan di dalam rahim kandungan yang Kami kehendaki sehingga sampai kepada waktu yang tertentu, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai bayi, kemudian kamu sampai kepada usia dewasa kamu, dan di antara kamu ada yang dimatikan dan di antara kamu ada pula yang dipanjangkan usianya hingga kepada usia yang amat tua hingga ia tidak mengetahui suatu apa pun yang diketahui dahulunya. Dan engkau lihat bumi itu tandus kering, kemudian apabila Kami turunkan air ke atasnya ia pun bergerak dan subur dan menumbuhkan berbagai-bagai tumbuhan yang indah."

(Surah al-Hajj: 5)

Dan kata-kata "خاشعة'" datang dalam rangkaian ayat ini:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِ ٱلَّيْلُ وَٱلنَّهَارُ وَٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ ۚ
لَا تَسْجُدُوا۟ لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَٱسْجُدُوا۟
لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿٣٧﴾
فَإِنِ ٱسْتَكْبَرُوا۟ فَٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ
يُسَبِّحُونَ لَهُۥ بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَهُمْ لَا يَسْـَٔمُونَ ۩ ﴿٣٨﴾
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنَّكَ تَرَى ٱلْأَرْضَ خَٰشِعَةً فَإِذَآ أَنزَلْنَا
عَلَيْهَا ٱلْمَآءَ ٱهْتَزَّتْ وَرَبَتْ ۚ

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah penciptaan malam, siang, matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan dan sujudlah kepada Allah yang telah menjadikan mereka itu jika kamu benar-benar menyembahkan-Nya (37). Oleh itu jika mereka terus berlagak takbur, maka mereka (para malaikat) yang ada di sisi Tuhanmu sentiasa bertasbih kepada-Nya malam dan siang, sedangkan mereka tidak pernah jemu." (38). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah engkau melihat bumi diam khusyu' dan apabila Kami turunkan air hujan ke atasnya ia pun bergerak dan subur."(39)

Dengan sekilas perhatian kepada dua rangkaian ayat ini jelaslah wujudnya keserasian dalam ungkapan 'kering tandus' dan ungkapan 'khusyu'' itu, kerana suasana di dalam rangkaian ayat yang pertama ialah suasana membangkit, menghidup dan mengeluarkan tumbuhan, oleh itu bumi sesuai digambarkan di sini

[8] "التصوير الفني في القرآن" *oleh Sayyid Qutb.*

dengan kering tandus kemudian bergerak, subur dan menumbuhkan berbagai-bagai tumbuhan. Sementara suasana dalam rangkaian ayat yang kedua ialah suasana ibadat, khusyu' dan sujud. Oleh itu bumi sesuai digambarkan di sini dengan khusyu' diam dan apabila air hujan turun ia pun bergerak dan subur.

Di dalam ayat ini hanya disebut **"bergerak dan subur"**(اهتزت وربت) tanpa dengan "menumbuh atau mengeluarkan tumbuh-tumbuhan", kerana ungkapan ini tidak sesuai dengan suasana ibadat dan sujud. Maksud **"bergerak dan subur"** dalam ayat ini berlainan dengan maksud "bergerak dan subur" di dalam ayat sana, kerana maksud bergerak dan subur di dalam ayat ini ialah menggambarkan gerakan bumi selepas ia khusyu' kepada Allah. Jadi, gerakan inilah yang dimaksudkan di sini, kerana segala sesuatu yang ada di dalam pemandangan itu melakukan gerakan ibadat dan tentulah tidak munasabah bumi sahaja yang tinggal khusyu' dan diam, oleh sebab itulah ia bergerak untuk turut bergerak bersama para 'Abid yang bergerak di dalam pemandangan itu supaya tidak ada bahagian dari bahagian-bahagian yang wujud dalam pemandangan itu yang tinggal khusyu' dan diam, sedangkan bahagian-bahagian yang lain di sekelilingnya semuanya bergerak belaka. Inilah satu cara kehalusan pengungkapan Al-Qur'an untuk menyesuaikan dengan gerakan atau harakat yang dikhayalkan itu yang mengatasi segala penilaian yang lain..." hingga akhir.

Marilah kita kembali semula kepada nas Al-Qur'an dan di sini kita dapati bahawa ulasan di akhir ayat itu memberi isyarat kepada kuasa menghidupkan kembali orang-orang yang mati dan menggunakan kuasa menghidupkan bumi yang tandus itu sebagai contoh dan dalil:

إِنَّ ٱلَّذِىٓ أَحْيَاهَا لَمُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰٓ ۚ إِنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

"Sesungguhnya Tuhan yang berkuasa menghidupkan bumi itu berkuasa pula menghidupkan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(39)

Di dalam Al-Qur'an, pemandangan yang seperti ini ditayangkan berulang-ulang kali dan digunakan sebagai contoh menghidupkan orang-orang yang telah mati di Akhirat dan sebagai dalil kekuasaan Allah. Pemandangan hayat di bumi itu amat dekat kepada setiap hati, kerana ia terus menyentuh hati manusia sebelum menyentuh akal mereka, sedangkan hayat yang mendenyut di antara benda-benda yang mati itu menyarankan secara halus wujudnya qudrat dan kuasa pencipta kepada hati. Al-Qur'an berbicara dengan fitrah manusia dengan bahasanya sendiri mengikut jalan yang paling dekat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 40)

Ancaman Kepada Mereka Yang Mengingkarkan Bukti-bukti Kekuasaan Allah

Di hadapan pemandangan bukti-bukti kejadian alam buana yang memberi kesan yang mendalam ini datanglah pula amaran dan ancaman kepada orang-orang yang mengingkarkan bukti-bukti kekuasaan Allah yang amat jelas itu atau memutarbelitkannya:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِىٓ ءَايَٰتِنَا لَا يَخْفَوْنَ عَلَيْنَآ ۗ أَفَمَن يُلْقَىٰ فِى ٱلنَّارِ خَيْرٌ أَم مَّن يَأْتِىٓ ءَامِنًا يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ ٱعْمَلُوا۟ مَا شِئْتُمْ ۖ إِنَّهُۥ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٤٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Kami tidak tersembunyi dari Kami. Adakah orang yang dicampakkan ke dalam Neraka itu lebih baik atau orang yang datang dengan aman dan selamat pada hari Qiamat itu (lebih baik)? Buatlah apa yang kamu suka. Sesungguhnya Dia Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(40)

Ancaman itu dimulai dengan ancaman secara halus tetapi menakutkan iaitu mereka:

لَا يَخْفَوْنَ عَلَيْنَآ ۗ

"Tidak tersembunyi dari Kami"(40)

yakni mereka sentiasa terdedah kepada ilmu Allah. Mereka akan dihukum dengan sebab keingkaran mereka walau bagaimanapun mereka berdalih dan memutar belit. Mereka fikir mereka boleh terlepas dari tangan kekuasaan Allah sebagaimana mereka telah berjaya melepaskan diri mereka dari hisab manusia dengan putar belit.

Kemudian Al-Qur'an memberi ancaman yang terus-terang:

أَفَمَن يُلْقَىٰ فِى ٱلنَّارِ خَيْرٌ أَم مَّن يَأْتِىٓ ءَامِنًا يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ

"Adakah orang yang dicampakkan ke dalam Neraka itu lebih baik atau orang yang datang dengan aman dan selamat pada hari Qiamat itu (lebih baik)?"(40)

Ini adalah satu sindiran terhadap mereka dan terhadap kesudahan yang menunggu mereka iaitu mereka akan dicampak ke dalam Neraka dan akan mengalami ketakutan dan kecemasan, serta membandingkan mereka dengan orang-orang yang beriman yang datang dengan keadaan aman dan selamat.

Kemudian ayat ini diakhiri dengan satu ancaman lain yang halus iaitu:

ٱعْمَلُوا۟ مَا شِئْتُمْ ۖ إِنَّهُۥ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٤٠﴾

"Buatlah apa yang kamu suka. Sesungguhnya Dia Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(40)

Alangkah ngerinya nasib kesudahan orang yang diberi kebebasan bertindak kemudian dia memilih

mengingkarkan ayat-ayat Allah, sedangkan Allah melihat segala perbuatan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 44)

Al-Qur'an Keteguhan Kitab Suci Al-Qur'an

Kemudian Al-Qur'an berpindah pula kepada orang-orang yang menyangkalkan ayat-ayat Al-Qur'an iaitu sebuah kitab suci yang amat kuat dan teguh, tidak dinodai sebarang kebatilan baik dari dekat mahupun dari jauh:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِٱلذِّكْرِ لَمَّا جَآءَهُمْ ۖ وَإِنَّهُۥ لَكِتَٰبٌ عَزِيزٌ ﴿٤١﴾

لَّا يَأْتِيهِ ٱلْبَٰطِلُ مِنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِۦ ۖ تَنزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴿٤٢﴾

مَّا يُقَالُ لَكَ إِلَّا مَا قَدْ قِيلَ لِلرُّسُلِ مِن قَبْلِكَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ وَذُو عِقَابٍ أَلِيمٍ ﴿٤٣﴾

وَلَوْ جَعَلْنَٰهُ قُرْءَانًا أَعْجَمِيًّا لَّقَالُوا۟ لَوْلَا فُصِّلَتْ ءَايَٰتُهُۥٓ ۖ ءَا۬عْجَمِىٌّ وَعَرَبِىٌّ ۗ قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هُدًى وَشِفَآءٌ ۖ وَٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِىٓ ءَاذَانِهِمْ وَقْرٌ وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ يُنَادَوْنَ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٤٤﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang ingkarkan Al-Qur'an ketika ia datang kepada mereka (amatlah keji perbuatan mereka), dan sesungguhnya Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang amat kuat (41). Ia tidak sekali-kali didatangi kebatilan dari hadapan dan tidak pula dari belakang. Ia adalah diturunkan dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Terpuji (42). Segala perkataan yang dikatakan kepadamu itu tidak lain melainkan perkataan-perkataan yang pernah dikatakan kepada rasul-rasul sebelum-Mu. Sesungguhnya Tuhanmu itu mempunyai anugerah keampunan dan mempunyai hukuman keseksaan yang amat pedih (43). Dan andainya Kami jadikan Al-Qur'an itu dalam bahasa asing tentulah mereka bersungut mengapakah tidak dijelaskan ayat-ayatnya? Apakah Al-Qur'an itu bahasa asing dan bahasa Arab? Katakanlah bahawa Al-Qur'an itu adalah hidayat dan penawar kepada orang-orang yang beriman. Dan orang-orang yang tidak beriman terdapat sumbatan dalam telinga mereka dan Al-Qur'an menjadi suatu kegelapan kepada mereka. Mereka (seolah-olah) orang yang dipanggil dari tempat yang jauh.(44)"

Ayat ini memperkatakan tentang orang-orang kafir yang mengingkarkan Al-Qur'an tanpa menyebut siapa mereka dan balasan yang akan menimpa mereka:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِٱلذِّكْرِ لَمَّا جَآءَهُمْ ۖ

"Sesungguhnya orang-orang yang ingkarkan Al-Qur'an ketika ia datang kepada mereka."(41)

Seolah-olah hendak dinyatakan bahawa perbuatan mereka adalah satu perbuatan yang tidak dapat disifatkan dengan suatu sifat yang sesuai kerana terlalu keji.

Oleh sebab itulah ditinggalkan khabar "أن" dan terus menyebut sifat Al-Qur'an yang diingkarkan mereka dengan tujuan untuk menggambarkan perbuatan mereka sebagai perbuatan yang terlalu keji:

وَإِنَّهُۥ لَكِتَٰبٌ عَزِيزٌ ﴿٤١﴾

لَّا يَأْتِيهِ ٱلْبَٰطِلُ مِنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِۦ ۖ تَنزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴿٤٢﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an itu adalah sebuah kitab yang amat kuat (41). Ia tidak sekali-kali didatangi kebatilan dari hadapan dan tidak pula dari belakang. Ia adalah diturun dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Terpuji."(42)

Masakan Al-Qur'an ini dinodai kebatilan kerana ia adalah terbit dari Allah Yang Maha Benar, kerana ia menerangkan kebenaran dan kerana ia berhubung dengan kebenaran yang menjadi tapak tegaknya langit dan bumi.

Masakan ia dinodai kebatilan kerana ia sebuah kitab yang amat kuat, yang dijaga dan dipeliharakan oleh Allah S.W.T. sendiri:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا ٱلذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Qur'an dan sesungguhnya Kamilah yang memeliharakannya."

(Surah al-Hijr: 9)

Orang yang meneliti Al-Qur'an akan menemui dalam lembarannya kebenaran yang diturunkan itu, iaitu kebenaran yang mahu ditegakkannya. Ia akan menemui kebenaran itu di dalam roh dan nas Al-Qur'an, ia akan menemuinya dengan mudah iaitu kebenaran yang memberi ketenteraman semulajadi, yang berbicara dengan fitrah manusia dan menerapkan ke dalam hati kesan-kesannya yang amat mena'jubkan.

تَنزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴿٤٢﴾

"Ia adalah diturunkan dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Terpuji."(42)

Kebijaksanaan itu jelas pada susunan ayat-ayatnya, pada bimbingan-bimbingannya dan pada cara turunnya dan cara ia mengubati hati manusia dari

jalan yang paling dekat. Dan Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an ini amatlah wajar disanjung tinggi, dan di dalam Al-Qur'an terdapat berbagai pengajaran dan pengetahuan yang merangsangkan hati untuk mencurahkan sebanyak-banyak kepujian kepada Allah.

Hubungan Al-Qur'an Dengan Kitab-kitab Suci Sebelumnya

Kemudian ia menghubungkan di antara Al-Qur'an dengan wahyu-wahyu yang lain sebelumnya dan di antara Rasulullah s.a.w. dengan para rasul sebelumnya. Ia mengumpulkan seluruh keluarga Nubuwwah (kenabian) dalam satu kumpulan yang menerima dari Allah wahyu yang sama yang mengikatkan jiwa dan hati seluruh mereka dan mengikat cara perjuangan dan da'wah mereka. Ia membuat seorang Muslim yang terakhir (Nabi Muhammad s.a.w.) turut merasa bahawa dia juga merupakan satu cabang dari satu pokok yang besar dan teguh atau merupakan satu anggota dari satu keluarga, yang amat tua di dalam sejarah itu:

مَّا يُقَالُ لَكَ إِلَّا مَا قَدْ قِيلَ لِلرُّسُلِ مِن قَبْلِكَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ وَذُو عِقَابٍ أَلِيمٍ ﴿٤٣﴾

"Segala perkataan yang dikatakan kepadamu itu tidak lain melainkan perkataan-perkataan yang pernah dikatakan kepada rasul-rasul sebelummu. Sesungguhnya Tuhanmu itu mempunyai anugerah keampunan dan mempunyai hukuman keseksaan yang amat pedih."(43)

Itulah satu wahyu yang sama, satu risalah yang sama dan satu 'aqidah yang sama. Begitu juga ia diberi sambutan yang sama oleh manusia, pendustaan yang sama dan tentangan-tentangan yang sama. Ia juga satu jalan yang sama, satu pokok yang sama, satu keluarga yang sama, penderitaan-penderitaan yang sama, pengalaman-pengalaman dan ujian-ujian yang sama, matlamat yang sama dan seterusnya merupakan satu jalan perjuangan yang terus bersambung menyambung.

Alangkah besarnya perasaan mesra dan perasaan merasa kuat, dan alangkah besarnya kesabaran dan keazaman yang disarankan oleh hakikat ini kepada para penda'wah yang berjalan di jalan yang telah dilalui sebelum ini oleh Nuh, Ibrahim, Musa, 'Isa, Muhammad dan seluruh saudara mereka! Ya Allah! Cucurkanlah rahmat kesejahteraan-Mu ke atas mereka sekalian!

Alangkah besarnya rasa kehormatan dan kebanggaan, dan alangkah tingginya rasa keunggulan yang dapat mengatasi segala kesulitan, kesukaran, rintangan dan duri di tengah jalan perjuangan! Rasul yang mendokong da'wah ini meneruskan perjuangannya dengan kesedaran, bahawa rasul-rasul sebelumnya juga mengharungi jalan ini, merekalah kumpulan pilihan Allah dari umat manusia.

Itulah satu hakikat yang benar:

مَّا يُقَالُ لَكَ إِلَّا مَا قَدْ قِيلَ لِلرُّسُلِ مِن قَبْلِكَ ۚ

"Segala perkataan yang dikatakan kepadamu itu tidak lain melainkan perkataan-perkataan yang pernah dikatakan kepada rasul-rasul sebelummu."(43)

Alangkah besarnya kesan yang ditanam oleh hakikat ini di dalam hati orang-orang yang beriman:

Inilah yang dilakukan oleh Al-Qur'an apabila ia menanamkan hakikat yang agung ini di dalam hati para penda'wah.

Di antara ajaran yang diajar kepada para rasul dan kepada Nabi Muhammad s.a.w. selaku penamat para rasul ialah:

إِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ وَذُو عِقَابٍ أَلِيمٍ ﴿٤٣﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu itu mempunyai anugerah keampunan dan mempunyai hukuman keseksaan yang amat pedih."(43)

Tujuan ajaran ini ialah supaya jiwa seorang Mu'min itu tetap, jujur, lurus dan imbang, iaitu dia sentiasa mengharapkan rahmat Allah dan keampunan-Nya dan sama sekali tidak akan berputus asa dari rahmat-Nya. Dan serentak itu juga dia sentiasa menaruh ketakutan kepada balasan Allah dan sama sekali tidak akan lalai darinya.

Itulah imbangan yang menjadi ciri Islam yang semulajadi.

Mengapa Al-Qur'an Diturunkan Dalam Bahasa Arab?

Kemudian Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan suatu ni'mat yang dikurniakan Allah kepada mereka, iaitu Allah telah menurunkan Al-Qur'an dalam bahasa Arab yang ditutur oleh mereka, di samping menyindirkan tindak-tanduk mereka yang degil, suka menyangkal, membantah dan menyeleweng.

وَلَوْ جَعَلْنَٰهُ قُرْءَانًا أَعْجَمِيًّا لَّقَالُوا۟ لَوْلَا فُصِّلَتْ ءَايَٰتُهُۥٓ ۖ ءَا۬عْجَمِىٌّ وَعَرَبِىٌّ ۗ

"Dan andainya Kami jadikan Al-Qur'an itu dalam bahasa asing tentulah mereka bersungut mengapakah tidak dijelaskan ayat-ayatnya? Apakah Al-Qur'an itu bahasa asing dan bahasa Arab?"(44)

Mereka tidak mahu mendengar Al-Qur'an walaupun ia dalam bahasa Arab, malah mereka takut kepada Al-Qur'an kerana ia berbicara dengan orang-orang Arab dengan bahasa ibunda mereka sendiri. Oleh kerana itu mereka berkata: **"Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini dan hapuskan pengaruhnya supaya kamu dapat mengatasi mereka"** dan sekiranya Allah jadikan Al-Qur'an ini dalam bahasa yang bukan Arab tentulah mereka akan membuat bantahan juga. Mereka akan berkata: Mengapa Al-

Qur'an tidak diturun dengan bahasa Arab yang fasih, jelas dan halus. Dan sekiranya Allah jadikan Al-Qur'an itu separuh dalam bahasa asing dan separuh lagi bahasa Arab tentulah mereka akan bersungut pula: Adakah patut Al-Qur'an itu diturun dengan bahasa asing yang bercampur dengan bahasa Arab? Semuanya itu adalah tindak-tanduk yang bertujuan hendak berbantah, bertengkar, berdebat dan mengingkar semata-mata.

Hakikat yang sebenar yang disaringkan di sebalik perdebatan di sekitar bentuk bahasa Al-Qur'an itu ialah kitab Al-Qur'an ini adalah petunjuk dan penawar kepada orang-orang Mu'min. Hanya hati orang-orang yang beriman sahaja yang dapat memahami tabi'at dan hakikat Al-Qur'an. Merekalah sahaja yang dapat mengambil hidayat dan penawar darinya. Bagi orang-orang yang tidak beriman, hati mereka sentiasa tertutup, tidak dapat diresapi kemanisan kitab Al-Qur'an, kerana ada sumbatan dalam telinga mereka dan ada selaput buta di mata hati mereka. Mereka tidak nampak apa-apa kerana terlalu jauh dari Al-Qur'an dan dari seruan-seruannya:

قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هُدًى وَشِفَآءٌ ۖ وَٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِىٓ ءَاذَانِهِمْ وَقْرٌ وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ يُنَادَوْنَ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٤٤﴾

"Katakanlah bahawa Al-Qur'an itu adalah hidayat dan penawar kepada orang-orang yang beriman. Dan orang-orang yang tidak beriman itu ada sumbatan dalam telinga mereka dan Al-Qur'an menjadi suatu kegelapan kepada mereka. Mereka (seolah-olah) orang yang dipanggil dari tempat yang jauh."(44)

Kebenaran kata-kata ini dapat ditemui manusia di setiap zaman dan masyarakat. Orang-orang yang dipengaruhi Al-Qur'an muncul menjadi manusia baru dan hidup penuh bersemangat dan mampu melakukan perkara-perkara yang besar terhadap dirinya dan terhadap masyarakat sekelilingnya. Sebaliknya orang-orang yang merasa Al-Qur'an ini berat kepada pendengaran dan hati mereka, mereka akan bertambah pekak dan buta. Al-Qur'an tetap tidak berubah, tetapi yang berubah ialah hati manusia, Sadaqallahhul-'azim.

* * * * * *

(Pentafsiran-ayat-ayat 45 - 46)

Hukuman Terhadap Pertikaian Mengenai Kitab Suci Ditangguhkan Pada Hari Pengadilan Yang Agung

Kemudian ayat yang berikut menyebut Nabi Musa a.s dan kitabnya, juga perselisihan kaumnya mengenai kitab itu. Ia menyebut beliau sebagai satu contoh bagi rasul-rasul yang disebut sepintas lalu sebelum ini. Allah telah menangguhkan hukumannya terhadap perselisihan mereka dan membuat keputusan bahawa hukuman itu akan diputuskan pada Hari Pengadilan yang agung:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَـٰبَ فَٱخْتُلِفَ فِيهِ ۗ وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَقُضِىَ بَيْنَهُمْ ۚ وَإِنَّهُمْ لَفِى شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿٤٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah kurniakan Musa kitab suci lalu berlakulah pertikaian mengenainya. Jika tidak kerana adanya keputusan (penangguhan hukuman) yang telah ditetapkan sebelum ini tentulah dijatuhkan hukuman 'azab di antara mereka. Dan sesungguhnya mereka berada di dalam kesangsian yang meragukan mereka terhadapnya (Al-Qur'an)."(45)

Demikianlah keputusan Allah menangguhkan hukuman dalam kes risalah yang terakhir ini kepada pengadilan di hari Qiamat yang dijanjikan itu dan membiarkan manusia meneruskan usaha dan amalan-amalan mereka, kemudian mereka akan dibalas mengikut amalan yang dilakukan mereka:

مَّنْ عَمِلَ صَـٰلِحًا فَلِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَنْ أَسَآءَ فَعَلَيْهَا ۗ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّـٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

"Barangsiapa yang mengerjakan amalan yang soleh, maka kebaikannya terpulang kepada dirinya, dan barang siapa yang melakukan kejahatan, maka akibatnya akan menimpa dirinya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali zalim terhadap hamba-hamba-Nya"(46)[9]

Agama Islam ini telah datang mengisytiharkan bahawa manusia telah pun sampai ke peringkat dewasa, dan oleh itu mereka dipertanggungjawabkan membuat pilihan sendiri, juga mengisytiharkan dasar tanggungjawab peribadi. Setiap orang bebas memilih:

وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّـٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

"Dan Tuhanmu tidak sekali-kali zalim terhadap hamba-hamba-Nya."(46)

* * * * * *

[9] *Sampai di sini tamatlah Juzu' yang Kedua Puluh Empat, tetapi kami memilih untuk melanjutkan surah ini hingga ke akhirnya yang sangat dekat.*

(Pentafsiran ayat-ayat 47 - 48)

Gambaran Ilmu Allah Yang Amat Seni

Sesuai dengan isyarat kepada hari Qiamat yang akan ditentukan Allah itu, iaitu hari di mana keadilan akan ditegakkan kelak, Al-Qur'an menegaskan bahawa ilmu pengetahuan mengenai penentuan masa Qiamat itu adalah terpulang kepada Allah sahaja sambil menggambarkan ilmu Allah dengan cara yang amat menarik dan menyentuh hati. Ia menyebutkan hal ini di tengah jalan menuju kepada satu pemandangan Qiamat, di mana orang-orang Musyrikin disoaljawab:

إِلَيْهِ يُرَدُّ عِلْمُ ٱلسَّاعَةِ ۚ وَمَا تَخْرُجُ مِن ثَمَرَٰتٍ مِّنْ
أَكْمَامِهَا وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلْمِهِۦ ۚ
وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ أَيْنَ شُرَكَآءِى قَالُوٓا۟ ءَاذَنَّٰكَ مَا مِنَّا
مِن شَهِيدٍ ﴿٤٧﴾
وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَدْعُونَ مِن قَبْلُ ۖ وَظَنُّوا۟ مَا
لَهُم مِّن مَّحِيصٍ ﴿٤٨﴾

"Hanya kepada Allah terpulangnya ilmu kedatangan Qiamat itu. Tiada buah-buahan yang keluar dari kelompok bunganya, tiada perempuan yang mengandung dan tiada yang melahirkan anak melainkan semuanya dengan ilmu Allah. Pada hari Allah menyeru mereka (kaum Musyrikin): Di manakah sekutu-sekutu-Ku? Jawab mereka: Kami memaklumkan kepada-Mu tiada seorang pun dari kami (pada hari ini) yang menyaksikan (bahawa Engkau mempunyai sekutu-sekutu) (47). Dan hilang lenyaplah segala sembahan yang disembahkan mereka sebelum ini, dan kini yakinlah mereka bahawa mereka tidak mempunyai sebarang jalan (untuk melepaskan diri)."(48)

Hari Qiamat merupakan satu perkara ghaib yang tersembunyi dan majhul. Buah-buah di dalam kelopak-kelopak bunganya merupakan rahsia yang tidak dapat dilihat. Kandungan-kandungan di dalam rahim juga merupakan rahsia ghaib yang tersembunyi. Semuanya tersimpan di dalam ilmu Allah yang mengetahui segala-galanya. Lalu hati pun pergi menjelajah menyelidik buah-buah di dalam kelopak-kelopak bunga dan bayi-bayi di dalam rahim-rahim. Ia pergi menjelajah di merata pelosok bumi memerhatikan kelopak-kelopak bunga yang tidak terhingga banyaknya dan memikirkan bayi-bayi yang tidak dapat dihinggakan imaginasi, dan di sana tergambarlah di dalam hati manusia gambaran hakikat ilmu Allah yang tidak, terbatas itu sekadar yang terdaya olehnya dalam usaha memahami hakikat ilmu Allah yang tiada hingga dan batas itu.

Kemudian ayat yang berikut menggambarkan kumpulan manusia yang sesat berdiri di hadapan ilmu Allah yang mengetahui segala-galanya itu:

وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ أَيْنَ شُرَكَآءِى

"Pada hari Allah menyeru mereka (kaum Musyrikin) di manakah sekutu-sekutu-Ku."(47)

Pada hari ini tiada lagi perdebatan, tiada lagi dolak-dalik dan tiada lagi pertengkaran. Apakah jawapan mereka?

قَالُوٓا۟ ءَاذَنَّٰكَ مَا مِنَّا مِن شَهِيدٍ ﴿٤٧﴾

"Kami memaklumkan kepada-Mu tiada seorang pun dari Kami (pada hari ini) yang menyaksikan (bahawa engkau mempunyai sekutu)."(47)

Kami memaklumkan kepada-Mu dengan yakin: Tiada seorang pun dari kami hari ini yang menyaksikan bahawa engkau mempunyai sekutu!

وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَدْعُونَ مِن قَبْلُ ۖ وَظَنُّوا۟ مَا
لَهُم مِّن مَّحِيصٍ ﴿٤٨﴾

"Dan hilang lenyaplah segala sembahan yang disembahkan mereka sebelum ini dan kini yakinlah mereka bahawa mereka tidak mempunyai sebarang jalan (untuk melepaskan diri)."(48)

Mereka tidak lagi mengetahui dakwaan-dakwaan mereka yang telah lalu dan kini jelaslah di dalam hati mereka bahawa di sana tiada lagi jalan keluar bagi mereka. Itulah tanda mereka sedang menghadapi satu kesusahan yang membingungkan mereka, iaitu kesusahan yang membuat seorang itu lupakan seluruh masa silamnya. Ia tidak teringat apa-apa lagi selain dari kesusahan yang sedang dihadapinya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 52)

Pendedahan Hakikat Jiwa Manusia

Itulah hari, di mana mereka tidak membuat sebarang persiapan untuknya dan tidak mengamatinya walaupun mereka begitu tamak terhadap segala yang baik dan begitu takut dan cemas terhadap segala bahaya dan bencana. Di sini ayat yang berikut menelanjangi jiwa mereka tanpa secebis kain pun.

لَّا يَسْـَٔمُ ٱلْإِنسَٰنُ مِن دُعَآءِ ٱلْخَيْرِ وَإِن مَّسَّهُ ٱلشَّرُّ
فَيَـُٔوسٌ قَنُوطٌ ﴿٤٩﴾
وَلَئِنْ أَذَقْنَٰهُ رَحْمَةً مِّنَّا مِنۢ بَعْدِ ضَرَّآءَ مَسَّتْهُ
لَيَقُولَنَّ هَٰذَا لِى وَمَآ أَظُنُّ ٱلسَّاعَةَ قَآئِمَةً وَلَئِن
رُّجِعْتُ إِلَىٰ رَبِّىٓ إِنَّ لِى عِندَهُۥ لَلْحُسْنَىٰ ۚ فَلَنُنَبِّئَنَّ
ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِمَا عَمِلُوا۟ وَلَنُذِيقَنَّهُم مِّنْ عَذَابٍ



وَإِذَآ أَنْعَمْنَا عَلَى ٱلْإِنسَٰنِ أَعْرَضَ وَنَـَٔا بِجَانِبِهِۦ وَإِذَا
مَسَّهُ ٱلشَّرُّ فَذُو دُعَآءٍ عَرِيضٍ ﴿٥١﴾

"Manusia tidak jemu memohon kebaikan dan jika dia disentuh kesusahan, dia terus berputus asa (49). Dan sekiranya Kami rasakannya rahmat dari Kami setelah disentuh kesusahan, dia berkata (sombong): Ini adalah hasil usahaku. Dan aku tidak fikir hari Qiamat itu akan berlaku, dan jika aku dikembalikan kepada Tuhanku tentulah aku akan memperolehi anugerah yang terbaik di sisi-Nya. Demi sesungguhnya Kami akan memberitahu kepada orang-orang yang kafir segala apa yang telah dilakukan mereka dan Kami akan rasakan mereka 'azab yang amat berat (50). Dan apabila Kami kurniakan ni'mat kepada manusia, dia berpaling dan menjauhkan dirinya (dari Kami) dan apabila dia disentuh bala bencana, maka dia berdo'a dengan panjang lebar."(51)

Itulah satu lukisan yang amat halus dan tepat bagi jiwa manusia yang tidak berpandu dengan hidayat Allah dan mengikut jalan yang lurus. Ia menggambarkan keadaan hati mereka yang berubah-ubah, juga menggambarkan kelemahannya, dolak-daliknya, kecintaannya kepada segala yang baik, sifatnya yang tidak mengenang budi, terpesona dengan kesenangan dan cemas menghadapi kesusahan. Lukisan ini amat tepat dan mena'jubkan.

Manusia tidak jemu-jemu memohon kebaikan untuk dirinya, tetapi apabila disentuh kesusahan - cuma disentuh sahaja - dia terus putus harapan dan mengira tiada lagi jalan keluar dan tiada lagi jalan selamat dan dia kehilangan segala punca. Dadanya menjadi sempit, kerunsingannya bertambah, dan ia berputus asa dari rahmat Allah. Ini disebabkan kerana kepercayaannya terhadap Allah amat kecil dan hubungannya dengan Allah amat lemah.

Manusia ini juga, apabila Allah kurniakannya rahmat selepas dia mengalami sesuatu kesusahan, maka ia terus lupa daratan dan terus lupa bersyukur. Kesenangan telah membuat dia hilang pertimbangan dan tidak teringat kepada puncanya yang sebenar dan dia berkata megah:

هَٰذَا لِى

"Ini adalah hasil usahaku."(50)

Aku memang wajar memperolehinya dan dia terus lupa kepada Akhirat dan menganggapkannya sebagai mustahil:

وَمَآ أَظُنُّ ٱلسَّاعَةَ قَآئِمَةً

"Dan aku tidak fikir hari Qiamat itu akan berlaku"(50)

dia memandang dirinya begitu besar hingga sanggup membuat dakwaan yang bohong terhadap Allah dan mendakwa mempunyai kedudukan istimewa di sisi Allah yang tidak dipunyai olehnya. Dia tidak percaya kepada hari Akhirat dan kepada Allah, namun demikian dia mendakwa jika dia kembali kepada Allah, dia akan mendapat kedudukan yang istimewa di sisi-Nya.

وَلَئِن رُّجِعْتُ إِلَىٰ رَبِّىٓ إِنَّ لِى عِندَهُۥ لَلْحُسْنَىٰ

"Jika aku dikembalikan kepada Tuhanku tentulah aku akan memperoleh anugerah yang terbaik di sisi-Nya."(50)

Ini satu dakwaan yang angkuh ketika inilah datangnya ancaman Ilahi yang sesuai dengan keangkuhan itu:

فَلَنُنَبِّئَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِمَا عَمِلُوا۟ وَلَنُذِيقَنَّهُم مِّنْ
عَذَابٍ غَلِيظٍ ﴿٥٠﴾

"Demi sesungguhnya Kami akan memberitahu kepada orang-orang yang kafir segala apa yang telah dilakukan mereka dan Kami akan rasakan mereka 'azab yang amat berat."(50)

Apabila manusia ini mendapat ni'mat dari Allah, dia akan berlagak angkuh dan bertindak melampau. Dia berpaling dan menjauhi diri dari Allah, tetapi apabila dia mendapat kesusahan, dia merasa begitu kecewa dan lemah. Dia merasa dirinya begitu kecil dan lemah, lalu dia memohon pertolongan Allah dan dia tidak jemu-jemu merayu dan berdo'a dengan panjang lebar.

Alangkah halusnya rakaman ini! Ia merakamkan sifat-sifat jiwa manusia sama ada yang kecil atau yang besar. Ini tidaklah menghairankan kerana Allah Penciptanya sendiri yang menerangkan sifat-sifatnya. Dialah sahaja yang mengetahui segala liku dan lorongnya. Dia tahu bahawa jiwa manusia akan terus berputar-putar di lorong yang bengkok itu kecuali dia mendapat hidayat ke jalan yang lurus.

Di hadapan jiwa manusia yang bertelanjang bulat ini Al-Qur'an menanya mereka. Apakah yang akan dilakukan kamu jika Al-Qur'an yang diingkarkan kamu itu adalah benar dari Allah dan ancaman ini juga benar, sedangkan kamu telah mendedahkan diri kamu kepada akibat pendustaan dan pertengkaran?

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن كَانَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ثُمَّ كَفَرْتُم
بِهِۦ مَنْ أَضَلُّ مِمَّنْ هُوَ فِى شِقَاقٍۭ بَعِيدٍ ﴿٥٢﴾

"Katakanlah: Apa pendapat kamu jika Al-Qur'an itu datang dari sisi Allah, kemudian kamu ingkarkannya. Siapakah yang lebih sesat dari mereka yang sentiasa berada dalam perselisihan yang amat jauh (dari kebenaran)?"(52)

Kemungkinan itu perlu dihadapi dengan hemat. Oleh itu apakah langkah-langkah hemat yang telah diambil mereka untuk menjaga keselamatan diri mereka?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 53 - 54)

Janji Allah Untuk Memperlihatkan Bukti-bukti Kekuasaan-Nya

Kemudian ayat yang berikut membiarkan mereka berfikir dan membuat perhitungan, lalu menuju ke alam buana yang lebar untuk menerangkan sebahagian dari perencanaan-perencanaan Ilahi yang telah diaturkannya pada alam buana dan pada diri mereka sendiri:

سَنُرِيهِمْ ءَايَٰتِنَا فِى ٱلْءَافَاقِ وَفِىٓ أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ
يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ ۗ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُۥ
عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾
أَلَآ إِنَّهُمْ فِى مِرْيَةٍ مِّن لِّقَآءِ رَبِّهِمْ ۗ أَلَآ إِنَّهُۥ بِكُلِّ
شَىْءٍ مُّحِيطٌۢ ﴿٥٤﴾

"Kami akan memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan Kami di merata pelosok alam dan di dalam kejadian diri mereka sendiri sehingga jelaslah kepada mereka bahawa Al-Qur'an itu adalah benar. Tidakkah cukup kepada mereka bahawa Tuhanmu itu menyaksi segala sesuatu?(53). Ingatlah! Sesungguhnya mereka masih dalam keraguan tentang pertemuan mereka dengan Allah. Ingatlah bahawa ilmu Allah itu meliputi segala sesuatu."(54)

Itulah nada pengumuman terakhir surah ini iaitu satu nada pengumuman yang amat besar.

Allah telah berjanji kepada hamba-hamba-Nya umat manusia bahawa Dia akan memperlihatkan sebahagian rahsia dari rahsia-rahsia alam buana yang tersembunyi dan dari rahsia-rahsia kejadian diri mereka sendiri. Dia berjanji akan menunjukkan bukti-bukti kekuasaan-Nya pada kejadian-kejadian alam buana dan pada kejadian diri mereka sendiri supaya jelaslah kepada mereka kebenaran agama ini, kebenaran kitab Al-Qur'an ini dan kebenaran sistem hidup yang telah diterangkan olehnya. Siapakah yang lebih benar keterangannya dari Allah?

Allah telah menepati janji-Nya dan Dia telah memperlihatkan kepada mereka bukti-bukti kekuasaan-Nya pada kejadian-kejadian alam buana dalam masa empat belas abad selepas pegumuman janji ini, juga memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan-Nya pada kejadian diri mereka sendiri dan Allah masih terus memperlihatkan bukti-bukti yang baru setiap hari.

Kini setiap orang boleh melihat betapa banyaknya manusia menemui bukti-bukti kekuasaan Allah sejak masa itu. Berbagai-bagai rahsia kejadian alam buana dan kejadian diri mereka telah terbuka kepada mereka sekadar yang dikehendaki Allah.

Mereka telah mengetahui berbagai-bagai rahsia. Jika mereka sedar bagaimana mereka dapat mengetahui rahsia-rahsia itu dan bersyukur kepada Allah tentulah mereka memperolehi kebajikan yang banyak.

Mereka telah mengetahui sejak masa itu bahawa bumi yang didiami mereka dan yang dianggap mereka sebagai pusat alam buana itu sebenarnya hanya sebuah planet yang amat kecil sahaja yang menjadi pengikut matahari. Dan mereka juga telah mengetahui bahawa matahari itu hanya sebuah bola yang kecil sahaja dan di alam buana ini terdapat ratusan juta matahari seumpama itu. Mereka telah pun mengetahui tabi'at bumi mereka dan tabi'at matahari mereka dan mungkin pula tabi'at alam buana ini sendiri jika apa yang diketahui mereka itu betul.

Mereka telah banyak mengetahui tentang bahan alam tempat mereka hidup ini. Mereka telah mengetahui bahawa bahan asas pembinaan alam buana ini ialah atom. Dan mereka telah mengetahui bahawa atom berubah kepada radiasi atau sinar. Jadi mereka telah mengetahui bahawa seluruh alam buana ini adalah dari radiasi atom di dalam berbagai bentuk rupa yakni dari radiasi inilah telah dijadikan berbagai-bagai bentuk rupa dan saiz yang wujud di alam ini.

Mereka telah banyak mengetahui tentang bumi mereka yang kecil ini. Mereka tahu bumi ini sebiji bola atau seperti sebiji bola. Mereka tahu bumi ini sentiasa berputar di sekeliling dirinya dan di sekeliling matahari. Mereka tahu benua-benuanya, lautan-lautannya dan sungai-sungainya. Mereka menemui sesuatu dalam perut bumi dan mereka tahu berbagai-bagai jenis makanan yang tersembunyi di sana, juga makanan-makanan yang tersebar di udaranya.

Mereka telah mengetahui wujudnya kesatuan undang-undang yang mengikatkan bumi mereka dengan alam buana yang besar ini iaitu undang-undang yang mengendalikan seluruh alam buana yang besar ini. Di antara mereka ada yang mendapat hidayat dan dengan hidayat ini mereka dapat meningkat dengan ilmu pengetahuan mereka yang telah mengenal undang-undang ini kepada mengenal Allah sebagai Pencipta undang-undang itu. Di antara mereka ada yang sesat dari menyeleweng. Mereka hanya terhenti setakat ilmu-ilmu sains yang zahir ini sahaja tidak lebih dari itu, tetapi umat manusia yang telah sesat kerana ilmu-ilmu sains itu telah kembali pula ke jalan yang benar dengan perantaraan ilmu sains itu, juga kerana mereka tahu mereka boleh mengetahui kebenaran dengan jalan ini.

Penemuan ilmu pengetahuan mengenai diri manusia juga tidak kurang dari penemuan ilmu pengetahuan mengenai alam buana. Mereka banyak mengetahui tentang struktur tubuh badan manusia, susunannya, ciri-cirinya, rahsia-rahsianya, fungsi-fungsinya, penyakit-penyakitnya, makanan-makanan dan cara pencernaannya. Mereka tahu tentang rahsia-

rahsia tindak-tanduknya dan gerak-gerinya. Dan seluruhnya merupakan kejadian-kejadian mu'jizat yang tidak dapat diciptakan melainkan hanya Allah.

Tetapi mereka mengetahui sedikit sahaja tentang jiwa manusia. Ilmu pengetahuan mereka mengenai jiwa tidak sebanyak ilmu pengetahuan mereka mengenai tubuh badan, kerana selama ini perhatian mereka lebih banyak ditumpukan kepada bahan kejadian manusia dan peralatan tubuh badannya dari ditumpukan kepada akal dan rohnya, tetapi kadar ilmu pengetahuan yang telah diketahui itu boleh membuka alan kepada penemuan-penemuan yang akan datang.

Manusia masih di tengah jalan dan Allah masih terbuka:

سَنُرِيهِمْ ءَايَٰتِنَا فِى ٱلْءَافَاقِ وَفِىٓ أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ

"Kami akan memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan Kami di merata pelosok alam dan di dalam kejadian diri mereka sendiri sehingga jelaslah kepada mereka bahawa Al-Qur'an itu adalah benar."(53)

Bahagian akhir dari janji tersebut telah pun menunjukkan dengan jelas hasil-hasil penemuan pertamanya sejak permulaan abad ini. Angkatan manusia yang beriman sedang berkumpul dari berbagai-bagai jalan. Dan sebilangan ramai dari mereka datang melalui jalan ilmu pengetahuan kebendaan ini sahaja dan di sana kelihatan berduyun-duyun manusia sedang berkumpul dari jauh menuju kepada keimanan walaupun terdapat gelombang atheisme yang hampir-hampir telah membanjiri bumi ini di masa yang silam, tetapi gelombang itu semakin kecil sekarang ini dan terus menyusut walaupun di sana terdapat segala fenomena yang menyangkalnya dan mungkin pula sebelum berakhirnya abad kedua puluh kita sekarang ini, gelombang itu akan terus menyusut semuanya atau hampir-hampir melenyap, Insya Allah, sehingga sempurnalah janji Allah yang pasti berlaku itu:

أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾

"Tidakkah cukup kepada mereka bahawa Tuhanmu itu menyaksikan segala sesuatu."(53)

Yakni Allah telah memberi janji-janji-Nya dengan ilmu pengetahuan dan saksi-saksi yang benar.

أَلَآ إِنَّهُمْ فِى مِرْيَةٍ مِّن لِّقَآءِ رَبِّهِمْ

"Ingatlah! Sesungguhnya mereka masih dalam keraguan tentang pertemuan mereka dengan Allah."(54)

Kerana itu berlakulah dari mereka apa yang telah berlaku sebagai akibat dari keraguan menemui Allah.

أَلَآ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَىْءٍ مُّحِيطٌۢ ﴿٥٤﴾

"Ingatlah bahawa ilmu Allah itu meliputi segala sesuatu."(54)

Oleh itu ke manakah mereka akan pergi dari menemui Allah, sedangkan ilmu Allah itu meliputi segala sesuatu.

* * * * * *

JUZU' KE-25

SURAH ASY-SYURA

SURAH KE **42**

سُورَةُ الشُّورَىٰ

SURAH ASY-SYURA

Surah Mesyuarat

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **53**

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 24)

حمٓ ﴿١﴾ عٓسٓقٓ ﴿٢﴾
كَذَٰلِكَ يُوحِيٓ إِلَيۡكَ وَإِلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِكَ ٱللَّهُ ٱلۡعَزِيزُ
ٱلۡحَكِيمُ ﴿٣﴾
لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۖ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ
ٱلۡعَظِيمُ ﴿٤﴾
تَكَادُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ يَتَفَطَّرۡنَ مِن فَوۡقِهِنَّۚ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ
يُسَبِّحُونَ بِحَمۡدِ رَبِّهِمۡ وَيَسۡتَغۡفِرُونَ لِمَن فِي
ٱلۡأَرۡضِۗ أَلَآ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٥﴾
وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَ ٱللَّهُ حَفِيظٌ عَلَيۡهِمۡ
وَمَآ أَنتَ عَلَيۡهِم بِوَكِيلٖ ﴿٦﴾
وَكَذَٰلِكَ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ قُرۡءَانًا عَرَبِيّٗا لِّتُنذِرَ أُمَّ ٱلۡقُرَىٰ
وَمَنۡ حَوۡلَهَا وَتُنذِرَ يَوۡمَ ٱلۡجَمۡعِ لَا رَيۡبَ فِيهِۚ فَرِيقٞ فِي
ٱلۡجَنَّةِ وَفَرِيقٞ فِي ٱلسَّعِيرِ ﴿٧﴾
وَلَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَعَلَهُمۡ أُمَّةٗ وَٰحِدَةٗ وَلَٰكِن يُدۡخِلُ مَن يَشَآءُ
فِي رَحۡمَتِهِۦۚ وَٱلظَّٰلِمُونَ مَا لَهُم مِّن وَلِيّٖ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٨﴾
أَمِ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَۖ فَٱللَّهُ هُوَ ٱلۡوَلِيُّ وَهُوَ يُحۡيِ
ٱلۡمَوۡتَىٰ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ﴿٩﴾
وَمَا ٱخۡتَلَفۡتُمۡ فِيهِ مِن شَيۡءٖ فَحُكۡمُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِۚ ذَٰلِكُمُ
ٱللَّهُ رَبِّي عَلَيۡهِ تَوَكَّلۡتُ وَإِلَيۡهِ أُنِيبُ ﴿١٠﴾
فَاطِرُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ جَعَلَ لَكُم مِّنۡ أَنفُسِكُمۡ
أَزۡوَٰجٗا وَمِنَ ٱلۡأَنۡعَٰمِ أَزۡوَٰجٗا يَذۡرَؤُكُمۡ فِيهِۚ لَيۡسَ
كَمِثۡلِهِۦ شَيۡءٞۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡبَصِيرُ ﴿١١﴾
لَهُۥ مَقَالِيدُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن
يَشَآءُ وَيَقۡدِرُۚ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ﴿١٢﴾

"Haa. Miim(1). 'Aiin. Siin. Qaaf (2). Demikianlah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana mewahyukan kepadamu dan kepada rasul-rasul sebelummu (3). Dialah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar. (4). Langit hampir-hampir pecah dari sebelah atasnya dan para malaikat bertasbih memuji Tuhan mereka dan memohon keampunan untuk penghuni-penghuni di bumi. Ingatlah! Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (5). Dan orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung selain dari Allah, maka Allah sentiasa mengawasi mereka dan engkau bukannya ditugas mengawasi mereka (6). Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu Al-Qur'an dalam bahasa Arab supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul-Qura (Makkah) dan penduduk negeri-negeri di sekelilingnya serta memberi peringatan tentang hari perhimpunan Qiamat yang tiada sebarang keraguan. Segolongan mereka ditempatkan dalam Syurga dan segolongan lagi ditempatkan dalam Neraka (7). Dan seandainya Allah kehendaki nescaya Dia jadikan mereka satu umat sahaja, tetapi Dia memasukkan ke dalam rahmat-Nya mereka yang dikehendaki-Nya, dan orang-orang yang zalim (syirik) tidak akan mendapat pelindung dan penolong untuk mereka (8). Apakah patut mereka mengambil pelindung-pelindung selain dari Allah? Sedangkan Allah itulah Pelindung yang sebenar dan Dialah yang menghidupkan segala yang mati dan Dialah Yang Maha Kuasa di atas segala sesuatu." (9). Apa sahaja perkara yang kamu berselisih mengenainya, maka kata pemutusnya dipulangkan kepada Allah. Itulah Allah Tuhanku, kepada-Nya aku bertawakkal dan kepada-Nya aku kembali (10). Dialah Pencipta langit dan bumi. Dia jadikan pasangan-pasangan untuk kamu dari jenis kamu sendiri dan Dia jadikan pasangan-pasangan untuk binatang ternakan. Dia membiakkan keturunan kamu dengan perantaraan pasangan itu. Tiada sesuatu pun yang seperti-Nya dan Dialah Yang Maha Mendengar dan Maha

Melihat (11). Dialah yang memiliki anak-anak kunci perbendaharaan langit dan bumi, Dialah yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala sesuatu." (12).

شَرَعَ لَكُم مِّنَ الدِّينِ مَا وَصَّىٰ بِهِ نُوحًا وَالَّذِي
أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ
وَعِيسَىٰ أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ كَبُرَ عَلَى
الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَن
يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَن يُنِيبُ ﴿١٣﴾

وَمَا تَفَرَّقُوا إِلَّا مِن بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ
وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى
لَّقُضِيَ بَيْنَهُمْ وَإِنَّ الَّذِينَ أُورِثُوا الْكِتَابَ مِن
بَعْدِهِمْ لَفِي شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿١٤﴾

فَلِذَٰلِكَ فَادْعُ وَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَلَا تَتَّبِعْ
أَهْوَاءَهُمْ وَقُلْ آمَنتُ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ مِن كِتَابٍ
وَأُمِرْتُ لِأَعْدِلَ بَيْنَكُمُ اللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ لَنَا
أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ لَا حُجَّةَ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ
اللَّهُ يَجْمَعُ بَيْنَنَا وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ ﴿١٥﴾

وَالَّذِينَ يُحَاجُّونَ فِي اللَّهِ مِن بَعْدِ مَا اسْتُجِيبَ لَهُ
حُجَّتُهُمْ دَاحِضَةٌ عِندَ رَبِّهِمْ وَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ
وَلَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ﴿١٦﴾

اللَّهُ الَّذِي أَنزَلَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ وَالْمِيزَانَ وَمَا
يُدْرِيكَ لَعَلَّ السَّاعَةَ قَرِيبٌ ﴿١٧﴾

يَسْتَعْجِلُ بِهَا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِهَا وَالَّذِينَ
آمَنُوا مُشْفِقُونَ مِنْهَا وَيَعْلَمُونَ أَنَّهَا الْحَقُّ
أَلَا إِنَّ الَّذِينَ يُمَارُونَ فِي السَّاعَةِ لَفِي ضَلَالٍ
بَعِيدٍ ﴿١٨﴾

اللَّهُ لَطِيفٌ بِعِبَادِهِ يَرْزُقُ مَن يَشَاءُ وَهُوَ الْقَوِيُّ
الْعَزِيزُ ﴿١٩﴾

"Allah telah mensyari'atkan untuk kamu, peraturan agama yang telah diperintahkannya kepada Nuh dan peraturan yang Kami telah wahyukan kepadamu dan peraturan yang Kami telah perintahkannya kepada Ibrahim, Musa dan 'Isa iaitu hendaklah kamu tegakkan agama ini dan janganlah kamu berpecah-belah mengenainya. Amatlah berat kepada orang-orang Musyrikin untuk menerima agama (tauhid) yang engkau seru kepadanya, Allah memilih kepada agama-Nya siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang kembali kepada-Nya (13). Dan mereka tidak berpecah-belah melainkan selepas datang pengetahuan yang jelas kepada mereka kerana perasaan dengki sesama mereka. Andainya tidak kerana adanya ketetapan yang telah diputuskan dari Tuhanmu (untuk menangguhkan hukuman) sehingga kepada satu masa yang ditentukan nescaya mereka dibinasakan terus. Dan sesungguhnya orang-orang yang diwariskan kitab selepas mereka adalah berada di dalam kesangsian terhadap kebenaran kitab itu (14). Oleh kerana itu serulah mereka (ke jalan yang betul), dan hendaklah engkau berdiri teguh mematuhi perintah sebagaimana yang telah diperintahkan kepadamu, dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu mereka, dan katakanlah: Aku beriman kepada semua kitab yang telah diturunkan Allah, dan aku diperintah berlaku adil di antara kamu. Allah itu Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami ialah amalan-amalan kami dan bagi kamu ialah amalan-amalan kamu. Tiada perlu lagi sebarang perdebatan di antara kami dengan kamu. Allah akan mengumpulkan di antara kita (pada hari Qiamat) dan kepada-Nya jua tempat kembali (15). Dan orang-orang yang membantah agama Allah sesudah disambut (para Mu'minin), maka bantahan mereka adalah sia-sia di sisi Tuhan mereka. Dan mereka ditimpa kemurkaan Allah dan akan mendapat keseksaan yang amat berat (16). Allahlah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an yang membawa kebenaran dan menurunkan neraca keadilan, dan tahukah engkau bahawa boleh jadi Qiamat itu sudah hampir (17). Orang-orang yang tidak percayakan Qiamat meminta Qiamat itu disegerakan, sedangkan orang-orang yang beriman amat takut kepadanya. Dan mereka yakin Qiamat itu benar. Ketahuilah! Bahawa orang-orang yang meragui kebenaran Qiamat itu berada di dalam kesesatan yang amat jauh (18). Allah Maha Lemah Lembut terhadap hamba-hamba-Nya. Dia melimpahkan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan Dia Maha Gagah dan Maha Perkasa." (19).

مَن كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ
وَمَن كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ
فِي الْآخِرَةِ مِن نَّصِيبٍ ﴿٢٠﴾

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُم مِّنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَن
بِهِ اللَّهُ وَلَوْلَا كَلِمَةُ الْفَصْلِ لَقُضِيَ بَيْنَهُمْ
وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢١﴾

تَرَى ٱلظَّٰلِمِينَ مُشۡفِقِينَ مِمَّا كَسَبُواْ
وَهُوَ وَاقِعُۢ بِهِمۡۗ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ
ٱلصَّٰلِحَٰتِ فِي رَوۡضَاتِ ٱلۡجَنَّاتِۖ لَهُم مَّا يَشَآءُونَ
عِندَ رَبِّهِمۡۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡفَضۡلُ ٱلۡكَبِيرُ ﴿٢٢﴾

ذَٰلِكَ ٱلَّذِي يُبَشِّرُ ٱللَّهُ عِبَادَهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ
ٱلصَّٰلِحَٰتِۗ قُل لَّآ أَسۡـَٔلُكُمۡ عَلَيۡهِ أَجۡرًا إِلَّا ٱلۡمَوَدَّةَ فِي
ٱلۡقُرۡبَىٰۗ وَمَن يَقۡتَرِفۡ حَسَنَةٗ نَّزِدۡ لَهُۥ فِيهَا حُسۡنًاۚ إِنَّ
ٱللَّهَ غَفُورٞ شَكُورٌ ﴿٢٣﴾

أَمۡ يَقُولُونَ ٱفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبٗاۖ فَإِن يَشَإِ ٱللَّهُ يَخۡتِمۡ عَلَىٰ
قَلۡبِكَۗ وَيَمۡحُ ٱللَّهُ ٱلۡبَٰطِلَ وَيُحِقُّ ٱلۡحَقَّ بِكَلِمَٰتِهِۦٓۚ
إِنَّهُۥ عَلِيمُۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٢٤﴾

"Barang siapa yang berkehendakkan (dengan amalannya) hasil keuntungan di Akhirat Kami akan tambahkan hasil keuntungan itu kepadanya. Dan barang siapa yang berkehendakkan (dengan amalannya) hasil keuntungan dunia Kami akan berikannya keuntungan dunia dan mereka tidak akan mendapat sebarang habuan keuntungan di Akhirat (20). Apakah mereka mempunyai sekutu-sekutu yang mensyari'atkan untuk mereka peraturan-peraturan agama yang tidak diizinkan Allah? Andainya tidak kerana adanya ketetapan yang telah diputuskan tentulah mereka telah dibinasakan terus. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan mendapat 'azab yang amat pedih (21). Engkau akan melihat orang-orang kafir yang zalim (pada hari Qiamat) berada di dalam ketakutan kepada dosa-dosa yang telah dilakukan mereka. Sedangkan 'azab itu tetap akan menimpa mereka. Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh bersenang-senang di dalam taman-taman Syurga. Mereka boleh mendapat apa sahaja yang diingini mereka di sisi Tuhan mereka. Itulah pengurniaan yang amat besar (22). Itulah limpah kurnia yang diberitakan Allah kepada para hamba-Nya yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh. Katakanlah (wahai Muhammad!) Aku tidak meminta sebarang upah dari kamu atas da'wahku itu kecuali kasih mesra dalam hubungan kekeluargaan. Dan barang siapa yang mengerjakan kebajikan nescaya Kami tambahkan kebajikan untuknya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pensyukur (23). Adakah mereka menuduh: Dia (Muhammad) telah mereka-rekakan perkara dusta terhadap Allah. Jika Allah kehendaki nescaya ia menutupkan hatimu. Dan Allah itulah yang menghapuskan kebatilan dan membenarkan yang hak dengan kalimah-kalimah wahyu-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala rahsia di dalam dada."(24)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini membicarakan persoalan 'aqidah seperti Surah-surah Makkiyah yang lain, tetapi ia memberi penekanan khusus kepada hakikat wahyu dan kerasulan, malah dapat dikatakan bahawa hakikat inilah yang menjadi titik pembicaraan utama yang mengikatkan seluruh surah ini, sedangkan maudhu' yang lain yang disentuhkan itu hanya merupakan ekoran dari hakikat yang pokok itu.

Walaupun surah ini membicarakan hakikat kepercayaan Wahdaniyah dengan agak luas, iaitu dengan membincangkannya dari berbagai-bagai sudut, dan membicara hakikat Qiamat dan beriman dengannya, juga menyebut Akhirat dan menayangkan pemandangannya di berbagai-bagai tempat, juga memperkatakan tentang sifat-sifat orang-orang yang beriman dan perangai-perangai mereka yang membezakannya dari orang lain, juga menyentuh persoalan luas sempitnya rezeki, juga menyentuh sifat-sifat manusia di dalam masa senang dan susah, namun hakikat wahyu dan kerasulan dan segala apa yang berhubung dengannya tetap merupakan hakikat yang paling menonjol di dalam ruang lingkup surah ini iaitu ia mencorak dan memayungi surah ini dan seolah-olah maudhu'-maudhu' yang lain itu hanya dibawa untuk menguatkan hakikat utama ini.

Surah ini membicarakan hakikat itu serta maudhu'-maudhu' yang lain yang ada hubungan dengannya dengan cara yang mendorong ke arah menambahkan perhatian yang teliti. Hakikat itu dibicarakan dari berbagai-bagai sudut yang diselang-selikan dengan beberapa ayat yang memperkatakan tentang Wahdaniyah Tuhan Pencipta atau Wahdaniyah Tuhan Pemberi rezeki atau Wahdaniyah Tuhan Penguasa hati atau Wahdaniyah Tuhan Penguasa untung nasib kesudahan manusia, sementara pembicaraan mengenai hakikat wahyu dan risalah pula menuju kepada menegakkan konsep Wahdaniyah Tuhan Penurun wahyu dan konsep kesatuan wahyu, kesatuan 'aqidah, kesatuan sistem dan cara hidup, dan akhirnya ialah konsep kesatuan kepimpinan manusia di bawah naungan 'aqidah.

Kerana itu garis konsep Wahdaniyah kelihatan terlukis begitu jelas di dalam hati kita dengan berbagai-bagai pengertian dan bayangan-bayangannya, di sebalik semua maudhu'-maudhu' yang dibicarakan oleh surah ini. Di sini kami memberi beberapa contoh secara ringkas sebelum diulaskan dengan terperinci.

Surah ini dimulakan dengan huruf-huruf tunggal:

حمٓ ﴿١﴾ عٓسٓقٓ ﴿٢﴾

"Haa. Miim. 'Aiin. Siin. Qaaf."(1-2)

Kemudian diiringi dengan ayat:

كَذَٰلِكَ يُوحِيٓ إِلَيۡكَ وَإِلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِكَ ٱللَّهُ ٱلۡعَزِيزُ

ٱلْحَكِيمُ ﴿٣﴾

"Demikianlah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana mewahyukan kepadamu dan kepada rasul-rasul sebelummu."(3)

Ia menjelaskan konsep persamaan atau kesatuan sumber wahyu bagi para rasul yang dahulu dan para rasul yang kemudian:

يُوحِىٓ إِلَيْكَ وَإِلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكَ

"Dia mewahyukan kepadamu dan kepada rasul-rasul sebelummu."(3)

Kemudian ia membuat selingan menjelaskan sifat Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana:

لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۖ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ
ٱلْعَظِيمُ ﴿٤﴾

"Dialah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar."(4)

Ayat ini menjelaskan konsep Wahdaniyah Tuhan yang memiliki langit dan bumi dan konsep keunggulan, kebesaran dan keagungan-Nya yang unik.

Kemudian ia membuat satu selingan lagi menggambarkan sikap alam buana terhadap persoalan keimanan dengan Allah Pemilik alam Yang Maha Agung dan Maha Esa dan terhadap persoalan syirik yang memencilkan setengah-setengah manusia:

تَكَادُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ يَتَفَطَّرْنَ مِن فَوْقِهِنَّ ۚ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ
يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيَسْتَغْفِرُونَ لِمَن فِى
ٱلْأَرْضِ ۗ أَلَآ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٥﴾
وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءَ ٱللَّهُ حَفِيظٌ عَلَيْهِمْ
وَمَآ أَنتَ عَلَيْهِم بِوَكِيلٍ ﴿٦﴾

"Langit hampir-hampir pecah dari sebelah atasnya dan para malaikat bertasbih memuji Tuhan mereka dan memohon keampunan untuk penghuni-penghuni di bumi. Ingatlah! Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (5). Dan orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung selain dari Allah, maka Allah sentiasa mengawasi mereka dan engkau bukannya ditugas mengawasi mereka."(6)

Ayat ini menggambarkan bahawa seluruh alam buana sibuk dengan persoalan iman dan syirik hingga langit hampir-hampir pecah dan terbelah kerana melihat keganjilan setengah-setengah sikap manusia yang hidup di bumi yang sanggup mensyirikkan Allah, sedangkan malaikat sentiasa bertasbih memuji Allah dan memohon keampunan untuk seluruh penduduk bumi dari perbuatan syirik yang keji yang dilakukan setengah-setengah manusia yang menyeleweng ini.

Selepas pusingan ini ia kembali pula kepada yang pertama:

وَكَذَٰلِكَ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّتُنذِرَ أُمَّ ٱلْقُرَىٰ
وَمَنْ حَوْلَهَا وَتُنذِرَ يَوْمَ ٱلْجَمْعِ لَا رَيْبَ فِيهِ ۚ فَرِيقٌ فِى
ٱلْجَنَّةِ وَفَرِيقٌ فِى ٱلسَّعِيرِ ﴿٧﴾

"Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu Al-Qur'an dalam bahasa Arab supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul-Qura (Makkah) dan penduduk negeri-negeri di sekelilingnya serta memberi peringatan tentang hari perhimpunan Qiamat yang tiada sebarang keraguan. Segolongan mereka ditempatkan dalam Syurga dan segolongan lagi ditempatkan dalam Neraka.(7)

Kemudian Al-Qur'an membuat selingan menerangkan tentang kedudukan golongan yang memasuki Syurga dan golongan yang memasuki Neraka.

فَرِيقٌ فِى ٱلْجَنَّةِ وَفَرِيقٌ فِى ٱلسَّعِيرِ ﴿٧﴾

"Segolongan mereka ditempatkan dalam Syurga dan segolongan lagi ditempatkan dalam Neraka."(7)

Di sini Al-Qur'an menjelaskan bahawa andainya Allah kehendaki Dia boleh menjadikan mereka satu umat sahaja, tetapi kehendak iradat-Nya Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana telah menentukan untuk memasukkan ke dalam rahmat-Nya mereka yang dikehendaki-Nya sahaja, sedangkan:

وَٱلظَّٰلِمُونَ مَا لَهُم مِّن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٨﴾

"Orang-orang yang zalim (syirik) tidak akan mendapat pelindung dan penolong untuk mereka."(8)

Dan seterusnya menjelaskan bahawa hanya Allah sahaja yang menjadi Pelindung yang sebenar!

وَهُوَ يُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٩﴾

"Dan Dialah yang menghidupkan segala yang mati dan Dialah Yang Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(9)

Setelah itu ia kembali pula menerangkan hakikat yang pertama, iaitu hakikat wahyu dan kerasulan, di sini ia menjelaskan bahawa kata pemutus dalam menyelesaikan perkara-perkara yang dipertikaikan oleh manusia itu adalah terpulang kepada Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an supaya menjadi asas rujukan dalam setiap pertikaian dan perselisihan yang berlaku di kalangan mereka:

وَمَا ٱخْتَلَفْتُمْ فِيهِ مِن شَىْءٍ فَحُكْمُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكُمُ
ٱللَّهُ رَبِّى عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ ﴿١٠﴾

"Apa sahaja perkara yang kamu berselisih mengenainya, maka kata pemutusnya dipulangkan kepada Allah. Itulah Allah Tuhanku. Kepada-Nya aku bertawakkal dan kepada-Nya aku kembali."(10)

Kemudian Al-Qur'an membuat selingan membentangkan konsep Rububiyah di samping konsep Wahdaniyah Tuhan Pencipta dan konsep Wahdaniyah Tuhan Penguasa yang memegang teraju pemerintahan langit dan bumi dan menentukan pembahagian rezeki dan mengetahui segala sesuatu:

فَاطِرُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ
أَزْوَٰجًا وَمِنَ ٱلْأَنْعَٰمِ أَزْوَٰجًا ۖ يَذْرَؤُكُمْ فِيهِ ۚ لَيْسَ
كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾
لَهُۥ مَقَالِيدُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن
يَشَآءُ وَيَقْدِرُ ۚ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٢﴾

"Dialah Pencipta langit dan bumi. Dia jadikan pasangan-pasangan untuk kamu dari jenis kamu sendiri dan Dia jadikan pasangan-pasangan untuk binatang ternakan. Dia membiakkan keturunan kamu dengan perantaraan pasangan itu. Tiada sesuatu pun yang seperti-Nya dan Dialah Yang Maha Mendengar dan Maha Melihat (11). Dialah yang memiliki anak-anak kunci perbendaharaan langit dan bumi, Dialah yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala sesuatu."(12)

Kemudian sekali lagi ia kembali membicarakan hakikat yang pertama iaitu hakikat wahyu dan kerasulan:

شَرَعَ لَكُم مِّنَ ٱلدِّينِ مَا وَصَّىٰ بِهِۦ نُوحًا وَٱلَّذِىٓ
أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِۦٓ إِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ
وَعِيسَىٰٓ ۖ أَنْ أَقِيمُوا۟ ٱلدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا۟ فِيهِ ۚ كَبُرَ عَلَى
ٱلْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ ۚ ٱللَّهُ يَجْتَبِىٓ إِلَيْهِ مَن
يَشَآءُ وَيَهْدِىٓ إِلَيْهِ مَن يُنِيبُ ﴿١٣﴾
وَمَا تَفَرَّقُوٓا۟ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْعِلْمُ بَغْيًۢا بَيْنَهُمْ ۚ
وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى
لَّقُضِىَ بَيْنَهُمْ ۚ وَإِنَّ ٱلَّذِينَ أُورِثُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ مِنۢ
بَعْدِهِمْ لَفِى شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿١٤﴾
فَلِذَٰلِكَ فَٱدْعُ ۖ وَٱسْتَقِمْ كَمَآ أُمِرْتَ ۖ وَلَا تَتَّبِعْ
أَهْوَآءَهُمْ ۖ وَقُلْ ءَامَنتُ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِن كِتَٰبٍ ۖ
وَأُمِرْتُ لِأَعْدِلَ بَيْنَكُمُ ۖ ٱللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ ۖ لَنَآ
أَعْمَٰلُنَا وَلَكُمْ أَعْمَٰلُكُمْ ۖ لَا حُجَّةَ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ ۖ
ٱللَّهُ يَجْمَعُ بَيْنَنَا ۖ وَإِلَيْهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٥﴾

"Allah telah mensyari'atkan untuk kamu peraturan agama yang telah diperintahkannya kepada Nuh dan peraturan yang Kami telah wahyukan kepadamu dan peraturan yang Kami telah perintahkannya kepada Ibrahim, Musa dan "Isa iaitu hendaklah kamu tegakkan agama ini dan janganlah kamu berpecah-belah mengenainya. Amatlah berat kepada orang-orang Musyrikin untuk menerima agama (tauhid) yang engkau seru kepadanya, Allah memilih kepada agama-Nya siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang kembali kepada-Nya (13). Dan mereka tidak berpecah-belah melainkan selepas datang pengetahuan yang jelas kepada mereka kerana perasaan dengki sesama mereka. Andainya tidak kerana adanya ketetapan yang telah diputuskan dari Tuhanmu (untuk menangguhkan hukuman) sehingga kepada satu masa yang ditentukan nescaya mereka dibinasakan terus. Dan sesungguhnya orang-orang yang diwariskan kitab selepas mereka adalah berada di dalam kesangsian terhadap kebenaran kitab itu (14). Oleh kerana itu serulah mereka (ke jalan yang betul), dan hendaklah engkau berdiri teguh mematuhi perintah sebagaimana yang telah diperintahkan kepadamu, dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu mereka, dan katakanlah: Aku beriman kepada semua kitab yang telah diturunkan Allah, dan aku diperintah berlaku adil di antara kamu. Allah itu Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami ialah amalan-amalan kami dan bagi kamu ialah amalan-amalan kamu. Tiada perlu lagi sebarang perdebatan di antara kami dengan kamu. Allah akan mengumpulkan di antara kita (pada hari Qiamat), dan kepada-Nya jua tempat kembali."(15)

Demikianlah caranya surah ini membentangkan hakikat wahyu dan kerasulan dalam suasana yang seperti ini sambil menyentuh persoalan-persoalan 'aqidah yang lain yang mengukuhkan lagi hakikat wahyu dan kerasulan yang seolah-olah menjadi maudhu' utama surah ini.

Cara ini amat jelas sekali dalam ayat-ayat bahagian yang pertama ini, di mana pembaca akan bersua dengan aspek hakikat wahyu dan kerasulan selepas setiap beberapa ayat yang dibacakannya.

Dalam ayat-ayat bahagian yang kedua yang merupakan bahagian yang tinggal dari surah ini adalah dimulakan dengan membentangkan beberapa ayat mengenai persoalan keluasan dan kesempitan dalam pembahagian rezeki, juga mengenai pembahagian air hujan, penciptaan langit dan bumi dan binatang-binatang yang hidup di atasnya dan penciptaan kapal-kapal yang besar seperti gunung di lautan, kemudian ia membuat selingan menerangkan sifat-sifat orang-orang Mu'min yang membezakan mereka dari golongan yang lain, kemudian menayangkan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan hari Qiamat yang menggambarkan keadaan orang-orang yang zalim sewaktu mereka melihat 'azab:

وَتَرَى الظَّالِمِينَ لَمَّا رَأَوُا الْعَذَابَ يَقُولُونَ هَلْ إِلَىٰ
مَرَدٍّ مِّن سَبِيلٍ ﴿٤٤﴾
وَتَرَاهُمْ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا خَاشِعِينَ مِنَ الذُّلِّ
يَنظُرُونَ مِن طَرْفٍ خَفِيٍّ ۗ

"...Dan engkau akan melihat orang-orang yang zalim berkata ketika mereka melihat 'azab: Adakah di sana suatu jalan untuk kembali ke dunia?(44). Dan engkau akan melihat mereka didedahkan kepada api Neraka dengan keadaan tunduk kerana merasa hina dina. Mereka memandang dengan hujung mata (kerana terlalu hina)."(45)

Dan menggambarkan kedudukan unggul orang-orang yang beriman yang berdiri sebagai pengulas yang menerangkan keadaan orang-orang yang zalim:

وَقَالَ الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ الْخَاسِرِينَ الَّذِينَ خَسِرُوا
أَنفُسَهُمْ وَأَهْلِيهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۗ أَلَا إِنَّ الظَّالِمِينَ
فِي عَذَابٍ مُّقِيمٍ ﴿٤٥﴾

"Dan orang-orang yang beriman berkata: Sesungguhnya orang-orang yang rugi itu ialah orang-orang yang kerugian diri mereka dan keluarga mereka pada hari Qiamat. Ingatlah! Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu berada di dalam 'azab yang kekal."(45)

Dan di bawah bayangan pemandangan ini Al-Qur'an menyeru manusia supaya menyelamatkan diri mereka dari kesudahan yang seperti ini sebelum terluput waktunya:

اسْتَجِيبُوا لِرَبِّكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ يَوْمٌ لَّا مَرَدَّ لَهُ
مِنَ اللَّهِ ۚ مَا لَكُم مِّن مَّلْجَإٍ يَوْمَئِذٍ وَمَا لَكُم
مِّن نَّكِيرٍ ﴿٤٧﴾

"Sambutlah da'wah Tuhan kamu sebelum tiba dari Allah hari yang tidak dapat ditolak kedatangannya. Pada hari itu kamu tidak akan mendapat sebarang tempat perlindungan dan kamu tidak akan dapat lagi mengingkarkan (dosa-dosa kamu)."(47)

Kemudian ia kembali pula memperkatakan salah satu dari aspek-aspek hakikat wahyu dan kerasulan:

فَإِنْ أَعْرَضُوا فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ۖ إِنْ
عَلَيْكَ إِلَّا الْبَلَاغُ ۗ

"Andainya mereka berpaling, maka Kami bukannya mengutuskan engkau sebagai pengawas mereka. Tugas engkau hanya menyampaikan da'wah sahaja."(48)

Demikianlah penerangan surah ini hingga akhirnya berlegar di sekitar persoalan hakikat wahyu dan kerasulan sama ada secara langsung atau tidak langsung di samping selingan-selingan di antara setiap keterangan yang mencontohi hakikat itu, dan pada akhirnya ditamatkan dengan penjelasan mengenai hakikat itu:

وَمَا كَانَ لِبَشَرٍ أَن يُكَلِّمَهُ اللَّهُ إِلَّا وَحْيًا أَوْ مِن
وَرَاءِ حِجَابٍ أَوْ يُرْسِلَ رَسُولًا فَيُوحِيَ بِإِذْنِهِ مَا
يَشَاءُ ۚ إِنَّهُ عَلِيٌّ حَكِيمٌ ﴿٥١﴾
وَكَذَٰلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا ۚ مَا كُنتَ تَدْرِي مَا
الْكِتَابُ وَلَا الْإِيمَانُ وَلَٰكِن جَعَلْنَاهُ نُورًا نَّهْدِي بِهِ
مَن نَّشَاءُ مِنْ عِبَادِنَا ۚ وَإِنَّكَ لَتَهْدِي إِلَىٰ صِرَاطٍ
مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٢﴾
صِرَاطِ اللَّهِ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي
الْأَرْضِ ۗ أَلَا إِلَى اللَّهِ تَصِيرُ الْأُمُورُ ﴿٥٣﴾

"Dan tidak layak bagi seseorang manusia bahawa Allah bercakap secara, langsung dengannya melainkan dengan perantaraan wahyu atau di belakang hijab atau Dia mengutuskan utusan (malaikat) lalu utusan itu menyampaikan wahyu kepadanya dengan keizinan-Nya apa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Bijaksana (51). Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu suatu roh dari urusan Kami. Sebelum ini engkau tidak mengetahui apakah kitab Al-Qur'an dan tidak pula mengetahui apakah iman, tetapi Kami menjadikan Al-Qur'an itu satu nur yang terang dan dengannya Kami memberi hidayat kepada siapa yang Kami kehendaki dari hamba-hamba Kami, dan sesungguhnya engkau benar-benar memberi hidayat ke jalan yang lurus?(52). Iaitu jalan Allah yang memiliki isi langit dan isi bumi. Ingatlah! Kepada Allah sahaja kembalinya segala urusan."(53)

* * * * * *

Di sebalik pemusatan memperkatakan hakikat wahyu dan risalah di sepanjang surah ini terdapat satu matlamat khusus dari penjelasan yang berturut-turut sedemikian rupa iaitu menentukan kepimpinan baru bagi para penda'wah yang menyampai berita gembira kepada manusia, iaitu kepimpinan yang diserahkan kepada risalah yang akhir dan Rasul-Nya serta umat Muslimin yang mengikut agama Allah yang teguh dan lurus.

Isyarat pertama dimulakan bersama bahagian awal surah ini:

كَذَٰلِكَ يُوحِي إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكَ اللَّهُ الْعَزِيزُ
الْحَكِيمُ ﴿٣﴾

"Demikianlah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana mewahyukan kepadamu dan kepadi rasul-rasul sebelummu."(3)

Tujuan ayat ini ialah untuk menjelaskan bahawa Allah itulah yang mewahyukan seluruh risalah kepada sekalian rasul, dan risalah yang akhir merupakan kesinambungan dari risalah-risalah yang berlangsung sejak dahulu kala. Dan sebentar selepas itu datang pula isyarat yang kedua:

وَكَذَٰلِكَ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّتُنذِرَ أُمَّ ٱلْقُرَىٰ
وَمَنْ حَوْلَهَا

"Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu Al-Qur'an dalam bahasa Arab supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul-Qura (Makkah) dan penduduk negeri-negeri di sekelilingnya."(7)

Tujuan ayat ini untuk menjelaskan pusat kepimpinan yang baru yang akan diterangkan selepas ini.

Dalam isyarat yang ketiga ia menjelaskan hakikat persamaan dan kesatuan risalah setelah menerangkan hakikat persamaan dan kesatuan sumber risalah dalam isyarat yang pertama:

شَرَعَ لَكُم مِّنَ ٱلدِّينِ مَا وَصَّىٰ بِهِۦ نُوحًا وَٱلَّذِىٓ
أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِۦٓ إِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ
وَعِيسَىٰٓ ۖ أَنْ أَقِيمُوا۟ ٱلدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا۟ فِيهِ ۚ

"Allah telah mensyari'atkan untuk kamu peraturan agama yang telah diperintahkannya kepada Nuh dan peraturan yang Kami telah wahyukan kepadamu dan peraturan yang Kami telah perintahkannya kepada Ibrahim, Musa dan "Isa iaitu hendaklah kamu tegakkan agama ini dan janganlah kamu berpecah-belah mengenainya."(13)

Isyarat ini membawa selingan menjelaskan bahawa perpecahan telah berlaku iaitu bertentangan dengan perintah Allah. Dan perpecahan itu berlaku bukan kerana kejahilan para pengikut rasul-rasul yang mulia itu malah berlaku dengan penuh ilmu pengetahuan mereka. Ia berlaku kerana kezaliman dan hasad dengki sesama mereka:

وَمَا تَفَرَّقُوٓا۟ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْعِلْمُ بَغْيًۢا بَيْنَهُمْ ۚ

"Dan mereka tidak berpecah-belah melainkan selepas datang pengetahuan yang jelas kepada mereka kerana perasaan dengki sesama mereka."(14)

Kemudian ia membuat selingan lagi menerangkan keadaan orang-orang yang datang selepas mereka yang berpecah dan berselisih faham itu:

وَإِنَّ ٱلَّذِينَ أُورِثُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ مِنۢ بَعْدِهِمْ لَفِى
شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿١٤﴾

"Dan sesungguhnya orang-orang yang diwariskan kitab selepas mereka adalah berada di dalam kesangsian terhadap kebenaran kitab itu."(14)

Sampai di sini ternyatalah bahawa umat manusia telah tercebur ke dalam kekacauan dan keraguan. Mereka tidak lagi mempunyai satu kepimpinan yang lurus, yang ditegakkan di atas agama yang kukuh dan betul. Risalah (agama) samawi yang memimpin umat manusia telah berakhir dengan perpecahan dan perselisihan di antara para pengikutnya, dan mereka yang datang kemudian telah menerima risalah ini dengan keraguan dan kesangsian yang tidak dapat mewujudkan satu kepimpinan yang betul.

Kerana itu Al-Qur'an mengumumkan perlantikan risalah yang akhir (Islam) dan pembawanya Muhammad s.a.w. untuk memegang teraju kepimpinan ini:

فَلِذَٰلِكَ فَٱدْعُ ۖ وَٱسْتَقِمْ كَمَآ أُمِرْتَ ۖ وَلَا تَتَّبِعْ
أَهْوَآءَهُمْ ۖ وَقُلْ ءَامَنتُ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِن كِتَٰبٍ ۖ
وَأُمِرْتُ لِأَعْدِلَ بَيْنَكُمُ ۖ ٱللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ ۖ لَنَآ
أَعْمَٰلُنَا وَلَكُمْ أَعْمَٰلُكُمْ ۖ لَا حُجَّةَ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ ۖ
ٱللَّهُ يَجْمَعُ بَيْنَنَا ۖ وَإِلَيْهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٥﴾

"Oleh kerana itu serulah mereka (ke jalan yang betul), dan hendaklah engkau berdiri teguh mematuhi perintah sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu mereka, dan katakanlah: Aku beriman kepada semua kitab yang telah ditutunkan Allah, dan aku diperintah berlaku adil di antara kamu. Allah itu Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami ialah amalan-amalan kami dan bagi kamu ialah amalan-amalan kamu. Tiada perlu lagi sebarang perdebatan di antara kami dengan kamu. Allah akan mengumpulkan di antara kita (pada hari Qiamat), dan kepada-Nya jua tempat kembali."(15)

Dan kerana itulah juga Al-Qur'an menerangkan sifat-sifat kelompok para Mu'minin yang membezakan mereka dari golongan yang lain di dalam ayat-ayat bahagian yang kedua, iaitu sifat-sifat kelompok Mu'minin yang akan memegang teraju kepimpinan umat manusia berdasarkan agama Allah yang teguh dan betul.

Berdasarkan hakikat ini jelaslah kepada kita maksud dan tujuan dari maudhu' asasi dan maudhu'-maudhu' yang lain yang dibicarakan oleh surah ini dan ia akan menjadi semakin terang lagi apabila dibincangkan dengan terperinci.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 6)

حمٓ ﴿١﴾ عٓسٓقٓ ﴿٢﴾

كَذَٰلِكَ يُوحِىٓ إِلَيْكَ وَإِلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكَ ٱللَّهُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٣﴾

لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۖ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٤﴾

تَكَادُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ يَتَفَطَّرْنَ مِن فَوْقِهِنَّ ۚ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيَسْتَغْفِرُونَ لِمَن فِى ٱلْأَرْضِ ۗ أَلَآ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٥﴾

وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءَ ٱللَّهُ حَفِيظٌ عَلَيْهِمْ وَمَآ أَنتَ عَلَيْهِم بِوَكِيلٍ ﴿٦﴾

"Haa. Miim (1). 'Aiin. Siin. Qaaf (2). Demikianlah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana mewahyukan kepadamu dan kepada rasul-rasul sebelummu (3). Dialah yang memiliki segala apa yang ada di langit dalam segala apa yang ada di bumi dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar (4). Langit hampir-hampir pecah dari sebelah atasnya dan para malaikat bertasbih memuji Tuhan mereka dan memohon keampunan untuk penghuni-penghuni di bumi. Ingatlah: Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (5). Dan orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung selain dari Allah, maka Allah sentiasa mengawasi mereka dan engkau bukannya ditugas mengawasi mereka."(6)

Sebelum ini satu penjelasan yang cukup telah pun diberikan mengenai huruf-huruf potongan yang disebut di awal-awal surah. Di sini huruf-huruf itu disebut di permulaan surah dan diiringi dengan ayat berikut:

كَذَٰلِكَ يُوحِىٓ إِلَيْكَ وَإِلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكَ ٱللَّهُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٣﴾

"Demikianlah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana mewahyukan kepadamu dan kepada rasul-rasul sebelummu."(3)

Al-Qur'an Digubahkan Dari Huruf 'Alif, Ba, Taa' Arab Yang Biasa

Maksudnya, seperti inilah juga dan dengan cara inilah juga wahyu itu diturunkan kepadamu dan kepada rasul-rasul sebelummu. Ia tersusun dari kalimah-kalimah, lafaz-lafaz dan ungkapan-ungkapan yang digubahkan dari huruf-huruf yang diketahui manusia dan difahami mereka makna-maknanya, tetapi mereka tidak berupaya untuk menggubahkan susunan-susunan kata seperti wahyu dari huruf-huruf yang diketahui mereka.

Dari aspek yang lain pula ayat ini menjelaskan hakikat persamaan dan kesatuan wahyu iaitu persamaan dan kesatuan sumbernya yang menurunkan wahyu iaitu Allah S.W.T. Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana dan mereka yang diturunkan wahyu ialah para rasul di sepanjang zaman. Hakikat wahyu itu satu dan sama sahaja walaupun para rasul itu berbeza-beza dan zaman itu berlain-lainan:

إِلَيْكَ وَإِلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكَ

"Kepadamu dan kepada rasul-rasul sebelummu."(3)

Persoalan Wahyu Dan Rasul Merupakan Persoalan Yang Amat Tua

Kisah permulaan wahyu dan rasul adalah satu kisah yang amat lama yang tergolong di dalam lipatan zaman. Babak-babak kisah itu amat banyak dan mempunyai pertalian yang rapat satu sama lain, ia adalah satu kisah agama yang amat teguh akar umbinya walaupun dahan-dahan dan cabang-cabangnya bercawang begitu banyak.

Apabila hakikat ini tertanam di dalam hati nurani orang-orang Mu'min ia akan membuat mereka merasa betapa teguhnya agama yang dipegang mereka, iaitu agama yang datang dari satu sumber dan satu saluran. Hakikat ini juga akan menarik mereka kepada sumber wahyu iaitu:

ٱللَّهُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٣﴾

"Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(3)

Dan seterusnya membuat mereka merasa adanya hubungan kekeluargaan di antara mereka dengan para Mu'minin yang mengikut wahyu itu di setiap zaman dan tempat. Merekalah keluarga Mu'minin yang berada di dalam lembaran-lembaran sejarah, yang menjalar akar umbinya di dalam liku-liku zaman yang jauh dan akhirnya bersambung dengan Allah. Di sinilah seluruh mereka bertemu. Allah **"Maha Perkasa"**, Maha Kuat dan Gagah dan **"Maha Bijaksana"** menurunkan wahyu kepada siapa yang dikehendaki-Nya mengikut kebijaksanaan dan tadbir-Nya. Mengapakah mereka tergamak menyeleweng dari agama Ilahi yang tunggal dan kukuh ini kerana mengikut berbagai-bagai jalan hidup yang tidak membawa kepada Allah, iaitu jalan-jalan hidup yang tidak diketahui sumbernya dan tidak mempunyai arah tujuan yang betul dan lurus?


Al-Qur'an dalam ayat berikut membuat selingan menerangkan sifat Allah yang telah menurunkan wahyu kepada seluruh rasul itu. Ia menjelaskan bahawa Allah itulah satu-satunya Pemilik yang memiliki seluruh isi langit dan bumi dan Dialah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar:

لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۖ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ



"Dialah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi, dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar."(4)

Manusia seringkali, tertipu dan terkeliru. Mereka mengira mereka telah memiliki sesuatu sebaik sahaja mereka dapati benda-benda itu berada di dalam tangan mereka atau diletakkan di bawah kuasa mereka mengguna dan mengambil manfa'at darinya sesuka hati mereka. Tetapi ini bukanlah suatu milik yang haqiqi, kerana milik yang haqiqi itu berada di tangan Allah yang berkuasa mengada dan meniadakan, berkuasa menghidup dan mematikan. Dialah yang berkuasa memberi kepada manusia apa yang dikehendak-Nya dan menafikan kepada mereka apa yang dikehendaki-Nya. Dialah yang berkuasa menghapuskan apa yang dimiliki mereka dan menggantikannya dengan sesuatu yang lain. Hak milik yang haqiqi berada di tangan Allah yang menguasai segala mata benda dan mentadbirkannya mengikut undang-undang yang dipilih-Nya. Oleh itu seluruh benda-benda itu ta'at, patuh dan bertindak mengikut undang-undang itu. Dengan pengertian ini, segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi adalah milik Allah Yang Tunggal. Tiada siapa yang berkongsi dengan-Nya.



"Dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar."(4)

Dia bukan sahaja memiliki isi langit dan bumi tetap juga dengan tunggalnya memiliki darjah ketinggian dan kebesaran. Segala sesuatu amat rendah dibandingkan dengan ketinggian-Nya, dan segala sesuatu amat kecil dan kerdil dibandingkan dengan kebesaran dan keagungan-Nya.

Apabila hakikat ini tertanam di dalam hati nurani manusia, nescaya insaflah mereka ke tujuan mereka di dalam usaha-usaha mencari rezeki dan pendapatan untuk diri mereka, kerana segala isi langit dan bumi adalah milik Allah belaka. Dialah sahaja yang berkuasa memberi, dan di samping itu Dia bersifat **"Maha Tinggi dan Maha Besar"** Dan tiada siapa yang merasa rendah dan hina apabila ia menghulurkan tangan memohon kepada-Nya sebagaimana yang dirasakan mereka apabila mereka menghulurkan tangan meminta pada makhluk-makhluk yang bukannya bersifat Maha Tinggi dan Maha Besar.

Kemudian Al-Qur'an menayangkan suatu fenomena yang menunjukkan bahawa seluruh alam buana dan seluruh ketinggian dan kebesaran itu hanya milik Allah sahaja. Fenomena itu digambarkan dengan harakat langit yang hampir-hampir pecah dan terbelah kerana kehebatan kebesaran Allah yang dirasakan olehnya dan kerana bimbangkan kesesatan setengah-setengah manusia yang tinggal di bumi. Begitu juga gejala itu digambarkan dengan harakat malaikat yang bertasbih memuji Allah dan memohon keampunan untuk penduduk-penduduk bumi yang bersalah kerana penyelewengan dan keangkuhan mereka:

تَكَادُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ يَتَفَطَّرۡنَ مِن فَوۡقِهِنَّۚ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ يُسَبِّحُونَ بِحَمۡدِ رَبِّهِمۡ وَيَسۡتَغۡفِرُونَ لِمَن فِي ٱلۡأَرۡضِۗ أَلَآ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ٥

"Langit hampir-hampir pecah dari sebelah atasnya dan para malaikat bertasbih memuji Tuhan mereka dan memohon keampunan untuk penghuni-penghuni di bumi. Ingatlah: Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(5)

Maksud Dari Istilah Kata-kata Langit

Maksud dari **"Langit"** ialah makhluk-makhluk yang amat besar yang kita nampak di atas kepala kita ketika berada di muka bumi ini. Hanya sebahagian kecil sahaja dari isi langit itu yang diketahui oleh kita. Setakat hari ini kita mengetahui kira-kira seribu juta gugusan matahari yang ada di langit dan setiap gugusan itu mengandungi kira-kira seratus ribu juta matahari seperti matahari kita yang besarnya lebih dari sejuta kali dari bumi kita yang kecil ini. Gugusan-gugusan matahari itu dapat kita lihat menerusi teropong-teropong kita yang kecil bertaburan di sana sini di langit diselangi oleh jarak-jarak yang amat jauh yang dikira ratusan ribu dan jutaan tahun cahaya iaitu dikira dengan kederasan cahaya sebanyak 1,680,000 batu sesa'at.

Langit yang kita ketahui sebahagian kecil darinya itu adalah hampir-hampir pecah dan terbelah kerana takut kepada keagungan dan ketinggian Allah dan kerana bimbangkan penyelewengan setengah-setengah penghuni bumi dan kelupaan mereka terhadap keagungan dan kebesaran Ilahi yang dirasakan oleh dhamir alam-buana hingga menyebabkan ia menggeletar, menggigil dan hampir pecah dan terbelah dari tempatnya yang paling tinggi.

ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ يُسَبِّحُونَ بِحَمۡدِ رَبِّهِمۡ وَيَسۡتَغۡفِرُونَ لِمَن فِي ٱلۡأَرۡضِۗ

"Dan para malaikat bertasbih memuji Tuhan mereka dan memohon keampunan untuk penghuni-penghuni di bumi."(5)

Aktiviti Para Malaikat

Malaikat itu adalah ahli keta'atan dan kepatuhan yang mutlak. Mereka sepatutnya merupakan makhluk yang paling tenang, tetapi mereka sentiasa sibuk bertasbih memuji Allah kerana mereka benar-benar merasakan keagungan dan ketinggian-Nya dan kerana mereka takut taqsir dalam memuji dan menta'ati-Nya. Sementara penghuni-penghuni bumi yang taqsir dan lemah itu pula bertindak terus

mengingkari dan menyeleweng hingga menimbulkan kebimbangan para malaikat dari kemurkaan Allah, dan kerana itu mereka memohon keampunan untuk penghuhi bumi dari maksiat dan taqsir yang berlaku di sana. Dan mungkin pula maksud dari permohonan keampunan itu ialah permohonan keampunan para malaikat untuk orang-orang Mu'min sebagaimana yang diterangkan di dalam Surah Ghafir:

ٱلَّذِينَ يَحۡمِلُونَ ٱلۡعَرۡشَ وَمَنۡ حَوۡلَهُۥ يُسَبِّحُونَ بِحَمۡدِ
رَبِّهِمۡ وَيُؤۡمِنُونَ بِهِۦ وَيَسۡتَغۡفِرُونَ لِلَّذِينَ ءَامَنُواْ

"Malaikat-malaikat yang menanggung 'Arasy dan malaikat-malaikat yang berada di sekelilingnya bertasbih memuji Tuhan mereka dan mereka beriman kepada-Nya dan memohon keampunan untuk orang-orang yang beriman."

(Surah Ghafir : 7)

Dalam keadaan ini jelaslah betapa bimbangnya para malaikat terhadap sesuatu maksiat yang berlaku di bumi dan terhadap orang-orang yang beriman sendiri. Betapa takutnya mereka terhadap maksiat itu dan kerana itulah mereka memohon keampunan dari Allah dan bertasbih memujikan-Nya kerana, menginsafi ketinggian dan keagungan-Nya dan kerana menyatakan kebimbangan mereka terhadap sesuatu maksiat yang berlaku di dalam kerajaan Ilahi dan memohon limpah keampunan dan rahmat-Nya:

أَلَآ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ۝٥

"Ingatlah! Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(5)

Dengan ayat ini terkumpullah berbagai-bagai sifat Allah yang diperkenalkan kepada para hamba-Nya iaitu sifat Maha Perkasa, Maha Bijaksana, Maha Tinggi, Maha Besar, Maha Pengampun dan Maha Pengasih.

Kedudukan Mereka Yang Bertuhankan Yang Lain Dari Allah

Dan setelah menjelaskan sifat-sifat itu dan kesan-kesannya di seluruh alam, Al-Qur'an pada akhir ceraian ayat memperkatakan pula tentang orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung yang lain dari Allah, sedangkan telah jelas bahawa tiada pelindung di alam ini melainkan Allah dengan tujuan untuk membebaskan Rasulullah s.a.w. dari tugas mengawasi mereka kerana pengawasan itu bukannya tugas beliau. Cukuplah Allah mengawasi mereka:

وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَ ٱللَّهُ حَفِيظٌ عَلَيۡهِمۡ
وَمَآ أَنتَ عَلَيۡهِم بِوَكِيلٖ ۝٦

"Dan orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung selain dari Allah, maka Allah sentiasa mengawasi mereka dan engkau bukannya ditugas mengawasi mereka."(6)

Kini ternampak jelas di hati nurani gambaran orang-orang yang malang itu yang telah memilih pelindung-pelindung yang lain dari Allah. Segala apa yang tergenggam di dalam tangan mereka adalah kosong belaka. Mereka dan pelindung-pelindung mereka kelihatan begitu kecil dan kerdil, sedangkan Allah mengawasi mereka, dan mereka begitu lemah dan kecil di dalam genggaman kekuasaan Allah. Ada pun Nabi s.a.w. dan para Mu'minin yang ada bersamanya adalah dibebaskan dari tugas memikirkan urusan mereka dan mengambil berat tentang mereka kerana cukuplah Allah sahaja yang mengawasi dan memperhatikan keadaan mereka.

Hakikat ini pastilah ditanam di dalam hati orang-orang Mu'min supaya mereka tenang dan tenteram dalam segala keadaan sama ada orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung yang lain dari Allah itu terdiri dari orang-orang yang berkuasa di dunia atau dari orang-orang yang tidak berkuasa. Mereka dapat menghadapi golongan yang pertama dengan tenang kerana mereka memandang kekuasaan golongan ini sangat kecil biarpun bagaimana hebat mereka memperlihatkan kekuatan mereka. Kekuasaan mereka tetap kecil selama mereka tidak mengambil kekuasaan itu dari Allah dan mereka tetap diawasi Allah dari segenap sudut. Seluruh alam buana beriman kepada Allah hanya mereka sahaja yang menyeleweng. Mereka tidak ubah seperti nada sumbang dalam sebuah lagu yang penuh harmoni. Orang-orang Mu'min juga dapat menghadapi golongan yang berkuasa itu dengan tenang kerana mereka sedar bahawa mereka tidak berdosa apabila golongan yang berkuasa itu telah memilih pelindung-pelindung yang lain dari Allah itu. Mereka bukannya ditugas untuk mengawasi manusia-manusia yang menyeleweng, kerana tugas mereka hanya memberi nasihat dan menyampaikan da'wah. Hanya Allah jua yang mengawasi hati para hamba-Nya.

Kerana itu orang-orang Mu'min dapat meneruskan jalan hidup mereka dengan tenang dan yakin bahawa itulah jalan hidup yang bersambung dengan wahyu Allah. Mereka tidak akan mendapat apa-apa kemudaratan dari kesesatan orang-orang yang menyeleweng dari jalan yang benar itu biarpun bagaimana jauh penyelewengan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 9)

Tujuan Diturunkan Al-Qur'an

Kemudian Al-Qur'an kembali memperkatakan tentang hakikat yang pertama:

وَكَذَٰلِكَ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ قُرۡءَانًا عَرَبِيّٗا لِّتُنذِرَ أُمَّ ٱلۡقُرَىٰ
وَمَنۡ حَوۡلَهَا وَتُنذِرَ يَوۡمَ ٱلۡجَمۡعِ لَا رَيۡبَ فِيهِۚ فَرِيقٞ فِي
ٱلۡجَنَّةِ وَفَرِيقٞ فِي ٱلسَّعِيرِ ۝٧

وَلَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَعَلَهُمۡ أُمَّةٗ وَٰحِدَةٗ وَلَٰكِن يُدۡخِلُ مَن يَشَآءُ

فِي رَحْمَتِهِۦۚ وَٱلظَّٰلِمُونَ مَا لَهُم مِّن وَلِيّٖ وَلَا نَصِيرٍ ٨
أَمِ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَۖ فَٱللَّهُ هُوَ ٱلۡوَلِيُّ وَهُوَ يُحۡيِ
ٱلۡمَوۡتَىٰ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ٩

"Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu Al-Qur'an dalam bahasa Arab supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul-Qura (Makkah) dan penduduk negeri-negeri di sekelilingnya serta memberi peringatan tentang hari perhimpunan Qiamat yang tiada sebarang keraguan. Segolongan mereka ditempatkan dalam Syurga dan segolongan lagi ditempatkan dalam Neraka (7). Dan seandainya Allah kehendaki nescaya Dia jadikan mereka satu umat sahaja, tetapi Dia memasukkan ke dalam rahmat-Nya mereka yang dikehendaki-Nya dan orang-orang yang zalim (syirik) tidak akan mendapat pelindung dan penolong untuk mereka (8). Apakah patut mereka mengambil pelindung-pelindung selain dari Allah? Sedangkan Allah itulah pelindung yang sebenar dan Dialah yang menghidupkan segala yang mati dan Dialah Yang Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(9)

وَكَذَٰلِكَ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ قُرۡءَانًا عَرَبِيّٗا

"Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu Al-Qur'an dalam bahasa Arab..........."(7)

Hakikat wahyu yang disebut di dalam ayat ini dihubungan dengan hakikat wahyu yang disebut dalam ayat-ayat permulaan surah ini. Titik penyesuaian di antara huruf-huruf Arab yang disebut itu dengan kenyataan di sini bahawa Al-Qur'an itu diturunkan dengan bahasa Arab adalah amat jelas sekali. Inilah huruf-huruf Arab mereka dan inilah Al-Qur'an mereka yang diturunkan dalam bahasa Arab mereka dengan tujuan:

لِّتُنذِرَ أُمَّ ٱلۡقُرَىٰ وَمَنۡ حَوۡلَهَا

"Supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul-Qura (Makkah) dan penduduk negeri-negeri di sekelilingnya."(7)

Ummul-Qura ialah negeri Makkah al-Mukarramah yang dimuliakan dengan Baitullah al-'Atiq. Allah telah memilih negeri ini dan negeri di sekelilingnya sebagai tapak risalah yang akhir, dan Allah telah menurunkan Al-Qur'an di dalam bahasa Arab iaitu bahasa penduduk negeri itu kerana sesuatu tujuan yang diketahui dan dikehendaki Allah.

ٱللَّهُ أَعۡلَمُ حَيۡثُ يَجۡعَلُ رِسَالَتَهُۥۗ

"Allah lebih mengetahui di manakah hendak menempatkan risalah-Nya."

(Surah al-An'am: 124)

Pada hari ini apabila kita meninjau kembali di sebalik peristiwa-peristiwa dan suasana-suasana yang telah dilalui da'wah dan hasil-hasil yang telah dicapaikannya dapatlah kita memahami sebahagian dari hikmat Allah mengapa negeri Makkah di waktu itu dipilih oleh-Nya sebagai tempat dan tapak risalah-Nya yang akhir untuk seluruh umat manusia, iaitu risalah yang mempunyai ciri universalisme yang meliputi semua bangsa dari awal-awal kelahirannya lagi.

Dunia Sebelum, Semasa Dan Selepas Kedatangan Islam

Dunia semasa dilahirkan risalah yang akhir ini boleh dikatakan terbahagi di bawah empat empayar, iaitu empayar Roman di Eropah dan sebahagian negeri-negeri Asia Barat dan Afrika, empayar Parsi yang menguasai sebahagian besar negeri Asia Barat dan Afrika, empayar India dan empayar China. Kedua-dua empayar yang akhir ini boleh dikatakan dua empayar yang tertutup dan terpencil dengan 'aqidah-'aqidah kepercayaan dan hubungan-hubungan politik masing-masing. Keterpencilan dua empayar ini telah membuat empayar Roman dan empayar Parsi sebagai dua empayar yang benar-benar mempunyai kesan yang haqiqi terhadap kehidupan umat manusia dan perkembangan-perkembangannya.

Pengaruh agama-agama samawi sebelum Islam iaitu agama Yahudi dan Kristian telah pun berakhir dan kedua-duanya telah jatuh di bawah pengaruh dua empayar tersebut. Kedua-dua agama itu pada hakikatnya telah dikuasai kerajaan bukan kedua-dua agama itu yang menguasai kerajaan, apatah lagi kedua-dua agama itu telah dirosakkan oleh penyelewengan-penyelewengan dan kesesatan.

Agama Yahudi kadang-kadang menjadi mangsa penindasan kerajaan Roman, dan kadang-kadang pula menjadi mangsa kerajaan Parsi. Agama ini tidak lagi mempunyai sesuatu pengaruh yang boleh disebut di dunia ini. Ia pada akhirnya menjadi satu agama yang tertutup untuk keturunan Israel sahaja. Ia tidak lagi mempunyai cita-cita dan hasrat untuk meletakkan bangsa-bangsa yang lain di bawah sayapnya.

Agama Kristian pula telah dilahirkan di bawah pemerintahan kerajaan Roman yang pada masa itu menguasai negeri-negeri Palestin, Syria, Mesir dan kawasan-kawasan negeri di mana tersebarnya agama Kristian secara rahsia. Agama ini terpaksa bersembunyi dari buruan dan penindasan empayar Roman yang telah menindaskan agama yang baru ini dengan kejam. Ia melibatkan pembunuhan-pembunuhan kejam yang meragut nyawa puluhan ribu manusia. Apabila zaman penindasan pemerintahan Roman telah berakhir dan apabila Seri Maharaja Roman masuk ke dalam agama Kristian bersama-sama dengan dongeng-dongeng paganisme Roman dan kajian-kajian falsafah Greek yang bercampuraduk dengan kepercayaan-kepercayaan paganisme, maka agama itu pun berubah kepada satu bentuk agama yang ganjil. Ia tidak lagi merupakan agama samawi dalam bentuk aslinya. Sementara kelakuan kerajaan Roman itu sendiri tidak banyak terjejas dengan ajaran-ajaran agama itu, malah kerajaan masih terus menguasai agama itu dan

bukannya agama yang menguasai kerajaan. Semuanya ini ditambahkan pula dengan pertelingkahan-pertelingkahan dan pergaduhan-pergaduhan sengit di antara berbagai-bagai mazhab agama Kristian yang menghancurkan keutuhan gereja, malah hampir-hampir menghancurleburkan kerajaan Roman itu sendiri. Pertelingkahan inilah yang telah meletakkan penentang-penentang mazhab rasmi kerajaan di bawah penindasan-penindasan yang kejam, sedangkan kedua-dua golongan ini semuanya menyeleweng dari agama Masihi yang sebenar.

Di waktu inilah datangnya agama Islam. Ia datang untuk menyelamatkan umat manusia dari kehancuran, kerosakan, penindasan dan dari jahiliyah yang buta di merata pelosok dunia. Ia datang untuk menaungi kehidupan umat manusia dan memimpinnya ke jalan hidayat dan nur Allah. Islam pasti memegang kekuasaan untuk mewujudkan perubahan dan perpindahan yang besar dalam kehidupan umat manusia. Islam pasti memulakan perjalanannya dari bumi negeri yang bebas dari kuasa-kuasa empayar yang wujud di masa itu. Dan sebelum memulakan perjalanannya, Islam pasti berkembang subur dengan bebas tanpa dipengaruhi kuasa atau kekuatan luar yang bertentangan dengan tabi'atnya di negeri itu, malah Islamlah yang harus menguasai dirinya sendiri dan menguasai mereka yang di sekelilingnya. Pada masa itu Semenanjung Tanah Arab dan Ummul-Qura (Makkah) dan negeri-negeri sekitarnya merupakan tempat dan tapak yang paling sesuai untuk pertumbuhan Islam, juga merupakan titik tolak yang paling sesuai untuk memulakan perjalanannya ke arah universalisme yang menjadi matlamat kedatangannya sejak dari awal lagi.

Di sana tidak ada sebuah kerajaan yang teratur, yang mempunyai undang-undang dan peraturan, mempunyai angkatan tentera dan polis dan mempunyai kuasa penuh di Semenanjung Tanah Arab yang dapat menentang agama yang baru itu dengan kuasanya yang teratur, di mana seluruh rakyat jelata tunduk atau patuh kepadanya, seperti yang berlaku di empat empayar tersebut.

Begitu juga di sana tidak ada satu agama yang tetap dan jelas sifat-sifatnya, kerana agama paganisme jahiliyah di waktu itu kucar-kacir. Kepercayaan-kepercayaan dan ibadatnya beraneka ragam. Orang-orang Arab menyembah berbagi-bagai tuhan iaitu malaikat, jin, bintang-bintang dan berhala, walaupun Ka'bah dan kaum Quraysy memegang kuasa umum agama di Semenanjung Tanah Arab, tetapi kuasa itu bukanlah kuasa yang kukuh dan teratur yang dapat memberi tentangan yang haqiqi terhadap agama baru itu. Andainya tidak kerana kepentingan-kepentingan ekonomi dan kedudukan-kedudukan istimewa pembesar-pembesar Quraysy tentulah mereka tidak mengambil sikap memusuhi Islam, kerana mereka sendiri sedar betapa kacau dan tidak kukuhnya kepercayaan-kepercayaan agama mereka.

Kelemahan sistem politik di Semenanjung Tanah Arab di samping kelemahan sistem agamanya merupakan satu suasana yang paling sesuai untuk kelahiran satu agama baru yang bebas dari segala kuasa dan pengaruh yang bertentangan dengan tabi'atnya di dalam masa pertumbuhannya.

Di samping kelemahan-kelemahan ini, kedudukan kemasyarakatan di Semenanjung Tanah Arab juga mempunyai nilainya dalam menaungi dan melindungi pertumbuhan da'wah agama yang baru itu. Masyarakat di waktu itu dikuasai sistem qabilah dan dalam sistem ini suku-suku keluarga mempunyai nilai yang dipandang tinggi. Apabila Nabi Muhammad s.a.w. melancarkan da'wah Islam beliau dapati pedang-pedang suku keluarga Bani Hasyim memberi perlindungan kepadanya di samping mendapat peluang, wujudnya imbangan kedudukan qabilah-qabilah, kerana suku-suku itu takut dan bimbang, untuk menyerang suku Bani Hasyim yang memberi perlindungan kepada Nabi Muhammad s.a.w., sedangkan suku ini tidak mengikut agamanya, malah mereka takut menceroboh siapa sahaja yang mempunyai hubungan dengan mana-mana suku dari segolongan kecil orang-orang yang telah memeluk agama Islam di permulaan da'wah. Mereka membiarkannya kepada keluarganya sendiri mengambil tindakan terhadapnya. Hamba-hamba yang diseksa kerana memeluk agama Islam adalah diseksa oleh tuanmas mereka sendiri, kerana itu Abu Bakr r.a membeli hamba-hamba itu dan memerdekakan mereka. Dengan langkah ini, mereka tidak lagi di'azab dan diseksakan kerana agama mereka jelaslah bahawa kedudukan yang seperti ini memberi peluang istimewa kepada pertumbuhan agama yang baru ini.

Di samping itu ialah keistimewaan watak bangsa Arab itu sendiri. Mereka mempunyai sifat-sifat berani, murah hati dan kehormatan diri, iaitu sifat-sifat yang merupakan persediaan-persediaan yang perlu untuk memikul tugas memperjuangkan agama yang baru itu dan melaksanakan kewajipan-kewajipannya.

Benih-benih Kebangkitan Bakat-bakat Kebolehan Dan Potensi Tokoh-tokoh Pemimpin Telah Tersedia Di Semenanjung Tanah Arab

Di Semenanjung Tanah Arab di waktu itu penuh dengan benih-benih kebangkitan, penuh dengan bakat-bakat kebolehan, persediaan-persediaan dan tokoh-tokoh yang disediakan untuk kebangkitannya di alam ghaib. Ia juga mempunyai pengalaman-pengalaman insaniyah yang tertentu sebagai hasil dari perjalanan-perjalanan dan penjelajahan-penjelajahan penduduknya di negeri-negeri takluk jajahan empayar Kisra dan Kaisar. Dan yang paling terkenal ialah penjelajahan mereka di musim dingin ke negeri-negeri di Selatan dan penjelajahan mereka di musim panas ke negeri-negeri di Utara, iaitu dua penjelajahan yang disebut di dalam Al-Qur'an:

لِإِيلَٰفِ قُرَيْشٍ ﴿١﴾
إِۦلَٰفِهِمْ رِحْلَةَ ٱلشِّتَآءِ وَٱلصَّيْفِ ﴿٢﴾
فَلْيَعْبُدُوا۟ رَبَّ هَٰذَا ٱلْبَيْتِ ﴿٣﴾
ٱلَّذِىٓ أَطْعَمَهُم مِّن جُوعٍ وَءَامَنَهُم مِّنْ
خَوْفٍۭ ﴿٤﴾

"Kerana (mengenangkan ni'mat) kebiasaan kaum Quraysy (1). Iaitu kebiasaan mereka melakukan perjalanan perniagan di musim sejuk dan panas (2). Maka kerana itu hendaklah mereka menyembah Tuhan rumah Ka'bah ini (3). Yang telah mengurniakan makanan yang menyelamatkan mereka dari kelaparan dan mengamankan mereka dari ketakutan."(4)

(Surah Quraysy)

Banyak lagi sebab-sebab yang membawa kepada terkumpulnya modal-modal dalam tabung simpanan pengalaman-pengalaman yang kaya pada orang-orang Arab di samping wujudnya kesediaan mereka untuk menyambut tugas agung yang dipilih Allah untuk Semenanjung Tanah Arab itu. Apabila Islam datang, ia terus mempergunakan seluruh tabung simpanan pengalaman itu dan menggerakkan daya tenaga yang tersembunyi dan siap sedia untuk berkembang itu, lalu Allah bukakannya dengan anak kunci Islam dan jadikan seluruhnya sebagai tabung simpanan untuk perkembangan Islam. Mungkin inilah sebahagian dari hakikat yang dapat mentafsirkan sebab wujudnya satu angkatan tokoh-tokoh sahabat yang besar dalam angkatan pertama di zaman hidup Rasulullah s.a.w. seperti Abu Bakr, 'Umar, 'Uthman, Ali, Hamzah, al-Abbas, Abu 'Ubaidah, Sa'ad ibn Abu Waqqas, Khalid ibn al-Walid, Sa'ad ibn Mu'az, Abu Ayyub al-Ansari dan lain-lain tokoh dari kumpulan manusia yang bukan sahaja menerima Islam tetapi memperjuangkannya jiwa mereka tidak syak lagi telah berkembang subur dan menjadi baik dengan sebab asuhan Islam dan merekalah yang membawa benih-benih yang baik bagi perkembangan dan kesempurnaan Islam.

Di sini tidak ada ruang bagi memperincikan segala persediaan Semenanjung Tanah Arab untuk memikul tugas membawa agama yang baru itu dan memelihara pertumbuhannya serta membolehkannya menguasai diri sendiri dan mereka yang di sekelilingnya, iaitu persediaan-persediaan yang dikatakan sebagai sebahagian dari sebab-sebab mengapa Semenanjung Tanah Arab dipilih sebagai tapak lahir agama yang baru bagi seluruh umat manusia dan mengapa Baitullah itu sendiri dipilih sebagai tempat lahirnya pembawa agama Rasulullah s.a.w. Ini memerlukan satu penerangan yang panjang lebar dan tempatnya ialah satu buku khas yang berasingan. Di sini cukuplah dengan penerangan ringkas mengenai hikmat Allah yang tersembunyi itu, dan sebahagian dari hikmat itu dapat direnungi dan difikir apabila pengalaman-pengalaman manusia semakin luas dan kefahaman mereka terhadap undang-undang hidup semakin mendalam.

Demikianlah datangnya Al-Qur'an ini dengan bahasa Arab untuk memberi peringatan kepada penduduk Ummul-Qura dan negeri-negeri sekelilingnya. Apabila Semenanjung Tanah Arab keluar dari jahiliyah dan masuk ke dalam agama Islam seluruhnya, maka di waktu itulah ia memikul panji-panji Islam ke Timur dan ke Barat untuk membawa kepada umat manusia seluruhnya satu agama yang baru dan satu sistem hidup insan yang ditegakkan di atas agama itu. Para pejuang yang membawa agama itu adalah orang-orang yang paling layak dan sesuai untuk memikul tugas membawa dan memindahkan agama itu. Mereka telah mengembangkan agama itu dari negeri yang paling layak dan sesuai untuk menyambut kelahirannya dan memelihara pertumbuhannya.

Kemampuan Bahasa Arab Untuk Menjadi Bahasa Da'wah Global

Bukanlah suatu perkara kebetulan bahawa Rasulullah s.a.w. terus hidup sehingga, dapat melihat seluruh Semenanjung Tanah Arab memeluk agama Islam. Ia adalah tapak kelahiran 'aqidah Islam yang dipilih untuknya oleh ilmu Allah, di samping dipilihkan bahasa Arab sebagai bahasa yang layak untuk mengembangkan agama itu di merata pelosok alam. Di waktu itu bahasa Arab telah matang dan layak untuk memikul tugas da'wah dan menyebarkannya ke seluruh negeri di dunia ini. Andainya bahasa Arab di waktu itu merupakan satu bahasa yang mati atau belum matang dan sempurna sifatnya tentulah ia tidak layak untuk memikul tugas da'wah ini di peringkat pertama lagi, dan seterusnya tidak layak pula untuk memikul tugas memindahkan da'wah itu keluar Semenanjung Tanah Arab di peringkat yang kedua. Bahasa Arab di waktu itu sama dengan orang-orang Arab dan sama dengan negeri-negeri tempat hidup mereka iaitu semuanya berada di tahap yang paling layak dan sesuai untuk menyambut kelahiran Islam yang merupakan satu peristiwa alam yang agung.

Itulah rangkaian keadaan-keadaan penyesuaian yang nampaknya dipilih untuk kelahiran agama yang baru ini dan ini dapat difaham apabila seseorang pengkaji itu merenungi hikmat kebijaksanaan Allah membuat pilihan ini. Amatlah tepat firman Allah:

ٱللَّهُ أَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ رِسَالَتَهُۥ

"Allah lebih tahu di mana hendak menempatkan risalah-Nya."

(Surah al-An'am: 124)

لِّتُنذِرَ أُمَّ ٱلْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا وَتُنذِرَ يَوْمَ ٱلْجَمْعِ

لَا رَيۡبَ فِيهِۚ فَرِيقٞ فِي ٱلۡجَنَّةِ وَفَرِيقٞ فِي ٱلسَّعِيرِ ٧

"Supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul-Qura (Makkah) dan penduduk negeri-negeri di sekelilingnya serta memberi peringatan tentang hari perhimpunan Qiamat yang tiada sebarang keraguan. Segolongan mereka ditempatkan dalam Syurga dan segolongan lagi ditempatkan dalam Neraka."(7)

Peringatan dan amaran yang paling besar, paling hebat dan paling banyak diulang-ulangkan di dalam Al-Qur'an ialah peringatan dan amaran terhadap hari perhimpunan di Mahsyar, iaitu hari di mana Allah mengumpulkan seluruh manusia dari sepanjang zaman dan dari seluruh tempat untuk pembahagian penempatan semula iaitu:

فَرِيقٞ فِي ٱلۡجَنَّةِ وَفَرِيقٞ فِي ٱلسَّعِيرِ ٧

"Segolongan ditempatkan di dalam Syurga dan segolongan lagi ditempatkan dalam Neraka."(7)

Mengikut amalan mereka masing-masing semasa mereka hidup di dunia.

وَلَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَعَلَهُمۡ أُمَّةٗ وَٰحِدَةٗ وَلَٰكِن يُدۡخِلُ مَن يَشَآءُ
فِي رَحۡمَتِهِۦۚ وَٱلظَّٰلِمُونَ مَا لَهُم مِّن وَلِيّٖ وَلَا نَصِيرٍ ٨

"Dan seandainya Allah kehendaki nescaya Dia jadikan mereka satu umat sahaja, tetapi dia memasukkan ke dalam rahmat-Nya mereka yang dikehendaki-Nya dan orang-orang yang zalim (syirik) tidak akan mendapat pelindung dan penolong untuk mereka."(8)

Manusia Diciptakan Dengan Tabi'at Dan Arah Tujuan Dua Hala

Maksudnya, jika Allah kehendaki nescaya ia jadikan manusia itu dengan satu ciptaan yang lain yang menyatukan tingkahlaku mereka dan menyatukan kesudahan hidup mereka sama ada ke Syurga semuanya atau ke Neraka semuanya, tetapi Allah ciptakan manusia untuk melaksanakan tugas khilafah di muka bumi ini dan untuk maksud itu ia jadikan manusia mempunyai kesediaan-kesediaan dan bakat-bakat yang khusus untuk jenis mereka, yang membezakan mereka dari malaikat dan syaitan dan lain-lain makhluk Allah yang hanya mempunyai satu tabi'at dan satu hala tujuan sahaja. Dengan kesediaan-kesediaan, dan bakat-bakat yang berlainan itu segolongan dari mereka menuju ke jalan hidayat, nur dan amalan yang soleh, sementara segolongan yang lain menuju ke jalan kesesatan yang gelap dan amalan-amalan yang jahat. Setiap golongan itu berjalan mengikut salah satu dari kemungkinan-kemungkinan yang wujud pada kejadian manusia dan berakhir pada kesudahan-yang telah ditentukan kepada perilaku ini:

فَرِيقٞ فِي ٱلۡجَنَّةِ وَفَرِيقٞ فِي ٱلسَّعِيرِ ٧

"Segolongan mereka ditempatkan dalam Syurga dan segolongan lagi ditempatkan dalam Neraka."(7)

Demikianlah Allah:

يُدۡخِلُ مَن يَشَآءُ فِي رَحۡمَتِهِۦۚ وَٱلظَّٰلِمُونَ مَا لَهُم مِّن وَلِيّٖ
وَلَا نَصِيرٍ ٨

"Memasukkan ke dalam rahmat-Nya mereka yang dikehendaki-Nya dan orang-orang yang zalim (syirik) tidak akan mendapat pelindung dan penolong untuk mereka."(8)

Ia berbuat demikian mengikut ilmu-Nya yang amat mengetahui segala selok-belok kedua-dua golongan itu sama ada mereka berhak menerima rahmat hidayat atau berhak menerima 'azab kesesatan.

Sebelum ini telah dijelaskan bahawa sebahagian dari manusia telah memilih pelindung-pelindung yang lain dari Allah, dan di sini ia menjelaskan kesudahan mereka, iaitu mereka:

مَا لَهُم مِّن وَلِيّٖ وَلَا نَصِيرٍ ٨

"Tidak akan mendapat pelindung dan penolong untuk mereka."(8)

Ini bererti bahawa pelindung-pelindung yang dipilih mereka tidak mempunyai hakikat dan kewujudan.

Kemudian Al-Qur'an kembali bertanya:

أَمِ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَۖ

"Apakah patut mereka mengambil pelindung-pelindung selain dari Allah?"(9)

Pertanyaan yang mengandungi kecaman ini adalah bertujuan untuk menjelaskan bahawa Allah sahaja yang layak menjadi Penaung dan Pelindung dan Dialah sahaja Yang Maha Berkuasa dan kekuasaan-Nya dapat dilihat dengan jelas dalam kerja menghidupkan orang-orang yang mati iaitu satu kerja yang memperlihatkan qudrat yang unik dengan segala fenomenanya yang amat terang:

فَٱللَّهُ هُوَ ٱلۡوَلِيُّ وَهُوَ يُحۡيِ ٱلۡمَوۡتَىٰ

"Allah itulah Pelindung yang sebenar dan Dialah yang menghidupkan segala yang mati."(9)

Kemudian Ia mengumumkan bidang kekuasaan-Nya dan menonjolkan hakikatnya yang meliputi segala sesuatu yang tidak terhingga:

وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ٩

"Dan Dialah Yang Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(9)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 12)

Al-Qur'an Merupakan Sumber Rujukan Kerana Menyelesaikan Segala Pertikaian

Kemudian Al-Qur'an di dalam ayat berikut kembali memperkatakan hakikat yang pertama iaitu hakikat wahyu untuk menerangkan bahawa wahyu itu merupakan sumber rujukan untuk menyelesaikan setiap perselisihan dan pertikaian. Wahyu yang datang dari Allah itu mengandungi hukum-hukum Allah supaya kehidupan manusia tidak dijejaskan oleh

hawa nafsu mereka setelah adanya sistem hidup Ilahi yang lurus ini:

وَمَا ٱخْتَلَفْتُمْ فِيهِ مِن شَىْءٍ فَحُكْمُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكُمُ
ٱللَّهُ رَبِّى عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ ﴿١٠﴾
فَاطِرُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ
أَزْوَٰجًا وَمِنَ ٱلْأَنْعَٰمِ أَزْوَٰجًا ۖ يَذْرَؤُكُمْ فِيهِ ۚ لَيْسَ
كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾
لَهُۥ مَقَالِيدُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن
يَشَآءُ وَيَقْدِرُ ۚ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٢﴾

"Apa sahaja perkara yang kamu berselisih mengenainya, maka kata pemutusnya dipulangkan kepada Allah. Itulah Allah Tuhanku, kepadaNya aku bertawakkal dan kepada-Nya aku kembali (10). Dialah Pencipta langit dan bumi. Dia jadikan pasangan-pasangan untuk kamu dari jenis kamu sendiri dan Dia jadikan pasangan-pasangan untuk binatang ternakan. Dia membiakkan keturunan kamu dengan perantaraan pasangan itu. Tiada sesuatu pun yang seperti-Nya dan Dialah Yang Maha Mendengar dan Maha Melihat (11). Dialah yang memiliki anak-anak kunci perbendaharaan langit dan bumi, Dialah yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala sesuatu."(12)

Cara Al-Qur'an menerangkan hakikat-hakikat ini dengan teratur dan padat merupakan satu cara yang amat menarik yang patut dimenungi dengan teliti. Hakikat-hakikat itu dihubungkan satu sama lain dengan hubungan lahir batin yang amat halus.

Mula-mula ia menerangkan bahawa semua perselisihan dan pertikaian yang berlaku di antara manusia hendaklah dirujukan kepada Allah:

وَمَا ٱخْتَلَفْتُمْ فِيهِ مِن شَىْءٍ فَحُكْمُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ ۚ

"Apa sahaja perkara yang kamu berselisih mengenainya, maka kata pemutusnya dipulangkan kepada Allah."(10)

Allah telah menurunkan hukum pemutusnya di dalam Al-Qur'an. Dia telah memberi kata pemutus-Nya dalam segala perkara yang berkait dengan kehidupan dunia dan Akhirat. Dia telah menegakkan sistem hidup yang dipilih untuk mereka, iaitu satu sistem yang meliputi seluruh kehidupan mereka, sama ada kehidupan individu atau kehidupan kelompok, juga meliputi segala peraturan kehidupan mereka, peraturan pemerintahan dan politik mereka, peraturan akhlak dan kelakuan mereka. Semuanya, diterangkan dengan penjelasan yang cukup. Dia telah menjadikan kitab suci Al-Qur'an sebagai undang-undang perlembagaan yang lengkap bagi kehidupan manusia, iaitu satu perlembagaan yang lebih luas dari segala perlembagaan pemerintahan negara-negara. Oleh itu apabila mereka berselisih di dalam sesuatu perkara atau tujuan maka hukum Allah mengenai perkara itu telahpun dicatatkan di dalam kitab suci yang diwahyukan kepada Rasulullah. s.a.w. untuk menjadi asas peraturan kehidupan mereka.

Setelah menjelaskan hakikat ini, Al-Qur'an mencerita pula perkataan Rasulullah s.a.w. yang telah menyerahkan segala urusannya kepada Allah dan kembali dengan seluruh dirinya kepada Tuhannya:

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبِّى عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ ﴿١٠﴾

"Itulah Allah Tuhanku, kepada-Nya aku bertawakkal dan kepada-Nya aku kembali."(10)

Kepulangan kepada Allah dan bertawakkal kepada-Nya yang diikrarkan oleh lidah Rasulullah s.a.w. adalah dinyatakan di tempat yang amat sesuai untuk menjelaskan hakikat itu. Kini Rasulullah s.a.w. membuat pengakuan bahawa Allah itulah Tuhannya dan kepada-Nya sahaja beliau bertawakkal dan kembali, maka tentulah tidak munasabah bagi manusia yang lain berhakimkan kepada yang lain dari Allah dalam memutuskan sesuatu perkara, sedangkan Nabi s.a.w. yang diberi hidayat hanya berhakim kepada Allah sahaja, dan Allah itulah yang paling layak untuk mereka berhakimkan kepada hukum pemutus-Nya. Apakah wajar kepada mereka menoleh kepada yang lain ke sana sini dan membawa mana-mana urusan mereka kepada pihak-pihak itu, sedangkan Nabi yang mendapat hidayat itu sendiri hanya bertawakkal dan kembali kepada Allah sahaja, kerana Allah itulah sahaja Tuhannya dan Pelindungnya, dan Dialah Pengarahnya yang mengarahkannya ke mana sahaja yang dikehendaki-Nya.

Apabila hakikat ini tertanam di dalam dhamir orang Mu'min, ia akan menggariskan jalan hidupnya dengan batu-batu tanda yang jelas, oleh itu ia tidak lagi berpaling ke sana ke mari. Ia akan berjalan terus mengikut jalan itu dengan tenang dan tenteram, ia akan menghayunkan langkah-langkahnya dengan penuh keyakinan, ia tidak lagi teragak-agak, sangsi dan bingung. Ia merasa Allah sentiasa menaungi dan melindunginya serta membetulkan langkahnya, dan merasa bahawa Rasulullah s.a.w. juga menjalankan jalan ini menuju kepada Allah.

Apabila hakikat ini tertanam di dalam dhamir orang Mu'min, ia akan meningkatkan kesedarannya terhadap keunggulan sistem hidupnya. Baginya tiada sistem hidup yang lain yang wajar menarik perhatiannya, tiada hukum yang lain selain dari keputusan dan hukum Allah untuk dirujukkan olehnya ketika berlaku sesuatu perselisihan, kerana ia sedar bahawa Nabi s.a.w. sendiri kembali kepada Tuhannya yang telah mensyari'atkan sistem hidup ini dan menetapkan hukum ini.

Kemudian ia iringi pula dengan suatu kenyataan yang mengukuhkan lagi hakikat itu:

فَاطِرُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا وَمِنَ ٱلْأَنْعَٰمِ أَزْوَٰجًا ۖ يَذْرَؤُكُمْ فِيهِ ۚ لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾

"Dialah Pencipta langit dan bumi. Dia jadikan pasangan-pasangan untuk kamu dari jenis kamu sendiri dan Dia jadikan pasangan-pasangan untuk binatang ternakan. Dia membiakkan keturunan kamu dengan perantaraan pasangan itu. Tiada sesuatu pun yang seperti-Nya dan Dialah Yang Maha Mendengar dan Maha Melihat."(11)

Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an untuk menerangkan hukum pemutus dalam perkara-perkara yang dipertikaikan mereka, Dialah juga:

فَاطِرُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ

"Pencipta langit dan bumi."(11)

Dan Pentadbir bagi kedua-duanya. Undang-undang yang mengendalikan langit dan bumi merupakan hukum pemutus-Nya dalam segala urusan yang berkaitan dengan langit bumi, sedangkan urusan kehidupan dan urusan para hamba-Nya hanya merupakan sebahagian dari urusan-urusan langit dan bumi. Hukum-hukum atau undang-undang Allah mengenai urusan kehidupan itu ialah hukum-hukum dan undang-undang yang menyelaraskan di antara hayat para hamba dengan hayat alam buana yang lebar ini supaya mereka hidup aman damai bersama alam yang melingkunginya itu. Allah menetap dan menjalankan hukum-hukum dan undang-undangnya itu tanpa sebarang sekutu.

Allah yang telah menciptakan hukum-hukum dan undang-undang yang wajib dirujukkan oleh mereka apabila berlaku sesuatu pertikaian, Dialah juga yang telah mencipta dan membentuk diri mereka dengan sempurna:

جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا

"Dia jadikan pasangan-pasangan untuk kamu dari jenis kamu sendiri."(11)

Dia mengaturkan kehidupan kamu dari asasnya lagi Dia lebih mengetahui segala apa yang memberi kebaikan kepada diri kamu. Dia memperlakukan kehidupan kamu mengikut lunas penciptaan seluruh makhluk-makhluk yang bernyawa yang dipilih oleh-Nya:

وَمِنَ ٱلْأَنْعَٰمِ أَزْوَٰجًا

"Dia jadikan pasangan-pasangan untuk binatang ternakan."(11)

Di sana terdapat persamaan dalam penciptaan yang membuktikan keesaan cara, kehendak dan perencanaan. Dia telah menjadikan kamu dan binatang-binatang ternakan membiak menurut cara hidup berpasangan ini. Kemudian Dialah sahaja yang tunggal. Sedangkan seluruh makhluk yang lain tidak, di sana tiada sesuatu pun yang setanding dengan-Nya:

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ

"Tiada sesuatu pun yang seperti-Nya."(11)

Hakikat ini dipercayai oleh fitrah manusia dengan spontan kerana Pencipta makhluk-makhluk tentulah tidak sama dengan makhluk-makhluk yang telah diciptaan-Nya, oleh sebab itu seluruh makhluk harus rujuk kepada hukum Allah ketika berlaku sesuatu perselisihan dan pertikaian. Mereka tidak boleh rujuk kepada yang lain dari Allah di samping rujuk kepada-Nya, kerana di sana tiada siapa pun yang sama seperti-Nya hingga dapat dijadikan sumber rujukan yang lebih dari satu ketika berlaku sesuatu perselisihan.

Walaupun Allah S.W.T.:

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ

"Tiada sesuatu pun yang seperti-Nya"(11)

namun hubungan-Nya dengan makhluk-makhluk yang diciptakannya tidak pernah putus dengan sebab kelainan yang total itu. Dia sentiasa mendengar dan melihat mereka:

وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾

"Dan Dialah Yang Maha Mendengar dan Maha Melihat."(11)

Kemudian Dia menghukum dengan hukuman orang yang mendengar dan melihat. Allah jadikan hukum-Nya sebagai hukum pemutus dalam perkara-perkara yang dipertikai di antara mereka. Ini berdasarkan kepada hakikat bahawa anak-anak kunci pentadbiran langit dan bumi ini adalah dipegang oleh-Nya setelah Dia ciptakannya dan mengadakan undang-undang yang mengendalikan perjalanannya:

لَهُۥ مَقَالِيدُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ

"Dialah yang memiliki anak-anak kunci perbendaharaan langit dan bumi"(12)

sedangkan manusia merupakan sebahagian dari isi langit dan bumi dan anak-anak kunci urusannya juga terletak di tangan Allah.

Di samping itu Allah juga mengendalikan urusan rezeki mereka dari segi sempit dan luasnya:

يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ ۚ

"Dialah yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya."(12)

Dialah yang memberi rezeki, memelihara, memberi makan dan minum kepada mereka. Oleh itu mengapakah mereka mengadap yang lain dari Allah untuk mengadili pertelingkahan dan perselisihan yang

berlaku di antara mereka? Sedangkan yang sepatutnya manusia pasti mengadap Tuhan yang memberi dan mentadbirkan urusan rezeki mereka dengan ilmu dan perencanaan-Nya yang rapi:

إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala sesuatu."(12)

Dan Tuhan yang mengetahui segala sesuatu itulah yang layak menjadi hakim yang adil dan hukuman-Nya merupakan hukuman pemutus.

Demikianlah makna ayat-ayat itu bertaut satu sama lain dengan cara yang amat halus dan imbang hingga membentuk menjadi sebuah lagu yang sempurna, menarik dan memikat hati manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 16)

Kemudian Al-Qur'an kembali lagi memperkatakan hakikat yang pertama:

شَرَعَ لَكُم مِّنَ ٱلدِّينِ مَا وَصَّىٰ بِهِۦ نُوحًا وَٱلَّذِيٓ
أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِۦٓ إِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ
وَعِيسَىٰٓ ۖ أَنْ أَقِيمُوا۟ ٱلدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا۟ فِيهِ ۚ كَبُرَ عَلَى
ٱلْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ ۚ ٱللَّهُ يَجْتَبِيٓ إِلَيْهِ مَن
يَشَآءُ وَيَهْدِيٓ إِلَيْهِ مَن يُنِيبُ ﴿١٣﴾

وَمَا تَفَرَّقُوٓا۟ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْعِلْمُ بَغْيًۢا بَيْنَهُمْ ۚ
وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى
لَّقُضِيَ بَيْنَهُمْ ۚ وَإِنَّ ٱلَّذِينَ أُورِثُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ مِنۢ
بَعْدِهِمْ لَفِي شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿١٤﴾

فَلِذَٰلِكَ فَٱدْعُ ۖ وَٱسْتَقِمْ كَمَآ أُمِرْتَ ۖ وَلَا تَتَّبِعْ
أَهْوَآءَهُمْ ۖ وَقُلْ ءَامَنتُ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِن كِتَٰبٍ ۖ
وَأُمِرْتُ لِأَعْدِلَ بَيْنَكُمُ ۖ ٱللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ ۖ لَنَآ
أَعْمَٰلُنَا وَلَكُمْ أَعْمَٰلُكُمْ ۖ لَا حُجَّةَ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ ۖ
ٱللَّهُ يَجْمَعُ بَيْنَنَا ۖ وَإِلَيْهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٥﴾

وَٱلَّذِينَ يُحَآجُّونَ فِي ٱللَّهِ مِنۢ بَعْدِ مَا ٱسْتُجِيبَ لَهُۥ
حُجَّتُهُمْ دَاحِضَةٌ عِندَ رَبِّهِمْ وَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ
وَلَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ﴿١٦﴾

"Allah telah mensyari'atkan untuk kamu peraturan agama yang telah diperintahkannya kepada Nuh dan peraturan yang Kami telah wahyukan kepadamu dan peraturan yang Kami perintahkannya kepada Ibrahim, Musa dan 'Isa iaitu hendaklah kamu tegakkan agama ini dan janganlah kamu berpecah-belah mengenainya. Amatlah berat kepada orang-orang Musyrikin untuk menerima agama (tauhid) yang engkau seru kepadanya. Allah memilih kepada agamanya siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang kembali, kepada-Nya (13). Dan mereka tidak berpecah-belah melainkan selepas datang pengetahuan yang jelas kepada mereka kerana perasaan dengki sesama mereka. Andainya tidak kerana adanya ketetapan yang telah diputuskan dari Tuhanmu (untuk menangguhkan hukuman) sehingga kepada satu masa yang ditentukan nescaya mereka dibinasakan terus. Dan sesungguhnya orang-orang yang diwariskan kitab selepas mereka adalah berada di dalam kesangsian terhadap kebenaran kitab itu (14). Oleh kerana itu serulah mereka (ke jalan yang betul), dan hendaklah engkau berdiri teguh mematuhi perintah sebagaimana yang telah diperintahkan kepadamu, dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu mereka, dan katakanlah: Aku beriman kepada semua kitab yang telah diturunkan Allah, dan aku diperintah berlaku adil di antara kamu. Allah itu Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami ialah amalan-amalan kami dan bagi kamu ialah amalan-amalan kamu. Tiada perlu lagi sebarang perdebatan di antara kami dengan kamu. Allah akan mengumpul di antara kita (pada hari, Qiamat), dan kepada-Nya jua tempat kembali (15). Dan orang-orang yang membantah agama Allah sesudah disambut (para Mu'minin), maka bantahan mereka adalah sia-sia di sisi Tuhan mereka. Dan mereka ditimpa kemurkaan Allah dan akan mendapat keseksaan yang amat berat."(16)

Di bahagian permulaan surah ini diterangkan:

كَذَٰلِكَ يُوحِيٓ إِلَيْكَ وَإِلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكَ

"Demikianlah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana mewahyukan kepadamu dan kepada rasul-rasul sebelummu."(3)

Hakikat Persamaan Wahyu, Persamaan Agama Samawi Dan Persamaan Tujuan

Ayat ini secara ringkas menyarankan hakikat persamaan dan kesatuan sumber wahyu, persamaan dan kesatuan agama, persatuan dan kesatuan arah tujuan, dan sekarang ayat berikut menerangkan pula hakikat itu dengan terperinci, di mana ia menjelaskan bahawa agama yang disyari'atkan Allah kepada orang-orang Islam pada keseluruhannya adalah sama dengan agama yang disyari'atkan kepada Nuh, Ibrahim, Musa dan ''Isa a.s. iaitu menyuruh mereka supaya menegakkan agama Allah yang tunggal dan jangan berpecah-belah mengenainya, kemudian ia menerangkan kesimpulannya iaitu mereka wajib berpegang kukuh dengan agama Allah yang qadim itu tanpa menghiraukan kehendak-kehendak nafsu mereka yang bertelingkah dan berselisih faham itu. Mereka wajib menjunjung tinggi agama yang terang,

lurus dan unggul itu. Juga mengalahkan hujjah orang-orang kafir yang mempertikaikan agama Allah dan mengancam mereka dengan kemurkaan Allah dan 'azab yang amat dahsyat.

Ayat-ayat ini memperlihatkan hubungan-hubungan yang rapat dan selaras satu dengan lain sama seperti ayat-ayat yang lepas:

شَرَعَ لَكُم مِّنَ ٱلدِّينِ مَا وَصَّىٰ بِهِۦ نُوحًا وَٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِۦٓ إِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَىٰٓ ۖ أَنْ أَقِيمُوا۟ ٱلدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا۟ فِيهِ ۚ

"Allah telah mensyari'atkan untuk kamu peraturan agama yang telah diperintahkannya kepada Nuh dan peraturan yang Kami telah wahyukan kepadamu dan peraturan yang Kami telah perintahkannya kepada Ibrahim, Musa dan 'Isa iaitu hendaklah kamu tegakkan agama ini dan janganlah kamu berpecah-belah mengenainya."(13)

Ayat-ayat ini menerangkan hakikat yang telah kami huraikan di permulaan surah iaitu hakikat persamaan dan kesatuan asal-usul agama Allah dan pertumbuhannya di sepanjang zaman yang silam sambil menambahkan sekilas pandangan yang menarik hati orang Mu'min ketika melihat kepada para Anbia' yang silam yang dibangkitkan berturut-turut iaitu Ibrahim, Musa, 'Isa dan akhirnya Nabi Muhammad Salawatullahi wasalamuhu 'alaihim ajma'in. Ia menyedarkan orang Mu'min bahawa dirinya merupakan kesinambungan dari angkatan para Anbia' yang mulia itu, dan merasa sedang mengikuti jalan mereka dan merasa begitu selesa di jalan itu sekalipun dia menempuh duri, kesulitan, kesusahan dan penapian dari berbagai-bagai keni'matan dunia, dia akan merasa bersama Allah Yang Maha Pemurah terhadap seluruh alam buana sejak dari permulaan sejarah.

Di samping itu ayat-ayat ini menyirankan hubungan damai yang amat mendalam di antara para Mu'minin yang beriman dengan agama Allah Yang Tunggal ini, tiada sebarang perselisihan dan pertelingkahan di antara mereka. Mereka merasa hubungan sesama mereka begitu dekat dan rapat dan ini menggalakkan mereka ke arah bekerjasama dan saling mengerti antara satu sama lain dan ke arah menyambungkan perjuangan sekarang dengan perjuangan yang silam untuk sama-sama meneruskan perjalanan di jalan yang benar.

Jika agama yang disyari'atkan kepada orang-orang Islam yang beriman kepada Muhammad s.a.w. itu sama dengan agama yang disyari'atkan kepada Nuh, Ibrahim, Musa dan 'Isa, maka untuk apakah pengikut-pengikut Musa bergaduh dengan pengikut-pengikut 'Isa? Untuk apakah pengikut-pengikut berbagai-bagai mazhab agama 'Isa bergaduh di antara satu sama lain? Untuk apakah pengikut-pengikut Musa dan 'Isa bergaduh dengan pengikut-pengikut Muhammad? Untuk apakah orang-orang Musyrikin yang mendakwa mengikut agama Ibrahim bergaduh dengan kaum Muslimin? Mengapa mereka semua tidak mahu bersatupadu berdiri di bawah satu panji-panji yang dibawa oleh rasul-Nya yang akhir? Sedangkan Allah memerintah seluruh mereka:

أَنْ أَقِيمُوا۟ ٱلدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا۟ فِيهِ ۚ

"Hendaklah kamu tegakkan agama ini dan janganlah kamu berpecahbelah mengenainya."(13)

Mereka sewajarnya menegakkan agama ini, melaksanakan segala kewajipan dan tanggungjawabnya tanpa menyeleweng dari jalannya yang benar. Mereka seharusnya berdiri di bawah panji-panjinya dalam satu barisan yang padu, iaitu satu-satunya panji-panji yang diperjuangkan silih berganti oleh Nuh, Ibrahim, Musa dan 'Isa Salawatullahi 'alaihim sehingga sampailah kepada Muhammad s.a.w. di zaman terakhir.

Tetapi kaum Musyrikin di Ummul-Qura dan kawasan-kawasan sekitarnya yang mendakwa diri mereka sebagai pengikut agama Ibrahim telah mengambil satu sikap yang lain terhadap da'wah agama lama yang baru ini:

كَبُرَ عَلَى ٱلْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ ۚ

"Amatlah berat kepada orang-orang Musyrikin untuk menerima agama (tauhid) yang engkau seru kepadanya."(13)

Mereka merasa begitu berat kerana wahyu itu diturunkan kepada Muhammad bukannya kepada orang lain dari kalangan mereka. Mereka mahu supaya wahyu itu sepatutnya diturunkan kepada salah seorang dari pembesar-pembesar mereka. Sifat Muhammad yang diakui mereka sebagai al-Amin (yang jujur) dan keturunannya yang datang dari suku Quraysy yang paling baik itu pada hemat mereka belum lagi melayakkannya untuk menjadi pembesar suku yang berwibawa.

Mereka merasa begitu berat untuk menerima bahawa kuasa agama di tangan mereka telah berakhir dengan tamatnya zaman kepercayaan paganisme menyembah berhala dan zaman dongeng-dongeng yang menjadi asas kuasa mereka, juga menjadi asas kepentingan ekonomi dan kedudukan peribadi mereka. Kerana inilah mereka berpegang kukuh dengan kepercayaan syirik dan erasa keberatan untuk menerima kepercayaan tauhid yang bersih dan jelas yang diserukan oleh Rasulullah s.a.w. yang mulia itu.

Mereka merasa begitu berat untuk dikatakan bahawa orang-orang tua mereka yang telah mati itu adalah mati dalam kesesatan dan jahiliyah belaka, kerana itulah mereka berpegang kukuh dengan kepercayaan-kepercayaan yang tolol dan merasa sombong dan bangga dengan dosa mereka. Mereka lebih suka mereka dicampakkan ke dalam Neraka dari dicapkan orang-orang tua mereka sebagai orang-orang yang mati sesat.

Al-Qur'an mengulaskan sikap mereka dengan menerangkan bahawa Allah hanya memilih mereka

yang dikehendaki-Nya sahaja, begitu juga ia memberi hidayat kepada mereka yang ingin kembali kepada naungan-Nya sahaja:

ٱللَّهُ يَجْتَبِىٓ إِلَيْهِ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِىٓ إِلَيْهِ مَن يُنِيبُ ﴿١٣﴾

"Allah memilih kepada agama-Nya siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang kembali kepada-Nya."(13)

Allah telah memilih Muhammad s.a.w. untuk membawa risalah-Nya dan beliaulah yang membuka jalan hidayat kepada mereka yang ingin kembali kepada Allah.

Kemudian Al-Qur'an kembali menceritakan tentang sikap pengikut-pengikut rasul-rasul yang membawa agama yang satu kepada mereka kemudian mereka berpecahbelah kepada berbagai-bagai puak dan golongan:

وَمَا تَفَرَّقُوٓا۟ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْعِلْمُ بَغْيًۢا بَيْنَهُمْ ۚ
وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى
لَّقُضِىَ بَيْنَهُمْ ۚ وَإِنَّ ٱلَّذِينَ أُورِثُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ مِنۢ
بَعْدِهِمْ لَفِى شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿١٤﴾

"Dan mereka tidak berpecah-belah melainkan selepas datang pengetahuan yang jelas kepada mereka kerana perasaan dengki sesama mereka. Andainya tidak kerana adanya ketetapan yang telah diputuskan dari Tuhanmu (untuk menangguhkan hukuman) sehingga kepada satu masa yang ditentukan nescaya mereka dibinasakan terus. Dan sesungguhnya orang-orang yang diwariskan kitab selepas mereka adalah berada di dalam kesangsian terhadap kebenaran kitab itu."(14)

Perpecahan Penganut-penganut Agama Samawi

Mereka berpecah-belah bukan kerana mereka jahil dan tidak tahukan asal-usul agama yang satu yang mengikat mereka dan mengikat rasul-rasul dan kepercayaan-kepercayaan mereka, malah mereka berpecah-belah setelah mereka mengetahui hakikat yang sebenar. Mereka berpecah-belah semata-mata kerana didorongkan oleh hasad dengki dan keinginan menzalimi agama yang benar dan diri mereka sendiri. Mereka berpecah-belah kerana dipengaruhi hawa nafsu mereka yang zalim dan keinginan-keinginan mereka yang pelampau. Mereka berpecah-belah tanpa bersandarkan kepada suatu 'aqidah yang benar dan lurus. Andainya mereka benar-benar ikhlas kepada agama mereka, tentulah mereka tidak berpecah-belah.

Mereka wajar di'azabkan Allah dengan segera sebagai balasan terhadap perbuatan mereka yang melampau dan zalim iaitu berpecah-belah dan memecah-belah satu sama lain, tetapi Allah telah membuat keputusan-Nya untuk menangguhkan 'azab itu kepada suatu masa yang tertentu kerana sesuatu hikmat yng dikehendaki-Nya:

وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى
لَّقُضِىَ بَيْنَهُمْ ۚ

"Andainya tidak kerana adanya ketetapan yang telah diputuskan dari Tuhan-mu (untuk menangguhkan hukuman) sehingga kepada satu masa yang ditentukan nescaya mereka dibinasakan terus."(14)

Ketika itu yang benar akan tetap benar dan yang batil akan terhapus dan isu perselisihan itu akan selesai dalam kehidupan dunia itu lagi, tetapi mereka ditangguhkan kepada suatu masa yang diketahui Allah.

Adapun generasi-generasi yang mewarisi kitab suci selepas mereka berpecah-belah dan memecah-belah pengikut-pengikut setiap rasul itu, maka generasi-generasi itu telah menerima 'aqidah mereka dan kitab suci mereka tanpa keyakinan yang kukuh. Kerana perselisihan-perselisihan yang telah lalu itu telah menimbulkan keraguan, kekeliruan dan kebingungan kepada mereka. Itulah akibat wujudnya berbagai-bagai mazhab dan fahaman yang tidak sama:

وَإِنَّ ٱلَّذِينَ أُورِثُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ مِنۢ بَعْدِهِمْ لَفِى
شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿١٤﴾

"Dan sesungguhnya orang-orang yang diwariskan kitab selepas mereka adalah berada di dalam kesangsian terhadap kebenaran kitab itu."(14)

Agama atau 'aqidah yang sebenar tentulah tidak seperti ini, kerana 'aqidah yang sebenar adalah laksana batu yang pejal. Ia menjadi tapak tegak yang teguh kepada orang Mu'min. Walaupun bumi di sekelilingnya bergoncang namun dia tetap tegak di atas batu yang pejal itu. 'aqidah yang sebenar laksana bintang penunjuk yang tetap di kaki langit. Ia menjadi pedoman yang akan dituju oleh orang Mu'min di tengah-tengah ribut badai tanpa sesat dan menyeleweng. Tetapi apabila 'aqidah itu sendiri menimbulkan keraguan dan kesangsian, maka tiada lagi sesuatu yang tetap dan mantap di dalam hati penganutnya dan tiada lagi arah dan jalan yang tetap untuk ditujuinya.

Tujuan kedatangan 'aqidah ialah untuk menerangkan kepada penganut-penganutnya jalan dan arah untuk menuju kepada Allah, juga supaya mereka dapat memimpin manusia di belakang mereka tanpa teragak-agak dan sesat. Tetapi andainya penganut-penganut itu sendiri berada di dalam keraguan dan kesangsian, maka mereka tidak lagi layak untuk memimpin orang lain.

Demikianlah keadaan pengikut-pengikut para rasul yang silam pada masa kedatangan agama yang baru ini (Islam).

Ujar Abul-Hasan an-Nadawi di dalam bukunya:[1] "Apakah Kerugian Dunia Dengan Sebab Kejatuhan Kaum Muslimin?":

"Agama-agama besar di waktu itu telah menjadi mangsa pengacau-pengacau dan menjadi permainan golongan penyesat dan kaum Munafiqin sehingga agama-agama itu kehilangan roh dan bentuknya. Andainya pengembang-pengembangnya yang pertama dibangkitkan kembali tentulah mereka tidak mengenal agama-agama itu. Negeri-negeri yang menjadi tapak lahir tamadun, kebudayaan, pemerintahan dan politik di waktu itu telah menjadi panggung kacau-bilau, keruntuhan undang-undang dan peraturan dan kemaharajalelaan para pemerintah. Negeri-negeri itu sibuk dengan masalah-masalah dirinya sendiri, tidak dapat membawa apa-apa risalah dan da'wah untuk dunia dan bangsa-bangsa. Jiwanya telah bankrap dan matair hidupnya telah kekeringan. Ia tidak lagi memiliki agama langit yang bersih dan peraturan-peraturan yang mantap dari tata pemerintahan manusia."

Ujar pengarang bangsa Eropah, J.H. Denison, dalam bukunya "Sentimen Selaku Asas Tamadun"[2] :

"Di dalam abad-abad kelima dan keenam dunia yang bertamadun berada di tepi jurang kekacauan kerana 'aqidah-'aqidah yang telah menolong membangunkan tamadun itu telah pun runtuh dan tidak ada suatu yang lain yang dikira dapat mengambil tempatnya. Ketika itu tamadun manusia yang agung, yang mengambil tenaga dan masa selama empat ribu tahun untuk membangunkannya itu hampir hancur-lebur dan umat manusia hampir-hampir kembali semula ke zaman kejakunan mereka, di mana suku-suku sentiasa berperang dan berbunuh-bunuhan. Tiada lagi undang-undang dan peraturan, sedangkan peraturan-peraturan yang diciptakan oleh agama Masihi adalah bekerja untuk memecah-belah dan meruntuh bukannya menyatupadu dan menyusun peraturan. Tamadun di waktu itu laksana satu pokok yang bsar yang menghulurkan cabang dan dahannya ke merata dunia tetapi batangnya telah bergoyang-goyang, kerana diserang bubuk hingga ke terasnya.... Dan dalam masa berlakunya gejala-gejala kerosakan yang merata ini lahirlah seorang lelaki yang telah berjaya menyatukan seluruh alam."

Beliau maksudkan ialah Nabi Muhammad s.a.w.

Oleh kerana pengikut-pengikut para rasul yang silam telah berpecah-belah kepada berbagai-bagai puak setelah datang kepada mereka ilmu yang jelas, dan oleh kerana generasi-generasi yang menerima warisan kitab suci selepas mereka itu berada di dalam keraguan dan kesangsian, dan oleh kerana pusat kepimpinan manusia kosong dari seorang pemimpin yang kukuh dan benar-benar mengenal jalan Allah, maka Allah telah mengutuskan Muhammad s.a.w. dan memerintah beliau supaya melaksanakan tugas da'wahnya dengan jujur dan teguh tanpa menghiraukan nafsu-nafsu manusia yang bertarung di sekelilingnya dan di sekeliling da'wahnya yang jelas dan lurus, da'wah supaya mengumumkan pembaharuan keimanan kepada agama tauhid yang tunggal yang telah disyari'atkan Allah kepada seluruh Anbia':

فَلِذَٰلِكَ فَٱدْعُ ۖ وَٱسْتَقِمْ كَمَآ أُمِرْتَ ۖ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ ۖ وَقُلْ ءَامَنتُ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِن كِتَٰبٍ ۖ وَأُمِرْتُ لِأَعْدِلَ بَيْنَكُمُ ۖ ٱللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ ۖ لَنَآ أَعْمَٰلُنَا وَلَكُمْ أَعْمَٰلُكُمْ ۖ لَا حُجَّةَ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ ۖ ٱللَّهُ يَجْمَعُ بَيْنَنَا ۖ وَإِلَيْهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٥﴾

"Oleh kerana itu serulah mereka (ke jalan yang betul) dan hendaklah engkau berdiri teguh mematuhi perintah sebagaimana yang telah diperintahkan kepadamu, dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu mereka, dan katakanlah: Aku beriman kepada semua kitab yang telah diturunkan Allah, dan aku diperintah berlaku adil di antara kamu. Allah itu Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami ialah amalan-amalan kami dan bagi kamu ialah amalan-amalan kamu. Tiada perlu lagi sebarang perdebatan di antara kami dengan kamu. Allah akan mengumpulkan di antara kita (pada hari Qiamat) dan kepada-Nya jua tempat kembali."(15)

Perisytiharan Kepimpinan Agama Baru Samawi

Itulah kepimpinan baru bagi seluruh umat manusia, iaitu kepimpinan yang tegas, lurus, jelas, teguh dan yakin, kepimpinan yang menyeru kepada Allah dengan penerangan yang jelas, kepimpinan yang berdiri jujur dan teguh mematuhi perintah Allah tanpa menyeleweng, kepimpinan yang menjauhi nafsu-nafsu manusia yang mengacau-bilau di sana sini, kepimpinan yang mengumumkan persamaan dan kesatuan risalah, persamaan dan kesatuan kitab suci, persamaan dan kesatuan cara dan jalan hidup, dan kepimpinan yang mengembalikan iman kepada asalnya yang teguh dan satu, dan mengembalikan seluruh manusia kepada satu dasar yang tunggal:

وَقُلْ ءَامَنتُ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِن كِتَٰبٍ ۖ

"Katakanlah: Aku beriman kepada semua kitab yang telah diturunkan Allah"(15)

dan kepada perjuangan untuk meninggi dan menegakkan kebenaran dan keadilan:

وَأُمِرْتُ لِأَعْدِلَ بَيْنَكُمُ ۖ

"Dan aku diperitah berlaku adil di antara, kamu."(15)

---

[1] ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين , *ms. 22, cetakan kedua.*

[2] *Tajuk asalnya ialah 'Emotions as the Basis of Civilization', (1928).*

Itulah kepimpinan yang mempunyai kuasa yang mengisytiharkan dasar keadilan kepada seluruh umat manusia di bumi (sedangkan pada masa itu da'wah Islam masih terkepung di celah-celah lorong bukit, masih diburu dan ditindas bersama-sama penganutnya, tetapi di sini sifat Islam yang mempunyai dominasi yang menyeluruh itu kelihatan begitu jelas). Ia mengisytiharkan konsep Rububiyah Yang Maha Esa:

اللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ ۖ

"Allah itu Tuhan kami dan Tuhan kamu."(15)

Dan mengisytiharkan dasar tanggungjawab individu:

لَنَا أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ ۖ

"Bagi ialah amalan-amalan kami dan bagi kamu ialah amalan-amalan kamu."(15)

Dan seterusnya ia mengisytiharkan penamatan perdebatan dan pertengkaran dengan satu keputusan yang tegas:

لَا حُجَّةَ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ ۖ

"Tiada perlu lagi sebarang perdebatan di antara kami dengan kamu."(15)

dan menyerahkan segala urusan kepada Allah selaku penguasa yang akhir:

اللَّهُ يَجْمَعُ بَيْنَنَا ۖ وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ ﴿١٥﴾

"Allah akan mengumpulkan di antara kita (pada hari Qiamat), dan kepada-Nya jua tempat kembali."(15)

Ayat yang pendek ini menjelaskan ciri-ciri agama yang akhir ini dengan padat, tegas dan halus. Ia adalah satu agama yang datang untuk meneruskan da'wahnya tanpa menghiraukan nafsu-nafsu manusia. Ia datang untuk berkuasa dan menegakkan keadilan di bumi dan ia datang untuk menyatukan jalan menuju kepada Allah sebagaimana ia telah membuktikan hakikatnya di sepanjang risalah-risalah para Anbia'.

Apabila-sifat-sifat Islam itu telah dijelaskan dengan sempurna dan apabila kaum Mu'minin telah memberi sambutan yang begitu baik, maka semua perdebatan dan pertengkaran yang dikemukakan oleh orang-orang yang ingkarkan Allah itu tidak perlu lagi dihiraukan kerana hujjah-hujjah mereka kelihatan begitu karut dan lemah, tiada mempunyai sebarang nilai dan mutu yang boleh diperhitungkan, kemudian ceraian ayat ini ditamatkan dengan keputusan Allah yang tegas terhadap mereka dan meninggalkan mereka menghadapi ancaman janji 'azab yang amat dahsyat:

وَالَّذِينَ يُحَاجُّونَ فِي اللَّهِ مِن بَعْدِ مَا اسْتُجِيبَ لَهُ
حُجَّتُهُمْ دَاحِضَةٌ عِندَ رَبِّهِمْ وَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ
وَلَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ﴿١٦﴾

"Dan orang-orang yang membantah agama Allah sesudah disambut (para Mu'minin), maka bantahan mereka adalah sia-sia di sisi Tuhan mereka. Dan mereka ditimpa kemurkaan Allah dan akan mendapat keseksaan yang amat berat."(16)

Barang siapa yang hujjahnya karut dan kalah di sisi Allah, maka bererti ia tidak mempunyai apa-apa hujjah dan apa-apa pengaruh lagi. Kekalahan dan kekarutan di dunia mengakibatkan kemurkaan dan 'azab yang dahsyat di Akhirat. Itulah balasan yang sesuai dengan manusia yang suka berdebat untuk menegakkan kebatilan selepas orang-orang yang bersih hati menerima kebenaran itu dengan baik. Itulah balasan yang padan dengan perdebatan yang ingin menegakkan benang basah setelah kebenaran itu diterangkan dengan sejelas-jelasnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 20)

Hubungan Al-Qur'an Dengan Hari Qiamat

Kemudian Al-Qur'an memulakan satu penjelasan yang baru bersama hakikat yang pertama:

اللَّهُ الَّذِي أَنزَلَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ وَالْمِيزَانَ ۗ وَمَا
يُدْرِيكَ لَعَلَّ السَّاعَةَ قَرِيبٌ ﴿١٧﴾
يَسْتَعْجِلُ بِهَا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِهَا ۖ وَالَّذِينَ
آمَنُوا مُشْفِقُونَ مِنْهَا وَيَعْلَمُونَ أَنَّهَا الْحَقُّ ۗ
أَلَا إِنَّ الَّذِينَ يُمَارُونَ فِي السَّاعَةِ لَفِي ضَلَالٍ
بَعِيدٍ ﴿١٨﴾
اللَّهُ لَطِيفٌ بِعِبَادِهِ يَرْزُقُ مَن يَشَاءُ ۖ وَهُوَ الْقَوِيُّ
الْعَزِيزُ ﴿١٩﴾
مَن كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ ۖ
وَمَن كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ
فِي الْآخِرَةِ مِن نَّصِيبٍ ﴿٢٠﴾

"Allahlah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an yang membawa kebenaran dan menurunkan neraca keadilan, dan tahukah engkau bahawa boleh jadi Qiamat itu sudah hampir (17). Orang-orang yang tidak percayakan Qiamat meminta Qiamat itu disegerakan, sedangkan orang-orang yang

beriman amat takut kepadanya. Dan mereka yakin Qiamat itu benar. Ketahuilah! Bahawa orang-orang yang meragui kebenaran Qiamat itu berada di dalam kesesatan yang amat jauh (18). Allah Maha Lemah Lembut terhadap hamba-hamba-Nya. Dia melimpahkan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan Dia Maha Gagah dan Maha Perkasa (19). Barang siapa yang berkehendakkan (dengan amalannya) hasil keuntungan di Akhirat, Kami akan tambahkan hasil keuntungan itu kepadanya. Dan barang siapa yang berkehendakkan (dengan amalannya) hasil keuntungan dunia, Kami akan berikannya keuntungan dunia dan mereka tidak akan mendapat sebarang habuan keuntungan di Akhirat."(20)

Allah telah menurunkan kitab suci yang membawa kebenaran dan menurunkan neraca keadilan sebagai hakim untuk mengadili apa yang telah dipertikaikan oleh pengikut-pengikut agama yang telah silam dan apa yang telah dipertelingkahkan oleh fikiran dan nafsu manusia. Allah telah menegakkan syari'at-Nya di atas dasar keadilan yang halus. Ia merupakan ukuran untuk mempertimbangkan nilai-nilai, hak-hak, amalan-amalan dan tindak-tanduk manusia.

Setelah menyebut hakikat kitab suci yang membawa kebenaran dan keadilan itu, Al-Qur'an menyebut pula tentang Qiamat. Di antara keduanya terdapat persesuaian yang jelas, kerana Qiamat merupakan waktu perlaksanaan hukum yang adil dan keputusan yang akhir, walaupun Qiamat masih berada di alam ghaib tetapi siapa tahu ia telah hampir:

وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ ٱلسَّاعَةَ قَرِيبٌ ١٧

"Dan tahukah engkau bahawa boleh jadi Qiamat itu sudah hampir."(17)

Sedangkan manusia lalai darinya dan sedangkan pada hari itulah akan dilangsungkan hisab yang diasaskan di atas kebenaran dan keadilan iaitu hisab yang tidak mengabaikan sesuatu apa pun.

Kemudian Al-Qur'an menggambarkan sikap orang-orang Mu'min dan sikap orang-orang yang bukan Mu'min terhadap Qiamat:

يَسْتَعْجِلُ بِهَا ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِهَا ۖ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مُشْفِقُونَ مِنْهَا وَيَعْلَمُونَ أَنَّهَا ٱلْحَقُّ ۗ

"Orang-orang yang tidak percayakan Qiamat meminta Qiamat itu disegerakan, sedangkan orang-orang yang beriman amat takut kepadanya. Dan mereka yakin Qiamat itu benar."(18)

Orang-orang yang tidak percayakannya tidak merasakan kedahsyatanya dan tidak menduga apa yang akan berlaku pada hari itu, kerana itu tidaklah menghairankan mengapa mereka minta Qiamat itu disegerakan. Mereka telah dihijabkan, dan kerana itu mereka tidak memahaminya. Adapun orang-orang Mu'min mereka yakin terhadap kedatangan Qiamat kerana itu mereka takut kepadanya dan mereka menunggunya dengan penuh kebimbangan. Mereka tahu apa yang akan berlaku pada hari itu.

Sesungguhnya Qiamat itu benar. Mereka yakin Qiamat itu benar dan mereka yakin bahawa di antara mereka dengan kebenaran itu ada hubungan yang rapat:

أَلَآ إِنَّ ٱلَّذِينَ يُمَارُونَ فِى ٱلسَّاعَةِ لَفِى ضَلَـٰلٍۭ بَعِيدٍ ١٨

"Ketahuilah! Bahawa orang-orang yang meragui kebenaran Qiamat itu berada di dalam kesesatan yang amat jauh."(18)

Mereka telah begitu jauh mengembara di dalam kesesatan dan amat sukar bagi mereka untuk pulang ke pangkal jalan.

Hakikat Pengagihan Rezeki

Kemudian Al-Qur'an memindaahkan pembicaraan-nya dari persoalan Qiamat yang digeruni atau yang dipersenda-sendakan dengan sewenang-wenang itu kepada persoalan rezeki yang dikurniakan Allah kepada hamba-Nya:

ٱللَّهُ لَطِيفٌۢ بِعِبَادِهِۦ يَرْزُقُ مَن يَشَآءُ ۖ وَهُوَ ٱلْقَوِىُّ ٱلْعَزِيزُ ١٩

"Allah Maha Lemah Lembut terhadap hamba-hamba-Nya. Dia melimpahkan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan Dia Maha Gagah dan Maha Perkasa."(19)

Walaupun penyesuaian di antara persoalan Qiamat dan persoalan rezeki itu pada lahirnya jauh, tetapi sebenarnya kedua-duanya mempunyai hubungan yang rapat apabila, kita membaca ayat selanjutnya:

مَن كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ ٱلْـَٔاخِرَةِ نَزِدْ لَهُۥ فِى حَرْثِهِۦ ۖ وَمَن كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ ٱلدُّنْيَا نُؤْتِهِۦ مِنْهَا وَمَا لَهُۥ فِى ٱلْـَٔاخِرَةِ مِن نَّصِيبٍ ٢٠

"Barang siapa yang berkehendakkan (dengan amalannya) hasil keuntungan di Akhirat Kami akan tambahkan hasil keuntungan itu kepadanya. Dan barang siapa yang berkehendakkan (dengan amalannya) hasil keuntungan dunia Kami akan berikannya keuntungan dunia dan mereka tidak akan mendapat sebarang habuan keuntungan di Akhirat."(20)

Allah itu amat halus dan lemah lembut kepada hamba-Nya. Dia memberi rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dia memberi rezeki kepada orang yang soleh dan kepada orang yang jahat, kepada orang yang beriman dan kepada orang yang kafir. Seluruh manusia itu adalah tidak berdaya untuk memberi sesuatu kepada diri mereka sendiri. Allah telah mengurniakan hayat kepada mereka dan menjaminkan punca-punca hayat yang utama kepada mereka. Dan andainya Allah menahan pemberian rezekinya kepada orang kafir, orang yang fasiq dan orang yang jahat tentulah mereka tidak berupaya untuk memberi rezeki kepada diri mereka dan

tentulah mereka mati kelaparan, kebuluran dan kebogelan kerana tidak berupaya untuk mengadakan punca-punca hayat yang utama. Apabila berlaku hikmat Allah mengurniakan hayat dan peluang kepada manusia membuat amalan-amalan di dunia ini, iaitu sama ada amalan-amalan yang mendatangkan kebaikan atau kecelakaan kepada mereka di Akhirat, maka Allah pisahkan pemberian rezeki itu dari lingkungan kebaikan dan kejahatan dan dari lingkungan keimanan dan kekufuran dan Allah hubungkan pemberian rezeki itu dengan punca-puncanya yang mempunyai kaitan dengan keadaan-keadaan umum kehidupan dan dengan kesediaan-kesediaan dan bakat-bakat khas seseorang. Dan Allah jadikan rezeki itu suatu ujian kepada manusia yang akan diberi balasan kepada mereka pada hari Qiamat.

Mengejar Hasil Bendang Akhirat Dan Hasil Bendang Dunia

Kemudian Allah jadikan Akhirat sebagai sebuah bendang dan dunia juga sebagai sebuah bendang dan seseorang itu dapat memilih mana satu bendang yang disukainya. Barang siapa yang mahukan pahala atau hasil keuntungan bendang Akhirat hendaklah ia, berusaha di bendang Akhirat dan Allah akan menambahkan hasil pahalanya dan mengurniakan pertolongan dan keberkatan kepadanya dengan sebab niatnya yang ikhlas dan usahanya yang baik. Dan di samping dikurniakan hasil pahala Akhirat ia juga dikurniakan habuan rezeki yang ditentukan untuknya di dunia ini tanpa dikurangkan sedikitpun, malah rezeki yang dikurniakan kepadanya di dunia ini boleh jadi itulah hasil pahala Akhirat apabila ia mengharapkan keredhaan Allah ketika melabur, mengurus, meni'mati dan membelanjakan rezeki itu, dan barang siapa yang mahukan hasil keuntungan dunia, Allah akan kurniakan harta benda dunia di samping habuan rezeki yang ditentukan untuknya tanpa dikurangkan sedikitpun, tetapi ia tidak akan mendapat apa-apa habuan di Akhirat, kerana ia tidak mengusahakan sesuatu apapun di bendang Akhirat untuk mendapatkan habuan itu.

Dengan pandangan sekilas kepada pengusaha-pengusaha bendang dunia dan pengusaha-pengusaha bendang Akhirat ternampaklah bagaimana bodohnya orang-orang yang memilih bendang dunia, kerana rezeki dunia itu dikurniakan kepada semua orang mengikut habuan masing-masing yang telah ditentukan di dalam ilmu Allah, tetapi hasil pahala bendang Akhirat itu hanya dikurniakan kepada orang yang mahukannya dan berusaha untuk mendapatkannya sahaja.

Di antara pengusaha-pengusaha bendang dunia kita dapati golongan orang-orang yang kaya dan golongan orang-orang yang miskin mengikut punca-punca rezeki masing-masing yang berkaitan dengan keadaan-keadaan umum kehidupan dan dengan kesediaan-kesediaan dan bakat-bakat khas seseorang. Dan demikianlah juga keadaannya kita dapati pada pengusaha-pengusaha bendang Akhirat. Kedua-duanya sama sahaja. Di dunia ini tidak ada apa-apa perbezaan di antara pengusaha bendang dunia dan pengusaha bendang Akhirat dalam persoalan mendapatkan rezeki, tetapi perbezaan dan keistimewaan di antara dua golongan itu akan lahir dengan jelas di Akhirat. Oleh itu alangkah bodohnya orang yang meninggalkan bendang Akhirat, sedangkan peninggalannya itu tidak mengubahkan kedudukannya sedikit jua pun di dunia ini.

Pendeknya persoalan ini berhubung rapat dengan dasar kebenaran dan keadilan yang dinyatakan di dalam kitab suci yang diturunkan dari Allah. Kedua-dua dasar itu amat jelas sekali dalam perencanaan Allah yang telah menentukan rezeki kepada seluruh makhluk yang hidup dan menambahkan hasil Akhirat kepada orang yang mahukannya di samping mengharamkan hasil pahala Akhirat pada hari balasan kepada orang yang hanya memilih bendang dunia sahaja.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 23)

Manusia Mengadakan Sekutu-sekutu Yang Mensyari'atkan Undang-undang Yang Tidak Diizinkan Allah

Kerana itu Al-Qur'an memulakan satu penjelajahan yang lain pula di sekitar persoalan hakikat yang pertama itu:

أَمْ لَهُمْ شُرَكَٰٓؤُا۟ شَرَعُوا۟ لَهُم مِّنَ ٱلدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنۢ
بِهِ ٱللَّهُ ۚ وَلَوْلَا كَلِمَةُ ٱلْفَصْلِ لَقُضِىَ بَيْنَهُمْ ۗ
وَإِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢١﴾
تَرَى ٱلظَّٰلِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا كَسَبُوا۟
وَهُوَ وَاقِعٌۢ بِهِمْ ۗ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟
ٱلصَّٰلِحَٰتِ فِى رَوْضَاتِ ٱلْجَنَّاتِ ۖ لَهُم مَّا يَشَآءُونَ
عِندَ رَبِّهِمْ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَضْلُ ٱلْكَبِيرُ ﴿٢٢﴾
ذَٰلِكَ ٱلَّذِى يُبَشِّرُ ٱللَّهُ عِبَادَهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟
ٱلصَّٰلِحَٰتِ ۗ قُل لَّآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِلَّا ٱلْمَوَدَّةَ فِى
ٱلْقُرْبَىٰ ۗ وَمَن يَقْتَرِفْ حَسَنَةً نَّزِدْ لَهُۥ فِيهَا حُسْنًا ۚ إِنَّ
ٱللَّهَ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٢٣﴾

"Apakah mereka mempunyai sekutu-sekutu yang mensyari'atkan untuk mereka peraturan-peraturan agama

yang tidak diizinkan Allah? Andainya tidak kerana adanya ketetapan yang telah diputuskan tentulah mereka telah dibinasakan terus. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan mendapat 'azab yang amat pedih (21). Engkau akan melihat orang-orang kafir yang zalim (pada hari Qiamat) berada di dalam ketakutan kepada dosa-dosa yang telah dilakukan mereka, sedangkan 'azab itu tetap akan menimpa mereka. Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan salib bersenang-senang di dalam taman-taman Syurga. Mereka boleh mendapat apa sahaja yang diingini mereka di sisi Tuhan mereka. Itulah pengurniaan yang amat besar (22). Itulah limpah kurnia yang diberitakan Allah kepada para hamba-Nya yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh. Katakanlah (wahai Muhammad!) Aku tidak meminta sebarang upah dari kamu atas da'wahku itu kecuali kasih mesra dalam hubungan kekeluargaan. Dan barang siapa yang mengerjakan kebajikan nescaya Kami tambahkan kebajikan untuknya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pensyukur."(23)

Di dalam ayat-ayat ceraian yang lepas Al-Qur'an menjelaskan bahawa peraturan-peraturan agama yang disyari'atkan Allah kepada umat Muslimin ialah peraturan-peraturan agama yang disyari'atkan kepada Nuh, Ibrahim, Musa dan 'Isa. Peraturan-peraturan yang diwahyukan kepada mereka ialah peraturan yang diwahyukan kepada Muhammad s.a.w. Di dalam ayat-ayat ini, Al-Qur'an mengemukakan pertanyaan yang mengandungi kecaman terhadap keadaan mereka dan peraturan-peraturan agama yang diikuti mereka. Siapakah yang mensyari'atkan peraturan-peraturan itu kepada mereka sedangkan Allah tidak pernah mensyari'atkannya? Tidakkah peraturan-peraturan agama yang diikuti mereka itu bertentangan dengan peraturan agama yang disyari'atkan Allah sejak wujudnya para rasul dan syari'at-syari'at?

أَمْ لَهُمْ شُرَكَٰٓؤُاْ شَرَعُواْ لَهُم مِّنَ ٱلدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنۢ بِهِ ٱللَّهُۚ

"Apakah mereka mempunyai sekutu-sekutu yang mensyari'atkan untuk mereka peraturan-peraturan agama yang tidak diizinkan Allah?"(21)

Tiada seorang pun dari makhluk Allah yang berhak mensyari'atkan peraturan-peraturan agama yang berlainan dari peraturan-peraturan yang telah disyari'atkan Allah dan diizinkan-Nya biarpun siapa sahaja. Hanya Allah sahaja yang berhak mensyari'atkan peraturan-peraturan agama kepada hamba-hamba-Nya, kerana Dialah Pencipta seluruh alam buana ini dan Dialah yang mentadbirkannya dengan undang-undang agung-Nya yang dipilih untuk alam ini, sedangkan kehidupan manusia hanya merupakan seolah-olah sebiji piring yang kecil di roda alam yang besar. Oleh kerana itu kehidupan manusia pastilah ditadbirkan dengan satu peraturan yang sesuai dengan undang-undang alam yang agung itu, hal ini tidak mungkin terlaksana melainkan apabila peraturan-peraturan itu disyari'atkan Allah yang mengetahui selok-belok undang-undang yang agung itu. Seluruh mereka yang lain dari Allah tidak syak lagi mempunyai pengetahuan yang terbatas belaka dan tidak boleh diamanah untuk mengaturkan syari'at bagi mentadbirkan kehidupan manusia.

Walaupun hakikat ini amat jelas, tetapi ramai manusia yang mempertikaikannya atau tidak yakin kepadanya. Mereka begitu berani memilih undang-undang dan peraturan yang bukan undang-undang dan peraturan yang disyari'atkan Allah dengan anggapan bahawa mereka memilih undang-undang dan peraturan yang terbaik untuk rakyat mereka dan bahawa mereka telah menyesuaikan keadaan rakyat mereka dengan undang-undang dan peraturan yang diciptakan mereka seolah-olah mereka lebih tahu dan lebih bijak dari Allah atau seolah-olah mereka mempunyai tuhan-tuhan sekutu selain Allah yang mensyari'atkan peraturan-peraturan yang tidak diizinkan Allah itu. Tidak ada yang lebih mengecewa dan lebih nekad terhadap Allah dari perbuatan ini!

Allah S.W.T. telah mensyari'atkan untuk manusia undang-undang dan peraturan yang sesuai dengan tabi'at-tabi'at dan fitrah mereka juga sesuai dengan tabi'at dan fitrah alam di mana mereka hidup, dan dengan undang-undang dan peraturan itu Allah mewujudkan sebesar-besar kemungkinan kepada umat manusia yang membolehkan mereka bekerjasama di antara mereka, juga bekerjasama dengan kuasa-kuasa alam buana yang besar. Allah S.W.T. telah mensyari'atkan undang-undang dan peraturan itu dalam bentuk lunas-lunas dan dasar-dasar, dan menyerahkan kepada kebijaksanaan manusia menyusun undang-undang dan peraturan-peraturan kecil yang berubah-ubah mengikut keperluan-keperluan perkembangan hidup mereka dengan syarat dalam lingkungan batas-batas undang-undang dan peraturan-peraturan yang besar itu. Dan apabila berlaku sesuatu perselisihan dalam peraturan-peraturan dan undang-undang kecil itu, maka hendaklah mereka rujukkan kepada Allah iaitu kepada lunas-lunas dan dasar-dasar umum yang disyari'atkan Allah kepada mereka supaya dasar-dasar syari'at ini tetap dijadikan mereka sebagai neraca untuk menimbang dan menilai segala undang-undang kecil dan segala peraturan pelaksanaan undang-undang itu.

Dengan cara ini terlaksanalah dasar persamaan dan kesatuan sumber perundangan dan jadilah teraju pemerintahan dan pengadilan itu hanya dimiliki oleh Allah sahaja dan Dialah sebaik-baik pemerintah dan pengadil. Semua peraturan yang lain dari itu adalah bertentangan dengan syari'at dan agama Allah, dan bertentangan dengan peraturan yang disyari'atkan kepada Nuh, Ibrahim, Musa, 'Isa dan Muhammad alaihimussalatu wassallamu.

وَلَوْلَا كَلِمَةُ ٱلْفَصْلِ لَقُضِىَ بَيْنَهُمْۗ

"Andainya tidak kerana adanya ketetapanya yang telah diputuskan tentulah mereka telah dibinasakan terus."(21)

Maksudnya, Allah telah memberi kata pemutus menangguhkan hukuman terhadap mereka kepada

hari Qiamat. Jika tidak kerana keputusan ini tentulah mereka yang mengikut undang-undang yang lain dari syari'at Allah itu telah di'azabkan Allah dengan segera di dunia ini lagi, tetapi Allah tangguhkan hukuman itu hingga kepada hari Qiamat.

وَإِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan mendapat 'azab yang amat pedih."(21)

Itulah balasan kezaliman yang menunggu mereka. Adakah lagi perbuatan yang lebih zalim dari perbuatan meninggalkan syari'at Allah dan mengikut undang-undang yang lain darinya? Oleh kerana itu Al-Qur'an menayangkan keadaan mereka dalam satu pemandangan di hari Qiamat, di mana mereka digambarkan berada di dalam keadaan ketakutan dari 'azab Allah, sedangkan di dunia dahulu mereka tidak pernah takut, malah mereka minta supaya disegerakan 'azab itu dengan nafsu yang sewenang-wenang:

تَرَى ٱلظَّٰلِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا كَسَبُوا۟
وَهُوَ وَاقِعٌۢ بِهِمْ ۗ

"Engkau akan melihat orang-orang kafir yang zalim (pada hari Qiamat) berada di dalam ketakutan kepada dosa-dosa yang telah dilakukan mereka. Sedangkan 'azab itu tetap akan menimpa mereka......"(22)

Ungkapan ini amat menarik. Ia menjadikan mereka takut:

مِمَّا كَسَبُوا۟

"kepada dosa-dosa yang telah dilakukan mereka."(22)

Seolah-olah dosa-dosa itu momok yang menakutkan mereka, sedangkan di dunia mereka telah melakukan perbuatan itu dengan gembira. Tetapi pada hari Qiamat kelak mereka takut kepada balasan 'azab perbuatan itu yang tetap akan menimpa mereka, seolah-olah perbuatan itu sendiri telah berubah menjadi 'azab yang tidak akan dapat dihindari mereka.

Sementara di lembaran yang lain pula kita dapati orang-orang Mu'min yang takut kepada hari Qiamat itu berada di dalam keadaan aman, sejahtera dan senang-lenang:

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فِى رَوْضَاتِ
ٱلْجَنَّاتِ ۖ لَهُم مَّا يَشَآءُونَ عِندَ رَبِّهِمْ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ
ٱلْفَضْلُ ٱلْكَبِيرُ ﴿٢٢﴾
ذَٰلِكَ ٱلَّذِى يُبَشِّرُ ٱللَّهُ عِبَادَهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟
ٱلصَّٰلِحَٰتِ ۗ

"........ Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh bersenang-senang di dalam taman-taman Syurga. Mereka boleh mendapat apa sahaja yang diingini mereka di sisi Tuhan mereka. Itulah pengurniaan yang amat besar."(22) Itulah limpah kurnia yang diberitakan Allah kepada para hamba-Nya yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh."(23)

Seluruh ungkapan di dalam ayat ini membayangkan kesenangan belaka:

فِى رَوْضَاتِ ٱلْجَنَّاتِ ۖ

"Bersenang-senang di dalam taman-taman Syurga..."(22)

لَهُم مَّا يَشَآءُونَ عِندَ رَبِّهِمْ ۚ

"Mereka boleh mendapat apa sahaja yang diingini mereka di sisi Tuhan mereka"(22)

tanpa batas dan ikatan:

ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَضْلُ ٱلْكَبِيرُ ﴿٢٢﴾

"Itulah pengurniaan yang amat besar..."(22)

ذَٰلِكَ ٱلَّذِى يُبَشِّرُ ٱللَّهُ عِبَادَهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟

"Itulah limpah kurnia yang diberitakan kepada para hamba-Nya yang beriman."(23)

Itulah berita gembira yang terlaksana di depan mata mereka sesuai dengan berita gembira yang telah lepas, dan bayangan berita gembira di sini merupakan bayangan yang paling selesa.

Rasulullah Tidak Meminta Sebarang Upah Kerana Menyampaikan Da'wah

Di hadapan pemandangan yang penuh ni'mat ini, Allah mengajar Rasulullah s.a.w. supaya berkata kepada orang-orang yang beriman bahawa beliau tidak meminta apa-apa upahan dari mereka sebagai balasan memimpin mereka ke jalan hidayat yang membawa mereka kepada ni'mat Syurga ini dan menjauhkan mereka dari 'azab yang amat pedih kecuali semata-mata kerana memenuhi: Kasih mesranya terhadap mereka kerana adanya hubungan kekeluargaan mereka dengannya.

Ini sahaja sudah cukup untuk menjadi upahannya:

قُل لَّآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِلَّا ٱلْمَوَدَّةَ فِى ٱلْقُرْبَىٰ ۗ وَمَن
يَقْتَرِفْ حَسَنَةً نَّزِدْ لَهُۥ فِيهَا حُسْنًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ
شَكُورٌ ﴿٢٣﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!) Aku tidak meminta sebarang upah dari kamu atas da'wahku itu kecuali kasih mesra dalam hubungan kekeluargaan. Dan barang siapa yang mengerjakan kebajikan nescaya Kami tambahkan kebajikan untuknya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pensyukur."(23)

Maksudnya, beliau tidak meminta apa-apa upahan dari mereka kerana apa yang telah dilakukan beliau

kepada mereka adalah semata-mata didorongkan oleh perasaan kasih mesra terhadap mereka kerana hubungan kekeluargaan. Rasulullah s.a.w. mempunyai hubungan kekeluargaan dengan semua suku-suku Quraysy. Beliau berusaha menyampaikan hidayat dan kebajikan kepada mereka semata-mata kerana memenuhi perasaan kasih mesra kekeluargaan terhadap mereka. Ini sudah cukup untuk menjadi upahannya.

Pengertian ini tercetus di dalam hati saya semasa membaca ungkapan ini pada beberapa tempat di dalam Al-Qur'an. Di sana ada satu pentafsiran dari Ibn 'Abbas r.a. yang saya sebutkannya di sini kerana ia termuat di dalam Sahih al-Bukhari.

Ujar al-Bukhari: "Kami telah diceritakan oleh Muhammad bin Basysyar, kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Ja'far, kami telah diceritakan oleh Syu'bah dari Abdul Malik ibn Maysarah katanya: Aku dengar Tawuus menceritakan dari Ibn 'Abbas r.a. bahawa dia bertanya tentang maksud ungkapan:

إلا المودّة في القربى

"Kecuali kasih mesra dalam hubungan kekeluargaan."

Jawab Sa'id ibn Jubayr: Maksudnya ialah hubungan rapat keluarga Muhammad. Lalu Ibn 'Abbas pun berkata: Jawapan anda itu agak gopoh kerana Nabi s.a.w. sememangnya mempunyai hubungan kekeluargaan dengan setiap suku-suku Quraysy." Kemudian dia berkata: Maksud ayat ini ialah, Kecuali supaya kamu memelihara hubungan kekeluargaan di antara aku dengan kamu."

Jadi maksud ungkapan itu menurut pengertian Ibn 'Abbas ini ialah, "Melainkan supaya kamu menahankan segala gangguan dan penindasan kamu demi memelihara hubungan kekeluargaan dan supaya kamu dapat mendengar dan bersikap lemah-lembut terhadap ajaran yang aku sampaikan kepada kamu. Inilah sahaja upah yang aku pinta dari kamu."

Ta'wilan Ibn 'Abbas r.a. lebih dekat dari ta'wilan Sa'id ibn Jubayr r.a., tetapi saya masih merasa pengertian itu (ta'wilan Sa'id ibn Jubayr) lebih dekat dan lebih indah. Allah sahaja yang lebih mengetahui maksudnya.

Walau bagaimanapun, Al-Qur'an mengingatkan mereka di hadapan pemandangan-pemandangan Syurga dan berita-berita gembira itu bahawa Rasulullah s.a.w. tidak meminta sebarang upahan dari mereka, apatah lagi hendak meminta upahan yang besar! Akan tetapi perkara upahan merupakan limpah kurnia Allah yang tidak dikira dengan kiraan perniagaan atau kiraan keadilan, malah dikira dengan kiraan kemurahan hati dan limpah kurnia:

وَمَن يَقۡتَرِفۡ حَسَنَةٗ نَّزِدۡ لَهُۥ فِيهَا حُسۡنًاۚ

"Dan barang siapa yang mengerjakan kebajikan nescaya Kami tambahkan kebajikan untuknya."(23)

Ini bukannya persoalan tidak menerima apa-apa upah, malah ini adalah persoalan pengurniaan yang melimpah ruah, dan selepas itu dikurniakan pula keampunan dan terima kasih:

إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ شَكُورٌ ٢٣

"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pensyukur."(23)

Yakni Allah mengurniakan keampunan kemudian Dia memberi terima kasih! Dia memberi terima kasih kepada siapa? Dia memberi terima kasih kepada hamba-Nya yang dikurniakannya taufik melakukan amalannya dengan sebaik-baiknya, kemudian Dia menambahkan kebajikan-kebajikan untuk mereka dan mengampunkan dosa-dosa mereka dan kemudian memberi terima kasih pula. Alangkah murah dan limpahnya kurnia Allah! Manusia tidak berupaya untuk menyusuri limpah kurnia Allah, apatah lagi untuk mensyukuri-Nya dengan sempurna.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 24)

Al-Qur'an Wahyu Dari Allah Bukannya Rekaan Dari Muhammad s.a.w.

Kemudian Al-Qur'an kembali memperkatakan tentang hakikat yang pertama:

أَمۡ يَقُولُونَ ٱفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبٗاۖ فَإِن يَشَإِ ٱللَّهُ يَخۡتِمۡ عَلَىٰ قَلۡبِكَۗ وَيَمۡحُ ٱللَّهُ ٱلۡبَٰطِلَ وَيُحِقُّ ٱلۡحَقَّ بِكَلِمَٰتِهِۦٓۚ إِنَّهُۥ عَلِيمُۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ٢٤

"Adakah mereka menuduh dia (Muhammad) telah mereka-rekakan perkara dusta terhadap Allah? Jika Allah kehendaki nescaya Ia menutupkan hatimu. Dan Allah itulah yang menghapuskan kebatilan dan membenarkan yang hak dengan kalimat-kalimat wahyu-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala rahsia di dalam dada."(24)

Di sini Al-Qur'an menghapuskan kekeliruan yang akhir yang digunakan mereka sebagai alasan untuk menolak wahyu, iaitu wahyu yang telah dibicarakan dalam pusingan-pusingan yang telah lepas berhubung dengan sumbernya, tabi'atnya dan tujuannya:

أَمۡ يَقُولُونَ ٱفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبٗاۖ

"Adakah mereka menuduh dia (Muhammad) telah mereka-rekakan perkara dusta terhadap Allah?"(24)

Kerana itu mereka tidak percaya kepadanya. Mereka mendakwa beliau tidak diwahyukan kepadanya dan tiada suatu pun dari Allah yang turun kepadanya.

Tetapi tuduhan ini ditolak, kerana Allah tidak membiarkan begitu sahaja sesiapa yang mendakwa bahawa Allah telah menurunkan wahyu kepadanya, sedangkan Allah tidak mewahyukan suatu apa kepadanya. Allah berkuasa menutup-kan pintu

hatinya dan dengan itu ia tidak dapat menuturkan Al-Qur'an seperti ini. Dan Allah berkuasa mendedahkan kebatilan yang dibawa olehnya dan menghapuskannya dan selepas itu menzahirkan kebenaran dan menegakkannya:

فَإِن يَشَإِ ٱللَّهُ يَخۡتِمۡ عَلَىٰ قَلۡبِكَۗ وَيَمۡحُ ٱللَّهُ ٱلۡبَٰطِلَ وَيُحِقُّ ٱلۡحَقَّ بِكَلِمَٰتِهِۦٓۚ

"Jika Allah kehendaki nescaya Ia menutupkan hatimu. Dan Allah itulah yang menghapuskan kebatilan dan membenarkan yang hak dengan kalimat-kalimat wahyu-Nya."(24)

Dan tentulah tidak tersembunyi dari pengetahuan Allah segala apa sahaja yang berlegar di dalam hati Nabi Muhammad s.a.w. walaupun sebelum beliau menuturkannya:

إِنَّهُۥ عَلِيمُۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala rahsia di dalam dada."(24)

Kini nyatalah bahawa kekeliruan itu adalah satu kekeliruan yang tidak beralasan dan satu tuduhan yang tidak berasas dan satu dakwaan yang bertentangan dengan hakikat ilmu Allah yang mengetahui segala rahsia di dalam dada dan dengan hakikat qudrat Allah yang berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya, dan seterusnya bertentangan dengan Sunnatullah yang menegakkan yang benar dan menghapuskan yang batil.

Kini nyatalah bahawa wahyu ini adalah benar dan perkataan Muhammad itu adalah benar. Dan segala tuduhan terhadapnya adalah karut, zalim dan sesat. Dengan ini tamatlah pembicaraan mengenai wahyu untuk sementara waktu, dan kemudian Al-Qur'an membawa mereka kepada satu penjelajahan yang lain pula di sebalik penjelasan ini.

(Kumpulan ayat-ayat 25 - 53)

وَهُوَ ٱلَّذِي يَقۡبَلُ ٱلتَّوۡبَةَ عَنۡ عِبَادِهِۦ وَيَعۡفُواْ عَنِ ٱلسَّيِّـَٔاتِ وَيَعۡلَمُ مَا تَفۡعَلُونَ ﴿٢٥﴾

وَيَسۡتَجِيبُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَيَزِيدُهُم مِّن فَضۡلِهِۦۚ وَٱلۡكَٰفِرُونَ لَهُمۡ عَذَابٞ شَدِيدٞ ﴿٢٦﴾

وَلَوۡ بَسَطَ ٱللَّهُ ٱلرِّزۡقَ لِعِبَادِهِۦ لَبَغَوۡاْ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَٰكِن يُنَزِّلُ بِقَدَرٖ مَّا يَشَآءُۚ إِنَّهُۥ بِعِبَادِهِۦ خَبِيرُۢ بَصِيرٞ ﴿٢٧﴾

وَهُوَ ٱلَّذِي يُنَزِّلُ ٱلۡغَيۡثَ مِنۢ بَعۡدِ مَا قَنَطُواْ وَيَنشُرُ رَحۡمَتَهُۥۚ وَهُوَ ٱلۡوَلِيُّ ٱلۡحَمِيدُ ﴿٢٨﴾

"Dan Dialah yang menerima taubat dari hamba-hamba-Nya dan memaafkan kesalahan-kesalahan dan mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (25). Dan Dialah yang memperkenankan do'a orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dan menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka, sedangkan orang-orang yang kafir akan memperolehi 'azab yang amat dahsyat (26). Dan andainya Allah meluaskan rezeki kepada hamba-hamba-Nya nescaya mereka melampaui batas di bumi ini, tetapi Allah menurunkan rezeki mengikut kadar yang tertentu yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui dan Maha Melihat keadaan hamba-hamba-Nya (27). Dan Dialah yang menurunkan hujan setelah mereka berputus asa dan Dialah yang menaburkan rahmat-Nya dan Dia Pelindung Yang Maha Terpuji!" (28).

وَمِنۡ ءَايَٰتِهِۦ خَلۡقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَثَّ فِيهِمَا مِن دَآبَّةٖۚ وَهُوَ عَلَىٰ جَمۡعِهِمۡ إِذَا يَشَآءُ قَدِيرٞ ﴿٢٩﴾

وَمَآ أَصَٰبَكُم مِّن مُّصِيبَةٖ فَبِمَا كَسَبَتۡ أَيۡدِيكُمۡ وَيَعۡفُواْ عَن كَثِيرٖ ﴿٣٠﴾

وَمَآ أَنتُم بِمُعۡجِزِينَ فِي ٱلۡأَرۡضِۖ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِن وَلِيّٖ وَلَا نَصِيرٖ ﴿٣١﴾

وَمِنۡ ءَايَٰتِهِ ٱلۡجَوَارِ فِي ٱلۡبَحۡرِ كَٱلۡأَعۡلَٰمِ ﴿٣٢﴾

إِن يَشَأۡ يُسۡكِنِ ٱلرِّيحَ فَيَظۡلَلۡنَ رَوَاكِدَ عَلَىٰ ظَهۡرِهِۦٓۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّكُلِّ صَبَّارٖ شَكُورٍ ﴿٣٣﴾

أَوۡ يُوبِقۡهُنَّ بِمَا كَسَبُواْ وَيَعۡفُ عَن كَثِيرٖ ﴿٣٤﴾

وَيَعۡلَمَ ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِيٓ ءَايَٰتِنَا مَا لَهُم مِّن مَّحِيصٖ ﴿٣٥﴾

فَمَآ أُوتِيتُم مِّن شَيۡءٖ فَمَتَٰعُ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَاۖ وَمَا عِندَ ٱللَّهِ خَيۡرٞ وَأَبۡقَىٰ لِلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَلَىٰ رَبِّهِمۡ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٣٦﴾

وَٱلَّذِينَ يَجۡتَنِبُونَ كَبَٰٓئِرَ ٱلۡإِثۡمِ وَٱلۡفَوَٰحِشَ وَإِذَا مَا غَضِبُواْ هُمۡ يَغۡفِرُونَ ﴿٣٧﴾

"Di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah penciptaan langit dan bumi dan segala makhluk yang bergerak yang

disebarkan pada keduanya. Dan Dia Maha Kuasa mengumpulkan semua makhluk itu apabila dikehendaki-Nya (29). Apa sahaja musibat yang telah menimpa kamu, maka itu adalah disebabkan oleh perbuatan tangan kamu sendiri dan Allah memaafkan sebahagian besar (dari kesalahan kamu) (30). Dan kamu tidak dapat melepaskan diri (dari 'azab Allah) di muka bumi, dan kamu tidak mempunyai pelindung dan penolong selain dari Allah (31). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah kapal-kapal besar seperti gunung di lautan (32). Andainya Dia kehendaki, Dia akan menenangkan angin dan menyebabkan kapal-kapal itu terhenti di permukaan laut. Sesungguhnya pada kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan-Nya bagi setiap orang yang banyak bersabar dan banyak bersyukur (33). Atau kapal-kapal itu dibinasakannya kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka. Dan Dia memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa (34). Dan supaya orang-orang yang mempertikaikan ayat-ayat Kami itu tahu bahawa mereka tidak akan mendapat jalan keluar (35). Apa sahaja ni'mat yang dikurniakan kepada kamu, maka itu hanya keni'matan dunia sahaja, sedangkan ni'mat-ni'mat yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal kepada orang-orang yang beriman dan mereka bertawakkal kepada Tuhan mereka. (36). Dan kepada orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar dan perbuatan-perbuatan yang keji dan apabila mereka marah, mereka memberi kemaafan." (37).

وَٱلَّذِينَ ٱسۡتَجَابُواْ لِرَبِّهِمۡ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَمۡرُهُمۡ شُورَىٰ
بَيۡنَهُمۡ وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ يُنفِقُونَ ﴿٣٨﴾
وَٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَابَهُمُ ٱلۡبَغۡيُ هُمۡ يَنتَصِرُونَ ﴿٣٩﴾
وَجَزَٰٓؤُاْ سَيِّئَةٖ سَيِّئَةٞ مِّثۡلُهَاۖ فَمَنۡ عَفَا وَأَصۡلَحَ فَأَجۡرُهُۥ
عَلَى ٱللَّهِۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٠﴾
وَلَمَنِ ٱنتَصَرَ بَعۡدَ ظُلۡمِهِۦ فَأُوْلَٰٓئِكَ مَا عَلَيۡهِم مِّن سَبِيلٍ ﴿٤١﴾
إِنَّمَا ٱلسَّبِيلُ عَلَى ٱلَّذِينَ يَظۡلِمُونَ ٱلنَّاسَ وَيَبۡغُونَ فِي
ٱلۡأَرۡضِ بِغَيۡرِ ٱلۡحَقِّۚ أُوْلَٰٓئِكَ لَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ ﴿٤٢﴾
وَلَمَن صَبَرَ وَغَفَرَ إِنَّ ذَٰلِكَ لَمِنۡ عَزۡمِ ٱلۡأُمُورِ ﴿٤٣﴾

"Dan kepada orang-orang yang menyambut seruan Tuhan mereka dan mendirikan solat dan segala urusan mereka diputuskan melalui mesyuarat di antara mereka, dan mereka membelanjakan (untuk Sabilillah) sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka (38). Dan kepada orang-orang yang apabila mereka ditimpakan kezaliman, mereka akan menuntut bela (39). Dan balasan terhadap sesuatu kejahatan itu ialah kejahatan yang sama dengannya, tetapi barang siapa yang memaaf dan berbuat baik, maka pahalanya dijaminkan Allah. Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim (40). Dan sesungguhnya orang yang menuntut bela setelah dilakukan kezaliman ke atasnya, maka mereka tidak menanggung apa-apa dosa (41). Sesungguhnya dosa itu hanya ditanggung oleh orang-orang yang melakukan kezaliman ke atas manusia dan bertindak melampaui batas di muka bumi tanpa hak. Mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih (42). Dan sesungguhnya orang-orang yang bersabar dan memberi kemaafan, maka perbuatan itu adalah termasuk dari amalan-amalan yang memerlukan ketabahan." (43).

وَمَن يُضۡلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِن وَلِيّٖ مِّنۢ بَعۡدِهِۦۗ وَتَرَى
ٱلظَّٰلِمِينَ لَمَّا رَأَوُاْ ٱلۡعَذَابَ يَقُولُونَ هَلۡ إِلَىٰ مَرَدّٖ مِّن
سَبِيلٖ ﴿٤٤﴾
وَتَرَىٰهُمۡ يُعۡرَضُونَ عَلَيۡهَا خَٰشِعِينَ مِنَ ٱلذُّلِّ
يَنظُرُونَ مِن طَرۡفٍ خَفِيّٖۗ وَقَالَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ
إِنَّ ٱلۡخَٰسِرِينَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ وَأَهۡلِيهِمۡ
يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِۗ أَلَآ إِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ فِي عَذَابٖ مُّقِيمٖ ﴿٤٥﴾
وَمَا كَانَ لَهُم مِّنۡ أَوۡلِيَآءَ يَنصُرُونَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِۗ
وَمَن يُضۡلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِن سَبِيلٍ ﴿٤٦﴾
ٱسۡتَجِيبُواْ لِرَبِّكُم مِّن قَبۡلِ أَن يَأۡتِيَ يَوۡمٞ لَّا مَرَدَّ لَهُۥ
مِنَ ٱللَّهِۚ مَا لَكُم مِّن مَّلۡجَإٖ يَوۡمَئِذٖ وَمَا لَكُم
مِّن نَّكِيرٖ ﴿٤٧﴾
فَإِنۡ أَعۡرَضُواْ فَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ عَلَيۡهِمۡ حَفِيظًاۖ إِنۡ
عَلَيۡكَ إِلَّا ٱلۡبَلَٰغُۗ وَإِنَّآ إِذَآ أَذَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ مِنَّا رَحۡمَةٗ
فَرِحَ بِهَاۖ وَإِن تُصِبۡهُمۡ سَيِّئَةُۢ بِمَا قَدَّمَتۡ أَيۡدِيهِمۡ
فَإِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ كَفُورٞ ﴿٤٨﴾

"Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka dia tidak akan mendapat mana-mana pelindung selepas-Nya. Dan engkau akan melihat orang-orang yang zalim berkata ketika mereka melihat 'azab: Apakah ada jalan untuk kami kembali ke dunia? (44) Dan engkau akan melihat mereka didedahkan kepada api Neraka dalam keadaan tunduk kerana merasa hina-dina. Mereka memandang dengan hujung mata (kerana terlalu hina). Dan orang-orang yang beriman berkata: Sesungguhnya orang-orang yang rugi itu ialah orang-orang yang kerugian diri mereka dan keluarga mereka pada hari Qiamat. Ingatlah! Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu berada di dalam 'azab yang kekal (45). Dan mereka sama sekali tidak mempunyai pelindung-pelindung yang dapat menolong mereka selain Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka dia tidak akan mendapat-sebarang jalan hidayat lagi (46). Sambutlah da'wah Tuhan kamu sebelum tiba dari Allah hari yang tidak dapat ditolak kedatangannya. Pada hari itu kamu tidak akan mendapat sebarang tempat perlindungan dan kamu tidak akan dapat lagi mengingkarkan (dosa-dosa kamu) (47). Andainya mereka berpaling, maka Kami bukannya mengutuskan

engkau sebagai pengawas mereka. Tugas engkau hanya menyampaikan da'wah sahaja. Sesungguhnya apabila Kami merasakan manusia sesuatu rahmat dari Kami ia akan bergembira dengannya, dan apabila mereka ditimpa sesuatu musibat dengan sebab dosa yang dilakukan mereka, (maka mereka terus lupakan ni'mat Kami). Sesungguhnya manusia amat tidak mengenangkan ni'mat Allah." (48).

لِّلَّهِ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ ۚ يَهَبُ لِمَن يَشَآءُ إِنَٰثًا وَيَهَبُ لِمَن يَشَآءُ ٱلذُّكُورَ ﴿٤٩﴾

أَوْ يُزَوِّجُهُمْ ذُكْرَانًا وَإِنَٰثًا ۖ وَيَجْعَلُ مَن يَشَآءُ عَقِيمًا ۚ إِنَّهُۥ عَلِيمٌ قَدِيرٌ ﴿٥٠﴾

وَمَا كَانَ لِبَشَرٍ أَن يُكَلِّمَهُ ٱللَّهُ إِلَّا وَحْيًا أَوْ مِن وَرَآئِ حِجَابٍ أَوْ يُرْسِلَ رَسُولًا فَيُوحِىَ بِإِذْنِهِۦ مَا يَشَآءُ ۚ إِنَّهُۥ عَلِىٌّ حَكِيمٌ ﴿٥١﴾

وَكَذَٰلِكَ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا ۚ مَا كُنتَ تَدْرِى مَا ٱلْكِتَٰبُ وَلَا ٱلْإِيمَٰنُ وَلَٰكِن جَعَلْنَٰهُ نُورًا نَّهْدِى بِهِۦ مَن نَّشَآءُ مِنْ عِبَادِنَا ۚ وَإِنَّكَ لَتَهْدِىٓ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٢﴾

صِرَٰطِ ٱللَّهِ ٱلَّذِى لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ أَلَآ إِلَى ٱللَّهِ تَصِيرُ ٱلْأُمُورُ ﴿٥٣﴾

"Allah memiliki langit dan bumi. Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya. Dia mengurniakan anak perempuan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan mengurniakan anak lelaki kepada siapa yang dikehendaki-Nya (49). Atau Dia mengurniakan kepada mereka pasangan anak lelaki dan anak perempuan dan Dia menjadikan mandul siapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui dan Maha Kuasa (50). Dan tidak layak bagi seseorang manusia bahawa Allah bercakap secara langsung dengannya melainkan dengan perantaraan wahyu atau di belakang hijab atau Dia mengutuskan utusan (Malaikat), lalu utusan itu mewahyukan kepadanya dengan keizinan-Nya apa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Bijaksana (51). Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu suatu roh dari urusan Kami (Al-Qur'an), sebelum ini engkau tidak mengetahui apakah kitab Al-Qur'an dan tidak pula mengetahui apakah iman, tetapi Kami menjadikan Al-Qur'an itu suatu nur yang terang dan dengannya Kami memberi hidayat kepada siapa yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami, dan sesungguhnya engkau benar-benar berusaha untuk memberi hidayat ke jalan yang lurus (52). Iaitu jalan Allah yang memiliki isi langit dan isi bumi. Ingatlah! Kepada Allah sahaja kembalinya segala urusan".(53)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Bahagian yang kedua dari surah ini memperkatakan tentang dalil-dalil keimanan terhadap Allah yang terdapat pada kejadian-kejadian yang wujud pada diri manusia dan di merata pelosok alam, juga memperkatakan tentang kesan-kesan kekuasaan Allah pada kejadian-kejadian yang meliputi manusia dan mempunyai hubungan secara langsung dengan hidup dan kehidupan mereka dan seterusnya memperkatakan tentang sifat-sifat orang-orang Mu'min yang membezakan mereka dari kelompok-kelompok manusia yang lain. Al-Qur'an memperkatakan persoalan-persoalan ini selepas memperkatakan di bahagian pertama surah ini tentang persoalan wahyu dan kerasulan dari berbagai-bagai aspeknya. Kemudian pada akhir surah ini ia kembali membicarakan tentang tabi'at wahyu dan cara penyampaiannya, dan di antara isi pembicaraan dua bahagian ini terdapat hubungan yang jelas. Kedua-duanya merupakan dua jalan yang menuju kepada hati manusia dan menghubungkannya dengan persoalan wahyu dan iman.

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 28)

وَهُوَ ٱلَّذِى يَقْبَلُ ٱلتَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِۦ وَيَعْفُوا۟ عَنِ ٱلسَّيِّـَٔاتِ وَيَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ ﴿٢٥﴾

وَيَسْتَجِيبُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَيَزِيدُهُم مِّن فَضْلِهِۦ ۚ وَٱلْكَٰفِرُونَ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ﴿٢٦﴾

وَلَوْ بَسَطَ ٱللَّهُ ٱلرِّزْقَ لِعِبَادِهِۦ لَبَغَوْا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَٰكِن يُنَزِّلُ بِقَدَرٍ مَّا يَشَآءُ ۚ إِنَّهُۥ بِعِبَادِهِۦ خَبِيرٌۢ بَصِيرٌ ﴿٢٧﴾

"Dan Dialah yang menerima taubat dari hamba-hamba-Nya dan memaafkan kesalahan dan mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (25). Dan Dialah yang memperkenankan do'a orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dan menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka, sedangkan orang-orang yang kafir akan memperolehi 'azab yang amat dahsyat (26). Dan andainya Allah meluaskan rezeki kepada hamba-hamba-Nya nescaya mereka melampaui batas di bumi, tetapi Allah menurunkan rezeki mengikut kadar yang tertentu yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui dan Maha Melihat keadaan hamba-hamba-Nya."(27)

Perkara ini dikemukakan selepas ditayangkan pemandangan orang-orang kafir yang zalim pada hari Qiamat yang kelihatan begitu takut kepada dosa-dosa mereka sendiri dan takut kepada balasan 'azab yang

tetap akan menimpa mereka dan pemandangan orang-orang yang beriman yang bersenang-lenang di dalam taman-taman Syurga, juga selepas dihapuskan segala kekeliruan terhadap kebenaran Rasulullah s.a.w. yang telah menyampaikan wahyu Allah kepada mereka dan selepas menjelaskan hakikat ilmu Allah yang mengetahui segala rahsia di dalam dada manusia.

Perkara ini dikemukakan untuk menggalakkan orang-orang yang ingin bertaubat dan ingin pulang kembali dari jalan yang sesat sebelum peluang ini ditamatkan. Kini ia membuka pintu taubat itu dengan seluas-luasnya. Allah bersedia menerima taubat mereka dan memaafkan kesalahan-kesalahan mereka. Oleh itu tidak ada sebab untuk mengambil sikap putus asa dan terus berdegil dalam maksiat dan takut kepada dosa-dosa yang telah dilakukan mereka. Allah mengetahui segala apa yang mereka lakukannya, oleh sebab itu dia mengetahui taubat yang sebenar dan menerimanya, sebagaimana dia mengetahui segala dosa mereka yang lepas dan mengampunkannya.

Di tengah-tengah pembicaraan ini Al-Qur'an kembali memperkatakan tentang balasan orang-orang Mu'min dan balasan orang-orang kafir iaitu Allah menambahkan limpah kurnia-Nya kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh yang menyambut da'wah Tuhan mereka, sedangkan:

وَٱلۡكَٰفِرُونَ لَهُمۡ عَذَابٞ شَدِيدٞ ﴿٢٦﴾

"Orang-orang yang kafir pula akan mendapat balasan 'azab yang amat dahsyat"(26)

tetapi pintu taubat tetap terbuka kepada mereka untuk menyelamatkan diri dari 'azab yang amat dahsyat itu dan membolehkan mereka untuk menerima limpah kurnia Allah yang dikurniakan kepada orang-orang yang menyambut da'wah-Nya.

Limpah kurnia Allah di Akhirat tidak terhisab, tidak terbatas dan tidak terikat, sedangkan rezeki yang dikurniakan Allah kepada hamba-hamba-Nya di muka bumi ini adalah terikat dan terbatas, kerana Allah S.W.T. mengetahui bahawa manusia yang hidup di bumi ini tidak mungkin dicurahkan dengan limpah kurnia Allah yang tidak terbatas:

وَلَوۡ بَسَطَ ٱللَّهُ ٱلرِّزۡقَ لِعِبَادِهِۦ لَبَغَوۡاْ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَٰكِن
يُنَزِّلُ بِقَدَرٖ مَّا يَشَآءُۚ إِنَّهُۥ بِعِبَادِهِۦ خَبِيرُۢ بَصِيرٞ ﴿٢٧﴾

"Dan andainya Allah meluaskan rezeki kepada hamba-hamba-Nya nescaya mereka melampaui batas di bumi ini, tetapi Allah menurunkan rezeki mengikut kadar yang tertentu yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui dan Maha Melihat keadaan hamba-hamba-Nya."(27)

Ayat ini menggambarkan kesedikitan rezeki di dalam kehidupan dunia ini walau bagaimanapun banyak sekalipun jika dibandingkan dengan limpah kurnia Allah yang amat banyak di Akhirat. Allah mengetahui bahawa manusia tidak tahan dengan kekayaan melainkan sekadarnya sahaja. Andainya Allah meluaskan rezeki kepada mereka seluas rezeki Akhirat nescaya mereka bertindak di luar batas dan melakukan perbuatan-perbuatan yang zalim. Manusia adalah makhluk-makhluk kecil yang tidak berupaya menjaga imbangan. Mereka adalah lemah dan tidak mampu menanggung kekayaan melainkan sekadarnya sahaja. Allah Maha Mengetahui dan Maha Melihat tabi'at-tabi'at dan kelakuan-kelakuan hamba-Nya, kerana itu Dia jadikan rezeki mereka di bumi terbatas dengan kadar-kadar yang tertentu sahaja, iaitu sekadar yang dapat ditanggung mereka sahaja, dan menyimpan lebihan limpah kurnia-Nya yang luas itu untuk orang-orang yang berjaya menempuh ujian di bumi dan sampai ke negeri Akhirat dengan selamat, dan di sanalah mereka akan menerima limpah kurnia Allah yang disimpankan untuk mereka tanpa batas dan tanpa ikatan itu.

وَهُوَ ٱلَّذِي يُنَزِّلُ ٱلۡغَيۡثَ مِنۢ بَعۡدِ مَا قَنَطُواْ وَيَنشُرُ رَحۡمَتَهُۥۚ
وَهُوَ ٱلۡوَلِيُّ ٱلۡحَمِيدُ ﴿٢٨﴾

"Dan Dialah yang menurunkan hujan setelah mereka berputus asa dan Dialah yang menaburkan rahmat-Nya, dan Dialah Pelindung Yang Maha Terpuji."(28)

Ayat ini, menyentuh pula perkara air hujan untuk mengingatkan mereka sebahagian dari limpah kurnia Allah ke atas hamba-hamba-Nya di muka bumi.... Ketika mereka keputusan air hujan dan lemah untuk mendapatkan air sebagai punca hayat yang pertama, ketika mereka berada dalam keadaan putus asa, tiba-tiba Allah menurunkan hujan dan menolong mereka dengan air hujan dan menaburkan rahmat-Nya, lalu bumi yang tandus itu pun subur dan menghijau dengan tumbuh-tumbuhan dan tanam-tanaman, udara menjadi nyaman, hidup dan kegiatan hidup berkembang dan bergerak cergas, wajah mereka berseri-seri, hati mereka riang gembira dan harapan mereka berdenyut dan berkembang, sedangkan di antara putus harapan dan ketibaan rahmat Allah itu hanya dipisahkan oleh beberapa detik masa sahaja, kemudian tiba-tiba pintu-pintu rahmat terbuka dan ketika itu terbukalah pintu-pintu langit mencurahkan air.

وَهُوَ ٱلۡوَلِيُّ ٱلۡحَمِيدُ ﴿٢٨﴾

"....... Dan Dialah Pelindung Yang Maha Terpuji."(28)

Dialah Penolong dan Pemelihara yang terpuji zat dan sifat-Nya.

Di sini Al-Qur'an memilih kata-kata "الغيث" untuk "air hujan", dan pemilihan kata-kata ini membayangkan makna "الغوث" iaitu pertolongan dari bantuan untuk menolong orang-orang yang sedang ditimpa kesusahan. Begitu juga ungkapan:

وَيَنشُرُ رَحۡمَتَهُۥۚ

"Menaburkan rahmat-Nya"(28)

yang dituju untuk menerangkan kesan-kesan air hujan itu, juga membayangkan suasana kesegaran, kesuburan, harapan dan kegembiraan yang lahir dari tumbuh-tumbuhan dan tanaman-tanaman yang berkembang subur dan dari harapan menunggu hasil buah-buahan. Tidak ada pemandangan yang lebih menyenangkan deria, merehatkan saraf dan menyegarkan hati dan perasaan dari pemandangan air hujan yang turun selepas kemarau, dan tidak ada pemandangan yang dapat menghilangkan duka nestapa hati dan kepenatan jiwa seperti pemandangan bumi yang berkembang subur dengan tumbuh-tumbuhan dan tanaman-tanaman yang menghijau selepas turunnya hujan dan selepas bumi ketandusan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 31)

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ خَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَثَّ فِيهِمَا مِن دَآبَّةٍ ۚ وَهُوَ عَلَىٰ جَمْعِهِمْ إِذَا يَشَآءُ قَدِيرٌ ﴿٢٩﴾

وَمَآ أَصَٰبَكُم مِّن مُّصِيبَةٍ فَبِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا۟ عَن كَثِيرٍ ﴿٣٠﴾

وَمَآ أَنتُم بِمُعْجِزِينَ فِى ٱلْأَرْضِ ۖ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٣١﴾

"Di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah penciptaan langit dan bumi dan segala makhluk yang bergerak, yang disebarkan pada keduanya. Dan Dia Maha Kuasa mengumpulkan semua makhluk itu apabila dikehendaki-Nya (29). Apa sahaja musibat yang telah menimpa kamu, maka itu adalah disebabkan oleh perbuatan tangan kamu sendiri dan Allah memaafkan sebahagian besar (dari kesalahan kamu) (30). Dan kamu tidak dapat melepaskan diri (dari 'azab Allah) di muka bumi, dan kamu tidak mempunyai pelindung dan penolong selain dari Allah."(31)

Bukti-bukti Uluhiyah Allah Yang Tidak Mampu Dipertikaikan

Bukti-bukti kewujudan dan kekuasaan Allah dalam bentuk kejadian alam buana ini terbentang di hadapan mata manusia sebagai saksi di atas kebenaran wahyu yang diragui mereka dan dipertikaikan mereka. Bukti-bukti langit dan bumi tidak dapat dipertikaikan dan tidak dapat diragui. Ia amat meyakinkan. Ia berbicara dengan fitrah manusia dengan bahasanya yang tersendiri yang tidak dapat disangkal oleh sesiapa yang benar-benar serius. Ia menyaksikan bahawa yang menjadikannya bukanlah manusia dan bukan pula makhluk yang lain dari manusia. Tidak ada jalan keluar melainkan mengaku bahawa alam buana ini adalah diciptakan Allah yang mentadbirkan-Nya, kerana jirimnya yang amat besar, peraturannya yang rapi dan selaras, dan kerana persamaan dan kesatuan undang-undangnya yang tetap tidak berubah, dan semuanya ini tidak dapat ditafsirkan oleh akal manusia melainkan di atas asas wujudnya satu Tuhan yang mencipta dan mentadbirkannya. Fitrah manusia dapat menerima logik alam buana ini secara langsung dan dapat memahaminya dengan tenang dan yakin walaupun tanpa mendengar sepatah kata yang terbit dari alam itu sendiri. Kejadian langit dan bumi yang menjadi bukti kewujudan dan kekuasaan Allah itu mengandungi satu bukti kekuasaan, yang lain lagi iaitu:

وَمَا بَثَّ فِيهِمَا مِن دَآبَّةٍ ۚ

"Dan segala makhluk yang bergerak, yang disebarkan pada keduanya."(29)

Rahsia Hayat Yang Tertutup Kepada Ilmu Manusia

Hayat atau kejadian-kejadian yang hidup di bumi ini sahaja cukup untuk menjadi bukti kewujudan dan kekuasaan Allah apatah lagi kejadian-kejadian hidup yang lain yang wujud di alam langit yang belum dapat difahami anda. Hayat merupakan satu rahsia yang tidak dapat ditembusi oleh sesiapa pun apatah lagi untuk bercita-cita menciptakannya. Ia adalah satu rahsia sulit yang tidak diketahui oleh sesiapa dari mana ia datang, bagaimana ia datang dan bagaimana ia menjelma di dalam kejadian-kejadian yang bernyawa. Segala percubaan yang dilakukan untuk mengkaji sumber dan tabi'at hayat ini telah dihalangi oleh pintu-pintu dan tabir-tabir yang tertutup rapat, dan seluruh kajian itu telah berhenti setakat kajian perkembangan makhluk-makhluk yang bernyawa selepas wujudnya hayat, juga setakat kajian mengenai jenis-jenis makhluk yang bernyawa dan fungsi-fungsinya masing-masing sahaja. Dan dalam bidang yang sempit yang dapat dilihat dengan mata ini pun kajian-kajian itu telah berselisih kepada berbagai-bagai pendapat dan teori. Adapun rahsia hayat itu sendiri yang terletak di sebalik tabir itu akan tetap menjadi rahsia yang tidak dapat dilihat oleh mata dan tidak dapat ditanggap oleh kefahaman akal. Ia adalah urusan Allah yang tidak dapat difahami oleh yang lain dari-Nya.

Seluruh makhluk bernyawa yang terdapat di mana-mana tempat sahaja itu, sama ada di atas muka bumi atau di dalam lubang-lubangnya sama ada di dasar laut dan di ruang-ruang udara - dan jangan fikirkan lagi makhluk-makhluk bernyawa yang wujud di alam langit - seluruh makhluk bernyawa ini yang tidak diketahui manusia melainkan sebahagian kecil yang terkenal sahaja menerusi alat-alat mereka yang terbatas....... seluruh makhluk bernyawa yang bergerak di langit dan di bumi ini dapat dikumpulkan Allah semuanya apabila Dia kehendaki dan tiada satu individu pun yang terlepas atau dapat menghilangkan diri, sedangkan manusia lemah untuk mengumpulkan sekumpulan burung-burung yang jinak yang terlepas dari sangkarnya atau untuk mengumpulkan

sekumpulan lebah yang terbang meninggalkan sarangnya.

Hanya Allah sahaja yang mengetahui bilangan kumpulan burung-burung. Hanya Allah sahaja yang mengetahui bilangan-bilangan kumpulan-kumpulan lebah, semut dan sebagainya. Hanya Allah sahaja yang mengetahui bilangan dan tempat-tempat kumpulan serangga-serangga, hama-hama dan kuman-kuman. Hanya Allah sahaja yang mengetahui jumlah ikan-ikan dan hidup-hidupan di dalam laut, jumlah binatang-binatang ternakan dan binatang-binatang liar yang merayau di merata-rata tempat dan jumlah manusia yang tersebar di merata pelosok bumi, juga jumlah makhluk-makhluk yang lain yang lebih banyak dan lebih sulit tempat kediamannya dilangit-langit. Semua makhluk ini dapat dikumpulkan Allah apabila Dia kehendaki.

Seluruh makhluk ini hanya disebarkan Allah dengan satu kalimat sahaja dan dikumpulkan dengan satu kalimat juga. Ungkapan ayat ini mengumpulkan di antara pemandangan penyebaran makhluk dan pemandangan pengumpulan makhluk pada sekelip mata sahaja mengikut cara uslub Al-Qur'an, dan ini membuat hati kita dapat melihat dua pemandangan yang besar itu sebelum lidah kita menamatkan ayat yang pendek ini.

Punca Malapetaka Yang Menimpa Manusia Adalah Dari Dosa-dosa Mereka

Di bawah bayangan dua pemandangan ini, Al-Qur'an menerangkan kepada mereka tentang musibat-musibat yang menimpa mereka dalam kehidupan dunia akibat dari dosa-dosa yang telah dilakukan tangan-tangan mereka sendiri, dan dosa-dosa ini pun bukan kesemuanya pula, kerana Allah tidak menghukumkan mereka dengan setiap kesalahan mereka, malah Allah telah mengampunkan sebahagian besar dari dosa-dosa mereka. Begitu juga Al-Qur'an menggambarkan kelemahan manusia di bumi selaku satu sektor yang kecil di alam makhluk bernyawa yang amat besar.

وَمَآ أَصَٰبَكُم مِّن مُّصِيبَةٖ فَبِمَا كَسَبَتۡ أَيۡدِيكُمۡ وَيَعۡفُواْ
عَن كَثِيرٖ ٣٠

وَمَآ أَنتُم بِمُعۡجِزِينَ فِي ٱلۡأَرۡضِۖ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ
ٱللَّهِ مِن وَلِيّٖ وَلَا نَصِيرٖ ٣١

"Apa sahaja musibat yang telah menimpakan kamu, maka itu adalah disebabkan oleh perbuatan tangan kamu sendiri dan Allah memaafkan sebahagian besar (dari kesalahan kamu) (30). Dan kamu tidak dapat melepaskan diri (dari 'azab Allah) di muka bumi dan kamu tidak mempunyai pelindung dan penolong selain dari Allah."(31)

Di dalam ayat yang pertama nampak jelas keadilan Allah dan rahmat kasihan belas-Nya terhadap manusia yang lemah ini. Setiap musibat yang menimpa mereka adalah berpunca dari sebab kesalahan-kesalahan yang dilakukan tangan mereka sendiri, tetapi Allah tidak menghukumkan mereka dengan setiap kesalahan mereka, kerana Dia mengetahui kelemahan mereka dan mengetahui pendorong-pendorong (motif-motif) yang dijadikan di dalam fitrah mereka, iaitu pendorong yang menguasai mereka di kebanyakan waktu. Oleh sebab itu Allah memaafkan sebahagian besar dari kesalahan-kesalahan mereka kerana kasihan belas dan kemaafan-Nya kepada mereka.

Sementara di dalam ayat yang kedua pula nampak jelas kelemahan makhluk manusia ini. Mereka tidak dapat melepaskan diri dari ('azab Allah) di bumi dan tidak mempunyai pelindung dan penolong selain Allah. Tiada lain yang dapat dituju mereka melainkan berlindung pada Allah Pelindung dan Penolong Yang Maha Agung.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 35)

Kapal-kapal Besar Di Laut Merupakan Bukti Kekuasaan Allah

وَمِنۡ ءَايَٰتِهِ ٱلۡجَوَارِ فِي ٱلۡبَحۡرِ كَٱلۡأَعۡلَٰمِ ٣٢
إِن يَشَأۡ يُسۡكِنِ ٱلرِّيحَ فَيَظۡلَلۡنَ رَوَاكِدَ عَلَىٰ ظَهۡرِهِۦٓۚ إِنَّ فِي
ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّكُلِّ صَبَّارٖ شَكُورٍ ٣٣
أَوۡ يُوبِقۡهُنَّ بِمَا كَسَبُواْ وَيَعۡفُ عَن كَثِيرٖ ٣٤
وَيَعۡلَمَ ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِيٓ ءَايَٰتِنَا مَا لَهُم مِّن مَّحِيصٖ ٣٥

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah kapal-kapal besar seperti gunung di lautan (32). Andainya Dia kehendaki Dia akan menenangkan angin dan menyebabkan kapal-kapal itu terhenti di permukaan laut. Sesungguhnya pada kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan-Nya bagi setiap orang yang banyak bersabar dan banyak bersyukur (33). Atau kapal-kapal itu dibinasakannya kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka. Dan Dia memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa (34). Dan supaya orang-orang yang mempertikaikan ayat-ayat Kami itu tahu bahawa mereka tidak akan mendapat jalan keluar."(35)

Kapal-kapal besar seperti gunung yang berlari di dalam lautan itu merupakan satu lagi bukti dari bukti-bukti kekuasaan Allah yang dapat dilihat dengan mata kepala, iaitu satu bukti yang ditegakkan di atas semua bukti-bukti yang lain yang diciptakan Allah tanpa dapat dipertikaikan lagi. Lihatlah lautan, siapakah yang menciptakannya? Siapakah di antara manusia atau lain dari manusia yang berani mendakwa bahawa Dialah yang menciptakannya? Siapakah yang menciptakan ciri-ciri lautan seperti kepadatannya, kedalamannya dan keluasannya hingga dapat menampung kapal-kapal yang besar? Kemudian lihatlah pula kepada kapal-kapal, siapakah yang menciptakan bahan-bahannya dan menciptakan

ciri-cirinya hingga menjadikannya terapung-apung di permukaan air? Dan lihatlah pula kepada angin yang menolak jenis-jenis bahtera yang diketahui pada masa itu oleh orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini (atau lihatlah kepada kuasa-kuasa atau kekuatan-kekuatan yang lain dari angin yang dikurniakan kepada manusia di zaman sekarang seperti kuasa-kuasa wap, atom atau lain-lainnya yang dikehendaki Allah selepas sekarang) untuk menjadikannya sebagai suatu kuasa alam yang dapat menggerakkan kapal-kapal yang besar seperti gunung-gunung itu di lautan?

إِن يَشَأْ يُسْكِنِ ٱلرِّيحَ فَيَظْلَلْنَ رَوَاكِدَ عَلَىٰ ظَهْرِهِۦٓ ۚ

"Andainya Dia kehendaki Dia akan menenangkan angin dan menyebabkan kapal-kapal itu terhenti di permukaan laut."(33)

Kadang-kadang angin itu terhenti menyebabkan kapal-kapal itu terhenti seolah-olah tidak bernyawa lagi.

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ﴿٣٣﴾

"Sesungguhnya pada kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan-Nya bagi setiap orang yang banyak bersabar dan banyak bersyukur."(33)

Perjalanan kapal-kapal dan keberhentiannya merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada setiap orang yang sabar dan bersyukur. Sifat sabar dan bersyukur seringkali disebut bergandingan di dalam Al-Qur'an. Sifat sabar menerima ujian kesusahan dan sifat bersyukur menerima ni'mat merupakan teras jiwa Mu'min dalam menghadapi kesusahan dan kesenangan.

أَوْ يُوبِقْهُنَّ بِمَا كَسَبُوا۟

"Atau kapal-kapal itu dibinasakannya kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka."(34)

Allah memecahkan kapal-kapal itu dan mengharamkannya dengan sebab perbuatan-perbuatan manusia yang melakukan dosa, maksiat dan menentang keimanan yang dianuti oleh seluruh makhluk kecuali sebahagian dari makhluk manusia sahaja.

وَيَعْفُ عَن كَثِيرٍ ﴿٣٤﴾

"Dan Dia memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa."(34)

Kerana itu Allah tidak menghukum manusia dengan setiap kesalahan yang dilakukannya, malah dia memaaf dan mengampunkan sebahagian besar dari kesalahan-kesalahan itu.

وَيَعْلَمَ ٱلَّذِينَ يُجَٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَٰتِنَا مَا لَهُم مِّن مَّحِيصٍ ﴿٣٥﴾

"Dan supaya orang-orang yang mempertikaikan ayat-ayat Kami itu tahu bahawa mereka tidak akan mendapat jalan keluar"(35)

Andainya Allah mahu meletakkan mereka di hadapan 'azab-Nya atau andainya Allah mahu membinasakan kapal-kapal mereka, mereka tidak berdaya menyelamatkan diri mereka dari malapetaka itu.

Demikianlah ayat ini menyedarkan mereka bahawa segala harta benda yang dimiliki mereka di dunia ini adalah terdedah kepada kemusnahan dan kehilangan, tiada suatu pun yang tetap tidak berubah melainkan hubungan yang kukuh dengan Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 43)

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka maju setapak lagi. Ia menarik perhatian mereka bahawa segala keni'matan yang dikurniakan kepada mereka di dunia ini adalah keni'matan sementara sahaja, sedangkan nilai yang kekal abadi ialah ni'mat-ni'mat yang disediakan Allah di negeri Akhirat kepada orang-orang yang beriman dan bertawakkal kepada-Nya. Kemudian Al-Qur'an menerangkan sifat-sifat orang-orang. Mu'min yang membezakan mereka dari golongan manusia yang lain dan menjadikan mereka satu umat yang unik yang mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat yang istimewa.

فَمَآ أُوتِيتُم مِّن شَىْءٍ فَمَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَمَا عِندَ ٱللَّهِ
خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٣٦﴾
وَٱلَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَٰٓئِرَ ٱلْإِثْمِ وَٱلْفَوَٰحِشَ وَإِذَا مَا
غَضِبُوا۟ هُمْ يَغْفِرُونَ ﴿٣٧﴾
وَٱلَّذِينَ ٱسْتَجَابُوا۟ لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ
بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣٨﴾

"Apa sahaja ni'mat yang dikurniakan kepada kamu, maka itu hanya keni'matan dunia sahaja, sedangkan ni'mat-ni'mat yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal kepada orang-orang yang beriman dan mereka bertawakkal kepada Tuhan mereka (36). Dan kepada orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar dan perbuatan-perbuatan yang keji dan apabila mereka marah, mereka memberi kemaafan (37). Dan kepada orang-orang yang menyambut seruan Tuhan mereka dan mendirikan solat dan segala urusan mereka diputuskan melalui mesyuarat di antara mereka. Dan mereka membelanjakan (untuk Sabilullah) sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka." (38).

وَٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَابَهُمُ ٱلْبَغْىُ هُمْ يَنتَصِرُونَ ﴿٣٩﴾
وَجَزَٰٓؤُا۟ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا ۖ فَمَنْ عَفَا وَأَصْلَحَ فَأَجْرُهُۥ
عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٠﴾

وَلَمَنِ ٱنتَصَرَ بَعْدَ ظُلْمِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ مَا عَلَيْهِم مِّن سَبِيلٍ ﴿٤١﴾
إِنَّمَا ٱلسَّبِيلُ عَلَى ٱلَّذِينَ يَظْلِمُونَ ٱلنَّاسَ وَيَبْغُونَ فِى
ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤٢﴾
وَلَمَن صَبَرَ وَغَفَرَ إِنَّ ذَٰلِكَ لَمِنْ عَزْمِ ٱلْأُمُورِ ﴿٤٣﴾

"Dan kepada orang-orang yang apabila mereka ditimpakan kezaliman, mereka akan menuntut bela (39). Dan balasan terhadap sesuatu kejahatan itu ialah kejahatan yang sama dengannya, tetapi barang siapa yang memaaf dan berbuat baik, maka pahalanya dijaminkan Allah. Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim (40). Dan sesungguhnya orang yang menuntut bela setelah dilakukan kezaliman ke atasnya, maka mereka tidak menanggung apa-apa dosa (41). Sesungguhnya dosa itu hanya ditanggung oleh orang-orang yang melakukan kezaliman ke atas manusia dan bertindak melampaui batas di muka bumi tanpa hak. Mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih (42). Dan sesungguhnya orang-orang yang bersabar dan memberi kemaafan, maka perbuatan itu adalah termasuk dari amalan-amalan yang memerlukan ketabahan."(43)

Sikap Generasi Baru Kaum Ahlil-Kitab Terhadap Kebenaran Kitab Suci Mereka

Dalam ayat-ayat yang terdahulu dari surah ini Al-Qur'an telah menggambarkan keadaan umat manusia iaitu ia memberi isyarat kepada kaum Ahlil-Kitab yang telah berpecah-belah dan berselisih faham setelah mendapat penerangan-penerangan yang jelas dari Allah. Mereka berpecah-belah semata-mata kerana hasad dengki sesama mereka bukannya kerana mereka tidak mengetahui hukum-hukum Allah yang telah diturunkan di dalam kitab suci mereka, dan bukan kerana tidak mengetahui undang-undang dan peraturan Allah yang tetap tidak berubah sejak zaman Nuh hingga ke zaman Ibrahim, hingga ke zaman Musa dan hingga ke zaman 'Isa alaihim Salawatullah. Begitu juga Al-Qur'an memberi isyarat kepada sikap generasi-generasi baru yang mewarisi kitab yang muncul selepas generasi yang berpecah-belah itu. Mereka tidak lagi mempercayai kitab suci itu, malah mereka meragui kebenarannya.

Jika demikian keadaan ahli-ahli agama yang diturunkan Allah dan pengikut-pengikut para rasulullah salawatullahi alaihim, maka tentulah keadaan kaum yang tidak mengikut mana-mana rasul dan tidak beriman kepada mana-mana kitab lebih sesat dan lebih buta lagi.

Oleh kerana itu umat manusia memerlukan kepada kepimpinan yang memberi hidayat, yang menyelamatkan mereka dari jahiliyah yang buta yang diharungi mereka, iaitu kepimpinan yang membimbing manusia kepada agama yang kukuh dan mengatur langkah-langkah yang menyampaikan mereka kepada Allah Tuhan mereka dan Tuhan seluruh alam buana.

Allah telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada hamba-Nya Muhammad s.a.w. di dalam bahasa Arab untuk memberi peringatan kepada penduduk-penduduk Ummul-Qura dan di negeri-negeri di sekelilingnya. Allah telah menerangkan di dalam Al-Qur'an apa yang telah disyari'atkannya kepada Nuh, Ibrahim, Musa dan 'Isa. Dengan ini Allah menghubungkannya segala mata rantai gerakan da'wah mulai dari permulaan sejarah manusia di alam ini dan menyatukan cara dan tujuannya. Dengan da'wah inilah Allah membangunkan kelompok Muslimin untuk menguasai dan memimpin umat manusia dan menegakkan da'wah di bumi ini mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya dan mengikut bentuk yang disukai-Nya.

Ciri-ciri Istimewa Kelompok Muslimin

Di dalam ayat-ayat ini Al-Qur'an menggambarkan sifat-sifat kelompok Muslimin yang membezakan mereka dari golongan-golongan yang lain. Walaupun ayat-ayat ini diturunkan di Makkah, iaitu diturun sebelum tertubuhnya sebuah kerajaan Islam di Madinah, namun kita dapati di dalam ayat-ayat ini keterangan yang menjelaskan bahawa di antara sifat istimewa kelompok Muslimin ini ialah:

وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

"Dan segala urusan mereka diputuskan melalui mesyuarat di antara mereka."(38)

Ini membayangkan bahawa kedudukan dasar bermesyuarat itu adalah amat mendalam di dalam kehidupan umat Muslimin. Ia bukannya semata-mata satu peraturan pentadbiran negara, malah ia merupakan satu sifat asasi bagi seluruh kelompok Muslimin itu sendiri. Seluruh urusan mereka sebagai satu kelompok ditegakkan di atas dasar bermesyuarat, kemudian dari kehidupan kelompok ia meresap pula ke dalam pentadbiran negara dengan sifatnya sebagai perkembangan tabi'i kelompok. Begitu juga kita dapati bahawa di antara sifat-sifat kelompok ini lagi ialah:

وَٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَابَهُمُ ٱلْبَغْىُ هُمْ يَنتَصِرُونَ ﴿٣٩﴾

"Dan kepada orang-orang yang apabila mereka ditimpa kezaliman, mereka akan menuntut bela."(39)

Walaupun perintah yang dikeluarkan kepada orang-orang Islam di Makkah di waktu ini ialah mereka pastilah bersabar dan jangan menentang pencerobohan dengan pencerobohan sehingga Allah mengeluarkan satu perintah yang lain selepas Hijrah yang membenarkan mereka berperang iaitu:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَٰتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوا۟ ۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ
لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

"Peperangan telah diizinkan kepada orang-orang yang diperangi kerana mereka telah dianiayai dan sesungguhnya Allah Maha Berkuasa menolong mereka."

(Sura al-Hajj: 39)

Menyebut sifat menuntut bela di sini di dalam ayat-ayat Makkiyah yang menggambarkan sifat-sifat kelompok Muslimin membayangkan bahawa sifat menentang kezaliman itu adalah satu sifat utama mereka yang tetap, dan membayangkan bahawa perintah pertama supaya mereka menahan diri dari menyerang dan bersabar itu adalah satu perintah khas sahaja untuk menghadapi suasana-suasana tertentu. Dan oleh kerana tempat ini merupakan tempat menghuraikan sifat-sifat asasi kelompok Muslimin, maka Al-Qur'an menyebut sifat-sifat itu di sini dan di antaranya ialah sifat menuntut bela walaupun ayat-ayat ini ialah ayat Makkiyah, di mana mereka belum lagi diizinkan berperang untuk menentang pencerobohan itu.

Huraian mengenai sifat istimewa kelompok Muslimin yang dipilih untuk memimpin umat manusia dan mengeluarkan mereka dari kegelapan jahiliyah kepada nur Islam yang terang dalam Surah Makkiyah sebelum mereka memegang teraju kepimpinan amali itu amat wajar dimenungkan dengan teliti. Sifat-sifat itu adalah sifat-sifat yang pasti dibangunkan lebih dahulu dan pasti wujud pada kelompok itu supaya mereka layak memegang teraju kepimpinan amali. Kerana itu sayugialah kita memberi perhatian yang teliti kepada sifat-sifat itu. Apakah hakikat-hakikatnya? Dan apakah nilai-nilainya di dalam kehidupan manusia seluruhnya?

Sifat-sifat itu ialah beriman, bertawakkal, menjauhi dosa-dosa yang besar dan perbuatan-perbuatan yang keji, memaaf ketika marah, menyambut da'wah Allah, mendirikan solat dengan tekun, bermesyuarat dalam segala urusan, membelanjakan sebahagian dari rezeki yang dikurniakan Allah, menentang atau menuntut bela terhadap kezaliman, memberi kemaafan, melakukan usaha islah dan bersikap sabar.

Apakah hakikat dan nilai siat-sifat ini? Eloklah kami jelaslah perkara ini ketika kami menghuraikan sifat-sifat ini nanti mengikut susunan yang diaturkan oleh Al-Qur'an.

Al-Qur'an meletakkan manusia di hadapan neraca Ilahi yang tetap tidak berubah bagi menentukan hakikat nilai-nilai, iaitu nilai-nilai yang hilang musnah dan nilai-nilai yang kekal abadi supaya hakikat-hakikat ini tidak mengelirukan mereka hingga menyebabkan penilaian mereka menjadi kacau-bilau. Al-Qur'an menjadikan neraca Ilahi ini sebagai mukadimah bagi sifat-sifat kelompok Muslim:

فَمَآ أُوتِيتُم مِّن شَيْءٍ فَمَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَمَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ

"Apa sahaja ni'mat yang dikurniakan kepada kamu, maka itu hanya keni'matan dunia sahaja, sedangkan ni'mat-ni'mat yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal."(36)

Di Antara Keni'matan Sementara Dan Keni'matan Yang Kekal Abadi

Di muka bumi ini terdapat ni'mat-ni'mat yang menarik dan gilang-gemilang. Di sana terdapat aneka rezeki, anak-pinak, keinginan-keinginan nafsu, kelazatan-kelazatan, pangkat kebesaran dan kuasa. Di sana terdapat ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah kepada manusia sebagai pemberian kerana kasihan belas semata-mata, iaitu pemberian yang tidak dihubungkan dengan ta'at dan maksiat seseorang di dunia ini, tetapi Allah memberi keberkatan kepada orang yang ta'at walaupun ni'mat yang dimilikinya itu sedikit dan menghapuskan keberkatan dari orang yang derhaka walaupun ia memiliki ni'mat-ni'mat yang banyak.

Tetapi semuanya ini bukannya nilai-nilai yang kekal dan tetap tidak berubah, malah ia hanya merupakan keni'matan-keni'matan dunia sahaja yang terbatas waktunya. Ia tidak mengangkat dan tidak menjatuhkan darjah manusia. Ia tidak dikirakan sebagai bukti penghormatan atau penghinaan di sisi Allah. Ia tidak dikirakan sebagai alamat keredhaan atau kemurkaan dari Allah. Ia hanya keni'matan sahaja:

وَمَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ

"Sedangkan ni'mat-ni'mat yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal."(36)

Keni'matan hidup dunia ini amat kecil jika dibandingkan dengan ni'mat-ni'mat yang tersimpan di sisi Allah. Ia amat terbatas jika dibandingkan dengan ni'mat-ni'mat Allah yang melimpah-ruah. Lama masa keni'matan dunia dapat dihitungkan harinya. Paling lama bagi seseorang ialah sepanjang umur hidupnya dan paling lama bagi umat manusia seluruhnya ialah sepanjang umur manusia di bumi ini, iaitu satu jangka masa yang tidak lebih dari sekelip mata sahaja jika dibandingkan dengan hari-hari Allah.

Setelah menjelaskan hakikat ini, Al-Qur'an mula menerangkan sifat-sifat orang-orang Mu'min yang disimpankan Allah untuk mereka, berbagai-bagai ni'mat yang lebih baik dan kekal.

Mula-mula Al-Qur'an menerangkan sifat iman:

وَمَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟

"Sedangkan ni'mat-ni'mat yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal kepada orang-orang yang beriman."(36)

Nilai Keimanan

Kerana nilai keimanan ialah mengenal hakikat yang pertama (Allah). Seseorang manusia tidak akan dapat mengenal dengan betul sesuatu hakikat di alam ini melainkan dengan perantaraan iman. Dan dengan perantaraan iman kepada Allah, manusia dapat memahami hakikat alam al-wujud ini. Ia dapat mengerti, bahawa alam buana ini adalah dari ciptaan

Allah dan dengan kefahaman yang seperti ini ia dapat berinteraksi dengan alam kerana ia mengetahui tabi'atnya dan mengetahui undang-undang yang mengendalikannya, dan oleh kerana itu ia dapat menyelaraskan gerak langkahnya dengan gerakan perjalanan alam buana yang besar ini dan tidak menyeleweng dari undang-undang amnya. Dan dengan keselarasan ini ia dapat menemui kebahagiaan dan meneruskan perjalanannya bersama alam buana menuju kepada Allah Pencipta dengan patuh, menyerah diri dan aman damai. Sifat ini adalah satu sifat yang perlu bagi setiap insan dan lebih perlu lagi bagi kelompok Muslimin yang hendak memimpin umat manusia kepada Allah Pencipta alam buana.

Nilai keimanan juga terletak pada ketenteraman jiwa, pada keyakinan berada di jalan Allah, tidak digoncang kebingungan, keraguan, ketakutan dan putus harapan. Sifat-sifat ini adalah sifat-sifat yang perlu bagi setiap insan di dalam perjalanan hidupnya di bumi ini dan lebih perlu lagi bagi pemimpin-pemimpin yang merintis jalan Allah dan mahu memimpin umat manusia ke jalan ini.

Nilai keimanan terletak pada kebersihan hati dari dorongan-dorongan nafsu, kehendak-kehendak kepentingan diri dan mencari untung faedah, kerana hati yang beriman itu memandang kepada matlamat yang lebih jauh dari dirinya sendiri. Dia merasa dia tidak mempunyai apa-apa saham dalam urusan agama ini, kerana ia adalah da'wah Allah dan dia hanya seorang suruhan dari sisi Allah. Perasaan ini amat perlu kepada orang yang diserahkan tugas kepimpinan supaya dia tidak berputus asa apabila ada kambing-kambing liar yang tidak mahu mengikutnya atau apabila dia ditindas dalam perjuangan da'wah, juga supaya dia tidak merasa angkuh apabila da'wahnya disambut oleh khalayak ramai atau apabila orang ramai tunduk kepada da'wahnya kerana dia tidak lebih dari seorang suruhan Allah.

Angkatan pertama Muslimin telah beriman dengan keimanan yang sempurna yang menampakkan kesan-kesan yang mena'jubkan pada jiwa mereka, akhlak mereka dan tingkahlaku mereka. Sebelum ini gambaran iman di dalam jiwa manusia telah pudar dan tidak jelas sehingga hilang kesannya pada akhlak dan tingkahlaku mereka. Dan apabila Islam datang ia telah mewujudkan satu gambaran iman yang hidup, berkesan dan berpengaruh, iaitu gambaran iman yang melayakkan angkatan Muslimin yang pertama itu memikul tugas kepimpinan yang telah diletakkan ke atas bahu mereka.

Ujar al-Ustaz Abul-Hasan an-Nadawi dalam bukunya: *"Apakah Kerugian Alam Dengan Sebab Kejatuhan Kaum Muslimin?"*[3] mengenai kesan iman ini:

"Kompleks agung iaitu kompleks syirik dan kufur telah terhurai, dan dengan terhurainya kompleks itu terhurai seluruh kompleks yang lain. Rasulullah s.a.w. telah melancarkan jihad pertamanya terhadap kaum Musyrikin dan kerana itu beliau tidak lagi memerlukan kepada jihad yang baru bagi setiap perintah dan larangan. Islam telah berjaya menewaskan jahiliyah dalam perjuangannya yang pertama dan selepas itu ia terus menang dalam setiap perjuangan. Seluruh mereka telah memeluk Islam dengan seluruh jiwa raga mereka. Mereka tidak pernah membantah Rasulullah s.a.w. setelah hidayat Islam itu jelas kepada mereka dan mereka tidak merasa sebarang keberatan menerima segala apa yang telah diputuskan oleh beliau, dan mereka tidak pernah membuat pilihan yang lain setelah diperintah atau dilarang oleh beliau......."

"Sehingga apabila habuan syaitan telah keluar dari hati mereka, dan apabila habuan kepentingan diri telah keluar dari jiwa mereka apabila mereka memberi keadilan kepada diri mereka sama dengan keadilan yang diberikan kepada orang lain, apabila di dunia mereka telah menjadi orang-orang Akhirat, apabila pada hari ini mereka menjadi orang-orang besok, apabila mereka tidak dapat digugatkan oleh sebarang musibat, apabila mereka tidak menjadi angkuh dan sombong dengan apa sahaja ni'mat, tidak menjadi runsing dengan sebab kemiskinan, tidak menjadi pelampau dengan sebab kekayaan, tidak menjadi lalai kerana kesibukan dengan urusan perniagaan, tidak menjadi mabuk kepayang dengan kekuatan, tidak berhasrat melakukan kezaliman dan menimbulkan kerosakan di muka bumi, apabila mereka sendiri menjadi neraca keadilan kepada orang ramai, menegakkan keadilan dan menjadi saksi-saksi Allah di atas diri mereka sendiri atau ibu bapa atau kaum kerabat mereka, maka seluruh kuasa di bumi akan tunduk kepada mereka dan mereka akan menjadi pemelihara keselamatan umat manusia dan dunia dan menjadi penda'wah kepada agama Allah.[4]

Ujar beliau lagi mengenai kesan iman yang sahih terhadap akhlak manusia dan kecenderungan-kecenderungannya:

"Manusia di waktu itu baik umat Arab maupun umat bukan Arab semuanya berada dalam kehidupan jahiliyah. Mereka menyembah makhluk-makhluk yang dijadikan untuk mereka, iaitu tuhan-tuhan yang tunduk kepada kemahuan dan tindak-tanduk mereka, tuhan-tuhan yang tidak pernah memberi ganjaran kepada orang yang ta'at dan tidak pernah menyeksa orang yang derhaka dan tidak pernah menyuruh dan melarang. Agama di waktu itu merupakan sesuatu yang dangkal dan terapung-apung dalam hidup mereka. Ia tidak mempengaruhi jiwa dan hati mereka. Ia tidak berkesan ke atas akhlak dan tatacara pergaulan

---

[3] *Lihat m.s. 73,* ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين

[4] *Sumber yang sama, m.s. 74.*

mereka. Mereka beriman kepada Allah, selaku seorang tukang yang telah menyiapkan kerjanya kemudian bersara dan menyerahkan kerajaannya kepada manusia-manusia yang disalutkan dengan pakaian ketuhanan, lalu mereka pun memegang teraju pemerintahan dan mengambil alih urusan pentadbiran kerajaan Allah dan urusan pembahagian rezeki dan sebagainya dari urusan kepentingan-kepentingan kerajaan yang teratur. Keimanan mereka kepada Allah tidak lebih dari pengetahuan sejarah. Keimanan mereka kepada Allah dan pengakuan mereka yang memulangkan penciptaan langit dan bumi kepada Allah adalah sama dengan jawapan seorang pelajar ilmu sejarah apabila ditanya siapakah yang membangunkan istana lama ini? Lalu ia menjawab dengan menyebut nama seorang raja zaman purba tanpa menaruh sebarang perasaan takut terhadapnya dan tanpa tunduk kepadanya. Keagamaan mereka kosong dari khusyu' kepada Allah dan berdo'a kepada-Nya. Mereka tidak mengenal sifat-sifat Allah yang menimbulkan kemesraan di hati mereka. Ma'rifat mereka terhadap Allah adalah moral yang kabur, tidak lengkap, ringkas dan umum yang tidak membangkitkan perasaan takut dan kasih mesra........

"........ Kemudian orang Arab dan orang-orang yang telah memeluk Islam telah berpindah dari ma'rifat yang tidak sihat, kabur dan mati itu kepada ma'rifat yang mendalam, jelas, dinamik yang mempunyai daya kekuatan yang mempengaruhi roh, jiwa, hati dan tubuh badan mereka, yang berkesan ke atas akhlak dan tatacara pergaulan dan menguasai segala bidang kehidupan mereka. Mereka beriman kepada Allah yang memiliki nama-nama yang paling indah dan sifat-sifat yang paling tinggi. Mereka beriman kepada Tuhan yang memelihara semesta alam, Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih, yang menguasai hari balasan, Pemerintah Yang Maha Agung, Yang Maha Suci, Yang Maha Sejahtera, Pengaman Yang Maha Agung (al-Mu'min) Penguasa Yang Maha Agung (al-Muhaymin) Yang Maha Perkasa, Yang Maha Gagah, Yang Maha Gah, Pencipta Yang Maha Agung, Pengada Yang Maha Agung, Pembentuk rupa Yang Maha Agung (al-Musawwir), Yang Maha Perkasa, Yang Maha Bijaksana, Yang Maha Pengampun, Yang Maha Mesra, Yang Maha Penyantun dan Yang Maha Pengasih. Dialah yang memegang urusan penciptaan dan pentadbiran alam. Dialah yang menguasai segala sesuatu dan Dialah Tuhan yang memberi perlindungan dan tidak memerlukan perlindungan dan sebagainya dari sifat-sifat yang disebut oleh Al-Qur'an. Dialah Tuhan yang memberi balasan dengan Syurga dan menyeksa dengan Neraka. Dialah yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dialah yang mengetahui segala yang tersembunyi di langit dan di bumi. Dialah yang mengetahui pandangan mata yang serong dan rahsia yang disembunyikan di dalam dada dan sebagainya dari sifat-sifat qudrat, pentadbiran dan ilmu Allah 'Azzawajalla. Dengan pengertian keimanan yang luas, mendalam dan jelas ini satu perubahan yang mena'jubkan telah berlaku di dalam jiwa mereka. Apabila seseorang telah beriman kepada Allah dan berikrar tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah, maka seluruh hidupnya, luar dan dalam akan berubah. Keimanan menyerap ke dalam dirinya dan menjalar ke segenap urat nadinya dan menguasai seluruh perasaannya. Keimanan bersebati dengan roh dan darahnya. Ia mencabut segala sarang kuman jahiliyah dan akar umbinya. Ia melimpah-ruah di dalam akal dan hatinya hingga menjadikannya seorang manusia yang lain. Dan ketika itu terpancarlah dari peribadinya berbagai-bagai sifat cemerlang, iaitu sifat-sifat keteguhan, keimanan, keyakinan, kesabaran, keberanian dan berbagai-bagai tindak-tanduk dan akhlak yang luar biasa yang mengkagumkan akal, falsafah dan sejarah akhlak dan akan terus mengkagumkan buat selama-lamanya. Sains juga turut lemah untuk mentafsirkan akhlak mereka dengan pentafsiran yang lain dari pengaruh keimanan mereka yang sempurna dan mendalam.[5]

"Keimanan ini telah menjadi sebuah sekolah pembentuk akhlak dan pendidik jiwa yang mengajar mereka segala sifat-sifat yang mulia iaitu mengajar mereka berkemahuan yang tegas, berjiwa yang tabah, dan bersifat kritis terhadap diri sendiri. Keimanan merupakan kekuatan pencegah yang paling berpengaruh dan kuat untuk mengawal keruntuhan akhlak manusia sejauh yang diketahui sejarah akhlak dan ilmu jiwa, sehingga apabila nafsu kebinatangan seseorang itu menjadi liar di suatu waktu dan menyebabkannya sanggup melakukan dosa tanpa dilihat orang lain dan tanpa dapat ditangkap oleh kuasa undang-undang, maka keimanannya akan berubah menjadi pengkritik dan pencela yang kuat. Ia mencubit hati nuraninya dengan kuat dan membangkitkan khayalan-khayalan yang menakutkannya dan ia tidak akan merasa senang dan tenteram sehingga ia sendiri tampil mengakui kesalahannya di hadapan undang-undang dan mendedahkan dirinya kepada hukuman undang-undang yang berat. Tetapi ia sanggup menanggung hukuman itu dengan tenang dan riang demi untuk menyelamatkan dirinya dari kemurkaan Allah dan balasan Akhirat."[6]

"Keimanan ini merupakan pengawal sifat amanah, kesucian dan kemuliaan diri manusia. Ia mengawal nafsunya yang liar di hadapan kehendak-kehendak dan keinginan-keinginannya yang mendesak. Ia mencegah nafsunya semasa berada di tempat yang sunyi dan seorang diri tanpa dilihat sesiapa pun, dan seterusnya ia mengawal nafsunya semasa menjadi seorang yang

---

5 *Sumber yang sama, m.s. 75-76.*

6 *Sumber yang sama m.s. 76.*

penuh berkuasa dan berpengaruh dan tidak takut kepada sesiapa. Di dalam sejarah kemenangan-kemenangan Islam, terdapat kisah-kisah kejujuran yang tinggi ketika mereka mendapat harta rampasan perang, juga mereka menunaikan amanah kepada yang berhak, dan kisah keikhlasan mereka kepada Allah yang tidak ada tolok bandingnya di dalam sejarah manusia. Semuanya itu adalah hasil dari keteguhan iman, muraqabah mereka dengan Allah dan kesedaran mereka bahawa Allah mengetahuinya di mana dan di waktu mana ia berada."[7]

"Sebelum mereka mempunyai keimanan ini, mereka berada dalam keadaan kacau-bilau dan tidak berperaturan, tindak-tanduk, akhlak dan perangai mereka simpang-siur. Cara membuat dan meninggal sesuatu, cara politik dan sosial mereka tidak menentu. Mereka tidak tunduk kepada satu kuasa, tidak mengakui satu peraturan, tidak bersatu dalam satu cara hidup. Mereka bertindak menurut nafsu yang membabi buta. Tetapi kini mereka berada dalam kandang iman dan 'ubudiyah dan tidak lagi keluar darinya. Mereka mengakui hanya Allah jua yang memegang teraju pemerintahan dan kekuasaan dan Dialah yang menentukan suruhan dan larangan. Mereka mengakui bahawa tugas mereka ialah 'Ubudiyah dan kedatangan yang tidak berbelah-bahagi. Mereka menyerah diri mereka untuk dipimpin dan menjunjung undang-undang Allah secara mutlak, mereka meletak segala senjata mereka, mereka menepikan keinginan-keinginan dan tamak haloba mereka dan mereka jadikan diri mereka setaku para hamba Allah yang tidak mengendalikan urusan harta, urusan diri sendiri dan pentadbiran dalam kehidupan melainkan mengikut bagaimana yang diredhai dan dibenarkan Allah. Mereka tidak berperang dan berdamai melainkan dengan keizinan Allah. Mereka tidak suka, tidak marah, tidak memberi, tidak menahan, tidak membuat hubungan dan tidak memutuskan hubungan melainkan menurut keizinan dan perintah Allah"[8]

Inilah sifat keimanan yang diisyaratkan oleh ayat ini apabila ia menerangkan ciri jemaah Muslimin yang dipilih untuk memimpin umat manusia dengan agama Islam. Di antara kehendak iman ialah bertawakkal kepada Allah, tetapi Al-Qur'an menyebut ciri ini secara berasingan:

وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٣٦﴾

"Mereka bertawakkal kepada Tuhan mereka."(36)

Hubungan Keimanan Dan Sikap Bertawakkal

Ungkapan ini mengertikan bahawa tawakkal itu hanya kepada Allah sahaja tidak kepada yang lain dari-Nya, kerana beriman kepada Allah Yang Tunggal memerlukan bertawakkal kepada-Nya sahaja tidak kepada yang lain dari-Nya. Inilah tauhid dalam bentuknya yang pertama dari antara bentuk-bentuknya yang lain. Seorang yang Mu'min itu beriman kepada Allah dan kepada semua sifat-Nya. Dia percaya dan yakin bahawa tiada seorang pun di alam buana ini boleh melakukan sesuatu melainkan dengan kehendak iradat-Nya, dan tiada sesuatu pun yang berlaku di alam buana ini melainkan dengan keizinan-Nya, oleh kerana inilah dia menumpukan tawakkalnya kepada Allah sahaja dan dia tidak bertawajjuh apabila ia membuat atau meninggalkan sesuatu kepada yang lain dari Allah.

Perasaan yang seperti ini perlu wujud pada setiap orang supaya dia dapat berdiri tegak dengan kepala yang terangkat dan tidak akan menundukkannya melainkan kepada Allah sahaja, supaya hatinya tetap tenteram tidak mengharap dan tidak takut kepada sesiapa melainkan kepada Allah sahaja dan supaya dia tetap tabah dalam kesusahan dan tetap tenang di dalam kesenangan, tidak hilang pertimbangan sama ada di waktu senang atau di waktu susah. Tetapi perasaan ini lebih diperlukan lagi oleh seorang pemimpin yang memegang tugas tanggungjawab merintis jalan da'wah.

وَالَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَائِرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ

"Dan kepada orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar dan perbuatan-perbuatan yang keji."(37)

Hubungan Keimanan Dan Perlakuan Maksiat Dan Dosa Besar

Kesucian hati dan kebersihan tingkahlaku dari dosa-dosa yang besar dan perbuatan-perbuatan yang keji merupakan salah satu kesan dari kesan-kesan iman yang sahih dan merupakan salah satu keperluan dari keperluan-keperluan kepimpinan ke jalan hidayat. Tiada hati yang akan tetap di atas keimanan yang bersih dan suci apabila ia sanggup melakukan dosa-dosa besar dan maksiat. Dan tiada hati yang layak memegang kepimpinan apabila ia terpisah dari iman yang bersih dan apabila nur imannya dipadamkan oleh maksiat.

Keimanan telah meningkatkan hati angkatan Mu'min pertama kepada darjah yang begitu peka hingga sampai kepada darjah yang diisyaratkan oleh petikan-petikan ayat yang lepas. Hati yang peka inilah yang telah melayakkan angkatan Mu'min yang pertama itu memegang tugas memimpin umat manusia dengan kepimpinan yang tiada tolok bandingnya dahulu dan kemudian. Kepimpinan mereka laksana anak panah yang menunjukkan kepada bintang yang dapat dijadikan pedoman oleh sesiapa yang suka di dalam perjuangan melawan hawa nafsu.

Allah mengetahui kelemahan makhluk manusia, kerana itu Dia jadikan had ukuran yang melayakkan seseorang untuk memegang tugas kepimpinan dan untuk mendapat pengurniaan pahala yang tersimpan di sisi Allah ialah kebolehan menjauhkan dosa-dosa yang besar dan perbuatan-perbuatan yang keji

---

[7] *Sumber yang sama, m.s. 77.*

[8] *Sumber yang sama, m.s. 81.*

bukannya kebolehan menjauhkan dosa-dosa yang kecil. Limpah rahmat-Nya sedia memaafkan dosa-dosa kecil yang terbit darinya kerana Allah mengetahui sejauh mana daya tenaga dan kemampuan manusia. Itulah limpah kurnia, kemaafan dan rahmat Allah terhadap manusia, iaitu limpah kurnia dan kemaafan yang seharusnya menimbulkan rasa malu terhadap Allah, kerana toleransi itu biasanya membangkitkan malu dan kemaafan merangsangkan konsep malu di dalam hati yang luhur.

وَإِذَا مَا غَضِبُواْ هُمۡ يَغۡفِرُونَ ٣٧

"Dan apabila mereka marah, mereka memberi kemaafan."(37)

Hubungan Keimanan Dan Sikap Toleransi

Sifat pemaaf ini diterangkan selepas dibayangkan secara halus toleransi Allah terhadap dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan manusia untuk menggalakkan mereka supaya mereka juga bersikap toleran dan maaf-memaaf sesama mereka. Ia menjadikan sifat memberi kemaafan ketika marah itu sebagai sifat orang Mu'min.

Sekali lagi sifat toleransi Islam itu menyerlah begitu ketara terhadap diri manusia kerana Islam tidak mentaklifkan mereka dengan tuntutan-tuntutan yang di luar kemampuan mereka. Allah mengetahui kemarahan itu satu emosi yang terbit dari fitrah manusia dan bukan semua emosi itu buruk belaka, kerana kemarahan kerana Allah, kerana agama-Nya, kerana kebenaran dan keadilan merupakan satu kemarahan yang dituntut dan mengandungi kebaikan. Oleh sebab itu Islam tidak mengharamkan kemarahan itu sendiri dan tidak mengirakannya sebagai satu dosa atau kesalahan, malah Islam mengakui kewujudannya di dalam fitrah dan tabi'at semulajadi manusia. Dengan ini Islam dapat membebaskan manusia dari kebingungan dalam melayani tuntutan fitrahnya dan tuntutan agamanya, tetapi di dalam waktu yang sama itu juga ia membimbing manusia supaya menguasai kemarahannya dan bersedia memberi kemaafan dan mengirakan sifat ini sebagai satu sifat misali dari sifat-sifat keimanan yang dikasihi Allah. Di samping itu, Rasulullah s.a.w. tidak pernah marah kerana dirinya, malah ia hanya marah kerana Allah, dan apabila beliau marah kerana Allah, maka kemarahannya itu tidaklah bercampur dengan sesuatu yang lain ini adalah darjah jiwa Nabi Muhammad yang amat tinggi dan tidaklah ditaklifkan oleh Allah kepada orang-orang yang beriman, walaupun Dia menggalakkan mereka mencontohinya, malah di sisi Allah cukuplah jika mereka dapat memaafkan ketika marah, dapat memberi keampunan ketika ia mampu membalas dan dapat mengatasi nafsu menuntut bela dan membalas dendam selama kesalahan itu berada dalam lingkungan perkara-perkara peribadi yang menyentuh individu-individu sahaja.

وَٱلَّذِينَ ٱسۡتَجَابُواْ لِرَبِّهِمۡ

"Dan kepada orang-orang yang menyambut seruan Tuhan mereka"(38)

lalu mereka menghapuskan segala halangan di antara mereka dengan Allah, iaitu halangan-halangan hawa nafsu dan kecintaan kepada diri sendiri yang wujud di dalam jiwa mereka. Inilah halangan-halangan yang menghalangkan di antara seseorang dengan Allah. Apabila ia dapat melepaskan dirinya dari halangan-halangan ini, ia akan menemui jalan menuju kepada Allah terbuka lebar, dan ketika itu ia dapat menyambut seruan Allah tanpa apa halangan lagi, ia akan menyambutnya dengan sepenuh hatinya, ia akan melaksanakan segala taklif tanpa dihalangi nafsunya. Inilah, sambutan secara umum. Kemudian Al-Qur'an memperincikan setengah-setengah sambutan itu dengan firman-Nya:

وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ

"Dan mereka mendirikan solat."(38)

Sifat Mu'min Yang Mendirikan Solat

Solat mempunyai kedudukan yang amat tinggi di dalam agama Islam. Ia adalah rukun yang kedua selepas rukun Islam yang pertama iaitu mengucap dua kalimat syahadat tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah. Solat merupakan gambaran sambutan pertama kepada seruan Allah. Ia adalah tali hubungan di antara hamba dengan Tuhannya. Ia adalah lambang persamaan di antara hamba-hamba Allah yang berada dalam satu barisan rukuk dan sujud, tiada satu kepala pun yang terangkat lebih tinggi dari kepala-kepala yang lain dan tiada kaki yang terdahulu dari kaki-kaki yang lain.

Mungkin kerana aspek persamaan inilah Al-Qur'an menyebut sifat bermesyuarat selepas sifat mendirikan solat iaitu sebelum menyebut sifat mengeluarkan zakat:

وَأَمۡرُهُمۡ شُورَىٰ بَيۡنَهُمۡ

"....... Dan segala urusan mereka diputuskan melalui mesyuarat di antara mereka."(38)

Sifat Mu'min Yang Mengamalkan Dasar Mensyuarat

Ungkapan ini menggambarkan seluruh urusan mereka berlangsung melalui mesyuarat supaya seluruh kehidupan mereka diwarnakan dengan sifat mesyuarat. Sebagaimana kami telah tegaskan bahawa nas bermesyuarat ini adalah diturunkan di Makkah sebelum tertubuhnya kerajaan Islam. Ini menunjukkan bahawa sifat bermeyuarat itu adalah sifat yang lebih umum dan syumul dari kerajaan dalam kehidupan orang-orang Islam. Ia adalah sifat kelompok Muslimin di dalam segala keadaan mereka walaupun kerajaan erti katanya yang khusus belum lagi tertubuh, di waktu itu.

Sebenarnya kerajaan di dalam Islam merupakan hasil tabi'i dari kewujudan kelompok Muslimin dan ciri-ciri keperibadian mereka. Kelompok itu sendiri mendukung kerajaan dan kedua-duanya sama-sama berjuang untuk menegakkan sistem hidup Islamiyah menguatkuasakannya dalam kehidupan individu dan kehidupan kelompok.

Oleh kerana itu sifat bermesyuarat di dalam kelompok Muslimin merupakan satu sifat yang ditekankan awal-awal lagi dan pengertiannya lebih luas dari ruang lingkup kerajaan urusan-urusan pemerintahan sahaja. Ia merupakan satu ciri hidup Islamiyah dan satu ciri keperibadian masyarakat kelompok Muslimin yang dipilih untuk memimpin umat manusia. Dan sifat bermesyuarat itu merupakan salah satu sifat kepimpinan yang paling penting.

Adapun bentuk bermesyuarat, maka ia tidak ditetapkan dalam acuan yang beku, malah ia ditinggalkan kepada mana-mana bentuk mesyuarat yang sesuai dengan persekitaran dan zaman untuk merealisasikan sifat bermesyuarat dalam kelompok Muslimin. Seluruh sistem pemerintahan Islamiyah bukanlah bentuk-bentuk yang beku dan bukanlah nas-nas harfiyah, malah ia merupakan roh atau semangat yang lahir dari kemantapan hakikat iman di dalam hati dan hasil dari penyesuaian perasaan dan perilaku dengan hakikat keimanan. Usaha mengkaji bentuk-bentuk sistem pemerintahan Islam tanpa mengambil perhatian terhadap hakikat keimanan yang harus wujud di sebalik sistem-sistem itu tidak akan membawa ke mana-mana. Ini bukanlah satu pandangan yang terapung-apung yang tidak terkawal yang mungkin kelihatan sepintas lalu kepada orang-orang yang tidak mengetahui hakikat keimanan kepada 'aqidah Islamiyah. Dasar-dasar 'aqidah semata-mata di dalam agama Islam sebelum dilihat kepada sistem-sistem pemerintahannya adalah mengandungi hakikat-hakikat kejiwaan dan aqliyah yang mempunyai kewujudan yang tersendiri, mempunyai kesan dan berpengaruh di dalam diri manusia. Kesediaan inilah yang menjadi tapak untuk melahirkan bentuk-bentuk peraturan-peraturan dan undang-undang yang tertentu dalam masyarakat manusia, selepas itu barulah datang nas-nas Al-Qur'an menerangkan bentuk-bentuk peraturan dan undang-undang itu dengan tujuan untuk mengaturkannya bukan untuk mencipta dan mewujudkannya, kerana kewujudan mana-mana bentuk sistem pemerintahan Islamiyah adalah lebih dahulu bergantung kepada kewujudan masyarakat Muslimin dan kepada kewujudan keimanan yang dinamis dan berkesan. Andainya ini tidak wujud, maka segala bentuk organisasi masyarakat tidak dapat memenuhi keperluan dan tidak dapat mewujudkan satu sistem yang boleh disifatkan sebagai sistem Islam.

Apabila masyarakat Muslimin telah benar-benar wujud dan apabila hakikat keimanan benar-benar wujud di dalam hati mereka, maka sistem pemerintahan Islam akan wujud secara automatik. Ia akan tertubuh dengan satu bentuk yang sesuai dengan masyarakat Muslimin itu, sesuai dengan keadaan dan alam sekitar mereka dan ia akan menegakkan dasar-dasar umum Islam dengan sebaik-baiknya.

وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣٨﴾

"........ Dan mereka membelanjakan (untuk Sabilullah) sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka."(38)

Sifat Mu'min Yang Dermawan

Ini juga satu nas awal dalam menggariskan fardhu zakat yang diwajibkan dalam tahun yang kedua Hijrah. Tetapi dasar perbelanjaan atau ini infak umum untuk Sabilullah dari rezeki yang telah dikurniakan Allah itu merupakan satu arahan yang ditekankan awal-awal lagi dalam kehidupan kelompok Muslimin, malah dasar ini infak ini adalah sama lahir dengan masyarakat Muslimin.

Da'wah memerlukan infak untuk membersihkan hati dari kekikiran, untuk mengatasi nafsu milik dan untuk menegakkan kepercayaan terhadap rezeki yang tersimpan di sisi Allah. Semuanya ini perlu untuk menyempurnakan tujuan beriman. Di samping itu infak juga merupakan satu keperluan kepada masyarakat Muslimin, kerana da'wah itu suatu perjuangan yang memerlukan takaful atau bantu membantu. Kadang-kadang takaful itu merupakan satu takaful yang sempurna sehingga tiada seorang pun yang memiliki harta benda yang terasing sebagaimana yang telah berlaku di zaman angkatan pertama Muhajirin yang berpindah dari Makkah dan menjadi tamu kepada saudara-saudara seagama mereka di Madinah sehingga apabila kesulitan keadaan itu telah pulih barulah diaturkan asas-asas infak yang tetap dalam kewajipan zakat.

Pendeknya infak pada umumnya merupakan salah satu ciri dari ciri-ciri kelompok Mu'minin yang dipilih untuk memikul tugas kepimpinan dengan sifat-sifat berikut:

وَٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَابَهُمُ ٱلْبَغْىُ هُمْ يَنتَصِرُونَ ﴿٣٩﴾

"Dan kepada orang-orang yang apabila mereka ditimpa kezaliman, mereka menuntut bela."(39)

Sifat Mu'min Yang Menentang Kezaliman

Menyebut sifat ini dalam Surah-surah Makkiyah mempunyai satu tujuan khusus sebagaimana telah diterangkan sebelum ini. Tujuannya ialah untuk menjelaskan satu sifat pokok kelompok Muslimin, iaitu sifat menentang kezaliman dan tidak tunduk kepada kezaliman. Ini adalah satu sifat tabi'i bagi kelompok Muslimin yang dilahirkan untuk memimpin umat manusia supaya mereka menjadi sebaik-baik umat yang menyuruh membuat kebaikan dan melarang membuat kejahatan dan supaya mereka mengawal kehidupan manusia dengan dasar kebenaran dan keadilan. Mereka adalah satu umat yang amat dimuliakan Allah.

وَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِۦ وَلِلْمُؤْمِنِينَ

"Kemuliaan itu milik Allah, milik Rasul-Nya dan milik orang-orang Mu'min."

(Surah al-Munafiqun: 8)

Di antara sifat kelompok Muslimin ialah menentang kezaliman dan menolak pencerobohan. Andainya di sana terdapat satu masa yang memerlukan - kerana sebab-sebab setempat di Makkah dan kerana tujuan-tujuan didikan dalam kehidupan angkatan pertama Muslimin dari bangsa Arab khususnya - supaya mereka tidak melawan, supaya mereka hanya mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka ini adalah perkara sementara yang tidak ada hubungan dengan sifat-sifat keperibadian yang tetap bagi kelompok Muslimin.

Sebab-sebab Perkembangan Islam Di Makkah Memilih Cara Berdamai Dan Bersabar

Di sana terdapat sebab-sebab khusus mengapa cara damai dan bersabar itu dipilih di zaman perkembangan Islam di Makkah?

Di antaranya ialah penindasan dan gangguan yang dilakukan ke atas angkatan pertama kaum Muslimin dengan tujuan menggugatkan pegangan agama kelompok Muslimin bukanlah terbit dari satu lembaga yang berkuasa di atas kelompok Muslimin kerana kedudukan politik dan sosial di Semenanjung Tanah Arab di waktu itu adalah berdasarkan pengaruh qabilah yang longgar, oleh kerana itu mereka yang bertindak menindas orang yang memeluk Islam ialah kaum keluarganya sendiri jika ia seorang yang mempunyai keturunan. Tiada siapa pun yang berani menindaskannya selain dari kaum keluarganya sendiri. Jarang benar terjadi pencerobohan secara berkelompok dilakukan ke atas seorang Islam atau ke atas orang-orang Islam selaku satu kumpulan. Begitu juga tuan-tuan abdilah yang menyeksakan hamba-hamba mereka yang memeluk Islam hingga dibeli oleh orang-orang Islam, kemudian memerdekakan mereka. Biasanya tiada siapa pun yang berani menyeksakan hamba-hamba itu selain dari tuanmas-tuanmas mereka sendiri. Di samping itu Rasulullah s.a.w. tidak menyukai berlakunya perkelahian dalam setiap rumah di antara anggota yang memeluk Islam dengan anggota-anggota yang belum memeluk Islam. Oleh itu da'wah cara berdamai adalah lebih berkesan untuk melembutkan hati dari cara saling menggunakan kekerasan.

Di antaranya lagi ialah masyarakat Arab merupakan masyarakat yang sangat memandang tinggi kepada kehormatan diri. Mereka mudah melenting untuk membela orang-orang yang berada di pihak benar yang tertindas. Oleh itu penderitaan orang-orang Islam yang menerima penin-dasan dan kesabaran mereka mempertahankan 'aqidah mereka lebih berkesan untuk membangkitkan rasa penghargaan ini pada diri mereka untuk menyebelahi Islam dan orang-orang Islam. Inilah yang telah berlaku semasa Bani Hasyim di pulau dan dikepung di lorong bukit. Semangat yang memandang tinggi kepada kehormatan diri inilah yang telah bangkit menentang kepungan itu dan mengoyakkan perjanjian pemulauan yang terkandung dalam naskhah perjanjian itu dan seterusnya menamatkan zaman yang zalim itu.

Di antaranya lagi ialah masyarakat Arab merupakan masyarakat yang suka berperang dan cepat menghunuskan pedang, perasaan dan saraf mereka mudah meledak dan tidak tunduk kepada peraturan. Sifat keperibadian Islam yang imbang memerlukan supaya perasaan yang mudah tegang itu dibendungkan dan ditundukkan kepada satu peraturan. Mereka perlu dilatihkan supaya bersabar dan menahan perasaan di samping menyedarkan mereka supaya menjadikan 'aqidah mereka mengatasi nafsu dan kepentingan mereka. Oleh kerana itu da'wah supaya bersabar menghadapi penindasan itu sesuai dengan cara pendidikan yang bertujuan untuk membentuk sifat keperibadian Islam yang imbang pada orang-orang Mu'min dan mengajar mereka bersabar, tabah dan gigih meneruskan perjalanan mereka di jalan Islam.

Inilah di antara perhitungan-perhitungan yang memerlukan siasat damai dan bersabar di zaman Makkah di samping menjelaskan sifat asasi kelompok Muslimin yang tetap.

وَٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَابَهُمُ ٱلْبَغْىُ هُمْ يَنتَصِرُونَ ﴿٣٩﴾

"Dan kepada orang-orang yang apabila mereka ditimpakan kezaliman, mereka akan menuntut bela."(39)

Kemudian Al-Qur'an (dalam ayat yang-berikut) menegakkan lagi dasar ini sebagai dasar umum dalam hidup manusia:

وَجَزَٰٓؤُا۟ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا

"Dan balasan terhadap sesuatu kejahatan itu ialah kejahatan yang sama dengannya."(40)

Inilah dasar balasan. Jahat dibalas dengan jahat supaya kejahatan itu tidak takbur dan melampaui batas apabila tidak ada pencegah yang menahannya dari melakukan kerosakan di bumi hingga menyebabkannya terus bertindak sewenang-wenang dengan aman.

Namun demikian, mereka digalakkan memberi kemaafan untuk mencari keredhaan Allah dan mengislahkan diri dari dikongkongi dendam kesumat, juga mengislahkan kelompok Muslimin dari dikongkongi perasaan marah dan sakit hati. Ini adalah pengecualian dari dasar balasan itu. Kemaafan hendaklah dilakukan ketika seseorang itu mampu membalas kejahatan dengan kejahatan supaya kemaafan itu mempunyai nilai dan keberkesanan untuk mengislahkan penceroboh dan pemaaf kedua-dua sekali, kerana apabila si penceroboh itu sedar

bahawa kemaafan itu diberikan kepadanya dengan semangat toleransi bukannya kerana lemah, maka ia akan merasa malu dan merasa bahawa lawannya yang sanggup memberi kemaafan itu adalah lebih tinggi darjatnya, sementara si kuat yang sanggup memberi maaf itu akan menjadikan jiwanya bersih dan meningkat tinggi. Pendeknya kemaafan ketika mampu membalas itu mendatangkan kebaikan kepada kedua-dua pihak, tetapi ia tidak mendatangkan kebaikan apabila kemaafan itu diberi ketika seseorang itu tidak mampu membalas, malah kemaafan itu tidak harus disebut ketika tidak mampu membalas kerana kemaafan itu sebenarnya tidak wujud, malah kemaafan seperti itu merupakan satu perbuatan merbahaya yang menambahkan kemaharajalelaan penceroboh dan menghinakan pihak yang diceroboh di samping menimbulkan kerosakan di bumi.

إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٠﴾

"Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim."(40)

Dari satu segi ayat ini menguatkan lagi dasar jahat dibalas jahat dan dari satu segi yang lain ia menyarankan supaya balasan itu tidak dilakukan dengan melampaui batas atau supaya perbuatan itu dimaafkan sahaja.

Kemudian Al-Qur'an memberi penjelasan yang lebih terperinci lagi:

وَلَمَنِ ٱنتَصَرَ بَعْدَ ظُلْمِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ مَا عَلَيْهِم مِّن سَبِيلٍ ﴿٤١﴾
إِنَّمَا ٱلسَّبِيلُ عَلَى ٱلَّذِينَ يَظْلِمُونَ ٱلنَّاسَ وَيَبْغُونَ فِى
ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤٢﴾

"Dan sesungguhnya orang yang menuntut bela setelah dilakukan kezaliman ke atasnya, maka mereka tidak menanggung apa-apa dosa (41). Sesungguhnya dosa itu hanya ditanggung oleh orang-orang yang melakukan kezaliman ke atas manusia dan bertindak melampaui batas di muka bumi tanpa hak. Mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih."(42)

Orang yang menuntut bela setelah dilakukan kezaliman ke atasnya dan membalas kejahatan dengan kejahatan tanpa melampaui batas, maka ia tidak menanggung apa-apa dosa kerana ia menggunakan haknya yang halal di sisi undang-undang, tiada kuasa dan tiada siapa yang boleh menahannya, tetapi yang wajib dihalang ialah orang-orang yang melakukan kezaliman terhadap manusia dan bertindak sewenang-wenang di bumi tanpa hak, kerana bumi tidak akan aman jika ada orang-orang yang zalim yang tidak dihalangkan kezaliman-kezaliman mereka atau tidak ditentang dan dibalaskan kejahatan-kejahatan mereka. Allah mengancam orang-orang yang zalim itu dengan 'azab yang pedih, namun demikian orang ramai juga pasti tampil menghalangi kezaliman-kezaliman mereka.

Kemudian Al-Qur'an (dalam ayat yang berikut) kembali memperkatakan sikap yang imbang, sederhana, menahan perasaan, sabar dan samahah (toleransi) dalam kes-kes peribadi ketika seseorang itu mampu membalas dan ketika kesabaran dan samahah ditunjukkan dengan semangat yang tinggi bukan kerana kelemahan dan ditunjukkan dengan maksud memperlihatkan budi yang baik bukan kerana pengecut:

وَلَمَن صَبَرَ وَغَفَرَ إِنَّ ذَٰلِكَ لَمِنْ عَزْمِ ٱلْأُمُورِ ﴿٤٣﴾

"Dan sesungguhnya orang-orang yang bersabar dan memberi kemaafan, maka perbuatan itu adalah termasuk dari amalan-amalan yang memerlukan ketabahan."(43)

Ayat-ayat mengenai persoalan ini menggambarkan sikap kesederhanaan dan keseimbangan di antara dua kecenderungan dan menggalakkan mereka supaya memelihara diri dari dikongkongi perasaan dendam kesumat, marah dan sakit hati, juga dari dikongkongi perasaan lemah dan pengecut, dan seterusnya dari dikongkongi sikap yang zalim dan melampaui batas. Ayat-ayat itu menghubungkan hati mereka dengan Allah dan keredhaan-Nya dalam segala keadaan dan menjadikan sifat sabar itu sebagai bekalan perjalanan yang tulen.

Sifat-sifat kelompok Muslimin yang diterangkan itu merupakan ciri istimewa kelompok yang memimpin umat manusia, iaitu kelompok yang mengharapkan balasan di sisi Allah. Itulah balasan yang lebih baik dan lebih kekal bagi orang-orang yang beriman dan bertawakkal kepada Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 44 - 46)

Nasib Kesudahan Orang-orang Kafir Pada Hari Qiamat

Setelah menerangkan sifat orang-orang Mu'min yang disediakan Allah kepada mereka balasan yang lebih baik dan lebih kekal, maka Al-Qur'an (dalam ayat yang berikut) menayangkan pula gambaran orang-orang kafir yang zalim dan sesat dan balasan-balasan kehinaan dan kerugian yang menunggu mereka:

وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِن وَلِىٍّ مِّنۢ بَعْدِهِۦ ۗ وَتَرَى
ٱلظَّٰلِمِينَ لَمَّا رَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ يَقُولُونَ هَلْ إِلَىٰ مَرَدٍّ مِّن
سَبِيلٍ ﴿٤٤﴾
وَتَرَىٰهُمْ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا خَٰشِعِينَ مِنَ ٱلذُّلِّ
يَنظُرُونَ مِن طَرْفٍ خَفِىٍّ ۗ وَقَالَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟
إِنَّ ٱلْخَٰسِرِينَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ وَأَهْلِيهِمْ
يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ أَلَآ إِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ فِى عَذَابٍ مُّقِيمٍ ﴿٤٥﴾

وَمَا كَانَ لَهُم مِّنْ أَوْلِيَاءَ يَنصُرُونَهُم مِّن دُونِ اللَّهِ
وَمَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِن سَبِيلٍ ﴿٤٦﴾

"Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka dia tidak akan mendapat mana-mana pelindung selepas-Nya. Dan engkau akan melihat orang-orang yang zalim berkata ketika mereka melihat 'azab: Apakah ada jalan untuk kembali ke dunia? (44) Dan engkau akan melihat mereka didedahkan kepada api Neraka dengan keadaan tunduk kerana merasa hina-dina. Mereka memandang dengan hujung mata (kerana terlalu hina). Dan orang-orang yang beriman berkata: Sesungguhnya orang-orang yang rugi itu ialah orang-orang yang kerugian diri mereka dan keluarga mereka pada hari Qiamat. Ingatlah! Sesungguhnya orang-orang zalim itu berada di dalam 'azab yang kekal (45). Dan mereka sama sekali tidak mempunyai pelindung-pelindung yang dapat menolong mereka selain Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka dia tidak akan mendapat sebarang jalan hidayat lagi. Hukuman dan keputusan Allah tidak dapat ditolak dan kehendak-Nya tidak dapat dihalang."(46)

وَمَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِن وَلِيٍّ مِّن بَعْدِهِ

"Barang siapa yang disesatkan Allah, maka dia tidak akan mendapat mana-mana pelindung selepas-Nya."(44)

Apabila Allah mengetahui dari hakikat hamba-Nya bahawa ia wajar mendapat kesesatan, maka Allah menentukan keputusan-Nya bahawa ia termasuk dalam golongan yang sesat dan ketika itu tiada siapa pun yang dapat menyelamatkannya dari kesesatan dan dapat menolongnya supaya terhindar dari balasan kesesatan yang telah ditetapkan Allah iaitu dan yang ditayangkan sebahagiannya dalam ayat yang berikut:

وَتَرَى الظَّالِمِينَ لَمَّا رَأَوُا الْعَذَابَ يَقُولُونَ هَلْ إِلَىٰ
مَرَدٍّ مِّن سَبِيلٍ ﴿٤٤﴾

"Dan engkau akan melihat orang-orang yang zalim berkata ketika mereka melihat 'azab: Apakah ada jalan untuk kembali ke dunia?"(44)

وَتَرَاهُمْ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا خَاشِعِينَ مِنَ الذُّلِّ
يَنظُرُونَ مِن طَرْفٍ خَفِيٍّ

"Dan engkau akan melihat mereka didedahkan kepada api Neraka dengan keadaan tunduk kerana merasa hina-dina. Mereka memandang dengan hujung mata (kerana terlalu hina)."(45)

Orang-orang yang zalim itu ialah pelampau-pelampau yang jahat. Oleh itu amat sesuailah keadaan yang hina dina itu menjadi sifat mereka yang begitu ketara pada hari balasan kelak. Ketika mereka melihat 'azab gugurlah kesombongan dan ketakburan mereka dan mereka bertanya dengan penuh hampa:

هَلْ إِلَىٰ مَرَدٍّ مِّن سَبِيلٍ ﴿٤٤﴾

"Apakah ada jalan untuk kami kembali ke dunia?"(44)

Kata-kata ini membayangkan rasa putus harapan, kegelisahan, kerunsingan, kekecewaan dan angan-angan untuk mendapatkan jalan selamat ketika mereka didedahkan kepada api Neraka:

وَتَرَاهُمْ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا خَاشِعِينَ مِنَ الذُّلِّ

"Dan engkau akan melihat mereka didedahkan kepada api Neraka dengan keadaan tunduk kerana merasa hina-dina."(45)

Mereka tunduk bukan kerana taqwa dan malu kepada Allah, malah kerana merasa hina-dina. Mereka didedahkan kepada Neraka dengan mata yang ditekurkan ke bawah. Mereka tidak sanggup mengangkat mata mereka kerana terlalu merasa hina dan aib:

يَنظُرُونَ مِن طَرْفٍ خَفِيٍّ

"Mereka memandang dengan hujung mata (kerana terlalu hina)."(45)

Itulah gambaran manusia yang terhina.

Dan dalam waktu yang sama kelihatan orang-orang yang beriman menguasai keadaan.

Mereka bercakap dan membuat kenyataan:

وَقَالَ الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ الْخَاسِرِينَ الَّذِينَ خَسِرُوا
أَنفُسَهُمْ وَأَهْلِيهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

"Dan orang-orang yang beriman berkata: Sesungguhnya Orang-orang yang rugi itu ialah orang-orang yang kerugian diri mereka dan keluarga mereka pada hari Qiamat."(45)

Merekalah orang yang kerugian segala-galanya. Merekalah yang berdiri tunduk hina dan berkata;

هَلْ إِلَىٰ مَرَدٍّ مِّن سَبِيلٍ ﴿٤٤﴾

"....... Apakah ada jalan untuk kami kembali ke dunia?"(44)

Kemudian ulasan umum Al-Qur'an (dalam ayat berikut) terhadap pemandangan ini merupakan penjelasan terhadap nasib kesudahan mereka yang didedahkan kepada api Neraka itu:

أَلَا إِنَّ الظَّالِمِينَ فِي عَذَابٍ مُّقِيمٍ ﴿٤٥﴾
وَمَا كَانَ لَهُم مِّنْ أَوْلِيَاءَ يَنصُرُونَهُم مِّن دُونِ اللَّهِ
وَمَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِن سَبِيلٍ ﴿٤٦﴾

"........ Ingatlah! Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu berada di dalam 'azab yang kekal (45). Dan mereka sama sekali tidak mempunyai pelindung-pelindung yang dapat menolong mereka selain Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka dia tidak akan mendapat sebarang jalan hidayat lagi."(46)

Tiada sebarang penolong dan semua jalan tertutup belaka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 47 - 50)

Cabaran Kepada Orang-orang Yang Angkuh Supaya Menyambut Da'wah Allah Sebelum Ditimpa 'azab

Di hadapan pemandangan ini Al-Qur'an tunjukan perintahnya kepada orang-orang yang degil dan angkuh supaya menyambut da'wah Allah sebelum mereka ditimpa kesudahan itu di mana mereka tidak akan mendapat tempat perlindungan yang menyelamatkan mereka dan tidak akan mendapat penolong yang dapat menghalangkan kesudahan yang amat pedih itu, di samping memberi arahan kepada Rasulullah s.a.w. supaya meninggalkan mereka apabila mereka enggan dan tidak mahu menyambut amaran itu, kerana tugas beliau hanya penyampai bukannya pemaksa dan penjamin:

اسْتَجِيبُوا لِرَبِّكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ يَوْمٌ لَّا مَرَدَّ لَهُ مِنَ اللَّهِ ۚ مَا لَكُم مِّن مَّلْجَإٍ يَوْمَئِذٍ وَمَا لَكُم مِّن نَّكِيرٍ ﴿٤٧﴾

فَإِنْ أَعْرَضُوا فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ۖ إِنْ عَلَيْكَ إِلَّا الْبَلَاغُ ۗ

"Sambutlah da'wah Tuhan kamu sebelum tiba dari Allah hari yang tidak dapat ditolak kedatangannya. Pada hari itu kamu tidak akan mendapat sebarang tempat perlindungan dan kamu tidak akan dapat lagi mengingkarkan (dosa-dosa kamu).(47) Andainya mereka berpaling, maka Kami bukannya mengutuskan engkau sebagai pengawas mereka. Tugas engkau hanya menyampaikan da'wah sahaja."(48)

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan tabi'at manusia yang degil, angkuh dan sanggup mendedahkan diri kepada 'azab, sedangkan dia tidak akan tahan menanggung 'azab itu, kerana dia memang lemah, dia mudah lupa daratan bila mendapat ni'mat dan mudah hilang pertimbangan apabila ditimpa kesusahan dan mudah melampaui batas dan menjadi kafir apabila terdesak:

وَإِنَّا إِذَا أَذَقْنَا الْإِنسَانَ مِنَّا رَحْمَةً فَرِحَ بِهَا ۖ وَإِن تُصِبْهُمْ سَيِّئَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ فَإِنَّ الْإِنسَانَ كَفُورٌ ﴿٤٨﴾

"......... Sesungguhnya apabila Kami merasakan manusia sesuatu rahmat dari Kami ia akan bergembira dengannya, dan apabila mereka ditimpa sesuatu musibat dengan sebab dosa yang dilakukan mereka (maka mereka terus lupakan ni'mat Kami). Sesungguhnya manusia amat tidak mengenangkan ni'mat Allah."(48)

Kemudian Al-Qur'an iringi pula dengan kenyataan bahawa semua habuan kesenangan dan kesusahan, pemberian dan penapian untuk manusia ini adalah berada di tangan Allah. Mengapakah manusia yang amat kasih kepada kesenangan dan amat takut kepada kesusahan itu menjauhi diri dari Allah yang menguasai dan memiliki segala urusan mereka dalam segala keadaan?

لِّلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ ۚ يَهَبُ لِمَن يَشَاءُ إِنَاثًا وَيَهَبُ لِمَن يَشَاءُ الذُّكُورَ ﴿٤٩﴾ أَوْ يُزَوِّجُهُمْ ذُكْرَانًا وَإِنَاثًا ۖ وَيَجْعَلُ مَن يَشَاءُ عَقِيمًا ۚ إِنَّهُ عَلِيمٌ قَدِيرٌ ﴿٥٠﴾

"Allah memiliki langit dan bumi. Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya. Dia mengurniakan anak perempuan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan mengurniakan anak lelaki kepada siapa yang dikehendaki-Nya (49). Atau Dia mengurniakan kepada mereka pasangan anak lelaki dan anak perempuan, dan Dia menjadikan mandul siapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui dan Maha Kuasa."(50)

Ni'mat Zuriat

Zuriat atau anak pinak merupakan salah satu dari gejala-gejala pemberian dan penapian. Ia amat disayangi manusia dan amat peka kepada mereka. Menyentuh persoalan zuriat dari segi ini memberi kesan yang amat kuat dan mendalam. Ayat-ayat terdahulu dari surah ini telahpun memperkatakan tentang keluasan dan kesempitan rezeki yang dikurniakan Allah, dan di dalam ayat ini pemberian rezeki itu disempurnakan pula dengan pemberian zuriat, kerana zuriat merupakan rezeki dari Allah sama dengan rezeki harta benda.

Ayat ini dimulakan dengan pendahuluan menyebut bahawa Allah memiliki langit dan bumi iaitu satu pendahuluan yang sesuai dengan setiap perincian ni'mat yang terkandung di dalam milik Ilahi yang umum itu. Begitu juga keterangan:

يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ ۚ

"Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya."(49)

Ia bertujuan menguatkan saranan kepada hati yang diperlukan di tempat ini dan mengembalikan manusia yang amat cintakan kesenangan itu kepada Allah yang menciptakan apa yang dikehendaki-Nya, iaitu dari ni'mat-ni'mat kurnia yang menyenangkan dan penapian ni'mat kurnia yang menyusahkan mereka.

Kemudian Al-Qur'an memperincikan pemberian dan penapian itu, iaitu Dia mengurniakan anak perempuan kepada siapa yang dikehendaki-Nya (sedangkan mereka tidak suka kepada anak perempuan) dan mengurniakan anak lelaki kepada siapa yang dikehendaki-Nya, juga mengurniakan anak lelaki dan anak perempuan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan menapikan pemberian zuriat kepada siapa yang dikehendaki-Nya dengan

menjadikannya mandul (sedangkan kemandulan itu tidak disukai oleh semua orang). Semua keadaan ini tunduk kepada kehendak iradat Allah, tiada siapa pun yang turut campurtangan. Dialah yang menentukan segala-galanya dengan ilmu-Nya dan melaksanakannya dengan qudrat-Nya:

إِنَّهُۥ عَلِيمٞ قَدِيرٞ ٥٠

"Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui dan Maha Kuasa."(50)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 53)

Pada penghabisan surah ini Al-Qur'an kembali pula kepada hakikat pertama, iaitu hakikat wahyu dan kerasulan untuk menjelaskan cara perhubungan di antara Allah dengan para rasul yang dipilih dari hamba-hamba-Nya, dan untuk menegaskan bahawa perhubungan itu telah berlaku kepada Rasul-Nya yang akhir s.a.w. kerana melaksanakan satu tujuan yang dikehendaki Allah iaitu memberi hidayat kepada mereka yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus:

وَمَا كَانَ لِبَشَرٍ أَن يُكَلِّمَهُ ٱللَّهُ إِلَّا وَحۡيًا أَوۡ مِن وَرَآيِٕ حِجَابٍ أَوۡ يُرۡسِلَ رَسُولًا فَيُوحِيَ بِإِذۡنِهِۦ مَا يَشَآءُۚ إِنَّهُۥ عَلِيٌّ حَكِيمٞ ٥١

وَكَذَٰلِكَ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ رُوحٗا مِّنۡ أَمۡرِنَاۚ مَا كُنتَ تَدۡرِي مَا ٱلۡكِتَٰبُ وَلَا ٱلۡإِيمَٰنُ وَلَٰكِن جَعَلۡنَٰهُ نُورٗا نَّهۡدِي بِهِۦ مَن نَّشَآءُ مِنۡ عِبَادِنَاۚ وَإِنَّكَ لَتَهۡدِيٓ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٥٢

صِرَٰطِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ أَلَآ إِلَى ٱللَّهِ تَصِيرُ ٱلۡأُمُورُ ٥٣

"Dan tidak layak bagi seseorang manusia bahawa Allah bercakap secara langsung dengannya melainkan dengan perantaraan wahyu atau di belakang hijab atau Dia mengutuskan utusan (malaikat), lalu utusan itu mewahyukan wahyu kepadanya dengan keizinan-Nya apa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Bijaksana (51). Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu suatu roh dari urusan Kami (Al-Qur'an). Sebelum ini engkau tidak mengetahui apakah kitab Al-Qur'an dan tidak pula mengetahui apakah iman, tetapi Kami menjadikan Al-Qur'an itu suatu nur yang terang dan dengannya Kami memberi hidayat kepada siapa yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami, dan sesungguhnya Engkau benar-benar berusaha untuk memberi hidayat ke jalan yang lurus (52). Iaitu jalan Allah yang memiliki isi langit dan isi bumi. Ingatlah! Kepada Allah sahaja kembalinya segala urusan."(53)

Cara Komunikasi Di Antara Allah Dengan Para Rasul

Ayat ini dengan tegas menjelaskan bahawa manusia tidak layak untuk Allah bercakap dengannya secara berhadapan. Menurut riwayat dari 'Aisyah r.a.:

من زعم أن محمداً رأى ربه فقد أعظم على الله الفرية

"Barang siapa yang mendakwa bahawa Muhammad melihat Tuhannya, maka sesungguhnya Dia telah membuat pembohongan yang amat besar terhadap Allah." [9]

Percakapan Allah dengan manusia berlaku dengan salah satu dari tiga cara iaitu:

وَحۡيًا

"Cara wahyu"(51)

yang dicampakkan ke dalam hati manusia secara langsung, lalu ia mengetahui bahawa wahyu itu dari Allah.

أَوۡ مِن وَرَآيِٕ حِجَابٍ

"Atau cara di belakang hijab"(51)

sebagaimana Allah bercakap dengan Nabi Musa a.s., dan apabila Musa memohon untuk melihatnya, maka permintaan itu tidak dikabulkan. Dan Musa tidak berdaya untuk menghadapi tajalli Allah di atas Bukit Tursina, lalu ia rebah pengsan, dan apabila beliau sedar beliau mengucap:

سبحانك تبت إليك وأنا أوّل المؤمنين

"Maha Sucilah Engkau, aku bertaubat kepada-Mu dan akulah Mu'min yang pertama di antara orang-orang yang Mu'min."

أَوۡ يُرۡسِلَ رَسُولًا

"Atau Dia mengutuskan utusan-utusan"(51)

iaitu malaikat:

فَيُوحِيَ بِإِذۡنِهِۦ مَا يَشَآءُ

"Lalu utusan itu menyampaikan wahyu kepadanya dengan keizinan-Nya apa yang dikehendaki-Nya"(51)

iaitu mengikut cara-cara yang diterangkan oleh hadith-hadith, Rasulullah s.a.w. iaitu:

Yang pertama, wahyu yang dicampakkan oleh malaikat Jibril ke dalam hati beliau tanpa beliau melihat malaikat itu sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

إن روح القدس نفث في روعي أنه لن تموت نفس حتى تستكمل رزقها ، فا تقوا الله وأجملوا في الطلب

---

9 متفق عليه

"Sesungguhnya Jibril telah meniupkan (mewahyukan) dalam hatiku bahawa seseorang itu tidak akan mati sehingga ia menghabiskan rezekinya. Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan bersederhanalah dalam mencari rezeki."

Yang kedua, malaikat Jibril menjelma kepada Rasulullah s.a.w. dengan rupa seorang lelaki, lalu ia menyampaikan wahyu kepada beliau sehingga beliau ingat apa yang disampaikannya.

Yang ketiga, wahyu itu datang kepada beliau seperti bunyi loceng. Inilah cara yang paling berat kepada beliau hingga dahi beliau berpeluh-peluh pada hari yang sangat dingin dan sehingga kenderaan yang sedang dinaikinya menerung ke bumi. Wahyu yang seumpama ini telah datang sekali lagi ketika paha beliau memanggung paha Zaid bin Thabit menyebabkan Zaid merasa begitu berat hingga hampir-hampir mematahkannya.

Yang keempat, Rasulullah s.a.w. melihat malaikat Jibril dalam rupa paras asalnya, lalu ia menyampaikan wahyu yang dikehendaki Allah supaya disampaikan kepada beliau. Wahyu yang seperti ini berlaku kepada beliau sebanyak dua kali sebagaimana telah diterangkan Allah di dalam Surah al-Najm.[10]

Inilah cara-cara wahyu dan cara-cara perhubungan di antara Allah dengan manusia....

إِنَّهُۥ عَلِيٌّ حَكِيمٌ ﴿٥١﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Bijaksana"(51)

Dia menurunkan wahyu dari maqam yang tinggi membawa hikmat kebijaksanaan kepada hamba-hamba yang dipilih olehnya.

Pengalaman Yang Mengharukan Hatiku Ketika Memikirkan Persoalan Wahyu Yang Disampaikan Pada Rasul

Setiap kali saya berhenti di hadapan ayat atau hadith yang menerangkan perkara wahyu untuk memikirkan perhubungan ini saya merasa sendi-sendi anggota saya menggigil mengenangkan bagaimana? Bagaimana perhubungan ini berlaku di antara zat Allah yang azali dan abadi, yang tidak dilingkungi ruang dan zaman, yang mengetahui segala sesuatu dan tiada suatu yang serupa dengan-Nya... Bagaimana perhubungan ini berlaku di antara zat Yang Maha Tinggi ini dengan zat manusia yang dilingkungi ruang dan zaman, yang terbatas dengan batas-batas makhluk yang fana? Bagaimana perhubungan ini menjelmakan dalam bentuk makna-makna, kalimat-kalimat dan ungkapan-ungkapan? Bagaimana zat yang terbatas dan fana itu mampu menerima kalam Allah yang azali dan abadi, yang tidak bertempat dan berzaman, tidak terbatas dan tidak mempunyai sebarang rupa yang dikenali manusia? Bagaimana? Bagaimana?

Tetapi saya kembali berkata kepada diri sendiri mengapa anda bertanya tentang kalik? sedangkan anda hanya berfikir dalam batas diri anda selaku manusia yang terbatas, yang lemah dan fana? Hakikat ini telah pun berlaku dan menjelma dalam satu bentuk yang wujud dan kewujudan inilah yang mampu difahami anda.

Tetapi perasaan gentar, menggigil dan takut tidak juga hilang. Sesungguhnya nubuwwah itu adalah satu perkara yang amat besar dan sesungguhnya detik-detik manusia menerima wahyu dari zat Yang Maha Tinggi itu amatlah besar. Wahai saudara pembaca yang membaca kata-kata ini! Apakah anda berfikir seperti saya? Apakah anda cuba berfikir bersama saya tentang wahyu yang terbit dari sana itu? Apakah saya berkata: Dari sana? Bukan, ia bukan dari sana, kerana wahyu ini terbit dari luar lingkungan ruang dan zaman, luar dari lingkungan batas dan arah. Ia terbit dari zat mutlak yang azali dan abadi. Ia terbit dari Allah Yang Maha Mulia dan diturunkan kepada seorang manusia... Ya, seorang manusia walaupun dia itu Nabi dan Rasul, dia itu tetap manusia yang serba terbatas dan terikat... Wahyu ini... Perhubungan yang mengkagumkan ini... Perhubungan yang hanya Allah sahaja yang berkuasa mewujudkannya di alam kenyataan... Perhubungan yang hanya Allah sahaja mengetahui bagaimana cara ia berlaku... Saudara pembaca yang membaca kata-kata ini! Apakah anda merasa apa yang saya rasa di sebalik perkataan-perkataan yang putus-putus ini yang dengannya saya cuba menterjemahkan segala perasaan yang berkecamuk di dalam jiwa saya? Saya tidak tahu bagaimana hendak menggambarkan perasaan gementar dan takut yang menyelubungi diriku ketika saya cuba hendak memahami peristiwa penyampaian wahyu yang agung, yang mengkagumkan dan luar biasa sifat dan rupanya. Ia berlaku berulang-ulang kali. Ia dirasakan oleh ramai orang-orang yang melihat gejalanya dengan mata kepala mereka di zaman Rasulullah s.a.w. Siti 'Aisyah r.a. turut menyaksikan detik-detik penyampaian wahyu yang mena'jubkan itu di dalam sejarah manusia. Salah satu dari peristiwa penyampaian wahyu yang diceritakannya ialah katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.: "Wahai Aisyah! Ini Jibril menyampaikan salam kepada anda". Jawabku: "Wa'alaihissalam warrahmatullah." Katanya lagi: Dan dia (Jibril) melihat apa yang kita tidak melihat.[11] Zaid ibn Thabit r.a. juga menyaksikan detik-detik penyampaian wahyu ketika paha Rasulullah s.a.w. memanggung pahanya apabila wahyu turun kepadanya, maka ia merasa paha Rasulullah s.a.w. menekan pahanya begitu berat hingga hampir-hampir mematahkannya. Para sahabat r.a. seringkali melihat peristiwa penyampaian wahyu itu dan mereka dapat mengetahuinya pada perubahan wajah Rasulullah s.a.w., lalu mereka membiarkan beliau menerima wahyu itu hingga selesai kemudian beliau kembali kepada mereka dan mereka kembali kepada beliau.

---

[10] *Dipetik dari* زاد المعاد *oleh* إمام شمس الدين أبي عبدالله ابن قيم الجوزية

[11] *Dikeluarkan oleh al-Bukhari.*

Selain dari itu apakah gerangan tabi'at jiwa rasul yang menerima perhubungan Ilahi yang luhur itu? Apakah gerangan jauhar roh rasul yang berhubung dengan wahyu ini dan bercampur dengan unsurnya serta menyelaraskan dirinya dengan tabi'at dan kandungan wahyu itu? Ini satu lagi persoalan! Ini adalah satu hakikat yang benar, tetapi ia kelihatan begitu jauh di ufuk yang amat tinggi di sana hingga hampir-hampir tidak dapat ditanggapi oleh daya-daya akal manusia.

Bagaimana pula perasaan roh Nabi s.a.w. iaitu roh insan ini ketika berlakunya perhubungan itu atau ketika menerima penyampaian wahyu itu? Bagaimanakah roh itu terbuka dan bagaimanakah limpahan wahyu itu mencurah ke dalamnya? Bagaimanakah pula roh beliau dapati alam buana dalam detik-detik penyampaian wahyu yang mengkagumkan itu, iaitu ketika Allah bertajalli di atas alam al-wujud dan ketika seluruh pelosok alam buana bergema dengan kalimat-kalimat Allah?

Selain dari itu betapakah tingginya pemeliharaan Allah, rahmat-Nya dan penghormatan-Nya terhadap makhluk yang kerdil yang bernama manusia, hingga dia menurunkan wahyu kepada mereka untuk membetulkan urusan hidup mereka dan menerangi jalan mereka dan mengembalikan orang-orang yang sesat dari mereka ke pangkal jalan, sedangkan pada Allah, manusia adalah lebih kecil dan lebih mudah dari nyamuk jika dibandingkannya dengan kerajaan-Nya yang amat luas dan lebar ini?

Ia adalah satu hakikat yang benar, tetapi ia amat tinggi untuk difikirkan manusia melainkan sekadar memandang ke ufuk yang amat tinggi dan gemilang:

وَكَذَٰلِكَ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا ۚ مَا كُنتَ تَدْرِى مَا
ٱلْكِتَٰبُ وَلَا ٱلْإِيمَٰنُ وَلَٰكِن جَعَلْنَٰهُ نُورًا نَّهْدِى بِهِۦ
مَن نَّشَآءُ مِنْ عِبَادِنَا ۚ وَإِنَّكَ لَتَهْدِىٓ إِلَىٰ صِرَٰطٍ
مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٢﴾

"Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu suatu roh dari urusan Kami (Al-Qur'an). Sebelum ini engkau tidak mengetahui apakah kitab Al-Qur'an dan tidak pula mengetahui apakah iman, tetapi Kami menjadikan Al-Qur'an itu satu nur yang terang dan dengannya Kami memberi hidayat kepada siapa yang Kami kehendaki antara hamba-hamba Kami, dan sesungguhnya Engkau benar-benar berusaha untuk memberi hidayat ke jalan yang lurus."(52)

صِرَٰطِ ٱللَّهِ ٱلَّذِى لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى
ٱلْأَرْضِ ۗ أَلَآ إِلَى ٱللَّهِ تَصِيرُ ٱلْأُمُورُ ﴿٥٣﴾

"Iaitu jalan Allah yang memiliki isi langit dan isi bumi. Ingatlah! Kepada Allah sahaja kembalinya segala urusan."(53)

وَكَذَٰلِكَ

"Dan demikianlah"(52)

Dengan cara inilah dan dengan perhubungan yang seperti inilah:

أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ

"Kami wahyukan kepadamu."(52)

Wahyu yang disampaikan kepadamu itu adalah berlaku mengikut cara biasa. Dan ianya bukanlah suatu perkara yang baru. Kami wahyukan kepada kamu Al-Qur'an.

رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا

"Suatu roh dari urusan Kami"(52)

Al-Qur'an Merupakan Roh Yang Membangkitkan Hayat Dalam Kehidupan Manusia

Al-Qur'an itu mengandungi hayat. Ia membangkitkan hayat, ia mendorongkan hayat, ia menggerakkan hayat dan menyuburkannya di dalam hati dan di alam kenyataan yang dapat disaksikan dengan mata kepala.

مَا كُنتَ تَدْرِى مَا ٱلْكِتَٰبُ وَلَا ٱلْإِيمَٰنُ

"Sebelum ini engkau tidak mengetahui apakah kitab Al-Qur'an dan tidak pula mengetahui apakah iman"(52)

Demikianlah Allah menggambarkan jiwa Rasulullah s.a.w. sebelum beliau menerima wahyu itu. Nabi s.a.w. pernah mendengar tentang kitab suci dan tentang iman, kerana memang diketahui umum bahawa di Semenanjung Tanah Arab terdapat kaum Ahlil-Kitab yang hidup di dalam kalangan mereka, dan kaum Ahlil-Kitab ini mempunyai kepercayaan mereka sendiri, tetapi ini bukanlah yang dimaksudkan di dalam ayat ini, malah yang dimaksudkan ialah pengenalan hati beliau terhadap hakikat Al-Qur'an, dan iman serta kesedarannya terhadap hakikat ini dan kesan-kesannya yang diterima dari kewujudannya di dalam hati beliau. Hal yang seperti ini belum pernah wujud sebelum turunnya Al-Qur'an ke dalam hati Nabi Muhammad s.a.w. selaku roh yang diturunkan dengan perintah Allah itu.

وَلَٰكِن جَعَلْنَٰهُ نُورًا نَّهْدِى بِهِۦ مَن نَّشَآءُ

"....... Tetapi Kami jadikan Al-Qur'an satu nur yang terang dan dengannya Kami memberi hidayat kepada siapa yang Kami kehendaki"(52)

Inilah tabi'at wahyu yang tulen. Yakni sifat wahyu, sifat roh dan sifat Al-Qur'an ini ialah nur yang menerangi hati mereka yang dikehendaki Allah supaya mendapat hidayat dengannya kerana Allah mengetahui hakikat hati mereka dapat menerima nur itu.

وَإِنَّكَ لَتَهْدِىٓ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٢﴾

"....... Sesungguhnya engkau benar-benar memberi hidayat ke jalan yang lurus."(52)

Tadi telah ditegaskan bahawa persoalan hidayat adalah bergantung kepada kehendak masyi'ah Allah S.W.T. sahaja yang bersih dari segala hubungan yang lain. Dialah yang menentukan hidayat itu kepada mereka yang dikehendaki-Nya mengikut ilmu-Nya yang khusus yang tidak diketahui oleh sesiapa pun melainkan Dia, sedangkan Rasulullah s.a.w. hanya merupakan wasitah (واسطة) untuk melaksanakan masyi'ah Allah. Tugas beliau bukannya menciptakan hidayat di dalam hati manusia, tetapi ialah menyampaikan perutusan Allah dan ketika itu berlakulah masyi'ah Allah.

صِرَٰطِ ٱللَّهِ ٱلَّذِى لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ أَلَآ إِلَى ٱللَّهِ تَصِيرُ ٱلْأُمُورُ ﴿٥٣﴾

"Iaitu jalan Allah yang memiliki isi langit dan isi bumi. Ingatlah! Kepada Allah sahaja kembalinya segala urusan."(53)

Hidayat itu ialah hidayat ke jalan Allah yang menjadi titik pertemuan segala jalan. Itulah jalan menuju kepada Allah yang memiliki segala yang ada di langit dan segala yang ada di bumi. Orang yang mendapat hidayat ke jalan Allah akan mengenal undang-undang dan kuasa-kuasa di langit dan di bumi, akan mengenal sumber-sumber rezeki dari langit dan bumi dan akan mengetahui arah tujuan langit dan bumi yang bertawajjuh kepada Allah selaku Pemiliknya Yang Maha Agung:

أَلَآ إِلَى ٱللَّهِ تَصِيرُ ٱلْأُمُورُ ﴿٥٣﴾

"......... Ingatlah! Kepada Allah sahaja kembalinya segala urusan."(53)

Segala-galanya berakhir kepada Allah dan bertemu di sisi Allah. Dialah yang memutuskan urusan-Nya dengan perintah-Nya.

Dan nur hidayat inilah yang memimpin ke jalan Allah yang dipilih untuk hamba-hamba-Nya supaya mereka menjalaninya dan sampai kepada-Nya di penghabisan perjalanan dengan mendapat hidayat dan patuh ta'at.

* * * * * *

Demikianlah berakhirnya surah ini yang memulakan pembicaraannya dengan persoalan wahyu selaku persoalan pokoknya. Ia telah mengolahkan kisah wahyu sejak kelahiran nabi-nabi yang pertama lagi untuk menjelaskan konsep persamaan dan kesatuan agama, persamaan dan kesatuan cara hidup dan persamaan dan kesatuan jalan yang dituju, juga untuk mengisytiharkan kepimpinan baru bagi umat manusia yang diwakili oleh risalah Muhammad s.a.w. dan oleh kelompok Muslimin yang beriman dengan risalah ini, dan seterusnya untuk menyerahkan kepada kelompok Muslimin ini amanah memimpin umat manusia ke jalan yang lurus, iaitu jalan Allah yang memiliki isi langit dan isi bumi dan menerangkan sifat-sifat utama kelompok Muslimin iaitu sifat-sifat yang melayakkan mereka memegang teraju kepimpinan dan memikul amanah ini, iaitu amanah yang diturunkan dari langit ke bumi dengan cara-cara yang amat menakjub dan mengkagumkan.

* * * * * *

JUZU' KE-25

SURAH AZ-ZUKHRUF

SURAH KE **43**

سُورَةُ الزُّخۡرُفِ

SURAH AZ-ZUKHRUF

Surah Perhiasan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **89**

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 25)

حمٓ ١ وَٱلۡكِتَٰبِ ٱلۡمُبِينِ ٢
إِنَّا جَعَلۡنَٰهُ قُرۡءَٰنًا عَرَبِيّٗا لَّعَلَّكُمۡ تَعۡقِلُونَ ٣
وَإِنَّهُۥ فِيٓ أُمِّ ٱلۡكِتَٰبِ لَدَيۡنَا لَعَلِيٌّ حَكِيمٌ ٤
أَفَنَضۡرِبُ عَنكُمُ ٱلذِّكۡرَ صَفۡحًا أَن كُنتُمۡ
قَوۡمٗا مُّسۡرِفِينَ ٥
وَكَمۡ أَرۡسَلۡنَا مِن نَّبِيّٖ فِي ٱلۡأَوَّلِينَ ٦
وَمَا يَأۡتِيهِم مِّن نَّبِيٍّ إِلَّا كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ ٧
فَأَهۡلَكۡنَآ أَشَدَّ مِنۡهُم بَطۡشٗا وَمَضَىٰ مَثَلُ
ٱلۡأَوَّلِينَ ٨

"Haa. Miim (1). Demi kitab Al-Qur'an yang amat jelas (2). Sesungguhnya Kami jadikannya bacaan dalam bahasa Arab supaya kamu memahaminya (3). Sesungguhnya Al-Qur'an itu di dalam induk al-kitab di sisi Kami amatlah tinggi (nilainya) dan amatlah banyak hikmatnya (4). Apakah tidak wajar bagi Kami meninggalkan kamu dari mendapat peringatan Al-Qur'an kerana kamu telah menjadi satu kaum yang pelampau? (5) Berapa banyak Nabi-nabi yang telah Kami utuskan kepada umat-umat yang dahulukala (6). Dan tiada seorang Nabi pun yang datang kepada mereka melainkan mereka mempersenda-sendakannya (7). Lalu Kami binasakan orang-orang yang lebih besar kekuatannya dari mereka (Musyrikin Makkah) dan contoh-contoh perbandingan umat-umat yang dahulukala itu telah pun berlalu (penjelasannya di dalam Al-Qur'an)." (8).

وَلَئِن سَأَلۡتَهُم مَّنۡ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ
لَيَقُولُنَّ خَلَقَهُنَّ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡعَلِيمُ ٩
ٱلَّذِي جَعَلَ لَكُمُ ٱلۡأَرۡضَ مَهۡدٗا وَجَعَلَ لَكُمۡ
فِيهَا سُبُلٗا لَّعَلَّكُمۡ تَهۡتَدُونَ ١٠
وَٱلَّذِي نَزَّلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءَۢ بِقَدَرٖ فَأَنشَرۡنَا بِهِۦ
بَلۡدَةٗ مَّيۡتٗاۚ كَذَٰلِكَ تُخۡرَجُونَ ١١
وَٱلَّذِي خَلَقَ ٱلۡأَزۡوَٰجَ كُلَّهَا وَجَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلۡفُلۡكِ
وَٱلۡأَنۡعَٰمِ مَا تَرۡكَبُونَ ١٢
لِتَسۡتَوُۥاْ عَلَىٰ ظُهُورِهِۦ ثُمَّ تَذۡكُرُواْ نِعۡمَةَ رَبِّكُمۡ إِذَا
ٱسۡتَوَيۡتُمۡ عَلَيۡهِ وَتَقُولُواْ سُبۡحَٰنَ ٱلَّذِي سَخَّرَ لَنَا
هَٰذَا وَمَا كُنَّا لَهُۥ مُقۡرِنِينَ ١٣
وَإِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنقَلِبُونَ ١٤
وَجَعَلُواْ لَهُۥ مِنۡ عِبَادِهِۦ جُزۡءًاۚ إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ لَكَفُورٞ
مُّبِينٌ ١٥

"Dan andainya engkau bertanya mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi? Nescaya mereka menjawab: Ia telah diciptakan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (9). Yang telah menciptakan bumi untuk kamu dengan keadaan terhampar dan mengadakan jalan-jalan di atasnya supaya kamu mengetahui jalan yang betul (10). Dan yang telah menurunkan air dari langit menurut sukatan yang tertentu, lalu Kami hidupkan dengannya negeri yang mati. Seperti itulah juga kamu kelak akan dikeluarkan (dari kubur) (11). Dan yang telah mencipta seluruh makhluk yang berpasangan dan menjadikan untuk kamu kapal-kapal dan binatang-binatang ternakan yang dapat kamu mengenderainya (12). Supaya kamu dapat duduk tetap di atas belakangnya, kemudian kamu mengenangkan ni'mat Tuhan kamu apabila kamu telah duduk tetap di atasnya dan supaya kamu mengucap: Maha Suci Tuhan yang telah menundukkan kenderaan ini kepada kami, sedangkan kami tidak terdaya menguasainya (13). Dan sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami (14). Dan mereka (kaum Musyrikin) telah menjadikan setengah dari hamba-hamba-Nya sebagai sebahagian dari Allah. Sesungguhnya manusia itu pengingkar ni'mat yang amat jelas." (15).

أَمِ ٱتَّخَذَ مِمَّا يَخۡلُقُ بَنَاتٖ وَأَصۡفَىٰكُم بِٱلۡبَنِينَ ١٦

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِمَا ضَرَبَ لِلرَّحْمَٰنِ مَثَلًا ظَلَّ
وَجْهُهُۥ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ ١٧
أَوَمَن يُنَشَّؤُا۟ فِى ٱلْحِلْيَةِ وَهُوَ فِى ٱلْخِصَامِ غَيْرُ
مُبِينٍ ١٨
وَجَعَلُوا۟ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ ٱلَّذِينَ هُمْ عِبَٰدُ ٱلرَّحْمَٰنِ إِنَٰثًا ۚ
أَشَهِدُوا۟ خَلْقَهُمْ ۚ سَتُكْتَبُ شَهَٰدَتُهُمْ وَيُسْـَٔلُونَ ١٩
وَقَالُوا۟ لَوْ شَآءَ ٱلرَّحْمَٰنُ مَا عَبَدْنَٰهُم ۗ مَّا لَهُم بِذَٰلِكَ
مِنْ عِلْمٍ ۖ إِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ٢٠

"Apakah patut bagi Allah mengambil makhluk yang diciptakannya sebagai puteri-puterinya dan memilih putera-putera untuk kamu? (16) Dan apabila salah seorang dari mereka disampaikan berita mendapat anak perempuan yang ia jadikannya setanding dengan Allah Yang Maha Penyayang nescaya wajahnya menjadi hitam muram dan dia penuh marah dan sedih (17). Apakah patut (dijadikan anak Allah) anak perempuan yang dibesarkan dalam perhiasan dan tidak dapat memberi alasan yang terang dalam pertelingkahan? (18) Dan mereka telah menjadikan para malaikat yang merupakan hamba-hamba Allah Yang Maha Penyayang itu sebagai jenis perempuan. Apakah mereka menyaksikan penciptaan mereka? Penyaksian mereka akan ditulis dan mereka kelak akan ditanya (19). Dan mereka berkata: Andainya Allah Yang Maha Penyayang itu kehendaki nescaya kami tidak menyembah mereka (malaikat). Mereka tidak mempunyai pengetahuan sedikit pun tentang itu. Mereka tidak lain melainkan hanya berfikir secara meraba-raba belaka." (20).

أَمْ ءَاتَيْنَٰهُمْ كِتَٰبًا مِّن قَبْلِهِۦ فَهُم بِهِۦ مُسْتَمْسِكُونَ ٢١
بَلْ قَالُوٓا۟ إِنَّا وَجَدْنَآ ءَابَآءَنَا عَلَىٰٓ أُمَّةٍ وَإِنَّا عَلَىٰٓ
ءَاثَٰرِهِم مُّهْتَدُونَ ٢٢
وَكَذَٰلِكَ مَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ فِى قَرْيَةٍ مِّن نَّذِيرٍ إِلَّا قَالَ
مُتْرَفُوهَآ إِنَّا وَجَدْنَآ ءَابَآءَنَا عَلَىٰٓ أُمَّةٍ وَإِنَّا عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِم
مُّقْتَدُونَ ٢٣
قَٰلَ أَوَلَوْ جِئْتُكُم بِأَهْدَىٰ مِمَّا وَجَدتُّمْ عَلَيْهِ
ءَابَآءَكُمْ ۖ قَالُوٓا۟ إِنَّا بِمَآ أُرْسِلْتُم بِهِۦ كَٰفِرُونَ ٢٤
فَٱنتَقَمْنَا مِنْهُمْ ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ٢٥

"Atau apakah Kami telah memberi sebuah kitab kepada mereka sebelum Al-Qur'an, lalu mereka berpegang dengannya? (21) Bahkan mereka berkata: Sesungguhnya kami dapati datuk nenek kami berpegang dengan satu agama, lalu kami sekalian mengikut jejak mereka (22). Dan demikianlah Kami tidak mengutuskan sebelum engkau seorang rasul yang memberi peringatan kepada sebuah negeri melainkan orang-orang yang hidup mewah di negeri itu berkata: Sesungguhnya kami dapati datuk nenek kami berpegang dengan satu agama, lalu kami sekalian mengikut jejak mereka (23). Lalu Rasul itu bertanya: Apakah kamu (akan terus mengikut mereka) sekalipun aku telah membawa kepada kamu satu agama yang lebih memberi hidayat kepada kamu dari agama yang kamu dapati dipegang oleh datuk nenek kamu? Jawab mereka: Sesungguhnya kami mengingkari agama yang kamu diutus untuk menyampaikannya (24). Kerana itu Kami balaskan keingkaran mereka dan lihatlah bagaimana akibat yang telah menimpa para pendusta."(25)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini mengemukakan sebahagian dari kesulitan-kesulitan dan halangan-halangan juga bangkangan-bangkangan dan bantahan-bantahan yang dihadapi da'wah Islamiyah. Di samping itu surah ini juga mengemukakan bagaimana cara Al-Qur'anul-Karim menangani masalah-masalah itu di dalam jiwa manusia dan bagaimana Al-Qur'an menegakkan hakikat-hakikat dan nilai-nilainya untuk menggantikan kepercayaan-kepercayaan khurafat, 'aqidah-'aqidah paganisme dan nilai-nilai jahiliyah yang palsu yang tersemat di dalam jiwa manusia di waktu itu dan sebahagian darinya masih terus tersemat di dalam jiwa manusia di setiap zaman dan tempat.

Menurut kepercayaan paganisme jahiliyah, binatang-binatang ternakan yang dijadikan Allah untuk para hamba-Nya itu dijadikan bahagian untuk Allah dan bahagian untuk tuhan-tuhan yang didakwakan mereka.

وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ مِمَّا ذَرَأَ مِنَ ٱلْحَرْثِ وَٱلْأَنْعَٰمِ نَصِيبًا
فَقَالُوا۟ هَٰذَا لِلَّهِ بِزَعْمِهِمْ وَهَٰذَا لِشُرَكَآئِنَا ۖ فَمَا
كَانَ لِشُرَكَآئِهِمْ فَلَا يَصِلُ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَا
كَانَ لِلَّهِ فَهُوَ يَصِلُ إِلَىٰ شُرَكَآئِهِمْ ۗ

"Mereka telah memperuntukkan bagi Allah satu bahagian dari tanaman dan ternakan yang telah diciptakan Allah. Lalu mereka berkata dengan prasangka mereka: Ini untuk Allah dan ini untuk sekutu-sekutu kami, maka bahagian yang diperuntukkan kepada sekutu-sekutu mereka tidak sampai kepada Allah dan bahagian yang diperuntukkan kepada Allah sampai kepada sekutu-sekutu mereka."

(Surah al-An'am: 136)

Di sana terdapat berbagai-bagai dongeng dan khurafat yang dipercayai mereka tentang binatang-binatang ternakan itu. Dan semuanya adalah terbit dari penyelewengan-penyelewengan dan kesesatan-kesesatan 'aqidah mereka. Di sana terdapat jenis-jenis

ternakan yang haram ditunggangi belakangnya dan ada pula jenis yang haram dimakan dagingnya.

وَقَالُواْ هَٰذِهِۦٓ أَنۡعَٰمٞ وَحَرۡثٌ حِجۡرٞ لَّا يَطۡعَمُهَآ إِلَّا مَن
نَّشَآءُ بِزَعۡمِهِمۡ وَأَنۡعَٰمٌ حُرِّمَتۡ ظُهُورُهَا وَأَنۡعَٰمٞ
لَّا يَذۡكُرُونَ ٱسۡمَ ٱللَّهِ عَلَيۡهَا ٱفۡتِرَآءً عَلَيۡهِۚ

"Dan mereka berkata: Inilah ternakan-ternakan dan tanaman larangan yang tidak boleh memakannya kecuali orang yang Kami kehendaki menurut prasangka mereka. Dan (ini) ialah ternakan-ternakan yang haram ditungganginya dan ada pula ternakan-ternakan yang mereka tidak menyebut nama Allah (di waktu menyembelihkannya) semata-mata membuat pembohongan terhadap Allah."

(Surah al-An'am: 138)

Di dalam surah ini dikemukakan pembetulan terhadap 'aqidah-'aqidah yang menyeleweng dan sesat itu dan mengembalikan jiwa manusia kepada fitrah yang suci dan kepada hakikat-hakikat utama iaitu binatang-binatang ternakan itu adalah dari ciptaan Allah dan merupakan sebahagian dari mu'jizat hayat yang mempunyai kaitan yang rapat dengan penciptaan langit dari bumi. Allah mencipta dan menundukkan ternakan-ternakan untuk manusia supaya mereka mengenangkan ni'mat-ni'mat Allah dan bersyukur kepada-Nya bukan supaya mereka jadikannya sekutu-sekutu kepada Allah. Mereka telah mereka-rekakan hukum-hukum ternakan yang tidak disuruh Allah untuk diri mereka, sedangkan mereka mengaku bahawa Allah itulah Tuhan Pencipta. Mereka menyeleweng dari kehendak hakikat 'aqidah yang diakui mereka dan memisahkannya dari kehidupan mereka. Mereka mengikut dan mempercayai khurafat-khurafat dan dongeng-dongeng:

وَلَئِن سَأَلۡتَهُم مَّنۡ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ
لَيَقُولُنَّ خَلَقَهُنَّ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡعَلِيمُ ٩
ٱلَّذِي جَعَلَ لَكُمُ ٱلۡأَرۡضَ مَهۡدٗا وَجَعَلَ لَكُمۡ
فِيهَا سُبُلٗا لَّعَلَّكُمۡ تَهۡتَدُونَ ١٠
وَٱلَّذِي نَزَّلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءَۢ بِقَدَرٖ فَأَنشَرۡنَا بِهِۦ
بَلۡدَةٗ مَّيۡتٗاۚ كَذَٰلِكَ تُخۡرَجُونَ ١١
وَٱلَّذِي خَلَقَ ٱلۡأَزۡوَٰجَ كُلَّهَا وَجَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلۡفُلۡكِ
وَٱلۡأَنۡعَٰمِ مَا تَرۡكَبُونَ ١٢
لِتَسۡتَوُۥاْ عَلَىٰ ظُهُورِهِۦ ثُمَّ تَذۡكُرُواْ نِعۡمَةَ رَبِّكُمۡ إِذَا
ٱسۡتَوَيۡتُمۡ عَلَيۡهِ وَتَقُولُواْ سُبۡحَٰنَ ٱلَّذِي سَخَّرَ لَنَا
هَٰذَا وَمَا كُنَّا لَهُۥ مُقۡرِنِينَ ١٣
وَإِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنقَلِبُونَ ١٤

"Dan andainya engkau bertanya mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi? Nescaya mereka menjawab: Ia telah diciptakan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (9). Yang telah menciptakan bumi untuk kamu dengan keadaan terhampar dan mengadakan jalan-jalan di atasnya supaya kamu mengetahui jalan yang betul (10). Dan yang telah menurunkan air dari langit menurut sukatan yang tertentu lalu Kami hidupkan dengannya negeri yang mati. Seperti itulah juga kamu kelak akan dikeluarkan (dari kubur) (11). Dan yang telah mencipta seluruh makhluk yang berpasangan dan menjadikan untuk kamu kapal-kapal dan binatang-binatang ternakan yang dapat kamu mengenderainya (12). Supaya kamu dapat duduk tetap di atas belakangnya, kemudian kamu mengenangkan ni'mat Tuhan kamu apabila kamu telah duduk tetap di atasnya dan supaya kamu mengucap: Maha Suci Tuhan yang telah menundukkan kenderaan ini kepada kami, sedangkan kami tidak terdaya menguasainya (13). Dan sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami."(14)

Menurut kepercayaan paganisme jahiliyah, malaikat-malaikat itu adalah puteri-puteri Allah, sedangkan mereka sendiri tidak suka mendapat anak perempuan. Mereka memilih anak-anak perempuan untuk Allah dan mereka menyembah malaikat-malaikat selain Allah dan mereka mendakwa, "Kami menyembah mereka dengan kehendak Allah dan jika Allah kehendaki tentulah kami tidak menyembah mereka", sedangkan kepercayaan ini adalah semata-mata dongeng yang lahir dari 'aqidah mereka yang menyeleweng dan sesat.

Di dalam surah ini Al-Qur'an menghadapi mereka dengan logik mereka sendiri dan berhujah dengan mereka mengikut logik fitrah yang jelas mengenai kepercayaan dongeng ini yang sama sekali tidak berasas:

وَجَعَلُواْ لَهُۥ مِنۡ عِبَادِهِۦ جُزۡءًاۚ إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ لَكَفُورٞ
مُّبِينٌ ١٥
أَمِ ٱتَّخَذَ مِمَّا يَخۡلُقُ بَنَاتٖ وَأَصۡفَىٰكُم بِٱلۡبَنِينَ ١٦
وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِمَا ضَرَبَ لِلرَّحۡمَٰنِ مَثَلٗا ظَلَّ
وَجۡهُهُۥ مُسۡوَدّٗا وَهُوَ كَظِيمٌ ١٧
أَوَمَن يُنَشَّؤُاْ فِي ٱلۡحِلۡيَةِ وَهُوَ فِي ٱلۡخِصَامِ غَيۡرُ

مُّبِينٍ ﴿١٨﴾
وَجَعَلُوا الْمَلَائِكَةَ الَّذِينَ هُمْ عِبَادُ الرَّحْمَٰنِ إِنَاثًا ۚ
أَشَهِدُوا خَلْقَهُمْ ۚ سَتُكْتَبُ شَهَادَتُهُمْ وَيُسْأَلُونَ ﴿١٩﴾
وَقَالُوا لَوْ شَاءَ الرَّحْمَٰنُ مَا عَبَدْنَاهُم ۗ مَّا لَهُم بِذَٰلِكَ
مِنْ عِلْمٍ ۖ إِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿٢٠﴾
أَمْ آتَيْنَاهُمْ كِتَابًا مِّن قَبْلِهِ فَهُم بِهِ مُسْتَمْسِكُونَ ﴿٢١﴾
بَلْ قَالُوا إِنَّا وَجَدْنَا آبَاءَنَا عَلَىٰ أُمَّةٍ وَإِنَّا عَلَىٰ
آثَارِهِم مُّهْتَدُونَ ﴿٢٢﴾

"Dan mereka (kaum Musyrikin) telah menjadikan setengah dari hamba-hamba-Nya sebagai sebahagian dari Allah. Sesungguhnya manusia itu pengingkar ni'mat yang amat jelas (15). Apakah patut bagi Allah mengambil makhluk yang diciptakan-Nya sebagai puteri-puteri-Nya dan memilih putera-putera untuk kamu? (16) Dan apabila salah seorang dari mereka disampaikan berita mendapat anak perempuan yang Ia jadikannya setanding dengan Allah Yang Maha Penyayang nescaya wajahnya menjadi hitam muram dan dia penuh marah dan sedih (17). Apakah patut (dijadikan anak Allah) anak perempuan yang dibesarkan dalam perhiasan dan tidak dapat memberi alasan yang terang dalam pertelingkahan? (18) Dan mereka telah menjadikan para malaikat yang merupakan hamba-hamba Allah Yang Maha Penyayang itu sebagai jenis perempuan. Apakah mereka menyaksikan penciptaan mereka? Penyaksian mereka akan ditulis dan mereka kelak akan ditanya (19). Dan mereka berkata: Andainya Allah Yang Maha Penyayang itu kehendaki nescaya kami tidak menyembah mereka (malaikat). Mereka tidak mempunyai pengetahuan sedikit pun tentang itu. Mereka tidak lain melainkan hanya berfikir, secara meraba-raba belaka (20). Atau apakah Kami telah memberi sebuah kitab kepada mereka sebelum Al-Qur'an, lalu mereka berpegang dengannya? (21) Bahkan mereka berkata: Sesungguhnya Kami dapati datuk nenek kami berpegang dengan satu agama, lain kami sekalian mengikut jejak mereka."(22)

Apabila dikatakan kepada mereka: "Kamu menyembah berhala-berhala dan pokok-pokok dan segala apa yang kamu sembah selain dari Allah adalah menjadi kayu api Neraka Jahannam," juga apabila dikatakan kepada mereka: "Segala sembahan yang lain dari Allah serta sekalian penyembah-penyembahnya akan dimasukkan ke dalam Neraka belaka," mereka mengubahkan keterangan yang amat jelas itu dan menggunakannya sebagai bahan perdebatan lalu mereka berkata: "Bagaimana pula nasib 'Isa yang disembahkan oleh kaumnya? Apakah dia juga akan dimasukkan ke dalam Neraka?" Kemudian mereka berkata lagi, "Berhala-berhala itu adalah patung-patung malaikat dan malaikat-malaikat itu adalah puteri-puteri Allah. Perbuatan kami menyembah para malaikat adalah lebih baik dari perbuatan orang-orang Kristian yang menyembah 'Isa kerana 'Isa adalah manusia yang mempunyai tabi'at dan sifat manusia."

Di dalam surah ini Al-Qur'an mendedahkan putar belit mereka di dalam perdebatan itu dan membersihkan Nabi 'Isa a.s. dari kekarutan yang dilakukan oleh pengikut-pengikut selepasnya:

وَلَمَّا ضُرِبَ ابْنُ مَرْيَمَ مَثَلًا إِذَا قَوْمُكَ مِنْهُ
يَصِدُّونَ ﴿٥٧﴾
وَقَالُوا أَآلِهَتُنَا خَيْرٌ أَمْ هُوَ ۚ مَا ضَرَبُوهُ لَكَ إِلَّا
جَدَلًا ۚ بَلْ هُمْ قَوْمٌ خَصِمُونَ ﴿٥٨﴾
إِنْ هُوَ إِلَّا عَبْدٌ أَنْعَمْنَا عَلَيْهِ وَجَعَلْنَاهُ مَثَلًا لِّبَنِي
إِسْرَائِيلَ ﴿٥٩﴾

"Dan apabila Isa putera Maryam dijadikan contoh tiba-tiba kaummu pun bersorak-sorak gembira kerananya (57). Dan mereka berkata: Manakah yang lebih baik tuhan-tuhan kami atau dia ('Isa)? Mereka tidak membuat contoh itu melainkan semata-mata kerana maksud berdebat. Malah sebenarnya mereka adalah satu kaum yang suka bertengkar (58). Dia ('Isa) itu hanya seorang hamba yang Kami kurniakan ni'mat (kenabian) kepadanya dan Kami jadikannya contoh (kekuasaan) Kami kepada Bani Israel."(59)

Mereka mendakwa bahawa mereka mengikut agama moyang mereka Nabi Ibrahim a.s., dan dengan itu mereka lebih mendapat hidayat dan lebih baik dari kaum Ahlil-Kitab dari segi 'aqidah, sedangkan mereka hidup simpang-siur di dalam kepercayaan paganisme jahiliyah.

Lalu Allah menjelaskan di dalam surah ini hakikat agama Ibrahim, iaitu agama tauhid yang tulen dan menyatakan bahawa agama ini masih kekal pada anak cucu Nabi Allah Ibrahim a.s. dan bahawa Rasulullah s.a.w. telah membawa agama ini kepada mereka, tetapi mereka telah menyambut da'wah Rasulullah s.a.w. itu dengan sambutan yang tidak layak dengan keturunan anak cucu Nabi Ibrahim a.s.

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ إِنَّنِي بَرَاءٌ مِّمَّا
تَعْبُدُونَ ﴿٢٦﴾
إِلَّا الَّذِي فَطَرَنِي فَإِنَّهُ سَيَهْدِينِ ﴿٢٧﴾
وَجَعَلَهَا كَلِمَةً بَاقِيَةً فِي عَقِبِهِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٢٨﴾
بَلْ مَتَّعْتُ هَٰؤُلَاءِ وَآبَاءَهُمْ حَتَّىٰ جَاءَهُمُ الْحَقُّ وَرَسُولٌ
مُّبِينٌ ﴿٢٩﴾
وَلَمَّا جَاءَهُمُ الْحَقُّ قَالُوا هَٰذَا سِحْرٌ وَإِنَّا بِهِ كَافِرُونَ ﴿٣٠﴾

"Dan kenangilah ketika Ibrahim berkata kepada bapanya dan kepada kaumnya: Sesungguhnya aku membersihkan diriku dari apa yang kamu sembah (26). Melainkan Tuhan yang telah menciptakanku, kerana sesungguhnya Dia akan memberi hidayat kepadaku (27). Dan dia (Ibrahim) telah menjadikan kalimah tauhid itu kekal pada keturunannya supaya mereka kembali kepada Allah (28). Malah aku telah memberi keni'matan kepada mereka dan datuk nenek mereka sehingga datanglah kebenaran (Al-Qur'an) kepada mereka dan seorang rasul yang memberi penerangan yang jelas (29). Dan apabila kebenaran (Al-Qur'an) datang kepada mereka, mereka pun berkata: Ini adalah suatu sihir dan kami sekalian tetap mengingkarinya."(30)

Mereka tidak memahami hikmat pemilihan Allah S.W.T. yang telah memilih Rasulullah s.a.w. Mereka telah dihalangi nilai-nilai hidup dunia yang palsu dan rendah yang menjadi kayu ukuran mereka dalam menilaikan tokoh-tokoh manusia.

Di dalam surah ini Al-Qur'an menceritakan kefahaman, fikiran dan pendapat-pendapat mereka dalam perkara pemilihan Rasul ini dan memberi jawapan kepada mereka dengan menerangkan nilai-nilai yang sebenar dan menjelaskan kerendahan nilai-nilai hidup dunia yang dipandang tinggi oleh mereka:

وَقَالُواْ لَوْلَا نُزِّلَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنَ ٱلْقَرْيَتَيْنِ
عَظِيمٍ ﴿٣١﴾
أَهُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَتَ رَبِّكَ ۚ نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُم مَّعِيشَتَهُمْ
فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ
لِّيَتَّخِذَ بَعْضُهُم بَعْضًا سُخْرِيًّا ۗ وَرَحْمَتُ رَبِّكَ خَيْرٌ
مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٣٢﴾
وَلَوْلَآ أَن يَكُونَ ٱلنَّاسُ أُمَّةً وَٰحِدَةً لَّجَعَلْنَا لِمَن
يَكْفُرُ بِٱلرَّحْمَٰنِ لِبُيُوتِهِمْ سُقُفًا مِّن فِضَّةٍ
وَمَعَارِجَ عَلَيْهَا يَظْهَرُونَ ﴿٣٣﴾
وَلِبُيُوتِهِمْ أَبْوَٰبًا وَسُرُرًا عَلَيْهَا يَتَّكِـُٔونَ ﴿٣٤﴾
وَزُخْرُفًا ۚ وَإِن كُلُّ ذَٰلِكَ لَمَّا مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ
وَٱلْءَاخِرَةُ عِندَ رَبِّكَ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٣٥﴾

"Dan mereka berkata: Sepatutnya Al-Qur'an ini diturunkan kepada seorang pembesar dari salah satu dari dua negeri ini (Makkah dan Ta'if) (31). Apakah mereka yang (bertugas) membahagi-bahagikan rahmat Tuhanmu? Kamilah yang telah membahagi-bahagikan kehidupan mereka di antara mereka dalam hidup dunia ini dan Kamilah yang telah mengangkatkan darjat-darjat setengah mereka mengatasi setengah-setengah yang lain supaya setengah mereka dapat mengambil setengah yang lain sebagai pekerja. Dan rahmat Tuhanmu itu adalah lebih baik dari apa yang dikumpulkan mereka (32). Dan jika tidak kerana menghindari manusia menjadi satu umat yang satu (dalam kekufuran) tentulah Kami jadikan untuk orang-orang yang ingkarkan Allah Yang Rahman bumbung-bumbung perak bagi rumah-rumah mereka dan tangga-tangga (emas) yang dinaiki mereka (33). Dan pintu-pintu yang banyak bagi rumah-rumah mereka dan kerusi-kerusi untuk mereka bersandar di atasnya (34). Dan berbagai-bagai perhiasan. Dan semuanya itu hanyalah keni'matan dunia sahaja, dan kehidupan Akhirat yang berada di sisi Tuhanmu itu adalah untuk orang-orang yang bertaqwa."(35)

Kemudian Al-Qur'an mengemukakan satu babak kisah Musa a.s. dengan Fir'aun yang memperlihatkan bagaimana bangganya Fir'aun dengan nilai-nilai hidup dunia yang palsu itu dan bagaimana hinanya nilai-nilai itu di sisi Allah, juga bagaimana hinanya Fir'aun yang berbangga-bangga dengan nilai-nilai itu dan bagaimana hinanya untung nasib orang-orang yang berpegang dengan nilai-nilai yang dibangga-banggakan Fir'aun itu.

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَإِي۟هِۦ
فَقَالَ إِنِّى رَسُولُ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٤٦﴾
فَلَمَّا جَآءَهُم بِـَٔايَٰتِنَآ إِذَا هُم مِّنْهَا يَضْحَكُونَ ﴿٤٧﴾
وَمَا نُرِيهِم مِّنْ ءَايَةٍ إِلَّا هِىَ أَكْبَرُ مِنْ أُخْتِهَا ۖ
وَأَخَذْنَٰهُم بِٱلْعَذَابِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤٨﴾
وَقَالُواْ يَٰٓأَيُّهَ ٱلسَّاحِرُ ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ بِمَا عَهِدَ عِندَكَ
إِنَّنَا لَمُهْتَدُونَ ﴿٤٩﴾
فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُمُ ٱلْعَذَابَ إِذَا هُمْ يَنكُثُونَ ﴿٥٠﴾
وَنَادَىٰ فِرْعَوْنُ فِى قَوْمِهِۦ قَالَ يَٰقَوْمِ أَلَيْسَ لِى مُلْكُ
مِصْرَ وَهَٰذِهِ ٱلْأَنْهَٰرُ تَجْرِى مِن تَحْتِىٓ ۖ أَفَلَا
تُبْصِرُونَ ﴿٥١﴾
أَمْ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْ هَٰذَا ٱلَّذِى هُوَ مَهِينٌ وَلَا يَكَادُ يُبِينُ ﴿٥٢﴾
فَلَوْلَآ أُلْقِىَ عَلَيْهِ أَسْوِرَةٌ مِّن ذَهَبٍ أَوْ جَآءَ مَعَهُ
ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مُقْتَرِنِينَ ﴿٥٣﴾
فَٱسْتَخَفَّ قَوْمَهُۥ فَأَطَاعُوهُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُواْ

قَوْمًا فَاسِقِينَ ﴿٥٤﴾

فَلَمَّا آسَفُونَا انتَقَمْنَا مِنْهُمْ فَأَغْرَقْنَاهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥٥﴾

فَجَعَلْنَاهُمْ سَلَفًا وَمَثَلًا لِّلْآخِرِينَ ﴿٥٦﴾

"Dan sesungguhnya Kami utuskan Musa membawa mu'jizat-mu'jizat Kami kepada Fir'aun dan pembesar-pembesar kaumnya, lalu ia berkata: Sesungguhnya aku adalah utusan Tuhan semesta alam (46). Dan apabila dia datang kepada mereka membawa mu'jizat-mu'jizat Kami, tiba-tiba mereka ketawakannya (47). Dan Kami tidak memperlihatkan sesuatu mu'jizat kepada mereka melainkan ianya lebih besar dari mu'jizat sebelumnya, dan Kami timpakan 'azab ke atas mereka supaya mereka pulang (ke jalan yang benar) (48). Dan mereka berkata: Wahai tukang sihir! Do'akanlah kepada Tuhanmu untuk keselamatan kami dengan janji yang telah diberikan kepadamu. Sesungguhnya kami tetap akan menjadi orang-orang yang menerima petunjuk (49). Dan apabila Kami angkatkan 'azab itu dari mereka tiba-tiba mereka mungkir (50). Dan Fir'aun berseru kepada kaumnya dengan katanya: Wahai kaumku! Bukankah kerajaan Mesir ini kepunyaanku dan bukankah sungai-sungai ini mengalir di bawah istanaku, tidakkah kamu sekalian melihat? (51) Bukankah aku lebih baik dari orang yang hina ini, yang hampir-hampir tidak mampu menyebutkan perkataan-perkataannya dengan jelas? (52) Sepatutnya dicampakkan kepadanya gelang-gelang emas atau datang bersama-samanya malaikat-malaikat sebagai pengiringnya (53). Lalu Fir'aun memperbodohkan kaumnya dan mereka pun patuh kepadanya. Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang fasiq (54). Apabila mereka menimbulkan kemurkaan Kami, maka Kami seksakan mereka dan Kami tenggelamkan seluruh mereka (55). Dan Kami jadikan mereka ikutan dan contoh teladan kepada orang-orang yang kemudian."(56)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 8)

Surah ini berkisar di sekitar dongeng-dongeng kepercayaan paganisme dan penyelewengan-penyelewengan 'aqidah, juga di sekitar nilai-nilai yang benar dan nilai-nilai yang palsu semuanya dibicarakan dalam tiga pusingan. Sebelum ini kami telah terangkan pusingan pertama dan menyentuh petikan-petikan yang menjadi bahan pembicaraan pusingan-pusingan yang lain. Sekarang marilah pula kita memperkatakannya dengan terperinci:

حم ﴿١﴾ وَالْكِتَابِ الْمُبِينِ ﴿٢﴾

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٣﴾

وَإِنَّهُ فِي أُمِّ الْكِتَابِ لَدَيْنَا لَعَلِيٌّ حَكِيمٌ ﴿٤﴾

أَفَنَضْرِبُ عَنكُمُ الذِّكْرَ صَفْحًا أَن كُنتُمْ قَوْمًا مُّسْرِفِينَ ﴿٥﴾

وَكَمْ أَرْسَلْنَا مِن نَّبِيٍّ فِي الْأَوَّلِينَ ﴿٦﴾

وَمَا يَأْتِيهِم مِّن نَّبِيٍّ إِلَّا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٧﴾

فَأَهْلَكْنَا أَشَدَّ مِنْهُم بَطْشًا وَمَضَىٰ مَثَلُ الْأَوَّلِينَ ﴿٨﴾

"Haa. Miim (1). Demi kitab Al-Qur'an yang amat jelas (2). Sesungguhnya Kami jadikannya bacaan dalam bahasa Arab supaya kamu memahaminya (3). Sesungguhnya Al-Qur'an itu di dalam induk al-kitab di sisi Kami amatlah tinggi (nilainya) dan amatlah banyak hikmatnya (4). Apakah tidak wajar bagi kami meninggalkan kamu dari mendapat peringatan Al-Qur'an kerana kamu telah menjadi satu kaum yang pelampau? (5) Berapa banyak Nabi-nabi yang telah Kami utuskan kepada umat-umat yang dahulu kala? (6) Dan tiada seorang Nabi pun yang datang kepada mereka melainkan mereka mempersenda-sendakannya (7). Lalu Kami binasakan orang-orang yang lebih besar kekuatannya dari mereka (Musyrikin Makkah) dan contoh-contoh perbandingan umat-umat yang dahulukala itu telah pun berlalu (penjelasannya di dalam Al-Qur'an)."(8)

Surah ini dimulakan dengan dua huruf.

حم ﴿١﴾ وَالْكِتَابِ الْمُبِينِ ﴿٢﴾

"Haa. Miim (1). Demi kitab Al-Qur'an yang amat jelas."(2)

Allah S.W.T. bersumpah dengan **"Haa (ح). Miim(م)"** dan dengan **"Kitab Al-Qur'an yang amat jelas." Haa(ح). Miim(م)** itu dari jenis huruf kitab Al-Qur'an yang amat jelas atau huruf-huruf kitab Al-Qur'an yang amat jelas itu dari huruf **Haa (ح). Miim(م)** dengan erti bahawa bentuk lafaz kitab Al-Qur'an yang amat jelas ini adalah dari jenis dua huruf ini, dan kedua-dua huruf ini sama dengan huruf-huruf yang lain dalam pertuturan manusia, dan ini adalah salah satu bukti dari bukti-bukti Allah Pencipta yang telah menjadikan manusia sedemikian rupa dan menjadikan bunyi-bunyi huruf itu untuk mereka. Di sana terdapat berbagai erti dan tujuan apabila huruf-huruf ini disebut ketika memperkatakan Al-Qur'anul-Karim.

Allah S.W.T. bersumpah dengan **Haa (ح). Miim(م)** dan kitab Al-Qur'an yang amat jelas dengan tujuan untuk menjadikan Al-Qur'an ini dalam bentuk huruf Arab yang dibawa kepada orang-orang Arab:

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٣﴾

"Sesungguhnya Kami jadikannya bacaan dalam bahasa Arab supaya kamu memahaminya."(3)

Hikmat Bahasa Arab Dipilih Sebagai Bahasa Al-Qur'an

Tujuannya ialah supaya mereka dapat memahaminya apabila mereka dapatinya, ditulis dengan bahasa dan lidah yang diketahui mereka. Al-Qur'an adalah wahyu Allah S.W.T. yang dijadikan dalam bentuk lafaz bahasa Arab apabila Allah memilih bangsa Arab untuk membawa risalah ini, dan pemilihan ini dibuat berdasarkan hikmat yang kami

telah sentuhkan sebahagiannya di dalam Surah asy-Syura yang lepas, juga kerana Allah mengetahui bahawa umat Arab dan bahasa Arab itu mempunyai kelayakan untuk membawa dan memindahkan risalah ini dan Allah juga mengetahui di mana dan pada siapa hendak diletakkan risalah-Nya.

Kemudian diterangkan pula kedudukan Al-Qur'an di sisi Allah dan nilainya dalam perencanaan Allah yang azali dan kekal abadi:

وَإِنَّهُۥ فِىٓ أُمِّ ٱلْكِتَٰبِ لَدَيْنَا لَعَلِىٌّ حَكِيمٌ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an itu di dalam induk al-kitab di sisi Kami amatlah tinggi (nilainya) dan amatlah banyak hikmatnya."(4)

Kita tidak payah masuk ke dalam perbincangan mengenai apakah makna dan maksud harfi Ummul-kitab (induk al-kitab) itu, apakah maksudnya Luh Mahfuz atau maksudnya ialah ilmu Allah yang azali kerana kedua-duanya sama sahaja, iaitu kedua-duanya tidak mempunyai makna harfi yang tertentu di dalam pemahaman kita, tetapi kita mendapat darinya satu kefahaman yang dapat menolong kita memahami satu hakikat yang umum. Apabila kita membaca ayat:

وَإِنَّهُۥ فِىٓ أُمِّ ٱلْكِتَٰبِ لَدَيْنَا لَعَلِىٌّ حَكِيمٌ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an itu di dalam induk al-kitab di sisi Kami amatlah tinggi (nilainya) dan amatlah banyak ni'matnya."(4)

Maksud Al-Qur'an Dalam Ummul-Kitab

Kita merasa dan menyedari nilai semulajadi Al-Qur'an yang tetap teguh di dalam ilmu Allah dan perencanaan-Nya. Keterangan ini sahaja sudah cukup untuk kita. Al-Qur'an ini amat tinggi mutunya dan amat banyak hikmatnya. Kedua-dua sifat ini menyalutkan Al-Qur'an dengan sifat makhluk hidup yang berakal dan memang begitulah sifatnya, seolah-olah Al-Qur'an itu mempunyai roh, iaitu roh yang mempunyai sifat-sifat dan ciri-ciri khusus yang dapat berhubung mesra dengan roh-roh manusia yang membuat hubungan dengannya. Al-Qur'an dengan kedudukannya yang tinggi dan dengan hikmatnya yang banyak dapat membimbing dan memimpin manusia mengikut tabi'at dan sifat-sifat semulajadi mereka. Dan dapat mewujudkan di dalam daya-daya akal fikiran dan kehidupan mereka, nilai-nilai, kefahaman-kefahaman dan hakikat-hakikat yang sesuai dengan sifat Al-Qur'an yang amat tinggi dan amat banyak hikmatnya.

Penjelasan hakikat ini sudah cukup untuk membuat bangsa Arab yang diturunkan Al-Qur'an kepada mereka dengan bahasa ibunda mereka menyedari betapa tingginya nilai kurnia dan ni'mat Allah yang agung yang diberikan kepada mereka. Hakikat ini mendedahkan kepada mereka betapa buruknya perbuatan keterlaluan mereka yang telah menolak dan menghinakan Al-Qur'an dan betapa wajarnya mereka dibiar dan tidak dihiraukan Allah. Oleh kerana itu Al-Qur'an menyindir perbuatan mereka yang melampau itu dan mengancam untuk membiarkan mereka sebagai balasan terhadap sikap mereka yang keterlaluan itu:

أَفَنَضْرِبُ عَنكُمُ ٱلذِّكْرَ صَفْحًا أَن كُنتُمْ قَوْمًا مُّسْرِفِينَ ﴿٥﴾

"Apakah tidak wajar bagi Kami meninggalkan kamu dari mendapat peringatan Al-Qur'an kerana kamu telah menjadi satu kaum yang pelampau."(5)

Amatlah aneh dan tetap terus aneh bahawa Allah Yang Maha Agung dan Maha Tinggi begitu besar memberi perhatian kepada satu golongan manusia dengan menurunkan kepada mereka kitab suci dalam bahasa mereka, iaitu kitab suci yang menceritakan segala isi hati mereka dan mendedahkan rahsia-rahsia kehidupan mereka, dan seterusnya menerangkan kepada mereka jalan hidayat, mengisahkan cerita-cerita orang-orang dahulukala kepada mereka dan mengingatkan mereka dengan Sunnatullah yang telah berlaku kepada umat-umat yang silam, namun demikian mereka tetap lalai, cuai dan tidak menghiraukan Al-Qur'an.

Ini adalah satu ancaman yang menakutkan. Mereka diancam dengan pengabaian iaitu mereka akan dibiar tanpa diberi perhatian dan pemeliharaan Allah sebagai balasan terhadap perbuatan mereka yang melampaui batas itu. Di samping ancaman ini Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan tindakan Sunnatullah terhadap para pendusta setelah diutuskan para rasul kepada mereka:

وَكَمْ أَرْسَلْنَا مِن نَّبِىٍّ فِى ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٦﴾

وَمَا يَأْتِيهِم مِّن نَّبِىٍّ إِلَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٧﴾

فَأَهْلَكْنَآ أَشَدَّ مِنْهُم بَطْشًا وَمَضَىٰ مَثَلُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٨﴾

"Berapa banyak nabi-nabi yang telah Kami utuskan kepada umat-umat yang dahulukala (6). Dan tiada seorang Nabi pun yang datang kepada mereka melainkan mereka mempersenda-sendakannya (7). Lalu Kami binasakan orang-orang yang lebih besar kekuatannya dari mereka (Musyrikin Makkah) dan contoh-contoh perbandingan umat-umat yang dahulukala itu telah pun berlalu (penjelasannya di dalam Al-Qur'an)."(8)

Sunnatullah Terhadap Pendusta Rasul

Apakah yang mereka tunggu lagi, sedangkan Allah telah pun membinasakan kaum-kaum yang lebih kuat dari mereka apabila mereka mengambil sikap mempersenda-sendakan para rasul yang diutuskan

kepada mereka sebagaimana mereka sekarang mempersenda-sendakan Rasulullah s.a.w.?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 14)

Yang anehnya kaum Musyrikin itu mengakui kewujudan Allah dan mengakui bahawa Dialah yang menciptakan langit dan bumi, tetapi mereka tidak membuat satu kesimpulan yang wajar dari pengakuan itu, iaitu mentauhidkan Allah dan mengikhlaskan tawajjuh kepada-Nya, malah mereka mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah yang mendapat bahagian-bahagian tertentu dari binatang-binatang ternakan yang dijadikan Allah untuk mereka. Begitu juga mereka mendakwa bahawa para malaikat itu puteri-puteri Allah dan menyembah mereka selain Allah dalam bentuk berhala-berhala.

Al-Qur'an mengemukakan pengakuan mereka dan membuat kesimpulan dari pengakuan itu dan membawa mereka menggunakan logik fitrah mereka dan melakukan tindakan yang wajib untuk mensyukuri ni'mat-ni'mat dari kapal-kapal dan binatang-binatang ternakan yang telah diciptakan-Nya untuk mereka. Kemudian Al-Qur'an menghujahkan mereka dengan logik mereka mengenai dakwaan-dakwaan mereka terhadap malaikat:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ
لَيَقُولُنَّ خَلَقَهُنَّ الْعَزِيزُ الْعَلِيمُ ﴿٩﴾
الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ مَهْدًا وَجَعَلَ لَكُمْ
فِيهَا سُبُلًا لَّعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠﴾
وَالَّذِي نَزَّلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً بِقَدَرٍ فَأَنشَرْنَا بِهِ
بَلْدَةً مَّيْتًا كَذَٰلِكَ تُخْرَجُونَ ﴿١١﴾
وَالَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا وَجَعَلَ لَكُم مِّنَ الْفُلْكِ
وَالْأَنْعَامِ مَا تَرْكَبُونَ ﴿١٢﴾
لِتَسْتَوُوا عَلَىٰ ظُهُورِهِ ثُمَّ تَذْكُرُوا نِعْمَةَ رَبِّكُمْ إِذَا
اسْتَوَيْتُمْ عَلَيْهِ وَتَقُولُوا سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا
هَٰذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ ﴿١٣﴾
وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنقَلِبُونَ ﴿١٤﴾

"Dan andainya engkau bertanya mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi? Nescaya mereka menjawab: Ia telah diciptakan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (9). Yang telah menciptakan bumi untuk kamu dengan keadaan terhampar dan mengadakan jalan-jalan di atasnya supaya kamu mengetahui jalan yang betul (10). Dan yang telah menurunkan air dari langit menurut sukatan yang tertentu, lalu Kami hidupkan dengannya negeri yang mati. Seperti itulah juga kamu kelak akan dikeluarkan (dari kubur) (11). Dan yang telah mencipta seluruh makhluk yang berpasangan dan menjadikan untuk kamu kapal-kapal dan binatang-binatang ternakan yang dapat kamu mengenderainya (12). Supaya kamu dapat duduk tetap di atas belakangnya, kemudian kamu mengenangkan ni'mat Tuhan kamu apabila kamu telah duduk tetap di atasnya dan supaya kamu mengucap: Maha Suci Tuhan yang telah menundukkan kenderaan ini kepada kami, sedangkan kami tidak terdaya menguasainya (13). Dan sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami."(14)

Sebelum Islam Umat Arab Berpegang Kepada Saki-Baki 'Aqidah Tauhid Yang Dibawa Nabi Ibrahim a.s.

Umat Arab mempunyai satu 'aqidah yang pada hemat kami adalah dari saki-baki agama tauhid yang dibawa Nabi Ibrahim a.s., tetapi agama ini telah menjadi pudar dan menyeleweng setelah diresapi oleh kepercayaan-kepercayaan dongeng. Yang masih tinggal dan kekal dari 'aqidah agama ini ialah 'aqidah yang tidak mampu ditolak dan diingkarkan oleh fitrah mereka iaitu kepercayaan terhadap kewujudan pencipta alam ini dan pencipta itu ialah Allah. Kerana mengikut logik fitrah, tidak mungkin alam ini wujud tanpa pencipta, dan tiada yang berkuasa menjadikan alam ini melainkan Allah, tetapi mereka berhenti dengan hakikat yang diakui fitrah itu setakat bentuknya yang zahir sahaja dan mereka tidak mengakui kehendak-kehendak tabi'i yang wujud di sebalik hakikat itu:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ
لَيَقُولُنَّ خَلَقَهُنَّ الْعَزِيزُ الْعَلِيمُ ﴿٩﴾

"Dan andainya engkau bertanya mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi? Nescaya mereka menjawab: Ia telah diciptakan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(9)

Yang nampak jelas, dua sifat:

الْعَزِيزُ الْعَلِيمُ ﴿٩﴾

"Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui"(9)

itu bukanlah dari perkataan mereka. Memang benar mereka mengakui bahawa pencipta langit dan bumi itu ialah Allah, tetapi mereka tidak mengetahui sifat-sifat Allah yang dibawa oleh Islam, iaitu sifat-sifat zat Allah yang positif yang mempengaruhi kehidupan mereka dan kehidupan alam buana ini. Mereka tahu bahawa Allah itu Pencipta alam buana ini dan Pencipta diri mereka, tetapi mereka mengadakan tuhan-tuhan sekutu selain dari Allah kerana mereka tidak mengetahui sifat-sifat-Nya yang menolak kepercayaan syirik dan menjadikan kepercayaan itu kelihatan begitu lemah dan karut.

Di sini Al-Qur'an mengajar mereka bahawa Allah yang diketahui mereka sebagai Pencipta langit dan

bumi itu adalah bersifat **"Maha Perkasa dan Maha Mengetahui"** yakni Dia bersifat Maha Kuat, Maha Kuasa dan Maha Arif dan Maha Tahu. Al-Qur'an mula bertolak dari pengakuan mereka kemudian membawa mereka melangkah beberapa langkah ke depan selepas pengakuan itu.

Kemudian Al-Qur'an maju setapak lagi memperkenalkan sifat-sifat Allah kepada mereka dan menerangkan limpah kurnia-Nya kepada mereka setelah mereka diwujudkan ke alam ini:

ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ مَهْدًا وَجَعَلَ لَكُمْ فِيهَا سُبُلًا لَّعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠﴾

"Yang telah menciptakan bumi untuk kamu dengan keadaan terhampar dan mengadakan jalan-jalan di atasnya supaya kamu mengetahui jalan yang betul."(10)

Hakikat Bumi Terhampar

Hakikat bumi ini dijadikan terhampar kepada manusia memang dapat difaham oleh setiap akal dan setiap generasi manusia dengan mana-mana bentuk kefahaman masing-masing. Orang-orang Arab yang mula-mula menerima Al-Qur'an ini mungkin memahami hakikat ini apabila mereka melihat bumi terhampar di bawah tapak kaki mereka yang membolehkan mereka berjalan, mereka melihat bumi terbentang di hadapan mereka yang dapat dijadikan kawasan tanaman. Pada umumnya bumi itu terhampar lebar untuk perkembangan dan kesuburan hayat. Kita pada hari ini pula dapat memahami hakikat ini dalam skop yang lebih luas dan dengan kefahaman yang lebih mendalam lagi mengikut kemajuan ilmu pengetahuan kita tentang tabi'at bumi ini dan tentang sejarahnya yang jauh dan yang dekat jika teori-teori dan penilaian-penilaian kita dalam perkara ini betul. Orang-orang yang datang selepas kita pula akan memahami hakikat ini dengan kefahaman-kefahaman yang tidak dapat difaham oleh kita. Demikianlah pengertian ayat ini akan terus bertambah luas dan mendalam apabila ilmu pengetahuan manusia semakin luas dan maju dan bidang-bidang yang majhul semakin banyak terbuka kepada mereka.

Kita pada hari ini memahami hakikat bumi yang dijadikan terhampar dan penuh dengan kemudahan jalan-jalan untuk kehidupan manusia itu lebih jauh lagi, iaitu kita memahami bahawa bumi ini telah pun melalui berbagai-bagai peringkat perkembangannya sebelum menjadi tempat yang terhampar bagi manusia. Melalui peringkat-peringkat perkembangan itu permukaan bumi telah berubah dari batu pejal yang kering kepada tanah yang boleh ditanami dan air dapat bertakung di permukaannya sebagai hasil dari percantuman hidrogen dan oksigen. Pusingan bumi di sekeliling dirinya juga telah menjadi perlahan dan ini menjadikan harinya dan kepanasannya sederhana dan permukaannya sesuai untuk makhluk yang hidup dan seterusnya menjadikan kederasan pusingannya pada tahap yang membolehkan benda-benda dan hidup-hidupan yang ada di atas permukaannya berada dalam keadaan yang tetap tidak berhamburan dan berterbangan di udara.

Dari hakikat ini juga kita mengetahui bahawa di antara ciri-ciri kekuatan yang diciptakan Allah pada bumi ini ialah ciri kekuatan tarikan (graviti). Melalui ciri kekuatan tarikan ini bumi dapat memegang dan memelihara lapisan udara yang perlu untuk makhluk yang hidup. Andainya lapisan udara yang melingkungi bumi ini terlepas dari pegangan daya tarikannya nescaya makhluk-makhluk yang hidup tidak wujud di permukaannya, sebagaimana tidak wujudnya makhluk-makhluk yang hidup di planet-planet yang lain yang mempunyai daya tarikan yang rendah menyebabkan lapisan udaranya terlepas seperti yang berlaku kepada bulan sebagai contohnya. Daya tarikan bumi ini pula telah diciptakan Allah selaras dengan daya-daya tolak yang terbit dari pusingan bumi itu. Ini membolehkan bumi memelihara benda-benda dan hidup-hidupan yang ada di permukaannya tanpa berterbangan dan berhamburan, dan dalam waktu yang sama membolehkan manusia dan makhluk-makhluk yang hidup bergerak di permukaannya. Dan andainya daya tarikan bumi terlebih dari kadar yang munasabah nescaya benda-benda dan hidupan yang ada di permukaannya akan melekat di bumi tidak dapat bergerak atau sukar untuk bergerak dari satu segi, dan dari satu segi yang lain pula akan menyebabkan bertambahnya tekanan udara di atas benda-benda dan hidup-hidupan itu dan mengakibatkannya begitu kuat terlekat di bumi atau terganyang sebagaimana kita mengganyangkan nyamuk dan lalat dengan satu pukulan yang memusatkan tekanan udara di atasnya tanpa disentuh oleh tangan kita. Dan andainya tekanan udara terkurang dari kadar tekanan yang ada nescaya dada dan pembuluhan-pembuluhan darah kita akan meledak dan pecah.

Dari hakikat ini juga kita mengetahui bahawa Allah Yang Maha Pencipta, Maha Perkasa dan Maha Mengetahui telah menentukan berbagai-bagai penyesuaian untuk membolehkan manusia wujud di bumi ini dan memberi kemudahan-kemudahan kepada kehidupannya. Andainya salah satu dari penyesuaian-penyesuaian ini rosak atau kacau, maka makhluk-makhluk yang bernyawa tidak akan dapat hidup atau akan mengalami kesulitan-kesulitan hidup. Setengah dari penyesuaian-penyesuaian itu telah pun kita bicarakan, dan di antara penyesuaian-penyesuaian itu lagi ialah Allah menjadikan himpunan air yang amat besar yang bertakung di permukaan bumi dalam bentuk laut-laut dan lautan-lautan yang cukup untuk menyedut gas-gas yang beracun yang terbit dari berbagai-bagai proses interaksi yang berlaku di permukaan bumi, juga untuk memelihara udaranya supaya sentiasa berada di dalam keadaan yang membolehkan makhluk-makhluk yang bernyawa

itu hidup. Di antara penyesuaian-penyesuaian itu lagi ialah Allah menciptakan tumbuh-tumbuhan sebagai alat untuk mengimbangkan di antara oksigen yang disedut oleh makhluk-makhluk yang bernyawa untuk hidup dengan oksigen yang dikeluarkan oleh tumbuh-tumbuhan dalam proses pencernaan dan asimilasi makanan yang dilakukan dengannya. Tanpa pengimbangan yang seperti ini semua makhluk-makhluk yang hidup akan tercekik pernafasannya selepas beberapa waktu.

Demikianlah terdapat berbagai-bagai makna dan pengertian dari hakikat yang diterangkan oleh ayat:

ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ مَهْدًا وَجَعَلَ لَكُمْ فِيهَا سُبُلًا

"Yang telah menciptakan bumi untuk kamu dengan keadaan terhampar dan mengadakan jalan-jalan di atasnya."(10)

Makna-makna dan pengertian-pengertian itu satu demi satu terdedah setiap hari kepada kita. Ia menambahkan kepada pengertian-pengertian yang telah sedia difahami oleh orang-orang Arab yang mula-mula menerima Al-Qur'an ini. Semua makna dan pengertian itu membuktikan qudrat kuasa dan ilmu pengetahuan Allah yang menciptakan langit dan bumi, yang bersifat Maha Perkasa dan Maha Mengetahui.

Semuanya membuat hati manusia merasa adanya tangan qudrat Allah Yang Berkuasa dan yang mentadbir di mana sahaja matanya memandang dan di mana sahaja hatinya berfikir, dan seterusnya merasa bahawa dia bukanlah makhluk yang dijadikan sia-sia, yang ditinggal dan dibiarkan seperti sampah yang terbuang, malah tangan qudrat Allah inilah yang memegangnya dan menghayunkan langkah-langkahnya serta mengurus dan mengendalikan seluruh urusannya di dalam setiap langkah dari langkah-langkahnya di dalam hidup, sebelum hidup dan selepas hidup.

لَّعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ١٠

"Supaya kamu mengetahui jalan yang betul."(10)

Kerana usaha merenungi dan meneliti kejadian alam buana dan undang-undangnya yang amat rapi dan selaras itu adalah cukup untuk memimpin hati manusia kepada Allah yang mencipta alam buana itu dengan peraturan-peraturan yang halus dan menakjubkan.

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka maju setapak lagi di jalan pertumbuhan hayat dan makhluk-makhluk yang bernyawa setelah bumi itu dihamparkan untuk manusia dan setelah jalan-jalan diadakan untuk kemudahan kehidupan mereka:

وَٱلَّذِى نَزَّلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءًۢ بِقَدَرٍ فَأَنشَرْنَا بِهِۦ بَلْدَةً مَّيْتًا ۚ كَذَٰلِكَ تُخْرَجُونَ ١١

"Dan yang telah menurunkan air dari langit menurut sukatan yang tertentu, lalu Kami hidupkan dengannya negeri yang mati. Seperti itulah juga kamu kelak akan dikeluarkan (dari kubur)."(11)

Pengagihan Air Hujan

Air hujan yang turun dari langit itu memanglah diketahui dan dilihat oleh setiap orang tetapi kebanyakkan mereka melihat peristiwa itu dengan hati yang lalai dan tidak sedikit pun terkocak kerana terlalu biasa dan terlalu kerap berlaku. Adapun Muhammad Rasulullah s.a.w., maka beliau menyambut titisan-titisan air hujan itu dengan hati yang penuh mesra dan gembira kerana titisan-titisan itu datang dari Allah. Ini ialah kerana hatinya yang hidup itu sedar bahawa titisan-titisan air hujan adalah dari ciptaan Allah Yang Maha Hidup dan beliau melihat tangan qudrat Allah Yang Maha Pencipta. Demikianlah seharusnya titisan-titisan air hujan itu disambut oleh setiap hati yang berhubung dengan Allah dan dengan undang-undang dan peraturannya di alam al-wujud ini. Titisan-titisan air hujan itu adalah hasil dari undang-undang dan peraturan-peraturan yang bekerja di alam buana ini. Setiap kali hujan turun dan setiap titisan yang gugur adalah di bawah pemerhatian dan kawalan qudrat kuasa Allah S.W.T. kehangatan hakikat ini tidak menjadi sejuk dan kurang kesannya apabila diketahui bahawa air hujan itu berasal dari wap-wap yang naik dari bumi dan berkumpul di ruang-ruang angkasa. Siapakah yang telah menciptakan bumi ini? Siapakah yang telah mewujudkan air di bumi? Siapakah yang menyuarkan kepanasan ke atas bumi? Siapakah yang menjadikan tabi'at air ini mengewap dengan sebab kepanasan? Siapakah yang menjadikan tabi'at wap itu naik ke atasnya dan berkumpul di ruang-ruang angkasa? Siapakah yang mengisikan alam ini dengan berbagai-bagai ciri yang lain yang membuat wap-wap yang berkumpul di ruang-ruang angkasa itu mengandungi cas-cas elektrik yang aktif yang merangsang dan menggugurkan air hujan itu? Apakah cas elektrik itu? Apakah rahsia-rahsia dan tabi'at-tabi'at di sebalik turunnya air hujan itu? Kita telah mencampakkan ilmu sains ke dalam hati kita selaku benda-benda berat yang melindungkan kita dari keindahan alam buana yang mengagumkan ini, bukannya menggunakan ilmu itu sebagai pengetahuan yang menghaluskan perasaan dan melembutkan hati kita.

وَٱلَّذِى نَزَّلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءًۢ بِقَدَرٍ

"Dan yang telah menurunkan air dari langit menurut sukatan yang tertentu."(11)

Air hujan itu disukatkan dengan kadar yang tertentu tidak lebih hingga menenggelamkan bumi dan tidak pula kurang hingga bumi tandus dan segala yang bernyawa layu. Inilah, penyesuaian-penyesuaian yang mengkagumkan yang kita telah lihat, dan penyesuaian-penyesuaian itu adalah perlu untuk mewujud dan mengekalkan hayat di bumi ini seperti yang dikehendaki Allah.

فَأَنشَرْنَا بِهِۦ بَلْدَةً مَّيْتًا

"Lalu Kami hidupkan dengannya negeri yang mati."(11)

Hayat itu mengiringi air dan dari air terbitnya segala sesuatu yang hidup.

كَذَٰلِكَ تُخْرَجُونَ ﴿١١﴾

"Seperti itulah juga kamu kelak akan dikeluarkan (dari kubur)"(11)

Tuhan yang berkuasa menciptakan hayat pada permulaan kali, maka Dialah juga yang berkuasa menciptakan semula hayat itu. Tuhan yang berkuasa menciptakan makhluk-makhluk yang hidup dari bumi, maka Dialah juga yang berkuasa menciptakannya semula pada hari Qiamat. Kerja mengulangi penciptaan itu bukanlah satu perkara yang sukar kepada Allah.

Mereka telah memperuntukkan sebahagian dari binatang-binatang ternakan itu kepada Allah dan sebahagian lagi diperuntukkan kepada yang lain dari Allah, sedangkan binatang-binatang ternakan itu bukanlah dijadikan untuk maksud seperti ini, malah ia dijadikan sebagai ni'mat-ni'mat kepada manusia, iaitu mereka dapat menunggang ternakan-ternakan itu sebagaimana mereka menaiki kapal-kapal dan kemudian mereka bersyukur kepada Allah atas limpah kurnia-Nya dan membalas ni'mat-ni'mat-Nya dengan amalan-amalan yang sewajar:

وَٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْأَزْوَٰجَ كُلَّهَا وَجَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلْفُلْكِ
وَٱلْأَنْعَٰمِ مَا تَرْكَبُونَ ﴿١٢﴾
لِتَسْتَوُۥا عَلَىٰ ظُهُورِهِۦ ثُمَّ تَذْكُرُوا نِعْمَةَ رَبِّكُمْ إِذَا
ٱسْتَوَيْتُمْ عَلَيْهِ وَتَقُولُوا سُبْحَٰنَ ٱلَّذِى سَخَّرَ لَنَا
هَٰذَا وَمَا كُنَّا لَهُۥ مُقْرِنِينَ ﴿١٣﴾
وَإِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنقَلِبُونَ ﴿١٤﴾

"Dan yang telah mencipta seluruh makhluk yang berpasangan dan menjadikan untuk kamu kapal-kapal dan binatang-binatang ternakan yang dapat kamu mengenderainya (12). Supaya kamu dapat duduk tetap di atas belakangnya, kemudian kamu mengenangkan ni'mat Tuhan kamu apabila kamu telah duduk tetap di atasnya dan supaya kamu mengucap: Maha Suci Tuhan yang telah menundukkan kenderaan ini kepada kami, sedangkan kami tidak terdaya menguasainya (13). Dan sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami."(14)

Ciri Berpasangan Pada Makhluk Yang Hidup

Ciri berpasangan merupakan satu peraturan hidup sebagaimana diterangkan oleh ayat ini. Setiap makhluk yang hidup dijadikan berpasangan sehingga sel tunggal yang pertama membawa bersama-samanya ciri-ciri yang melahirkan jenis lelaki/jantan dan jenis perempuan/ betina, malah mungkin ciri berpasangan itu merupakan peraturan alam buana seluruhnya bukan peraturan kejadian yang hidup sahaja apabila kita mengambil kira bahawa asas kejadian alam buana ini ialah atom yang terdiri dari elektron negatif dan proton positif sebagaimana diterangkan oleh kajian-kajian ilmu fizik sehingga sekarang.

Walau bagaimanapun, ciri berpasangan dalam kejadian-kejadian yang hidup itu amatlah jelas, dan Allahlah yang menciptakan seluruh pasangan-pasangan itu sama ada pada manusia atau bukan manusia:

وَجَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلْفُلْكِ وَٱلْأَنْعَٰمِ مَا تَرْكَبُونَ ﴿١٢﴾

"........ Dan menjadikan untuk kamu binatang-binatang ternakan dan kapal-kapal yang dapat kamu mengenderainya."(12)

Al-Qur'an mengingatkan manusia dengan ayat ini supaya mereka mengenangkan ni'mat-ni'mat Allah yang telah memilih mereka menjadi khalifah di bumi ini dan mengenangkan ni'mat-ni'mat kuasa dan tenaga yang telah dijadikannya di bumi ini, kemudian Al-Qur'an membimbing mereka kepada adab sopan yang wajib untuk menyatakan kesyukuran terhadap ni'mat-ni'mat itu, supaya mengingati Allah setiap kali mereka terkenang kepada ni'mat-ni'mat itu agar hati mereka sentiasa berhubung dengan Allah pada setiap harakat dalam hidup mereka:

لِتَسْتَوُۥا عَلَىٰ ظُهُورِهِۦ ثُمَّ تَذْكُرُوا نِعْمَةَ رَبِّكُمْ إِذَا
ٱسْتَوَيْتُمْ عَلَيْهِ وَتَقُولُوا سُبْحَٰنَ ٱلَّذِى سَخَّرَ لَنَا
هَٰذَا وَمَا كُنَّا لَهُۥ مُقْرِنِينَ ﴿١٣﴾

"Supaya kamu dapat duduk tetap di atas belakangnya, kemudian kamu mengenangkan ni'mat Tuhan kamu apabila kamu telah duduk tetap di atas dan supaya kamu mengucap: Maha Suci Tuhan yang telah menundukkan kenderaan ini kepada kami, sedangkan kami tidak terdaya menguasainya."(13)

Kita tidak berdaya membalas sesuatu ni'mat-Nya dengan ni'mat yang serupa dengannya. Tiada daya bagi kita melainkan hanya bersyukur untuk membalas limpah kurnia itu.

Kemudian mereka harus ingat bahawa mereka akan kembali kepada Tuhan mereka setelah menjalani tugas khilafah di bumi, kerana Allah hendak memberi balasan terhadap segala amalan mereka dalam masa mereka menjalankan tugas khilafah di bumi, di mana mereka dibekalkan segala macam ni'mat dan ditundukkan kepada mereka berbagai-bagai kuasa dan tenaga alam semulajadi:

وَإِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنقَلِبُونَ ﴿١٤﴾

"Dan sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami."(14)

Inilah adab sopan yang wajib terhadap Allah yang memberi ni'mat. Allah membimbing kita supaya mengenangkan-Nya setiap kali kita meni'mati ni'mat-ni'mat-Nya yang melimpah ruah. Kita sentiasa berada di dalam ni'mat-ni'mat-Nya kemudian kita lupakan-Nya.

Adab sopan Islam terhadap Allah ini mempunyai hubungan yang rapat dengan pendidikan hati dan dengan usaha menghidupkan dhamir. Ia bukannya merupakan semata-mata adab cara pengucapan ketika mengenderai kapal-kapal dan binatang-binatang tunggangan, ia bukan semata-mata kata-kata yang disebut lidah, malah adab itu bertujuan untuk membangkitkan perasaan manusia supaya menyedari hakikat Allah dan hakikat hubungan-Nya dengan para hamba-Nya dan supaya mereka menyedari wujudnya tangan qudrat Allah dalam segala sesuatu yang melingkungi mereka dan segala ni'mat dan kemudahan yang dijadikan Allah untuk mereka. Semuanya itu adalah semata-mata limpah kurnia Allah tanpa dapat dibalas oleh mereka, kerana mereka tidak berupaya untuk mengadakan sesuatu balasan bagi membalas ni'mat-ni'mat Allah ke atasnya, dan seterusnya supaya hati mereka menaruh perasaan takut dan malu menemui Allah pada akhir hayat mereka untuk mengemukakan kira-kira amalan mereka kepadanya. Semua perasaan ini adalah cukup untuk mengekalkan hati manusia supaya sentiasa berada dalam keadaan sedar dan tidak lalai dan lupa dari bermuraqabah dengan Allah, dan supaya ia tidak menjadi beku dan tebal dengan kelalaian dan kelupaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 25)

Selepas itu Al-Qur'an memperkatakan tentang dongeng malaikat yang dijadikan mereka sebagai tuhan-tuhan dengan anggapan bahawa mereka adalah puteri-puteri Allah, sedangkan mereka adalah para hamba Allah yang ta'at:

وَجَعَلُوا لَهُ مِنْ عِبَادِهِ جُزْءًا ۚ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَكَفُورٌ
مُبِينٌ ﴿١٥﴾
أَمِ اتَّخَذَ مِمَّا يَخْلُقُ بَنَاتٍ وَأَصْفَاكُمْ بِالْبَنِينَ ﴿١٦﴾
وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُمْ بِمَا ضَرَبَ لِلرَّحْمَٰنِ مَثَلًا ظَلَّ
وَجْهُهُ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ ﴿١٧﴾
أَوَمَنْ يُنَشَّأُ فِي الْحِلْيَةِ وَهُوَ فِي الْخِصَامِ غَيْرُ
مُبِينٍ ﴿١٨﴾

وَجَعَلُوا الْمَلَائِكَةَ الَّذِينَ هُمْ عِبَادُ الرَّحْمَٰنِ إِنَاثًا ۚ
أَشَهِدُوا خَلْقَهُمْ ۚ سَتُكْتَبُ شَهَادَتُهُمْ وَيُسْأَلُونَ ﴿١٩﴾
وَقَالُوا لَوْ شَاءَ الرَّحْمَٰنُ مَا عَبَدْنَاهُمْ ۗ مَا لَهُمْ بِذَٰلِكَ
مِنْ عِلْمٍ ۖ إِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿٢٠﴾
أَمْ آتَيْنَاهُمْ كِتَابًا مِنْ قَبْلِهِ فَهُمْ بِهِ مُسْتَمْسِكُونَ ﴿٢١﴾
بَلْ قَالُوا إِنَّا وَجَدْنَا آبَاءَنَا عَلَىٰ أُمَّةٍ وَإِنَّا عَلَىٰ
آثَارِهِمْ مُهْتَدُونَ ﴿٢٢﴾
وَكَذَٰلِكَ مَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ فِي قَرْيَةٍ مِنْ نَذِيرٍ إِلَّا قَالَ
مُتْرَفُوهَا إِنَّا وَجَدْنَا آبَاءَنَا عَلَىٰ أُمَّةٍ وَإِنَّا عَلَىٰ آثَارِهِمْ
مُقْتَدُونَ ﴿٢٣﴾
قَالَ أَوَلَوْ جِئْتُكُمْ بِأَهْدَىٰ مِمَّا وَجَدْتُمْ عَلَيْهِ
آبَاءَكُمْ ۖ قَالُوا إِنَّا بِمَا أُرْسِلْتُمْ بِهِ كَافِرُونَ ﴿٢٤﴾
فَانْتَقَمْنَا مِنْهُمْ ۖ فَانْظُرْ كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ﴿٢٥﴾

"Dan mereka (kaum Musyrikin) telah menjadikan setengah dari hamba-hamba-Nya sebagai sebahagian dari Allah. Sesungguhnya manusia itu pengingkar ni'mat yang amat jelas (15). Apakah patut bagi Allah mengambil makhluk yang diciptakan-Nya sebagai puteri-puteri-Nya dan memilih putera-putera untuk kamu? (16) Dan apabila salah seorang dari mereka disampaikan, berita mendapat anak perempuan yang ia jadikannya setanding dengan Allah Yang Maha Penyayang nescaya wajahnya menjadi hitam muram dan dia penuh marah dan sedih (17). Apakah patut (dijadikan anak Allah) anak perempuan yang dibesarkan dalam perhiasan dan tidak dapat memberi alasan yang terang dalam pertelingkahan? (18) Dan mereka telah menjadikan para malaikat yang merupakan hamba-hamba Allah Yang Maha Penyayang itu sebagai jenis perempuan. Apakah mereka menyaksikan penciptaan mereka? Penyaksian mereka akan ditulis dan mereka kelak akan ditanya (19). Dan mereka berkata: Andainya Allah Yang Maha Penyayang itu kehendaki nescaya kami tidak menyembah mereka (malaikat). Mereka tidak mempunyai pengetahuan sedikit pun tentang itu. Mereka tidak lain melainkan hanya berfikir secara meraba-raba belaka (20). Atau apakah Kami telah memberi sebuah kitab kepada mereka sebelum Al-Qur'an, lalu mereka berpegang dengannya? (21) Bahkan mereka berkata: Sesungguhnya kami dapati datuk nenek kami berpegang dengan satu agama, lalu kami sekalian mengikut jejak mereka (22). Dan demikianlah Kami tidak mengutuskan sebelum engkau seorang rasul yang memberi peringatan kepada sebuah negeri melainkan orang-orang yang hidup mewah di negeri itu berkata: Sesungguhnya kami dapati datuk nenek kami berpegang dengan satu agama, lalu kami sekalian adalah mengikut jejak mereka (23). Lalu Rasul itu

bertanya: Apakah kamu (akan teras mengikut mereka) sekalipun aku telah membawa kepada kamu satu agama yang lebih memberi hidayat kepada kamu dari agama yang kamu dapati dipegang oleh datuk nenek kamu? Jawab mereka: Sesungguhnya kami mengingkari agama yang kamu diutus untuk menyampaikannya (24). Kerana itu Kami balaskan keingkaran mereka, dan lihatlah bagaimana akibat yang telah menimpa para pendusta."(25)

Al-Qur'an mengepung dongeng ini dan menghadapinya dari segenap penjuru di dalam jiwa mereka. Tiada lubang yang terbuka melainkan diserang olehnya. Dalam persoalan ini Al-Qur'an menghadapi mereka dengan logik mereka sendiri, dengan asas-asas pemikiran yang diterima mereka dan dengan realiti hidup mereka, dan di samping itu ia menghadapi mereka dengan mengemukakan akibat-akibat yang diterima oleh umat-umat purbakala yang mengambil sikap dan membuat dakwaan yang sama seperti mereka.

Mula-mula Al-Qur'an menggambar kekarutan dongeng itu dan sejauh mana kekufuran yang terang-terangan yang terkandung di dalam dakwaan mereka:

وَجَعَلُوا۟ لَهُۥ مِنْ عِبَادِهِۦ جُزْءًا ۚ إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَكَفُورٌ
مُّبِينٌ ﴿١٥﴾

"Dan mereka (kaum Musyrikin) telah menjadikan setengah dari hamba-hamba-Nya sebagai sebahagian dari Allah. Sesungguhnya manusia itu pengingkar ni'mat yang amat jelas."(15)

Dongeng Malaikat Sebagai Puteri-puteri Allah

Malaikat-malaikat itu adalah para hamba Allah. Perbuatan mendakwa malaikat sebagai puteri-puteri Allah bererti memisahkan mereka dari sifat kehambaan dalam perhubungan mereka dengan Allah Pencipta dan mengkhususkan mereka dengan sifat kehampiran yang istimewa dengan Allah, sedangkan setiap makhluk Allah itu adalah hamba-Nya yang mempunyai sifat kehambaan tulen belaka, oleh itu dakwaan orang-orang yang mengatakan malaikat itu puteri Allah merupakan satu kekufuran yang amat terang:

إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَكَفُورٌ مُّبِينٌ ﴿١٥﴾

"Sesungguhnya manusia itu pengingkar ni'mat yang amat jelas."(15)

Kemudian Al-Qur'an menghujah mereka dengan menggunakan logik dan adat tradisi mereka serta mempersendakan dakwaan mereka yang karut bahawa malaikat dari jenis perempuan dan mereka adalah puteri-puteri Allah:

أَمِ ٱتَّخَذَ مِمَّا يَخْلُقُ بَنَاتٍ وَأَصْفَىٰكُم بِٱلْبَنِينَ ﴿١٦﴾

"Apakah patut bagi Allah mengambil makhluk yang diciptakan-Nya sebagai puteri-puteri-Nya dan memilih putera-putera untuk kamu."(16)

Jika Allah S.W.T. mempunyai anak-anak, maka mengapa pula dia memilih anak-anak perempuan untuk-Nya dan memilih anak-anak lelaki untuk mereka. Adakah wajar mereka mendakwa begitu sedangkan mereka sendiri tidak sudi mendapat anak perempuan dan merasa sedih apabila mendapatnya:

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِمَا ضَرَبَ لِلرَّحْمَٰنِ مَثَلًا ظَلَّ
وَجْهُهُۥ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ ﴿١٧﴾

"Dan apabila salah seorang dari mereka disampaikan berita mendapat anak perempuan yang ia jadikannya setanding dengan Allah Yang Maha Penyayang nescaya wajahnya menjadi hitam muram dan dia penuh marah dan sedih."(17)

Bukankah mengikut peraturan adab sopan, mereka tidak sepatutnya menghubungkan anak perempuan itu kepada Allah, kerana mereka sendiri merasa sedih apabila diberitahu mereka mendapat anak perempuan sehingga muka mereka menjadi begitu muram kerana memendam perasaan dukacita dan marah? Bukankah mengikut peraturan adab sopan, sepatutnya mereka tidak mengkhususkan anak-anak perempuan itu untuk Allah, kerana anak-anak perempuan itu biasanya dibesarkan dalam perhiasan dan dalam suasana permanjaan dan lemah lembut dan mereka tidak berupaya untuk berdebat dan berperang, sedangkan mereka (kaum Musyrikin) berbangga di dalam masyarakat mereka dengan para pahlawan lelaki yang berani dan petah berbicara.

Al-Qur'an mencabar mereka dalam persoalan ini dengan logik mereka dan membuat mereka malu kerana memilih anak perempuan yang mereka bencikan itu sebagai puteri Allah. Tidakkah sepatutnya mereka memilih jenis anak yang mereka suka untuk dihubungkan kepada Allah jika mereka terpaksa berbuat demikian?

Kemudian Al-Qur'an menyerang mereka dan kepercayaan dongeng mereka dari segi yang lain pula, iaitu mereka mendakwa bahawa malaikat itu perempuan. Apakah asas dakwaan mereka?

وَجَعَلُوا۟ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ ٱلَّذِينَ هُمْ عِبَٰدُ ٱلرَّحْمَٰنِ إِنَٰثًا ۚ
أَشَهِدُوا۟ خَلْقَهُمْ ۚ سَتُكْتَبُ شَهَٰدَتُهُمْ وَيُسْـَٔلُونَ ﴿١٩﴾

"Dan mereka telah menjadikan para malaikat yang merupakan hamba-hamba Allah Yang Maha Penyayang itu sebagai jenis perempuan. Apakah mereka menyaksikan penciptaan mereka? Penyaksian mereka akan ditulis dan mereka kelak akan ditanya."(19)

Apakah mereka menyaksi sendiri penciptaan para malaikat itu hingga mereka tahu bahawa malaikat itu dari jenis perempuan? Melihat dengan mata kepala itu adalah suatu hujah dan bukti yang kuat yang sepatutnya menjadi asas pegangan mereka yang membuat dakwaan seperti itu. Walaupun mereka tidak mampu mendakwa bahawa mereka telah menyaksi sendiri penciptaan para malaikat itu, namun

mereka sanggup mengata dan mendakwakannya. Oleh itu hendaklah mereka memikul tanggungjawab penyaksian yang tidak dihadiri mereka:

سَتُكْتَبُ شَهَٰدَتُهُمْ وَيُسْـَٔلُونَ ﴿١٩﴾

".........Penyaksian mereka akan ditulis dan mereka kelak akan ditanya."(19)

Kemudian Al-Qur'an mengikuti pembohongan mereka yang mengemukakan alasan dan dalihan.

وَقَالُوا۟ لَوْ شَآءَ ٱلرَّحْمَٰنُ مَا عَبَدْنَٰهُم ۗ مَّا لَهُم بِذَٰلِكَ
مِنْ عِلْمٍ ۖ إِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿٢٠﴾

Dan mereka berkata: Andainya Allah Yang Maha Penyayang itu kehendaki nescaya kami tidak menyembah mereka (malaikat). Mereka tidak mempunyai pengetahuan sedikit pun tentang itu. Mereka tidak lain melainkan hanya berfikir secara meraba-raba belaka."(20)

Mereka cuba melarikan diri apabila dikepung hujah-hujah yang kuat dan apabila dongeng kepercayaan mereka runtuh di hadapan mereka. Mereka cuba meletakkannya pada kehendak iradat Allah dengan sangkaan bahawa Allah merestukan perbuatan mereka menyembah malaikat, dan andainya Allah tidak merestukannya tentulah dia tidak membolehkan mereka menyembahkannya dan tentulah dia melarang mereka dengan sekeras-kerasnya.

Tetapi anggapan ini telah memutarbelitkan hakikat yang sebenar. Memang benar bahawa segala sesuatu yang berlaku di alam ini adalah berlaku mengikut kehendak iradat Allah, tetapi salah satu dari kehendak iradat Allah juga ialah Dia mengurniakan kepada manusia daya kebolehan untuk memilih hidayat atau memilih, kesesatan, dan Dia mentaklifkan mereka supaya memilih hidayat yang, diredhai-Nya dan Dia tidak sekali-kali redha mereka memilih kekufuran dan kesesatan walaupun kehendak iradat-Nya telah menjadikan manusia itu boleh menerima hidayat atau kesesatan.

Apabila mereka meletakkan persoalan menyembah malaikat itu pada kehendak iradat Allah, maka bererti mereka telah berfikir secara membabi buta, kerana mereka sendiri tidak yakin bahawa Allah mahukan mereka menyembah malaikat. Dari mana mereka mendapat keyakinan, sedangkan:

مَّا لَهُم بِذَٰلِكَ مِنْ عِلْمٍ ۖ إِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿٢٠﴾

".....Mereka tidak mempunyai pengetahuan sedikit pun tentang itu. Mereka tidak lain melainkan hanya berfikir secara meraba-raba belaka."(20)

Mereka hanya mengikut prasangka-prasangka yang karut-marut sahaja:

أَمْ ءَاتَيْنَٰهُمْ كِتَٰبًا مِّن قَبْلِهِۦ فَهُم بِهِۦ مُسْتَمْسِكُونَ ﴿٢١﴾

"Atau apakah Kami telah memberi sebuah kitab kepada mereka sebelum Al-Qur'an lalu mereka berpegang dengannya?"(21)

Iaitu sebuah kitab yang dapat dijadikannya sebagai asas dakwaan dan perbuatan mereka menyembah malaikat dan seterusnya sebagai landasan hakikat-hakikat yang dipegang mereka dan sebagai dalil-dalil pandangan yang disenangi mereka.

Demikianlah Al-Qur'an menutup jalan mereka dari aspek ini dan menyarankan kepada mereka bahawa urusan 'aqidah tidak harus difikir secara meraba-raba dan membabi buta, malah ia harus diambil dari kitab suci yang diturunkan dari Allah yang dipegang oleh mereka yang menerimanya.

Penyakit Taklif Buta

Sampai di sini Al-Qur'an mendedahkan satu-satunya sandaran mereka dalam mempercayai dongeng-dongeng yang karut dan mempraktikkan ibadat yang batil yang tidak berasaskan sebarang kitab iaitu:

بَلْ قَالُوٓا۟ إِنَّا وَجَدْنَآ ءَابَآءَنَا عَلَىٰٓ أُمَّةٍ وَإِنَّا عَلَىٰٓ
ءَاثَٰرِهِم مُّهْتَدُونَ ﴿٢٢﴾

"Bahkan mereka berkata: Sesungguhnya kami dapati datuk nenek kami berpegang dengan satu agama, lalu kami sekalian mengikut jejak mereka."(22)

Ini adalah satu jawapan yang menimbulkan ejekan dan satu jawapan yang runtuh yang tidak berlandaskan sebarang kekuatan. Ia adalah satu jawapan yang membayangkan sikap pak turut dan bertaklid buta tanpa berfikir, tanpa alasan dan tanpa dalil. Ini adalah satu gambaran sikap yang keji sama dengan gambaran sekumpulan kambing yang berjalan mengikut ke mana sahaja ia ditonton. Ia tidak pernah bertanya ke mana ia akan pergi dan tidak pernah tahu batu-batu tanda jalan.

Islam sebagai satu agama pembebasan fikiran dan perasaan tidak membenarkan taklid yang hina itu dan tidak membenarkan mengikut nenek moyang untuk berbangga dengan amalan yang berdosa dan mengikut hawa nafsu, kerana sesuatu pegangan itu pastilah mempunyai alasan dan hujah, pastilah lebih dahulu difikir dan diteliti kemudian barulah dibuat pilihan yang didasarkan di atas kefahaman dan keyakinan.

Pada akhir pusingan ini Al-Qur'an menayang kepada mereka akibat yang diterima oleh kaum-kaum yang memberi jawapan yang sama seperti mereka dan mengikut jalan mereka dengan bertaklid buta, menolak dan mendustakan da'wah Rasul dan berdegil di atas kebatilan walaupun diberi penerangan yang jelas.

وَكَذَٰلِكَ مَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ فِى قَرْيَةٍ مِّن نَّذِيرٍ إِلَّا قَالَ
مُتْرَفُوهَآ إِنَّا وَجَدْنَآ ءَابَآءَنَا عَلَىٰٓ أُمَّةٍ وَإِنَّا عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِم
مُّقْتَدُونَ ﴿٢٣﴾

قَٰلَ أَوَلَوْ جِئْتُكُم بِأَهْدَىٰ مِمَّا وَجَدتُّمْ عَلَيْهِ
ءَابَآءَكُمْ ۖ قَالُوٓا۟ إِنَّا بِمَآ أُرْسِلْتُم بِهِۦ كَٰفِرُونَ ﴿٢٤﴾
فَٱنتَقَمْنَا مِنْهُمْ ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿٢٥﴾

"Dan demikianlah Kami tidak mengutuskan sebelum engkau seorang rasul yang memberi peringatan kepada sebuah negeri melainkan orang-orang yang hidup mewah di negeri itu berkata: Sesungguhnya kami dapati datuk nenek kami berpegang dengan satu agama, lalu kami sekalian mengikut jejak mereka (23). Lalu Rasul itu bertanya: Apakah kamu (akan terus mengikut mereka) sekalipun aku telah membawa kepada kamu satu agama yang lebih memberi hidayat kepada kamu dari agama yang kamu dapati dipegang oleh datuk nenek kamu? Jawab mereka: Sesungguhnya kami mengingkari agama yang kamu diutus untuk menyampaikannya (24). Kerana itu Kami balaskan keingkaran mereka, dan lihatlah bagaimana akibat yang telah menimpa para pendusta."(25)

Demikianlah ternyata bahawa tabi'at orang-orang yang menolak da'wah itu adalah sama sahaja dan hujah-hujah mereka juga sama iaitu:

إِنَّا وَجَدْنَآ ءَابَآءَنَا عَلَىٰٓ أُمَّةٍ وَإِنَّا عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِم
مُّقْتَدُونَ ﴿٢٣﴾

"Sesungguhnya kami dapati datuk nenek kami berpegang dengan satu agama, lalu kami sekalian mengikut jejak mereka."(23)

Kemudian hati mereka terus ditutup dengan taklid itu dan akal mereka tidak dapat memikirkan sesuatu yang baru walaupun lebih baik dan lebih berguna, dan walaupun dikuatkan dengan alasan dan dalil. Oleh sebab itu akibatnya yang wajar tidak lain melainkan kebinasaan dan keseksaan untuk menghancurkan tabi'at yang buruk, yang tidak mahu membuka matanya untuk melihat, tidak mahu membuka pintu hatinya untuk merasa dan tidak mahu membuka akal fikirannya untuk mendapat jalan yang terang.

Inilah akibat yang diterima oleh kaum-kaum yang ditayangkan kepada mereka supaya mereka mengetahui akibat jalan yang sedang diikuti mereka.

(Kumpulan ayat-ayat 26 - 56)

وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِيمُ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِۦٓ إِنَّنِى بَرَآءٌ مِّمَّا
تَعْبُدُونَ ﴿٢٦﴾
إِلَّا ٱلَّذِى فَطَرَنِى فَإِنَّهُۥ سَيَهْدِينِ ﴿٢٧﴾
وَجَعَلَهَا كَلِمَةًۢ بَاقِيَةً فِى عَقِبِهِۦ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٢٨﴾
بَلْ مَتَّعْتُ هَٰٓؤُلَآءِ وَءَابَآءَهُمْ حَتَّىٰ جَآءَهُمُ ٱلْحَقُّ وَرَسُولٌ
مُّبِينٌ ﴿٢٩﴾
وَلَمَّا جَآءَهُمُ ٱلْحَقُّ قَالُوا۟ هَٰذَا سِحْرٌ وَإِنَّا بِهِۦ كَٰفِرُونَ ﴿٣٠﴾
وَقَالُوا۟ لَوْلَا نُزِّلَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنَ ٱلْقَرْيَتَيْنِ
عَظِيمٍ ﴿٣١﴾
أَهُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَتَ رَبِّكَ ۚ نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُم مَّعِيشَتَهُمْ
فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ
لِّيَتَّخِذَ بَعْضُهُم بَعْضًا سُخْرِيًّا ۗ وَرَحْمَتُ رَبِّكَ خَيْرٌ
مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٣٢﴾
وَلَوْلَآ أَن يَكُونَ ٱلنَّاسُ أُمَّةً وَٰحِدَةً لَّجَعَلْنَا لِمَن
يَكْفُرُ بِٱلرَّحْمَٰنِ لِبُيُوتِهِمْ سُقُفًا مِّن فِضَّةٍ
وَمَعَارِجَ عَلَيْهَا يَظْهَرُونَ ﴿٣٣﴾
وَلِبُيُوتِهِمْ أَبْوَٰبًا وَسُرُرًا عَلَيْهَا يَتَّكِـُٔونَ ﴿٣٤﴾
وَزُخْرُفًا ۚ وَإِن كُلُّ ذَٰلِكَ لَمَّا مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ
وَٱلْءَاخِرَةُ عِندَ رَبِّكَ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٣٥﴾

"Dan kenangilah ketika Ibrahim berkata kepada bapanya dan kepada kaumnya: Sesungguhnya aku membersihkan diriku dari apa yang kamu sembah (26). Melainkan Tuhan yang telah menciptakanku, kerana sesungguhnya Dia akan memberi hidayat kepadaku (27). Dan dia (Ibrahim) telah menjadi kalimah tauhid itu kekal pada keturunannya supaya mereka kembali kepada Allah (28). Malah aku telah memberi keni'matan kepada mereka dan datuk nenek mereka sehingga datanglah kebenaran (Al-Qur'an) kepada mereka dan seorang rasul yang memberi penerangan yang jelas (29). Dan apabila kebenaran (Al-Qur'an) datang kepada mereka, mereka pun berkata: Ini adalah suatu sihir dan kami sekalian tetap mengingkarinya (30). Dan mereka berkata: Sepatutnya Al-Qur'an ini diturunkan kepada seorang pembesar dari salah satu dari dua negeri ini (Makkah dan Ta'if) (31). Apakah mereka yang (bertugas) membahagi-bahagikan rahmat Tuhanmu? Kamilah yang telah membahagi-bahagikan kehidupan mereka di antara mereka dalam hidup dunia ini, dan Kamilah yang telah mengangkatkan darjat-darjat setengah-setengah mereka mengatasi setengah-setengah yang lain supaya setengah mereka dapat mengambil setengah yang lain sebagai pekerja. Dan rahmat Tuhanmu itu adalah lebih baik dari apa yang dikumpulkan mereka (32). Dan jika tidak kerana menghindari manusia menjadi satu umat yang satu (dalam kekufuran) tentulah Kami jadikan untuk orang-orang yang ingkarkan Allah Yang Rahman bumbung-bumbung perak bagi rumah-rumah mereka dan tangga-tangga (emas) yang dinaiki mereka (33).

Dan pintu-pintu yang banyak bagi rumah-rumah mereka dan kerusi-kerusi untuk mereka bersandar di atasnya (34). Dan berbagai-bagai perhiasan. Dan semuanya itu hanyalah keni'matan dunia sahaja dan kehidupan Akhirat yang berada di sisi Tuhanmu itu adalah untuk orang-orang yang bertaqwa." (35).

وَمَن يَعْشُ عَن ذِكْرِ ٱلرَّحْمَٰنِ نُقَيِّضْ لَهُۥ شَيْطَٰنًا فَهُوَ لَهُۥ قَرِينٌ ﴿٣٦﴾

وَإِنَّهُمْ لَيَصُدُّونَهُمْ عَنِ ٱلسَّبِيلِ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٣٧﴾

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَنَا قَالَ يَٰلَيْتَ بَيْنِى وَبَيْنَكَ بُعْدَ ٱلْمَشْرِقَيْنِ فَبِئْسَ ٱلْقَرِينُ ﴿٣٨﴾

وَلَن يَنفَعَكُمُ ٱلْيَوْمَ إِذ ظَّلَمْتُمْ أَنَّكُمْ فِى ٱلْعَذَابِ مُشْتَرِكُونَ ﴿٣٩﴾

أَفَأَنتَ تُسْمِعُ ٱلصُّمَّ أَوْ تَهْدِى ٱلْعُمْىَ وَمَن كَانَ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٤٠﴾

فَإِمَّا نَذْهَبَنَّ بِكَ فَإِنَّا مِنْهُم مُّنتَقِمُونَ ﴿٤١﴾

أَوْ نُرِيَنَّكَ ٱلَّذِى وَعَدْنَٰهُمْ فَإِنَّا عَلَيْهِم مُّقْتَدِرُونَ ﴿٤٢﴾

فَٱسْتَمْسِكْ بِٱلَّذِىٓ أُوحِىَ إِلَيْكَ ۖ إِنَّكَ عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٤٣﴾

وَإِنَّهُۥ لَذِكْرٌ لَّكَ وَلِقَوْمِكَ ۖ وَسَوْفَ تُسْـَٔلُونَ ﴿٤٤﴾

وَسْـَٔلْ مَنْ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رُّسُلِنَآ أَجَعَلْنَا مِن دُونِ ٱلرَّحْمَٰنِ ءَالِهَةً يُعْبَدُونَ ﴿٤٥﴾

"Dan barang siapa yang buta dari mengingati Allah Yang Maha Penyayang nescaya Kami sediakan syaitan untuknya dan Dialah yang menjadi teman seiringannya (36). Dan sesungguhnya syaitan-syaitan inilah yang menghalangi mereka dari jalan yang benar, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka telah mendapat hidayat (37). Sehingga apabila dia (si kafir) itu datang kepada kami (pada hari Qiamat) dia akan berkata (kepada syaitan): Alangkah baiknya jika jarak di antara aku dengan engkau adalah sejauh di antara Timur dan Barat, itulah sejahat-jahat teman seiringan (38). Dan (harapan kamu itu) tidak akan berfaedah kepada kamu pada hari ini, kerana kamu telah menganiayai diri kamu sendiri dan kerana kamu (dan teman kamu) akan berkongsi di dalam 'azab keseksaan (39). Apakah engkau dapat menjadikan si pekak itu mendengar atau dapat memberi hidayat kepada si buta dan kepada orang-orang yang berada di dalam kesesatan yang nyata? (40) Andainya Kami wafatkan engkau (sebelum sempat engkau melihat balasan Kami terhadap mereka), maka Kami tetap menyeksakan mereka (41). Atau andainya Kami memperlihatkan 'azab yang Kami janjikan kepada mereka, maka Kami tetap menguasai mereka (42). Oleh itu berpeganglah dengan Al-Qur'an yang telah diwahyukan kepadamu. Sesungguh engkau berada di atas jalan yang lurus (43). Dan sesungguhnya Al-Qur'an merupakan peringatan kepadamu dan kepada kaummu, dan kamu sekalian kelak akan ditanya (44). Dan tanyakanlah para rasul Kami yang telah Kami utuskan sebelum engkau, apakah Kami jadikan selain dari Allah Yang Maha Penyayang tuhan-tuhan lain yang disembah mereka?" (45)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَإِي۟هِۦ فَقَالَ إِنِّى رَسُولُ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٤٦﴾

فَلَمَّا جَآءَهُم بِـَٔايَٰتِنَآ إِذَا هُم مِّنْهَا يَضْحَكُونَ ﴿٤٧﴾

وَمَا نُرِيهِم مِّنْ ءَايَةٍ إِلَّا هِىَ أَكْبَرُ مِنْ أُخْتِهَا ۖ وَأَخَذْنَٰهُم بِٱلْعَذَابِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤٨﴾

وَقَالُوا۟ يَٰٓأَيُّهَ ٱلسَّاحِرُ ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ بِمَا عَهِدَ عِندَكَ إِنَّنَا لَمُهْتَدُونَ ﴿٤٩﴾

فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُمُ ٱلْعَذَابَ إِذَا هُمْ يَنكُثُونَ ﴿٥٠﴾

وَنَادَىٰ فِرْعَوْنُ فِى قَوْمِهِۦ قَالَ يَٰقَوْمِ أَلَيْسَ لِى مُلْكُ مِصْرَ وَهَٰذِهِ ٱلْأَنْهَٰرُ تَجْرِى مِن تَحْتِىٓ ۖ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٥١﴾

أَمْ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْ هَٰذَا ٱلَّذِى هُوَ مَهِينٌ وَلَا يَكَادُ يُبِينُ ﴿٥٢﴾

فَلَوْلَآ أُلْقِىَ عَلَيْهِ أَسْوِرَةٌ مِّن ذَهَبٍ أَوْ جَآءَ مَعَهُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مُقْتَرِنِينَ ﴿٥٣﴾

فَٱسْتَخَفَّ قَوْمَهُۥ فَأَطَاعُوهُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَٰسِقِينَ ﴿٥٤﴾

فَلَمَّآ ءَاسَفُونَا ٱنتَقَمْنَا مِنْهُمْ فَأَغْرَقْنَٰهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥٥﴾

فَجَعَلْنَٰهُمْ سَلَفًا وَمَثَلًا لِّلْءَاخِرِينَ ﴿٥٦﴾

"Dan sesungguhnya Kami utuskan Musa membawa mu'jizat-mu'jizat Kami kepada Fir'aun dan pembesar-pembesar kaumnya, lalu ia berkata: Sesungguhnya aku adalah utusan Tuhan semesta alam (46). Dan apabila Dia datang kepada mereka membawa mu'jizat-mu'jizat Kami, tiba-tiba mereka ketawakannya (47). Dan Kami tidak memperlihatkan sesuatu mu'jizat 'azab kepada mereka melainkan ianya lebih besar dari mu'jizat 'azab sebelumnya, dan Kami timpakan 'azab ke atas mereka supaya mereka pulang (ke jalan yang benar) (48). Dan mereka berkata: Wahai tukang sihir! Do'akanlah kepada Tuhanmu untuk keselamatan kami dengan janji yang telah diberikan kepadamu. Sesungguhnya kami tetap akan menjadi orang-orang yang menerima petunjuk (49).Dan apabila Kami angkatkan 'azab itu dari mereka tiba-tiba mereka mungkir (50). Dan Fir'aun berseru kepada kaumnya dengan katanya: Wahai kaumku! Bukankah kerajaan Mesir ini kepunyaanku dan bukankah sungai-sungai ini mengalir di bawah istanaku, tidakkah kamu sekalian melihat? (51) Bukankah aku lebih baik dari orang yang hina ini, yang hampir-hampir tidak mampu menyebutkan perkataan-perkataannya dengan jelas? (52) Sepatutnya dicampakkan kepadanya gelang-gelang emas atau datang bersama-samanya malaikat-malaikat sebagai pengiringnya (53). Lalu Fir'aun memperbodohkan kaumnya dan mereka pun patuh kepadanya. Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang fasiq (54). Apabila mereka menimbulkan kemurkaan Kami, maka Kami seksakan mereka dan Kami tenggelamkan seluruh mereka (55). Dan Kami jadikan mereka ikutan dan contoh teladan kepada orang-orang yang kemudian."(56)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Kaum Quraysy mendakwa bahawa mereka adalah dari zuriat Nabi Ibrahim a.s dan dakwaan ini adalah benar. Mereka juga mendakwa berpegang dengan agama Ibrahim, tetapi dakwaan ini adalah tidak benar, kerana Nabi Ibrahim a.s. telah mengumumkan agama tauhid itu dengan begitu kuat dan jelas, tiada sebarang kekeliruan dan kesamaran. Kerana agama tauhid inilah Ibrahim sanggup berpisah dengan bapa dan kaumnya setelah menghadapi percubaan membunuh dan membakarnya. Dan di atas agama tauhid inilah ditegakkan syari'atnya dan agama inilah yang diwasiatkan beliau kepada anak-anak cucunya. Tiada setompok bayang dan tiada seurat benang syirik pun di dalam agama ini.

Di dalam pusingan ini Al-Qur'an mengembalikan mereka kepada hakikat sejarah supaya mereka menyemakkan dakwaan mereka berdasar hakikat ini. Kemudian Al-Qur'an mengisahkan bangkangan mereka terhadap kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. dengan menyebutkan perkataan mereka:

وَقَالُواْ لَوْلَا نُزِّلَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنَ ٱلْقَرْيَتَيْنِ عَظِيمٍ ﴿٣١﴾

"Dan mereka berkata: Sepatutnya Al-Qur'an ini diturunkan kepada seorang pembesar dari salah satu dari dua negeri ini (Makkah dan Ta'if)."(31)

Al-Qur'an mengkritik perkataan mereka yang salah itu. Mereka telah tersasul dalam menentukan nilai-nilai sejati yang menjadi landasan hidup yang ditegakkan Allah di atasnya dan nilai-nilai palsu yang menghalangi mereka dari kebenaran dan hidayat. Dan selepas menjelaskan hakikat persoalan ini, Al-Qur'an menunjukkan kepada, mereka akibat yang telah menimpa orang-orang yang menolak pengajaran Allah setelah diterangkan sebab kebutaan mereka yang berpunca dari bisikan syaitan. Dan pada akhir pelajaran ini, Al-Qur'an berpaling pula kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghibur dan menyenangkan hati beliau kerana da'wahnya telah ditolak oleh kaum Musyrikin yang buta mata hati itu. Beliau tidak berkuasa memberi hidayat kepada si buta dan tidak berkuasa menjadikan si pekak mendengar. Orang-orang yang kafir itu akan melihat balasan mereka sama ada mereka sempat melihat kemurkaan Allah atau Allah tangguhkan balasan itu. Kemudian Al-Qur'an mengarah Nabi s.a.w. supaya berpegang teguh dengan Al-Qur'an yang diwahyukan kepadanya, kerana wahyu itu benar dan ia dibawakan semua Rasul, kerana seluruh mereka membawa agama tauhid:

وَسْـَٔلْ مَنْ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رُّسُلِنَآ أَجَعَلْنَا مِن دُونِ ٱلرَّحْمَٰنِ ءَالِهَةً يُعْبَدُونَ ﴿٤٥﴾

"Dan tanyakanlah para rasul Kami yang telah Kami utuskan sebelum engkau, apakah Kami jadikan selain dari Allah Yang Maha Penyayang tuhan-tuhan lain yang disembah mereka?"(45)

Kemudian Al-Qur'an mengisahkan satu babak dari kisah Musa a.s, iaitu babak yang menggambarkan kejadian yang sama yang berlaku kepada orang-orang Arab bersama Rasul mereka. Kejadian itu seolah-olah merupakan cetakan ulangan yang merakamkan bangkangan-bangkangan yang sama dengan bangkangan-bangkangan yang dikemukakan kaum Musyrikin Arab itu. Babak itu juga memerikan kebanggaan Fir'aun dan pembesar-pembesarnya dengan nilai yang sama dengan nilai yang dibangga-banggakan oleh kaum Musyrikin.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 35)

وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِيمُ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِۦٓ إِنَّنِى بَرَآءٌ مِّمَّا تَعْبُدُونَ ﴿٢٦﴾

إِلَّا ٱلَّذِى فَطَرَنِى فَإِنَّهُۥ سَيَهْدِينِ ﴿٢٧﴾

"Dan kenangilah ketika Ibrahim berkata kepada bapanya dan kepada kaumnya: Sesungguhnya aku membersihkan diriku dari apa yang kamu sembah (26). Melainkan Tuhan yang telah menciptakanku, kerana sesungguhnya Dia akan memberi hidayat kepadaku."(27)

Penemuan 'Aqidah Tauhid Oleh Nabi Ibrahim a.s.

Da'wah tauhid yang ditolak oleh kaum Musyrikin itu ialah da'wah moyang mereka Ibrahim a.s. Itulah da'wah beliau yang dihadapkan kepada bapanya dan

kepada kaumnya, dan dengan da'wah inilah beliau menentang 'aqidah mereka yang batil. Beliau tidak hanyut di belakang ibadat-ibadat mereka yang diwarisi turun temurun. Dan beliau tidak berpegang dengan 'aqidah itu kerana semata-mata mendapati bapa dan kaumnya berpegang dengannya, malah beliau berterus-terang dengan mereka sewaktu mengumumkan bahawa beliau secara mutlak berlepas diri dari 'aqidah mereka. Beliau mengumumkan dengan kata-kata yang jelas dan terus-terang sebagaimana diceritakan oleh Al-Qur'an:

إِنَّنِي بَرَآءٌ مِّمَّا تَعۡبُدُونَ ٢٦

"........ Sesungguhnya aku membersihkan diriku dari apa yang kamu sembah."(26)

إِلَّا ٱلَّذِي فَطَرَنِي فَإِنَّهُۥ سَيَهۡدِينِ ٢٧

"Melainkan Tuhan yang telah menciptakanku, kerana sesungguhnya Dia akan memberi hidayat kepadaku."(27)

Dari percakapan Nabi Ibrahim a.s. yang membersihkan dirinya dari tuhan-tuhan yang disembah oleh kaumnya kecuali Allah yang menciptakannya ternyata bahawa mereka tidak mengingkarkan kewujudan Allah, malah mereka mempersekutukan Allah dan menyembah tuhan-tuhan yang lain di samping Allah. Beliau membersihkan dirinya dari tuhan-tuhan yang disembah mereka dan beliau kecualikan Allah dan menyifatkan-Nya dengan sifat-Nya yang wajar disembah, iaitu Allah telah menciptakannya dan kerana itu Dialah yang layak disembah. Beliau juga telah menyatakan keyakinannya bahawa Allah akan memberi hidayat kepadanya dengan alasan kerana Dialah yang menciptakannya dengan tujuan untuk memberi hidayat kepadanya dan kerana itu Dia lebih mengetahui bagaimana hendak memberi hidayat kepadanya.

Ibrahim telah memperjuangkan kalimat tauhid yang menjadi landasan hidup manusia dan disaksikan seluruh alam al-wujud:

وَجَعَلَهَا كَلِمَةَۢ بَاقِيَةٗ فِي عَقِبِهِۦ لَعَلَّهُمۡ يَرۡجِعُونَ ٢٨

"Dan dia (Ibrahim) telah menjadikan kalimat tauhid itu kekal pada keturunannya supaya mereka kembali kepada Allah."(28)

Nabi Ibrahim a.s. telah mengambil bahagian yang paling besar dalam menegakkan kalimat tauhid di bumi ini dan menyampaikannya kepada generasi-generasi kemudiannya melalui zuriat keturunannya. Kalimat tauhid ini telah diperjuangkan oleh rasul-rasul dari anak-anak cucunya dan di antaranya ialah tiga Rasul Ulul-Azmi iaitu Musa, 'Isa dan Muhammad selaku penamat sekalian Rasul 'alaihimu salawatullah wasalamuhu. Dan pada hari ini setelah berlalunya puluhan kurun terdapat lebih dari seribu juta pengikut agama-agama besar yang berpegang dengan kalimat tauhid yang diperjuangkan oleh moyang mereka Nabi Allah Ibrahim as. Dialah yang telah menjadikan kalimat tauhid ini kekal dalam keturunannya. Walaupun di antara mereka ada yang sesat dan menyeleweng darinya, namun kalimat itu tetap kekal tidak hilang, teguh tidak bergoncang dan terang tidak dapat dikelirukan oleh kebatilan.

لَعَلَّهُمۡ يَرۡجِعُونَ ٢٨

"............ Supaya mereka kembali kepada Allah."(28)

Yakni kembali kepada Allah yang telah menciptakan mereka supaya mereka mengenali-Nya dan beribadat kepada-Nya dan kembali kepada agama benar yang tunggal supaya mereka memahami dan mematuhinya.

Umat manusia pernah mengetahui kalimat tauhid ini sebelum Nabi Ibrahim a.s. lagi, tetapi kalimat ini tidak bertapak kukuh di bumi ini melainkan selepasi Ibrahim. Mereka telah mengenali kalimat ini di atas lidah Nuh, Hud, Soleh dan mungkin Idris dan lainnya dari rasul-rasul yang tidak mempunyai zuriat keturunan yang bersambung-sambung yang berpegang dengan kalimat itu dan hidup dengannya serta berjuang kerananya. Apabila umat manusia mengenali kalimat ini di atas lidah Ibrahim, maka ia terus bersambung-sambung pada zuriat keturunannya, dan selepas beliau bangkit pula para rasul memperjuangkannya. Mereka bangkit bersambung-sambung tidak putus-putus hingga akhirnya sampai kepada anak cucunya yang akhir dari keturunan Ismail iaitu Nabi Muhammad s.a.w. penamat sekalian Rasul. Beliaulah anak cucu-nya yang paling mirip rupa parasnya dengan Nabi Ibrahim.[1] Beliaulah pejuang kalimat tauhid dalam gambarannya yang akhir dan sempurna yang menjadikan seluruh hidup manusia berlegar di sekitar kalimat ini dan menjadikan kalimat ini mempunyai pengaruh dan kesannya dalam setiap kegiatan dan pemikiran manusia.

Inilah kisah tauhid sejak lahirnya moyang mereka Ibrahim yang mereka hubungkan keturunan mereka dengannya. Dan inilah kalimat tauhid yang dijadikan Ibrahim kekal di dalam keturunannya. Inilah kalimat yang datang kepada generasi manusia di atas lidah seorang dari keturunan Ibrahim. Kini bagaimana pula kalimat ini disambut oleh orang-orang Arab yang mengaku mempunyai hubungan dengan Ibrahim dan mengikut agama Ibrahim?

Mereka telah dilalui zaman yang begitu jauh. Mereka telah dikurniakan keni'matan oleh Allah generasi demi generasi, dan oleh kerana terlalu lama

---

1 *Dari Jabir dari Rasulullah s. a. w. sabdanya: "Telah ditunjukkan kepadaku para Nabi dan aku dapati Musa a.s. seorang lelaki yang sukar ditanding. Ia seolah-olah mirip dengan lelaki qabilah Syanu'ah. Aku melihat 'Isa putera Maryam a.s. dan aku dapati rupa parasnya mirip dengan 'Urwah ibn Mas'ud dan aku melihat Ibrahim a.s. dan tiba-tiba aku dapati rupa parasnya mirip dengan rupa paras sahabat kamu." (Beliau maksudkan dengan sahabat kamu itu ialah dirinya sendiri yang beliau sifatkannya sebagai sahabat dan teman kepada mereka).*

mereka lupa kepada agama Ibrahim dan akhirnya kalimat tauhid menjadi sesuatu yang asing dan tidak dikenali mereka dan mereka telah menyambut Rasul yang memperjuangkan kalimat ini dengan sambutan yang amat buruk. Mereka menilaikan agama samawi ini dengan ukuran-ukuran bumi menyebabkan segala neraca pertimbangan mereka meleset dan tidak betul:

بَلْ مَتَّعْتُ هَٰٓؤُلَآءِ وَءَابَآءَهُمْ حَتَّىٰ جَآءَهُمُ ٱلْحَقُّ وَرَسُولٌ
مُّبِينٌ ٢٩
وَلَمَّا جَآءَهُمُ ٱلْحَقُّ قَالُوا۟ هَٰذَا سِحْرٌ وَإِنَّا بِهِۦ كَٰفِرُونَ ٣٠
وَقَالُوا۟ لَوْلَا نُزِّلَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنَ ٱلْقَرْيَتَيْنِ
عَظِيمٍ ٣١
أَهُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَتَ رَبِّكَ ۚ نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُم مَّعِيشَتَهُمْ
فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ
لِّيَتَّخِذَ بَعْضُهُم بَعْضًا سُخْرِيًّا ۗ وَرَحْمَتُ رَبِّكَ خَيْرٌ
مِّمَّا يَجْمَعُونَ ٣٢
وَلَوْلَآ أَن يَكُونَ ٱلنَّاسُ أُمَّةً وَٰحِدَةً لَّجَعَلْنَا لِمَن
يَكْفُرُ بِٱلرَّحْمَٰنِ لِبُيُوتِهِمْ سُقُفًا مِّن فِضَّةٍ
وَمَعَارِجَ عَلَيْهَا يَظْهَرُونَ ٣٣
وَلِبُيُوتِهِمْ أَبْوَٰبًا وَسُرُرًا عَلَيْهَا يَتَّكِـُٔونَ ٣٤
وَزُخْرُفًا ۚ وَإِن كُلُّ ذَٰلِكَ لَمَّا مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ
وَٱلْءَاخِرَةُ عِندَ رَبِّكَ لِلْمُتَّقِينَ ٣٥

"Malah aku telah memberi keni'matan kepada mereka dan datuk nenek mereka sehingga datanglah kebenaran (Al-Qur'an) kepada mereka dan seorang rasul yang memberi penerangan yang jelas (29). Dan apabila kebenaran (Al-Qur'an) datang kepada mereka, mereka pun berkata: Ini adalah suatu sihir dan kami sekalian tetap mengingkarinya (30). Dan mereka berkata: Sepatutnya Al-Qur'an ini diturunkan kepada seorang pembesar dari salah satu dari dua negeri ini (Makkah dan Ta'if) (31). Apakah mereka yang (bertugas) membahagi-bahagikan rahmat Tuhanmu? Kamilah yang telah membahagi-bahagikan kehidupan mereka di antara mereka dalam hidup dunia ini, dan Kamilah yang telah mengangkatkan darjat-darjat setengah-setengah mereka mengatasi setengah-setengah yang lain supaya setengah mereka dapat mengambil setengah yang lain sebagai pekerja. Dan rahmat Tuhanmu itu adalah lebih baik dari apa yang dikumpulkan mereka (32). Dan jika tidak kerana menghindari manusia menjadi satu umat yang satu (dalam kekufuran) tentulah Kami jadikan untuk orang-orang yang ingkarkan Allah Yang Rahman bumbung-bumbung perak bagi rumah-rumah mereka dan tangga-tangga (emas) yang dinaiki mereka (33). Dan pintu-pintu yang banyak bagi rumah-rumah mereka dan kerusi-kerusi untuk mereka bersandar di atasnya (34). Dan berbagai-bagai perhiasan. Dan semuanya itu hanyalah keni'matan dunia sahaja dan kehidupan Akhirat yang berada di sisi Tuhanmu itu adalah untuk orang-orang yang bertaqwa."(35)

Ayat ini mengalihkan pembicaraannya dari cerita Ibrahim kepada pembicaraan dengan kaum Musyrikin yang hadir:

بَلْ مَتَّعْتُ هَٰٓؤُلَآءِ وَءَابَآءَهُمْ حَتَّىٰ جَآءَهُمُ ٱلْحَقُّ وَرَسُولٌ
مُّبِينٌ ٢٩

"Malah aku telah memberi keni'matan kepada mereka dan datuk nenek mereka sehingga datanglah kebenaran (Al-Qur'an) kepada mereka dan seorang rasul yang memberi penerangan yang jelas."(29)

Dengan pengalihan pembicaraan ini seolah-olah Al-Qur'an berkata: Marilah kita tinggalkan cerita Ibrahim kerana dia tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan mereka, dan marilah kita berbicara mengenai kaum Musyrikin yang tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan Ibrahim. Sebenarnya mereka dan datuk nenek mereka telah dikurniakan keni'matan-keni'matan dan telah dipanjangkan masa keturunan mereka sehingga datangnya agama yang benar yang terkandung di dalam Al-Qur'an dan datangnya seorang rasul memberi penerangan yang jelas dan menawarkan agama yang benar ini dengan terang dan nyata.

وَلَمَّا جَآءَهُمُ ٱلْحَقُّ قَالُوا۟ هَٰذَا سِحْرٌ وَإِنَّا بِهِۦ كَٰفِرُونَ ٣٠

"Dan apabila kebenaran (Al-Qur'an) datang kepada mereka, mereka pun berkata: Ini adalah suatu sihir dan kami sekalian tetap mengingkarinya."(30)

Al-Qur'an yang benar itu tidak bercampuraduk dengan sihir kerana Al-Qur'an itu jelas dan terang. Itu hanya dakwaan semata-mata dan merekalah orang yang pertama mengetahui kebatilannya. Pembesar-pembesar Quraysy itu memang tahu bahawa Al-Qur'an itu benar, tetapi mereka hanya menipu orang ramai di belakang mereka lalu menuduh Al-Qur'an sebagai sihir dan mereka mengisytiharkan kekufuran mereka dan berkata tegas:

وَإِنَّا بِهِۦ كَٰفِرُونَ ٣٠

"Kami sekalian tetap mengingkarinya"(30)

dengan tujuan untuk meyakinkan orang ramai bahawa apa yang dikatakan mereka adalah benar dan dengan itu orang ramai terus mengikut mereka melalui pengaruh saranan dan mengikut tindak-tanduk mereka, samalah dengan para pembesar dari semua kaum yang menipu orang ramai kerana takut orang ramai terlepas dari pengaruh mereka dan

beriman kepada agama tauhid yang akan menggugurkan seluruh mereka, di mana tiada yang disembah dan ditakuti melainkan hanya Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar sahaja.

Kemudian Al-Qur'an mengisahkan perbuatan mereka yang mencampuradukkan nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan apabila mereka membantah pemilihan Allah yang telah memilih Muhammad s.a.w. sebagai Rasul-Nya untuk membawa kebenaran dan nur kepada mereka:

وَقَالُوا۟ لَوْلَا نُزِّلَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنَ ٱلْقَرْيَتَيْنِ عَظِيمٍ ﴿٣١﴾

"Dan mereka berkata: Sepatutnya Al-Qur'an ini diturunkan kepada seorang pembesar dari salah satu dari dua negeri ini (Makkah dan Ta'if)."(31)

Bantahan Kaum Musyrikin Terhadap Pemilihan Nabi Muhammad s.a.w. Sebagai Rasul Berdasarkan Neraca Pertimbangan Mereka

Mereka maksudkan dua negeri itu ialah Makkah dan Ta'if Rasulullah s.a.w. adalah dari suku Quraysy yang terkemuka dan dari keluarga Bani Hasyim yang terkemuka. Mereka adalah golongan orang-orang Arab yang mulia. Rasulullah s.a.w. juga terkenal dengan akhlak-akhlaknya yang mulia di dalam masyarakatnya sebelum dibangkitkan menjadi Rasul, tetapi beliau bukan pemimpin qabilah dan bukan ketua suku dalam masyarakat yang amat berbangga dengan nilai-nilai kebesaran suku. Inilah yang dimaksudkan oleh orang-orang yang berkata:

لَوْلَا نُزِّلَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنَ ٱلْقَرْيَتَيْنِ عَظِيمٍ ﴿٣١﴾

"........... Sepatutnya Al-Qur'an ini diturunkan kepada seorang pembesar dari salah satu dari dua negeri ini (Makkah dan Ta'if)."(31)

Allah lebih mengetahui di manakah hendak meletakkan risalah-Nya. Dia memilih tokoh yang layak untuk memikul risalah itu. Mungkin Allah S.W.T. tidak menghendaki untuk menjadikan risalah ini bersandar kepada sandaran yang berada di luar tabi'atnya, atau bersandar kepada kekuatan yang berada di luar hakikatnya. Oleh kerana itu Allah memilih seorang lelaki yang keistimewaannya adalah terletak pada akhlaknya yang mulia yang merupakan sifat dan tabi'at dari da'wah ini..... Dan sifatnya yang paling nyata ialah keikhlasan yang merupakan hakikat dari da'wah ini. Allah tidak memilih pemimpin qabilah dan tidak pula ketua suku, tidak pula orang yang berpangkat dan tidak pula seorang hartawan untuk menjadi Rasul supaya tidak ada mana-mana nilai bumi bercampuraduk dengan da'wah yang turun dari langit itu dan supaya da'wah itu tidak terhias dengan mana-mana hiasan bumi yang bukan dari hakikat da'wah, dan supaya di sana tidak ada mana-mana pengaruh luar yang menemani da'wah dan seterusnya supaya da'wah tidak dimasuki si tamak dan tidak ditolak oleh orang yang berhati suci.

Tetapi kaum Musyrikin yang terpengaruh dengan keni'matan dunia dan tidak memahami tabi'at da'wah samawi itu terus membantah:

لَوْلَا نُزِّلَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنَ ٱلْقَرْيَتَيْنِ عَظِيمٍ ﴿٣١﴾

"......... Sepatutnya Al-Qur'an ini diturunkan kepada seorang pembesar dari salah satu dari dua negeri ini (Makkah dan Ta'if)."(31)

Al-Qur'an memberi jawapan mengecam bantahan mereka terhadap rahmat Allah yang telah memilih Rasul-Nya dari hamba-hamba-Nya yang dikehendaki oleh-Nya, juga mengecam perbuatan mereka yang telah mencampuradukkan di antara nilai-nilai bumi dan nilai-nilai langit sambil menerangkan kepada mereka hakikat nilai-nilai yang dibanggakan mereka dan mutunya yang sebenar di dalam neraca pertimbangan Allah:

أَهُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَتَ رَبِّكَ ۚ نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُم مَّعِيشَتَهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ لِّيَتَّخِذَ بَعْضُهُم بَعْضًا سُخْرِيًّا ۗ وَرَحْمَتُ رَبِّكَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٣٢﴾

"Apakah mereka yang (bertugas) membahagi-bahagikan rahmat Tuhanmu? Kamilah yang telah membahagi-bahagikan kehidupan mereka di antara mereka dalam hidup dunia ini, dan Kamilah yang telah mengangkatkan darjat-darjat setengah-setengah mereka mengatasi setengah-setengah yang lain supaya setengah mereka dapat mengambil setengah yang lain sebagai pekerja. Dan rahmat Tuhanmu itu adalah lebih baik dari apa yang dikumpulkan mereka."(32)

Apakah mereka pula yang membahagikan rahmat Tuhanmu? Sungguh aneh! Apa kena mengena mereka dengan rahmat Tuhanmu? Sedangkan mereka tidak memiliki sesuatu apa untuk diri mereka dan tidak berkuasa mengadakan rezeki untuk diri mereka hinggakan rezeki hidup di dunia,yang sedikit ini pun. Kamilah yang mengurniakan kepada mereka. Kamilah yang membahagi-bahagikannya di antara mereka mengikut kebijaksanaan dan perencanaan Kami untuk memakmurkan bumi ini dan menyuburkan kehidupan.

نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُم مَّعِيشَتَهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ لِّيَتَّخِذَ بَعْضُهُم بَعْضًا سُخْرِيًّا ۗ

"........... Kamilah yang telah membahagi-bahagikan kehidupan mereka di antara mereka dalam hidup dunia ini, dan Kamilah yang telah mengangkatkan darjat-darjat setengah-setengah mereka mengatasi setengah-setengah yang lain supaya setengah mereka dapat mengambil setengah yang lain sebagai pekerja."(32)

Pengagihan Rezeki Yang Tidak Sama Dalam Kehidupan Dunia

Rezeki dalam kehidupan dunia ini adalah mengikut bakat-bakat kebolehan individu-individu masing-masing, juga mengikut suasana-suasana hidup dan hubungan-hubungan di dalam masyarakat. Nisbah agihan pendapatan di antara individu-individu dan kelompok-kelompok itu adalah bergantung kepada faktor-faktor tersebut yang berlain-lainan dari satu alam sekitar ke satu alam sekitar, dari satu masa ke satu masa, dari satu masyarakat ke satu masyarakat mengikut sistem hidup masing-masing serta hubungan-hubungan dan suasana-suasana umum seluruhnya. Tetapi sifat yang kekal dalam pendapatan yang tidak pernah berubah selama-lamanya walaupun di dalam masyarakat-masyarakat bikinan yang diperintah dengan berbagai-bagai ideologi yang terpimpin yang mengawal pengeluaran dan pengagihan pendapatan ialah kadar pendapatan itu adalah tetap berbeza-beza dan tidak sama di antara individu-individu.

Sebab-sebab perbezaan dan ketidaksamaan itu adalah berlain-lainan mengikut kelainan masyarakat, sistem dan peraturan-peraturannya, tetapi sifat ketidaksamaan atau berlain-lainan kadar pendapatan itu tetap selama-lamanya wujud dan tidak pernah berlaku satu hari pun, walaupun di dalam masyarakat-masyarakat bikinan yang diperintah dengan ideologi-ideologi yang terpimpin (seperti komunisme), bahawa seluruh individu itu dapat mencapai kadar pendapatan yang sama.

وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ

"......... Kamilah yang telah mengangkatkan darjat-darjat setengah-setengah mereka mengatasi setengah-setengah yang lain."(32)

Hikmat dari perbezaan pendapatan rezeki yang dapat diperhatikan di setiap zaman dan di setiap alam sekitar dan di setiap masyarakat ialah:

لِّيَتَّخِذَ بَعْضُهُم بَعْضًا سُخْرِيًّا

"........ Supaya setengah mereka dapat mengambil setengah yang lain sebagai pekerja."(32)

Yakni supaya kamu dapat mempergunakan satu sama lain. Putaran roda kehidupan mempastikan adanya setengah-setengah manusia mempergunakan setengah yang lain, tetapi ini bukan bererti satu golongan menindas atau menguasai golongan yang lain atau satu individu menindas dan menguasai individu yang lain. Tidak sekali-kali begitu! Kerana pengertian seperti itu amat dangkal dan dungu tidak sejajar dengan firman Ilahi yang kekal. Maksud dan pengertian firman ini adalah lebih kekal dari segala perubahan atau perkembangan yang berlaku di dalam kedudukan kelompok-kelompok manusia dan lebih jauh jangkauannya dari sesuatu keadaan yang berlalu dan dari sesuatu keadaan yang mendatang. Seluruh manusia mempergunakan satu sama lain dan roda kehidupan itu berputar dengan semua orang dan mempergunakan satu sama lain dalam setiap keadaan dan situasi. Orang yang mempunyai pendapatan yang kecil dipergunakan oleh orang yang mempunyai pendapatan yang besar dan demikianlah juga sebaliknya. Orang yang mempunyai pendapatan yang besar ini dipergunakan supaya ia mengumpul kekayaan dan dari kekayaan ini ia menyarakan hidupnya dan melabur mencari rezeki dan kedua-duanya mempergunakan satu sama lain. Perbezaan dalam pendapatan rezeki inilah yang menyebabkan manusia mempergunakan satu sama lain dalam roda pusingan hidup. Buruh dipergunakan untuk melaksanakan kerja jurutera dan majikan, sedangkan jurutera juga dipergunakan untuk kepentingan buruh dan majikan dan dalam satu waktu majikan juga dipergunakan untuk kepentingan jurutera dan buruh. Semua mereka dipergunakan untuk melaksanakan tugas khilafah di bumi melalui perbezaan kebolehan dan bakat, juga melalui perbezaan kerja dan hasil pendapatan.

Saya kira ramai dari pejuang-pejuang isme terpimpin menggunakan ayat ini sebagai sasaran untuk mereka menyerang Islam dan sistem sosio-ekonominya. Begitu juga saya kira setengah-setengah orang Islam berdiri terumbang-ambing di hadapan ayat ini seolah-olah mereka hendak mempertahankan Islam dari tuduhan menentukan perbezaan-perbezaan dalam pencapaian pendapatan rezeki di antara manusia dan tuduhan menentukan bahawa manusia itu tidak sama dalam pendapatan rezeki supaya mereka dapat mempergunakan satu sama lain.

Saya kira masanya telah tiba kepada pemeluk-pemeluk Islam supaya mengambil sikap berbangga dengan keislaman mereka secara terus-terang, bukannya mengambil sikap mempertahankan diri dari tuduhan yang remeh, kerana Islam menegakkan hakikat-hakikat hidup yang kekal yang tersemat dalam fitrah alam al-wujud, iaitu hakikat yang tetap seteguh langit dan bumi dan seteguh undang-undangnya yang tidak pernah meleset dan bergoncang.

Tabi'at hidup umat manusia ini adalah ditegakkan di atas asas perbezaan kebolehan-kebolehan individu-individu dan perbezaan daya pencapaian seseorang dalam pekerjaannya, juga perbezaan pencapaian mutu pekerjaannya. Perbezaan itu perlu untuk pelbagaian peranan jenis-jenis kerja yang diperlukan oleh urusan pentadbiran khilafah di bumi ini. Andainya seluruh manusia itu merupakan cetakan ulangan yang sama tentulah kehidupan di bumi tidak mungkin wujud dengan gambaran-gambaran yang ada pada hari ini dan sudah tentu terdapat terlalu banyak pekerjaan yang terbengkalai kerana tidak ada kelayakan-kelayakan yang diperlukan dan kerana tidak ada orang-orang yang mampu melaksanakannya. Allah yang telah menciptakan hayat supaya berkekalan dan subur itu telah mencipta bakat-bakat kebolehan yang berlain-lainan mengikut

kelainan tugas-tugas dan peranan-peranan yang dikehendaki. Dan dari perbezaan tugas-tugas dan peranan-peranan inilah lahirnya perbezaan pendapatan rezeki. Ini adalah satu prinsip. Adapun nisbah perbezaan pendapatan rezeki, maka ia berlain-lainan dari satu masyarakat ke satu masyarakat dan dari satu sistem ke satu sistem, tetapi ia tidak dapat menolak prinsip fitrah yang selaras dengan tabi'at hayat yang diperlukan untuk kesuburan kehidupan. Oleh kerana itu pejuang-pejuang isme bikinan yang berhempas pulas berjuang tidak berupaya untuk menyamakan di antara upah buruh dengan upah jurutera, di antara gaji perajurit dengan gaji general walau bagaimana kuat sekalipun mereka bekerja untuk menegakkan isme mereka. Mereka telah tewas di hadapan undang-undang Ilahi yang diterangkan oleh ayat dari kalam Allah ini yang menjelaskan salah satu dari undang-undang hidup yang tetap.

Itulah kedudukan rezeki dan kehidupan di dunia ini dan di sebalik hidup dunia ini terdapat pula rahmat istimewa Allah:

وَرَحْمَتُ رَبِّكَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٣٢﴾

".........Dan rahmat Tuhanmu itu adalah lebih baik dari apa yang dikumpulkan mereka."(32)

Allah memilih untuk menerima rahmat istimewa ini siapa sahaja yang dikehendaki-Nya dari mereka yang benar-benar layak untuk menerimanya. Dan rahmat ini tidak mempunyai apa-apa hubungan, dengan harta benda hidup dunia dan tidak ada apa-apa hubungan dengan nilai-nilai hidup dunia, kerana nilai-nilai hidup dunia amat kecil di sisi Allah, kerana itulah keni'matan dunia ini dapat dikongsi oleh orang-orang yang baik dan orang-orang yang fasiq, dapat dini'mati oleh orang-orang yang soleh dan orang-orang yang jahat, sedangkan rahmat Allah di Akhirat hanya dikurniakan kepada hamba-hamba-Nya yang terpilih sahaja.

Nilai-nilai keni'matan di bumi ini begitu kecil dan murah hingga jika Allah kehendaki nescaya Dia limpahkannya dengan seluas-luasnya kepada orang-orang kafir andainya tidak dikhuatiri menjadi fitnah kepada manusia yang akan menghalangi mereka dari beriman kepada Allah:

وَلَوْلَآ أَن يَكُونَ ٱلنَّاسُ أُمَّةً وَٰحِدَةً لَّجَعَلْنَا لِمَن يَكْفُرُ بِٱلرَّحْمَٰنِ لِبُيُوتِهِمْ سُقُفًا مِّن فِضَّةٍ وَمَعَارِجَ عَلَيْهَا يَظْهَرُونَ ﴿٣٣﴾

وَلِبُيُوتِهِمْ أَبْوَٰبًا وَسُرُرًا عَلَيْهَا يَتَّكِـُٔونَ ﴿٣٤﴾

وَزُخْرُفًا ۚ وَإِن كُلُّ ذَٰلِكَ لَمَّا مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَٱلْـَٔاخِرَةُ عِندَ رَبِّكَ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٣٥﴾

"Dan jika tidak kerana menghindari manusia menjadi satu umat yang satu (dalam kekufuran) tentulah Kami jadikan untuk orang-orang yang ingkarkan Allah Yang Rahman bumbung-bumbung perak bagi rumah-rumah mereka dan tangga-tangga (emas) yang dinaiki mereka (33). Dan pintu-pintu yang banyak bagi rumah-rumah mereka dan kerusi-kerusi untuk mereka bersandar di atasnya (34). Dan berbagai-bagai perhiasan. Dan semuanya itu hanyalah keni'matan dunia sahaja dan kehidupan Akhirat yang berada di sisi Tuhanmu itu adalah untuk orang-orang yang bertaqwa."(35)

Jika tidak kerana dikhuatiri menjadi fitnah kepada manusia - Dan Allah Maha Mengetahui kelemahan mereka dan kekuatan pengaruh harta benda dunia di hati mereka - nescaya Allah jadikan untuk orang-orang yang kafir terhadap Allah Yang Maha Penyayang - yang memiliki rahmat-rahmat yang amat besar dan mendalam – rumah-rumah yang berbumbungkan perak dan bertangga emas dan rumah-rumah yang mempunyai pintu-pintu yang banyak, dan istana-istana yang mempunyai kerusi-kerusi indah untuk berehat dan berbagai-bagai perhiasan yang cantik.... Pemberian yang melimpah-ruah itu adalah sebagai tanda murahnya nilai-nilai perak, emas, perhiasan dan keni'matan dunia hingga diberikan begitu murah kepada orang-orang yang tidak beriman kepada Allah Yang Maha Penyayang.

وَإِن كُلُّ ذَٰلِكَ لَمَّا مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ

"Dan semuanya itu hanyalah keni'matan dunia sahaja."(35)

Yakni keni'matan yang fana yang tidak melebihi sempadan dunia dan keni'matan yang sedikit yang hanya layak dengan kehidupan dunia.

وَٱلْـَٔاخِرَةُ عِندَ رَبِّكَ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٣٥﴾

"... Dan kehidupan Akhirat yang berada di sisi Tuhanmu itu adalah untuk orang-orang yang bertaqwa."(35)

Di Antara Keni'matan Dunia Dan Keni'matan Akhirat

Merekalah orang-orang yang dimuliakan di sisi Allah kerana taqwa mereka. Allah menyediakan di sisi-Nya keni'matan-keni'matan yang lebih mulia dan kekal untuk mereka. Allah mengutamakan mereka dengan ni'mat-ni'mat yang lebih tinggi dan mahal yang membezakan mereka dari orang-orang kafir yang dikurniakan ni'mat-ni'mat yang murah sama seperti ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada haiwan.

Harta benda keni'matan dunia yang dicontohkan Allah dengan kekayaan, perhiasan dan kesenangan adalah memfitnahkan manusia yang ramai dan lebih memfitnahkan lagi apabila mereka melihat keni'matan-keni'matan itu berada di tangan manusia-manusia kafir yang jahat dan melihat tangan orang-orang yang beriman dan soleh kosong darinya atau melihat golongan yang akhir ini hidup dalam kesusahan dan penderitaan, sedangkan golongan yang pertama hidup dengan penuh kekuatan, kekayaan, kekuasaan dan kebanggaan, Allah amat mengetahui kesan fitnah seperti ini pada hati manusia, dan kerana itu Dia mendedahkan kepada

mereka betapa kecil dan murahnya nilai-nilai seperti itu di sisi-Nya dan betapa tinggi dan mahalnya keni'matan-keni'matan yang disediakan oleh-Nya untuk orang-orang Mu'min yang baik. Dan hati yang Mu'min itu tentulah merasa senang dan yakin dengan apa yang dipilih Allah untuk orang-orang Mu'min yang baik dan untuk orang-orang kafir yang fasiq.

Kaum Musyrikin yang membantah pemilihan Allah yang telah memilih seorang lelaki yang tidak mempunyai sebarang harta kekayaan dunia dan menilai seorang dengan pangkat dan kekayaan yang dimilikinya akan melihat dari ayat-ayat ini betapa rendah dan kecilnya nilai harta benda dunia ini di sisi Allah. Ni'mat-ni'mat harta benda dunia itu diberikan kepada orang-orang kafir yang paling jahat dan paling dibenci di sisi Allah dan pemberian itu tidak menandakan kehampiran mereka kepada Allah, tidak membayangkan keredhaan-Nya dan tidak menunjukkan pilihan-Nya.

Demikianlah Al-Qur'an meletakkan segala sesuatu pada tempatnya yang wajar dan menerangkan undang-undang Allah dalam pembahagian rezeki-rezeki di dunia dan di Akhirat, juga menjelaskan hakikat-hakikat nilai yang kekal di sisi Allah. Ini adalah sebagai jawapan kepada kaum Musyrikin yang membantah kerasulan Muhammad dan penilaian Allah yang telah memilih beliau dan menolak pemilihan pembesar-pembesar yang berkuasa.

Demikianlah Al-Qur'an meletakkan dasar-dasar asasi dan hakikat-hakikat mutlak yang tidak bergoncang dan berubah, yang tidak dijejaskan oleh perkembangan-perkembangan hidup, kelainan sistem-sistem hidup, aliran-aliran faham atau isme-isme dan kepelbagaian alam sekitar dan masyarakat. Di sana ada undang-undang hidup yang tetap dan seluruh hidup adalah berkisar di dalam lingkungannya dan tidak terkeluar darinya. Orang-orang yang sibuk terpengaruh dengan gejala-gejala yang berubah-ubah hingga tidak memerhatikan hakikat-hakikat yang tetap tidak dapat memahami undang-undang Ilahi ini, iaitu undang-undang yang mengumpulkan di antara kemantapan dan perubahan di dalam jantung hayat dan di dalam peringkat-peringkat perkembangan hayat. Mereka menyangka bahawa perkembangan dan perubahan itu merangkul hakikat-hakikat segala sesuatu di samping merangkul rupa bentuknya yang lahir. Mereka menyangka bahawa perkembangan yang berterusan itu tidak dapat mewujudkan asas-asas yang tetap bagi sesuatu urusan dan mereka ingkar bahawa di sana adanya undang-undang yang tetap selain dari undang-undang perkembangan yang berterusan. Inilah satu-satunya undang-undang yang tetap yang dipercayai mereka. Tetapi bagi kita yang menganut 'aqidah Islam, kita melihat dalam relaiti hidup bukti yang membenarkan apa yang telah diterangkan Allah, iaitu di sana wujudnya kemantapan dan perubahan yang saling bergandingan dalam setiap sudut dari sudut-sudut alam buana dan dalam setiap aspek dari aspek-aspek hayat. Sebagai contoh yang paling dekat di hadapan kita tentang pergandingan ini ialah wujudnya kemantapan perbezaan pendapatan rezaki di antara orang ramai dan wujudnya perubahan nisbah, perubahan pendapatan dan faktor-faktornya di dalam berbagai-bagai sistem dan berbagai-bagai masyarakat, dan pergandingan yang seperti ini juga berlaku pada yang lain dari contoh ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 39)

Setelah menerangkan betapa kecilnya nilai harta benda dan keni'matan dunia di sisi Allah dan setelah menyatakan bahawa keni'matan-keni'matan yang dikurniakan kepada orang kafir yang jahat itu tidaklah menunjukkan bahawa mereka mempunyai kedudukan yang mulia di sisi Allah dan tidaklah menandakan bahawa mereka telah mencapai kejayaan, dan setelah menjelaskan bahawa keni'matan-keni'matan di Akhirat itu adalah disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa, maka Al-Qur'an terus menerangkan pula kesudahan-kesudahan untung nasib orang-orang yang mendapat keni'matan-keni'matan dunia itu sedangkan mereka buta dari mengingati Allah dan meninggalkan keta'atan-keta'atan yang melayakkan mereka untuk menerima rezeki Akhirat yang disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa:

وَمَن يَعْشُ عَن ذِكْرِ ٱلرَّحْمَٰنِ نُقَيِّضْ لَهُۥ شَيْطَٰنًا فَهُوَ لَهُۥ قَرِينٌ ﴿٣٦﴾

وَإِنَّهُمْ لَيَصُدُّونَهُمْ عَنِ ٱلسَّبِيلِ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٣٧﴾

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَنَا قَالَ يَٰلَيْتَ بَيْنِى وَبَيْنَكَ بُعْدَ ٱلْمَشْرِقَيْنِ فَبِئْسَ ٱلْقَرِينُ ﴿٣٨﴾

وَلَن يَنفَعَكُمُ ٱلْيَوْمَ إِذ ظَّلَمْتُمْ أَنَّكُمْ فِى ٱلْعَذَابِ مُشْتَرِكُونَ ﴿٣٩﴾

"Dan barang siapa yang buta dari mengingati Allah Yang Maha Penyayang nescaya Kami sediakan syaitan untuknya dan dialah yang menjadi teman seiringannya (36). Dan sesungguhnya syaitan-syaitan inilah yang menghalangi mereka dari jalan yang benar, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka telah mendapat hidayat (37). Sehingga apabila dia (si kafir) itu datang kepada Kami (pada hari Qiamat) dia akan berkata (kepada syaitan): Alangkah baiknya jika jarak di antara aku dengan engkau adalah sejauh di antara Timur dan Barat, itulah sejahat-jahat teman seiringan (38). Dan (harapan kamu itu) tidak akan berfaedah kepada kamu pada hari ini, kerana kamu telah menganiayai diri kamu sendiri dan kerana kamu (dan teman kamu) akan berkongsi di dalam 'azab keseksaan."(39)

Kata-kata "يعش" itu mengerikan kerabunan atau kebutaan mata yang menghalangkan seseorang dari melihat dan biasanya berlaku ketika mata menghadapi cahaya yang terang yang tidak membolehkannya melihat atau ketika diselubungi kegelapan, di mana mata yang lemah tidak dapat melihat dengan jelas. Kadang-kadang kerabunan mata itu berpunca dari sesuatu penyakit yang tertentu.

Maksud dari rabun dan buta di sini ialah keengganan dari mengingati Allah dan menyedari kewujudan-Nya dan pengawasan-Nya di dalam hati.

وَمَن يَعْشُ عَن ذِكْرِ ٱلرَّحْمَٰنِ نُقَيِّضْ لَهُۥ شَيْطَٰنًا فَهُوَ لَهُۥ قَرِينٌ ﴿٣٦﴾

"Dan barang siapa yang buta dari mengingati Allah Yang Maha Penyayang nescaya Kami sediakan syaitan untuknya dan dialah yang menjadi teman seiringannya."(36)

Bilakah Syaitan Menjadi Teman Seiringan Manusia?

Demikianlah kehendak iradat Allah pada kejadian manusia. Apabila hatinya lalai dari mengingati Allah, maka syaitan akan datang menemaninya selaku kawan seiringan yang membisikkan kejahatan-kejahatan dan menggambarkan kejahatan dengan gambaran-gambaran yang indah. Kata syarat dan kata jawab yang terdapat dalam ayat-ayat ini menggambarkan kehendak iradat Allah yang semesta dan tetap, di mana akibatnya akan berlaku sebaik sahaja manusia itu lalai dari mengingatinya. Itulah yang telah diputuskan Allah di dalam ilmu-Nya.

Tugas teman-teman jahat dari syaitan-syaitan itu ialah menghalang teman-teman mereka dari jalan Allah, sedangkan mereka menyangka mereka mendapat petunjuk ke jalan yang benar:

وَإِنَّهُمْ لَيَصُدُّونَهُمْ عَنِ ٱلسَّبِيلِ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٣٧﴾

"Dan sungguhnya syaitan-syaitan inilah yang menghalangi dari jalan benar, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka telah mendapat hidayat."(37)

Itulah perbuatan yang paling buruk yang dilakukan oleh seorang teman terhadap menghalangi dari satu-satunya jalan yang mempunyai matlamat. Ia tidak sedar dari kesesatannya supaya dapat kembali ke pangkal jalan, malah ia terus mengelirukannya bahawa dia sedang berjalan di atas jalan yang mempunyai matlamat dia berlanggar dengan nasib kesudahan yang pedih.

Pengungkapan dengan menggunakan kata kerja mudhari' pada kata-kata "ليصدّونهم" dan "يحسبون" dan menggambarkan bahawa proses tindakan itu berlaku terus menerus di hadapan mata. Ia dapat dilihat oleh orang lain, sedangkan orang-orang yang yang sesat menuju ke perangkap itu tidak menyedarinya. Dan akhirnya oleh nasib kesudahan yang diterima mereka di sa'at-sa'at kelalaian:

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَنَا قَالَ يَٰلَيْتَ بَيْنِى وَبَيْنَكَ بُعْدَ ٱلْمَشْرِقَيْنِ فَبِئْسَ ٱلْقَرِينُ ﴿٣٨﴾

"Sehingga apabila dia (si kafir) itu datang kepada Kami (pada hari dia akan berkata (kepada syaitan): Alangkah baiknya jika jarak aku dan engkau adalah sejauh di antara Timur dan Barat. Itulah sejahat-jahat teman seiringan."(38)

Demikianlah kita berpindah dalam masa sekelip mata sahaja dari dunia kepada akhirat. Pita rakaman hidup yang lalai itu digolong dan kisah buta dari mengingati Allah secara mengejut sehingga akhirnya, dan di sinilah baru mereka sedar seperti si mabuk menjadi siuman. Mereka mula membuka mata mereka setelah sekian buta, mereka melihat teman seiringannya yang selama ini mengelirukan mereka sebagai hidayat dan membimbing mereka ke jalan kebinasaan kepada mereka sebagai jalan keselamatan, mereka memandang teman dengan penuh kemarahan dan berkata:

يَٰلَيْتَ بَيْنِى وَبَيْنَكَ بُعْدَ ٱلْمَشْرِقَيْنِ

"Alangkah baiknya jika jarak di antara aku dan engkau adalah sejauh di antara Timur dan Barat"(38)

yakni alangkah baiknya jika kita berada sejauh itu supaya kita tidak bertemu muka.

Kemudian Al-Qur'an iringi - selepas menceritakan perkataan teman yang binasa itu kepada teman seiringannya - dengan firman-Nya:

فَبِئْسَ ٱلْقَرِينُ ﴿٣٨﴾

"Itulah sejahat-jahat teman seiringan."(38)

Kemudian kita mendengar kata-kata yang memutuskan harapan kedua orang teman itu ketika dilabuhkan tirai:

وَلَن يَنفَعَكُمُ ٱلْيَوْمَ إِذ ظَّلَمْتُمْ أَنَّكُمْ فِى ٱلْعَذَابِ مُشْتَرِكُونَ ﴿٣٩﴾

"Dan (harapan kamu itu) tidak akan berfaedah kepada kamu pada hari ini, kerana kamu telah menganiayai diri kamu sendiri kerana kamu (dan teman kamu) akan berkongsi di dalam 'azab keseksaan."(39)

Yakni 'azab keseksaan itu akan dikenakan sepenuhnya dan tidak dapat diringankan dengan perkongsian. Ia tidak dibahagi-bahagikan di antara para kongsi supaya menjadi ringan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 40 - 45)

Di sini Al-Qur'an meninggalkan mereka dalam keadaan putus asa dan dukacita dan membiarkan mereka mencaci satu sama lain kemudian menujukan pernyataannya kepada Rasulullah s.a.w. untuk menerangkan nasib kesudahan yang malang yang diterima oleh segolongan manusia yang menolak

da'wahnya dan mengingkarkan agama yang dibawa olehnya. Ia mengukuhkan pendirian beliau di atas agama yang benar yang diwahyukan kepadanya iaitu agama yang benar yang terkandung di dalam risalah setiap rasul:

أَفَأَنتَ تُسۡمِعُ ٱلصُّمَّ أَوۡ تَهۡدِي ٱلۡعُمۡيَ وَمَن كَانَ فِي
ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ٤٠
فَإِمَّا نَذۡهَبَنَّ بِكَ فَإِنَّا مِنۡهُم مُّنتَقِمُونَ ٤١
أَوۡ نُرِيَنَّكَ ٱلَّذِي وَعَدۡنَٰهُمۡ فَإِنَّا عَلَيۡهِم مُّقۡتَدِرُونَ ٤٢
فَٱسۡتَمۡسِكۡ بِٱلَّذِيٓ أُوحِيَ إِلَيۡكَۖ إِنَّكَ عَلَىٰ صِرَٰطٖ
مُّسۡتَقِيمٖ ٤٣
وَإِنَّهُۥ لَذِكۡرٞ لَّكَ وَلِقَوۡمِكَۖ وَسَوۡفَ تُسۡـَٔلُونَ ٤٤
وَسۡـَٔلۡ مَنۡ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ مِن رُّسُلِنَآ أَجَعَلۡنَا مِن
دُونِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ءَالِهَةٗ يُعۡبَدُونَ ٤٥

"Apakah engkau dapat menjadikan si pekak itu mendengar atau dapat memberi hidayat kepada si buta dan kepada orang-orang yang berada di dalam kesesatan yang nyata? (40) Andainya Kami wafatkan engkau (sebelum sempat engkau melihat balasan Kami terhadap mereka), maka Kami tetap menyeksakan mereka (41). Atau andainya Kami memperlihatkan 'azab yang Kami janjikan kepada mereka, maka Kami tetap menguasai mereka (42). Oleh itu berpeganglah dengan Al-Qur'an yang telah diwahyukan kepadamu. Sesungguhnya engkau berada di atas jalan yang lurus (43). Dan sesungguhnya Al-Qur'an merupakan peringatan kepadamu dan kepada kaummu, dan kamu sekalian kelak akan ditanya (44). Dan tanyakanlah para rasul Kami yang telah Kami utuskan sebelum engkau, apakah Kami jadikan selain dari Allah Yang Maha Penyayang tuhan-tuhan lain yang disembah mereka?"(45)

Rasulullah Diarah Supaya Mengabaikan Segala Gelagat-gelagat Kaum Musyrikin

Penerangan yang seperti ini disebut berulang-ulang kali di dalam Al-Qur'an untuk menghiburkan hati Rasulullah s.a.w. dan untuk menerangkan sifat hidayat dan kesesatan dan mengembalikan keduanya kepada kehendak iradat Allah dan perencanaan-Nya serta mengeluarkan kedua-duanya dari lingkungan tugas para rasul a.s., juga meletakkan garis-garis sempadan yang memisahkan di antara bidang qudrat manusia yang terbatas di tangga nubuwwah dengan bidang qudrat Ilahi yang mutlak dan menegakkan pengertian tauhid dalam gambarannya yang paling halus dan di tempatnya yang paling baik:

أَفَأَنتَ تُسۡمِعُ ٱلصُّمَّ أَوۡ تَهۡدِي ٱلۡعُمۡيَ وَمَن كَانَ فِي
ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ٤٠

"Apakah engkau dapat menjadikan si pekak itu mendengar atau dapat memberi hidayat kepada si buta dan kepada orang-orang yang berada di dalam kesesatan yang nyata?"(40)

Mereka bukannya pekak dan bukannya buta tetapi mereka seperti orang pekak dan buta kerana berada di dalam kesesatan dan kerana tidak dapat mengambil faedah dari da'wah ke jalan hidayat. Tugas seorang rasul ialah menyampai kepada yang mendengar dan menunjuk kepada yang melihat. Apabila mereka melumpuhkan organ-organ mereka dan menutup pintu hati dan jiwa mereka, maka tiada jalan bagi Rasul untuk menghidayatkan mereka, dan tiada dosa bagi Rasul apabila mereka memilih jalan yang sesat kerana dia telah pun melaksanakan segala kewajipan yang terdaya olehnya.

Allahlah yang akan mengendalikan perkara ini setelah Rasul selesai menunaikan kewajipannya yang terbatas:

فَإِمَّا نَذۡهَبَنَّ بِكَ فَإِنَّا مِنۡهُم مُّنتَقِمُونَ ٤١
أَوۡ نُرِيَنَّكَ ٱلَّذِي وَعَدۡنَٰهُمۡ فَإِنَّا عَلَيۡهِم مُّقۡتَدِرُونَ ٤٢

"Andainya Kami wafatkan engkau (sebelum sempat engkau melihat balasan Kami terhadap mereka), maka Kami tetap menyeksakan mereka (41). Atau andainya Kami memperlihatkan 'azab yang kami janjikan kepada mereka, maka Kami tetap menguasai mereka."(42)

Persoalannya tidak keluar dari dua perkara jika Allah mewafatkan Rasul-Nya, maka dia sendiri akan mengenakan balasan ke atas pendusta-pendusta-Nya dan andainya Rasul ditaqdirkan terus hidup hingga dapat melihat akibat dari amaran Allah, maka Allah tetap berkuasa melaksanakan amaran itu dan mereka tidak berdaya menghalanginya. Kedua-dua andaian itu bergantung kepada kehendak iradat Allah belaka kerana Allah yang menjadi tuan da'wah dan Rasul hanya seorang utusan sahaja.

فَٱسۡتَمۡسِكۡ بِٱلَّذِيٓ أُوحِيَ إِلَيۡكَۖ إِنَّكَ عَلَىٰ صِرَٰطٖ
مُّسۡتَقِيمٖ ٤٣

"Oleh itu berpeganglah dengan Al-Qur'an yang telah diwahyukan kepadamu. Sesungguhnya engkau berada di atas jalan yang lurus."(43)

Yakni tetapkanlah di atas jalanmu dan teruskan perjalananmu tanpa menghiraukan gangguan mereka. Berjalanlah dengan hati yang tenang.

إِنَّكَ عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٤٣

".......... Sesungguhnya engkau berada di atas jalan yang lurus"(43)

yang tidak akan membawa engkau ke jalan yang sesat dan menyeleweng.

'Aqidah Islam mempunyai hubungan dengan hakikat agung alam buana dan selaras dengan undang-undang semesta yang menegakkan alam al-wujud ini. Ia berjalan lurus bersama alam tanpa terpisah darinya. Ia membawa penganutnya kepada Allah yang mencipta alam buana ini dengan lurus yang membuat perjalanannya aman di jalan itu.

Allah S.W.T. mengukuhkan pendirian Rasulullah s.a.w. dengan menegaskan hakikat ini. Ia juga mengukuhkan pendirian para penda'wah selepasnya biarpun bagaimana pahit mereka menghadapi penindasan dari orang-orang yang sesat.

وَإِنَّهُۥ لَذِكۡرٞ لَّكَ وَلِقَوۡمِكَۖ وَسَوۡفَ تُسۡـَٔلُونَ ﴿٤٤﴾

"Dan sesungguhnya Al-Qur'an merupakan peringatan kepadamu dan kepada kaummu dan kamu sekalian kelak akan ditanya."(44)

Ayat ini mengandungi salah satu dari dua pengertian yang berikut:

Iaitu Al-Qur'an merupakan peringatan kepadamu dan kepada kaummu. Dan kamu akan ditanya mengenainya pada hari Qiamat, dan tiada alasan keuzuran selepas diberikan peringatan itu.

Al-Qur'an Telah Mengangkat Darjat Rasulullah Dan Kaumnya

Atau Al-Qur'an ini mengangkatkan kemuliaanmu dan kemuliaan kaummu dan inilah yang telah berlaku di dalam kenyataan.

Bagi Rasulullah s.a.w., di sana terdapat ratusan juta bibir mulut yang mendo'akan rahmat dan sejahtera ke atas beliau. Mereka menyebut namanya dengan penuh mesra malam dan siang sejak seribu empat ratus tahun yang silam. Ratusan juta hati mereka yang terharu dan berdebar-debar kerana menyebut namanya dan menyintainya sejak zaman sejarah yang begitu jauh hingga Allah mewarisi bumi ini dengan segala penghuninya (pada hari Qiamat).

Bagi kaumnya pula, ketika Al-Qur'an datang kepada mereka, dunia tidak begitu merasa dengan kewujudan mereka dan andainya dunia merasakan kewujudan mereka, maka dunia hanya menganggap mereka sebagai umat melukut di tepi gantang sahaja. Al-Qur'anlah yang memberi peranan yang paling agung kepada mereka di dalam sejarah umat manusia dan memperkenalkan mereka kepada dunia. Dan sejak itu dunia tunduk kepada mereka di sepanjang zaman mereka berpegang kukuh dengan Al-Qur'an, tetapi apabila mereka meninggalkan Al-Qur'an, mereka tidak lagi dikenali, malah dipandang kecil oleh dunia. Mereka telah dicampak di belakang kafilah umat dunia setelah sekian lama mereka menjadi pemimpin-pemimpin umat manusia yang terkenal.

Amanah Al-Qur'an adalah satu tanggungjawab yang amat besar, dan umat yang dipilih Allah untuk memperjuangkan agamanya dan untuk memimpin kafilah umat manusia yang sesat kelak akan ditanya pada hari Qiamat apabila mereka mengabaikan amanah itu:

وَسَوۡفَ تُسۡـَٔلُونَ ﴿٤٤﴾

".....Dan kamu sekalian kelak akan ditanya."(44)

Pengertian yang akhir ini lebih luas dan lengkap dan saya cenderung kepada pengertian ini.

وَسۡـَٔلۡ مَنۡ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ مِن رُّسُلِنَآ أَجَعَلۡنَا مِن دُونِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ءَالِهَةٗ يُعۡبَدُونَ ﴿٤٥﴾

"Dan tanyakanlah para rasul Kami yang telah Kami utuskan sebelum engkau, apakah Kami jadikan selain dari Allah Yang Maha Penyayang tuhan-tuhan lain yang disembah mereka."(45)

Konsep tauhid merupakan satu-satunya asas agama Allah sejak lahirnya Rasul yang tertua di bumi ini. Oleh itu di atas asas apakah kaum Musyrikin berpijak apabila mereka menyembah berbagai-bagai tuhan selain Allah?

Al-Qur'an menjelaskan hakikat tauhid di sini dengan satu gambaran yang unik iaitu gambaran Rasulullah s.a.w. bertanya rasul-rasul sebelumnya tentang persoalan ini:

أَجَعَلۡنَا مِن دُونِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ءَالِهَةٗ يُعۡبَدُونَ ﴿٤٥﴾

"..... Apakah Kami jadikan selain dari Allah Yang Maha Penyayang tuhan-tuhan lain yang disembah mereka?"(45)

Dan pertanyaan ini dengan sendirinya mendapat bayangan jawapan yang tegas dari setiap rasul. Ini adalah satu gambaran yang begitu menarik dan satu uslub yang banyak memberi saranan dan kesan yang amat besar di dalam hati.

Tiada Jarak-jarak Zaman Dan Tempat Di Antara Rasulullah s.a.w. Dan Para Rasul Yang Lain

Di sana terdapat jarak-jarak zaman dan tempat yang begitu jauh di antara Rasulullah s.a.w. dan para rasul sebelumnya, dan di sana juga terdapat jarak-jarak maut dan hidup yang lebih jauh dari jarak-jarak zaman dan tempat, tetapi semua jarak-jarak itu hilang di sini di hadapan hakikat yang tetap teguh dan berterusan itu, iaitu hakikat persamaan agama yang ditegakkan di atas tauhid. Ia adalah satu hakikat yang menonjol dengan jelas dan kukuh apabila hapusnya tabir-tabir zaman, tempat, maut, hidup dan segala gejala-gejala yang berubah-ubah. Di atas hakikat ini juga bertemunya seluruh yang hidup dan yang mati di sepanjang zaman dengan penuh mesra. Inilah bayangan dari pengungkapan Al-Qur'an yang amat halus dan menarik.

Tetapi apabila dihubungkan kepada Rasulullah s.a.w. dan saudara-saudaranya para rasul bersama Tuhan mereka, maka di sana tidak ada lagi sesuatu yang jauh dan sesuatu yang dekat, kerana di sana selama-lamanya wujud sa'at laduniyah, di mana terhapusnya segala tabir dan terangkatnya segala dinding, dan di sa'at itulah munculnya hakikat yang

semesta tanpa dilindungi sebarang tabir. Hakikat jiwa, hakikat seluruh alam al-wujud dan penghuni-penghuninya muncul sebagai satu kesatuan yang berhubung rapat tanpa dilindungi tabir-tabir zaman, tabir-tabir tempat, tabir-tabir bentuk dan rupa. Di sini Rasulullah s.a.w. ditanya dan dijawab tanpa tabir dan tanpa hijab sebagaimana yang telah berlaku di malam Isra' dan Mi'raj.

Di tempat-tempat yang seperti ini eloklah kita jangan banyak memperhitungkan adat-adat kebiasaan di dalam kehidupan kita, kerana adat-adat kebiasaan itu bukannya menjadi undang-undang yang semesta. Kita belum lagi memahami alam al-wujud ini kecuali setengah-setengah fenomenanya sahaja dan setengah-setengah kesannya sahaja menerusi secebis undang-undangnya yang kita tahu. Di sana terdapat berbagai-bagai hijab dari struktur diri kita sendiri dan dari pancaindera kita yang melahirkan adat-adat kebiasaan kita. Hanya pada sa'at jiwa kita bebas dari segala tabir dan hijab itu sahaja wujudnya pertemuan hakikat mujarrad manusia dengan hakikat mujarrad sesuatu yang lain, dan pertemuan itu berlaku lebih mudah dari pertemuan tubuh dengan tubuh.

* * * * * *

Sikap Pembesar-pembesar Quraysy Sama Dengan Sikap Fir'aun Dan Para Pembesarnya

Dalam ayat-ayat yang menghiburkan Rasulullah s.a.w. yang sedang menghadapi tentangan dari pembesar-pembesar kaumnya yang membantah pemilihannya sebagai Rasul dan yang berbangga-bangga dengan nilai-nilai harta benda dan pangkat kebesaran dunia yang palsu itu, ditampilkan pula satu babak dari kisah Musa a.s. bersama Fir'aun dan pembesar-pembesarnya. Di sini Al-Qur'an menyebut bagaimana Fir'aun berbangga-bangga dengan pangkat kebesaran yang dibangga-banggakan kaum Musyrikin:

لَوْلَا نُزِّلَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنَ ٱلْقَرْيَتَيْنِ عَظِيمٍ ﴿٣١﴾

"Sepatutnya Al-Qur'an ini diturunkan kepada seorang pembesar dari salah satu dari dua negeri ini (di Makkah dan Ta'if)."(31)

Dan bagaimana Fir'aun bermegah-megah dengan harta kekayaan dan kekuasaannya dan bagaimana dia bertanya dengan angkuh dan sombong:

أَلَيْسَ لِى مُلْكُ مِصْرَ وَهَٰذِهِ ٱلْأَنْهَٰرُ تَجْرِى مِن تَحْتِىٓ ۖ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٥١﴾

"Wahai kaumku! Bukankah kerajaan Mesir ini kepunyaanku dan bukankah sungai-sungai ini mengalir di bawah istanaku, tidakkah kamu sekalian melihat?"(51)

Dan bagaimana Fir'aun bersikap congkak bongkak terhadap hamba-Nya dan Rasul-Nya Musa a.s. kerana dia tidak mempunyai sebarang harta benda dan pangkat kebesaran dunia:

أَمْ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْ هَٰذَا ٱلَّذِى هُوَ مَهِينٌ وَلَا يَكَادُ يُبِينُ ﴿٥٢﴾

"Bukankah aku lebih baik dari orang yang hina ini, yang hampir-hampir tidak mampu menyebutkan perkataan-perkataannya dengan jelas?"(52)

Dan bagaimana Fir'aun membuat cadangan yang sama seperti yang dicadangkan oleh pembesar-pembesar kaum Musyrikin:

فَلَوْلَآ أُلْقِىَ عَلَيْهِ أَسْوِرَةٌ مِّن ذَهَبٍ أَوْ جَآءَ مَعَهُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مُقْتَرِنِينَ ﴿٥٣﴾

"Sepatutnya dicampakkan kepadanya gelang-gelang emas atau datang bersama-samanya malaikat-malaikat sebagai pengiringnya."(53)

Cadangan ini seolah-olah cetakan ulangan atau piring rakaman yang diulang-ulangkan. Kemudian Al-Qur'an menerangkan bagaimana rakyat jelata yang jahil dan tertipu itu menyambut seruan Fir'aun walaupun berbagai-bagai mu'jizat telah ditunjukkan Musa a.s. kepada mereka dan walaupun berbagai-bagai bala bencana telah menimpa mereka sehingga mereka memohon pertolongan Musa supaya berdo'a kepada Tuhannya untuk menyelamatkan mereka dari bala bencana itu.

Kemudian Al-Qur'an memerikan pula bagaimana akibat yang telah menimpa mereka setelah dikemukakan berbagai-bagai hujah kepada mereka:

فَلَمَّآ ءَاسَفُونَا ٱنتَقَمْنَا مِنْهُمْ فَأَغْرَقْنَٰهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥٥﴾

فَجَعَلْنَٰهُمْ سَلَفًا وَمَثَلًا لِّلْءَاخِرِينَ ﴿٥٦﴾

"Apabila mereka menimbulkan kemurkaan Kami, maka Kami seksakan mereka dan Kami tenggelamkan seluruh mereka (55). Dan Kami jadikan mereka ikutan dan contoh teladan kepada orang-orang yang kemudian."(56)

Dan kaum Musyrikin inilah merupakan orang-orang kemudian yang tidak mengambil pengajaran dan contoh teladan dari peristiwa itu.

Dari babak cerita Musa a.s. itu terserlahlah konsep kesatuan agama, kesatuan cara sistem hidup di samping ketaranya sifat-sifat angkuh para pembesar dan pelampau-pelampau dalam menyambut da'wah agama yang benar. Mereka berbangga-bangga dengan nilai-nilai dunia yang remeh-temeh, begitu juga terserlahlah tabi'at rakyat jelata Mesir yang diperbodohkan oleh pembesar-pembesar di sepanjang zaman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 46 - 55)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَإِي۟هِۦ

فَقَالَ إِنِّي رَسُولُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٦﴾

فَلَمَّا جَاءَهُم بِآيَاتِنَا إِذَا هُم مِّنْهَا يَضْحَكُونَ ﴿٤٧﴾

"Dan sesungguhnya Kami utuskan Musa membawa mu'jizat-mu'jizat Kami kepada Fir'aun dan pembesar-pembesar kaumnya, lalu ia berkata: Sesungguhnya aku adalah utusan Tuhan semesta alam (46). Dan apabila dia datang kepada mereka membawa mu'jizat-mu'jizat Kami, tiba-tiba mereka ketawakannya."(47)

Di dalam ayat ini Al-Qur'an menayangkan babak pertemuan pertama di antara Musa dan Fir'aun dalam satu keterangan ringkas sebagai persediaan untuk menunjukkan perkara pokok yang dimaksudkan dari cerita itu di sini iaitu persamaan bentuk tentangan-tentangan Fir'aun dan nilainya dengan tentangan-tentangan kaum Musyrikin Arab dan nilai-nilai mereka. Di sini Al-Qur'an menerangkan intisari hakikat risalah Musa:

فَقَالَ إِنِّي رَسُولُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٦﴾

"......... Lalu ia berkata: Sesungguhnya aku adalah utusan Tuhan semesta alam."(46)

Iaitu satu hakikat yang sama yang dibawa oleh setiap rasul: Dia adalah "seorang rasul" dan pihak yang mengutuskannya ialah "Tuhan semesta alam."

Al-Qur'an juga menerangkan secara sepintas lalu mu'jizat-mu'jizat yang ditunjukkan oleh Musa a.s., dan menamatkan keterangan itu dengan menerangkan cara kaum Fir'aun menyambut mu'jizat-mu'jizat itu:

إِذَا هُم مِّنْهَا يَضْحَكُونَ ﴿٤٧﴾

"Tiba-tiba mereka ketawakannya"(47)

sebagaimana dilakukan oleh orang-orang jahil yang sombong.

Kemudian diiringi pula dengan keterangan bagaimana Allah menurunkan berbagai-bagai malapetaka ke atas Fir'aun dan kaumnya yang diterangkan dengan terperinci di dalam surah-surah yang lain:

وَمَا نُرِيهِم مِّنْ آيَةٍ إِلَّا هِيَ أَكْبَرُ مِنْ أُخْتِهَا ۖ
وَأَخَذْنَاهُم بِالْعَذَابِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤٨﴾
وَقَالُوا يَا أَيُّهَ السَّاحِرُ ادْعُ لَنَا رَبَّكَ بِمَا عَهِدَ عِندَكَ
إِنَّنَا لَمُهْتَدُونَ ﴿٤٩﴾
فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُمُ الْعَذَابَ إِذَا هُمْ يَنكُثُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan Kami tidak memperlihatkan sesuatu mu'jizat 'azab kepada mereka melainkan ianya lebih besar dari mu'jizat 'azab sebelumnya, dan Kami timpakan 'azab ke atas mereka supaya mereka pulang (ke jalan yang benar) (48). Dan mereka berkata: Wahai tukang sihir! Do'akanlah kepada Tuhanmu untuk keselamatan kami dengan janji yang telah diberikan kepadamu. Sesungguhnya kami tetap akan menjadi orang-orang yang menerima petunjuk (49). Dan apabila Kami angkatkan 'azab itu dari mereka tiba-tiba mereka mungkir."(50)

Demikianlah mu'jizat-mu'jizat yang zahir di atas tangan Nabi Musa a.s. itu tidak dapat membawa mereka kepada keimanan walaupun mu'jizat-mu'jizat malapetaka itu berturut-turut menimpa mereka, setiap malapetaka lebih hebat dan dahsyat dari malapetaka sebelumnya. Ini membenarkan apa yang telah diterangkan Allah di dalam berbagai-bagai ayat Al-Qur'an yang dapat disimpulkan bahawa mu'jizat-mu'jizat itu tidak dapat memberi hidayat kepada hati yang tidak layak menerima hidayat dan bahawa Rasul itu tidak berkuasa menjadikan si pekak itu mendengar dan si buta itu melihat.

Yang anehnya dari apa yang diceritakan Al-Qur'an di sini tentang Fir'aun dan kaumnya ialah perkataan mereka:

يَا أَيُّهَ السَّاحِرُ ادْعُ لَنَا رَبَّكَ بِمَا عَهِدَ عِندَكَ إِنَّنَا
لَمُهْتَدُونَ ﴿٤٩﴾

"....... wahai tukang sihir! Do'akanlah kepada Tuhanmu untuk keselamatan Kami dengan janji yang telah diberikan kepadamu. Sesungguhnya Kami tetap akan menjadi orang-orang yang menerima petunjuk."(49)

Mereka di waktu itu sedang menghadapi malapetaka dan meminta pertolongan Musa supaya menyelamatkan mereka dari malapetaka itu, namun demikian, mereka masih tergamak berkata:

يَا أَيُّهَ السَّاحِرُ

"Wahai tukang sihir!"(49)

Mereka juga tergamak berkata:

ادْعُ لَنَا رَبَّكَ بِمَا عَهِدَ عِندَكَ

"Do'akanlah kepada Tuhanmu untuk keselamatan kami dengan janji yang telah diberikan kepadamu"(49)

sedangkan Musa menerangkan kepada mereka bahawa dia adalah **"utusan Tuhan semesta alam"** bukan Tuhannya yang khusus baginya sahaja, tetapi mu'jizat-mu'jizat dan penerangan-penerangan Nabi Musa itu tidak dapat menarik hati mereka, malah hati mereka tidak dapat ditembusi kemanisan iman walaupun mereka berkata:

إِنَّنَا لَمُهْتَدُونَ ﴿٤٩﴾

"Sesungguhnya kami tetap akan menjadi orang-orang yang menerima petunjuk."(49)

فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُمُ الْعَذَابَ إِذَا هُمْ يَنكُثُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan apabila Kami angkatkan 'azab itu dari mereka tiba-tiba mereka mungkir."(50)

Tetapi rakyat jelata atau orang ramai kadang-kadang dapat dipengaruhi dengan mu'jizat-mu'jizat

dan kadang-kadang hati mereka yang tertipu itu dapat ditembusi oleh da'wah yang benar. Di dalam ayat ini Al-Qur'an memperlihatkan Fir'aun di dalam kebesaran dan kekuasaan-Nya dan dalam kehidupan yang penuh dikelilingi berbagai-bagai perhiasan yang indah dan gilang-gemilang. Dia mempengaruhi fikiran rakyat jelata yang jujur dengan logik pemikiran yang dangkal, tetapi pemikiran itu diterima dengan mudah oleh rakyat jelata di zaman-zaman pemerintahan yang zalim kerana tertipu dengan keagungan dan kebesaran yang gilang-gemilang itu.

وَنَادَىٰ فِرْعَوْنُ فِي قَوْمِهِۦ قَالَ يَٰقَوْمِ أَلَيْسَ لِي مُلْكُ
مِصْرَ وَهَٰذِهِ ٱلْأَنْهَٰرُ تَجْرِي مِن تَحْتِيٓ ۖ أَفَلَا
تُبْصِرُونَ ﴿٥١﴾
أَمْ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْ هَٰذَا ٱلَّذِي هُوَ مَهِينٌ وَلَا يَكَادُ يُبِينُ ﴿٥٢﴾
فَلَوْلَآ أُلْقِيَ عَلَيْهِ أَسْوِرَةٌ مِّن ذَهَبٍ أَوْ جَآءَ مَعَهُ
ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مُقْتَرِنِينَ ﴿٥٣﴾

"Dan Fir'aun berseru kepada kaumnya dengan katanya. Wahai kaumku! Bukankah kerajaan Mesir ini kepunyaanku dan bukankah sungai-sungai ini mengalir di bawah istanaku, tidakkah kamu sekalian melihat? (51) Bukankah aku lebih baik dari orang yang hina ini, yang hampir-hampir tidak mampu menyebutkan perkataan-perkataannya dengan jelas? (52) Sepatutnya dicampakkan kepadanya gelang-gelang emas atau datang bersama-samanya malaikat-malaikat sebagai pengiringnya."(53)

Kerajaan Mesir dan sungai-sungai yang berlari di bawah istana Fir'aun itu merupakan suatu perkara yang amat dekat yang dapat disaksikan oleh orang ramai. Apabila perkara-perkara ini disebut kepada mereka ia terus mempengaruhi hati mereka, tetapi kerajaan langit dan bumi dan kejadian-kejadian yang wujud di antara keduanya merupakan perkara-perkara yang memerlukan kepada hati-hati yang beriman. Hanya hati-hati inilah sahaja yang dapat merasakan kebesaran perkara-perkara ini dan dapat membuat perbandingan di antara kerajaan Allah Yang Maha Besar ini dengan kerajaan Mesir yang kecil dan kerdil yang tidak sama dengan sebiji debu itu.

Dan rakyat jelata yang diperbudakkan itu adalah mudah terpengaruh dengan pancaran cahaya yang gilang-gemilang yang terpampang dekat di hadapan mata mereka. Hati dan akal mereka tidak dapat meningkat kepada tahap memikir dan meneliti kerajaan alam buana yang amat lebar dan jauh itu. Oleh kerana itu Fir'aun cukup tahu bagaimana hendak mempermainkan tali-tali hati mereka dan bagaimana hendak memperbudakkan mereka dengan perkara-perkara yang dekat dan gilang-gemilang itu.

أَمْ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْ هَٰذَا ٱلَّذِي هُوَ مَهِينٌ وَلَا يَكَادُ يُبِينُ ﴿٥٢﴾

"Bukankah aku lebih baik dari orang yang hina ini yang hampir-hampir, tidak mampu menyebutkan perkataan-perkataannya dengan jelas."(52)

Kehinaan yang dimaksudkan Fir'aun ialah Musa a.s. itu bukannya seorang Raja dan bukan pula anak Raja, malah bukannya seorang yang berkuasa dan mempunyai harta kekayaan yang terkenal atau mungkin juga maksudnya ialah menyindir bahawa Musa a.s. adalah dari kaum Bani Israel yang hidup hina-dina laksana hamba abdi. Perkataan Fir'aun bahawa dia (Musa): **"Hampir-hampir tidak mampu menyebutkan perkataan-perkataannya dengan jelas"** merupakan satu perbuatan mengambil kesempatan menggunakan penyakit keteloran lidah yang terkenal dihidapi Musa a.s. sebelum beliau keluar dari negeri Mesir, sedangkan sebenarnya Allah telah pun memperkenankan do'anya:

قَالَ رَبِّ ٱشْرَحْ لِي صَدْرِي ﴿٢٥﴾ وَيَسِّرْ لِيٓ أَمْرِي ﴿٢٦﴾
وَٱحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي ﴿٢٧﴾ يَفْقَهُوا۟ قَوْلِي ﴿٢٨﴾

"Ya Tuhanku! Lapangkan dadaku.. (25). Dan mudahkan urusanku... (26) Dan huraikan kesimpulan lidahku... (27) Supaya mereka dapat memahami perkataan-perkataanku (28)"

(Surah Taha : 25 - 28)

dan keteloranya itu terus hilang dan beliau pulih kembali dan dapat bercakap dengan terang dan lancar.

Tentulah pada pertimbangan rakyat jelata yang jujur dan dungu itu Fir'aun yang memiliki kerajaan Mesir dan sungai-sungai yang mengalir di bawah istananya adalah lebih baik dari Musa a.s. yang hanya memiliki kalimat yang benar, pangkat kenabian dan da'wah untuk menyelamatkan manusia dari 'azab yang amat pedih.

فَلَوْلَآ أُلْقِيَ عَلَيْهِ أَسْوِرَةٌ مِّن ذَهَبٍ

".......... Sepatutnya dicampakkan kepadanya gelang-gelang emas."(53)

Apakah wajar mata benda yang murah, iaitu gelang-gelang emas itu dijadikan bukti untuk membenarkan risalah seorang rasul? Apakah wajar gelang emas itu lebih mahal harganya dari bukti-bukti mu'jizat yang dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya yang mulia untuk menguatkan kedudukannya? Atau boleh jadi maksudnya dengan campakan gelang-gelang emas itu ialah pemahkotaan Musa menjadi Raja kerana inilah yang menjadi adat tradisi mereka supaya dengan itu seseorang rasul itu serentak menjadi raja yang berkuasa!

أَوْ جَآءَ مَعَهُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مُقْتَرِنِينَ ﴿٥٣﴾

"......... Atau datang bersama-samanya malaikat-malaikat sebagai pengiringnya."(53)

Ini satu lagi cabaran yang menarik yang dapat mempengaruhi orang ramai dan anda lihat bahawa cabaran ini adalah satu cabaran yang besar yang berulang-ulang kali dikemukakan kepada lebih dari seorang rasul.

فَٱسْتَخَفَّ قَوْمَهُۥ فَأَطَاعُوهُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَٰسِقِينَ ﴿٥٤﴾

"Lalu Fir'aun memperbodohkan kaumnya dan mereka pun patuh kepadanya. Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang fasiq."(54)

Pemerintah-pemerintah Yang Zalim Memperbodohkan Rakyat Jelata

Tindakan pemerintah-pemerintah yang zalim memperbodohkan rakyat jelata merupakan satu perkara biasa sahaja. Mereka memencilkan rakyat jelata dari segala punca ilmu pengetahuan, mereka menyembunyikan hakikat-hakikat yang sebenar dari mereka supaya mereka lupakannya dan tidak lagi kembali mencarinya. Mereka campakkan di dalam hati mereka berbagai-bagai fikiran dan saranan yang dapat mempengaruhi minda mereka supaya mereka mudah diperbodohkan dan mudah dipimpin ke kiri dan ke kanan dengan tenang dan aman.

Pemerintahan yang zalim tidak dapat bertindak sedemikian rupa ke atas orang ramai melainkan apabila orang ramai itu sendiri menyeleweng dari jalan yang benar, tidak berpegang teguh dengan agama Allah dan tidak menimbangkan urusan mereka dengan neraca keimanan. Adapun orang-orang yang beriman, mereka tidak boleh ditipu dan diperbodohkan dengan mudah. Mereka tidak boleh dipermain-mainkan seperti sehelai bulu yang dipermainkan angin. Dari sinilah Al-Qur'an memberi sebab mengapa orang ramai tunduk kepada Fir'aun dengan firman-Nya:

فَٱسْتَخَفَّ قَوْمَهُۥ فَأَطَاعُوهُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَٰسِقِينَ ﴿٥٤﴾

"Lalu Fir'aun memperbodohkan kaumnya dan mereka pun patuh kepadanya. Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang fasiq."(54)

Kemudian peringkat menguji, memberi amaran dan membuka mata berakhir, namun Allah mengetahui bahawa mereka tetap tidak mahu beriman. Fitnah ujian itu mempengaruhi orang ramai, lalu mereka ta'at kepada Fir'aun yang angkuh dan takbur. Mata mereka rabun dan buta dari memandang bukti-bukti mu'jizat yang terang dan nur hidayat, kerana itu wajarlah mereka menerima keputusan Allah mengazabkan mereka dan terlaksanalah amaran Ilahi itu:

فَلَمَّآ ءَاسَفُونَا ٱنتَقَمْنَا مِنْهُمْ فَأَغْرَقْنَٰهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥٥﴾

فَجَعَلْنَٰهُمْ سَلَفًا وَمَثَلًا لِّلْءَاخِرِينَ ﴿٥٦﴾

"Apabila mereka menimbulkan kemurkaan Kami, maka Kami seksakan mereka dan Kami tenggelamkan seluruh mereka (55). Dan Kami jadikan mereka ikutan dan contoh teladan kepada orang-orang yang kemudian."(56)

Dalam ayat ini Allah menceritakan tentang diri-Nya yang bertindak menyeksa dan menghancurkan kaum Fir'aun dengan tujuan melahirkan kemurkaan-Nya dan menunjukkan kuatkuasa-Nya. Allah berfirman:

فَلَمَّآ ءَاسَفُونَا

"Apabila mereka menimbulkan kemurkaan kami"(55)

yakni kemarahan kami yang amat besar:

ٱنتَقَمْنَا مِنْهُمْ فَأَغْرَقْنَٰهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥٥﴾

"Maka Kami seksakan mereka dan Kami tenggelamkan seluruh mereka."(55)

Yakni Fir'aun dan pembesar-pembesarnya serta bala tenteranya. Semuanya tenggelam dan mati setelah mengejar Musa dan kaumnya. Allah jadikan peristiwa kebinasaan mereka sebagai **"ikutan"** yang diikuti oleh setiap pemerintah yang zalim yang datang kemudian dan **"contoh teladan kepada orang-orang yang kemudian."** Yang datang selepas mereka dan mengambil pengajaran dari cerita-cerita yang diketahui mereka.

* * * * * *

Demikianlah babak kisah Musa a.s. bertemu dengan babak yang sama dari kisah kaum Musyrikin Arab dalam penentangan mereka terhadap Rasulullah s.a.w. Babak itu mengukuhkan lagi pendirian Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Mu'min yang ada bersamanya, juga memberi ingatan kepada kaum Musyrikin yang menentang beliau dan memberi amaran bahawa mereka akan menerima nasib yang sama dengan umat-umat yang telah lalu itu.

Dengan keselarasan yang wujud di antara babak kisah Musa yang ditayangkan itu dengan keadaan yang sedang berlaku dan tujuan penayangannya, maka bertemulah hakikat di dalam penceritaan kisah itu dan dengan demikian kisah itu menjadi satu alat pendidikan di dalam methodologi Ilahi yang bijaksana.

Kemudian Al-Qur'an berpindah pula dari babak kisah Musa a.s. kepada babak kisah 'Isa a.s. kerana adanya penyesuaian dalam perdebatan kaum Musyrikin mengenai perbuatan mereka yang menyembah malaikat dan perbuatan setengah-setengah Ahlil-Kitab yang menyembah al-Masih.

(Kumpulan ayat-ayat 57 - 89)

وَلَمَّا ضُرِبَ ٱبْنُ مَرْيَمَ مَثَلًا إِذَا قَوْمُكَ مِنْهُ يَصِدُّونَ ﴿٥٧﴾

وَقَالُوٓا۟ ءَأَٰلِهَتُنَا خَيْرٌ أَمْ هُوَ ۚ مَا ضَرَبُوهُ لَكَ إِلَّا

جَدَلًا ۚ بَلْ هُمْ قَوْمٌ خَصِمُونَ ﴿٥٨﴾
إِنْ هُوَ إِلَّا عَبْدٌ أَنْعَمْنَا عَلَيْهِ وَجَعَلْنَاهُ مَثَلًا لِبَنِي
إِسْرَائِيلَ ﴿٥٩﴾
وَلَوْ نَشَاءُ لَجَعَلْنَا مِنْكُمْ مَلَائِكَةً فِي الْأَرْضِ
يَخْلُفُونَ ﴿٦٠﴾
وَإِنَّهُ لَعِلْمٌ لِلسَّاعَةِ فَلَا تَمْتَرُنَّ بِهَا وَاتَّبِعُونِ ۚ هَٰذَا
صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ ﴿٦١﴾
وَلَا يَصُدَّنَّكُمُ الشَّيْطَانُ ۖ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿٦٢﴾
وَلَمَّا جَاءَ عِيسَىٰ بِالْبَيِّنَاتِ قَالَ قَدْ جِئْتُكُمْ
بِالْحِكْمَةِ وَلِأُبَيِّنَ لَكُمْ بَعْضَ الَّذِي تَخْتَلِفُونَ فِيهِ ۖ
فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿٦٣﴾
إِنَّ اللَّهَ هُوَ رَبِّي وَرَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ ۚ هَٰذَا صِرَاطٌ
مُسْتَقِيمٌ ﴿٦٤﴾

"Dan apabila 'Isa putera Maryam dijadikan contoh tiba-tiba kaummu pun bersorak-sorak gembira kerananya (57). Dan mereka berkata: Manakah yang lebih baik tuhan-tuhan kami atau dia ('Isa)? Mereka tidak membuat contoh itu melainkan semata-mata kerana maksud berdebat, malah sebenarnya mereka adalah satu kaum yang suka bertengkar (58). Dia ('Isa) itu hanya seorang hamba yang Kami kurniakan ni'mat (kenabian) kepadanya dan Kami jadikannya contoh (kekuasaan) Kami kepada Bani Israel (59). Dan andainya Kami kehendaki nescaya Kami jadikan dari kalangan kamu malaikat-malaikat yang mengganti kamu di bumi (60). Dan sesungguhnya 'Isa merupakan ilmu bagi mengetahui Qiamat, oleh itu janganlah kamu ragukannya dan ikutlah Aku. Inilah jalan yang lurus (61). Dan janganlah kamu dihalangkan syaitan. Sesungguhnya dia musuh kamu yang amat nyata (62). Dan apabila 'Isa membawa keterangan-keterangan yang jelas ia berkata: Sesungguhnya aku datang kepada kamu membawa hikmat dan untuk menjelaskan kepada kamu sebahagian dari persoalan (agama) yang kamu berselisih mengenainya. Kerana itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepada-Ku (63). Sesungguhnya Allah itu Tuhanku dan Tuhan kamu. Oleh itu, hendaklah kamu sembahkan-Nya. Itulah jalan yang lurus." (64).

فَاخْتَلَفَ الْأَحْزَابُ مِنْ بَيْنِهِمْ ۖ فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ
ظَلَمُوا مِنْ عَذَابِ يَوْمٍ أَلِيمٍ ﴿٦٥﴾

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا السَّاعَةَ أَنْ تَأْتِيَهُمْ بَغْتَةً
وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٦٦﴾
الْأَخِلَّاءُ يَوْمَئِذٍ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ إِلَّا
الْمُتَّقِينَ ﴿٦٧﴾
يَا عِبَادِ لَا خَوْفٌ عَلَيْكُمُ الْيَوْمَ وَلَا أَنْتُمْ تَحْزَنُونَ ﴿٦٨﴾
الَّذِينَ آمَنُوا بِآيَاتِنَا وَكَانُوا مُسْلِمِينَ ﴿٦٩﴾
ادْخُلُوا الْجَنَّةَ أَنْتُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ تُحْبَرُونَ ﴿٧٠﴾
يُطَافُ عَلَيْهِمْ بِصِحَافٍ مِنْ ذَهَبٍ وَأَكْوَابٍ ۖ وَفِيهَا
مَا تَشْتَهِيهِ الْأَنْفُسُ وَتَلَذُّ الْأَعْيُنُ ۖ وَأَنْتُمْ فِيهَا
خَالِدُونَ ﴿٧١﴾
وَتِلْكَ الْجَنَّةُ الَّتِي أُورِثْتُمُوهَا بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٧٢﴾
لَكُمْ فِيهَا فَاكِهَةٌ كَثِيرَةٌ مِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٧٣﴾
إِنَّ الْمُجْرِمِينَ فِي عَذَابِ جَهَنَّمَ خَالِدُونَ ﴿٧٤﴾
لَا يُفَتَّرُ عَنْهُمْ وَهُمْ فِيهِ مُبْلِسُونَ ﴿٧٥﴾
وَمَا ظَلَمْنَاهُمْ وَلَٰكِنْ كَانُوا هُمُ الظَّالِمِينَ ﴿٧٦﴾
وَنَادَوْا يَا مَالِكُ لِيَقْضِ عَلَيْنَا رَبُّكَ ۖ قَالَ إِنَّكُمْ مَاكِثُونَ ﴿٧٧﴾
لَقَدْ جِئْنَاكُمْ بِالْحَقِّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَكُمْ لِلْحَقِّ كَارِهُونَ ﴿٧٨﴾

"Kemudian golongan-golongan yang terdapat di kalangan mereka itu pun berselisih sesama mereka, maka celakalah kepada orang-orang yang zalim dari 'azab keseksaan hari Qiamat yang amat pedih (65). Mereka tidak menunggu kecuali hari Qiamat yang akan datang kepada mereka secara mendadak, sedangkan mereka tidak sedar (66). Sahabat-sahabat yang rapat pada hari itu menjadi musuh terhadap satu sama lain kecuali orang-orang yang bertaqwa (67). Wahai hamba-hamba-ku! Pada hari ini tiada apa kebimbangan kepada kamu dan tidak pula kamu akan berdukacita (68). (Iaitu) orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami dan mereka telah menyerah diri kepada Allah (69). Masuklah kamu ke dalam Syurga bersama-sama isteri kamu di mana kamu diberi sepenuh kegembiraan (70). (Sajian-sajian) diedarkan kepada mereka dengan pinggan-pinggan dan piala-piala dari emas. Dan di dalam Syurga terdapat segala apa yang diidami hati dan segala apa yang sedap dipandang mata, dan kamu akan tinggal kekal abadi di dalamnya (71). Dan itulah Syurga yang diberikan kepada

kamu mewarisinya dengan berkat amalan-amalan yang dikerjakan kamu (72). Di dalamnya terdapat berbagai-bagai buah-buahan untuk dimakan kamu (73). Sesungguhnya orang-orang yang berdosa itu kekal di dalam 'azab Neraka Jahannam (74). Ke'azaban itu tidak akan diringankan dari mereka dan mereka tinggal di dalamnya dengan keadaan putus asa (75). Dan Kami sekali-kali tidak menganiayakan mereka, tetapi merekalah yang menganiayai (diri sendiri) (76). Mereka berseru: Wahai Malik! Biarlah Tuhanmu binasakan sahaja kami ini. Jawab Malik: Sesungguhnya kamu akan tetap tinggal di dalam 'azab (77). Sesungguhnya Kami telah membawa kebenaran kepada kamu, tetapi kebanyakkan kamu bencikan kebenaran." (78).

أَمْ أَبْرَمُوٓا۟ أَمْرًا فَإِنَّا مُبْرِمُونَ ﴿٧٩﴾
أَمْ يَحْسَبُونَ أَنَّا لَا نَسْمَعُ سِرَّهُمْ وَنَجْوَىٰهُم ۚ بَلَىٰ وَرُسُلُنَا
لَدَيْهِمْ يَكْتُبُونَ ﴿٨٠﴾
قُلْ إِن كَانَ لِلرَّحْمَـٰنِ وَلَدٌ فَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْعَـٰبِدِينَ ﴿٨١﴾
سُبْحَـٰنَ رَبِّ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ رَبِّ ٱلْعَرْشِ عَمَّا
يَصِفُونَ ﴿٨٢﴾
فَذَرْهُمْ يَخُوضُوا۟ وَيَلْعَبُوا۟ حَتَّىٰ يُلَـٰقُوا۟ يَوْمَهُمُ ٱلَّذِى
يُوعَدُونَ ﴿٨٣﴾
وَهُوَ ٱلَّذِى فِى ٱلسَّمَآءِ إِلَـٰهٌ وَفِى ٱلْأَرْضِ إِلَـٰهٌ ۚ وَهُوَ ٱلْحَكِيمُ
ٱلْعَلِيمُ ﴿٨٤﴾
وَتَبَارَكَ ٱلَّذِى لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا
وَعِندَهُۥ عِلْمُ ٱلسَّاعَةِ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٨٥﴾
وَلَا يَمْلِكُ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِ ٱلشَّفَـٰعَةَ
إِلَّا مَن شَهِدَ بِٱلْحَقِّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٨٦﴾
وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَهُمْ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ ۖ فَأَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٨٧﴾
وَقِيلِهِۦ يَـٰرَبِّ إِنَّ هَـٰٓؤُلَآءِ قَوْمٌ لَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾
فَٱصْفَحْ عَنْهُمْ وَقُلْ سَلَـٰمٌ ۚ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿٨٩﴾

"Apakah mereka telah menetapkan satu rancangan (jahat terhadap Muhammad), maka sesungguhnya Kami juga telah menetap rancangan balas (79). Apakah mereka menyangka bahawa Kami tidak mendengar rahsia dan bisikan-bisikan mereka? Sebenarnya (Kami mendengar) dan utusan-utusan (malaikat) Kami mencatat segala-galanya di sisi mereka (80). Katakanlah jika Tuhan Yang Maha Penyayang itu benar-benar mempunyai anak, maka akulah orang yang mula-mula menyembahkannya (81). Maha Sucilah Tuhan yang memiliki langit dan bumi dan Tuhan yang memiliki Arasy dari dakwaan-dakwaan karut yang disifatkan mereka (82). Oleh itu biarkanlah mereka mengharungi kesesatan dan bermain-main hingga mereka menemui hari yang dijanjikan kepada mereka (83). Dan Dialah Tuhan yang disembah di langit dan Tuhan yang disembah di bumi, dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui (84). Dan Maha Sucilah Allah yang memiliki kerajaan langit dan bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya dan hanya di sisi Dia sahaja tersimpan pengetahuan mengenai hari Qiamat dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan (85). Dan tuhan-tuhan yang disembahkan mereka selain Allah tidak memiliki kuasa untuk memberi syafa'at kecuali mereka yang mengakui kebenaran dan mereka mengetahuinya (86). Dan jika kamu bertanya mereka siapakah yang menciptakan mereka, nescaya mereka menjawab: Allah. Bagaimana mereka dapat dipesongkan? (87) Dan Allah mengetahui perkataannya (Muhammad): Wahai Tuhanku! Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang tidak beriman (88). Berpalinglah dari mereka dan katakanlah: Selamat berpisah. Kelak mereka akan mengetahui."(89)

Dalam pelajaran akhir surah ini Al-Qur'an menceritakan dongeng-dongeng mereka di sekitar ibadat menyembah malaikat, juga menceritakan satu kejadian dari peristiwa-peristiwa perdebatan yang dilakukan mereka dalam usaha mempertahankan 'aqidah-'aqidah mereka yang lemah bukan dengan tujuan untuk sampai kepada kebenaran, tetapi semata-mata kerana tujuan berbahas dan berbantah-bantah dengan sikap yang degil.

Apabila dikatakan kepada mereka (kaum Musyrikin):

إِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ حَصَبُ
جَهَنَّمَ

"Kamu dan tuhan-tuhan yang disembah oleh kamu selain dari Allah kelak akan menjadi batu-batu api Neraka Jahannam"

(Surah al-Anbia': 98)

dan yang dimaksudkan dengan tuhan-tuhan di sini ialah berhala-hala yang mereka jadikannya sebagai patung-patung malaikat yang disembah mereka dan apabila dikatakan kepada mereka: "Bahawa setiap penyembah berhala dan berhala-berhala yang disembah selain Allah itu akan dimasukkan ke dalam Neraka," maka setengah mereka terus membuat perbandingan dengan 'Isa putera Maryam yang disembah kaumnya yang sesat dan bertanya: "Adakah dia juga dimasukkan ke dalam Neraka?" Ini adalah satu perdebatan untuk menegakkan benang basah semata-mata. Dan mereka berkata lagi: "Sekiranya kaum Ahlil-Kitab itu menyembah 'Isa, sedangkan beliau hanya manusia, maka tentulah kami yang menyembah malaikat-malaikat itu lebih mendapat hidayat kerana malaikat-maukat itu puteri-puteri Allah". Ini adalah satu kebatilan yang ditegakkan di atas kebatilan yang sama.

Sesuai dengan persoalan ini Al-Qur'an menyebut secebis kisah 'Isa putera Maryam serta mendedahkan tentang hakikat dirinya dan hakikat da'wahnya juga

tentang perselisihan kaumnya sebelum dan selepasnya mengenai isu ini.

Kemudian Al-Qur'an mengancam sekalian orang-orang Musyrikin yang menyeleweng dari 'aqidah yang benar dengan kedatangan hari Qiamat yang akan tiba secara mendadak, dan di sini Al-Qur'an menayangkan satu pemandangan yang panjang dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang menggambarkan keni'matan-keni'matan yang diperolehi orang-orang yang bertaqwa dan menggambarkan 'azab-'azab keseksaan yang dialami orang-orang yang berdosa.

Ayat-ayat bahagian ini menafikan dongeng-dongeng mereka tentang malaikat dan membersihkan Allah S.W.T. dari dakwaan-dakwaan yang dikatakan mereka, juga memperkenalkan kepada hamba-hamba-Nya tentang setengah-setengah sifat-Nya dan tentang milik mutlak-Nya terhadap langit dan bumi dan dunia akhirat, juga tentang hakikat bahawa seluruh mereka akan kembali kepada-Nya.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan arahan supaya Rasulullah s.a.w. jangan menghiraukan mereka supaya mereka mengetahui apa yang akan diketahui mereka. Ini adalah satu ancaman yang halus yang padan dengan kaki-kaki debat yang suka bertengkar setelah mereka diberi penerangan yang jelas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 57 - 65)

وَلَمَّا ضُرِبَ ٱبۡنُ مَرۡيَمَ مَثَلًا إِذَا قَوۡمُكَ مِنۡهُ
يَصِدُّونَ ٥٧
وَقَالُوٓاْ ءَأَٰلِهَتُنَا خَيۡرٌ أَمۡ هُوَۚ مَا ضَرَبُوهُ لَكَ إِلَّا
جَدَلَۢاۚ بَلۡ هُمۡ قَوۡمٌ خَصِمُونَ ٥٨
إِنۡ هُوَ إِلَّا عَبۡدٌ أَنۡعَمۡنَا عَلَيۡهِ وَجَعَلۡنَٰهُ مَثَلًا لِّبَنِيٓ
إِسۡرَٰٓءِيلَ ٥٩
وَلَوۡ نَشَآءُ لَجَعَلۡنَا مِنكُم مَّلَٰٓئِكَةً فِي ٱلۡأَرۡضِ
يَخۡلُفُونَ ٦٠
وَإِنَّهُۥ لَعِلۡمٌ لِّلسَّاعَةِ فَلَا تَمۡتَرُنَّ بِهَا وَٱتَّبِعُونِۚ هَٰذَا
صِرَٰطٌ مُّسۡتَقِيمٌ ٦١
وَلَا يَصُدَّنَّكُمُ ٱلشَّيۡطَٰنُۖ إِنَّهُۥ لَكُمۡ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ٦٢
وَلَمَّا جَآءَ عِيسَىٰ بِٱلۡبَيِّنَٰتِ قَالَ قَدۡ جِئۡتُكُم
بِٱلۡحِكۡمَةِ وَلِأُبَيِّنَ لَكُم بَعۡضَ ٱلَّذِي تَخۡتَلِفُونَ فِيهِۖ
فَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ٦٣
إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ رَبِّي وَرَبُّكُمۡ فَٱعۡبُدُوهُۚ هَٰذَا صِرَٰطٌ
مُّسۡتَقِيمٌ ٦٤
فَٱخۡتَلَفَ ٱلۡأَحۡزَابُ مِنۢ بَيۡنِهِمۡۖ فَوَيۡلٌ لِّلَّذِينَ
ظَلَمُواْ مِنۡ عَذَابِ يَوۡمٍ أَلِيمٍ ٦٥

"Dan apabila 'Isa putera Maryam dijadikan contoh tiba-tiba kaummu pun bersorak-sorak gembira kerananya (57). Dan mereka berkata: Manakah yang lebih baik tuhan-tuhan kami atau dia ('Isa)? Mereka tidak membuat contoh itu melainkan semata-mata kerana maksud berdebat, malah sebenarnya mereka adalah satu kaum yang suka bertengkar (58). Dia ('Isa) itu hanya seorang hamba yang Kami kurniakan ni'mat (kenabian) kepadanya dan Kami jadikannya contoh (kekuasaan) Kami kepada Bani Israel (59). Dan andainya Kami kehendaki nescaya Kami jadikan dari kalangan kamu malaikat-malaikat yang mengganti kamu di bumi (60). Dan sesungguhnya 'Isa merupakan ilmu bagi mengetahui Qiamat, oleh itu janganlah kamu ragukannya dan ikutlah Aku. Inilah jalan yang lurus (61). Dan janganlah kamu dihalangkan syaitan. Sesungguhnya dia musuh kamu yang amat nyata (62). Dan apabila 'Isa membawa keterangan-keterangan yang jelas ia berkata: Sesungguhnya aku datang kepada kamu membawa hikmat dan untuk menjelaskan kepada kamu sebahagian dari persoalan (agama) yang kamu berselisih mengenainya. Kerana itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepada-Ku (63). Sesungguhnya Allah itu Tuhanku dan Tuhan kamu. Oleh itu, hendaklah kamu sembahkan-Nya. Itulah jalan yang lurus (64). Kemudian golongan-golongan yang terdapat di kalangan mereka itu pun berselisih sesama mereka, maka celakalah kepada orang-orang yang zalim dari 'azab keseksaan hari Qiamat yang amat pedih."(65)

Kisah Pembesar Quraysy Berdebat Dengan Rasulullah s.a.w.

Ibn Ishaq telah menyebut dalam sirah katanya: Mengikut cerita yang sampai kepadaku, Rasulullah s.a.w. duduk di Masjidil-Haram bersama al-Walid ibn al-Mugirah, kemudian datang pula an-Nadhr ibn al-Harth lalu duduk bersama mereka. Di dalam majlis itu terdapat orang-orang yang lain lagi dari tokoh-tokoh Quraysy, kemudian Rasulullah s.a.w. bercakap kepada mereka, tiba-tiba beliau disangkal oleh an-Nadhr ibn al-Harith, lalu Rasulullah s.a.w. bercakap kepadanya sehingga beliau dapat menewaskannya dengan hujah yang kuat dan setelah itu beliau membaca kepadanya dan kepada mereka ayat:

إِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ حَصَبُ جَهَنَّمَ أَنتُمْ لَهَا وَٰرِدُونَ ﴿٩٨﴾

"Kamu dan tuhan-tuhan yang disembahkan kamu selain dari Allah kelak akan menjadi batu-batu api Neraka Jahannam. Kamu tetap akan memasukinya."

(Surah al-Anbia': 98)

Kemudian Rasulullah s.a.w. bangun dari situ. Kemudian datang Abdullah ibn az-Zib'ara at-Tamimi dan duduk, lalu al-Walid ibn al-Mughirah pun berkata kepadanya: "Demi Allah, an-Nadhr ibn al-Harith tidak dapat berbuat apa-apa terhadap Ibn Abdul Muttalib sedangkan Muhammad telah berkata bahawa kita dan segala apa yang kita sembah dari tuhan-tuhan kita itu semuanya akan menjadi batu-batu api Neraka Jahannam." Lalu Abdullah ibn az-Zib'ara pun berkata: "Demi Allah jika aku temui dia (Muhammad), aku akan berbahas dengannya. Tanyalah Muhammad, adakah segala sembahan yang lain dari Allah akan dimasukkan ke dalam Neraka Jahannam bersama-sama mereka yang menyembahkannya? Sedangkan kita menyembah malaikat, orang-orang Yahudi menyembah 'Uzayr dan orang-orang Kristian menyembah al-Masih putera Maryam." Al-Walid dan orang-orang yang ada bersama dengannya sangat tertarik dengan perkataan Abdullah ibn az-Zib'ara itu dan mereka berpendapat bahawa perkataan Abdullah itu boleh mengalahkan hujah Rasulullah s.a.w. Kemudian cerita itu disebutkan kepada Rasulullah s.a.w., lalu beliau pun bersabda:

كل من أحب أن يعبد من دون الله فهو مع من عبده .
فإنهم إنما يعبدون الشيطان ومن أمرهم بعبادته

"Setiap orang yang suka disembah selain dari Allah, maka dia akan bersama-sama dengan orang-orang yang menyembahnya. Sebenarnya mereka menyembah syaitan dan menyembah sembahan yang disuruhkan syaitan supaya mereka menyembahnya."

Kemudian Allah 'Azzawajalla menurunkan ayat:

إِنَّ ٱلَّذِينَ سَبَقَتْ لَهُم مِّنَّا ٱلْحُسْنَىٰٓ أُو۟لَٰٓئِكَ عَنْهَا مُبْعَدُونَ ﴿١٠١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang telah tetap dari dahulu lagi mendapat balasan yang terbaik dari Kami, maka mereka akan dijauhkan dari Neraka."

(Surah al-Anbia': 101)

Yakni 'Isa, 'Uzayr dan para ulama' dan rahib yang disembah bersama kedua-duanya yang telah menta'ati Allah, lalu mereka dijadikan oleh orang-orang sesat yang datang selepas mereka sebagai tuhan-tuhan yang disembah selain Allah. Kemudian turun ayat mengenai 'Isa 'alaihis salatu was salam bahawa beliau disembah selain dari Allah, dan al-Walid serta mereka yang ada bersamanya sangat tertarik dengan hujah Abdullah ibn az-Zib'ara itu. Firman Allah:

وَلَمَّا ضُرِبَ ٱبْنُ مَرْيَمَ مَثَلًا إِذَا قَوْمُكَ مِنْهُ يَصِدُّونَ ﴿٥٧﴾

"Dan apabila 'Isa putera Maryam dijadikan contoh tiba-tiba kaummu pun bersorak-sorak gembira kerananya"(57)

yakni mereka mahu menghalangkan da'wahmu dengan contoh perbandingan itu.

Pengarang tafsir al-Kasysyaf (الكشاف) telah menyebut dalam tafsirnya: Apabila Rasulullah s.a.w. membaca kepada kaum Quraysy ayat:

إِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ حَصَبُ جَهَنَّمَ

"Kamu dan tuhan-tuhan yang disembahkan kamu selain dari Allah kelak akan menjadi batu-batu api Neraka Jahannam"

(Surah al-Anbia': 98)

mereka menjadi amat marah. Lalu Abdullah ibn az-Zib'ara berkata: "Wahai Muhammad! Apakah ayat ini dituju khusus kepada kami dan tuhan-tuhan kami atau dituju kepada semua bangsa?" Jawab Rasulullah s.a.w. "Ia dituju untuk kamu dan untuk semua bangsa." Lalu Abdullah pun berkata: "Demi Tuhan Ka'bah, aku telah mengalahkan engkau! Bukankah engkau berkata bahawa 'Isa putera Maryam itu nabi, bukankah engkau memujinya dan memuji bondanya? Bukankah engkau telah mengetahui bahawa kedua-duanya disembah orang-orang Kristian? Bukankah 'Uzayr juga disembah? Bukankah malaikat-malaikat juga disembah? Sekiranya mereka semua dimasukkan ke dalam Neraka, maka kami redha bahawa kami dan tuhan-tuhan kami berada bersama-sama mereka." Lalu mereka pun bergembira dan ketawa hilai, sedangkan Nabi s.a.w. diam, kemudian Allah Ta'ala menurunkan ayat:

إِنَّ ٱلَّذِينَ سَبَقَتْ لَهُم مِّنَّا ٱلْحُسْنَىٰٓ أُو۟لَٰٓئِكَ عَنْهَا مُبْعَدُونَ ﴿١٠١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang telah tetap dari dahulu lagi mendapat balasan yang baik dari Kami, maka mereka akan dijauhkan dari Neraka"

(Surah al-Anbia': 101)

dan turunlah ayat:

وَلَمَّا ضُرِبَ ٱبْنُ مَرْيَمَ مَثَلًا إِذَا قَوْمُكَ مِنْهُ يَصِدُّونَ ﴿٥٧﴾

"Dan apabila 'Isa putera Maryam dijadikan contoh tiba-tiba kaummu pun bersorak-sorak gembira kerananya."(57)

Yakni apabila Abdullah ibn az-Zib'ara membuat contoh dengan 'Isa putera Maryam dan menjadikan penyembahan orang-orang Kristian terhadapnya sebagai alasan untuk mengalahkan hujah Rasulullah s.a.w., tiba-tiba **"kaummu"** orang-orang Quraysy

bergembira dan ketawa hilai dengan sebab mereka mendengar alasan Abdullah itu telah menyebabkan Rasulullah s.a.w. terdiam. Mereka bersorak-sorak kerana selama ini mereka begitu penat dan sukar untuk mencari satu alasan yang kuat, tiba-tiba sekarang hati mereka mendapat alasan itu. Bagi mereka yang membaca "يصدُّون" dengan dhammah Sad, maka ia diambil dari umbi kata-kata "صدود" yang bererti "menghalangi" yakni dengan sebab contoh perbandingan inilah mereka mahu menghalangkan orang ramai dan da'wah yang benar dan mereka berpaling darinya dan mereka berkata:

ءَأَٰلِهَتُنَا خَيْرٌ أَمْ هُوَ

"Manakah yang lebih baik tuhan-tuhan kami atau dia ('Isa)?"(58)

Yakni tuhan-tuhan kami di sisi engkau tidaklah lebih baik dari 'Isa dan jika 'Isa kelak dijadikan batu-batu api Neraka Jahannam, maka nasib tuhan-tuhan kami tidaklah teruk.

Pengarang al-Kasysyaf tidak menyebut dari mana ia mengambil riwayat ini, tetapi pada umumnya riwayat ini selaras dengan riwayat Ibn Ishaq.

Dari kedua-dua riwayat ini nampak jelas bagaimana berbelit-belitnya cara pertengkaran dan perdebatan mereka, juga nampak jelas tabi'at mereka yang disifatkan Al-Qur'an dengan firman-Nya:

بَلْ هُمْ قَوْمٌ خَصِمُونَ ﴿٥٨﴾

"Mereka adalah satu kaum yang suka bertengkar."(58)

Yakni mereka degil dan mahir dalam pertengkaran. Sejak awal lagi mereka memang faham apa yang dimaksudkan oleh Al-Qur'anul-Karim dan apa yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. tetapi mereka sengaja memutarbelitkannya dan mencari-cari titik kesamaran dalam perkataan yang umum untuk meluluskan perdebatan dan pertengkaran mereka yang degil itu, iaitu pertengkaran menegakkan benang basah yang amat digemari oleh setiap orang yang tidak ikhlas dan tidak jujur, yang enggan mengakui kebenaran dan mencari jalan belakang untuk lari dari kebenaran. Oleh sebab itu Rasulullah s.a.w. melarang perdebatan dan pertengkaran yang bukan bertujuan untuk mencari kebenaran, malah semata-mata untuk mencari kemenangan dengan apa cara sekalipun.

Ujar Ibn Jarir kami telah diceritakan oleh Abu Kurayb, kami telah diceritakan oleh Ahmad Ibn Abdul Rahman dari Ubaidah Ibn 'Ubadah dari Ja'far dari al-Qasim dari Abu Umamah ra. katanya: Rasulullah s.a.w dapati orang ramai sedang bertengkar mengenai Al-Qur'an, lalu Rasulullah s.a.w. menjadi begitu marah seolah-olah wajahnya dicurahkan dengan air cuka. Kemudian s.a.w. bersabda:

لا تضربوا كتاب الله بعضه ببعض . فإنه ما ضل قوم قط أوتوا الجدل

"Janganlah kamu lagakan kitab Allah setengah dengan setengahnya. Sesungguhnya tiada akan sesat sesuatu kaum itu melainkan apabila mereka diberi kesukaan berbantah dan berdebat."

Kemudian beliau s.a.w. membaca ayat:

مَا ضَرَبُوهُ لَكَ إِلَّا جَدَلًا بَلْ هُمْ قَوْمٌ خَصِمُونَ ﴿٥٨﴾

"Mereka tidak membuat contoh itu melainkan semata-mata kerana maksud berdebat, malah sebenarnya mereka adalah satu kaum yang suka bertengkar."(58)

Di sana ada satu lagi kemungkinan dalam pentafsiran ayat:

وَقَالُوٓا۟ ءَأَٰلِهَتُنَا خَيْرٌ أَمْ هُوَ

"Dan mereka berkata: Manakah yang lebih baik tuhan-tuhan kami atau dia ('Isa)?"(58)

Kemungkinan ini telah disokong oleh ayat-ayat mengenai kepercayaan-kepercayaan dongeng tentang malaikat iaitu mereka bermaksud menyatakan bahawa ibadat mereka yang menyembah malaikat itu adalah lebih baik dari ibadat orang-orang Kristian yang menyembah 'Isa putera Maryam, kerana sifat dan hubungan malaikat - menurut dongeng mereka - adalah lebih dekat kepada Allah. Maha Suci Allah dari apa yang dikatakan mereka. Mengikut pentafsiran ini, maka maksud kata-kata ulasan:

مَا ضَرَبُوهُ لَكَ إِلَّا جَدَلًا بَلْ هُمْ قَوْمٌ خَصِمُونَ ﴿٥٨﴾

"Mereka tidak membuat contoh itu melainkan semata-mata kerana maksud berdebat, malah sebenarnya mereka adalah satu kaum yang suka bertengkar"(58)

ialah untuk menjawab hujah Abdullah ibn az-Zib'ara, juga untuk menjelaskan bahawa contoh yang dibuat oleh mereka itu adalah tidak betul, kerana perbuatan dan amalan kaum Kristian tidak boleh dijadikan hujah kerana perbuatan itu menyeleweng dari 'aqidah tauhid sama seperti penyelewengan mereka. Oleh itu di sini tidak ada tempat untuk membandingkan di antara satu penyelewengan dengan satu penyelewengan yang lain kerana semuanya sesat belaka. Pentafsiran ini telah dikemukakan oleh setengah-setengah ahli tafsir dan ini merupakan satu pentafsiran yang dekat, kerana itu selepas ulasan ini datang pula penjelasan:

إِنْ هُوَ إِلَّا عَبْدٌ أَنْعَمْنَا عَلَيْهِ وَجَعَلْنَٰهُ مَثَلًا لِّبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ﴿٥٩﴾

"Dia ('Isa) itu hanya seorang hamba yang Kami kurniakan ni'mat (kenabian) kepadanya dah Kami jadikannya contoh (kekuasaan) Kami kepada Bani Israel."(59)

'Isa itu bukannya tuhan yang disembah sebagaimana yang dilakukan oleh segolongan kaum

Kristian yang sesat dan menyeleweng, malah dia hanya seorang hamba yang dikurniakan ni'mat oleh Allah dan dia sama sekali tidak berdosa kerana adanya manusia-manusia yang menyembahnya. Allah telah mengurniakan ni'ma kepadanya supaya menjadi contoh ikutan kepada mereka, tetapi mereka lupakan contoh ikutan itu dan terus sesat jalan.

Al-Qur'an menerangkan dongeng mereka di sekitar malaikat dan menjelaskan kepada mereka bahawa para malaikat itu hanya salah satu dari makhluk-makhluk Allah seperti mereka. Dan jika Allah kehendaki Dia boleh jadikan para malaikat itu menggantikan mereka di bumi ini atau Dia boleh mengubahkan setengah-setengah manusia menjadi malaikat yang menggantikan mereka di bumi ini:

وَلَوْ نَشَآءُ لَجَعَلْنَا مِنكُم مَّلَٰٓئِكَةً فِى ٱلْأَرْضِ يَخْلُفُونَ ﴿٦٠﴾

"Dan andainya Kami kehendaki nescaya Kami jadikan dari kalangan kamu malaikat-malaikat yang mengganti kamu di bumi."(60)

Perkara ini hanya bergantung kepada kehendak iradat Allah sahaja. Apa sahaja yang dikehendaki-Nya akan muncul ke alam al-wujud. Tiada siapa pun yang dapat mendakwa mempunyai hubungan keturunan dengan Allah, kerana tiada hubungan dengan Allah melainkan hubungan Khaliq dengan makhluk, hubungan hamba dengan tuan dan hubungan 'Abid dengan Ma'bud.

Kemudian Al-Qur'an kembali menjelaskan sesuatu mengenai 'Isa a.s. Ia mengingatkan mereka dengan hari Qiamat yang dibohongi dan diragui mereka:

وَإِنَّهُۥ لَعِلْمٌ لِّلسَّاعَةِ فَلَا تَمْتَرُنَّ بِهَا وَٱتَّبِعُونِ ۚ هَٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿٦١﴾

وَلَا يَصُدَّنَّكُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ ۖ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٦٢﴾

"Dan sesungguhnya 'Isa itu merupakan ilmu bagi mengetahui Qiamat, oleh itu janganlah kamu ragukannya dan ikutlah Aku. Inilah jalan yang lurus (61). Dan janganlah kamu dihalangkan syaitan. Sesungguhnya dia musuh kamu yang amat nyata."(62)

Berbagai-bagai hadith yang disampaikan mengenai turunnya 'Isa a.s. ke bumi sebelum berlakunya Qiamat. Inilah yang diisyaratkan oleh ayat ini:

وَإِنَّهُۥ لَعِلْمٌ لِّلسَّاعَةِ

"Dan sesungguhnya 'Isa itu merupakan ilmu bagi mengetahui Qiamat"(61)

yakni dari kedatangannya dapat diketahui bahawa Qiamat tidak lama lagi akan berlaku. Mengikut qira'at yang kedua, ayat ini dibaca:

وَإِنَّهُۥ لَعَلَمٌ لِّلسَّاعَةِ

"Dan sesungguhnya 'Isa itu adalah tanda hari Qiamat."(61)

Yakni dia merupakan alamat bagi Qiamat. Kedua-dua pengertian ini adalah berhampiran.

Dari Abu Hurayrah r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.aw.:

والذي نفسي بيده ليوشكن أن ينزل فيكم ابن مريم حكماً مقسطاً ، فيكسر الصليب ، ويقتل الخنزير ، ويضع الجزية ، ويفيض المال حتى لا يقبله أحد ، حتى تكون السجدة الواحدة خيراً من الدنيا وما فيها

"Demi nyawaku di tangan kekuasaan-Nya, tidak lama lagi akan turun putera Maryam di kalangan kamu selaku hakim yang adil, ia akan mematahkan salib, membunuh babi-babi, menghapuskan jizyah, melimpahkan harta hingga tiada seorang pun yang mahu menerimanya, hingga satu sujud solat lebih baik dari dunia dan segala isinya."[2]

Dari Jabir r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

لا تزال طائفة من أمتي يقاتلون على الحق ظاهرين إلى يوم القيمة . فينزل عيسى ابن مريم ، فيقول أميرهم: تعالى : صل لنا . فيقول : لا . إن بعضكم على بعض أمراء تكرمة الله تعالى لهذه الأمة

"Segolongan umatku akan terus berjuang membela agama yang benar dengan mendapat kemenangan sehingga kepada hari Qiamat. Lalu turunlah 'Isa putera Maryam, maka berkatalah pemimpin mereka (kepada 'Isa): Marilah, do'akanlah untuk kami. Maka jawab beliau: Tidak, sesungguhnya setengah kamu menjadi pemimpin-pemimpin kepada setengah yang lain. Itulah penghormatan Allah kepada umat ini."[3]

Ini merupakan perkara-perkara ghaib yang diterangkan kepada kita oleh Rasulullah s.a.w. yang benar dan amanah dan diisyaratkan oleh Al-Qur'anul-Karim. Dan manusia tidak boleh berkata apa-apa mengenainya melainkan sekadar apa yang diterangkan oleh kedua-dua sumber yang tetap ini sehingga hari Qiamat.

فَلَا تَمْتَرُنَّ بِهَا وَٱتَّبِعُونِ ۚ هَٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿٦١﴾

"...... Oleh itu janganlah kamu ragukannya dan ikutlah Aku. Inilah jalan yang lurus."(61)

Mereka meragui hari Qiamat, sedangkan Al-Qur'an menyeru mereka kepada keyakinan. Mereka menyeleweng dari jalan hidayat, sedangkan Al-Qur'an mengajak mereka melalui lidah Rasulullah s.a.w. supaya mengikutinya, kerana beliau memimpin mereka ke jalan yang lurus dan bermatlamat, iaitu jalan yang menyampaikan kepada Allah dan tidak menyesatkan orang-orang yang berjalan di atasnya.

Al-Qur'an menerangkan kepada mereka bahawa penyelewengan dan kesesatan itu adalah akibat

---

[2] *Dikeluarkan oleh Malik, al-Bukhari, Muslim dan Abu Daud.*

[3] *Dikeluarkan oleh Muslim.*

mengikut syaitan, sedangkan Rasul itu lebih utama diikuti mereka:

وَلَا يَصُدَّنَّكُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٦٢﴾

"Dan janganlah kamu dihalangkan syaitan. Sesungguhnya dia musuh kamu yang amat nyata."(62)

Pertarungan Abadi Di Antara Syaitan Dengan Manusia

Al-Qur'an sentiasa mengingatkan manusia tentang pertarungan abadi di antara mereka dengan syaitan sejak moyang mereka Adam a.s. dan sejak pertarungan yang pertama di dalam Syurga. Orang yang paling lalai dan cuai ialah orang yang mengetahui mempunyai musuh ketat yang sentiasa menunggu kesempatan untuk membinasakannya, namun demikian dia tidak berhati-hati dan berwaspada terhadapnya, kemudian dia bertindak lebih jauh iaitu dia menjadi pengikut kepada musuhnya yang amat jelas itu.

Islam telah meletakkan manusia dalam pertarungan abadi di antaranya dengan syaitan di sepanjang hidupnya di muka bumi ini. Ia telah menyediakan keuntungan yang tidak terlintas di hati manusia apabila dia mendapat kemenangan dalam pertarungan itu dan ia juga menyediakan kerugian-kerugian yang amat besar (di Akhirat) yang tidak terduga oleh hati manusia apabila ia kalah dalam peraturan itu. Demikianlah Islam mengalihkan segala tenaga juang manusia ke medan pertarungan yang abadi ini. Dan pertarungan inilah yang menjadikan manusia itu insan dan menjadikan manusia itu satu makhluk yang mempunyai ciri istimewa di antara berbagai-bagai makhluk yang mempunyai berbagai-bagai sifat dan tabi'at. Pertarungan inilah yang menjadikan matlamat hidup manusia yang paling besar ialah menewaskan musuh syaitan. Dan kemenangan dalam pertarungan itu bererti kemenangan mengalahkan kejahatan, kekejian dan kekotoran, di samping menegakkan tiang-tiang kebajikan, kebaikan dan kebersihan di muka bumi.

Selepas itu Al-Qur'an kembali menerangkan hakikat 'Isa a.s. dan hakikat risalah yang dibawa beliau, dan bagaimana kaumnya telah berselisih sebelumnya dan selepasnya:

وَلَمَّا جَآءَ عِيسَىٰ بِٱلْبَيِّنَٰتِ قَالَ قَدْ جِئْتُكُم
بِٱلْحِكْمَةِ وَلِأُبَيِّنَ لَكُم بَعْضَ ٱلَّذِى تَخْتَلِفُونَ فِيهِ
فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿٦٣﴾
إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ رَبِّى وَرَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ هَٰذَا صِرَٰطٌ
مُّسْتَقِيمٌ ﴿٦٤﴾
فَٱخْتَلَفَ ٱلْأَحْزَابُ مِنۢ بَيْنِهِمْ فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ
ظَلَمُوا۟ مِنْ عَذَابِ يَوْمٍ أَلِيمٍ ﴿٦٥﴾

"Dan apabila 'Isa membawa keterangan-keterangan yang jelas ia berkata: Sesungguhnya aku datang kepada kamu membawa hikmat dan untuk menjelaskan kepada kamu sebahagian dari persoalan (agama) yang kamu berselisih mengenainya, kerana itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepada-Ku (63). Sesungguhnya Allah itu Tuhanku dan Tuhan kamu. Oleh itu, hendaklah kamu sembahkan-Nya. Itulah jalan yang lurus (64). Kemudian golongan-golongan yang terdapat di kalangan mereka berselisih sesama mereka, maka celakalah kepada orang-orang yang zalim dari 'azab keseksaan hari Qiamat yang amat pedih."(65)

Nabi 'Isa a.s. telah membawa berbagai-bagai bukti dan penerangan-penerangan yang jelas sama ada di dalam bentuk mu'jizat-mu'jizat yang diperlakukan Allah di atas tangan beliau atau dalam bentuk huraian-huraian dan arahan-arahan untuk membimbing mereka ke jalan yang lurus. Beliau telah bersabda kepada kaumnya:

قَدْ جِئْتُكُم بِٱلْحِكْمَةِ

".....Sesungguhnya aku datang kepada kamu membawa hikmat"(63)

dan barang siapa yang dikurniakan hikmat (الحكمة) bererti dia telah dikurniakan kebajikan yang melimpah ruah dan dia terselamat dari segala kegelinciran, kesesatan, keterlaluan dan kecuaian. Dia dapat mengaturkan langkah-langkahnya di atas jalan hidayat dengan penuh keyakinan, ketenangan dan dengan panduan nur hidayat.

Perpecahan Dan Perselisihan Penganut-penganut Kristian Mengenai 'Aqidah Dan Syari'at Mereka

Beliau datang untuk menerangkan persoalan-persoalan yang menjadi punca perselisihan. Mereka telah berselisih faham dalam berbagai-bagai masalah syari'at Musa a.s. dan mereka telah berpecah kepada berbagai-bagai puak dan golongan. Beliau menyeru mereka supaya bertaqwa kepada Allah dan mematuhi segala peraturan dan ajaran yang datang dari Allah. Beliau telah menjelaskan kepada mereka 'aqidah tauhid dengan terus-terang, bersih, tiada sebarang kekeliruan dan kesamaran:

إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ رَبِّى وَرَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ

"Sesungguhnya Allah itu Tuhanku dan Tuhan kamu. Oleh itu, hendaklah kamu sembahkan-Nya."(64)

Beliau tidak berkata: "Dia itu Tuhan" atau "Dia itu anak Allah", beliau tidak membayangkan sama ada dari dekat atau dari jauh bahawa beliau mempunyai sesuatu pertalian dengan Allah selain dari pertalian 'Ubudiyah dari pihaknya dan pertalian Rububiyah dari pihak Allah Tuhan semesta alam. Beliau berkata kepada mereka:

هَٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿٦٤﴾

"Inilah jalan yang lurus".

Yakni tidak berbelit-belit dan tidak bengkok, tidak ada kegelinciran dan kesesatan, tetapi orang-orang yang datang selepas beliau telah berselisih faham dan berpecah kepada berbagai-bagai puak sebagaimana orang-orang yang sebelum mereka telah berselisih dan berpecah kepada berbagai-bagai puak. Mereka berselisih dan berpecah secara zalim tanpa hujah dan tanpa kekeliruan:

فَوَيۡلٌ لِّلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنۡ عَذَابِ يَوۡمٍ أَلِيمٍ ٦٥

"Maka celakalah kepada orang-orang yang zalim dari 'azab keseksaan hari Qiamat yang amat pedih."(65)

Nabi 'Isa a.s. telah diutus kepada Bani Israel. Mereka memang menunggu kedatangannya untuk menyelamatkan mereka dari kehinaan hidup tertindas di bawah pemerintahan Roman. Mereka menunggunya begitu lama, tetapi apabila beliau datang, mereka telah melakukan berbagai-bagai tindakan dan perbuatan yang menyusahkan beliau dan mereka merancang untuk mensalibkannya.

Apabila 'Isa al-Masih datang, beliau dapati kaumnya berpecah kepada berbagai-bagai puak dan agama dan yang terpentingnya ialah empat puak atau golongan iaitu:

1. Golongan Saduqi[4] iaitu nisbah kepada Saduq. Dia dan keluarganya yang memegang kuasa ketua paderi sejak dari zaman Nabi Daud dan Nabi Sulaiman 'alaihimas-salam. Mengikut asal-usul syari'at keturunan, Saduq itu pastilah dihubungkan kepada Harun saudara Musa, kerana zuriat keturunannya yang menjaga dan menyelenggarakan urusan Haykal (rumah ibadat) sesuai dengan tugas dan pekerjaan mereka yang menyelenggara urusan rumah ibadat itu. Mereka bersikap amat ketat dalam menjaga peraturan-peraturan ibadat dan upacara-upacaranya. Mereka menolak perkara-perkara bid'ah, tetapi dalam waktu yang sama mereka begitu bebas dalam kehidupan peribadi mereka dan meni'mati segala kesenangan hidup dan mereka tidak percaya kepada hari Qiamat.

2. Golongan Farisi.[5] Golongan ini berbalah dengan golongan Saduqi. Mereka mengecam golongan Saduqi kerana terlalu mengetatkan peraturan-peraturan ibadat dan upacara-upacaranya dan kerana tidak percaya kepada kebangkitan selepas mati dan kepada Hisab. Sifat yang menonjol dari golongan Farisi ini ialah sifat zahid dan sufi walaupun setengah-setengah mereka memperlihatkan sifat angkuh dan bangga dengan ilmu pengetahuan mereka. Nabi 'Isa al-Masih a.s. pernah mengecam sikap mereka yang angkuh dan lancang lidah.

3. Golongan Samiri[6]. Golongan ini adalah campuran dari orang-orang Yahudi dan orang-orang Asyuri. Mereka berpegang dengan lima kitab-kitab suci zaman lama (yang ditulis sebelum al-Masih) yang terkenal dengan panggilan kitab-kitab suci Musa dan menolak segala kitab suci yang lain darinya yang telah ditambah kepada kitab-kitab suci itu di zaman-zaman kebelakangan, iaitu kitab-kitab yang dianggap suci oleh golongan yang lain dari mereka.

4. Golongan Aasin atau Asiniyin[7].Golongan ini terpengaruh dengan setengah-setengah aliran pengajian falsafah. Mereka hidup terpencil dari golongan-golongan Yahudi yang lain. Mereka mengamalkan cara hidup yang ketat dan kasar. Mereka juga mengenakan peraturan-peraturan yang ketat ke atas kumpulan mereka.

Selain dari golongan-golongan yang besar ini di sana terdapat berbagai-bagai aliran agama peribadi dan berbagai-bagai bentuk 'aqidah dan adat resam di antara kaum Israel itu. Mereka hidup hina dan tertindas di bawah pemerintahan empayar Roman. Mereka menunggu kebebasan dari tangan seorang rasul yang ditunggu-tunggu oleh semua orang.

Apabila 'Isa al-Masih a.s. datang membawa 'aqidah tauhid yang diumumkan dengan katanya:

إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ رَبِّي وَرَبُّكُمۡ فَٱعۡبُدُوهُۚ

".....Sesungguhnya Allah itu Tuhanku dan Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu sembahkan-Nya"(64)

juga membawa bersamanya syari'at yang lebih dahulu menekankan amalan toleransi dan membersih jiwa dan hati dari menekankan peraturan-peraturan dan upacara-upacara agama yang lahir, maka beliau telah ditentang oleh ahli-ahli agama profesional yang semata-mata mengamalkan peraturan-peraturan dan upacara-upacara agama yang lahir itu.

Di antara sabda 'Isa al-Masih a.s. yang mengecam golongan ini ialah:

> "Mereka mengikat barang-barang yang berat dan memaksa orang ramai supaya memikulnya di atas bahu mereka, sedangkan mereka tidak menghulurkan sepotong jari pun untuk menolong mengangkatkannya. Segala amalan mereka adalah dibuat supaya dilihat orang. Mereka membesar-besarkan pakaian kepala mereka dan memanjang-manjangkan ekor baju mereka. Mereka membolot kerusi barisan pertama di majlis-majlis jamuan dan tempat-tempat duduk yang pertama di dalam perhimpunan-perhimpunan. Mereka mencari ucapan-ucapan penghormatan di kedai-kedai dan mereka mengharap supaya dikatakan kepada mereka 'Tuan hamba'! Tuan hamba!' di mana sahaja mereka pergi."
>
> 'Isa al-Masih juga pernah memberi syarahan kepada mereka dengan sabdanya: "Wahai pemimpin-pemimpin yang buta yang mengira seekor nyamuk tetapi menelan seekor unta! Kamu

---

[4] الصدوقيين (Sadducean atau Sadducees).

[5] الفريسيين (Pharisees)

[6] السامريين (Samaritans)

[7] الآسين atau الأسينيين.

membersih bahagian luar gelas dan pinggan, sedangkan di dalamnya penuh berisi najis dan kekotoran. Celakalah bagi kamu, wahai para penulis dan para pengikut golongan Farisi yang suka menonjol-nonjolkan diri! Kamu adalah laksana kubur yang di sapu cat putih, di luarnya berkilat dengan cat tetapi di dalamnya berisi tulang-tulang yang reput."[8]

Orang yang membaca kata-kata al-Masih a.s. ini dan lainnya mengenai perkara ini hampir melibat bahawa sifat mereka adalah sama dengan sifat ahli-ahli agama profesional di zaman kita ini. Satu sifat yang berulang-ulang bagi ahli-ahli agama profesional yang dapat dilihat pada setiap waktu.

Kemudian apabila 'Isa al-Masih a.s. kembali kepada Tuhannya, maka pengikut-pengikutnya telah berselisih dan berpecah kepada berbagai-bagai puak dan golongan. Setengah-setengah mereka mempertuhankan al-Masih dan setengahnya pula menganggap beliau sebagai anak Allah, sementara setengah yang lain menjadikan Allah tiga uqnum atau tritunggal, dan salah satunya ialah al-Masih putera Maryam. Demikianlah hilangnya agama tauhid yang bersih yang dibawa oleh 'Isa a.s., dan hilanglah da'wah beliau yang menyeru manusia kepada Allah supaya mereka mentuluskan keta'atan kepada-Nya.[9]

فَٱخۡتَلَفَ ٱلۡأَحۡزَابُ مِنۢ بَيۡنِهِمۡۖ فَوَيۡلٞ لِّلَّذِينَ
ظَلَمُواْ مِنۡ عَذَابِ يَوۡمٍ أَلِيمٍ ٦٥

"Kemudian golongan-golongan yang terdapat di kalangan mereka berselisih sesama mereka, maka celakalah kepada orang-orang yang zalim dari 'azab keseksaan hari Qiamat yang amat pedih."(65)

Kemudian datang kaum Musyrikin Arab menghujahkan Rasulullah s.a.w. tentang 'Isa 'alihis-salam dengan perbuatan dan amalan golongan-golongan pengikut 'Isa yang telah berselisih dan berpecah-belah selepas beliau, juga dengan dongeng-dongeng yang diada-adakan mereka di sekitar beliau.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 66 - 77)

Sahabat-sahabat Karib Berseteru Pada Hari Qiamat

Apabila Al-Qur'an memperkatakan tentang **"orang-orang yang zalim"** ia gabungkan golongan-golongan pengikut 'Isa a.s. yang berpecah-belah selepas beliau dengan golongan Musyrikin yang menghujahkan Rasulullah s.a.w. dengan perbuatan dan amalan golongan-golongan itu. Di samping itu ia menggambarkan pula keadaan mereka pada hari Qiamat dalam satu pemandangan yang menarik dan panjang termasuk pemandangan yang menggambarkan para Muttaqin yang dimuliakan di dalam taman-taman Syurga yang penuh ni'mat:

هَلۡ يَنظُرُونَ إِلَّا ٱلسَّاعَةَ أَن تَأۡتِيَهُم بَغۡتَةٗ
وَهُمۡ لَا يَشۡعُرُونَ ٦٦
ٱلۡأَخِلَّآءُ يَوۡمَئِذِۭ بَعۡضُهُمۡ لِبَعۡضٍ عَدُوٌّ إِلَّا
ٱلۡمُتَّقِينَ ٦٧
يَٰعِبَادِ لَا خَوۡفٌ عَلَيۡكُمُ ٱلۡيَوۡمَ وَلَآ أَنتُمۡ تَحۡزَنُونَ ٦٨
ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِـَٔايَٰتِنَا وَكَانُواْ مُسۡلِمِينَ ٦٩
ٱدۡخُلُواْ ٱلۡجَنَّةَ أَنتُمۡ وَأَزۡوَٰجُكُمۡ تُحۡبَرُونَ ٧٠
يُطَافُ عَلَيۡهِم بِصِحَافٖ مِّن ذَهَبٖ وَأَكۡوَابٖۖ وَفِيهَا
مَا تَشۡتَهِيهِ ٱلۡأَنفُسُ وَتَلَذُّ ٱلۡأَعۡيُنُۖ وَأَنتُمۡ فِيهَا
خَٰلِدُونَ ٧١
وَتِلۡكَ ٱلۡجَنَّةُ ٱلَّتِيٓ أُورِثۡتُمُوهَا بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ٧٢
لَكُمۡ فِيهَا فَٰكِهَةٞ كَثِيرَةٞ مِّنۡهَا تَأۡكُلُونَ ٧٣
إِنَّ ٱلۡمُجۡرِمِينَ فِي عَذَابِ جَهَنَّمَ خَٰلِدُونَ ٧٤
لَا يُفَتَّرُ عَنۡهُمۡ وَهُمۡ فِيهِ مُبۡلِسُونَ ٧٥
وَمَا ظَلَمۡنَٰهُمۡ وَلَٰكِن كَانُواْ هُمُ ٱلظَّٰلِمِينَ ٧٦
وَنَادَوۡاْ يَٰمَٰلِكُ لِيَقۡضِ عَلَيۡنَا رَبُّكَۖ قَالَ إِنَّكُم مَّٰكِثُونَ ٧٧

"Mereka tidak menunggu kecuali hari Qiamat yang akan datang kepada mereka secara mendadak, sedangkan mereka tidak sedar (66). Sahabat-sahabat yang rapat pada hari itu menjadi musuh terhadap satu sama lain kecuali orang-orang yang bertaqwa (67). Wahai hamba-hamba-Ku! Pada hari ini tiada apa kebimbangan kepada kamu dan tidak pula kamu akan berdukacita (68). (Iaitu) orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami dan mereka telah menyerah diri kepada Allah (69). Masuklah kamu ke dalam Syurga bersama-sama isteri kamu di mana kamu diberi sepenuh kegembiraan (70). (Sajian-sajian) diedarkan kepada mereka dengan pinggan-pinggan dan piala-piala dari emas. Dan di dalam Syurga terdapat segala apa yang diidami hati dan segala apa yang sedap dipandang mata, dan kamu akan tinggal kekal abadi di dalamnya (71). Dan itulah Syurga yang diberikan kepada kamu mewarisinya dengan berkat amalan-amalan yang dikerjakan kamu (72). Didalamnya terdapat

---

[8] *Dipetik dari buku:* عبقرية المسيح *oleh Ustaz 'Abbas Mahmud al-Aqqad.*

[9] *Perselisihan ini dihuraikan dengan lebih terperinci dalam tafsir ini Juzu' yang kedua puluh pada firman Allah:* إن هذا القرآن يقص على بني إسرائيل أكثر الذي هم فيه يختلفون

berbagai-bagai buah-buahan untuk dimakan kamu (73). Sesungguhnya orang-orang yang berdosa itu kekal di dalam 'azab Neraka Jahannam (74). Ke'azaban itu tidak akan diringankan dari mereka dan mereka tinggal di dalamnya dengan keadaan putus asa (75). Dan Kami sekali-kali tidak menganiayakan mereka, tetapi merekalah yang menganiayai (diri sendiri) (76). Mereka berseru: Wahai Malik! Biarlah Tuhanmu binasakan sahaja kami ini. Jawab Malik: Sesungguhnya kamu akan tetap tinggal di dalam 'azab."(77)

Pemandangan itu dimulakan dengan berlakunya hari Qiamat secara mendadak tanpa disedari mereka:

هَلْ يَنظُرُونَ إِلَّا ٱلسَّاعَةَ أَن تَأْتِيَهُم بَغْتَةً
وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ٦٦

"Mereka tidak menunggu kecuali hari Qiamat yang akan datang kepada mereka secara mendadak, sedangkan mereka tidak sedar."(66)

Peristiwa yang mendadak itu telah menimbulkan perubahan yang aneh iaitu ia mengubahkan segala adat kebiasaan dalam kehidupan mereka:

ٱلْأَخِلَّآءُ يَوْمَئِذٍۭ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ إِلَّا
ٱلْمُتَّقِينَ ٦٧

"Sahabat-sahabat yang rapat pada hari itu menjadi musuh terhadap satu sama lain kecuali orang-orang yang bertaqwa."(67)

Perseteruan di antara sahabat-sahabat karib itu adalah lahir dari hubungan mereka yang mesra di dunia, semasa di dunia mereka sentiasa berpakat untuk melakukan kejahatan dan saling nasihat menasihat mengikut jalan yang sesat, tiba-tiba pada hari ini mereka saling caci mencaci. Pada hari ini mereka menuduh satu sama lain sebagai bertanggungjawab di atas kesesatan dan akibat yang buruk yang diterima mereka. Pada hari ini mereka terbalik menjadi musuh-musuh yang bertengkaran, sedangkan dahulunya mereka adalah sahabat-sahabat karib yang berbisik-bisik mesra.

"Kecuali orang-orang yang bertaqwa"...yakni kasih sayang dan kemesraan mereka terhadap satu sama lain adalah kekal tidak berubah, kerana mereka di dunia sentiasa seia sekata dan bersatupadu mengikut jalan hidayat dari saling berpesan supaya berbuat kebaikan dan menuju ke jalan yang selamat.

Ketika sahabat-sahabat karib itu bertengkar dan bergaduh, seluruh-alam al-wujud bergema dengan seruan Ilahi Yang Maha Tinggi dan Maha Mulia yang dihadapkan kepada para Muttaqin:

يَٰعِبَادِ لَا خَوْفٌ عَلَيْكُمُ ٱلْيَوْمَ وَلَآ أَنتُمْ تَحْزَنُونَ ٦٨
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَكَانُوا۟ مُسْلِمِينَ ٦٩
ٱدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ أَنتُمْ وَأَزْوَٰجُكُمْ تُحْبَرُونَ ٧٠

"Wahai hamba-hambaku! Pada hari ini tiada apa kebimbangan kepada kamu dan tidak pula kamu akan berdukacita (68). (Iaitu) orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami dan mereka telah menyerahkan diri kepada Allah (69). Masuklah kamu ke dalam Syurga bersama-sama isteri kamu, di mana kamu diberi sepenuh kegembiraan."(70)

Yakni kamu akan penuh bergembira dan sukacita di dalam Syurga hingga tanda-tandanya dapat dilihat pada setiap bahagian anggota dan rupa paras kamu.

Kemudian kita melihat dengan mata imaginasi pinggan-pinggan makanan dan piala-piala minuman dari emas diedarkan kepada mereka di dalam Syurga. Di sana mereka memperolehi segala apa yang diidami hati mereka dan di samping menjadi selera hati, di sana terdapat pula kelazatan dan keni'matan mata memandang. Ia merupakan kesempurnaan dan keindahan dari penghormatan yang diberikan kepada mereka.

يُطَافُ عَلَيْهِم بِصِحَافٍ مِّن ذَهَبٍ وَأَكْوَابٍ ۖ وَفِيهَا
مَا تَشْتَهِيهِ ٱلْأَنفُسُ وَتَلَذُّ ٱلْأَعْيُنُ ۖ

"(Sajian-sajian) diedarkan kepada mereka dengan pinggan-pinggan dan piala-piala dari emas. Dan di dalam Syurga terdapat segala apa yang diidami hati dan segala apa yang sedap dipandang mata."(71)

Dan di samping ni'mat-ni'mat itu ada satu lagi ni'mat yang lebih besar, iaitu mereka dimuliakan dengan firman dari Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Mulia:

وَأَنتُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ٧١
وَتِلْكَ ٱلْجَنَّةُ ٱلَّتِىٓ أُورِثْتُمُوهَا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ٧٢
لَكُمْ فِيهَا فَٰكِهَةٌ كَثِيرَةٌ مِّنْهَا تَأْكُلُونَ ٧٣

"Dan kamu akan tinggal kekal abadi di dalamnya (71). Dan itulah Syurga yang diberikan kepada kamu mewarisinya dengan berkat amalan-amalan yang dikerjakan kamu (72). Di dalamnya terdapat berbagai-bagai buah-buahan untuk dimakan kamu."(73)

Bagaimana pula nasib orang-orang yang berdosa yang kita telah tinggalkan mereka sebentar tadi ketika mereka sedang berbalah dan bertengkar satu sama lain itu?

إِنَّ ٱلْمُجْرِمِينَ فِى عَذَابِ جَهَنَّمَ خَٰلِدُونَ ٧٤

"Sesungguhnya orang-orang yang berdosa itu kekal di dalam 'azab Neraka Jahannam."(74)

'Azab Neraka itu adalah 'azab yang berterusan dan amat panas. Tidak pernah berhenti barang sedetik pun dan tidak pernah dingin barang sesa'at pun, tiada sekilas cahaya harapan untuk terlepas darinya walaupun harapan yang jauh. Seluruh mereka berada dalam keadaan putus asa:

لَا يُفَتَّرُ عَنْهُمْ وَهُمْ فِيهِ مُبْلِسُونَ ٧٥

"Ke'azaban itu tidak akan diringankan dari mereka dan mereka tinggal di dalamnya dengan keadaan putus asa."(75)

Demikianlah perbuatan mereka terhadap diri mereka sendiri. Merekalah sendiri yang menjerumuskan diri mereka ke dalam 'azab yang membinasakan mereka ini. Mereka menzalimi diri sendiri bukannya dizalimi Allah.

وَمَا ظَلَمْنَٰهُمْ وَلَٰكِن كَانُوا۟ هُمُ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٧٦﴾

"Dan Kami sekali-kali tidak menganiayakan mereka, tetapi merekalah yang menganiayai (diri sendiri)."(76)

Kemudian suasana dipecahkan oleh satu pekikan dari jauh, iaitu satu pekikan yang membayangkan segala perasaan putus asa, susah dan derita:

وَنَادَوْا۟ يَٰمَٰلِكُ لِيَقْضِ عَلَيْنَا رَبُّكَ

"Mereka berseru: Wahai Malik! Biarlah Tuhanmu binasakan sahaja kami ini."(77)

Itulah pekikan yang merintih dari, jauh, iaitu pekikan yang datang dari belakang pintu-pintu neraka yang tertutup. Itulah pekikan dari orang-orang yang berdosa, yang menzalimi diri mereka sendiri. Mereka berpekik bukan kerana meminta kelepasan dan pertolongan, kerana mereka telah putus asa, tetapi mereka berpekik meminta mereka dimatikan terus dengan segera supaya mereka dapat berehat. Alangkah dahsyatnya penderitaan seorang apabila maut itu menjadi angan-angannya! Seruan itu membayangkan penderitaan kesengsaraan jiwa yang amat tebal, dan di sebalik seruan itu kita hampir-hampir dapat melihat akal orang-orang yang telah hilang siumannya kerana terlalu dahsyat menerima 'azab dan melihat badan-badan mereka yang tidak berdaya lagi menanggung derita, dan kerana inilah terbitnya pekikan:

يَٰمَٰلِكُ لِيَقْضِ عَلَيْنَا رَبُّكَ

".......... Wahai Malik! Biarlah Tuhanmu binasakan sahaja kami ini."(77)

Tetapi jawapan yang sampai kepada mereka amat menghampa dan mengecewakan. Jawapan itu sama sekali tidak memperdulikan rayuan mereka:

قَالَ إِنَّكُم مَّٰكِثُونَ ﴿٧٧﴾

"....... Jawab Malik: Sesungguhnya kamu akan tetap tinggal di dalam 'azab."(77)

Oleh itu tiada jalan keluar, tiada harapan, tiada maut dan tiada kebinasaan, malah kamu akan tetap tinggal di dalam 'azab.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 78 - 80)

Dalam bayangan suasana pemandangan yang amat mendukakan ini Al-Qur'an tujukan perkataannya yang berikut kepada kaum Musyrikin yang bencikan kebenaran, berpaling dari jalan hidayat dan menjurus kepada kesudahan yang mendukakan. Ia juga melahirkan rasa ta'jub terhadap sikap mereka di hadapan khalayak yang ramai dalam suasana yang amat sesuai untuk menyampaikan peringatan dan melahirkan rasa ta'jub itu:

لَقَدْ جِئْنَٰكُم بِٱلْحَقِّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَكُمْ لِلْحَقِّ كَٰرِهُونَ ﴿٧٨﴾
أَمْ أَبْرَمُوٓا۟ أَمْرًا فَإِنَّا مُبْرِمُونَ ﴿٧٩﴾
أَمْ يَحْسَبُونَ أَنَّا لَا نَسْمَعُ سِرَّهُمْ وَنَجْوَىٰهُم ۚ بَلَىٰ وَرُسُلُنَا لَدَيْهِمْ يَكْتُبُونَ ﴿٨٠﴾

"Sesungguhnya Kami telah membawa kebenaran kepada kamu, tetapi kebanyakkan kamu bencikan kebenaran (78). Apakah mereka telah menetapkan satu-rancangan (jahat terhadap Muhammad), maka sesungguhnya Kami juga telah menetapkan rancangan balas? (79) Apakah mereka menyangka bahawa Kami tidak mendengar rahsia dan bisikan-bisikan mereka? Sebenarnya (Kami mendengar) dan utusan-utusan (malaikat) Kami mencatat segala-galanya di sisi mereka."(80)

Sikap Bencikan Kebenaran Dan Sebab-sebabnya

Sikap benci terhadap kebenaran itulah yang menghalangi mereka dari mengikuti kebenaran. Mereka bukannya dihalangi kerana tidak dapat memahami kebenaran itu dan bukan pula kerana mereka meragui kebenaran Rasulullah s.a.w., kerana selama ini mereka tidak pernah tahu bahawa beliau pernah berbohong kepada manusia apatah lagi hendak berbohong kepada Allah dan membuat dakwaan-dakwaan palsu terhadap-Nya.

Orang-orang yang memerangi kebenaran itu biasanya bukan kerana mereka jahil terhadap kebenaran itu, tetapi kerana mereka bencikannya dengan sebab kebenaran itu bertentangan dengan kehendak-kehendak nafsu mereka atau menghalanginya, sedangkan mereka terlalu lemah untuk mengawal hawa nafsu mereka, tetapi terlalu berani menentang kebenaran dan para pejuangnya. Dari kelemahan mereka menghadapi kehendak-kehendak hawa nafsu inilah mereka memperolehi kekuatan untuk menentang kebenaran dan para pejuangnya.

Oleh kerana itu Allah Yang Maha Gagah Perkasa dan Yang Maha Mengetahui dengan segala rahsia dan tipu daya mereka memberi amaran kepada mereka:

أَمْ أَبْرَمُوٓا۟ أَمْرًا فَإِنَّا مُبْرِمُونَ ﴿٧٩﴾

"Apakah mereka telah menetapkan satu rancangan (jahat terhadap Muhammad), maka sesungguhnya Kami juga telah menetapkan rancangan balas?"(79)

Sikap mereka yang degil mempertahankan kebatilan dan menentang kebenaran telah ditentang oleh perintah dan kehendak iradat Allah yang tegas untuk

menegakkan kebenaran itu. Rancangan-rancangan tipu daya dan jahat yang diaturkan mereka di dalam gelap itu telah diketahui Allah yang mengetahui segala rahsia dan segala bisikan mereka. Dan semua orang tahu apakah akibatnya apabila manusia yang serba lemah itu berdepan dengan Allah Yang Maha Pencipta, Maha Perkasa dan Maha Mengetahui.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 81 - 83)

Selepas amaran yang menakutkan ini Al-Qur'an meninggalkan mereka, lalu mengarahkan rasul-Nya yang mulia supaya menyampaikan penerangan kepada mereka, dan selepas itu meninggalkan mereka menunggu nasib kesudahan yang telah disaksikan mereka sekejap tadi:

قُلْ إِن كَانَ لِلرَّحْمَٰنِ وَلَدٌ فَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْعَٰبِدِينَ ﴿٨١﴾
سُبْحَٰنَ رَبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ رَبِّ ٱلْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٨٢﴾
فَذَرْهُمْ يَخُوضُوا۟ وَيَلْعَبُوا۟ حَتَّىٰ يُلَٰقُوا۟ يَوْمَهُمُ ٱلَّذِى يُوعَدُونَ ﴿٨٣﴾

"Katakanlah jika Tuhan Yang Maha Penyayang itu benar-benar mempunyai anak, maka akulah orang yang mula-mula menyembahnya (81). Maha Sucilah Tuhan yang memiliki langit dan bumi dan Tuhan yang memiliki Arasy dari dakwaan-dakwaan karut yang disifatkan mereka (82). Oleh itu biarkanlah mereka mengharungi kesesatan dan bermain-main hingga mereka menemui hari yang dijanjikan kepada mereka."(83)

Mereka menyembah malaikat-malaikat dengan anggapan bahawa malaikat-malaikat itu adalah puteri-puteri Allah, tetapi jika benar Allah itu mempunyai anak tentulah orang yang paling wajar menyembahnya ialah Nabi dan Rasul-Nya kerana beliau amat hampir kepada Allah dan amat segera mematuhi perintah Allah dan beribadat kepada-Nya, juga memuliakan anak-Nya jika Dia benar mempunyai anak seperti yang didakwakan kaum Musyrikin itu. Tetapi apa yang berlaku Rasulullah s.a.w. hanya menyembah Allah S.W.T. sahaja. Ini sahaja cukup membuktikan bahawa dakwaan mereka yang mengatakan Allah mempunyai anak itu adalah satu dakwaan yang tidak berasas, tidak mempunyai sebarang sandaran dan sebarang dalil. Maha Suci Allah dari dakwaan yang amat aneh yang dikatakan mereka:

سُبْحَٰنَ رَبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ رَبِّ ٱلْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٨٢﴾

"Maha Sucilah Tuhan yang memiliki langit dan bumi dan Tuhan yang memiliki 'Arasy dari dakwaan-dakwaan karut yang disifatkan mereka."(82)

Apabila seseorang itu meneliti kejadian langit dan bumi dan memikirkan undang-undang dan peraturannya yang selaras serta memikirkan sejauh mana keagungan, ketinggian dan kekuasaan Allah di sebalik undang-undang dan peraturan yang terkandung di dalam ungkapan: **"Tuhan yang memiliki Arasy"**(رب العرش)... nescaya akan pudarlah segala prasangka dan segala dakwaan seperti itu, malah ia akan memahami dengan fitrahnya bahawa Allah yang telah menciptakan segala-galanya ini tidak mungkin mempunyai apa sahaja titik keserupaan dengan makhluk yang beranak pinak itu. Berdasarkan hakikat ini nyatalah bahawa dakwaan dan kata-kata kaum Musyrikin hanya merupakan permainan dan perbuatan meraba-raba di dalam kesesatan yang tidak wajar dibahas dan diperdebatkan, malah wajar diabaikan begitu sahaja dan diberi amaran:

فَذَرْهُمْ يَخُوضُوا۟ وَيَلْعَبُوا۟ حَتَّىٰ يُلَٰقُوا۟ يَوْمَهُمُ ٱلَّذِى يُوعَدُونَ ﴿٨٣﴾

"Oleh itu biarkanlah mereka mengharungi kesesatan dan bermain-main hingga mereka menemui hari yang dijanjikan kepada mereka."(83)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 84 - 86)

Setelah meninggal dan mengabaikan kaum Musyrikin itu, Al-Qur'an terus memuji-muji Allah dan mentauhidkan-Nya dengan sifat-sifat yang layak dengan Rububiyah-Nya yang memiliki langit, bumi dan 'Arasy Yang Maha Agung:

وَهُوَ ٱلَّذِى فِى ٱلسَّمَآءِ إِلَٰهٌ وَفِى ٱلْأَرْضِ إِلَٰهٌ ۚ وَهُوَ ٱلْحَكِيمُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٨٤﴾
وَتَبَارَكَ ٱلَّذِى لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَعِندَهُۥ عِلْمُ ٱلسَّاعَةِ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٨٥﴾
وَلَا يَمْلِكُ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِ ٱلشَّفَٰعَةَ إِلَّا مَن شَهِدَ بِٱلْحَقِّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٨٦﴾

"Dan Dialah Tuhan yang disembah di langit dan Tuhan yang disembah di bumi dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui (84). Dan Maha Sucilah Allah yang memiliki kerajaan langit dan bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya dan hanya di sisi Allah sahaja tersimpan pengetahuan mengenai hari Qiamat dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan (85). Dan tuhan-tuhan yang disembah mereka selain Allah tidak memiliki kuasa untuk memberi syafa'at kecuali mereka yang mengakui kebenaran dan mereka mengetahuinya."(86)

Ayat-ayat ini menjelaskan 'aqidah ketuhanan Yang Maha Esa di langit dan di bumi. Dialah sahaja yang bersifat seperti itu. Tiada siapa dan suatu apa pun yang berkongsi sifat-sifat itu dengan-Nya. Dan Dia

Maha Bijaksana dalam segala apa yang diciptakannya dan mempunyai ilmu yang mutlak yang mengetahui segala sesuatu di dalam kerajaan alam buana yang amat lebar ini.

Ia memuji-muji Allah dengan kata-kata "تبارك" yang bererti Maha Tinggi dan Maha Suci Allah dari sifat-sifat yang didakwa dan difikirkan kaum Musyrikin itu dan Dia:

لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا

"......... Memiliki kerajaan langit dan bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya"(85)

dan Dialah sahaja yang mengetahui masa kedatangan Qiamat dan kepada-Nyalah jua pada hari itu kembalinya seluruh makhluk. Dan pada hari itu tiada siapa pun dari makhluk-makhluk yang didakwakan kaum Musyrikin sebagai anak-anak dan sekutu-sekutu Allah itu berkuasa memberi syafa'at kepada siapa dari mereka kecuali mereka yang menyaksikan kebenaran dan beriman kepada-Nya, sedangkan mereka yang menyaksikan kebenaran dan beriman kepadanya tidak akan memberi syafa'at kepada orang-orang yang ingkarkan Allah dan memusuhi-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 87)

Kemudian Al-Qur'an menghadapi kaum Musyrikin dengan logik fitrah mereka dan dengan hakikat yang tidak dipertikaikan oleh mereka dan tidak diragui mereka iaitu Allah adalah Pencipta mereka. Oleh itu bagaimana mereka tergamak mempersekutukan Allah dengan makhluk yang lain dalam ibadat mereka atau bagaimana mereka tergamak mengharapkan syafa'at di sisi Allah dari satu makhluk yang lain kepada orang yang melakukan syirik terhadap Allah:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَهُمْ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ ۖ فَأَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٨٧﴾

"Dan jika kamu bertanya mereka, siapakah yang menciptakan mereka? Nescaya mereka menjawab: Allah. Bagaimana mereka dapat dipesongkan?"(87)

Bagaimana mereka tergamak berpaling dari kebenaran yang telah diakui fitrah mereka sendiri dan menyeleweng dari kehendak logiknya yang tetap benar itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 88 - 89)

Pada akhir surah ini Allah memuji sikap Rasulullah s.a.w. yang bertawajjuh kepada Tuhannya untuk mengadu kekufuran dan keingkaran mereka. Pengaduan itu ditonjolkan dengan sungguh-sungguh:

وَقِيلِهِۦ يَٰرَبِّ إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ قَوْمٌ لَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

"Dan Allah mengetahui perkataannya (Muhammad) Wahai Tuhanku! Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang tidak beriman."(88)

Ini adalah satu pengungkapan istimewa yang mengandungi tujuan dan saranan betapa mendalamnya maksud kata-kata pengaduan Rasul itu dan betapa besarnya ia mendapat perhatian dari Allah S.W.T.

Kemudian Allah menjawab rayuan dan pengaduan itu dengan mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya mengabaikan mereka dan jangan menghiraukan mereka dan supaya berperasaan tenang dan menghadapi mereka dengan hati yang damai, dada yang lapang, dan sikap yang redha, di samping memberi amaran yang halus kepada kaum Musyrikin yang degil itu dengan 'azab seksa yang menunggu mereka pada hari Qiamat yang akan mendedahkan segala rahsia mereka yang tersembunyi:

فَٱصْفَحْ عَنْهُمْ وَقُلْ سَلَٰمٌ ۚ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿٨٩﴾

"Berpalinglah dari mereka dan katakanlah: Selamat berpisah. Kelak mereka akan mengetahui."(89)

JUZU' KE-25

SURAH AD-DUKHAN

SURAH KE 44

سُورَةُ الدُّخَانِ

SURAH AD-DUKHAN

Surah Asap

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT 59

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat 1 - 59

حمٓ ١ وَٱلۡكِتَٰبِ ٱلۡمُبِينِ ٢

إِنَّآ أَنزَلۡنَٰهُ فِي لَيۡلَةٖ مُّبَٰرَكَةٍۚ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ٣

فِيهَا يُفۡرَقُ كُلُّ أَمۡرٍ حَكِيمٍ ٤

أَمۡرٗا مِّنۡ عِندِنَآۚ إِنَّا كُنَّا مُرۡسِلِينَ ٥

رَحۡمَةٗ مِّن رَّبِّكَۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ٦

رَبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَآۖ إِن كُنتُم
مُّوقِنِينَ ٧

لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ يُحۡيِۦ وَيُمِيتُۖ رَبُّكُمۡ وَرَبُّ ءَابَآئِكُمُ
ٱلۡأَوَّلِينَ ٨

"Haa. Miim (1). Demi kitab yang memberi penjelasan yang terang (2). Sesungguhnya Kami telah menurunkannya pada suatu malam yang amat berkat. Sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan (3). Pada malam itu dijelaskan segala perintah yang bijaksana (4). Iaitu perintah dari sisi Kami. Sesungguhnya Kamilah yang mengutuskan para rasul (5). Sebagai rahmat dari Tuhanmu. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (6). Tuhan yang memelihara langit dan bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya, jika kamu benar-benar yakin (7). Tiada Tuhan melainkan Dia, yang menghidup dan yang mematikan. Dialah Tuhan kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang dahulukala." (8).

بَلۡ هُمۡ فِي شَكّٖ يَلۡعَبُونَ ٩

فَٱرۡتَقِبۡ يَوۡمَ تَأۡتِي ٱلسَّمَآءُ بِدُخَانٖ مُّبِينٖ ١٠

يَغۡشَى ٱلنَّاسَۖ هَٰذَا عَذَابٌ أَلِيمٞ ١١

رَّبَّنَا ٱكۡشِفۡ عَنَّا ٱلۡعَذَابَ إِنَّا مُؤۡمِنُونَ ١٢

أَنَّىٰ لَهُمُ ٱلذِّكۡرَىٰ وَقَدۡ جَآءَهُمۡ رَسُولٞ مُّبِينٞ ١٣

ثُمَّ تَوَلَّوۡاْ عَنۡهُ وَقَالُواْ مُعَلَّمٞ مَّجۡنُونٌ ١٤

إِنَّا كَاشِفُواْ ٱلۡعَذَابِ قَلِيلًاۚ إِنَّكُمۡ عَآئِدُونَ ١٥

يَوۡمَ نَبۡطِشُ ٱلۡبَطۡشَةَ ٱلۡكُبۡرَىٰٓ إِنَّا مُنتَقِمُونَ ١٦

"Malah mereka bermain-main di dalam keraguan (9). Oleh itu, tunggulah hari langit membawa asap yang amat nyata (10). Yang menyelubungi manusia. Inilah 'azab yang amat pedih (11). (Mereka berdo'a): Ya Tuhanku! Hapuskan 'azab ini dari kami. Sesungguhnya kami akan beriman (12). Masakan mereka mahu menerima peringatan, sedangkan Rasul telah pun datang kepada mereka memberi penjelasan yang terang (13). Kemudian mereka berpaling darinya dan berkata: Dia diajar oleh orang lain dan gila pula (14). Sesungguhnya Kami telah menghapuskan sedikit dari 'azab itu, lalu kamu kembali semula kepada kekufuran (15). Ingatlah hari (Qiamat) ketika Kami akan menghentamkan mereka dengan hentaman yang paling besar. Sesungguhnya Kami tetap menyeksakan mereka." (16).

وَلَقَدۡ فَتَنَّا قَبۡلَهُمۡ قَوۡمَ فِرۡعَوۡنَ وَجَآءَهُمۡ رَسُولٞ
كَرِيمٌ ١٧

أَنۡ أَدُّوٓاْ إِلَيَّ عِبَادَ ٱللَّهِۖ إِنِّي لَكُمۡ رَسُولٌ
أَمِينٞ ١٨

وَأَن لَّا تَعۡلُواْ عَلَى ٱللَّهِۖ إِنِّيٓ ءَاتِيكُم بِسُلۡطَٰنٖ مُّبِينٖ ١٩

وَإِنِّي عُذۡتُ بِرَبِّي وَرَبِّكُمۡ أَن تَرۡجُمُونِ ٢٠

وَإِن لَّمۡ تُؤۡمِنُواْ لِي فَٱعۡتَزِلُونِ ٢١

فَدَعَا رَبَّهُۥٓ أَنَّ هَٰٓؤُلَآءِ قَوۡمٞ مُّجۡرِمُونَ ٢٢

فَأَسۡرِ بِعِبَادِي لَيۡلًا إِنَّكُم مُّتَّبَعُونَ ٢٣

وَٱتۡرُكِ ٱلۡبَحۡرَ رَهۡوًاۖ إِنَّهُمۡ جُندٞ مُّغۡرَقُونَ ٢٤

كَمۡ تَرَكُواْ مِن جَنَّٰتٖ وَعُيُونٖ ٢٥

وَزُرُوعٍ وَمَقَامٍ كَرِيمٍ ٢٦

وَنَعْمَةٍ كَانُوا فِيهَا فَاكِهِينَ ٢٧

كَذَٰلِكَ ۖ وَأَوْرَثْنَاهَا قَوْمًا آخَرِينَ ٢٨

فَمَا بَكَتْ عَلَيْهِمُ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ وَمَا كَانُوا
مُنظَرِينَ ٢٩

وَلَقَدْ نَجَّيْنَا بَنِي إِسْرَائِيلَ مِنَ الْعَذَابِ الْمُهِينِ ٣٠

مِن فِرْعَوْنَ ۚ إِنَّهُ كَانَ عَالِيًا مِّنَ الْمُسْرِفِينَ ٣١

وَلَقَدِ اخْتَرْنَاهُمْ عَلَىٰ عِلْمٍ عَلَى الْعَالَمِينَ ٣٢

وَآتَيْنَاهُم مِّنَ الْآيَاتِ مَا فِيهِ بَلَاءٌ مُّبِينٌ ٣٣

"Sesungguhnya sebelum mereka Kami telah ujikan kaum Fir'aun dan mereka telah didatangi seorang Rasul yang mulia (17). (Yang berkata): Berikanlah seluruh keta'atan kepadaku, wahai hamba-hamba Allah. Sesungguhnya aku seorang Rasul yang amanah yang diutuskan kepada kamu (18). Dan janganlah kamu berlagak angkuh terhadap Allah, sesungguhnya aku membawa kepada kamu satu bukti yang amat nyata (19). Dan sesungguhnya aku berlindung pada Tuhanku dan Tuhan kamu dari tindakan kamu hendak merejamkanku (20). Dan andainya kamu tidak mahu beriman kepadaku, maka hendaklah kamu berpisah dariku (jangan gangguku) (21). Kemudian dia (Musa) berdo'a kepada Tuhannya: Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang berdosa (22). (Kemudian Allah memerintah): Bawalah keluar hamba-hamba-Ku itu di waktu malam. Sesungguhnya kamu akan dikejar (23). Dan tinggalkan laut (yang terbelah) itu dalam keadaan tenang. Sesungguhnya mereka adalah tentera-tentera yang akan ditenggelamkan (24). Alangkah banyaknya kebun-kebun dan matair-matair yang ditinggalkan mereka (25). Dan ladang-ladang tanaman dan kedudukan yang tinggi (26). Dan ni'mat yang telah dini'mati mereka dengan penuh kemewahan (27). Demikianlah (balasan mereka), dan Kami jadikan ni'mat-ni'mat itu warisan kepada satu kaum yang lain (28). Mereka tidak ditangisi langit dan bumi dan mereka juga tidak diberi tempoh (29). Dan sesungguhnya Kami telah menyelamatkan Bani Israel dari penindasan yang amat menghinakan (30). Iaitu penindasan dari Fir'aun. Sesungguhnya dia seorang yang takbur dari golongan manusia yang pelampau (31). Dan sesungguhnya Kami telah memilih mereka mengikut ilmu Kami di atas bangsa-bangsa yang lain (32). Dan Kami kurniakan mereka berbagai-bagai mu'jizat-mu'jizat yang mengandungi ujian yang nyata." (33).

إِنَّ هَٰؤُلَاءِ لَيَقُولُونَ ٣٤

إِنْ هِيَ إِلَّا مَوْتَتُنَا الْأُولَىٰ وَمَا نَحْنُ بِمُنشَرِينَ ٣٥

فَأْتُوا بِآبَائِنَا إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ٣٦

أَهُمْ خَيْرٌ أَمْ قَوْمُ تُبَّعٍ وَالَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ أَهْلَكْنَاهُمْ ۖ
إِنَّهُمْ كَانُوا مُجْرِمِينَ ٣٧

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَاعِبِينَ ٣٨

مَا خَلَقْنَاهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا
يَعْلَمُونَ ٣٩

إِنَّ يَوْمَ الْفَصْلِ مِيقَاتُهُمْ أَجْمَعِينَ ٤٠

يَوْمَ لَا يُغْنِي مَوْلًى عَن مَّوْلًى شَيْئًا وَلَا هُمْ
يُنصَرُونَ ٤١

إِلَّا مَن رَّحِمَ اللَّهُ ۚ إِنَّهُ هُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ٤٢

"Sesungguhnya mereka (kaum Musyrikin) berkata: (34) Sesungguhnya kematian itu tidak lain melainkan hanya kematian kita yang pertama dan kita tidak akan dibangkitkan lagi (35). Bawalah kembali datuk nenek kami jika kamu benar (36). Apakah mereka (kaum Musyrikin) lebih baik atau kaum Tubba' dan kaum-kaum sebelum mereka, yang telah Kami membinasakan mereka? Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berdosa (37). Dan Kami tidak ciptakan langit dan bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya dengan tujuan bermain-main (38). Kami tidak menciptakan kedua-duanya melainkan dengan lunas kebenaran, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (39). Sesungguhnya hari keputusan (Qiamat) itulah masa yang ditetapkan kepada seluruh mereka (40). Iaitu hari seorang teman yang rapat tidak dapat memberi apa-apa faedah kepada seorang teman rapat yang lain dan mereka tidak akan diberi pertolongan (41). Kecuali mereka yang telah dirahmati Allah. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa dan Maha Pengasih." (42).

إِنَّ شَجَرَتَ الزَّقُّومِ ٤٣

طَعَامُ الْأَثِيمِ ٤٤

كَالْمُهْلِ يَغْلِي فِي الْبُطُونِ ٤٥

كَغَلْيِ الْحَمِيمِ ٤٦

خُذُوهُ فَاعْتِلُوهُ إِلَىٰ سَوَاءِ الْجَحِيمِ ٤٧

ثُمَّ صُبُّوا فَوْقَ رَأْسِهِ مِنْ عَذَابِ الْحَمِيمِ ٤٨

ذُقْ إِنَّكَ أَنتَ الْعَزِيزُ الْكَرِيمُ ٤٩

إِنَّ هَٰذَا مَا كُنتُم بِهِ تَمْتَرُونَ ٥٠

إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِى مَقَامٍ أَمِينٍ ٥١
فِى جَنَّـٰتٍ وَعُيُونٍ ٥٢
يَلْبَسُونَ مِن سُندُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُّتَقَـٰبِلِينَ ٥٣
كَذَٰلِكَ وَزَوَّجْنَـٰهُم بِحُورٍ عِينٍ ٥٤
يَدْعُونَ فِيهَا بِكُلِّ فَـٰكِهَةٍ ءَامِنِينَ ٥٥
لَا يَذُوقُونَ فِيهَا ٱلْمَوْتَ إِلَّا ٱلْمَوْتَةَ ٱلْأُولَىٰ ۖ
وَوَقَىٰهُمْ عَذَابَ ٱلْجَحِيمِ ٥٦
فَضْلًا مِّن رَّبِّكَ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ٥٧
فَإِنَّمَا يَسَّرْنَـٰهُ بِلِسَانِكَ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ٥٨
فَٱرْتَقِبْ إِنَّهُم مُّرْتَقِبُونَ ٥٩

"Sesungguhnya pokok zaqqum itu, (43) Adalah makanan orang yang berdosa (44). Ia laksana keladak minyak yang mendidih di dalam perut (45). Seperti mendidihnya air yang amat panas (46). Tangkaplah dia dan seretkanlah dia ke tengah Neraka Jahim (47). Kemudian curahkan ke atas kepalanya kesiksaan yang amat panas (48). Rasakanlah! Sesungguhnya engkau seorang yang amat perkasa dan amat mulia (49). Sesungguhnya inilah dia 'azab yang kamu ragu-ragukannya (50). Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa itu ditempatkan di kediaman yang aman sentosa (51). Di taman-taman Syurga dan matair-matair (52). Mereka memakai sutera yang halus dan sutera yang tebal dan duduk berhadapan (53). Demikianlah (balasan mereka) dan Kami kahwinkan mereka dengan bidadari-bidadari (54). Di sana mereka meminta segala macam buah-buahan dengan aman (55). Di sana mereka tidak merasai kematian melainkan kematian dunia. Dan Allah lindungkan mereka dari 'azab Neraka Jahim (56). Sebagai limpah kurnia dari Tuhanmu. Itulah keberuntungan yang amat besar (57). Sesungguhnya Kami telah permudahkan Al-Qur'an itu dengan bahasa ibundamu supaya mereka dapat mengambil peringatan (58). Tunggulah engkau. Sesungguhnya mereka juga sama-sama menunggu."(59)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Nada Surah Makkiyah ini dengan rangkaian-rangkaian ayatnya yang pendek dan bunyi akhir katanya yang hampir serupa, dengan gambaran-gambaran yang dahsyat dan bayangan-bayangannya yang banyak memberi ilham adalah sama dengan nada tukul-tukul yang mengetuk tali-tali hati manusia yang terik.

Cara dan gaya penceritaan surah ini boleh dikatakan keseluruhannya merupakan satu unit yang sepadu yang berlegar di atas satu paksi, di mana segala tali temali pembicaraannya dikaitkan kepadanya sama ada mengenai kisah, pemandangan hari Qiamat, kebinasaan umat-umat yang dahulukala, pemandangan alam buana, pembicaraan secara langsung mengenai persoalan tauhid, kebangkitan dan risalah. Seluruh pembicaraan ini merupakan sarana-sarana dan pendorong-pendorong untuk menggerakkan hati manusia dan merangsangkannya supaya menerima hakikat keimanan yang hidup segar sebagaimana yang dikembangkan oleh Al-Qur'an di dalam hati.

Surah ini memulakan pembicaraannya tentang Al-Qur'an yang diturunkan pada suatu malam yang amat berkat, iaitu malam yang dijelaskan segala perintah yang bijaksana sebagai satu pengurniaan rahmat dari Allah kepada hamba-hamba-Nya, juga sebagai amaran dan peringatan kepada mereka, kemudian ia memperkenalkan Allah kepada manusia iaitu Tuhan yang memiliki dan memelihara langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya, dan menegakkan sifat Wahdaniyah-Nya dan menjelaskan bahawa Dialah yang menghidup dan mematikan dan Dialah Tuhan umat manusia yang dahulu dan umat manusia yang kemudian.

Kemudian ia meninggalkan pembicaraan ini untuk memperkatakan keadaan kaum Musyrikin:

بَلْ هُمْ فِى شَكٍّ يَلْعَبُونَ ٩

"Malah mereka bermain-main di dalam keraguan."(9)

Kemudian dengan segera ia memberi amaran yang ngeri sebagai balasan terhadap keraguan dan sikap mereka yang suka bermain-main:

فَٱرْتَقِبْ يَوْمَ تَأْتِى ٱلسَّمَآءُ بِدُخَانٍ مُّبِينٍ ١٠
يَغْشَى ٱلنَّاسَ ۖ هَـٰذَا عَذَابٌ أَلِيمٌ ١١

"Oleh itu, tunggulah hari langit membawa asap yang amat nyata (10). Yang menyelubungi manusia. Inilah 'azab yang amat pedih."(11)

Juga menceritakan do'a mereka supaya Allah menghapuskan 'azab hari itu dari mereka, iaitu hari apabila ia datang, maka 'azab tidak akan dihapuskan. Juga mengingatkan mereka bahawa 'azab ini belum lagi tiba dan sekarang mereka masih bebas dari 'azab itu. Oleh itu hendaklah mereka mengambil peluang ini sebelum mereka pulang kepada Allah, kerana di waktu itulah akan berlaku 'azab yang amat ngeri itu:

يَوْمَ نَبْطِشُ ٱلْبَطْشَةَ ٱلْكُبْرَىٰٓ إِنَّا مُنتَقِمُونَ ١٦

"Ingatlah hari (Qiamat) ketika Kami akan menghentamkan mereka dengan hentaman yang paling besar. Sesungguhnya Kami tetap menyeksakan mereka."(16)

Dari ayat yang keras yang menayangkan pandangan 'azab dan pemandangan hentaman yang paling dahsyat dan penyeksaan balasan itu Al-Qur'an membawa kaum Musyrikin kepada kisah kebinasaan Fir'aun dan pembesar-pembesarnya pada hari seorang Rasul yang mulia telah datang kepadanya dan berkata:

أَنْ أَدُّوٓا۟ إِلَىَّ عِبَادَ ٱللَّهِ ۖ إِنِّى لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٨﴾

وَأَن لَّا تَعْلُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ ۖ إِنِّىٓ ءَاتِيكُم بِسُلْطَٰنٍ مُّبِينٍ ﴿١٩﴾

"(Yang berkata): Berikanlah seluruh keta'atan kepadaku, wahai hamba-hamba Allah. Sesungguhnya aku seorang Rasul yang amanah yang diutuskan kepada kamu (18). Dan janganlah kamu berlagak angkuh terhadap Allah sesungguhnya aku membawa kepada kamu satu bukti yang amat nyata."(19)

Tetapi Fir'aun dan pembesar-pembesarnya enggan mendengar seruan Musa itu hingga Rasul itu merasa putus harapan terhadap mereka. Kemudian mereka dibinasakan dengan penuh kehinaan setelah mereka berlagak angkuh dan takbur:

كَمْ تَرَكُوا۟ مِن جَنَّٰتٍ وَعُيُونٍ ﴿٢٥﴾

وَزُرُوعٍ وَمَقَامٍ كَرِيمٍ ﴿٢٦﴾

وَنَعْمَةٍ كَانُوا۟ فِيهَا فَٰكِهِينَ ﴿٢٧﴾

كَذَٰلِكَ ۖ وَأَوْرَثْنَٰهَا قَوْمًا ءَاخَرِينَ ﴿٢٨﴾

فَمَا بَكَتْ عَلَيْهِمُ ٱلسَّمَآءُ وَٱلْأَرْضُ وَمَا كَانُوا۟ مُنظَرِينَ ﴿٢٩﴾

"Alangkah banyaknya kebun-kebun dan matair-matair yang ditinggalkan mereka (25). Dan ladang-ladang tanaman dan kedudukan yang tinggi (26). Dan ni'mat yang telah dini'mati mereka dengan penuh kemewahan (27). Demikianlah (balasan mereka), dan Kami jadikan ni'mat-ni'mat itu warisan kepada satu kaum yang lain (28). Mereka tidak ditangisi langit dan bumi dan mereka juga tidak diberi tempoh."(29)

Di tengah-tengah pemandangan yang banyak memberi ilham ini, Al-Qur'an kembali pula mengisahkan sikap kaum Musyrikin yang mendustakan hari Akhirat dan anggapan mereka yang salah:

إِنْ هِىَ إِلَّا مَوْتَتُنَا ٱلْأُولَىٰ وَمَا نَحْنُ بِمُنشَرِينَ ﴿٣٥﴾

فَأْتُوا۟ بِـَٔابَآئِنَآ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٣٦﴾

"Sesungguhnya kematian itu tidak lain melainkan hanya kematian kita yang pertama dan kita tidak akan dibangkitkan lagi (35). Bawalah kembali datuk nenek kami jika kamu benar"(36)

untuk mengingatkan mereka dengan kebinasaan yang telah menimpa kaum Tubba', sedangkan mereka bukannya lebih baik dari kaum, Tubba' sehingga mereka boleh menyelamatkan diri mereka dari nasib mereka yang amat pedih itu.

Al-Qur'an menghubungkan di antara kebangkitan selepas mati dengan hikmah Allah mencipta langit dan bumi:

وَمَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَٰعِبِينَ ﴿٣٨﴾

مَا خَلَقْنَٰهُمَآ إِلَّا بِٱلْحَقِّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٩﴾

"Dan Kami tidak ciptakan langit dan bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya dengan tujuan bermain-main (38). Kami tidak menciptakan kedua-duanya melainkan dengan lunas kebenaran, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(39)

Kemudian Al-Qur'an menerangkan kepada mereka tentang hari keputusan:

إِنَّ يَوْمَ ٱلْفَصْلِ مِيقَٰتُهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٤٠﴾

"Sesungguhnya hari keputusan (Qiamat) itulah masa yang ditetapkan kepada seluruh mereka."(40)

Dan di sini ia menayangkan satu pemandangan 'azab yang dahsyat mengenai pokok zaqqum dan bagaimana orang-orang yang berdosa di seret ke tengah-tengah Neraka dan dicurahkan air yang amat panas ke atas kepala mereka dan disertai dengan kata-kata penghinaan:

ذُقْ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْكَرِيمُ ﴿٤٩﴾

إِنَّ هَٰذَا مَا كُنتُم بِهِۦ تَمْتَرُونَ ﴿٥٠﴾

"Rasakanlah! Sesungguhnya engkau seorang yang amat perkasa dan amat mulia (49). Sesungguhnya inilah dia 'azab yang kamu ragu-ragukannya."(50)

Di samping itu pula ditayangkan pemandangan ni'mat-ni'mat Syurga yang sedalam 'azab Neraka sesuai dengan surah yang amat mendalam ini dan nada-nadanya yang amat keras.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan satu singgungan mengenai Al-Qur'an sebagaimana permulaannya di buka dengan kisah Al-Qur'an.

فَإِنَّمَا يَسَّرْنَٰهُ بِلِسَانِكَ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya Kami telah permudahkan Al-Qur'an itu dengan bahasa ibundamu supaya mereka dapat mengambil peringatan."(58)

Dan akhir sekali diiringi dengan satu amaran keras yang halus:

فَٱرْتَقِبْ إِنَّهُم مُّرْتَقِبُونَ ﴿٥٩﴾

"Tunggulah engkau. Sesungguhnya mereka juga sama-sama menunggu."(59)

* * * * * *

Surah ini adalah satu surah yang terus menyerang hati manusia dari permulaan hingga akhirnya. Ia menyerang dengan paluan-paluan nada yang bertubi-tubi. Ia menyerang dengan nada-nadanya, dengan gambaran-gambarannya dan dengan berbagai-bagai bayangannya yang sepadu dalam bentuk serangan yang keras dan berturut-turut. Ia membawa hati manusia menjelajah ke merata pelusuk berbagai-bagai alam di antara langit dan bumi, menjelajah dunia dan Akhirat, Syurga dan Neraka, zaman silam dan zaman sekarang, alam ghaib dan alam nyata, mati dan hidup, undang-undang penciptaan dan undang-undang alam al-wujud. Walaupun surah ini pendek dibandingkan dengan surah-surah yang lain, namun ia mengandungi satu penjelajahan yang amat luas di alam ghaib dan alam nyata.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 8)

حمٓ ﴿١﴾ وَٱلۡكِتَٰبِ ٱلۡمُبِينِ ﴿٢﴾

إِنَّآ أَنزَلۡنَٰهُ فِي لَيۡلَةٖ مُّبَٰرَكَةٍۚ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴿٣﴾

فِيهَا يُفۡرَقُ كُلُّ أَمۡرٍ حَكِيمٍ ﴿٤﴾

أَمۡرٗا مِّنۡ عِندِنَآۚ إِنَّا كُنَّا مُرۡسِلِينَ ﴿٥﴾

رَحۡمَةٗ مِّن رَّبِّكَۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ﴿٦﴾

رَبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَآۖ إِن كُنتُم مُّوقِنِينَ ﴿٧﴾

لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ يُحۡيِۦ وَيُمِيتُۖ رَبُّكُمۡ وَرَبُّ ءَابَآئِكُمُ ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿٨﴾

"Haa. Miim (1). Demi kitab yang memberi penjelasan yang terang (2). Sesungguhnya Kami telah menurunkannya pada suatu malam yang amat berkat. Sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan (3). Pada malam itu dijelaskan segala perintah yang bijaksana (4). Iaitu perintah dari sisi Kami. Sesungguhnya Kamilah yang mengutuskanpara rasul (5). Sebagai rahmat dari Tuhanmu. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (6). Tuhan yang memelihara langit dan bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya, jika kamu benar-benar yakin (7). Tiada Tuhan melainkan Dia, yang menghidup dan yang mematikan. Dialah Tuhan kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang dahulukala"(8)

Bersumpah Dengan Huruf-huruf Potongan Sama Dengan Al-Qur'an

Surah ini dimulakan dengan dua huruf Haa. Miim. Allah bersumpah dengan dua huruf ini dan dengan kitab Al-Qur'an yang tersusun dari jenis-jenis huruf yang sama dengan dua huruf ini. Huraian mengenai huruf-huruf potongan di awal surah-surah itu telah pun disebut berulang-ulang kali. Bersumpah dengan huruf-huruf ini sama dengan bersumpah dengan kitab Al-Qur'an, kerana setiap huruf itu merupakan satu mu'jizat haqiqi atau satu bukti dari bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat di dalam struktur kejadian manusia yang mempunyai kebolehan bertutur dan menyusun makhraj-makhraj huruf pertuturannya, juga dalam kebolehannya menggunakan, lambang di antara nama huruf dengan bunyinya dan dalam kebolehan manusia mendapatkan ilmu pengetahuan di sebalik huruf-huruf itu. Semuanya ini: merupakan hakikat-hakikat yang semakin besar dirasakan oleh hati apabila difikirkannya dengan sikap yang bebas dan terlepas dari pengaruh kebiasaan dan kelumrahan adat yang biasanya menghapuskan ciri kehebatan segala sesuatu yang baru.

Hakikat yang dipersumpahkan Allah itu ialah hakikat Al-Qur'an yang telah diturunkan pada suatu malam yang amat berkat:

إِنَّآ أَنزَلۡنَٰهُ فِي لَيۡلَةٖ مُّبَٰرَكَةٍۚ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴿٣﴾

فِيهَا يُفۡرَقُ كُلُّ أَمۡرٍ حَكِيمٍ ﴿٤﴾

أَمۡرٗا مِّنۡ عِندِنَآۚ إِنَّا كُنَّا مُرۡسِلِينَ ﴿٥﴾

رَحۡمَةٗ مِّن رَّبِّكَۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ﴿٦﴾

"Sesungguhnya Kami telah menurunkannya pada suatu malam yang amat berkat. Sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan (3). Pada malam itu dijelaskan segala perintah yang bijaksana (4). Iaitu perintah dari sisi Kami. Sesungguhnya Kamilah yang mengutuskanpara rasul (5). Sebagai rahmat dari Tuhanmu. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(6)

Malam yang amat berkat yang diturunkan Al-Qur'an itu ialah malam permulaan turunnya Al-Qur'an, iaitu salah satu dari malam-malam Ramadhan yang dijelaskan oleh Allah:

شَهۡرُ رَمَضَانَ ٱلَّذِيٓ أُنزِلَ فِيهِ ٱلۡقُرۡءَانُ

"Bulan Ramadhan yang diturunkan Al-Qur'an padanya."

(Surah al-Baqarah: 185)

Sejarah Turunnya Al-Qur'an Dan Pengaruhnya

Al-Qur'an tidak semuanya diturunkan pada malam itu. Begitu juga Al-Qur'an tidak semuanya diturunkan di bulan Ramadhan, tetapi ia mula mengadakan hubungannya dengan bumi, dan malam inilah merupakan masa perhubungan yang amat berkat itu. Ini sahaja sudah cukup untuk mentafsirkan bahawa Al-Qur'an itu adalah diturunkan pada malam yang amat berkat itu.

Sebenarnya itulah malam yang amat berkat, kerana pada malam itulah Allah telah melakukan satu pembukaan yang amat besar kepada umat manusia,

dan pada malam itulah bermulanya proses penegakan sistem hidup Ilahi di dalam kehidupan manusia. Pada malam itulah manusia berhubung dengan undang-undang alam buana yang agung yang diterjemahkan di dalam Al-Qur'an ini dengan terjemahan yang mudah dimengerti dan disambut oleh fitrah manusia dengan tenang dan perlahan-lahan. Dan di atas asas undang-undang yang agung inilah ditegakkan sebuah masyarakat insaniyah yang berlandaskan kehendak-kehendak fitrah manusia dan sambutan-sambutannya yang selaras dengan alam buana yang menjadi tempat hidupnya, iaitu sebuah masyarakat yang bersih dan luhur tanpa bepura-pura dan bermuka-muka, di mana manusia yang hidup di bumi ini sentiasa berhubung dengan langit pada setiap waktu.

Angkatan Muslimin pertama yang diturunkan Al-Qur'an kepada mereka bagi pertama kalinya itu telah hidup di bawah naungan Allah dalam satu tempoh waktu yang amat gemilang. Mereka berhubung secara langsung dengan Allah yang mendedahkan satu demi satu rahsia-rahsia yang tersimpan di hati mereka. Dia menyedarkan mereka satu demi satu bahawa dia sentiasa memerhatikan segala tindak-tanduk mereka. Oleh itu perhatian dan pengawasan Ilahi itu sentiasa diperhitungkan mereka pada setiap gerak langkah dan pada setiap lintasan fikiran yang tercetus di dalam dhamir mereka. Dan seterusnya mereka sentiasa berlindung pada Allah dengan kepercayaan bahawa Allah amat hampir kepada mereka dan bersedia menyambut do'a mereka.

Angkatan itu telah berlalu, dan selepas mereka Al-Qur'an tetap merupakan sebuah kitab suci yang terbuka dan bersambung dengan hati manusia. Al-Qur'an yang mempengaruhi hati manusia yang menyambutnya dengan pengaruh yang lebih besar dari pengaruh sihir. Al-Qur'an mengubahkan perasaan mereka kepada satu bentuk perubahan yang sering kali disifatkan sebagai lagenda-lagenda.

Kitab suci Al-Qur'an ini tetap kekal, sebagai satu sistem hidup yang jelas, sempurna dan layak untuk mewujudkan satu bentuk kehidupan insaniyah yang mithali di dalam setiap masyarakat dan setiap zaman, iaitu kehidupan insaniyah yang hidup di dalam masyarakatnya dan di dalam zamannya di dalam lingkungan sistem hidup Ilahi yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang tidak berubah, iaitu ciri setiap ciptaan yang keluar dari tangan kekuasaan Ilahi.

Manusia hanya dapat membuat sesuatu yang berfaedah kepada mereka sahaja dan sesuatu yang sesuai untuk satu tempoh yang tertentu sahaja, dan sesuai dengan suatu suasana kehidupan yang khusus sahaja. Tetapi ciptaan Allah sentiasa membawa ciri-ciri kesinambungan dan kesempurnaan juga ciri-ciri yang sentiasa layak dan sesuai untuk memenuhi keperluan-keperluan di setiap tempat dan setiap masa. Ciptaan Allah merangkumi kemantapan hakikat dan kepelbagaian rupa bentuk dalam satu keselarasan yang mengkagumkan.

Al-Qur'an telah diturunkan Allah, pada malam yang penuh berkat ini dengan tujuan utamanya untuk memberi amaran dan peringatan.

Malam yang diberkati dengan turunnya Al-Qur'an ini merupakan satu malam pemutus dan penjelas:

فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ ٤

"Pada malam itu dijelaskan segala perintah yang bijaksana."(4)

Allah S.W.T. telah menjelaskan pada malam itu melalui Al-Qur'an segala perintah dan segala perkara. Kebenaran yang tetap kekal telah dibezakan dari kebatilan yang tetap musnah. Segala batas larangan dan kewajipan telah dicatatkan dan segala batu-batu tanda telah didirikan untuk panduan perjalanan seluruh umat manusia selepas malam itu hingga ke hari Qiamat. Di sana tiada lagi satu dasar pun yang tinggal dari dasar-dasar yang menjadi landasan kehidupan manusia yang tidak dijelaskan dengan terang dan digariskan di dalam dunia manusia. Segala-galanya jelas belaka dan digariskan dengan terang di dalam undang-undang semesta Ilahi yang qadim.

Semuanya itu adalah dengan kehendak iradat dan perintah Allah dan dengan masyi'ah-Nya yang mengutuskan para rasul untuk memberi penjelasan dan penerangan kepada manusia:

أَمْرًا مِّنْ عِندِنَآ ۚ إِنَّا كُنَّا مُرْسِلِينَ ٥

"Iaitu perintah dari sisi Kami. Sesungguhnya Kamilah yang mengutuskanpara rasul."(5)

Semuanya itu merupakan rahmat dari Allah terhadap manusia sehingga hari Qiamat:

رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ٦

"Sebagai rahmat dari Tuhanmu. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(6)

Tiada rahmat Allah yang menyerlah begitu jelas terhadap manusia seperti jelasnya rahmat turunnya Al-Qur'an dengan uslubnya yang mudah dimengerti dan mudah melekat di hati. Sambutan terhadapnya berlangsung dengan spontan seperti peredaran darah yang berlangsung di dalam pembuluhan-pembuluhan darah. Sambutan itu mengubahkan makhluk manusia kepada insan yang luhur dan mengubahkan masyarakat manusia kepada sebuah impian yang indah andainya ia bukan sebuah kenyataan yang dapat dilihat mata.

'Aqidah yang dibawa oleh Al-Qur'an ini dengan ciri-cirinya yang sempurna dan sepadu itu sendiri merupakan suatu keindahan yang mengasyikkan dan memikatkan hati. 'Aqidah ini bukan sahaja sekadar bersifat sempurna, halus, baik dan bagus, tetapi sifat-sifat ini terus meningkat sehingga kesempurnaannya mencapai darjat keindahan yang begitu menarik dan bebas iaitu keindahan yang merangkumi segala butir-

butir pembicaraannya dengan perincian-perincian yang amat jelas kemudian perincian-perincian itu dikumpul, disusun dan dihubungkan semuanya dengan dasar pokok.

رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ

"Sebagai rahmat dari Tuhanmu."(6)

Rahmat ini telah dibawa Al-Qur'an pada malam yang amat berkat itu.....

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٦﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(6)

Dia mendengar dan mengetahui. Dia menurunkan segala apa yang diturunkan kepada manusia dengan penuh ilmu pengetahuan. Dia mengetahui segala apa yang dikatakan dan dikerjakan mereka, segala apa yang mendatangkan kebaikan kepada mereka dan segala undang-undang, peraturan dan bimbingan yang sesuai dengan mereka.

Dialah yang menyelia dan mengendalikan seluruh alam buana ini dan Dialah yang menjaga dan memelihara sekalian penghuninya dan segala isinya:

رَبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَآ ۖ إِن كُنتُم مُّوقِنِينَ ﴿٧﴾

"Tuhan yang memelihara langit dan bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya, jika kamu benar-benar yakin."(7)

Allah mendidik manusia dengan segala apa yang diturunkan kepada mereka. Dan apa yang diturunkan kepada mereka merupakan sebahagian dari Rububiyah-Nya terhadap seluruh alam buana dan merupakan sebahagian dari undang-undang-Nya yang mengendalikan perjalanan alam buana ini.

إِن كُنتُم مُّوقِنِينَ ﴿٧﴾

"Jika kamu benar-benar yakin."(7)

Ini merupakan sindiran terhadap 'aqidah mereka yang goyang dan kelam-kabut kerana mereka mengaku bahawa Allah itulah Pencipta langit dan bumi, tetapi mereka menyembah berbagai-bagai tuhan, ini menunjukkan bahawa hakikat ketuhanan Allah itu masih kabur dalam jiwa mereka, masih dangkal dan masih jauh dari tahap keyakinan yang kukuh.

Dialah Tuhan Yang Maha Esa dan memiliki mati dan hidup dan Dialah Tuhan manusia yang dahulukala dan manusia yang kemudian:

لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِۦ وَيُمِيتُ ۖ رَبُّكُمْ وَرَبُّ ءَابَآئِكُمُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٨﴾

"Tiada Tuhan melainkan Dia, yang menghidup dan yang mematikan. Dialah Tuhan kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang dahulukala."(8)

Kerja-kerja menghidup dan memati merupakan dua perkara yang dapat dilihat oleh semua orang. Kedua-duanya di luar keupayaan dan kemampuan seluruh makhluk. Ini dapat ditanggap dengan sekilas pandang dan seimbas perhatian. Pemandangan maut dan pemandangan hayat dalam berbagai-bagai bentuk dan rupa adalah mencubit dan mengocakkan hati manusia, ia merangsangkan hati manusia dan membuatnya terharu dan seterusnya menyediakan manusia untuk bertindak menghadapi dan menyambutnya. Oleh kerana itu pemandangan hidup mati itu seringkali disebut di dalam Al-Qur'an untuk mempengaruhi perasaan manusia dan menyentuh hati mereka dari satu masa ke satu masa.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 16)

Keraguan Kaum Musyrikin Terhadap Al-Qur'an

Setelah merangsangkan hati manusia dengan persoalan hidup dan mati, maka Al-Qur'an beralih pula kepada menceritakan keadaan dan sikap kaum Musyrikin terhadapnya, iaitu satu keadaan dan sikap yang bertentangan dengan sikap yang sepatutnya diambil oleh mereka terhadap hakikat yang serius ini yang tidak wajar dipermain-mainkan:

بَلْ هُمْ فِى شَكٍّ يَلْعَبُونَ ﴿٩﴾

فَٱرْتَقِبْ يَوْمَ تَأْتِى ٱلسَّمَآءُ بِدُخَانٍ مُّبِينٍ ﴿١٠﴾

يَغْشَى ٱلنَّاسَ ۖ هَٰذَا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١١﴾

رَّبَّنَا ٱكْشِفْ عَنَّا ٱلْعَذَابَ إِنَّا مُؤْمِنُونَ ﴿١٢﴾

أَنَّىٰ لَهُمُ ٱلذِّكْرَىٰ وَقَدْ جَآءَهُمْ رَسُولٌ مُّبِينٌ ﴿١٣﴾

ثُمَّ تَوَلَّوْا۟ عَنْهُ وَقَالُوا۟ مُعَلَّمٌ مَّجْنُونٌ ﴿١٤﴾

إِنَّا كَاشِفُوا۟ ٱلْعَذَابِ قَلِيلًا ۚ إِنَّكُمْ عَآئِدُونَ ﴿١٥﴾

يَوْمَ نَبْطِشُ ٱلْبَطْشَةَ ٱلْكُبْرَىٰٓ إِنَّا مُنتَقِمُونَ ﴿١٦﴾

"Malah mereka bermain-main di dalam keraguan (9). Oleh itu, tunggulah hari langit membawa asap yang amat nyata (10). Yang menyelubungi manusia. Inilah 'azab yang amat pedih (11). (Mereka berdo'a): Ya Tuhanku! Hapuskan 'azab ini dari kami. Sesungguhnya kami akan beriman (12). Masakan mereka mahu menerima peringatan, sedangkan Rasul telah pun datang kepada mereka memberi penjelasan yang terang (13). Kemudian mereka berpaling darinya dan berkata: Dia diajar oleh orang lain dan gila pula (14). Sesungguhnya Kami telah menghapuskan sedikit dari 'azab itu, lalu kamu kembali semula kepada kekufuran (15). Ingatlah hari (Qiamat) ketika Kami akan menghentamkan

mereka dengan hentaman yang paling besar. Sesungguhnya Kami tetap menyeksakan mereka."(16)

Allah menceritakan bahawa kaum Musyrikin itu bermain-main terhadap persoalan yang amat serius itu. Mereka meragui bukti-bukti yang kukuh. Oleh itu, tinggalkan sahaja mereka sehingga tiba hari yang amat dahsyat:

فَٱرْتَقِبْ يَوْمَ تَأْتِى ٱلسَّمَآءُ بِدُخَانٍ مُّبِينٍ ﴿١٠﴾
يَغْشَى ٱلنَّاسَ ۖ هَٰذَا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١١﴾

"Oleh itu tunggulah hari langit membawa asap yang amat nyata (10). Yang menyelubungi manusia. Inilah 'azab yang amat pedih."(11)

Pengertian Ad-Dukhan

Ulama'-ulama' Salaf telah berselisih dalam mentafsirkan maksud "asap"(دخان) itu. Setengah mereka berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan asap itu ialah asap hari Qiamat. Amaran Allah supaya mereka menunggu kedatangan asap itu adalah sama dengan amaran-amaran Allah yang lain yang berulang-ulang di dalam Al-Qur'an. Asap itu akan tiba. Ia ditunggu-tunggu mereka dan Rasulullah s.a.w. juga menunggu-nunggunya. Setengah yang lain berpendapat bahawa kedatangan 'azab asap itu telah pun berlaku sebagaimana yang dijanjikan Allah, kemudian 'azab itu diangkat dari kaum Musyrikin dengan do'a Rasulullah s.a.w. Di sini kami sebutkan kedua-dua pendapat itu dengan sanad-sanadnya masing-masing kemudian kami akan memberi ulasan dengan pendapat yang telah dibukakan Allah, iaitu pendapat yang kami kira betul, insya Allah.

Ujar Sulaiman ibn Mihran al-A'masy dari Abu ad-Dhuha, iaitu Muslim ibn Sabih dari Masruq katanya: Kami masuk ke dalam masjid - yakni Masjid Kufah - berhampiran pintu-pintu Kindah, tiba-tiba di sana ada seorang lelaki sedang menceritakan kepada sahabat-sahabatnya mengenai: يوم تأتي السماء بدخان مبين (**"Hari langit membawa asap yang amat nyata"**). "Tahukah kamu apakah asap itu? Itulah asap yang akan datang pada hari Qiamat yang akan menutup pendengaran dan penglihatan orang-orang Munafiq dan akan menyebabkan orang-orang Mu'min mengidap seakan-akan mendapat selsema". Kata Masruq: Kami pun pergi berjumpa Ibn Mas'ud r.a. dan kami sebutkan cerita ini kepadanya, di waktu itu dia sedang baring dan dia terkejut, lalu bangkit dan duduk kemudian berkata, "Allah Azawajalla telah berfirman kepada Nabi kamu s.a.w:

قُلْ مَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُتَكَلِّفِينَ ﴿٨٦﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad)! Aku tidak meminta sebarang upah atas da'wahku dan aku bukanlah pula dari orang-orang yang suka mengada-ngada."

(Surah Saad: 86)

Sesungguhnya setengah dari ilmu juga ialah kesanggupan seseorang mengaku apa yang dia tidak tahu, kerana Allah sahaja Yang Maha Mengetahui. Biarlah aku ceritakan kepada kamu tentang perkara itu. Apabila kaum Quraysy lambat menerima Islam dan apabila Rasulullah s.a.w. telah mengalami keadaan yang amat sulit, beliau pun berdo'a supaya Allah timpakan mereka dengan bala kemarau yang berlaku di zaman Nabi Yusuf a.s. Lalu mereka pun ditimpa kemelaratan dan kebuluran sehingga, mereka makan tulang-tulang dan bangkai-bangkai. Apabila mereka menadah ke langit, mereka tidak nampak suatu apa selain asap kabus. Mengikut satu riwayat yang lain apabila seorang itu melihat ke langit ia melihat ruang di antaranya dengan langit itu seolah-olah dihalangi kepulan asap kerana terlalu letih lesu dan menderita. Firman Allah Ta'ala:

فَٱرْتَقِبْ يَوْمَ تَأْتِى ٱلسَّمَآءُ بِدُخَانٍ مُّبِينٍ ﴿١٠﴾
يَغْشَى ٱلنَّاسَ ۖ هَٰذَا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١١﴾

"Oleh itu tunggulah hari langit membawa asap yang amat nyata, yang menyelubungi manusia. Inilah 'azab yang amat pedih."(10-11)

"Lalu mereka datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata kepada beliau, 'Ya Rasulullah, mintalah hujan untuk suku kaum Mudhar kerana mereka telah ditimpa kebinasaan.' Lalu Rasulullah s.a.w. berdo'a untuk keselamatan mereka, kemudian hujan pun turun kepada mereka. Setelah itu turunlah ayat:

إِنَّا كَاشِفُوا۟ ٱلْعَذَابِ قَلِيلًا ۚ إِنَّكُمْ عَآئِدُونَ ﴿١٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah menghapuskan sedikit dari 'azab itu, lalu kamu kembali semula kepada kekufuran."(15)

Ujar Ibn Mas'ud r.a, "Apakah mungkin 'azab itu diangkatkan dari mereka pada hari Qiamat?" Apabila mereka mendapat kesenangan dan kemewahan, mereka kembali semula kepada keadaan mereka, lalu Allah menurunkan ayat:

يَوْمَ نَبْطِشُ ٱلْبَطْشَةَ ٱلْكُبْرَىٰٓ إِنَّا مُنتَقِمُونَ ﴿١٦﴾

"Ingatlah hari (Qiamat) ketika kami menghentamkan mereka dengan hentaman yang paling besar. Sesungguhnya Kami tetap menyeksakan mereka."(16)

Katanya, maksud **"hari"** dalam ayat itu ialah hari Peperangan Badar. Ujar Ibn Mas'ud r.a.: Lima perkara telah berlaku iaitu kedatangan asap, kemenangan Rom, bulan terbelah, hentaman dahsyat dan kepastian turunnya 'azab (lizam[1]). Hadith ini dikeluarkan di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim. Ia juga diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnadnya, juga diriwayatkan oleh at-Tirmizi dan an-Nasa'i dalam tafsir keduanya. Juga diriwayatkan oleh Ibn Jarir dan Ibn Abu Hatim dari berbagai-bagai saluran dari al-

---

[1] اللزام

A'masy. Dan Ibn Mas'ud r.a. telah bersetuju mentafsirkan ayat itu dengan hadith ini dan bahawa peristiwa asap itu telah berlaku, juga dipersetujui oleh sekumpulan Ulama' Salaf seperti Mujahid, Abul-'Aliyah, Ibrahim an-Nakh'i, adh-Dhahak dan 'Atiyah al-'Aufi, dan inilah juga pilihan Ibn Jarir.

Ujar Ulama' Salaf yang lain, peristiwa asap belum lagi berlaku, kerana peristiwa ini merupakan salah satu dari alamat Qiamat sebagaimana diterangkan di dalam hadith Abu Sarihah iaitu Huzayfah ibn Asid al-Ghifari r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. telah datang menemui kami dari 'Arafah ketika itu kami sedang berbicara mengenai hari Qiamat, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda:

لا تقوم الساعة حتى تروا عشر آيات: طلوع الشمس من مغربها ، والدخان ، والدابة ، وخروج يأجوج ومأجوج ، وخروج عيس ابن مريم ، والدجال ، وثلاثة خسوف ، خسف بالمشرق ، وخسف بالمغرب ، وخسف بجزيرة العرب ، ونار تخرج من قعر عدن تسوق الناس - أو تحشر الناس - تبيت معهم حيث باتوا ، وتقيل معهم حيث قالوا

"Qiamat itu tidak berlaku sehingga kamu melihat sepuluh alamat-alamat iaitu naik matahari dari arah Barat, asap, binatang, keluar Ya'juj dan Ma'juj, keluar 'Isa putera Maryam, Dajjal, dan berlaku tiga gerhana bulan iaitu gerhana bulan di Timur, gerhana bulan di Barat dan gerhana bulan di Semenanjung Tanah Arab, dan api yang keluar dari sebuah lubang di Adni yang mengusir manusia - atau mengumpulkan manusia - api itu bermalam bersama mereka di mana sahaja mereka bermalam dan beristirehat di waktu tengahari bersama mereka di mana sahaja mereka berehat."[2]

Ujar Ibn Jarir: Aku telah diceritakan oleh Muhammad ibn 'Auf, kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Ismail ibn 'Iyasy, aku telah diceritakan oleh bapaku, aku telah diceritakan oleh Dhamdham ibn Zar'ah dari Syurayh ibn 'Abid dari Abu Malik al-Asy'ari r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

إن ربكم أنذركم ثلاثاً الدخان يأخذ المؤمن كالزكمة ، ويأخذ الكافر فينتفخ حتى يخرج من كل مسمع منه ، والثانية الدابة ، واثالثة الدجال .

"Sesungguhnya Tuhanmu telah memberi amaran dengan tiga perkara, pertama peristiwa asap yang mengena orang Mu'min dan menyebabkannya mengidap seakan-akan penyakit selsema dan mengena orang kafir menyebabkannya mengelembung hingga asap itu keluar dari setiap telinganya. Yang kedua binatang dan ketiga Dajjal."[3]

Ibn Jarir juga berkata begitu: Aku telah diceritakan oleh Ya'kub, kami telah diceritakan oleh Ibn 'Aaliyah dari ibn Jurayh dari Abdullah 'ibn Abu Mulaykah katanya: Pada awal pagi suatu hari aku pergi menemui Ibn 'Abbas r.a. lalu ia berkata: "Semalam aku tidak dapat tidur hingga ke pagi." Aku bertanya: "Mengapa?" Jawabnya: "Mereka berkata bintang berekor telah muncul dan aku takut peristiwa asap telah bermula, oleh kerana itu aku tidak dapat tidur sehingga ke pagi......." Demikianlah diriwayatkannya oleh Ibn Abu Hatim dari bapanya dari Ibn Umar dari Sufyan dari Abdullah ibn Abu Yazid dari Abdullah ibn Abu Mulaykah dari Ibn 'Abbas r.a., lalu ia menyebutkannya.

Ujar Ibn Kathir dalam tafsirnya: Isnad kepada Ibn 'Abbas r.a. ini betul iaitu tokoh besar ulama' umat Muslimin dan pentafsir Al-Qur'an. Demikianlah pendapat mereka yang bersetuju dengannya dari Sahabat-sahabat dan para Tabi'in sekalian r.a., di samping adanya hadith-hadith Marfu' dan hadith-hadith Sahih dan Hassan lain-lainnya yang dibawa oleh mereka di mana terdapat keterangan yang meyakinkan dan terjemahan yang jelas yang menunjukkan bahawa peristiwa asap di dalam ayat ini merupakan salah satu tanda dari tanda-tanda Qiamat yang ditunggu-tunggu, di samping ianya juga dapat difaham dari pengertian zahir Al-Qur'an iaitu firman Allah:

فَٱرْتَقِبْ يَوْمَ تَأْتِي ٱلسَّمَآءُ بِدُخَانٍ مُّبِينٍ ﴿١٠﴾

"Oleh itu tunggulah hari langit membawa asap yang amat nyata."(10)

Yakni asap yang amat jelas yang dapat dilihat oleh setiap orang. Tetapi menurut pentafsiran Ibn Mas'ud r.a., asap itu hanya suatu khayalan sahaja yang nampak pada mata mereka kerana terlalu lapar dan letih lesu. Begitu juga firman Allah **"Yang menyelubungi manusia"**(يغش الناس) yakni menyelubungi dan menutup penglihatan mereka.

Andainya asap itu hanya asap dari khayalan penduduk Makkah yang musyrikin sahaja tentulah tidak dikatakan **"menyelubungi manusia"** (يغش الناس). Firman Allah Ta'ala **"Inilah 'azab yang amat pedih"** (هذا عذاب أليم) yakni perkataan ini dikatakan kepada mereka sebagai mengecam dan mengeji perbuatan mereka. Ayat ini sama dengan firman Allah Ta'ala:

يَوْمَ يُدَعُّونَ إِلَىٰ نَارِ جَهَنَّمَ دَعًّا ﴿١٣﴾
هَٰذِهِ ٱلنَّارُ ٱلَّتِي كُنتُم بِهَا تُكَذِّبُونَ ﴿١٤﴾

"Pada hari mereka ditolakkan ke dalam Neraka Jahannam dengan sekeras-kerasnya. (Lalu dikatakan kepada mereka): Inilah Neraka yang kamu dustakan."

(Surah at-Thur: 13-14)

Atau perkataan itu dikatakan oleh setengah mereka kepada setengah yang lain. Firman Allah S.W.T.:

---

[2] *Hadith dikeluarkan oleh Muslim seorang sahaja di dalam Sahihnya.*

[3] *Hadith ini telah diriwayatkan juga oleh at-Tabrani dari Hasyim ibn Yazid dari Muhammad ibn Ismail 'ibn 'Ayasy dengan nas yang sama, dan ujar Ibn Kathir di dalam tafsirnya: Sanad hadith ini baik.*

رَّبَّنَا ٱكۡشِفۡ عَنَّا ٱلۡعَذَابَ إِنَّا مُؤۡمِنُونَ ١٢

"(Mereka berdo'a): Ya Tuhanku! Hapuskan 'azab ini dari kami. Sesungguhnya kami akan beriman."(12)

Yakni orang-orang kafir berkata begitu apabila mereka melihat 'azab Allah dan balasan-Nya. Mereka memohon supaya Allah mengangkatkan 'azab itu dari mereka. Ayat ini sama dengan firman Allah Ta'ala:

وَلَوۡ تَرَىٰٓ إِذۡ وُقِفُواْ عَلَى ٱلنَّارِ فَقَالُواْ يَٰلَيۡتَنَا نُرَدُّ وَلَا
نُكَذِّبَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّنَا وَنَكُونَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٢٧

"Andainya engkau melihat ketika mereka dihalakan berdiri mengadap Neraka, lalu mereka berkata: Kami berangan-angan dikembalikan semula ke dunia dan tidak mendustakan ayat-ayat Tuhan kami dan menjadi dari golongan orang-orang Mu'min."

(Surah al-An'am: 27)

Juga sama dengan firman-Nya:

وَأَنذِرِ ٱلنَّاسَ يَوۡمَ يَأۡتِيهِمُ ٱلۡعَذَابُ فَيَقُولُ ٱلَّذِينَ
ظَلَمُواْ رَبَّنَآ أَخِّرۡنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٖ قَرِيبٖ نُّجِبۡ دَعۡوَتَكَ
وَنَتَّبِعِ ٱلرُّسُلَۗ أَوَلَمۡ تَكُونُوٓاْ أَقۡسَمۡتُم مِّن قَبۡلُ
مَا لَكُم مِّن زَوَالٖ ٤٤

"Dan berilah amaran kepada manusia tentang hari yang akan datang 'azab yang menimpa mereka, lalu berkatalah orang-orang yang zalim: Ya Tuhan kami! Tangguhkan kami barang sebentar (kembalikan kami ke dunia) nescaya kami menyahuti da'wah-Mu dan mengikutpara rasul, (lain dikatakan kepada mereka) bukankah dahulu (di dunia) kamu telah bersumpah bahawa kamu tidak akan mendapat kebinasaan."

(Surah Ibrahim: 44)

Demikianlah juga Allah 'Azzawajalla berfirman di sini:

أَنَّىٰ لَهُمُ ٱلذِّكۡرَىٰ وَقَدۡ جَآءَهُمۡ رَسُولٞ مُّبِينٞ ١٣
ثُمَّ تَوَلَّوۡاْ عَنۡهُ وَقَالُواْ مُعَلَّمٞ مَّجۡنُونٌ ١٤

"Masakan mereka mahu menerima peringatan, sedangkan Rasul telah pun datang kepada mereka memberi penjelasan yang terang (13). Kemudian mereka berpaling darinya dan berkata: Dia diajar oleh orang lain dan gila pula."(14)

Yakni Allah berfirman bagaimana mereka akan mengambil peringatan dan pengajaran, sedangkan kami telah pun mengutuskan seorang Rasul yang menyampaikan risalah dan amaran kepada mereka, namun demikian mereka berpaling darinya. Mereka tidak mengikutnya, malah mendustakannya dan mengejek:

مُعَلَّمٞ مَّجۡنُونٌ ١٤

".......... Dia diajar oleh orang lain dan gila pula."(14)

Ayat ini sama dengan firman-Nya:

يَوۡمَئِذٖ يَتَذَكَّرُ ٱلۡإِنسَٰنُ وَأَنَّىٰ لَهُ ٱلذِّكۡرَىٰ ٢٣

"Pada hari itu manusia baru sedar dan apakah gunanya kesedaran itu kepadanya?"

(Surah al-Fajr: 23)

Juga sama dengan firman-Nya:

وَلَوۡ تَرَىٰٓ إِذۡ فَزِعُواْ فَلَا فَوۡتَ وَأُخِذُواْ مِن مَّكَانٖ
قَرِيبٖ ٥١
وَقَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِهِۦ وَأَنَّىٰ لَهُمُ ٱلتَّنَاوُشُ مِن مَّكَانِۢ
بَعِيدٖ ٥٢
وَقَدۡ كَفَرُواْ بِهِۦ مِن قَبۡلُۖ وَيَقۡذِفُونَ بِٱلۡغَيۡبِ
مِن مَّكَانِۢ بَعِيدٖ ٥٣
وَحِيلَ بَيۡنَهُمۡ وَبَيۡنَ مَا يَشۡتَهُونَ كَمَا فُعِلَ
بِأَشۡيَاعِهِم مِّن قَبۡلُۚ إِنَّهُمۡ كَانُواْ فِي شَكّٖ مُّرِيبِۢ ٥٤

"Dan (sungguh dahsyat) andainya engkau melihat (orang-orang yang kafir) itu ketika mereka berada dalam ketakutan (kerana melihat 'azab) dan mereka tidak ada jalan untuk melepaskan diri dan mereka ditangkap dari tempat yang dekat (51). Dan lalu mereka berkata: Kami beriman dengan (Muhammad), (tetapi) masakan mereka dapat mencapai keimanan itu dari tempat yang jauh (di Akhirat) (52). Sedangkan mereka telah mengingkari sebelum ini, dan meneka-neka urusan ghaib dari tempat yang jauh (53). Dan halangan telah pun diadakan di antara mereka dengan keimanan yang diingini mereka sebagaimana telah dilakukan kepada orang-orang yang serupa dengan mereka sebelum ini. Sesungguhnya mereka dahulu berada di dalam keraguan yang amat mendalam."(54)

(Surah Saba')

إِنَّا كَاشِفُواْ ٱلۡعَذَابِ قَلِيلًاۚ إِنَّكُمۡ عَآئِدُونَ ١٥

"Sesungguhnya Kami telah menghapuskan sedikit dari 'azab itu lalu kamu kembali semula kepada kekufuran."(15)

Ayat ini mempunyai dua pengertian: Pertama bermaksud bahawa Allah berfirman kepada mereka andainya Kami angkatkan 'azab ini dari kamu dan Kami kembalikan kamu semula ke dunia nescaya kamu akan kembali lagi kepada sikap kamu yang tidak beriman dan mendustakan Rasul. Ayat ini sama dengan firman Allah:

وَلَوْ رَحِمْنَٰهُمْ وَكَشَفْنَا مَا بِهِم مِّن ضُرٍّ لَّلَجُّوا۟ فِى
طُغْيَٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿٧٥﴾

"Andainya Kami kasihankan mereka dan menghapuskan 'azab yang dideritai mereka nescaya mereka akan terus terumbang-ambing di dalam keterlaluan mereka."

(Surah al-Mu'minun: 75)

Juga sama dengan firman-Nya:

وَلَوْ رُدُّوا۟ لَعَادُوا۟ لِمَا نُهُوا۟ عَنْهُ وَإِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿٢٨﴾

"Andainya mereka dikembalikan semula ke dunia nescaya mereka akan kembali mengerjakan perkara-perkara yang dilarangkan kepada mereka. Dan sesungguhnya mereka adalah pembohong-pembohong belaka."

(Surah al-An'am: 28)

Yang kedua bermaksud bahawa Kami menangguhkan 'azab itu sebentar kepada kamu sesudah sempurna sebab-sebabnya dan sesudah sampainya kepada kamu, sedangkan kamu masih terus hanyut dalam keterlaluan dan kesesatan. Penghapusan 'azab yang dikatakan itu tidak semestinya bererti bahawa mereka telah merasakan 'azab itu. Ini sama dengan firman Allah Ta'ala:

إِلَّا قَوْمَ يُونُسَ لَمَّآ ءَامَنُوا۟ كَشَفْنَا عَنْهُمْ عَذَابَ
ٱلْخِزْىِ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَمَتَّعْنَٰهُمْ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٩٨﴾

"Kecuali kaum Yunus apabila mereka beriman, Kami hapuskan dari mereka 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia dan Kami kurniakan ni'mat kesenangan kepada mereka sehingga kepada waktu yang tertentu."

(Surah Yunus: 98)

Sedangkan 'azab yang dikatakan itu belum lagi dirasa oleh mereka dan belum lagi menyentuh mereka, malah hanya sebab-sebabnya sahaja yang telah sempurna terhadap mereka.

Ujar Qatadah (ketika mentafsirkan maksud ayat): **"Lalu kamu kembali semula."** Yakni kamu kembali semula kepada 'azab Allah.

Firman Allah 'Azzawajalla:

يَوْمَ نَبْطِشُ ٱلْبَطْشَةَ ٱلْكُبْرَىٰٓ إِنَّا مُنتَقِمُونَ ﴿١٦﴾

"Ingatlah hari (Qiamat) ketika Kami akan menghentamkan mereka dengan hentaman yang paling besar. Sesungguhnya Kami tetap menyeksakan mereka."(16)

Ibn Mas'ud telah mentafsirkan **"hari"** di dalam ayat ini dengan hari Peperangan Badar. Inilah pendapat sekumpulan ulama' yang bersetuju dengan pendapat Ibn Mas'ud r.a. dan pendapat sekumpulan ulama' yang bersetuju dengannya tentang pentafsiran maksud **"asap"** yang telah lepas. Dan pendapat ini juga diriwayatkan dari Ibn 'Abbas r.a. dari riwayat al-'Aufi dari beliau dan Abu ibn Ka'b r.a., dan pendapat ini boleh diterima. Tetapi pengertiannya yang zahir ialah **"hari Qiamat"** walaupun hari Peperangan Badar itu merupakan hari hentaman Allah juga. Kata Ibn Jarir, aku telah diceritakan oleh Ya'kub, kami telah diceritakan oleh Ibn 'Aaliyah, kami telah diceritakan oleh Khalid al-Haza' dari 'Ikrimah katanya: Ujar Ibn 'Abbas r.a. kata Ibn Mas'ud r.a. (bahawa maksud hentaman itu) ialah hentaman yang paling besar pada hari Peperangan Badar. Dan mengikut pendapat saya pula, maksud hentaman itu ialah hentaman hari Qiamat. Dan sanad ini adalah sahih dari beliau dan ia juga merupakan pendapat al-Hasan al-Basri dan Ikrimah dalam dua riwayat yang paling sahih dari beliau. (Selesai ulasan Ibn Kathir).

Kami memilih pendapat Ibn 'Abbas r.a. yang mentafsirkan asap itu sebagai asap pada hari Qiamat dan pendapat Ibn Kathir di dalam tafsirnya. Ia merupakan satu amaran yang terdapat banyak seumpamanya di dalam Al-Qur'anul-Karim di tempat yang seperti ini. Maksud ayat ini ialah mereka ragu-ragu dan bermain-main, oleh itu tinggalkan mereka dan tunggulah sahaja hari yang ngeri, iaitu hari di mana langit membawa asap yang tebal yang menyelubungi manusia. Al-Qur'an sifatkan 'azab asap itu sebagai satu 'azab yang amat pedih dan menggambarkan mereka memohon pertolongan Allah.

رَّبَّنَا ٱكْشِفْ عَنَّا ٱلْعَذَابَ إِنَّا مُؤْمِنُونَ ﴿١٢﴾

"Ya Tuhan kami! Hapuskan 'azab ini dari kami. Sesungguhnya kami akan beriman."(12)

Lalu dijawab kepada mereka bahawa permohonan mereka tidak mungkin diterima kerana telah luput waktunya:

أَنَّىٰ لَهُمُ ٱلذِّكْرَىٰ وَقَدْ جَآءَهُمْ رَسُولٌ مُّبِينٌ ﴿١٣﴾
ثُمَّ تَوَلَّوْا۟ عَنْهُ وَقَالُوا۟ مُعَلَّمٌ مَّجْنُونٌ ﴿١٤﴾

"Masakan mereka mahu menerima peringatan, sedangkan Rasul telah pun datang kepada mereka memberi penjelasan yang terang. Kemudian mereka berpaling darinya dan berkata: Dia diajar oleh orang lain dan gila pula."(13-14)

Yakni dia diajar oleh seorang pemuda asing (yang bukan bangsa Arab) yang gila menurut anggapan mereka.

Di bawah bayangan pemandangan ini, iaitu pemandangan ketika mereka sedang mengharapkan supaya 'azab itu dihapuskan dari mereka, sedangkan permohonan itu tidak diperkenankan, Allah berfirman kepada mereka bahawa di hadapan kamu masih ada peluang, kerana 'azab itu ditangguhkan sebentar terhadap kamu semasa kamu sekarang masih berada di dunia ini. 'azab itu diangkatkan sekarang dari kamu. Oleh itu berimanlah sebagaimana kamu telah berjanji hendak beriman pada hari Akhirat kelak sewaktu permohonan kamu tidak diperkenankan. Kamu sekarang berada dalam keadaan aman sentosa yang tidak akan kekal, kerana kamu akan pulang kepada Kami.

يَوۡمَ نَبۡطِشُ ٱلۡبَطۡشَةَ ٱلۡكُبۡرَىٰٓ

"Ingatlah hari (Qiamat) ketika Kami menghentamkan mereka dengan hentaman yang paling besar."(16)

Iaitu hari berlakunya peristiwa asap yang kamu saksikan pemandangannya yang digambarkan oleh Al-Qur'an.

إِنَّا مُنتَقِمُونَ ﴿١٦﴾

"Sesungguhnya Kami tetap menyeksakan mereka."(16)

Sebagai balasan terhadap permainan-permainan mereka dan pendustaan mereka terhadap Rasulullah s.a.w. ketika kamu menuduh beliau seorang:

مُعَلَّمٞ مَّجۡنُونٌ ﴿١٤﴾

"Dia diajar oleh orang lain dan gila pula"(14)

sedangkan beliau seorang yang sentiasa bercakap benar dan amanah.

Dengan ini selaraslah pentafsiran ayat-ayat ini mengikut hemah kami dan Allahlah jua Yang Maha Mengetahui dengan maksud sebenar yang dikehendaki-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 33)

Sebabak Kisah Musa Dengan Fir'aun Yang Ditenggelamkan Dalam Lautan

Selepas itu Al-Qur'an membawa kaum Musyrikin ke dalam satu penjelajahan yang lain pula bersama kisah Musa a.s. Ia menayangkan kisah itu dengan ringkas dan berakhir dengan satu peristiwa hentaman yang paling dahsyat di bumi ini setelah ia memperlihatkan kepada mereka hentaman Allah yang paling besar pada hari langit membawa asap yang amat nyata:

وَلَقَدۡ فَتَنَّا قَبۡلَهُمۡ قَوۡمَ فِرۡعَوۡنَ وَجَآءَهُمۡ رَسُولٞ
كَرِيمٌ ﴿١٧﴾
أَنۡ أَدُّوٓاْ إِلَيَّ عِبَادَ ٱللَّهِۖ إِنِّي لَكُمۡ رَسُولٌ
أَمِينٞ ﴿١٨﴾
وَأَن لَّا تَعۡلُواْ عَلَى ٱللَّهِۖ إِنِّيٓ ءَاتِيكُم بِسُلۡطَٰنٖ مُّبِينٖ ﴿١٩﴾
وَإِنِّي عُذۡتُ بِرَبِّي وَرَبِّكُمۡ أَن تَرۡجُمُونِ ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya sebelum mereka Kami telah ujikan kaum Fir'aun dan mereka telah didatangi seorang Rasul yang mulia (17). (Yang berkata): Berikanlah seluruh keta'atan kepadaku, wahai hamba-hamba Allah! Sesungguhnya aku seorang Rasul yang amanah yang diutuskan kepada kamu (18). Dan janganlah kamu berlagak angkuh terhadap Allah, sesungguhnya aku membawa kepada kamu satu bukti yang amat nyata (19). Dan sesungguhnya aku berlindung pada Tuhanku dan Tuhan kamu dari tindakan kamu hendak merejamkanku."(20)

وَإِن لَّمۡ تُؤۡمِنُواْ لِي فَٱعۡتَزِلُونِ ﴿٢١﴾
فَدَعَا رَبَّهُۥٓ أَنَّ هَٰٓؤُلَآءِ قَوۡمٞ مُّجۡرِمُونَ ﴿٢٢﴾
فَأَسۡرِ بِعِبَادِي لَيۡلًا إِنَّكُم مُّتَّبَعُونَ ﴿٢٣﴾
وَٱتۡرُكِ ٱلۡبَحۡرَ رَهۡوًاۖ إِنَّهُمۡ جُندٞ مُّغۡرَقُونَ ﴿٢٤﴾
كَمۡ تَرَكُواْ مِن جَنَّٰتٖ وَعُيُونٖ ﴿٢٥﴾

"Dan andainya kamu tidak mahu beriman kepada aku, maka hendaklah kamu berpisah dariku (jangan gangguku) (21). Kemudian dia (Musa) berdo'a kepada Tuhannya: Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang berdosa (22). (Kemudian Allah memerintah): Bawalah keluar hamba-hamba-Ku itu di waktu malam. Sesungguhnya kamu akan dikejar (23). Dan tinggalkan laut (yang terbelah) itu dalam keadaan tenang. Sesungguhnya mereka adalah tentera-tentera yang akan ditenggelamkan (24). Alangkah banyaknya kebun-kebun dan matair-matair yang ditinggalkan mereka."(25)

وَزُرُوعٖ وَمَقَامٖ كَرِيمٖ ﴿٢٦﴾
وَنَعۡمَةٖ كَانُواْ فِيهَا فَٰكِهِينَ ﴿٢٧﴾
كَذَٰلِكَۖ وَأَوۡرَثۡنَٰهَا قَوۡمًا ءَاخَرِينَ ﴿٢٨﴾
فَمَا بَكَتۡ عَلَيۡهِمُ ٱلسَّمَآءُ وَٱلۡأَرۡضُ وَمَا كَانُواْ
مُنظَرِينَ ﴿٢٩﴾
وَلَقَدۡ نَجَّيۡنَا بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ مِنَ ٱلۡعَذَابِ ٱلۡمُهِينِ ﴿٣٠﴾

"Dan ladang-ladang tanaman dan kedudukan yang tinggi (26). Dan ni'mat yang telah dini'mati mereka dengan penuh kemewahan (27). Demikianlah (balasan mereka), dan Kami jadikan ni'mat-ni'mat itu warisan kepada satu kaum yang lain (28). Mereka tidak ditangisi langit dan bumi dan mereka juga tidak diberi tempoh (29). Dan sesungguhnya Kami telah menyelamatkan Bani Israel dari penindasan yang amat menghinakan."(30)

مِن فِرۡعَوۡنَۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَالِيٗا مِّنَ ٱلۡمُسۡرِفِينَ ﴿٣١﴾
وَلَقَدِ ٱخۡتَرۡنَٰهُمۡ عَلَىٰ عِلۡمٍ عَلَى ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٣٢﴾
وَءَاتَيۡنَٰهُم مِّنَ ٱلۡأٓيَٰتِ مَا فِيهِ بَلَٰٓؤٞاْ مُّبِينٌ ﴿٣٣﴾

"Iaitu penindasan dari Fir'aun. Sesungguhnya dia seorang yang takbur dari golongan manusia yang pelampau (31). Dan sesungguhnya Kami telah memilih mereka mengikut ilmu Kami di atas bangsa-bangsa yang lain (32). Dan Kami

kurniakan mereka berbagai-bagai mu'jizat-mu'jizat yang mengandungi ujian yang nyata."(33)

Penjelajahan ini dimulakan dengan satu sentuhan yang amat kuat untuk menyedarkan hati mereka bahawa pengiriman Rasul kepada kaumnya mungkin merupakan ujian dan dugaan kepada mereka. Dan penangguhan 'azab terhadap para pendusta untuk beberapa waktu itu sedangkan mereka terus berlagak sombong terhadap Allah dan menyakiti Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Mu'min yang ada bersama beliau, juga mungkin merupakan ujian dan dugaan Allah terhadap mereka, dan perbuatan mereka menimbulkan kemarahan Rasulullah dan menghilangkan kesabarannya menghadapi penindasan mereka dan menghapuskan harapan beliau untuk memberi hidayat kepada mereka mungkin ada di sebaliknya 'azab yang amat pedih dan hentaman yang amat dahsyat:

وَلَقَدْ فَتَنَّا قَبْلَهُمْ قَوْمَ فِرْعَوْنَ

"Sesungguhnya sebelum mereka Kami telah ujikan kaum Fir'aun.....!"(17)

Yakni Kami telah ujikan mereka dengan berbagai-bagai ni'mat, kuasa dan pemerintahan yang teguh di dunia, juga penangguhan 'azab terhadap mereka, sedangkan mereka hidup dengan kesenangan yang mewah dan dengan punca-punca kekayaan dan keunggulan.

وَجَآءَهُمْ رَسُولٌ كَرِيمٌ ﴿١٧﴾

"Dan mereka telah didatangi seorang rasul yang mulia."(17)

Yakni kedatangan Rasul itu merupakan sebahagian dari ujian untuk mengetahui bagaimana mereka memberi sambutan kepada da'wah Rasul yang mulia itu, iaitu Rasul yang tidak meminta apa-apa untuk faedah dirinya, malah ia menyeru mereka kepada Allah dan meminta mereka memberi segala-galanya kepada Allah tanpa meninggalkan sesuatu untuk diri mereka:

أَنْ أَدُّوٓا۟ إِلَىَّ عِبَادَ ٱللَّهِ ۖ إِنِّى لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٨﴾

وَأَن لَّا تَعْلُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ ۖ إِنِّىٓ ءَاتِيكُم بِسُلْطَٰنٍ مُّبِينٍ ﴿١٩﴾

وَإِنِّى عُذْتُ بِرَبِّى وَرَبِّكُمْ أَن تَرْجُمُونِ ﴿٢٠﴾

وَإِن لَّمْ تُؤْمِنُوا۟ لِى فَٱعْتَزِلُونِ ﴿٢١﴾

"(Yang berkata): Berikanlah seluruh keta'atan kepadaku, wahai hamba-hamba Allah! Sesungguhnya aku seorang Rasul yang amanah yang diutuskan kepada kamu (18). Dan janganlah kamu berlagak angkuh terhadap Allah sesungguhnya aku membawa kepada kamu satu bukti yang amat nyata (19). Dan sesungguhnya aku berlindung pada Tuhanku dan Tuhan kamu dari tindakan kamu hendak merejamkanku (20). Dan andainya kamu tidak mahu beriman kepada aku, maka hendaklah kamu berpisah dariku (jangan gangguku)."(21)

Itulah kata-kata yang pendek yang diucapkan oleh Rasul mereka yang mulia Musa a.s. Beliau meminta dari mereka sambutan yang menyeluruh, keta'atan yang sempurna dan penyerahan diri yang mutlak kepada Allah sebagai hamba-hamba-Nya[4], kerana tidak sepatutnya hamba-hamba itu berlagak sombong terhadap Allah. Itulah da'wah Allah yang dibawa oleh Rasul itu kepada mereka dan dia mempunyai bukti bahawa dia adalah utusan Allah yang dikirimkan kepada mereka, iaitu bukti yang kuat dan hujah yang jelas yang diakui oleh segala hati. Dia berlindung pada Allah dari diserang dan direjamkan oleh mereka. Dan andainya sukar bagi mereka untuk beriman, maka dia akan memisahkan dirinya dari mereka dan menuntut mereka supaya mereka juga memisahkan diri mereka darinya. Itulah kemuncak kesaksamaan, keadilan dan saling berdamai.

Tetapi sikap keterlaluan itu jarang mengenal keadilan, ia takut kebenaran itu terus bebas dan berusaha untuk sampai kepada orang ramai dengan aman dan tenang, dan kerana itu ia bertindak memerangi kebenaran itu dengan penindasan yang dahsyat dan tidak mahu berdamai dengannya buat selama-lamanya, kerana erti saling berdamai itu ialah membiarkan kebenaran itu mara ke depan menakluk hati dan jiwa manusia pada setiap hari. Oleh sebab inilah kebatilan terus menyerang dan merejam kebenaran dan tidak memisahkan diri darinya dan tidak membiarkan kebenaran selamat atau beristirehat.

Ayat-ayat ini membawa berbagai-bagai babak kisah Fir'aun secara ringkas supaya sampai kepada babak yang hampir tamat. Dan apabila ujian itu sampai kepada penghabisannya dan Nabi Musa a.s. sedar bahawa kaum ir'aun tidak akan beriman, tidak akan menyahut da'wahnya dan tidak akan berdamai dan tidak akan memencilkan diri darinya, dan apabila jelas kepada beliau bahawa dosa dan kejahatan mereka bertunjang begitu mendalam dalam jiwa mereka dan tidak ada harapan mereka akan meninggalkannya, maka ketika itu beliau pun kembali mengadu kepada Tuhannya dan tempat perlindungannya yang akhir:

فَدَعَا رَبَّهُۥٓ أَنَّ هَٰٓؤُلَآءِ قَوْمٌ مُّجْرِمُونَ ﴿٢٢﴾

"Kemudian dia (Musa) berdo'a kepada Tuhannya: Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang berdosa."(22)

Apakah daya bagi seseorang Rasul selain dari kembali mengemukakan hasil pencapaiannya kepada

---

4 *Di sana ada satu pentafsiran yang lain bagi ayat "* أن أدوا إليّ عباد الله *" iaitu dengan makna "serahkan kepada aku hamba-hamba Allah iaitu Bani Israel, yakni serahkan mereka kepadaku dan janganlah kamu tahan mereka untuk menyeksa mereka" maknanya sama dengan ayat "* أن أرسل معنا بني إسرائيل ولا تعذبهم *" Hantarkanlah Bani Israel bersama kami dan janganlah engkau seksa mereka.*

Tuhannya dan menyerahkan kepada-Nya supaya bertindak mengikut kehendak iradat-Nya?

Musa a.s. telah menerima jawapan Allah yang mengakui benarnya perkataan beliau mengenai kaum Fir'aun...... Ya, memang benar mereka adalah satu kaum yang berdosa.

فَأَسْرِ بِعِبَادِى لَيْلًا إِنَّكُم مُّتَّبَعُونَ ﴿٢٣﴾

وَٱتْرُكِ ٱلْبَحْرَ رَهْوًا ۖ إِنَّهُمْ جُندٌ مُّغْرَقُونَ ﴿٢٤﴾

"(Kemudian Allah memerintah): Bawalah keluar hamba-hamba-Ku itu di waktu malam. Sesungguhnya kamu akan dikejar (23). Dan tinggalkan laut (yang terbelah) itu dalam keadaan tenang. Sesungguhnya mereka adalah tentera-tentera yang akan ditenggelamkan."(24)

Ayat ini mengulangi kembali pemandangan Musa a.s. membawa hamba-hamba Allah Bani Israel keluar di waktu malam secara diam-diam tanpa dilihat dan diketahui oleh mata-mata gelap Fir'aun dan Fir'aun sendiri.

وَٱتْرُكِ ٱلْبَحْرَ رَهْوًا ۖ

"Dan tinggalkan laut (yang terbelah itu) dalam keadaan tenang"(24)

yakni Allah Ta'ala menyuruh Musa dan kaumnya melalui laut dan membiarkan laut yang terbelah itu berada dalam keadaan yang tenang seperti keadaan yang dilalui oleh dia dan kaumnya, untuk menarik Fir'aun dan bala tenteranya mengejar mereka supaya terlaksanalah perencanaan Ilahi terhadap mereka:

إِنَّهُمْ جُندٌ مُّغْرَقُونَ ﴿٢٤﴾

".....Sesungguhnya mereka adalah tentera-tentera yang akan ditenggelamkan."(24)

Demikianlah terlaksananya perencanaan Allah melalui sebab-sebab yang zahir dan sebab-sebab itu sendiri merupakan sebahagian dari perencanaan yang telah ditetapkan itu.

Ayat ini memerikan cerita tenggelamnya Fir'aun di dalam laut dengan ringkas dengan hanya menggunakan satu ungkapan tegas yang pasti berlaku:

إِنَّهُمْ جُندٌ مُّغْرَقُونَ ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya mereka adalah tentera-tentera yang akan ditenggelamkan."(24)

Kemudian diiringi dengan ulasan yang membayangkan kehinaan Fir'aun dan pembesar-pembesarnya yang zalim dan angkuh di sisi Allah dan di sisi alam al-wujud, di mana dia berlagak sombong, dita'ati dan dipatuhi oleh pembesar-pembesar dan kaumnya yang terpesona dengan kebesarannya, sedangkan dia satu makhluk yang terlalu kecil untuk dirasakan oleh alam al-wujud. Segala ni'mat kesenangan dan kebesarannya telah dirampas kembali dan dia tidak mampu mempertahankannya dari kemusnahan dan tiada seorang pun yang bersedih meratapi nasibnya yang malang:

كَمْ تَرَكُوا۟ مِن جَنَّـٰتٍ وَعُيُونٍ ﴿٢٥﴾

وَزُرُوعٍ وَمَقَامٍ كَرِيمٍ ﴿٢٦﴾

وَنَعْمَةٍ كَانُوا۟ فِيهَا فَـٰكِهِينَ ﴿٢٧﴾

كَذَٰلِكَ ۖ وَأَوْرَثْنَـٰهَا قَوْمًا ءَاخَرِينَ ﴿٢٨﴾

فَمَا بَكَتْ عَلَيْهِمُ ٱلسَّمَآءُ وَٱلْأَرْضُ وَمَا كَانُوا۟ مُنظَرِينَ ﴿٢٩﴾

"Alangkah banyaknya kebun-kebun dan matair-matair yang ditinggalkan mereka (25). Dan ladang-ladang tanaman dan kedudukan yang tinggi (26). Dan ni'mat yang telah dini'mati mereka dengan penuh kemewahan (27). Demikianlah (balasan mereka) dan Kami jadikan ni'mat-ni'mat itu warisan kepada satu kaum yang lain (28). Mereka tidak ditangisi langit dan bumi dan mereka juga tidak diberi tempoh."(29)

Pemandangan itu dimulakan dengan gambaran ni'mat-ni'mat kesenangan yang dini'mati mereka iaitu taman-taman, matair-matair, aneka tanaman, kedudukan yang tinggi yang dipandang terhormat dan mulia, dan aneka ni'mat yang dirasakan mereka dengan penuh kesukaan dan keriangan.

Kemudian seluruh ni'mat itu dicabutkan dari mereka dan diwarisi pula oleh satu kaum yang lain. Di dalam ayat yang lain Allah berfirman:

كَذَٰلِكَ وَأَوْرَثْنَـٰهَا بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ﴿٥٩﴾

"Demikianlah (balasan terhadap mereka) dan Kami jadikannya warisan Bani Israel."

(Surah asy-Syu'ara: 59)

Kaum Bani Israel bukanlah mewarisi kerajaan Fir'aun itu sendiri, tetapi mereka mewarisi satu kerajaan yang lain yang sama sepertinya di sebuah negeri yang lain. Jadi, yang dimaksudkan dengan warisan di sini ialah warisan kerajaan dan ni'mat yang serupa dengan kerajaan dan ni'mat yang telah hilang dari Fir'aun dan pembesar-pembesarnya, kemudian kerajaan yang seperti itu diwarisi oleh Bani Israel.

Kemudian apakah yang telah berlaku? Manusia-manusia yang zalim dan pelampau yang dihormati dan ditakuti oleh semua orang itu telah hilang musnah dari bumi. Mereka semua telah hilang musnah dan tiada seorang pun yang merasa sedih atas kehilangan dan kemusnahan mereka, langit dan bumi tidak merasakan kewujudan mereka dan mereka tidak diberi apa-apa tempoh lagi apabila tibanya sa'at yang dijanjikan:

فَمَا بَكَتْ عَلَيْهِمُ ٱلسَّمَآءُ وَٱلْأَرْضُ وَمَا كَانُوا۟ مُنظَرِينَ ٢٩

"Mereka tidak ditangisi langit dan bumi dan mereka juga tidak diberi tempoh."(29)

Ungkapan ini memberi bayangan kehinaan dan bayangan mereka tidak dihiraukan orang. Manusia-manusia pelampau yang angkuh itu tidak dihiraukan oleh sesiapa pun sama ada di bumi atau di langit dan tidak didukacitakan oleh sesiapapun baik di bumi mahupun di langit. Mereka hilang seperti hilangnya semut-semut, sedangkan dahulunya mereka bermaharajalela di bumi memijak manusia dengan kasut-kasut mereka. Mereka hilang musnah tanpa didukacitakan. Seluruh alam buana membencikan mereka kerana memilih jalan yang terpisah darinya. Alam buana beriman kepada Allah, sedangkan mereka mengingkarkannya. Mereka adalah roh-roh jahat yang terbuang dari alam buana ini walaupun mereka hidup di dalamnya.

Andainya manusia pelampau yang bermaharajalela di bumi ini tahu saranan-saranan dan bayangan-bayangan yang terkandung di dalam ungkapan ayat ini tentulah mereka sedar betapa hinanya kedudukan mereka di sisi Allah dan di sisi alam al-wujud ini dan tentulah mereka insaf bahawa mereka hidup terbuang di alam ini, hidup terputus dari alam buana kerana putusnya tali ikatan iman.

Dan di sebelah pemandangan itu ditayangkan pula pemandangan orang-orang yang mendapat ni'mat-ni'mat keselamatan, penghormatan dan pemilihan Ilahi:

وَلَقَدْ نَجَّيْنَا بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ مِنَ ٱلْعَذَابِ ٱلْمُهِينِ ٣٠

مِن فِرْعَوْنَ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَالِيًا مِّنَ ٱلْمُسْرِفِينَ ٣١

وَلَقَدِ ٱخْتَرْنَٰهُمْ عَلَىٰ عِلْمٍ عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ٣٢

وَءَاتَيْنَٰهُم مِّنَ ٱلْءَايَٰتِ مَا فِيهِ بَلَٰٓؤٌا۟ مُّبِينٌ ٣٣

"Dan sesungguhnya Kami telah menyelamatkan Bani Israel dari 'azab yang amat menghinakan (30). Iaitu penindasan dari Fir'aun. Sesungguhnya dia seorang yang takbur dari golongan manusia yang pelampau (31). Dan sesungguhnya Kami telah memilih mereka mengikut ilmu Kami di atas bangsa-bangsa yang lain (32). Dan Kami kurniakan mereka berbagai-bagai mu'jizat-mu'jizat yang mengandungi ujian yang nyata."(33)

Di sini disebut ni'mat keselamatan Bani Israel dari 'azab **"yang amat menghinakan",** iaitu selaras dengan kehinaan yang telah menimpa kaum Fir'aun yang amat zalim dan takbur itu pada akhir hidup mereka:

مِن فِرْعَوْنَ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَالِيًا مِّنَ ٱلْمُسْرِفِينَ ٣١

"Iaitu penindasan dari Fir'aun. Sesungguhnya dia seorang yang takbur dari golongan manusia yang pelampau."(31)

Kemudian Al-Qur'an menyebut tentang pemilihan Allah yang telah memilih Bani Israel dengan ilmu pengetahuannya yang mengetahui hakikat mereka dan baik buruk mereka. Allah telah mengutamakan mereka dari umat-umat yang lain di zaman mereka, kerana Allah mengetahui bahawa mereka adalah umat yang paling baik di zaman itu dan paling layak dipilih dan dilantik untuk memegang teraju khilafah walaupun di sana terdapat kisah-kisah penyelewengan dan putar belit yang telah diceritakan oleh Al-Qur'an mengenai mereka. Ini menunjukkan bahawa pemilihan Allah yang telah memilih dan menolong mereka ialah mungkin kerana mereka merupakan satu umat yang paling baik di zaman mereka walaupun mereka belum lagi sampai ke tahap keimanan yang tinggi, memandangkan wujudnya kepimpinan di kalangan mereka, iaitu kepimpinan yang lurus yang membawa mereka kepada Allah.

وَءَاتَيْنَٰهُم مِّنَ ٱلْءَايَٰتِ مَا فِيهِ بَلَٰٓؤٌا۟ مُّبِينٌ ٣٣

"Dan Kami kurniakan mereka berbagai-bagai mu'jizat-mu'jizat yang mengandungi ujian-ujian yang nyata."(33)

Mereka telah diuji dengan mu'jizat-mu'jizat ini dan apabila tamat ujian itu dan apabila selesai tempoh mereka memegang teraju khilafah, maka Allah menyeksakan mereka pula dengan sebab penyelewengan dan putar belit yang dilakukan mereka dan dengan sebab kegagalan mereka dalam ujian-ujian itu, maka Allah jadikan mereka satu umat yang hidup kucar-kacir dan berselerak di merata negeri dan menerapkan mereka dengan sifat-sifat dan keadaan yang hina-dina. Allah memberi amaran bahawa mereka akan kembali hidup terseksa, dan berselerak di sana sini setiap kali mereka bertindak zalim di bumi ini hingga hari Qiamat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 34 - 42)

Setelah menjelajah melihat kebinasaan Fir'aun dan kuncu-kuncunya, melihat keselamatan Musa dan kaumnya dan melihat mereka diuji dengan berbagai-bagai mu'jizat selepas mereka ditindas oleh Fir'aun, maka Al-Qur'an kembali pula memperkatakan tentang sikap kaum Musyrikin terhadap persoalan kebangkitan selepas mati, iaitu keraguan dan keingkaran mereka terhadapnya. Ia kembali membicarakannya semula untuk menghubungkan persoalan kebangkitan itu dengan pelan pembinaan dan penciptaan alam buana yang dilandaskan di atas lunas kebenaran dan keseriusan yang memerlukan kepada wujudnya kebangkitan semula selepas mati:

إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ لَيَقُولُونَ ٣٤

إِنْ هِىَ إِلَّا مَوْتَتُنَا ٱلْأُولَىٰ وَمَا نَحْنُ بِمُنشَرِينَ ٣٥

فَأْتُوا۟ بِـَٔابَآئِنَآ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ٣٦

أَهُمْ خَيْرٌ أَمْ قَوْمُ تُبَّعٍ وَالَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ أَهْلَكْنَاهُمْ ۖ
إِنَّهُمْ كَانُوا مُجْرِمِينَ ﴿٣٧﴾
وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَاعِبِينَ ﴿٣٨﴾
مَا خَلَقْنَاهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا
يَعْلَمُونَ ﴿٣٩﴾
إِنَّ يَوْمَ الْفَصْلِ مِيقَاتُهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٤٠﴾
يَوْمَ لَا يُغْنِي مَوْلًى عَن مَّوْلًى شَيْئًا وَلَا هُمْ
يُنصَرُونَ ﴿٤١﴾
إِلَّا مَن رَّحِمَ اللَّهُ ۚ إِنَّهُ هُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿٤٢﴾

"Sesungguhnya mereka (kaum Musyrikin) berkata (34). Sesungguhnya kematian itu tidak lain melainkan hanya kematian kita yang pertama dan kita tidak akan dibangkitkan lagi (35). Bawalah kembali datuk nenek kami jika kamu benar (36). Apakah mereka (kaum Musyrikin) lebih baik atau kaum Tubba' dan kaum-kaum sebelum mereka, yang telah Kami membinasakan mereka. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berdosa (37). Dan Kami tidak ciptakan langit dan bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya dengan tujuan bermain-main (38). Kami tidak menciptakan kedua-duanya melainkan dengan lunas kebenaran, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (39). Sesungguhnya hari keputusan (Qiamat) itulah masa yang ditetapkan kepada seluruh mereka (40). Iaitu hari seorang teman yang rapat tidak dapat memberi apa-apa faedah kepada seorang teman rapat yang lain dan mereka tidak akan diberi pertolongan (41). Kecuali mereka yang telah dirahmati Allah. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(42)

Pendirian Kaum Musyrikin Terhadap Persoalan Kebangkitan Selepas Mati Dan Hikmahnya

Maksudnya, kaum Musyrikin Arab itu berkata: Kematian yang akan kita alaminya itu hanya sekali sahaja dan selepas itu tiada hayat yang baru dan tiada kebangkitan semula selepas mati. Mereka namakan mati di dunia ini sebagai **"kematian yang pertama"** yakni kematian sebelum atau terdahulu dari masa yang dijanjikan untuk kebangkitan. Mereka mengemukakan alasan untuk membuktikan bahawa kematian itu ialah kematian sekali di dunia ini sahaja dan selepas itu tiada apa-apa lagi. Alasan itu ialah datuk nenek moyang mereka telah pun mati dan pergi dan tiada seorang pun dari mereka kembali semula ke dunia ini dan tiada seorang pun yang dibangkitkan kembali, malah mereka menuntut supaya datuk nenek mereka yang telah mati itu dikembalikan kepada mereka jika kebangkitan semula selepas mati itu benar.

Mereka lupa kepada hikmah kebangkitan semula itu. Mereka tidak sedar bahawa hikmah kebangkitan semula itu merupakan salah satu rangkaian perkembangan hidup manusia. Ia mempunyai hikmah istimewa dan matlamat yang tertentu iaitu untuk memberi balasan dan ganjaran kepada amalan-amalan yang dilakukan manusia dalam kehidupan dunia, dan membawa orang-orang yang patuh dan ta'at kepada kesudahan yang mulia. Dan langkah-langkah kehidupan mereka yang lurus di dunia itulah yang melayakkan mereka menerima kesudahan itu. Juga untuk membawa orang-orang yang derhaka kepada kesudahan yang hina. Dan langkah-langkah kehidupan mereka yang menjerumuskan mereka dalam lumpur yang kotor di dunia itulah yang melayakkan mereka menerima kesudahan itu. Hikmah yang sedemikian itu memerlukan kepada kebangkitan semula setelah tamatnya seluruh peringkat kehidupan di dunia. Hikmah itu juga menolak bahawa persoalan kebangkitan semula itu merupakan satu persoalan main-mainan yang dilakukan untuk memenuhi keinginan seseorang atau sekumpulan manusia yang tertentu supaya mereka mempercayai hari kebangkitan itu, kerana keimanan mereka tidak sempurna melainkan apabila mereka mengakui kebenarannya walaupun mereka tidak nampak, kerana ia adalah satu persoalan yang benar yang diterangkan oleh para rasul. Persoalan ini memerlukan usaha berfikir dan meneliti tabi'at hidup ini, juga berfikir dan meneliti hikmah kebijaksanaan Allah yang menciptakan segala sesuatu itu di atas asas hikmah. Penelitian ini sahaja sudah cukup untuk membawa mereka beriman kepada hari Akhirat dan kepada kebangkitan semula.

Sebelum mengarah kaum Musyrikin supaya berfikir dan meneliti penciptaan alam buana itu sendiri, Al-Qur'an menyentuh hati mereka dengan kuat dengan menyebut kisah kebinasaan kaum Tubba' yang terdiri dari raja-raja Hemyar di Semenanjung Tanah Arab. Tidak syak lagi bahawa kisah ini adalah satu kisah yang terkenal kepada para pendengar di masa itu. Oleh sebab inilah Al-Qur'an menyebutkannya secara sepintas lalu sahaja untuk mencubit hati mereka dan mengingatkan mereka terhadap kesudahan kebinasaan yang telah menimpa kaum itu.

أَهُمْ خَيْرٌ أَمْ قَوْمُ تُبَّعٍ وَالَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ أَهْلَكْنَاهُمْ ۖ
إِنَّهُمْ كَانُوا مُجْرِمِينَ ﴿٣٧﴾

"Adakah mereka (kaum Musyrikin) lebih baik atau kaum Tubba' dan kaum-kaum sebelum mereka, yang telah Kami membinasakan mereka. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berdosa."(37)

Dan di dalam bayangan kisah peringatan yang menakutkan hati inilah Al-Qur'an membimbing mereka supaya meneliti dan memperhatikan penciptaan langit dan bumi yang kukuh, penyusunan

alam buana yang rapi, juga hikmah, tujuan dan pentadbiran Ilahi di sebalik penyusunan yang rapi itu:

وَمَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَٰعِبِينَ ﴿٣٨﴾
مَا خَلَقْنَٰهُمَآ إِلَّا بِٱلْحَقِّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا
يَعْلَمُونَ ﴿٣٩﴾
إِنَّ يَوْمَ ٱلْفَصْلِ مِيقَٰتُهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٤٠﴾
يَوْمَ لَا يُغْنِى مَوْلًى عَن مَّوْلًى شَيْـًٔا وَلَا هُمْ
يُنصَرُونَ ﴿٤١﴾
إِلَّا مَن رَّحِمَ ٱللَّهُ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٤٢﴾

"Dan Kami tidak ciptakan langit dan bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya dengan tujuan bermain-main (38). Kami tidak menciptakan kedua-duanya melainkan dengan lunas kebenaran, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (39). Sesungguhnya hari keputusan (Qiamat) itulah masa yang ditetapkan kepada seluruh mereka (40). Iaitu hari seorang teman yang rapat tidak dapat memberi apa-apa faedah kepada seseorang teman rapat yang lain dan mereka tidak akan diberi pertolongan (41). Kecuali mereka yang telah dirahmati Allah. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(42)

Ini adalah satu isyarat yang amat seni, kerana hubungan di antara penciptaan langit dan bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya dengan persoalan kebangkitan semula adalah satu hubungan yang amat halus, tetapi ia dapat difahami oleh fitrah manusia dengan mudah apabila dihadapkan bimbingan yang seperti ini kepadanya.

Sebenarnya usaha meneliti dan memperhatikan rahsia-rahsia di sebalik penciptaan langit dan bumi, iaitu rahsia kehalusan penciptaannya, hikmah dan tujuan penciptaannya yang jelas, penyusunannya yang rapi dan begitu nyata, memperhatikan segala sesuatu itu diciptakan mengikut kadar dan ukuran yang tepat, tidak lebih dan tidak kurang, untuk memenuhi matlamat penciptaannya dan untuk menyempurnakan penyesuaiannya dengan segala sesuatu dan dengan alam sekitarnya, memperhatikan adanya maksud dan tujuan tertentu dalam penciptaan segala sesuatu dengan ukuran dan bentuk rupanya yang diciptakan Allah, memperhatikan tidak adanya unsur kebetulan dan kesesiaan dalam aspek sama ada kecil atau besar di dalam penciptaan makhluk-makhluk yang besar dan segala makhluk-makhluk yang kecil dan seni........ Sebenarnya penelitian dan pemerhatian yang sedemikian akan menimbulkan kesedaran di dalam hati bahawa penciptaan seluruh makhluk itu mempunyai maksud dan tujuan. Segala sesuatu itu diciptakan di atas lunas kebenaran, tiada padanya sebarang kebatilan. Seluruh makhluk itu ada masa penghabisannya yang belum lagi tiba dan masa penghabisannya itu bukannya berakhir dengan maut setelah menjalani tempoh hidup yang pendek di bumi ini dan alam Akhirat, dan balasan-balasan di Akhirat itu merupakan suatu kepastian dari segi logik yang tulen bagi plan penciptaan yang bertujuan membangunkan hayat dan kewujudan ini. Ia merupakan suatu kepastian untuk merealisasikan penghabisan yang tabi'i bagi kebaikan dan kerosakan di dalam kehidupan dunia ini. Bakat-bakat kebaikan dan kerosakan ini disusun di dalam diri manusia di atas asas kesediaan semata-mata dan terpulanglah kepada manusia memperlihatkan daya usaha dan kemahuannya untuk memilih kebaikan atau kerosakan itu dan dia akan menerima balasan dari pemilihannya itu di akhir perjalanan hidupnya.

Konsep penciptaan manusia dengan dua kesediaan ini dan konsep penolakan adanya kesesiaan dalam segala perbuatan dan penciptaan Allah memastikan bahawa manusia pastilah mempunyai matlamat hidup penghabisan yang tertentu setelah ia tamat hidup di bumi. Inilah intisari persoalan Akhirat. Oleh sebab itu datang pula firman Allah yang berikut setelah mengarah manusia meneliti dan memperhatikan hikmah dan tujuan Ilahi dalam penciptaan langit dan bumi ini.

إِنَّ يَوْمَ ٱلْفَصْلِ مِيقَٰتُهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٤٠﴾
يَوْمَ لَا يُغْنِى مَوْلًى عَن مَّوْلًى شَيْـًٔا وَلَا هُمْ
يُنصَرُونَ ﴿٤١﴾
إِلَّا مَن رَّحِمَ ٱللَّهُ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٤٢﴾

"Sesungguhnya hari keputusan (Qiamat) itulah masa yang ditetapkan kepada seluruh mereka (40). Iaitu hari seorang teman yang rapat tidak dapat memberi apa-apa faedah kepada seorang teman rapat yang lain dan mereka tidak akan diberi pertolongan (41). Kecuali mereka yang telah dirahmati Allah. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(42)

Kedatangan ayat ini memang tabi'i dan mempunyai pertalian yang sangat rapat dengan ayat sebelumnya, kehendak hikmah memastikan bahawa di sana pasti ada satu hari pengadilan untuk mengadili seluruh manusia, untuk memuliakan kebaikan dan menghinakan kejahatan. Pada hari itu mereka terlepas dari segala sandaran yang dimiliki dalam kehidupan dunia dan terlepas dari segala hubungan kerabat dan pertalian, mereka pulang kepada Allah Pencipta mereka dengan seorang diri sebagaimana mereka mula diciptakan dan di sana mereka menerima balasan amalan mereka. Tiada siapa pun yang dapat menolong mereka dan tiada siapa pun yang kasihkan mereka melainkan mereka yang mendapat rahmat Allah Yang Maha Perkasa, Maha Kuasa, Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Mereka keluar dari tangan qudrat Allah S.W.T. untuk beramal, kemudian pulang pula kepada tangan qudrat-Nya untuk menerima balasan. Dan masa yang terbentang di antara keluar dan pulang itu merupakan peluang untuk mereka beramal dan merupakan medan ujian Allah terhadap mereka.

Demikianlah kehendak hikmah Ilahi yang terserlah dalam penciptaan alam buana ini dan dalam penciptaan langit bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya, yang diciptakan dengan tujuan yang benar, juga terserlah dalam perencanaan dan tujuan Ilahi yang dinyatakan pada segala sesuatu di alam buana ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 43 - 57)

Berbagai-bagai Pemandangan 'azab Dalam Neraka Dan Ni'mat Dalam Syurga

Setelah menjelaskan dasar ini, Al-Qur'an menayangkan pula kepada mereka salah satu pemandangan pada hari keputusan itu, ketika mana orang-orang yang derhaka dan orang-orang yang ta'at akhirnya masing-masing mendapat balasan 'azab dan ni'mat. Pemandangan itu amat mengerikan sesuai dengan bayangan dan suasana surah yang amat keras itu:

إِنَّ شَجَرَتَ ٱلزَّقُّومِ ﴿٤٣﴾ طَعَامُ ٱلۡأَثِيمِ ﴿٤٤﴾
كَٱلۡمُهۡلِ يَغۡلِي فِي ٱلۡبُطُونِ ﴿٤٥﴾
كَغَلۡيِ ٱلۡحَمِيمِ ﴿٤٦﴾
خُذُوهُ فَٱعۡتِلُوهُ إِلَىٰ سَوَآءِ ٱلۡجَحِيمِ ﴿٤٧﴾

"Sesungguhnya pokok zaqqum itu (43). Adalah makanan orang yang berdosa (44). Ia laksana keladak minyak yang mendidih di dalam perut (45). Seperti mendidihnya, air yang amat panas (46). Tangkaplah dia dan seretkanlah dia ke tengah Neraka Jahim."(47)

ثُمَّ صُبُّواْ فَوۡقَ رَأۡسِهِۦ مِنۡ عَذَابِ ٱلۡحَمِيمِ ﴿٤٨﴾
ذُقۡ إِنَّكَ أَنتَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡكَرِيمُ ﴿٤٩﴾
إِنَّ هَٰذَا مَا كُنتُم بِهِۦ تَمۡتَرُونَ ﴿٥٠﴾
إِنَّ ٱلۡمُتَّقِينَ فِي مَقَامٍ أَمِينٖ ﴿٥١﴾
فِي جَنَّٰتٖ وَعُيُونٖ ﴿٥٢﴾

"Kemudian curahkan ke atas kepalanya keseksaan air yang amat panas (48). Rasakanlah! Sesungguhnya engkau seorang yang amat perkasa dan amat mulia (49). Sesungguhnya inilah dia 'azab yang kamu ragu-ragukannya (50). Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa itu ditempatkan di kediaman yang aman sentosa (51). Di taman-taman Syurga dan matair-matair."(52)

يَلۡبَسُونَ مِن سُندُسٖ وَإِسۡتَبۡرَقٖ مُّتَقَٰبِلِينَ ﴿٥٣﴾
كَذَٰلِكَ وَزَوَّجۡنَٰهُم بِحُورٍ عِينٖ ﴿٥٤﴾
يَدۡعُونَ فِيهَا بِكُلِّ فَٰكِهَةٍ ءَامِنِينَ ﴿٥٥﴾
لَا يَذُوقُونَ فِيهَا ٱلۡمَوۡتَ إِلَّا ٱلۡمَوۡتَةَ ٱلۡأُولَىٰۖ
وَوَقَىٰهُمۡ عَذَابَ ٱلۡجَحِيمِ ﴿٥٦﴾
فَضۡلٗا مِّن رَّبِّكَۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ﴿٥٧﴾

"Mereka memakai sutera yang halus dan sutera yang tebal dan duduk berhadap-hadapan (53). Demikianlah (balasan mereka) dan Kami kahwinkan mereka dengan bidadari-bidadari (54). Di sana mereka meminta segala macam buah-buahan dengan aman (55). Di sana mereka tidak merasai kematian melainkan kematian dunia. Dan Allah lindungkan mereka dari 'azab Neraka Jahim (56). Sebagai limpah kurnia dari Tuhanmu. Itulah keberuntungan yang amat besar."(57)

Pemandangan itu dimulakan dengan menayangkan pokok zaqqum setelah diterangkan bahawa pokok itu merupakan makanan untuk orang-orang yang berdosa.

Tayangan itu amat mengerikan. Makanan zaqqum itu laksana keladak minyak yang mendidih di dalam perut seperti mendidihnya air yang amat panas. Kemudian keluarlah satu perintah tertinggi kepada malaikat Zabaniyyah supaya menangkap dan menyeretkan orang yang berdosa itu yang telah berlagak angkuh terhadap Allah dan Rasul-Nya itu ke dalam Neraka dengan keras sesuai dengan **"darjatnya yang mulia"**.

خُذُوهُ فَٱعۡتِلُوهُ إِلَىٰ سَوَآءِ ٱلۡجَحِيمِ ﴿٤٧﴾
ثُمَّ صُبُّواْ فَوۡقَ رَأۡسِهِۦ مِنۡ عَذَابِ ٱلۡحَمِيمِ ﴿٤٨﴾

"Tangkaplah dia dan seretkanlah dia ke tengah Neraka Jahim (47). Kemudian curahkan atas kepalanya keseksaan air yang amat panas."(48)

Yakni tangkap dan seretkannya dengan sekeras-kerasnya dan ikatkannya dengan penuh kehinaan kerana mereka tidak akan diberi apa-apa kehormatan dan keringanan dari 'azab. Dan di sana curahkan di atas kepalanya air yang mendidih yang membakar dan melecurkan. Dan di samping keseksaan-keseksaan itu ia dihinakan pula dengan kata-kata:

ذُقۡ إِنَّكَ أَنتَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡكَرِيمُ ﴿٤٩﴾

"Rasakanlah! Sesungguhnya engkau seorang yang amat perkasa dan amat mulia."(49)

Itulah balasan orang yang amat perkasa dan mulia yang tidak mempunyai sebarang keperkasaan dan kemuliaan. Dia dahulu berlagak sombong terhadap Allah dan rasul-rasul.

إِنَّ هَٰذَا مَا كُنتُم بِهِۦ تَمۡتَرُونَ ﴿٥٠﴾

"Sesungguhnya inilah dia 'azab yang kamu ragu-ragukannya."(50)

Kerana dahulu kamu telah meragui hari ini dan mempersenda-sendakannya.

Dan ketika orang-orang ini ditangkap, diseret, dicurahkan air panas dan dihina di satu sudut, maka di sudut yang lain pula kelihatan para Muttaqin yang takutkan hari kebangkitan ini. Mereka ditempatkan di kediaman yang aman sentosa,aman damai tiada sebarang ketakutan dan kebimbangan, tiada tangkapan dan seretan dan tiada curahan air panas, malah mereka hidup senang lenang di dalam taman-taman dan matair-matair. Mereka memakai, pakaian-pakaian dari sutera yang halus dan sutera yang tebal. Mereka duduk bercakap-cakap sesama mereka dengan berhadapan muka di majlis-majlis mereka. Mereka dikahwinkan dengan bidadari-bidadari yang menyempurnakan keni'matan hidup mereka. Mereka hidup sebagai tuan rumah di dalam Syurga, mereka bebas meminta apa yang mereka suka:

يَدْعُونَ فِيهَا بِكُلِّ فَٰكِهَةٍ ءَامِنِينَ ﴿٥٥﴾

"Di sana mereka minta segala macam buah-buahan dengan aman."(55)

Mereka tidak menduga berakhirnya ni'mat-ni'mat ini, kerana di sana tiada lagi maut yang lain setelah mereka mengecapi maut di dunia. Ini adalah bertentangan dengan anggapan kaum Musyrikin yang berkata:

إِنْ هِيَ إِلَّا مَوْتَتُنَا ٱلْأُولَىٰ وَمَا نَحْنُ بِمُنشَرِينَ ﴿٣٥﴾

"Sesungguhnya kematian itu tidak lain melainkan hanya kematian kita yang pertama dan kita tidak akan dibangkitkan lagi."(35)

Memang benar bahawa kematian itu hanya kematian yang pertama tetapi di sebaliknya ada Neraka dan Syurga.

وَوَقَىٰهُمْ عَذَابَ ٱلْجَحِيمِ ﴿٥٦﴾

"............ Dan Allah lindungkan mereka dari 'azab Neraka Jahim"(56)

selaku limpah kurnia dari Allah S.W.T., kerana keselamatan dari 'azab Neraka itu hanya dapat dicapai dengan limpah kurnia-Nya:

فَضْلًا مِّن رَّبِّكَ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٥٧﴾

"Sebagai limpah kurnia dari Tuhanmu. Itulah keberuntungan yang amat besar."(57)

Di manakah lagi keberuntungan yang lebih besar dari ini?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 58 - 59)

Di bawah bayangan pemandangan yang dahsyat ini yang mengandungi erti yang amat mendalam dan berkesan, surah ini ditamatkan dengan peringatan kepada ni'mat risalah dan dengan ancaman terhadap akibat perbuatan mendustakan Rasul:

فَإِنَّمَا يَسَّرْنَٰهُ بِلِسَانِكَ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٥٨﴾
فَٱرْتَقِبْ إِنَّهُم مُّرْتَقِبُونَ ﴿٥٩﴾

"Sesungguhnya Kami telah permudahkan Al-Qur'an itu dengan bahasa ibundamu supaya mereka dapat mengambil peringatan (58). Tunggulah engkau. Sesungguhnya mereka juga sama-sama menunggu."(59)

Ayat yang akhir ini mengintisarikan semua suasana dan bayangan surah ini. Ia adalah selaras dengan ayat-ayat yang pertama dan dengan garisan perjalanannya. Surah ini dimulakan dengan menyebut kitab Al-Qur'an yang diturunkan untuk memberi amaran dan peringatan, kemudian diiringi dengan penerangan tentang akibat yang menunggu para pendusta.

يَوْمَ نَبْطِشُ ٱلْبَطْشَةَ ٱلْكُبْرَىٰٓ إِنَّا مُنتَقِمُونَ ﴿١٦﴾

"Ingatlah hari (Qiamat) ketika Kami menghentamkan mereka dengan hentaman yang paling besar. Sesungguhnya Kami tetap menyeksakan mereka."(16)

Kemudian datang pula ayat yang akhir ini mengingatkan mereka dengan ni'mat Allah yang telah memudahkan Al-Qur'an ini melalui lidah Rasul-Nya yang berbahasa Arab yang dapat mereka mengerti dan memahami tujuan-tujuannya, juga menakutkan mereka terhadap akibat dan nasib kesudahan yang buruk dalam satu ungkapan yang halus tetapi menggerunkan:

فَٱرْتَقِبْ إِنَّهُم مُّرْتَقِبُونَ ﴿٥٩﴾

"Tunggulah engkau. Sesungguhnya mereka juga sama-sama menunggu."(59)

* * * * * *

JUZU' KE-25

SURAH JAATHIYAH

سُورَةُ الجَاثِيَةِ

SURAH KE 45

SURAH AL-JAATHIYAH

Surah Yang Berlutut

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT 37

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 23)

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلُ ٱلۡكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡحَكِيمِ ﴿٢﴾
إِنَّ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ لَأٓيَٰتٖ لِّلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٣﴾
وَفِي خَلۡقِكُمۡ وَمَا يَبُثُّ مِن دَآبَّةٍ ءَايَٰتٞ لِّقَوۡمٖ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾
وَٱخۡتِلَٰفِ ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِ وَمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مِن رِّزۡقٖ
فَأَحۡيَا بِهِ ٱلۡأَرۡضَ بَعۡدَ مَوۡتِهَا وَتَصۡرِيفِ ٱلرِّيَٰحِ ءَايَٰتٞ لِّقَوۡمٖ
يَعۡقِلُونَ ﴿٥﴾

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an (ini) diturunkan dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (2). Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi para Mu'minin (3). Dan di dalam penciptaan diri kamu dan penciptaan binatang-binatang yang disebarkan di merata pelosok alam terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang yakin (4). Dan dalam pertukaran malam dan siang dan dalam rezeki yang diturunkan Allah dari langit kemudian dengannya dihidupkan bumi sesudah matinya, dan di dalam peredaran angin terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir." (5).

تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱللَّهِ نَتۡلُوهَا عَلَيۡكَ بِٱلۡحَقِّۖ فَبِأَيِّ حَدِيثِۭ بَعۡدَ
ٱللَّهِ وَءَايَٰتِهِۦ يُؤۡمِنُونَ ﴿٦﴾
وَيۡلٞ لِّكُلِّ أَفَّاكٍ أَثِيمٖ ﴿٧﴾
يَسۡمَعُ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ تُتۡلَىٰ عَلَيۡهِ ثُمَّ يُصِرُّ مُسۡتَكۡبِرٗا كَأَن لَّمۡ
يَسۡمَعۡهَاۖ فَبَشِّرۡهُ بِعَذَابٍ أَلِيمٖ ﴿٨﴾
وَإِذَا عَلِمَ مِنۡ ءَايَٰتِنَا شَيۡـًٔا ٱتَّخَذَهَا هُزُوًاۚ أُوْلَٰٓئِكَ لَهُمۡ
عَذَابٞ مُّهِينٞ ﴿٩﴾

مِّن وَرَآئِهِمۡ جَهَنَّمُۖ وَلَا يُغۡنِي عَنۡهُم مَّا كَسَبُواْ شَيۡـٔٗا
وَلَا مَا ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَوۡلِيَآءَۖ وَلَهُمۡ عَذَابٌ
عَظِيمٌ ﴿١٠﴾
هَٰذَا هُدٗىۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمۡ لَهُمۡ عَذَابٞ
مِّن رِّجۡزٍ أَلِيمٌ ﴿١١﴾

"Itulah ayat-ayat yang Kami bacakan kepadamu dengan benar. Maka dengan perkataan yang manakah lagi mereka hendak beriman selepas (kalam) Allah dan ayat-ayat-Nya? (6) Kecelakaan yang besar bagi setiap orang yang banyak berdusta dan banyak berdosa (7). Dia mendengar ayat-ayat Allah dibacakan kepadanya, kemudian dia terus berlagak sombong seolah-olah dia tidak mendengarnya. Oleh itu sampaikan kepadanya berita 'azab yang amat pedih (8). Dan apabila ia mengetahui sesuatu dari ayat-ayat Kami, ia jadikannya bahan ejekan. Mereka akan memperolehi 'azab yang amat menghinakan (9). Di belakang mereka Neraka Jahannam, dan tidak sedikit pun memberi faedah kepada mereka segala apa yang diusaha mereka dan segala apa yang dijadikan mereka sebagai pelindung-pelindung selain dari Allah, dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar (10). Al-Qur'an ini ialah hidayat, dan orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Tuhan mereka akan memperolehi 'azab dari jenis 'azab keseksaan yang amat pedih." (11).

ٱللَّهُ ٱلَّذِي سَخَّرَ لَكُمُ ٱلۡبَحۡرَ لِتَجۡرِيَ ٱلۡفُلۡكُ فِيهِ بِأَمۡرِهِۦ
وَلِتَبۡتَغُواْ مِن فَضۡلِهِۦ وَلَعَلَّكُمۡ تَشۡكُرُونَ ﴿١٢﴾
وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِ جَمِيعٗا مِّنۡهُۚ إِنَّ
فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾
قُل لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ يَغۡفِرُواْ لِلَّذِينَ لَا يَرۡجُونَ أَيَّامَ
ٱللَّهِ لِيَجۡزِيَ قَوۡمَۢا بِمَا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ﴿١٤﴾
مَنۡ عَمِلَ صَٰلِحٗا فَلِنَفۡسِهِۦۖ وَمَنۡ أَسَآءَ فَعَلَيۡهَاۖ ثُمَّ
إِلَىٰ رَبِّكُمۡ تُرۡجَعُونَ ﴿١٥﴾

"Allah yang telah menjadikan laut untuk kamu supaya kapal-kapal dapat berlari di dalamnya dengan perintah-Nya dan

supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur (12). Dan Dia jadikan untuk kamu segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi (sebagai limpah kurnia) dari-Nya. Sesungguhnya di dalam penciptaan-penciptaan itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir (13). Katakanlah kepada orang-orang yang beriman, hendaklah mereka memberi kema'afan kepada orang-orang yang tidak mengharapkan hari-hari Allah kerana Dia akan membalaskan setiap kaum mengikut perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka (14). Barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh, maka faedahnya terpulang kepada dirinya sendiri, dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan, maka akibatnya akan menimpa dirinya sendiri, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhanmu." (15).

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحُكْمَ وَٱلنُّبُوَّةَ
وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَفَضَّلْنَٰهُمْ عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦﴾
وَءَاتَيْنَٰهُم بَيِّنَٰتٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ ۖ فَمَا ٱخْتَلَفُوٓا۟ إِلَّا مِنۢ
بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْعِلْمُ بَغْيًۢا بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّ رَبَّكَ يَقْضِى
بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فِيمَا كَانُوا۟ فِيهِ
يَخْتَلِفُونَ ﴿١٧﴾
ثُمَّ جَعَلْنَٰكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ فَٱتَّبِعْهَا
وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾
إِنَّهُمْ لَن يُغْنُوا۟ عَنكَ مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۚ وَإِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ
بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۖ وَٱللَّهُ وَلِىُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿١٩﴾
هَٰذَا بَصَٰٓئِرُ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ
يُوقِنُونَ ﴿٢٠﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Bani Israel kitab suci, pemerintahan dan nubuwwah serta Kami berikan mereka rezeki-rezeki yang baik dan Kami lebihkan mereka di atas umat-umat yang lain (di zaman itu) (16). Dan Kami telah memberikan kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas mengenai agama ini, oleh itu mereka tidak berselisih faham sesama mereka melainkan sesudah sampai kepada mereka ilmu pengetahuan yang jelas kerana hasad dengki di antara mereka. Sesungguhnya Tuhanmu akan menghukumkan di antara mereka pada hari Qiamat mengenai perkara-perkara yang dipertikaikan mereka (17). Kemudian Kami telah jadikan engkau di atas satu syari'at dari perintah Kami. Oleh itu ikutilah syari'at itu dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (18). Sesungguhnya mereka sedikit pun tidak akan dapat mempertahankan engkau dari 'azab Allah, dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu menjadi sahabat setia terhadap satu sama lain, dan Allah itulah Pelindung para Muttaqin (19). Al-Qur'an ini adalah pedoman-pedoman yang jelas kepada manusia, juga hidayat dan rahmat bagi kaum yang yakin." (20).

أَمْ حَسِبَ ٱلَّذِينَ ٱجْتَرَحُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ أَن نَّجْعَلَهُمْ
كَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ سَوَآءً مَّحْيَاهُمْ
وَمَمَاتُهُمْ ۚ سَآءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿٢١﴾
وَخَلَقَ ٱللَّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ وَلِتُجْزَىٰ
كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٢﴾
أَفَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ وَأَضَلَّهُ ٱللَّهُ عَلَىٰ عِلْمٍ وَخَتَمَ
عَلَىٰ سَمْعِهِۦ وَقَلْبِهِۦ وَجَعَلَ عَلَىٰ بَصَرِهِۦ غِشَٰوَةً فَمَن
يَهْدِيهِ مِنۢ بَعْدِ ٱللَّهِ ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٣﴾

"Apakah orang-orang yang melakukan kejahatan itu menyangka bahawa Kami akan menjadikan mereka sama seperti orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, iaitu sama dalam hidup dan mati mereka? Alangkah buruknya pertimbangan mereka (21). Dan Allah telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran dan supaya setiap individu itu dibalas mengikut apa yang dilakukannya. Dan mereka tidak akan dianiayai (22). Pernahkah engkau melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhannya dan Allah telah menyesatkannya berdasarkan ilmu-Nya. Dan Allah telah menutupkan pendengarannya dan hatinya dan meletakkan tutupan di atas penglihatannya. Oleh itu siapakah lagi yang akan memberi hidayat kepadanya setelah ia disesatkan Allah. Mengapa kamu tidak mengambil pengajaran?."(23)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah Makkiyah ini menggambarkan kepada kita sebahagian dari cara sambutan kaum Musyrikin terhadap da'wah Islamiyah dan cara mereka menentang hujah-hujah dan alasan-alasan da'wah, juga kedegilan mereka dalam menghadapi hakikat-hakikat yang sebenar dan persoalan-persoalannya, dan bagaimana mereka mengikut hawa nafsu dengan sepenuh hati tanpa menghiraukan kebenaran yang jelas dan bukti yang kuat. Seterusnya menggambarkan bagaimana Al-Qur'an mengubati hati mereka yang liar, sesat dan tertutup dari hidayat. Al-Qur'an menghadapi hati mereka dengan ayat-ayat Allah yang tegas, yang mengandungi kesan dan tujuan yang mendalam. Ia mengingatkan mereka dengan 'azab Allah dan menggambarkan balasan pahala dari-Nya untuk mereka. Seterusnya ia menjelaskan peraturan-peraturan Allah dan memperkenalkan kepada mereka undang-undang-Nya yang berlangsung di alam al-wujud ini.

Dari celah ayat-ayat surah ini yang menggambarkan tentangan kaum Musyrikin terhadap da'wah di Makkah itu, kita dapat melihat sekumpulan manusia yang terus berdegil di atas kesesatan, bersikap

angkuh terhadap kebenaran, keras kepala, biadab terhadap hak Allah dan kalam Allah. Semuanya digambarkan oleh ayat-ayat yang berikut yang mengandungi penghinaan, peringatan dan amaran dengan 'azab Allah yang amat hina, amat pedih dan amat dahsyat:

وَإِذَا عَلِمَ مِنْ ءَايَٰتِنَا شَيْـًٔا ٱتَّخَذَهَا هُزُوًا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٩﴾ مِّن وَرَآئِهِمْ جَهَنَّمُ ۖ وَلَا يُغْنِى عَنْهُم مَّا كَسَبُوا۟ شَيْـًٔا وَلَا مَا ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَوْلِيَآءَ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠﴾

"Dan apabila ia mengetahui sesuatu dari ayat-ayat Kami, ia jadikannya bahan ejekan. Mereka akan memperolehi 'azab yang amat menghinakan (9). Dibelakang mereka Neraka Jahannam dan tidak sedikit pun memberi faedah kepada mereka segala apa yang diusaha mereka dan segala apa yang dijadikan mereka sebagai pelindung-pelindung selain dari Allah, dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar."(10)

Kita juga melihat sekumpulan manusia mungkin dari kaum Ahlil-Kitab, yang membuat pertimbangan yang salah. Mereka tidak menilaikan hakikat iman yang tulen, mereka tidak sedar adanya perbezaan pokok di antara mereka yang melakukan amalan-amalan yang keji dengan orang-orang Mu'min yang melakukan amalan-amalan yang soleh, lalu Al-Qur'an menyedarkan mereka bahawa di sana terdapat perbezaan pokok di dalam neraca pertimbangan Allah di antara dua golongan manusia itu, dan menerangkan bahawa pertimbangan dan penilaian mereka adalah salah dan buruk, juga menerangkan bahawa urusan agama itu adalah ditegakkan di dalam neraca pertimbangan Allah yang berlandaskan keadilan semulajadi yang terdapat pada kejadian seluruh alam buana sejak mula diciptakan:

أَمْ حَسِبَ ٱلَّذِينَ ٱجْتَرَحُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ أَن نَّجْعَلَهُمْ كَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ سَوَآءً مَّحْيَاهُمْ وَمَمَاتُهُمْ ۚ سَآءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿٢١﴾ وَخَلَقَ ٱللَّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ وَلِتُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

"Apakah orang-orang yang melakukan kejahatan itu menyangka bahawa Kami akan menjadikan mereka sama seperti orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, iaitu sama dalam hidup dan mati mereka? Alangkah buruknya pertimbangan mereka (21). Dan Allah telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran dan supaya setiap individu itu dibalas mengikut apa yang dilakukannya. Dan mereka tidak akan dianiayai."(22)

Di samping itu kita melihat pula sekumpulan manusia yang berhakimkan hawa nafsu. Mereka jadikan hawa nafsu itu tuhan yang dipuja dan dipatuhi mereka. Kita melihat golongan itu digambarkan dalam ayat berikut dengan satu gambaran yang unik. Al-Qur'an memperlihatkan kehairanannya terhadap keadaan mereka dan menerangkan kelalaian dan kebutaan hati mereka:

أَفَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ وَأَضَلَّهُ ٱللَّهُ عَلَىٰ عِلْمٍ وَخَتَمَ عَلَىٰ سَمْعِهِۦ وَقَلْبِهِۦ وَجَعَلَ عَلَىٰ بَصَرِهِۦ غِشَٰوَةً فَمَن يَهْدِيهِ مِنۢ بَعْدِ ٱللَّهِ ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٣﴾

"Pernahkah engkau melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhannya dan Allah telah menyesatkannya berdasarkan ilmu-Nya. Dan Allah telah menutupkan pendengarannya dan hatinya dan meletakkan tutupan di atas penglihatannya. Oleh itu, siapakah lagi yang akan memberi hidayat kepadanya setelah ia disesatkan Allah. Mengapa kamu tidak mengambil pengajaran?"(23)

Kita melihat golongan ini tidak percaya kepada hari Qiamat. Mereka begitu ragu-ragu terhadap persoalan kebangkitan dan hisab. Mereka berdegil dan berkeras mengingkarkannya dan menuntut bukti-bukti yang tidak mungkin berlaku di bumi ini. Al-Qur'an menarik perhatian golongan ini kepada dalil-dalil yang kukuh yang ada sekarang, yang membuktikan bahawa persoalan itu adalah benar, tetapi mereka sengaja tidak menghiraukannya:

وَقَالُوا۟ مَا هِىَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا يُهْلِكُنَآ إِلَّا ٱلدَّهْرُ ۚ وَمَا لَهُم بِذَٰلِكَ مِنْ عِلْمٍ ۖ إِنْ هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ ﴿٢٤﴾ وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُنَا بَيِّنَٰتٍ مَّا كَانَ حُجَّتَهُمْ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ ٱئْتُوا۟ بِـَٔابَآئِنَآ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٥﴾ قُلِ ٱللَّهُ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يَجْمَعُكُمْ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ لَا رَيْبَ فِيهِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan mereka berkata: Tiada hidup yang lain melainkan hidup kita di dunia sahaja. Kita mati dan kita hidup dan tiada yang membinasakan kita melainkan masa. Dan sebenarnya mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan tentang perkara itu. Mereka hanya berfikir menurut sangkaan sahaja (24). Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas, maka tiada lain hujah mereka melainkan hanya berkata: Bawalah kembali datuk nenek kami (yang telah mati) itu jika kamu orang-orang yang benar (25). Katakanlah: Allahlah yang menghidupkan kamu kemudian Dia mematikan kamu kemudian Dia mengumpulkan kamu

pada hari Qiamat yang tidak mempunyai sebarang keraguan tetapi kebanyakkan manusia tidak mengetahui."(26)

Mungkin juga golongan-golongan yang disebutkan itu hanya satu golongan sahaja yang melakukan perbuatan-perbuatan itu dan diceritakan Al-Qur'an di sana sini, dan mungkin pula golongan-golongan itu terdiri dari beberapa golongan yang menentang da'wah di Makkah termasuk setengah-setengah Ahlil-Kitab yang tidak ramai berada di Makkah di waktu itu. Dan mungkin pula ayat ini hanya menyebutkan golongan itu supaya dijadikan contoh teladan oleh penduduk Makkah tanpa memerlukan adanya golongan itu di Makkah itu sendiri di masa itu.

Walau bagaimanapun Al-Qur'an menghadapi mereka dengan sifat-sifat dan tindak-tanduk yang dilakukan mereka dan menceritakan keadaan mereka. Begitu juga Al-Qur'an mengemukakan kepada mereka berbagai-bagai bukti kekuasaan Allah di merata pelosok alam dan di dalam diri mereka sendiri, dan mengingatkan mereka terhadap Hisab pada hari Qiamat, dan membuka mata mereka supaya melihat akibat yang telah menimpa orang-orang yang telah menyeleweng dari agama Allah yang lurus. Ia mengemukakan bukti-bukti kekuasaan Allah dengan uslub yang mudah dan memberi kesan yang amat mendalam:

إِنَّ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾
وَفِي خَلْقِكُمْ وَمَا يَبُثُّ مِنْ دَابَّةٍ آيَاتٌ لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾
وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ رِزْقٍ
فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَتَصْرِيفِ الرِّيَاحِ آيَاتٌ لِقَوْمٍ
يَعْقِلُونَ ﴿٥﴾
تِلْكَ آيَاتُ اللَّهِ نَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِالْحَقِّ ۖ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَ
اللَّهِ وَآيَاتِهِ يُؤْمِنُونَ ﴿٦﴾

"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi para Mu'minin (3). Dan di dalam penciptaan diri kamu dan penciptaan binatang-binatang yang disebarkan (di merata pelosok alam) terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang yakin (4). Dan dalam pertukaran malam dan siang dan dalam rezeki yang diturunkan Allah dari langit kemudian dengannya dihidupkan bumi sesudah matinya, dan di dalam peredaran angin terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir (5). Itulah ayat-ayat Allah yang kami bacakan kepadamu dengan benar. Maka dengan perkataan yang manakah lagi mereka hendak beriman selepas (kalam) Allah dan ayat-ayat-Nya?"(6)

Dan kemudian Al-Qur'an sekali lagi mengemukakan dalil-dalil itu kepada mereka dalam bentuk ni'mat-ni'mat Allah yang dilupakan mereka:

اللَّهُ الَّذِي سَخَّرَ لَكُمُ الْبَحْرَ لِتَجْرِيَ الْفُلْكُ فِيهِ بِأَمْرِهِ
وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾
وَسَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِنْهُ ۚ إِنَّ
فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

"Allah yang telah menjadikan laut untuk kamu supaya kapal-kapal dapat berlari di dalamnya dan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur (12). Dan Dia jadikan untuk kamu segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi (sebagai limpah kurnia) dari-Nya. Sesungguhnya di dalam penciptaan-penciptaan itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir."(13)

Begitu juga Al-Qur'an mengemukakan kepada mereka nasib kesudahan mereka pada hari Qiamat yang diingkar dan diragui mereka:

وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ يَوْمَئِذٍ
يَخْسَرُ الْمُبْطِلُونَ ﴿٢٧﴾
وَتَرَىٰ كُلَّ أُمَّةٍ جَاثِيَةً ۚ كُلُّ أُمَّةٍ تُدْعَىٰ إِلَىٰ كِتَابِهَا الْيَوْمَ تُجْزَوْنَ
مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٨﴾
هَٰذَا كِتَابُنَا يَنْطِقُ عَلَيْكُمْ بِالْحَقِّ ۚ إِنَّا كُنَّا نَسْتَنْسِخُ
مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٩﴾
فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَيُدْخِلُهُمْ
رَبُّهُمْ فِي رَحْمَتِهِ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْمُبِينُ ﴿٣٠﴾
وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا أَفَلَمْ تَكُنْ آيَاتِي تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فَاسْتَكْبَرْتُمْ
وَكُنْتُمْ قَوْمًا مُجْرِمِينَ ﴿٣١﴾
وَإِذَا قِيلَ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَالسَّاعَةُ لَا رَيْبَ فِيهَا قُلْتُمْ
مَا نَدْرِي مَا السَّاعَةُ إِنْ نَظُنُّ إِلَّا ظَنًّا وَمَا نَحْنُ بِمُسْتَيْقِنِينَ ﴿٣٢﴾
وَبَدَا لَهُمْ سَيِّئَاتُ مَا عَمِلُوا وَحَاقَ بِهِمْ مَا كَانُوا بِهِ
يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٣٣﴾
وَقِيلَ الْيَوْمَ نَنْسَاكُمْ كَمَا نَسِيتُمْ لِقَاءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَا وَمَأْوَاكُمُ
النَّارُ وَمَا لَكُمْ مِنْ نَاصِرِينَ ﴿٣٤﴾
ذَٰلِكُمْ بِأَنَّكُمُ اتَّخَذْتُمْ آيَاتِ اللَّهِ هُزُوًا وَغَرَّتْكُمُ الْحَيَاةُ

ٱلدُّنۡيَاۚ فَٱلۡيَوۡمَ لَا يُخۡرَجُونَ مِنۡهَا وَلَا هُمۡ يُسۡتَعۡتَبُونَ ٣٥
فَلِلَّهِ ٱلۡحَمۡدُ رَبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَرَبِّ ٱلۡأَرۡضِ رَبِّ
ٱلۡعَٰلَمِينَ ٣٦

"Dan Allah itu memiliki kerajaan langit dan bumi. Dan pada hari berlakunya Qiamat, maka pada hari itu orang-orang yang berpegang dengan kebatilan akan mengalami kerugian (27). Dan engkau akan melihat setiap umat melutut. Setiap umat diseru untuk menerima buku catatan amalannya. Pada hati itu kamu dibalaskan mengikut amalan yang telah dikerjakan kamu (28). Inilah buku catatan Kami yang menerangkan kepada kamu dengan keterangan yang benar. Sesungguhnya Kami telah mencatat segala apa yang telah dilakukan kamu (29). Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka Tuhan mereka akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya. Itulah keberuntungan yang amat jelas (30). Dan adapun orang-orang yang kafir (mereka ditanya): Bukankah ayat--ayat Kami telah pun dibacakan kepada kamu, lalu kamu berlagak takbur dan menjadi kaum yang melakukan dosa (31). Dan apabila dikatakan (kepada kamu): Sesungguhnya janji Allah itu tetap benar dan hari Qiamat itu tidak mempunyai sebarang keraguan, maka kamu telah menjawab: Kami tidak tahu apakah hari Qiamat itu, kami fikir (hari Qiamat itu) hanya suatu anggapan (yang karut) sahaja dan kami sama sekali tidak yakin (32). Dan (pada hari itu) ternyatalah kepada mereka segala kejahatan yang telah dilakukan mereka dan mereka akan dikepung oleh 'azab yang selalu dipersenda-sendakan mereka (33). Dan dikatakan (kepada mereka): Pada hari ini kami lupakan kamu sebagaimana kamu telah melupakan masa pertemuan dengan hari kamu ini. Dan tempat kembali kamu ialah Neraka dan kamu tidak akan mendapat orang-orang yang sanggup menolong kamu (35). Balasan itu kerana kamu telah menjadikan ayat-ayat Allah sebagai bahan ejekan dan kamu telah dipesonakan kehidupan dunia. Pada hari ini mereka tidak akan dikeluarkan dari Neraka dan tidak pula diberi peluang untuk bertaubat."(36)

Al-Qur'an juga menghapuskan segala kesamaran atau keraguan tentang keadilan balasan dan tanggungjawab individu masing-masing. Ia menerangkan bahawa keadilan itu merupakan dasar penciptaan seluruh alam buana ini dan merupakan tapak tegaknya. Ini dapat difahamkan dari firman-Nya:

مَنۡ عَمِلَ صَٰلِحٗا فَلِنَفۡسِهِۦۖ وَمَنۡ أَسَآءَ فَعَلَيۡهَاۖ ثُمَّ
إِلَىٰ رَبِّكُمۡ تُرۡجَعُونَ ١٥

"Barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh, maka faedahnya terpulang kepada dirinya sendiri, dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan, maka akibatnya akan menimpa dirinya sendiri, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhanmu."(15)

Juga dapat difaham dari firman-Nya yang berikut sewaktu memberi jawapan kepada orang-orang yang melakukan amalan-amalan yang jahat yang menyangka bahawa kedudukan mereka adalah sama di sisi Allah dengan kedudukan orang-orang Mu'min yang melakukan amalan yang soleh:

وَخَلَقَ ٱللَّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ بِٱلۡحَقِّ وَلِتُجۡزَىٰ
كُلُّ نَفۡسِۭ بِمَا كَسَبَتۡ وَهُمۡ لَا يُظۡلَمُونَ ٢٢

"Dan Allah telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran dan supaya setiap individu itu dibalas mengikut apa yang dilakukannya. Dan mereka tidak akan dianiayai."(22)

* * * * * *

Keseluruhan surah ini merupakan satu kesatuan di dalam pengolahan maudhu'nya, tetapi kami bahagikannya kepada dua pelajaran untuk kemudahan menghuraikannya.

Ia dimulakan dengan huruf-huruf **"Haa"**(ح) dan **"Miim"**(م) kemudian menyebut Al-Qur'anul-Karim:

تَنزِيلُ ٱلۡكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡحَكِيمِ ٢

"Kitab Al-Qur'an (ini) diturunkan dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(2)

Dan ditamatkan dengan memuji dan mengagung-agungkan Allah di hadapan orang-orang yang lalai dari ayat-ayat-Nya dan mempersenda-sendakannya serta berlagak sombong terhadap-Nya.

فَلِلَّهِ ٱلۡحَمۡدُ رَبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَرَبِّ ٱلۡأَرۡضِ رَبِّ
ٱلۡعَٰلَمِينَ ٣٦
وَلَهُ ٱلۡكِبۡرِيَآءُ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ
ٱلۡحَكِيمُ ٣٧

"Segala kepujian itu terpulang kepada Allah Tuhan yang memelihara langit, Tuhan yang memelihara bumi dan Tuhan yang memelihara semesta alam (36). Dan Dia memiliki keagungan di langit dan di bumi, dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(37)

Ayat-ayat surah ini membentang maudhu'nya dengan cara yang senang, lemah-lembut dan dengan penerangan yang tenang, halus dan mendalam, iaitu berlainan dengan ayat-ayat Surah ad-Dukhan sebelumnya yang membentang-kan maudhu'nya dengan nada-nada yang keras seolah-olah tukul-tukul yang mengetuk hati manusia.

Allah yang menciptakan hati manusia dan menurunkan Al-Qur'an ini kadang-kadang menarik hati mereka dengan paluan dan ketukan yang keras, kadang-kadang dengan sentuhan yang lemah lembut dan kadang-kadang dengan penerangan yang tenang dan lembut mengikut jenis-jenis dan perbezaan-perbezaan hati, juga mengikut keadaan-keadaan dan sikap-sikap hati itu sendiri. Allah Maha Lemah-lembut,

Maha Mengetahui, Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

Sekarang marilah kita huraikan ayat-ayat surah ini dengan terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلُ ٱلۡكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡحَكِيمِ ﴿٢﴾
إِنَّ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ لَأٓيَٰتٖ لِّلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٣﴾
وَفِي خَلۡقِكُمۡ وَمَا يَبُثُّ مِن دَآبَّةٍ ءَايَٰتٞ لِّقَوۡمٖ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾
وَٱخۡتِلَٰفِ ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِ وَمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مِن رِّزۡقٖ
فَأَحۡيَا بِهِ ٱلۡأَرۡضَ بَعۡدَ مَوۡتِهَا وَتَصۡرِيفِ ٱلرِّيَٰحِ ءَايَٰتٞ لِّقَوۡمٖ
يَعۡقِلُونَ ﴿٥﴾

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an (ini) diturunkan dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (2). Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi terdapat bukti-bukti, (kekuasaan Allah) bagi para Mu'minin (3). Dan di dalam penciptaan diri kamu dan penciptaan binatang-binatang yang disebarkan (di merata pelosok alam) terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang yakin (4). Dan dalam pertukaran malam dan siang dan dalam rezeki yang diturunkan Allah dari langit kemudian dengannya dihidupkan bumi sesudah matinya, dan di dalam peredaran angin terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir."(5)

Ia menyebut dua huruf **"Haa"(ح)** dan **"Miim"(م)** kemudian ia menerangkan bahawa Al-Qur'an ini diturunkan dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana. Kedua-dua huruf itu menunjukkan kepada sumber kitab Al-Qur'an - sebagaimana telah kami huraikan mengenai huruf-huruf potongan di awal-awal surah - dari segi kitab Al-Qur'an yang bermu'jizat ini adalah digubah dan disusun dari huruf-huruf yang sama dengan dua huruf ini, tetapi mereka tidak mampu membuat karangan dan gubahan yang seperti itu walau sedikit pun. Ini merupakan satu bukti bahawa kitab Al-Qur'an ini adalah diturun dari Allah **"Yang Maha Perkasa"** yakni yang berkuasa menciptakan segala sesuatu dan tiada sesuatu pun yang melemahkan-Nya. **"Yang Maha Bijaksana"** yakni yang menciptakan segala sesuatu dengan ukuran yang sempurna dan melaksanakan segala sesuatu dengan penuh kebijaksanaan. Kedua-dua sifat ini merupakan ulasan yang sesuai dengan suasana surah dan pembicaraan yang menerangkan bermacam-macam jenis jiwa manusia.

Sebelum Al-Qur'an menyentuh kaum Musyrikin dan sikap mereka terhadap Al-Qur'an ia lebih dahulu menunjukkan kepada mereka bukti-bukti kekuasaan Allah yang tersebar di dalam alam buana di sekeliling mereka. Bukti-bukti itu sahaja sudah cukup untuk membawa mereka kepada iman. Ia memalingkan hati mereka kepada bukti- bukti itu untuk menyedarkannya dan untuk membuka pintu-pintunya yang terkunci. Ia membangkitkan di dalam hati mereka perasaan yang peka terhadap Allah yang menurunkan kitab Al-Qur'an ini dan yang menciptakan alam yang besar ini.

إِنَّ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ لَأٓيَٰتٖ لِّلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٣﴾

"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi para Mu'minin."(3)

Mu'jizat-mu'jizat Penciptaan Manusia, Haiwan, Malam, Siang Dan Peredaran Angin

Bukti-bukti kekuasaan Allah yang tersebar di langit dan di bumi itu tidak hanya terhenti di atas sesuatu benda atau sesuatu keadaan yang tertentu sahaja, malah apabila seseorang itu melepaskan pemandangannya, di sana dia akan melihat berbagai-bagai bukti kekuasaan Allah di alam buana yang mengkagumkan ini. Manakah satu benda yang tidak merupakan bukti kekuasaan Allah?

Langit dengan bintang-bintangnya yang amat besar, dan walaupun bintang-bintang itu begitu besar namun ia bertaburan laksana biji-biji pasir yang terapung-apung di angkasa raya yang amat luas, amat hebat dan amat indah.

Peredaran bintang-bintang yang beredar dengan teratur dan tepat memperlihatkan keserasian yang indah yang tidak puas dipandang mata dan diteliti hati.

Bumi ini amat luas dan lebar jika dibandingkan dengan tubuh manusia, tetapi jika bumi dibandingkan dengan bintang-bintang yang besar ia kelihatan laksana sebiji pasir, begitu juga jika ia dibandingkan dengan angkasa raya yang amat luas, di mana ia akan sesat andainya ia tidak dipegang oleh qudrat Ilahi yang mengaturkan perjalanannya di lebuh alam buana itu, di mana tiada satu bintang pun yang sesat.

Allah telah melengkapkan bumi ini dengan kedudukan dan ciri-ciri istimewa yang melayakkan pertumbuhan makhluk hidup di atasnya. Ciri-ciri itu diatur begitu halus dan begitu selaras dan padu hingga apabila salah satu dari ciri-ciri itu rosak atau mungkir, maka pertumbuhan makhluk hidup tidak mungkin wujud atau tidak mungkin berkekalan.[5]

Segala sesuatu benda dan segala yang hidup di bumi ini merupakan bukti kekuasaan Allah. Setiap bahagian dari sesuatu benda atau dari makhluk yang hidup di bumi ini merupakan bukti kekuasaan Allah. Makhluk yang seni sama dengan makhluk yang besar masing-masing merupakan bukti kekuasaan Allah belaka. Daun yang kecil pada pokok yang besar atau pada tumbuhan yang kecil merupakan bukti kekuasaan Allah. Segala bentuk, rupa dan rasa sentuhan daun itu juga merupakan bukti kekuasaan

---

5 *Lihat tafsir firman Allah:* وخلق كل شيء فقدره تقديرا *juzu' 19 dari tafsir ini.*

Allah. Rambut atau bulu pada tubuh binatang atau manusia merupakan bukti kekuasaan Allah. Sifat-sifat, wama dan rupa bentuk bulu-bulu itu sendiri juga merupakan bukti kekuasaan Allah. Bulu pada sayap binatang merupakan bukti kekuasaan Allah. Bahan-bahan kejadian bulu dan fungsinya itu sendiri juga merupakan bukti kekuasaan Allah, di mana sahaja seseorang itu melepaskan pemandangannya sama ada di bumi atau di langit, ia akan dapati berbagai-bagai bukti kekuasaan Allah yang amat jelas kepada hatinya, pendengarannya dan penglihatannya.

Tetapi ia menjadi bukti kepada siapa? Siapakah yang melihat dan menyedarinya sebagai bukti kekuasaan Allah?


Ia menjadi bukti kekuasaan Allah bagi:



"Bagi para Mu'minin."(3)

Keimanan itulah yang membuka hati manusia dan membolehkannya untuk menyambut gema-gema, cahaya-cahaya dan seruan-seruan Ilahi dan menyedari bukti-bukti kekuasaan Allah yang tersebar di merata pelosok bumi dan langit. Keimanan itulah yang memberikan kemanisan dan kesegaran kepada hati manusia. Ia membuat hati mereka hidup dan berperasaan begitu halus hingga dapat memungut saranan-saranan yang tersembunyi dan halus dan saranan-saranan yang nyata yang penuh di alam buana ini. Semua bukti-bukti dan saranan-saranan itu menunjukkan kepada tangan qudrat Tuhan Pencipta yang menciptakan segala benda dan segala makhluk yang hidup dengan ciptaan yang indah. Pendeknya segala makhluk yang keluar dari tangan qudrat ini adalah luar biasa dan berdaya mu'jizat belaka. Tiada siapa yang dapat menandingi secantik ciptaan-Nya.

Kemudian Al-Qur'an memindahkan mereka dari alam buana yang jauh kepada alam diri mereka sendiri yang lebih dekat dan lebih mudah dirasakan mereka:



"Dan di dalam penciptaan diri kamu dan penciptaan binatang-binatang yang disebarkan (di merata pelosok alam) terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang yakin."(4)

Penciptaan manusia dengan struktur kejadiannya yang aneh, dengan ciri-cirinya yang unik dan dengan fungsi-fungsinya yang halus dan beranekaragam merupakan satu perkara yang luar biasa atau mu'jizat yang telah kita lupakannya, kerana terlalu lama ia berulang-ulang dan kerana ia terlalu dekat kepada kita. Struktur fizikal bagi sesuatu anggota manusia sahaja merupakan satu perkara yang membuat kepala kita menggeleng-geleng kerana takjub dan kagum dengan susunan strukturnya yang amat menarik itu.

Hayat dalam bentuknya yang paling ringkas (simple) merupakan satu mu'jizat. Ini dapat dilihat pada makhluk amiba yang mempunyai satu sel dan pada makhluk yang lebih kecil dari amiba. Bagaimana pula dengan hayat yang ada pada manusia yang mempunyai struktur kejadian yang amat canggih, sedangkan struktur kejadian jiwanya lebih canggih dari struktur kejadian jasmaninya?

Dan di sekeliling makhluk manusia terdapat berbagai-bagai jenis dan rupa makhluk-makhluk yang bergerak dan melata di bumi. Tiada siapa yang mengetahui bilangannya melainkan Allah. Sekecil-kecil makhluk sama dengan sebesar-besar makhluk, masing-masing merupakan mu'jizat belaka sama ada dalam ciptaan-Nya dan pengendalian-Nya. Juga merupakan mu'jizat pada pembahagian makhluk-makhluk hidup yang seimbang di bumi ini, di mana setiap jenis hidupan tidak melebihi had yang tertentu yang dapat memelihara kewujudannya dan kelanjutan hidupnya dan dapat menghalang pencerobohannya terhadap jenis yang lain yang boleh membawa kepada kehapusan jenis itu. Tangan qudrat Ilahi yang menguasai berbagai-bagai jenis makhluk inilah yang menambah dan mengurangkan bilangannya dengan bijaksana dan perencanaan yang rapi. Tangan inilah juga yang mengatur ciri-ciri, kekuatan-kekuatan dan fungsi-fungsi bagi makhluk-makhluk itu dalam bentuk yang dapat mewujudkan imbangan di antara semua makhluk itu.

Burung-burung rajawali merupakan burung buas yang lanjut usianya tetapi bilangannya kecil. Telur dan anaknya tidak banyak dibandingkan dengan burung-burung pipit dan burung-burung kecil yang lain. Cubalah kita khayalkan, apakah akan terjadi jika burung-burung rajawali beranak seperti burung-burung pipit? Bagaimana nanti burung-burung rajawali membunuh dan menghapuskan burung-burung yang lain?

Singa di alam binatang juga merupakan binatang buas. Apakah akan terjadi andainya singa-singa ini beranak seperti kijang dan kambing? Tentulah tidak ada daging dan makanan lagi yang akan tinggal di dalam hutan rimba. Tetapi tangan qudrat Ilahiyah yang mengawalkan pengeluaran anak-anaknya pada kadar yang perlu sahaja. Tangan inilah yang membanyakkan bilangan binatang-binatang berdaging seperti kijang, dan kambing dan sebagainya kerana satu sebab yang diketahui umum.

Seekor lalat boleh mengeluarkan ratusan ribu telur dalam satu pusingan, tetapi sebagai imbangannya lalat itu hanya boleh hidup kira-kira dua minggu sahaja. Apakah akan terjadi andainya seekor lalat itu boleh hidup selama beberapa bulan atau tahun? Sudah tentu lalat-lalat itu akan menutup tubuh-tubuh manusia dan memakan mata mereka, tetapi tangan kekuasaan Ilahi yang mentadbirkan itu mengawal segala-galanya mengikut perencanaan yang amat rapi

yang mengambil kira segala keperluan, segala keadaan dan segala suasana.

Demikianlah seterusnya terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah dalam setiap penciptaan makhluk, dalam segala sifat-sifat dan ciri-cirinya dan dalam segala tadbir dan perencanaan Ilahi di alam manusia dan di alam binatang. Seluruhnya merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah yang amat jelas, tetapi ia menjadi bukti kepada siapa? Siapakah yang melihatnya dan menyedarinya sebagai bukti kekuasaan Allah? Ia menjadi bukti bagi:

لِّقَوۡمٖ يُوقِنُونَ ٤

"Bagi golongan orang-orang yang yakin."(4)

Keyakinan ialah keadaan yang membuat hati manusia merasa terpengaruh dan menyerah. Keyakinan membuat hati mereka tetap, teguh dan tenteram, membuat mereka dapat menerima hakikat-hakikat alam buana dengan tenang, mudah dan penuh percaya, aman dan perasaan gelisah, keluh-kesah, bingung dan serba salah. Oleh kerana itu hati yang yakin itu dapat menghasilkan dari pencapaiannya yang paling kecil natijah-natijah dan kesan-kesan yang paling besar di alam ini.

Kemudian Al-Qur'an mengalih pandangan orang-orang Musyrikin itu dari diri mereka sendiri dan dari harakat makhluk yang hidup di sekeliling mereka kepada fenomena-fenomena alam buana yang melahirkan punca-punca hayat kepada mereka dan kepada makhluk-makhluk yang bernyawa umumnya:

وَٱخۡتِلَٰفِ ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِ وَمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مِن رِّزۡقٖ فَأَحۡيَا بِهِ ٱلۡأَرۡضَ بَعۡدَ مَوۡتِهَا وَتَصۡرِيفِ ٱلرِّيَٰحِ ءَايَٰتٞ لِّقَوۡمٖ يَعۡقِلُونَ ٥

"Dan dalam pertukaran malam dan siang dan dalam rezeki yang diturunkan Allah dari langit kemudian dengannya dihidupkan bumi sesudah matinya, dan di dalam peredaran angin terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir."(5)

Pertukaran malam dan siang merupakan dua gejala yang sudah hilang sifat barunya dengan sebab terlalu kerap berulang. Tetapi manakah bukti yang lebih menakjubkan hati apabila ia menemui malam atau menemui siang bagi pertama kalinya? Hati yang sedar dan terbuka itu sentiasa melihat kejadian yang menakjubkan ini, sentiasa terharu kepadanya dan sentiasa melihat tangan qudrat Allah yang menguruskan alam buana ini setiap kali ia melihat malam atau siang.

Ilmu pengetahuan manusia terus berkembang subur mengenai fenomena-fenomena alam. Mereka kini tahu bahawa malam dan siang adalah dua fenomena yang amat nyata yang terjadi dari peredaran bumi di sekeliling paksinya di hadapan matahari sekali dalam setiap dua puluh empat jam, tetapi ketakjuban ini tidak kurang sedikit pun dengan ilmu pengetahuan itu, kerana peredaran bumi itu sendiri merupakan satu lagi perkara yang amat menakjubkan, iaitu peredaran dan putaran bumi di sekeliling dirinya dengan kelajuan yang teratur rapi, sedangkan bumi terapung-apung di udara dan merenangi angkasa tanpa bergantung kepada sesuatu selain dari qudrat Ilahi yang memegangnya dan mengendalikannya dengan peraturan yang tidak pernah mungkir itu. Ia beredar dan berputar dengan kadar kelajuan yang membolehkan segala penghuninya yang hidup dan segala benda dapat berada di atas permukaannya (tanpa terpelanting) ketika ia berpusing di angkasa raya itu.

Ilmu pengetahuan manusia semakin bertambah luas dan kerana itu mereka sedar betapa pentingnya fenomena siang dan malam di permukaan bumi ini kepada hayat dan kepada makhluk-makhluk yang bernyawa. Mereka mengetahui bahawa pembahagian waktu di antara malam dan siang dengan kadar ini di atas permukaan bumi merupakan satu faktor asasi yang membolehkan wujudnya hayat dan kekalnya makhluk-makhluk yang bernyawa di bumi. Andainya siang dan malam tidak wujud dengan kadar ini nescaya segala sesuatu di atas muka bumi ini akan berubah terutama kehidupan manusia iaitu makhluk yang dihadapkan dengan perintah-perintah Allah di antara makhluk-makhluk yang bernyawa. Oleh itu fenomena siang dan malam itu semakin bertambah penting di dalam hati manusia.

وَمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مِن رِّزۡقٖ فَأَحۡيَا بِهِ ٱلۡأَرۡضَ بَعۡدَ مَوۡتِهَا

"........ Dan di dalam rezeki yang diturunkan Allah dari langit kemudian dengannya dihidupkan bumi sesudah matinya."(5)

Mungkin yang dimaksudkan dengan kata-kata rezeki di sini ialah air hujan yang turun dari langit sebagaimana difahamkan oleh orang-orang dahulu, tetapi sebenarnya rezeki dari langit itu lebih luas dari itu lagi, kerana cahayanya yang turun dari langit tidak kurang kesannya dari air dalam proses menghidup dan menyuburkan bumi, malah cahaya itulah yang menjadi punca terjadinya air dengan izin Allah kerana cahaya matahari itulah yang membuat air lautan itu menjadi wap yang berkumpul di udara dan akhirnya menurunkan air hujan yang mengalirkan matair-matair dan sungai-sungai dan dengan siramannya hiduplah bumi yang tandus. Ia hidup dengan sebab air, juga hidup dengan sebab panas dan cahaya.

وَتَصۡرِيفِ ٱلرِّيَٰحِ

".....Dan di dalam peredaran angin."(5)

Angin itu menghembus ke Utara dan ke Selatan, ke Timur dan ke Barat, membelok, melurus, menghangat dan mendingin mengikut undang-undang yang teratur rapi yang ditetapkan dalam pelan pembinaan dan penciptaan alam buana yang menakjubkan ini, di mana segala sesuatu dikira dengan halus dan tiada suatu pun yang ditinggalkan kepada kebetulan yang buta. Peredaran angin mempunyai hubungan dengan putaran bumi dan dengan fenomena siang dan

malam, juga dengan rezeki yang turun dari langit. Semuanya turut bekerjasama melaksanakan kehendak Allah dalam menciptakan alam buana dan mengendalikannya mengikut sebagaimana kehendak-Nya. Dan semuanya merupakan bukti-bukti yang terbentang di alam buana tetapi untuk siapa?

لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ٥

"Bagi golongan orang-orang yang berfikir"(5)

Di sinilah dan di medan inilah akal bergiat dan bekerja.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 10)

Inilah sebahagian dari bukti-bukti kekuasaan Allah dalam kejadian-kejadian alam buana yang dihadapkan kepada orang-orang yang beriman, yang yakin dan berfikir. Ia menyentuh hati mereka, menyedarkan akal fikiran mereka dan berbicara dengan fitrah mereka dengan bahasanya yang langsung. Oleh sebab di antara fitrah manusia dengan alam ini ada hubungan batin yang amat mendalam, maka untuk menggerakkannya ia tidak memerlukan selain dari perkataan-perkataan yang menarik seperti ayat-ayat Al-Qur'an ini. Barang siapa yang tidak beriman kepada bukti-bukti kekuasaan Allah, maka tidak ada harapan lagi ia akan beriman kepada bukti-bukti kekuasaan Allah yang lain. Barang siapa yang tidak dapat digerakkan oleh penerangan ayat-ayat Al-Qur'an yang banyak memberi ilham ini, maka ia tidak akan dapat digerakkan oleh pekikan-pekikan lantang yang lain dari suara Al-Qur'an yang mudah disambut itu:

تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱللَّهِ نَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِٱلْحَقِّ فَبِأَىِّ حَدِيثٍ بَعْدَ
ٱللَّهِ وَءَايَٰتِهِۦ يُؤْمِنُونَ ٦

"Itulah ayat-ayat Allah yang Kami bacakannya kepadamu dengan benar. Maka dengan perkataan yang manakah lagi mereka hendak beriman selepas (kalam) Allah dan ayat-ayat-Nya?"(6)

Mana-mana percakapan yang lain tidak akan sampai setanding dengan kalam Allah di dalam Al-Qur'an. Mana-mana ciptaan tidak akan sampai seindah ciptaan Allah di alam buana ini. Mana-mana hakikat tidak akan sampai seteguh, seterang dan seyakin hakikat dari Allah:

فَبِأَىِّ حَدِيثٍ بَعْدَ ٱللَّهِ وَءَايَٰتِهِۦ يُؤْمِنُونَ ٦

"Dengan perkataan yang manakah lagi mereka hendak beriman selepas (kalam) Allah dan ayat-ayat-Nya?"(6)

Di sini tiada yang lebih layak dan sesuai dengan orang-orang yang tidak beriman melainkan hanyalah ancaman dan penyeksaan:

وَيْلٌ لِّكُلِّ أَفَّاكٍ أَثِيمٍ ٧

يَسْمَعُ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ تُتْلَىٰ عَلَيْهِ ثُمَّ يُصِرُّ مُسْتَكْبِرًا كَأَن لَّمْ
يَسْمَعْهَا فَبَشِّرْهُ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ٨
وَإِذَا عَلِمَ مِنْ ءَايَٰتِنَا شَيْـًٔا ٱتَّخَذَهَا هُزُوًا أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ
عَذَابٌ مُّهِينٌ ٩
مِّن وَرَآئِهِمْ جَهَنَّمُ وَلَا يُغْنِى عَنْهُم مَّا كَسَبُوا۟ شَيْـًٔا
وَلَا مَا ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَوْلِيَآءَ وَلَهُمْ عَذَابٌ
عَظِيمٌ ١٠

"Kecelakaan yang besar bagi setiap orang yang banyak berdusta dan banyak berdosa (7). Dia mendengar ayat-ayat Allah dibacakan kepadanya, kemudian dia terus berlagak sombong seolah-olah dia tidak mendengarnya. Oleh itu sampaikan kepadanya berita 'azab yang amat pedih (8). Dan apabila ia mengetahui sesuatu dari ayat-ayat kami, ia jadikannya bahan ejekan. Mereka akan memperolehi 'azab yang amat menghinakan (9). Di belakang mereka Neraka Jahannam, dan tidak sedikit pun memberi faedah kepada mereka segala apa yang diusaha mereka dan segala apa yang dijadikan mereka sebagai pelindung-pelindung selain dari Allah, dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar."(10)

Sambutan Kaum Musyrikin Terhadap Al-Qur'an

Ayat-ayat ini sebagaimana telah diterangkan di pendahuluan surah ini menggambarkan sebahagian dari cara sambutan yang diberikan kaum Musyrikin terhadap da'wah di Makkah, iaitu menggambarkan kedegilan mereka berpegang dengan kebatilan, keangkuhan mereka dari mendengar kalimat yang benar dan terang dan sikap mereka yang sombong terhadap kebenaran seolah-olah kebenaran itu tidak pernah masuk ke dalam minda mereka. Dan semuanya itu ditentang oleh Al-Qur'an dengan penghinaan, ancaman dan amaran dengan 'azab yang amat pedih, amat hina dan amat dahsyat:

وَيْلٌ لِّكُلِّ أَفَّاكٍ أَثِيمٍ ٧

"Kecelakaan yang besar bagi setiap orang yang banyak berdusta dan banyak berdosa."(7)

Kecelakaan ialah kebinasaan dan amaran ini mencakup seluruh mereka yang bersifat seperti itu. Ia merupakan amaran dari Allah Yang Maha Gagah Perkasa dan Maha Berkuasa membinasa dan menghancur, Yang Maha Benar janji-Nya, ancaman dan amaran-Nya. Ia merupakan satu ancaman yang mengeri dan menakutkan.

Orang yang banyak berdusta dan banyak berdosa itu ialah orang yang terus berdegil di atas kebatilan dan angkuh untuk tunduk kepada ayat-ayat Allah dan biadab terhadap Allah:

يَسۡمَعُ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ تُتۡلَىٰ عَلَيۡهِ ثُمَّ يُصِرُّ مُسۡتَكۡبِرٗا كَأَن لَّمۡ يَسۡمَعۡهَاۖ

"Dia mendengar ayat-ayat Allah dibacakan kepadanya, kemudian dia terus berlagak sombong seolah-olah dia tidak mendengarnya."(8)

Ini adalah satu gambaran yang amat kejam, dan walaupun gambaran ini merupakan gambaran golongan Musyrikin di Makkah, namun ia berulang-ulang di dalam setiap masyarakat jahiliyah. Ia berulang-ulang pada hari ini dan pada hari-hari akan datang. Berapa ramai di antara mereka yang mengaku Muslim yang mendengar ayat-ayat Allah kemudian mereka masih terus angkuh tidak mahu mematuhinya seolah-olah mereka tidak pernah mendengar ayat-ayat itu kerana ayat-ayat itu tidak sealiran dengan hawa nafsu mereka dan tidak sejalan dengan adat kebiasaan mereka, kerana ayat-ayat itu tidak menolong mereka untuk tegak di atas kebatilan dan kejahatan dan tidak sehaluan dengan mereka.

فَبَشِّرۡهُ بِعَذَابٍ أَلِيمٖ ٨

".........Oleh itu sampaikan kepada mereka berita 'azab yang amat pedih."(8)

Biasanya tabsyir "فبشره" itu untuk berita-berita yang baik tetapi ia digunakan di sini untuk memberi penghinaan kepada mereka. Jika mereka tidak mahu mendengar amaran, maka biarkanlah mereka ditimpa kecelakaan yang dapat dilihat mereka dalam bentuk suara orang yang menyampaikan berita untuk menambahkan sendaan dan penghinaan terhadap mereka.

وَإِذَا عَلِمَ مِنۡ ءَايَٰتِنَا شَيۡـًٔا ٱتَّخَذَهَا هُزُوًاۚ

"Dan apabila ia mengetahui sesuatu dari ayat-ayat Kami, ia jadikannya bahan ejekan."(9)

Mereka berbuat begitu setelah mereka mengetahui siapakah sumber ayat-ayat itu. Ini adalah satu perbuatan yang lebih keji dan lebih jahat lagi. Gambaran perbuatan ini juga berulang-ulang di dalam setiap masyarakat jahiliyah dahulu dan kebelakangan. Berapa ramai manusia, dan di antara mereka ialah termasuk orang-orang yang dipanggil Muslim sendiri, yang mempersenda-sendakan ayat-ayat Allah yang diketahui dan mempersenda-sendakan orang-orang yang beriman dengannya dan orang-orang yang mahu mengembalikan urusan dan kehidupan manusia kepada kehendak ayat-ayat itu:

أُوْلَٰٓئِكَ لَهُمۡ عَذَابٞ مُّهِينٞ ٩

"Mereka akan memperolehi 'azab yang amat menghinakan."(9)

Kehinaan itulah sahaja balasan yang sesuai untuk orang yang mempersenda-sendakan ayat-ayat Allah, sedangkan dia mengetahuinya, iaitu suatu 'azab yang sudah hadir dan dekat. Walaupun waktunya akan tiba sebentar lagi tetapi pada hakikatnya ia telah tiba:

مِّن وَرَآئِهِمۡ جَهَنَّمُۖ

"Di belakang mereka Neraka Jahannam ......"(10)

Ungkapan **"di belakang mereka Neraka Jahannam"** di samping maknanya yang zahir, maka makna bayangannya juga dimaksudkan di sini iaitu mereka tidak melihat Neraka kerana ia berada di belakang mereka, dan tidak takut kepada Neraka kerana mereka lalai darinya, tetapi mereka tidak akan terlepas Neraka dan tetap terhumban di dalamnya.

وَلَا يُغۡنِي عَنۡهُم مَّا كَسَبُواْ شَيۡـٔٗا وَلَا مَا ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَوۡلِيَآءَۖ

"Tidak sedikit pun memberi faedah kepada mereka segala apa yang diusaha mereka dan segala apa yang dijadikan mereka sebagai pelindung-pelindung selain dari Allah."(10)

Segala apa yang mereka usaha dan segala apa yang mereka milik tidak berguna sedikit pun kepada mereka. Segala amalan mereka walaupun baik tetapi sia-sia. Mereka tidak mendapat apa-apa darinya kerana amalan itu tidak dilakukan di atas asas keimanan. Segala harta kekayaan dimiliki mereka hilang semuanya. Tiada satu pun yang ikut bersamanya. Seluruh pelindung-pelindung mereka selain dari Allah yang berupa tuhan-tuhan yang disembah, penolong-penolong, tentera-tentera dan sahabat-sahabat teman tidak berupaya untuk memberi sebarang pertolongan dan syafa'at kepada mereka.

وَلَهُمۡ عَذَابٌ عَظِيمٌ ١٠

".....Dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar"(10)

lagi amat menghinakan. Dosa sendaan mereka terhadap ayat-ayat Allah itu amat keji dan wajib menerima balasan penghinaan dan 'azab yang amat besar.

Bahagian ayat-ayat yang memperkatakan perbuatan mempersendakan ayat-ayat Allah, perbuatan menghalangkan orang lain darinya dan perbuatan mengingkarinya itu diakhiri dengan sepatah kata mengenai hakikat ayat-ayat ini dan mengenai balasan terhadap mereka yang mengingkari hakikat ini dengan ringkas:

هَٰذَا هُدٗىۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمۡ لَهُمۡ عَذَابٞ مِّن رِّجۡزٍ أَلِيمٌ ١١

"Al-Qur'an ini ialah hidayat, dan orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Tuhan mereka akan memperolehi 'azab dari jenis 'azab keseksaan yang amat pedih."(11)

Hakikat Al-Qur'an ini ialah hidayat, iaitu hidayat yang suci dan bersih, tidak dinodai kesesatan. Dan orang-orang yang ingkarkan hikikat ini adalah wajar menerima balasan 'azab dari 'azab yang amat pedih. Ia diulang-ulangkan berkali-kali dan ditegaskan

berkali-kali, itulah balasan seksa yang padan dengan orang-orang yang tidak percaya kepada hidayat yang bersih dan terang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 13)

Selepas memberi amaran dan janji 'azab yang menakutkan itu, Al-Qur'an kembali menyentuh hati mereka dengan lemah lembut iaitu mengingatkan mereka dengan berbagai-bagai ni'mat Allah yang telah dijanjikan untuk mereka di alam buana yang lebar ini.

ٱللَّهُ ٱلَّذِى سَخَّرَ لَكُمُ ٱلْبَحْرَ لِتَجْرِىَ ٱلْفُلْكُ فِيهِ بِأَمْرِهِۦ
وَلِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾
وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ ۚ إِنَّ
فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَـٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

"Allah yang telah menjadikan laut untuk kamu supaya kapal-kapal dapat berlari di dalamnya dengan perintah-Nya dan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur (12). Dan Dia jadikan untuk kamu segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi (sebagai limpah kurnia) dari-Nya. Sesungguhnya di dalam penciptaan-penciptaan itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir."(13)

Ni'mat Lautan

Makhluk insan yang kerdil ini mendapat sepenuh perhatian dari Allah S.W.T. Dialah yang memberi peluang kepada mereka mengguna dan mengambil faedah dari makhluk-makhluk di alam buana ini dengan berbagai-bagai cara, iaitu dengan menunjukkan kepada mereka sebahagian dari rahsia undang-undang Ilahi yang mengendalikan makhluk-makhluk ini yang sentiasa patuh kepadanya. Tanpa mengetahui sebahagian rahsia undang-undang ini manusia dengan kekuatannya yang lemah dan terbatas itu tidak berdaya untuk mengambil manfa'at dari kekuatan-kekuatan atau kuasa-kuasa alam yang amat besar itu, malah tidak berdaya untuk hidup bersamanya, kerana manusia merupakan si kerdil yang kecil, sedangkan kuasa-kuasa tenaga alam dan bintang-bintang merupakan makhluk gergasi-gergasi dan raksasa-raksasa.

Lautan merupakan salah satu gergasi yang telah dijadikan Allah untuk faedah manusia. Dia telah menunjukkan kepada mereka sebahagian dari rahsia-rahsia kejadiannya dan ciri-cirinya. Dan dari sinilah manusia mengetahui membuat bahtera-bahtera dan kapal-kapal yang meredah lautan itu. Kapal-kapal itu terapung-apung melawan ombak-ombak lautan dengan berani:

لِتَجْرِىَ ٱلْفُلْكُ فِيهِ بِأَمْرِهِۦ

"....... Supaya kapal-kapal dapat berlari di dalamnya dengan perintah-Nya."(12)

Allah S.W.T. telah menciptakan lautan dengan ciri-ciri ini dan menciptakan bahan-bahan pembinaan kapal dengan ciri-ciri ini. Dialah yang menciptakan ciri-ciri tekanan udara, kederasan angin dan daya tarikan bumi dan segala ciri-ciri alam yang lain untuk menolong kapal-kapal itu dapat berlari di dalam lautan. Dialah yang telah menunjukkan semuanya ini kepada manusia supaya mereka dapat mengambil manfa'at dari lautan itu. Mereka juga dapat mengambil faedah dari lautan itu dalam berbagai-bagai aspek yang lain iaitu:

وَلِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦ

"......... Supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya"(12)

seperti menangkap ikan dan memburu untuk makanan dan perhiasan, juga menjalankan perniagaan, mencari ilmu pengetahuan, membuat ujian, melakukan riadah dan bersiar-siar mengambil angin dan termasuk segala usaha untuk mencari limpah kurnia Allah di dalam lautan.

Allah menciptakan lautan dan kapal-kapal kepada manusia supaya mencari limpah kurnia-Nya dan supaya mereka bersyukur di atas segala ni'mat dan pemberian-Nya:

وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾

"......... Dan supaya kamu bersyukur"(12)

Allah membimbing hati manusia dengan Al-Qur'an supaya mereka menunaikan kewajipan mereka terhadap agama yang benar ini dan supaya mereka mempunyai pertalian dengan alam buana dan supaya mereka dapat memahami bahawa di antara mereka dengan alam buana ini terikat dengan kesatuan sumber dan kesatuan hala menuju kepada Allah.

Setelah menyebut ni'mat lautan secara khusus Al-Qur'an menyebut pula secara umum segala ni'mat-ni'mat Allah yang lain. Dia telah menciptakan untuk faedah manusia, segala kejadian di langit dan di bumi, iaitu segala kuasa-kuasa dan tenaga-tenaga alam, segala ni'mat dan kebajikan yang memberi kebaikan kepadanya dan termasuk dalam ruang lingkup urusan khilafahnya:

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ ۚ

"Dan Dia jadikan untuk kamu segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi (sebagai limpah kurnia) dari-Nya."(13)

Segala sesuatu di alam ini adalah dari Allah dan kembali kepada-Nya. Dialah yang mencipta dan mentadbirkannya, Dialah yang menunduk dan menguasainya. Dan makhluk manusia yang kerdil ini

telah dibekalkan dengan bakat-bakat kesediaan untuk mengetahui sebahagian dari undang-undang alam buana supaya dengan pengetahuan ini mereka dapat menggunakan kuasa-kuasa dan tenaga-tenaga alam yang lebih kuat dari daya tenaga dan kekuatan-kekuatan yang ada pada diri mereka. Semuanya itu adalah dari limpah kurnia Allah kepada mereka. Dan semuanya merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah bagi golongan orang-orang yang berfikir dan meneliti dengan hati dan akal mereka segala sentuhan tangan qudrat Ilahi yang mencipta dan mentadbirkan kuasa--kuasa dan tenaga-tenaga alam itu:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya dalam penciptaan-penciptaan itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir."(13)

Dan pemikiran manusia tidak dikira satu pemikiran yang betul, mendalam dan syumul melainkan apabila ia dapat menjangkau kuasa-kuasa dan tenaga-tenaga alam yang diketahui rahsianya itu kepada mengetahui sumber kuasa-kuasa dan tenaga-tenaga alam itu sendiri dan mengetahui undang-undang yang mengendalikannya dan seterusnya mengetahui hubungan di antara undang-undang alam itu dengan fitrah manusia, iaitu hubungan yang memudahkan manusia dapat berhubung dengannya dan memahaminya. Tanpa hubungan ini manusia tidak dapat berhubung dengannya, tidak dapat memahaminya, tidak dapat menguasai dan mengambil apa-apa faedah dari kuasa-kuasa dan tenaga-tenaga alam itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 15)

Apabila ayat-ayat surah ini sampai kepada bahagian yang kuat ini, iaitu bahagian yang menghubungkan hati Mu'min dengan hati alam buana dan menimbulkan kesedarannya terhadap Allah selaku sumber kuasa yang hakiki, maka Al-Qur'an menyeru kaum Mu'minin supaya bersikap tidak peduli dan berlapang dada dalam menghadapi kaum Musyrikin yang lemah yang mempunyai hati yang tidak dapat berhubung dengan Allah selaku sumber Yang Maha Kaya itu. Begitu juga Al-Qur'an menyeru mereka supaya bersikap lemah lembut terhadap manusia-manusia yang malang yang terhijab dari hakikat-hakikat Ilahiyah Yang Maha Gemilang, Maha Kuat dan Maha Besar itu, iaitu manusia-manusia yang tidak menaruh harapan kepada hari-hari Allah, di mana akan terserlah kebesaran Allah, rahsia-rahsia-Nya dan undang-undang-Nya:

قُل لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ يَغۡفِرُواْ لِلَّذِينَ لَا يَرۡجُونَ أَيَّامَ
ٱللَّهِ لِيَجۡزِيَ قَوۡمَۢا بِمَا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ﴿١٤﴾
مَنۡ عَمِلَ صَٰلِحٗا فَلِنَفۡسِهِۦۖ وَمَنۡ أَسَآءَ فَعَلَيۡهَاۖ ثُمَّ
إِلَىٰ رَبِّكُمۡ تُرۡجَعُونَ ﴿١٥﴾

"Katakanlah kepada orang-orang yang beriman, hendaklah mereka memberi kema'afan kepada orang-orang yang tidak mengharapkan hari-hari Allah kerana Dia akan membalaskan setiap kaum mengikut perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka (14). Barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh, maka faedahnya terpulang kepada dirinya sendiri, dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan, maka akibatnya akan menimpa dirinya sendiri, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhanmu."(15)

Bersikap Lapang Dada Dan Tidak Peduli Terhadap Kaum Musyrikin

Ini adalah satu arahan Ilahi kepada orang-orang Mu'min supaya bersikap lapang dada terhadap orang-orang yang tidak menaruh harapan kepada hari-hari Allah, iaitu bersikap mema'af dan tidak menghiraukan mereka. Sebenarnya orang-orang yang tidak menaruh harapan kepada hari-hari Allah adalah manusia-manusia malang yang kadang-kadang memerlukan dikasihani kerana mereka tertahan dari meni'mati matair yang melimpah-ruah, matair yang penuh ni'mat, rahmat, kekuatan dan kekayaan, iaitu matair iman kepada Allah, matair ketenteraman dan keyakinan kepada Allah, matair perlindungan pada Allah di sa'at-sa'at kesusahan dan kesempitan. Mereka juga tersekat dari meni'mati ma'rifat yang hakiki yang mempunyai hubungan dengan jantung undang-undang alam buana dan dengan segala kuasa, tenaga dan kekayaan-kekayaan alam di sebalik undang-undang itu. Para Mu'minin yang memiliki perbendaharaan iman dan meni'mati rahmat dan ni'mat keimanan itu adalah lebih wajar menunjukkan sikap mema'af terhadap kelakuan-kelakuan dan tindak-tanduk yang melulu dan tolol yang terbit dari manusia-manusia yang dinafikan dari ni'mat ke itu.

Ini dari satu segi dan dari satu segi yang lain pula hendaklah orang-orang Mu'min itu menyerahkan sahaja perkara ini kepada Allah. Dialah sahaja yang berkuasa memberi balasan yang baik kepada yang baik dan balasan yang buruk kepada yang jahat. Dia akan memasukkan sikap mereka yang mema'af itu di dalam rekod amalan mereka yang baik selama tindak-tanduk orang yang tidak beriman itu tidak menimbulkan kerosakan di bumi dan tidak mencerobohi hudud-hudud Allah dan kehormatan-Nya:

لِيَجۡزِيَ قَوۡمَۢا بِمَا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ﴿١٤﴾

"........... Kerana Dia akan membalaskan setiap kaum mengikut perbuatan yang dilakukan mereka."(14)

Kemudian diiringi dengan menjelaskan dasar tanggunjawab individu dan keadilan balasan, juga menegaskan bahawa pada akhirnya seluruh mereka akan kembali kepada Allah:

مَنۡ عَمِلَ صَٰلِحٗا فَلِنَفۡسِهِۦۖ وَمَنۡ أَسَآءَ فَعَلَيۡهَاۖ ثُمَّ
إِلَىٰ رَبِّكُمۡ تُرۡجَعُونَ ﴿١٥﴾

"Barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh, maka faedahnya terpulang kepada dirinya sendiri dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan, maka akibatnya akan menimpa dirinya sendiri, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhanmu."(15)

Dengan kesedaran ini dada para Mu'minin akan menjadi lapang, perasaan dan semangat mereka akan menjadi tinggi dan mereka akan sanggup menanggung gangguan-gangguan peribadi dan tindak-tanduk yang melulu dan tolol dari orang-orang yang terhijab dari keimanan dan buta matahati itu. Mereka bersikap demikian bukan kerana lemah dan bukan kerana tersepit, malah kerana mereka adalah lebih besar, lebih sabar dan lebih kuat dari mereka yang terhijab itu. Merekalah pembawa obor hidayat kepada orang-orang yang tidak mendapat cahaya iman dan pembawa penawar kepada orang-orang yang tidak mendapat matair iman. Segala amalan mereka akan diberi ganjaran. Mereka tidak akan menanggung sebarang dosa dari orang-orang yang berdosa. Dan akhirnya segala urusan terselah kepada Allah dan kepada-Nya dikembalikan-Nya seluruh manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 20)

Teraju Kepimpinan Manusia Diserahkan Kepada Umat Muslimin Setelah Gagalnya Kepimpinan Bani Israel

Setelah itu Al-Qur'an memperkatakan pula tentang kepimpinan yang beriman bagi umat manusia dan kepimpinan itu pada akhirnya diserahkan kepada risalah Islamiyah. Ia juga menyebut tentang perselisihan Bani Israel di dalam kitab suci mereka setelah mereka dikurniakan ni'mat kitab suci-Nya, ni'mat pemerintahan dan ni'mat kenabian dan seterusnya menyebut tentang berakhirnya kepimpinan itu dengan penyerahan panji-panjinya kepada Muhammad Rasul yang akhir. Ketika ini beliau masih berada di Makkah dan da'wahnya masih diburu dan dikepung, tetapi sifat dan tugas (Kesejagatannya) tetap seperti sediakala sejak ia dijadikan Allah:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحُكْمَ وَٱلنُّبُوَّةَ
وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَفَضَّلْنَٰهُمْ عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦﴾
وَءَاتَيْنَٰهُم بَيِّنَٰتٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ فَمَا ٱخْتَلَفُوٓا۟ إِلَّا مِنۢ
بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْعِلْمُ بَغْيًۢا بَيْنَهُمْ إِنَّ رَبَّكَ يَقْضِى
بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فِيمَا كَانُوا۟ فِيهِ
يَخْتَلِفُونَ ﴿١٧﴾
ثُمَّ جَعَلْنَٰكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ فَٱتَّبِعْهَا
وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾
إِنَّهُمْ لَن يُغْنُوا۟ عَنكَ مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا وَإِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ
بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ وَٱللَّهُ وَلِىُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿١٩﴾
هَٰذَا بَصَٰٓئِرُ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ
يُوقِنُونَ ﴿٢٠﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Bani Israel kitab suci, pemerintahan dan nubuwwah serta Kami berikan mereka rezeki-rezeki yang baik dan Kami lebihkan mereka di atas umat-umat yang lain (di zaman itu) (16). Dan Kami telah memberikan kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas mengenai agama ini, oleh itu mereka tidak berselisih faham sesama mereka melainkan sesudah sampai kepada mereka ilmu pengetahuan yang jelas kerana hasad dengki di antara mereka. Sesungguhnya Tuhanmu akan menghukumkan di antara mereka pada hari Qiamat mengenai perkara-perkara yang dipertikaikan mereka (17). Kemudian Kami telah jadikan engkau di atas satu syari'at dari perintah Kami. Oleh itu ikutilah syari'at itu dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (18). Sesungguhnya mereka sedikit pun tidak akan dapat mempertahankan engkau dari 'azab Allah, dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu menjadi sahabat setia terhadap satu sama lain, dan Allah itulah Pelindung para Muttaqin (19). Al-Qur'an ini adalah pedoman-pedoman yang jelas kepada manusia, juga hidayat dan rahmat bagi golongan orang-orang yang yakin."(20)

Kepimpinan agama sebelum Islam adalah dipegang oleh Bani Israel, merekalah pendokong 'aqidah samawi yang dipilih Allah untuk satu zaman di dalam sejarah. Manusia memerlukan satu kepimpinan yang diambil dari langit, kerana kepimpinan dari bumi ialah kepimpinan hawa nafsu, kepimpinan yang jahil dan serba lemah. Allah yang menciptakan manusia itulah sahaja yang layak mengadakan syari'at untuk mereka, iaitu syari'at yang bersih dari hawa nafsu, dari kejahilan dan kekurangan. Dia yang menciptakan mereka, Dialah yang lebih tahu dengan hakikat mereka. Dia Maha Seni dan Maha Mengetahui.

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحُكْمَ وَٱلنُّبُوَّةَ

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Bani Israel kitab suci, pemerintahan dan nubuwwah."(16)

Mereka telah dikurniakan Kitab Taurat sebagai syari'at Allah, mereka dikurniakan pemerintahan untuk menegakkan syari'at Allah. Mereka dikurniakan nubuwwah setelah dibangkitkan Musa dan diturunkan kitab-Nya supaya mereka tegak di atas syari'at dan di atas kitab suci. Ramai para Nabi dibangkitkan berturut-turut di dalam kalangan mereka dalam satu jangka waktu yang agak panjang dalam sejarah.

وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ

"....... serta Kami berikan mereka rezeki-rezeki yang baik."(16)

Kerajaan mereka dan kenabian-kenabian mereka tegak di tanah suci yang subur, melimpah-ruah dengan kebajikan dan terletak di antara Sungai Nil dan Sungai Furat.

وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿١٦﴾

"........ Dan Kami lebihkan mereka di atas umat-umat yang lain (di zaman itu)."(16)

Yakni mereka dilebihkan di atas umat-umat yang lain di zaman itu. Dan kelebihan mereka adalah terletak pada pemilihan Allah yang telah memilih mereka untuk memimpin syari'at Allah dan pada pengurniaan Allah yang telah mengurniakan kepada mereka ni'mat kitab suci, ni'mat pemerintahan dan ni'mat kenabian.

وَآتَيْنَاهُم بَيِّنَاتٍ مِّنَ الْأَمْرِ ۖ

"Dan Kami telah memberikan kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas mengenai agama ini."(17)

Syari'at yang dikurniakan kepada mereka adalah satu syari'at yang amat jelas, tiada sebarang kekeliruan dan kesamaran, tiada sebarang kesesatan dan penyelewengan. Tiada suatu pun yang boleh membawa perselisihan di dalam syari'at yang amat terang itu sebagaimana perselisihan yang telah berlaku dalam kalangan mereka. Dan perselisihan mereka itu bukan kerana sesuatu kesamaran dan bukan pula kerana mereka tidak mengetahui hukumnya yang betul:

فَمَا اخْتَلَفُوا إِلَّا مِن بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ

"Oleh itu mereka tidak berselisih faham sesama mereka melainkan sesudah sampai kepada mereka ilmu pengetahuan yang jelas."(17)

Malah perselisihan itu berlaku kerana berpunca dari hasad dengki, perseteruan dan kezaliman sesama mereka, sedangkan mereka mengetahui apa yang sebenar dan apa yang betul:

بَغْيًا بَيْنَهُمْ ۚ

".......... Kerana hasad dengki di antara mereka."(17)

Dengan sikap mereka yang sedemikian berakhirlah kepimpinan mereka dan terbatallah khilafah mereka dan selepas itu isu perselisihan mereka terserah kepada Allah pada hari Qiamat:

إِنَّ رَبَّكَ يَقْضِي بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١٧﴾

".......... Sesungguhnya Tuhanmu akan menghukumkan di antara mereka pada hari Qiamat mengenai perkara-perkara yang dipertikaikan mereka."(17)

Kemudian Allah menetap dan menyerahkan khilafah di bumi ini kepada risalah yang baru dan rasul yang baru yang membetulkan kembali syari'at Allah dan memulihkan keaslian kepimpinan samawi, juga menjadikan syari'at Allah sebagai hakim dalam kepimpinan itu bukannya hawa nafsu manusia:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

"Kemudian Kami telah jadikan engkau di atas satu syari'at dari perintah Kami. Oleh itu ikutilah syari'at itu dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui."(18)

Demikianlah jelasnya perintah ini iaitu sama ada mengikut syari'at Allah atau mengikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui. Tidak ada andaian yang ketiga dan tidak ada jalan tengah di antara syari'at yang lurus dan hawa nafsu yang berubah-ubah. Setiap orang yang meninggalkan agama Allah bererti berhakim kepada hawa nafsu, kerana selain dari peraturan syari'at ialah peraturan hawa nafsu yang amat digemari orang-orang yang tidak mengetahui.

Allah Subhanahu wa Ta'ala mengingatkan Rasul-Nya s.a.w. supaya jangan mengikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui, kerana mereka tidak memberi faedah sedikit pun kepada-Nya untuk menyelamatkan diri dari 'azab Allah. Mereka saling melindungi satu sama lain, tetapi mereka tidak dapat memudaratkannya walau sedikit pun kerana Allah menjadi Pelindungnya:

إِنَّهُمْ لَن يُغْنُوا عَنكَ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا ۚ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۖ وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُتَّقِينَ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya mereka sedikit pun tidak akan dapat mempertahankan engkau dari 'azab Allah dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu menjadi sahabat setia terhadap satu sama lain dan Allah itulah Pelindung para Muttaqin."(19)

Ayat ini bersama ayat sebelumnya memberi garis penentu kepada jalan yang diikuti Rasul tanpa memerlukan kepada penerangan-penerangan dan ulasan-ulasan yang lain:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

إِنَّهُمْ لَن يُغْنُوا عَنكَ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا ۚ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۖ وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُتَّقِينَ ﴿١٩﴾

"Kemudian Kami jadikan engkau di atas satu syari'at dari perintah Kami. Oleh itu, ikutilah syari'at itu dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (18). Sesungguhnya mereka sedikit pun tidak akan dapat mempertahankan engkau dari 'azab Allah, dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu menjadi sahabat setia terhadap satu sama lain, dan Allah itulah Pelindung para Muttaqin."(19)

Inilah satu-satunya syari'at yang layak dengan sifat ini dan selain dari syari'at adalah hawa nafsu belaka yang berpunca dari kejahilan. Oleh itu hendaklah rasul yang memegang teraju da'wah ini mengikut dan mematuhi peraturan-peraturan syari'at sahaja dan meninggalkan segala peraturan hawa nafsu. Hendaklah dia jangan menyeleweng sedikit pun dari peraturan syari'at kepada mana-mana peraturan hawa nafsu, kerana pemimpin-pemimpin peraturan hawa nafsu ini terlalu lemah untuk mempertahankan dirinya dari 'azab Allah yang menciptakan syari'at itu. Mereka bersatu padu dan bekerjasama menentang Rasul, oleh itu Rasulullah tidak seharusnya menaruh harapan kepada setengah mereka untuk membantunya atau mengharapkan mereka menjauhi hawa nafsu yang terikat kuat dengan mereka. Tetapi mereka terlalu lemah untuk menindas Rasulullah kerana Allah adalah pelindung para Muttaqin.

Sebagai kesimpulan dari kenyataan yang tegas itu, Al-Qur'an memperkatakan pula tentang keyakinan dan tentang kenyataan yang banyak disebut di dalam Al-Qur'an bahawa Al-Qur'an berfungsi sebagai pedoman, hidayat, dan rahmat kepada orang yang yakin:

هَٰذَا بَصَٰٓئِرُ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٢٠﴾

"Al-Qur'an ini adalah pedoman-pedoman yang jelas kepada manusia, juga hidayat dan rahmat bagi kaum yang yakin."(20)

Menyifatkan Al-Qur'an sebagai pedoman-pedoman yang jelas kepada manusia mendalamkan lagi makna hidayat dan petunjuk pada Al-Qur'an kerana Al-Qur'an itu sendiri merupakan pedoman-pedoman yang membuka rahsia-rahsia segala perkara dan kerana Al-Qur'an itu sendiri merupakan hidayat dan rahmat. Dan semuanya ini adalah bergantung kepada wujudnya keyakinan dan wujudnya kepercayaan yang bulat tanpa keraguan dan kegelisahan. Apabila hati itu yakin dan percaya, maka ia mengetahui di mana jalannya. Ia tidak lagi teragak-agak dan terumbang-ambing. Ia nampak jalannya cukup jelas dan lurus. Ia nampak kaki langit cerah dan ia nampak matlamatnya terang. Dan dengan keyakinan itu Al-Qur'an akan menjadi nur, hidayat dan rahmat kepadanya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 22)

Penciptaan Alam Buanan Ditegakkan Ke Atas Dasar Kebenaran

Setelah memperkatakan tentang kesetiaan orang-orang kafir yang zalim terhadap satu sama lain dan setelah memperkatakan tentang sifat Al-Qur'an kepada para Muttaqin sebagai pedoman, hidayat dan rahmat, maka ia iringi pula dengan mengemukakan titik perbezaan yang tegas di antara orang-orang yang mengerjakan amalan-amalan yang berdosa dengan orang-orang yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh, dan menyangkalkan anggapan bahawa kedua-dua golongan itu patut dihukumkan sama. Mereka tidak sama di dalam pertimbangan neraca Allah, kerana Allah telah menegakkan langit dan bumi ini di atas asas kebenaran dan keadilan. Ini bererti bahawa kebenaran itu merupakan dasar semulajadi dalam pembinaan dan penciptaan alam buana.

أَمْ حَسِبَ ٱلَّذِينَ ٱجْتَرَحُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ أَن نَّجْعَلَهُمْ كَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ سَوَآءً مَّحْيَاهُمْ وَمَمَاتُهُمْ ۚ سَآءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿٢١﴾

وَخَلَقَ ٱللَّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ وَلِتُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

"Apakah orang-orang yang melakukan kejahatan itu menyangka bahawa Kami akan menjadikan mereka sama seperti orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, iaitu sama dalam hidup dan mati mereka. Alangkah buruknya pertimbangan mereka (21). Dan Allah telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran dan supaya setiap individu itu dibalas mengikut apa yang dilakukannya. Dan mereka tidak akan dianiaya."(22)

Mungkin juga pembicaraan ayat ini mengenai kaum Ahlil-Kitab yang telah menyeleweng dari kitab suci mereka dan melakukan perbuatan-perbuatan yang keji, namun demikian mereka masih menganggapkan diri mereka dalam barisan orang-orang yang beriman yang setanding dengan orang-orang Islam yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh, juga setanding dengan mereka dalam penghargaan Allah sama ada di dalam kehidupan dunia atau selepas mati, yakni ketika dijalankan hisab dan balasan. Dan mungkin pula ayat ini merupakan satu pembicaraan umum dengan tujuan untuk menyatakan nilai-nilai manusia di dalam neraca Allah dan beratnya daun neraca para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh, juga menyangka anggapan yang menyamakan di antara orang-orang yang melakukan amalan-amalan yang jahat dengan orang-orang yang melakukan amalan-amalan yang soleh sama ada dalam kehidupan dunia atau selepas mati, kerana penyamaan ini bertentangan dengan dasar kebenaran yang tetap dan semulajadi dalam pembinaan dan penciptaan alam buana ini dan dalam syari'at Allah. Kebenaran itulah dasar yang menegakkan alam buana dan menegakkan kehidupan manusia. Ia adalah dasar yang memisahkan di antara orang-orang yang melakukan kejahatan-kejahatan dengan orang-orang yang melakukan kebaikan-kebaikan. Ia adalah dasar dalam menentukan balasan terhadap amalan seseorang yang menurut jalan hidayat dan seseorang yang menurut jalan yang sesat. Ia adalah dasar dalam melaksanakan keadilan di antara manusia seluruhnya:

وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

"Dan mereka tidak akan dianiayai."(22)

Konsep kebenaran sebagai dasar semulajadi dalam pembinaan dan penciptaan alam dan hubungan yang rapat dengan syari'at Allah dan dengan hukuman Allah terhadap manusia pada Hari Hisab dan Hari Balasan merupakan satu konsep yang berulang-ulang disebut di dalam Al-Qur'anul-Karim, kerana dasar kebenaran adalah salah satu dasar dari dasar-dasar 'aqidah ini. Di atas dasar inilah ditegakkan segala masalahnya yang beraneka-ragam. Dan seterusnya dasar inilah yang menjadi asas rujukan mengenai kejadian manusia dan kejadian-kejadian alam, mengenai undang-undang alam buana dan syari'at manusia, juga menjadi asas "gagasan Islam mengenai alam, hayat dan insan.(فكرة الإسلام عن الكون والحياة والإنسان)" [6]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 23)

Di samping menerangkan dasar kebenaran yang teguh itu Al-Qur'an menerangkan pula tentang hawa nafsu yang berubah-ubah yang dipuja dan disembahkan oleh setengah-setengah manusia yang menyebabkan mereka terus sesat:

أَفَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ وَأَضَلَّهُ ٱللَّهُ عَلَىٰ عِلْمٍ وَخَتَمَ
عَلَىٰ سَمْعِهِۦ وَقَلْبِهِۦ وَجَعَلَ عَلَىٰ بَصَرِهِۦ غِشَٰوَةً فَمَن
يَهْدِيهِ مِنۢ بَعْدِ ٱللَّهِ ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٣﴾

"Pernahkah engkau melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai Tuhannya dan Allah telah menyesatkannya berdasarkan ilmu-Nya. Dan Allah telah menutupkan pendengarannya dan hatinya dan meletakkan tutupan di atas penglihatannya. Oleh itu siapakah lagi yang akan memberi hidayat kepadanya setelah disesatkan Allah. Mengapa kamu tidak mengambil pengajaran?"(23)

Apabila Nafsu Dijadikan Tuhan

Ungkapan Al-Qur'an yang indah ini melukiskan satu gambaran jiwa manusia yang amat menarik ketika ia meninggalkan dasar kebenaran yang teguh itu dan mengikut hawa nafsunya yang berubah-ubah, iaitu ketika ia menyembah dan patuh kepada hawa nafsunya, dan menjadikan saranannya sebagai sumber pemikiran, pertimbangan, perasaan dan tindak-tanduknya, ketika ia jadikan hawa nafsunya selaku tuhan yang menguasainya dan yang dita'ati dan diterima segala titah perintahnya. Al-Qur'an melukiskan gambaran ini dengan melahirkan kehairanannya dalam bentuk kecaman yang keras:

أَفَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ

[6] *Satu kajian yang akan dikemukakan oleh pengarang, insya Allah.*

"Pernahkah engkau melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhannya."(23)

Pernahkah engkau melihat orang yang seperti ini? Dia seorang manusia yang ganjil yang patut dituntun dan dihairankan. Dia patut disesatkan Allah hingga tidak dapat diselamatkan lagi dengan rahmat hidayat, kerana di dalam hatinya tidak ada ruang lagi untuk hidayat setelah ia menyembah hawa nafsunya yang sakit.

وَأَضَلَّهُ ٱللَّهُ عَلَىٰ عِلْمٍ

"Dan Allah menyesatkannya berdasarkan ilmu-Nya."(23)

Yakni berdasarkan ilmu Allah yang mengetahui bahawa ia wajar mendapat kesesatan atau berdasarkan ilmunya yang memang mengetahui kebenaran itu, tetapi ia tidak menentang hawa nafsunya dan ilmunya tidak menghalanginya dari mempertuhankan hawa nafsunya. Inilah yang mewajarkan Allah menyesatkannya dan membiarkannya dalam keadaannya yang buta:

وَخَتَمَ عَلَىٰ سَمْعِهِۦ وَقَلْبِهِۦ وَجَعَلَ عَلَىٰ بَصَرِهِۦ غِشَٰوَةً

"...... Dan Allah telah menutupkan pendengarannya dan hatinya dan meletakkan tutupan di atas penglihatannya."(23)

Maka tertutuplah segala lubang-lubang cahaya dan segala daya akal fikiran dan kefahaman mereka dengan sebab keta'atan mereka menyembah dan menyerah bulat kepada hawa nafsu.

فَمَن يَهْدِيهِ مِنۢ بَعْدِ ٱللَّهِ ۚ

"......... Oleh itu, siapakah lagi yang akan memberi hidayat kepadanya setelah ia disesatkan Allah?"(23)

Hidayat itu adalah dari limpah kurnia Allah dan tiada seorang pun memiliki kuasa untuk memberi hidayat dan menyesatkan orang lain. Itu adalah urusan Allah yang tidak dikongsikan oleh sesiapa pun walaupun oleh rasul-rasul-Nya yang terpilih.

أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٣﴾

"...... Mengapa kamu tidak mengambil pengajaran?"(23)

Barang siapa yang mengambil pengajaran dia akan insaf dan sedar, dia akan bebas dari belenggu hawa nafsu dan dia akan pulang ke jalan yang terang dan kukuh iaitu jalan yang tidak menyesatkan orang-orang yang mengikutinya.

(Kumpulan ayat-ayat 24 - 37)

وَقَالُوا۟ مَا هِىَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا يُهْلِكُنَآ إِلَّا
ٱلدَّهْرُ ۚ وَمَا لَهُم بِذَٰلِكَ مِنْ عِلْمٍ ۖ إِنْ هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ ﴿٢٤﴾
وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُنَا بَيِّنَٰتٍ مَّا كَانَ حُجَّتَهُمْ إِلَّآ أَن قَالُوا۟
ٱئْتُوا۟ بِـَٔابَآئِنَآ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٥﴾

قُلِ ٱللَّهُ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يَجْمَعُكُمْ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ
لَا رَيْبَ فِيهِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٦﴾
وَلِلَّهِ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَيَوْمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ يَوْمَئِذٍ
يَخْسَرُ ٱلْمُبْطِلُونَ ﴿٢٧﴾
وَتَرَىٰ كُلَّ أُمَّةٍ جَاثِيَةً ۚ كُلُّ أُمَّةٍ تُدْعَىٰٓ إِلَىٰ كِتَٰبِهَا ٱلْيَوْمَ تُجْزَوْنَ
مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٨﴾
هَٰذَا كِتَٰبُنَا يَنطِقُ عَلَيْكُم بِٱلْحَقِّ ۚ إِنَّا كُنَّا نَسْتَنسِخُ
مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٩﴾
فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَيُدْخِلُهُمْ
رَبُّهُمْ فِى رَحْمَتِهِۦ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْمُبِينُ ﴿٣٠﴾
وَأَمَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَفَلَمْ تَكُنْ ءَايَٰتِى تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فَٱسْتَكْبَرْتُمْ
وَكُنتُمْ قَوْمًا مُّجْرِمِينَ ﴿٣١﴾
وَإِذَا قِيلَ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ وَٱلسَّاعَةُ لَا رَيْبَ فِيهَا قُلْتُم
مَّا نَدْرِى مَا ٱلسَّاعَةُ إِن نَّظُنُّ إِلَّا ظَنًّا وَمَا نَحْنُ بِمُسْتَيْقِنِينَ ﴿٣٢﴾
وَبَدَا لَهُمْ سَيِّـَٔاتُ مَا عَمِلُوا۟ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ
يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٣٣﴾
وَقِيلَ ٱلْيَوْمَ نَنسَىٰكُمْ كَمَا نَسِيتُمْ لِقَآءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَا وَمَأْوَىٰكُمُ
ٱلنَّارُ وَمَا لَكُم مِّن نَّٰصِرِينَ ﴿٣٤﴾
ذَٰلِكُم بِأَنَّكُمُ ٱتَّخَذْتُمْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ هُزُوًا وَغَرَّتْكُمُ ٱلْحَيَوٰةُ
ٱلدُّنْيَا ۚ فَٱلْيَوْمَ لَا يُخْرَجُونَ مِنْهَا وَلَا هُمْ يُسْتَعْتَبُونَ ﴿٣٥﴾
فَلِلَّهِ ٱلْحَمْدُ رَبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَرَبِّ ٱلْأَرْضِ رَبِّ
ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٣٦﴾
وَلَهُ ٱلْكِبْرِيَآءُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ
ٱلْحَكِيمُ ﴿٣٧﴾

"Dan mereka berkata: Tiada hidup yang lain melainkan hidup kita di dunia ini sahaja, kita mati dan kita hidup, dan tiada yang membinasakan kita melainkan masa. Dan sebenarnya mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan tentang perkara itu. Mereka hanya berfikir menurut sangkaan sahaja (24). Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas, maka tiada lain hujah mereka melainkan mereka hanya berkata: Bawalah kembali datuk nenek kami (yang telah mati itu) jika kamu orang-orang yang benar (25). Katakanlah: Allah yang menghidupkan kamu kemudian Dia mematikan kamu kemudian Dia mengumpulkan kamu pada hari Qiamat yang tidak mempunyai sebarang keraguan tetapi kebanyakkan manusia tidak mengetahui (26). Dan Allah memiliki kerajaan langit dan bumi. Dan pada hari berlakunya Qiamat, maka pada hari itu orang-orang yang berpegang dengan kebatilan akan mengalami kerugian (27). Dan engkau akan melihat setiap umat melutut. Setiap umat diseru untuk menerima buku catatan amalannya. Pada hari itu kamu dibalaskan mengikut amalan yang telah dikerjakan kamu (28). Itulah buku catatan Kami yang menerangkan kepada kamu dengan keterangan yang benar. Sesungguhnya Kami telah mencatat segala apa yang telah dilakukan kamu (29). Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka Tuhan mereka akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya. Itulah keberuntungan yang amat jelas (30). Dan adapun orang-orang yang kafir (mereka ditanya): Bukankah ayat-ayat Kami telah pun dibacakan kepada kamu, lalu kamu berlagak takbur dan menjadi kaum yang melakukan dosa? (31) Dan apabila dikatakan (kepada kamu): Sesungguhnya janji Allah itu tetap benar dan hari Qiamat itu tidak mempunyai sebarang keraguan, maka kamu telah menjawab: Kami tidak tahu apakah hari Qiamat itu, kami fikir (hari Qiamat itu) hanya suatu anggapan (yang karut) sahaja dan kami sama sekali tidak yakin (32). Dan (pada hari itu) ternyatalah kepada mereka segala kejahatan yang telah dilakukan mereka dan mereka akan dikepung oleh 'azab yang dipersenda-sendakan mereka (33). Dan dikatakan (kepada mereka): Pada hari ini Kami lupakan kamu sebagaimana kamu telah melupakan pertemuan dengan hari kamu ini, dan tempat kembali kamu ialah Neraka dan kamu tidak akan mendapat orang-orang yang sanggup menolong kamu (34). Balasan itu kerana kamu telah menjadikan ayat-ayat Allah sebagai bahan ejekan dan kamu telah dipesonakan kehidupan dunia. Pada hari ini mereka tidak akan dikeluarkan dari Neraka dan tidak pula diberi peluang untuk bertaubat (35). Segala kepujian itu terpulang kepada Allah Tuhan yang memelihara langit dan Tuhan yang memelihara bumi dan Tuhan yang memelihara semesta alam (36). Dan Dia memiliki keagungan di langit dan di bumi, dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(37)

Pandangan Kaum Musyrikin Terhadap Alam Akhirat

Bahagian akhir surah ini mengemukakan pendapat kaum Musyrikin tentang Akhirat, kebangkitan selepas mati dan hisab serta menjawab pendapat itu dengan alasan yang diambil dari realiti penciptaan hidup mereka sendiri yang tidak dapat disangkal, dan hari Akhirat itu amat dekat kepada mereka, kemudian ia menayangkan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang dapat disaksikan mereka walaupun waktunya belum lagi tiba kerana penggambaran Al-Qur'an menayangkan pemandangan itu seolah-olah mereka dapat melihatnya dengan mata kepala mereka dari celah-celah kalimat-kalimat ungkapannya.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan memuji Allah yang memiliki dan memelihara langit, bumi dan seluruh penghuni-penghuninya, juga memuji kebesaran dan keagungan Allah Yang Tunggal di langit dan di bumi, tiada yang sanggup mengangkat kepala dan berlagak angkuh di hadapan keagungan-Nya. Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 24 - 26)

وَقَالُوا۟ مَا هِىَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا يُهْلِكُنَآ إِلَّا
ٱلدَّهْرُ ۚ وَمَا لَهُم بِذَٰلِكَ مِنْ عِلْمٍ ۖ إِنْ هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ ﴿٢٤﴾
وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُنَا بَيِّنَٰتٍ مَّا كَانَ حُجَّتَهُمْ إِلَّآ أَن قَالُوا۟
ٱئْتُوا۟ بِـَٔابَآئِنَآ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٥﴾
قُلِ ٱللَّهُ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يَجْمَعُكُمْ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ
لَا رَيْبَ فِيهِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan mereka berkata: Tiada hidup yang lain,melainkan hidup kita di dunia sahaja, kita mati dan kita hidup, dan tiada yang membinasakan kita melainkan masa. Dan sebenarnya mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan tentang perkara itu. Mereka hanya berfikir menurut sangkaan sahaja (24). Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat kami yang jelas, maka tiada lain hujah mereka melainkan mereka hanya berkata: Bawalah kembali datuk nenek kami (yang telah mati itu) jika kamu orang-orang yang benar (25). Katakanlah: Allahlah yang menghidupkan kamu kemudian Dia mematikan kamu, kemudian Dia mengumpulkan kamu pada hari Qiamat yang tidak mempunyai sebarang keraguan tetapi kebanyakkan manusia tidak mengetahui."(26)

Demikianlah pandangan mereka yang pendek. Hidup mengikut pandangan mereka ialah peringkat perjalanan hidup di dunia yang mereka lihat dengan mata kepala ini sahaja. Satu angkatan mati dan satu angkatan yang lain pula hidup. Pada lahirnya mereka tidak disambar tangan maut. Hanya hari sahaja yang berjalan dan masa sahaja yang berlaku, tiba-tiba mereka pun mati, jadi masalah yang menamatkan ajal mereka dan membawa maut kepada tubuh mereka, lalu mereka pun mati.

Ini hanya satu pandangan yang dangkal yang tidak menjangkau lebih jauh dari gejala-gejala yang zahir ini sahaja dan tidak mencari rahsia-rahsia di sebaliknya, kerana dari manakah pula hidup ini datang kepada mereka, dan andainya hidup itu datang kepada mereka, maka siapakah pula yang menghapuskannya dari mereka? Maut tidak meragut jasad mengikut peraturan tertentu dan mengikut bilangan hari yang tertentu sehingga mereka menyangka bahawa perjalanan hari-hari yang berlalu itulah yang merampaskan hidup dari mereka, kerana kanak-kanak juga mati seperti orang-orang tua, dan orang-orang yang sihat juga mati seperti orang-orang yang sakit, dan orang-orang yang kuat juga mati seperti orang yang lemah. Di sini jelaslah bahawa masa itu tidak boleh dijadikan asas tafsiran maut di sisi orang-orang yang memandang persoalan ini dengan pandangan yang teliti, yang ingin mengetahui dan memahami sebab-sebab yang sebenar.

Oleh sebab itu Allah menerangkan keadaan mereka dengan tepat:

وَمَا لَهُم بِذَٰلِكَ مِنْ عِلْمٍ ۖ إِنْ هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ ﴿٢٤﴾

"......... Dan sebenarnya mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan tentang perkara itu. Mereka hanya berfikir menurut sangkaan sahaja."(24)

Mereka berfikir berdasarkan sangkaan yang samar-samar dan lemah, bukannya berlandaskan penelitian, tidak pula bersandarkan ilmu dan tidak pula menunjukkan bahawa mereka memahami hakikat-hakikat yang sebenar. Mereka tidak memikirkan rahsia yang wujud di sebalik gejala hidup dan mati itu, iaitu rahsia yang menyaksikan wujudnya satu iradat yang lain dari iradat manusia dan wujudnya satu sebab yang lain dan perjalanan hari yang berlalu.

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُنَا بَيِّنَٰتٍ مَّا كَانَ حُجَّتَهُمْ إِلَّآ أَن قَالُوا۟
ٱئْتُوا۟ بِـَٔابَآئِنَآ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٥﴾

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat kami yang jelas, maka tiada lain hujah mereka melainkan mereka hanya berkata: Bawalah kembali datuk nenek kami (yang telah mati) itu jika kamu orang-orang yang benar."(25)

Fikiran ini sama dengan fikiran mereka tadi. Ia merupakan satu pandangan yang dangkal yang tidak memahami undang-undang dan hikmah penciptaan Allah, juga tidak memahami rahsia yang wujud di sebalik hidup dan mati itu, iaitu rahsia yang berhubung dengan hikmah Ilahi yang mendalam itu. Manusia hidup di dunia ini untuk diberi peluang beramal dan untuk diujikan Allah mengenai ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah kepada mereka, kemudian mereka mati sehingga apabila tiba masa hisab yang ditangguhkan Allah itu, maka segala amalan mereka akan dihisabkan dan ketika itu barulah jelas natijah ujian Allah semasa mereka hidup di dunia, oleh sebab itulah mereka tidak akan kembali lagi ke dunia apabila mereka mati. Di sana tidak ada sebab yang memerlukan mereka kembali hidup semula sebelum tibanya masa hisab yang ditentukan itu. Mereka tidak akan kembali walaupun ada sekumpulan manusia yang membuat cadangan seperti itu, kerana cadangan manusia tidak dapat mengubahkan undang-undang agung yang menjadi asas perjalanan alam buana ini. Oleh itu tidak ada tempat bagi cadangan mereka yang dungu yang dikemukakan mereka untuk menentang ayat-ayat yang jelas:

ٱئْتُوا۟ بِـَٔابَآئِنَآ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٥﴾

"........... Bawalah kembali datuk nenek kami (yang telah mati) jika kamu orang-orang yang benar."(25)

Apa perlunya Allah membawa kembali datuk nenek mereka yang mati sebelum tiba waktu yang telah ditetapkan Allah menurut kebijaksanaan-Nya Yang Maha Tinggi? Apakah tujuan mereka semata-mata supaya mereka berpuas hati terhadap kekuasaan Allah dapat menghidupkan orang-orang yang mati? Sungguh aneh! Bukankah Allah sentiasa menciptakan hidup ini di hadapan mata mereka pada setiap sa'at mengikut undang-undang penciptaan hayat?

قُلِ ٱللَّهُ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يَجْمَعُكُمْ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ
لَا رَيْبَ فِيهِ

"Katakanlah: Allahlah yang menghidupkan kamu kemudian Dia mematikan kamu kemudian Dia mengumpulkan kamu pada hari Qiamat yang tidak mempunyai sebarang keraguan."(26)

Inilah mu'jizat yang mereka mahu melihatnya berlaku pada datuk nenek mereka yang mati itu. Ia berlaku di hadapan mata mereka. Allahlah yang menghidupkan kemudian Dialah juga yang mematikan. Oleh itu tidaklah menghairankan bahawa Allah berkuasa menghidupkan manusia yang mati itu dan mengumpulkan mereka pada hari Qiamat, tiada sebab untuk meragui hakikat ini kerana contoh-contohnya dapat dilihat mereka di hadapan mata mereka sendiri:

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٦﴾

"........... Tetapi kebanyakkan manusia tidak mengetahui."(26)

Setelah menjelaskan hakikat yang terang terbentang itu ia iringi pula dengan kenyataan dasar yang semesta yang menjadi asas rujukan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 29)

وَلِلَّهِ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

"Dan Allah memiliki kerajaan langit dan bumi."(27)

Dialah yang menguasai segala sesuatu di dalam kerajaan ini dan Dialah yang menciptakan segala sesuatu yang ada di dalamnya dan Dialah yang berkuasa mencipta dan mengulang cipta segala makhluk yang ada di langit dan di bumi itu.

Kemudian Allah tayangkan kepada mereka satu pemandangan hari Qiamat yang diragui mereka:

وَيَوْمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ يَوْمَئِذٍ يَخْسَرُ ٱلْمُبْطِلُونَ ﴿٢٧﴾
وَتَرَىٰ كُلَّ أُمَّةٍ جَاثِيَةً كُلُّ أُمَّةٍ تُدْعَىٰٓ إِلَىٰ كِتَٰبِهَا ٱلْيَوْمَ تُجْزَوْنَ
مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٨﴾
هَٰذَا كِتَٰبُنَا يَنطِقُ عَلَيْكُم بِٱلْحَقِّ إِنَّا كُنَّا نَسْتَنسِخُ
مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٩﴾

"Dan pada hari berlakunya Qiamat, maka pada hari itu orang-orang yang berpegang dengan kebatilan akan mengalami kerugian (27). Dan engkau akan melihat setiap umat melutut. Setiap umat diseru untuk menerima kitab catatan amalannya. Pada hari itu kamu dibalaskan mengikut amalan yang telah dikerjakan kamu (28). Itulah buku catatan Kami yang menerangkan kepada kamu dengan keterangan yang benar. Sesungguhnya Kami telah mencatatkan segala apa yang telah dilakukan kamu."(29)

Seluruh Manusia Berlutut Di Padang Mashyar

Dalam ayat yang pertama dinyatakan segera kepada mereka akibat yang akan diterima orang-orang yang berpegang dengan kebatilan. Mereka akan menerima kerugian pada hari Qiamat yang diragui mereka. Dari celah-celah kalimat-kalimat ayat ini kita ternampak satu tanah lapang yang amat luas, di mana berhimpunnya generasi-generasi seluruh umat manusia yang pernah mendiami bumi ini di sepanjang usianya yang amat lanjut itu. Seluruh mereka masing-masing melutut, umat demi umat, menunggu Hisab yang amat ditakuti mereka. Ia adalah satu pemandangan yang amat menggentarkan kerana melihat kesesakan perhimpunan manusia yang amat besar yang mengumpulkan seluruh generasi di sebuah padang yang luas itu. Ia amat menakutkan kerana melihat seluruh mereka melutut belaka. Ia amat menggerunkan kerana upacara Hisab akan berlangsung di situ dan ia paling mengerikan kerana berdiri di depan Allah Yang Maha Gagah Perkasa, Yang Maha Pemurah dan Maha Pengurnia, sedangkan ni'mat-ni'mat dan limpah kurnia-Nya itu tidak disyukuri kebanyakkan manusia yang berdiri di situ.

Kemudian satu pengumuman diumumkan kepada khalayak yang tertunggu-tunggu dengan air liur yang kering dan nafas yang sesak itu:

ٱلْيَوْمَ تُجْزَوْنَ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٨﴾
هَٰذَا كِتَٰبُنَا يَنطِقُ عَلَيْكُم بِٱلْحَقِّ إِنَّا كُنَّا نَسْتَنسِخُ
مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٩﴾

"........... Pada hari ini kamu dibalaskan mengikut amalan yang telah dikerjakan kamu (28). Inilah catatan Kami yang menerangkan kepada kamu dengan keterangan yang benar. Sesungguhnya Kami telah mencatatkan segala apa yang telah dilakukan kamu."(29)

Ketika ini barulah mereka sedar tiada satu pun dari perbuatan mereka akan dilupa dan akan disia-siakan, kerana segala sesuatu telah ditulis, dan ilmu Allah merangkumi segala-galanya, tiada suatu pun yang terlepas dan terluput darinya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 35)

Kemudian perhimpunan agung berbagai-bagai umat manusia dari seluruh generasi itu dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan yang beriman dan kumpulan yang kafir, atau Hizbullah dan Hizbusy-Syaitan, dan segala kumpulan agama, bangsa dan umat akan dikembalikan kepada dua kumpulan yang besar itu:

فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَيُدْخِلُهُمْ
رَبُّهُمْ فِى رَحْمَتِهِۦ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْمُبِينُ ﴿٣٠﴾

"Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka Tuhan mereka akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya, itulah keberuntungan yang amat jelas."(30)

Kini mereka merasa lega dan senang setelah sekian lama menunggu dan dilambung gelisah. Ayat ini menyelesaikan perkara mereka dengan pantas dan mudah untuk menyorotkan bayangan yang seksa ini.

Di Padang Mashyar Manusia Di Bahagikan epada Dua Kumpulan

Kemudian kita melihat pula - dari celah-celah ayat itu - kumpulan yang satu lagi. Mereka dikecam dan dipermalukan, mereka diperingatkan dengan perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan mereka yang jahat:

وَأَمَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَفَلَمْ تَكُنْ ءَايَٰتِى تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فَٱسْتَكْبَرْتُمْ
وَكُنتُمْ قَوْمًا مُّجْرِمِينَ ﴿٣١﴾
وَإِذَا قِيلَ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ وَٱلسَّاعَةُ لَا رَيْبَ فِيهَا قُلْتُم
مَّا نَدْرِى مَا ٱلسَّاعَةُ إِن نَّظُنُّ إِلَّا ظَنًّا وَمَا نَحْنُ بِمُسْتَيْقِنِينَ ﴿٣٢﴾

"Dan adapun orang-orang yang kafir (mereka ditanya): Bukankah ayat-ayat Kami telah pun dibacakan kepada kamu, lalu kamu berlagak takbur dan menjadi kaum yang melakukan dosa? (31) Dan apabila dikatakan (kepada kamu): Sesungguhnya janji Allah itu tetap benar dan hari Qiamat itu tidak mempunyai sebarang keraguan, maka kamu telah menjawab: Kami tidak tahu apakah hari Qiamat itu, kami fikir (hari Qiamat itu) hanya suatu anggapan (yang karut) sahaja dan kami sama sekali tidak yakin."(32)

Sekarang bagaimana mereka melihat keadaan yang sebenar? Dan bagaimana keyakinan yang dirasakan mereka?

Dan sebentar kemudian Al-Qur'an mengumumkan kepada khalayak ramai sesuatu yang telah berlaku kepada mereka yang malang itu:

وَبَدَا لَهُمْ سَيِّـَٔاتُ مَا عَمِلُواْ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُواْ بِهِۦ
يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٣٣﴾

"Dan (pada hari itu) ternyatalah kepada mereka segala kejahatan yang telah dilakukan mereka dan mereka akan dikepung oleh 'azab yang selalu dipersenda-sendakan mereka."(33)

Kemudian Al-Qur'an kembali pula mengecam dan menghinakan mereka atas kecuaian yang dilakukan mereka dan seterusnya menerangkan kesudahan mereka yang amat pedih.

وَقِيلَ ٱلْيَوْمَ نَنسَىٰكُمْ كَمَا نَسِيتُمْ لِقَآءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَا وَمَأْوَىٰكُمُ
ٱلنَّارُ وَمَا لَكُم مِّن نَّٰصِرِينَ ﴿٣٤﴾

"Dan dikatakan kepada mereka: Pada hari ini kami lupakan kamu sebagaimana kamu telah melupakan masa pertemuan dengan hari kamu ini. Dan tempat kembali kamu ialah Neraka dan kamu tidak akan mendapat orang-orang yang sanggup menolong kamu."(34)

ذَٰلِكُم بِأَنَّكُمُ ٱتَّخَذْتُمْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ هُزُوًا وَغَرَّتْكُمُ ٱلْحَيَوٰةُ
ٱلدُّنْيَا ۚ

"Balasan itu kerana kamu telah menjadikan ayat-ayat Allah sebagai bahan ejekan dan kamu telah dipesonakan kehidupan dunia."(35)

Kemudian tirai pun dilabuhkan setelah diumumkan nasib kesudahan mereka yang akhir di mana mereka ditinggalkan di dalam Neraka, di mana mereka tidak akan dikeluarkan dan tidak pula diminta mereka mengemukakan keampunan dan taubat:

فَٱلْيَوْمَ لَا يُخْرَجُونَ مِنْهَا وَلَا هُمْ يُسْتَعْتَبُونَ ﴿٣٥﴾

"Pada hari ini mereka tidak akan dikeluarkan dari Neraka dan tidak pula diberi peluang untuk bertaubat."(35)

Di sini kita seolah-olah mendengar bunyi tutupan pintu Neraka bersama-sama nada ayat ini ketika ia ditutupkan ke atas mereka bagi kali yang akhir dan dengan ini tamatlah pemandangan itu dan selepas itu tiada suatu perubahan pun yang akan berlaku.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 37)

Sampai di sini tercetuslah pula suara tahmid dan tamjid memuji Allah selepas ditayangkan pemandangan yang meninggalkan kesan yang amat mendalam itu.

فَلِلَّهِ ٱلْحَمْدُ رَبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَرَبِّ ٱلْأَرْضِ رَبِّ
ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٣٦﴾
وَلَهُ ٱلْكِبْرِيَآءُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ
ٱلْحَكِيمُ ﴿٣٧﴾

"Segala kepujian itu terpulang kepada Allah Tuhan yang memelihara langit dan Tuhan yang memelihara bumi dan Tuhan yang memelihara semesta alam (36). Dan Dia memiliki

keagungan di langit dan di bumi, dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(37)

Suara tahmid itu bergema mengumumkan keesaan Rububiyah Allah di alam buana ini, di langit dan di buminya, manusia dan jinnya, burung-burung dan binatang buas dan seluruh benda dan penghuni yang ada padanya, seluruh makhluk itu berada di dalam pemeliharaan Allah Yang Tunggal. Dialah yang mengendali dan menjaga mereka dan Dialah yang berhak menerima sanjungan di atas pemeliharaan dan pengendalian itu.

Suara tahmid itu bergema mengumumkan keagungan Allah yang mutlak di alam al-wujud itu, di mana kecilnya segala yang besar dan tunduknya segala yang gagah dan menyerahnya segala yang derhaka kepada keagungan yang mutlak itu.

Dan di samping sifat keagungan dan sifat Rububiyah itu digandingi pula dengan sifat keperkasaan dan kebijaksanaan dalam mengaturkan pentadbiran:

وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٣٧﴾

"......... Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(37)

Dan segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang memelihara semesta alam.

(Tamat Juzu' Yang Kedua Puluh Lima)

[Diiringi Jilid Yang Kesembilan]